2012

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2012

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

SIRI 2

Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan Dalam Laporan Ini, Mohon Baca Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii **KATA PENDAHULUAN**
xi **INTISARI LAPORAN**

BAHAGIAN I
PENGURUSAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

3 1. Pendahuluan

KEMENTERIAN KEWANGAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
3 2. Pengurusan Cukai Pendapatan Syarikat

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
35 3. Pengurusan Dan Kawalan Kedai Bebas Cukai
62 4. Taksiran Duti Import Arak
77 5. Pengurusan Perolehan Kasut Bagi Anggota Jabatan

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
87 6. Pengurusan Projek Mencegah Hakisan Pantai Dan Mengorek Kuala Sungai

KEMENTERIAN KERJA RAYA
117 7. Pengurusan Fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan Di Bawah Seliaan Kementerian Kerja Raya

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
134 8. Pengurusan Projek Mansuh

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
JABATAN LAUT MALAYSIA
153 9. Projek Pembinaan Dan Pembaikan/Menaik Taraf Jeti Penumpang Dan Guna Sama

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
180 10. Pengurusan Projek Pembetungan Negara

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
209 11. Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Institusi Pendidikan/Sekolah

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
245 12. Pengurusan Kemudahan Pakaian Seragam
271 13. Pengurusan Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling
305 14. Pengurusan Aktiviti Pendidikan Kesihatan

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

327 15. Pengurusan Loji Insinerator

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA SUKAN

356 16. Pengurusan Program Pemberian Bantuan

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

384 17. Projek *Malaysian Emergency Response Services* (MERS) 999

JABATAN PENYIARAN MALAYSIA

418 18. Pengurusan Perolehan Dan Penggantian Peralatan Studio Radio Digital

BALAI SENI VISUAL NEGARA

443 19. Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Dan Projek Penggantian Bumbung

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI

468 20. Pengurusan Menaik Taraf Kolej Komuniti

KEMENTERIAN PERTAHANAN

495 21. Projek Pembinaan Kolej Tentera Darat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Port Dickson, Negeri Sembilan

TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM)

520 22. Senggaraan Pangkalan Udara Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

543 23. Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran

POLIS DIRAJA MALAYSIA

584 24. Pengurusan Kehilangan Aset

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

610 25. Pengurusan Kad Pintar Pelbagai Guna MyKad

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

647 26. Pendahuluan
648 27. Pengurusan Terhadap Prestasi Kewangan Dan Pengawasan Syarikat Kerajaan
674 28. Pengurusan Khazanah Nasional Berhad
716 29. Pengurusan Malaysia Debt Ventures Berhad
748 30. Rumusan Terhadap Pengurusan Syarikat Kerajaan Secara Menyeluruh

751 **PENUTUP**



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Mulai tahun 2013, Laporan Ketua Audit Negara akan dibentangkan di Parlimen pada setiap kali Parlimen bersidang atau pun tiga kali setahun selaras dengan Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2012 Siri 2 mengandungi 2 bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, infrastruktur, penyenggaraan, pengurusan aset, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan hasil, pelajaran, kesihatan, modal insan, pentadbiran kontrak, sosial dan program peningkatan sosioekonomi. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan

hasil daripada pengauditan terhadap 24 program/aktiviti/projek di bawah 13 Kementerian/Jabatan Persekutuan, pengurusan 2 syarikat Kerajaan dan pengurusan terhadap prestasi kewangan dan pengawasan syarikat Kerajaan. Pada umumnya, terdapat kelemahan seperti *improper payment*; kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; kelewatan tidak munasabah; pembaziran; kelemahan pengurusan hasil dan kelemahan pengurusan aset Kerajaan. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/ prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang program/ aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/vendor/perunding; kurang kemahiran dalam pengurusan projek; lewat membuat keputusan mengenai perolehan; sistem maklumat Kementerian/ Jabatan/Syarikat Kerajaan yang tidak lengkap dan tidak kemas kini; kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek; kekurangan peruntukan untuk penyenggaraan aset dan kekurangan pegawai untuk mengutip hasil.

4. Seperti mana siri yang lalu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk tujuan pengesahan, bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 152 syor untuk memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti.

5. Mulai tahun 2013, Auditor General's Dashboard diwujudkan bagi memantau tindakan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan terhadap isu audit yang dibangkitkan. Ia juga merupakan saluran pemberitahuan kepada pihak awam berhubung status tindakan yang diambil. Melalui pendekatan ini, setiap isu audit yang dibangkitkan akan diberi perhatian serius oleh Kementerian/Jabatan serta Syarikat Kerajaan dan kes-kes lama yang tertunggak juga dapat diselesaikan secepat mungkin.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
25 Julai 2013

INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

1. Pengurusan Cukai Pendapatan Syarikat

a. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melaksanakan Sistem Taksir Sendiri (STS) bagi syarikat mulai tahun 2001. Pelaksanaan sistem ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat melapor dan membayar cukai yang dikenakan/baki cukai kena dibayar secara sukarela. Bagi mengesahkan ketepatan cukai pendapatan yang dilaporkan oleh syarikat melalui sistem ini, LHDNM menjalankan aktiviti audit cukai untuk mengesan tahap pematuhan syarikat terhadap undang-undang percukaian dan mendidik syarikat ke arah pematuhan cukai secara sukarela. Sehubungan ini, LHDNM menjalankan 2 jenis pengauditan cukai, iaitu audit luar dan audit meja. Pada umumnya, audit luar lebih berkesan berbanding audit meja bagi mengesan pengelakan cukai dan seterusnya dapat meningkatkan pematuhan cukai kerana audit luar dapat menjejaki dokumen sumber dan buku rekod untuk pengesahan terhadap ketepatan pengiraan cukai yang dikemukakan oleh syarikat. Berdasarkan persampelan audit, sungguhpun prestasi pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Cawangan bagi audit luar terhadap syarikat adalah baik, namun terdapat kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti taksiran dan pungutan cukai seperti berikut:

   i. sebanyak 1,422 kes audit luar lewat diselesaikan antara 1 bulan hingga 5 tahun melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM189.82 juta;
   ii. senarai semak audit tidak diisi bagi 656 syarikat di mana cukai tambahan dan penalti dikenakan berjumlah RM61.74 juta;
   iii. notis peringatan tidak dikeluarkan kepada 87 syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap;
   iv. pemantauan integriti Pegawai Audit Luar melalui lawatan mengejut adalah kurang memuaskan bagi Jabatan Cukai Korporat dan 8 cawangan lain;
   v. notis taksiran anggaran berjumlah RM3.52 juta tidak dikeluarkan terhadap 44 syarikat;
   vi. tunggakan cukai bagi 147 syarikat berjumlah RM54.03 juta;
   vii. kenaikan cukai (denda) berjumlah RM4.25 juta tidak dikenakan terhadap tunggakan cukai dan kegagalan mematuhi skim anggaran cukai yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan; dan
   viii. tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah tidak dikenakan terhadap syarikat yang tidak menjelaskan tunggakan cukai.

b. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan cukai pendapatan syarikat, adalah disyorkan supaya LHDNM mempertimbangkan perkara berikut:

i. pemantauan terhadap kemajuan kerja bagi setiap kes syarikat perlu dipertingkatkan;

ii. memastikan prosedur kerja dipatuhi seperti mewajibkan pengisian senarai semakan audit dan notis peringatan dikeluarkan kepada syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap;

iii. mengkaji semula format Daftar Lawatan Mengejut, kekerapan lawatan minimum dan kriteria pemilihan sampel lawatan mengejut seperti kategori pembayar cukai, bilangan pasukan serta Pegawai Audit Luar;

iv. mengkaji untuk menambah baik keupayaan sistem automasi seperti *Case Management System* (CMS), Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) dan *Revenue Management System* (ReMS) bagi mempertingkatkan keberkesanan pengurusan cukai pendapatan syarikat*;*

v. menguatkuasakan pemungutan tunggakan cukai secara tegas bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil; dan

vi. mempertingkatkan pemeriksaan dalaman ke atas aktiviti audit cukai dan pemungutan cukai di cawangan LHDNM dari semasa ke semasa. Selain itu, memastikan tindakan segera diambil terhadap isu-isu ketidakpatuhan yang dibangkitkan dan memantau supaya isu yang sama tidak berulang.

[muka surat 3 – 34]

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

2. Pengurusan Dan Kawalan Kedai Bebas Cukai

a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah bertanggungjawab untuk memungut hasil negara dalam bentuk cukai dan duti Kastam serta memberi fasilitasi kepada sektor perdagangan dan perindustrian serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan yang disediakan. Antara lainnya, JKDM juga memberi fasilitasi kepada sektor pelancongan negara dengan penubuhan Kedai Bebas Cukai (KBC) di bawah Seksyen 65D Akta Kastam 1967. KBC memberi kemudahan kepada pelancong antarabangsa untuk berbelanja dengan harga yang murah tanpa dikenakan cukai sekaligus menggalakkan industri pelancongan. Pada bulan Oktober 1997, JKDM telah mengeluarkan Perintah Tetap Kastam (PTK) Bil. 55 (Kedai Bebas Cukai) bagi menyeragamkan tatacara memproses permohonan dan pelesenan serta menyepadukan langkah-langkah kawalan ke atas KBC. Setakat akhir tahun 2012, JKDM telah meluluskan sebanyak 52 pelesen KBC dengan 69 premis KBC. Berdasarkan Laporan Tahunan JKDM, nilai jualan KBC bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah berjumlah RM2.417 bilion di mana berlaku penurunan jualan sebanyak 8.1%, iaitu daripada RM1.041 bilion pada tahun 2010 kepada RM0.957 bilion pada tahun 2012. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan dan kawalan KBC adalah tidak memuaskan kerana tidak diuruskan dengan teratur dan cekap. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. lesen KBC masih diperbaharui walaupun syarikat tidak mematuhi syarat pegangan saham bumiputera (70% bagi KBC Bandaraya dan 30% bagi KBC lain) dan pelesen tidak aktif (tiada jualan barangan bebas cukai). Sehubungan itu, kadar lesen tahunan yang sangat rendah (RM600 setahun) adalah punca syarikat yang tidak aktif masih mampu memperbaharui lesen KBC;

ii. bagi 9 pelesen KBC di Kedah, Perlis dan Selangor, cukai ke atas stok semasa adalah berjumlah RM15.09 juta berbanding nilai jaminan bank berjumlah RM6.54 juta. Ini bermakna cukai berjumlah RM8.55 juta tidak diliputi dengan jaminan bank yang boleh menyebabkan JKDM kehilangan hasil;

iii. satu KBC Lapangan Terbang di Skypark Terminal, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang menempatkan barang bebas cukai di tempat penyimpanan yang tidak sesuai dan tidak kukuh, satu KBC Dalam Negeri di Padang Besar, Perlis tidak menandakan pada setiap barang dan pembungkus barang-barang bebas cukai yang disimpan dalam premis KBC dengan "Malaysian Duty Not Paid" dan satu KBC Sempadan di Bukit Kayu Hitam, Kedah tidak mematuhi standard pembungkusan barang bebas cukai yang telah dijual;

iv. satu daripada 2 KBC Dalam Negeri iaitu di Padang Besar, Perlis dan kesemua 5 KBC Bandaraya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor tidak menyimpan daftar untuk merekodkan nama, nombor dokumen perjalanan, jenis dokumen perjalanan dan nombor pesawat atau kapal serta ditandatangani oleh pembeli yang datang sendiri ke KBC berkenaan;

v. kekurangan kakitangan mengakibatkan Stesen Kastam Mengawal KBC di Subang, Selangor tidak dapat melaksanakan tugas membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport bagi KBC Bandaraya;

vi. terdapat KBC yang menjual barang bebas cukai melebihi kuantiti yang dibenarkan atau kepada mereka yang tidak berkelayakan seperti berikut:

- kelima-lima KBC Bandaraya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor telah menjual arak kepada anak-anak kapal bagi 15 kapal yang sama mengakibatkan setiap anak kapal telah membeli kuantiti arak yang melebihi had yang dibenarkan dan nilai kehilangan cukai Kastam adalah berjumlah RM216,715 untuk 2 hari sahaja;
- kelima-lima KBC Bandaraya tersebut telah mengeluarkan invois jualan arak kepada anak kapal bagi 11 kapal yang telah berlayar, tidak berlabuh/berlayar pada bulan Disember 2012 atau tiada dalam rekod Jabatan Laut Wilayah Tengah atau rekod Kawalan Berth, Westports Malaysia Sdn. Bhd. di Pelabuhan Barat, Selangor. Berdasarkan analisis Audit, sekiranya penjualan arak dari KBC Bandaraya ini tidak dapat dibuktikan telah sebenarnya dieksport, dianggarkan Kerajaan telah mengalami kehilangan hasil berjumlah RM230,536 dalam tempoh 2 hari sahaja; dan
- tiga daripada 6 KBC sempadan (2 di Bukit Kayu Hitam, Kedah dan satu di Padang Besar, Perlis) telah menjual barang bebas cukai secara pukal kepada agensi penguatkuasaan di Thailand.

vii. permohonan remisi tahun 2009 hingga 2012 daripada JKDM KLIA dan Sarawak masih belum diputuskan oleh Ibu Pejabat JKDM walaupun potensi hasil yang boleh dikutip berjumlah RM1.99 juta; dan

viii. kelemahan pemantauan oleh JKDM di mana semua JKDM Negeri yang diaudit (kecuali JKDM KLIA) tidak menyelenggarakan rekod berkaitan duti terkorban; bilangan pemeriksaan stok yang dijalankan hanya sebanyak 175 (47%)

berbanding 372 yang sepatutnya; dan laporan bulanan/tahunan KBC secara berkala tidak dihantar oleh Stesen Kastam Mengawal KBC ke Ibu Pejabat JKDM. Bagaimanapun, rekod berkaitan duti terkorban tidak diselenggarakan disebabkan prosedur ini tidak dinyatakan dalam PTK Bil. 55.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

   i. memastikan pelesen KBC mengemukakan peratusan pegangan saham bumiputera yang terkini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bagi Jawatankuasa Kajian yang ditubuhkan untuk mengkaji kadar lesen tahunan, hasil mesyuarat kajian semula kadar lesen KBC hendaklah dikemukakan kepada pihak Audit sebelum 31 Disember 2013;

   ii. memastikan semua KBC (termasuk KBC yang tidak diliputi dalam kajian Audit ini) mempunyai jaminan bank yang mencukupi bagi menjamin cukai atas stok barangan bebas cukai yang dibenarkan pada satu-satu masa;

   iii. memastikan KBC Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd. di Skypark, Subang menyiapkan kerja pemasangan jeriji sebelum 31 Ogos 2013 serta semua KBC Dalam Negeri dan KBC Sempadan mematuhi standard label dan pembungkusan yang ditetapkan;

   iv. memastikan semua KBC Dalam Negeri dan KBC Bandaraya menyimpan daftar untuk merekodkan maklumat pembeli serta mempunyai tandatangan pembeli yang datang sendiri ke KBC berkenaan;

   v. memastikan Stesen Kastam Mengawal KBC melaksanakan tugas membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport;

   vi. memastikan pasukan khas yang ditubuhkan untuk mengenal pasti jumlah kehilangan hasil sebenar bagi penjualan arak kepada yang tidak berkelayakan, mengemukakan salinan laporan hasil siasatan kepada pihak Audit sebelum atau pada 31 Ogos 2013;

   vii. memastikan tiada pembaharuan lesen KBC Bandaraya dibuat dan menawarkan kepada pelesen KBC Bandaraya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor lesen KBC Pelabuhan dengan syarat premis perniagaan terletak di pelabuhan atau jeti iaitu tempat persinggahan feri atau kapal penumpang antarabangsa;

   viii. memastikan permohonan remisi di bawah Seksyen 18(1) Akta Kastam 1967 diputuskan dengan kadar segera kerana ia berpotensi mengutip hasil berjumlah RM1.99 juta; dan

   ix. memastikan pemantauan terhadap KBC ditingkatkan oleh PKN supaya Stesen Kastam Mengawal KBC menjalankan pemeriksaan stok setiap KBC sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan laporan bulanan/tahunan KBC dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan ke Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM. Sehubungan itu, kajian semula PTK Bil. 55 hendaklah disempurnakan sebelum 31 Disember 2013.

[muka surat 35 – 61]

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

3. Taksiran Duti Import Arak

a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk memungut hasil negara dalam bentuk cukai dan duti Kastam serta memberi fasilitasi kepada sektor perdagangan dan perindustrian di samping memastikan semua perundangan yang dikuatkuasakan dipatuhi sepenuhnya supaya tidak berlaku ketirisan hasil negara. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, pungutan hasil JKDM adalah berjumlah RM90.849 bilion. Hasil yang dikutip pada tahun 2010 adalah berjumlah RM28.151 bilion dan telah meningkat sejumlah RM4.168 bilion (14.8%) kepada RM32.319 bilion serta telah mencapai sasarannya pada tahun 2012. Antara faktor yang menyumbang kepada pencapaian kutipan hasil JKDM adalah kutipan duti import (termasuk duti eksais import dan cukai jualan import) berjumlah RM26.558 bilion, iaitu 29.2% daripada jumlah keseluruhan hasil JKDM untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagi tempoh yang sama, duti yang berjaya dikutip daripada pengimportan arak adalah berjumlah RM594.91 juta, iaitu 2.2% daripada jumlah keseluruhan duti import. Secara keseluruhannya, pengauditan taksiran duti import arak mendapati pengurusan taksiran duti import arak adalah memuaskan dan telah mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

   i. setiap pengimportan arak memerlukan kelulusan Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 59.9% daripada keseluruhan pengimportan arak ke Malaysia tidak mempunyai kelulusan tersebut;

   ii. semakan Audit terhadap 28,062 bilangan item arak yang diimport pada tahun 2010 hingga 2012 mendapati sebanyak 1,174 (4.2%) bilangan item arak dengan duti kastam berjumlah RM1.63 juta (0.9%) telah disalah taksir oleh pegawai Kastam; dan

   iii. kesilapan taksiran jenis arak yang diimport telah mengakibatkan sekurang-kurangnya RM1.95 juta telah terkurang dikutip.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JKDM mengambil tindakan seperti berikut:

   i. menyediakan garis panduan taksiran import arak yang komprehensif dengan senarai jenis dan jenama arak yang biasanya diimport bagi membantu pegawai penaksir membuat taksiran dengan lebih tepat;

   ii. melatih dan memberi pendedahan kepada pegawai kastam/penaksir dari segi maklumat pelbagai jenis arak yang diimport di stesen yang terlibat terhadap pengimportan arak supaya tidak timbul kekeliruan untuk menetapkan kod penjenisan yang betul;

   iii. memastikan pengimport menjelaskan semua BOD yang dikeluarkan dan membayar hasil yang terkurang dikutip; dan

   iv. menyemak semula Borang K1 dan Borang K9 bagi pengimportan arak tahun 2010 hingga 2012 supaya jumlah hasil yang terkurang dikutip dapat dipungut serta melaporkan hasil semakan tersebut kepada pihak Audit secara berkala (suku tahun).

[muka surat 32 – 76]

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

4. Pengurusan Perolehan Kasut Bagi Anggota Jabatan

a. Peraturan pembekalan pakaian seragam (termasuk kasut) kepada anggota Perkhidmatan Awam yang beruniform ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990 dan pindaannya melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995. Mengikut pekeliling tersebut, setiap pegawai dan anggota beruniform hendaklah dibekalkan 2 pasang kasut sebelum akhir bulan April setiap tahun. Perolehan kasut bagi anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) diurus di peringkat Ibu Pejabat JKDM. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013, perbelanjaan perolehan kasut adalah berjumlah RM6.86 juta. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November dan Disember 2012 mendapati secara umumnya, pengurusan perolehan kasut oleh JKDM adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang didapati adalah seperti berikut:

   i. sehingga bulan November 2012, perolehan kasut bagi tahun 2012 masih belum diagihkan walaupun peraturan Kerajaan menetapkan pakaian seragam (termasuk kasut) hendaklah dibekalkan kepada anggota beruniform sebelum akhir bulan April setiap tahun; dan

   ii. sehingga akhir tahun 2012, baki kasut yang dibeli pada tahun 2009 masih belum diagihkan lagi dan sebanyak 7,659 pasang bernilai RM602,089 telah rosak dan perlu dilupuskan.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

   i. mempercepatkan proses perolehan kasut dengan mengenal pasti sebab kelewatan yang boleh dikawal oleh JKDM dan mengambil tindakan penambahbaikan, antaranya:

      - menyediakan pangkalan data saiz kasut setiap anggota JKDM supaya dapat mengurangkan tempoh masa untuk mengumpulkan saiz kasut daripada setiap JKDM negeri/bahagian; dan
      - mempercepatkan proses penyediaan kertas taklimat tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan (B) Kementerian Kewangan.

   ii. menyiasat sama ada pelupusan kasut bernilai RM602,809 yang merugikan Kerajaan disebabkan oleh ketidakcekapan dan kecuaian pegawai yang menguruskan perolehan kasut atau pegawai yang menguruskan pengagihan kasut, dan seterusnya mengemukakan laporan berkaitan kepada Jabatan Audit Negara.

[muka surat 77 – 86]

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Jabatan Pengairan Dan Saliran

5. Pengurusan Projek Mencegah Hakisan Pantai Dan Mengorek Kuala Sungai

a. Panjang garis pantai di Malaysia ialah 4,809 km yang terdiri daripada 860 km di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia; 1,171 km di sebelah Pantai Barat Semenanjung Malaysia; 1,035 km di Sarawak dan 1,743 km di Sabah. *National Coastal Erosion Study* (NCES) yang dijalankan pada bulan November 1984 hingga

Januari 1986 telah menyatakan bahawa 1,380 km daripada 4,809 km (28.7%) pesisir pantai tersebut menghadapi masalah hakisan. Lanjutan daripada penemuan NCES, Kerajaan telah mengarahkan Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia (JPS) ini menguruskan projek mencegah hakisan pantai dan mengorek kuala sungai di seluruh Malaysia. Bagi tujuan tersebut, Jabatan Kejuruteraan Pantai di JPS [kini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai Dan Zon Pantai (BPLSZP)] di peringkat Ibu Pejabat/JPS Negeri bertindak merancang dan melaksanakan projek mencegah hakisan pantai dan mengorek kuala sungai manakala pemantauan projek tersebut dilaksanakan oleh BPLSZP di peringkat JPS Negeri/JPS Daerah. Hasil penemuan NCES turut mengklasifikasikan 3 kategori hakisan yang berlaku di pesisir pantai Malaysia. Sehingga tahun 2010, sejumlah RM869 juta (99.8%) yang meliputi 202 projek hakisan pantai dan mengorek kuala sungai telah dibelanjakan berbanding keseluruhan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 yang berjumlah RM871 juta. Bagi tujuan pengawalan hakisan pantai, 2 kaedah pengawalan digunakan iaitu pengawalan secara struktural dan bukan struktural. Pengauditan yang dijalankan mendapati prestasi fizikal dan kewangan bagi kesemua Projek Mencegah Hakisan Pantai Dan Mengorek Kuala Sungai yang diaudit adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek pengurusan projek seperti berikut:

i. Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu masih belum disediakan sepenuhnya khususnya bagi 5 buah negeri yang mengalami kadar hakisan yang paling serius iaitu Kelantan; Perlis; Selangor; Terengganu dan Perak;

ii. perolehan dan pentadbiran kontrak dari aspek kontrak perjanjian; pembayaran projek dan sijil perakuan siap kerja tidak dibuat dengan teratur;

iii. pembinaan sebahagian struktur/infrastruktur bagi 3 projek yang tidak sesuai/ mengikut spesifikasi;

iv. sebahagian komponen projek tidak digunakan secara optimum, di mana Kompleks JPS di bawah projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) yang bernilai RM6.15 juta masih belum diduduki sepenuhnya dan tidak diurus dengan baik walaupun bangunan telah disiapkan pada bulan Ogos 2009 dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada bulan Oktober 2011 manakala peralatan bagi Stesen Ombak dan Cuaca bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) dan Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin (Fasa 1) yang masing-masingnya bernilai RM2.70 juta dan RM0.98 juta pula didapati tidak lagi digunakan dan disimpan di JPS Negeri yang terlibat; dan

v. pendaftaran; pelabelan dan penyimpanan bagi sebahagian aset dan inventori yang tidak teratur.

b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek pengawalan hakisan pantai dan pembaikan muara sungai, adalah disyorkan supaya JPS mempertimbangkan perkara berikut:

i. membuat kajian awal terhadap projek yang ingin dilaksanakan bagi memastikan setiap aspek diambil kira dan seterusnya projek yang dijalankan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dan masalah baru kesan daripada projek yang dibuat;

ii. memastikan perolehan dan pentadbiran kontrak dibuat dengan teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa;

iii. memastikan aset dan inventori diuruskan dengan teratur mengikut peraturan yang berkuat kuasa;

iv. meningkatkan pemantauan terhadap projek yang sedang dan telah dibina bagi memastikan langkah awal dapat diambil sekiranya sebarang masalah berlaku. Selain itu, rekod mengenai masalah pantai dan muara sungai hendaklah disenggara bagi tujuan perancangan projek di masa hadapan; dan

v. memastikan koordinasi di antara bahagian reka bentuk (Ibu Pejabat) dan bahagian pemantauan (negeri/daerah) ditambah baik. Dasar/keputusan hendaklah jelas agar tiada sebarang pertindihan di dalam membuat keputusan.

[muka surat 87 – 116]

KEMENTERIAN KERJA RAYA

6. Pengurusan Fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan Di Bawah Seliaan Kementerian Kerja Raya

a. Kerajaan menetapkan pengurusan fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan sebagai suatu pengurusan strategik yang perlu diamalkan oleh setiap Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Tujuan fasiliti disenggara adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan pengguna; menjamin jangka hayat fasiliti yang lebih lama; menjimatkan perbelanjaan pada masa hadapan dan seterusnya memberi manfaat kepada pengguna dan pengurusan. Bangunan Gunasama Persekutuan adalah milik Jabatan Perdana Menteri (JPM). Zon Bangunan Gunasama Persekutuan dibahagikan kepada empat iaitu Zon Utara dan Sabah, Zon Selatan dan Sarawak, Zon Tengah dan Zon Timur. JPM telah menyerahkan tanggungjawab mengurus dan menyenggara 68 Bangunan Gunasama Persekutuan kepada Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, Kementerian Kerja Raya (KKR). Pengurusan dan penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan di bawah kawalselia KKR telah diswastakan kepada 3 syarikat konsesi kecuali Zon Tengah (Kuala Lumpur dan Selangor) yang disenggarakan oleh Bahagian Kawalselia, KKR. Peruntukan kewangan yang telah diluluskan berjumlah RM139.76 juta (2011) dan RM140.77 juta (2012) untuk melaksanakan program ini. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan adalah memuaskan kecuali di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur yang diuruskan oleh KKR. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. kerja penyenggaraan dan pembaikan tidak dilaksanakan sepenuhnya;

ii. tempoh liputan bon penyenggaraan yang dikemukakan oleh satu syarikat konsesi adalah silap, iaitu kurang meliputi satu tahun;

iii. amaun denda tidak dinyatakan dengan spesifik bagi setiap ketidakakuran *Technical Requirement Performance Indicator*; dan

iv. pemantauan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan dan KKR kurang memuaskan.

b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya pihak KKR mengambil tindakan seperti berikut:

i. meningkatkan pemantauan terhadap perkhidmatan penyenggaraan Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta dan memastikan bangunan disenggarakan dengan baik bagi menjaga keselesaan pengguna bangunan tersebut;

ii. memastikan ketepatan tempoh liputan bon penyenggaraan;

iii. memastikan minit mesyuarat jawatankuasa dihantar ke KKR untuk tujuan pemantauan;

iv. memastikan syarat denda dinyatakan dengan spesifik bagi menjaga kepentingan Kerajaan; dan

v. mengambil kira komen pengguna bangunan supaya perkhidmatan yang lebih berkesan dapat diberi.

[muka surat 117 – 133]

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Jabatan Kerja Raya

7. Pengurusan Projek Mansuh

a. Projek Mansuh adalah projek yang telah ditamatkan berdasarkan kepada syarat-syarat kontrak sama ada secara Penamatan Bersama (Mutual Termination) atau Penamatan Biasa (Unilateral Termination). Syarat-syarat kontrak dengan khususnya telah memperuntukkan kepada Kerajaan hak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor sekiranya kontraktor melakukan kemungkiran dalam memenuhi obligasinya di bawah kontrak atau kontraktor tidak berupaya meneruskan dan menyiapkan kerja. Kerajaan berhak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor atas 2 sebab kemungkiran iaitu kemungkiran menunaikan tanggungjawab dan kemungkiran am. Berdasarkan Laporan Pemantauan Projek Jabatan Kerja Raya (JKR) (statistik Laporan SKALA JKR) setakat bulan September 2012, sebanyak 160 projek telah dimansuhkan sama ada secara Penamatan Bersama atau Penamatan Biasa dengan nilai kontrak RM3.137 bilion bagi tempoh tahun 2007 hingga 2012. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan Projek Mansuh secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti berikut:

i. baki bayaran balik wang pendahuluan bagi 3 projek berjumlah RM4.89 juta tidak dapat dituntut daripada pihak bank/syarikat kewangan/syarikat insurans;

ii. baki Bon Pelaksanaan berjumlah RM15.77 juta bagi 21 projek masih belum dapat direkup oleh JKR;

iii. pelantikan kontraktor penyiap bagi 3 projek tidak dibuat secara tender terhad dan tidak dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit;

iv. Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor (Perakuan Muktamad) bagi 16 projek masih belum disediakan setakat bulan Januari 2013 manakala Perakuan Muktamad bagi 29 projek lewat disediakan antara 4 hingga 44 bulan;

v. berlaku kesilapan dalam Perakuan Muktamad yang disediakan/dikemukakan kepada kontraktor yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan; dan

vi. terdapat kelemahan dalam proses mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor bagi menuntut jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan akibat penamatan kontrak.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JKR mengambil tindakan seperti berikut:

   i. memastikan tuntutan terhadap baki bayaran balik Wang Pendahuluan dibuat sebelum tarikh luput jaminan supaya Kerajaan tidak mengalami kerugian;

   ii. memastikan baki Wang Jaminan Pelaksanaan dituntut daripada kontraktor bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian;

   iii. memastikan pelantikan kontraktor penyiap dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan iaitu secara tender terhad;

   iv. memastikan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor disediakan dalam tempoh yang ditetapkan;

   v. memastikan segala kos yang terlibat diambil kira dalam membuat tuntutan daripada kontraktor yang telah ditamatkan seperti yang telah ditetapkan dalam peraturan;

   vi. memberi latihan yang bersesuaian kepada pegawai yang terlibat dalam urusan penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor; dan

   vii. memastikan surat peringatan tuntutan ganti rugi dikeluarkan kepada kontraktor mengikut tempoh yang ditetapkan.

[muka surat 134 – 152]

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Jabatan Laut Malaysia

8. Projek Pembinaan Dan Pembaikan/Menaik Taraf Jeti Penumpang Dan Guna Sama

a. Jabatan Laut Malaysia (JLM) bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar, perancangan, penyelidikan dan penyelarasan dalam hal-hal yang berkaitan dengan laut termasuk pembangunan pelabuhan, industri perkapalan, pelesenan kapal dalam negeri dan hal ehwal pelaut. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), peruntukan berjumlah RM84.51 juta telah diluluskan untuk melaksanakan 12 projek pembinaan dan pembaikan/menaik taraf jeti penumpang dan guna sama serta kargo JLM (Projek Jeti) melibatkan 8 buah negeri. Sebanyak 12 kontraktor telah dilantik secara tender terbuka dan pelaksanaan projek secara konvensional dengan kos keseluruhan bernilai RM49.41 juta. Pegawai Penguasa (SO) bagi Projek Jeti ialah Ketua Pengarah Laut, JLM dan bagi memantau pelaksanaan projek serta menjaga kepentingan Kerajaan, sebanyak 9 perunding telah dilantik melalui tender terhad dengan kos RM9.14 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya Projek Jeti adalah memuaskan dan kesemua projek telah siap sepenuhnya. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

   i. tujuh Projek Jeti gagal disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan lanjutan masa bagi 3 projek jeti telah lewat diluluskan antara 9 hingga 42 hari selepas tamat tempoh kontrak;

   ii. dua Akaun Muktamad belum disediakan dan lewat antara 24 bulan hingga 28 bulan 11 hari. Manakala, 3 Akaun Muktamad telah disediakan namun lewat antara 9 hari hingga 17 bulan 13 hari;

iii. terdapat kerosakan/keusangan binaan/kemudahan yang telah siap di Jeti Kuah, Kedah dan Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu;

iv. sebahagian kemudahan di Jeti Kuala Perlis yang telah siap dibina oleh JLM bernilai RM0.75 juta telah diruntuhkan untuk dibina semula bagi kerja menaik taraf oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dan tapak projek tidak diurus dengan teratur oleh kontraktor/JKR;

v. kos penyenggaraan Jeti Kuah, Langkawi, Kedah adalah amat tinggi berbanding hasil yang diperoleh dan peratusan perbezaan kos penyenggaraan berbanding hasil dari tahun 2010 hingga 2012 menunjukkan peningkatan antara 219.2% hingga 348.6%. Manakala perbezaan kos penyenggaraan berbanding hasil bagi Jeti Kuala Perlis juga semakin meningkat dari -17.2% hingga 3.6%; dan

vi. Jeti Pulau Ketam dan Jeti Sungai Lima tidak disenggarakan dengan memuaskan manakala di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah terdapat beberapa kemudahan memerlukan kerja-kerja penyenggaraan.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JLM mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

i. memastikan JLM memberi perhatian serius dalam pentadbiran kontrak dan memastikan setiap terma kontrak dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan;

ii. memastikan wujudnya mekanisme pemantauan/kawalan jeti supaya pengurusan jeti dapat diuruskan secara lebih sistematik dan memastikan jeti yang telah disiapkan boleh digunakan;

iii. memastikan wujudnya koordinasi antara JLM dengan setiap Agensi yang terlibat dengan perancangan terhadap pembinaan/menaik taraf sesuatu projek supaya ia dapat memberi impak maksimum dari aspek kos dan kegunaannya;

iv. mengkaji semula mengenai kutipan hasil yang dikutip oleh JLM berbanding kos penyenggaraan yang ditanggung bagi memastikan ia setara dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh JLM iaitu menyediakan kemudahan di jeti dalam keadaan baik; dan

v. memastikan kerja penyenggaraan dilaksanakan secara konsisten supaya jeti yang telah dinaikkan taraf dapat digunakan oleh orang awam sepenuhnya.

[muka surat 153 – 179]

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

9. Pengurusan Projek Pembetungan Negara

a. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah diluluskan sejumlah RM3.162 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan sejumlah RM464 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) untuk melaksanakan Projek Sistem Pembetungan Negara. Objektif pelaksanaan projek ini adalah untuk mengurangkan pencemaran kumbahan dan memperbaiki perkhidmatan pembetungan melalui pembinaan infrastruktur pembetungan baru dan menaik taraf serta membaik pulih sistem pembetungan sedia ada. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2012 mendapati pencapaian kewangan projek pembetungan negara

bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 secara keseluruhannya adalah baik memandangkan perbelanjaannya telah mencapai sehingga 95.6% setakat 4 Januari 2013. Bagaimanapun, pencapaian fizikal kurang memuaskan kerana hanya 35 (56.5%) daripada 62 projek yang dilaksanakan telah disiapkan mengikut jadual. Pengauditan terhadap prestasi dan pengurusan projek pembetungan bagi 13 sampel Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

i. sebanyak 8 (80%) daripada 10 projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan telah diluluskan lanjutan masa [Extension of Time (EOT)] melibatkan tempoh antara 34 hingga 989 hari. Selain itu, dua projek yang masih dalam pelaksanaan telah melepasi jadual penyiapan yang asal dan diluluskan masing-masingnya 2 EOT. Terdapat juga satu projek sakit yang mengakibatkan peningkatan kos iaitu Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah, Port Dickson, Negeri Sembilan;

ii. objektif pelaksanaan projek pembetungan di Pulau Langkawi dan Port Dickson masih belum tercapai sepenuhnya memandangkan penyambungan daripada premis yang dikenal pasti ke rangkaian paip pembetungan awam tidak dilaksanakan secara menyeluruh; dan

iii. kualiti efluen bagi 9 (56.2%) daripada 16 STP yang dianalisis tidak mencapai standard pelepasan efluen yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, pihak Audit mengesyorkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA)/JPP melaksanakan perkara seperti berikut:

i. mengenal pasti dan menuntut jumlah kos kerugian daripada kontraktor asal Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah, Port Dickson, Negeri Sembilan yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan, sebaik sahaja projek ini disiapkan oleh kontraktor penyelamat yang dilantik;

ii. bagi projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan, JPP disyorkan supaya mengambil kira kos penyambungan dari premis pengguna ke paip pembetungan awam dalam projek rangkaian paip pembetungan yang baru supaya sistem pembetungan dapat beroperasi secara menyeluruh;

iii. memastikan loji rawatan kumbahan sedia ada dinaiktaraf atau digantikan dengan loji baru supaya dapat mematuhi standard kualiti efluen yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Ini bagi memastikan objektif projek pembetungan yang ditetapkan oleh JPP iaitu untuk mengawal pencemaran kumbahan ke atas sumber air negara dapat dicapai; dan

iv. bekerjasama secara bersepadu dengan agensi penguatkuasaan terlibat seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menangani masalah pencemaran yang berpunca daripada pelepasan efluen oleh premis perumahan/hotel yang tidak mematuhi standard ditetapkan.

[muka surat 180 – 208]

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

10. Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Sekolah/Institut Pendidikan

a. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah mendapatkan perkhidmatan kawalan keselamatan syarikat swasta bagi melaksanakan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) tanpa senjata api di premis sekolah/institusi pendidikan. Antara tujuannya adalah untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang aman, tenteram dan meyakinkan semua pihak sesuai dengan tuntutan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sejumlah RM3.689 bilion peruntukan telah diluluskan dan sejumlah RM2.051 bilion (55.6%) telah dibelanjakan. Pengauditan mendapati pengurusan PKK adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

   i. pengurusan kontrak tidak teratur di mana Bon Pelaksanaan (BP) lewat diserahkan dan kontrak telah ditandatangani walaupun BP belum diterima;

   ii. terma kontrak tidak jelas/tidak lengkap kerana bilangan kunci merakam *watchman clock,* spesifikasi bagi pemasangan CCTV dan *alarm system* tidak ditetapkan serta maklumat profil pengawal hanya dikemukakan atas permintaan sahaja;

   iii. ketidakpatuhan kepada kontrak seperti pengawal melebihi had umur, laporan kesihatan dan tapisan keselamatan tidak dikemukakan, rekod kehadiran pengawal tidak disediakan, etika berpakaian pengawal tidak menepati peraturan, peralatan tidak dibekalkan dengan mencukupi dan rosak;

   iv. perkhidmatan tidak dilaksanakan dengan memuaskan di mana tiada kawalan keluar masuk, rakaman *watchman clock* tidak teratur, kehadiran pengawal tidak mencukupi dan denda tidak dikenakan; dan

   v. tuntutan pembayaran tidak teratur di mana Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan tidak dilengkapkan tetapi tuntutan masih diluluskan dan dibayar.

b. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan PKK, pihak Audit mengesyorkan semua pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

   i. Kementerian perlu melaksanakan proses perolehan PKK mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Tindakan amaran atau pembatalan tawaran kontrak hendaklah diambil terhadap syarikat yang gagal menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan;

   ii. Kementerian perlu menyemak semula syarat-syarat kontrak yang tidak munasabah, tidak jelas dan tidak memihak kepada Kerajaan serta perincikannya supaya tidak timbul kekeliruan dan salah tafsir. Kementerian disyorkan menyediakan dokumentasi dalam bentuk video bagi memberi pemahaman yang lebih berkesan kepada pihak PPD/sekolah tentang pelaksanaan PKK;

   iii. Kementerian/JPN/PPD/sekolah perlu tegas dan tidak bertolak ansur terhadap syarikat yang tidak mematuhi terma dan syarat kontrak, dengan mengenakan denda serta melaporkan perkhidmatan yang tidak berkualiti itu kepada pihak berkuasa. Kementerian sepatutnya menamat dan menyenaraihitamkan syarikat yang masih gagal mematuhi syarat kontrak serta memperbaiki prestasi perkhidmatannya;

iv. pihak sekolah perlu memastikan syarikat melengkapkan sepenuhnya Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan pada setiap bulan dan mengesahkan setiap butiran yang diisi oleh syarikat dengan teliti bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna serta menilainya dengan teratur. Pihak JPN/PPD pula hendaklah memastikan setiap laporan berkenaan telah dilengkapkan oleh pihak syarikat dan pengesahan yang dibuat oleh pihak sekolah adalah sempurna sebelum kelulusan dibuat untuk tujuan pembayaran; dan

v. Kementerian/JPN/PPD/sekolah perlu mempertingkatkan aspek pemantauan secara berjadual dan pemeriksaan mengejut terutamanya pada waktu malam bagi memastikan pihak syarikat melaksanakan perkhidmatan dengan baik.

[muka surat 209 – 245]

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

11. Pengurusan Kemudahan Pakaian Seragam

a. Pakaian Seragam meliputi pakaian, topi atau songkok, kasut, tali pinggang dan tali leher. Tujuan pakaian seragam adalah untuk pengenalan diri, selain sebagai pelindung dan menjaga keselamatan diri daripada percikan bahan kimia dan kotoran. Jumlah perbelanjaan bagi pengurusan program ini di 15 PTJ yang dilawati berjumlah RM0.69 juta (2010), RM6.07 juta (2011) dan RM5.47 juta (2012). Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011, Kementerian Kesihatan (Kementerian) bersetuju membekalkan 3 pasang kain kepada anggotanya yang berkelayakan. Manakala jahitan pakaian berkenaan diuruskan sendiri oleh anggota dan layak menuntut upah jahit tidak melebihi kadar maksimum RM230 sepasang yang disokong dengan resit. Selain itu Kementerian menetapkan mulai bulan Mac 2012, anggotanya boleh membeli kasut sendiri dan mengemukakan tuntutan yang disokong dengan resit tertakluk kadar maksimum RM150 sepasang. Sebanyak 4 syarikat telah dilantik secara tender untuk membekalkan kain mulai bulan Oktober 2010 hingga Jun 2012 dan 4 syarikat lain dilantik mulai bulan Julai 2012 hingga Jun 2014. Kementerian juga telah melantik 3 syarikat untuk membekalkan kasut bagi tempoh tahun 2010 hingga 2011. Bagi bekalan *cap* atau tudung, urusan perolehan secara sebut harga dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

   i. kontrak bekalan kain lewat disediakan menyebabkan kebanyakan PTJ tidak mendapat bekalan kain pada tahun 2010;

   ii. pesanan kain dibuat daripada syarikat yang tidak dilantik mengikut syarat kontrak;

   iii. pengagihan bekalan kain tidak teratur seperti lewat diagihkan antara 7 hingga 397 hari daripada tarikh yang sepatutnya serta rekod pengagihan tidak lengkap, kemas kini dan seragam;

   iv. amaun tuntutan upah jahit atau pembelian kasut adalah meragukan; dan

   v. tatacara pemakaian pakaian seragam tidak dipatuhi seperti reka bentuk tidak seragam dan memakai pakaian tidak mengikut reka bentuk yang ditetapkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Kementerian mempertimbangkan langkah seperti berikut:

i. memastikan proses perolehan dan pesanan bekalan dilaksanakan lebih cepat bagi menentukan bekalan dapat diagihkan kepada anggota sebelum 30 April setiap tahun;

ii. membuat siasatan terhadap kes pesanan bekalan yang dibuat kepada syarikat yang tiada ikatan kontrak;

iii. mengkaji kaedah perolehan bekalan kain dan kasut masa kini kerana ia membuka ruang kepada ramai anggota mengemukakan tuntutan upah jahit dan pembelian kasut yang meragukan seperti melantik kedai panel untuk menjahit pakaian seragam anggota; dan

iv. mengkaji kaedah terbaik bagi memastikan tatacara pemakaian dipatuhi seperti penguatkuasaan denda terhadap kesalahan pemakaian pakaian seragam.

[muka surat 245 – 270]

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

12. Pengurusan Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling

a. Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) sejak tahun 1973 dalam usaha mencegah kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis, terutamanya di kawasan luar bandar. Kawasan operasi program BAKAS adalah kawasan luar bandar yang meliputi kampung tradisi, kampung moden atau tersusun, kampung orang asli, dan ladang. Juga termasuk kawasan-kawasan di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW), *Federal Land Development Authority* (FELDA), *Federal Land Consolidation And Rehabilitation Authority* (FELCRA), lombong, ladang, perumahan, rumah kedai dan lain-lain premis di luar bandar serta individu yang tidak menerima sebarang perkhidmatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Objektif utama Program BAKAS adalah untuk mencegah serta mengawal kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis seperti taun, kepialu, cirit birit, disentri dan hepatitis A di kalangan penduduk luar bandar. Ia dilaksanakan dengan cara mempertingkatkan kebersihan alam sekeliling dan mutu bekalan air melalui penyediaan kemudahan asas bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang sempurna. Peruntukan kewangan yang telah diluluskan bagi program ini berjumlah RM7.46 juta (2010), RM40 juta (2011) dan RM36.30 juta (2012). Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan program BAKAS. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. urusan permohonan dan kelulusan projek tidak teratur seperti format borang yang ditetapkan dalam Manual Program BAKAS tidak digunakan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD); tempoh kelulusan projek yang tidak munasabah iaitu antara 68 hingga 1,098 hari dari tarikh permohonan diterima dan daftar permohonan tidak diselenggarakan/ tidak diselenggarakan dengan lengkap;

ii. peraturan perolehan tidak dipatuhi sepenuhnya di mana Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga bagi perolehan yang dilaksanakan pada tahun 2010 hingga 2012 di PKD Bandar Baharu tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan; perolehan paip *High Density Polyethylene* (HDPE) tidak dibekalkan oleh panel pembekal yang dilantik oleh Kementerian Kewangan dan kontrak formal tidak disediakan bagi perolehan yang bernilai melebihi RM50,000;

iii. Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja atas nama Kerajaan bagi 15 projek bernilai RM1.65 juta tidak disediakan oleh kontraktor kerana keperluan tersebut tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga atau surat tawaran kepada kontraktor;

iv. berlaku kelewatan penyiapan projek di PKD Tumpat, PKD Baling, PKD Bandar Baharu dan Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Tuaran dengan kelewatan antara 20 hingga 194 hari, namun denda tidak boleh dikenakan kerana syarat berkaitan denda tidak dinyatakan; dan

v. stor BAKAS di PKD Tumpat dan PKD Bachok tidak diuruskan dengan teratur sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan terdapat 35 item stok bernilai RM24,046 tidak bergerak sejak tahun 2002.

b. Bagi mengatasi kelemahan ini Kementerian disyorkan mempertimbangkan langkah seperti berikut:

i. menetapkan norma masa meluluskan projek dan memastikan Manual Program BAKAS digunakan di setiap peringkat. Selain itu, PKD perlu memantau permohonan projek dan memastikan daftar permohonan dikemas kini supaya pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;

ii. memastikan semua PKD/PKK mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Selain itu, kajian pasaran perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan sebelum perolehan dibuat agar perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan dapat diminimumkan;

iii. memastikan kontraktor menyediakan polisi insurans dengan sewajarnya kerana kegagalan menyediakan polisi insurans boleh menyebabkan Kerajaan menanggung risiko sekiranya berlaku kemalangan di tapak projek;

iv. tindakan penyeragaman perlu diambil untuk memastikan setiap PKD/PKK memasukkan syarat/klausa denda di dalam spesifikasi/surat tawaran kepada kontraktor; dan

v. pihak pengurusan/Ketua Jabatan di setiap PKD perlu menjalankan pemeriksaan stor secara berkala bagi memastikan tatacara penyimpanan stok dipatuhi dan menjamin keselamatan stor. Bagi stok yang telah lama tidak bergerak, tindakan sewajarnya perlu diambil dengan segera supaya tidak berlaku pembaziran.

[muka surat 271 – 304]

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

13. Pengurusan Aktiviti Pendidikan Kesihatan

a. Pendidikan kesihatan merupakan nadi kepada *sytematic early approach* kepada penjagaan kesihatan ke arah membina masyarakat Malaysia yang celik kesihatan dan membudayakan cara hidup sihat. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Pendidikan Kesihatan (BPK) bertanggungjawab melaksanakan fungsi ini dengan memberi perkhidmatan seperti perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian program, pengurusan kempen-kempen seperti Kempen Cara Hidup Sihat, sambutan hari-hari kesihatan selain penerbitan, pengedaran bahan-bahan pendidikan dan promosi kesihatan. Peruntukan kewangan yang telah diluluskan bagi program ini ialah berjumlah RM34.85 juta (2010), RM40.35 juta

(2011) dan RM47.47 juta (2012). Penyebaran maklumat program ini dibuat melalui media massa, penerbitan media pendidikan, media alternatif (Facebook/Twitter, Blog), iklan televisyen, radio, majalah, *cinemaad spots* serta di *table top* restoran terpilih. Aktiviti pendidikan kesihatan diperluaskan dengan penganjuran program kesihatan selaras dengan sambutan di seluruh dunia seperti Hari Kesihatan Sedunia, Hari AIDS Sedunia dan Hari Diabetes Sedunia. Kelemahan yang ditemui dalam pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

i. tiada kontrak formal dibuat bagi penerbitan bahan kempen;
ii. kontrak perjanjian lewat ditandatangani dan dokumen perjanjian tidak lengkap;
iii. pengesahan bon pelaksanaan tidak dibuat;
iv. tiada pemantauan terhadap pemberian bantuan kepada NGO COMBI Denggi;
v. kos pembanguan laman sosial *Facebook/Twitter* bernilai RM0.32 juta tidak wajar; dan
vi. pengurusan papan iklan kempen dan stor tidak teratur.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

i. meningkatkan pengurusan dokumen kontrak untuk menjamin kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara;
ii. pengurusan laman sosial yang lebih dinamik, relevan dan kemas kini untuk memastikan keberhasilan kempen kesihatan yang dilaksanakan;
iii. meningkatkan pengurusan dan penyenggaraan papan iklan supaya penyampaian mesej kesihatan dapat disebarkan kepada orang ramai dengan berkesan dan memperkemas pengurusan stor bagi mengelak pembaziran dan bahan promosi menjadi usang; dan
iv. mengambil perhatian sewajarnya terhadap penggunaan bahasa, ejaan dan kesesuaian mesej dalam risalah dan papan iklan.

[muka surat 305 – 326]

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

14. Pengurusan Loji Insinerator

a. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membina loji insinerator menggunakan teknologi pembakaran secara *autogenous* yang dicadangkan oleh Syarikat XCN Technology Sdn. Bhd. (XCNT) di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman. Di samping itu, teknologi ini juga digunakan untuk projek penambahbaikan *Thermal Oxidation Plant* (TOP) di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan. Pembinaan loji-loji ini dijangka dapat menyelesaikan masalah pengurusan sisa pepejal di lokasi-lokasi tersebut. Pemilik bagi projek-projek ini adalah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) yang bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan operasi loji insinerator apabila siap nanti. Bagi tempoh RMKe-9 dan RMKe-10, sejumlah RM199.09 juta daripada RM337.45 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan telah dibelanjakan untuk pembinaan projek loji insinerator. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek loji insinerator oleh KPKT adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan penambahbaikan adalah seperti berikut:

i. prestasi fizikal projek pembinaan loji insinerator adalah kurang memuaskan di mana kesemua 4 projek telah diberi lanjutan masa (EOT) antara 240 hingga 693 hari. Daripada 4 projek tersebut, hanya satu projek dapat disiapkan dalam tempoh EOT, 2 projek mengalami kelewatan 46 dan 104 hari, manakala satu projek masih belum disiapkan sehingga 6 Mei 2013, iaitu 330 hari selepas tarikh EOT. Selain itu, hanya satu loji insinerator yang beroperasi manakala 2 loji insinerator masih belum beroperasi walaupun telah siap pembinaannya dengan kelewatan antara 223 hingga 642 hari;

ii. prestasi operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor kurang memuaskan kerana tidak beroperasi secara *autogenous* dan julat suhu yang ditetapkan tidak dapat dicapai serta loji tidak dapat menghasilkan output pada kadar yang ditetapkan;

iii. kelemahan dalam pengurusan kontrak operasi dan penyenggaraan loji kerana dokumen kontrak operasi loji insinerator lewat dimuktamadkan serta manual operasi dan penyenggaraan loji belum disediakan;

iv. KPKT telah membelanjakan RM7.23 juta terhadap projek penambahbaikan TOP WP Labuan walaupun masih dalam proses timbang tara dengan kontraktor asal pembinaan TOP di mana pada akhirnya projek penambahbaikan terpaksa ditamatkan;

v. kelemahan dalam reka bentuk loji menyebabkan penggunaan tidak optimum;

vi. syarat Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekeliling (EIA) tidak dipatuhi;

vii. Pengujian dan Pentauliahan (T&C) loji insinerator tidak dilaksanakan dengan teratur; dan

viii. ketidakpatuhan Terhadap Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan serta Akta Kilang Dan Jentera.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

i. KPKT perlu menyediakan dasar pengurusan sisa pepejal yang efektif dari sumber (rumah/premis) serta meningkatkan kesedaran kepada rakyat tentang kepentingan pengasingan sisa pepejal dari rumah supaya kualiti sampah yang dihantar ke loji insinerator dapat ditingkatkan bagi mengatasi masalah *calorific value* (cv) dan kandungan kelembapan sisa pepejal;

ii. KPKT/JPSPN/XCNT perlu menambah baik proses rawatan sisa pepejal untuk memastikan kualiti sisa pepejal (cv dan kelembapan) mematuhi standard yang diperlukan sebelum dibakar dalam loji insinerator supaya pembakaran secara *autogenous* dapat dicapai dan penggunaan diesel dapat diminimumkan;

iii. KPKT perlu memastikan kakitangan operator loji insinerator mempunyai kemahiran mengikut standard yang diperlukan semasa mengendalikan sisa pepejal supaya standard operasi serta peraturan alam sekitar serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dipatuhi. Latihan yang berkaitan perlu diberikan dari semasa ke semasa;

iv. KPKT dan JPSPN perlu menjalankan pemantauan yang rapi terhadap pematuhan kepada syarat kontrak terutamanya dalam urusan T&C loji insinerator; pematuhan kepada syarat EIA yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar; kualiti pembinaan; pematuhan kepada undang-undang bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money*;

v. JPSPN perlu menyediakan satu garis panduan bagi menyelia dan memantau pengurusan operasi loji insinerator agar semua peraturan yang ditetapkan dipatuhi serta loji sentiasa dikendalikan dengan selamat;

vi. JPSPN perlu mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan setiap syarat kontrak operasi dipatuhi sepenuhnya sebelum pembayaran dibuat kepada kontraktor; dan

vii. JPSPN perlu mewujudkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada agensi yang terlibat secara langsung dalam pemantauan operasi loji insinerator antaranya Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam. Selain itu, jawatankuasa juga perlu membantu JPSPN untuk menggariskan syarat-syarat bagi kontrak operasi dan penyenggaraan loji insinerator serta membuat *benchmarking* dengan operator yang berjaya bagi memastikan loji insinerator diuruskan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

[muka surat 327 – 355]

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Jabatan Belia Dan Sukan Negara

15. Pengurusan Program Pemberian Bantuan

a. Jabatan Belia Dan Sukan Negara (JBSN) di bawah Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian) merupakan salah satu agensi yang perlu bergerak seiring dengan badan bukan Kerajaan (NGO) sebagai langkah mendekati golongan sasar yang terdiri daripada golongan belia dan warga muda. Selaras dengan itu, Program Pemberian Bantuan Oleh Jabatan Belia Dan Sukan Negara diwujudkan bagi memastikan Dasar Pembangunan Belia, Sukan Dan Rakan Muda dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan kerjasama NGO/Persatuan/Pertubuhan. Pelaksanaan program ini telah dimulakan pada tahun 1997 dan permohonan untuk mengikuti program ini mula diterima pada tahun tersebut. Kumpulan sasar bagi program ini adalah NGO/Persatuan/Pertubuhan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia/Pesuruhjaya Sukan atau Sekretariat Rakan Muda. Program Pemberian Bantuan ini telah dibiayai oleh peruntukan Kementerian berjumlah RM171.75 juta bagi tahun 2009 hingga 2012 dan juga peruntukan dari Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM100 juta. Pemberian Bantuan dibahagikan kepada dua kategori iaitu bantuan pentadbiran dan bantuan aktiviti. Garis Panduan Untuk Pertimbangan Pemberian Bantuan Kerajaan Kepada Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan telah dikeluarkan pada 5 November 1997 (GPPB 5 November 1997) oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan NGO/Persatuan/Pertubuhan yang diberi bantuan Kerajaan melaksanakan aktivitinya bersesuaian dengan dasar dan objektif sesebuah Kementerian/Jabatan. Selaras dengan ketetapan garis panduan tersebut, Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB JBSN) telah dikeluarkan oleh JBSN pada 6 Disember 2008 bagi menyeragamkan dan memastikan pemberian bantuan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Pengauditan yang dijalankan mendapati pelaksanaan Program Pemberian Bantuan pada umumnya adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. permohonan dan kelulusan program yang tidak teratur dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan;
ii. syarat perjanjian tidak dikuatkuasakan;
iii. kelemahan dalam proses penyaluran peruntukan dan pembayaran kepada pembekal; dan
iv. pemantauan program yang lemah.

b. Bagi memperbaiki kelemahan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan Program Pemberian Bantuan, adalah disyorkan supaya pihak yang berkaitan mempertimbangkan perkara berikut:

i. JBSN hendaklah memastikan kelulusan program hanya diberikan kepada program yang dibenarkan sahaja selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan;
ii. JBSN hendaklah memastikan mekanisme pembayaran adalah teratur mengikut peraturan kewangan dan amalan tadbir urus kewangan yang baik bagi memastikan perbelanjaan dibuat dengan betul serta perbelanjaan berhemat diamalkan;
iii. JBSN hendaklah memastikan pemantauan berkala dilakukan bagi program yang telah diluluskan dan laporan tahunan disediakan dan dihantar kepada Perbendaharaan; dan
iv. Perbendaharaan Malaysia hendaklah memastikan Laporan Tahunan disediakan dan dihantar oleh JBSN serta semakan hendaklah dibuat bagi mengawal perbelanjaan di bawah kod ini.

[muka surat 356 – 383]

KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

16. Projek Malaysian Emergency Response Services (MERS) 999

a. Projek MERS 999 telah dilaksanakan pada bulan Mei 2007 di bawah Kementerian Tenaga Air Dan Komunikasi (KTAK) yang bertujuan menyediakan perkhidmatan talian kecemasan yang komprehensif dan bersepadu menggunakan nombor 999 berkonsepkan Satu Malaysia Satu Nombor. Pada tahun 2009, fungsi komunikasi diteruskan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan (KPKK). Telekom Malaysia Berhad (TM) telah dilantik secara rundingan terus bagi membangunkan projek ini dengan kos keseluruhan RM801.55 juta. Ini meliputi kos pembangunan (Capital Expenditure-CAPEX) berjumlah RM596.25 juta dan kos operasi (Operating Expenditure-OPEX) berjumlah RM205.3 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek adalah kurang memuaskan khususnya dari segi pematuhan syarat kontrak, pentadbiran kontrak dan pemantauan projek. Kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. pembangunan dan pemasangan sistem MERS 999 di 16 tapak lewat dilaksanakan dan 34 tapak beroperasi lewat dari tempoh yang ditetapkan*;*
ii. jumlah panggilan bukan kecemasan meningkat dan masih berlaku kes panggilan yang tidak dijawab (drop calls);

iii. bayaran Interim pertama berjumlah RM26.4 juta dibuat sebelum Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani, manakala 2 kontrak lewat ditandatangani antara 8 hingga 10 bulan dari tarikh SST dikeluarkan;

iv. tempoh sah laku jaminan bon pelaksanaan tidak meliputi tempoh jaminan 12 bulan selepas kontrak berakhir;

v. pelantikan perunding tempatan dan asing tidak mematuhi peraturan kewangan manakala yuran perkhidmatan perunding berjumlah RM1.92 juta melebihi kadar yang ditetapkan. Bayaran yuran perkhidmatan perunding berjumlah RM25.88 juta dibuat secara *lump sum* tanpa butiran perkhidmatan yang diberi. Kos imbuhan balik bagi perkhidmatan perunding berjumlah RM480,000 pula dibayar secara *lump sum* tanpa disokong dengan resit. Manakala caj yuran pengurusan projek terlebih bayar berjumlah RM295,036;

vi. bayaran kos bengkel berjumlah RM3.43 juta, kursus berjumlah RM1.9 juta dan lawatan ke luar negara berjumlah RM3.34 juta dibuat tanpa disokong dengan dokumen yang lengkap. Kos bengkel berjumlah RM2.03 juta tidak mengikut kadar yang ditetapkan. Manakala kos bengkel dan kursus bagi kakitangan kontraktor berjumlah RM3.27 juta telah ditanggung oleh Kerajaan;

vii. sewa tempat latihan di Pusat Latihan TM, Taman Desa di caj 2 kali;

viii. kos lawatan ke luar negara berjumlah RM253,813 tidak munasabah dan tidak mengikut kadar yang ditetapkan. Program promosi dan publisiti yang dibatalkan telah dibayar sejumlah RM3.19 juta. Manakala bayaran kos program promosi dan publisiti berjumlah RM2.86 juta dibuat tanpa disokong dengan dokumen yang lengkap mengenai setiap satu perkhidmatan, bekalan dan kerja dilaksanakan;

ix. bayaran insentif kepada *Master Of Trainers* (MOT) berjumlah RM295,094 sepatutnya ditanggung oleh TM telah dibayar oleh Kerajaan. Manakala caj sewa ruang pejabat terlebih bayar kepada TM berjumlah RM373,312, begitu juga kos *recurring charge connectivity* ANI/ALI berjumlah RM0.9 juta telah terlebih dibayar. Perkakasan dan perisian yang tidak dibekalkan telah dibayar berjumlah RM1.03 juta; dan

x. jawatankuasa pemantauan yang ditubuhkan tidak berkesan dalam melindungi kepentingan Kerajaan dari segi peraturan dan syarat kontrak hingga menyebabkan berlaku *improper payment* berjumlah RM13.54 juta.

b. Adalah disyorkan pihak Kementerian melaksanakan perkara seperti berikut:

i. memastikan sistem MERS 999 beroperasi mengikut jadual yang ditetapkan agar objektif projek dapat dicapai;

ii. memastikan masalah panggilan bukan kecemasan dapat ditangani melalui tindakan yang selaras dengan undang-undang;

iii. memasukkan terma penalti sekiranya kontraktor gagal mencapai sasaran kualiti perkhidmatan yang ditetapkan;

iv. memastikan perolehan secara rundingan terus mematuhi peraturan kewangan semasa dan perjanjian kontrak dapat disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan projek ini ditadbir dengan baik;

v. memastikan pelantikan perunding, pengurusan latihan, lawatan ke luar negara dan pengurusan promosi dan publisiti dilaksanakan secara telus dan mengikut peraturan kewangan;

vi. menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan dan menyemak semula semua transaksi/tuntutan/bayaran yang telah dibuat di bawah Projek MERS 999 dan mendapatkan semula semua *improper payment* yang berlaku daripada TM dan seterusnya mengambil tindakan terhadap pegawai yang telah melakukan kesalahan;

vii. mengambil tindakan perundangan selaras dengan syarat yang terdapat di dalam kontrak dan melaporkan kepada Perbendaharaan untuk tindakan sewajarnya terhadap kegagalan kontraktor mematuhi obligasi kontrak dan kegagalan mematuhi peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa;

viii. menyediakan garis panduan proses perolehan dan dikuatkuasakan bagi memastikan pelaksanaan lebih teratur, telus serta memberi *best value for money* kepada Kerajaan; dan

ix. menyemak semula semua bayaran yang dibangkitkan oleh pihak Audit berjumlah RM91.42 juta termasuk sejumlah RM27.59 juta bayaran yang tidak munasabah dan terlebih bayar. Jumlah ini perlu dikutip semula daripada TM oleh Kementerian setelah siasatan dibuat.

[muka surat 384 – 417]

KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

Jabatan Penyiaran Malaysia
17. Pengurusan Perolehan Dan Penggantian Peralatan Studio Radio Digital

a. Perolehan peralatan penggantian bagi sistem digital adalah untuk membantu kelancaran tugas penerbitan rancangan radio dan memberi kualiti audio yang lebih baik kepada pendengar. Sehingga Disember 2012, Jabatan Penyiaran Malaysia telah membelanjakan sejumlah RM44.52 juta daripada peruntukan berjumlah RM54.5 juta untuk penggantian peralatan analog kepada digital. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya perolehan peralatan studio radio digital adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

   i. spesifikasi kontrak bagi pembekalan *skid tank* Jabatan Penyiaran Bintulu tidak dipatuhi sepenuhnya;

   ii. bayaran tidak teratur (improper payment) kerana peralatan bernilai RM24,440 masih belum diterima tetapi bayaran penuh kepada kontraktor telah dibuat;

   iii. perolehan peralatan *Master Clock System* berjumlah RM116,220 tidak lengkap menyebabkan peralatan tidak dapat digunakan. Selain itu, nilai peralatan berjumlah RM151,018 masih belum digunakan;

   iv. penglibatan peserta latihan/tahap keselamatan premis kurang memuaskan; dan

   v. maklumat kerosakan peralatan bernilai RM75,601 tidak direkodkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan Jabatan Penyiaran Malaysia mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

i. memastikan perolehan peralatan dirancang dengan teliti serta berdasarkan kepada keperluan sebenar bagi mengelakkan pembaziran wang awam;

ii. memastikan peralatan yang dibekalkan berfungsi dengan baik dan digunakan secara optimum bagi mencapai maksud *value for money*;

iii. Kementerian Kewangan mengeluarkan peraturan dan arahan kewangan bagi memasukkan klausa dalam dokumen tender bagi membolehkan Kerajaan mengeluarkan item-item yang terlalu mahal daripada harga pasaran dan dibuat perolehan melalui kaedah berasingan;

iv. memastikan Jawatankuasa Penilai Harga (JKPH) membuat analisis harga yang ditawarkan oleh penender berdasarkan harga pasaran terbuka mengikut Arahan Perbendaharaan 169.1 supaya setiap perolehan memberi pulangan terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan (best value for money);

v. melantik Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat perakuan kerja bagi peralatan yang tidak dibekalkan yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan;

vi. menyelenggarakan rekod peralatan dengan sempurna dan teratur seperti merekodkan kerosakan peralatan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 bagi memudahkan pihak pengurusan mengambil tindakan sewajarnya; dan

vii. RTM hendaklah meningkatkan tahap keselamatan premis Jabatan Penyiaran Bintulu dengan menghadkan jalan keluar masuk dan memperkukuhkan tingkap dan pintu dengan jeriji dan kunci keselamatan.

[muka surat 418 – 442]

KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

Balai Seni Visual Negara

18. Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Dan Projek Penggantian Bumbung

a. Balai Seni Visual Negara (BSVN) telah melaksanakan Projek Pembinaan Bangunan Tambahan secara tender terbuka melalui kaedah reka dan bina dengan kos berjumlah RM23.44 juta. Bangunan ini telah disiapkan pada 22 November 2011 dan mula digunakan pada 12 Januari 2012. Selain itu, Projek Penggantian Bumbung telah dilaksanakan di Bangunan Utama BSVN untuk mengatasi masalah kebocoran bumbung dan mengurangkan kos penyenggaraan. Projek ini telah dijalankan secara tender terbuka melalui kaedah konvensional dengan kos berjumlah RM2.74 juta. Projek ini telah siap pada 5 November 2012 dan telah diserahkan kepada BSVN pada 30 Januari 2013. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan kedua-dua projek ini adalah memuaskan dan telah mencapai objektif pembinaannya. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti berikut:

Projek Bangunan Tambahan

i. projek tidak dapat disiapkan mengikut tarikh siap asal dan diberi 2 lanjutan masa selama 240 hari dan hanya disiapkan 10 bulan selepas lanjutan masa kedua;

ii. Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender tidak dapat menyelesaikan penilaian tender dalam tempoh 6 bulan, Surat Setuju Terima (SST) lewat dikeluarkan satu bulan selepas tarikh kelulusan peruntukan tambahan oleh Kementerian dan dokumen kontrak lewat ditandatangani selama 5 bulan dari tarikh yang ditetapkan;

iii. dua Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM0.52 juta telah diluluskan selepas lanjutan masa ke-2, Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM0.59 juta (50%) masih belum dibayar kepada kontraktor walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan, 6 bayaran interim berjumlah RM7.48 juta lewat dibayar antara 6 hingga 155 hari selepas 45 hari penilaian dibuat. BSVN telah mendahulukan bayaran bil elektrik berjumlah RM152,105 yang masih belum dikutip semula daripada kontraktor walaupun tempoh kontrak telah tamat; dan

iv. pemasangan dinding sesekat yang tidak mengikut spesifikasi menyebabkan projek lewat diserahkan.

Projek Penggantian Bumbung

i. projek disiapkan setelah mendapat tempoh lanjutan masa selama 48 hari; dan

ii. pembekalan bahan *aluminium composite panel* yang dipasang tidak mengikut spesifikasi ketebalan yang ditetapkan dalam kontrak.

b. Pihak Audit mengesyorkan BSVN mengambil tindakan seperti berikut, bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan projek pembinaan:

i. memastikan jadual pelaksanaan projek dipatuhi agar projek disiapkan mengikut jadual;

ii. menyelenggara rekod kewangan terperinci mengenai prestasi projek pembangunan bagi memantau perbelanjaan dengan lebih berkesan; dan

iii. memastikan kontraktor serta agensi pelaksana mematuhi syarat kontrak semasa melaksanakan projek.

[muka surat 443 – 467]

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Jabatan Pengajian Kolej Komuniti

19. Pengurusan Menaik Taraf Kolej Komuniti

a. Konsep Kolej Komuniti telah diperkenalkan melalui ucapan Bajet 2000 oleh Menteri Kewangan yang telah membentangkan cadangan penubuhan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen. Kolej Komuniti akan menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Di bawah RMKe-9, sejumlah RM74.17 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf 15 Kolej Komuniti dengan kos harga kontrak berjumlah RM50.17 juta. Kerja menaik taraf ini melibatkan pemasangan perabot, pembinaan asrama, surau dan gelanggang permainan serta pemasangan sistem kamera litar tertutup. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara amnya prestasi projek menaik taraf adalah memuaskan. Namun begitu, terdapat kelemahan dalam pengurusan kerja menaik taraf ini seperti berikut:

i. sebanyak 5 projek mengalami *time overrun* antara 176 hingga 491 hari melibatkan 3 *Extension of Time* (EOT) lewat diluluskan antara 83 hingga 320 hari daripada tarikh siap asal/tamat EOT terdahulu dan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) dikeluarkan antara 67 hingga 567 hari daripada tarikh tamat EOT berkaitan;

ii. Arahan Perubahan Kerja (APK) bagi kerja menaik taraf 5 projek lewat diluluskan antara 43 hingga 903 hari selepas tamat tempoh kontrak dan terdapat APK tidak dikeluarkan bagi perubahan kerja yang telah dibuat;

iii. pentadbiran kontrak yang tidak teratur antaranya 4 kontrak lewat ditandatangani antara 29 hingga 176 hari; Sijil Perakuan Siap Kerja diluluskan antara 70 hingga 326 hari dari tarikh siap sebenar sehingga menyebabkan tempoh tanggungan kecacatan menjadi lebih singkat; dan tempoh sah insurans kerja bagi 5 projek tidak diperbaharui mengikut tarikh siap sebenar projek di mana tempoh yang tidak dilindungi insurans adalah antara 180 hingga 490 hari;

iv. perolehan sistem kamera litar tertutup (CCTV) mempunyai perbezaan harga yang ketara serta pemasangan/penyenggaraan CCTV tidak memuaskan;

v. terdapat kerja yang dilaksanakan tidak berkualiti/tidak sesuai dan tidak mengikut skop/spesifikasi kerja; dan

vi. pemantauan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan perunding adalah kurang memuaskan.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan berikut:

i. Kementerian Pengajian Tinggi perlu tegas dan mengambil tindakan segera terutama terhadap sebarang permasalahan yang wujud di peringkat perancangan dan pelaksanaan projek. Ini bertujuan memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar dan objektifnya dapat direalisasikan mengikut perancangan;

ii. Kementerian hendaklah memastikan pentadbiran kontrak diuruskan dengan teratur demi menjaga kepentingan Kerajaan antaranya kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan; Sijil Perakuan Siap Kerja diluluskan dalam tempoh yang sepatutnya; dan Arahan Perubahan Kerja diluluskan dalam tempoh kontrak;

iii. Kementerian hendaklah memastikan peraturan perolehan yang berkuat kuasa dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Sehubungan itu, Kementerian perlu melaksanakan kajian pasaran dan merasional/melaras semula harga setiap item dalam kontrak supaya harga adalah munasabah, berpatutan dan mendapat *best value for money* bagi penambahbaikan pentadbiran kontrak pada masa hadapan;

iv. Kementerian dan juga perunding yang telah dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa hendaklah memantau dan menyelia kemajuan kerja kontraktor dan memastikan kerja yang dilakukan oleh kontraktor sesuai/lengkap, mengikut spesifikasi dan berkualiti. Kerja yang tidak mematuhi spesifikasi, tidak sesuai dan tidak berkualiti perlu diambil tindakan pembaikan dengan segera; dan

v. Kementerian dan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti hendaklah memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini diambil perhatian dalam perancangan dan pelaksanaan projek yang akan datang.

[muka surat 468 – 494]

KEMENTERIAN PERTAHANAN

20. Projek Pembinaan Kolej Tentera Darat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Port Dickson, Negeri Sembilan

a. Kontrak pembinaan Kolej Tentera Darat (KTD) telah ditawarkan kepada Syarikat Sri Tinggi Sdn. Bhd. (STSB) secara rundingan terus melalui kaedah konvensional. Tempoh kontrak bermula dari 16 Jun 2008 hingga 15 Jun 2011 (36 bulan). Mesyuarat Rundingan Harga Kementerian Pertahanan memutuskan kos projek KTD

adalah berjumlah RM175.30 juta dan kelulusan Kementerian Kewangan telah diperolehi pada bulan Mei 2008. Penubuhan KTD adalah bertujuan untuk melatih Pegawai Kadet sebelum ditauliahkan sebagai Pegawai Muda untuk diserapkan ke pelbagai Kor Tentera Darat. Pengauditan yang dijalankan mendapati pembinaan projek KTD adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan yang menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* atas perbelanjaannya. Kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. kos semasa projek selepas kelulusan 3 Pelarasan Harga Kontrak adalah berjumlah RM190.90 juta iaitu berlaku peningkatan sejumlah RM15.60 juta (8.2%) berbanding dengan kos kontrak asal berjumlah RM175.30 juta;

ii. kerja tambahan di luar skop kontrak tanpa kelulusan Agensi Pelaksana dan Perunding Projek yang dituntut oleh STSB berjumlah RM7.29 juta iaitu bagi pembekalan *loose furniture* dan kerja pemasangan *ICT* meliputi *infrastructure and networking system* yang dibuat secara *deferred payment;*

iii. kualiti kemasan pembinaan yang kurang memuaskan dan rekabentuk yang kurang sesuai menimbulkan kesulitan kepada pengguna; dan

iv. lukisan *as built drawing* bagi keseluruhan projek ini lewat dikemukakan kepada Kementerian oleh STSB walaupun Perakuan Siap Kerja [*Certificate of Practical Completion* (CPC)] telah dikeluarkan pada 14 November 2011.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

i. Kementerian hendaklah memastikan perbelanjaan berhemat sentiasa diterapkan dalam pelaksanaan projek dan memastikan pengurusan kewangan dibuat secara teratur;

ii. Kementerian hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan selaras dengan arahan Kementerian Kewangan untuk mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan kerja tambahan di luar skop kontrak yang tidak mematuhi peraturan;

iii. Kementerian perlu mengarahkan pihak KTD menyenaraikan, menyelia dan memantau secara berkala ke atas kerja tidak berkualiti, tidak sempurna dan tidak menyeluruh. Kontraktor perlu diarah untuk membaiki semua kecacatan dan kerosakan yang disenaraikan sebelum Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan [*Certificate Of Completion Of Making Good Defects* (CMGD)] dikeluarkan;

iv. pihak KTD perlu menyelenggarakan Rekod Aduan Kerosakan dengan lengkap dan kemas kini untuk memantau keberkesanan pelaksanaan kerja pembaikan kecacatan dan kerosakan oleh pihak kontraktor; dan

v. Kementerian hendaklah memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini diambil perhatian dalam perancangan dan pelaksanaan projek akan datang.

[muka surat 495 – 519]

KEMENTERIAN PERTAHANAN

21. Senggaraan Pangkalan Udara Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)

a. Pangkalan Udara Labuan (PUL) mula beroperasi pada tahun 1966. Pangkalan ini meliputi kawasan anggaran keluasan 847.59 ekar termasuk Lapangan Terbang Labuan yang diletakkan di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan Malaysia

(MOT). PUL adalah di bawah kawalan Markas 2 Divisyen berfungsi untuk menjaga keselamatan, menjalankan operasi udara di Sabah dan Sarawak. Jabatan Kerja Raya (JKR) bertanggungjawab menyenggara 151 buah bangunan/fasiliti yang dibinanya dengan menjalankan pemeriksaan terhadap aduan kerosakan; menyediakan anggaran perbelanjaan yang berkaitan dan memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik. Manakala Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) pula bertanggungjawab untuk menyenggara 413 buah bangunan/fasiliti yang dibina oleh Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian) dengan memantau kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor melalui kontrak bermasa bagi tempoh yang ditetapkan. Mulai tahun 2012, Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pangkalan TUDM Labuan telah diluluskan peruntukan berjumlah RM1.05 juta untuk kerja senggaraan bangunan dan fasiliti yang dilaksanakan oleh pihak PUL sendiri. Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM13.16 juta bagi kerja senggaraan di PUL untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012 berbanding jumlah peruntukan yang diluluskan iaitu berjumlah RM13.23 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan kerja senggaraan di PUL adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tindakan pembaikan telah diambil terhadap 4,485 laporan kerosakan kerana tiada maklumat mengenainya dikemukakan;

ii. PUL tidak menyediakan perancangan kerja senggaraan 5 tahun dan tiada bukti mesyuarat penyelarasan kerja antara BPKP dan JKR diadakan seperti yang ditetapkan;

iii. sebanyak 11 kerosakan melibatkan 4 pintu utama *hangar* yang dilaporkan masih belum dibaiki;

iv. perolehan kerja bernilai RM1.28 juta sepatutnya melalui proses tender telah dipecah kecil melalui 4 sebutharga;

v. *Ground Run Up Encloser Bay* masih belum digunakan walaupun kerja menaiktaraf dan pengubahsuaian telah selesai dijalankan pada bulan Disember 2012;

vi. siling di 30 lokasi di No.14 Skuadron bocor, pecah, rosak, terbuka dan berkulat. Bagaimanapun, tiada bukti tindakan pembaikan dilaksanakan; dan

vii. sebanyak 151 unit RKAT Membedai dilaporkan tidak diduduki kerana mengalami kerosakan.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan seperti berikut:

i. merancang dengan teliti senggaraan yang perlu ke atas semua aset dengan memperuntukkan sumber kewangan secukupnya bagi memulihara aset Kerajaan;

ii. memantau dan memperbaiki kerosakan yang dilaporkan dengan segera bagi memastikan keselesaan pengguna serta menyelenggara rekod penyenggaraan dengan lebih sempurna;

iii. memastikan pembinaan berkaitan pada masa akan datang dirancang dengan lebih teliti bagi mengelakkan pembaziran;

iv. mengambil tindakan sepatutnya terhadap kuarters yang rosak dan dikosongkan; dan

v. memastikan pegawai/anggota LLP yang ditempatkan di Unit Senggara Kompleks diberikan kursus/latihan supaya mahir mengenai kerja senggaraan dan pemantauan pelaksanaan kerja penyenggaraan dengan lebih berkesan.

[muka surat 520 – 542]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

22. Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran

a. Pemerdagangan orang membawa maksud segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud tersebut. Penyeludupan migran bererti mengatur, memudahkan atau merancang secara langsung atau tidak langsung kemasukan atau pengeluaran seseorang ke dalam atau melalui atau dari mana-mana negara secara tidak sah yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap. Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (AAO) (Akta 670) yang berkuat kuasa pada bulan Februari 2008 dan Pelan Tindakan Kebangsaan yang dirangka bagi tempoh tahun 2010 hingga 2015, diwujudkan sebagai instrumen bagi menangani jenayah tersebut terutamanya yang menyentuh mengenai pencegahan, pemulihan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang termasuk pendakwaan. Akta ini telah dipinda bagi memasukkan bahagian baru khusus untuk menangani jenayah penyeludupan migran dan berkuat kuasa mulai 15 November 2010. Akta ini kemudiannya dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta AOAM 2007). Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO) telah ditubuhkan selaras dengan penguatkuasaan AAO pada 28 Februari 2008. Berikutan berkuat kuasa pindaan Akta sedia ada, maka MAPO kini dikenali sebagai Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. MAPO dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh KSU/Ketua Jabatan dari beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan serta wakil daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau organisasi lain yang diperuntukkan oleh Akta. Menteri Dalam Negeri memberikan MAPO arahan berkaitan fungsi serta kuasa yang tidak berlawanan dengan Akta dan MAPO hendaklah melaksanakan arahan itu. Bagi tahun 2010, tiada peruntukan diluluskan bagi program ini. Bagaimanapun, pada tahun 2011 peruntukan kewangan yang telah diluluskan berjumlah RM15.37 juta. Semakan Audit menunjukkan pada tahun 2012, Malaysia disenaraikan di Tahap 2 Senarai Pemerhatian mengikut pencapaian Laporan Pemerdagangan Manusia/*Trafficking In Persons Report* (Laporan TIP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS). Pencapaian Laporan TIP diukur berdasarkan pematuhan standard minimum Akta Perlindungan Pemerdagangan Dan Keganasan/Trafficking Victims Protection Act (TVPA) oleh negara dunia dalam memerangi dan menangani isu pemerdagangan manusia. Pengauditan yang dijalankan mendapati pencapaian pelaksanaan Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran (AOAM) adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. perancangan kewangan program tidak disediakan dengan teliti dan peruntukan tidak dibelanjakan mengikut tujuan ia disediakan;

ii. kelemahan dalam penyelarasan program dan tindakan bersepadu antara Jawatankuasa; dan

iii. kelemahan dalam penyelarasan dan pemantauan program oleh MAPO.

b. Memandangkan negara Malaysia masih berada di Tahap 2 Senarai Pemerhatian Dalam Laporan TIP oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat bagi tempoh 3 tahun berturut-turut, Kerajaan Malaysia melalui MAPO perlu memberi penekanan seperti berikut:

i. semua Kementerian/Jabatan/Agensi dan NGO yang terlibat secara langsung dengan program AOAM perlu merancang peruntukan kewangan dengan teliti dan membelanjakannya mengikut tujuan ia diperuntukkan. Ini supaya perancangan dan pelaksanaan terhadap aktiviti penguatkuasaan Akta AOAM 2007 tidak terjejas dan bagi memastikan hasrat program dapat dicapai dengan lebih berkesan;

ii. Jabatan Peguam Negara perlu terus berusaha untuk merangka dan memperbaiki perundangan yang melibatkan peraturan yang memberi kesan kepada kelancaran pelaksanaan penguatkuasaan Akta. Antaranya yang berkaitan dengan peraturan dalam menguatkuasakan Akta oleh Agensi Penguatkuasaan serta peraturan dan pengurusan RP khususnya peruntukan berhubung pewartaan RP NGO dan kakitangan NGO sebagai pegawai pelindung. Khidmat NGO dalam penjagaan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang yang akan diwarta dan diperluaskan dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan;

iii. Kerajaan Malaysia perlu peka dan mengambil tindakan proaktif terhadap semua saranan oleh JNAS berhubung pelaksanaan Program AOAM. Ini termasuklah dalam memastikan tindakan bersepadu di kalangan Agensi Penguatkuasaan dipertingkatkan. Kerajaan melalui MAPO perlu memastikan mesyuarat Jawatankuasa Penguatkuasaan diadakan mengikut ketetapan supaya sebarang perkara/permasalahan berbangkit oleh Agensi Penguatkuasaan berhubung penguatkuasaan Akta dibincang dan diselesaikan; dan

iv. Kerajaan perlu mempertimbangkan untuk meningkatkan infrastruktur dan menambah bilangan rumah perlindungan di lokasi yang lebih strategik bagi keselesaan dan kemudahan pengurusan mangsa.

[muka surat 543 – 583]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis DiRaja Malaysia

23. Pengurusan Kehilangan Aset

a. Aset Kerajaan atau barang-barang awam ialah harta benda kepunyaan atau milikan di bawah kawalan Kerajaan yang diklasifikasikan seperti Aset Alih, Aset Tak Alih, Aset Hidup dan Aset Intelek. Aset Kerajaan merupakan pelaburan negara dan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Oleh yang demikian, pengurusan aset wajar diberi keutamaan oleh semua Kementerian/Jabatan. Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pengurusan aset Kerajaan

dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan yang meliputi aspek penerimaan; pendaftaran; penggunaan, penyimpanan; pemeriksaan; penyenggaraan; pelupusan; kehilangan dan hapus kira. Antara aset yang diuruskan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah seperti senjata api, gari, *walkie talkie* dan kenderaan. Pengurusan aset yang tidak teratur dan bersistematik boleh menyebabkan berlakunya kehilangan aset terutamanya senjata api dan gari yang boleh mengancam keselamatan awam. Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik dan Unit Jawatankuasa Siasatan/*Commission Of Enquiry* (CE), Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman adalah bertanggungjawab dalam pengurusan kehilangan aset PDRM. Berdasarkan laporan statistik kehilangan aset yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik, PDRM bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 309 unit aset bernilai RM1.33 juta telah dilaporkan hilang. Jenis kehilangan aset yang terbanyak adalah gari sebanyak 156 unit dan diikuti dengan senjata api dan kenderaan, masing-masing sebanyak 44 dan 29 unit. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan kehilangan aset di Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK yang diperiksa adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. kehilangan aset lewat dikesan;
ii. kelewatan melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dan Polis;
iii. Ketua Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal kehilangan aset;
iv. Jawatankuasa Penyiasat kes kehilangan aset lewat ditubuhkan;
v. Jawatankuasa Penyiasat lewat menyediakan Laporan Akhir kehilangan aset;
vi. Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira lewat mengambil tindakan susulan berhubung laporan kes kehilangan aset;
vii. kelewatan mengambil tindakan di peringkat Kontinjen setelah kelulusan hapus kira oleh Kuasa Melulus;
viii. kelewatan mengambil tindakan proses surcaj;
ix. tempat penyimpanan selamat aset tidak disediakan; dan
x. ruang penyimpanan aset adalah terhad/sempit.

b. Bagi memastikan pengurusan kehilangan aset dilaksanakan dengan teratur dan cekap serta meningkatkan keselamatan aset PDRM, adalah disyorkan PDRM mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

i. memastikan pemeriksaan berkala dilaksanakan mengikut ketetapannya supaya dapat mengesan kes kehilangan aset;
ii. memastikan pematuhan kepada penetapan norma masa proses kerja hapus kira aset supaya punca berlaku kehilangan aset dapat dikenal pasti dengan segera. Langkah untuk mencegah berulangnya kejadian kehilangan aset juga dapat diambil tindakan terutamanya kehilangan yang melibatkan aset dalam kategori keselamatan seperti senjata api dan gari kerana ia boleh mengancam keselamatan awam;
iii. memastikan kehilangan aset yang berpunca daripada kecurian, penipuan atau kecuaian pegawai/anggota dikenakan tindakan surcaj atau tatatertib supaya menjadi satu usaha pencegahan bagi mengawal kes kehilangan;

iv. memastikan pelantikan Jawatankuasa Penyiasat dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) mengikut arahan sedia ada dan bukan di peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) bagi memastikan ketelusan penyiasatan kes kehilangan aset. Amalan di IPK Selangor menunjukkan pelantikan Jawatankuasa Penyiasat dibuat di peringkat IPD;

v. memastikan tempat penyimpanan aset yang selamat dan sesuai disediakan bagi mengawal berlakunya kehilangan aset;

vi. memastikan pematuhan kepada prosedur dan peraturan/arahan berhubung pengurusan aset yang boleh dijadikan mekanisme pencegahan supaya kes kehilangan aset dapat dikawal;

vii. menyimpan/menyelenggarakan fail kes/dokumen berkaitan kehilangan aset dengan teratur dan sistematik bagi memudahkan rujukan;

viii. meningkatkan bilangan kursus yang spesifik mengenai pengurusan kes kehilangan aset bagi memastikan latihan mencukupi seterusnya meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai/anggota; dan

ix. memastikan pegawai/anggota mencukupi dan kompeten untuk menguruskan kes kehilangan aset.

[muka surat 584 – 609]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Pendaftaran Negara

24. Pengurusan Kad Pintar Pelbagai Guna MyKad

a. Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPN) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri. Objektif JPN adalah untuk mengumpul dan menyelenggara rekod kelahiran; kematian; anak angkat; kad pengenalan; perkahwinan/penceraian dan kewarganegaraan bagi semua penduduk Malaysia. Bahagian utama di JPN yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan kad pintar pelbagai guna MyKad ialah Bahagian Kad Pengenalan (BKP) dan Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna. MyKad struktur baharu telah dilancarkan pada 3 Januari 2012. Tujuan penggantian MyKad struktur baharu daripada MyKad versi lama adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan, peningkatan kualiti serta pemilikan *Operating System* dan *plate* pencetak. JPN memperuntukkan sejumlah RM83.67 juta (2010), RM67.31 juta (2011) dan RM66.14 juta (2012) untuk perbelanjaan mengurus. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan RM0.54 juta (2010), RM17.68 juta (2011) dan RM9.38 juta (2012). Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan kad pintar pelbagai guna MyKad adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

   i. prosedur kualiti tidak dipatuhi;

   ii. kelewatan penyiapan MyKad;

   iii. bayaran bagi penyewaan mesin pencetak yang tidak diguna;

   iv. kelemahan pengurusan pelupusan MyKad rosak; dan

   v. kelemahan pengurusan alat pembaca MyKad.

b. Pihak Audit mengesyorkan supaya JPN mengambil tindakan seperti berikut:

   i. memastikan dasar, peraturan dan piagam pelanggan yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya;

   ii. memastikan kad mentah dan MyKad yang telah siap dicetak disimpan di tempat penyimpanan yang lebih sesuai dan selamat memandangkan bahan-bahan tersebut bernilai tinggi; dan

   iii. mengambil tindakan segera dengan memberi notis penamatan kepada syarikat pembekal mesin pencetak bagi mengelak pembayaran berterusan dilakukan.

[muka surat 610 – 643]

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

25. Pengurusan Terhadap Prestasi Kewangan Dan Pengawasan Syarikat Kerajaan

a. Setakat bulan Februari 2013, sejumlah RM30.74 bilion telah dilaburkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam 60 syarikat di mana Kerajaan Persekutuan memegang lebih daripada 50% modal saham berbayar. Pengauditan terhadap 60 syarikat Kerajaan dan analisis Audit terhadap 57 syarikat mendapati perkara seperti berikut:

   i. secara keseluruhan, jumlah pendapatan syarikat bagi tahun 2011 adalah sejumlah RM263.50 bilion meningkat sejumlah RM5.947 bilion (2.3%) berbanding tahun 2010;

   ii. pada tahun 2011, sebanyak 37 syarikat (65.0%) telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM102.355 bilion manakala 20 syarikat (35.1%) yang lain mengalami kerugian berjumlah RM2.154 bilion;

   iii. terdapat peningkatan pegangan aset pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 iaitu RM776.849 bilion dan RM699.770 bilion masing-masing;

   iv. berlaku peningkatan jumlah liabiliti pada tahun 2011 iaitu RM379.702 bilion berbanding tahun 2010 iaitu RM365.002 bilion;

   v. sebanyak 31 syarikat (54.4%) menunjukkan peningkatan dana pemegang saham bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 manakala 9 syarikat (15.8%) mengalami penurunan dana secara berterusan dan 7 syarikat (12.3%) telah mengalami ketidakcukupan dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut;

   vi. pada tahun 2011, sebanyak 28 syarikat (49.1%) telah membayar cukai berjumlah RM25.439 bilion kepada Kerajaan iaitu menurun 11.7% berbanding tahun 2010 berjumlah RM29.255 bilion;

   vii. sehingga bulan Februari 2013, didapati 21 syarikat (36.8%) telah membayar dividen bagi tahun kewangan 2011 yang berjumlah RM29.454 bilion, namun 10 syarikat yang telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 3 tahun berturut-turut tidak mengisytiharkan/mencadangkan dividen;

   viii. terdapat 29 syarikat (50%) telah memohon dan diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk membayar bonus/imbuhan/*ex-gratia* bagi tahun 2011 dan 7 syarikat daripadanya mengalami kerugian; dan

ix. selain itu terdapat beberapa kelemahan dari aspek pengawasan oleh Kementerian Kewangan antaranya tiada pemantauan oleh wakil Kerajaan sebagai ahli Lembaga Pengarah, laporan portfolio pelaburan Bahagian MKD belum dimuktamadkan dan terdapat syarikat yang tidak mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan.

b. Pihak Audit mengesyorkan pihak Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD) mempertimbangkan perkara berikut:

i. memuktamadkan segera dasar dan Garis Panduan pembayaran bonus, dividen, peranan dan tanggungjawab wakil Kerajaan serta prosedur pemilihan dan pelanjutan wakil Kerajaan dalam Ahli Lembaga; dan

ii. memastikan syarikat memberikan justifikasi yang jelas untuk ketidakcapaian KPInya.

[muka surat 648 – 673]

26. Pengurusan Khazanah Nasional Berhad

a. Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) diperbadankan pada 3 September 1993 dengan kini mempunyai modal berbayar berjumlah RM8.443 bilion. Khazanah diberi kuasa sebagai pelabur strategik Kerajaan yang menumpukan kepada industri kewangan; media dan komunikasi; utiliti; teknologi maklumat; dan pengangkutan serta menerima peruntukan/geran untuk melaksanakan projek yang diluluskan. Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut:

i. secara keseluruhannya prestasi kewangan Khazanah adalah baik di mana syarikat berjaya mencatat keuntungan bersih 4 tahun berturut-turut serta aliran tunai yang stabil;

ii. pada umumnya aktiviti pengurusan dan pemantauan pelaburan telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan;

iii. terdapat kelemahan dalam pengurusan geran/peruntukan yang diterima bagi pelaksanaan projek yang diluluskan;

iv. terdapat 2 daripada 3 komponen projek yang telah siap bagi geran iSHARP masih belum diserahkan kepada agensi Kerajaan manakala komponen Sea Water Intake System bagi projek iSHARP di Setiu, Terengganu gagal disiapkan oleh kontraktor yang dilantik; dan

v. kelemahan dalam peraturan pengurusan dan kewangan syarikat seperti keahlian Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak selaras dengan peraturan yang ditetapkan; tiada kriteria dalam menentukan kaedah perolehan; kelewatan dalam kutipan balik pendahuluan tunai dan pengurusan aset yang tidak teratur.

b. Bagi memantapkan lagi pencapaian aktiviti dan tadbir urus organisasi adalah disyorkan supaya Khazanah mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

i. Pengurusan Khazanah hendaklah memastikan pengurusan dan pemantauan geran diseragam dan dipertingkatkan seperti mengadakan perbincangan dengan

pihak Kerajaan, menetapkan impak yang hendak dicapai dan memastikan pihak kontraktor mematuhi terma dan syarat geran;

ii. Lembaga Pengarah Khazanah boleh meminda *The Audit and Risk Committee Charter* seperti amalan terbaik yang dicadangkan dalam *Malaysia Code Of Corporate Governance*; dan

iii. Pengurusan Khazanah juga perlu memastikan semua aset yang dibeli oleh syarikat digunakan seperti mana justifikasi perolehannya.

[muka surat 674 – 715]

27. Malaysia Debt Ventures Berhad

a. Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah ditubuhkan pada 23 April 2002 dengan modal berbayar berjumlah RM100 juta. Pada tahun 2010, MKD telah meluluskan untuk menambah modal berbayar MDV berjumlah RM150 juta yang menjadikan modal berbayar MDV kini berjumlah RM250 juta. Syarikat yang dimiliki 99% sahamnya oleh MKD dan baki 1% oleh Pesuruhjaya Tanah Dan Galian Persekutuan telah diberi mandat sebagai pembiaya inovatif perdana dan fasilitator pembangunan ICT, *Biotechnology* (Biotech) dan Teknologi Hijau di Malaysia. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya MDV telah berjaya di dalam memberi pinjaman dan pembiayaan seperti mandat yang diberikan. Prestasi kewangan MDV adalah semakin baik. Ini adalah kerana MDV telah mencatat peningkatan keuntungan sejumlah RM13.91 juta pada tahun 2010, RM15.66 juta pada tahun 2011 dan RM22.46 juta pada tahun 2012 sungguhpun mengalami kerugian RM58.21 juta pada tahun 2009. Aliran tunai MDV adalah positif bagi tempoh 4 tahun berturut-turut. Prestasi aktiviti MDV adalah memuaskan kerana pencapaian tahunan semakin meningkat dalam jumlah pengeluaran pinjaman dan terimaan bayaran balik pinjaman. Bagaimanapun, terdapat kelemahan pengurusan pinjaman seperti berikut:

   i. pengurusan aktiviti secara keseluruhannya daripada permohonan pinjaman sehingga kutipan bayaran balik adalah memuaskan. Namun terdapat kelemahan yang melibatkan proses pemberian pinjaman/pembiayaan, pengurusan *Non Performing Loans* (NPL) dan pemantauan pinjaman/pembiayaan; dan

   ii. Projek Sistem Maklumat Berkomputer (ICFS) masih belum digunakan walaupun sistem ini telah dilancarkan pada bulan Jun 2011.

b. Bagi memastikan peranan sebagai institusi kewangan yang menyediakan kemudahan pinjaman/pembiayaan dengan lebih cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan MDV mempertimbangkan perkara berikut:

   i. pihak pengurusan MDV perlu menetapkan syarat tambahan sekiranya permohonan pinjaman tidak menepati kriteria asas untuk kelulusan pinjaman bagi menjaga kepentingan MDV pada masa hadapan;

ii. pihak pengurusan MDV perlu meningkatkan pemantauan dan penyeliaan untuk memastikan *annual review* dilaksanakan terhadap semua pinjaman/pembiayaan selaras dengan polisi kredit MDV;

iii. bagi memastikan sistem ICFS dapat digunakan secara optimum di dalam masa terdekat, pengurusan MDV perlu memantau rapi proses *re-migration* data. Di samping itu, pengurusan MDV perlu mengadakan klausa melalui satu perjanjian tambahan berkenaan latihan di bawah AMS sekiranya ia tidak dilaksanakan sepenuhnya di dalam tempoh kontrak;

iv. pengurusan MDV perlu mewujudkan mekanisme kawalan tambahan kepada syarikat yang mempunyai lebih dari satu pinjaman serta memberi keutamaan untuk mengkaji punca pinjaman dikelaskan menjadi NPL dalam masa yang singkat. Ini bagi memastikan pinjaman/pembiayaan dipantau dengan rapi dan mengambil tindakan sewajarnya dengan lebih awal;

v. bagi memastikan kepentingan MDV terjamin di dalam tuntutan ganjaran ke atas aset dan peralatan yang dibiayai sekiranya berlaku sebarang kehilangan/ kerosakan, nama MDV dicatatkan sebagai benefisiari di dalam polisi insurans;

vi. pengurusan MDV menyediakan prosedur spesifik untuk kelulusan pinjaman bagi projek yang dilaksanakan di luar negara; dan

vii. pengurusan MDV perlu mengkaji semula prosedur pinjaman untuk mengambil kira elemen penilaian kos projek.

[muka surat 716 – 748]

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 24 aktiviti di 13 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk dilaporkan bagi Siri 2 ini. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan. Perkara yang diperhatikan daripada pengauditan, 24 aktiviti dilaporkan secara terperinci termasuk syor-syor Audit bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

2. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
- PENGURUSAN CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melaksanakan Sistem Taksir Sendiri (STS) bagi syarikat mulai tahun 2001. Pelaksanaan sistem ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat melapor dan membayar cukai yang dikenakan/baki cukai kena dibayar secara sukarela. Bagi mengesahkan ketepatan cukai pendapatan yang dilaporkan oleh syarikat melalui sistem ini, LHDNM menjalankan aktiviti audit cukai untuk mengesan tahap pematuhan syarikat terhadap undang-undang percukaian dan mendidik syarikat ke arah pematuhan cukai secara sukarela. Sehubungan ini, LHDNM menjalankan 2 jenis pengauditan cukai seperti berikut:

2.1.1.1. **Audit Luar** - pengauditan cukai dijalankan oleh Unit Audit Luar, LHDNM di premis perniagaan syarikat selepas syarikat dimaklumkan terlebih dahulu. Audit luar dilaksanakan terhadap kes yang telah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan Syarikat (Borang C) dan kes yang tidak mengemukakan Borang C. Pemeriksaan terhadap rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai dilaksanakan untuk memastikan sama ada

pendapatan yang sepatutnya dilapor, cukai yang sepatutnya dikira dan dibayar adalah mengikut undang-undang dan peraturan percukaian. Ianya melibatkan pemeriksaan dan pengesahan maklumat berisiko kepada pengiraan cukai.

2.1.1.2. **Audit Meja** - pengauditan cukai dijalankan oleh Unit Audit Meja, LHDNM di pejabat LHDNM. Audit meja melibatkan isu pelarasan cukai yang mudah dan dikendalikan melalui surat-menyurat. Bagaimanapun, pembayar cukai boleh dipanggil ke pejabat LHDNM untuk ditemu duga bagi tujuan mendapatkan dokumen sokongan dan maklumat lanjut. Bagi kes syarikat yang telah mengemukakan Borang C, penyemakan audit meja dibuat untuk menentukan ketepatan maklumat percukaian syarikat. Manakala bagi kes yang tidak mengemukakan Borang C, taksiran anggaran dikeluarkan kepada syarikat.

2.1.2. Pemilihan kes audit luar dijalankan oleh Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) LHDNM di Ibu Pejabat melalui *Tax Audit & Compliance Systems* (TACS) berasaskan analisis risiko manakala pemilihan kes audit meja pula melalui '*Event Triggered'.* Bagaimanapun, Pengarah Cawangan LHDNM dibenarkan memilih kes tambahan audit luar dan audit meja di mana bagi kes tambahan audit luar, perlu dikemukakan kepada JPC LHDNM di Ibu Pejabat untuk kelulusan sebelum audit luar dimulakan. Bagi kes tambahan audit meja, Pengurus Audit boleh mencadang dan mengagihkan kes kepada Pegawai Audit Meja.

2.1.3. Pada umumnya, audit luar lebih berkesan berbanding audit meja bagi mengesan pengelakan cukai dan seterusnya dapat meningkatkan pematuhan cukai kerana audit luar dapat menjejaki dokumen sumber dan buku rekod untuk pengesahan terhadap ketepatan pengiraan cukai yang dikemukakan oleh syarikat.

2.1.4. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, Unit Audit Luar di 31 Cawangan LHDNM telah menyelesaikan pemeriksaan terhadap 10,347 fail syarikat. Hasil cukai tambahan dan penalti yang dibangkitkan oleh audit luar syarikat bagi tempoh 3 tahun tersebut adalah berjumlah RM1,391.02 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
FAIL SYARIKAT YANG DISELESAIKAN OLEH AUDIT LUAR SERTA CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI YANG DIKENAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	AUDIT LUAR	
	BIL. FAIL	CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
2010	2,879*	453.71
2011	2,632*	507.95
2012	4,836**	429.36
JUMLAH	**10,347**	**1,391.02**

Sumber : (*) - Knowledge Based System (Kbase)
(**) - Jabatan Pematuhan Cukai

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan cukai pendapatan terhadap syarikat telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan cukai pendapatan syarikat. Persampelan adalah berasaskan fail audit luar syarikat yang diagihkan dan diselesaikan dalam tempoh tahun 2010 hingga bulan Julai 2012. Sebanyak 1,605 fail (32.2%) daripada 4,992 fail yang diperiksa oleh Pegawai Audit Luar di Jabatan Cukai Korporat, Kuala Lumpur serta 13 Cawangan LHDNM di Muar, Melaka, Seremban, Ipoh, Alor Setar, Kangar, Pulau Pinang, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Kuching, Kota Kinabalu dan Labuan telah dipilih untuk pengauditan. Dalam skop audit meja pula, data taksiran anggaran disemak untuk kes syarikat yang tidak mengemukakan Borang C. Selain itu, data pungutan cukai yang diuruskan oleh Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu juga telah diperiksa.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan Audit dibuat terhadap rekod dan data aktiviti taksiran serta aktiviti pungutan cukai. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai LHDNM yang berkenaan juga telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2012 hingga Januari 2013 mendapati pada keseluruhannya pengurusan cukai pendapatan syarikat adalah memuaskan. Berdasarkan persampelan audit, sungguhpun prestasi pencapaian *Key Performance Indicators* (KPI) Cawangan bagi audit luar terhadap syarikat adalah baik, namun terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti taksiran dan pungutan cukai seperti berikut:

i. sebanyak 1,422 kes audit luar lewat diselesaikan antara 1 bulan hingga 5 tahun melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM189.82 juta;

ii. senarai semak audit tidak diisi bagi 656 syarikat di mana cukai tambahan dan penalti dikenakan berjumlah RM61.74 juta;

iii. notis peringatan tidak dikeluarkan kepada 87 syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap;

iv. pemantauan integriti Pegawai Audit Luar melalui lawatan mengejut adalah kurang memuaskan bagi Jabatan Cukai Korporat dan 8 cawangan lain;

v. notis taksiran anggaran berjumlah RM3.52 juta tidak dikeluarkan terhadap 44 syarikat;

vi. tunggakan cukai bagi 147 syarikat berjumlah RM54.03 juta;

vii. kenaikan cukai (denda) berjumlah RM4.25 juta tidak dikenakan terhadap tunggakan cukai dan kegagalan mematuhi skim anggaran cukai yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan; dan

viii. tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah tidak dikenakan terhadap syarikat yang tidak menjelaskan tunggakan cukai.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas LHDNM adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Pencapaian KPI Cawangan

Penetapan prestasi KPI Cawangan dikaitkan dengan bilangan Pegawai Audit Luar yang diisi dan bilangan fail/kes tahun taksiran selesai. Bagi tahun 2010 dan 2011, pengukuran prestasi KPI adalah berdasarkan bilangan fail selesai (melibatkan satu atau lebih tahun taksiran). Manakala bagi tahun 2012, pengukuran prestasi KPI adalah berdasarkan bilangan kes selesai (tahun taksiran). Semakan Audit mendapati satu jabatan dan 12 cawangan yang diaudit berjaya mencapai prestasi KPI yang ditetapkan antara 102% hingga 164%. Bagaimanapun, Cawangan LHDNM Labuan hanya mencapai 94% bagi tahun 2010, tetapi bertambah baik kepada 112% pada tahun 2011 dan seterusnya meningkat kepada 123% pada tahun 2012. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
PENCAPAIAN *KEY PERFORMANCE INDICATORS*
UNIT AUDIT LUAR SYARIKAT DI JABATAN/CAWANGAN
UNTUK TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

JABATAN/CAWANGAN	TAHUN 2010 (%)	TAHUN 2011 (%)	TAHUN 2012 (%)
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	150	121	133
Muar	117	106	112
Melaka	121	125	120
Seremban	124	116	122
Ipoh	164	126	130
Alor Setar	113	102	112
Kangar	111	153	125
Pulau Pinang	161	148	131
Kuantan	129	117	117
Kuala Terengganu	124	136	128
Kota Bharu	131	128	108
Kuching	143	129	117
Kota Kinabalu	111	116	124
Labuan	94	112	123

Sumber : Knowledge Based System (Kbase)

Pada pendapat Audit, prestasi audit luar bagi kes syarikat adalah baik kerana pencapaian prestasi KPI melebihi 100%.

2.5.2. Kelewatan Menyelesaikan Kes

2.5.2.1. Rangka Audit Cukai yang dikeluarkan oleh LHDNM dan berkuat kuasa mulai Januari 2009 menetapkan setiap kes audit luar perlu diselesaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh lawatan Audit. **Semakan Audit mendapati 1,422 kes melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM189.82 juta telah lewat diselesaikan oleh Audit luar LHDNM antara 32 hari hingga 1,812 hari (5 tahun) selepas mengambil kira tempoh 3 bulan dari tarikh lawatan Audit.** Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.3** dan **Jadual 2.3A**.

JADUAL 2.3
KELEWATAN PENYELESAIAN KES AUDIT LUAR SYARIKAT

JABATAN/ CAWANGAN	> 32 HARI HINGGA 6 BULAN (A)		> 6 BULAN HINGGA 1 TAHUN (B)		> 1 HINGGA 2 TAHUN (C)		> 2 TAHUN (RUJUK JADUAL 2.3A) (D)		JUMLAH KELEWATAN (E = A+B+C+D)	
	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI DAN TEMPOH KELEWATAN (RM)/HARI
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	167	47,289,911	143	80,209,570	50	20,337,993	11	1,894,067	371	149,731,541 (34 - 1,041)
Muar	59	1,776,566	23	1,226,510	9	205,790	-	-	91	3,208,866 (33 - 673)
Melaka	67	705,143	25	373,553	8	53,989	-	-	100	1,132,685 (36 - 415)
Seremban	41	1,011,643	6	34,750	8	670,808	1	72,002	56	1,789,203 (34 - 917)
Ipoh	103	1,962,781	11	71,765	3	44,568	-	-	117	2,079,114 (34 - 547)
Alor Setar	68	878,872	18	573,642	12	439,400	-	-	98	1,891,914 (32 - 558)
Kangar	15	72,294	3	50,798	2	11,384	4	49,404	24	183,880 (92 - 871)
Pulau Pinang	91	4,325,170	31	1,327,902	11	666,150	-	-	133	6,319,222 (33 - 602)
Kuantan	30	293,127	8	232,258	-	-	-	-	38	525,385 (47 - 252)
Kuala Terengganu	10	549,016	8	437,801	-	-	-	-	18	986,817 (33 - 348)
Kota Bharu	27	44,730	37	785,874	26	1,044,250	-	-	90	1,874,854 (38 - 668)
Kuching	23	806,153	1	161,312	-	-	-	-	24	967,465 (33 - 179)
Kota Kinabalu	115	3,742,865	55	2,748,318	46	4,900,502	41	7,681,610	257	19,073,295 (38 - 1,812)
Labuan	3	8,955	-	-	2	44,502	-	-	5	53,457 (105 - 707)
JUMLAH	**819**	**63,467,226**	**369**	**88,234,053**	**177**	**28,419,336**	**57**	**9,697,083**	**1,422**	**189,817,698 (32 - 1,812)**

JADUAL 2.3A
PERINCIAN KELEWATAN PENYELESAIAN KES
AUDIT LUAR SYARIKAT MELEBIHI 2 TAHUN

JABATAN/ CAWANGAN	> 2 HINGGA 3 TAHUN (A)		> 3 HINGGA 4 TAHUN (B)		> 4 HINGGA 5 TAHUN (C)		JUMLAH	
	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI DAN TEMPOH KELEWATAN (RM) / TAHUN DAN BULAN
Korporat, Kuala Lumpur	11	1,894,067	-	-	-	-	11	1,894,067 (Melebihi 2 Tahun - 2 Tahun 10 Bulan)
Seremban	1	72,002	-	-	-	-	1	72,002 (2 Tahun 6 Bulan)
Kangar	4	49,404	-	-	-	-	4	49,404 (2 Tahun 4 Bulan)
Kota Kinabalu	16	201,817	13	2,247,091	12	5,232,702	41	7,681,610 (Melebihi 2 Tahun - 5 Tahun)
JUMLAH	**32**	**2,217,290**	**13**	**2,247,091**	**12**	**5,232,702**	**57**	**9,697,083 (Melebihi 2 Tahun - 5 Tahun)**

2.5.2.2. Antara sebab kelewatan penyelesaian kes Audit luar adalah kerana syarikat kurang memberi kerjasama atau lewat mengemukakan dokumen; kes rumit/besar; tumpuan kepada kes baru; pegawai kurang pengalaman dan pengambilalihan kes oleh pegawai lain. Kesan daripada kelewatan menyelesaikan kes menyebabkan LHDNM lewat mengeluarkan notis taksiran tambahan dan seterusnya lewat mengutip cukai.

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 15 Mei 2013

LHDNM akan mempertingkatkan pemantauan terhadap kes-kes yang sedang diaudit bagi mengurangkan bilangan kes yang lewat diselesaikan. Sehubungan ini, perbincangan bersama Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit dalam Mesyuarat Tunggakan Kes amat membantu dalam menyelesaikan kes rumit yang tertunggak.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kemajuan kerja bagi setiap kes syarikat perlu dipertingkatkan untuk memastikan ianya diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

2.5.3. Syarikat Mengisi Kod Perniagaan Yang Tidak Tepat

Mengikut Bahagian C Manual Prosedur Kerja Audit Luar, surat pemberitahuan kod perniagaan yang betul perlu dikeluarkan kepada syarikat yang mengisi Borang C dengan kod perniagaan yang tidak tepat. Semakan Audit mendapati Borang C bagi 91 syarikat melibatkan 191 kes telah mengisi kod perniagaan yang tidak tepat. Bagaimanapun, Pegawai Audit Luar yang membuat pembetulan kod perniagaan di menu taksiran tambahan tidak memaklumkannya kepada syarikat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.4
BILANGAN SYARIKAT/KES YANG TIDAK DIMAKLUMKAN PEMBETULAN KOD PERNIAGAAN

CAWANGAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES
Melaka	2	5
Seremban	3	5
Alor Setar	4	8
Kangar	2	2
Pulau Pinang	2	5
Kuantan	10	17
Kuala Terengganu	1	1
Kota Bharu	43	111
Kuching	19	21
Kota Kinabalu	5	16
JUMLAH	**91**	**191**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013

Sebahagian Cawangan LHDNM telah mengeluarkan surat berkaitan kod perniagaan yang tidak tepat kepada syarikat. Manakala sebahagian Cawangan LHDNM yang lain akan mengeluarkan surat tersebut. Selain itu, subseksyen 113(1)(b) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 memperuntukkan pengenaan penalti/kompaun terhadap pembayar cukai yang sengaja tidak mengisi kod perniagaan/mengisi kod perniagaan yang tidak tepat.

Pada pendapat Audit, matlamat mendidik pembayar cukai menggunakan kod perniagaan yang betul tidak tercapai sepenuhnya. Syarikat yang mengisi kod perniagaan yang tidak tepat akan menjejaskan pemilihan kes yang berdasarkan kod perniagaan sesuatu industri. Seterusnya ia akan memberi gambaran yang tidak benar terhadap syarikat tersebut serta menghasilkan keputusan dan impak Audit cukai yang tidak tepat. Sehubungan dengan ini, LHDNM perlu mengambil tindakan pendakwaan pembayar cukai ke mahkamah di bawah subseksyen 113(1)(b) ACP 1967 atau menguatkuasakan subseksyen 113(2)(b) ACP 1967 untuk mengenakan penalti terhadap pembayar cukai yang sengaja tidak mengisi kod perniagaan/mengisi kod perniagaan yang tidak tepat.

2.5.4. Ketidakpatuhan Kepada Prosedur Kerja

Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dari segi ketidakpatuhan prosedur kerja seperti berikut:

2.5.4.1. Senarai Semakan Audit (Audit Checklist) Tidak Diisi

Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Luar, senarai semakan Audit (Audit checklist) hendaklah digunakan bagi syarikat yang mempunyai rekod

perakaunan yang lengkap untuk memastikan prosedur pengauditan dijalankan dengan teratur dan seterusnya menentukan amaun cukai pendapatan yang betul dilaporkan. Pemeriksaan Audit mendapati senarai semakan Audit tidak diisi bagi 656 syarikat melibatkan 1,324 kes di mana cukai tambahan dan penalti berjumlah RM61.74 juta telah dikenakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan jumlah cukai tambahan dan penalti yang telah dikenakan. Bilangan syarikat/kes yang tidak diisi senarai semakan Audit mengikut cawangan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.5
BILANGAN SYARIKAT/KES YANG TIDAK DIISI SENARAI SEMAKAN AUDIT

JABATAN/CAWANGAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	199	352	44.97
Muar	68	68	1.92
Seremban	79	142	1.29
Ipoh	118	370	3.89
Alor Setar	54	97	0.96
Pulau Pinang	65	127	3.55
Kota Bharu	47	110	2.05
Kota Kinabalu	26	58	3.11
JUMLAH	**656**	**1,324**	**61.74**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 14 April Hingga 3 Mei 2013

LHDNM akan memastikan senarai semakan Audit dijadikan sebagai panduan bagi kes-kes yang sedang diaudit.

Pada pendapat Audit, senarai semakan Audit merupakan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi memastikan segala tatacara pemeriksaan telah dijalankan untuk menentukan ketepatan jumlah cukai tambahan dan penalti yang dikenakan. Sehubungan ini, bagi kes yang mempunyai rekod perniagaan yang lengkap, senarai semakan Audit wajib diisi. Kecuaian mengisi senarai semakan Audit wajar dikenakan tindakan tatatertib.

2.5.4.2. Notis Peringatan Tidak Dikeluarkan Terhadap Kes Rekod Tidak Lengkap

Peruntukan seksyen 82 dan 82A, Akta Cukai Pendapatan 1967 menghendaki pembayar cukai menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan pendapatan atau kerugian daripada perniagaan ditentukan. Semakan Audit mendapati notis di bawah subseksyen 82(3) ACP 1967 tidak dikeluarkan sebagai peringatan kepada 87 syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.6
BILANGAN SYARIKAT/KES YANG GAGAL MENYIMPAN REKOD DENGAN LENGKAP DAN TIDAK DIKELUARKAN NOTIS PERINGATAN

JABATAN/CAWANGAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	15	26
Seremban	17	18
Alor Setar	6	12
Pulau Pinang	3	4
Kuantan	2	3
Kuala Terengganu	1	1
Kota Bharu	3	9
Kuching	38	39
Kota Kinabalu	1	4
Labuan	1	6
JUMLAH	**87**	**122**

Pada pendapat Audit, tindakan tidak mengeluarkan notis peringatan kepada syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap adalah tidak selaras dengan hasrat Audit luar yang berperanan mendidik pembayar cukai. Sehubungan ini, LHDNM perlu menambah baik aplikasi *Case Management System* (CMS) bagi membolehkan notis di bawah subseksyen 82(3) ACP 1967 sebagai peringatan kepada syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap dijana terus daripada sistem. Jika syarikat melakukan kesalahan berulang, tindakan pendakwaan hendaklah diambil di bawah subseksyen 119A(a) ACP 1967.

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013

Tiga Cawangan LHDNM telah mengeluarkan notis peringatan rekod tidak lengkap kepada pembayar cukai. Manakala satu Cawangan LHDNM yang lain akan mengeluarkan notis peringatan tersebut. Selain itu, sebahagian kes telah tersilap tanda sebagai rekod tidak lengkap oleh Pegawai Audit Luar di kertas kerja dalam Case Management System (CMS) atau kerana masalah CMS menyebabkan rekod ditanda sebagai tidak lengkap.

Kertas Konsep Pemantauan Pembayar Cukai Ingkar (PPCI) bagi tujuan pemantauan kes berkaitan Subseksyen 82(3) ACP 1967 telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM pada 31 Disember 2012. Sehubungan itu, pihak Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) telah dipertanggungjawabkan bagi membangunkan sistem menjana kes-kes Syarikat dan Selain Syarikat yang telah selesai diaudit bagi tujuan PPCI. Pada peringkat awal, bengkel pembangunan sistem telah diadakan pada 29 Januari 2013. Sistem ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak JTM dan dijangka siap pada bulan November 2013.

2.5.4.3. Notis Taksiran Cukai Tambahan Lewat Dikeluarkan

Mengikut Standard Kualiti Audit Luar yang dinyatakan dalam Arahan Operasi Bil. 2 Tahun 2008 (berkuat kuasa mulai 30.4.2008 hingga 31.8.2010), Notis Taksiran Cukai Tambahan bagi pendapatan kurang lapor perlu dikeluarkan kepada syarikat dalam tempoh 3 minggu dari tarikh kelulusan laporan akhir audit luar. Standard Kualiti Audit Luar yang seterusnya (berkuat kuasa mulai 1.9.2010) mengurangkan tempoh hari yang dibenarkan kepada 3 hari.

a. Kes Kelulusan Laporan Akhir Sebelum 1 September 2010

Semakan Audit mendapati bagi kes kelulusan laporan akhir Audit luar sebelum 1 September 2010, Notis Taksiran Cukai Tambahan berjumlah RM2.93 juta kepada 18 syarikat melibatkan 24 kes lewat dikeluarkan antara 16 hingga 242 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.7
KELEWATAN PENGELUARAN NOTIS TAKSIRAN
BAGI KES SEBELUM 1 SEPTEMBER 2010

CAWANGAN	> 14 HINGGA 31 HARI		32 HINGGA 61 HARI		> 92 HARI		JUMLAH		
	HARI	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	HARI	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	HARI	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI & TEMPOH KELEWATAN (RM)/HARI
Muar	16 - 31	232,382	48 - 51	152,520	-	-	10	10	384,902 (16 - 51)
Pulau Pinang	24	30,106	-	-	-	-	1	1	30,106 (24)
Kuching	16	133,037	39	2,404	-	-	2	2	135,441 (16 - 39)
Kota Kinabalu	27	115,920	38 - 51	812,457	129 - 242	1,448,009	5	11	2,376,386 (27 - 242)
JUMLAH	**16 - 31**	**511,445**	**38 - 51**	**967,381**	**129 - 242**	**1,448,009**	**18**	**24**	**2,926,835 (16 - 242)**

b. Kes Kelulusan Laporan Akhir Mulai 1 September 2010

Bagi kes kelulusan laporan akhir Audit luar mulai 1 September 2010, Notis Taksiran Cukai Tambahan berjumlah RM22.61 juta kepada 192 syarikat melibatkan 357 kes lewat dikeluarkan antara 5 hingga 899 hari. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.8** dan **Jadual 2.8A**.

JADUAL 2.8
KELEWATAN PENGELUARAN NOTIS TAKSIRAN
BAGI KES MULAI 1 SEPTEMBER 2010

JABATAN/ CAWANGAN	> 4 HINGGA 6 HARI		7 HINGGA 31 HARI		> 31 HARI (RUJUK JADUAL 2.8A)		JUMLAH		
	HARI	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	HARI	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	HARI	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI & TEMPOH KELEWATAN (RM)/HARI
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	6	54,512	7 - 26	518,518	43 - 423	10,967,717	9	19	11,540,747 (6 - 423)
Muar	5 - 6	107,168	7 - 27	1,459,023	36 - 74	157,446	56	56	1,723,637 (5 - 74)

JABATAN/ CAWANGAN	> 4 HINGGA 6 HARI		7 HINGGA 31 HARI		> 31 HARI (RUJUK JADUAL 2.8A)		JUMLAH		
	HARI	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	HARI	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	HARI	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI & TEMPOH KELEWATAN (RM)/HARI
Seremban	6	4,992	7 - 22	67,083	-	-	8	14	72,075 (6 - 22)
Ipoh	5	38,567	10 - 25	145,450	36 - 43	32,857	7	16	216,874 (5 - 43)
Alor Setar	5	360,136	-	-	-	-	1	2	360,136 (5)
Pulau Pinang	5	172,922	7 - 30	2,142,431	32 - 282	1,666,952	62	135	3,982,305 (5 - 282)
Kuantan	6	44,887	7 - 11	26,844	-	-	7	15	71,731 (6 - 11)
Kuala Terengganu	-	-	12	807,982	-	-	1	3	807,982 (12)
Kota Bharu	5	177,499	8 - 31	1,162,387	103 - 899	53,339	15	41	1,393,225 (5 - 899)
Kuching	-	-	13 - 22	378,485	-	-	3	3	378,485 (13 - 22)
Kota Kinabalu	5 - 6	282,122	7 - 30	1,777,737	-	-	23	53	2,059,859 (5 - 30)
JUMLAH	**5 - 6**	**1,242,805**	**7 - 31**	**8,485,940**	**32 - 899**	**12,878,311**	**192**	**357**	**22,607,056 (5 - 899)**

JADUAL 2.8A
PERINCIAN KELEWATAN PENGELUARAN NOTIS TAKSIRAN YANG MELEBIHI 31 HARI BAGI KES MULAI 1 SEPTEMBER 2010

JABATAN/ CAWANGAN	> 3 1 - 90 HARI		>91 - 180 HARI		> 181 - 270 HARI		>271 - 360 HARI		>361 - 450 HARI		>811 - 900 HARI		JUMLAH	
	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	1	10,962,619	-	-	-	-	-	-	1	5,098	-	-	2	10,967,717
Muar	5	157,446	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5	157,446
Ipoh	5	32,857	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5	32,857
Pulau Pinang	35	812,160	8	424,499	2	359,197	1	71,096	-	-	-	-	46	1,666,952
Kota Bharu	-	-	3	5,382	-	-	-	-	-	-	2	47,957	5	53,339
JUMLAH	**46**	**11,965,082**	**11**	**429,881**	**2**	**359,197**	**1**	**71,096**	**1**	**5,098**	**2**	**47,957**	**63**	**12,878,311**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013

Antara sebab kelewatan mengeluarkan Notis Taksiran Cukai Tambahan adalah kerana pembayar cukai tidak bersetuju dengan cadangan penyelesaian Audit luar, syarikat memohon bayaran cukai secara ansuran, Pegawai Audit Luar menumpukan kepada kes baru dan Pegawai Audit Luar berkursus. Bagaimanapun, LHDNM akan memantau kes yang sedang diaudit agar Notis Taksiran Cukai Tambahan tidak lewat dikeluarkan.

Bagi mengatasi masalah kelewatan mengeluarkan notis taksiran cukai tambahan, LHDNM telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Sistem Integrasi CMS dan STS. Pembangunan sistem ini sedang di peringkat rolling out bagi kes Audit meja bukan syarikat. Pembangunan sistem ini akan dilanjutkan bagi kes-kes Syarikat. Pembangunan sistem ini akan bermula pada Januari 2014.

Pada pendapat Audit, kelewatan mengeluarkan Notis Taksiran Cukai Tambahan akan melewatkan pungutan cukai. Sehubungan ini, Notis Taksiran Cukai Tambahan perlu dikeluarkan segera bagi kes yang penyelesaiannya telah diluluskan oleh pegawai atasan untuk membolehkan cukai dipungut.

2.5.4.4. Kes Audit Luar Ditutup Di Peringkat Tertentu Tanpa Penyelesaian

Semakan Audit mendapati 36 syarikat melibatkan 43 kes Audit luar ditutup di peringkat tertentu tanpa penyelesaian. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.9
KES AUDIT LUAR DITUTUP DI PERINGKAT TERTENTU TANPA PENYELESAIAN

CAWANGAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES
Muar	3	3
Seremban	6	6
Alor Setar	8	13
Kuala Terengganu	4	6
Kuching	12	12
Kota Kinabalu	2	2
Labuan	1	1
JUMLAH	**36**	**43**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 Hingga 14 Jun 2013

Antara sebab kes Audit luar ditutup di peringkat tertentu tanpa penyelesaian adalah kerana kes dipindahkan ke cawangan lain, Pegawai Audit Luar telah berpindah ke cawangan lain di mana tiada nota temuduga dan dokumen rujukan yang mencukupi diberikan kepada Pegawai Audit Luar yang mengambil alih kes serta dokumen syarikat dirampas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Sehubungan ini, pemantauan terhadap kes yang ditutup tanpa penyelesaian akan dilakukan secara suku tahun mulai bulan Julai 2013.

Pada pendapat Audit, Ibu Pejabat LHDNM perlu memantau kes Audit luar yang ditutup di peringkat tertentu untuk memastikan ianya diselesaikan/ ditutup sewajarnya oleh cawangan yang berkenaan. Selain itu, cawangan hendaklah memastikan kes Audit luar yang ditutup di peringkat tertentu adalah hanya melibatkan kes yang benar-benar tidak dapat diselesaikan oleh cawangan berkenaan seperti perpindahan fail pembayar cukai ke cawangan lain.

2.5.4.5. Kes Audit Luar Ditutup Atas Alasan Syarikat Telah Diaudit Bagi Tahun Taksiran Terdahulu

Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Luar, kes pernah diaudit boleh ditutup jika Pegawai Audit Luar dan Pengurus Audit LHDNM berpendapat Audit luar tidak perlu diteruskan atas sebab-sebab yang telah dikenal pasti. Bagaimanapun, **Manual Prosedur Kerja Audit Luar tidak memberi contoh dan justifikasi sebab-sebab yang boleh diterima untuk dijadikan kriteria penutupan kes.**

Semakan Audit mendapati 18 syarikat melibatkan 18 kes Audit luar ditutup atas alasan syarikat yang sama telah diaudit bagi tahun taksiran yang terdahulu. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarikat tersebut yang selesai dijalankan Audit luar sebelum ini mempunyai pendapatan kurang lapor serta telah dikenakan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM409,641 melibatkan 23 kes bagi tahun-tahun taksiran yang terdahulu. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.10
KES AUDIT LUAR DITUTUP ATAS ALASAN TELAH DIAUDIT BAGI TAHUN TAKSIRAN YANG TERDAHULU TETAPI MEMPUNYAI CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI

CAWANGAN	DITUTUP		KEDUDUKAN CUKAI TAMBAHAN BAGI TAHUN TAKSIRAN YANG TERDAHULU	
	BIL. SYARIKAT	BIL. KES (TAHUN TAKSIRAN)	BIL. KES (TAHUN TAKSIRAN)	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN & PENALTI (RM)
Alor Setar	2	2	2	197,007
Kangar	8	8	11	6,357
Kuala Terengganu	1	1	3	186,049
Kuching	7	7	7	20,228
JUMLAH	**18**	**18**	**23**	**409,641**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013

Kes ditutup tanpa dijalankan Audit luar adalah kerana syarikat pernah dijalankan Audit luar bagi tahun taksiran yang terdahulu. Dalam bulan Julai 2013, senarai kes-kes yang ditutup oleh sebab Audit berulang akan dijana dan Jabatan Pematuhan Cukai akan mengarahkan cawangan menjalankan Audit terhadap kes-kes tersebut.

Pada pendapat Audit, kes yang tidak diaudit tetapi terbukti berlaku pengelakan cukai bagi tahun taksiran terdahulu akan mempunyai risiko kehilangan hasil bagi tahun taksiran semasa yang dipilih untuk pengauditan. Oleh itu, Audit luar ulangan perlu dilaksanakan terutama sekali terhadap syarikat yang berisiko dalam pengelakan cukai.

2.5.4.6. Kelewatan Memasukkan Data Setiap Peringkat Kerja Audit Luar Di *Case Management System* (CMS)

Memo Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai bertarikh 23 Jun 2009 bertajuk "*Attachment* Bukti Audit Di Dalam Kertas Kerja Audit CMS" menghendaki Pegawai Audit Luar memasukkan data kerja Audit luar dengan segera ke CMS berdasarkan setiap peringkat kerja yang disiapkan. Semakan Audit mendapati Pegawai Audit Luar telah lewat memasukkan data kerja Audit luar ke CMS bagi 390 syarikat melibatkan 735 kes di mana cukai tambahan dan penalti yang terlibat adalah berjumlah RM65.43 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.11
KELEWATAN MEMASUKKAN DATA SETIAP PERINGKAT KERJA AUDIT LUAR DI CMS

JABATAN/CAWANGAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	37	75	51.74
Melaka	31	78	0.94
Seremban	78	112	2.25
Ipoh	4	14	0.10
Alor Setar	24	41	0.32
Kangar	12	24	0.20
Kuantan	15	34	0.53
Kuala Terengganu	32	67	3.91
Kota Bharu	57	141	2.75
Kuching	69	70	0.80
Kota Kinabalu	31	79	1.89
JUMLAH	**390**	**735**	**65.43**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 Hingga 30 April 2013

Antara sebab kelewatan Pegawai Audit Luar memasukkan data kerja di CMS adalah kerana masalah CMS off-line, Pegawai Audit Luar perlu membuat lawatan luar, menghadiri kursus dan menunggu kelulusan pegawai atasan bagi sesuatu peringkat kerja. Bagaimanapun, LHDNM telah memberi peringatan kepada Pegawai Audit Luar supaya memasukkan data ke CMS sebaik sahaja sesuatu peringkat kerja disiapkan.

Pada pendapat Audit, kelewatan memasukkan data kerja ke *CMS* akan menjejaskan pemantauan status peringkat kerja yang disiapkan pada masa nyata (realtime). Selain itu, ia memberi implikasi bahawa integriti data kerja adalah kurang utuh. Sehubungan ini, pemantauan secara berterusan hendaklah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat dan Cawangan LHDNM bagi memastikan tiada kelewatan kemasukan data kerja di CMS.

2.5.4.7. Lawatan Mengejut Kurang Memuaskan

Pemantauan integriti pasukan Audit luar bertujuan memastikan aktiviti audit cukai yang dijalankan di premis pembayar cukai dilaksanakan dengan telus, amanah dan beretika. Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Luar/Manual Prosedur Kerja Fokus Audit, lawatan mengejut oleh Pengarah Cawangan/ Pengurus Audit terhadap integriti pasukan Audit luar hendaklah direkodkan dalam format Buku Daftar Lawatan Mengejut. Sekiranya terdapat penyelewengan pasukan Audit luar dalam aktiviti audit cukai di premis syarikat/ aduan daripada syarikat terhadap etika Pegawai Audit Luar, Pengurus Audit perlu menyediakan laporan kepada Pengarah Cawangan. Manakala Pengarah Cawangan pula perlu menyediakan laporan kepada Pengarah Negeri.

Selain itu, Memo Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai bertarikh 18 Ogos 2010 bertajuk “Pemantauan Integriti - Lawatan Mengejut” berkuat kuasa mulai 1 September 2010 menyatakan kewajipan Pengurus Audit menjalankan lawatan mengejut sekurang-kurangnya 6 kali setahun dan Pengarah Cawangan mengadakan lawatan mengejut sekurang-kurangnya 3 kali setahun terhadap pasukan Audit luar di premis pembayar cukai.

a. Format Buku Daftar Lawatan Mengejut Tidak Lengkap

Semakan Audit mendapati Buku Daftar Lawatan Mengejut tidak mempunyai ruangan khusus untuk Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit membuat rumusan tentang tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar. Dengan itu, terdapat Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit yang tidak membuat rumusan tentang tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar. Bagaimanapun, terdapat Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit yang juga mengisi nama Pegawai Audit Luar/kerja audit adalah teratur/tiada aduan daripada syarikat terhadap etika Pegawai Audit Luar di ruangan catatan.

Pada pendapat Audit, rumusan terhadap integriti Pegawai Audit Luar adalah elemen yang penting dalam lawatan mengejut. Sehubungan ini, format Buku Daftar Lawatan Mengejut hendaklah lengkap dengan ruangan nama Pegawai Audit Luar, nama dan tandatangan Pengurus Audit/Pengarah Cawangan serta rumusan tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar.

Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 31 Mei dan 14 Jun 2013

Ruangan "catatan" adalah untuk rumusan. Bagaimanapun, LHDNM mengambil perhatian terhadap cadangan Audit agar Buku Daftar Lawatan Mengejut juga perlu mempunyai ruangan nama Pegawai Audit Luar, nama dan tandatangan Pengurus Audit/Pengarah Cawangan bagi tujuan pengesahan identiti pegawai terlibat. Pindaan format Buku Daftar Lawatan Mengejut dijangka dapat dikeluarkan pada bulan Julai 2013.

b. Kekerapan Minimum Lawatan Mengejut Yang Ditetapkan Tidak Mencukupi

Penelitian Audit terhadap arahan memo berkaitan ketetapan kekerapan minimum lawatan mengejut mendapati kekerapan yang ditetapkan adalah tidak mencukupi dan tidak seimbang di antara cawangan-cawangan LHDNM. Ini adalah kerana ketetapan hanya berdasarkan bilangan lawatan mengejut dalam setahun tanpa mengambil kira bilangan pasukan Audit luar di sesuatu cawangan. Oleh kerana, lawatan mengejut bertujuan menilai tahap integriti pasukan Audit luar maka ketetapan kekerapan minimum lawatan mengejut hendaklah berasaskan bilangan pasukan Audit luar di sesuatu cawangan dan bukannya berasaskan kekerapan minimum bilangan lawatan dalam setahun.

Selain itu, pembahagian kategori pembayar cukai iaitu syarikat atau individu berpendapatan perniagaan tidak dinyatakan dalam ketetapan minimum lawatan mengejut.

Analisis Audit mendapati Pengarah bagi 12 Cawangan selain Kangar dan Labuan (85.7% daripada 14 Cawangan) tidak diwajibkan untuk melakukan lawatan mengejut terhadap semua pasukan Audit luar kerana berpendapat bahawa lawatan mengejut sebanyak 3 kali setahun telah memenuhi kekerapan minimum yang ditetapkan. Pendapat yang sama juga berlaku bagi Pengurus Audit di 5 Cawangan iaitu Ipoh, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching dan Sektor Am di Jabatan Cukai Korporat (35.7% daripada 14 Cawangan) kerana 6 kali lawatan mengejut dalam satu tahun telah memenuhi kekerapan minimum yang ditetapkan. Oleh yang demikian, tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar yang tidak dilawati tidak dapat ditentukan.

Bagaimanapun, Pengarah Cawangan Kangar dan Labuan (14.3% daripada 14 Cawangan) dan Pengurus Audit bagi 9 Cawangan di Muar, Melaka, Seremban, Alor Setar, Kangar, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bahru dan Labuan (64.3% daripada 14 Cawangan) dapat melakukan lawatan mengejut terhadap semua pasukan Audit luar di cawangan terlibat. Ini membolehkan tahap integriti dapat ditentukan untuk kesemua Pegawai Audit Luar.

Pada pendapat Audit, bagi meningkatkan ketelusan, amanah dan etika Pegawai Audit Luar, maka ketetapan lawatan mengejut hendaklah lebih dinamik, iaitu dengan berasaskan beberapa elemen seperti kategori pembayar cukai, bilangan pasukan/Pegawai Audit Luar dan juga kekerapan minimum lawatan mengejut dalam setahun. Sehubungan ini, ketetapan dalam lawatan mengejut oleh Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit perlu dikaji semula.

Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 31 Mei 2013

Pada masa sekarang, Pengarah Cawangan dan Pengurus Audit mempunyai tanggungjawab dan beban tugas yang tinggi.

c. Pelaksanaan Pemantauan Integriti Pasukan Audit Luar Kurang Memuaskan

Semakan Audit mendapati pemantauan integriti melalui lawatan mengejut adalah baik bagi 5 Cawangan (35.7% daripada 14 Cawangan) di Muar, Ipoh, Kota Bahru, Kota Kinabalu dan Labuan.

Manakala pemantauan integriti melalui lawatan mengejut adalah kurang memuaskan bagi Jabatan Cukai Korporat dan 8 Cawangan lain (64.3% daripada 14 Cawangan) di Melaka, Seremban, Alor Setar, Kangar, Pulau Pinang, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kuching. Ini adalah kerana jabatan/ cawangan yang terlibat tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan sama ada lawatan mengejut tidak dijalankan/tidak mematuhi kekerapan minimum yang ditetapkan dan/atau Buku Daftar Lawatan Mengejut tidak diselenggarakan atau tidak lengkap.

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 9 Mei 2013

Antara sebab perancangan lawatan tidak dapat dilaksanakan adalah kerana kekangan masa dengan tugas lain. Bagaimanapun, LHDNM akan mematuhi kekerapan lawatan mengejut yang ditetapkan dan butirannya akan direkodkan dengan lengkap di Buku Daftar Lawatan Mengejut.

Pada pendapat Audit, pemantauan pematuhan terhadap peraturan lawatan mengejut adalah penting bagi memastikan tahap integriti pasukan/Pegawai Audit Luar sentiasa dapat diteliti dan diambil tindakan awal yang sewajarnya apabila terdapat petanda ciri-ciri integriti yang kurang memuaskan. Sehubungan ini, kekerapan minimum lawatan mengejut hendaklah dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan Buku Daftar Lawatan Mengejut diselenggara dengan lengkap.

2.5.4.8. Data Pematuhan Ejen Cukai Tidak Dimasukkan Dalam CMS

Salah satu kertas kerja dalam CMS yang perlu diisi oleh Pegawai Audit Luar adalah tahap pematuhan ejen cukai dalam proses audit luar terhadap Ketetapan Umum dan Rangka Kerja Audit. Semakan Audit mendapati Pegawai Audit Luar tidak memasukkan data pematuhan ejen cukai dalam kertas kerja CMS melibatkan 452 ejen cukai bagi 708 syarikat. **Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tahap pematuhan 452 ejen cukai terhadap Ketetapan Umum dan Rangka Kerja Audit memandangkan tiada data pematuhan ejen cukai dalam CMS.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.12
DATA PEMATUHAN EJEN CUKAI TIDAK DIMASUKKAN DALAM CMS

JABATAN/CAWANGAN	BIL. EJEN CUKAI	BIL. SYARIKAT
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	137	170
Muar	36	59
Melaka	29	35
Seremban	10	12
Ipoh	15	15
Alor Setar	20	25
Kangar	8	14
Pulau Pinang	63	65
Kuantan	19	31
Kota Bharu	23	36
Kuching	33	67
Kota Kinabalu	57	174
Labuan	2	5
JUMLAH	**452**	**708**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 14 Jun 2013

Memo peringatan bertarikh 20 November 2012 dikeluarkan kepada Pegawai Audit Luar supaya memasukkan maklumat mengenai tahap pematuhan ejen cukai di CMS bagi kes-kes yang sedang diaudit.

Pada pendapat Audit, pengemaskinian tahap pematuhan ejen cukai dalam CMS adalah penting sebagai asas untuk menilai integriti ejen cukai.

2.5.4.9. Taksiran Anggaran Cukai Dan Penalti Tidak Dikeluarkan

a. Syarikat Mempunyai Bayaran Cukai

Sekiranya syarikat tidak mengemukakan Borang C tetapi mempunyai bayaran cukai, LHDNM perlu mengeluarkan taksiran anggaran cukai di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 berserta penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967. Semakan Audit mendapati LHDNM tidak mengeluarkan taksiran anggaran cukai berserta penalti berjumlah RM3.42 juta terhadap 38 syarikat melibatkan 39 kes yang tidak mengemukakan Borang C tetapi

mempunyai bayaran cukai bagi tahun taksiran berkenaan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.13**.

b. Syarikat Mempunyai Jumlah Cukai Yang Dikenakan Bagi Tahun Taksiran Sebelum

Jika syarikat tidak mengemukakan Borang C bagi tahun taksiran tertentu tetapi dikenakan cukai bagi tahun taksiran sebelumnya, maka LHDNM perlu mengeluarkan taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 berserta penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 mengikut kadar yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati LHDNM tidak mengeluarkan taksiran anggaran cukai berserta penalti berjumlah RM101,785 terhadap 6 syarikat melibatkan 7 kes yang tidak mengemukakan Borang C. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.13
TAKSIRAN ANGGARAN CUKAI DAN PENALTI TIDAK DIKELUARKAN KEPADA SYARIKAT YANG TIDAK MENGEMUKAKAN BORANG C

JABATAN/ CAWANGAN	MEMPUNYAI BAYARAN CUKAI BAGI TAHUN TAKSIRAN BERKENAAN			MEMPUNYAI JUMLAH CUKAI YANG DIKENAKAN BAGI TAHUN TAKSIRAN SEBELUM		
	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	JUMLAH TAKSIRAN ANGGARAN (RM)	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	JUMLAH TAKSIRAN ANGGARAN (RM)
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	2	2	83,578	1	1	475
Muar	14	14	1,582,912	-	-	-
Seremban	1	1	21,000	-	-	-
Ipoh	15	16	1,426,800	2	2	14,571
Pulau Pinang	1	1	15,624	-	-	-
Kuantan	3	3	272,490	-	-	-
Kota Kinabalu	2	2	21,595	3	4	86,739
JUMLAH	**38**	**39**	**3,423,999**	**6**	**7**	**101,785**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 15 April Hingga 14 Jun 2013

Unit Audit Meja di Cawangan LHDNM Pulau Pinang telah mengeluarkan taksiran anggaran terhadap syarikat terlibat. Bagaimanapun, Cawangan LHDNM lain akan menyalurkan maklumat ke Unit Audit Meja untuk dikeluarkan taksiran anggaran. Taksiran anggaran automatik bagi pembayar cukai kes syarikat sedang dalam peringkat pembangunan dan ujian serta dijangka siap pada akhir bulan Jun 2013.

Pada pendapat Audit, pemantapan proses taksiran anggaran cukai perlu dititikberatkan bagi mengelakkan kehilangan hasil. Untuk itu, pemantauan yang lebih berkesan hendaklah dibuat terutamanya terhadap syarikat yang

tidak mengemukakan Borang C tetapi tahun taksiran sebelum mempunyai cukai dikenakan/mempunyai bayaran cukai pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran. Sehubungan ini, LHDNM perlu memastikan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) yang sedia ada berupaya secara sepenuhnya mengeluarkan taksiran anggaran tersebut secara automatik.

2.5.5. Tahap Pematuhan Ejen Cukai Terhadap Ketetapan Umum Dan Rangka Kerja Audit

Semakan Audit terhadap kertas kerja dalam CMS mendapati 21 ejen cukai bagi 24 syarikat menunjukkan tahap pematuhan yang rendah. Manakala 119 ejen cukai bagi 144 syarikat menunjukkan tahap pematuhan yang sederhana. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.14
TAHAP PEMATUHAN EJEN CUKAI TERHADAP KETETAPAN UMUM DAN RANGKA KERJA AUDIT

JABATAN/CAWANGAN	SKOR RENDAH		SKOR SEDERHANA	
	BIL. EJEN CUKAI	BIL. SYARIKAT	BIL. EJEN CUKAI	BIL. SYARIKAT
Cukai Korporat, Kuala Lumpur	4	4	26	26
Muar	7	10	13	23
Melaka	-	-	7	8
Seremban	-	-	6	7
Ipoh	2	2	5	5
Alor Setar	1	1	14	17
Kangar	-	-	1	1
Pulau Pinang	1	1	4	4
Kuantan	-	-	6	6
Kuala Terengganu	-	-	8	8
Kota Bharu	3	3	9	13
Kuching	2	2	4	5
Kota Kinabalu	1	1	15	20
Labuan	-	-	1	1
JUMLAH	**21**	**24**	**119**	**144**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 11 April Hingga 9 Mei 2013

LHDNM akan menasihati ejen cukai sentiasa merujuk kepada Ketetapan Umum, Rangka Kerja Audit dan peka dengan pindaan peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pada pendapat Audit, pertimbangan kelulusan pembaharuan lesen ejen cukai perlu mengambil kira tahap pematuhan ejen cukai terhadap Ketetapan Umum dan Rangka Kerja Audit.

2.5.6. Kelemahan Penguatkuasaan Pemungutan Cukai

Selepas Notis Taksiran cukai tambahan dan penalti dikeluarkan oleh Unit Audit Luar, seterusnya unit ini perlu memantau bayaran ansuran yang dipersetujui dan jika perlu menguruskan permohonan penjadualan semula bayaran ansuran bagi syarikat yang telah mematuhi bayaran ansuran asal. Bagaimanapun, bagi kes yang tidak patuh bayaran ansuran/penjadualan semula bayaran ansuran, Cawangan/Unit Pungutan pula perlu mengambil tindakan pemungutan ke atas baki tunggakan cukai. Semakan Audit terhadap data dan rekod pungutan melibatkan 1,605 syarikat mendapati perkara berikut:

2.5.6.1. Tunggakan Cukai

Tunggakan cukai wujud sekiranya syarikat gagal membayar baki cukai kena dibayar bagi sesuatu taksiran dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi kes ansuran pemungutan cukai dan kes ansuran audit cukai, sekiranya syarikat gagal membayar ansuran mengikut syarat persetujuan yang ditetapkan, maka semua jumlah ansuran yang perlu dibayar hendaklah dianggap sebagai tunggakan cukai melainkan jika kes tersebut dijadualkan semula.

Semakan Audit mendapati 147 syarikat melibatkan 428 kes gagal menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM54.03 juta. Tempoh tunggakan cukai yang paling lama adalah 15 tahun 6 bulan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.15** dan **2.15A**.

JADUAL 2.15
TUNGGAKAN CUKAI PENDAPATAN

CAWANGAN PUNGUTAN (JABATAN/ CAWANGAN TAKSIRAN)	TEMPOH TUNGGAKAN CUKAI								JUMLAH		
	6 BULAN ATAU KURANG		MELEBIHI 6 BULAN - 1 TAHUN		MELEBIHI 1 - 2 TAHUN		*MELEBIHI 2 TAHUN (TEMPOH PALING LAMA)				
	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. SYARIKAT	**BIL. KES	TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Pungutan KL (Cukai Korporat, KL)	41	17.13	38	5.47	26	8.78	41	6.14 (14 Tahun 4 Bulan)	45	126	37.52
Pungutan KL (Muar)	3	0.04	1	0.02	6	0.55	26	2.73 (6 Tahun 7 Bulan)	5	22	3.34
Pungutan KL (Melaka)	-	-	-	-	3	0.01	1	0.01 (5 Tahun 9 Bulan)	3	4	0.02
Pungutan KL (Seremban)	4	0.03	-	-	1	0.01	4	0.58 (4 Tahun 10 Bulan)	4	9	0.62
Pungutan KL (Ipoh)	6	0.02	7	0.26	-	-	12	0.30 (9 Tahun)	11	24	0.58
Pungutan KL (Alor Setar)	19	0.40	7	0.15	8	0.13	10	0.06 (6 Tahun 3 Bulan)	12	29	0.74
Pungutan KL (Kangar)	5	0.04	13	0.14	3	0.02	15	0.27 (7 Tahun 6 Bulan)	6	23	0.47
Pungutan KL (Pulau Pinang)	3	0.06	9	0.62	4	0.08	2	0.02 (6 Tahun)	7	16	0.78

CAWANGAN PUNGUTAN (JABATAN/ CAWANGAN TAKSIRAN)	TEMPOH TUNGGAKAN CUKAI								JUMLAH		
	6 BULAN ATAU KURANG		MELEBIHI 6 BULAN - 1 TAHUN		MELEBIHI 1 - 2 TAHUN		*MELEBIHI 2 TAHUN (TEMPOH PALING LAMA)				
	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. SYARIKAT	**BIL. KES	TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Pungutan KL (Kuantan)	2	0.11	3	0.01	7	0.10	11	0.56 (15 Tahun 6 Bulan)	4	16	0.78
Pungutan KL (Kuala Terengganu)	15	0.73	23	1.24	10	0.26	11	0.18 (14 Tahun)	19	58	2.41
Pungutan KL (Kota Bharu)	18	0.58	16	0.65	12	0.28	36	2.18 (13 Tahun 6 Bulan)	14	52	3.69
Pungutan Kuching (Kuching)	8	0.35	2	0.07	3	0.05	1	0.53 (5 Tahun 4 Bulan)	8	14	1.00
Pungutan Kota Kinabalu (Kota Kinabalu)	9	0.34	17	0.33	12	0.87	14	0.54 (7 Tahun 6 Bulan)	9	35	2.08
JUMLAH	**133**	**19.83**	**136**	**8.96**	**95**	**11.14**	**184**	**14.10 (4 Tahun 10 Bulan - 15 Tahun 6 Bulan)**	**147**	**428**	**54.03**

Nota : ***(*) - Butiran Lanjut Seperti Di JADUAL 2.15A***
(**) - Jumlah Bilangan Kes Telah Diselaraskan Kerana Sesuatu Tahun Taksiran Mempunyai Lebih Daripada Satu Usia Tunggakan

JADUAL 2.15A
PERINCIAN TUNGGAKAN CUKAI PENDAPATAN MELEBIHI 2 TAHUN

CAWANGAN PUNGUTAN (JABATAN/CAWANGAN TAKSIRAN)	TEMPOH TUNGGAKAN CUKAI				JUMLAH	
	> 2 - 6 TAHUN	> 6 - 10 TAHUN	> 10 - 14 TAHUN	> 14 - 16 TAHUN	KES	TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)		
Pungutan KL (Cukai Korporat, KL)	2.39	1.81	1.92	0.02	41	6.14
Pungutan KL (Muar)	2.71	0.02	-	-	26	2.73
Pungutan KL (Melaka)	0.01	-	-	-	1	0.01
Pungutan KL (Seremban)	0.58	-	-	-	4	0.58
Pungutan KL (Ipoh)	0.21	0.09	-	-	12	0.30
Pungutan KL (Alor Setar)	0.05	0.01	-	-	10	0.06
Pungutan KL (Kangar)	0.26	0.01	-	-	15	0.27
Pungutan KL (Pulau Pinang)	0.02	-	-	-	2	0.02
Pungutan KL (Kuantan)	0.43	0.04	0.02	0.07	11	0.56
Pungutan KL (Kuala Terengganu)	0.03	0.02	0.13	-	11	0.18
Pungutan KL (Kota Bharu)	2.16	0.01	0.01	-	36	2.18
Pungutan Kuching (Kuching)	0.53	-	-	-	1	0.53
Pungutan Kota Kinabalu (Kota Kinabalu)	0.49	0.05	-	-	14	0.54
JUMLAH	**9.87**	**2.06**	**2.08**	**0.09**	**184**	**14.10**

Antara faktor yang menyebabkan bayaran cukai tertunggak adalah tindakan penguatkuasaan tidak diambil sepenuhnya terhadap syarikat yang terlibat seperti mana yang diperuntukkan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 16 Mei 2013

Tindakan pemungutan telah diambil selepas teguran Audit seperti mengeluarkan surat peringatan, membenarkan kemudahan bayaran tunggakan cukai secara ansuran dan mengambil tindakan guaman sivil.

Pada pendapat Audit, kelewatan tindakan pemungutan telah melambatkan pungutan cukai. Sehubungan ini, bagi kes tunggakan cukai, tindakan pemungutan hendaklah disegerakan.

2.5.6.2. Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Di Bawah Seksyen 103 ACP 1967 Terhadap Tunggakan Cukai

Cawangan/Unit Pungutan dikehendaki menguatkuasakan seksyen 103 ACP 1967 dengan mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% atau maksimum 15% mengikut tempoh tunggakan cukai kepada syarikat yang tidak menjelaskan tunggakan cukai. Semakan Audit mendapati kenaikan cukai berjumlah RM3.43 juta tidak dikenakan terhadap 138 kes. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.16
KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN TERHADAP TUNGGAKAN CUKAI

CAWANGAN PUNGUTAN	JABATAN/CAWANGAN TAKSIRAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN (RM)
Kuala Lumpur	Cukai Korporat, Kuala Lumpur	27	53	2,814,726
	Muar	3	8	28,385
	Melaka	1	1	1,429
	Seremban	1	1	1,318
	Ipoh	1	1	367
	Alor Setar	3	5	43,523
	Kangar	2	5	1,273
	Pulau Pinang	4	8	37,177
	Kuantan	1	1	465
	Kuala Terengganu	6	8	19,886
	Kota Bharu	2	4	46,951
Kuching	Kuching	14	33	409,145
Kota Kinabalu	Kota Kinabalu	7	9	19,554
	Labuan	1	1	1,985
JUMLAH		**73**	**138**	**3,426,184**

Antara sebab kenaikan cukai tidak dikenakan adalah pengiraan kenaikan cukai secara manual belum dibuat kerana fail tidak terpilih untuk semakan Cawangan/Unit Pungutan. Sehubungan ini, kenaikan cukai tidak dapat dikenakan secara automatik terhadap semua kes kerana terdapat kekangan seperti kod transaksi dan tahun bayaran yang tidak tepat diisi oleh syarikat, mengenepikan kes diberi kemudahan bayaran cukai secara ansuran, masalah pengenalpastian dan penggunaan baki kredit.

Keadaan tersebut akan menyebabkan Akaun Belum Terima (ABT) LHDNM terkurang nyata di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kerana kegagalan bayaran cukai secara ansuran (lewat/kurang/tidak bayar) mengakibatkan semua jumlah ansuran yang perlu dibayar dianggap sebagai tunggakan cukai yang perlu dikenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP 1967. Bagaimanapun, kenaikan cukai belum dikira secara manual untuk mendebit lejar pembayar cukai.

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 16 Mei 2013

Kenaikan cukai telah dikenakan sama ada selepas teguran Audit atau selepas tarikh semakan Audit.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM perlu mencari jalan penyelesaian terhadap kekangan kenaikan cukai secara automatik bagi mengurangkan penggantungan kepada tenaga manusia dalam tindakan kenaikan cukai. Sehubungan itu, LHDNM perlu memastikan aplikasi *Revenue Management System* (ReMS) dan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) yang telah dibangunkan berupaya mengenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP 1967 secara automatik terhadap semua syarikat yang gagal membayar tunggakan cukai dalam tempoh yang ditetapkan.

2.5.6.3. Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Di Bawah Subseksyen 107C(9) ACP 1967 Terhadap Kegagalan Bayaran Skim Anggaran Cukai Syarikat (CP204/CP204A)

Mengikut subseksyen 107C(9) ACP 1967, LHDNM boleh mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% terhadap ansuran anggaran cukai yang tidak/kurang/lewat dibayar oleh syarikat dalam tempoh 14 hari dari tarikh yang ditetapkan. Bagaimanapun, berkuat kuasa mulai 18 Ogos 2010, tempoh kelonggaran yang dibenarkan bagi bayaran ansuran anggaran cukai adalah 7 hari dari tarikh kena dibayar. Semakan Audit mendapati kenaikan cukai berjumlah RM685,056 tidak dikenakan terhadap 104 syarikat melibatkan 167 kes yang tidak/kurang/lewat membayar ansuran anggaran cukai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.17
KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN TERHADAP
KEGAGALAN BAYARAN ANGGARAN CUKAI (CP204/CP204A)

CAWANGAN PUNGUTAN	JABATAN/CAWANGAN TAKSIRAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN (RM)
Kuala Lumpur	Cukai Korporat, Kuala Lumpur	25	49	240,577
	Muar	4	4	1,023
	Ipoh	6	12	28,046
	Alor Setar	12	18	13,633
	Kangar	3	6	7,995
	Pulau Pinang	1	1	421
	Kuantan	4	5	1,302
	Kuala Terengganu	8	14	88,200
	Kota Bharu	2	7	6,873
Kuching	Kuching	26	38	133,283
Kota Kinabalu	Kota Kinabalu	13	13	163,703
JUMLAH		**104**	**167**	**685,056**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 16 Mei 2013

Kenaikan cukai telah dikenakan terhadap semua syarikat yang gagal membayar anggaran cukai, kecuali sebahagian kes di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur akan dikenakan kenaikan cukai setelah semakan dibuat.

Pada pendapat Audit, *Revenue Management System* (ReMS) yang telah dibangunkan perlu berupaya mengenakan kenaikan cukai secara automatik di bawah subseksyen 107C(9) terhadap syarikat yang gagal membayar anggaran cukai.

2.5.6.4. Kenaikan Cukai Tidak/Kurang/Lebih Dikenakan Di Bawah Subseksyen 107C(10) ACP 1967 Terhadap Anggaran Cukai Asal (CP204)/Pindaan Anggaran Cukai (CP204A) Yang Terlalu Rendah

LHDNM perlu mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 terhadap perbezaan amaun di antara cukai sebenar dengan anggaran cukai asal (CP204) atau anggaran cukai yang dipinda (CP204A) yang melebihi 30% dari cukai sebenar. Semakan Audit mendapati kenaikan cukai berjumlah RM140,279 tidak dikenakan terhadap 66 syarikat melibatkan 79 kes yang melaporkan anggaran cukai asal/pindaan anggaran cukai yang terlalu rendah berbanding cukai sebenar. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.18
KENAIKAN CUKAI TIDAK/KURANG/LEBIH DIKENAKAN TERHADAP ANGGARAN CUKAI ASAL/PINDAAN ANGGARAN CUKAI YANG TERLALU RENDAH

CAWANGAN PUNGUTAN	JABATAN/CAWANGAN TAKSIRAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	KENAIKAN CUKAI TIDAK/KURANG/(LEBIH) DIKENAKAN (RM)
Kuala Lumpur	Cukai Korporat, Kuala Lumpur	23	28	68,574
	Muar	12	12	23,716
	Ipoh	18	26	23,952
	Alor Setar	4	4	4,754
	Kangar	1	1	5,248
	Kuantan	3	3	1,634
Kuching	Kuching	2	2	21,412
Kota Kinabalu	Kota Kinabalu	3	3	(9,011)
JUMLAH		**66**	**79**	**140,279**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 16 Mei 2013

Kenaikan cukai telah dikenakan terhadap semua syarikat yang gagal membuat anggaran cukai mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, sebahagian kes kenaikan cukai di Cawangan Pungutan Kota Kinabalu akan dibuat pelarasan kerana kenaikan cukai terlebih/ terkurang dikenakan.

Pada pendapat Audit, *Revenue Management System* (ReMS) yang telah dibangunkan perlu berupaya mengenakan kenaikan cukai secara automatik di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 terhadap syarikat yang gagal membuat anggaran cukai mengikut peraturan yang ditetapkan.

2.5.6.5. Sekatan Ke Luar Negara Tidak Diambil Terhadap Pengarah Syarikat

Mengikut Pekeliling Operasi Bil. 9 Tahun 2010, seseorang pengarah syarikat berkenaan perlu dikenakan sekatan ke luar negara di bawah seksyen 104 ACP 1967 dalam keadaan berikut:

- tunggakan cukai syarikat berjumlah RM10,000 dan ke atas; dan
- selepas kenaikan cukai seksyen 103 dikenakan terhadap syarikat; dan
- selepas surat Pemberitahuan Tindakan Guaman Sivil Akan Diambil dikeluarkan kepada syarikat dan pengarah syarikat yang memiliki saham biasa syarikat melebihi 50% mengikut seksyen 75A ACP 1967 dalam tempoh cukai yang dibangkitkan adalah terhutang dan kena dibayar oleh syarikat.

Semakan Audit mendapati sekatan ke luar negara tidak diambil terhadap 51 pengarah syarikat melibatkan 155 kes yang tunggakan cukai syarikat berjumlah RM35.39 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.19
SEKATAN KE LUAR NEGARA TIDAK DIAMBIL TERHADAP PENGARAH SYARIKAT

CAWANGAN PUNGUTAN	JABATAN/CAWANGAN TAKSIRAN	BIL. PENGARAH SYARIKAT	BIL. KES	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI SYARIKAT (RM Juta)
Kuala Lumpur	Cukai Korporat, Kuala Lumpur	21	64	27.47
	Muar	2	6	3.25
	Seremban	2	4	0.60
	Alor Setar	2	3	0.03
	Kangar	4	17	0.39
	Pulau Pinang	3	5	0.53
	Kuantan	2	14	0.78
	Kuala Terengganu	10	31	2.01
Kuching	Kuching	3	4	0.29
Kota Kinabalu	Kota Kinabalu	2	7	0.04
JUMLAH		**51**	**155**	**35.39**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 14 Jun 2013

Sekatan ke luar negara terhadap pengarah syarikat akan diambil di bawah seksyen 104 ACP 1967 selepas semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk pengesahan kedudukan pegangan saham pengarah dalam syarikat.

Memandangkan jumlah kes syarikat di mana pengarah mempunyai pegangan saham lebih 50% adalah sedikit, cadangan pindaan dibuat bagi maksud 'pengarah yang mengawal' kepada 'mempunyai kepentingan yang signifikan' bukan bergantung kepada pegangan saham melebihi 50%. Sehubungan ini, cadangan untuk pindaan peruntukan ACP 1967 akan dikemukakan pada akhir Jun 2013.

2.5.6.6. Tindakan Guaman Sivil Tidak Diambil Terhadap Syarikat

Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2007 menetapkan sekiranya syarikat masih enggan menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM5,000 dan ke atas, LHDNM boleh mengambil tindakan guaman sivil terhadap syarikat di bawah seksyen 106 ACP 1967. Semakan Audit mendapati tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap 78 syarikat melibatkan 244 kes yang tunggakan cukai berjumlah RM22.21 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.20
TINDAKAN GUAMAN SIVIL TIDAK DIAMBIL TERHADAP SYARIKAT

CAWANGAN PUNGUTAN	JABATAN/CAWANGAN TAKSIRAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Kuala Lumpur	Cukai Korporat, Kuala Lumpur	23	79	11.76
	Muar	5	11	3.34
	Melaka	1	1	0.01
	Seremban	3	6	0.11
	Ipoh	8	17	0.63
	Alor Setar	7	21	0.72
	Kangar	4	19	0.34
	Pulau Pinang	4	7	0.68
	Kuantan	2	14	0.78
	Kuala Terengganu	15	50	2.42
Kuching	Kuching	2	3	0.17
Kota Kinabalu	Kota Kinabalu	4	16	1.25
JUMLAH		**78**	**244**	**22.21**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 14 Jun 2013

Tindakan guaman sivil telah diambil terhadap sebahagian kes selepas teguran Audit. Manakala surat Pemberitahuan Tindakan Guaman Sivil Akan Diambil dikeluarkan kepada sebahagian kes yang lain. Selain itu, surat peringatan tunggakan cukai juga dikeluarkan kepada syarikat.

Bagi meningkatkan bilangan kes yang diambil tindakan guaman sivil, sasaran pemfailan saman ke mahkamah bagi setiap cawangan bagi tahun 2013 ditetapkan sebanyak 20% daripada baki fail yang belum diambil tindakan sivil. Memo Jabatan Pungutan Hasil bertarikh 25 Mac 2013 adalah dirujuk.

2.5.6.7. Tindakan Guaman Sivil Tidak Diambil Terhadap Pengarah Syarikat

Selepas tindakan guaman sivil diambil terhadap syarikat, proses seterusnya adalah tindakan guaman sivil terhadap pengarah syarikat. Bagi tunggakan cukai syarikat berjumlah RM10,000 dan ke atas dan pengarah syarikat yang memiliki saham biasa syarikat melebihi 50% mengikut seksyen 75A ACP 1967, di mana pengarah syarikat dalam tempoh cukai yang dibangkitkan adalah terhutang dan kena dibayar oleh syarikat, LHDNM juga boleh mengambil tindakan guaman sivil terhadap pengarah syarikat berkenaan di bawah seksyen 106 ACP 1967. Semakan Audit mendapati tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap 41 pengarah syarikat melibatkan 136 kes yang tunggakan cukai syarikat berjumlah RM20.71 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.21
TINDAKAN GUAMAN SIVIL TIDAK DIAMBIL TERHADAP PENGARAH SYARIKAT

CAWANGAN PUNGUTAN	JABATAN/CAWANGAN TAKSIRAN	BIL. PENGARAH SYARIKAT	BIL. KES	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI SYARIKAT (RM Juta)
Kuala Lumpur	Cukai Korporat, Kuala Lumpur	13	47	12.93
	Muar	2	6	3.25
	Seremban	2	4	0.60
	Alor Setar	1	2	0.01
	Kangar	4	17	0.39
	Pulau Pinang	3	5	0.53
	Kuantan	2	14	0.78
	Kuala Terengganu	10	31	2.01
Kuching	Kuching	2	3	0.17
Kota Kinabalu	Kota Kinabalu	2	7	0.04
JUMLAH		**41**	**136**	**20.71**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 16 April Hingga 14 Jun 2013

Tindakan guaman sivil terhadap pengarah akan diambil selepas semakan dengan SSM untuk pengesahan pegangan saham.

Memandangkan jumlah kes syarikat di mana pengarah mempunyai pegangan saham lebih 50% adalah sedikit, cadangan pindaan dibuat bagi maksud 'pengarah yang mengawal' kepada 'mempunyai kepentingan yang signifikan' bukan bergantung kepada pegangan saham melebihi 50%. Sehubungan ini, cadangan untuk pindaan peruntukan ACP 1967 akan dikemukakan pada akhir Jun 2013.

2.5.6.8. Tindakan Kaveat Hartanah Tidak Diambil Terhadap Syarikat

Arahan Operasi Bil. 2 Tahun 2009 menghendaki tindakan kaveat hartanah diambil di bawah peruntukan seksyen 320(1)(ba) Kanun Tanah Negara atau mengikut peruntukan perundangan tanah di negeri terhadap syarikat yang memiliki tanah dan bangunan di mana tunggakan cukai melebihi RM50,000. Semakan Audit mendapati tindakan kaveat hartanah tidak diambil terhadap 17 syarikat yang memiliki tanah dan bangunan melibatkan 62 kes di mana tunggakan cukai berjumlah RM10.18 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.22
TINDAKAN KAVEAT HARTANAH TIDAK DIAMBIL TERHADAP SYARIKAT

CAWANGAN PUNGUTAN	JABATAN/CAWANGAN TAKSIRAN	BIL. SYARIKAT	BIL. KES	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Kuala Lumpur	Cukai Korporat, Kuala Lumpur	8	37	7.67
	Seremban	1	3	0.52
	Kangar	1	2	0.09
	Kuantan	1	6	0.28
	Kuala Terengganu	4	12	1.36
Kuching	Kuching	2	2	0.26
JUMLAH		**17**	**62**	**10.18**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 30 April Hingga 14 Jun 2013

Tindakan kaveat hartanah syarikat akan diambil selepas menerima maklumat pemilikan hartanah daripada Cawangan LHDNM yang terlibat.

LHDNM sedang berusaha menjana senarai tunggakan cukai yang mempunyai harta melalui maklumat daripada projek Data Warehouse LHDNM dalam usaha mengurangkan tunggakan hasil. Maklumat ini akan dijadikan sebagai input untuk mengambil tindakan kaveat harta syarikat. Senarai ini akan dikeluarkan kepada cawangan selewat-lewatnya pada bulan Julai 2013.

2.5.6.9. Tindakan Kaveat Hartanah Tidak Diambil Terhadap Pengarah Syarikat

Jika tunggakan cukai syarikat berjumlah RM50,000 dan ke atas dan pengarah syarikat memiliki saham biasa syarikat melebihi 50% mengikut seksyen 75A ACP 1967, LHDNM boleh juga mengambil tindakan kaveat hartanah di bawah peruntukan seksyen 320(1)(ba) Kanun Tanah Negara mengikut Arahan Operasi Bil. 2 Tahun 2009 terhadap pengarah syarikat yang memiliki tanah dan bangunan. Semakan Audit mendapati tindakan kaveat hartanah tidak diambil terhadap 5 pengarah syarikat yang memiliki tanah dan bangunan melibatkan 11 kes di mana tunggakan cukai syarikat berjumlah RM1.27 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.23
TINDAKAN KAVEAT HARTANAH TIDAK DIAMBIL TERHADAP PENGARAH SYARIKAT

CAWANGAN PUNGUTAN	JABATAN/CAWANGAN TAKSIRAN	BIL. PENGARAH SYARIKAT	BIL. KES	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI SYARIKAT (RM Juta)
Kuala Lumpur	Cukai Korporat, Kuala Lumpur	1	3	0.05
	Kangar	1	2	0.09
	Kuala Terengganu	2	5	1.08
Kuching	Kuching	1	1	0.05
JUMLAH		**5**	**11**	**1.27**

Maklum Balas LHDNM Diterima Antara 30 April Hingga 16 Mei 2013

Tindakan kaveat hartanah akan diambil selepas menerima maklumat pemilikan hartanah daripada Cawangan LHDNM yang terlibat dan daripada Pembayar Cukai.

Pada pendapat Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM perlu menguatkuasakan pemungutan tunggakan cukai secara tegas melalui sekatan ke luar negara terhadap pengarah syarikat, tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah. Di samping itu, LHDNM wajar mengadakan mekanisme yang berkesan seperti memperolehi cek tertangguh dari syarikat bagi kes kemudahan bayaran ansuran untuk memastikan syarikat komited menyelesaikan cukai yang terhutang.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan cukai pendapatan syarikat, adalah disyorkan supaya LHDNM mempertimbangkan perkara berikut:

2.6.1. pemantauan terhadap kemajuan kerja bagi setiap kes syarikat perlu dipertingkatkan;

2.6.2. mengambil tindakan pendakwaan pembayar cukai ke mahkamah atau mengenakan penalti di bawah peruntukan ACP 1967 terhadap syarikat yang tidak mengisi kod perniagaan/mengisi kod perniagaan yang tidak tepat;

2.6.3. memastikan prosedur kerja dipatuhi seperti mewajibkan pengisian senarai semakan Audit, notis peringatan dikeluarkan kepada syarikat yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap dan Notis Taksiran Cukai Tambahan dikeluarkan segera;

2.6.4. pemantauan secara berterusan hendaklah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat dan Cawangan LHDNM bagi memastikan status data kerja di CMS adalah utuh pada masa nyata (realtime);

2.6.5. mengkaji semula format Daftar Lawatan Mengejut, kekerapan lawatan minimum dan kriteria pemilihan sampel lawatan mengejut seperti kategori pembayar cukai, bilangan pasukan serta Pegawai Audit Luar;

2.6.6. mengkaji untuk menambahbaik keupayaan sistem automasi seperti *Case Management System* (CMS), Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) dan *Revenue Management System* (ReMS) bagi mempertingkatkan keberkesanan pengurusan cukai pendapatan syarikat*;*

2.6.7. menguatkuasakan pemungutan tunggakan cukai secara tegas bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil; dan

2.6.8. mempertingkatkan pemeriksaan dalaman ke atas aktiviti audit cukai dan pemungutan cukai di cawangan LHDNM dari semasa ke semasa. Selain itu, memastikan tindakan segera diambil terhadap isu-isu ketidakpatuhan yang dibangkitkan dan memantau supaya isu yang sama tidak berulang.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 3-21
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN KEWANGAN

3. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN DAN KAWALAN KEDAI BEBAS CUKAI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah sebuah jabatan yang diberi tanggungjawab untuk memungut cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, cukai jualan, cukai eksais, cukai perkhidmatan dan juga levi yang dikenakan ke atas urus niaga perdagangan serta perindustrian yang dijalankan di Kawasan Utama Kastam di Malaysia. Di samping memungut cukai, JKDM juga menyediakan fasilitasi dan khidmat nasihat kepada pedagang/peniaga bagi memudahkan urus niaga serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan yang disediakan. Dengan fasilitasi dan khidmat nasihat yang diberikan ia akan dapat menggalakkan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara Malaysia.

3.1.2. Sesuai dengan misi JKDM untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara, ia memainkan peranan yang besar dengan memberikan fasilitasi kepada sektor pelancongan negara dengan penubuhan Kedai Bebas Cukai (KBC) di bawah Seksyen 65D Akta Kastam 1967. KBC memberi kemudahan kepada pelancong antarabangsa untuk berbelanja dengan harga yang murah tanpa dikenakan cukai sekaligus menggalakkan industri pelancongan. Pada bulan Oktober 1997, JKDM telah mengeluarkan Perintah Tetap Kastam (PTK) Bil. 55 (Kedai Bebas Cukai) bagi menyeragamkan tatacara memproses permohonan dan pelesenan serta menyepadukan langkah-langkah kawalan ke atas KBC.

3.1.3. Unit Pengurusan Dan Penguatkuasaan Kawalan Pulau Bebas Cukai/Kedai Bebas Cukai, Cawangan Import/Eksport Dan Kawalan Sempadan, Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM adalah bertanggungjawab mengurus dan mengawal aktiviti KBC. Unit ini diketuai oleh seorang Penolong Kanan Pengarah Kastam Gred W48 dan dibantu oleh Penolong Pengarah Kastam Gred W44 dan Pembantu Tadbir Gred N17. Unit ini berperanan untuk merangka, memantau, menyelaras dan memperaku dasar, perundangan, fasilitasi serta prosedur berkaitan Pulau Bebas Cukai (PBC) dan KBC; mengkaji dan melaksanakan penambahbaikan sistem berkaitan PBC dan KBC; memproses permohonan remisi/pemusnahan di bawah Seksyen 18 Akta Kastam 1967 dan memberi khidmat nasihat serta konsultasi berkaitan PBC/KBC.

3.1.4. Setakat akhir tahun 2012, JKDM telah meluluskan sebanyak 52 pelesen KBC dengan 69 premis KBC seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.1
PELESEN DAN PREMIS KEDAI BEBAS CUKAI
SETAKAT AKHIR TAHUN 2012

JENIS KBC	LOKASI	PELESEN	PREMIS
KBC Lapangan Terbang	Di *air side* bangunan terminal lapangan terbang, iaitu semua kawasan yang boleh diakses kepada pesawat, termasuk landasan, laluan pesawat (taxiways) dan tempat menurunkan penumpang dan bagasi (ramps). Secara umumnya, akses ke *air side* ini adalah dikawal ketat di semua lapangan terbang.	29	46
KBC Sempadan	Di garisan sempadan antarabangsa dan sebelum pusat pemeriksaan Kastam Malaysia.	9	9
KBC Bandaraya	Di Bandaraya Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu.	7	7
KBC Dalam Negeri	Di dalam Kawasan Utama Kastam (keseluruhan kawasan Persekutuan kecuali Pulau Labuan, Langkawi dan Tioman) dan berhampiran pusat pemeriksaan Kastam di pintu keluar masuk negara.	4	4
KBC Pelabuhan	Di pelabuhan atau jeti, tempat persinggahan feri atau kapal penumpang antarabangsa. Lokasinya hendaklah terletak di dalam kawasan keselamatan pihak berkuasa pelabuhan/jeti.	3	3
JUMLAH		**52**	**69**

3.1.5. Berdasarkan Laporan Tahunan JKDM, nilai jualan KBC bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah berjumlah RM2,417.45 juta di mana berlaku penurunan jualan sebanyak 8.1%, iaitu daripada RM1,041.33 juta pada tahun 2010 kepada RM957.22 juta pada tahun 2012. Hanya 6 daripada 13 negeri yang menunjukkan peningkatan jualan di antara 15.1% hingga 594.4% iaitu Pahang, Wilayah Persekutuan (W.P.) Kuala Lumpur, KLIA, Perak, Sarawak dan Selangor. Nilai jualan KBC bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.2
NILAI JUALAN KEDAI BEBAS CUKAI
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

JKDM NEGERI	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)* (%)
KLIA	422.49	180.15	545.60	1,148.24	29.1
Perlis	283.66	10.84	204.06	498.56	(28.1)
Kedah	153.12	116.62	48.96	318.70	(68.0)
Selangor	12.42	33.83	86.25	132.50	594.4
Johor	80.95	0.63	1.35	82.93	(98.3)
Pulau Pinang	19.43	18.71	15.30	53.44	(21.3)
W.P. Kuala Lumpur	16.93	16.47	19.49	52.89	15.1
Sarawak	8.94	12.94	15.31	37.19	71.3
Sabah	20.24	6.04	9.05	35.33	(55.3)
Kelantan	14.98	11.92	0.09	26.99	(99.4)
Perak	7.15	9.70	9.70	26.55	35.7
Melaka	1.02	1.05	0.77	2.84	(24.5)
Pahang	-	-	1.29	1.29	-
JUMLAH	**1,041.33**	**418.90**	**957.22**	**2,417.45**	**(8.1)**

Nota : ***(*) - Perbandingan Jualan Tahunan 2012 Dengan Jualan Tahunan 2010***

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan dan kawalan terhadap Kedai Bebas Cukai adalah cekap dan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan penyalahgunaan kemudahan yang disediakan dan mencegah ketirisan hasil negara.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek pengurusan dan kawalan Kedai Bebas Cukai bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Unit Pengurusan Dan Penguatkuasaan Kawalan Pulau Bebas Cukai/Kedai Bebas Cukai, Cawangan Import/Eksport Dan Kawalan Sempadan, Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM dan 6 Pejabat Kastam iaitu di KLIA, W.P. Kuala Lumpur, Perlis, Kedah, Sarawak dan Selangor serta 24 premis KBC yang terlibat seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.3
PREMIS KEDAI BEBAS CUKAI YANG DILAWATI

JKDM NEGERI	PELESEN KEDAI BEBAS CUKAI	JENIS KEDAI BEBAS CUKAI
KLIA	Malaysia Airport (Niaga) Sdn. Bhd. (KLIA)	Lapangan Terbang
	Malaysia Airport (Niaga) Sdn. Bhd. (Ketibaan LCCT)	
	Malaysia Airport (Niaga) Sdn. Bhd. (Berlepas LCCT)	
	Hartamanis Sdn. Bhd.	
	Zam Gems Sdn. Bhd.	
	Dimensi Eksklusif Sdn. Bhd.	
	Wealthouse Sdn. Bhd. (The Zone)	Dalam Negeri
W.P. Kuala Lumpur	ADF (M) Sdn. Bhd.	Bandaraya
	Benison Duty Free Sdn. Bhd.	
	Bumiraya Duty Free Centre (KL) Sdn. Bhd.	
	AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd.	
Perlis	Warisan Limpahan Sdn. Bhd.	Dalam Negeri
	Great Earth Duty Free Sdn. Bhd.	Sempadan
	Emas Kerajang Duty Free Sdn. Bhd.	
	AGM Duty Free Sdn. Bhd.	
Kedah	Naluri Aman Sdn. Bhd.	Sempadan
	Star Five Duty Free Sdn. Bhd.	
Sarawak	Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd.	Sempadan
	Malaysia Airport (Niaga) Sdn. Bhd. (Ketibaan)	Lapangan Terbang
	Malaysia Airport (Niaga) Sdn. Bhd. (Berlepas)	
Selangor	AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd.	Pelabuhan
	Bumi Raya Duty Free Centre Sdn. Bhd.	
	Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd. (SkyPark)	Lapangan Terbang
	Green Pacific Sdn. Bhd.	Bandaraya

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan pengurusan serta kawalan KBC. Di samping itu, temu bual dan perbincangan dengan Pegawai Kastam dijalankan untuk mendapat maklumat lanjut dan menjalankan ujian *walk-through* untuk menentukan proses sebenar yang diamalkan untuk pengurusan serta kawalan yang berkaitan.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2013 mendapati pengurusan dan kawalan KBC adalah kurang memuaskan kerana tidak diuruskan dengan teratur dan cekap. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. sebanyak 9 daripada 31 lesen KBC masih diperbaharui walaupun syarikat tidak mematuhi syarat pegangan saham Bumiputera (70% bagi KBC Bandaraya dan 30% bagi KBC lain) dan pelesen tidak aktif (tiada jualan barangan bebas cukai). Sehubungan itu, kadar lesen tahunan yang sangat rendah (RM600 setahun) adalah punca syarikat yang tidak aktif masih mampu memperbaharui lesen KBC;

ii. bagi 9 pelesen KBC di Kedah, Perlis dan Selangor, cukai ke atas stok semasa adalah berjumlah RM15.09 juta berbanding nilai jaminan bank berjumlah RM6.54 juta. Ini bermakna cukai berjumlah RM8.55 juta tidak diliputi dengan jaminan bank yang boleh menyebabkan JKDM kehilangan hasil;

iii. satu KBC Lapangan Terbang menempatkan barang bebas cukai di tempat penyimpanan yang tidak sesuai dan tidak kukuh, satu KBC Dalam Negeri tidak menandakan pada setiap barang dan pembungkus barang-barang bebas cukai yang disimpan dalam premis KBC dengan "Malaysian Duty Not Paid" dan satu KBC Sempadan tidak mematuhi standard pembungkusan barang bebas cukai yang telah dijual;

iv. satu daripada 2 KBC Dalam Negeri dan kesemua 5 KBC Bandaraya tidak menyimpan daftar untuk merekodkan nama, nombor dokumen perjalanan, jenis dokumen perjalanan dan nombor pesawat atau kapal serta ditandatangani oleh pembeli yang datang sendiri ke KBC berkenaan;

v. kekurangan kakitangan mengakibatkan Stesen Kastam Mengawal KBC di Subang, Selangor tidak dapat melaksanakan tugas membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport bagi KBC Bandaraya;

vi. terdapat KBC yang menjual barang bebas cukai melebihi kuantiti yang dibenarkan atau kepada mereka yang tidak berkelayakan seperti berikut:

- kelima-lima KBC Bandaraya telah menjual arak kepada anak-anak kapal bagi 15 kapal yang sama mengakibatkan setiap anak kapal telah membeli kuantiti arak

yang melebihi had yang dibenarkan dan nilai kehilangan cukai Kastam adalah berjumlah RM216,715 untuk tempoh 2 hari sahaja;

- kelima-lima KBC Bandaraya telah mengeluarkan invois jualan arak kepada anak kapal bagi 11 kapal yang telah berlayar, tidak berlabuh/berlayar pada bulan Disember 2012 atau tiada dalam rekod Jabatan Laut Wilayah Tengah atau rekod Kawalan Berth, Westports Malaysia Sdn. Bhd. di Pelabuhan Barat, Selangor. Berdasarkan analisis Audit, sekiranya penjualan arak dari KBC Bandaraya ini tidak dapat dibuktikan telah sebenarnya dieksport, dianggarkan Kerajaan telah mengalami kehilangan hasil berjumlah RM230,536 dalam tempoh 2 hari sahaja; dan
- tiga daripada 6 KBC Sempadan telah menjual barang bebas cukai secara pukal kepada agensi penguatkuasaan di Thailand.

vii. permohonan remisi tahun 2009 hingga 2012 daripada JKDM KLIA dan Sarawak masih belum diputuskan oleh Ibu Pejabat JKDM walaupun potensi hasil yang boleh dikutip berjumlah RM1.99 juta; dan

viii. kelemahan pemantauan oleh JKDM di mana semua JKDM Negeri yang diaudit (kecuali JKDM KLIA) tidak menyelenggarakan rekod berkaitan duti terkorban; bilangan pemeriksaan stok yang dijalankan hanya sebanyak 175 (47%) berbanding 372 yang sepatutnya; dan laporan bulanan/tahunan KBC secara berkala tidak dihantar oleh Stesen Kastam Mengawal KBC ke Ibu Pejabat JKDM. Bagaimanapun, rekod berkaitan duti terkorban tidak diselenggarakan adalah disebabkan prosedur ini tidak dinyatakan dalam PTK Bil. 55.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta maklum balas JKDM adalah seperti berikut:

3.5.1. Pelesenan KBC

a. PTK Bil. 55 yang berkuat kuasa mulai bulan Oktober 1997 menetapkan syarikat yang berminat untuk memohon lesen KBC hendaklah mengemukakan borang JKED No. 1 (yang boleh didapati di mana-mana Pejabat Kastam) bersama dokumen sokongan berkaitan kepada Pejabat Kastam Negeri berhampiran di mana perniagaan akan dijalankan.

b. Setelah menerima permohonan yang lengkap, Pengarah Kastam Negeri (PKN) hendaklah antara lainnya, memastikan pegangan saham dan penyertaan Bumiputera di dalam pengurusan syarikat adalah tidak kurang daripada 70% bagi KBC Bandaraya dan 30% bagi KBC Dalam Negeri, KBC Lapangan Terbang, KBC Pelabuhan dan KBC Sempadan. Selepas lawatan ke premis untuk memastikan premis adalah sesuai, satu laporan secara menyeluruh dengan menyentuh aspek-aspek keupayaan syarikat pemohon (mengambil kira pengalaman, kakitangan, lokasi dan bakal pelanggan), prestasi dan potensi

perniagaan KBC di sekitar kawasan yang dimohon, cadangan prosedur kawalan (tumpuan kepada usaha menggelakkan berlakunya penyelewengan), hasil tapisan dari Bahagian Penguatkuasaan dan lain-lain ulasan akan dikemukakan ke Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat JKDM. Ibu Pejabat JKDM pula akan mengemukakan laporan kepada Perbendaharaan Malaysia. Keputusan permohonan akan dihantar kepada Ibu Pejabat JKDM dan disalinkan kepada pemohon lesen KBC dan PKN.

c. PKN bolehlah mengeluarkan lesen KBC setelah syarat-syarat asas dipenuhi terlebih dahulu, iaitu memperolehi kelulusan secara dasar daripada Perbendaharaan Malaysia; memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sama ada oleh Perbendaharaan Malaysia, Ibu Pejabat JKDM atau PKN; menjelaskan bayaran lesen sejumlah RM1,200 bagi tempoh 2 tahun atau sebahagian daripadanya dan mengemukakan jaminan bank bagi menjamin cukai atas barang-barang bebas cukai dalam simpanan.

3.5.1.1. Pegangan Saham Bumiputera Kurang Daripada Yang Ditetapkan

a. Permohonan membaharui lesen KBC pula hendaklah mengikut peruntukan Peraturan 34, Peraturan-peraturan Kastam 1977. Pembaharuan lesen boleh diluluskan setelah PKN berpuas hati bahawa ahli lembaga pengarah telah lulus tapisan; perniagaan diurus sendiri oleh pelesen dan premis tidak disewakan kepada pihak kedua; syarat pelesenan yang lepas telah dipatuhi; dan prestasi syarikat adalah menggalakkan. Permohonan pindah milik lesen secara menyeluruh perlulah diproses seperti permohonan baru dengan menyertakan surat penjualan perniagaan tersebut dan permohonan untuk menukar sebahagian daripada pemegang saham, pertukaran ahli lembaga pengarah atau pertukaran nama syarikat, bolehlah diluluskan oleh PKN dengan syarat pegangan saham serta penyertaan Bumiputera di dalam pengurusan syarikat (tidak kurang daripada 70% bagi KBC Bandaraya dan 30% bagi KBC Dalam Negeri, KBC Lapangan Terbang, KBC Pelabuhan dan KBC Sempadan). Untuk ini, borang pengesahan pegangan saham yang terkini daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) perlulah dikemukakan bersama-sama.

b. Semakan Audit terhadap fail induk 31 pelesen KBC di 6 negeri yang dilawati mendapati perkara berikut:

    i. Sebanyak **4 daripada 5 pelesen KBC Bandaraya tidak mengekalkan 70% pegangan saham Bumiputera. Setakat 31 Januari 2013 tiada saham yang dimiliki oleh Bumiputera bagi 4 pelesen tersebut**. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.4
PEGANGAN SAHAM BUMIPUTERA YANG KURANG 70%
DI DALAM PENGURUSAN KBC BANDARAYA
SETAKAT 31 JANUARI 2013

JKDM NEGERI	PELESEN KBC	NO. SYARIKAT	TARIKH PENUBUHAN
W.P. Kuala Lumpur	ADF (M) Sdn. Bhd.	232245-T	10.01.1992
	Benison Duty Free Sdn. Bhd.	224755-P	10.09.1991
	Bumiraya Duty Free Centre (KL) Sdn. Bhd.	627923-V	12.09.2003
Selangor	Green Pacific Sdn. Bhd.	189976-H	25.11.1989

Sumber : e-Info Suruhanjaya Syarikat Malaysia (www.ssm.com.my) Pada 31 Januari 2013

ii. Sebanyak **5 daripada 25 pelesen KBC (selain KBC Bandaraya) tidak mengekalkan 30% pegangan saham Bumiputera**. Setakat 31 Januari 2013, peratusan pegangan saham Bumiputera bagi 3 KBC Lapangan Terbang, satu KBC Sempadan dan satu KBC Dalam Negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.5
PEGANGAN SAHAM BUMIPUTERA YANG KURANG 30%
DI DALAM PENGURUSAN KBC (SELAIN KBC BANDARAYA)
SETAKAT 31 JANUARI 2013

JKDM NEGERI	PELESEN KBC	JENIS KBC	NO. SYARIKAT	TARIKH PENUBUHAN	PEGANGAN SAHAM BUMIPUTERA (%)
KLIA	Harum Aspirasi Sdn. Bhd.	Lapangan Terbang	400188-T	29.08.1996	0
	Envico Travel Retail Sdn. Bhd.		333073-H	08.02.1995	0
	Luxitalia Sdn. Bhd.		681624-K	18.02.2005	0
Perlis	Warisan Limpahan Sdn. Bhd.	Dalam Negeri	550851-H	21.06.2001	10
Sarawak	Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd.	Sempadan	211451-U	21.01.1991	28.5

Sumber : e-Info Suruhanjaya Syarikat Malaysia (www.ssm.com.my) Pada 31 Januari 2013

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

JKDM bersetuju dengan teguran Audit dan telah mengeluarkan surat arahan kepada semua Pengarah Kastam Negeri (PKN) pada 23 Mei 2013 agar memastikan KBC terlibat mematuhi syarat pegangan saham Bumiputera yang ditetapkan. PKN telah mengemukakan surat teguran/ makluman kepada semua pelesen KBC yang terlibat. Setakat ini KBC Sempadan Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd. dan KBC Dalam Negeri, Warisan Limpahan Sdn. Bhd. telah mengambil tindakan dengan menjadikan jumlah pegangan saham Bumiputera kepada peratusan yang ditetapkan.

3.5.1.2. KBC Tidak Aktif

a. Antara syarat lesen KBC boleh diperbaharui oleh PKN ialah prestasi syarikat adalah menggalakkan dan masih aktif menjual barangan bebas cukai di premis yang dilesenkan.

b. Lawatan Audit ke 24 premis pelesen KBC mendapati 2 KBC Lapangan Terbang iaitu Zam Gems Sdn. Bhd. di Bangunan Satelit, KLIA dan Hartamanis Sdn. Bhd. di LCCT, Sepang telah memohon dan diluluskan pembaharuan lesen KBC masing-masing pada 10 Julai 2012 dan 25 Jun 2012 walaupun kedua-dua syarikat adalah pelesen KBC yang tidak aktif. Adalah didapati syarikat Zam Gems Sdn. Bhd. hanya memiliki satu barangan bebas cukai yang merupakan *silver jewellery box* dan tidak aktif sejak bulan Februari 2011. Manakala syarikat Hartamanis Sdn. Bhd. hanya menjual barangan elektronik yang bukan barangan bebas cukai dan tidak aktif sejak bulan Januari 2010. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.1



Zam Gems Sdn. Bhd., Bangunan Satelit, KLIA
- KBC Yang Tidak Aktif
(07.03.2013)

GAMBAR 3.2



Hartamanis Sdn. Bhd., LCCT
- KBC Yang Tidak Aktif
(07.03.2013)

c. JKDM memaklumkan bahawa lesen KBC Lapangan Terbang Zam Gems Sdn. Bhd. untuk tempoh 1 Jun 2012 hingga 31 Mei 2013 telah diluluskan dengan syarat pembaharuan lesen bagi tahun berikutnya tidak akan diperbaharui sekiranya tidak ada sebarang rekod jualan dicatatkan.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

JKDM memutuskan mana-mana pelesen KBC yang tidak aktif akan diambil tindakan selaras dengan Perintah Tetap Kastam Bil. 55.

d. Analisis Audit mendapati sebanyak 52 lesen telah dikeluarkan oleh JKDM bagi aktiviti KBC dan untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012, nilai jualan kesemua KBC tersebut adalah berjumlah RM2,417.45 juta atau secara puratanya berjumlah RM805.82 juta setahun. Manakala kadar lesen tahunan KBC hanyalah RM600 setahun yang berkuat kuasa sejak tahun 1977 (Peraturan-peraturan Kastam 1977). Berdasarkan maklumat daripada laman

web Kastam Singapura, bagi setiap lesen KBC di Singapura, lesen tahunan yang dikenakan ialah S$70,000 atau RM176,330 setahun (S$1 = RM2.519 - Kadar Pertukaran Matawang Asing Untuk Kerajaan Malaysia Bulan April 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia). Ini menunjukkan kadar lesen tahunan yang dikenakan oleh JKDM adalah 99.7% rendah berbanding kadar yang dikenakan oleh Kastam Singapura.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Satu mesyuarat telah diadakan di peringkat Perbendaharaan Malaysia pada 15 Mac 2013 berhubung dengan perkara ini dan JKDM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian pada 16 April 2013.

3.5.1.3. Jaminan Bank Yang Tidak Mencukupi

a. Jaminan bank perlu dikemukakan kepada PKN sebagai cagaran dan jaminan keselamatan hasil kerajaan atas barang-barang bebas cukai yang disimpan di dalam premis KBC. Nilai jaminan bank mestilah mencukupi bagi menjamin cukai ke atas stok barangan bebas cukai yang dibenarkan pada satu-satu masa. Jaminan bank perlu ditambah apabila berlaku tambahan jumlah stok yang diluluskan.

b. Semakan Audit terhadap fail induk 31 pelesen KBC di 6 negeri yang dilawati mendapati kaedah pemantauan jaminan bank adalah berbeza-beza antara satu JKDM Negeri dengan JKDM Negeri yang lain. Ini disebabkan PTK Bil. 55 tidak memperjelaskan satu prosedur yang seragam. Perbezaan kaedah pemantauan adalah seperti berikut:

   i. Di JKDM KLIA, Sarawak dan W.P. Kuala Lumpur, Pegawai Kastam akan menyemak setiap kemasukan barangan bebas cukai ke KBC serta memastikan nilai jaminan bank adalah mencukupi (mengambil kira cukai ke atas stok sedia ada tambah cukai ke atas barangan yang akan dipindah masuk); dan

   ii. JKDM Kedah, Perlis dan Selangor tidak memantau sama ada nilai jaminan bank adalah mencukupi bagi menjamin cukai barangan bebas cukai dalam simpanan. Pegawai Kastam di JKDM Negeri tersebut hanya menyemak dan memastikan jumlah cukai barangan bebas cukai yang akan dipindah masuk (tanpa mengambil kira cukai ke atas stok sedia ada) tidak melebihi jaminan bank yang telah dikemukakan.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati nilai cukai ke atas stok semasa lawatan Audit ke 9 pelesen KBC adalah berjumlah RM15.09 juta manakala nilai jaminan bank hanya berjumlah RM6.54 juta sahaja. **Ini bermakna cukai berjumlah RM8.55 juta tidak diliputi dengan jaminan bank yang disediakan**. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL3 6
JAMINAN BANK YANG TIDAK MENCUKUPI

JKDM NEGERI	PELESEN KBC	NILAI JAMINAN BANK (RM)	JUMLAH CUKAI KE ATAS STOK SEMASA LAWATAN AUDIT (RM)	TARIKH LAWATAN AUDIT	PERBEZAAN (RM)
Perlis	Emas Kerajang Sdn. Bhd.	4,000,000	7,675,814	21.02.2013	(3,675,814)
	Great Earth Duty Free Sdn. Bhd.	400,000	419,317	21.02.2013	(19,317)
	Warisan Limpahan Sdn. Bhd.	400,000	1,276,888	21.02.2013	(876,888)
Kedah	Naluri Aman Sdn. Bhd.	700,000	3,046,954	18.02.2013	(2,346,954)
	Star Five Duty Free Sdn. Bhd.	500,000	790,592	18.02.2013	(290,592)
Selangor	AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd.	100,000	943,304	26.03.2013	(843,304)
	Bumiraya Duty Free Centre Sdn. Bhd.	200,000	381,563	25.03.2013	(181,563)
	Green Pacific Sdn. Bhd.	100,000	406,393	28.03.2013	(306,393)
	Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd.	143,000	150,694	28.03.2013	(7,694)
JUMLAH		**6,543,000**	**15,091,519**	**-**	**(8,548,519)**

Sumber : Jaminan Bank Dan Penyata Harian Stok/Kad Stok KBC

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013


JKDM bersetuju dengan teguran Audit dan telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua PKN pada 31 Mei 2013 agar memastikan KBC terlibat mematuhi syarat nilai jaminan bank seperti ditetapkan dalam PTK Bil. 55. PKN telah mengeluarkan surat arahan kepada pelesen KBC yang terlibat supaya menaikkan nilai jaminan bank. Setakat ini KBC Dalam Negeri, Warisan Limpahan Sdn. Bhd. telah menaikkan nilai jaminan bank.

Pada pendapat Audit, pelesenan KBC tidak diuruskan dengan teratur kerana lesen KBC masih diperbaharui walaupun syarikat tidak mematuhi syarat pegangan saham Bumiputera dan pelesen tidak aktif. Pihak Audit juga berpendapat kadar lesen tahunan yang sangat rendah adalah punca syarikat yang tidak aktif masih mampu memperbaharui lesen KBC mereka. Sehubungan itu, nilai jaminan bank yang tidak mencukupi bagi meliputi duti barangan bebas cukai dalam stok boleh menyebabkan JKDM kehilangan hasil kerana duti barangan yang disimpan tidak terjamin.

3.5.2. Pengurusan Dan Kawalan KBC

Bagi barangan berduti yang diimport untuk dijual sebagai barangan bebas cukai di KBC, barangan tersebut hendaklah dipindahkan dari tempat import ke Gudang Berlesen Persendirian (GBP) atau terus ke KBC dengan menggunakan Borang K8 (Borang Permohonan/Kebenaran/Memindahkan/Mengeluarkan Barang-barang) tanpa bayaran duti. Pemindahan barangan berduti dari GBP ke KBC juga perlu menggunakan Borang K8 dan setiap kemasukan barangan ke KBC (termasuk stornya yang diluluskan oleh JKDM) perlu diperiksa oleh Pegawai Kastam dan direkodkan dalam buku stok KBC. Adalah menjadi tanggungjawab KBC untuk mengemukakan salinan invois jualan, penyata jualan harian/bulanan kepada Stesen Kastam Mengawal KBC setiap bulan supaya pemeriksaan stok dapat dijalankan oleh Pegawai Kastam sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Carta aliran pengimportan dan jualan barang bebas cukai adalah seperti di carta berikut:

CARTA 3.1
CARTA ALIRAN PENGIMPORTAN DAN JUALAN BARANG BEBAS CUKAI KEPADA ORANG YANG LAYAK



Sumber : Temu Bual Pegawai Kastam Dan PTK Bil. 55, JKDM

3.5.2.1. Kawalan Penyimpanan Stok/Barangan Bebas Cukai

Mengikut PTK Bil. 55, bagi menyokong permohonan sesebuah syarikat mendapatkan lesen KBC, PKN adalah bertanggungjawab melawat premis bagi memastikan premis yang akan dijadikan KBC adalah sesuai dan kukuh. Semakan Audit terhadap kawalan penyimpanan stok/barangan bebas cukai mendapati KBC Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd. di Skypark, Subang (KBC Lapangan Terbang) menempatkan barang bebas cukai di tempat yang tidak sesuai dan tidak kukuh kerana terletak di kawasan awam serta pintunya yang tidak mempunyai jeriji. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.3



Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd., Skypark, Subang
- Kedudukan Stor KBC Di Kawasan Awam
(28.03.2013)

GAMBAR 3.4



Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd., Skypark, Subang
- Pintu Stor Yang Tidak Mempunyai Jeriji
(28.03.2013)

Pada pendapat Audit, stor KBC yang tidak dikawal dengan baik boleh menimbulkan kehilangan duti disebabkan terdedah kepada kecurian dan kerosakan.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

JKDM bersetuju dengan teguran Audit dan arahan pemasangan jeriji telah dikeluarkan pada 20 Mei 2013.

3.5.2.2. Label Dan Pembungkusan "Malaysian Duty Not Paid"

a. Setiap barang dan pembungkus barang-barang berduti bebas cukai yang disimpan dalam KBC hendaklah ditandakan dengan "Malaysian Duty Not Paid" di tempat yang senang dilihat dan disusun dengan cara yang mudah dikenal pasti untuk menjaga keselamatan barang dan premis berlesen sebagaimana arahan Pegawai Kastam. Contoh penggunaan label adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.5



Dimensi Eksklusif Sdn. Bhd., KLIA, Sepang
- Penggunaan Label 'Malaysian Duty Not Paid'
Untuk Jualan KBC
(07.03.2013)

GAMBAR 3.6



Malaysia Airport (Niaga) Sdn. Bhd., KLIA, Sepang
- Penggunaan Label 'Malaysian Duty Not Paid'
Untuk Jualan KBC
(18.01.2013)

b. Sehubungan itu, barang bebas cukai yang telah dijual mesti dimasukkan ke dalam beg yang kukuh. Di mulut setiap beg hendaklah ditutup dengan stiker berkelip. Lebar stiker adalah tidak kurang daripada 1 inci yang dicetak dengan perkataan "Malaysian Duty Not Paid". Ketinggian setiap huruf di atas tidak kurang daripada 0.75 inci serta lebarnya tidak kurang daripada 0.3 inci. Contoh pembungkusan barang bebas cukai yang telah dijual adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.7



GAMBAR 3.8



Malaysia Airport (Niaga) Sdn. Bhd., KLIA, Sepang
- Pembungkusan Barang Bebas Cukai Yang Betul
(07.03.2013)

c. Semakan Audit untuk menentukan sama ada label dan pembungkusan barang bebas cukai mematuhi standard yang ditetapkan mendapati perkara berikut:

i. Warisan Limpahan Sdn. Bhd. di Padang Besar, Perlis (KBC Dalam Negeri) tidak menandakan pada setiap barang dan pembungkus barang-barang berduti bebas cukai yang disimpan dalam premis KBC dengan "Malaysian Duty Not Paid". Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.9



GAMBAR 3.10



Warisan Limpahan Sdn. Bhd., Padang Besar, Perlis
- Tiada Label 'Malaysia Duty Not Paid'
(21.02.2013)

ii. KBC Sempadan Star Five Duty Free Sdn. Bhd. di Bukit Kayu Hitam, Kedah tidak mematuhi standard pembungkusan barang bebas cukai yang telah dijual. Butiran lanjut adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 3.11

Star Five Duty Free Sdn. Bhd.,
Bukit Kayu Hitam, Kedah
- Pembungkusan Barang Bebas Cukai
Yang Tidak Mematuhi Standard
(18.02.2013)

Pada pendapat Audit, barang bebas cukai yang tidak ditandakan dengan label "Malaysian Duty Not Paid" dan tidak menggunakan pembungkusan yang telah ditetapkan boleh mengelirukan pihak pembeli dan dianggap sebagai barang yang telah dibayar cukai.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

JKDM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada semua PKN bagi menasihati KBC supaya mematuhi standard pelabelan dan pembungkusan barang bebas cukai yang telah dijual selaras dengan PTK Bil. 55. Syarikat terlibat telah dikenakan kompaun atas kesalahan di bawah Seksyen 138 Akta Kastam 1967 kerana melanggar syarat lesen Kedai Bebas Cukai.

3.5.2.3. Kawalan Rekod Dan Dokumen KBC

a. Semua salinan invois jualan dan borang Kastam serta rekod-rekod pembelian/perolehan barangan bebas cukai hendaklah dikendalikan dengan kemas kini, sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah Kastam atau Pegawai Kastam yang hak dan disimpan dalam premis KBC dalam tempoh 3 tahun dan mana-mana Pegawai Kastam yang hak boleh memeriksa buku-buku tersebut apabila dikehendaki.

b. Pelesen KBC hendaklah menyimpan rekod pengeluaran barangan dari KBC, rekod jualan harian yang mengandungi maklumat seperti jenis barang, kuantiti jualan, nilai jualan, nombor invois jualan dan tarikh jualan; menyediakan penyata bulanan yang mengandungi maklumat pembukaan stok, barangan yang diterima, barangan yang dijual/dikeluarkan dan baki pada hujung bulan; mengemukakan penyata jualan harian tidak lewat dari 7 hari selepas jualan dan penyata bulanan kepada Stesen Kastam Mengawal KBC pada atau sebelum 7 hari bulan dalam bulan berikutnya dan mengemukakan senarai serta invois jualan yang dibatalkan bersama dengan penyata jualan bulanan.

c. Kawalan tambahan terhadap penjualan barang bebas cukai oleh KBC Bandaraya dan KBC Dalam Negeri ialah pelesen hendaklah menyediakan rekod yang perlu diisi (nama, nombor dokumen perjalanan, jenis dokumen perjalanan dan nombor pesawat atau kapal) dan ditandatangani oleh pembeli yang datang sendiri ke KBC berkenaan sebaik sahaja jual beli dilakukan untuk semakan pihak Kastam dari semasa ke semasa.

d. Stesen Kastam Mengawal KBC hendaklah menyelenggara, menyemak dan mengawal rekod-rekod seperti fail induk pelesen, penyata jualan harian/bulanan serta salinan invois jualan; rekod keluar masuk barangan dan borang Kastam serta membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport bagi KBC Bandaraya dan KBC Dalam Negeri.

e. Semakan Audit terhadap kawalan rekod dan dokumen KBC mendapati perkara berikut:

   i. semua pelesen KBC telah menyimpan salinan invois jualan, borang Kastam dan rekod pembelian/perolehan barangan bebas cukai dengan kemas kini dan teratur. Di samping itu, penyimpanan rekod pengeluaran barangan dari KBC, rekod jualan harian dan rekod jualan bulanan adalah teratur. Pelesen juga telah mengemukakan penyata jualan bulanan dan senarai serta invois jualan yang telah dibatalkan kepada Stesen Kastam Mengawal KBC pada tempoh yang telah ditetapkan;

   ii. terdapat satu daripada dua KBC Dalam Negeri iaitu Warisan Limpahan Sdn. Bhd., Padang Besar, Perlis dan kesemua 5 KBC Bandaraya yang diaudit iaitu AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd.; Bumiraya Duty Free Centre (KL) Sdn. Bhd.; ADF (M) Sdn. Bhd.; Benison Duty Free Sdn. Bhd. dan Green Pacific Sdn. Bhd. **tidak menyimpan daftar untuk merekodkan nama, nombor dokumen perjalanan, jenis dokumen perjalanan dan nombor pesawat atau kapal serta ditandatangani oleh pembeli** yang datang sendiri ke KBC berkenaan; dan

   iii. Stesen Kastam Mengawal KBC di Subang, Selangor tidak dapat melaksanakan tugas membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport bagi KBC Bandaraya disebabkan kekurangan kakitangan.

Pada pendapat Audit, kegagalan KBC untuk menyimpan daftar pembelian menyebabkan Stesen Kastam Mengawal KBC tidak dapat membuat pengesahan eksport kerana tiada bukti pembelian oleh pelancong yang hadir sendiri ke premis KBC. Di samping itu, kekurangan kakitangan juga menjadi punca proses semakan invois jualan tidak dapat dijalankan.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

JKDM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada semua PKN agar mengarahkan KBC terlibat untuk menyediakan dan menyimpan daftar bagi merekodkan nama, nombor dokumen perjalanan, jenis dokumen perjalanan dan nombor pesawat atau kapal untuk ditandatangani oleh pembeli yang datang sendiri ke premis KBC. Setakat ini KBC Dalam Negeri, Warisan Limpahan Sdn. Bhd. telah menyediakan daftar tersebut. Mulai bulan Mac 2013, JKDM Selangor telah menempatkan seorang pegawai kanan di Stesen Kastam Mengawal KBC Subang untuk mengawal urusan KBC termasuklah membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport bagi KBC Bandaraya serta salinan invois jualan yang belum lagi diimbangkan.

3.5.2.4. Penjualan Barang Bebas Cukai Kepada Yang Tidak Layak

a. KBC Lapangan Terbang Dan KBC Pelabuhan

Pelesen KBC Lapangan Terbang dan KBC Pelabuhan dibenarkan untuk menjual kepada pelancong antarabangsa, penumpang dan anak kapal yang tiba atau akan berlepas keluar negeri (termasuk juruterbang dan nakhoda) serta warganegara Malaysia dan pemastautin di Malaysia yang tiba atau akan berlepas ke luar negeri. Semakan Audit mendapati penjualan barang bebas cukai oleh KBC Lapangan Terbang dan KBC Pelabuhan adalah teratur. Di mana KBC Lapangan Terbang menjual kepada mereka yang layak dan KBC Pelabuhan telah menghantar barangan yang dijual berserta salinan invois jualan ke Stesen Kastam Pengesahan Eksport dan diserahkan kepada pelancong di hadapan Pegawai Kastam di kaunter khas. Contoh kawalan penjualan tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.12



KBC Lapangan Terbang Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd., Bangunan Satelit, KLIA, Sepang
- Penjualan Kepada Yang Layak Dan Hadir
(07.03.2013)

GAMBAR 3.13




KBC Lapangan Terbang Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd., LCCT, Sepang
- Pasport Antarabangsa Sebagai Bukti Kelayakan
(04.03.2013)

GAMBAR 3.14



KBC Pelabuhan Bumiraya Duty Free Sdn. Bhd., Business Centre, Westport, Selangor - Penjualan Kepada Yang Layak Dan Hadir (26.03.2013)

GAMBAR 3.15



KBC Pelabuhan Bumiraya Duty Free Sdn. Bhd., Business Centre, Westport, Selangor - Pasport Antarabangsa Sebagai Bukti Kelayakan (26.03.2013)



GAMBAR 3.16

Stesen Kastam Pengesahan Eksport, Pelabuhan Barat, Selangor - Barang Bebas Cukai Berserta Salinan Invois Jualan Diperiksa Oleh Pegawai Kastam (26.03.2013)

b. KBC Bandaraya

i. Pelesen KBC Bandaraya dibenarkan untuk menjual kepada pelancong antarabangsa yang akan meninggalkan Malaysia setelah memasuki negara ini dengan menggunakan pasport antarabangsa atau dokumen perjalanan yang sah. Manakala bagi KBC Dalam Negeri, dibenarkan menjual kepada warganegara Malaysia yang memiliki pasport antarabangsa yang akan berlepas ke Thailand dengan had 24 tin bir; satu liter minuman keras; dan satu karton (200 batang) rokok. Sebagai tambahan, KBC Dalam Negeri dibenarkan menjual kepada pelancong asing yang memiliki pasport antarabangsa dan pas sempadan yang akan berlepas ke Thailand dengan had 48 tin bir; 3 liter minuman keras; dan 3 karton (600 batang) rokok.

ii. Kawalan tambahan terhadap penjualan barang bebas cukai oleh KBC Bandaraya dan KBC Dalam Negeri adalah pembeli tidak dibenarkan untuk membawa barang bebas cukai yang dibeli dari KBC dan pelesen adalah bertanggungjawab menghantar barang bebas cukai ke Stesen Kastam Pengesahan Eksport dan diserahkan kepada pembeli di hadapan Pegawai Kastam yang hak di kaunter khas. Contoh Stesen Kastam Pengesahan Eksport dan kaunter khas bagi penyerahan barang bebas cukai oleh pelesen KBC Bandaraya dan KBC Dalam Negeri adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.17



Stesen Kastam Pengesahan Eksport, KLIA
- Tempat Penyerahan Barang Bebas Cukai Dari KBC Bandaraya Dan KBC Dalam Negeri
(17.01.2013)

GAMBAR 3.18



Stesen Kastam Pengesahan Eksport,
Padang Besar, Perlis
- Tempat Penyerahan Barang Bebas Cukai Bagi KBC Dalam Negeri (Warisan Limpahan Sdn. Bhd.)
(21.02.2013)

GAMBAR 3.19



Stesen Kastam Pengesahan Eksport,
Pelabuhan Barat, Selangor
- Tempat Penyerahan Barang Bebas Cukai Bagi KBC Bandaraya W.P. KL Dan Selangor
(26.03.2013)

GAMBAR 3.20



Stesen Kastam Pengesahan Eksport,
Pelabuhan Barat, Selangor
- Kaunter Khas Bagi KBC Bandaraya/Dalam Negeri
(26.03.2013)

iii. Pelesen KBC tidak dibenarkan menjual kepada warganegara Malaysia kecuali mereka yang layak; kepada pembeli-pembeli yang tidak hadir sendiri; kepada mana-mana wakil pelancong; kepada pembeli-pembeli yang akan keluar dari negara ini melalui jalan raya ke sempadan negara asing (kecuali KBC Dalam Negeri); minuman keras dan rokok kepada pembeli yang berumur di bawah 21 tahun serta minuman keras kepada umat Islam.

iv. Lawatan Audit ke 5 KBC Bandaraya, iaitu ADF (M) Sdn. Bhd. dan Benison Duty Free Sdn. Bhd., Batu Caves pada 5 Februari 2013; dan AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd. dan Bumiraya Duty Free Centre (KL) Sdn. Bhd., Brickfields, Kuala Lumpur pada 7 Februari 2013; serta Green Pacific Sdn. Bhd., Subang, Selangor pada 28 Mac 2013 mendapati **tiada jualan barang-barang bebas cukai kepada pelancong antarabangsa**. Selain itu, Stesen Kastam Pengesahan Eksport di KLIA, Sepang dan Skypark, Subang juga mengesahkan bahawa **tiada salinan invois jualan diterima dan tiada pelancong asing yang hadir untuk mengambil barang bebas cukai yang telah dibeli daripada kelima-lima KBC Bandaraya tersebut.** Bagaimanapun, barang bebas cukai telah dijual oleh 5 KBC Bandaraya tersebut kepada anak kapal yang

berlabuh di Pelabuhan Barat, Selangor dengan had 48 tin bir, 3 liter minuman keras dan 3 karton (600 batang) rokok bagi setiap anak kapal. Walaupun lesen yang dikeluarkan bukan lesen KBC Pelabuhan atau KBC Dalam Negeri, Stesen Kastam Pengesahan Eksport di Pelabuhan Barat, Selangor masih mengesahkan salinan invois jualan daripada 5 KBC Bandaraya tersebut sebagai eksport dan mengembalikannya kepada Stesen Kastam Mengawal KBC di W.P. Kuala Lumpur dan Subang, Selangor untuk semakan.

v. Analisis Audit telah dijalankan terhadap salinan invois jualan bertarikh 17 dan 18 Disember 2012 yang dipilih. Adalah didapati kelima-lima KBC Bandaraya telah menjual arak kepada anak kapal bagi 15 kapal yang sama. Ini bermakna **setiap anak kapal telah membeli kuantiti arak yang melebihi had yang dibenarkan dan anggaran nilai kehilangan cukai Kastam adalah berjumlah RM216,715 untuk 2 hari sahaja**. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.7
ANGGARAN NILAI KEHILANGAN CUKAI KASTAM APABILA ANAK KAPAL MEMBELI ARAK MELEBIHI HAD KELAYAKAN

NAMA KAPAL	BIL. ANAK KAPAL	KELAYAKAN MEMBELI (Kuantiti)		PEMBELIAN SEBENAR (Kuantiti)		MELEBIHI HAD (Kuantiti)		ANGGARAN NILAI KEHILANGAN CUKAI KASTAM (RM)
		BEER (Crate)	*LIQUOR* (Liter)	*BEER* (Crate)	*LIQUOR* (Liter)	*BEER* (Crate)	*LIQUOR* (Liter)	
17 DISEMBER 2012								
CMA CGM Africa One	22	44	66	82	110.52	38	45	9,855
Danum 158	17	28	42	58	98.55	32	56.67	10,556
Hansa Century	23	46	69	92	59.04	46	-	5,382
Mellum Trader	12	24	36	70	95.1	46	59.1	12,486
MV Platinum Diamond	11	22	33	44	-	22	-	2,574
MV Sinar Subang	19	38	57	76	106.2	38	49.2	10,360
MV Thana Bhum	24	48	72	134	201.95	86	129.95	25,683
MV YM Cosmos	28	56	84	106	112.15	52	52.3	12,371
Santa Felicita	20	40	60	78	47.88	38	-	4,446
Santa Rafaela	24	48	72	82	172.55	36	100.55	16,299
18 DISEMBER 2012								
CMA CGM Corte Real	29	58	87	158	213.9	102	129.9	27,549
CMA CGM Fidelio	29	58	87	168	221.7	110	134.7	29,062
MV BLPL Blessing	19	38	57	114	113.5	76	56.5	15,684
MV Despina P	23	46	69	90	115.2	44	46.2	10,702
MV NYK Argus	24	48	72	134	182.5	86	113.50	23,706
JUMLAH		**642**	**963**	**1,486**	**1,850.74**	**852**	**973.57**	**216,715**

Sumber : ***Invois Jualan Syarikat ADF (M) Sdn. Bhd.; Benison Duty Free (M) Sdn. Bhd.; AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd.; Bumiraya Duty Free (KL) Centre Sdn. Bhd.; Dan Green Pacific Sdn. Bhd. Pada 17 Dan 18 Disember 2012***

vi. Analisis Audit selanjutnya telah dijalankan terhadap senarai nama kapal yang berlabuh/berlayar pada bulan Disember 2012 berdasarkan rekod yang diselenggarakan oleh Jabatan Laut Wilayah Tengah dan Kawalan Berth, Westports Malaysia Sdn. Bhd.. Adalah didapati kelima-lima KBC Bandaraya yang sama telah mengeluarkan invois jualan arak kepada anak kapal bagi 11 kapal yang telah berlayar, tidak berlabuh/ berlayar pada bulan Disember 2012 atau tiada dalam rekod Jabatan Laut Wilayah Tengah atau rekod Kawalan Berth, Westports Malaysia Sdn. Bhd. di Pelabuhan Barat, Selangor. Namun begitu, penjualan arak kepada anak kapal bagi 11 kapal tersebut telah disokong dengan salinan invois jualan yang ditandatangani oleh pembeli sendiri dengan had yang maksimum/sama. Berdasarkan analisis Audit, sekiranya penjualan arak dari KBC Bandaraya ini tidak dapat dibuktikan sebenarnya telah dieksport, **dianggarkan Kerajaan telah mengalami kehilangan hasil berjumlah RM230,536 dalam tempoh 2 hari sahaja**. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.8
ANGGARAN NILAI KEHILANGAN HASIL BAGI JUALAN ARAK KEPADA ANAK KAPAL BAGI KAPAL YANG TELAH/TIDAK BERLAYAR/TIADA DALAM REKOD DARI PELABUHAN KLANG PADA 17 DAN 18 DISEMBER 2012

NAMA KAPAL	MASA DIJANGKA BERLAYAR (ETD)	SEMAKAN DAFTAR PELAYARAN KELUAR KAPAL* (TARIKH/ MASA)	BILANGAN INVOIS JUALAN					ANGGARAN NILAI KEHILANGAN CUKAI KASTAM (RM)
			ADF	BENISON	AGM	BUMI RAYA	GREEN PACIFIC	
17 DISEMBER 2012								
Wladyslaw Orkan	17.12.2012	14.10.2012 / 22:00	-	-	-	-	22	14,078
Genoa Bridge	17.12.2012	28.11.2012 / 05:00	-	-	-	-	22	12,835
Baltic Highway	17.12.2012	13.12.2012 / 21:00	-	-	-	-	22	12,835
MT Chemroad Rose	**17.12.2012**	**Tiada Dalam Rekod**	**21**	**22**	**18**	**22**	**22**	**39,261**
MV Klara	17.12.2012	05.12.2012 / 12:42	14	14	14	-	-	11,485
Zim Djibouti	17.12.2012	11.12.2012 / 13:40	-	-	20	19	-	18,234
18 DISEMBER 2012								
Straight Voyager	18.12.2012	06.12.2012 / 18:00	-	-	-	-	21	12,252
CMA CGM Africa Three	18.12.2012	02.12.2012 / 17:00	-	-	-	-	20	11,668
MTT Kinabalu	18.12.2012	14.12.2012 / 23:00	-	-	-	-	19	11,085
MV Itha Bhum	18.12.2012	16.12.2012 / 17:20	22	22	-	-	22	26,305
MV OOCL Beijing	**18.12.2012**	**Tiada Dalam Rekod**	**29**	**29**	**-**	**29**	**29**	**60,498**
JUMLAH			**86**	**87**	**52**	**70**	**199**	**230,536**

Sumber : ***Invois Jualan Syarikat ADF (M) Sdn. Bhd.; Benison Duty Free (M) Sdn. Bhd.; AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd.; Bumiraya Duty Free (KL) Centre Sdn. Bhd.; Dan Green Pacific Sdn. Bhd. Pada 17 Dan 18 Disember 2012***

Nota : ***(*) - Maklumat Pelayaran Kapal Oleh Jabatan Laut Wilayah Tengah, Pelabuhan Klang Dan Kawalan Berth, Westports Malaysia Sdn. Bhd., Pelabuhan Barat, Selangor***

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

JKDM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada PKN Selangor dan WP Kuala Lumpur agar membuat siasatan kesahihan laporan Audit dan laporan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu bulan. PKN Selangor dan W.P. Kuala Lumpur telah mencadangkan agar dilanjutkan tempoh siasatan memandangkan bilangan dokumentasi yang perlu dianalisis dengan terperinci adalah terlalu banyak.

c. KBC Sempadan

KBC Sempadan dibenarkan untuk menjual barang bebas cukai kepada semua orang di mana pembeli hendaklah hadir sendiri dan membeli dalam kuantiti untuk kegunaan peribadi. Adalah didapati **3 KBC Sempadan, iaitu Naluri Aman Sdn. Bhd. dan Star Five Duty Free Sdn. Bhd. di Kedah dan Emas Kerajang Sdn. Bhd. di Perlis telah menjual barang bebas cukai secara pukal kepada agensi penguatkuasaan di Thailand**. Menurut Pegawai Kastam di Stesen Kastam Mengawal KBC yang terlibat, penjualan ini dibenarkan kerana terdapatnya memorandum persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand. **Bagaimanapun, dokumen tersebut tidak dapat dikemukakan semasa pengauditan dijalankan**. Contoh penjualan arak secara pukal kepada agensi penguatkuasaan Thailand semasa lawatan Audit adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 3.21

Emas Kerajang Sdn. Bhd.,
Padang Besar, Perlis
- Arak Yang Dijual Secara Pukal Kepada Agensi Penguatkuasaan Thailand
(21.02.2013)

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

KBC Sempadan Emas Kerajang Sdn. Bhd. di Perlis dibenarkan untuk menjual barangan bebas cukai dalam jumlah kuantiti yang besar selaras dengan kelulusan bertulis dari Ibu Pejabat JKDM melalui surat KE.HE.(44)264/02-109(61) bertarikh 4 Februari 2009 yang membenarkan jualan runcit tanpa had serta menjalankan urus niaga dengan peniaga-peniaga dari Thailand sahaja. Ibu Pejabat JKDM juga telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Mei 2013 kepada PKN Kedah untuk mengarahkan Naluri Aman Sdn. Bhd. dan Star Five Duty Free Sdn. Bhd.

menghentikan amalan tersebut dan membuat pemantauan supaya kesalahan ini tidak diulangi.

Pada pendapat Audit, kawalan oleh PKN terhadap penjualan barang bebas cukai oleh KBC Bandaraya adalah tidak memuaskan kerana telah mengakibatkan penjualan arak yang melebihi had kepada anak kapal dan juga kepada anak kapal bagi 11 kapal yang tidak berlabuh/berlayar/tiada dalam rekod pihak berkuasa perkapalan di Pelabuhan Barat, Selangor. Bagi kedua-dua kes tersebut, pihak Audit menganggarkan Kerajaan telah mengalami kehilangan hasil berjumlah RM447,251 bagi tempoh 2 hari.

3.5.2.5. Pemusnahan Barang Bebas Cukai Dan Remisi

a. Seksyen 18(1) Akta Kastam 1967 memperuntukkan jika apa-apa barang berduti yang telah diimport, rosak binasa kerana kemalangan yang tidak dapat dielakkan, hilang pada bila-bila masa selepas ketibaannya dalam Malaysia, dan sebelum dipindahkan daripada kawalan Kastam, Ketua Pengarah boleh meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian duti kastam yang kena dibayar ke atas barang-barang itu.

b. Berdasarkan PTK Bil. 55, sekiranya berlaku barang bebas cukai telah rosak sebelum dipindahkan daripada kawalan Kastam, pelesen boleh memohon remisi cukai terlibat daripada Ketua Pengarah Kastam dan PKN hendaklah mengemukakan laporan terperinci bagi menyokong/menolak permohonan remisi tersebut.

c. Semakan Audit mendapati sebanyak 4 KBC telah memohon remisi berjumlah RM1.99 juta dari tahun 2009 hingga 2012 dan **sekiranya permohonan tidak diluluskan oleh Ibu Pejabat JKDM, maka hasil berjumlah RM1.99 juta boleh dikutip daripada KBC berkenaan**. Bagaimanapun, permohonan bersama laporan Stesen Kastam Mengawal KBC di KLIA dan Kuching, Sarawak masih belum diputuskan oleh Ibu Pejabat sehingga pengauditan selesai dijalankan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.9
PERMOHONAN REMISI YANG BELUM DIPUTUSKAN OLEH IBU PEJABAT

NEGERI	SURAT RUJUKAN	TARIKH PERMOHONAN	PELESEN KBC	JUMLAH REMISI (RM)
MTB (KLIA)	KE.IA(50) 744/01 Klt.2(15)	16.06.2010	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	101,233
	KE.IA(50) 744/01 Klt.2(16)	20.08.2010	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	144,718
	KE.IA(50) 744/01 Klt.2(20)	19.10.2010	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	49,160
	KE.IA(50) 744/01 Klt.2(21)	20.10.2010	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	500,565

NEGERI	SURAT RUJUKAN	TARIKH PERMOHONAN	PELESEN KBC	JUMLAH REMISI (RM)
MTB (KLIA)	KE.IA(50) 744/01 Klt.2(23)	20.10.2010	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	41,354
	KE.IA(50) 744/01 Klt.2(27)	12.01.2011	Multi Trading & Supplies Sdn. Bhd.	28,916
	KE.IA(50) 744/01 Klt.2(32)	26.07.2011	Multi Trading & Supplies Sdn. Bhd.	6,271
	KE.IA(50) 744/01 Klt.2(36)	09.10.2012	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	427,803
LCCT (KLIA)	KE.IA(50) LCCT/744/01 (09)	26.08.2009	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	19,845
	KE.IA(50) LCCT/744/01 (16)	10.11.2010	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	114,440
	KE.IA(50) LCCT/744/01 (17)	10.11.2010	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	27,157
	KE.IA(50) LCCT/744/01 (22)	11.10.2011	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	232,679
Industri (KLIA)	KE.IA(83) 264/02 (-)	07.10.2010	Wealthouse Sdn. Bhd.	20,640
	KE.IA(83) 264/02 (-)	19.10.2010	Wealthouse Sdn. Bhd.	3,786
Kuching (Sarawak)	KE.YB(25)744/01 Klt.6(22)	08.12.2011	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	94,540
	KE.YB(25)744/01 Klt.6(6)	23.03.2011	Syarikat You How (E.M.) Sdn. Bhd.	147,720
	KE.YB(25)744/01 Klt.6(SK.5)(9)	07.01.2011	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	2,577
	KE.YB(25)744/01 Klt.6(SK.4)(10)	07.01.2011	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	401
	KE.YB(25)744/01 Klt.6(SK.3)(10)	07.01.2011	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	2,191
	KE.YB(25)744/01 Klt.6(SK.2)(11)	07.01.2011	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	17,310
	KE.YB(25)744/01 Klt.6(SK.1)(12)	07.01.2011	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd.	5,741
JUMLAH				1,989,047

Pada pendapat Audit, walaupun potensi hasil yang boleh dikutip adalah berjumlah RM1.99 juta, tempoh masa yang lama untuk memutuskan permohonan remisi yang dikemukakan pada tahun 2009 hingga 2012 adalah tidak cekap.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Urus Setia, Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat telah membuat semakan ke atas perkara ini dan laporan mengenainya sedang disediakan untuk dikemukakan serta mendapatkan kelulusan Pengarah Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM.

3.5.3. Pemantauan

3.5.3.1. Duti Terkorban KBC

Duti terkorban KBC adalah duti daripada barang bebas cukai yang tidak dapat dikutip oleh JKDM disebabkan kemudahan KBC yang disediakan. Bagi meningkatkan kesedaran Pegawai Kastam terhadap pentingnya mengawal dan

memantau aktiviti KBC, JKDM Negeri hendaklah menyelenggarakan rekod mengenai jumlah duti terkorban. Semakan Audit terhadap rekod duti terkorban mendapati perkara berikut:

i. JKDM KLIA telah menyelenggarakan rekod duti terkorban dengan sewajarnya dan nilai duti terkorban yang direkodkan adalah berjumlah RM633.51 juta bagi penjualan barang bebas cukai oleh KBC Lapangan Terbang di KLIA dan LCCT bagi tempoh tahun 2011 hingga 2012. Manakala bagi 5 JKDM Negeri yang diaudit tidak menyelenggarakan rekod berkaitan duti terkorban disebabkan PTK Bil. 55 tidak menetapkan peraturan penyelenggaraan rekod tersebut.

ii. Daripada pemeriksaan stok yang dijalankan oleh keenam-enam JKDM Negeri yang diaudit, hanya JKDM KLIA berjaya mengesan kesalahan yang telah dilakukan oleh pelesen KBC. Antaranya adalah perbezaan stok fizikal dengan rekod stok dan kehilangan barang bebas cukai. **Hasil daripada itu, JKDM KLIA telah berjaya mengutip sejumlah RM4.59 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012** seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.10
KUTIPAN KE ATAS KESALAHAN PELESEN KBC OLEH JKDM KLIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
JUMLAH	2.22	1.28	1.09	4.59

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Tindakan menyelenggara rekod duti terkorban tidak dinyatakan di dalam PTK Bil. 55 tetapi ianya dilaksanakan di JKDM KLIA berdasarkan kepada amalan setempat. Memandangkan amalan yang dilaksanakan di JKDM KLIA adalah baik dan disyorkan oleh pihak Audit maka JKDM telah menetapkan untuk memasukkan cadangan ini di dalam PTK Bil. 55 dan merancang untuk mengadakan kursus pengurusan KBC pada bulan September hingga Disember 2013 kepada semua negeri yang terlibat.

3.5.3.2. Pemeriksaan Stok

a. PTK Bil. 55 menjelaskan bahawa matlamat pemeriksaan stok adalah untuk memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi, stok fizikal bersamaan dengan rekod dan tidak berlaku sebarang penyelewengan. Pemeriksaan stok secara terpilih hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan pemeriksaan secara menyeluruh dilakukan sekurangnya setahun sekali bagi setiap pelesen. Garis panduan bagi melaksanakan pemeriksaan stok antara

lain ialah meneliti fail induk, penyata-penyata dan rekod sebelum ke premis pelesen; menjalankan pemeriksaan fizikal di premis bersama-sama pelesen; membandingkan hasil pemeriksaan fizikal dengan rekod stok serta penyata yang telah dikemukakan oleh pelesen; menandatangani rekod stok bagi barang-barang yang telah diperiksa sahaja; mengesahkan kuantiti jualan melalui invois yang diperiksa bertepatan dengan rekod stok dan mendapatkan penjelasan bertulis sekiranya tidak teratur dan mengemukakan laporan pemeriksaan stok ke Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat JKDM dalam masa satu bulan bersama-sama cadangan pembaikan.

b. Semakan Audit mendapati pemeriksaan stok yang dijalankan terhadap 31 pelesen KBC bagi tempoh 3 tahun adalah sebanyak 175 (47%) di 6 negeri yang diaudit berbanding 372 (4 pemeriksaan stok berkala x 31 KBC x 3 tahun) yang sepatutnya dijalankan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.11
PEMERIKSAAN STOK BERKALA BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

JKDM NEGERI	PELESEN KBC	KEKERAPAN PEMERIKSAAN STOK YANG DIJALANKAN			
		2010	2011	2012	JUMLAH
KLIA	Envico Travel Retail Sdn. Bhd.	6	6	7	19
	Dimensi Eksklusif (M) Sdn. Bhd.	5	6	6	17
	Multi Trading & Supplies Sdn. Bhd.	2	4	4	10
	Modifin Malaysia Sdn. Bhd.	2	-	3	5
	Harum Aspirasi Sdn. Bhd.	3	4	2	9
	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd. (LCCT)	2	3	2	7
	DFZ (M) Sdn. Bhd.	2	2	2	6
	Diffusion Fashions Sdn. Bhd.	2	2	2	6
	Zam Gems (M) Sdn. Bhd.*	2	2	2	6
	Colours & Fragrances Sdn. Bhd.	5	3	1	9
	Luxitalia Sdn. Bhd.	3	1	1	5
	Wealthouse Sdn. Bhd.	-	4	1	5
	Tradewinds Premium Goods Sdn. Bhd.	1	-	1	2
	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd. (KLIA)	7	2	-	9
	Hartamanis Sdn. Bhd.*	-	-	-	-
W.P. Kuala Lumpur	Bumiraya Duty Free Centre (KL) Sdn. Bhd.	4	2	2	8
	AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd.	-	2	2	4
	ADF (M) Sdn. Bhd.	-	-	2	2
	Benison Duty Free Sdn. Bhd.	-	-	-	-
Perlis	AGM Duty Free (Utara) Sdn. Bhd.	1	1	1	3
	Emas Kerajang Sdn. Bhd.	1	1	1	3
	Warisan Limpahan Sdn. Bhd.	1	1	-	2
	Great Earth Duty Free Sdn. Bhd.	-	-	-	-
Kedah	Naluri Aman Sdn. Bhd.	1	4	3	8
	Star Five Duty Free Sdn. Bhd.	-	4	3	7
Sarawak	Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd.	3	4	4	11
	Malaysia Airports (Niaga) Sdn. Bhd. (Kuching)	1	-	-	1

JKDM NEGERI	PELESEN KBC	KEKERAPAN PEMERIKSAAN STOK YANG DIJALANKAN			
		2010	2011	2012	JUMLAH
Selangor	AGM Duty Free (Tengah) Sdn. Bhd.	-	1	2	3
	Bumiraya Duty Free Centre Sdn. Bhd.	-	3	1	4
	Green Pacific Sdn. Bhd.	1	1	-	2
	Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd.	1	1	-	2
JUMLAH		56	64	55	175

Nota : ***(*) - KBC Yang Tidak Aktif***

Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan oleh PKN dan Ibu Pejabat JKDM telah mengakibatkan pemeriksaan stok terhadap pelesen KBC tidak mencapai standard yang ditetapkan.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Pada 15 Februari 2013, JKDM Perlis telah melaksanakan pemeriksaan stok terhadap KBC Sempadan Great Earth Duty Free Sdn. Bhd. dan didapati stok 3 karton rokok jenama Gudang Garam Suria telah hilang. Bil tuntutan ke atas kehilangan duti sejumlah RM13,620 telah dikeluarkan dan syarikat telah membuat bayaran pada 10 April 2013. Manakala JKDM Sarawak telah melaksanakan pemeriksaan stok suku tahun pertama tahun 2013 pada 25 Mac 2013 dan didapati rekod stok barangan bebas cukai KBC adalah betul dan kemas kini.

3.5.3.3. Pelaporan Kepada Ibu Pejabat JKDM

PTK Bil. 55 menyatakan bahawa laporan bulanan perlu dikemukakan sebelum 10 hari bulan pada bulan berikutnya dan laporan tahunan dikemukakan dalam bulan Januari tahun berikutnya ke Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM. Semakan Audit mendapati Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM tidak menerima laporan-laporan yang telah ditetapkan secara berkala daripada semua JKDM Negeri yang terlibat dalam pengurusan KBC.

Pada pendapat Audit, JKDM kurang memantau laporan bulanan dan tahunan yang perlu disediakan dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat JKDM.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan dan kawalan KBC dapat dikawal secara berkesan di seluruh negara dan Kerajaan tidak kehilangan hasil, adalah disyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

3.6.1. memastikan pelesen KBC mengemukakan peratusan pegangan saham Bumiputera yang terkini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bagi Jawatankuasa Kajian yang ditubuhkan untuk mengkaji kadar lesen tahunan, hasil mesyuarat kajian semula kadar lesen KBC hendaklah dikemukakan kepada pihak Audit sebelum 31 Disember 2013;

3.6.2. memastikan semua KBC (termasuk KBC yang tidak diliputi dalam kajian Audit ini) mempunyai jaminan bank yang mencukupi bagi menjamin cukai atas stok barangan bebas cukai yang dibenarkan pada satu-satu masa;

3.6.3. memastikan KBC Langkawi Duty Free (M) Sdn. Bhd. di Skypark, Subang menyiapkan kerja pemasangan jeriji sebelum 31 Ogos 2013 serta semua KBC Dalam Negeri dan KBC Sempadan mematuhi standard label dan pembungkusan yang ditetapkan;

3.6.4. memastikan semua KBC Dalam Negeri dan KBC Bandaraya menyimpan daftar untuk merekodkan maklumat pembeli serta mempunyai tandatangan pembeli yang datang sendiri ke KBC berkenaan;

3.6.5. memastikan Stesen Kastam Mengawal KBC melaksanakan tugas membandingkan invois jualan asal dengan invois jualan yang disahkan dari Stesen Kastam Pengesahan Eksport;

3.6.6. memastikan pasukan khas yang ditubuhkan untuk mengenal pasti jumlah kehilangan hasil sebenar bagi penjualan arak kepada yang tidak berkelayakan, mengemukakan salinan laporan hasil siasatan kepada pihak Audit sebelum atau pada 31 Ogos 2013;

3.6.7. memastikan lesen KBC Bandaraya tidak diperbaharui dan menawarkan kepada pihak terlibat lesen KBC Pelabuhan dengan syarat premis perniagaan terletak di pelabuhan atau jeti iaitu tempat persinggahan feri atau kapal penumpang antarabangsa;

3.6.8. memastikan permohonan remisi di bawah Seksyen 18(1) Akta Kastam 1967 diputuskan dengan kadar segera kerana ia berpotensi mengutip hasil berjumlah RM1.99 juta; dan

3.6.9. memastikan pemantauan terhadap KBC ditingkatkan oleh PKN supaya Stesen Kastam Mengawal KBC menjalankan pemeriksaan stok setiap KBC sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan laporan bulanan/tahunan KBC dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan ke Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat JKDM. Sehubungan itu, kajian semula PTK Bil. 55 hendaklah disempurnakan sebelum 31 Disember 2013.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 22-30 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN KEWANGAN

4. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- TAKSIRAN DUTI IMPORT ARAK

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk memungut hasil negara dalam bentuk cukai dan duti Kastam yang terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi kenderaan. JKDM turut memberi fasilitasi kepada sektor perdagangan dan perindustrian di samping memastikan semua perundangan yang dikuatkuasakan dipatuhi sepenuhnya supaya tidak berlaku ketirisan hasil negara.

4.1.2. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, pungutan hasil JKDM adalah berjumlah RM90.849 bilion. Hasil yang dikutip pada tahun 2010 adalah berjumlah RM28.151 bilion dan telah meningkat sejumlah RM4.168 bilion (14.8%) kepada RM32.319 bilion serta telah mencapai sasarannya pada tahun 2012. Prestasi pungutan hasil keseluruhan JKDM bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.1
HASIL JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Hasil	28,151.15	30,379.51	32,318.99	90,849.65

Sumber : Cawangan Perakaunan Hasil, JKDM Setakat 24 Februari 2013

4.1.3. Antara faktor yang menyumbang kepada pencapaian kutipan hasil JKDM pada tahun 2012 adalah kutipan duti import (termasuk duti eksais import dan cukai jualan import) berjumlah RM10.183 bilion, iaitu 31.5% daripada hasil JKDM tahun 2012. Jumlah kutipan duti import bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah berjumlah RM26.558 bilion, iaitu 29.2% daripada jumlah keseluruhan hasil JKDM untuk tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.2
KUTIPAN DUTI IMPORT BERBANDING HASIL KESELURUHAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Duti Import	1,966.28	2,017.48	2,283.11	6,266.87
Duti Eksais (Import)	2,420.39	3,106.55	3,770.45	9,297.39
Cukai Jualan (Import)	3,284.50	3,580.15	4,129.45	10,994.1
JUMLAH	**7,671.17**	**8,704.18**	**10,183.01**	**26,558.36**
PERATUS (%)	**27.2**	**28.7**	**31.5**	**29.2**

Sumber : Cawangan Perakaunan Hasil, JKDM

4.1.4. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, duti import secara keseluruhan yang dipungut oleh JKDM adalah berjumlah RM26.558 bilion. Manakala duti yang berjaya dikutip daripada pengimportan arak untuk tempoh yang sama adalah berjumlah RM594.91 juta, iaitu 2.2% daripada jumlah keseluruhan duti import. Pungutan duti import arak berbanding duti import secara keseluruhan dan mengikut jenis duti untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.3
PUNGUTAN DUTI IMPORT ARAK BERBANDING DUTI IMPORT KESELURUHAN BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

DUTI IMPORT	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Keseluruhan	7,671.17	8,704.18	10,183.01	26,558.36
Arak	157.81	179.68	257.42	594.91
PERATUS (%)	**2.1**	**2.1**	**2.5**	**2.2**

JADUAL 4.4
PUNGUTAN DUTI IMPORT ARAK MENGIKUT JENIS DUTI BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

JENIS DUTI	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Duti Eksais (Import)	80.78	94.49	160.80	336.07
Duti Import	65.22	71.88	81.51	218.61
Cukai Jualan (Import)	11.81	13.31	15.11	40.23
JUMLAH	**157.81**	**179.68**	**257.42**	**594.91**

4.1.5. Mengikut kod hasil, arak terbahagi kepada 3 jenis kod iaitu minuman keras, bir dan wain. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, hasil daripada pengimportan minuman keras adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 70.1% dan diikuti dengan bir sebanyak 28% dan wain sebanyak 1.9%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.5
PENGIMPORTAN ARAK MENGIKUT KOD HASIL

TAHUN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)
Minuman Keras	126.60	139.67	150.87	417.14	70.1
Bir	29.71	38.63	98.05	166.39	28.0
Wain	1.50	1.38	8.50	11.38	1.9
JUMLAH	**157.81**	**179.68**	**257.42**	**594.91**	**100**

4.1.6. JKDM Negeri Selangor merupakan pemungut hasil tertinggi bagi pengimportan arak iaitu RM125.40 juta (69.8%) pada tahun 2011 dan RM167.20 juta (65.0%) pada tahun 2012. Jumlah pungutan duti import arak mengikut negeri bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.6
PUNGUTAN DUTI IMPORT ARAK MENGIKUT NEGERI
BAGI TAHUN 2011 DAN 2012

BIL.	JKDM NEGERI	2011 (RM)	PERATUS (%)	2012 (RM)	PERATUS (%)
1.	Selangor	125,395,463	69.8	167,197,464	65.0
2.	Wilayah Persekutuan KL dan KLIA	40,024,229	22.3	78,577,656	30.5
3.	Pulau Pinang	7,793,445	4.3	7,403,068	2.9
4.	Johor	1,845,739	1.0	1,695,114	0.7
5.	Sabah	1,492,892	0.8	1,232,832	0.5
6.	Sarawak	1,137,314	0.6	1,287,746	0.5
7.	Melaka	0	-	25,220	0.0
8.	Kedah	80,016	0.0	402	0.0
9.	Pahang	1,984	0.0	0	-
10.	Perak	1,440,035	0.8	0	-
11.	Pemungut Cukai Kastam Persekutuan, Singapura	469,682	0.3	0	-
JUMLAH		**179,680,799**	**100**	**257,419,502**	**100**

Sumber : Cawangan Perakaunan Hasil, JKDM

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada taksiran duti import arak telah dibuat dengan betul dan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan ketirisan hasil negara.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

4.3.1. Skop pengauditan merangkumi pengikraran yang dibuat dalam Borang Kastam 1 (K1) dan Borang Kastam 9 (K9) untuk pengimportan arak bagi tahun 2010 hingga 2012. Skop pengauditan tertumpu di 7 JKDM negeri yang terlibat dengan pengimportan arak yang tertinggi iaitu Johor, KLIA, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

4.3.2. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 93,053 bilangan item arak telah diimport dengan duti kastam berjumlah RM594.91 juta. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 28,062 (30.2%) bilangan item arak yang diimport melalui 6 negeri terpilih dengan duti kastam berjumlah RM179.62 juta (30.2%). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.7
BILANGAN ITEM ARAK DAN DUTI KASTAM YANG DIAUDIT

TAHUN	BILANGAN ITEM		JUMLAH DUTI (RM)		PERATUS (%)	
	KESELURUHAN	DIAUDIT	KESELURUHAN	DIAUDIT	ITEM DIAUDIT	DUTI DIAUDIT
2010	32,559	7,579	157,812,598	24,090,409	23.3	15.3
2011	27,868	10,750	179,680,800	63,797,987	38.6	35.5
2012	32,626	9,733	257,419,503	91,727,539	29.8	35.6
JUMLAH	**93,053**	**28,062**	**594,912,901**	**179,615,935**	**30.2**	**30.2**

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan berdasarkan data K1 dan K9 dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang diperolehi daripada Cawangan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat JKDM. Temu bual dengan pegawai di Cawangan Penjenisan, Tarif Dan Gubalan, Bahagian Perkhidmatan Teknik (PERTEK) Ibu Pejabat dan pegawai penaksir di JKDM Negeri turut diadakan bagi tujuan pengesahan. Rujukan terhadap laman web berkaitan arak juga dibuat bagi mendapatkan maklumat mengenai jenis arak. Selain itu, lawatan ke gudang arak juga telah diadakan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai arak.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai 2012 hingga Mac 2013 mendapati pengurusan taksiran duti import arak adalah memuaskan dan telah mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

i. setiap pengimportan arak memerlukan kelulusan Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan (BKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 59.9% daripada keseluruhan pengimportan arak ke Malaysia tidak mempunyai kelulusan tersebut;

ii. semakan Audit terhadap 28,062 bilangan item arak yang diimport pada tahun 2010 hingga 2012 mendapati sebanyak 1,174 (4.2%) bilangan item arak dengan duti kastam berjumlah RM1.63 juta (0.9%) telah disalah taksir oleh pegawai Kastam; dan

iii. kesilapan taksiran jenis arak yang diimport telah mengakibatkan sekurang-kurangnya RM2.02 juta telah terkurang dikutip.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta maklum balas JKDM adalah seperti di perenggan berikut:

4.5.1. Undang-undang Dan Peraturan Serta *Standard Operating Procedures* (SOP) Dalam Pengurusan Aktiviti Import

4.5.1.1. Dalam melaksanakan tugas taksiran duti import, JKDM telah diberi kuasa melalui undang-undang dan peraturan-peraturan seperti berikut:

a. Akta Kastam 1967;

b. Peraturan-peraturan Kastam 1977;

c. Perintah Kastam;

d. Perintah Duti Kastam 2007;

e. Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988;

f. Akta Cukai Jualan 1972;

g. Peraturan-peraturan Cukai Jualan 1972;

h. Perintah Duti Eksais (Pengecualian) 2012;

i. Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2008;

j. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008; dan

k. *Malaysian Customs Tariff Code*.

4.5.1.2. Bagi memastikan pengurusan aktiviti import dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan, JKDM telah mengeluarkan Perintah Tetap Kastam (PTK) dan surat pekeliling sebagai SOP seperti berikut:

a. PTK Bil. 2 - Penjenisan Barangan Di Bawah Perintah Duti Kastam;

b. PTK Bil. 4 - Pengimportan Dan Pengeksportan Acetic Anhydride;

c. PTK Bil. 11- Lesen Import Dan Eksport;

d. PTK Bil. 28 - Tatacara Penilaian Kastam/Peraturan-peraturan Taksiran;

e. PTK Bil. 43 - Larangan Mengenai Import Dan Eksport; dan

f. Surat Pekeliling Bahagian Kastam Bil. 7/2007 - *Standard Operating Procedures* Bagi Pelaksanaan SMK Secara *Paperless*.

Pada pendapat Audit, undang-undang dan peraturan berkaitan taksiran duti import arak adalah mencukupi dan memadai.

4.5.2. Proses Pengimportan Arak


Secara umumnya, barangan (termasuk arak) boleh diimport terus melalui jalan raya, laut atau udara atau diimport masuk ke gudang berlesen di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967. Proses pengimportan arak ke Malaysia adalah seperti berikut:

a. bagi pengimportan terus, Seksyen 79 Akta Kastam 1967 menetapkan pengimport atau ejen hendaklah membuat akuan terhadap barang berduti yang diimport di mana suatu laporan yang penuh dan benar mengenai jumlah, perihal bungkusan, barang, ukuran, kuantiti dan negeri asal hendaklah dikemukakan kepada pegawai Kastam. Taksiran duti import bermula apabila pengikraran arak dibuat oleh pengimport atau ejen penghantaran secara *online submission* menggunakan Borang K1 (Borang Pengakuan Barang-barang Yang Diimport). Pegawai penaksir akan menyemak kod penjenisan dan penilaian ke atas arak yang diikrarkan bagi menentukan kadar duti yang akan dikenakan ke atasnya dan membuat pemeriksaan fizikal sekiranya didapati perlu atas arahan pegawai penaksir. Pengiraan duti akan dilakukan secara automatik di dalam SMK. Pegawai Kastam akan menyemak data SMK untuk memastikan arak telah diluluskan

dan telah dibayar cukai bagi tujuan pelepasan barang daripada kawalan Kastam; dan

b. bagi pengimportan arak yang masuk ke gudang berlesen, arak hendaklah dipindahkan dari tempat import ke gudang dengan menggunakan Borang K8 (Borang Permohonan/Kebenaran/Memindahkan/Mengeluarkan Barang-barang). Apabila arak hendak dikeluarkan dari gudang berlesen, pembayaran duti bagi "*part consignment*" hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang K9 (Permintaan/Permit Untuk Memindahkan Barang-barang Berduti). Bagi pembayaran duti atas "*full consignment*", Borang K1 hendaklah digunakan. Secara umumnya, carta aliran bagi pengimportan arak ke Malaysia adalah seperti di carta berikut:

CARTA 4.1
CARTA ALIRAN PENGIMPORTAN ARAK KE MALAYSIA



4.5.2.1. Lesen Kastam Dan Kelulusan *Other Goverment Agencies* (OGA)

a. Mengikut Seksyen 2, Akta Kastam 1967, arak atau liquor yang memabukkan termasuklah apa-apa alkohol atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada 2% spirit pruf, yang sesuai, atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi, digunakan sebagai suatu minuman. Manakala Peraturan 18, Peraturan-peraturan Kastam 1977 menetapkan tiada seseorang pun boleh mengimport arak dan spirit denaturasi kecuali dengan lesen yang dikeluarkan oleh atau di bawah arahan Ketua Pengarah Kastam. Bagaimanapun, lesen ini dikecualikan sekiranya arak atau spirit denaturasi adalah untuk kegunaan persendirian pengimport.

b. Jadual 4 dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) Tahun 2008 menetapkan arak tidak boleh diimport melainkan dengan kelulusan OGA, iaitu Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan (BKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia. BKKM telah membangunkan *Food Safety Information System of Malaysia* (Import) (FOSIM) iaitu satu sistem maklumat pintar berasaskan web untuk memperkukuhkan lagi sistem pengurusan pengawasan keselamatan makanan bagi memastikan makanan yang dijual di Malaysia adalah selamat. Sistem ini berantara-muka dengan SMK yang membolehkan pengimport, agen dan Pegawai Kementerian Kesihatan menguruskan aktiviti pengimportan makanan secara elektronik dan menggunakan pendekatan berasaskan risiko dalam menentukan tahap bahaya dalam makanan import.

c. Semakan Audit terhadap sampel Borang K1 dan Borang K9 terpilih mendapati perkara berikut:

i. setiap pengimportan arak yang bukan untuk kegunaan persendirian mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam;

ii. bagi pengimportan arak yang diikrarkan melalui Borang K1, maklumat dalam Borang K1 tersebut disalurkan terus kepada BKKM untuk semakan secara *online*. Sebagai kawalan dalaman, maklumat Borang K1 tersebut tidak akan diperolehi oleh pegawai penaksir selagi kelulusan *online* melalui SMK tidak diberikan oleh BKKM;

iii. bagi pengimportan arak yang masuk ke gudang berlesen dan diikrarkan melalui Borang K8 pula, tiada kelulusan BKKM diperolehi. Sehubungan itu, apabila arak dikeluarkan dari gudang berlesen dan bayaran duti adalah “part consignment” dan diikrarkan melalui Borang K9, kelulusan BKKM juga tidak diperolehi. Perkara ini berlaku kerana Borang K8 dan Borang K9 tidak berantara muka dengan SMK dan juga tiada ruangan dalam Borang K8 dan Borang K9 untuk mengisi kelulusan BKKM; dan

iv. semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 13,598 Borang K9 telah didaftarkan untuk mengikrarkan pengimportan arak, iaitu 59.9% daripada jumlah keseluruhan borang pengikraran yang didaftarkan untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.8
BILANGAN BORANG K1 DAN K9 YANG DIDAFTARKAN UNTUK PENGIMPORTAN ARAK BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	BORANG K1		BORANG K9		JUMLAH BORANG
	Bil.	(%)	Bil.	(%)	
2010	2,060	28.3	5,215	71.7	7,275
2011	2,390	34.2	4,599	65.8	6,989
2012	4,641	55.1	3,784	44.9	8,425
JUMLAH	**9,091**	**40.1**	**13,598**	**59.9**	**22,689**

Pada pendapat Audit, untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 59.9% daripada keseluruhan pengimportan arak ke Malaysia tidak mempunyai kelulusan OGA, iaitu BKKM.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

JKDM bersetuju semua pengimportan arak perlu mempunyai kelulusan BKKM. Bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat JKDM telah mengambil tindakan berikut:

i. ***mengadakan perbincangan dengan BKKM pada 25 Mac 2013 untuk membincangkan masalah modul OGA kepada Borang K8 dan Borang K9 kerana data pengikraran K8 dan K9 gagal dihantar dari SMK ke modul OGA FOSIM/BKKM;***

ii. ***mengedarkan SOP mengenai perintah larangan mengenai import dan perintah larangan mengenai eksport yang berkuat kuasa pada 28 Februari 2013. Berdasarkan SOP ini, semua kelulusan yang berkaitan dengan OGA perlu diperolehi bagi setiap pelepasan dagangan termasuk arak;***

iii. ***sebagai langkah sementara sebelum masalah modul OGA dapat diselesaikan bagi Borang K8, BKKM telah diminta melaksanakan kelulusan secara manual; dan***

iv. ***bagi arak yang telah dimasukkan ke dalam gudang berlesen tetapi masih belum dilepaskan, tindakan mendapatkan kelulusan BKKM secara manual akan dibuat semasa pelepasan Borang K9.***

4.5.2.2. Taksiran Duti Arak

a. Mengikut Peraturan 24, Peraturan-peraturan Kastam 1977, liqour yang memabukkan yang diimport di dalam botol atau bekas yang lain hendaklah ditaksirkan untuk duti kastam atas kuantitinya mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh seorang Pegawai Kanan Kastam. Manakala penjenisan minuman keras (beverages, spirit and liqueurs) adalah tertakluk kepada *Chapter* 22, *Malaysian Customs Tariff Code*. Kod Sistem Berharmonis (HS Code) berkenaan dengan arak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.9
KOD SISTEM BERHARMONIS UNTUK ARAK

BIL.	KOD TARIF (HEADING)	JENIS ARAK
1.	2203	Bir
2.	2204	Wain

BIL.	KOD TARIF (HEADING)	JENIS ARAK
3.	2205	*Vermouth* (wain yang telah ditambah dengan bahan pahit, aromatik atau lain-lain bahan botani atau bahan perisa yang dibenarkan)
4.	2206	*Other Fermentation Beverages* (seperti sider, peri, wain beras dan wain madu)
5.	2208	*Undenatured ethyl alcohol* dengan kadar alkohol kurang daripada 80%. (seperti brandi, wiski, rum dan tafia, gin, vodka, *liqueur* dan samsu)

b. Manakala penjelasan mengenai jenis-jenis arak dan peratusan kandungan alkohol mengikut Peraturan-peraturan Makanan 1985 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.10
KETERANGAN MENGENAI JENIS ARAK

BIL.	JENIS	KETERANGAN	KANDUNGAN ALKOHOL (%)
1.	Bir	Hasil dari penapaian beralkohol cecair yang diperolehi dari lecekan bijian malt dengan hop atau lain-lain sayuran pahit yang tak berbahaya.	> 2
2.	Wain	Hasil dari penapaian beralkohol separa atau penapaian beralkohol lengkap jus anggur dan lain-lain bahagian anggur atau hasil bancuhan jus anggur pekat dengan air minuman atau kombinasinya.	7 - 15
3.	Wain Berudara	Wain yang telah ditambah karbon dioksida secara buatan setelah dibotolkan.	7 - 15
4.	Vermouth	Wain yang telah ditambah dengan bahan pahit, aromatik atau lain-lain bahan botani atau bahan perisa yang dibenarkan.	< 20
5.	Sider	Wain buah yang disediakan dari epal. Ia tidak boleh mengandungi lebih daripada 8.5% v/v alkohol.	> 8.5
6.	Peri	Wain buah yang disediakan dari pear atau kombinasi pear dengan epal di mana kadar jus epalnya tidak melebihi 25% v/v daripada amaun agregat jus buah-buahan itu. Ia tidak boleh mengandungi lebih daripada 8.5% v/v alkohol.	> 8.5
7.	Wain Beras	Hasil dari penapaian beralkohol beras dan bijian lain.	12 - 15
8.	Wain Madu	Hasil dari penapaian beralkohol madu yang dicampur air atau jus buah atau kedua-duanya, dengan atau tanpa penambahan herba atau rempah.	< 15
9.	Syandi	Hasil daripada penapaian bir dan lemoned.	< 2
10.	Brandi	Spirit yang dihasilkan dengan menyuling wain.	< 35
11.	Wiski	Spirit yang dihasilkan dengan menyuling bijirin atau hasil bijirin yang telah menjalani penapaian beralkohol.	< 37.5
12.	Vodka	Hasil yang diperolehi dengan menyuling bijian yang telah menjalani penapaian beralkohol. Ia hendaklah diperlakukan dengan arang atau karbon diaktifkan untuk menjadikan tidak mempunyai sifat, aroma atau rasa ciri.	< 32.5
13.	Rum	Spirit yang diperolehi dengan menyuling hasil tebu yang telah menjalani penapaian beralkohol.	< 37.5
14.	Gin	Spirit yang berperisakan juniper beri, dengan atau tanpa lain-lain bahan botani yang tak berbahaya.	< 35
15.	Liqueur	Hasil yang disediakan dengan mencampurkan atau menyuling spirit dengan atau bersama buah-buahan, bunga, daun atau lain-lain sayur-sayuran tak berbahaya.	> 17
16.	Samsu	Spirit yang diperolehi dengan menyuling lecekan beras, sekoi atau molases.	> 35

c. Arak yang biasanya diimport dan kadar dutinya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.11
KADAR DUTI ARAK YANG BIASA DIIMPORT

BIL.	JENIS ARAK	KOD TARIF	KADAR DUTI IMPORT	KADAR DUTI EKSAIS	KADAR CUKAI JUALAN (%)
1.	Bir	2203.00.900	RM5 / liter	RM7.40 / liter & 15%	5
2.	Wain	2204.29.100	RM7 / liter	RM12 / liter & 15%	5
3.	*Sparkling Wine*	2204.10.000	RM23 / liter	RM34 / liter & 15%	5
4.	*Vermouth*	2205.10.000	RM7 / liter	RM12 / liter & 15%	5
5.	Sider Dan Peri	2206.00.100	RM7 / liter	RM1.50 / liter & 15%	5
6.	Wain Beras	2206.00.200	RM25.50 per 100% vol. seliter	RM22.50 per 100% vol. seliter & 15%	5
7.	Wain Madu	2206.00.300	RM23 / liter	RM4 / liter & 15%	5
8.	Brandi	2208.20.100	RM58 / liter	RM30 / liter & 15%	5
9.	Wiski	2208.30.000	RM58 / liter	RM30 / liter & 15%	5
10.	Vodka	2208.60.000	RM55 / liter	RM30 / liter & 15%	5
11.	Rum	2208.40.000	RM55 / liter	RM30 / liter & 15%	5
12.	Gin	2208.50.000	RM55 / liter	RM30 / liter & 15%	5
13.	*Liqueur*	2208.70.100	RM93.50 per 100% vol. seliter	RM42.50 per 100% vol. seliter & 15%	5
14.	Samsu	2208.90.100	RM26.50 per 100% vol. seliter	RM22.50 per 100% vol. seliter & 15%	5

Sumber: Laman Web JKDM (http://tariff.customs.gov.my)

d. Semakan Audit terhadap 28,062 (30.2%) bilangan item arak daripada 93,053 bilangan item arak yang diimport pada tahun 2010 hingga 2012 mendapati perkara berikut:

i. sebanyak 1,174 (4.2%) bilangan item dengan duti kastam berjumlah RM1.63 juta (0.9%) daripada sampel Audit telah disalah taksir oleh pegawai Kastam. Kesilapan taksiran berbanding bilangan item arak dan jumlah duti adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.12
KESILAPAN TAKSIRAN BERBANDING
BILANGAN ITEM ARAK DAN JUMLAH DUTI DIAUDIT

TAHUN	BILANGAN ITEM			DUTI		
	DIAUDIT	SALAH TAKSIR	(%)	DIAUDIT (RM)	SALAH TAKSIR (RM)	(%)
2010	7,579	280	3.7	24,090,409	424,812	1.8
2011	10,750	271	2.5	63,797,987	479,528	0.8
2012	9,733	623	6.4	91,727,539	729,739	0.8
JUMLAH	**28,062**	**1,174**	**4.2**	**179,615,935**	**1,634,079**	**0.9**

ii. daripada 1,174 bilangan item arak yang salah taksir, sebanyak 986 (84%) berlaku di JKDM Selangor. Analisis Audit mendapati 94% daripada

kesilapan taksiran berlaku apabila pengimport mengisytiharkan *sparkling wine* sebagai wain biasa. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.13
ANALISIS KESILAPAN TAKSIRAN

JKDM NEGERI	KESILAPAN TAKSIRAN		JENIS KESILAPAN
	BILANGAN ITEM ARAK	DUTI TERLIBAT (RM)	
Selangor	986	1,406,774	• 94% daripada kesilapan taksiran adalah merupakan pengimportan *sparkling wine* yang diisytiharkan sebagai wain biasa. • Baki 6% merupakan pengimportan wiski, brandi dan vodka yang diisytiharkan sebagai wain biasa.
KLIA	54	61,774	
Pulau Pinang	72	56,760	
Sabah	51	102,172	
Johor	11	6,599	
W.P. Kuala Lumpur	0*	0*	
Sarawak	0	0	
JUMLAH	**1,174**	**1,634,079**	

Nota: ***(*) - Kesilapan Taksiran Telah Dikenal Pasti Oleh Pegawai Kastam Yang Bertanggungjawab***

iii. berdasarkan sampel Audit, tiada kes kesilapan taksiran berlaku di JKDM W.P. Kuala Lumpur kerana Pegawai Kastam yang bertanggungjawab telah secara pro-aktifnya menyemak semula Borang K1 dan Borang K9 untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011. **Hasil daripada semakan Pegawai Kastam tersebut, *Bill of Demand* (BOD) berjumlah RM288,882 telah dikeluarkan dan kesemuanya berjaya dikutip**;

iv. memandangkan kadar duti untuk *sparkling wine,* wiski, brandi dan vodka adalah lebih tinggi daripada wain biasa, sekurang-kurangnya RM2.02 juta telah terkurang dikutip. Hasil daripada pemerhatian Audit kepada JKDM Negeri terlibat, BOD berjumlah RM1.95 juta telah dikeluarkan kerana JKDM Negeri berkenaan telah bersetuju dengan penemuan Audit. Kedudukan tindakan JKDM terhadap pemerhatian Audit adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.14
KEDUDUKAN TINDAKAN JKDM TERHADAP PEMERHATIAN AUDIT

JKDM NEGERI	DUTI TERLIBAT (RM)	JUMLAH KURANG DIKUTIP (RM)	JUMLAH BOD (RM)	TINDAKAN JKDM
Selangor	1,406,774	1,761,580	1,761,580	Setakat 22 Mei 2013, sebanyak 189 BOD telah dikeluarkan untuk menuntut kekurangan pungutan cukai berjumlah RM1,761,580 seperti berikut: • Pelabuhan Barat (17 BOD berjumlah RM446,238 telah dikeluarkan dan satu BOD berjumlah RM66,230 telah dijelaskan oleh pengimport) • Pelabuhan Utara (20 BOD berjumlah RM380,062) • Pergudangan (148 BOD berjumlah RM933,931) • LTSAAS (4 BOD berjumlah RM1,349)

JKDM NEGERI	DUTI TERLIBAT (RM)	JUMLAH KURANG DIKUTIP (RM)	JUMLAH BOD (RM)	TINDAKAN JKDM
KLIA	61,774	87,890	87,890	Semua BOD yang dikeluarkan telah dijelaskan oleh pengimport.
Pulau Pinang	56,760	107,867	95,440	Setakat 4 Jun 2013, sebanyak 11 BOD telah dikeluarkan dengan status berikut: • sejumlah RM12,427 tidak dapat dikutip kerana telah melebihi tempoh 3 tahun seperti ditetapkan di bawah Seksyen 17(1) Akta Kastam 1967; • 8 BOD berjumlah RM55,203 telah dijelaskan oleh pengimport; • 2 BOD berjumlah RM15,803 baru dikeluarkan; dan • satu BOD berjumlah RM24,434 mula dijelaskan secara ansuran.
Sabah	102,172	50,271	-	Surat arahan telah dikeluarkan oleh Pengarah Kastam Negeri kepada Bahagian Pematuhan Negeri untuk menjalankan pengauditan ke atas pengimportan arak memandangkan pegawai penaksir tidak dapat mengesahkannya secara tepat kerana pengimportan telah berlaku lama. Sekiranya dibuktikan berlaku kesilapan taksiran, BOD akan dikeluarkan.
Johor	6,599	7,817	7,817	Semua BOD yang dikeluarkan telah dijelaskan oleh pengimport.
JUMLAH	**1,634,079**	**2,015,425**	**1,952,727**	

v. bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, arak jenis Benedictine D.O.M dengan kandungan alkohol sebanyak 40% telah diimport dan diikrarkan melalui 68 Borang K1/K9. Semakan Audit selanjutnya terhadap pengimportan arak jenis ini mendapati perkara berikut:

- pelbagai kod tarif digunakan oleh JKDM W.P. Kuala Lumpur dan JKDM Negeri Selangor untuk taksiran pengimportan arak ini, iaitu sebagai *bitters* (minuman beralkohol yang disuling dengan pati herba aromatik), samsu, *liqueur* atau wiski;
- jumlah duti kastam terlibat ialah RM5.5 juta di mana RM4.68 juta telah diberi kelulusan pengecualian bayaran duti oleh Kementerian Kewangan;
- berdasarkan surat pengecualian yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan kepada syarikat Bacardi-Martini Malaysia Sdn. Bhd., Benedictine D.O.M ditakrifkan sebagai *bitters* (kod tarif 2208.90.300 dengan kadar duti import RM30/liter). Manakala surat pengecualian kepada syarikat Thai-Pore Wine & Spirits (M) Sdn. Bhd., menunjukkan arak ini ditakrif sebagai *medicated* samsu (kod tarif 2208.90.100 dengan kadar duti import RM26.50 per 100% vol. seliter);
- analisis Audit mendapati jumlah duti kastam yang terlibat dalam pengimportan Benedictine D.O.M ialah RM3,777,103 (bitters); RM1,691,987 (samsu); RM30,803 (liqueur); dan RM1,187 (wiski).

Selepas pengecualian, duti yang dipungut adalah berjumlah RM0.82 juta seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 4.15
PENGIMPORTAN ARAK BENEDICTINE D.O.M DENGAN TAKRIFAN BERBEZA BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

STESEN KASTAM / GUDANG BERLESEN	KOD TARIF	JENIS ARAK	KADAR DUTI IMPORT	BIL. K1 / K9	JUMLAH DUTI TERLIBAT (RM)	JUMLAH PENGECUALIAN DIBERI (RM)	JUMLAH DUTI DIBAYAR (RM)
Pelabuhan Utara	220890100	Samsu	RM26.50 per 100% vol. seliter	2	322,379	241,784	80,595
Port Klang Free Zon	220870000	Liqueur	RM93.50 per 100% vol. seliter	2	24,969	0	24,969
	220890000	Bitters	RM30 / liter	2	3,446	0	3,446
Pelabuhan Barat	220890300	Bitters	RM30 / liter	7	3,747,449	3,747,449	0
	220890100	Samsu	RM26.50 per 100% vol. seliter	8	1,369,608	683,296	686,312
Gudang Remarkable Logistic	220830000	Wiski	RM58 / liter	7	1,188	1,188	0
Vinspirit Sdn. Bhd.	220870100	Liqueur	RM93.50 per 100% vol. seliter	35	5,834	5,834	0
Bacardi Martini (M) Sdn. Bhd.	220890300	Bitters	RM30 / liter	5	26,208	302	25,906
JUMLAH				**68**	**5,501,081**	**4,679,853**	**821,228**

- rujukan Audit kepada laman web www.wikipedia.org., www.benedictinedom.com (laman web syarikat pengeluar Benedictine D.O.M) dan www.merriam-webster.com (Concise Encyclopedia) mendapati Benedictine D.O.M adalah sejenis *herbal liqueurs* iaitu arak jenis brandi dengan campuran sebanyak 27 jenis herba dan rempah. **Oleh itu, pihak Audit berpendapat Benedictine D.O.M sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif 2208.70.100 (liqueur) iaitu dengan kadar duti import RM93.50 per 100% vol. seliter.**

vi. antara lainnya, kesilapan taksiran berlaku kerana JKDM tidak menyediakan garis panduan yang komprehensif mengenai jenis dan jenama arak yang biasanya diimport dan juga pegawai penaksir yang kurang teliti semasa menentukan penjenisan arak tersebut. Selain itu, pegawai penaksir juga tidak mengesahkan jenis arak atau isi kandungan alkoholnya dengan menghantar sampel arak kepada Jabatan Kimia supaya dapat menentukan kod penjenisan yang betul dan mengutip jumlah hasil yang tepat. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 53 kes sampel arak telah dirujuk kepada Jabatan Kimia pada tahun 2010 hingga 2012 dan Panel Penetapan Penjenisan di Ibu Pejabat JKDM telah mengeluarkan senarai keputusan penjenisan berdasarkan laporan kimia yang diterima. Daripada 53 kes yang dirujuk ke Jabatan Kimia, sebanyak

51 adalah kes pencegahan, satu kes adalah mengenai duti dibayar secara bantahan dan hanya satu kes daripada pegawai penaksir bagi mendapatkan kod penjenisan yang betul. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.16
KES ARAK YANG DIRUJUK KEPADA JABATAN KIMIA

TAHUN	KES PENCEGAHAN	DUTI DIBAYAR SECARA BANTAHAN	TAKSIRAN	JUMLAH
2010	9	0	1	10
2011	16	0	0	16
2012	26	1	0	27
JUMLAH	**51**	**1**	**1**	**53**

Pada pendapat Audit, kesilapan taksiran terhadap pengimportan arak berlaku kerana tiada garis panduan yang komprehensif mengenai jenis dan jenama arak yang biasanya diimport dan pegawai penaksir yang kurang teliti semasa menentukan penjenisan arak tersebut. Akibatnya, hasil sekurang-kurangnya berjumlah RM1.95 juta telah terkurang dikutip.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

i. ***Penjenisan sebenar arak adalah sukar dilakukan kerana struktur tarif berbeza-beza dan hanya boleh dibuat berdasarkan analisis arak oleh Jabatan Kimia. Oleh itu, adalah sukar untuk menyediakan garis panduan yang khusus. Bagaimanapun, Bahagian PERTEK, Ibu Pejabat sedang berusaha mengeluarkan panduan penjenisan minuman alkohol yang dijangka siap pada akhir tahun 2013.***

ii. ***Pegawai penaksir yang kurang teliti berlaku kerana kurang berpengalaman terhadap taksiran dan penjenisan arak serta beban tugas yang tinggi disebabkan perlu juga memproses pelepasan dagangan lain.***

iii. ***Bagi menangani isu yang dibangkitkan, JKDM telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:***

- ***Bahagian Perancangan Korporat, Ibu Pejabat telah mengarahkan semua Bahagian Pematuhan untuk menjalankan pengauditan secara menyeluruh berhubung dengan pengimportan arak;***
- ***JKDM Negeri Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Khas (Kastam/PERTEK) untuk menyemak semula Borang K1 dan Borang K9 bagi pengimportan arak tahun 2010 hingga 2012 supaya hasil yang terkurang dikutip dapat dipungut;***

- ***AKMAL Melaka telah menjadualkan satu kursus khas berkaitan penjenisan makanan dan minuman beralkohol pada bulan Ogos 2013;***
- ***JKDM Negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk mengadakan latihan setempat berhubung dengan taksiran arak serta menetapkan hanya pegawai penaksir terpilih yang berpengalaman bagi menaksir minuman beralkohol;***
- ***Bahagian Perkastaman, Ibu Pejabat telah merancang untuk mengemaskinikan semua perintah tetap termasuk Perintah Tetap Kastam Bil. 49 yang berkaitan dengan tatacara pengimportan arak mulai tahun 2014; dan***
- ***JKDM negeri yang terlibat telah diarahkan untuk memohon penjenisan daripada Bahagian Perkhidmatan Teknik, Ibu Pejabat JKDM untuk pengesahan kod tarif bagi arak jenis Benedictine D.O.M.***

4.6. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan juga memastikan taksiran duti import arak dapat dilakukan dengan lebih berkesan supaya dapat membendung masalah ketirisan hasil negara, adalah disyorkan supaya JKDM mengambil tindakan seperti berikut:

4.6.1. menyediakan garis panduan taksiran import arak yang komprehensif dengan senarai jenis dan jenama arak yang biasanya diimport bagi membantu pegawai penaksir membuat taksiran dengan lebih tepat;

4.6.2. melatih dan memberi pendedahan kepada Pegawai Kastam/Penaksir dari segi maklumat pelbagai jenis arak yang diimport di stesen yang terlibat terhadap pengimportan arak supaya tidak timbul kekeliruan untuk menetapkan kod penjenisan yang betul;

4.6.3. memastikan pengimport menjelaskan semua BOD yang dikeluarkan dan membayar hasil yang terkurang dikutip; dan

4.6.4. menyemak semula Borang K1 dan Borang K9 bagi pengimportan arak tahun 2010 hingga 2012 supaya jumlah hasil yang terkurang dikutip dapat dipungut serta melaporkan hasil semakan tersebut kepada pihak Audit secara berkala (suku tahun).

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 31-35 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN KEWANGAN

5. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN PEROLEHAN KASUT BAGI ANGGOTA JABATAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Peraturan pembekalan pakaian seragam (termasuk kasut) kepada anggota Perkhidmatan Awam yang beruniform ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990 dan pindaannya dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995. Antara peraturan yang ditetapkan adalah:

5.1.1.1. setiap pegawai dan anggota beruniform hendaklah dibekalkan 2 pasang kasut setiap tahun; dan

5.1.1.2. bekalan pakaian seragam (termasuk kasut) hendaklah dibuat sebelum akhir bulan April setiap tahun.

5.1.2. Bagi mengawal perolehan kasut kulit, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) di mana:

5.1.2.1. perolehan hendaklah dibuat secara kontrak pusat (PKP Bil. 21 Tahun 1999);

5.1.2.2. mulai 1 Januari 2002, perolehan secara kontrak pusat diberhentikan dan Jabatan Pengguna hendaklah mengurus perolehan secara tender terhad atau sebut harga di kalangan syarikat bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (Tambahan 22 Kepada PKP Bil. 21 Tahun 1999);

5.1.2.3. mulai 1 April 2002, perolehan kasut kulit melebihi RM50,000 setahun hendaklah diuruskan melalui sistem panel (Pindaan Pertama Kepada Tambahan 22 Kepada PKP Bil. 21 Tahun 1999); dan

5.1.2.4. senarai pembekal panel dikemaskinikan dengan tambahan syarikat/pembekal sehingga Pindaan Kelima Kepada Tambahan 22 Kepada PKP Bil. 21 Tahun 1999).

5.1.3. Bagi perolehan kasut anggotanya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah memeterai kontrak bekalan kasut bernilai RM2.18 juta bagi tempoh tahun 2009/2010 (berkuat kuasa bulan Ogos 2009 hingga Ogos 2011) dan RM4.68 juta bagi tempoh tahun 2012/2013 (berkuat kuasa mulai bulan Mei 2012 hingga Mei 2014).

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perolehan kasut bagi anggota JKDM telah diuruskan dengan cekap, teratur dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perolehan dan pengagihan kasut untuk tempoh tahun 2009/2010 dan 2012/2013. Pengauditan telah dijalankan di Cawangan Pengurusan Perolehan, Ibu Pejabat JKDM dan Stor Pusat Kastam Dengkil.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan perolehan dan pengagihan kasut. Di samping itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai Kastam telah dijalankan untuk mendapat maklum balas serta maklumat tambahan bagi pengauditan ini.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November dan Disember 2012 mendapati secara umumnya, pengurusan perolehan kasut oleh JKDM adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang didapati adalah seperti berikut:

i. walaupun peraturan Kerajaan menetapkan pakaian seragam (termasuk kasut) hendaklah dibekalkan kepada anggota beruniform sebelum akhir bulan April setiap tahun, namun bekalan kasut tahun 2012 bagi anggota JKDM masih belum diagihkan lagi sehingga bulan November 2012; dan

ii. baki kasut yang dibeli pada tahun 2009 tidak diagihkan sehingga akhir tahun 2012 dan sebanyak 7,659 pasang kasut bernilai RM602,089 telah rosak dan perlu dilupuskan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan dan ulasan JKDM adalah seperti berikut:

5.5.1. Perolehan Dan Pengagihan Kasut

5.5.1.1. JKDM hendaklah menguruskan perolehan dan pengagihan kasut tahun 2012 dan 2013 bagi anggotanya dengan teratur dan cekap supaya setiap anggota yang layak akan menerima kasut sebelum akhir bulan April 2012 dan 2013.

5.5.1.2. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap perolehan dan pengagihan kasut anggota JKDM tahun 2012 dan 2013 mendapati perkara berikut:

a. JKDM telah menguruskan perolehan kasut kulit secara tender daripada panel pembekal dan peruntukan setiap anggota adalah 2 pasang kasut setahun dan satu pasang but (untuk majlis rasmi) setiap 3 tahun.

b. Untuk memastikan kasut tahun 2012 dapat diagihkan sebelum akhir bulan April 2012, JKDM telah mula memproses perolehan kasut pada bulan Mei 2011 apabila satu Pasukan Petugas Pakaian Seragam Jabatan mengadakan bengkel di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) Kelantan untuk penyediaan spesifikasi tambahan kasut/but.

c. Walaupun keputusan ujian terhadap kasut telah diterima pada 2 April 2012, kertas taklimat tender kepada Lembaga Perolehan (B) Kementerian Kewangan hanya dikemukakan pada 23 April 2012, iaitu mengambil masa 3 minggu.

d. Tawaran melalui tender dibuat pada 17 Januari 2012 dan Surat Setuju Terima hanya dikeluarkan pada 28 Mei 2012 kepada kedua-dua syarikat yang berjaya, iaitu Era Intermerge Sdn. Bhd. (Era Intermerge) dan Sepatu Timur Sdn. Bhd. (Sepatu Timur).

e. Syarikat hanya mula membekal kasut kepada JKDM pada bulan Julai 2012.

f. Kronologi perolehan kasut/but sehingga kontrak dimeterai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.1
KRONOLOGI PEROLEHAN KASUT TAHUN 2012/2013

TARIKH		PERKARA
DARI	HINGGA	
03.05.2011	06.05.2011	Pasukan Petugas Pakaian Seragam Jabatan mengadakan bengkel di AKMAL Kelantan untuk penyediaan spesifikasi tambahan kasut/but.
05.07.2011	-	Pasukan Petugas Pakaian Seragam Jabatan bermesyuarat untuk mengesahkan spesifikasi kasut/but.
Ogos 2011		Sampel kasut dengan spesifikasi tambahan diterima daripada pembekal.
01.09.2011	20.09.2011	Sampel kasut dan borang maklum balas diagihkan kepada pengurusan tertinggi jabatan, ahli Pasukan Petugas Pakaian Seragam Jabatan bagi menguji cuba tahap kualiti dan keselesaan.
Okt. 2011	Dis. 2011	Hantar sampel kasut kepada Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) untuk kajian/analisis.
17.01.2012	-	Cawangan Pengurusan Perolehan, Ibu Pejabat JKDM membuat pelawaan tender daripada panel pembekal.
27.02.2012	-	Sampel kasut/but daripada penender dihantar ke STRIDE untuk ujian material dan pengesahan spesifikasi.
02.04.2012	-	Keputusan ujian daripada pihak STRIDE diterima.
23.04.2012	-	Cawangan Pengurusan Perolehan menyediakan kertas taklimat tender dan mengemukakannya untuk pertimbangan Lembaga Perolehan (B) Kementerian Kewangan.

TARIKH		PERKARA
DARI	HINGGA	
21.05.2012	-	Lembaga Perolehan (B) Kementerian Kewangan dalam mesyuarat Bil. 6/2012 meluluskan tender daripada 2 syarikat iaitu Era Intermerge Sdn. Bhd. dan Sepatu Timur Sdn. Bhd.
22.05.2012	-	Surat Niat kepada syarikat Era Intermerge dan Sepatu Timur.
25.05.2012	-	Mesyuarat dengan pembekal berjaya bagi menentukan terma kontrak.
28.05.2012	-	Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada pembekal berkenaan.
29.05.2012	-	Kontrak bernilai RM3.67 juta dengan Era Intermerge ditandatangani.
04.06.2012	-	Kontrak bernilai RM1.01 juta dengan Sepatu Timur ditandatangani.

g. Maklumat kontrak bernilai RM4.68 juta yang dimeterai dengan 2 syarikat yang berjaya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.2
KONTRAK BEKALAN KASUT TAHUN 2012/2013

SYARIKAT	NO. KONTRAK (KE.HW(84)426/02-)	TARIKH KONTRAK DIMETERAI	TEMPOH KONTRAK		NILAI KONTRAK (RM Juta)
			DARI	HINGGA	
Era Intermerge	91/2012	29.05.2012	28.05.2012	27.05.2014	3.67
Sepatu Timur	90/2012	04.06.2012	04.06.2012	03.06.2014	1.01
JUMLAH					**4.68**

h. Sebanyak 44,940 pasang kasut yang dibekalkan untuk tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.3
BEKALAN KASUT TAHUN 2012 DAN 2013

JENIS KASUT (KAS)	SYARIKAT	BEKALAN			HARGA	
		2012 (Pasang)	2013 (Pasang)	JUMLAH (Pasang)	SEPASANG (RM)	TAWARAN (RM Juta)
001	Era Intermerge	1,700	-	1,700	218	0.37
002		3,400	3,400	6,800	168	1.14
005		11,020	11,020	22,040	98	2.16
008	Sepatu Timur	1,980	1,980	3,960	96	0.38
009		5,220	5,220	10,440	60	0.63
JUMLAH		**23,320**	**21,620**	**44,940**		**4.68**

i. Lima jenis kasut/but yang dibekalkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.4
JENIS KASUT YANG DIBEKALKAN KEPADA PEGAWAI DAN ANGGOTA BERUNIFORM

KASUT		BEKALAN	HARGA SEPASANG (RM)
JENIS (KAS)	KATEGORI		
001	But Lelaki Untuk Gred W27 Dan Ke Atas	3 tahun sekali	218
002	Kasut Lelaki Untuk Gred W27 Dan Ke Atas	2 pasang setahun	168
005	Kasut Lelaki Untuk Gred W17 - W26	2 pasang setahun	98
008	Kasut Wanita Untuk Gred W27 Dan Ke Atas	2 pasang setahun	96
009	Kasut Wanita Untuk Gred W26 Dan Ke Bawah	2 pasang setahun	60

j. Cawangan Logistik telah mengeluarkan surat kepada semua JKDM negeri untuk mendapatkan maklumat saiz kasut pegawai pada 29 Mei 2012.

k. Kasut mula dibekalkan oleh syarikat pada bulan Julai 2012 dan setakat akhir bulan November 2012, syarikat berkaitan hanya dapat membekal sebanyak 15,169 (65%) pasang kasut berbanding 23,320 pasang kasut yang diperlukan/pesan. Ini bermakna masih terdapat sebanyak 8,151 pasang kasut yang sepatutnya diagihkan pada bulan April 2012 masih belum dibekalkan oleh syarikat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.5
BEKALAN KASUT DITERIMA SETAKAT AKHIR BULAN NOVEMBER 2012

JENIS KASUT (KAS)	KUANTITI YANG DIPERLUKAN/ PESAN TAHUN 2012 (Pasang)	KUANTITI YANG DITERIMA (Pasang)	BAKI (Pasang)
001	1,700	1,761	61*
002	3,400	3,400	0
005	11,020	5,523	- 5,497
008	1,980	1,210	- 770
009	5,220	3,336	- 1,884
JUMLAH	**23,320**	**15,169^**	**- 8,151^**

Nota: ***(*) - Lebihan Adalah Atas Permintaan JKDM Untuk Proses Pertukaran Saiz***
(^) - Tidak Termasuk Lebihan 61 Pasang Kasut Jenis KAS 001

l. Disebabkan senarai saiz kasut yang dipesan oleh anggota adalah berdasarkan model lama (kontrak tahun 2009/2010), Cawangan Logistik telah memohon kepada pembekal untuk pertukaran saiz kasut pada 18 September 2012.

m. Senarai saiz kasut terkini hanya dikemukakan oleh Cawangan Logistik kepada Cawangan Pengurusan Perolehan pada 21 November 2012.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 7 Mac 2013

Kelewatan dalam proses perolehan kasut adalah disebabkan pertukaran spesifikasi kasut di mana pihak JKDM telah mewujudkan Pasukan Petugas Pakaian Seragam untuk membangunkan reka bentuk kasut supaya masalah kualiti dan saiz kasut dapat dielakkan pada masa akan datang. Sebanyak 8,151 pasang kasut yang belum diagihkan pada bulan November 2012 telah diagihkan pada 26 Disember 2012. JKDM juga telah mengambil tindakan untuk meningkatkan pengurusan perolehan dan pengagihan kasut bagi anggotanya.

Pada pendapat Audit, secara umumnya perolehan dan pengagihan kasut tahun 2012 untuk anggota JKDM tidak diuruskan dengan cekap kerana anggota JKDM yang sepatutnya menerima kasut sebelum akhir bulan April 2012 masih belum menerimanya pada akhir bulan November 2012.

5.5.2. Perolehan Dan Pengagihan Kasut/But Tahun 2009/2010

5.5.2.1. JKDM hendaklah menguruskan perolehan dan pengagihan kasut anggotanya dengan teratur dan cekap supaya setiap anggota yang layak akan menerima kasut sebelum akhir bulan April 2009/2010.

5.5.2.2. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap perolehan dan pengagihan kasut anggota JKDM tahun 2009/2010 mendapati perkara berikut:

a. Perolehan kasut/but untuk kontrak tahun 2009 (berkuat kuasa bulan Ogos 2009 hingga bulan Ogos 2011) telah diuruskan dengan teratur (secara tender daripada panel pembekal) dan sebanyak 33,000 pasang kasut telah dibekalkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.6
BEKALAN KASUT/BUT DI BAWAH KONTRAK TAHUN 2009

JENIS (KAS)	SYARIKAT	NO. KONTRAK (KE.HW(84)426/02-)	KUANTITI DIBEKALKAN (Pasang)
001	Amtek Shoes Sdn. Bhd.	32/2009	3,000
002	Maranocorp Ind. (M) Sdn. Bhd.	33/2009	2,000
003	Maranocorp Ind. (M) Sdn. Bhd.	33/2009	600
004	Amtek Shoes Sdn. Bhd.	32/2009	600
005	Kulitkraf Sdn. Bhd.	30/2009	13,000
007	Sepatu Timur Sdn. Bhd.	31/2009	800
007(A)	Sepatu Timur Sdn. Bhd.	31/2009	300
008	Kulitkraf Sdn. Bhd.	30/2009	1,000
009	Era Intermerge Sdn. Bhd.	29/2009	12,000
JUMLAH			**33,300**

b. Pengagihan kasut/but telah dibuat pada tahun 2009/2010 dan setakat akhir tahun 2010, baki stok kasut di Stor Pusat Kastam Dengkil adalah sebanyak 21,981 pasang dan selepas pengagihan antara bulan Januari hingga Jun 2011, baki kasut/but adalah sebanyak 12,155 pasang.

c. Memandangkan bilangan pegawai dan anggota JKDM mengikut perjawatan pada 31 Mei 2011 ialah seramai 9,721 orang, Stor Pusat Kastam Dengkil telah mengemukakan permohonan tambahan bekalan kasut tahun 2011 pada 17 Oktober 2011 kepada Cawangan Pengurusan Perolehan, Ibu Pejabat JKDM. Bagaimanapun, permohonan tersebut agak terlewat untuk Cawangan Pengurusan Perolehan mengambil tindakan pada tahun 2011 dan ini mengakibatkan tiada perolehan kasut dibuat pada tahun 2011.

d. Sehingga akhir tahun 2011, masih terdapat sebanyak 7,659 pasang kasut/but (model lama) yang tidak diagihkan. Pada 3 Mei 2012, Jawatankuasa Induk Pakaian Seragam Jabatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam dalam mesyuaratnya Bil. 1 Tahun 2012 telah memutuskan supaya kasut lama dilupuskan. Antara faktor kasut yang tidak diagihkan perlu dilupuskan adalah:

   i. kasut/but telah melebihi tempoh 3 tahun perolehan dan tidak memenuhi piawaian serta tidak kukuh untuk dipakai;

   ii. tidak dapat diagihkan kerana saiznya tidak memenuhi keperluan pegawai Jabatan; dan

   iii. hasil ujian terhadap sampel kasut yang dihantar ke Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) untuk ujian *adhesion* dan didapati bahagian tapak kasut telah rapuh (brittle) dan merekah. Contoh kasut yang tidak kukuh untuk dipakai adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.1



Kasut Jenis KAS 001
- Jahitan Rosak Dan Kulit Berkedut
(Sumber Gambar: JKDM - 26.11.2012)

GAMBAR 5.2



Kasut Jenis KAS 002
- Tapak Kasut Merekah Dan Kulit Kasut Pudar
(Sumber Gambar: JKDM - 26.11.2012)

GAMBAR 5.3



Kasut Jenis KAS 008
- Kulit Calar Dan Pudar Serta Berkulat
(Sumber Gambar: JKDM - 26.11.2012)

GAMBAR 5.4



Kasut Jenis KAS 009
- Pelapik Di Dalam Kasut Dan Tumit Tertanggal
(Sumber Gambar: JKDM - 26.11.2012)

GAMBAR 5.5



Kasut Jenis KAS 009
- Kulit Kasut Mengelupas
(12.04.2012)

GAMBAR 5.6



Kasut Jenis KAS 008
- Tumit Kasut Tertanggal
(12.04.2012)

GAMBAR 5.7



Kasut Jenis KAS 009
- Pelapik Di Dalam Kasut Mengelupas
(12.04.2012)

GAMBAR 5.8



Kasut Jenis KAS 003
- Kulit Kasut Berlapuk
(12.04.2012)

e. Pada 20 November 2012, JKDM telah memohon kepada Perbendaharaan Malaysia untuk melupuskan sebanyak 7,658 pasang kasut/but.

f. Pemeriksaan fizikal Audit di Stor Pusat Kastam Dengkil pada 26 November 2012 mendapati kuantiti kasut/but yang perlu dilupuskan adalah sebanyak **7,659 pasang bernilai RM602,089**. Perbezaan satu pasang adalah disebabkan kesilapan pengiraan dalam surat permohonan pelupusan di mana satu pasang kasut yang dikeluarkan daripada stok untuk diambil gambar tidak diambil kira. Jenis, kuantiti dan nilai kasut/but yang perlu dilupuskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.7
JENIS, KUANTITI DAN NILAI KASUT/BUT YANG PERLU DILUPUSKAN

JENIS KASUT (KAS)	KATEGORI	KUANTITI (Pasang)	HARGA PEROLEHAN	
			SEPASANG (RM)	JUMLAH (RM)
001	But Gred W41 Dan Ke Atas (L)	797	216.00	172,152
002	Gred W41 Dan Ke Atas (L)	196	80.00	15,680
003	Gred W27 - W36 (L)	76	65.00	4,940
004	But Gred W27 - W26 (L)	79	145.00	11,455
005	Gred W17 - W26 (L)	3,456	70.50	243,648
006	Kasut Putih Pegawai Marin	182	72.00	13,104
008	Gred W41 Dan Ke Atas (W)	37	58.00	2,146
009	Gred W17 - W36 (W)	2,836	49.00	138,964
JUMLAH		**7,659**		**602,089**

g. Sehingga akhir tahun 2012, pihak Perbendaharaan Malaysia masih belum memutuskan sama ada untuk meluluskan permohonan pelupusan kasut kerja bernilai RM602,089 atau sebaliknya. Berdasarkan temu bual dengan Pegawai Kastam yang bertanggungjawab, pihak Perbendaharaan Malaysia secara lisan telah meminta agar JKDM mengagihkan sahaja semua kasut tersebut kepada anggota Kastam yang berminat supaya tidak ditunjukkan sebagai pelupusan yang merugikan Kerajaan.

Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 7 Mac 2013

Satu Jawatankuasa Penyiasat Dalaman telah dilantik pada 8 Februari 2013 sebagaimana yang disarankan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia dan laporan mengenainya perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 26 Februari 2012. Bagaimanapun, pihak JKDM telah memohon lanjutan tempoh siasatan melalui surat bertarikh 27 Februari 2013 supaya laporan dapat dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia pada 22 Mac 2013. Berdasarkan laporan siasatan yang dihantar kepada Perbendaharaan pada 1 April 2013, lebihan stok kasut lama di Stor Pusat Kastam adalah disebabkan kelemahan dari segi tatacara pengagihan, sistem perekodan dan pemeriksaan stok serta perancangan dan pemantauan ke atas perolehan bekalan kasut setiap tahun. Bagaimanapun, siasatan lanjut jawatankuasa mendapati proses perolehan kasut adalah teratur dan tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan oleh Cawangan Logistik, Ibu Pejabat JKDM bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Tindakan seterusnya termasuk penambahbaikan ke atas pengurusan stor akan ditingkatkan lagi berdasarkan keputusan dan syor Perbendaharaan kelak ke atas hasil siasatan Jawatankuasa Penyiasat Dalaman.

Pada pendapat Audit, pengagihan kasut tahun 2009/2010 untuk anggota JKDM tidak diuruskan dengan teratur dan berhemat kerana sebanyak 7,659 pasang kasut bernilai RM602,089 yang tidak diagihkan telah mengalami kerosakan/tidak kukuh untuk dipakai lagi serta perlu dilupuskan.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan dan pengagihan kasut bagi anggota JKDM dapat diuruskan dengan cekap dan teratur, adalah disyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

5.6.1. mempercepatkan proses perolehan kasut dengan mengenal pasti sebab kelewatan yang boleh dikawal oleh JKDM dan mengambil tindakan penambahbaikan, antaranya:

5.6.1.1. menyediakan pangkalan data saiz kasut setiap anggota JKDM supaya dapat mengurangkan tempoh masa untuk mengumpulkan saiz kasut daripada setiap JKDM negeri/bahagian;

5.6.1.2. mempercepatkan proses penyediaan kertas taklimat tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan (B) Kementerian Kewangan; dan

5.6.2. menyiasat sama ada pelupusan kasut bernilai RM602,809 yang merugikan Kerajaan disebabkan oleh ketidakcekapan dan kecuaian pegawai yang menguruskan perolehan kasut atau pegawai yang menguruskan pengagihan kasut, dan seterusnya mengemukakan laporan berkaitan kepada Jabatan Audit Negara.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 36-38 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

6. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
- **PENGURUSAN PROJEK MENCEGAH HAKISAN PANTAI DAN MENGOREK KUALA SUNGAI**

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Panjang garis pantai di Malaysia adalah meliputi 4,809 km yang terdiri daripada 860 km di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia; 1,171 km di sebelah Pantai Barat Semenanjung Malaysia; 1,035 km di Sarawak dan 1,743 km di Sabah. *National Coastal Erosion Study* (NCES) yang dijalankan pada bulan November 1984 hingga Januari 1986 telah menyatakan bahawa 1,380 km daripada 4,809 km (28.7%) pesisir pantai tersebut menghadapi masalah hakisan. Lanjutan daripada penemuan NCES itu, Kerajaan telah mengarahkan Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia (JPS) menguruskan projek mencegah hakisan pantai dan mengorek kuala sungai di seluruh Malaysia. Bagi tujuan tersebut, Jabatan Kejuruteraan Pantai di JPS [kini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Zon Pantai (BPLSZP)] di peringkat Ibu Pejabat/JPS Negeri bertindak merancang dan melaksanakan projek mencegah hakisan pantai dan mengorek kuala sungai manakala pemantauan projek tersebut dilaksanakan oleh BPLSZP di peringkat JPS Negeri/JPS Daerah. Sehingga tahun 2010, sejumlah RM869 juta (99.8%) yang meliputi 202 projek hakisan pantai dan mengorek kuala sungai telah dibelanjakan berbanding keseluruhan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) yang berjumlah RM871 juta.

6.1.2. Pengurusan projek mencegah hakisan pantai dan mengorek kuala sungai perlu dibuat selaras dengan peraturan yang ditetapkan, antaranya seperti berikut:

i. Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA) 1974;

ii. *Environmental Quality Order 1987 (Environment Impact Assessment Prescribed Activities)*;

iii. Garis Panduan Perlindungan Hakisan Pantai JPS 1/1997; dan

iv. *Guidelines for Preparation of Coastal Engineering Hydraulic Study And Impact Evaluation (Fifth Edition, 2001).*

6.1.3. Hasil penemuan NCES turut mengklasifikasikan 3 kategori hakisan yang berlaku di pesisir pantai Malaysia seperti di **Jadual 6.1**. Bagi tujuan pengawalan hakisan pantai, 2 kaedah pengawalan digunakan iaitu pengawalan secara struktural dan bukan struktural. Pengawalan secara struktural dapat menghentikan atau mengurangkan kadar hakisan. Manakala pengawalan bukan struktural bertujuan

untuk mengurangkan tenaga ombak dan mengekalkan topografi semula jadi pantai. Butirannya adalah seperti di **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.1
KATEGORI HAKISAN BERDASARKAN KAJIAN NCES

KATEGORI	KETERANGAN
1	Kawasan tepi pantai berada dalam keadaan terhakis di mana kemudahan atau infrastruktur berisiko tinggi untuk rosak atau musnah.
2	Kawasan tepi pantai terhakis pada suatu kadar di mana nilai harta benda awam dan tanah pertanian akan terancam dalam jangka masa 5 hingga 10 tahun melainkan tindakan pemulihan diambil.
3	Kawasan tepi pantai yang mengalami hakisan masih lagi belum dibangunkan. Bagaimanapun, impaknya kepada ekonomi sekitar adalah kecil atau tiada jika dibiarkan tanpa tindakan pemulihan.

JADUAL 6.2
KAEDAH PENGAWALAN HAKISAN PANTAI

KAEDAH PENGAWALAN	KETERANGAN	GAMBAR
Struktural	Lapis Lindung *(Revetment)*: • terdiri dari batu-batu atau dari blok-blok konkrit • struktur yang ringan dan amat sesuai di kawasan ombak yang besar	
	Groin *(Groyne)*: • berbentuk lurus dan bersudut tepat dengan garisan pantai • dibina dari pelbagai bahan seperti kayu dan batu • digunakan untuk pantai berpasir	
	Pemecah Ombak *(Breakwater)*: • struktur yang besar dan sukar dibina • melibatkan kos pembinaan yang tinggi • mengurangkan tindakan ombak di kawasan belakang pembinaan struktur	
	Tembok Laut *(Seawall)*: • melindungi cerun daripada tindakan ombak • mengurangkan tenaga ombak pada pantai berpasir	
Bukan Struktur	Pemulihan Pantai *(Beach Nourishment)*: • dikenali sebagai penggantian pantai • bahan tambakan seharusnya sama atau lebih besar saiz dan juga ketumpatannya berbanding bahan pantai sedia ada (semula jadi)	
	Penanaman Bakau • Bakau akan menahan dan menyebarkan tenaga ombak	
	Geotekstil • diperbuat daripada bahan polimer • berfungsi sebagai Pengasingan, Penurasan, Pengukuhan, Pemindahan dan Halangan Kelembapan	
	Gumuk Pasir *(Sand Dune)*: • dibentuk oleh angin • merupakan satu stok pasir di atas had arah ke darat ketika pasang surut yang normal	

Sumber : Jabatan Pengairan Dan Saliran

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai pengurusan Projek Mencegah Hakisan Pantai Dan Mengorek Kuala Sungai telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap 5 Projek Mencegah Hakisan Pantai Dan Mengorek Kuala Sungai bagi tempoh RMKe-9 seperti di **Jadual 6.3**. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat JPS meliputi BPLSZP dan Bahagian Khidmat Pengurusan; JPS Negeri iaitu Pahang, Kelantan dan Melaka; serta JPS Daerah Rompin.

JADUAL 6.3
SENARAI PROJEK YANG DIAUDIT

PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	LATAR BELAKANG
Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1)	258.17	• Lokasi : Muara Sg. Pahang, Pahang • Kaedah Perolehan : Lantikan Kementerian Kewangan • Kontraktor : MRCB Environment Sdn. Bhd. • Pelaksanaan : Reka & Bina • Skop Projek : Kerja-kerja pengorekan; perlindungan tebing sungai sepanjang 1.3 km; pembinaan pemecah ombak (NA1 - 402.5 m; NA2 - 105 m); dan pembinaan groin (2 nos.); pembinaan *breakwater*, *dykes* dan kompleks pejabat JPS serta pengorekan muara Sg. Tg. Agas dan *bypass channel*.
Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, Pahang	6.35	• Lokasi : Kg. Sembayang, Rompin, Pahang • Keluasan : 1.6 km • Kaedah Perolehan : Tender • Pelaksanaan : Konvensional • Skop Projek : Pembinaan *rock revetment* sepanjang 0.25 m dan *beach nourishment* sepanjang 1.35 km
Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan (Fasa 3)	5.48	• Lokasi : Pantai Sabak, Kelantan • Keluasan : 1,430 m • Kaedah Perolehan : Tender • Kontraktor : Kelproperties (M) Sdn. Bhd. • Pelaksanaan : Konvensional • Skop Projek : Pembinaan lapis lindung batu sepanjang 1,430 m
Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1)	57.31	• Lokasi : Sg. Kemasin, Kelantan • Kaedah Perolehan : Lantikan Kementerian Kewangan • Kontraktor : Damakmur (M) Sdn. Bhd. • Pelaksanaan : Reka & Bina • Skop Projek : Pengorekan sepanjang 3.4 km dari muara Sg. Kemasin; pembinaan 4 buah jeti nelayan; penambakan pantai; pembinaan groin (groynes); dan pembinaan lapis lindung tebing (revetment)
Pengawalan Hakisan Pantai Secara Penambakan Pantai (Beach Nourishment) Serta Yang Berkaitan Di Pantai Puteri, Melaka Tengah, Melaka (Fasa 2)	4.68	• Lokasi : Pantai Puteri dan Pantai Kundor, Melaka • Keluasan : 2.6 km • Kaedah Perolehan : Tender • Kontraktor : Patih Villa Sdn. Bhd. • Pelaksanaan : Konvensional • Skop Projek : Penambakan Pantai Puteri dan Pantai Kundor selebar 40 m sepanjang 2.2 km dan 0.4 km; membaik pulih struktur lapis lindung sepanjang 80 m; membaik pulih dan membina baru longkang U konkrit sepanjang 84 m; dan menyenggara sum dan saluran keluar ke laut

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan projek yang terlibat. Lawatan, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga telah dijalankan di lokasi projek yang dipilih. Selain itu, imej satelit daripada Agensi Remote Sensing Malaysia juga telah diperolehi bagi setiap kawasan projek dan analisis terhadap imej telah dibuat.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 hingga Januari 2013 mendapati prestasi fizikal dan kewangan bagi kesemua Projek Mencegah Hakisan Pantai Dan Mengorek Kuala Sungai yang diaudit adalah memuaskan. Bagi Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Sabak (Fasa 3) dan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Secara Penambakan Pantai (Beach Nourishment Type) Serta Yang Berkaitan Di Pantai Puteri (Fasa 2), projek tersebut juga didapati telah membantu mengawal pantai dari terus mengalami hakisan; menyelamatkan harta benda, kemudahan serta infrastruktur yang dibina di kawasan projek tersebut dan membantu meningkatkan ekonomi penduduk setempat. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek pengurusan projek seperti berikut:

i. Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu masih belum disediakan untuk negeri yang mengalami masalah hakisan pantai yang serius;

ii. perolehan dan pentadbiran kontrak tidak dibuat dengan teratur;

iii. pembinaan struktur/infrastruktur projek yang tidak sesuai/mengikut spesifikasi;

iv. komponen projek tidak digunakan secara optimum; dan

v. pengurusan aset dan inventori yang tidak teratur.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan JPS adalah seperti di perenggan berikut:

6.5.1. Prestasi Projek

6.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Berdasarkan kontrak, tarikh penyiapan bagi 5 projek adalah antara 16 hingga 156 minggu. Semakan Audit terhadap 5 sampel yang dipilih mendapati kesemua projek telah disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagaimanapun, hanya 3 daripada 5 projek berjaya disiapkan tanpa lanjutan masa manakala 2 projek lagi berjaya disiapkan setelah 1 hingga 4 Lanjutan Masa (EOT) diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.4
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK

PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SEPATUT SIAP	BIL. EOT DILULUSKAN	TARIKH SIAP SEBENAR
Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1)	258.17	01.08.2005 (Seksyen 1) 01.11.2008 (Seksyen 2)	31.07.2006 (Seksyen 1) 31.10.2011 (Seksyen 2)	- 1	31.10.2008 (Seksyen 1) 01.07.2011 (Seksyen 2)
Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, Pahang	6.35	25.03.2010	24.09.2010	-	30.08.2010
Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan (Fasa 3)	5.48	30.04.2005	24.06.2006	4	23.02.2007
Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1)	57.31	01.10.2007	31.07.2010	-	31.07.2010
Pengawalan Hakisan Pantai Secara Penambakan Pantai (Beach Nourishment) Serta Yang Berkaitan Di Pantai Puteri, Melaka Tengah, Melaka (Fasa 2)	4.68	30.09.2009	20.01.2010	-	13.01.2010

b. Bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang (Fasa 1), didapati kontraktor telah menghantar 2 Permohonan Lanjutan Masa terdiri daripada kerja di bawah Seksyen 1 dan 2 disebabkan gangguan kerja pengerukan di Alur Pelayaran Selatan oleh pihak ketiga iaitu Malaysian Maritime & Dredging Corporation Sdn. Bhd. sejak tahun 2005, kelewatan memperolehi data *"Numerical Modelling"*, tambahan pilihan penilaian reka bentuk serta pertambahan skop kerja asal. Bagaimanapun tiada bukti yang menunjukkan permohonan lanjutan masa bagi Seksyen 1 telah diluluskan oleh JPS. Selanjutnya didapati tiada Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan dan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dengan kadar RM10,656 sehari dikenakan sungguhpun kerja di bawah seksyen tersebut telah lewat disiapkan selama 824 hari.

c. Bagi Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Sabak (Fasa 3), didapati projek ini telah diluluskan 4 EOT yang keseluruhannya berjumlah 271 hari. Antara sebab EOT dimohon adalah berlakunya perubahan reka bentuk berbanding pelan asal kontrak yang disebabkan antaranya oleh perubahan garis pantai yang ketara dan menyebabkan perubahan terhadap skop kerja yang perlu dibuat.

Pada pendapat Audit, JPS perlu memastikan setiap permohonan lanjutan masa oleh kontraktor telah diluluskan dalam tempoh kontrak. Selain itu, perancangan dalam menentukan pertambahan skop kerja perlu dibuat secara terancang bagi mengelakkan tempoh lanjutan masa yang lama.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013

Perancangan telah diadakan semasa permulaan projek, namun keadaan hakisan pantai yang amat dinamik memerlukan perubahan reka bentuk (dari pelan tender asal) dan perubahan jajaran di beberapa buah lokasi. Kerja yang perlu dilaksanakan di beberapa buah lokasi berasingan merumitkan perancangan kerja disebabkan beberapa faktor seperti kemudahan akses ke tapak, penggunaan jentera, pembekalan bahan mentah dan peraturan yang perlu dipatuhi menyebabkan EOT perlu dikeluarkan. JPS bagaimanapun mengambil maklum teguran ini.

6.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Di bawah RMKe-9, sejumlah RM871 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek di seluruh Malaysia. Sehingga tahun 2010, sejumlah RM869 juta (99.8%) daripadanya telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Manakala bagi 5 sampel projek yang diaudit, peratus perbelanjaan keseluruhan adalah 98.1% dengan perbelanjaan adalah RM325.64 juta berbanding peruntukan yang diterima berjumlah RM331.99 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.5
PENCAPAIAN KEWANGAN PROJEK YANG DIAUDIT

PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)	CATATAN
Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1)	258.17	251.82	97.5	Bayaran Muktamad belum dibuat disebabkan projek masih di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP).
Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, Pahang	6.35	6.35	100	Pelarasan Harga Kontrak menyebabkan pengurangan berjumlah RM0.23 juta daripada kos asal projek.
Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan (Fasa 3)	5.48	5.48	100	Pelarasan Harga Kontrak menyebabkan pertambahan berjumlah RM1.51 juta daripada kos asal projek bernilai RM3.97 juta.
Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1)	57.31	57.31	100	Kos projek termasuk *Supplementary Agreement* sejumlah RM29.64 juta yang diluluskan di bawah PRE serta Pelarasan Harga Kontrak menyebabkan pengurangan berjumlah RM1.92 juta daripada kos asal projek.
Pengawalan Hakisan Pantai Secara Penambakan Pantai (Beach Nourishment) Serta Yang Berkaitan Di Pantai Puteri, Melaka Tengah, Melaka (Fasa 2)	4.68	4.68	100	Pelarasan Harga Kontrak menyebabkan pertambahan berjumlah RM0.42 juta daripada kos asal projek.
JUMLAH	**331.99**	**325.64**	**98.1**	

Sumber: Dokumen Kontrak Dan Bayaran Interim JPS

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan projek pada umumnya adalah memuaskan.

6.5.2. Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu

Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu (ISMP) disediakan bagi melaporkan keadaan persekitaran kawasan pantai termasuklah kajian tentang hakisan pantai dan pemendapan berdasarkan keadaan semasa kajian dibuat. ISMP ini disesuaikan mengikut prinsip *Integrated Coastal Zone Management* (ICZM) untuk memberi perhatian kepada isu utama dan masalah yang dihadapi di garis pesisir pantai Malaysia. Namun, disebabkan kekangan kewangan, ISMP ini belum lagi dikeluarkan bagi setiap negeri di Malaysia. Semakan Audit selanjutnya mendapati ISMP masih belum dikeluarkan bagi 5 buah negeri yang mengalami kadar hakisan yang paling serius iaitu Kelantan; Perlis; Selangor; Terengganu dan Perak. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.6
PERBANDINGAN ANTARA JARAK PANTAI TERHAKIS DAN STATUS PENYEDIAAN ISMP MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JARAK PANTAI (KM)	KADAR HAKISAN MENGIKUT KATEGORI (KM)			JUMLAH JARAK PANTAI TERHAKIS		ISMP	CATATAN
		1	2	3	KM	(%)		
Kelantan	71	5.0	9.5	37.6	52.1	73.4	Tiada	-
Perlis	20	4.4	3.7	6.4	14.5	72.5	Tiada	-
Selangor	213	63.5	22.3	66.1	151.9	71.3	Tiada	-
Terengganu	244	20.0	10.0	122.4	152.4	62.5	Tiada	-
Perak	230	28.3	18.8	93.1	140.2	61.0	Tiada	-
W.P. Labuan	59	2.5	3.0	25.1	30.6	51.9	Ada	Dikeluarkan pada tahun 2010.
Melaka	73	15.6	15.1	6.0	36.7	50.3	Ada	Dikeluarkan pada tahun 2010.
Johor	492	28.9	50.3	155.6	234.8	47.7	Ada	Hanya bagi Daerah Tebrau yang dikeluarkan pada tahun 2010 dan pantai Barat Johor (Dari Kukup ke Muar) yang dikeluarkan pada tahun 2012.
Pahang	271	12.4	5.2	107.8	125.4	46.3	Ada	Dikeluarkan pada tahun 1995.
N. Sembilan	58	3.9	7.7	12.9	24.5	42.2	Ada	Dikeluarkan pada tahun 2009.
Pulau Pinang	152	42.4	19.7	1.1	63.2	41.6	Ada	Dikeluarkan pada tahun 2010.
Kedah	148	31.4	2.2	9.9	43.5	29.4	Tiada	-
Sabah	1,743	12.8	3.5	279.2	295.5	17.0	Ada	Hanya melibatkan kawasan dari Kota Kinabalu ke Kudat.
Sarawak	1,035	17.3	22.3	9.6	49.2	4.8	Ada	Hanya melibatkan kawasan Daerah Mukah sahaja yang dikeluarkan pada tahun 2010.
JUMLAH	**4,809**	**288.4**	**193.3**	**932.8**	**1,414.5**	**29.4**		

Pada pendapat Audit, memandangkan peruntukan yang diterima adalah terhad, adalah wajar sekiranya negeri yang mempunyai kadar peratusan hakisan pantai yang lebih tinggi diberi keutamaan terhadap penyediaan ISMP bagi mengelakkan hakisan yang lebih serius di negeri tersebut.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013

JPS bersetuju dengan pendapat Audit dan sentiasa menegaskan bahawa ISMP adalah perlu bagi negeri yang mengalami kadar hakisan yang serius. Memandangkan peruntukan yang diluluskan adalah terhad, pelaksanaan kajian di masa hadapan akan diberi keutamaan kepada Negeri Kelantan, Perlis, Selangor, Terengganu dan Perak yang mengalami masalah hakisan pantai yang serius.

6.5.3. Tadbir Urus Projek

6.5.3.1. Kaedah Perolehan

Arahan Perbendaharaan 181 menyatakan bahawa tender hendaklah dipelawa bagi kerja yang bernilai melebihi RM500,000. Kementerian/Jabatan adalah dilarang memecah kecilkan nilai kerja bagi mengelakkan pelawaan tender. Semakan Audit mendapati mesyuarat perancangan bagi Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pantai, JPS Malaysia yang diadakan pada 1 Julai 2009 telah bersetuju untuk menggunakan struktur lapis lindung batu bagi mencegah hakisan. Komponen yang terlibat dalam projek ini adalah struktur lapis lindung batu sepanjang 300 m; penambakan pasir sepanjang 1 km dan kerja awalan yang keseluruhannya dianggarkan berjumlah RM9 juta. Semakan selanjutnya terhadap pelaksanaan projek ini mendapati JPS telah memecah kecilkan perolehan bagi projek ini yang keseluruhannya berjumlah RM7.4 juta. Adalah didapati JPS telah memanggil 2 sebut harga pada tahun 2009 di mana nilai keseluruhan bagi kedua-dua sebut harga tersebut adalah RM0.81 juta. Manakala pada tahun 2010, JPS telah memanggil tender yang bernilai RM6.58 juta. Butiran mengenai perolehan bagi projek ini adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.7
PEROLEHAN BAGI PROJEK PENGAWALAN HAKISAN PANTAI DI KG. SEMBAYAN, ROMPIN, PAHANG

TAHUN	KAEDAH PEROLEHAN	KONTRAKTOR	TEMPOH	NILAI PEROLEHAN (RM)	KERJA YANG TERLIBAT
2009	Sebut Harga	Jointech Engineering	05.11.2009 - 31.12.2009 (8 minggu)	401,218	Pembinaan Struktur Lapis Lindung sepanjang 50 m
2009	Sebut Harga	Inovasi Enterprise	13.11.2009 - 08.01.2010	412,538	Pembinaan Struktur Lapis Lindung sepanjang 50 m
2010	Tender	MBH Ubahbina Sdn. Bhd.	25.03.2010 - 24.09.2010 (6 bulan)	6,575,750	Pembinaan *rock revetment* sepanjang 0.25 m dan *beach nourishment* sepanjang 1.35 km
JUMLAH PEROLEHAN				**7,389,506**	

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pendapat Audit, proses perancangan dan pelaksanaan perolehan perlu selaras dengan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan ia dibuat dengan teratur dan secara *best value for money*.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013

JPS Pahang mengakui terdapat kelemahan dalam mematuhi peraturan kewangan sedia ada. Tindakan drastik berkenaan tidak disengajakan dan terpaksa diambil bagi mengelakkan bangunan berkenaan runtuh akibat hakisan. Tindakan kerja memanggil tender sedang diusahakan sementara menunggu kerja ukur siap dan seterusnya melaksanakan kerja reka bentuk terperinci dan penyediaan dokumen tender.

6.5.3.2. Pentadbiran Kontrak

a. Kontrak Perjanjian

i. Surat Setuju Terima (SST) merupakan surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang ditetapkan di dalam dokumen tender, draf dokumen kontrak yang telah dikeluarkan terdahulu, syarat yang dinyatakan di dalam Surat Niat dan syarat lain yang telah dipersetujui. Bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1), projek ini telah dilaksanakan secara 2 peringkat yang dipecahkan kepada Seksyen 1 dan Seksyen 2. Bagi kerja yang dilakukan di bawah Seksyen 1, ia telah ditawarkan melalui SST Interim yang dikeluarkan pada 20 Julai 2005 untuk tempoh projek bermula 1 Ogos 2005 sehingga 31 Julai 2006. Butiran lanjut mengenai projek ini adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.8
MAKLUMAT PROJEK BAIK PULIH MUARA SUNGAI PAHANG FASA I

PERINGKAT	KOS PROJEK (RM)	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR
Seksyen I	59,200,000	01.08.2005	31.07.2006	31.10.2008
Seksyen II	198,969,614	01.11.2008	31.10.2011	01.07.2011
JUMLAH	**258,169,614**			

ii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan agar kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) lewat ditandatangani. Adalah didapati kontrak ini hanya ditandatangani pada 12 Mei 2009 iaitu setelah hampir 7 bulan SST dikeluarkan iaitu pada 23 Oktober 2008. Hal ini

berlaku disebabkan JPS lewat mendapat surat pengecualian pemakaian Perubahan Harga daripada Kementerian Kewangan dan perubahan terhadap lukisan kontrak.

Pada pendapat Audit, bagi memastikan kepentingan kesemua pihak yang terlibat terjamin, dokumen perjanjian hendaklah ditandatangani dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Butiran lengkap dan terperinci juga hendaklah dibuat dan dipersetujui bersama bagi mengelakkan sebarang permasalahan mengenai skop kerja.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 21 Jun 2013

Bagi tujuan penambahbaikan, sistem maklumat kontrak (SMARTRAK) telah dibangunkan oleh JPS di mana pemantauan dibuat secara online. Mulai tahun 2012, tiada dokumen kontrak yang ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan.

b. Pembayaran Projek

i. Pembayaran Tanpa Ikatan Perjanjian

Arahan Perbendaharaan 99(a) antara lainnya menyatakan sekiranya bayaran dibuat bagi sesuatu kontrak, baucar itu hendaklah mengandungi rujukan mengenai nombor kontrak. Semakan Audit terhadap projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) mendapati terdapat pembayaran yang dibuat tanpa ikatan kontrak yang sah. Bagi kerja yang dibuat di bawah Seksyen 1, tempoh kontrak bermula pada 1 Ogos 2005 dan berakhir pada 31 Julai 2006 serta tiada sebarang lanjutan masa telah diluluskan. Semakan terhadap pembayaran yang dibuat di bawah Seksyen 1 mendapati terdapat 11 transaksi pembayaran yang keseluruhannya berjumlah RM44.41 juta telah dibuat setelah tempoh kontrak tamat iaitu mulai 3 Ogos 2006 hingga 4 Mac 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.9
TUNTUTAN BAYARAN TANPA IKATAN KONTRAK

TUNTUTAN (Interim No.)	NOMBOR BAUCAR	TARIKH BAUCAR	AMAUN (RM Juta)
5	Y1206	03.08.2006	0.70
6	Y2170	14.09.2006	4.50
7	Y4210	18.12.2006	5.26
8	Y4212	18.12.2006	5.62
9	0070A	11.01.2007	4.80
10	A8022	05.02.2007	10.0
11	B1815	26.06.2007	4.10

TUNTUTAN (Interim No.)	NOMBOR BAUCAR	TARIKH BAUCAR	AMAUN (RM Juta)
12	B4014	05.10.2007	1.10
13	B5148	05.12.2007	2.64
14	B5786	18.12.2007	3.00
15	R1707	04.03.2008	2.69
JUMLAH			44.41

Sumber : Baucar Bayaran Dan Daftar Pembayaran, JPS

ii. Pembayaran Bagi Stesen Ombak Dan Cuaca

Semakan Audit terhadap kerja di bawah komponen Stesen Ombak dan Cuaca mendapati terdapat kelemahan seperti berikut:

- Arahan Perbendaharaan 99(e)(ii) menetapkan agar bayaran kemajuan bagi sesuatu kerja diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan-bahan yang sebenarnya telah dibekalkan. Bagi Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1), didapati tuntutan pembayaran telah dibuat sebelum kerja dilaksanakan. Berdasarkan Senarai Kuantiti kontrak, kerja memantau dan menyenggara stesen ombak dan cuaca serta pengumpulan dan analisis terperinci data dari stesen tersebut hendaklah dibuat setiap bulan selama 20 bulan (September 2009 hingga April 2011) dengan jumlah keseluruhan kerja bernilai RM0.74 juta. Adalah didapati tuntutan bagi bayaran interim no. 17 telah dibuat pada 15 Julai 2010 antaranya bagi kerja memantau dan menyenggara stesen ombak dan cuaca serta pengumpulan dan analisis terperinci data dari stesen tersebut bagi tempoh 3 bulan iaitu bagi bulan Jun hingga Ogos 2010. Bagaimanapun, didapati laporan bagi bulan Julai dan Ogos hanya disediakan oleh kontraktor pada 26 Julai 2010 dan 30 Ogos 2010, iaitu selepas tarikh tuntutan dibuat. Pembayaran telah dibuat melalui baucar bayaran no. A6277 bertarikh 20 September 2010. Semakan selanjutnya terhadap laporan bagi bulan Ogos yang disediakan oleh kontraktor juga mendapati tiada kerja pemantauan dan penyenggaraan serta pengumpulan data dan analisis terperinci telah dibuat.

- Bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1), antara kerja yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor di bawah komponen Stesen Ombak dan Cuaca adalah kerja memantau dan menyenggara serta pengumpulan dan analisis data untuk tempoh 48 bulan daripada tarikh pemasangan stesen dengan bayaran berjumlah RM2.03 juta. Kerja tersebut meliputi 5 stesen ombak dan cuaca bernilai RM2.7 juta yang dipasang di 5 lokasi yang berbeza.

Berdasarkan laporan yang disediakan, didapati kerja memantau dan menyenggara serta pengumpulan dan analisis data bagi kesemua stesen ini tidak dibuat selama 48 bulan bagi setiap stesen seperti yang ditetapkan di dalam kontrak, sebaliknya hanya dibuat antara 4 hingga 18 bulan seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.10
KERJA PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA BAGI STESEN OMBAK DAN CUACA YANG TELAH DIBUAT OLEH KONTRAKTOR

STESEN	LOKASI	TARIKH PENEMPATAN	PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA YANG DIBUAT			JUMLAH BULAN YANG SEPATUTNYA DIBUAT PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA
			TARIKH	TEMPOH (Bulan)	JUMLAH (Bulan)	
WRL(JT)	*Level Station*, Jeti LKIM	22.07.2008	Januari - April 2010	4	18	48
			Julai - Disember 2010	6		
			Januari - Ogos 2011	8		
WS(JPS)	Stesen Cuaca, Pejabat Tapak JPS	07.06.2006	Januari - Disember 2010	12	12	48
ADCP No. 1	Perakam Ombak, ADCP No.1	06.12.2005	April - Ogos 2011	4	4	48
ADCP No.2	Perakam Ombak, ADCP No.2	14.11.2006	Januari - Disember 2010	12	16	48
			April - Julai 2011	4		
ADCP No.3	Perakam Ombak, ADCP No.3	27.09.2006	Januari - Disember 2010	12	12	48

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013

Terdapat kesilapan pada tarikh penilaian pada dokumen bagi Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1) yang tidak dipinda tarikh sebenar iaitu pada 31 Julai 2010. Bagaimanapun, pembayaran telah disyorkan pada 26 Ogos 2010.

iii. Bayaran Lesen Pendudukan Sementara, Permit Batuan Dan Royalti Pasir

Klausa 12.2 syarat kontrak menetapkan agar kontraktor menanggung apa-apa liabiliti daripada yuran, caj, kadar atau cukai (tidak termasuk sumbangan modal) yang diperuntukkan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan dengan kerja yang dijalankan. Tiada perubahan boleh dibuat ke atas amaun kontrak berkaitan jumlah yuran, caj, kadar atau cukai. Selain itu, klausa 15.3 turut menetapkan agar kontraktor membayar kesemua royalti, sewa dan lain-lain bayaran atau pampasan yang dikenakan bagi mendapatkan batu, pasir, kerikil, tanah atau lain-lain bahan yang digunakan bagi kerja yang dijalankan. Semakan Audit bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang (Fasa 1) mendapati

kontraktor masih lagi belum menjelaskan pembayaran royalti pasir, deposit dan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) berjumlah RM0.95 juta kepada Pejabat Tanah Dan Daerah Pekan bagi kawasan pengorekan pasir seluas 48 hektar di kawasan Muara Sungai Pahang yang digunakan bagi penambakan kawasan pejabat Tapak dan *'stock pile'.* Ini disebabkan pihak MRCB Environment Sdn. Bhd. masih belum mendapat persetujuan bahawa bayaran tersebut boleh dituntut kembali kepada pihak JPS. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.11
BAYARAN ROYALTI PASIR, LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA BERCANTUM PERMIT, MUARA SUNGAI PAHANG FASA I

PERIHAL TUNTUTAN	KIRAAN TUNTUTAN	JUMLAH TUNTUTAN (RM)
Royalti Pasir (Pasir Sungai)	1.44 juta mp x RM0.50	720,000
Wang Pertaruhan (Deposit)	15% x RM720,000	108,000
Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	RM2,500 x 48.0 ha (118.63 ekar)	120,000
JUMLAH		**948,000**

Pada pendapat Audit, memandangkan tempoh kontrak telah tamat dan Tempoh Tanggungan Kecacatan juga hampir tamat, kontraktor hendaklah mempercepatkan proses pembayaran Royalti Pasir dan Lesen Pendudukan Sementara. Pembayaran ini hendaklah dibuat sebelum Akaun Muktamad dikeluarkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013

JPS akan mengambil tindakan dengan menghantar surat peringatan kepada kontraktor agar membayar segala tuntutan bayaran royalti tersebut. Jika pihak kontraktor masih gagal menjelaskan bayaran tersebut, JPS akan merampas bon pelaksanaan kontrak ini mengikut kaedah yang dibenarkan dalam syarat-syarat kontrak.

c. Sijil Perakuan Siap Kerja

Klausa 41.2 syarat kontrak menyatakan apabila keseluruhan kerja telah siap secara praktikal serta selaras dengan kontrak dan Pengarah Projek berpuas hati terhadap kerja tersebut, Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati Perakuan Siap Kerja bagi 3 daripada 5 projek yang diaudit lewat dikeluarkan melibatkan tempoh kelewatan antara 1 hingga 2 bulan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.12
PERAKUAN SIAP KERJA LEWAT DIKELUARKAN

PROJEK	TARIKH DIPERAKUKAN SIAP	TARIKH PERAKUAN DIKELUARKAN	TEMPOH KELEWATAN
Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1)	31.07.2010	22.09.2010	1 Bulan 3 Minggu
Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1)	01.07.2011	09.09.2011	2 Bulan
Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, Pahang	30.08.2010	27.09.2010	1 Bulan

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 21 Jun 2013

JPS akan mengambil tindakan untuk mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja dengan kadar segera selepas projek siap. Bagi penambahbaikan, JPS telah membangunkan sistem maklumat kontrak (SMARTRAK) di mana pemantauan dibuat secara online.

6.5.4. Keberkesanan Projek Yang Telah Disiapkan

6.5.4.1. Pelaksanaan Projek Secara Berfasa


Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) dilaksanakan bertujuan untuk mengatasi masalah pemendapan yang berlaku di muara sungai. Ianya juga bertujuan bagi membolehkan pihak nelayan menggunakan kemudahan jeti pendaratan ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Rekabentuk pemecah ombak di kedua-dua laluan masuk ke Sungai Pahang adalah bertujuan untuk melindungi daripada ombak besar dan menyediakan tempat berlabuh bagi bot-bot nelayan. Berdasarkan Laporan Cadangan yang disediakan, projek ini pada mulanya dirancang untuk dibuat secara menyeluruh (**Rajah 6.1**) dengan anggaran kos keseluruhan melebihi RM1 bilion. Disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi, projek ini telah dibuat secara berfasa. Semakan Audit terhadap projek yang dilaksanakan secara berfasa tersebut mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh perunding Angkasa Consulting Sdn. Bhd. adalah didapati objektif projek tidak akan tercapai sebelum projek disiapkan sepenuhnya dan bagi setiap fasa yang disiapkan, ia terdedah kepada risiko kegagalan terhadap projek yang telah disiapkan dan kawasan sekitar projek. Keberkesanan pembinaan pemecah ombak ini hanya dapat dilihat setelah keseluruhan projek disiapkan. Namun, sekiranya projek tidak diteruskan, antara risiko yang akan dihadapi adalah:

   - Pemecah Ombak tidak berkesan menahan ombak menyebabkan nelayan tidak dapat keluar masuk di kuala sungai dengan selamat;
   - Pulau Syed Hassan akan mengalami hakisan; dan

- Laluan pelayaran *(navigation channel)* akan mengalami masalah pemendapan menyebabkan kerja pengorekan berkala terpaksa dilakukan.

RAJAH 6.1




Lukisan Pelan Keseluruhan Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang

GAMBAR 6.1



Muara Sungai Pahang, Pekan, Pahang
- 'Stockpile' Pengorekan 'Bypass Channel' Pulau Syed Hassan Yang Diletakkan Berhampiran Tebing Berkemungkinan Akan Terhakis Kembali
(13.12.2012)

GAMBAR 6.2



Jeti Tanjung Agas, Pekan, Pahang
- 'Stockpile' Yang Diletakkan Berkemungkinan Akan Terhakis Kembali
(13.12.2012)

GAMBAR 6.3



Kompleks Pejabat JPS, Pekan, Pahang
- Model Keadaan Muara Sg. Pahang Sebelum Projek Dilaksanakan
(13.12.2012)

GAMBAR 6.4



Kompleks Pejabat JPS, Pekan, Pahang
- Model Keseluruhan Rancangan Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang
(13.12.2012)

b. Selain itu, adalah didapati Kerajaan juga terpaksa menanggung kos tambahan bagi memastikan projek yang dijalankan secara berfasa ini dapat disiapkan dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Antara kos tambahan yang terpaksa ditanggung ialah kos untuk menjalankan *numerical*

modelling seperti yang dicadangkan oleh perunding bagi mengenal pasti risiko projek ini yang dijalankan secara berfasa. Selain itu, pertambahan kos akan berlaku apabila kerja pengorekan yang berulang pada lokasi yang sama dibuat akibat kadar mendapan yang tinggi.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013

JPS memaklumkan projek ini terpaksa dijalankan secara berfasa memandangkan kos keseluruhan projek adalah tinggi dan peruntukan JPS adalah terhad. JPS mengambil maklum dan bersetuju dengan pandangan Audit.

Pada pendapat Audit, bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money* bagi setiap projek yang dilaksanakan, kajian terhadap kaedah pelaksanaan projek secara terperinci hendaklah dibuat (sama ada secara berfasa atau menyeluruh) dengan mengambil kira analisis kos faedah. Ini bagi menentukan pilihan kaedah paling ekonomik untuk dilaksanakan.


6.5.4.2. Kaedah Pelaksanaan Struktur/Bukan Struktur Projek

Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Disember 2012 mendapati terdapat kelemahan terhadap kaedah pelaksanaan struktur/bukan struktur seperti berikut:

a. Struktur keras (*hard structure*) seperti batu lapis lindung yang dibina di pantai akan menyebabkan pergerakan sedimen terhalang. Apabila tiada penambahan (*supply*) struktur daripada kawasan pantai bersebelahan, ia menyebabkan hakisan pantai akan berlaku. Manakala kawasan penambakan pasir biasanya memerlukan kekerapan penambakan semula pada julat masa yang ditentukan untuk mengelakkan hakisan seperti di **Rajah 6.2**. Jika kawasan tersebut terdedah kepada ombak yang kuat, maka ianya memerlukan kerja penambakan pasir yang lebih kerap. Untuk mengurangkan kekerapan penambakan pasir ini, maka menjadi keperluan untuk merekabentuk struktur yang bersesuaian dengan ciri-ciri pantai tersebut. Bagi Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, ISMP yang dikeluarkan oleh JPS telah mencadangkan bahawa kaedah pengawalan hakisan pantai yang paling sesuai dilaksanakan di kawasan tersebut adalah melalui pemulihan pantai (*beach nourishment*) yang dilakukan secara berkala. Bagaimanapun, didapati kaedah pengawalan hakisan pantai yang dibina adalah merupakan kombinasi antara kaedah batu lapis lindung dan *beach nourishment.* Lawatan Audit pada bulan Disember 2012 mendapati pantai di sekitar projek tersebut telah mengalami hakisan yang semakin serius serta menyebabkan beberapa buah bangunan

Summerset Resort (pusat peranginan di kawasan projek) musnah dan rosak. Operasi Summerset Resort telah dihentikan sejak bulan Julai 2012 akibat hakisan pantai yang teruk. Butirannya adalah seperti di **Gambar 6.5** hingga **Gambar 6.8**.

RAJAH 6.2



Rajah Menunjukkan Kerja-Kerja Penambakan Pasir Yang Dilakukan. Pasir Tersebut Kemudiannya Bergerak Dan Menyebabkan Ianya Kembali Kepada Garis Pantai Yang Asal. Jika Tiada Kerja-Kerja Penambakan Pasir Maka Hakisan Akan Berlaku

GAMBAR 6.5



Summerset Resort, Kg. Sembayan, Rompin, Pahang
- Hakisan Teruk Yang Berlaku Di Bahagian Selatan Lapis Lindung Yang Dibuat
(13.12.2012)

GAMBAR 6.6



Summerset Resort, Kg. Sembayan, Rompin, Pahang
- Hakisan Teruk Di Bahagian Selatan Lapis Lindung Yang Dibuat Memusnahkan Bangunan Summerset Resort
(13.12.2012)

GAMBAR 6.7



Summerset Resort, Kg. Sembayan, Rompin, Pahang
- Bangunan Resort Yang Runtuh Kesan Daripada Hakisan Pantai Yang Berlaku
(13.12.2012)

GAMBAR 6.8



Summerset Resort, Kg. Sembayan, Rompin, Pahang
- Keadaan Bangunan Resort Yang Roboh Akibat Hakisan Pantai Yang Berlaku
(13.12.2012)

b. Semakan selanjutnya bagi Projek Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan (Fasa 3), adalah didapati lapis lindung batu telah dibina di sepanjang Pantai Sabak bagi tujuan pengawalan hakisan pantai. Sekiranya tiada penambahan (*supply*) struktur daripada kawasan pantai bersebelahan, ia menyebabkan hakisan pantai akan berlaku. JPS hendaklah memikirkan kaedah penyelesaian yang ekonomik bagi mengatasi masalah hakisan tersebut pada masa akan datang.

c. Bagi Projek Pengawalan Hakisan Pantai Secara Penambakan Pantai Di Pantai Puteri, Melaka Tengah, Melaka (Fasa 2), adalah didapati terdapat kesan hakisan yang berlaku terhadap pantai yang telah ditambak dan longkang yang dibina telah tercabut dan dimasuki pasir. Pihak Audit berpendapat JPS hendaklah memikirkan kaedah penyelesaian yang ekonomik bagi mengatasi masalah hakisan di kawasan tersebut. Ini kerana kos yang tinggi akan ditanggung oleh Kerajaan sekiranya hanya penambakan pasir secara berkala dilakukan. Butirannya seperti di gambar berikut:

GAMBAR 6.9



Pantai Puteri, Melaka
- U-Drain Yang Siap Dibina Pada Tahun 2009
Sumber: JPS Melaka
(28.12.2012)

GAMBAR 6.10



Pantai Puteri, Melaka
- Keadaan Semasa U-Drain Yang Telah Tercabut Dan Dipenuhi Pasir Akibat Tolakan Ombak
(28.12.2012)

Pada pendapat Audit, JPS seharusnya menjangkakan masalah yang akan timbul kesan dari setiap projek yang dijalankan dan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan kesan tersebut dapat dikurangkan. Ini secara tidak langsung bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money* untuk setiap projek yang dilaksanakan dan pelaksanaan projek tidak mendatangkan masalah baru di kawasan sekitar.

6.5.4.3. Pembinaan Kompleks JPS

a. Lawatan Audit di Kompleks JPS yang merupakan salah satu komponen projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) mendapati terdapat keretakan pada kompleks pejabat tersebut yang telah disiapkan pada bulan Ogos 2009. Semakan yang dijalankan mendapati pada 26 Julai 2010, JPS

telah menghantar satu aduan berkaitan kerosakan yang dialami di kompleks JPS kepada pihak MRCB dan kerja membaiki kecacatan telah dibuat pada 6 Oktober 2010 sehingga 10 November 2010. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh pihak perunding Angkasa Consulting Sdn. Bhd. bertarikh 18 Ogos 2010, adalah didapati keretakan yang berlaku disebabkan mendapan yang tidak sekata di keseluruhan kawasan lantai yang telah dijangka sebelum pembinaan dilaksanakan. Semakan selanjutnya mendapati tiada bukti Penyiasatan Tapak (S.I) telah dibuat terhadap tapak projek bagi menentukan keupayaan, kekuatan dan kesesuaian tanah adalah selamat sebelum pembinaan dijalankan. Adalah didapati kompleks pejabat berkenaan telah dibina di kawasan bertanah rendah dan berair (kira-kira 0.0 m *National Geodetic Vertical Datum* (NGVD)) serta mempunyai struktur yang lembut. Seterusnya bagi tujuan pelaksanaan projek, kawasan tersebut telah ditambak sehingga ke paras 4.5 m NGVD. Bagaimanapun tiada rawatan terhadap tanah asal dilakukan sebelum proses penambakan dilakukan seperti mana yang sepatutnya dilakukan ke atas setiap kawasan baru yang ingin dibangunkan dengan alasan kesuntukan masa.

b. Selain itu, laporan perunding Angkasa Consulting Sdn. Bhd. turut menyatakan asas yang digunakan bagi kompleks bangunan ini adalah berbeza di mana Blok 2A dan 2C hanya menggunakan asas kerangka *(raft)* manakala Blok 2B menggunakan asas cerucuk. Semakan terhadap Lukisan Kontrak dan Senarai Kuantiti bagi kompleks ini mendapati perbezaan di antara Lukisan Kontrak dan Senarai Kuantiti yang disediakan di mana Lukisan Kontrak menetapkan asas bagi kompleks bangunan ini hendaklah menggunakan asas kerangka, manakala Senarai Kuantiti menetapkan agar kerja cerucuk dijalankan. Bagaimanapun, isu ini tidak pernah dibangkitkan oleh kontraktor dan JPS. Seterusnya, adalah didapati Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) tidak dikeluarkan bagi kompleks bangunan ini.

GAMBAR 6.11



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Mendapan Lantai Bilik Pegawai
(13.12.2012)

GAMBAR 6.12



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Mendapan Di Bahagian Luar Pejabat
(13.12.2012)

GAMBAR 6.13



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Rekahan Di Bahagian Atas Tingkap
(13.12.2012)

GAMBAR 6.14



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Kepingan Jubin Yang Ditukar Kesan
Dari Mendapan Lantai
(13.12.2012)

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 Dan 4 Jun 2013

JPS memaklumkan tiada Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan untuk bangunan ini disebabkan permohonan kelulusan pelan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibuat atas status bangunan sementara. Bagaimanapun, JPS telah mengarahkan pihak kontraktor untuk mendapatkan dan mengemukakan CCC serta kelulusan Permit Bangunan Kekal. Mengenai keretakan yang berlaku, pihak perunding telah mengemukakan laporan dan cadangan pembaikan. Kerja pembaikan telah disiapkan pada awal tahun 2012 namun begitu keretakan berlaku semula di bahagian lain bangunan tersebut. Surat arahan kepada kontraktor telah dikeluarkan pada 11 April 2013 supaya kerja pembaikan secara menyeluruh dapat dilaksanakan dengan segera.

Pada pendapat Audit, memandangkan projek ini masih lagi di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, pihak kontraktor dan perunding sivil dan struktur yang dilantik hendaklah menjalankan laporan siasatan terperinci dan menyeluruh yang ditandatangani oleh Jurutera Profesional untuk dikemukakan kepada pihak JPS terhadap punca keretakan yang berlaku di dalam bangunan kompleks tersebut. Pihak kontraktor juga hendaklah mengesyorkan kaedah pembaikan yang ekonomik terhadap keretakan yang berlaku dan mendapat pengesahan serta kelulusan daripada pihak perunding sivil dan struktur. Selain itu, kerja pembaikan hendaklah dibuat dengan segera dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi memastikan kestabilan struktur tiang, dinding dan lantai tidak terjejas akibat mendapan tanah yang berlaku.

6.5.4.4. Pengesahan Dari Imej Satelit Sebelum Dan Selepas Pelaksanaan Projek


Viability sesuatu projek hendaklah diketahui sebelum projek tersebut dijalankan oleh Kementerian/Jabatan. Bagi projek mencegah hakisan pantai dan mengorek kuala sungai yang dijalankan oleh JPS, *viability* projek boleh diketahui melalui kajian dan permodelan hidraulik yang sepatutnya dibuat sebelum projek dilaksanakan selaras dengan Garis Panduan Perlindungan Hakisan Pantai JPS 1/1197. Bagaimanapun, JPS memaklumkan kajian dan permodelan hidraulik ini tidak dibuat di kesemua projek yang dijalankan kerana ia tidak mandatori. Semakan Audit terhadap imej satelit yang diperolehi dari Agensi Remote Sensing Malaysia terhadap 4 sampel projek yang diaudit mendapati kesan hakisan selepas projek disiapkan adalah ketara berbanding sebelum projek dilaksanakan seperti berikut:

JADUAL 6.13
ANALISIS IMEJ SATELIT SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK DIJALANKAN

PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	KETERANGAN
Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1)	258.17	• Berlaku hakisan sepanjang kira-kira 40m di bahagian utara muara Sg. Pahang berhampiran perkampungan nelayan di kawasan tersebut **(Gambar 6.15)**. • Berlaku hakisan antara 145m hingga 250m dalam lingkungan 2km di bahagian selatan projek **(Gambar 6.16 dan 6.17)**.
Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, Pahang	6.35	• Berlaku hakisan dengan anggaran 40m di bahagian selatan *resort* selepas lapis lindung siap dibina **(Gambar 6.18)**.
Mencegah Hakisan Pantai Di Pantai Sabak, Kota Baharu, Kelantan (Fasa 3)	5.48	• Berlaku hakisan di bahagian barat Pantai Sabak di mana lebar pantai telah berkurangan dengan anggaran 250m menyebabkan Kg. P. Pak Amat hilang **(Gambar 6.19)**.
Pengawalan Hakisan Pantai Secara Penambakan Pantai (Beach Nourishment) Serta Yang Berkaitan Di Pantai Puteri, Melaka Tengah, Melaka (Fasa 2)	4.68	• Keadaan tapak projek pada tahun 2011 menunjukkan pantai yang ditambak telah kembali terhakis. Baki jarak pantai pada tahun 2011 adalah antara 20m hingga 25m **(Gambar 6.20)**.


Sumber : Agensi Remote Sensing Malaysia

GAMBAR 6.15




Muara Sungai Pahang, Pahang
- Imej Satelit Spot-5 26 Mac 2012
Hakisan Pantai Anggaran 40m Berlaku
Sepanjang 1km Persisir Pantai
(13.05.2013)

GAMBAR 6.16




Tanjung Agas, Pekan, Pahang
- Imej Satelit Spot-5 26 Mac 2012
Hakisan Di Bahagian Selatan Breakwater
Sepanjang Kira-kira 145m
(13.05.2013)

GAMBAR 6.17




Muara Sungai Pahang, Pahang
- Imej Satelit Spot-5 26 Mac 2012
Hakisan Sepanjang Kira-kira 250m
(13.05.2013)

GAMBAR 6.18



Kg. Sebayan, Rompin, Pahang
- Imej Satelit Spot-5 2012
Hakisan Sepanjang 40m Berlaku Setelah
Projek Lapis Lindung Dilaksanakan
(13.05.2013)

GAMBAR 6.19



Pantai Sabak, Kota Bharu Kelantan
- Imej Satelit Spot-5 23 Februari 2012
Jarak Hakisan Sepanjang 250m
(13.05.2013)

GAMBAR 6.20



Pantai Kundor, Melaka
- Analisis Imej Satelit Worldview Pada 10 Oktober 2011
Menunjukkan Baki Jarak Pantai Antara
20m Hingga 25m
(13.05.2013)

Pada pendapat Audit, penggunaan teknologi satelit wajar dipertimbangkan dalam menentukan pemilihan/justifikasi pelaksanaan projek melalui kerjasama antara agensi yang terlibat seperti Agensi Remote Sensing Malaysia bagi memastikan *viability* projek.

6.5.5. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

Syarat kontrak antaranya menetapkan pemantauan dan penyeliaan terhadap pelaksanaan projek termasuk aspek kualiti kerja adalah merupakan tanggungjawab perunding yang telah dilantik. Lawatan Audit pada bulan Disember 2012 mendapati sebahagian daripada kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi. Keterangan lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.14
KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

PROJEK	SPESIFIKASI MENGIKUT KONTRAK	KETERANGAN KERJA YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI
Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1)	Batuan di *breakwater* hendaklah diletakkan dengan kemas dan teratur.	Susunan saiz batuan *breakwater* tidak diletakkan dengan kemas dan teratur. **(Gambar 6.21)**
Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1)	Penyusunan Tetrapod perlu dibuat mengikut reka bentuk yang ditetapkan di dalam Lukisan Kontrak.	Penyusunan yang dibuat mempunyai lebihan Tetrapod pada '*Breakwater*' Muara Sungai Kemasin. **(Gambar 6.22)**

PROJEK	SPESIFIKASI MENGIKUT KONTRAK	KETERANGAN KERJA YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI
Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, Pahang	Susunan saiz batu di lapisan batu Gred A perlu melebihi 760mm. **(Gambar 6.23 dan 6.24)**	Ukuran saiz batuan yang digunakan bagi tujuan *'Revetment'* tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Sampel batu bersaiz 230mm didapati bertaburan di lapisan Gred A. **(Gambar 6.25 dan 6.26)**

GAMBAR 6.21




Muara Sungai Pahang, Pekan, Pahang
- Saiz Dan Susunan Batu Tidak Teratur
(13.12.2012)

GAMBAR 6.22




Muara Sungai Kemasin, Bachok, Kelantan
- Lebihan 'Tetrapod' Yang Berada Di Luar Struktur
(20.12.2012)

GAMBAR 6.23



Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, Pahang
- Spesifikasi Susunan Batu
Sumber : JPS

GAMBAR 6.24



Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kg. Sembayan, Rompin, Pahang
- Spesifikasi Saiz Batu
Sumber : JPS

GAMBAR 6.25



GAMBAR 6.26



Kg. Sembayan, Rompin, Pahang
- Saiz Batuan Yang Digunakan Bagi Pembinaan Revetment Tidak Mematuhi Spesifikasi Yang Ditetapkan
(13.12.2012)

Pada pendapat Audit, JPS hendaklah memantau dan menyelia kerja kontraktor terutamanya terhadap projek akan datang bagi memastikan dibuat selaras dengan spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan di dalam kontrak. Tindakan tegas yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap kontraktor yang ingkar dan gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 Dan 21 Jun 2013

JPS memaklumkan bagi projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) batuan di breakwater yang dibina pula tidak disusun dengan kemas dan teratur kerana ia akan menyebabkan breakwater tersebut gagal berfungsi sebagaimana yang diharapkan. Selanjutnya penyusunan tetrapod bagi projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin adalah mengikut reka bentuk yang ditetapkan di dalam lukisan kontrak. Lebihan tetrapod yang berada di luar struktur breakwater tidak menjejaskan fungsi asal breakwater sebaliknya turut membantu untuk mengukuhkan lagi fungsi struktur tersebut. Bagi projek di Pengawalan Hakisan Pantai di Kg. Sembayan, Rompin, armour layer telah dibina seperti spesifikasi. Namun pihak Resort meminta kontraktor menambak batu kecil di antara rongga besar armour layer bagi mengurangkan risiko dan memudahkan pengunjung hotel ke laut. Bagaimanapun tiada bayaran tambahan telah dibuat kepada kontraktor bagi tujuan ini.

6.5.6. Penggunaan Komponen Projek

Lawatan Audit ke tapak projek mendapati terdapat komponen projek yang tidak digunakan secara optimum seperti berikut:

6.5.6.1. Kompleks JPS merupakan salah satu komponen projek di bawah projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1). Pembinaan kompleks ini terdiri dari pejabat JPS, rumah pencawang, pondok pengawal serta perabot dan lengkapan yang keseluruhannya bernilai RM6.15 juta. Lawatan Audit yang dijalankan pada bulan Disember 2012 mendapati kompleks pejabat ini masih belum diduduki sepenuhnya dan tidak diurus dengan baik walaupun bangunan telah disiapkan pada bulan Ogos 2009 dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada bulan Oktober 2011. Berdasarkan temu bual bersama pegawai dari Unit Projek Pembangunan Persekutuan (UPPP), Kuantan, pejabat ini pada awalnya dibina untuk kegunaan JPS Daerah Pekan. Bagaimanapun, JPS Pekan telah berpindah ke lokasi baru yang diperuntukkan oleh Pejabat Daerah Pekan. Buat masa ini, pejabat ini hanya digunakan ketika lawatan pegawai ke tapak projek.

GAMBAR 6.27




Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Bangunan Kompleks Bernilai RM6.1 juta
(13.12.2012)

GAMBAR 6.28



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Ruang Pejabat Yang Masih Belum Digunakan
(13.12.2012)

GAMBAR 6.29



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Bilik Menunggu VIP Aras 2 Yang Tidak Teratur
(13.12.2012)

GAMBAR 6.30



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Bahagian Belakang Kompleks Dipenuhi Semak
(13.12.2012)

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013

JPS mengakui perancangan pada peringkat awal kompleks yang dibina adalah untuk digunakan sebagai pejabat JPS Daerah Pekan. Bagaimanapun rancangan tersebut telah dibatalkan memandangkan JPS Daerah Pekan telah ditempatkan di Kompleks Kerajaan Daerah Pekan. Oleh yang demikian kompleks tersebut digunakan sebagai pejabat tapak sepanjang projek ini dilaksanakan. Bagi perancangan jangka panjang, kompleks tersebut dicadangkan akan digunakan sebagai pusat latihan kejuruteraan pantai dan sebahagian bangunan tersebut akan digunakan sebagai kompleks guna sama agensi Kerajaan.

6.5.6.2. Komponen projek bagi 2 projek iaitu Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) dan Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin (Fasa 1) antara lainnya merangkumi pembinaan Stesen Ombak Dan Cuaca yang bernilai RM2.7 juta dan RM0.98 juta seperti di **Jadual 6.15**. Lawatan Audit pada Disember 2012 mendapati peralatan bagi Stesen Ombak dan Cuaca bagi kedua-dua projek tersebut tidak lagi digunakan dan disimpan di JPS Negeri yang terlibat. Berdasarkan maklum balas JPS, peralatan bagi Stesen Ombak dan Cuaca tersebut hanya digunakan sepanjang tempoh

kontrak. Semakan selanjutnya mendapati peralatan tersebut tidak diuruskan mengikut tatacara pengurusan aset yang berkuat kuasa khususnya dari aspek penerimaan, perekodan dan penyimpanan. Butirannya seperti di **Gambar 6.31** hingga **Gambar 6.34**.

JADUAL 6.15
KOS PEMBINAAN STESEN OMBAK DAN CUACA

PROJEK	KOMPONEN PROJEK	NILAI (RM)
Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1)	Memasang, menguji dan mentauliahkan 3 unit stesen ombak dan 1 unit stesen cuaca termasuklah sistem komunikasi	2,700,000
Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin, Kelantan (Fasa 1 - *Dredging Work*)	Memasang, menguji dan mentauliahkan 2 unit stesen ombak dan cuaca termasuklah sistem komunikasi	896,000
	Peruntukan bagi *software*, mereka bentuk dan membangunkan sistem integrasi	80,000

GAMBAR 6.31



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Tiada Peralatan Diletakkan Di Stesen
(13.12.2012)

GAMBAR 6.32



Stor Bahagian Mekanikal & Elektrikal,
JPS Negeri Pahang
- Peralatan Wave Station Yang Tidak Lagi Digunakan
(Sumber : JPS Negeri Pahang - 24.04.2013)

GAMBAR 6.33



Muara Sg. Kemasin, Bachok, Kelantan
- Alat Pengesan Ombak Yang Digunakan
Untuk Mengumpul Data Ombak
Bernilai RM240,000
(20.12.2012)

GAMBAR 6.34



Muara Sg. Kemasin, Bachok, Kelantan
- Penyimpanan Sebahagian Daripada Alat
Pengesan Ombak Yang Tidak Teratur
(20.12.2012)

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013

Bagi Projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1), peralatan stesen tersebut masih berfungsi dan dalam keadaan baik. Manakala bagi Projek Mengorek Kuala-kuala Sungai, Sg. Kemasin (Fasa 1), pegawai yang berkenaan mengambil keputusan sedemikian sebagai langkah keselamatan terhadap peralatan tersebut setelah semua data diperoleh.

Peralatan stesen ombak bagi kedua-dua projek di atas akan digunakan semula dan pada masa ini peralatan tersebut selamat dalam simpanan JPS. Pihak JPS telah mengambil tindakan mendaftarkan semua Aset Alih Kerajaan mengikut Tatacara Pengurusan Aset yang berkuat kuasa.

Pada pendapat Audit, peralatan bagi Stesen Ombak Dan Cuaca tidak seharusnya ditanggalkan/dikeluarkan sekiranya tidak dinyatakan di dalam kontrak dan tiada arahan daripada pegawai yang diberikan kuasa dikeluarkan. Peralatan yang telah dikeluarkan seharusnya disimpan oleh JPS berpandukan tatacara pengurusan aset yang berkuat kuasa kerana ia merupakan aset kerajaan. Bagi memastikan kerajaan mendapat *best value for money*, peralatan tersebut boleh digunakan bagi projek JPS akan datang.

6.5.7. Pengurusan Rekod Aset Dan Inventori

Semakan Audit terhadap aset dan inventori di bawah pelaksanaan 5 projek yang diaudit mendapati perkara seperti berikut:

6.5.7.1. Pengurusan Aset Alih Kerajaan

Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) menetapkan agar setiap aset didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Selain itu, semua aset hendaklah diberi tanda pengenalan dengan cara melabel, mengecat, *emboss* bagi menunjukkan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nama Kementerian/Jabatan berkenaan di tempat yang mudah dilihat dan sesuai pada aset berkenaan. Aset juga hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit bagi projek Pembaikan Muara Sg. Pahang, Pahang (Fasa 1) mendapati perabot dan kelengkapan pejabat yang terdapat di dalam Kompleks Pejabat JPS tidak didaftarkan sepenuhnya. Terdapat juga peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat yang tidak dilabel. Lawatan Audit turut mendapati sebahagian perabot dan alatan yang tidak disimpan di tempat yang sepatutnya serta disenggara dengan baik. Butirannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 6.35



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang - Kerusi Pejabat Yang Masih Belum Didaftarkan Di Dalam KEW-PA (13.12.2012)

GAMBAR 6.36



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang - Kelengkapan Pejabat Yang Belum Dilabel Dan Didaftarkan (13.12.2012)

GAMBAR 6.37




Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Perabot Pejabat Yang Berhabuk Diletakkan Di Ruang Legar Pejabat
(13.12.2012)

GAMBAR 6.38



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Alat Pemadam Api Tidak Diletakkan Di Tempat Yang Sepatutnya
(13.12.2012)

GAMBAR 6.39



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Peralatan Pejabat Yang Telah Didaftarkan Dan Dilabelkan
(Sumber: JPS Negeri Pahang)
(24.04.2013)

GAMBAR 6.40



Kompleks Pejabat JPS, Pekan Pahang
- Peralatan Di Ruangan Pejabat Yang Telah Disusun Dengan Kemas Dan Bersih
(Sumber: JPS Negeri Pahang)
(24.04.2013)

6.5.7.2. Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan

Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 memberi panduan dalam pengurusan aset Kerajaan dan Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2012 menerangkan tatacara pengurusan aset tak alih Kerajaan. Pekeliling ini antara lainnya menyatakan kepentingan terhadap menyediakan maklumat aset yang lengkap bagi tujuan perancangan pembangunan dan kawalan penggunaan aset tak alih. Semakan Audit mendapati kesemua projek yang diaudit melibatkan pembinaan aset tak alih yang terdiri dari bangunan, lapis lindung, *dykes*, pemecah ombak dan lain-lain. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan struktur yang dibina ini telah didaftarkan sebagai aset dan rekodnya disenggara dengan baik berdasarkan tatacara pengurusan aset yang berkuat kuasa.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset alih dan inventori khususnya berhubung penerimaan, perekodan, penyimpanan dan pelupusan hendaklah dibuat selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa. Ini bagi memastikan aset tersebut dijaga dan digunakan dengan baik dan seterusnya Kerajaan mendapat *best value for money* bagi perbelanjaan yang telah dikeluarkan.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 Dan 21 Jun 2013

JPS memaklumkan aset alih seperti perabot dan kelengkapan pejabat di Kompleks JPS tersebut telah didaftarkan dalam senarai inventori dan pelabelannya sebagai Hak Kerajaan Malaysia telah dibuat. Pihak JPS telah mengambil tindakan mendaftarkan semua Aset Alih Kerajaan mengikut Tatacara Pengurusan Aset yang berkuat kuasa. Pihak JPS juga sedang mengambil tindakan mendaftarkan semua Aset Tak Alih Kerajaan mengikut Tatacara Pengurusan Aset yang berkuat kuasa (MySpata) dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2014.

6.5.8. Penyenggaraan Dan Pemantauan Selepas Projek Disiapkan

6.5.8.1. Manual JPS Volum 3 antara lainnya menyatakan bahawa *Survey* hendaklah dibuat bagi kawasan yang telah dibuat penambakan pantai dan muara sungai. Ini bagi mengetahui kadar/jumlah pasir yang telah hilang kerana kadar kehilangan pasir adalah tinggi bagi tempoh beberapa bulan selepas kerja di tapak siap dijalankan. Bagi tempoh seterusnya, *survey* boleh dijalankan sekali setahun sebelum dan selepas monsun. Semakan Audit mendapati, *survey* tidak pernah dibuat selepas kerja penambakan dilakukan di 3 tempat projek yang terlibat dengan penambakan pantai iaitu di Rompin, Sg. Kemasin dan Pantai Puteri.

6.5.8.2. Manual JPS Volum 3 turut menyatakan pemeriksaan hendaklah dijalankan terhadap *groynes* dan *breakwater* sekurang-kurangnya sekali setahun selepas tempoh monsun di mana ombak tertinggi dijangka berlaku. Hasil semakan Audit mendapati pemeriksaan tidak pernah dibuat bagi kesemua projek yang melibatkan pembinaan *groynes* dan *breakwater* (4 daripada 5 projek).

6.5.8.3. Semakan Audit turut mendapati JPS tidak mempunyai rekod yang menyimpan data dan maklumat terkini mengenai hakisan pantai dan *sedimentation* di muara sungai seluruh Malaysia. Rekod ini adalah penting bagi tujuan perancangan projek di masa hadapan.

Pada pendapat Audit, *survey* dan pemeriksaan berkala hendaklah dibuat bagi mengetahui keadaan tapak selepas projek dibuat selaras dengan Manual yang dikeluarkan oleh JPS. Tindakan pencegahan/pembetulan juga boleh diambil dengan kadar segera sekiranya sesuatu berlaku di tapak. Ini bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money* bagi setiap perbelanjaan yang telah dibuat.

Maklum Balas Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia Yang Diterima Pada 24 April 2013 Dan 21 Jun 2013

JPS mengakui keperluan menjalankan survey bagi kawasan yang telah dibuat penambakan pantai dan muara sungai. JPS di peringkat negeri juga akan memohon peruntukan negeri untuk menjalankan penyenggaraan, pengumpulan data, pemeriksaan dan pemantauan selepas projek disiapkan. Namun demikian, peruntukan dari Kerajaan Negeri pada kebiasaannya tidak mencukupi bagi pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

6.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek pengawalan hakisan pantai dan pembaikan muara sungai, adalah disyorkan supaya JPS mempertimbangkan perkara berikut:

6.6.1. membuat kajian awal terhadap projek yang ingin dilaksanakan bagi memastikan setiap aspek diambil kira dan seterusnya projek yang dijalankan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dan masalah baru kesan daripada projek yang dibuat tidak timbul;

6.6.2. memastikan perolehan dan pentadbiran kontrak dibuat dengan teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa;

6.6.3. memastikan aset dan inventori diuruskan dengan teratur mengikut peraturan yang berkuat kuasa;

6.6.4. meningkatkan pemantauan terhadap projek yang sedang dan telah dibina bagi memastikan langkah awal dapat diambil sekiranya sebarang masalah timbul. Selain itu, rekod mengenai masalah pantai dan muara sungai hendaklah di senggara bagi tujuan perancangan projek di masa hadapan; dan

6.6.5. memastikan koordinasi di antara bahagian reka bentuk (Ibu Pejabat) dan bahagian pemantauan (negeri/daerah) ditambah baik. Pembuat dasar/keputusan hendaklah jelas agar tiada sebarang pertindihan di dalam membuat keputusan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 39-53 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN KERJA RAYA

7. PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN KERJA RAYA

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Kerajaan menetapkan pengurusan fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan sebagai suatu pengurusan strategik yang perlu diamalkan oleh setiap Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Tujuan fasiliti disenggara adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan pengguna; menjamin jangka hayat fasiliti yang lebih lama; menjimatkan perbelanjaan pada masa hadapan dan seterusnya memberi manfaat kepada pengguna dan pengurusan. Bangunan Gunasama Persekutuan adalah milik Jabatan Perdana Menteri (JPM). Zon Bangunan Gunasama Persekutuan dibahagikan kepada empat iaitu Zon Utara dan Sabah, Zon Selatan dan Sarawak, Zon Tengah dan Zon Timur. JPM telah menyerahkan tanggungjawab mengurus dan menyenggara 68 Bangunan Gunasama Persekutuan kepada Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, Kementerian Kerja Raya (KKR). Pengurusan dan penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan di bawah kawalselia KKR telah diswastakan kepada 3 syarikat konsesi kecuali Zon Tengah (Kuala Lumpur dan Selangor) yang disenggarakan oleh Bahagian Kawalselia, KKR. Perihal penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan di bawah penyeliaan KKR adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.1
PERIHAL PENYENGGARAAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

ZON	NEGERI	PIHAK PENYENGGARAAN	BILANGAN BANGUNAN	KELUASAN (Juta Kaki Persegi)	YURAN BULANAN (RM Juta)
Utara dan Sabah	Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Sabah	Syarikat Konsesi Gemilang Maintenance Services Sdn. Bhd.	25	3.21	57.37
Selatan dan Sarawak	Sarawak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor	Syarikat Konsesi Ambang Wira Sdn. Bhd.	28	2.09	45.90
Timur	Kelantan, Terengganu dan Pahang	Syarikat Konsesi Building Lindungan Sdn. Bhd.	11	0.85	17.33
Tengah	Kuala Lumpur dan Selangor	Bahagian Kawalselia, Kementerian Kerja Raya	4	1.57	*11.06

Nota: (*) - RM11.06 juta Adalah Berdasarkan Bajet Tahunan Yang Diluluskan

7.1.2. Antara tanggungjawab KKR adalah memproses permohonan pengubahsuaian, memantau prestasi dan pelaksanaan kerja penyenggaraan, membaik pulih, pembinaan oleh syarikat konsesi mengikut Perjanjian Penswastaan bagi Zon Utara dan Sabah, Selatan dan Sarawak dan Timur. Bagi Zon Tengah pula kerja penyenggaraan, membaik pulih dan membina dilaksanakan oleh KKR.

7.1.3 Antara skop kerja dan tanggungjawab syarikat konsesi adalah seperti berikut:

a. melaksanakan skop kerja mengikut *Technical Requirement Performance Indicator* (TRPI), *Master Agreed Procedure* (MAP) dan undang-undang/akta/peraturan;

b. mengendali/operasi peralatan mekanikal dan elektrikal;

c. menyenggara secara komprehensif sistem jentera, elektrik dan elektronik, kerja sivil, struktur dan senibina, senggara kecil dan besar;

d. menjaga keselamatan, kebersihan bangunan dan kawasan, kawalan serangga dan landskap;

e. melaksanakan kerja pembangunan (jika diarah oleh Kerajaan); dan

f. menyelenggara *Central Management Information System* (CMIS).

7.1.4. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan penyenggaraan bangunan bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN BANGUNAN BAGI TAHUN 2011 DAN 2012

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2011	139.76	136.92	97.97
2012	140.77	140.76	99.99

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada bangunan Kerajaan telah diurus dan disenggarakan dengan teratur dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap kerja penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan di bawah penyeliaan KKR bagi tahun 2011 dan 2012 di 4 negeri/wilayah iaitu Kelantan (Zon Timur), Pulau Pinang (Zon Utara dan Sabah), Sarawak (Zon Selatan dan Sarawak) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Zon Tengah). Lapan Bangunan Gunasama Persekutuan telah dilawati seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.3
BANGUNAN GUNASAMA YANG DILAWATI

ZON	NAMA BANGUNAN GUNASAMA
Timur	• Bangunan Persekutuan Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan • Wisma Persekutuan Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
Utara dan Sabah	• Bangunan Persekutuan Pulau Pinang (Jalan Anson), Pulau Pinang • Bangunan Tunku Syed Putra, Pulau Pinang • Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
Selatan dan Sarawak	• Bangunan Sultan Iskandar, Kuching, Sarawak • Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang, Kuching, Sarawak
Tengah	• Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan Audit terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan telah dijalankan di Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, KKR dan Pejabat Penyenggaraan di Bangunan Gunasama Persekutuan yang terlibat. Selain daripada itu, lawatan fizikal untuk menyemak kerja penyenggaraan telah dijalankan. Temu bual juga telah dijalankan dengan pegawai Kerajaan dan syarikat konsesi yang terlibat bagi mendapatkan maklumat lanjut. Borang soal selidik untuk menilai kepuasan pengguna terhadap kualiti hasil penyenggaraan telah diedar kepada kakitangan pejabat di bangunan gunasama dan jawapannya telah dianalisis.

7.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 sehingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan adalah memuaskan kecuali di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta yang diuruskan oleh KKR. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. kerja penyenggaraan dan pembaikan tidak dilaksanakan sepenuhnya;
ii. ketidaktepatan tempoh liputan bon penyenggaraan;
iii. syarat denda tidak spesifik; dan
iv. Jawatankuasa Penyelarasan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan tidak ditubuhkan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas daripada KKR adalah seperti di perenggan berikut:

7.5.1. Prestasi Penyenggaraan Fizikal

Pemeriksaan fizikal telah dilakukan terhadap Bangunan yang dilawati bagi melihat keberkesanan penyenggaraan fasiliti bangunan. Antara aspek yang diberi tumpuan adalah fasiliti yang memberi impak langsung kepada penyampaian

perkhidmatan kepada rakyat yang boleh menjejaskan reputasi Kerajaan secara keseluruhannya. Hasil lawatan fizikal mendapati pengurusan fasiliti Bangunan Gunasama Persekutuan yang diuruskan oleh ketiga-tiga syarikat konsesi adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan yang dikenalpasti. Bagaimanapun, pengurusan fasiliti di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta yang diuruskan oleh pihak KKR adalah kurang memuaskan. Antara penemuan Audit dan sebahagian tindakan pembetulan yang diambil adalah seperti berikut:

7.5.1.1. Penyenggaraan Sivil Dan Struktur

Penyenggaraan sivil dan struktur adalah kerja penyenggaraan yang antaranya melibatkan pembaikan bumbung, siling, dinding, lantai, pengemasan cat dan papan tanda. Lawatan Audit ke bangunan gunasama mendapati kerja penyenggaraan sivil dan struktur adalah kurang sempurna seperti kebocoran dan resapan air di siling, kesan lumut di dinding dan cat menggelupas. Contoh kelemahannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 7.1



Bangunan Persekutuan Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Siling Di Tandas Telah Pecah/Terbuka Dan Kabel Elektrik Yang Dipasang Dalam Siling Tidak Kemas Dan Terdedah
(25.11.2012 - 26.11.2012)

GAMBAR 7.2



Bangunan Persekutuan Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Siling Berkenaan Telah Dipasangkan Semula Seperti Kedudukan Asal Serta Mengadakan Prosedur Kerja Bagi Kontraktor Luar
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.3



Bangunan Persekutuan Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Beberapa Kesan Resapan Air Di Siling Ruang Pejabat. Masalah Ini Juga Ditemui Di Bangunan Tuanku Syed Putra, Pulau Pinang
(25.11.2012 - 26.11.2012)

GAMBAR 7.4



Bangunan Persekutuan Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Kesan Kebocoran Pada Siling Telah Dicat Semula
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.5



Bangunan Tuanku Syed Putra, Pulau Pinang
- Lapisan Waterproofing Aras Bumbung
Telah Tertanggal
(03.12.2012 - 07.12.2012)

GAMBAR 7.6



Bangunan Tuanku Syed Putra, Pulau Pinang
- Lapisan Waterproofing Aras Bumbung Telah
Dicat Semula Dengan Menggunakan
Cat PYE Sealant Di Aras Bumbung
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.7



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Manhole Hadapan Pintu Bilik MSB Hanya
Ditutup Dengan Papan Nipis Dan Tiada
Tanda Amaran Diletakkan
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.8



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Lubang Hadapan Pintu Bilik MSB Telah
Ditutup Dengan Metal Grating
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.9



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Floor Trap Di Tandas, Aras 12, Blok 8A Yang
Tidak Berfungsi Menyebabkan Air Bertakung.
Mengikut Maklum Balas KKR, Floor Trap
Tersebut Telah Dipasang Dengan Baik
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.10



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Kesan Lumut Dan Cat Menggelupas. Ini Ditemui Hampir
Di Setiap Tingkat Terutama Di Blok 8 Dan 8a. Mengikut
Maklum Balas KKR, Kawasan Yang Terlibat Telah
Dicat Semula Dan Siap Disempurnakan
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.11



Wisma Persekutuan Kota Bharu,
Kota Bharu, Kelantan
- Lelehan Air Yang Berlaku Di Bilik AHU,
Aras 3 Menyebabkan Beberapa Bilik AHU
Di Tingkat Bawah Seterusnya Basah
(27.11.2012 - 28.11.2012)

GAMBAR 7.12



Wisma Persekutuan Kota Bharu,
Kota Bharu, Kelantan
- Kawasan Berair Di Bilik AHU, Aras 3 Telah
Dikeringkan, Dibersih Dan Dicat Baru
Termasuk Saluran Paip
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

7.5.1.2. Penyenggaraan Mekanikal

Penyenggaraan mekanikal adalah kerja penyenggaraan yang antaranya melibatkan pembaikan lif, penyaman udara, pengudaraan, sistem *sprinkler* dan *fire alarm and fire fighting system*. Lawatan Audit ke bangunan gunasama mendapati keadaan seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 7.13



Bangunan Tunku Syed Putra, Pulau Pinang
- Konduit Mudah Lentur Di Aras Bumbung Telah Tertanggal. Kabel Yang Terdedah Akan Mengurangkan Jangka Hayat Kabel. Masalah Ini Juga Ditemui Di Bangunan Sultan Iskandar, Sarawak
(03.12.2012 - 07.12.2012)

GAMBAR 7.14




Bangunan Tunku Syed Putra, Pulau Pinang
- Kerja-Kerja Membaik Pulih Konduit Mudah Lentur Di Aras Bumbung Telah Dijalankan
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.15



Bangunan Persekutuan Di Bangunan Sultan Iskandar, Kuching, Sarawak
- Pembalut Insulator Paip Penghawa Dingin Di Aras Bumbung Telah Tertanggal. Masalah Ini Juga Ditemui Di Bangunan Tunku Syed Putra, Pulau Pinang Dan Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang, Sarawak
(11.12.2012 - 13.12.2012)

GAMBAR 7.16



Bangunan Persekutuan Di Bangunan Sultan Iskandar, Kuching, Sarawak
- Paip Penghawa Dingin Di Aras Bumbung Telah Dipasang Dengan Pembalut Insulator
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.17



Bangunan Tunku Syed Putra, Pulau Pinang
- Pelapik Aluminium Ducting Penghawa Dingin Di Atas Siling, Ruang Pejabat, Aras 9 Telah Koyak Dan Kondensasi Mudah Berlaku
(03.12.2012 - 07.12.2012)

GAMBAR 7.18



Bangunan Tunku Syed Putra, Pulau Pinang
- Pelapik Aluminium Ducting Di Atas Siling, Ruang Pejabat, Aras 9 Telah Diganti
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.19




Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
- Paip Overflow Dan Discaj Di Bilik Tangki Air Anjung C, Tingkat 8 Tidak Disambungkan Terus Ke Floor Trap Yang Berdekatan. Ini Akan Menyukarkan Kerja-Kerja Penyenggaraan. Masalah Yang Sama Juga Ditemui Di Bilik Tangki Air Tanjung B, Tingkat 8
(03.12.2012 - 07.12.2012)

GAMBAR 7.20




Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
- Paip Overflow Dan Discaj Di Bilik Tangki Air Anjung C, Tingkat 8 Telah Dipasang
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.21



Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
- Paip Air Utama Dari Tangki Di Bilik Tangki Air Anjung/Blok C, Tingkat 8 Hanya Disokong Dengan Batu Yang Tidak Stabil. Sekiranya Berlaku Keretakan Apabila Batu Terjatuh, Bekalan Air Akan Terputus Untuk Keseluruhan Blok C
(03.12.2012 - 07.12.2012)

GAMBAR 7.22




Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
- Bracket Telah Dipasang Untuk Menyokong Paip Air Utama Di Bilik Tangki Air Anjung/Blok C, Tingkat 8
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.23



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Penggunaan Kon Di Bilik AHU, Aras 11, Blok 8A Bagi Mengatasi Kebocoran Adalah Tidak Sesuai Menyebabkan Air Masih Lagi Bertakung
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.24



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- P-Trap Di Bilik AHU, Aras 11, Blok 8A Telah Diganti
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.25



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Saluran Paip Air Di Bilik AHU, Aras 7, Blok 8A Telah Digantikan Dengan Botol Air Mineral Bagi Tujuan Mengalirkan Air Daripada Air-Cond Menyebabkan Air Bertakung
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.26



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Paip Jacketing Di Bilik AHU, Aras 7, Blok 8A, Yang Rosak Telah Diganti. Kebocoran Telah Dapat Diatasi
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.27



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Belting Di Bilik AHU, Aras 14, Blok 8A Tidak Bertutup. Perkara Ini Juga Ditemui Di Kebanyakan Bilik AHU. Ini Boleh Mendatangkan Bahaya Kepada Juruteknik Yang Menjalankan Penyenggaraan Di Bilik AHU
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.28



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Penutup Belting Di Bilik AHU, Aras 14, Blok 8A Telah Ditutup Semula. Untuk Mengelakkan Perkara Ini Berulang, Kekerapan Pemeriksaan Ke Seluruh Bilik AHU Ditambah
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.29



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Paip Saliran Air Air-Cond Di Bilik AHU, Aras 12, Blok 8A Tidak Dipasang Dengan Kemas Dan Betul Menyebabkan Lantai Basah. Perkara Ini Juga Ditemui Di Bilik AHU Lain
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.30



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Drain Pipe Di Bilik AHU, Aras 12, Blok 8A Telah Diperkemas
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.31



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Filter Di Bilik AHU, Aras 16, Blok 8 Tidak Dipasang Semula Selepas Dicucikan. Filter Yang Tidak Dipasang Boleh Menyebabkan Udara Tercemar Tanpa Ditapis Memasuki Kondenser Dan Terus Ke Ruang Pejabat Yang Boleh Membahayakan Pengguna Bangunan
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.32




Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Bilik AHU Di Aras 16, Blok 8 Telah Dibersihkan Dan Filter AHU Telah Disusun Semula
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.33



Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang
- Insulator Di Bilik Chiller Sudah Merekah Dan Air Menitis Ke Lantai. Mengikut Maklum Balas KKR, Kerja Membaik Pulih Sedang Dilaksanakan
(11.12.2012 - 13.12.2012)

GAMBAR 7.34



Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang
- Cooling Tower Fin Telah Rosak. Mengikut Maklum Balas KKR, Penggantian Fin Telah Siap Dipasang
(11.12.2012 - 13.12.2012)

GAMBAR 7.35




Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Cooling Tower Fan Rosak Dan Tidak Dibaiki. Mengikut Maklum Balas KKR, Kerja Membaik Pulih Sedang Dilaksanakan
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.36



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Lelehan Air daripada Paip Chiller Yang Telah Rosak Menyebabkan Air Bertakung Di Bilik Chiller. Mengikut Maklum Balas KKR, Kerja Membaik Pulih Sedang Dilaksanakan
(19.12.2012 - 20.12.2012)



GAMBAR 7.37

Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Jacketing Paip AHU Di Bilik AHU, Aras 15, Blok 8A Merekah Dan Berlubang. Perkara Ini Juga Ditemui Di Kebanyakan Bilik AHU Lain. Mengikut Maklum Balas KKR, Kerja Membaik Pulih Sedang Dilaksanakan
(19.12.2012 - 20.12.2012)

7.5.1.3. Penyenggaraan Elektrik

Penyenggaraan elektrik adalah kerja penyenggaraan yang antaranya melibatkan kawalan elektrik bervoltan rendah, sederhana dan tinggi, sistem telekomunikasi PABX dan pembumian kilat. Lawatan Audit ke bangunan gunasama mendapati keadaan seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 7.38



Bangunan Tunku Syed Putra, Pulau Pinang
- Bateri Pada Alarm Panel Untuk Sistem Pencegah Kebakaran Di Bilik AHU, Aras 9 Tidak Berfungsi. Ini Akan Menyebabkan Alarm Panel Tidak Dapat Berfungsi Semasa Bekalan Elektrik Terputus. Mengikut Maklum Balas KKR, Bateri Telah Digantikan
(03.12.2012 - 07.12.2012)

GAMBAR 7.39



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Wayar-Wayar Di Bilik AHU, Aras 4, Blok 8A Tidak Dipasang Dengan Kemas Dan Teratur. Trunking Kabel Juga Usang Dan Berkarat. Mengikut Maklum Balas KKR, Kerja Membaik Pulih Sedang Dilaksanakan
(19.12.2012 - 20.12.2012)

7.5.1.4. Kebersihan Bangunan Dan Landskap


Kerja penyenggaraan bangunan juga termasuk kerja pembersihan bangunan dan penjagaan landskap. Lawatan Audit ke bangunan gunasama mendapati keadaan seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 7.40




Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Sampah Dan Barang Yang Tidak Digunakan Dilonggokkan Di Tepi Longkang Dan Atas Atap Menyebabkan Keadaan Persekitaran Cooling Tower Kotor Dan Longkang Tersumbat
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.41



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Tindakan Pembersihan Di Persekitaran Cooling Tower Telah Diambil Dengan Kadar Segera
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.42



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Simen Longkang Pecah Dan Berlumut
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.43



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Tindakan Pembersihan Di Longkang Yang Berlumut Telah Diambil Dan Simen Longkang Yang Pecah Telah Dibaiki
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

GAMBAR 7.44



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Ruang Keluar Udara Di Bilik MSB Berhabuk
(19.12.2012 - 20.12.2012)

GAMBAR 7.45



Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta
- Ruang Keluar Udara Di Bilik MSB Telah Dibersihkan Oleh Kakitangan Pejabat Pengurus Bangunan
(Sumber: KKR - 03.05.2013)

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013

Sehingga 6 Jun 2013, pihak KKR dan syarikat konsesi telah mengambil tindakan pembaikan terhadap 154 daripada 160 kerja-kerja kurang sempurna yang telah ditegur oleh pihak Audit. 6 lagi kerja-kerja kurang sempurna masih dalam tindakan pelaksanaan perolehan oleh pihak-pihak berkaitan dan akan selesai selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2013. Langkah-langkah penambahbaikan seperti memberi latihan kepada pekerja terlibat dan meningkatkan pemantauan juga akan/telah diambil bagi memastikan masalah tidak berulang lagi.

Pada pendapat Audit, semua kemudahan dan aset Kerajaan memerlukan pengurusan, penjagaan dan penyenggaraan yang teratur dan berkesan bagi menjamin jangka hayat yang lebih lama dan sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat untuk digunakan, serta menjimatkan perbelanjaan. Sekiranya aspek pengurusan dan penyenggaraan aset tidak diberi perhatian sewajarnya maka Kerajaan terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi bagi membaikpulih atau mengganti aset tersebut.

7.5.2. Ketidaktepatan Tempoh Liputan Bon Penyenggaraan

Mengikut syarat kontrak, syarikat konsesi hendaklah mengemukakan bon penyenggaraan (Maintenance Bond) yang bernilai 5% daripada jumlah yuran tahunan yang ditentukan dalam kontrak dengan Kerajaan. Bon penyenggaraan hendaklah diperbaharui setiap tahun dan meliputi sehingga tempoh 12 bulan selepas tamat tempoh konsesi atau penamatan kontrak dengan Kerajaan.

Semakan Audit mendapati tempoh liputan bon penyenggaraan yang dikemukakan oleh Syarikat Ambang Wira Sdn. Bhd. adalah silap, iaitu kurang meliputi satu tahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.4
KETIDAKTEPATAN TEMPOH LIPUTAN BON PENYENGGARAAN

SYARIKAT KONSESI	ZON	TARIKH TAMAT KONTRAK	TEMPOH LIPUTAN	TEMPOH LIPUTAN YANG SEPATUTNYA	TEMPOH LIPUTAN TERKURANG (Tahun)
Ambang Wira Sdn. Bhd.	Selatan dan Sarawak	31.05.2013	31.05.2013	31.05.2014	1

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013

Ambang Wira Sdn. Bhd. telah memperbaharui bon penyenggaraan daripada tarikh tamat asal 31.05.2013 kepada tarikh tamat baru 31.05.2014 bagi semua bangunan di bawah seliaannya. Sebagai langkah penambahbaikan, setiap syarikat konsesi akan diberi surat peringatan sebelum tamat tempoh liputan bon berakhir.

Pada pendapat Audit, bon penyenggaraan amat penting bagi menjamin kepentingan Kerajaan sekiranya syarikat konsesi gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak. Sehubungan dengan itu, pihak KKR harus sentiasa memastikan ketepatan amaun dan tempoh liputan bon tersebut.

7.5.3. Syarat Denda Tidak Spesifik

Mengikut syarat kontrak Jadual 9, denda akan dikenakan atas kegagalan syarikat konsesi memberi perkhidmatan yang ditetapkan dalam kontrak. Namun begitu, semakan Audit mendapati syarat denda tersebut tidak menentukan amaun denda dengan spesifik bagi setiap ketidakakuran *Technical Requirement Performance Indicator* (TRPI).

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013

Pihak Kerajaan dan syarikat konsesi dalam proses membuat penambahbaikan bagi demerit point untuk setiap skop perkhidmatan yang terlibat melalui beberapa siri Mesyuarat Penetapan Kadar Denda dan

Demerit Point Bagi Ketidakakuran Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator) Bagi Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan. Satu mesyuarat bagi memuktamadkan kadar denda dan demerit point tersebut akan diadakan.

Pada pendapat Audit, pihak KKR perlu menyatakan syarat denda dengan spesifik supaya potongan denda dapat dikenakan terhadap syarikat konsesi yang tidak mematuhi TRPI. Ini bertujuan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

7.5.4. Pemantauan

Mengikut Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2002, Jawatankuasa Penyelarasan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan (jawatankuasa) perlu ditubuhkan untuk setiap kompleks Bangunan Gunasama Persekutuan untuk bertindak sebagai pengantara perhubungan Kerajaan dan syarikat konsesi. Mesyuarat jawatankuasa juga hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan laporan mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada KKR dalam masa 2 minggu.

Semakan Audit mendapati jawatankuasa telah diwujudkan di setiap bangunan yang diaudit kecuali Bangunan Sultan Iskandar, Kuching, Sarawak dan Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang, Kuching, Sarawak. Kekerapan jawatankuasa mengadakan mesyuarat juga tidak memuaskan di mana kekerapan mesyuarat adalah antara 0 hingga 3 kali dalam setahun sahaja kecuali di Wisma Persekutuan Kota Bharu, Kelantan pada tahun 2011. Minit mesyuarat juga tidak dikemukakan kepada KKR untuk tujuan pemantauan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.5
JAWATANKUASA PENYELARASAN PENYENGGARAAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

ZON	NAMA BANGUNAN	PENUBUHAN JAWATANKUASA (Ada/Tidak)	KEKERAPAN MESYUARAT DALAM TAHUN 2012 (Kali)	KEKERAPAN MESYUARAT DALAM TAHUN 2011 (Kali)
Timur	Bangunan Persekutuan Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan	Ada	2	1
	Wisma Persekutuan Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan	Ada	3	4
Utara dan Sabah	Bangunan Persekutuan Pulau Pinang (Jalan Anson), Pulau Pinang	Ada	0	0
	Bangunan Tunku Syed Putra, Pulau Pinang	Ada	0	2
	Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Ada	1	3
Selatan dan Sarawak	Bangunan Sultan Iskandar, Kuching, Sarawak	Tidak	0	0
	Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang, Kuching, Sarawak	Tidak	0	0
Tengah	Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta	Tidak berkenaan kerana penyenggaraan bangunan ini dilaksanakan oleh pihak KKR.		

Pemantauan KKR terhadap syarikat konsesi pula telah dilaksanakan dengan memuaskan di mana pihak KKR melawat setiap bangunan gunasama dengan kekerapan 3 bulan sekali untuk melihat sekadar mana penyenggaraan telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun, pemantauan KKR terhadap kerja penyenggaraan di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta tidak memuaskan yang telah mengakibatkan pelbagai masalah dalam fasilitinya.

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013

Perkara ini telah dibangkitkan oleh KKR dalam beberapa siri mesyuarat pemantauan untuk diambil tindakan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM), Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUP Sarawak) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah (SUP Sabah) selaku pemilik bangunan supaya memastikan jawatankuasa tersebut diwujudkan di setiap Bangunan Gunasama Persekutuan (BGSP) dan mematuhi Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2002. Pemantauan fizikal di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta dijalankan bukan secara berkala tetapi berdasarkan keperluan semasa. Sebagai langkah penambahbaikan, tanggungjawab jawatankuasa sentiasa dibangkitkan dalam setiap mesyuarat pemantauan yang diadakan 3 kali setahun. Jadual pemantauan fizikal bangunan secara berkala juga akan disediakan pada 21 Jun 2013 bagi mempertingkatkan pemantauan.


Pada pendapat Audit, penubuhan jawatankuasa dan mesyuarat adalah penting bagi memantau perkhidmatan penyenggaraan syarikat konsesi. Minit mesyuarat tersebut juga perlu dihantar kepada pihak KKR untuk tujuan pemantauan. Pihak KKR perlu memastikan pemantauan bangunan termasuk Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta dilaksanakan secara konsisten dan berterusan. Selain daripada itu, status bangunan hendaklah sentiasa berada dalam tahap yang memuaskan agar pengguna selamat, selesa dan kondusif serta imej Kerajaan sentiasa dipelihara.

7.5.5. Kajian Kepuasan Pengguna Bangunan

Pihak Audit telah mengedarkan 360 borang soal selidik kepada pengguna yang menduduki 8 bangunan gunasama yang diaudit untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan penyenggaraan oleh syarikat konsesi dan pihak KKR. Hasil soal selidik pengguna mendapati secara keseluruhannya, peratusan tahap kepuasan pengguna di Zon Utara dan Sabah adalah paling tinggi, diikuti dengan Zon Timur dan Zon Selatan dan Sarawak. Manakala, peratusan tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan penyenggaraan pihak KKR di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta adalah paling rendah.

Peratusan tahap perkhidmatan penyenggaraan secara keseluruhan adalah seperti yang ditunjukkan di **Carta 7.1**. Manakala, butiran peratusan tahap kepuasan perkhidmatan penyenggaraan berdasarkan kriteria penilaian adalah seperti di **Jadual 7.6**.

CARTA 7.1
PERATUSAN TAHAP KEPUASAN TERHADAP PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN SECARA KESELURUHAN



JADUAL 7.6
RINGKASAN HASIL SOAL SELIDIK PENGGUNA BANGUNAN GUNASAMA

KRITERIA PENILAIAN	KEPUASAN PENGHUNI ZON UTARA & SABAH (PIHAK PENYENGGARAAN: GEMILANG MAINTENANCE SERVICES SDN. BHD.)		KEPUASAN PENGHUNI ZON TIMUR (PIHAK PENYENGGARAAN: BUILDING LINDUNGAN SDN. BHD.)		KEPUASAN PENGHUNI ZON SELATAN & SARAWAK (PIHAK PENYENGGARAAN: AMBANG WIRA SDN. BHD.)		KEPUASAN PENGHUNI ZON TENGAH (PIHAK PENYENGGARAAN: KKR)	
	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
Sistem Hawa Dingin	78	22	62	38	55	45	50	50
Sistem Lif	72	28	55	45	61	39	40	60
Sistem Pencegah Kebakaran	97	3	91	9	93	8	82	18
Sistem Elektrik	95	5	71	29	66	34	73	27
Sivil, Struktur & Senibina	81	19	83	17	76	24	46	54
Landskap	85	15	73	27	76	24	60	40
Kebersihan & Kawalan Serangga	88	12	89	11	83	18	64	36
Kawalan Keselamatan	88	12	86	14	74	26	57	43

KRITERIA PENILAIAN	KEPUASAN PENGHUNI ZON UTARA & SABAH (PIHAK PENYENGGARAAN: GEMILANG MAINTENANCE SERVICES SDN. BHD.)		KEPUASAN PENGHUNI ZON TIMUR (PIHAK PENYENGGARAAN: BUILDING LINDUNGAN SDN. BHD.)		KEPUASAN PENGHUNI ZON SELATAN & SARAWAK (PIHAK PENYENGGARAAN: AMBANG WIRA SDN. BHD.)		KEPUASAN PENGHUNI ZON TENGAH (PIHAK PENYENGGARAAN: KKR)	
	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN	MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
Tindakan Penyelesaian Segera Terhadap Aduan	97	3	94	6	74	26	74	26
PRESTASI PERKHIDMATAN SECARA KESELURUHAN	**87**	**13**	**78**	**22**	**73**	**27**	**61**	**39**

Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 10 Jun 2013

Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta telah dibina pada tahun 1974 dan telah berusia 39 tahun. Oleh yang demikian, kebanyakan kemudahan fasiliti di bangunan kompleks tersebut telah lama serta usang dan secara tidak langsung menyebabkan tahap kepuasan pengguna tidak memuaskan. Merujuk kepada pengesyoran daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri melalui surat bertarikh 30 Disember 2008 yang menyatakan agar hanya melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang perlu dan kritikal sahaja kerana belum ada keputusan berkaitan masa depan keseluruhan kompleks tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan Bangunan Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta sentiasa mengambil inisiatif dengan mempertingkatkan sistem aduan di bangunan tersebut bagi meningkatkan tahap kepuasan penghuni. Sebagai langkah penambahbaikan, segala dokumentasi berkaitan kepuasan pelanggan dan rekod aduan dipertingkatkan manakala borang soal selidik diedar kepada penghuni bangunan bagi menilai tahap kepuasan pengguna.

Pada pendapat Audit, tahap kepuasan pengguna yang paling rendah, iaitu di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta adalah selaras dengan hasil lawatan fizikal Audit yang juga menunjukkan kerja penyenggaraan kompleks tersebut paling kurang memuaskan. Pihak KKR dan syarikat konsesi harus mengambil kira komen pengguna supaya perkhidmatan yang lebih berkesan dapat diberi.

7.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya pihak KKR mengambil tindakan seperti berikut:

7.6.1. meningkatkan pemantauan terhadap perkhidmatan penyenggaraan Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta dan memastikan bangunan tersebut disenggarakan dengan baik bagi menjaga keselesaan pengguna bangunan tersebut;

7.6.2. memastikan ketepatan tempoh liputan bon penyenggaraan;

7.6.3. memastikan minit mesyuarat jawatankuasa dihantar ke KKR untuk tujuan pemantauan;

7.6.4. memastikan syarat denda dinyatakan dengan spesifik bagi menjaga kepentingan Kerajaan; dan

7.6.5. mengambil kira komen pengguna bangunan supaya perkhidmatan yang lebih berkesan dapat diberi.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 54-58 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN KERJA RAYA

8. JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
- PENGURUSAN PROJEK MANSUH

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Projek mansuh adalah projek yang telah ditamatkan berdasarkan kepada syarat kontrak sama ada secara Penamatan Bersama (Mutual Termination) atau Penamatan Biasa (Unilateral Termination). Syarat kontrak dengan khususnya telah memperuntukkan kepada Kerajaan hak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor sekiranya kontraktor melakukan kemungkiran dalam memenuhi obligasinya di bawah kontrak atau kontraktor tidak berupaya meneruskan dan menyiapkan kerja. Kerajaan berhak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor atas dua sebab kemungkiran iaitu kemungkiran menunaikan tanggungjawab dan kemungkiran am. Berdasarkan Laporan Pemantauan Projek Jabatan Kerja Raya (JKR) (statistik Laporan SKALA JKR) setakat bulan September 2012, sebanyak 160 projek telah dimansuhkan sama ada secara Penamatan Bersama atau Penamatan Biasa dengan nilai kontrak RM3.138 bilion bagi tempoh tahun 2007 hingga 2012. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.1
PROJEK MANSUH BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2012

TAHUN	BIL. PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
2007	10	35.94
2008	21	162.22
2009	46	749.72
2010	37	1,194.19
2011	31	673.08
2012	15	322.39
JUMLAH	**160**	**3,137.54**

Nota : Kedudukan Setakat Bulan September 2012

8.1.2. Pengurusan projek mansuh perlu mematuhi garis panduan dan peraturan seperti berikut:

8.1.2.1. Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor yang dikeluarkan oleh JKR;

8.1.2.2. Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga; dan

8.1.2.3. Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bilangan 7 Tahun 2008 mengenai pelantikan kontraktor penyiap.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan projek mansuh telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

8.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan terhadap 72 projek mansuh dengan nilai kontrak RM2.055 bilion (45% daripada 160 projek mansuh bagi tempoh tahun 2007 hingga 2012). Antara perkara yang dinilai ialah proses penamatan kontrak; pelantikan kontraktor penyiap; tuntutan terhadap baki bayaran balik wang pendahuluan dan Bon Pelaksanaan serta penyediaan perakuan muktamad kontrak yang ditamatkan pengambilan kerja kontraktor. Pengauditan telah dijalankan di Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya Malaysia; 4 JKR Negeri iaitu Perlis, Terengganu; Pulau Pinang dan Selangor serta 2 JKR Daerah iaitu Batu Pahat dan Muar.

8.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak statistik Laporan SKALA JKR, rekod dan dokumen projek serta menjalankan analisis terhadap data projek. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan kakitangan terlibat juga telah diadakan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 hingga Januari 2013 mendapati pengurusan projek mansuh secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan berikut:

i. baki bayaran balik wang pendahuluan bagi 3 projek berjumlah RM4.89 juta tidak dapat dituntut daripada pihak bank/syarikat kewangan/syarikat insurans;

ii. baki Bon Pelaksanaan berjumlah RM15.77 juta bagi 21 projek masih belum dapat direkup oleh JKR;

iii. pelantikan kontraktor penyiap bagi 3 projek tidak dibuat secara tender terhad dan tidak dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit;

iv. Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor (Perakuan Muktamad) bagi 16 projek masih belum disediakan setakat bulan Januari 2013 manakala Perakuan Muktamad bagi 29 projek telah lewat disediakan antara 4 hingga 44 bulan;

v. berlaku kesilapan dalam Perakuan Muktamad yang disediakan/dikemukakan kepada kontraktor yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan; dan

vi. terdapat kelemahan dalam proses mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor bagi menuntut jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan akibat penamatan kontrak.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas yang diterima daripada Pejabat/Cawangan JKR berkaitan adalah seperti di perenggan berikut:

8.5.1. Tindakan Yang Diambil Selepas Kontrak Dimansuhkan

Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor yang dikeluarkan oleh JKR telah menetapkan tindakan tertentu yang perlu diambil apabila sesuatu kontrak dimansuhkan. Antaranya ialah menuntut baki bayaran balik wang pendahuluan kepada kontraktor serta menuntut baki Bon Pelaksanaan melalui rampasan jaminan bank/syarikat kewangan/syarikat insurans dan potongan Wang Jaminan Pelaksanaan. Semakan Audit terhadap urusan kutipan balik baki wang pendahuluan dan Bon Pelaksanaan mendapati kelemahan berikut:

8.5.1.1. Baki Bayaran Balik Wang Pendahuluan Tidak Dapat Dituntut Daripada Kontraktor

Selepas penamatan kerja kontraktor dibuat, surat secara Akuan Terima (A.T.) Berdaftar hendaklah dikemukakan kepada pihak bank/syarikat kewangan/ syarikat insurans untuk menuntut sebarang baki bayaran balik wang pendahuluan yang belum diterima daripada penjamin (bank/syarikat kewangan/ syarikat insurans) bagi jaminan wang pendahuluan. Sekiranya tidak melunaskan bayaran jaminan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh tuntutan, perkara ini hendaklah dirujuk dengan serta merta kepada Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya untuk tindakan seterusnya. Semakan Audit mendapati baki bayaran balik wang pendahuluan berjumlah RM4.89 juta bagi 3 projek yang telah ditamatkan di bawah Fasal 51, syarat-syarat kontrak, tidak dapat dituntut daripada penjamin kerana tarikh jaminan bank wang pendahuluan tersebut telah tamat tempoh/luput. Keadaan ini berlaku disebabkan kelewatan Pegawai Penguasa mengemukakan tuntutan baki bayaran wang pendahuluan kepada penjamin. Semakan selanjutnya mendapati 3 Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (PKLM) telah diluluskan oleh JKR Batu Pahat bagi Projek Menaik Taraf Laluan Persekutuan 50 Batu Pahat - Ayer Hitam, Kluang Johor (Fasa 2 - Membina Pusingan U, Median dan Kerja-kerja Berkaitan), walaupun kontraktor tidak melanjutkan tempoh jaminan insurans bagi bayaran wang pendahuluan. Semakan Audit juga mendapati tuntutan baki bayaran balik wang pendahuluan tidak dibuat di Perakuan Muktamad bagi satu daripada 3 projek tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.2
BAKI BAYARAN BALIK WANG PENDAHULUAN
TIDAK DAPAT DITUNTUT DARIPADA KONTRAKTOR

PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH LUPUT	TARIKH TUNTUT	JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)	TUNTUTAN DIBUAT DI PERAKUAN MUKTAMAD
Menaik Taraf Laluan Persekutuan 50 Batu Pahat - Ayer Hitam, Kluang, Johor (Fasa 2 - Membina Pusingan U, Median Dan Kerja-kerja Berkaitan)	Pintasan Jaya Sdn. Bhd.	05.11.2008	19.02.2010 dan 14.12.2009	3.41	YA
Membina Dan Menyiapkan Asrama, Dewan Makan Dan Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, Besut, Terengganu (RMKe-9)	IT Industries Sdn. Bhd.	27.10.2009	01.09.2010	0.78	YA
UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau - Perpustakaan Dan Kompleks Asrama	YMY Resources Sdn. Bhd.	17.01.2011	24.03.2011	0.70	TIDAK
JUMLAH				**4.89**	

Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Daerah Batu Pahat, JKR Negeri Terengganu Dan JKR Negeri Perlis) Yang Diterima Pada 22, 28 Dan 29 Mei 2013

Pejabat JKR mengakui baki bayaran balik wang pendahuluan tidak dapat dirampas daripada penjamin kerana tempoh sah laku jaminan telah luput/ tamat semasa tuntutan dibuat. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kekangan masa; masalah yang timbul semasa proses penamatan kontrak dan pertukaran/ketiadaan pegawai. Pejabat JKR akan memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi.

Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013

Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) bertarikh 15 Mac 2013 telah menggariskan keperluan Pegawai Penguasa untuk menuntut Jaminan Wang Pendahuluan dengan serta merta sebaik sahaja kontrak ditamatkan di samping memastikan jaminan bank masih sah. Sehubungan itu, pihak JKR telah menggariskan keperluan ini kepada Pegawai Penguasa mengenai kepentingan tuntutan Wang Pendahuluan tersebut dibuat sebelum tarikh luput.

Pada pendapat Audit, perkara ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya JKR sentiasa membuat pemantauan terhadap bayaran pendahuluan dan mengambil tindakan segera dengan membuat tuntutan daripada bank/syarikat insurans sebelum jaminan tersebut luput/tamat tempoh. Kelewatan tuntutan ini telah mengakibatkan Kerajaan menanggung kerugian berjumlah RM4.89 juta.

8.5.1.2. Baki Bon Pelaksanaan Yang Tidak Dituntut

Kerajaan boleh merampas Bon Pelaksanaan sekiranya terdapat kemungkiran di pihak kontraktor atau kontraktor gagal untuk menyiapkan atau meninggalkan kontrak. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Bon Pelaksanaan boleh dikemukakan dalam bentuk jaminan bank/syarikat kewangan/syarikat insurans atau menggunakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). WJP ialah sejumlah wang yang dipegang oleh Kerajaan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani. Semakan Audit mendapati jumlah Bon Pelaksanaan bagi 51 projek yang telah dimansuhkan adalah RM62.82 juta. Bagaimanapun, hanya Bon Pelaksanaan bagi 30 projek telah direkup sepenuhnya sama ada melalui rampasan jaminan bank/syarikat kewangan/ syarikat insurans atau melalui potongan WJP yang melibatkan amaun berjumlah RM20.97 juta. Bon Pelaksanaan bagi 21 projek lagi hanya dapat direkup sebahagiannya oleh JKR melalui potongan WJP berjumlah RM26.08 juta. Baki Bon Pelaksanaan yang masih tidak dapat direkup berjumlah RM15.77 juta. Berdasarkan 12 Perakuan Muktamad yang telah disediakan, hanya baki Bon Pelaksanaan untuk satu projek berjumlah RM11.13 juta telah dituntut daripada kontraktor manakala tuntutan baki Bon Pelaksanaan bagi 11 projek berjumlah RM1.23 juta tidak dibuat oleh JKR. Bagi 9 projek lagi, tuntutan terhadap baki Bon Pelaksanaan berjumlah RM3.41 juta tidak dapat dipastikan kerana Perakuan Muktamad masih belum disediakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.3
BAKI BON PELAKSANAAN YANG
TIDAK DAPAT DIREKUP SELEPAS PROJEK DIMANSUHKAN

PERKARA	BIL. PROJEK	BAKI BON PELAKSANAAN YANG TIDAK DIREKUP (RM Juta)
Baki Bon Pelaksanaan Yang Telah Dituntut Daripada Kontraktor.	1	11.13
Baki Bon Pelaksanaan Yang Tidak Dituntut Daripada Kontraktor.	11	1.23
Baki Bon Pelaksanaan Tidak Dapat Dipastikan Sama Ada Tuntutan Ada Dibuat Kerana Perakuan Muktamad Tidak Disediakan.	9	3.41
JUMLAH	**21**	**15.77**

Maklum Balas JKR Negeri Selangor Yang Diterima Pada 29 April 2013

Garis Panduan Penamatan Pengambilan Kontraktor yang dikeluarkan pada tahun 2006 tidak menjelaskan secara khusus akan tindakan yang perlu diambil terhadap baki WJP yang tidak dapat dikutip. Bagaimanapun, penambahbaikan kepada garis panduan tersebut telah dibuat di mana baki WJP yang belum dikutip perlu diambil kira dalam Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor berdasarkan Surat Arahan KPKR bertarikh 15 Mac 2013.

Pada pendapat Audit, bagi kontraktor yang memilih WJP dan telah dimansuhkan kontrak pengambilan kerjanya di bawah Fasal 51, syarat-syarat kontrak, JKR hendaklah menuntut baki yang belum direkup daripada kontraktor melalui Perakuan Muktamad bagi menjamin hak Kerajaan dan memastikan Kerajaan tidak mengalami kerugian.

8.5.2. Pelantikan Kontraktor Penyiap

Mengikut Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 7 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009, apabila projek telah ditamatkan, pelantikan kontraktor penyiap hendaklah dilaksanakan secara tender terhad dan pemilihan kontraktor hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit (JKPPS). Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor penyiap bagi 3 projek tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan di mana JKR telah melaksanakan kaedah tender terbuka tanpa merujuk kepada JKPPS untuk kelulusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.4
PELANTIKAN KONTRAKTOR PENYIAP TIDAK MENGIKUT PERATURAN

PROJEK	KONTRAKTOR YANG DITAMATKAN	KONTRAKTOR PENYIAP YANG DILANTIK	TARIKH PELANTIKAN KONTRAKTOR PENYIAP
Membina Dan Menyiapkan Satu Blok Bangunan Rumah Guru (8 Unit) Dan Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan Di SMK Seri Nering Besut, Terengganu (RMKe-9)	Serambi Indah Sdn. Bhd.	Mieza Enterprise	16.09.2009
Membina Dan Menyiapkan Bangunan Sekolah Tambahan Dan Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan Di Sekolah Kebangsaan Bukit Kenak, Besut, Terengganu (RMKe-9)	Sama Pelangi Sdn. Bhd.	M.Sani Construction (M) Sdn. Bhd.	11.12.2012
Menaik Taraf Kemudahan Awam Air Panas La Hulu Besut, Terengganu (Menyiapkan Kerja-kerja Terbengkalai)	Sungai Indah Constructions	Inai Kemas Sdn. Bhd.	Surat Setuju Terima Belum Dikeluarkan

Maklum Balas JKR Negeri Terengganu Yang Diterima Pada 13 Mei 2013

Tiga projek di Terengganu adalah projek sakit yang berlarutan. Penamatan terhadap projek ini telah dibuat tanpa melalui JKPPS kerana kebiasaannya untuk mendapatkan kelulusan penama kontraktor untuk tender terpilih dan mesyuarat untuk membuat keputusan sama ada kontrak ditamatkan atau sebaliknya akan mengambil masa yang lama. Kebiasaannya JKPPS akan membuat keputusan bergantung kepada pengesyoran Pegawai Penguasa.

Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013

JKR Ibu Pejabat telah mengeluarkan Surat Arahan KPKR bertarikh 7 November 2008 yang telah menggariskan keperluan bagi perolehan projek sakit dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit

(JKPPS) oleh Pegawai Penguasa untuk melantik kontraktor penyiap bagi mana-mana projek yang telah ditamatkan. Apa-apa pengecualian berkaitan dengan rujukan ini hanya boleh dibuat oleh pihak Perbendaharaan sahaja. Dalam hal ini, satu surat peringatan akan dikeluarkan kepada Pegawai Penguasa yang tidak mematuhi keperluan ini oleh Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor penyiap hendaklah dibuat mengikut peraturan dan perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit untuk kelulusan.

8.5.3. Penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor

Sebaik sahaja Kerajaan melantik kontraktor baru dan taksiran secara munasabah ke atas kos penyiapan muktamad yang akan ditanggung oleh Kerajaan dapat ditentukan, Pegawai Penguasa hendaklah menyediakan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor (Perakuan Muktamad). Perakuan Muktamad ini antara lainnya menunjukkan Kos Penyiapan Projek dan Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras. Semakan Audit terhadap proses penyediaan Perakuan Muktamad mendapati perkara berikut:

8.5.3.1. Perakuan Muktamad Masih Belum Disediakan/Lewat Disediakan

Mengikut Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga, sebaik sahaja kontraktor baru dilantik, satu penilaian terhadap kos dan/atau kerugian atau kerosakan kepada Kerajaan mesti dibuat dan satu tuntutan ganti rugi dikemukakan terhadap kontraktor. Surat tuntutan tersebut hendaklah dihantar secara Akuan Terima (A.T.) Berdaftar ke alamat terkini kontraktor sebaik sahaja nilai ini diketahui tetapi hendaklah tidak lewat dari 9 bulan selepas kontrak ditamatkan. Satu Perakuan Muktamad yang menyatakan jumlah kos dan/atau kerugian atau ganti rugi yang dituntut terhadap kontraktor hendaklah dikeluarkan. Semakan Audit terhadap 48 projek yang telah dimansuhkan kontraknya mendapati perkara berikut:

a. Setakat bulan Januari 2013, Perakuan Muktamad bagi 16 projek masih belum disediakan walaupun telah melebihi tempoh yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.5
PERAKUAN MUKTAMAD MASIH BELUM DISEDIAKAN

JULAT TEMPOH (Bulan)	BIL. PROJEK
10 – 13	4
14 – 17	5

JULAT TEMPOH (Bulan)	BIL. PROJEK
18 – 21	6
22 – 25	1
JUMLAH	**16**

b. Perakuan Muktamad bagi 29 projek pula telah lewat disediakan antara 4 hingga 44 bulan (**Jadual 8.6**). Kelewatan menyediakan Perakuan Muktamad ini telah menyebabkan JKR lewat membuat tuntutan ganti rugi kepada kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya. Manakala Perakuan Muktamad bagi 3 projek telah disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

JADUAL 8.6
KELEWATAN MENGELUARKAN PERAKUAN MUKTAMAD
KONTRAK YANG DITAMATKAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

JULAT TEMPOH (Bulan)	BIL. PROJEK
4 – 10	18
11 – 20	9
21 – 30	1
31 – 44	1
JUMLAH	**29**

Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Negeri Selangor, JKR Negeri Terengganu, JKR Negeri Perlis, JKR Daerah Batu Pahat) Yang Diterima Pada 29 April 2013, 22, 28 Dan 29 Mei 2013

Perakuan Muktamad masih belum disediakan/lewat disediakan adalah disebabkan oleh:

a. ***kelewatan mengeluarkan SST kepada kontraktor penyiap oleh JKR;***
b. ***kelewatan mengemukakan kos yuran perunding bagi tujuan tender semula oleh perunding juruukur dan kelewatan kelulusan kos yuran perunding tersebut di mana kos perunding diambil kira dalam penyediaan Perakuan Muktamad;***
c. ***kurang kefahaman untuk mengira kos penamatan dan pertukaran pegawai di mana pegawai baru kurang mahir dengan peraturan mengenai projek mansuh;***
d. ***kelewatan perunding juruukur yang dilantik menyediakan perakuan muktamad walaupun surat peringatan telah dikeluarkan kepada perunding tersebut;***

e. kekangan pegawai dan masa di JKR Perlis untuk penyediaan dan pengiraan bagi mendapatkan keseluruhan pelarasan harga kontrak;

f. penangguhan pelaksanaan projek oleh pihak pelanggan; dan

g. kekurangan dan pertukaran pegawai di JKR Besut.

Bagaimanapun, 5 Perakuan Muktamad telah pun disediakan pada bulan April hingga Mei 2013 dan tuntutan juga telah dikemukakan kepada kontraktor yang ditamatkan pengambilan kerjanya.

Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013

Surat Arahan KPKR bertarikh 15 Mac 2013 telah menggariskan keperluan Pegawai Penguasa untuk menyediakan Perakuan Muktamad Bagi Projek Yang Ditamatkan bagi membuat tuntutan (sekiranya ada) terhadap kontraktor yang telah ditamatkan dalam tempoh 9 bulan.

Pada pendapat Audit, Perakuan Muktamad hendaklah disediakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tidak lewat dari 9 bulan selepas kontrak ditamatkan supaya tuntutan ganti rugi daripada kontraktor dapat dibuat dengan lebih awal.

8.5.3.2. Ketidaktepatan Pengiraan Dalam Penyediaan Perakuan Muktamad

Mengikut Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor, sekiranya didapati Kos Penyiapan melebihi Harga Kontrak Asal Terlaras, Perakuan Muktamad hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor berserta dengan satu surat tuntutan terhadapnya untuk membayar kepada Kerajaan perbezaan tersebut yang merupakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan. Semakan Audit terhadap pengiraan jumlah tuntutan ganti rugi yang disediakan oleh JKR mendapati perkara berikut:

a. Kesilapan Potongan Wang Jaminan Pelaksanaan

i. Bagi menentukan Kos Penyiapan, salah satu elemen yang perlu diambil kira ialah jumlah bayaran interim yang telah dibayar kepada kontraktor asal. Bagi kontraktor yang memilih kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP), jumlah bayaran interim yang diambil kira tidak termasuk jumlah WJP yang telah dipotong/ditahan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Perakuan Muktamad yang disediakan bagi 9 projek telah mengambil kira potongan WJP dalam jumlah bayaran interim semasa mengira Kos Penyiapan. Akibatnya, jumlah tuntutan ganti rugi telah terkurang sejumlah RM2.81 juta. Semakan selanjutnya mendapati surat tuntutan ganti rugi telah dikemukakan kepada kontraktor dengan

menunjukkan amaun ganti rugi yang terkurang tuntut sejumlah RM2.81 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.7
BAYARAN INTERIM MENGAMBIL KIRA
JUMLAH POTONGAN WJP DALAM KOS PENYIAPAN

BILANGAN PROJEK	BAYARAN INTERIM YANG DINYATAKAN DI BAWAH KOS PENYIAPAN (RM Juta)	BAYARAN INTERIM YANG SEPATUTNYA DINYATAKAN DI BAWAH KOS PENYIAPAN (RM Juta)	JUMLAH TERKURANG TUNTUT DARIPADA KONTRAKTOR (RM Juta)
9	31.88	34.69	(2.81)

Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Negeri Perlis Dan JKR Daerah Batu Pahat) Yang Diterima Pada 28 Dan 29 Mei 2013

Kesilapan potongan wang jaminan pelaksanaan adalah disebabkan oleh kekeliruan dan kurang pemahaman terhadap format penyediaan Perakuan Muktamad yang dinyatakan dalam Surat Arahan KPKR Bil. 4/2006 di mana Kos Penyiapan dan Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras adalah mengelirukan. Pejabat JKR akan menyediakan semula Perakuan Muktamad. Bagaimanapun, Penasihat Undang-undang telah memaklumkan bahawa tuntutan asal hendaklah dikekalkan.

ii. Bagi 2 projek seperti di **Jadual 8.8**, semakan Audit mendapati berlaku kesilapan dalam pengiraan kos ganti rugi kepada Kerajaan di mana keseluruhan nilai WJP telah ditolak daripada jumlah perbezaan antara Kos Penyiapan dan Harga Kontrak Asal Terlaras. Jumlah yang perlu diambil kira sepatutnya adalah jumlah WJP yang telah dibuat potongan daripada bayaran interim sahaja. Akibat daripada kesilapan ini, jumlah kos ganti rugi yang perlu dibayar oleh kontraktor telah terkurang tuntut sejumlah RM195,457. Semakan Audit selanjutnya mendapati notis tuntutan ganti rugi telah dikemukakan kepada kontraktor tanpa mengambil kira jumlah terkurang tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.8
KESILAPAN MENGAMBIL KIRA JUMLAH WANG JAMINAN PELAKSANAAN

PROJEK	KONTRAKTOR YANG DITAMATKAN	WJP YANG DITOLAK DARIPADA JUMLAH PERBEZAAN ANTARA KOS PENYIAPAN DAN HARGA KONTRAK ASAL TERLARAS		JUMLAH TERKURANG TUNTUT DARIPADA KONTRAKTOR (RM)
		SEPATUT DITOLAK (RM)	SEBENAR DITOLAK (RM)	
Pembinaan Dua Blok Bangunan Tambahan Empat Tingkat Di Sekolah Kebangsaan Oran, Perlis.	Pro Material Ventures Sdn. Bhd.	76,995	185,513	108,518

PROJEK	KONTRAKTOR YANG DITAMATKAN	WJP YANG DITOLAK DARIPADA JUMLAH PERBEZAAN ANTARA KOS PENYIAPAN DAN HARGA KONTRAK ASAL TERLARAS		JUMLAH TERKURANG TUNTUT DARIPADA KONTRAKTOR (RM)
		SEPATUT DITOLAK (RM)	SEBENAR DITOLAK (RM)	
Membina Dan Menyiapkan Dua (2) Blok Bangunan Tambahan Empat (4) Tingkat Di Sekolah Kebangsaan Felda Mata Ayer, Padang Besar Perlis	Emzce Resources Sdn. Bhd.	30,643	117,582	86,939
JUMLAH				**195,457**

Maklum Balas JKR Negeri Perlis Yang Diterima Pada 28 Mei 2013

Pejabat JKR mengakui kesilapan dengan memasukkan jumlah keseluruhan WJP untuk ditolak daripada Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras sedangkan potongan sepenuhnya belum dibuat. Tindakan telah diambil untuk membetulkan jumlah tuntutan tersebut dan menyediakan semula Perakuan Muktamad.

Pada pendapat Audit, JKR perlu menetapkan format pengiraan yang seragam supaya pengiraan tuntutan ganti rugi dibuat dengan betul bagi memastikan Kerajaan tidak mengalami kerugian. Selain itu, JKR juga hendaklah memastikan pegawai yang terlibat dalam penyediaan Perakuan Muktamad diberi latihan dan pendedahan mengenai kaedah pengiraan yang betul supaya kesilapan tidak berlaku lagi.

b. Kesilapan Pengiraan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) Dan LAD Tidak Dikenakan Kepada Kontraktor

Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) akan dikenakan apabila penyiapan kerja didapati telah terlambat dan sebab kelambatan tidak melayakkan kontraktor mendapat lanjutan masa. Kerugian yang dialami oleh Kerajaan daripada kelambatan tersebut adalah ditanggung oleh kontraktor melalui pengenaan LAD. Sebelum LAD dikenakan, Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu. Bagi kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya, tuntutan LAD akan dibuat melalui Perakuan Muktamad iaitu potongan daripada Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras. Semakan Audit terhadap pengiraan LAD di Perakuan Muktamad mendapati perkara seperti berikut:

i. berlaku kesilapan dalam menentukan jumlah LAD yang dikenakan terhadap 3 kontraktor dan kesilapan tersebut telah mengakibatkan jumlah ganti rugi yang dikenakan kepada kontraktor terkurang tuntut sejumlah RM223,644 (**Jadual 8.9**). Pihak Audit juga mendapati surat

tuntutan ganti rugi telah dikemukakan kepada kontraktor terlibat. Selain itu, berlaku kesilapan dalam pengiraan Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras di mana jumlah LAD telah ditambah, walaupun ia sepatutnya ditolak daripada Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras. Kesilapan ini telah mengakibatkan jumlah tuntutan ganti rugi terkurang tuntut daripada 2 kontraktor melibatkan amaun berjumlah RM745,752. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.10**.

JADUAL 8.9
KESILAPAN PENGIRAAN LAD DI PERAKUAN MUKTAMAD

PROJEK	KONTRAKTOR YANG DITAMATKAN	NILAI LAD		
		SEPATUT DIKENAKAN (RM)	SEBENAR DIKENAKAN (RM)	TERKURANG TUNTUT (RM)
Kerja-kerja Pembinaan Blok Gantian Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di SJKC Chong Hwa, Rengit, Batu Pahat, Johor	GCE Kontraktor Sdn. Bhd	180,560	2,960	177,600
Membina Dan Menyiapkan Dua Blok Bangunan Tambahan Di Sekolah Kebangsaan Santan, Perlis	Dewa Bina Sdn. Bhd.	96,127	72,343	23,784
Pembinaan Dua Blok 4 Tingkat Bangunan Sekolah Tambahan, 1 Blok Satu Tingkat Bangunan Pra Sekolah Serta Lain-lain Kerja Berkaitan Di Sekolah Kebangsaan Beseri, Perlis.	Pro Material Ventures Sdn. Bhd.	22,260	0	22,260
JUMLAH		**298,947**	**75,303**	**223,644**

Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Negeri Perlis Dan JKR Daerah Batu Pahat) Yang Diterima Pada 28 Dan 29 Mei 2013

JKR Daerah Batu Pahat mengakui terdapat kesilapan dalam pengiraan LAD. JKR Negeri Perlis juga mengakui berlaku kesilapan dari segi pengiraan bilangan hari yang sepatutnya dikenakan LAD dan kesilapan kerana tidak mengambil kira pemotongan jumlah LAD. Perakuan Muktamad akan disediakan semula setelah mengambil kira jumlah sebenar. Bagaimanapun, pejabat JKR telah dimaklumkan oleh Penasihat Undang-undang bahawa tindakan undang-undang akan diteruskan dengan menggunakan jumlah Perakuan Muktamad yang asal bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.

JADUAL 8.10
KESILAPAN FORMULA BAGI LAD YANG DIKENAKAN KEPADA KONTRAKTOR

PROJEK	KONTRAKTOR YANG DITAMATKAN	FORMULA JUMLAH HARGA KONTRAK ASAL TERLARAS	NILAI LAD TELAH DITAMBAH (RM)	NILAI LAD SEPATUTNYA DITOLAK (RM)	JUMLAH LAD TERKURANG TUNTUT (RM)
Membina Dan Menyiapkan Asrama, Dewan Makan Dan Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, Besut, Terengganu (RMKe-9)	IT Industries Sdn. Bhd.*	Jumlah Harga Kontrak Asal **TAMBAH** Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak **TOLAK** Jumlah Potongan LAD dan Bayaran Lain Yang Dibenarkan Dalam Kontrak	263,028	(263,028)	526,056
Program Menilai/Membaiki/Mengganti Jambatan Di Jalan Persekutuan Di Negeri Johor - Sg. Parit Semerah/Batu Pahat (FT005/147/200) - Sg. Parit Jamil/Muar (FT005/063/300) - Sg. Parit Bulat/Muar (FT005/159/500)	Syarikat Reduan Maidin Sdn. Bhd.*		109,848	(109,848)	219,696
JUMLAH			**372,876**	**(372,876)**	**745,752**

Nota : ***(*) - Kedua-dua Kontraktor Telah Digulung***

Maklum Balas JKR Negeri Terengganu Yang Diterima Pada 22 Mei 2013

Semakan telah dibuat oleh pejabat JKR dan didapati denda sepatutnya ditolak daripada jumlah kontrak asal terlaras, tetapi telah tersilap campur bagi Pengiraan LAD. Perakuan Muktamad Kontrak yang baru telah disediakan semula selepas mengambil kira kesilapan tersebut. Borang Tuntutan Hutang juga akan dikemukakan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia berdasarkan jumlah tuntutan terkini. Bagaimanapun, pejabat JKR telah dimaklumkan oleh Penasihat Undang-undang bahawa tindakan undang-undang akan diteruskan dengan menggunakan jumlah Perakuan Muktamad yang asal bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.

ii. Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad yang telah disediakan oleh JKR Daerah Dungun bagi 2 projek yang dimansuhkan secara Penamatan Bersama menunjukkan baki yang perlu dibayar oleh kontraktor kepada Kerajaan masing-masingnya berjumlah RM428,107 dan RM279,751. Baki ini dimuktamadkan selepas mengambil kira nilai kerja yang perlu dibayar oleh Kerajaan kepada kontraktor dan jumlah LAD yang dikenakan kepada kontraktor. Bagaimanapun, kedua-dua jumlah ini tidak dituntut daripada kontraktor. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.11
BAKI LAD YANG PERLU DIBAYAR OLEH KONTRAKTOR BELUM DITUNTUT

PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH PENAMATAN BERSAMA	NILAI LAD YANG DIKENAKAN (RM)	NILAI KERJA KONTRAKTOR (RM)	BAKI LAD BELUM DITUNTUT (RM)
Cadangan Tambahan 2 Blok Bangunan Sekolah 4 Tingkat Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Durian Mas, Dungun, Terengganu	An-Nur Bersaudara (Terengganu) Sdn. Bhd.	15.07.2010	429,520	(1,413)	428,107
Cadangan Tambahan 2 Blok Bangunan Sekolah 4 Tingkat Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Sekolah Kebangsaan Batu 48, Dungun, Terengganu	129 Builders Sdn. Bhd.	05.07.2010	319,485	(39,734)	279,751
JUMLAH					**707,858**

Maklum Balas JKR Daerah Dungun Yang Diterima Pada 22 Mei 2013

Tuntutan bayaran kontrak yang telah ditamatkan secara penamatan bersama terhadap kedua-dua kontraktor tersebut telah dibuat pada 28 Februari 2013.

Pada pendapat Audit, perkara ini tidak akan berlaku sekiranya semakan yang teliti dibuat terhadap pengiraan LAD sebelum Perakuan Muktamad bagi menuntut ganti rugi dikemukakan kepada kontraktor. Ini penting supaya Kerajaan tidak mengalami kerugian. Selain itu, pendedahan pegawai terhadap penyediaan Perakuan Muktamad yang betul hendaklah diberikan supaya kesilapan yang sama tidak berulang lagi.

8.5.3.3. Kos Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Tidak Dituntut

Mengikut Garis Panduan Penamatan Kerja Kontraktor, tindakan yang perlu diambil selepas kontrak dimansuhkan ialah menutup tapak pembinaan dan melantik khidmat Pengawal Keselamatan 24 jam. Kos perkhidmatan pengawal keselamatan hendaklah dituntut daripada kontraktor yang ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya. Semakan Audit terhadap Perakuan Muktamad yang disediakan mendapati kos perkhidmatan pengawal keselamatan berjumlah RM17,153 tidak dituntut daripada kontraktor terlibat oleh JKR Muar. Surat tuntutan ganti rugi telah dikeluarkan pada 12 Disember 2011 dan 22 Disember 2011 tanpa mengambil kira tuntutan kos perkhidmatan pengawal keselamatan.

Maklum Balas JKR Daerah Muar Yang Diterima Pada 29 Mei 2013

Perakuan Muktamad telah disediakan dengan mengambil kira jumlah tersebut dan telah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang untuk

tindakan tuntutan semula. Bagaimanapun, pejabat JKR dimaklumkan oleh Penasihat Undang-undang bahawa tindakan undang-undang akan diteruskan dengan menggunakan jumlah Perakuan Muktamad yang asal bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.

Pada pendapat Audit, kos perkhidmatan kawalan keselamatan hendaklah dituntut daripada kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

8.5.4. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor Tidak Menyatakan Secara Khusus Sub - Klausa 51, Syarat-syarat Kontrak

Fasal 51, syarat-syarat kontrak telah memperuntukkan kepada Kerajaan hak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor. Kerajaan berhak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor atas 2 sebab kemungkiran oleh kontraktor iaitu kemungkiran menunaikan tanggungjawab dan kemungkiran am. Semakan Audit terhadap Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (Notis) yang telah dikeluarkan oleh JKR kepada 52 kontraktor mendapati Notis bagi 9 kontraktor telah menyatakan secara khusus sebab-sebab penamatan kontrak di bawah sub-klausa 51, syarat-syarat kontrak. Manakala Notis bagi 43 kontraktor hanya menyatakan penamatan kontrak secara am tanpa memberikan sebab-sebab penamatan secara khusus.

Pada pendapat Audit, Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor hendaklah menyatakan secara khusus sub-klausa 51. Pematuhan kepada syarat-syarat kontrak dengan teratur adalah penting untuk mengelakkan kontraktor mencabar kesahihan tindakan penamatan oleh JKR sebagai tidak sah/terbatal.

Maklum Balas JKR Negeri Selangor Yang Diterima Pada 29 April 2013

Penyediaan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor adalah mengikut format seperti di Garis Panduan Penamatan Pengambilan Kontraktor yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya pada tahun 2006. Bagaimanapun, penambahbaikan terhadap penyediaan notis penamatan telah dibuat berdasarkan Arahan KPKR bertarikh 15 Mac 2013 di mana sub klausa khusus syarat-syarat kontrak akan dinyatakan dalam notis penamatan.

8.5.5. Borang Bukti Hutang (Proof Of Debt)

Borang Bukti Hutang adalah dokumen yang menunjukkan jumlah hutang yang ditanggung oleh syarikat kepada seseorang dan borang tersebut hendaklah disokong dengan dokumen yang berkaitan semasa tuntutan dibuat. Sekiranya sesebuah syarikat telah digulung, Borang Tuntutan Hutang hendaklah difailkan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

8.5.5.1. Syarikat Bulker Corporation Sdn. Bhd. telah ditamatkan kontrak bagi Projek Menaik Taraf Laluan Persekutuan 6 Dari Bayan Lepas Ke Balik Pulau, Pulau Pinang, Pakej 2B: Dari Teluk Kumbar Ke Pekan Genting secara Penamatan Bersama pada 8 Oktober 2010. Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad dikeluarkan oleh JKR Pulau Pinang pada 8 April 2011 telah menunjukkan baki muktamad berjumlah RM4.72 juta yang perlu dibayar oleh kontraktor kepada Kerajaan. Baki terhutang kepada Kerajaan ini adalah berpunca daripada lebihan bayaran kepada kontraktor selepas JKR mendapat pengesyoran bayaran daripada perunding Wan Mohamed & Khoo Sdn. Bhd.. Surat tuntutan telah dikemukakan oleh JKR Pulau Pinang kepada kontraktor tersebut pada 22 April 2011 bagi menuntut baki yang perlu dibayar kepada Kerajaan. Selanjutnya didapati syarikat kontraktor telah digulung pada 15 Disember 2011 di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan Borang Bukti Hutang telah dikemukakan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia, Pulau Pinang pada 9 Januari 2013.

Pada pendapat Audit, JKR akan mengalami kesukaran untuk menuntut baki muktamad berjumlah RM4.72 juta ini memandangkan syarikat kontraktor telah digulung. Perkara ini boleh dielakkan sekiranya JKR menyemak bayaran yang disyorkan oleh perunding dengan teliti sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor.

Maklum Balas JKR Negeri Pulau Pinang Yang Diterima Pada 15 Mei 2013

Mengikut amalan, pejabat JKR sememangnya menyemak bayaran yang disyorkan oleh perunding. Pejabat JKR menyedari dan mengetahui lebihan bayaran setelah membuat penyelarasan keseluruhan ke atas semua kerja (item) di dalam kontrak. Di dalam pelaksanaan projek ini, terdapat banyak perubahan reka bentuk dan reka bentuk alternatif yang melibatkan sistem dan kaedah pembinaan yang berbeza. Setelah semakan dan kiraan semula ke atas kadar-kadar harga yang terlibat, didapati ianya melebihi jumlah yang telah dibayar kepada kontraktor.

8.5.5.2. Syarikat FZZ Sdn. Bhd. telah diberi Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor pada 18 Mac 2011 bagi Projek Membina Dan Menyiapkan 2 Blok Bangunan Tambahan 4 Tingkat Di Sekolah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis. JKR Negeri Perlis telah menyediakan Perakuan Muktamad berjumlah RM1.14 juta pada 30 April 2012 dan telah membuat tuntutan kepada kontraktor tersebut pada tarikh yang sama. Bagaimanapun, Syarikat FZZ Sdn. Bhd. telah digulung atas perintah Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 21 September 2010. Walaupun syarikat telah digulung pada tahun 2010, namun tuntutan ganti rugi telah lewat dikemukakan kepada kontraktor kerana jumlah ganti rugi hanya dapat ditentukan setelah Perakuan Muktamad disediakan pada 30 April 2012. Selanjutnya pihak Audit mendapati setakat tarikh pengauditan iaitu pada 25 hingga 30 November 2012, tiada bukti menunjukkan Borang Bukti Hutang telah difailkan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia bagi menuntut jumlah hutang kontraktor kepada Kerajaan.

Maklum Balas JKR Negeri Perlis Yang Diterima Pada 28 Mei 2013

Tindakan mengemukakan Borang Bukti Hutang kepada Jabatan Insolvensi masih tidak dibuat. Pejabat JKR akan mengambil tindakan selanjutnya dengan mendapatkan pandangan dan maklumat berkaitan. Bagaimanapun, pejabat ini telah mengemukakan surat kepada Jabatan Insolvensi bagi permohonan format borang dan lain-lain prosedur pada 22 Februari 2013.

Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013

Perkara ini akan dirujuk kepada Penasihat Undang-undang untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, JKR perlu membuat carian di Jabatan Insolvensi Malaysia sebaik sahaja Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dikeluarkan sebagai langkah penambahbaikan. JKR juga perlu memaklumkan kepada Penasihat Undang-undang untuk mendapatkan nasihat berhubung tindakan selanjutnya yang perlu diambil.

8.5.6. Kelemahan Dalam Proses Mengeluarkan Surat Peringatan Kepada Kontraktor

Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah menetapkan bahawa Perakuan Muktamad dan surat tuntutan ganti rugi hendaklah dikemukakan kepada kontraktor supaya membayar kepada Kerajaan sekiranya Kos Penyiapan melebihi Harga Kontrak Asal Terlaras. Surat tuntutan tersebut hendaklah dihantar secara Akuan Terima Berdaftar ke alamat terkini kontraktor sebaik sahaja nilai ini diketahui tetapi tidak lewat dari 9 bulan selepas kontrak ditamatkan. Surat

peringatan pertama hendaklah dikeluarkan sekiranya tidak ada tindakan/maklum balas diterima daripada pihak kontraktor dalam tempoh 2 minggu dari tarikh tuntutan tersebut. Surat peringatan ini hendaklah dihantar sebanyak 3 kali iaitu setiap satu hingga 2 minggu sekali. Sekiranya tiada sebarang tindakan/maklum balas daripada kontraktor selepas 3 surat peringatan dihantar, perkara ini hendaklah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Kerja Raya bagi projek-projek Persekutuan atau Penasihat Undang-undang di negeri bagi projek-projek Negeri untuk tindakan selanjutnya. Semakan Audit mendapati urusan pengeluaran surat peringatan kurang teratur seperti butiran berikut:

8.5.6.1. surat tuntutan ganti rugi telah dikeluarkan kepada 12 kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya. Bagaimanapun, surat peringatan pertama lewat dikemukakan kepada kontraktor selepas tiada tindakan atau maklum balas daripada pihak kontraktor dalam tempoh 2 minggu dari tarikh surat tuntutan. Kelewatan adalah antara 16 hingga 146 hari; dan

8.5.6.2. surat tuntutan ganti rugi telah dikeluarkan kepada 10 kontraktor yang telah ditamatkan kontrak pengambilan kerjanya. Bagaimanapun, terdapat kes di mana surat peringatan pertama, kedua dan ketiga serta surat kepada Penasihat Undang-undang tidak disediakan seperti butiran di jadual berikut:

JADUAL 8.12
SURAT PERINGATAN TIDAK DIKELUARKAN KEPADA KONTRAKTOR

JENIS SURAT	JUMLAH SURAT PERINGATAN
Surat Tuntutan	10/10
Surat Peringatan 1	7/10
Surat Peringatan 2	0/10
Surat Peringatan 3	0/10
Surat Kepada Penasihat Undang-undang	5/10

Pada pendapat Audit, surat peringatan kepada kontraktor bagi menuntut ganti rugi perlu dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan. Sekiranya tiada maklum balas daripada kontraktor, perkara ini hendaklah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang supaya tindakan susulan yang sewajarnya dapat diambil dengan segera bagi menuntut ganti rugi tersebut.

Maklum Balas Pejabat JKR Terlibat (JKR Negeri Selangor, JKR Negeri Terengganu Dan JKR Daerah Batu Pahat) Yang Diterima Pada 29 April 2013, 22 Dan 29 Mei 2013

Pejabat JKR mengambil maklum dan akan memastikan pada masa hadapan surat peringatan pertama kepada kontraktor yang ditamatkan pengambilan kerjanya dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan.

Maklum Balas Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat JKR Yang Diterima Pada 1 Julai 2013

Ibu Pejabat JKR telah mengeluarkan Surat Arahan KPKR bertarikh 15 Mac 2013 yang menggariskan keperluan Pegawai Penguasa menyediakan 2 bilangan surat amaran kepada kontraktor selepas tuntutan berdasarkan Perakuan Muktamad Bagi Kontraktor Yang Ditamatkan dikemukakan kepada kontraktor. Selepas itu, sekiranya kontraktor masih gagal membayar maka rujukan selanjutnya hendaklah dibuat kepada Penasihat Undang-undang.

8.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi di masa hadapan, adalah disyorkan supaya JKR mengambil tindakan seperti berikut:

8.6.1. memastikan tuntutan terhadap baki bayaran balik Wang Pendahuluan dibuat sebelum tarikh luput jaminan supaya Kerajaan tidak mengalami kerugian;

8.6.2. memastikan baki Wang Jaminan Pelaksanaan dituntut daripada kontraktor bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan;

8.6.3. memastikan pelantikan kontraktor penyiap dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan iaitu secara tender terhad;

8.6.4. memastikan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor disediakan dalam tempoh yang ditetapkan;

8.6.5. memastikan segala kos yang terlibat diambil kira dalam membuat tuntutan daripada kontraktor yang telah ditamatkan seperti yang telah ditetapkan dalam peraturan;

8.6.6. memberi latihan yang bersesuaian kepada pegawai yang terlibat dalam urusan penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor; dan

8.6.7. memastikan surat peringatan tuntutan ganti rugi dikeluarkan kepada kontraktor mengikut tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 59-70 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

9. JABATAN LAUT MALAYSIA

- PROJEK PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN/MENAIK TARAF JETI PENUMPANG DAN GUNA SAMA

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Jabatan Laut Malaysia (JLM) bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar, perancangan, penyelidikan dan penyelarasan dalam hal-hal yang berkaitan dengan laut termasuk pembangunan pelabuhan, industri perkapalan, pelesenan kapal dalam negeri dan hal ehwal pelaut. Sehingga 31 Disember 2012, JLM mempunyai 46 jeti/terminal di seluruh Malaysia yang antaranya terdiri dari jeti penumpang, kargo, dermaga merdeka, marina dan latihan.

9.1.2. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), peruntukan berjumlah RM84.51 juta telah diluluskan untuk melaksanakan 12 projek pembinaan dan pembaikan/menaik taraf jeti penumpang dan guna sama serta kargo JLM (Projek Jeti) melibatkan 8 negeri. Tujuan Projek Jeti ini adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna yang menggunakan jeti. Skop kerja Projek Jeti antaranya melibatkan kerja memperbaharui dan membaik pulih, mekanikal dan elektrik, kerja mengecat tempat letak kenderaan berbumbung dan sebagainya. Sebanyak 12 kontraktor telah dilantik secara tender terbuka dan pelaksanaan projek secara konvensional dengan kos keseluruhan bernilai RM49.41 juta. Pegawai Penguasa (SO) bagi Projek Jeti ialah Ketua Pengarah Laut, JLM dan bagi memantau pelaksanaan projek serta menjaga kepentingan Kerajaan, sebanyak 9 perunding telah dilantik melalui tender terhad dengan kos RM9.14 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.1
PROJEK PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN/MENAIK TARAF JETI PENUMPANG DAN GUNA SAMA SERTA KARGO JLM DI BAWAH RMKe-9

PROJEK	KONTRAKTOR	TEMPOH	KOS (RM Juta)	NAMA PERUNDING	KOS PERUNDING (RM Juta) *
Jeti Kuah, Langkawi Kedah	Glokal Bina Sdn. Bhd.	25.06.2008 - 21.01.2009	3.69	Perunding Azman, Ooi & Rao Sdn. Bhd.	2.64
Jeti Kuala Perlis	Che Ani Harun Sdn. Bhd.	21.08.2008 - 02.04.2009	4.57		
Jeti Kargo Kuala Kedah	Yakin Ramah Sdn. Bhd.	12.01.2009 - 14.12.2009	4.25	Perunding Inovasi	0.96
Jeti Sungai Pinang Besar, Jeti Kampung Acheh Dan Jeti Bagan Datoh, Perak	Sari Najah Sdn. Bhd.	01.12.2008 - 10.08.2009	3.57	Pakatan Runding Zain Spencer Sdn. Bhd.	0.44

PROJEK	KONTRAKTOR	TEMPOH	KOS (RM Juta)	NAMA PERUNDING	KOS PERUNDING (RM Juta) *
Jeti Pulau Ketam Dan Sungai Lima Serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah	Cahaya Berlian Sdn. Bhd.	03.01.2008 - 23.10.2008	4.48	HICE Engineering Services Sdn. Bhd.	0.60
Jeti Johor Bahru Dan Muar, Johor	Gain Tower (M) Sdn. Bhd.	25.02.2008 - 14.07.2008	4.15	SBB Perunding Sdn. Bhd.	2.07
Jeti Tanjung Pelepas, Johor	Kahfi Development Sdn. Bhd.	24.06.2008 - 03.02.2009	4.16		
Jeti Kargo Di Rompin, Pahang	Prinsip Empayar (M) Sdn. Bhd.	23.06.2008 - 18.05.2009	3.96	SRH Sdn. Bhd.	0.72
Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu	Sari Najah Sdn. Bhd.	26.06.2008 - 12.02.2009	4.08	Mesh Engineers Sdn. Bhd.	0.15
Jeti Dermaga Merdeka, W.P. Labuan	Mahir Jutabina Sdn. Bhd.	08.07.2008 - 17.03.2009	3.77	ZnK Consult	1.03
Jeti Ro-Ro Dan Barter Trade Di W.P. Labuan	Hassan Development Company Sdn. Bhd.	12.01.2009 - 11.01.2010	4.50		
Jeti Pulau Tioman, Pahang	Gain Tower (M) Sdn. Bhd.	20.05.2009 - 20.07.2010	4.23	Nusajasa Sdn. Bhd.	0.53
JUMLAH			**49.41**		**9.14**

Nota : (*) - Tidak Termasuk 5% Cukai Perkhidmatan

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Jeti telah dirancang dan diuruskan dengan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

9.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap 7 Projek Jeti di 9 lokasi bagi tempoh tahun 2006 hingga 2012. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat, JLM (Klang, Selangor) dan 4 zon iaitu Jabatan Laut Wilayah Tengah (Pulau Ketam dan Klang, Selangor), Selatan (Muar, Johor Bahru dan Tanjung Pelepas, Johor), Utara (Perlis, Langkawi dan Kuala Kedah) dan Timur (Terengganu).

9.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen di Jabatan/ Agensi berkaitan. Lawatan ke tapak lokasi Projek Jeti dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan/Agensi yang terlibat turut dijalankan.

9.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2012 hingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhannya Projek Pembinaan dan Pembaikan/Naik Taraf Jeti adalah memuaskan dan kesemua projek telah siap sepenuhnya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

i. sebanyak 7 Projek Jeti gagal disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan lanjutan masa bagi 3 projek jeti telah lewat diluluskan antara 9 hingga 42 hari selepas tamat tempoh kontrak;

ii. sebanyak 2 Akaun Muktamad belum disediakan dan lewat antara 24 bulan hingga 28 bulan 11 hari. Manakala, 3 Akaun Muktamad telah disediakan namun lewat antara 9 hari hingga 17 bulan 13 hari;

iii. terdapat kerosakan/keusangan binaan/kemudahan yang telah siap di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah dan Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu;

iv. sebahagian kemudahan di Jeti Kuala Perlis yang telah siap dibina oleh JLM bernilai RM0.75 juta telah diruntuhkan untuk dibina semula bagi kerja menaik taraf oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dan tapak projek tidak diurus dengan teratur oleh kontraktor/JKR;

v. di Jeti Kargo Kuala Kedah, terdapat pengusaha kargo telah meletakkan pelantar untuk memindahkan barang kargo ke atas baj dan menyebabkan berlaku keretakan pada tebing *jetty head;*

vi. kelodak dan air surut menyebabkan paras kedalaman air tidak sesuai untuk feri berlabuh di Jeti Kuala Perlis dan mengganggu jadual perjalanan feri;

vii. kutipan hasil JLM bagi Jeti Kuah telah menurun antara 7.5% hingga 14.9% manakala bagi Jeti Kuala Perlis, kutipan hasil telah menurun 6.9% pada tahun 2011 tetapi meningkat 3.7% pada tahun 2012;

viii. kos penyenggaraan Jeti Kuah, Kedah adalah amat tinggi berbanding hasil yang diperoleh dan peratusan perbezaan kos penyenggaraan berbanding hasil dari tahun 2010 hingga 2012 menunjukkan peningkatan antara 219.2% hingga 348.6%. Manakala perbezaan kos penyenggaraan berbanding hasil bagi Jeti Kuala Perlis semakin meningkat dari -17.2% hingga 3.6%;

ix. Jeti Pulau Ketam dan Jeti Sungai Lima tidak disenggarakan dengan memuaskan manakala di Jeti Kuah terdapat beberapa kemudahan memerlukan penyenggaraan; dan

x. tiada sebarang notis penamatan/pembatalan kontrak perunding bagi 2 projek jeti iaitu Jeti Tanjung Lembong dan Jeti Batu Uban.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Jabatan Laut Malaysia adalah seperti di perenggan berikut:

9.5.1. Prestasi Projek

9.5.1.1. Prestasi Fizikal

a. Secara keseluruhan, semua 7 Projek Jeti yang diaudit gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan 7 lanjutan masa diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja Kementerian Pengangkutan antara 40 hingga 120 hari. Adalah didapati 3 daripada 7 lanjutan masa telah lewat diluluskan antara 9 hingga 42 hari selepas tamat tempoh kontrak. Butiran kontrak dan alasan lanjutan masa adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.2
PROJEK JETI YANG DILULUSKAN LANJUTAN MASA

PROJEK	TARIKH SEPATUT SIAP	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari)	TARIKH LANJUTAN MASA DILULUSKAN	KELEWATAN LANJUTAN MASA DILULUSKAN (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA	TARIKH SIAP SEBENAR
Jeti Johor Bahru dan Muar, Johor	14.07.2008	43	07.08.2008	24	Kelambatan memberi milik Tapak Bina Jeti Guna Sama di Sg. Muar.	27.11.2008
Jeti Tanjung Pelepas, Johor	03.02.2009	110	09.01.2009	Tiada	i. Kelambatan memberi milik Tapak Bina Jeti Tambahan. ii. Tiada *As-Built Drawing* cerucuk jeti sedia ada untuk rujukan.	24.05.2009
Jeti Kargo Kuala Kedah	14.12.2009	40	23.12.2009	9	i. Kerja-kerja pengukuhan struktur *sheet piled wall* sedia ada. ii. Keadaan cuaca/hujan lebat di luar jangkaan.	23.01.2010
Jeti Kuala Perlis	02.04.2009	60	14.05.2009	42	Pembinaan tandas lelaki dan perempuan secara berperingkat.	25.05.2009
Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah	23.10.2008	120	06.10.2008	Tiada	i. Perubahan pada reka bentuk cerucuk. ii. Keruntuhan jeti pemantau berusia hampir 40 tahun. iii. Keadaan tapak bina yang agak sempit. iv. Struktur dan karakter tanah sedia ada yang sangat lembut menyebabkan kerja-kerja pembinaan untuk Stor, Rumah Pam, Tangki Diesel dan sebagainya tidak dapat dijalankan. v. Harga bahan binaan yang meningkat.	31.12.2010
Jeti Kuah, Langkawi, Kedah	21.06.2009	120	09.01.2009	Tiada	i. Kerja menguatkan dawai besi konkrit yang telah berkarat. ii. Kerja memperbaharui tangki septik sedia ada dan memasang paip jenis UPVC.	14.05.2009
Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu	12.02.2009	65	09.01.2009	Tiada	Kerja pembaikan, perlindungan dan penyenggaraan pada jambatan hala tuju, jeti dan Bangunan Operasi Maritim.	17.04.2009

b. Kontraktor hendaklah membayar atau memberikan kepada Kerajaan suatu jumlah wang yang dikira mengikut kadar yang dinyatakan sebagai Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan selama tempoh kerja tidak siap. Semakan Audit mendapati 2 projek iaitu Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah dan Jeti Johor Bahru dan Muar gagal disiapkan dalam tempoh lanjutan masa. Kedua-dua projek ini telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM0.33 juta dan RM13,245 masing-masingnya.

c. Sekiranya kontraktor tidak memperbaiki kecacatan yang di senarai di dalam Jadual Kecacatan semasa Tempoh Liabiliti Kecacatan, kecacatan tersebut boleh diperbaiki dan kos yang terlibat hendaklah dipotong dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau dari Bon Pelaksanaan. Semakan Audit mendapati kontraktor bagi projek Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah telah gagal membaiki 7 kecacatan yang disenaraikan. Pada 20 April 2012, JLM telah mengeluarkan Notis Kegagalan Membaiki Kecacatan kepada Cahaya Berlian Sdn. Bhd.. Pada 8 Oktober 2012, JLM telah melantik Shaharuddin Trading And Service bagi menjalankan kerja pembaikan tersebut dengan kos RM65,500.

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Pada masa hadapan JLM akan memastikan proses pelanjutan masa dipertimbangkan semasa tempoh sah laku kontrak masih berkuat kuasa iaitu 3 bulan sebelum kontrak tamat. Pihak JLM telah mengenakan LAD kepada kontraktor 2 projek ini disebabkan kegagalan kontraktor menyiapkan kerja dalam tempoh lanjutan masa. Bagi projek Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah, kontraktor telah gagal membaiki kecacatan dalam tempoh tanggungan kecacatan yang ditetapkan, maka selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 2 Tahun 2011, Bon Pelaksanaan projek tersebut yang berjumlah RM111,903.64 telah dirampas dan dikreditkan ke dalam Akaun Hasil Denda dan Rampasan. Kerja pembaikan kecacatan ini telah dilaksanakan menggunakan peruntukan Pembangunan sedia ada.

Pada pendapat Audit walaupun kesemua Projek Jeti tersebut dapat disiapkan setelah mengambil kira lanjutan masa, JLM perlu membuat pemantauan yang lebih berkesan bagi memastikan kerja disiapkan dengan sempurna untuk projek pada masa hadapan.

9.5.1.2. Prestasi Kewangan

a. Di bawah RMKe-9, peruntukan kewangan berjumlah RM36.26 juta telah diluluskan untuk melaksanakan 7 Projek Jeti yang dipilih. Selain peruntukan ini, JLM juga telah diluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM19.05 juta menjadikan keseluruhan peruntukan berjumlah RM55.31 juta. Sehingga 31 Disember 2012, nilai kontrak keseluruhan telah meningkat daripada RM29.38 juta kepada RM44.34 juta disebabkan Arahan Perubahan Kerja, Perubahan Kadar Harga dan Perubahan Bilangan Kuantiti. Selain daripada nilai kontrak baru ini, JLM juga melakukan perbelanjaan lain seperti kos perunding, IKRAM (soil investigation) dan pengambilan/pemberimilikan tanah berjumlah RM10.18 juta menjadikan jumlah perbelanjaan keseluruhan adalah RM54.52 juta. Butiran peruntukan dan perbelanjaan setakat 31 Disember 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2012

PROJEK	HARGA KONTRAK ASAL (RM Juta)	*HARGA KONTRAK BARU (RM Juta)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)			PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)			PERATUS PERBELANJAAN (%)
			ASAL	TAMBAHAN	BARU	KONTRAK	PELBAGAI	JUMLAH	
Jeti Kuah, Langkawi, Kedah	3.69	7.74	6.39	3.60	9.99	7.74	2.25	9.99	100.0
Jeti Kuala Perlis	4.57	8.39	6.38	2.48	8.86	8.39	0.47	8.86	100.0
Jeti Kargo Kuala Kedah	4.25	7.17	3.08	5.94	9.02	7.17	1.85	9.02	100.0
Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah	4.48	5.28	5.16	2.14	7.30	5.28	1.95	7.23	99.0
Jeti Johor Bahru dan Muar, Johor	4.15	4.56	5.58	1.25	6.83	4.56	2.16	6.72	98.4
Jeti Tanjung Pelepas, Johor	4.16	4.56	3.90	2.46	6.36	4.56	1.19	5.75	81.4
Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu	4.08	6.64	5.77	1.18	6.95	6.64	0.31	6.95	100.0
JUMLAH	**29.38**	**44.34**	**36.26**	**19.05**	**55.31**	**44.34**	**10.18**	**54.52**	**98.6**

Nota : ***(*) - Termasuk Arahan Perubahan Kerja, Perubahan Kadar Harga Dan Perubahan Bilangan Kuantiti***

b. Analisis Audit juga mendapati 4 Projek Jeti di Kuah, Langkawi; Kuala Perlis, Kuala Kedah dan Kuala Terengganu telah mengalami peningkatan harga yang ketara antara 62.7% hingga 109.8% daripada harga kontrak asal. Semakan lanjut terhadap peningkatan kos tersebut mendapati 51.6% hingga 100% kenaikan berpunca daripada Perubahan Bilangan Kuantiti (remeasurement). Perubahan Bilangan Kuantiti ini melibatkan tambahan

kerja pembaikan terhadap kerosakan komponen sedia ada kerana kerosakan sebenar hanya dapat dikenal pasti semasa projek dilaksanakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.4
KENAIKAN HARGA KONTRAK BERBANDING HARGA ASAL DAN PERUBAHAN BILANGAN KUANTITI YANG DIUKUR SEMULA

PROJEK	HARGA KONTRAK ASAL (RM Juta) (a)	HARGA KONTRAK BARU (RM Juta) (b)	PENINGKATAN KOS (RM Juta) [(b) – (a)] (c)	PENINGKATAN KOS (%) [(c)/(a) x 100] (d)	PERUBAHAN BILANGAN KUANTITI (RM Juta) (e)	KENAIKAN PERUBAHAN BILANGAN KUANTITI (%) [(e)/(d) x 100]
Jeti Kuah, Langkawi, Kedah	3.69	7.74	4.05	109.8	2.95	72.8
Jeti Kuala Perlis	4.57	8.39	3.82	83.6	2.85	74.6
Jeti Kargo Kuala Kedah	4.25	7.17	2.92	68.7	2.92	100.0
Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu	4.08	6.64	2.56	62.7	1.32	51.6
JUMLAH	**16.59**	**29.94**	**13.35**	**80.5**	**10.04**	**75.2**

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Oleh sebab 4 Projek Jeti di Kuah, Langkawi; Kuala Perlis, Kuala Kedah dan Kuala Terengganu ini digunakan oleh orang awam pada setiap masa, pihak perunding yang dilantik tidak dapat melaksanakan pemeriksaan secara destructive defect mapping test bagi membolehkan proses reka bentuk lukisan tender dan Bill of Quantity dimuktamadkan. Walaupun dapat memberikan anggaran kos yang lebih tepat, pemeriksaan secara destructive defect mapping test membabitkan kos yang tinggi, mengambil masa yang lama dan mengganggu operasi di jeti kerana jeti terpaksa ditutup sementara pemeriksaan dijalankan. Penutupan sementara ini tidak boleh dilakukan kerana ia akan menyebabkan gangguan kepada keselesaan pengguna jeti dan perjalanan penumpang feri yang tidak dapat diteruskan.

Oleh itu, pihak perunding telah melaksanakan kerja pemeriksaan tahap kerosakan jeti secara visual bagi memuktamadkan reka bentuk lukisan tender dan Bill of Quantity ini. Pemeriksaan secara visual ini tidak dapat menentu sahkan tahap kerosakan sebenar struktur jeti secara tepat. Tahap kerosakan sebenar hanya dapat ditentukan setelah kontraktor yang dilantik melaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut. Bagi mengurangkan peningkatan kos secara jangka panjang, JLM akan meningkatkan kerja-kerja selenggaraan secara berkala dan efektif. Ini akan mengurangkan kerosakan struktur jeti.

Pada pendapat Audit, kelemahan di dalam perancangan projek menyebabkan berlakunya peningkatan kos semasa kerja dilaksanakan.

9.5.2. Pengurusan Projek

9.5.2.1. Pengurusan Akaun Muktamad

Mengikut kontrak, Akaun Muktamad disediakan dan dikeluarkan tidak lewat dari 3 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) atau selepas dikeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan mengikut mana yang terkemudian. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2012 terdapat 2 Akaun Muktamad masih belum disediakan dan kelewatan adalah antara 24 bulan hingga 28 bulan 11 hari. Manakala, 3 Akaun Muktamad lewat disediakan antara 9 hari hingga 17 bulan 13 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.5
KELEWATAN PENYEDIAAN AKAUN MUKTAMAD SETAKAT 31 DISEMBER 2012

PROJEK	TARIKH PERAKUAN SIAP MEMBAIKI KECACATAN	TARIKH AKAUN MUKTAMAD	TARIKH AKAUN MUKTAMAD SEPATUTNYA DISEDIAKAN (3 Bulan)	KELEWATAN
Jeti Kuah, Langkawi, Kedah	01.10.2010	Belum Disediakan	01.01.2011	24 Bulan
Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu	20.05.2010	Belum Disediakan	20.08.2010	28 Bulan 11 Hari
Jeti Kargo Kuala Kedah	15.06.2012	12.07.2012	15.09.2012	Tiada Kelewatan
Jeti Johor Bahru Dan Muar, Johor	26.02.2010	08.11.2011	26.05.2010	17 Bulan 13 Hari
Jeti Tg. Pelepas, Johor	24.08.2010	13.12.2010	24.11.2010	18 Hari
Jeti Pulau Ketam dan Sg. Lima serta Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah	22.11.2012	21.01.2013	23.02.2013	Tiada Kelewatan
Jeti Kuala Perlis	06.09.2010	15.12.2010	06.12.2010	9 Hari

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Bagi projek Jeti Kuah, Langkawi, perunding sepatutnya menyediakan Akaun Muktamad pada 1 Januari 2011. Bagaimanapun, perunding gagal mengemukakan Akaun Muktamad pada tarikh tersebut. JLM telah berusaha untuk mendapatkan Akaun Muktamad daripada perunding melalui e-mel dan surat peringatan tetapi gagal. Sehubungan itu, pihak JLM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan Akaun Muktamad tersebut pada Jun 2013 dan dijangka selesai pada bulan Julai 2013.

Bagi projek Jeti Pulau Kambing, perunding sepatutnya menyediakan Akaun Muktamad pada 20 Ogos 2010. Bagaimanapun, kegagalan perunding mengemukakan akaun tersebut menjelang tarikh tersebut

menyebabkan Akaun Muktamad tidak dapat disediakan. Pihak JLM juga telah berusaha untuk mendapatkan Akaun Muktamad daripada perunding melalui e-mel serta surat peringatan dan pihak perunding telah mengemukakan Akaun Muktamad pada 12 Jun 2013 dan dijangka selesai pada bulan Julai 2013. Laporan mengenai kegagalan perunding menyediakan Akaun Muktamad dalam tempoh ditetapkan telah dilampirkan kepada Kementerian Kewangan.

9.5.2.2. Pengambilan Balik Tanah Di Jeti Johor Bahru

a. Sebahagian tanah yang menempatkan Pejabat JLM di Johor Bahru telah terlibat dengan Projek Menaik Taraf Jalan Skudai-Abu Bakar yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Pada bulan November 2008, pengambilan balik tanah oleh IRDA yang melibatkan JLM telah diwartakan. **Semakan Audit mendapati sehingga 28 Februari 2013, pengambilan tanah bernilai RM2.8 juta melibatkan tanah dan struktur binaan masih belum diselesaikan oleh pihak IRDA.**

b. Berdasarkan minit mesyuarat bertarikh 16 Julai 2010, JLM telah bersetuju dengan lokasi tanah gantian di PTB 22056 HSD 44608 Mukim Bandar Johor Bahru memandangkan ia terletak di kawasan yang berdekatan dengan tanah dan bangunan milik JLM yang dilepaskan kepada IRDA. IRDA akan menyerahkan tanah gantian tersebut kepada JLM dengan nilai RM2.8 juta termasuk struktur binaan. Kos-kos berkaitan seperti yuran juruukur perunding, bayaran pendaftaran permohonan tanah, bayaran pampasan, bayaran kajian penilaian kesan alam sekitar dan lain-lain perlu ditanggung oleh IRDA. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada wujud perjanjian antara JLM dan IRDA berkaitan persetujuan tersebut kerana sehingga ke tarikh pengauditan ia masih tidak diselesaikan.

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

i. Minit Mesyuarat bertarikh 16 Julai 2010 telah menyatakan persetujuan IRDA untuk menyerahkan tanah gantian kepada JLM dengan nilai sebanyak RM2.8 juta termasuk struktur binaan. IRDA juga akan bertanggungjawab menanggung kos-kos berkaitan seperti yuran juruukur perunding, bayaran pendaftaran permohonan tanah, bayaran pampasan, bayaran kajian penilaian kesan alam sekitar dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Mesyuarat turut dihadiri oleh pegawai dari Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG) Negeri Johor, Pejabat Tanah Dan Galian Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Pejabat Tanah Johor Bahru, Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri Johor, selain

pegawai dari IRDA dan Iskandar Waterfront Development Sdn. Bhd. (IWD).

ii. *Berdasarkan kepada keputusan mesyuarat ini, tindakan bagi maksud pertukaran tanah JLM dengan tanah gantian telah pun dimulakan oleh JKPTG Johor di mana satu lawatan tapak telah diadakan dan didapati kerja-kerja penambakan tanah masih dijalankan dan dijangka mengambil masa selama 3 tahun. Perkara ini dinyatakan di dalam borang pengesahan status dan laporan tanah bagi tapak gantian JKPTG Johor pada 3 Ogos 2010.*

iii. *Susulan daripada borang pengesahan status dan laporan tanah JKPTG berkenaan, pada 10 Ogos 2010, JLM telah mengemukakan permohonan tanah Kerajaan (gantian) kepada Kementerian. Pada 17 Ogos 2010, Kementerian mengemukakan permohonan tanah Kerajaan (gantian) kepada JKPTG Putrajaya.*

iv. *Bagi maksud melaksanakan keputusan pertukaran tanah seperti dalam keputusan mesyuarat pada 16 Julai 2010, JLM telah menghantar surat kepada JKPTG bertarikh 14 Jun 2013 memohon pelaksanaan satu perjanjian ditandatangani antara JKPTG dengan IRDA.*

9.5.3. Kerja Siap Yang Telah Rosak/Usang

9.5.3.1. Jeti Kuah, Langkawi, Kedah

Di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah mendapati binaan/kemudahan yang telah disiapkan mengalami kerosakan antaranya siling pecah, papan suis tiada penutup serta lantai dan tiang pecah. Keadaannya adalah seperti di **Gambar 9.1** hingga **9.4**.

GAMBAR 9.1



Bangunan Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Papan Suis Tiada Penutup
(17.12.2012)

GAMBAR 9.2



Bangunan Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Siling Di Laluan Bangunan Jeti Yang Pecah
(17.12.2012)

GAMBAR 9.3



Bangunan Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Lantai Yang Telah Pecah Ditampal Semula
(17.12.2012)

GAMBAR 9.4



Bangunan Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Tiang Di Jeti A Yang Rosak
(17.12.2012)

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Selepas projek pembaikan jeti disiapkan pada tahun 2009, beberapa kerosakan telah dikenal pasti seperti siling pecah disebabkan lokasi yang terletak di tepi laut dan terdedah kepada angin kencang serta lantai dan tiang pecah kerana penggunaan troli oleh penumpang.

Selaras dengan Blueprint Pelancongan Langkawi, Unit Perancang Ekonomi pada bulan Mac 2012 telah menetapkan bahawa JKR akan menjadi Agensi Pelaksana bagi Projek Naik Taraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru Kuah, Langkawi.

Kesemua kerosakan ini telah diambil kira di dalam penyediaan skop dan reka bentuk oleh JKR. Projek ini dirancang akan dilaksanakan pada bulan September 2013 dan dijadualkan siap pada bulan Julai 2015.

9.5.3.2. Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu

Di Jeti Pulau Kambing, Kuala Terengganu mendapati binaan telah mengalami kerosakan/keusangan akibat daripada faktor cuaca seperti siling bangunan telah tercabut, susur tangan (stainless steel) telah berkarat dan cat dinding bangunan pudar/luntur. Selain itu, terdapat lubang di lantai Menara, Bangunan Operasi Maritim. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan punca lubang ini terjadi. Keadaannya adalah seperti di **Gambar 9.5** hingga **9.9**.

GAMBAR 9.5



GAMBAR 9.6




Bangunan Operasi Maritim, Jeti Pulau Kambing
- Siling Yang Telah Tercabut
(26.12.2012)

GAMBAR 9.7



Bangunan Operasi Maritim, Jeti Pulau Kambing
- Lubang Di Lantai Bangunan Menara
(26.12.2012)

GAMBAR 9.8



Bangunan Operasi Maritim, Jeti Pulau Kambing
- Susur Tangan Di Tangga Telah Berkarat
(26.12.2012)



GAMBAR 9.9

Bangunan Operasi Maritim, Jeti Pulau Kambing
- Cat Dinding Yang Telah Pudar/Luntur
(26.12.2012)

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Kerosakan cat dinding tidak dapat dielakkan kerana kedudukan jeti yang terdedah dengan cuaca manakala punca lantai berlubang tidak dapat dikenal pasti, JLM sedang memperbaiki lubang tersebut bermula bulan Ogos 2012 dan dijangka siap pada bulan September 2013.

9.5.4. Pengurusan Jeti

9.5.4.1. Jeti Kuah, Langkawi, Kedah

a. Projek menaik taraf Jeti Kuah, Langkawi yang telah siap pada 14 Mei 2009 boleh menampung sehingga 4.1 juta orang penumpang setahun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pada tahun 2012, jeti ini telah mengendalikan purata 4.2 juta orang penumpang setahun. Bagi mengendalikan operasi jeti, Pejabat Laut Kuah mempunyai kakitangan seramai 24 orang yang diketuai oleh Pembantu Laut, Gred A22. Disebabkan kekangan kakitangan, khidmat pengawal keselamatan swasta iaitu Leo Force And Services dengan kos RM200,568.96 setahun telah digunakan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati khidmat pengawal keselamatan ini masih tidak dapat membantu mengawal kesesakan di jeti tersebut.

b. Hasil lawatan Audit di Jeti Kuah, Langkawi pada 17 Disember 2012, mendapati semasa cuti sekolah atau cuti umum jeti tersebut sesak dengan penumpang terutama di tempat menunggu dan ruang legar di jeti tersebut seperti di gambar berikut:

GAMBAR 9.10



Jeti Kuah, Langkawi
- Sesak Dengan Penumpang
Yang Hendak Menaiki Feri
(17.12.2012)

GAMBAR 9.11



Jeti Kuah, Langkawi
- Penumpang Berpusu-Pusu Ke
Pintu Utama Untuk Ke Feri
(17.12.2012)

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Punca utama kesesakan di Jeti Kuah, Langkawi selain daripada faktor peningkatan penumpang semasa hari perayaan dan musim cuti sekolah, adalah disebabkan feri-feri yang sepatutnya bertolak ke Kuala Kedah dan Kuala Perlis tidak dapat melakukan pelayaran mengikut jadual disebabkan kedalaman yang tidak mencukupi dan terpaksa menunggu air pasang di Kuala Kedah dan Kuala Perlis bagi membolehkan feri-feri ini merapati jeti di Kuala Kedah dan Kuala Perlis. Keadaan ini menyumbang kepada penumpang yang ramai di Jeti Kuah, Langkawi. Bagi mengawal jumlah penumpang dan melancarkan aliran penumpang di Jeti Kuah, Langkawi, JLM telah mendapatkan bantuan RELA.

Pihak JLM juga sedang menjalankan satu Kajian Simulasi dan Perancangan Terminal Penumpang Kuah, Langkawi bermula bulan November 2012 yang dijangka siap pada bulan Julai 2013. Penemuan kajian simulasi ini akan digunakan bagi maksud Projek Naik Taraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru Kuah, Langkawi. Projek ini antara lain menambah kapasiti ruang menunggu semasa daripada 500 orang penumpang kepada 1,500 orang penumpang sekali gus menyelesaikan isu kesesakan di Jeti Kuah, Langkawi.

9.5.4.2. Jeti Kuala Perlis, Perlis

a. Jeti Kuala Perlis telah siap dinaikkan taraf oleh JLM pada 25 Mei 2009. Bagaimanapun, ia telah terlibat dengan kerja menaik taraf di bawah peruntukan Kementerian Pelancongan Malaysia. Agensi pelaksana bagi projek tersebut adalah JKR, Negeri Perlis. Manakala kontraktornya ialah Bina Kayang Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak RM4.0 juta. Tempoh pelaksanaan projek ialah selama 50 minggu bermula dari 31 Oktober 2011 hingga 15 Oktober 2012. Semakan Audit mendapati lanjutan masa pertama

telah diluluskan selama 90 hari dari 15 Oktober 2012 hingga 13 Januari 2013.

b. Lawatan Audit pada 18 Disember 2012 mendapati tiada kerja sedang dijalankan oleh kontraktor. Setakat 7 Disember 2012, status kemajuan kerja sebenar ialah 42.8% berbanding mengikut jadual 61.2% iaitu kelewatan sebanyak 18.4%. Pihak Audit juga mendapati sebahagian kemudahan yang telah siap dibina oleh JLM bernilai RM0.75 juta tetapi telah dinaik taraf semula oleh JKR. Kemudahan ini telah diruntuhkan untuk dibina semula seperti butiran di **Jadual 9.6**. Adalah didapati kemasan kerja asal telah ditukar dan tidak diganti mengikut spesifikasi sepatutnya iaitu daripada jenis *porcelain heavy duty* dan telah ditukar kepada jenis *porcelain tile polish* yang boleh mengakibatkan lantai licin dan tidak selamat serta membahayakan pengguna. Perkara ini masih tidak diambil tindakan oleh kontraktor dan telah dimasukkan di dalam senarai kecacatan yang dihantar kepada JKR Negeri Perlis pada 1 April 2013. **Gambar 9.12** dan **9.13** adalah berkaitan.

GAMBAR 9.12



Jeti Kuala Perlis
- Kemasan Jubin Lantai Yang Tidak Mengikut Spesifikasi (Licin)
(18.12.2012)

GAMBAR 9.13



Jeti Kuala Perlis
- Kemasan Jubin Masih Belum Dibaiki Mengikut Spesifikasi (Licin)
(Sumber: JLM - 07.05.2013)

c. Selain itu, tapak projek tidak diurus dengan teratur oleh kontraktor dan JKR kerana tiada papan adang dipasang bagi tujuan memisahkan kawasan kerja dengan ruang menunggu dan laluan pengguna jeti (lantai dan bumbung) serta tiada papan tanda sementara untuk menunjuk arah di tapak projek. **Gambar 9.14** hingga **9.25** menunjukkan keadaan tapak projek semasa lawatan Audit dan kerja yang telah disiapkan selepas teguran Audit.


JADUAL 9.6
SKOP YANG TERLIBAT DENGAN PROJEK KEMENTERIAN PELANCONGAN

SKOP PROJEK MENAIK TARAF JETI KUALA PERLIS OLEH JLM	KOS MENGIKUT BQ* (RM Juta)
Kemasan Lantai Balai Berlepas Dan Anjung	0.06
Bilik VIP	0.01
Tandas Awam	0.68
JUMLAH	**0.75**

Nota : (*) - Bill of Quantity

SEBELUM

GAMBAR 9.14



Ruang Menunggu, Jeti Kuala Perlis
- Lampu Sedia Ada Tidak Ditanggalkan Dan Tiada Kerja Dilaksanakan Semasa Lawatan Audit
(18.12.2012)

SELEPAS

GAMBAR 9.15



Ruang Menunggu, Jeti Kuala Perlis
- Kerja Pemasangan Siling Telah Siap
(Sumber: JLM - 07.05.2013)

GAMBAR 9.16



Jeti Kuala Perlis
- Pengguna Jeti Bebas Keluar Masuk Melalui Tingkap Dan Tiada Kerja Dilaksanakan Semasa Lawatan Audit
(18.12.2012)

GAMBAR 9.17



Jeti Kuala Perlis
- Kerja Pemasangan Pintu/Dinding Kaca Telah Siap
(Sumber: JLM - 07.05.2013)

GAMBAR 9.18



Ruang Legar, Jeti Kuala Perlis
- Kerja Kemasan Lantai Menutupi Kemudahan Pili Bomba Dan Kemudian Terpaksa Dipecahkan
(18.12.2012)

GAMBAR 9.19



Ruang Legar, Jeti Kuala Perlis
- Kerja Kemasan Lantai Menutupi Kemudahan Pili Yang Pecah Telah Dibaiki
(Sumber: JLM - 07.05.2013)

GAMBAR 9.20



Ruang Legar, Jeti Kuala Perlis
- Kemasan Lantai Telah Pecah Dan Tertanggal
(18.12.2012)

GAMBAR 9.21



Ruang Legar, Jeti Kuala Perlis
- Kemasan Lantai Yang Rosak Telah Dibaiki
(Sumber: JLM - 07.05.2013)

GAMBAR 9.22



Jeti Kuala Perlis
- Kesan kebocoran Di Siling
(18.12.2012)

GAMBAR 9.23



Jeti Kuala Perlis
- Kesan kebocoran Di Siling Yang Telah Diambil Tindakan
(Sumber: JLM - 07.05.2013)

GAMBAR 9.24



Ruang Menunggu, Jeti Kuala Perlis
- Kerja Menaik Taraf Penyaman Udara Terdedah Kepada Pengguna Jeti
(18.12.2012)

GAMBAR 9.25



Ruang Menunggu, Jeti Kuala Perlis
- Kerja Menaik Taraf Di Ruang Menunggu Siap Di Bina
(Sumber: JLM - 07.05.2013)

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

i. Projek Naik Taraf Jeti Kuala Perlis adalah merupakan satu projek Kementerian Pelancongan yang telah melantik JKR bagi melaksanakan projek berkenaan. Segala kawal selia adalah di bawah JKR dan Kementerian Pelancongan.

ii. Sehubungan ini, beberapa mesyuarat koordinasi bagi memuktamadkan skop reka bentuk dengan JLM, JKR, Kementerian Pelancongan, Pejabat Pelancongan Negeri Perlis, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis dan JKR Cawangan Bangunan Am telah diadakan. Mengenai penggunaan porcelain tile polish adalah merupakan keputusan JKR yang bercanggah dengan keputusan mesyuarat koordinasi untuk menggunakan porcelain heavy duty dan ini adalah di bawah kawalan Kementerian Pelancongan sebagai pemilik projek.

iii. Kementerian Pelancongan telah menyerahkan projek yang telah siap pada 25 Mac 2013 kepada JLM di mana senarai kecacatan skop yang belum sempurna telah dikemukakan oleh JLM kepada Kementerian Pelancongan pada 1 April 2013. JKR Negeri Perlis telah mengadakan satu mesyuarat kerosakan dan kecacatan Bil.1/2013 pada 11 Jun 2013. Segala kecacatan dan kerja-kerja yang belum sempurna akan dilaksanakan dalam tempoh tanggungan kecacatan projek yang akan tamat pada 24 Mac 2014.

Pada pendapat Audit, perbincangan dan koordinasi antara Kementerian Pelancongan serta lain-lain agensi yang melibatkan JLM sebagai pemilik sepatutnya dapat mengenal pasti komponen yang hendak dinaik taraf. Ini bagi mengelakkan berlakunya pembaziran kerana menaik taraf komponen yang telah siap dibina/di naik taraf. Di samping itu, pihak JKR perlu mengarahkan kontraktornya memastikan keselamatan tapak projek sentiasa terjamin.

9.5.4.3. Jeti Kargo Kuala Kedah

a. Lawatan Audit ke Jeti Kargo Kuala Kedah mendapati jeti tersebut mampu menampung 3 unit baj/tongkang sahaja pada sesuatu masa memandangkan panjang keseluruhan jeti hanya berukuran 83 meter dan JLM memberi keutamaan kepada baj/tongkang yang membawa kargo bagi keperluan penduduk di Pulau Langkawi. Pihak Audit mendapati JLM telah mengarahkan pengusaha kargo yang beroperasi supaya setiap baj/tongkang/bot yang merapat ke Jeti perlu merapat secara mengiring dan baj/tongkang/bot yang tidak beroperasi ditambat di tempat lain agar keadaan jeti tidak menjadi sesak. Bagaimanapun, tindakan ini masih tidak dapat mengatasi kesesakan malahan permintaan daripada pengusaha kargo semakin meningkat. Selain itu, terdapat pengusaha kargo yang tidak mematuhi arahan JLM dengan menambat baj/tongkang/bot di jeti tersebut walaupun tidak beroperasi. Pihak Audit juga mendapati tiada mekanisme pemantauan telah diambil oleh JLM bagi memastikan arahan ini dipatuhi oleh semua syarikat yang beroperasi di jeti tersebut.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara permintaan daripada pengusaha kargo yang terpaksa ditolak adalah operasi kargo untuk membawa *iron ore* ke Pulau Langkawi untuk kegunaan industri kerana muatan kargo *iron ore* yang dipunggah ke baj melebihi had beban hidup yang dibenarkan iaitu 700 dwt (grt). Pihak Audit juga mendapati JLM tidak menyediakan sebarang peralatan perantara untuk memindahkan barang dari jeti ke atas baj. Oleh yang demikian, pengusaha telah meletakkan pelantar untuk memindahkan barang kargo ke atas baj dan kesan daripada penggunaan pelantar tersebut tanpa pemantauan sewajarnya oleh JLM, telah berlaku keretakan pada tebing *jetty head* seperti gambar berikut:

GAMBAR 9.26



Jeti Kargo Kuala Kedah
- Pelantar yang Digunakan Untuk Memindahkan Kargo Ke/Dari Baj (20.12.2012)

GAMBAR 9.27



Jeti Kargo Kuala Kedah
- Keretakan Pada Tebing Jetty Head (20.12.2012)

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

i. JLM bersetuju bahawa penggunaan jeti kargo Kuala Kedah telah mencapai tahap maksimum penggunaan tanah dan mengakibatkan berlaku kesesakan. Bagi mengurangkan kesesakan pengangkutan kenderaan dari Kuala Kedah ke Langkawi, JLM sedang meneliti cadangan perkhidmatan feri RoRo dari Kuala Perlis ke Langkawi. Cadangan perkhidmatan feri RoRo ini dikemukakan oleh pihak swasta dan dijangka akan bermula dalam masa terdekat sekiranya diluluskan oleh pihak-pihak berkepentingan. Berhubung dengan penguatkuasaan larangan menambat di jeti sekiranya tidak menjalankan sebarang operasi, larangan tersebut telah diberikan kepada semua pengguna dan penguatkuasaan telah dijalankan.

ii. Kargo yang diluluskan untuk dikendalikan di Jeti Kargo Kuala Kedah merupakan jeti kargo am yang mempunyai pelbagai bentuk dan rupa. JLM tidak menyediakan peralatan mengangkut kargo dan keperluan tersebut disediakan oleh pemilik kargo. Pelantar besi digunakan bagi operasi memunggah kenderaan seperti kereta, lori bermuatan kargo dan kargo ringan yang mana adalah dibenarkan oleh JLM. Keretakan pada tebing jetty head bukan sahaja berpunca dari operasi loading dan discharge atau penggunaan pelantar besi ini, sebaliknya ia juga berpunca dari daya hentaman sisi baj yang merapat ke jetty head ini. Walaupun kesemua daya ini telah dikira semasa peringkat perancangan dan melepasi semua jaminan semasa tempoh liabiliti kecacatan berakhir, keadaan ini berlaku akibat operasi harian di jeti ini (wear and tear).

Pada pendapat Audit, penggunaan Jeti Kargo Kuala Kedah telah mencapai tahap maksimum mengakibatkan berlaku kesesakan. Di samping itu, pihak JLM perlu mengambil inisiatif yang bersesuaian bagi memastikan keretakan pada tebing *jetty head* tidak menjadi lebih serius.

9.5.4.4. Menaik Taraf Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah

a. Objektif menaik taraf Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah adalah bagi mengendalikan pembaikan dan penyenggaraan kapal/bot JLM serta peningkatan keupayaan *slipway* daripada 50 tan kepada 250 tan. Adalah didapati setakat 31 Disember 2012, JLM mempunyai sebanyak 96 buah kapal/bot dan pecahan mengikut wilayah adalah Wilayah Utara (15), Tengah (10), Selatan (12), Timur (12), Labuan (3), Sabah (10) dan Sarawak (34). Bagi tujuan pembaikan dan penyenggaraan kapal/bot, JLM hanya mempunyai satu limbungan di Wilayah Tengah.

b. Lawatan Audit pada 28 November 2012 mendapati Limbungan tersebut turut membaiki kapal/bot dari Jabatan Laut Wilayah Selatan seperti di **Gambar 9.28** dan **9.29**. Menurut JLM, tempoh pembaikan yang lama untuk sesuatu kapal/bot telah mengganggu jadual pembaikan kapal/bot lain.

GAMBAR 9.28



GAMBAR 9.29



Limbungan Jabatan Laut Wilayah Tengah
- Bot Dari Jabatan Laut Wilayah Selatan Yang Sedang Diperbaiki
(28.11.2012)

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Limbungan kapal di Jabatan Laut Wilayah Tengah pada asasnya limbungan bagi maksud pembaikan dan penyenggaraan kapal atau bot Jabatan Laut Wilayah Tengah. Bot dan kapal JLM yang lain akan disenggara atau dibaik pulih secara asas sekiranya terdapat kekosongan jadual.

JLM mempunyai dasar bahawa semua bot dan kapal JLM dibaik pulih atau disenggara di limbungan swasta yang terdekat bagi mengurangkan kos minyak dan tuntutan lebih masa krew-krew kapal yang perlu dibelanjakan sekiranya bot tersebut belayar ke Limbungan JLM Wilayah Tengah. Selain itu, caj-caj yang dikenakan oleh limbungan swasta berkenaan adalah dikawal oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Situasi dan dasar ini tidak menjejaskan kesiapsiagaan kapal JLM pada sepanjang masa.

9.5.4.5. Keadaan Air Pasang Surut Dan Kelodak (*Siltation*) Di Muara Kuala Perlis

a. Berdasarkan Laporan/Kajian oleh Japan International Cooperation Agency (JICA) pada tahun 1984, menganggarkan kadar kelodak biasa bagi muara sungai adalah satu meter setahun. Manakala berdasarkan kajian hidraulik yang dilakukan pada bulan Februari 2007 oleh Perunding Dr. Nik Associated Sdn. Bhd., kelodak di muara Kuala Perlis telah meningkat kepada 1.7 meter setahun.

Lawatan Audit ke Jeti Kuala Perlis pada 19 Disember 2012, mendapati keadaan air surut telah berlaku di awal pagi sebelum jam 9 pagi.

Berdasarkan maklum balas JLM, kelodak dan air surut menyebabkan paras kedalaman air tidak sesuai untuk feri berlabuh. Keadaan ini telah mengganggu jadual perjalanan feri di mana feri terpaksa menunggu air pasang untuk meneruskan perjalanan. Berdasarkan data jadual perjalanan feri penumpang di Jeti Kuala Perlis, bagi bulan Januari hingga November 2012 mendapati sebanyak 4% perjalanan feri tidak mengikut jadual. Situasi ini adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 9.30



GAMBAR 9.31



Jeti Kuala Perlis
- Keadaan Di Muara Kuala Perlis Semasa Air Surut
(19.12.2012)

b. Pengerukan adalah kerja mendalamkan alur pelayaran ke paras sekurang-kurangnya 3 meter dari Datum Carta (CD) di mana CD di definisikan sebagai nilai ramalan pasang surut tidak akan jatuh di bawah CD melebihi 1 meter atau paras air terendah bagi menjamin keselamatan pelayaran. Pihak Audit mendapati sepanjang tempoh RMKe-9 pengerukan berkala (maintenance) bagi kawasan lembangan dan alur pelayaran di Kuala Perlis telah dilakukan sebanyak 2 kali dengan kos RM40.70 juta. Bagaimanapun dalam RMKe-10, kerja pengerukan tidak diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri kerana projek ini bersifat *one off.* Semakan Audit mendapati pada 30 November 2012, terdapat aduan daripada 6 pengusaha feri dari Langkawi ke Kuala Perlis kepada Menteri Pengangkutan kerana kelodak menyebabkan pengusaha feri terpaksa menanggung kos tambahan untuk pembaikan kerosakan feri dan mengganggu jadual perjalanan feri.

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Jeti Kuala Perlis terletak di muara Sungai Perlis yang terdedah kepada kadar pemendapan yang tinggi dan oleh itu perlu dilakukan pengerukan senggaraan secara berkala iaitu setiap 3 tahun. Keupayaan JLM melaksanakan pengerukan senggaraan, tertakluk kepada peruntukan yang akan diperolehi yang menentukan skop projek pengerukan yang boleh dilaksanakan. Bagi mengatasi masalah pemendapan di Jeti Kuala Perlis beberapa cadangan sedang diteliti termasuk cadangan untuk membina satu terminal penumpang Kuala Perlis di satu lokasi yang baru oleh Pihak

Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Bagi maksud tersebut NCIA sedang melaksanakan satu kajian perwujudan Kuala Perlis Maritime Terminal yang dijangka akan siap pada hujung tahun 2013.

Pada pendapat Audit, kelodak di muara Sungai Kuala Perlis telah mengganggu jadual perjalanan feri. Di samping itu, ketiadaan peruntukan menyebabkan kerja pengerukan berkala tidak dapat dilaksanakan.

9.5.4.6. Kutipan Hasil JLM

a. Di Malaysia kadar kutipan hasil pelabuhan/jeti/kargo adalah berdasarkan *Port Rules* di mana ia berbeza antara negeri di Malaysia serta tahun pelaksanaannya. Kadar kutipan hasil mengikut *Port Rules* adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.7
KADAR PUNGUTAN HASIL MENGIKUT *PORT RULES*

PORT RULES	JADUAL	PERIHAL	KADAR
Kedah Port Rules 1984	*First Schedule Rule 13 (1) Port Dues*	• Vesel-vesel yang memasuki had kawasan pelabuhan untuk memuat, memunggah atau memindah barang-barang atau menaikkan, menurunkan atau memindahkan penumpang-penumpang.	• RM15 bagi setiap 100 KBK atau sebahagian daripadanya bagi setiap persinggahan.
		• Vesel-vesel yang memasuki had kawasan pelabuhan untuk memuat bekalan barang-barang kapal, air tawar atau bahan bakar atau apa-apa maksud lain.	• RM5 bagi setiap 100 KBK atau sebahagian daripadanya bagi setiap persinggahan.
Port (Perlis) Rules 1953	*Schedule Rule 9 (1)*	• Bagi setiap tan muatan kasar yang didaftarkan oleh kapal.	• RM0.20
The Port Rules (Johore) 1953	*First Schedule (Rule 6)*	• Bagi setiap tan muatan kasar yang didaftarkan oleh kapal.	• RM0.15
Port (Trengganu) Rules 1983	*First Schedule (Rule 9) Port Dues*	• Vesel-vesel yang memasuki had kawasan pelabuhan untuk memuat, memunggah atau memindah barang-barang atau menaikkan, menurunkan atau memindahkan penumpang-penumpang.	• RM15 bagi setiap 100 KBK atau sebahagian daripadanya bagi setiap persinggahan.
		• Vesel-vesel yang memasuki had kawasan pelabuhan untuk memuat bekalan barang-barang kapal, air tawar atau bahan bakar atau apa-apa maksud lain.	• RM5 bagi setiap 100 KBK atau sebahagian daripadanya bagi setiap persinggahan.
Port (Pahang) Rules 1964	*First Schedule (Rule 4)*	• Bagi setiap tan muatan kasar yang didaftarkan oleh kapal.	• RM0.20
		• Bagi setiap tan muatan kasar yang didaftarkan oleh kapal iaitu bagi kapal yang dilesenkan dan didaftarkan di Pahang.	• RM0.10

Nota : KBK - Kiratan Berdaftar Kasar

b. Semakan Audit terhadap kutipan hasil untuk Jeti Kuah dan Jeti Kuala Perlis mendapati tiada kutipan hasil jeti dibuat oleh JLM secara terus kepada

penumpang kerana penjenisan hasil jeti seperti kapal layar, baj, *barter trade* dan pelbagai adalah dikenakan ke atas feri/kapal/bot melalui caj merapat ke jeti.

c. Analisis Audit terhadap Jeti Kuah dan Kuala Perlis mendapati berlaku peningkatan penumpang bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 antara 9.4% hingga 15.7%. Bagaimanapun, bagi tempoh yang sama didapati bilangan feri telah menurun antara 3.8% hingga 14.2% kerana perubahan saiz feri kepada yang lebih besar bagi mengangkut lebih ramai penumpang. Analisis selanjutnya mendapati kutipan hasil JLM bagi Jeti Kuah telah menurun antara 7.5% hingga 14.9% kerana bilangan feri yang berkurangan. Manakala bagi Jeti Kuala Perlis, kutipan hasil telah menurun sebanyak 6.9% pada tahun 2011 tetapi meningkat sebanyak 3.7% pada tahun 2012. Menurut JLM, faktor perubahan kadar kutipan yang tidak selari ini disebabkan perubahan jenis feri yang sedia ada kepada saiz yang lebih besar. Ini mengakibatkan kutipan hasil JLM yang semakin rendah disebabkan mengikut kadar di jadual *Port Rules*. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.8
STATISTIK PENUMPANG BERBANDING FERI/KAPAL
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

JETI	TAHUN	PENUMPANG (Juta)	PENINGKATAN PENUMPANG (%)	FERI/ KAPAL	PENURUNAN FERI/KAPAL (%)	HASIL (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)
Jeti Kuah, Langkawi Kedah	2010	3.50	-	28,878	-	0.47	-
	2011	4.05	15.7	24,774	(14.2)	0.40	(14.9)
	2012	4.43	9.4	22,025	(11.1)	0.37	(7.5)
Jeti Kuala Perlis	2010	1.80	-	18,580	-	0.29	-
	2011	2.07	15.0	17,870	(3.8)	0.27	(6.9)
	2012	2.36	14.0	15,602	(12.7)	0.28	3.7

d. Pihak Audit juga telah membuat analisis kutipan hasil berbanding kos penyenggaraan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 yang terdiri daripada perbelanjaan pembaikan terhadap kemudahan jeti serta kos pembersihan jeti dan Pengawal Keselamatan. Analisis Audit mendapati kos penyenggaraan Jeti Kuah, Kedah adalah amat tinggi berbanding hasil yang diperoleh. Peratus perbezaan kos penyenggaraan berbanding hasil dari tahun 2010 hingga 2012 menunjukkan peningkatan antara 219.2% hingga 348.6%. Manakala Jeti Kuala Perlis, analisis bagi tempoh yang sama mendapati perbezaan kos penyenggaraan berbanding hasil semakin meningkat dari -17.2% hingga 3.6%. Pihak Audit mendapati JLM perlu menanggung kos penyenggaraan yang tinggi kerana kadar penumpang yang meningkat. Kos penyenggaraan diperlukan bagi memastikan semua

kemudahan yang disediakan di jeti berkenaan dalam keadaan baik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.9
JUMLAH HASIL BAGI JETI KUAH DAN KUALA PERLIS
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

JETI	2010			2011			2012		
	HASIL JLM (RM Juta)	KOS PENYENGGARAAN (RM Juta)	% PERBEZAAN KOS PENYENGGARAAN BERBANDING HASIL	HASIL JLM (RM Juta)	KOS PENYENGGARAAN (RM Juta)	% PERBEZAAN KOS PENYENGGARAAN BERBANDING HASIL	HASIL JLM (RM Juta)	KOS PENYENGGARAAN (RM Juta)	% PERBEZAAN KOS PENYENGGARAAN BERBANDING HASIL
Jeti Kuah, Langkawi Kedah	0.47	1.50	219.2	0.40	1.49	272.5	0.37	1.66	348.6
Jeti Kuala Perlis	0.29	0.24	(17.2)	0.27	0.25	(7.4)	0.28	0.29	3.6

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Jeti Kuala Perlis, Jeti Kuala Kedah dan Jeti Kuah, Langkawi adalah merupakan terminal penumpang yang dikawal selia oleh JLM. Caj-caj yang boleh dikutip oleh JLM dan juga pengusaha feri adalah tertakluk kepada Kedah Port Rules 1994 dan Perlis Port Rules 1953. Ketiga-tiga jeti adalah merupakan jeti awam yang disediakan oleh Kerajaan untuk kegunaan penduduk tempatan dan pelancongan yang ingin mengunjungi Langkawi. Oleh itu, asas caj-caj di bawah kedua-dua Kaedah Pelabuhan tersebut adalah untuk mengenakan caj yang minima bagi mengurangkan beban kepada pengguna serta untuk menggalakkan industri pelancongan tempatan. Walau apa jua pun di atas, JLM sedang meneliti semula semua caj-caj yang dikenakan di bawah Kaedah Pelabuhan sedia ada dan pada masa kini proses memuktamadkan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Kelantan dan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Pahang sedang dijalankan. Kaedah-Kaedah Pelabuhan Kedah dan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Perlis akan turut menjalani proses yang sama bagi menyesuaikan keperluan dan kehendak semasa serta mengambil kira peruntukan yang diperlukan dalam penyenggaraan terminal berkenaan.

Pada pendapat Audit, Kementerian dan JLM perlu memberi pertimbangan sewajarnya bagi memastikan hasil yang dikutip oleh JLM seimbang dengan kos penyenggaraan.

9.5.5. Kerja Penyenggaraan

Pada tahun 2012, JLM telah menerima peruntukan Dasar Baru bagi penyenggaraan berjumlah RM6.93 juta. Semakan Audit mendapati selepas kerja menaik taraf siap dilaksanakan, JLM telah mula melaksanakan kerja penyenggaraan meliputi pembersihan pejabat, kawasan dan seni taman serta perkhidmatan kawalan keselamatan. Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2012 mendapati tahap penyenggaraan jeti JLM yang digunakan oleh orang awam adalah tidak memuaskan seperti berikut:

9.5.5.1. Jeti Pulau Ketam dan Jeti Sungai Lima merupakan laluan keluar/masuk ke Pulau Ketam dan Sungai Lima serta digunakan sepenuhnya oleh penduduk setempat bagi aktiviti harian. Lawatan Audit pada 28 November 2012, di kedua-dua jeti tersebut mendapati jeti tidak disenggarakan dengan sempurna. Terdapat banyak kemudahan yang disediakan telah rosak dan kebersihan tidak dijaga. Gambar di bawah menunjukkan perkara tersebut:

GAMBAR 9.32



GAMBAR 9.33



Jeti Pulau Ketam, Klang
- Keadaan Tangga Jeti Memerlukan Penyenggaraan
(28.11.2012)

GAMBAR 9.34



Jeti Pulau Ketam, Klang
- Keadaan Tingkap Pecah Di Bahagian Bilik Operasi/Kaunter Yang Disediakan
(28.11.2012)

GAMBAR 9.35



Jeti Sungai Lima, Klang
- Keadaan Kawasan Jeti Yang Kotor Dan Tidak Dijaga
(28.11.2012)

9.5.5.2. Lawatan Audit pada 17 Disember 2012 ke Jeti Kuah, Langkawi mendapati JLM telah menyediakan kemudahan kepada pengguna. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati beberapa kemudahan memerlukan penyenggaraan oleh JLM. Selepas teguran Audit, kerja penyenggaraan telah dilakukan seperti gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 9.36



Ruang Menunggu Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Kaki Kerusi Yang Telah Patah
(17.12.2012)

SELEPAS

GAMBAR 9.37



Ruang Menunggu Jeti Kuah, Langkawi,Kedah
- Kaki Kerusi Yang Telah Dibaiki
(Sumber: JLM - 13.06.2013)

GAMBAR 9.38



Ruang Menunggu Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Lampu Tidak Menyala
(17.12.2012)

GAMBAR 9.39



Ruang Menunggu Jeti Kuah, Langkawi,Kedah
- Lampu Yang Telah Dibaiki
(Sumber: JLM - 13.06.2013)

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Keupayaan untuk menyenggara dan membaiki jeti-jeti di bawah kawal selia JLM adalah terhad mengikut peruntukan yang diterima. Bagi maksud tersebut, peruntukan bagi membaiki jeti ini telah diperolehi dalam peruntukan Belanja Mengurus tahun 2013. Kerja-kerja senggaraan telah bermula pada 3 Jun 2013 dan telah siap pada 30 Jun 2013. Papan tanda di Jeti Pulau Ketam dan Jeti Sungai Lima yang memohon kepada pengguna agar sama-sama menjaga kebersihan dan keselamatan di jeti turut telah didirikan.

Pada pendapat Audit, bagi Jeti Pulau Ketam dan Sungai Lima walaupun tiada pegawai ditempatkan di kawasan jeti tersebut, pemantauan dan penyenggaraan aset Kerajaan hendaklah dilaksanakan. Manakala bagi Jeti Kuah, Langkawi tindakan telah diambil selepas teguran Audit.

9.5.6. Mekanisme Pemantauan

9.5.6.1. Pegawai Penguasa (SO)

Pegawai Penguasa (SO) bagi Projek Jeti ialah Ketua Pengarah Laut, JLM. Penurunan kuasa daripada SO kepada wakil SO telah dibuat berkaitan Projek

Jeti kepada Pengarah Wilayah berkenaan. Pemantauan projek dibantu oleh perunding projek yang telah dilantik oleh JLM untuk setiap Projek Jeti. Pihak Audit mendapati SO atau wakil SO telah menghadiri kesemua mesyuarat pemantauan projek yang diadakan bersama perunding dan kontraktor. Selain itu, semasa lawatan Audit ke lokasi projek sepanjang bulan November hingga Disember 2012 pihak Audit mendapati wakil SO turut memberi maklum balas penyelesaian permasalahan projek berkaitan dalam setiap perbincangan yang diadakan.

9.5.6.2. Perunding Projek

a. Prestasi Perunding

Perunding yang dilantik bertanggungjawab untuk membantu dalam pengurusan kejuruteraan reka bentuk awalan dan terperinci serta sokongan teknikal bagi setiap projek yang dilaksanakan. Secara keseluruhannya, pihak Audit mendapati prestasi perkhidmatan perunding adalah memuaskan di mana perunding telah melaksanakan kerja mengikut perjanjian dalam semua peringkat projek bermula daripada peringkat reka bentuk, tender, pemantauan pembinaan serta pengurusan kontrak semasa dan selepas pembinaan dilaksanakan.

b. Pembatalan Perkhidmatan Perunding

Klausa 2.3 Conditions of contract menyatakan *'If at any time the Client shall decide to postpone the Works, he shall notice in writing to the Consulting Engineer terminate the Consulting Engineer's appointment under this Agreement'.* Berdasarkan klausa tersebut semakan Audit mendapati pelantikan perkhidmatan perunding Azman, Ooi & Rao Sdn. Bhd. adalah meliputi 4 jeti iaitu Jeti Tg. Lembong, Jeti Kuah, Langkawi Jeti Kuala Perlis dan Jeti Batu Uban dengan tempoh kerja selama 76 minggu. Berdasarkan maklum balas JLM, hanya 2 projek yang dilaksanakan iaitu Projek Pembaikan/Menaik Taraf Jeti Penumpang Kuala Perlis, Perlis Untuk Jabatan Laut Malaysia dan Projek Pembaikan/Menaik Taraf Jeti Penumpang Kuah, Langkawi. Manakala 2 lagi projek tidak dilaksanakan iaitu Jeti Tg. Lembong dan Jeti Batu Uban. Bagaimanapun, pihak Audit tidak menemui sebarang notis penamatan/pembatalan kontrak perunding bagi 2 kerja tersebut.

Maklum Balas Jabatan Laut Malaysia Yang Diterima Pada 10 Julai 2013

Pada peringkat permulaan, perkhidmatan perunding Azman, Ooi & Rao Sdn. Bhd. adalah meliputi 4 jeti iaitu Jeti Tg. Lembong, Jeti Kuah, Langkawi, Jeti Kuala Perlis dan Jeti Batu Uban. Semasa Confirmatory Defect Mapping di dapati tahap kerosakan Jeti Tg. Lembong dan Jeti Batu

Uban berada pada tahap yang minimum. Manakala bagi Jeti Kuah dan Kuala Perlis kerosakan yang dikenal pasti perlu diberi keutamaan. Pihak JLM mengambil keputusan bahawa Jeti Kuah dan Kuala Perlis perlu dibaiki segera. Namun, keputusan ini dibuat secara lisan kepada perunding.

Keputusan JLM telah dibuat dengan pihak perunding semasa mesyuarat pembentangan reka bentuk dijalankan. Walau bagaimanapun, kontrak Kerajaan bersama perunding ini telah tamat pada 18 Jun 2009 dan keperluan mengeluarkan notis penamatan/pembatalan kontrak kepada perunding mengikut kontrak tidak lagi timbul.

Pada pendapat Audit, pada masa akan datang bagi projek yang tidak dilaksanakan/dibatalkan, notis penamatan/pembatalan kontrak hendaklah dikeluarkan secara bertulis seperti yang dinyatakan di dalam syarat kontrak.

9.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang di masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan supaya JLM mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

9.6.1. memastikan JLM memberi perhatian serius dalam pentadbiran kontrak dan memastikan setiap terma kontrak dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan;

9.6.2. memastikan wujudnya mekanisme pemantauan/kawalan jeti supaya pengurusan jeti dapat diuruskan secara lebih sistematik;

9.6.3. memastikan wujudnya koordinasi antara JLM dengan setiap Agensi yang terlibat dengan perancangan terhadap pembinaan/menaik taraf sesuatu projek supaya ia dapat memberi impak maksimum dari aspek kos dan kegunaannya;

9.6.4. mengkaji semula mengenai kutipan hasil yang dikutip oleh JLM berbanding kos penyenggaraan yang ditanggung bagi memastikan ia setara dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh JLM iaitu menyediakan kemudahan di jeti dalam keadaan baik; dan

9.6.5. memastikan kerja penyenggaraan dilaksanakan secara konsisten supaya jeti yang telah dinaikkan taraf dapat digunakan oleh orang awam sepenuhnya.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 71-85
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

10. JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN - PENGURUSAN PROJEK PEMBETUNGAN NEGARA

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) telah diluluskan peruntukan berjumlah RM3.162 bilion di bawah RMKe-9 dan sejumlah RM464 juta di bawah RMKe-10 untuk melaksanakan Projek Sistem Pembetungan Negara. Objektif pelaksanaan projek ini adalah untuk mengurangkan pencemaran kumbahan dan memperbaiki perkhidmatan pembetungan melalui pembinaan infrastruktur pembetungan baru dan menaik taraf serta membaik pulih sistem pembetungan sedia ada. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah ditubuhkan pada tahun 1994 di bawah Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 (Akta 508) dan berfungsi sebagai kawal selia pembetungan (regulator). Pada 1 Januari 2008, tugas kawal selia ini telah diambil alih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berdasarkan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Akta 654) dan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara (Akta 655). Dengan penguatkuasaan Akta 654 dan Akta 655, Akta 508 tidak lagi diguna pakai di Semenanjung Malaysia. Selaras dengan itu, JPP telah disusun semula pada tahun 2008 di mana fungsi dan tanggungjawab JPP telah ditetapkan seperti berikut:

a. sebagai pelaksana projek pembetungan di bawah Rancangan Malaysia, Tabung Amanah Sumbangan Kapital Pembetungan dan projek khas di seluruh Semenanjung Malaysia;

b. penasihat teknikal projek pembetungan di Sabah dan Sarawak; dan

c. penasihat kepada KeTTHA dalam hal-hal pembetungan.

10.1.2. Selain daripada JPP, agensi-agensi seperti di **Jadual 10.1** juga terlibat dalam perkhidmatan pembetungan negara.

JADUAL 10.1
AGENSI YANG TERLIBAT DALAM PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN NEGARA

AGENSI	PERANAN
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	Menetapkan polisi dan menentukan hala tuju pembetungan
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara	Mengawal selia perkhidmatan pembetungan
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	Memberi dan menyediakan perkhidmatan pembetungan
Jabatan Alam Sekitar	Menetapkan dan menguatkuasakan piawaian kualiti efluen

10.1.3. Skop utama Projek Pembetungan Negara adalah meliputi pembinaan loji rawatan kumbahan serantau; pembinaan rangkaian paip pembetungan, stesen pam dan rasionalisasi loji rawatan sedia ada; menaik taraf dan membaik pulih loji rawatan sedia ada; pemulihan rangkaian paip sedia ada serta kerja penyambungan rangkaian paip ke premis.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek Pembetungan Negara telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi prestasi pelaksanaan Projek Pembetungan Negara bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Selain itu, pengauditan lanjut turut dijalankan terhadap pengurusan 13 projek pembetungan yang dilaksanakan secara langsung oleh JPP. Pemilihan 13 sampel projek ini adalah meliputi pelbagai kategori kerja iaitu pembinaan loji rawatan kumbahan [Sewerage Treatment Plant (STP)], pembinaan rangkaian paip pembetungan, kerja naik taraf/baik pulih STP sedia ada dan penyambungan daripada premis ke paip pembetungan awam. Butiran lanjut projek yang diaudit adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.2
PROJEK PEMBETUNGAN NEGARA YANG DIPILIH SEBAGAI SAMPEL AUDIT

BIL.	PROJEK	STATUS
Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Dan Rangkaian Paip Pembetungan		
1.	Projek Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Dan Enap Cemar Berpusat Serta Rangkaian Paip Pembetungan Di Bandar Alor Gajah.	Siap
Pembinaan Rangkaian Paip Pembetungan		
2.	Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah, Seremban, Negeri Sembilan.	Kontrak Ditamatkan (Projek Sakit)
3.	Projek Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai Di Kuala Sawah, Seremban, Negeri Sembilan.	Dalam Pelaksanaan
4.	Projek Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai Di Sunggala, Port Dickson, Negeri Sembilan.	Siap
5.	Projek Rangkaian Paip Pembetungan Kangar, Perlis.	Siap
6.	Projek Rangkaian Paip Pembetungan Juru, Pulau Pinang.	Siap
Kerja Naik Taraf/Baik Pulih Loji Rawatan Kumbahan Sedia Ada		
7.	Projek Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan Dan Mentauliah Kerja-kerja Menaik Taraf 3 Unit Loji Rawatan Kumbahan Melaka Dan Johor.	Siap
8.	Projek Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan Dan Mentauliahkan Kerja-kerja Menaik Taraf 4 Unit Loji Rawatan Kumbahan *Biosoil* Di Petaling Jaya Dan Ampang, Selangor.	Siap
9.	Projek Kerja-kerja Membaik Pulih 5 Unit Loji Rawatan Kumbahan Di Kuala Lumpur Dan Pahang.	Siap

BIL.	PROJEK	STATUS
Kerja Baik Pulih Loji Rawatan Kumbahan Sedia Ada Dan Pembinaan Rangkaian Paip Pembetungan		
10.	Kerja-kerja Membaik Pulih 4 Loji Rawatan Kumbahan Bermekanikal Di Kulim, Kedah, Menaik Taraf 2 Stesen Pam Dan Memasang Paip Pembetungan Bertekanan Tinggi Di Pulau Pinang.	Dalam Pelaksanaan
Kerja Penyambungan Daripada Premis Ke Paip Pembetungan Awam		
11.	Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Awam Di Kuah, Pulau Langkawi, Kedah.	Siap
12.	Tender Semula Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Penyambungan Di Pantai Chenang Dan Pantai Tengah, Pulau Langkawi, Kedah.	Siap
13.	Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Awam Di Padang Matsirat, Pulau Langkawi, Kedah.	Siap

10.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan di peringkat Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP). Perbincangan telah diadakan dengan pegawai terlibat, pihak kontraktor dan operator pembetungan (Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.) manakala lawatan Audit telah dijalankan ke lokasi projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Kedah. Selain itu, pihak Audit juga telah mendapatkan keputusan pensampelan efluen bagi 17 loji rawatan kumbahan yang diaudit.

10.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2012 terhadap Pengurusan Projek Pembetungan Negara mendapati pencapaian kewangan projek pembetungan negara bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 secara keseluruhannya adalah baik memandangkan perbelanjaannya telah mencapai sehingga 95.6% setakat 4 Januari 2013. Bagaimanapun, pencapaian fizikal secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana hanya 35 (56.5%) daripada 62 projek yang dilaksanakan di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 telah disiapkan mengikut jadual. Pengauditan terhadap prestasi dan pengurusan projek pembetungan bagi 13 sampel Audit mendapati masih terdapat beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan objektif pelaksanaan projek seperti berikut:

a. sebanyak 8 (80%) daripada 10 projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan telah diluluskan antara satu hingga 5 lanjutan masa [Extension of Time (EOT)] melibatkan tempoh antara 34 hingga 989 hari. Selain itu, dua projek yang masih dalam pelaksanaan telah melepasi jadual penyiapan yang asal dan diluluskan masing-masingnya 2 EOT. Terdapat juga satu projek sakit yang mengakibatkan peningkatan kos;

b. objektif pelaksanaan projek pembetungan di Pulau Langkawi dan Port Dickson masih belum tercapai sepenuhnya memandangkan penyambungan daripada premis yang dikenal pasti ke rangkaian paip pembetungan awam tidak dilaksanakan secara menyeluruh;

c. kualiti efluen bagi 9 (56.2%) daripada 16 STP yang dianalisis tidak mencapai standard pelepasan efluen yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar;

d. sebanyak 3 (21.4%) daripada 14 kontrak yang diaudit telah lewat ditandatangani antara 69 hingga 153 hari dari tarikh yang sepatutnya; dan

e. terdapat kes kecurian peralatan besi dan tembaga yang telah dilaporkan di Stesen Pam Si Rusa, Sunggala, Port Dickson; STP Taman Seri Inderapura, Kuantan dan STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan dan maklum balas JPP, IWK dan Kementerian Kewangan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut:

10.5.1. Prestasi Projek

10.5.1.1. Pencapaian Kewangan

a. Projek Pembetungan Negara dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu secara langsung oleh JPP atau melalui pinjaman yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan/negeri-negeri yang tidak termasuk dalam pengurusan pembetungan peringkat nasional sejak diswastakan pada tahun 1994. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM778.17 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 51 projek sambungan (projek-projek di bawah RMKe-9) dan 10 projek baru. Berdasarkan rekod di Bahagian Pembangunan, pihak Audit mendapati JPP telah membelanjakan sejumlah RM743.82 juta (95.6%) setakat 4 Januari 2013. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.3
PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK SETAKAT 4 JANUARI 2013

RANCANGAN MALAYSIA	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
PROJEK PEMBETUNGAN DILAKSANAKAN SECARA LANGSUNG OLEH JPP				
RMKe-9	2010	126.06	117.91	93.5
RMKe-10	2011	76.04	76.04	100.0
	2012	304.56	286.23	94.0
JUMLAH (A)		**506.66**	**480.18**	**94.8**
PROJEK PEMBETUNGAN DILAKSANAKAN MELALUI PINJAMAN KEPADA NEGERI				
RMKe-9	2010	190.35	190.11	99.9
RMKe-10	2011	59.25	59.25	100.0
	2012	21.91	14.28	65.2
JUMLAH (B)		**271.51**	**263.64**	**97.1**
JUMLAH KESELURUHAN (A+B)		**778.17**	**743.82**	**95.6**

b. Selain menggunakan peruntukan pembangunan, JPP juga melaksanakan Projek Pembetungan Negara dengan menggunakan peruntukan kewangan daripada Akaun Amanah Membangun/Menaik Taraf Sistem Pembetungan Untuk Pembangunan Baru. Setakat 31 Disember 2012, Jawatankuasa Akaun Amanah telah meluluskan sejumlah RM553.05 juta untuk melaksanakan 58 projek pembetungan. Setakat bulan Disember 2012, sejumlah RM308.46 juta (55.8%) telah dibelanjakan.

c. Bagi 13 projek yang diaudit, sebanyak 6 projek dibiayai daripada peruntukan pembangunan dan 7 projek dibiayai daripada Akaun Amanah Membangun/ Menaik Taraf Sistem Pembetungan Untuk Pembangunan Baru. Harga kontrak asal bagi 13 projek berjumlah RM506.98 juta. Bagaimanapun, kos ini telah meningkat kepada RM507.45 juta iaitu peningkatan sejumlah RM0.47 juta berikutan Arahan Perubahan Kerja (APK) dan pelarasan harga kontrak yang telah diluluskan oleh JPP. Setakat 31 Disember 2012, sejumlah RM366.09 juta (72.1%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2012

PROJEK	NILAI KONTRAK		PERBELANJAAN		STATUS
	ASAL (RM Juta)	DIPINDA (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah.	98.89	81.45	29.29**	36.0	Projek gagal disiapkan dan telah di tender semula pada 16 Oktober 2008.
Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai Di Sunggala.	61.00	65.00	52.52	80.8	Siap
Projek Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai Di Kuala Sawah.	91.75	94.55	79.45	84.0	Dalam Pelaksanaan
Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Dan Enap Cemar Berpusat Serta Rangkaian Paip Pembetungan Di Bandar Alor Gajah.	46.00	48.62	33.92	69.8	Siap
Projek Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan Dan Mentauliah Kerja-kerja Menaik Taraf 3 Unit Loji Rawatan Kumbahan (MTH073, JKI022 & JKI046) Di Melaka Dan Johor.	5.34	5.34	5.02	94.0	Siap
Projek Kerja-kerja Membaik Pulih 5 Unit Loji Rawatan Kumbahan (KLR212, KLR164, KUN110, KUN015 & HLS017) Di Kuala Lumpur Dan Pahang.	3.96	3.96	3.43	86.6	Siap
Projek Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan Dan Mentauliah Kerja-kerja Menaik Taraf 4 Unit Loji Rawatan Kumbahan *Biosoil* (PTG104, AMA108, AMA116 & AMA118) Di Petaling Jaya Dan Ampang, Selangor.	22.15	22.15	20.88	94.3	Siap
Tender Semula Bagi Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Di Pantai Chenang Dan Pantai Tengah, Pulau Langkawi, Kedah.	3.01	3.11*	2.17	69.8	Siap

PROJEK	NILAI KONTRAK		PERBELANJAAN		STATUS
	ASAL (RM Juta)	DIPINDA (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Projek Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Awam Di Kuah, Pulau Langkawi, Kedah.	0.42	0.42	0.31	73.8	Siap
Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Awam Di Padang Matsirat, Pulau Langkawi, Kedah.	0.33	0.24	0.15	62.5	Siap
Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Juru.	73.00	76.19*	55.64	73.0	Siap
Kerja-kerja Membaik Pulih 4 Loji Rawatan Kumbahan Bermekanikal Di Kulim, Kedah, Menaik Taraf 2 Stesen Pam Dan Memasang Paip Pembetungan Bertekanan Tinggi Di Pulau Pinang.	13.28	13.28	10.16	76.5	Dalam Pelaksanaan
Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Kangar.	87.85	93.14	73.15	78.5	Siap
JUMLAH	**506.98**	**507.45**	**366.09**	**72.1**	

Nota : (*) - Pengiraan Nilai Kontrak Dipinda Hanya Berdasarkan Arahan Perubahan Kerja Yang Diluluskan Kerana JKR 66 Tidak Dapat Disemak
(**) - Jumlah Perbelanjaan Setakat Bulan Jun 2009
Nilai Kontrak Dipinda Selepas Mengambil Kira Arahan Perubahan Kerja Dan Pelarasan Harga Kontrak Yang Diluluskan Oleh JPP

d. Semakan selanjutnya mendapati JPP telah meluluskan antara 2 hingga 8 APK bagi 5 projek yang diaudit melibatkan peningkatan kos antara RM102,703 hingga RM4.0 juta. Namun peningkatan kos bagi 5 projek ini hanya antara 3.1% hingga 6.6% berbanding kos asal. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.5**. Secara amnya, kelulusan APK bagi 5 projek berkenaan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan dan selaras dengan syarat kontrak.

JADUAL 10.5
ARAHAN PERUBAHAN KERJA YANG MELIBATKAN PENINGKATAN KOS - KELULUSAN SETAKAT 31 DISEMBER 2012

PROJEK	ARAHAN PERUBAHAN KERJA		NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	NILAI KONTRAK DIPINDA (RM Juta)	PENINGKATAN KOS (%)
	BIL.	NILAI BERSIH APK (RM Juta)			
Projek Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai Di Kuala Sawah.	2	2.80	91.75	94.55	3.1
Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai Di Sunggala.	6	4.00	61.00	65.00	6.6
Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Dan Enap Cemar Berpusat Serta Rangkaian Paip Pembetungan Di Bandar Alor Gajah.	7	2.62	46.00	48.62	5.7
Tender Semula Bagi Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Di Pantai Chenang Dan Pantai Tengah, Pulau Langkawi, Kedah.	2	0.10	3.01	3.11	3.3
Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Juru.	8	3.19	73.00	76.19	4.4

e. Kos Kapital Projek Pembetungan Negara

JPP antara lainnya bertanggungjawab menyediakan kos kapital untuk pembangunan prasarana pembetungan negara seperti loji rawatan kumbahan dan rangkaian paip pembetungan. Prasarana yang telah siap dibangunkan akan diserah kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) untuk tujuan operasi. JPP juga melaksanakan projek baik pulih dan naik taraf loji rawatan kumbahan. Semakan Audit mendapati JPP memerlukan kos kapital yang tinggi untuk menyediakan prasarana pembetungan negara bagi mencapai objektifnya iaitu untuk memperluaskan liputan perkhidmatan pembetungan kepada setiap lapisan rakyat (termasuk di pinggir bandar, pekan kecil dan kawasan pedalaman), seterusnya mengawal pencemaran kumbahan ke atas sumber air negara. Ini kerana kualiti sumber air negara hanya akan dapat dipelihara dan ditingkatkan melalui sistem pembetungan yang menyeluruh yang akan merawat semua jenis efluen sebelum ia dilepaskan ke sungai. **Jadual 10.6** menunjukkan peruntukan kewangan yang diperlukan oleh JPP berbanding dengan peruntukan sebenar yang diluluskan. Berdasarkan jadual, didapati peruntukan sebenar yang diluluskan adalah 58.8% (RMKe-9) dan 27.3% (RMKe-10) berbanding anggaran keperluan JPP bagi projek pembetungan negara.

JADUAL 10.6
PERBANDINGAN ANGGARAN KEPERLUAN
DENGAN PERUNTUKAN SEBENAR DILULUSKAN KEPADA JPP

ANGGARAN KEPERLUAN		PERUNTUKAN DILULUSKAN	(%)	KURANGAN PERUNTUKAN	(%)
TEMPOH	(RM Juta)	(RM Juta)		(RM Juta)	
RMKe-9	5,382	3,162	58.8	2,220	41.2
RMKe-10 (Rolling Plan 1)	1,699	464	27.3	1,235	72.7

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan Projek Pembetungan Negara secara amnya adalah baik kerana peratus perbelanjaan keseluruhan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 telah mencapai sehingga 95.6%. Bagaimanapun, JPP memerlukan peruntukan kewangan yang lebih besar untuk mencapai objektif utamanya iaitu mengawal pencemaran kumbahan ke atas sumber air negara.

10.5.1.2. Pencapaian Fizikal

a. Pencapaian Fizikal Keseluruhan Projek

JPP telah melaksanakan 62 projek secara keseluruhannya di bawah RMKe-9 dan RMKe-10. Berdasarkan rekod yang diselenggarakan di JPP, pihak Audit mendapati 35 (56.5%) projek dilaksanakan mengikut jadual asal, di

mana 32 daripadanya telah disiapkan setakat 31 Disember 2012. Sebanyak 25 (40.3%) projek pula mengalami kelewatan dalam pelaksanaan berbanding jadual asal manakala 2 projek (3.2%) bermasalah dan gagal disiapkan di mana kontraktor penyelamat telah dilantik untuk menyelesaikan kerja-kerja yang masih belum selesai. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.7
PRESTASI FIZIKAL PROJEK DI BAWAH RMKe-9 DAN RMKe-10
KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2012

TAHUN PROJEK DIMULAKAN	PROJEK MENGIKUT JADUAL				PROJEK LEWAT JADUAL				PROJEK BERMASALAH		JUMLAH PROJEK
	SIAP	DALAM PEMBINAAN	JUMLAH	(%)	SIAP	DALAM PEMBINAAN	JUMLAH	(%)	BIL.	(%)	
Rancangan Malaysia Ke-9:											
2004 - 2009	27	1	28	53.8	20	2	22	42.3	2	3.9	52
2010	5	0	5	62.5	2	1	3	37.5	0	-	8
Rancangan Malaysia Ke-10:											
2011	0	2	2	100.0	0	0	0	-	0	-	2
2012	0	0	0	-	0	0	0	-	0	-	0
JUMLAH	**32**	**3**	**35**	**56.5**	**22**	**3**	**25**	**40.3**	**2**	**3.2**	**62**

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana hanya 35 (56.5%) daripada 62 projek telah dapat disiapkan mengikut jadual.

Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013

Sebanyak 25 projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan telah diberikan lanjutan masa kerana projek-projek tersebut mengalami masalah pelaksanaan dan kekangan di tapak projek. JPP telah mengenal pasti faktor kelewatan seperti berikut:

i. berlaku perubahan terhadap skop kerja asal;

ii. berlaku perubahan jajaran semasa pemasangan paip pembetungan;

iii. berlaku kerja-kerja pengalihan utiliti dalam jajaran asal oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad atau Pihak Berkuasa Air;

iv. proses pengambilan balik tanah;

v. bantahan keras dan aduan penduduk terhadap projek yang dilaksanakan; dan

vi. terdapat penambahan syarat-syarat kelulusan permit oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

Sebagai langkah penambahbaikan, JPP telah menyemak semula tempoh pelaksanaan projek bagi mendapatkan tempoh kontrak yang lebih realistik dan praktikal. Tempoh penyiapan projek yang munasabah akan ditentukan dengan mengambil kira kompleksiti/kesukaran di tapak yang membabitkan keperluan pengalihan utiliti, kelulusan permit dan sebagainya.

b. Pencapaian Fizikal Bagi Projek Yang Diaudit

i. Mengikut syarat kontrak, tempoh penyiapan bagi 13 projek yang diaudit adalah antara 1.5 bulan hingga 48 bulan dari tarikh milik tapak. Setakat 31 Disember 2012, sebanyak 10 projek telah siap; 2 projek masih dalam pelaksanaan manakala satu projek iaitu Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah telah dikategorikan sebagai projek sakit kerana gagal disiapkan. Daripada 10 projek yang telah siap, didapati 8 (80%) projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan telah diluluskan antara satu hingga 5 lanjutan masa [Extension of Time (EOT)] melibatkan tempoh antara 34 hingga 989 hari. Projek Rangkaian Paip Pembetungan di Juru, Pulau Pinang didapati mengalami tempoh kelewatan yang paling panjang iaitu sehingga 37 bulan dari tarikh penyiapan asal dan telah diluluskan 5 lanjutan masa selama 989 hari. Bagi 2 projek yang masih dalam pelaksanaan, didapati kedua-duanya telah melepasi jadual penyiapan projek yang asal dan telah diluluskan masing-masingnya 2 EOT melibatkan tempoh 290 dan 260 hari. Selanjutnya didapati kontraktor bagi 6 projek telah dikenakan denda *Liquidated Ascertained and Damages* (LAD) berjumlah RM6.63 juta kerana gagal menyiapkan projek dalam tempoh penyiapan asal/lanjutan masa yang diluluskan. JPP telah memungut keseluruhan jumlah LAD yang dikenakan kepada kontraktor berkenaan melalui potongan bayaran kemajuan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.8
PRESTASI FIZIKAL BAGI 14 PROJEK YANG DIAUDIT SETAKAT 31 DISEMBER 2012

PROJEK	TEMPOH KONTRAK ASAL	TEMPOH LANJUTAN MASA		TARIKH SIAP DITETAPKAN SELEPAS EOT	TARIKH PROJEK SEBENAR SIAP	LAD YANG DIKENAKAN (RM)	STATUS
		BIL.	TEMPOH (Hari)				
Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah.	08.05.2006 hingga 07.11.2008	1	306	09.09.2009	Tidak siap	-	Kontrak asal telah ditamatkan
		2	173	01.03.2010			
JUMLAH			**479**				
Projek Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai Di Kuala Sawah.	02.08.2010 hingga 01.08.2012	1	152	31.12.2012	-	-	Dalam Pelaksanaan
		2	138	18.05.2013	-	-	
JUMLAH			**290**				
Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai Di Sunggala	16.10.2008 hingga 15.04.2010	1	103	28.07.2010	02.11.2010	186,660	Siap

PROJEK	TEMPOH KONTRAK ASAL	TEMPOH LANJUTAN MASA		TARIKH SIAP DITETAPKAN SELEPAS EOT	TARIKH PROJEK SEBENAR SIAP	LAD YANG DIKENAKAN (RM)	STATUS
		BIL.	TEMPOH (Hari)				
Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Dan Enap Cemar Berpusat Serta Rangkaian Paip Pembetungan Di Bandar Alor Gajah	05.03.2008 hingga 04.03.2010	1	290	19.12.2010	29.12.2011	3,182,740	Siap
Projek Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan Dan Mentauliah Kerja-kerja Menaik Taraf 3 Unit Loji Rawatan Kumbahan (MTH073, JKI022 & JKI046) Di Melaka Dan Johor	16.04.2010 hingga 15.10.2011	1	56	10.12.2011	29.02.2012	14,528	Siap
		2	53	01.02.2012			
JUMLAH			**109**				
Projek Kerja-kerja Membaik Pulih 5 Unit Loji Rawatan Kumbahan (KLR212, KLR164, KUN110, KUN015 & HLS017) Di Kuala Lumpur Dan Pahang	06.07.2010 hingga 05.01.2012	-	-	-	26.01.2012	9,499	Siap
Projek Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan Dan Mentauliah Kerja-kerja Menaik Taraf 4 Unit Loji Rawatan Kumbahan *Biosoil* (PTG104, AMA108, AMA116 & AMA118) Di Petaling Jaya Dan Ampang, Selangor	11.05.2010 hingga 10.11.2012	1	40	20.12.2012	20.12.2012	-	Siap
Tender Semula Bagi Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Di Pantai Chenang Dan Pantai Tengah, Pulau Langkawi, Kedah	28.06.2011 hingga 27.06.2012	-	-	-	21.05.2012	-	Siap
Projek Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Awam Di Kuah, Pulau Langkawi, Kedah	15.11.2011 hingga 10.01.2012	1	34	13.02.2012	13.02.2012	-	Siap
Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Awam Di Padang Matsirat, Pulau Langkawi, Kedah	15.11.2011 hingga 06.03.2012	1	45	20.04.2012	20.04.2012	-	Siap
Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Juru	14.02.2006 hingga 13.02.2008	1	241	11.10.2008	24.03.2011	1,365,654	Siap
		2	380	26.10.2009			
		3	208	22.05.2010			
		4	118	17.09.2010			
		5	42	29.10.2010			
JUMLAH			**989**				
Kerja-kerja Membaik Pulih 4 Loji Rawatan Kumbahan Bermekanikal Di Kulim, Kedah, Menaik Taraf 2 Stesen Pam Dan Memasang Paip Pembetungan Bertekanan Tinggi Di Pulau Pinang	15.09.2010 hingga 14.05.2011	1	108	30.08.2012	-	-	Dalam Pelaksanaan
		2	152	29.01.2013			
JUMLAH			**260**				
Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Kangar	14.02.2006 hingga 13.02.2009	1	275	15.11.2009	31.07.2011	1,872,425	Siap
		2	90	13.02.2010			
		3	204	02.02.2011			
JUMLAH			**569**				

ii. Antara sebab EOT diluluskan oleh JPP ialah berlaku perubahan jajaran paip pembetungan serta kelewatan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi berkaitan seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (Telekom) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Selain itu didapati 5 lanjutan masa yang diluluskan bagi Projek Rangkaian Paip Pembetungan di Juru, Pulau Pinang juga disebabkan oleh perkara seperti berikut:

- penolakan kerja oleh sub-kontraktor yang telah dilantik;
- pengalihan kabel utiliti seperti TNB, Pihak Berkuasa Air (PBA) dan Telekom;
- kelewatan pengambilan balik tanah; dan
- kerja-kerja pelupusan paip sedia ada berhampiran lokasi projek.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal 13 projek yang diaudit kurang memuaskan kerana sebahagian besar projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh penyiapan asal dalam kontrak, di samping terdapat satu projek sakit. Bagaimanapun, JPP telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan mengenakan dan memungut LAD terhadap 6 kontraktor yang masih gagal menyiapkan projek pada akhir tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Tindakan ini adalah selaras dengan syarat kontrak dan peraturan yang berkuat kuasa.

iii. Projek Sakit - Rangkaian Paip Pembetungan di Kuala Sawah, Negeri Sembilan

- Projek Rangkaian Paip Pembetungan di Kuala Sawah, Negeri Sembilan dilaksanakan secara tender terbuka pada 15 Ogos 2005. Penilaian awal dibuat oleh perunding yang dilantik berdasarkan pematuhan terhadap syarat tender mandatori, penilaian teknikal, keupayaan kontraktor dan keupayaan kewangan. Penilaian selanjutnya dibuat di peringkat Jawatankuasa Penilaian Tender JPP sebelum dikemukakan kepada Lembaga Perolehan A KeTTHA. Jawatankuasa Penilaian Tender JPP telah mengesyorkan petender Road Builder (M) Sdn. Bhd. dengan harga RM117.71 juta melibatkan tempoh 30 bulan. Lembaga Perolehan A KeTTHA dalam perakuannya kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada 12 Disember 2005 juga telah mengesyorkan petender yang sama sepertimana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender JPP. Semakan Audit selanjutnya mendapati MOF melalui surat bertarikh 4 Januari 2006 telah melantik kontraktor yang tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender JPP/Lembaga Perolehan KeTTHA iaitu Satriadesa Corporation Sdn. Bhd. dengan

harga RM98.89 juta melibatkan tempoh 30 bulan. Adalah didapati Satriadesa Corporation Sdn. Bhd. telah gagal dalam penilaian peringkat kedua kerana gagal mencapai markah 50% ke atas bagi keupayaan teknikal. Butiran lanjut perolehan kontrak tersebut seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.9
MAKLUMAT PEROLEHAN KONTRAK

RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI KUALA SAWAH	
Kaedah Perolehan	Tender Terbuka
Keputusan Jawatankuasa Penilaian Tender JPP	Road Builder (M) Sdn. Bhd. (RM117.71 juta)
Keputusan Lembaga Perolehan Kementerian	Road Builder (M) Sdn. Bhd. (RM117.71 juta)
Kelulusan Kementerian Kewangan	Satriadesa Corporation Sdn. Bhd. (Harga Kontrak: RM98.89 juta)
Anggaran Jabatan	RM133.88 juta
Kos Kontrak	RM98.89 juta (26.1% lebih rendah dari harga anggaran JPP)

- Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor telah gagal menyiapkan projek mengikut tempoh penyiapan asal dalam kontrak dan telah diluluskan Lanjutan Masa [Extension of Time (EOT)] No. 1 selama 306 hari iaitu sehingga 9 September 2009. Kontraktor juga didapati tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam tempoh EOT No. 1 menyebabkan JPP mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor pada 26 Jun 2009. Berdasarkan notis tersebut, kemajuan kerja di tapak telah mengalami kelewatan sebanyak 42.1%.

- Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2006 menetapkan projek sakit adalah projek yang mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi 3 bulan atau 30% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya. Bagi menangani masalah projek sakit, Kementerian/Agensi Teknikal hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit (JKPPS). Semakan Audit mendapati JKPPS telah ditubuhkan di peringkat Kementerian dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KeTTHA pada ketika itu. Minit Mesyuarat JKPPS Bil. 2/2009 bertarikh 24 Julai 2009 melaporkan, berdasarkan Sistem Pengurusan Projek II (SPPII) setakat 18 Julai 2009, secara fizikal projek ini telah mengalami kelewatan sebanyak 50.3%. Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai pelan mitigasi kerja kontraktor untuk tempoh 15 Julai 2009 sehingga 1 Mac 2010 untuk pertimbangan kelulusan lanjutan masa kedua. Selanjutnya didapati

JKPPS telah memutuskan supaya kontraktor diberikan tempoh masa yang munasabah bagi melaksanakan pelan mitigasi yang dicadangkan bagi membolehkan JKPPS menilai keupayaan kontraktor untuk menyiapkan projek. Lanjutan itu, melalui Mesyuarat JKPPS Bil. 3/2009 pada 10 September 2009, kontraktor telah diluluskan EOT No. 2 selama 173 hari iaitu mulai 10 September 2009 hingga 1 Mac 2010. Bagaimanapun, JKPPS telah mengingatkan kontraktor sekiranya terdapat kelewatan selepas EOT No. 2 diberikan, JKPPS akan menamatkan kontrak kerja yang diberikan.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati kontrak telah ditamatkan pada 7 Januari 2010 iaitu sebelum berakhirnya tempoh lanjutan masa kedua. Ini berikutan pemantauan kemajuan kerja di tapak oleh pihak JPP mendapati pencapaian kemajuan kerja amat mendukacitakan di mana berlaku kelewatan kemajuan kerja yang berterusan (kemajuan kerja telah lewat sebanyak 41.3% atau 576 hari) berbanding yang dijadualkan serta aktiviti-aktiviti yang amat perlahan di tapak. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.10
TEMPOH LANJUTAN MASA

PROJEK	TEMPOH KONTRAK	LANJUTAN MASA		TARIKH SIAP BARU	TARIKH NOTIS PENAMATAN PENGAMBILAN KONTRAKTOR
		BIL.	TEMPOH HARI		
Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah	08.05.2006 hingga 07.11.2008 (30 bulan)	1	306	09.09.2009	07.01.2010**
		2	173*	01.03.2010*	
JUMLAH		**2**	**479**		

Nota: ***(*) - Maklumat Diperoleh Daripada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit KeTTHA Bil. 3 Tahun 2009 Bertarikh 10 September 2009 Dan Surat Daripada JPP Kepada Satriadesa Corporation Sdn. Bhd.***
(**) - Nota Makluman Daripada JPP

- Bagi memastikan pelaksanaan projek ini dapat diteruskan sepertimana yang dirancang, pihak KeTTHA telah melantik kontraktor penyelamat iaitu Tuah Mahir Sdn. Bhd. untuk menyiapkan baki kerja kontraktor yang terdahulu dengan harga kontrak RM91.75 juta dan tempoh kontrak selama 24 bulan iaitu sehingga 1 Ogos 2012. Namun projek ini juga tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal dan telah diluluskan 2 EOT selama 290 hari iaitu sehingga 18 Mei 2013.

- Secara amnya dapat dirumuskan, kegagalan kontraktor asal menyiapkan projek ini telah memberi impak kepada Kerajaan dari aspek kos. Adalah didapati kos keseluruhan projek ini telah meningkat daripada RM81.45 juta (nilai kontrak dipinda bagi kontraktor asal) kepada RM121.65 juta [bayaran interim kepada kontraktor asal setakat bulan Jun 2009 bernilai RM29.90 juta (nilai

kerja semasa penamatan tidak dapat ditentukan) + jumlah harga kontrak baru (kontraktor penyelamat) berjumlah RM91.75 juta] iaitu peningkatan sejumlah RM40.20 juta (49.3%).

- Mengikut syarat kontrak Para 51. (c) (v), Kerajaan boleh menuntut apa-apa kerugian daripada kontraktor asal jika kontrak mereka ditamatkan akibat daripada kegagalannya menyiapkan projek. Sehubungan ini, setelah projek disiapkan oleh kontraktor penyelamat, pegawai penguasa perlu menyediakan satu perakuan yang menunjukkan dengan jelas jumlah kos penyiapan projek seperti jumlah yang telah dibayar kepada kontraktor asal, jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor penyelamat dan lain-lain kos yang terlibat untuk menyiapkan projek ini. Sebarang perbezaan antara kos untuk menyiapkan projek ini dengan kos asal perlu dituntut daripada kontraktor asal. Semakan Audit mendapati JPP masih belum menuntut jumlah kerugian tersebut memandangkan kerja-kerja pembinaan oleh kontraktor penyelamat masih lagi dalam peringkat pelaksanaan.

Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013

Pelantikan kontraktor ini bukan sepertimana syor Jawatankuasa Penilaian Tender JPP dan Lembaga Perolehan A, KeTTHA. Bagaimanapun, JPP telah memantau dan membantu kontraktor dalam pelaksanaan projek. Namun, pihak kontraktor tidak berupaya melaksanakan dan menyiapkan projek mengikut program kerja yang telah diluluskan. JPP terpaksa mengambil langkah penamatan pengambilan kerja kontraktor mengikut prosedur dan peruntukan kontrak sedia ada. Kerugian yang dialami oleh Kerajaan dan/atau ganti rosak yang berlaku kepada Kerajaan disebabkan oleh penamatan pengambilan kerja kontraktor akan dituntut secara terus daripada kontraktor (Satriadesa Corporation Sdn. Bhd.) setelah perakuan muktamad kontrak yang ditamatkan pengambilan kerja kontraktor disiapkan. Tuntutan dijangka dikemukakan pada bulan Julai 2013.

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 21 Mei 2013

Setelah meneliti perakuan yang dikemukakan oleh KeTTHA, Kementerian Kewangan berpandangan petender yang disyorkan iaitu Road Builder (M) Sdn. Bhd. tidak wajar dipertimbangkan kerana prestasi kontraktor ini bagi projek dalam tangan (Loji Rawatan Kumbahan Di Bunus) kurang memuaskan di mana terdapat kelewatan sebanyak 26%. Kementerian Kewangan juga berpandangan adalah tidak wajar kegagalan projek dibebankan sepenuhnya kepada pemilihan kontraktor. Peranan Agensi

Pelaksana dalam menjalankan pemantauan yang rapi terhadap projek-projek yang dilaksanakan amatlah penting bagi memastikan projek berjalan dengan lancar mengikut jadual, terutama sekali projek-projek konvensional kerana perunding telah pun dilantik oleh Kerajaan.

Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor sepatutnya dibuat berdasarkan keupayaan teknikal dan kewangan kontraktor bagi mengelakkan risiko projek terbengkalai yang merugikan Kerajaan.

10.5.2. Pengurusan Projek Pembetungan Negara

Penilaian pengurusan Projek Pembetungan Negara telah dibuat terhadap 13 sampel projek yang dipilih. Aspek utama yang dinilai ialah kualiti pembinaan; penggunaan kemudahan yang dibangunkan; pengurusan rawatan kumbahan dan pelepasan efluen serta pengurusan kontrak. Butiran lanjut seperti di perenggan berikut:

10.5.2.1. Kualiti Pembinaan

Pihak pengguna hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi mengenal pasti ketidaksempurnaan, kecacatan dan kerja yang tidak mengikut spesifikasi seperti dalam kontrak. Segala aduan yang dibuat perlu diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor dalam tempoh yang ditetapkan. Lawatan Audit yang dijalankan terhadap 10 daripada 13 projek pembetungan mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Projek Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai di Sunggala

Kontraktor Lestari Nilam Sdn. Bhd. telah dilantik untuk melaksanakan projek ini dengan harga kontrak berjumlah RM65 juta. Projek telah diperakukan siap pada 2 November 2010 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah sehingga 1 November 2011. Bagaimanapun, pihak JPP memaklumkan kontraktor tidak menjalankan kerja-kerja membaiki kecacatan yang dilaporkan dalam tempoh Tanggungan Kecacatan tersebut. Sehubungan itu, JPP telah menahan bon pelaksanaan yang berjumlah RM1.53 juta dan melantik kontraktor penyelamat iaitu SP Multitech Sdn. Bhd. (Multitech) pada 10 Ogos 2012 bagi melaksanakan kerja-kerja membaik pulih kecacatan. Pelantikan Multitech ini telah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Kementerian Kewangan.

Pada pendapat Audit, tindakan JPP menahan bon pelaksanaan Lestari Nilam Sdn. Bhd. yang tidak menjalankan kerja-kerja pembaikan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah selaras dengan syarat kontrak.

Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013

Kontraktor Multitech telah menyiapkan kerja-kerja pembaikan (Mechanical and Electrical) pada 15 Oktober 2012 manakala kerja-kerja pembaikan kecacatan (Civil and Structure) masih dalam tempoh pelaksanaan.

b. Kecacatan Akibat Pelaksanaan Projek Lain Yang Berhampiran

- **Projek Kerja-kerja Membaik Pulih 5 Unit Loji Rawatan Kumbahan Di Kuala Lumpur Dan Pahang**

  Projek ini melibatkan kerja baik pulih di 5 Loji Rawatan Kumbahan (STP) iaitu KLR 212, KLR 164, KUN 110, KUN 015 dan HLS 017. STP Cheras Makmur (KLR 164) telah siap dijalankan kerja pembaikpulihan dan dikeluarkan *Certificate of Partial Occupation* (CPO) serta diserahkan kepada IWK untuk tujuan operasi dan penyenggaraan pada 13 Disember 2010. *Verification of Making Good Defect* (VMGD) untuk loji KLR 164 telah tamat tempoh pada 9 Januari 2012. Lawatan Audit di loji KLR 164 pada 23 Oktober 2012 mendapati lapisan permukaan jalan (premix) telah pecah; berlaku mendapan di parameter *drain* dan terdapat keretakan yang serius pada tembok pagar. Mengikut pihak kontraktor dan JPP, kecacatan di loji ini berlaku akibat pembinaan Kerja-kerja Kawalan Kuantiti dan Kualiti Air Sungai/Sistem Saluran/Kolam Takungan Banjir bagi Projek River Of Life yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) di sebelah kawasan STP KLR 164. IWK pada 18 Mei 2012 telah mengemukakan surat aduan keretakan kepada pihak JPS dan meminta JPS menangani segera keadaan hakisan dan keretakan yang berlaku. Lanjutan daripada aduan tersebut, pihak JPS telah mengadakan lawatan ke tapak projek bersama-sama dengan pihak IWK. Bagaimanapun setakat tarikh lawatan Audit pada 23 Oktober 2012, tindakan pembaikan masih belum diambil terhadap kerosakan yang berlaku. ***Mengikut maklum balas JPP pada 8 Mac 2013, pihak JPS melalui kontraktor yang dilantik telah membaik pulih kerosakan ke atas jalan, longkang dan tembok pagar pada 15 Disember 2012.*** Perbandingan kerosakan semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2012 dan lawatan susulan pada bulan April 2013 iaitu selepas kerja pembaikan dilaksanakan adalah seperti di gambar-gambar berikut:

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.1



GAMBAR 10.2



STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Premix Di Dalam Kawasan STP Retak
(23.10.2012)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 10.3



GAMBAR 10.4



STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Kerja Pembaikan Yang Telah Dilaksanakan
(15.04.2013)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.5



STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Parameter Drain Yang Mengalami Mendapan
(23.10.2012)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN


GAMBAR 10.6



STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Kerja Pembaikan Yang Telah Dilaksanakan
(15.04.2013)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.7



STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Parameter Drain Yang Mengalami Mendapan

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 10.8




STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Kerja Pembaikan Yang Telah Dilaksanakan

(23.10.2012)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.9



STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Binaan Tembok Pagar Yang Mengalami Keretakan
(23.10.2012)

(15.04.2013)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 10.10



STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Kerja Pembaikan Yang Telah Dilaksanakan
(15.04.2013)



SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR 10.11

STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Kerja Pembaikan Yang Telah Dilaksanakan
(15.04.2013)

Memandangkan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak JPS masih belum selesai, pihak Audit berpendapat IWK selaku operator loji perlu menjalankan pengawasan yang rapi supaya kerosakan berisiko tinggi, terutamanya pada struktur tangki loji kumbahan dapat dikesan lebih awal dan tindakan bersesuaian dapat diambil dengan segera.

10.5.2.2. Penggunaan Kemudahan Yang Dibangunkan

Objektif Projek Pembetungan Negara (pembinaan dan naik taraf loji rawatan kumbahan serta rangkaian paip pembetungan) secara amnya adalah untuk menyediakan sistem pembetungan yang berfungsi dengan baik supaya pelepasan efluen ke atas sumber air negara menepati piawaian yang ditetapkan oleh JAS, di samping memberi manfaat kepada usaha meningkatkan mutu kehidupan rakyat dan memelihara alam sekitar. Loji rawatan kumbahan dibina bertujuan untuk merawat sisa kumbahan dari rangkaian paip pembetungan awam sebelum disalirkan ke dalam sungai. Penyambungan dari premis ke paip pembetungan awam hendaklah dibuat untuk memastikan sisa kumbahan tidak dialirkan ke dalam sungai tanpa dirawat. Semakan Audit terhadap 13 projek mendapati secara amnya projek pembetungan yang dibangunkan telah menepati objektif yang ditetapkan, kecuali Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah yang terbengkalai di mana kontraktor telah ditamatkan kontraknya serta projek-projek di Pulau Langkawi dan Port Dickson. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Projek Pembetungan Di Pulau Langkawi

i. JPP telah membina sistem pembetungan awam serantau di Pulau Langkawi di mana loji-loji rawatan kumbahan telah siap pada tahun 2003. Rangkaian paip pembetungan juga telah dibina sama ada oleh pihak JPP atau Majlis Perbandaran Langkawi. Pada bulan Februari 2010, YAB Perdana Menteri telah membuat lawatan ke Pulau Langkawi dan memberi ulasan berkaitan pencemaran di kawasan tersebut. Sehubungan itu, JPP melalui mesyuarat yang diadakan pada bulan Julai 2010 bersetuju supaya kerja-kerja penyambungan dari premis ke paip pembetungan awam dilaksanakan di Pulau Langkawi. Lanjutan itu, JPP telah melantik 3 kontraktor di bawah Fasa 1 untuk melaksanakan kerja penyambungan paip pembetungan dari premis ke paip pembetungan awam di Pulau Langkawi melalui 3 kontrak yang melibatkan kawasan Pantai Chenang dan Pantai Tengah (T02), Padang Matsirat (Q13) dan Kuah (Q14). Tiga projek ini telah diperakukan siap pada 21 Mei 2012 (T02), 20 April 2012 (Q13) dan 13 Februari 2012 (Q14).

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati keseluruhan premis yang telah dikenal pasti untuk penyambungan ke paip pembetungan awam adalah 99 premis, namun pelaksanaannya dalam Fasa 1 hanya melibatkan 31 premis (31.3%). Keseluruhan premis yang sebenarnya telah dibuat penyambungan di bawah Fasa 1 ialah 29 (93.5%) premis. Butiran lanjut seperti di **Jadual 10.11**. Dua lagi premis tidak dibuat penyambungan disebabkan keengganan pemilik premis memberikan kerjasama. Antara faktor penyambungan tidak dibuat secara menyeluruh ialah JPP tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi bagi membiayai kos penyambungan secara serentak bagi kesemua premis terlibat.

Mengikut Maklum Balas JPP Pada 8 Mac 2013

Projek Fasa 2 yang melibatkan penyambungan 38 premis telah dimulakan pada 4 Februari 2013 dengan kos berjumlah RM5.20 juta yang dibiayai oleh pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Fasa 3 yang melibatkan 30 premis akan dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan kewangan Kerajaan.

JADUAL 10.11
PENYAMBUNGAN DARI PREMIS KE
PAIP PEMBETUNGAN AWAM DI PULAU LANGKAWI

PROJEK	*POPULATION EQUIVALENT*			BIL. PREMIS DIKENAL PASTI	BIL. PENYAMBUNGAN FASA 1		
	DESIGN	SEBENAR			RANCANG	SEBENAR	(%)
		SEBELUM PENYAMBUNGAN	SELEPAS PENYAMBUNGAN				
Tender Semula Bagi Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Di Pantai Chenang Dan Pantai Tengah, Pulau Langkawi, Kedah	10,520 (STP Pantai Tengah)	449	9,100	78	26	24	96.2
Projek Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Awam Di Kuah, Pulau Langkawi, Kedah	26,000 (STP Kuah)	6,535	20,100	20	4	4	100.0
Kerja-kerja Penyambungan Dari Premis Ke Paip Pembetungan Awam Di Padang Matsirat, Pulau Langkawi, Kedah	22,000 (STP Matsirat)	1,647	6,698	1	1	1	100.0
JUMLAH				**99**	**31**	**29**	**93.5**

iii. Akta 655, Seksyen 57 (1) memperuntukkan kuasa kepada SPAN untuk mengarahkan pemilik premis/pemaju menyambung premisnya ke sistem pembetungan awam dalam lingkungan 30 meter dari sempadan premis. Seksyen 57 (2) pula memperuntukkan kuasa kepada SPAN untuk mendapatkan kos penyambungan daripada pemilik premis/pemaju/ penghuni sekiranya pihak berkenaan tidak mematuhi arahan penyambungan yang dikeluarkan oleh SPAN. Namun berdasarkan minit-minit mesyuarat/laporan yang disemak, pihak Audit mendapati premis-premis domestik dan komersial tidak mahu membuat penyambungan sendiri ke sistem pembetungan serantau disebabkan premis mereka telah pun mempunyai Individual Septic Tank (IST) atau sistem pengolahan kumbahan mereka sendiri.

iv. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Langkawi, terdapat 51 hotel yang tertakluk di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Daripada pemeriksaan yang dijalankan, JAS mendapati 18 hotel mempunyai loji kumbahan mereka sendiri manakala 15 hotel mempunyai loji kumbahan sendiri tetapi telah ditutup (kerana kos operasi tinggi) dan kumbahan disalurkan ke rangkaian paip pembetungan IWK. Selain itu, sebanyak 12 hotel menggunakan Individual Septic Tank; sebanyak 5 hotel tidak beroperasi dan loji bagi sebuah hotel dikendalikan oleh operator persendirian. Pihak Audit mendapati JAS menjalankan pemantauan bulanan terhadap keputusan pensampelan efluen bagi 18 hotel yang mempunyai loji pengolahan kumbahan sendiri. Bagi tempoh pemantauan bulan Januari 2012 hingga

Februari 2013, pihak Audit mendapati 5 daripada 14 hotel tidak mematuhi standard efluen bagi bulan-bulan tertentu yang melibatkan parameter BOD5 dan COD (**Jadual 10.12**). Manakala baki 4 daripada 18 hotel yang mempunyai loji pengolahan kumbahan sendiri, Notis Arahan di bawah Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan untuk mengarahkan pemunya premis mematuhi Peraturan 4, Peraturan-peraturan Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Peraturan 4 adalah berhubung pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah JAS sebelum membuang atau melepaskan atau membenarkan pembuangan atau pelepasan kumbahan ke mana-mana tanah, perairan pedalaman dan perairan Malaysia. JAS memaklumkan bahawa 4 hotel ini akan disusul dalam program penguatkuasaan tahun 2013.

JADUAL 10.12
PEMATUHAN STANDARD PELEPASAN EFLUEN BERDASARKAN PEMANTAUAN JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN LANGKAWI BAGI TEMPOH 14 BULAN (JANUARI 2012 HINGGA FEBRUARI 2013)

STANDARD PELEPASAN EFLUEN TIDAK DIPATUHI		
BIL. BULAN TIDAK PATUH	**BIL. PREMIS TIDAK PATUH**	**PARAMETER TIDAK PATUH**
1 bulan	2	BOD5; COD
2 bulan	2	BOD5; COD
3 bulan	1	BOD5; COD

b. Projek Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai di Sunggala, Port Dickson

Projek ini telah siap dilaksanakan pada 2 November 2010 dengan kos keseluruhan berjumlah RM65 juta. Kerja-kerja terlibat adalah membina rangkaian paip pembetungan ke loji rawatan kumbahan dan tidak termasuk kerja-kerja penyambungan dari premis ke paip pembetungan awam. *Catchment area* keseluruhannya di Sunggala meliputi 9 premis (bangunan milik awam dan persendirian), sebanyak 1,309 perumahan dan 20 hotel di mana *design capacity* loji adalah 60,000 PE. Lawatan Audit mendapati hanya satu premis dan 3 hotel yang telah disambungkan ke paip pembetungan awam yang dibina oleh JPP melibatkan 10,000 PE. Butiran lanjut seperti di **Jadual 10.13**. Semakan Audit selanjutnya mendapati kos penyambungan bagi satu premis dan 3 hotel ini dibiayai oleh JPP berdasarkan aduan PBT bahawa 4 premis ini menyumbang kepada pelepasan efluen yang tertinggi di Sunggala. Kerja penyambungan dari premis pengguna kepada rangkaian paip pembetungan yang baru dibina ini tidak dibuat secara menyeluruh antaranya adalah disebabkan JPP tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi membiayai kos penyambungan bagi kesemua premis. ***Pihak JPP memaklumkan pada tahun 2013, pihaknya telah disediakan peruntukan berjumlah***

RM17.70 juta di bawah Peruntukan Akaun Amanah Wang Sumbangan Kapital Pembetungan bagi membiayai projek penyambungan premis di kawasan Sunggala, Port Dickson ke paip pembetungan awam yang akan melibatkan 156 premis.

JADUAL 10.13
PENYAMBUNGAN PREMIS PENGGUNA KE PAIP PEMBENTUNGAN AWAM

PROJEK	*POPULATION EQUIVALENT* (STP SUNGGALA)		JAJARAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN (KM)	BIL. PREMIS DIKENAL PASTI	BIL. PENYAMBUNGAN SEBENAR	PERATUS PENYAMBUNGAN (%)
	DESIGN	SEBENAR				
Menyiapkan Rangkaian Paip Pembetungan Terbengkalai Di Sunggala, Port Dickson, Negeri Sembilan	60,000	10,000	16	9 premis	1	11.1
				1,309 perumahan	0	0
				20 hotel	3	15.0

Pada pendapat Audit, objektif pelaksanaan projek di Pulau Langkawi dan Port Dickson masih belum tercapai sepenuhnya memandangkan penyambungan daripada premis-premis yang dikenal pasti ke paip pembetungan awam tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Keadaan ini juga menyebabkan *design capacity* loji mengikut *Population Equivalent* (PE) tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013

Walaupun dari segi perundangan (Akta 655), menjadi tanggungjawab pemilik premis untuk membuat penyambungan dari premis ke sistem pembetungan awam setelah menerima arahan dari SPAN, JPP telah mengambil inisiatif untuk menanggung kos bagi kerja-kerja penyambungan dari premis ke paip pembetungan awam di Pulau Langkawi dan 4 premis di Port Dickson berdasarkan faktor seperti berikut:

i. ***berdasarkan perhatian oleh YAB Perdana Menteri yang telah menyarankan supaya Kerajaan membuat sambungan premis agar kualiti air dapat ditingkatkan;***
ii. ***JPP memberi keutamaan kepada kawasan pelancongan yang menjadi tumpuan orang ramai;***
iii. ***untuk memaksimumkan kapasiti loji setelah Kerajaan membiayai kos pembinaannya; dan***
iv. ***mengelak dan mengurangkan pencemaran daripada pelepasan kumbahan ke kawasan tadahan bekalan air.***

10.5.2.3. Rawatan Kumbahan Dan Kawalan Pelepasan Efluen

a. Efluen yang dilepaskan ke sungai/kawasan perairan perlu mematuhi syarat-syarat pembuangan kumbahan yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 seperti di **Jadual 10.14**. **Pihak Audit telah mendapatkan keputusan pensampelan bagi 17 loji rawatan kumbahan daripada JAS**. Berdasarkan maklum balas yang dikemukakan oleh JAS/IWK, didapati 9 (56.2%) daripada 16 loji masih tidak mencapai standard efluen yang telah ditetapkan manakala satu loji tidak dibuat analisis kerana efluen disalirkan ke loji lain. Analisis Audit adalah berdasarkan kekerapan loji tidak mematuhi standard efluen berbanding keseluruhan populasi pensampelan oleh JAS/IWK. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.15.**

JADUAL 10.14
STANDARD EFLUEN YANG DITETAPKAN

KATEGORI	STANDARD	JENIS LOJI	BOD_5	COD	NH_3N	O&G	SS
1	A	-	20	120	10	5	50
	B	-	50	200	20	10	100
2	A	-	20	120	50	20	50
	B	-	50	200	50	20	100
3	A	*Oxidation Pond*	120	360	70	-	150
	B		120	360	70	-	150
	A	*Mechanical System*	60	180	60	20	100
	B		60	240	60	20	120

Nota : ***BOD5 - Biochemical Oxygen Demand***
COD - Chemical Oxygen Demand
NH3N - Ammoniacal Nitrogen
O&G - Oil & Grease
SS - Suspended Soil

JADUAL 10.15
KEPUTUSAN PENSAMPELAN EFLUEN

LOJI	JENIS LOJI	*DESIGN*		TARIKH SAMPEL	BIL. PENSAMPELAN	EFLUEN TIDAK MEMATUHI STANDARD BERBANDING BILANGAN PENSAMPELAN (Kekerapan)				
		STANDARD EFLUEN	KATEGORI			BOD5	COD	NH3N	O&G	SS
Sungai Petai, Alor Gajah, Melaka (AGH173)	MP	A	2	21.02.2012 hingga 29.01.2013	17	0	0	0	0	0
Pandan Cahaya, Selangor (AMA108)	MP	B	3	15.06.2011 hingga 17.10.2012	17	13	9	0	5	6
Pandan Perdana, Selangor (AMA116)	MP	B	3	13.12.2011 hingga 17.10.2012	15	5	5	0	4	3
Pandan Indah, Ampang, Selangor (AMA118)	MP	B	3	11.07.2011 hingga 17.10.2012	17	17	16	0	13	7

LOJI	JENIS LOJI	*DESIGN*		TARIKH SAMPEL	BIL. PENSAMPELAN	EFLUEN TIDAK MEMATUHI STANDARD BERBANDING BILANGAN PENSAMPELAN (Kekerapan)				
		STANDARD EFLUEN	KATEGORI			BOD5	COD	NH3N	O&G	SS
Puchong Perdana, Selangor (PTG104)	MP	B	3	-	-	Tiada sampel diambil, aliran dialihkan ke loji PTG154				
Cheras Makmur, Kuala Lumpur (KLR164)	MP	B	3	02.10.2012 hingga 16.10.2012	10	0	0	0	0	0
Taman Jinjang Baru, Kuala Lumpur (KLR212)	MP	B	2	14.09.2011 hingga 19.01.2012	7	5	5	0	1	4
Teluk Chempedak, Kuantan, Pahang (KUN015)	MP	B	2	14.04.2011	1	1	0	0	0	1
Taman Seri Inderapura, Kuantan, Pahang (KUN110)	MP	B	3	29.08.2007 hingga 02.08.2011	5	2	1	0	2	1
Benta, Lipis, Pahang (HLS017)	OP	A	3	10.05.2011 hingga 09.11.2011	2	0	0	0	-	0
Ayer Molek, Melaka (MTH073)	MP	B	3	05.01.2010 hingga 23.02.2012	15	10	1	0	0	1
Senai, Johor (JKI046)	MP	B	3	08.10.2010 hingga 08.02.2012	6	1	0	0	0	2
Skudai, Johor (JKI022)	MP	B	2	29.06.2011 hingga 27.12.2011	2	0	0	0	0	0
Kulim (KIM 016)	MP	B	3	31.05.2011 hingga 19.09.2012	6	0	0	0	0	0
Kulim (KIM 017)	MP	B	3	27.06.2011 hingga 19.09.2012	6	0	0	0	0	1
Kulim (KIM 018)	MP	B	3	14.03.2011 hingga 08.10.2012	7	0	0	0	0	0
Kulim (KIM 044)	MP	B	3	08.06.2011 hingga 19.09.2012	6	0	0	0	0	0

Nota : ***OP - Oxidation Pond***
MP - Mechanical System

Rujukan:

Mematuhi

Tidak Mematuhi

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 16 sampel loji yang dianalisis, sebanyak 6 (37.5%) loji telah dijalankan kerja naik taraf yang bertujuan untuk peningkatan kualiti efluen. Sebelum dinaiktarafkan, kesemua loji ini adalah dari jenis *mechanical system* dan pematuhan kualiti efluen adalah berdasarkan Standard B, Kategori 3 di mana efluen yang dilepaskan adalah yang paling tinggi berbanding Kategori 1 dan 2. Setelah kerja-kerja naik taraf dijalankan, 6 loji ini telah diklasifikasikan dalam Standard B, Kategori 1. Berdasarkan data pensampelan yang dikemukakan oleh JAS dan

IWK, pihak Audit mendapati kerja-kerja naik taraf yang dilaksanakan telah membantu loji-loji tersebut mematuhi standard efluen yang ditetapkan iaitu Standard B, Kategori 1. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.16
KEPUTUSAN PENSAMPELAN LOJI YANG DINAIK TARAF

LOJI	PENSAMPELAN SEBELUM KERJA NAIK TARAF							PENSAMPELAN SELEPAS KERJA NAIK TARAF							
	TARIKH SAMPEL	BIL. PENSAMPELAN	EFLUEN TIDAK MEMATUHI STANDARD BERBANDING BILANGAN PENSAMPELAN (Kekerapan)					TARIKH CPC	TARIKH SAMPEL	BIL. PENSAMPELAN	EFLUEN TIDAK MEMATUHI STANDARD BERBANDING BILANGAN PENSAMPELAN (Kekerapan)				
			BOD 5	COD	NH3N	O&G	SS				BOD 5	COD	NH3N	O&G	SS
Pandan Cahaya, Selangor (AMA108)	24.03.2011 hingga 17.10.2012	17	13	9	0	5	6	20.12.2012	20.12.2012 hingga 13.03.2013	3	0	0	0	0	0
Pandan Perdana, Selangor (AMA116)	24.03.2011 hingga 17.10.2012	15	5	5	0	4	3	20.12.2012	27.12.2012 hingga 13.03.2013	3	0	0	0	0	0
Pandan Indah, Ampang, Selangor (AMA118)	25.01.2011 hingga 17.10.2012	17	17	16	0	13	7	20.12.2012	27.12.2012 hingga 13.03.2013	3	0	0	0	0	0
Taman Seri Inderapura, Kuantan, Pahang (KUN110)	29.08.2007 hingga 02.08.2011	5	2	1	0	2	1	26.01.2012	26.01.2012 hingga 17.10.2012	15	0	0	0	0	0
Ayer Molek, Melaka (MTH073)	30.06.2011 hingga 23.02.2012	15	10	1	0	0	1	29.02.2012	09.04.2012 hingga 12.12.2012	6	0	0	0	0	0
Senai, Johor (JKI046)	08.10.2010 hingga 08.02.2012	6	1	0	0	0	2	29.02.2012	09.04.2012 hingga 14.01.2013	24	0	0	0	0	0

Rujukan:

Mematuhi

Tidak Mematuhi

c. Sungguhpun kerja-kerja naik taraf untuk tujuan peningkatan kualiti efluen dapat membantu loji mencapai standard efluen yang ditetapkan, namun didapati JPP tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja naik taraf di kesemua loji yang masih beroperasi. Semakan Audit mendapati peruntukan kewangan yang diluluskan kepada JPP untuk kerja-kerja naik taraf dan baik pulih hanya antara 10.6% hingga 22% berbanding keperluan sebenar. Kekurangan peruntukan ini menyebabkan JPP lebih menumpukan kepada kerja-kerja baik pulih loji rawatan kumbahan berbanding menjalankan kerja-kerja naik taraf loji bagi tujuan peningkatan kualiti efluen. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.17
ANGGARAN KEPERLUAN UNTUK KERJA NAIK TARAF DAN BAIK PULIH LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI BAWAH RMKe-9 DAN RMKe-10

ANGGARAN KEPERLUAN			PERUNTUKAN DILULUSKAN	
BUTIRAN	TEMPOH	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baik Pulih/Naik Taraf Loji Rawatan Kumbahan	RMKe-9	1,067	235	22.0
	RMKe-10 (Rolling Plan 1)	254	27	10.6

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada standard kualiti efluen hanya akan dapat dicapai sekiranya loji-loji lama yang masih beroperasi dinaiktarafkan atau ditutup dan digantikan dengan loji baru yang berupaya merawat semua jenis efluen sebelum dilepaskan ke sungai.

10.5.2.4. Pengurusan Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Adalah didapati kontrak bagi 3 (23.1%) daripada 13 projek yang diaudit telah lewat ditandatangani antara 69 hingga 153 hari dari tarikh yang sepatutnya. Butiran lanjut dan maklum balas JPP adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.18
KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK

PROJEK	TARIKH SST DITANDATANGANI	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI		KELEWATAN (Hari)	ULASAN JPP
		SEPATUT	SEBENAR		
Projek Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Dan Enap Cemar Berpusat Serta Rangkaian Paip Pembetungan Di Bandar Alor Gajah, Melaka	19.02.2008	18.06.2008	30.10.2008	134	Kontraktor hanya mengemukakan draf dokumen kontrak kepada pihak PMC setelah 6 bulan dari tarikh SST.
Projek Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan Dan Mentauliahkan Kerja-kerja Menaik Taraf Empat (4) Unit Loji Rawatan Kumbahan *Biosoil* Di Petaling Jaya Dan Ampang, Selangor	10.05.2010	09.09.2010	09.02.2011	153	Walaupun kontraktor telah mengemukakan draf dokumen kontrak dalam tempoh satu bulan dari tarikh SST, JPP hanya menerima dokumen kontrak yang telah disemak dan diperbetulkan oleh pihak PMC setelah 7 bulan dari tarikh SST.
Kerja-kerja Membaik Pulih 4 Loji Rawatan Kumbahan Bermekanikal Di Kulim, Kedah, Menaik Taraf 2 Stesen Pam Dan Memasang Paip Pembetungan Bertekanan Tinggi Di Pulau Pinang	02.09.2010	01.01.2011	11.03.2011	69	JPP hanya menerima draf dokumen kontrak daripada PMC setelah 2 bulan dari tarikh SST. Dokumen kontrak telah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan setelah SST dikeluarkan. Bagaimanapun, terdapat kesilapan berhubung pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak. Oleh itu, kontrak perlu ditandatangani semula dan PMC mengambil masa selama 2½ bulan untuk membuat pembetulan.

Nota : ***SST - Surat Setuju Terima***
PMC - Project Monitoring Consultant (Perunding Pengurusan Projek)


Maklum Balas JPP Yang Diterima Pada 8 Mac 2013

JPP telah menambah baik pemantauan penyediaan dokumen kontrak supaya tidak berlaku kelewatan menandatangani kontrak di masa hadapan. JPP telah memendekkan tempoh semakan supaya dokumen kontrak dapat ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas tarikh Surat Setuju Terima.

10.5.2.5. Kecurian Peralatan

Lawatan Audit mendapati beberapa kes kecurian peralatan besi dan tembaga telah dilaporkan di Stesen Pam Si Rusa, Sunggala, Port Dickson; STP Taman Seri Inderapura, Kuantan dan STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur walaupun kesemua STP tersebut telah dipasang pagar di sekeliling kawasan. Antara faktor berlakunya kehilangan peralatan ialah ketiga-tiga STP ini tidak dilengkapi dengan sistem penggera keselamatan yang boleh mengesan pencerobohan. Kehilangan peralatan ini boleh menjejaskan operasi STP dan stesen pam. Bagi kecurian peralatan yang berlaku di STP Cheras Makmur, tindakan telah diambil oleh pihak IWK semasa lawatan Audit dijalankan pada 23 Oktober 2012 di mana *copper lightning arrestor* yang hilang telah diganti dan bahagian yang berkaitan telah ditanam ke dalam dinding loji bagi mengelakkan kecurian. **Gambar 10.12** hingga **10.19** menunjukkan contoh peralatan yang dicuri dan tindakan yang diambil oleh IWK.

GAMBAR 10.12




GAMBAR 10.13



Stesen Pam Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan
- Handwheel, Kabel Elektrik Dan Motor Elektrik Yang Telah Dicuri
(12.09.2012)
(Tindakan Yang Diambil Oleh IWK: Memasang Sistem Keselamatan Elektronik Yang Dijangka Siap Pada Bulan Ogos 2013)

GAMBAR 10.14



GAMBAR 10.15



STP Taman Seri Inderapura, Kuantan, Pahang
- Handwheel Yang Telah Dicuri
(27.09.2012)
(Tindakan Yang Diambil Oleh IWK: Handwheel Yang Dicuri Telah Digantikan Pada 27.12.2012)

GAMBAR 10.16



GAMBAR 10.17




STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Contoh Cooper Lightning Arrestor Yang Telah Dicuri
(23.10.2012)

GAMBAR 10.18



GAMBAR 10.19



STP Cheras Makmur, Kuala Lumpur
- Tindakan Yang Diambil Oleh IWK Bagi Mengelakkan Kecurian Ialah Dengan Menanam Cooper Lightning Arrestor Ke Dalam Dinding Loji
(23.10.2012)

Maklum Balas JPP/IWK Yang Diterima Pada 8 Mac 2013/5 Jun 2013

Berdasarkan skop kontrak, kelengkapan sistem penggera keselamatan tidak dinyatakan. JPP mengambil maklum bahawa kelengkapan sistem penggera keselamatan perlu dimasukkan ke dalam skop kerja bagi projek-projek JPP akan datang. IWK hanya menempatkan pengawal keselamatan sepenuh masa di loji-loji serantau dan tertentu sahaja kerana kos yang tinggi. Bagi loji berskala kecil, strategi yang telah diambil oleh IWK adalah seperti memasang sistem amaran awal atau Sistem Keselamatan Elektronik; memasang kawat berduri centinel wire; mengurangkan penggunaan bahan logam serta melantik pelanggan sebagai pemerhati 'eye customer'. Selain itu, tindakan pencegahan segera yang telah diambil di loji terlibat adalah seperti berikut:

a. Stesen Pam Si Rusa, Sunggala, Port Dickson:

JPP menangani isu ini dengan memasukkan kerja-kerja penggantian peralatan yang hilang ke dalam skop kerja kontraktor ketiga yang dilantik. Kerja-kerja penggantian telah pun selesai dilaksanakan. IWK sedang menjalankan proses tender untuk pemasangan Sistem

Keselamatan Elektronik di Stesen Pam ini dan dijangka siap pada bulan Ogos 2013.

b. KUN10 - Taman Seri Inderapura, Kuantan:

Peralatan yang hilang iaitu handwheel telah digantikan pada 27 Disember 2012. Selain strategi yang dilaksanakan oleh IWK seperti di atas, IWK juga telah melantik pengawal keselamatan sepenuh masa di loji ini bermula Jun 2013. Ini disebabkan pemasangan Sistem Keselamatan Elektronik tidak ekonomik di Unit Operasi yang mempunyai bilangan loji yang kecil.

10.6. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan pelaksanaan projek, adalah disyorkan supaya KeTTHA/JPP mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

10.6.1. mengenal pasti dan menuntut jumlah kos kerugian daripada kontraktor asal Projek Rangkaian Paip Pembetungan Di Kuala Sawah yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan, sebaik sahaja projek ini disiapkan oleh kontraktor penyelamat yang dilantik;

10.6.2. menyenaraihitamkan kontraktor yang gagal menyiapkan kerja pembinaan mengikut syarat kontrak;

10.6.3. bagi projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan, JPP disyorkan supaya mengambil kira kos penyambungan dari premis pengguna ke paip pembetungan awam dalam projek rangkaian paip pembetungan yang baru supaya sistem pembetungan dapat beroperasi secara menyeluruh;

10.6.4. memastikan loji rawatan kumbahan sedia ada dinaiktarafkan atau digantikan dengan loji baru supaya dapat mematuhi standard kualiti efluen yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Langkah ini perlu bagi memastikan objektif projek pembetungan yang ditetapkan oleh JPP iaitu untuk mengawal pencemaran kumbahan ke atas sumber air negara dapat dicapai; dan

10.6.5. bekerjasama secara bersepadu dengan agensi penguatkuasaan terlibat seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menangani masalah pencemaran yang berpunca daripada pelepasan efluen oleh premis perumahan/hotel yang tidak mematuhi standard ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 86-98 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

11. PENGURUSAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN/SEKOLAH

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah mendapatkan perkhidmatan kawalan keselamatan syarikat swasta bagi melaksanakan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) tanpa senjata api di premis institusi pendidikan/sekolah. Antara tujuannya adalah untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang aman, tenteram dan meyakinkan semua pihak sesuai dengan tuntutan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif di semua institusi pendidikan/sekolah di bawah kawalannya. Secara umumnya PKK oleh syarikat swasta meliputi perkara berikut:

i. membekalkan pengawal keselamatan yang mencukupi;

ii. membekalkan peralatan atau alat kelengkapan yang mencukupi dan boleh berfungsi bagi melaksanakan perkhidmatan dengan berkesan;

iii. melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan di kawasan institusi pendidikan/sekolah;

iv. membuat rondaan dengan merakam *watchman clock*; dan

v. melaporkan perkhidmatan dan rondaan yang dilaksanakan kepada institusi pendidikan/sekolah.

11.1.2. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, Kementerian telah menerima peruntukan Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti berjumlah RM3.689 bilion. Bagi merealisasikan PKK, Kementerian telah melaksanakan sebut harga/tender PKK di institusi pendidikan/sekolah kepada syarikat yang mempunyai lesen, permit atau kebenaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan menawarkan 795 kontrak PKK. Sehingga akhir tahun 2012, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM2.052 bilion bagi PKK seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.1
PERBELANJAAN TAHUNAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN MENGIKUT NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

NEGERI	PERBELANJAAN TAHUNAN			JUMLAH (RM Juta)
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	
Perlis	7.81	8.09	9.51	25.41
Kedah	47.69	47.66	54.81	150.16
Pulau Pinang	32.05	32.27	41.18	105.50

NEGERI	PERBELANJAAN TAHUNAN			JUMLAH (RM Juta)
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	
Perak	66.70	68.14	83.55	218.39
Selangor	31.77	34.66	43.38	109.81
Ibu Pejabat/W.P. Kuala Lumpur/ Putrajaya	67.40	70.16	98.26	235.82
Negeri Sembilan	27.67	26.71	31.95	86.33
Melaka	20.53	21.16	31.07	72.76
Johor	56.03	57.74	70.82	184.59
Pahang	51.78	53.53	62.80	168.11
Terengganu	35.00	36.00	42.64	113.64
Kelantan	38.25	42.93	46.87	128.05
Sarawak	37.43	54.34	79.52	171.29
Sabah	73.87	89.95	113.80	277.62
W.P. Labuan	0.31	1.77	2.06	4.14
JUMLAH	**594.29**	**645.11**	**812.22**	**2,051.62**

Sumber : Bahagian Akaun, Kementerian Pelajaran Malaysia

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di institusi pendidikan/sekolah telah diurus dengan teratur, berhemat serta memenuhi keperluannya ke arah mencapai objektif yang ditetapkan.

11.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi PKK di institusi pendidikan/sekolah bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 khususnya terhadap kontrak yang masih berkuat kuasa. Pengauditan telah dilaksanakan di Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (BPPA), 3 Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), 5 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan 35 sekolah/asrama seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.2
BAHAGIAN/JPN/PPD/SEKOLAH/ASRAMA YANG DIAUDIT

PERINGKAT KEMENTERIAN			
BAHAGIAN			
Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset			
PERINGKAT JPN/PPD/SEKOLAH/ASRAMA			
JPN NEGERI	**PPD**	**BIL. SEKOLAH/ASRAMA**	**JUMLAH**
Selangor	Klang	3	21
	Sabak Bernam	5	
	Petaling Perdana	9	
Sabah	Semporna	6	14
	Penampang	5	
Perlis	-	7	8
JUMLAH		**35**	**43**

11.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen terhadap pengurusan PKK serta pemeriksaan fizikal di bangunan dan persekitaran bagi 35 sekolah/asrama. Pengauditan meliputi semakan terhadap pematuhan kepada prosedur pengurusan kontrak, pelaksanaan, pembayaran, penguatkuasaan, penyelenggaraan rekod/dokumen dan pemantauan. Pihak Audit juga telah mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat di BPPA, Kementerian dan di JPN/PPD/sekolah. Selain itu, borang soal selidik berkenaan pengurusan PKK juga telah diedarkan kepada murid dan guru/pentadbir sekolah bagi mendapatkan maklum balas.

11.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun 2012 hingga September 2012 di 3 negeri yang melibatkan 35 sekolah/asrama mendapati pengurusan PKK adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. pengurusan kontrak tidak teratur di mana Bon Pelaksanaan (BP) lewat diserahkan dan kontrak telah ditandatangani walaupun BP belum diterima;

ii. terma kontrak tidak jelas/tidak lengkap kerana bilangan kunci merakam *watchman clock,* spesifikasi bagi pemasangan CCTV dan *alarm system* tidak ditetapkan serta maklumat profil pengawal keselamatan hanya dikemukakan atas permintaan sahaja;

iii. ketidakpatuhan kepada kontrak seperti pengawal keselamatan melebihi had umur, laporan kesihatan dan tapisan keselamatan tidak dikemukakan, rekod kehadiran pengawal tidak disediakan, etika berpakaian pengawal tidak menepati peraturan, peralatan tidak dibekalkan dengan mencukupi dan rosak;

iv. perkhidmatan tidak dilaksanakan dengan memuaskan di mana tiada kawalan keluar masuk, rakaman *watchman clock* tidak teratur, kehadiran pengawal keselamatan tidak mencukupi dan denda tidak dikenakan; dan

v. tuntutan pembayaran tidak teratur di mana Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan tidak dilengkapkan tetapi tuntutan masih diluluskan dan dibayar.

Penjelasan lanjut berhubung dengan kelemahan PKK dan ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

11.5.1. Pengurusan Kontrak Tidak Teratur

Menurut Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan (BP) hendaklah diserahkan dalam tempoh 14 hari. Semakan Audit terhadap 22 kontrak PKK yang melibatkan 35 sekolah/asrama mendapati 14 kontrak telah ditandatangani lebih awal walaupun syarikat yang terlibat belum mengemukakan BP. Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap kontrak Kerajaan hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui.

Semakan juga mendapati 9 syarikat telah lewat menyerahkan BP antara 6 hingga 60 hari. Butiran lanjut kontrak ditandatangani sebelum menerima BP dan kegagalan syarikat menyerahkan BP mengikut tempoh adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.3
KONTRAK DITANDATANGANI SEBELUM BON PELAKSANAAN DISERAHKAN DAN BON PELAKSANAAN LEWAT DISERAHKAN

SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	TARIKH SST	TARIKH BP	TARIKH KONTRAK DITANDA TANGANI	KONTRAK DITANDATANGAN SEBELUM BP DISERAH	TEMPOH KELEWATAN SERAH BP (HARI)
Perkhidmatan Bintang Kawalan KPM/10/2010/03/0272 (01.02.2010 - 31.01.2013)	28.01.2010	07.04.2010	01.02.2010	X	55
GNC Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0269 (01.02.2010 - 31.01.2013)	28.01.2010	09.03.2010	01.02.2010	X	26
Kukuh Saga Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0253 (01.02.2011 - 31.01.2013)	28.01.2010	08.02.2010	01.02.2010	X	-
Paraforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	26.01.2010	25.03.2010	01.02.2010	X	44
CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0281 (01.02.2010 - 31.01.2013)	28.01.2010	10.02.2010	01.02.2010	X	-
Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	28.01.2010	12.04.2010	01.02.2010	X	60
BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	28.01.2010	25.02.2010	01.02.2010	X	-
Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	28.01.2010	11.02.2010	01.02.2010	X	-
Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	27.01.2012	01.03.2012	TM	-	20
Hawk Protection Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0140 (01.02.2012 - 31.01.2015)	27.01.2012	06.03.2012	12.06.2012	X	25
Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	27.01.2012	TM	TM	-	-
Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. JP(SB)/300/UBKP/2012/TDR/378 (01.02.2012 - 31.01.2015)	27.01.2012	TM	TM	-	-
CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	28.01.2010	10.02.2010	01.02.2010	X	-
Deriguour Security Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0019 (01.10.2009 - 30.09.2012)	08.09.2009	12.10.2009	01.10.2009	X	21
CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	08.09.2009	19.10.2009	01.10.2009	X	28
Formgates Security Protection Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0005 (01.10.2009 - 30.09.2012)	08.09.2009	01.10.2009	17.09.2009	X	-
Intelligent Security Systems Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0017 (01.10.2009 - 30.09.2012)	10.09.2009	30.09.2009	10.09.2009	X	6

Nota : ***(X) - Tidak Mematuhi*** ***(TM) - Kontrak Tidak Dapat Dikemukakan***

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Mulai bulan September 2012, pihak Perbendaharaan telah memberikan kebenaran khusus kepada Kementerian untuk melanjutkan tempoh penyerahan BP kepada 30 hari. Kementerian juga telah mengeluarkan satu garis panduan pada 10 April 2013 berkaitan perkara ini untuk rujukan agensi. Bagi kontrak yang akan datang JPN akan diberi peringatan agar tidak mencatatkan tarikh kuat kuasa kontrak tetapi mencatatkan tarikh kontrak ditandatangani.

Pada pendapat Audit, kontrak PKK tidak diuruskan dengan teratur mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Tindakan amaran atau pembatalan tawaran kontrak hendaklah diambil terhadap syarikat yang gagal menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan. Ketidakpatuhan ini boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi dengan sewajarnya serta menjejaskan pembayaran tuntutan bulanan.

11.5.2. Terma Dan Syarat Kontrak Tidak Jelas/Tidak Lengkap

11.5.2.1. Bilangan Kunci *Watchman Clock*

a. Mengikut syarat perjanjian berkenaan dengan skop perkhidmatan rondaan, pengawal perlu merakam setiap rondaan pada *watchman clock*. Syarat ini ditetapkan supaya pengawal melaksanakan rondaan di seluruh kawasan sekolah dan kunci diletakkan di tempat yang berisiko tinggi berlakunya pencerobohan atau kecurian.

b. Semakan Audit mendapati bilangan kunci merakam *watchman clock* tidak dinyatakan dalam kontrak tetapi ditetapkan melalui perbincangan dengan pihak sekolah/asrama. Pada kebiasaannya pihak syarikat hanya bersetuju menyediakan 4 unit kunci di lokasi strategik yang dipersetujui oleh pihak sekolah/asrama tanpa mengambil kira keperluan dan keluasan sekolah/ asrama berkenaan. Keadaan ini boleh menyebabkan rondaan terhadap sekolah/asrama yang mempunyai kawasan yang luas dan bilangan bangunan yang banyak tidak dapat diliputi keseluruhannya. Butiran lanjut berkenaan bilangan kunci merakam *watchman clock* yang dipasang di sekolah berbanding dengan keluasan kawasan sekolah dan enrolmen murid adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.4
BILANGAN KUNCI MERAKAM *WATCHMAN CLOCK* YANG DIPASANG BERBANDING KELUASAN KAWASAN SEKOLAH DAN ENROLMEN MURID

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	KELUASAN SEKOLAH/ ENROLMEN MURID	BIL. KUNCI MERAKAM *WATCHMAN CLOCK* YANG DIPASANG (Unit)
Selangor			
SK Kampung Jawa 2, Klang	Perkhidmatan Bintang Kawalan KPM/10/2010/03/0272 (01.02.2010 - 31.01.2013)	5.9 ekar / 1,141 orang	4
SMK Shahbandaraya, Klang		8.7 ekar / 1,970 orang	4
SMK Telok Gadong, Klang	GNC Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0269 (01.02.2010 - 31.01.2013)	6.6 ekar / 1,200 orang	5
SAM Parit Baru, Sabak Bernam	Kukuh Saga Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0253 (01.02.2011 - 31.01.2013)	6.6 ekar / 467 orang	4
Asrama SAM Parit Baru, Sabak Bernam		5.9 ekar / 200 orang	4
SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Sabak Bernam	Paraforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	8 ekar / 926 orang	4
Asrama SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Sabak Bernam		1.5 ekar / 500 orang	4
SK Sekendi, Sabak Bernam		5 ekar / 179 orang	4
SJK(T) Ladang Hicom, Shah Alam	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0281 (01.02.2010 - 31.01.2013)	2.5 ekar / 249 orang	3
SMK Seksyen 18, Shah Alam	Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	15 ekar / 1,330 orang	4
Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam		3 ekar / 396 orang	4
SMK Seksyen 11, Shah Alam		4 ekar / 422 orang	4
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam		3 ekar / 240 orang	4
SAM Bestari, Subang Jaya	BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	15 ekar / 742 orang	4
Asrama SAM Bestari, Subang Jaya		4 ekar / 742 orang	4
SK Bandar Sunway, Petaling Jaya	Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	6.33 ekar / 1,047 orang	4
SK Kampung Lindungan, Petaling Jaya		6 ekar / 888 orang	4
Sabah			
SMK Bum Bum, Semporna	Bertam Security Services SMKBB/400-01/14/1 (01.01.2011 - 31.12.2012)	70 ekar / 1,597 orang	4
Asrama SMK Bum Bum, Semporna		4 ekar / 300 orang	4
SK Pulau Denawan, Semporna	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	4.88 ekar / 70 orang	4
SK Pulau Mabul, Semporna		0.75 ekar / 235 orang	4
SK Bubul II, Semporna	Hawk Protection Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0140 (01.02.2012 - 31.01.2015)	5.2 ekar / 632 orang	4
SMK Kabogan II, Semporna	Bertam Security Services SMKM2 Kew/400/17/002/11(84) (01.01.2011 - 31.12.2012)	* ekar / 531 orang	4
SMK Limbanak, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKLBK/200-02/07/(2) (01.01.2011 - 31.12.2012)	20.9 ekar / 1,293 orang	4

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	KELUASAN SEKOLAH/ ENROLMEN MURID	BIL. KUNCI MERAKAM *WATCHMAN CLOCK* YANG DIPASANG (Unit)
SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	15 ekar / 87 orang	2
Asrama SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. JP(SB)/300/UBKP/2012/TDR/378 (01.02.2012 - 31.01.2015)	0.5 ekar / 30 orang	2
SMK Putatan, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKPTN/04(KF)/02/007 (01.01.2011 - 31.12.2012)	15.84 ekar / 1,717 orang	4
Asrama SMK Putatan, Penampang	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKLTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	15.84 ekar / 300 orang	0
Perlis			
SMK Syed Alwi, Kangar	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	10 ekar / 1,716 orang	3
SK Sanglang, Simpang Empat	Deriguour Security Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0019 (10.10.2009 - 30.09.2012)	3 ekar / 181 orang	5
SK Behor Mali, Simpang Empat	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	3.2 ekar / 200 orang	3
SJK (C) Padang Besar, Padang Besar	Formgates Security Protection Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0005 (01.10.2009 - 30.09.2012)	3 ekar / 188 orang	3
SK Rimba Mas, Padang Besar		6 ekar/ 204 orang	3
SMK Syed Hassan, Kangar	Intelligent Security Systems Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0017 (01.10.2009 - 30.09.2012)	20 ekar / 600 orang	4
SMK Putra, Kangar		5 ekar / 1,500 orang	4

Nota : ***(*) - Berkongsi Sekolah Dengan SK Bubul II, Semporna, Sabah***

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Pihak sekolah diminta untuk berbincang dengan pihak syarikat bagi mendapatkan persetujuan bersama berkenaan penetapan bilangan dan kedudukan kunci watchman clock agar mencukupi serta ditempatkan di lokasi yang berisiko. Pihak syarikat tidak dibenarkan untuk menetapkan kedudukan watchman clock mengikut kehendak mereka tanpa persetujuan pihak sekolah.

Pada pendapat Audit, Kementerian tidak sepatutnya memberi kebebasan kepada syarikat untuk menetapkan bilangan kunci merakam *watchman clock* bagi memastikan rondaan kawalan keselamatan dilaksanakan dengan menyeluruh terutamanya di lokasi yang berisiko tinggi berlaku pencerobohan dan kecurian.

11.5.2.2. Pemasangan *Alarm System* Dan CCTV

a. Menurut syarat perjanjian berkenaan dengan pemasangan *alarm system* dan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV), syarikat hendaklah membekal, memasang dan memastikan a*larm system* dan CCTV berfungsi dengan baik.

b. Semakan Audit mendapati pihak syarikat boleh menentukan jenama, spesifikasi, bilangan kamera pengawasan dan lokasi pemasangan peralatan *alarm system* dan CCTV yang dibekalkan. Ini kerana perjanjian tidak menetapkan secara terperinci kuantiti, jenama, spesifikasi dan lokasi pemasangan *alarm system* dan CCTV. Semakan juga mendapati 2 *alarm system* yang dipasang di SK Sanglang, Simpang Empat dan SMK Putra, Kangar, Perlis tidak berfungsi antara 12 hingga 24 bulan. Manakala *alarm system* di SK Behor Mali, Simpang Empat, Perlis masih tidak dipasang sejak kontrak bermula pada 1 Oktober 2009. Selain itu bagi set peralatan CCTV pula, kamera pengawasan tidak berfungsi dan gambar di skrin tidak jelas bagi 6 sekolah.

c. Pemeriksaan lanjut terhadap penggunaan CCTV di sekolah/asrama adalah seperti berikut:

   i. CCTV di Asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah tidak dipasang semula selepas kerja-kerja pengubahsuaian bangunan siap dilaksanakan pada bulan Mac 2012.

   ii. pihak syarikat tidak memasang CCTV di SMK Syed Alwi, Kangar dan SK Behor Mali, Simpang Empat, Perlis walaupun telah disenaraikan dalam kontrak.

   iii. semak uji selanjutnya mendapati pegawai yang bertanggungjawab menguruskan CCTV di sekolah/asrama tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk memanfaatkannya kerana tiada latihan penggunaan diberikan kepada mereka. Butiran lanjut berkenaan *alarm system/*CCTV dan kepatuhan kontrak adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.5
***ALARM SYSTEM*/CCTV DAN KEPATUHAN KONTRAK**

SEKOLAH/ ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	KELUASAN SEKOLAH/ ENROLMEN MURID	SPESIFIKASI/JENAMA CCTV		CATATAN
			DALAM KONTRAK	YANG DIBEKALKAN	
SMK Telok Gadong, Klang, Selangor	GNC Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0269 (01.02.2010 - 31.01.2013)	6.6 ekar / 1,200 orang	CCTV - 1 unit *Standalone* DVR (4 unit kamera)	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	i) Satu kamera pengawasan tidak berfungsi. ii) Gambar di monitor tidak jelas.
SMK Bum Bum, Semporna, Sabah	Bertam Security Services SMKBB/400-01/14/1 (01.01.2011 - 31.12.2012)	70 ekar / 1,597 orang	1 Set - CCTV DVR *System With IR Dome Camera And Monitor (4 CH DVR System)*	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	i) 2 kamera pengawasan tidak berfungsi. ii) Gambar di monitor tidak jelas.

SEKOLAH/ ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	KELUASAN SEKOLAH/ ENROLMEN MURID	SPESIFIKASI/JENAMA CCTV		CATATAN
			DALAM KONTRAK	YANG DIBEKALKAN	
SK Pulau Mabul, Semporna, Sabah	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	0.75 ekar / 235 orang	1 Set - 4 CH DVR *System CCTV DVR System With IR Dome Camera & Monitor*	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	Kamera tidak diaktifkan kerana masalah bekalan elektrik (sistem solar) sering terputus.
SK Bubul II, Semporna, Sabah	Hawk Protection Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0140 (01.02.2012 - 31.01.2015)	5.2 ekar / 632 orang	1 Set - 4 CH DVR *System CCTV DVR System With IR Dome Camera & Monitor*	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	Gambar di monitor tidak jelas.
SMK Kabogan II, Semporna, Sabah	Bertam Security Services SMKM2 Kew/400/17 /002/11 (84) (01.01.2011 - 31.12.2012)	* ekar / 531 orang	1 Set - CCTV DVR *System With IR Dome Camera And Monitor (4 CH DVR System)*	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	Berfungsi dengan baik.
SMK Limbanak, Penampang, Sabah	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	20.9 ekar / 1,293 orang	1 Set - 4 *Channel* CCTV Mengawal Kawasan Pentadbiran (Pejabat Am Dan Bilik Guru)	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	Waktu yang diprogramkan dalam CCTV tidak tepat.
SK Togudon, Penampang, Sabah		15 ekar / 87 orang	1 Set - 4 *Channel* CCTV Mengawal Kawasan Pentadbiran (Pejabat Am Dan Bilik Guru)	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	Kamera tidak berfungsi/diaktifkan.
SMK Putatan, Penampang, Sabah	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKPTN/04(KF)/02/007 (01.01.2011 - 31.12.2012)	15.84 ekar / 1,717 orang	1 Set - CCTV 4 *Channel*	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	i) Satu kamera pengawasan tidak berfungsi. ii) Monitor diletakkan di bilik guru yang tidak digunakan lagi. iii) Waktu yang diprogramkan dalam CCTV tidak tepat.
Asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKPTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	1 ekar / 300 orang	CCTV	-	Tidak dipasang semula selepas kerja pengubahsuaian bangunan.
SMK Syed Alwi, Kangar, Perlis	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	10 ekar / 1,716 orang	CCTV	-	Pengetua telah tandatangan surat menyatakan sekolah tidak memerlukan CCTV.
SK Behor Mali, Simpang Empat, Perlis	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	3.2 ekar / 181 orang	CCTV	-	Tidak dibekalkan.
			Burglar Alarm System (Pejabat Sekolah)	-	Tidak dibekalkan.
SK Sanglang, Simpang Empat, Perlis	Deriguour Security Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0251 (10.10.2009 - 30.09.2012)	3 ekar / 200 orang	*Burglar Alarm System*	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	Telah dipasang tetapi tidak berfungsi.
SMK Putra, Kangar, Perlis	Intelligent Security Systems Sdn. Bhd. KPM/072009/03/0017 (01.10.2009 - 30.09.2012)	5 ekar / 1,500 orang	*Burglar Alarm System*	Jenama peralatan tidak dapat dikenal pasti.	Telah dipasang tetapi tidak berfungsi.


Nota : (*) - Berkongsi Sekolah Dengan SK Bubul II, Semporna, Sabah

GAMBAR 11.1



SMK Putatan, Penampang, Sabah
- Skrin Pengawasan CCTV Menunjukkan Salah Satu Kamera Pengawasan Tidak Berfungsi
(19.07.2012)

GAMBAR 11.2



SMK Bum Bum, Semporna, Sabah
- Skrin Pengawasan CCTV Menunjukkan Dua Kamera Pengawasan Tidak Berfungsi
(11.07.2012)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian telah mengeluarkan surat peringatan pada 20 Mac 2013 kepada semua JPN dan sekolah agar mengambil tindakan amaran dan denda kepada syarikat yang gagal membekalkan alarm system dan CCTV yang berfungsi dengan baik. Kementerian juga akan meminta pihak syarikat memberi taklimat penggunaan kepada pihak pengurusan sekolah berkenaan pengendalian CCTV dan alarm system. Berhubung dengan isu spesifikasi peralatan, lokasi, pemilikan dan latihan pembekalan peralatan, Kementerian akan membuat penelitian dengan lebih mendalam memandangkan perkara ini melibatkan implikasi kewangan.

Pada pendapat Audit, terma dan syarat kontrak tidak menggariskan dengan lengkap spesifikasi peralatan, lokasi, pemilikan dan latihan pembekalan peralatan *alarm system* dan CCTV bagi memastikan penggunaan serta keberkesanan pemasangan peralatan berkenaan menepati maksudnya.

11.5.2.3. Maklumat Pengawal, Pemeriksaan Dan Penggantian Pengawal

a. Mengikut syarat perjanjian apabila diminta, pihak syarikat hendaklah memberikan kepada Kerajaan maklumat pengawal bagi maksud pemeriksaan, pengujian, kualiti atau pemantauan.

b. Pemeriksaan Audit bagi 35 premis sekolah/asrama mendapati sebanyak 26 (74%) sekolah/asrama yang melibatkan 18 syarikat gagal mengemukakan kepada pihak Audit berkenaan maklumat 76 pengawal. Pihak syarikat memberikan alasan bahawa mereka tidak membekalkan maklumat tersebut kerana terma kontrak menyatakan maklumat pengawal perlu dihantar apabila diminta oleh pihak sekolah. Tanpa mempunyai maklumat pengawal, pihak sekolah tidak dapat mengenal pasti pengawal sebenar yang bertugas

dan juga meningkatkan risiko keselamatan kepada warga sekolah, premis dan aset Kerajaan. Butiran lanjut status maklumat pengawal yang tidak dikemukakan kepada pihak Audit adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.6
STATUS MAKLUMAT PENGAWAL TIDAK DIKEMUKAKAN KEPADA PIHAK AUDIT

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	BIL. PENGAWAL	
		MENGIKUT KONTRAK	TIDAK SERAH MAKLUMAT
Selangor			
SK Kampung Jawa 2, Klang	Perkhidmatan Bintang Kawalan KPM/10/2010/03/0272 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	2
SMK Shahbandaraya, Klang		4	4
SMK Telok Gadong, Klang	GNC Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0269 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	4
SAM Parit Baru, Sabak Bernam	Kukuh Saga Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0253 (01.02.2011 - 31.01.2013)	4	4
SJK(T) Ladang Hicom, Shah Alam	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0281 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	4
SMK Seksyen 18, Shah Alam	Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	1
Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam		4	1
SMK Seksyen 11, Shah Alam		4	4
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam		4	4
SAM Bestari, Subang Jaya	BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	4
Asrama SAM Bestari, Subang Jaya		4	4
SK Bandar Sunway, Petaling Jaya	Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	4
SK Kampung Lindungan, Petaling Jaya		4	4
Sabah			
SMK Bum Bum, Semporna	Bertam Security Services SMKBB/400-01/14/1 (01.01.2011 - 31.12.2012)	5	2
SK Pulau Denawan, Semporna	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	2	2
SK Pulau Mabul, Semporna		4	4
SK Bubul II, Semporna	Hawk Protection Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0140 (01.02.2012 - 31.01.2015)	4	1
SMK Limbanak, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKLBK/200-02/07/(2) (01.01.2011 - 31.12.2012)	4	1
SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	2	2
Asrama SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. JP(SB)/300/UBKP/2012/TDR/378 (01.02.2012 - 31.01.2015)	2	2
SMK Putatan, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKPTN/04(KF)/02/007 (01.01.2011 - 31.12.2012)	4	3
Asrama SMK Putatan, Penampang	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKPTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	4	3
Perlis			
SK Behor Mali, Simpang Empat	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	3	3

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	BIL. PENGAWAL	
		MENGIKUT KONTRAK	TIDAK SERAH MAKLUMAT
SJK (C) Padang Besar (U), Padang Besar	Formgates Security Protection Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0005 (01.10.2009 - 30.09.2012)	3	3
SMK Syed Hassan, Kangar	Intelligent Security Systems Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0017 (01.10.2009 - 30.09.2012)	3	3
SMK Putra, Kangar		3	3
JUMLAH		95	76

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian akan menambahbaik fasal 8 syarat perjanjian dengan mewajibkan pihak syarikat mengemukakan maklumat pekerja baru dalam tempoh 2 minggu hari bekerja selepas memulakan perkhidmatan manakala 7 hari bekerja bagi penggantian pekerja sedia ada. Sekiranya syarikat gagal mengemukakan maklumat pekerja baru/penggantian, bayaran tuntutan bulanan syarikat boleh ditahan sehingga syarikat mengemukakan maklumat pekerja. Kementerian juga telah mengeluarkan surat kepada semua JPN pada 6 Jun 2013 meminta setiap syarikat menyerahkan semua maklumat pengawal keselamatan kepada pihak sekolah.

Pada pendapat Audit, maklumat pengawal adalah dokumen penting yang perlu diserahkan oleh syarikat kepada pihak pengurusan sekolah/asrama. la hendaklah disimpan di sekolah bagi tujuan pemantauan dan pengesahan rekod serta tuntutan bulanan syarikat.

11.5.3. Ketidakpatuhan Syarikat Terhadap Terma Dan Syarat Kontrak

11.5.3.1. Umur Pengawal Keselamatan Melebihi Had, Laporan Kesihatan Dan Tapisan Keselamatan Tidak Dikemukakan

a. Mengikut perjanjian, syarikat hendaklah memastikan bahawa pengawal keselamatan antaranya:

   i. adalah warga negara Malaysia atau warga negara asing yang dibenarkan oleh Kerajaan berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 58 tahun sepanjang tempoh perjanjian;

   ii. mengemukakan laporan kesihatan daripada hospital Kerajaan bagi pengawal yang berumur melebihi 55 tahun; dan

   iii. tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah berbahaya.

b. Semakan Audit bagi 35 sekolah/asrama yang melibatkan 129 pengawal keselamatan mendapati:

i. seramai 9 pengawal (7%) telah melebihi had umur yang dibenarkan iaitu antara 59 hingga 72 tahun;

ii. seramai 8 pengawal (6%) yang telah melebihi umur 55 tahun tidak dapat mengemukakan kepada pihak Audit laporan kesihatan daripada hospital Kerajaan bagi membuktikan mereka masih sihat atau berkeupayaan untuk menjalankan tugas sebagai pengawal; dan

iii. seramai 76 pengawal (59%) tidak dapat mengemukakan tapisan keselamatan daripada Balai Polis berhampiran atau Kementerian Dalam Negeri bagi membuktikan mereka tiada sebarang rekod jenayah.

c. Pihak syarikat memaklumkan bagi mengisi kekosongan jawatan pengawal keselamatan pihaknya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan serta-merta tenaga kerja yang berumur di bawah 55 tahun. Pihaknya juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tapisan keselamatan kerana pengawal kerap bertukar dan proses pengesahan mengambil masa yang lama. Kesannya, mutu perkhidmatan dan tahap kesihatannya bagi pengawal yang melebihi umur adalah diragui. Manakala pengawal yang tidak mempunyai pengesahan tapisan keselamatan daripada pihak berkuasa akan mendatangkan risiko keselamatan di premis berkenaan. Butiran lanjut umur pengawal melebihi had dan laporan kesihatan serta tapisan keselamatan tidak dikemukakan adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.7
UMUR PENGAWAL KESELAMATAN MELEBIHI HAD DAN LAPORAN KESIHATAN SERTA TAPISAN KESELAMATAN TIDAK DIKEMUKAKAN

SEKOLAH/ ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	BIL. PENGAWAL			BIL. TAPISAN KESELAMATAN TIDAK DIKEMUKAKAN	CATATAN
		MENGIKUT KONTRAK	MELEBIHI UMUR	TIDAK KEMUKA LAPORAN KESIHATAN		
Selangor						
SK Kampung Jawa 2, Klang	Perkhidmatan Bintang Kawalan KPM/10/2010/03/0272 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	0	0	2	Seorang pengawal ada rekod jenayah.
SMK Shahbandaraya, Klang		4	2	2	4	2 orang pengawal masing-masing berumur 62 tahun dan 58 tahun.
SMK Telok Gadong, Klang	GNC Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0269 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	0	0	4	-
SAM Parit Baru, Sabak Bernam	Kukuh Saga Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0253 (01.02.2011 - 31.01.2013)	4	0	0	4	-
Asrama SAM Parit Baru, Sabak Bernam		4	0	0	4	-

SEKOLAH/ ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	BIL. PENGAWAL				CATATAN
		MENGIKUT KONTRAK	MELEBIHI UMUR	TIDAK KEMUKA LAPORAN KESIHATAN	BIL. TAPISAN KESELAMATAN TIDAK DIKEMUKAKAN	
SJK(T) Ladang Hicom, Shah Alam	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0281 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	1	1	4	Seorang pengawal berumur 59 tahun.
SMK Seksyen 18, Shah Alam	Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	0	0	1	-
Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam		4	0	0	1	-
SMK Seksyen 11, Shah Alam		4	0	0	4	-
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam		4	0	0	4	-
SAM Bestari, Subang Jaya	BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	0	0	4	-
Asrama SAM Bestari, Subang Jaya		4	0	0	4	-
SK Bandar Sunway, Petaling Jaya	Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	4	3	3	4	3 orang pengawal berumur masing-masing 72 tahun, 66 tahun dan 56 tahun.
SK Kampung Lindungan, Petaling Jaya		4	2	2	4	2 orang pengawal masing-masing berumur 63 tahun dan 70 tahun.
Sabah						
SMK Bum Bum, Semporna	Bertam Security Services SMKBB/400-01/14/1 (01.01.2011 - 31.12.2012)	5	0	0	2	-
SK Pulau Denawan, Semporna	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	2	0	0	2	-
SK Pulau Mabul, Semporna		4	0	0	4	-
SK Bubul II, Semporna	Hawk Protection Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0140 (01.02.2012 - 31.01.2015)	4	0	0	1	-
SMK Limbanak, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKLBK/200-02/07/(2) (01.01.2011 - 31.12.2012)	4	1	0	1	Seorang pengawal berumur 70 tahun.
SMK Putatan, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKPTN/04(KF)/02/007 (01.01.2011 - 31.12.2012)	4	0	0	3	-
Asrama SMK Putatan, Penampang	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKPTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	4	0	0	3	-
Perlis						
SMK Syed Alwi, Kangar	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	3	0	0	3	-
SK Behor Mali, Simpang Empat	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	3	0	0	3	-
SJK (C) Padang Besar (U), Padang Besar	Formgates Security Protection Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0005 (01.10.2009 - 30.09.2012)	3	0	0	3	-
SK Felda Rimba Mas, Padang Besar		3	0	0	3	-
JUMLAH		**95**	**9**	**8**	**76**	

GAMBAR 11.3



SMK Limbanak, Penampang, Sabah
- Pengawal Berumur 70 Tahun
(27.06.2012)

GAMBAR 11.4



SK Bandar Sunway, Petaling Jaya, Selangor
- Pengawal Berumur 72 Tahun
(07.08.2012)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian memaklumkan, jika pihak syarikat ingin menggunakan khidmat pengawal melebihi 58 tahun perlu mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset terlebih dahulu. Pihak syarikat perlu menyertakan laporan kesihatan daripada hospital Kerajaan dan surat sokongan daripada pihak sekolah terlibat di dalam permohonan tersebut. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 20 Mac 2013 kepada semua JPN dan sekolah yang terlibat agar mengeluarkan surat amaran serta mengambil tindakan pemotongan bayaran kepada syarikat.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu tegas dalam menguatkuasakan syarat-syarat kontrak bagi menjamin keberkesanan mutu PKK serta meningkatkan keselamatan warga sekolah dan aset Kerajaan.

11.5.3.2. Rekod Kehadiran Pengawal

a. Menurut perjanjian, kawalan keselamatan perlu dilaksanakan 24 jam sehari (2 syif), 7 hari seminggu termasuk cuti hujung minggu, kelepasan Am dan cuti persekolahan. Peraturan kerja juga menetapkan pengawal hendaklah hadir tidak lewat daripada waktu bertugas yang ditetapkan. Bagi tujuan kawalan, rekod kehadiran pengawal hendaklah diwujudkan dan antara fungsinya adalah untuk:

   i. merekod dan mengawal kehadiran pengawal pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan;

   ii. rekod ini juga menjadi asas rujukan bagi pengesahan pihak sekolah terhadap tuntutan bulanan oleh pihak syarikat; dan

iii. merekodkan tarikh, masa dan nama pengawal yang hadir bertugas apabila berlaku sesuatu kejadian yang tidak diingini seperti kecurian, kebakaran dan pencerobohan.

b. Semakan Audit mendapati rekod kehadiran pengawal tidak disediakan oleh syarikat bagi 12 daripada 35 sekolah/asrama yang diperiksa. Manakala 2 sekolah tidak menyimpan rekod kehadiran atau salinannya. Bagi rekod kehadiran yang telah diwujudkan pula catatan masa yang direkodkan adalah waktu bertugas pengawal bukan waktu kehadiran yang sebenar. Sehubungan itu, pihak sekolah tersebut tidak dapat memastikan sama ada tuntutan syarikat pada setiap bulan berkenaan adalah berdasarkan kepada kehadiran sebenar pengawal keselamatan. Butiran lanjut berkenaan status penyediaan rekod kehadiran pengawal dan penyimpanannya oleh pihak sekolah adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.8
REKOD KEHADIRAN PENGAWAL TIDAK DISEDIAKAN OLEH SYARIKAT DAN DISIMPAN OLEH PIHAK SEKOLAH

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	REKOD KEHADIRAN	
		DIWUJUDKAN Ya (✓)/Tidak (X)	DISIMPAN Ya (✓)/Tidak (X)
Selangor			
SK Sekendi, Sabak Bernam	Paraforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-
SMK Seksyen 18, Shah Alam	Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-
SMK Seksyen 11, Shah Alam		X	-
SAM Bestari, Subang Jaya	BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-
Asrama SAM Bestari, Subang Jaya		X	-
SK Kampung Lindungan, Petaling Jaya	Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-
Sabah			
SK Pulau Denawan, Semporna	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	X	-
SK Pulau Mabul, Semporna	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-
SMK Limbanak, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKLBK/200-02/07/(2) (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	-
SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	X
Asrama SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. JP(SB)/300/UBKP/2012/TDR/378 (01.02.2012 - 31.01.2015)	✓	X
Asrama SMK Putatan, Penampang	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKPTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	-
Perlis			
SJK (C) Padang Besar (U), Padang Besar	Formgates Security Protection Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0005 (01.10.2009 - 30.09.2012)	X	-
SK Felda Rimba Mas, Padang Besar		X	-

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah yang berkenaan supaya mengambil tindakan pemotongan/denda terhadap syarikat yang gagal mematuhi syarat kontrak.

Pada pendapat Audit, rekod kehadiran pengawal di sekolah adalah rekod utama/asas yang amat penting bagi membuktikan pengawal hadir bertugas dan sebagai rujukan silang pihak sekolah untuk membuat pengesahan dan/atau kelulusan bayaran terhadap tuntutan bulanan syarikat. Sesalinan rekod berkenaan juga hendaklah disimpan oleh pihak sekolah bagi tujuan semakan semula jika timbul sesuatu isu berbangkit.

11.5.3.3. Etika Berpakaian Pengawal Tidak Menepati Peraturan

a. Mengikut perjanjian, syarikat hendaklah memastikan bahawa pengawal hendaklah memakai pakaian seragam atau uniform syarikat dan tanda nama semasa melaksanakan perkhidmatan.

b. Semakan Audit mendapati daripada 129 pengawal yang diperiksa di 35 sekolah/asrama, 2 pengawal tidak memakai pakaian seragam yang lengkap; 12 pengawal tidak memakai tanda nama untuk tujuan pengenalan; dan 5 pengawal tidak memakai kasut serta seluar yang bersesuaian semasa bertugas. Pihak Audit dimaklumkan ada di antara syarikat tidak membekalkan pakaian atau uniform dan tanda nama yang mencukupi untuk keperluan pengawal. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.9
ETIKA BERPAKAIAN PENGAWAL TIDAK MENEPATI PERATURAN

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	ISU/PENEMUAN			CATATAN
		(i)	(ii)	(iii)	
Selangor					
SMK Shahbandaraya, Klang	Perkhidmatan Bintang Kawalan KPM/10/2010/03/0272 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	X	✓	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat.
SMK Telok Gadong, Klang	GNC Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0269 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	X	✓	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat.
SMK Seksyen 18, Shah Alam	Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	X	✓	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat.
Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam		✓	X	✓	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat.
SMK Seksyen 11, Shah Alam		✓	X	X	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat dan kasut tidak bersesuaian.

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	ISU/PENEMUAN			CATATAN
		(i)	(ii)	(iii)	
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam		✓	X	X	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat dan kasut tidak bersesuaian.
Asrama SAM Bestari, Subang Jaya	BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	✓	X	Kasut tidak dibekalkan oleh syarikat.
SK Bandar Sunway, Petaling Jaya	Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	X	X	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat dan kasut tidak bersesuaian.
SK Kampung Lindungan, Petaling Jaya		✓	X	✓	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat.
Sabah					
SK Bubul II, Semporna	Hawk Protection Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0140 (01.02.2012 - 31.01.2015)	X	X	X	Pengawal tidak memakai pakaian seragam, tanda nama dan kasut tidak bersesuaian.
SMK Limbanak, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKLBK/200-02/07/(2) (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	X	✓	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat.
Asrama SMK Putatan, Penampang	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKPTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	✓	X	✓	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat.
Perlis					
SMK Syed Alwi, Kangar	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	X	✓	Tanda nama tidak dibekalkan oleh syarikat.

Nota : ***(i) - Pengawai Tidak Memakai Pakaian Seragam Yang Lengkap Ketika Bertugas***
(ii) - Pengawal Tidak Memakai Tanda Nama/Kad Nama Untuk Tujuan Pengenalan
(iii) - Pengawal Tidak Memakai Kasut Dan Seluar Yang Bersesuaian

GAMBAR 11.5



Asrama SAM Bestari, Subang Jaya, Selangor
- Pengawal Tidak Memakai Kasut
(03.08.2012)

GAMBAR 11.6



SK Bubul II, Semporna, Sabah
- Pengawal Tidak Memakai Pakaian Seragam
(14.07.2012)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah

dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat supaya mengambil tindakan pemotongan/denda terhadap syarikat berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengawal tidak mematuhi etika berpakaian adalah melanggar syarat perjanjian. Pihak syarikat hendaklah memastikan pengawal sentiasa mematuhi etika berpakaian supaya mereka dihormati dan disegani oleh pelawat serta warga sekolah selain menjaga imej Kerajaan dan syarikat.

11.5.3.4. Peralatan Tidak Digunakan/Mencukupi/Rosak

a. Mengikut perjanjian, syarikat hendaklah memastikan pengawal menggunakan peralatan atau alat kelengkapan perkhidmatan yang diperlukan semasa melaksanakan perkhidmatan. Syarikat juga hendaklah bertanggungjawab dan melakukan perbelanjaan dengan kos sendiri seperti membeli, penggantian serta penyenggaraan peralatan atau alat kelengkapan perkhidmatan.

b. Semakan Audit mendapati pengawal bagi 17 sekolah/asrama melibatkan 14 syarikat yang diperiksa tidak menggunakan sepenuhnya peralatan atau alat kelengkapan yang dibekalkan tetapi menyimpannya di dalam laci/almari. Pemeriksaan lanjut juga menunjukkan peralatan seperti cotar, *walkie talkie*, wisel, baju hujan, lampu picit dan pakaian seragam seperti baju dan topi/beri tidak dibekalkan atau tidak mencukupi bagi 19 sekolah yang melibatkan 13 syarikat. Sepuluh (10) peralatan yang dibekalkan juga rosak dan tidak dibaiki dengan segera melibatkan 5 syarikat. Perkara ini berlaku disebabkan pihak syarikat melalui pegawai rondanya tidak memantau dengan teliti penggunaan dan keperluan peralatan ini. Selain itu, pihak sekolah pula tidak melaksanakan semakan terhadap peralatan tersebut semasa membuat pengesahan terhadap tuntutan syarikat pada setiap bulan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.10
PERALATAN TIDAK DIBEKALKAN/DIGUNAKAN/MENCUKUPI DAN ROSAK

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	JENIS PERALATAN/PAKAIAN						
		COTAR	WALKIE TALKIE	WISEL	BAJU HUJAN	LAMPU PICIT	PAKAIAN SERAGAM	TOPI/ BERI
Selangor								
SK Kampung Jawa 2, Klang	Perkhidmatan Bintang Kawalan KPM/10/2010/03/0272 (01.02.2010 - 31.01.2013)	<1	TG	<1	X	X	✓	✓
SMK Shahbandaraya, Klang		✓	<1	✓	X	X	✓	✓
SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Sabak Bernam	Paraforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	<1	✓	R1	R1	✓	✓
Asrama SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Sabak Bernam		X	<1	✓	✓	R1	✓	✓

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	JENIS PERALATAN/PAKAIAN						
		COTAR	WALKIE TALKIE	WISEL	BAJU HUJAN	LAMPU PICIT	PAKAIAN SERAGAM	TOPI/ BERI
SK Sekendi, Sabak Bernam		✓	TG	✓	R1	R1	✓	✓
SJK(T) Ladang Hicom, Shah Alam	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0281 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	TG	✓	<3	✓	✓	✓
SMK Seksyen 18, Shah Alam	Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	<3	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam		✓	TG	✓	✓	✓	✓	✓
SMK Seksyen 11, Shah Alam		X	X	X	X	✓	✓	✓
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam		X	X	X	X	✓	✓	✓
SAM Bestari, Subang Jaya	BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	TG	✓	<1	✓	✓	✓
Asrama SAM Bestari, Subang Jaya		✓	TG	X	<2	✓	✓	✓
SK Bandar Sunway, Petaling Jaya	Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	✓	TG	X	✓	✓	✓	✓
SK Kampung Lindungan, Petaling Jaya		TG	TG	✓	✓	✓	✓	✓
Sabah								
SK Pulau Denawan, Semporna	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	<1	TG	✓	X	X	✓	✓
SK Pulau Mabul, Semporna		✓	TG	<1	<1	✓	<1	✓
SK Bubul II, Semporna	Hawk Protection Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0140 (01.02.2012 - 31.01.2015)	TG	R2	✓	X	✓	X	✓
SMK Kabogan II, Semporna	Bertam Security Services SMKM2 KEW/400/17/002/11(84) (01.01.2011 - 31.12.2012)	TG	TG	✓	✓	✓	✓	✓
SMK Limbanak, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKLBK/200-02/07/(2) (01.01.2011 - 31.12.2012)	TG	TG	TG	✓	✓	X	✓
SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	R1	✓	✓	✓	✓	✓
SMK Putatan, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKPTN/04(KF)/02/007 (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	TG	✓	✓	✓	✓	✓
Asrama SMK Putatan, Penampang	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKPTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	✓	X	X	X	✓	✓	✓
Perlis								
SMK Syed Alwi, Kangar	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	TG	X	✓	✓	✓	✓	✓
SK Sanglang, Simpang Empat	Deriguour Security Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0019 (01.10.2009 - 30.09.2012)	✓	TG	✓	✓	✓	✓	✓
SK Behor Mali, Simpang Empat	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	✓	TG	✓	✓	R1	✓	✓
SJK (C) Padang Besar (U), Padang Besar	Formgates Security Protection Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0005 (01.10.2009 - 30.09.2012)	✓	R1	✓	✓	✓	✓	✓
SMK Syed Hassan, Kangar	Intelligent Security Systems Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0017 (01.10.2009 - 30.09.2012)	✓	R1	✓	✓	R1	✓	✓

Nota : ***(✓) - Dibekalkan*** ***(X) - Tidak Dibekalkan*** ***(R) - Rosak***
(<) - Dibekalkan Tidak Mencukupi ***(TG) - Dibekalkan Tetapi Tidak Digunakan***

GAMBAR 11.7



SK Bubul II, Penampang, Sabah
- Kedua-dua Walkie Talkie Rosak
(Bateri Tidak Boleh Dicaj Semula)
(14.07.2012)

GAMBAR 11.8



SMK Syed Hassan, Kangar, Perlis
- Masing-masing Satu Walkie Talkie Dan Lampu Picit Rosak
(Bateri Tidak Boleh Dicaj Semula)
(06.09.2012)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat supaya mengambil tindakan pemotongan/denda terhadap syarikat berkenaan.

Pada pendapat Audit, pihak syarikat bertanggungjawab membekal peralatan yang mencukupi dan dapat berfungsi dengan baik. Pegawai ronda syarikat hendaklah memeriksa peralatan tersebut setiap masa sama ada mencukupi, tidak rosak dan digunakan oleh pengawal semasa menjalankan tugas. Pihak sekolah juga perlu memantau dan melaporkan ketidakpatuhan ini semasa mengesahkan tuntutan syarikat pada setiap bulan. Amaran atau tindakan denda perlu dikenakan terhadap pengawal/syarikat yang gagal mematuhi syarat-syarat kontrak.

11.5.4. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tidak Dilaksanakan Dengan Memuaskan

Syarikat hendaklah melaksanakan PKK mengikut arahan Kerajaan dari semasa ke semasa sama ada secara lisan atau bertulis mengikut terma dan syarat perjanjian. Ianya hendaklah disokong dengan penggunaan peralatan/alat kelengkapan yang bersesuaian bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

11.5.4.1. Kawalan Keluar/Masuk Kawasan Sekolah

a. Menurut perjanjian berkaitan dengan peraturan kerja, pengawal dikehendaki melaksanakan pemeriksaan terhadap mana-mana orang awam (termasuk pekerja pembersihan swasta, pekerja kantin, pekerja koperasi sekolah dan

pekerja dapur asrama) termasuk kenderaan mereka setiap kali memasuki kawasan sekolah atau premis berkenaan. Pengawal juga hendaklah memastikan kawasan premis selamat dari pencerobohan dengan memastikan semua pintu pagar dan pintu masuk tertutup dan berkunci.

b. Semakan Audit mendapati kawalan keluar masuk bagi 19 sekolah/asrama (49%) yang melibatkan 14 syarikat (50%) tidak dilaksanakan dengan baik untuk memastikan kawasan sekolah/asrama sentiasa selamat. Adalah didapati pelawat bebas keluar masuk kerana pengawal tidak menahan, memeriksa dan mencatatkan butir-butir pelawat yang masuk/keluar premis sekolah. Pintu pagar utama dan pintu pagar di bahagian lain dibiarkan terbuka walaupun bukan pada waktu puncak kehadiran/pulang murid. Adalah didapati juga 12 sekolah/asrama mudah dibolosi/cerobohi kerana kawasan sekolah/asrama tidak berpagar atau pagar rosak dan berlubang. Butiran lanjut seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.11
KAWALAN KELUAR MASUK KAWASAN SEKOLAH/ASRAMA TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN BAIK DAN MUDAH DICEROBOHI/DIBOLOSI

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	PINTU PAGAR		PAGAR ROSAK	SEKOLAH TIADA PAGAR
		DIBIAR TERBUKA	ROSAK		
Selangor					
SK Kampung Jawa 2, Klang	Perkhidmatan Bintang Kawalan KPM/10/2010/03/0272 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-
SMK Shahbandaraya, Klang		X	-	-	-
SMK Telok Gadong, Klang	GNC Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0269 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-
SK Sekendi, Sabak Bernam	Paraforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	-	-	X	-
SJK(T) Ladang Hicom, Shah Alam	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0281 (01.02.2010 - 31.01.2013)	-	-	X	-
SMK Seksyen 18, Shah Alam	Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-
SMK Seksyen 11, Shah Alam		X	-	X	-
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam		X	-	X	-
SAM Bestari, Subang Jaya	BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-
Asrama SAM Bestari, Subang Jaya		X	-	-	-
SK Bandar Sunway, Petaling Jaya	Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-
SK Kampung Lindungan, Petaling Jaya		X	-	-	-
Sabah					
SMK Bum Bum, Semporna	Bertam Security Services SMKBB/400-01/14/1 (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	-	-	-
SK Pulau Denawan, Semporna	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	-	-	-	X
SK Pulau Mabul, Semporna		X	X	X	-

SEKOLAH/ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	PINTU PAGAR		PAGAR ROSAK	SEKOLAH TIADA PAGAR
		DIBIAR TERBUKA	ROSAK		
SK Bubul II, Semporna	Hawk Protection Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0140 (01.02.2012 - 31.01.2015)	X	-	X	-
SMK Kabogan II, Semporna	Bertam Security Services SMKM2 KEW/400/17/002/11(84) (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	-	-	-
SMK Limbanak, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKLBK/200-02/07/(2) (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	-	-	-
SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	-	-	-	X
Asrama SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. JP(SB)/300/UBKP/2012/TDR/378 (01.02.2012 - 31.01.2015)	-	-	-	X
Asrama SMK Putatan, Penampang	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKPTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	-	X	-
Perlis					
SMK Syed Alwi, Kangar	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-
SK Sanglang, Simpang Empat	Deriguour Security Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0019 (01.10.2009 - 30.09.2012)	X	-	-	-
SK Behor Mali, Simpang Empat	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	-	-	X	-
SJK (C) Padang Besar (U), Padang Besar	Formgates Security Protection Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0005 (01.10.2009 - 30.09.2012)	X	-	X	-

Nota : ***(X) - Pintu Pagar Dibiarkan Terbuka/Pagar Rosak/Tiada Pagar***

GAMBAR 11.9



SMK Seksyen 18, Shah Alam, Selangor - Pintu Pagar Utama Dibiar Terbuka Pada Jam 10.00 Pagi (01.08.2012)

GAMBAR 11.10



SJK (C) Padang Besar, Padang Besar, Perlis - Pintu Pagar Kecil Di Hadapan Sekolah Dibiar Terbuka Pada Jam 10.00 Pagi (05.09.2012)

GAMBAR 11.11



SK Pulau Mabul, Semporna, Sabah
- Pintu Pagar Di Bahagian Belakang Rosak Dan Dibiar Terbuka
(13.07.2012)

GAMBAR 11.12



SK Sekendi, Sabak Bernam, Selangor
- Sebahagian Pagar Di Bahagian Belakang Sekolah Rosak
(05.07.2012)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat supaya mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan teguran Audit. Menurut Kementerian terdapat kekangan peruntukan untuk membaiki atau mengganti pagar yang baru. Kementerian akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan supaya pagar yang rosak dapat dibaiki segera.

Pihak Audit berpendapat, prosedur kawalan keluar masuk pelawat ke sekolah/asrama perlu diamalkan sepenuhnya. Pihak sekolah perlu segera mendapatkan peruntukan untuk membina dan membaiki pagar yang rosak supaya kawalan keselamatan menjadi lebih berkesan.

11.5.4.2. Rakaman *Watchman Clock* Tidak Teratur

a. Menurut perjanjian, pengawal hendaklah kerap membuat rondaan berkala (setiap satu atau dua jam sekali - tertakluk kepada saiz kawasan) di semua bahagian bangunan dan kawasan jagaannya serta merakam *watchman clock* pada setiap lawatan. Semakan Audit mendapati:

   i. pengawal tidak merakam mengikut norma yang ditetapkan atau tidak merakam langsung *watchman clock* bagi 26 sekolah yang melibatkan 19 syarikat;

   ii. tujuh (7) *watchman clock* tidak menunjukkan masa dan tarikh sebenar bagi 5 sekolah yang melibatkan 4 syarikat;

   iii. dua (2) *watchman clock* di Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor dan Asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah langsung tidak dikunci menyebabkan datanya boleh diubah oleh pengawal;

iv. kunci merakam *watchman clock* berada di pondok pengawal, rantai pengikat kunci tidak diikat ditempatnya dan mudah ditanggalkan bagi 7 sekolah melibatkan 6 syarikat;

v. pengawal telah merakam *watchman clock* secara berturut-turut menggunakan satu kunci bagi mewakili semua *check point* yang ada di sekolah di SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor; dan

vi. turutan nombor kunci bagi merakam *watchman clock* adalah sama antara sekolah dan asrama bagi 5 buah sekolah/asrama melibatkan 3 syarikat.

b. Perkara ini berlaku antara lainnya disebabkan kelemahan pemantauan oleh pegawai ronda syarikat, pengawal yang tidak beretika telah memanipulasikan sistem *watchman clock* dan kurang pemantauan secara mengejut oleh pihak JPN/PPD/Sekolah. Selain itu, penempatan kunci merakam *watchman clock* juga hendaklah dikaji semula supaya meliputi seluruh kawasan sekolah terutamanya tempat yang berisiko tinggi berlaku kecurian/pencerobohan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.12
RAKAMAN *WATCHMAN CLOCK* TIDAK TERATUR

SEKOLAH/ ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	RAKAMAN *WATCHMAN CLOCK* TIDAK TERATUR					
		(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)
Selangor							
SK Kampung Jawa 2, Klang	Perkhidmatan Bintang Kawalan KPM/10/2010/03/0272 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	X	-	-	-	-
SMK Shahbandaraya, Klang		X	-	-	-	-	-
SMK Telok Gadong, Klang	GNC Security Services KPM/10/2010/03/0269 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-	-	-
SAM Parit Baru, Sabak Bernam	Kukuh Saga Security Services KPM/10/2010/03/0253 (01.02.2011 - 31.01.2013)	-	-	-	-	-	X
Asrama SAM Parit Baru, Sabak Bernam		-	-	-	-	-	X
SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Sabak Bernam	Paraforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	-	-	-	-	-	X
Asrama SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Sabak Bernam		-	-	-	-	-	X
SK Sekendi, Sabak Bernam		X	-	-	X	-	-
SJK(T) Ladang Hicom, Shah Alam	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0281 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-	-	-
SMK Seksyen 18, Shah Alam	Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	X	-	-	-	-
Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam		X	X	-	-	-	-
SMK Seksyen 11, Shah Alam		X	X	-	X	-	-
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam		X	-	X	-	X	-
SAM Bestari, Subang Jaya	BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	X	-	X	-	-
Asrama SAM Bestari, Subang Jaya		X	X	-	X	-	-
SK Bandar Sunway, Petaling Jaya	Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	X	-	X	-	-
SK Kampung Lindungan, Petaling Jaya		X	-	-	X	-	-

SEKOLAH/ ASRAMA	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	RAKAMAN *WATCHMAN CLOCK* TIDAK TERATUR					
		(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)
Sabah							
SMK Bum Bum, Semporna, Sabah	Bertam Security Services SMKBB/400-01/14/1 (01.01.2011 - 31.12.2012)	-	-	-	X	-	-
SK Pulau Denawan, Semporna	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	X	-	-	X	-	-
SK Pulau Mabul, Semporna		X	-	-	-	-	-
SMK Limbanak, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKLBK/200-02/07/(2) (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	-	-	X	-	-
SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-	-	-
Asrama SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. JP(SB)/300/UBKP/2012/TDR/378 (01.02.2012 - 31.01.2015)	X	-	-	-	-	-
SMK Putatan, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKPTN/04(KF)/02/007 (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	-	-	-	-	-
Asrama SMK Putatan, Penampang	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKPTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	X	-	X	-	-	-
Perlis							
SMK Syed Alwi, Kangar	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	X	-	-	-	-	X
SK Behor Mali, Simpang Empat	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	X	-	-	-	-	-
SJK (C) Padang Besar (U), Padang Besar	Formgates Security Protection Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0005 (01.10.2009 - 30.09.2012)	X	-	-	-	-	-
SK Felda Rimba Mas, Padang Besar		X	-	-	-	-	-
SMK Syed Hassan, Kangar	Intelligent Security Systems Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0017 (01.10.2009 - 30.09.2012)	X	-	-	-	-	-
SMK Putra, Kangar		X	-	-	-	-	-

Nota : ***(i) - Pengawal Tidak Merakam Watchman Clock Mengikut Norma Atau Tidak Merakam Langsung***
(ii) - Watchman Clock Tidak Menunjukkan Masa Dan Tarikh Sebenar
(iii) - Watchman Clock Tidak Dikunci
(iv) - Kunci Merakam Watchman Clock Berada Di Pondok Pengawal, Rantai Pengikat Kunci Tidak Diikat Dan Mudah Ditanggalkan
(v) - Pengawal Merakam Watchman Clock Menggunakan Kunci Yang Sama
(vi) - Nombor Kunci Merakam Watchman Clock Di Sekolah Dan Asrama Adalah Sama

GAMBAR 11.13



SAM Bestari, Subang Jaya, Selangor - Waktu Tidak Sama (Watchman Clock Menunjukkan Pukul 3.30 Berbanding Dengan Waktu Sebenar Pukul 10.30 Pagi) (03.08.2012)

GAMBAR 11.14



SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor - Dua Kunci Watchman Clock Diletak Di Pondok Kawalan (02.08.2012)



GAMBAR 11.15

SMK Bum Bum, Semporna, Sabah
- Satu Kunci Di Check Point Telah Tanggal
(11.07.2012)

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian mengambil maklum teguran tersebut. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat bagi memastikan tindakan pemotongan/denda diambil terhadap syarikat terlibat. Pada tahun 2012, pemantauan telah dilakukan terhadap 1,225 buah sekolah dan mana-mana syarikat yang gagal mematuhi terma dan syarat kontrak telah diberi teguran sewajarnya.

Pada pendapat Audit, pihak syarikat/Kementerian mesti memastikan PKK yang telah dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan. Pihak sekolah perlu meneliti laporan rakaman yang disertakan dalam laporan tuntutan bulanan syarikat sebelum membuat perakuan pengesahan kerja pada setiap bulan. Pemantauan secara mengejut khususnya pada waktu malam perlu dilakukan bagi memastikan PKK telah dilaksanakan dengan sempurna.

11.5.4.3. Kehadiran Pengawal Bertugas

Menurut perjanjian, syarikat dikehendaki menyediakan bilangan pengawal keselamatan secukupnya untuk tempoh 24 jam sehari mengikut syif (2 syif). Pengawal juga hendaklah hadir tidak lewat daripada waktu bertugas yang ditetapkan dan tidak boleh meninggalkan tempat kerja sebelum tamat syif bertugas dan pengawal pengganti mesti disediakan sekiranya pengawal yang sepatutnya bertugas bercuti. Pemeriksaan Audit secara fizikal di sekolah/asrama mendapati:

a. Pada pagi 14 Julai 2012 di SMK Kabogan II dan SK Bubul II, Semporna, Sabah mendapati kehadiran pengawal pada syif siang (7.00 pagi hingga 7.00 malam) tidak mencukupi iaitu hanya seorang pengawal hadir setiap sekolah berbanding sepatutnya dua orang pengawal bagi setiap sekolah; dan

b. Pada pagi 2 Ogos 2012 di SMK Seksyen 11, Shah Alam dan Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor masing-masing hanya seorang pengawal sahaja yang bertugas berbanding dua orang pengawal yang sepatutnya.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian mengambil maklum dan mengakui bahawa terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan kontrak di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, surat pemakluman bertarikh 20 Mac 2013 telah dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat bagi memastikan tindakan pemotongan/denda diambil terhadap syarikat terlibat selaras dengan teguran Audit.

Pada pendapat Audit, kehadiran pengawal mengikut bilangan, masa dan tempat yang ditetapkan adalah penting bagi menjamin kawalan keselamatan di premis tersebut mencukupi dan terjaga. Kementerian perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap kegagalan syarikat mematuhi terma dan syarat kontrak.

11.5.4.4. Denda Terhadap Perkhidmatan Yang Tidak Memuaskan

a. Menurut perjanjian, Kerajaan boleh mengambil tindakan jika perkhidmatan yang dilaksanakan tidak mengikut atau berlaku pelanggaran mana-mana terma dan syarat perjanjian antaranya seperti berikut:

   i. menolak perkhidmatan dan meminta syarikat menggantikan perkhidmatan dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Kerajaan;

   ii. menamatkan perjanjian dan melantik pihak lain melaksanakan perkhidmatan serta merampas bon pelaksanaan;

   iii. mengenakan denda 20% daripada jumlah bulanan nilai perjanjian bagi premis terlibat; dan

   iv. mengenakan denda dengan jumlah yang sama banyak dengan gaji sejam setiap pekerja yang tidak hadir.

b. Semakan Audit mendapati denda tidak dikenakan terhadap syarikat yang perkhidmatannya tidak mengikut terma dan syarat perjanjian seperti contoh berikut:

   i. Di SMK Seksyen 11 dan Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor bilangan pengawal keselamatan yang dibekalkan oleh syarikat Amcop Security Sdn. Bhd. tidak mencukupi. Hanya seorang pengawal bertugas setiap premis berbanding sepatutnya 2 orang pengawal bagi setiap syif. Pihak Audit dimaklumkan oleh pengawal bertugas bahawa bilangan

pengawal tidak mencukupi berlaku semenjak bulan Februari 2012. Bagaimanapun, tuntutan dan pembayaran telah dibuat untuk perkhidmatan masing-masing bagi 4 orang pengawal.

ii. Di Asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah semakan Audit terhadap baucar bayaran bulan Januari hingga Jun 2012 mendapati laporan rakaman *watchman clock* di dalam Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan menunjukkan pelaksanaan rakaman telah dibuat sepenuhnya mengikut norma yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit di lokasi mendapati *watchman clock* tidak disediakan dan tiada satu pun kunci merakam berada di *checkpoint*. Mengikut pengawal yang bertugas, peralatan tersebut telah hilang melebihi setahun yang lalu. Manakala pihak sekolah pula memaklumkan bahawa pihaknya tidak menyedari ketiadaan kunci merakam dan *watchman clock* di asrama berkenaan kerana sebelum ini kerja-kerja pengubahsuaian asrama telah dilaksanakan. Pihak Audit mendapati laporan rakaman *watchman clock* di dalam tuntutan bayaran bagi tempoh tersebut adalah diragui kesahihannya. Keadaan ini membolehkan pihak syarikat mengelak daripada dikenakan denda.

c. Mengikut perkiraan Audit berdasarkan sampel baucar bayaran bulan April dan Mei 2012 bagi SMK Seksyen 11 dan Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor serta sampel baucar bayaran bulan Januari, Mei dan Jun 2012 bagi Asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah mendapati tuntutan telah terlebih bayar berjumlah RM18,496. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 11.13
PEMOTONGAN/DENDA TIDAK DIKENAKAN TERHADAP KETIDAKHADIRAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK MEMUASKAN

NO. BAUCAR/ TARIKH/ AMAUN (RM)	BAYARAN BAGI SEKOLAH/ASRAMA (RM)	PERKIRAAN AUDIT		LEBIHAN (RM)
		PEMOTONGAN KETIDAKHADIRAN PENGAWAL (RM)	DENDA 20% (RM)	
SMK SEKSYEN 11 DAN ASRAMA SMK SEKSYEN 11, SHAH ALAM, SELANGOR				
B1073 / 23.04.2012 138,202	17,275	3,420	3,455	6,875
B1485 / 14.05.2012 138,202	17,275	3,420	3,455	6,875
ASRAMA SMK PUTATAN, PENAMPANG, SABAH				
B0117 / 04.01.2012 8,052	8,052	-	1,610	1,610
B0026 / 16.05.2012 7,906	7,906	-	1,581	1,581
B0036 / 11.06.2012 7,776	7,776	-	1,555	1,555
JUMLAH				**18,496**

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian sentiasa memantau prestasi syarikat yang memberikan perkhidmatan dari semasa ke semasa. Bagi tahun 2011 sebanyak 350 aduan dibuat dan 273 surat amaran telah dikeluarkan; tahun 2012 sebanyak 271 aduan dan 250 surat amaran telah dikeluarkan; dan sehingga bulan Mei 2013 sebanyak 112 aduan dan 100 surat amaran telah dikeluarkan. Kementerian juga mengingatkan JPN agar mengenakan denda terhadap syarikat yang melanggar terma dan syarat perjanjian. Bermula dari tahun 2010 sehingga kini, sebanyak 20 kontrak perjanjian telah ditamatkan kerana kegagalan syarikat mematuhi perkhidmatan. Kementerian turut memberikan taklimat kepada semua JPN, PPD dan sekolah agar melindungi hak Kerajaan dengan menguatkuasakan syarat perjanjian.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan kawalan keselamatan tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Kementerian perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap kegagalan syarikat mematuhi terma dan syarat kontrak dengan mengenakan pemotongan/denda. Kegagalan melaksanakan pemotongan ini menyebabkan pihak Kerajaan tidak mendapat perkhidmatan yang sewajarnya berdasarkan jumlah wang yang dibelanjakan. Tindakan tatatertib juga hendaklah dikenakan terhadap pegawai yang mengesahkan perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna dan membuat bayaran penuh sedangkan perkhidmatan syarikat adalah sebaliknya.

11.5.5. Tuntutan Pembayaran Tidak Teratur

11.5.5.1. Arahan Perbendaharaan 99(e)(i) menyatakan, baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi satu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja telah dilaksanakan dengan sempurna. Manakala menurut perjanjian pula, syarikat hendaklah mengemukakan Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan secara bulanan yang telah diisi dengan butir-butir perkhidmatan yang disahkan dan diperakukan oleh Kerajaan tidak lewat daripada 5 haribulan bulan berikutnya selepas perkhidmatan dilaksanakan.

11.5.5.2. Semakan Audit terhadap 21 sampel baucar bayaran mendapati 33 Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan secara bulanan tidak dilengkapkan oleh pihak syarikat/sekolah bagi tujuan pembayaran tetapi tuntutan masih diluluskan dan dibayar. Perkara ini berlaku disebabkan pihak sekolah tidak teliti semasa menyemak dan mengesahkan laporan berkenaan. Selain itu, pihak Unit Kewangan di JPN/PPD/sekolah juga tidak memastikan bahawa semua dokumen

sokongan telah dilengkapkan sebelum bayaran dibuat. Semakan dan pengesahan yang tidak teliti boleh menyebabkan denda/pemotongan tidak dikenakan terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan dan pihak syarikat boleh memanipulasikan perkhidmatan yang diberikan selain Kerajaan tidak mendapat perkhidmatan yang sepadan dengan bayaran yang dibuat. Butiran lanjut laporan pelaksanaan perkhidmatan tidak dilengkapkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 11.14
LAPORAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN BULANAN TIDAK DILENGKAPKAN

SEKOLAH	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	NO. BAUCAR/ TARIKH/ AMAUN (RM)	LAPORAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN BULANAN TIDAK DILENGKAPKAN				
			PENGESAHAN PELAKSANAAN KERJA	KEHADIRAN PENGAWAL	REKOD KETIDAKHADIRAN PENGAWAL DAN PENGURUSAN PENGAWAL	PELAKSANAAN KUNCI JAM *WATCHMAN CLOCK*	STATUS PERALATAN YANG DIBEKALKAN
Selangor							
SK Kampung Jawa 2, Klang	Perkhidmatan Bintang Kawalan KPM/10/2010/03/0272 (01.02.2010 - 31.01.2013)	B4524 29.05.2012 RM112,698.44	✓	✓	X	X	✓
SMK Shahbandaraya, Klang			✓	✓	✓	X	✓
SMK Telok Gadong, Klang	GNC Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0269 (01.02.2010 - 31.01.2013)	B2782 27.04.2012 RM138,302.88	✓	✓	✓	X	✓
SAM Parit Baru, Sabak Bernam	Kukuh Saga Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0253 (01.02.2011 - 31.01.2013)	B0507 02.02.2012 RM106,506.00	✓	✓	✓	X	✓
Asrama SAM Parit Baru, Sabak Bernam			✓	✓	✓	X	✓
SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Sabak Bernam	Paraforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	B0455 21.04.2012 RM133,428.96	✓	✓	✓	X	✓
Asrama SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Sabak Bernam			✓	✓	✓	X	✓
SK Sekendi, Sabak Bernam			✓	✓	✓	X	✓
SJK(T) Ladang Hicom, Shah Alam	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0281 (01.02.2010 - 31.01.2013)	B1735 21.05.2012 RM162,235.20	X	✓	X	X	X
SMK Seksyen 18, Shah Alam	Amcop Security Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0278 (01.02.2010 - 31.01.2013)	B1073 23.04.2012 RM138,201.60	✓	✓	✓	X	✓
Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam			✓	✓	✓	X	✓
SMK Seksyen 11, Shah Alam			✓	✓	✓	X	✓
Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam			✓	X	✓	X	✓
SAM Bestari, Subang Jaya	BIZ Guard Corporation Sdn. Bhd. KPM/10/2010/030282 (01.02.2010 - 31.01.2013)	B0928 18.04.2012 RM16,982.40	✓	✓	✓	X	✓
Asrama SAM Bestari, Subang Jaya			✓	✓	✓	X	✓
SK Bandar Sunway, Petaling Jaya	Malforce Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0283 (01.02.2010 - 31.01.2013)	B2516 21.06.2012 RM111,555.36	✓	✓	✓	X	✓
SK Kampung Lindungan, Petaling Jaya			✓	✓	X	X	✓

SEKOLAH	SYARIKAT/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	NO. BAUCAR/ TARIKH/ AMAUN (RM)	LAPORAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN BULANAN TIDAK DILENGKAPKAN				
			PENGESAHAN PELAKSANAAN KERJA	KEHADIRAN PENGAWAL	REKOD KETIDAKHADIRAN PENGAWAL DAN PENGURUSAN PENGAWAL	PELAKSANAAN KUNCI JAM *WATCHMAN CLOCK*	STATUS PERALATAN YANG DIBEKALKAN
Sabah							
SK Pulau Denawan, Semporna	Nuzul Services Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0137 (01.02.2012 - 31.01.2015)	B0383 09.06.2012 RM68,515.20	✓	X	✓	X	✓
SK Pulau Mabul, Semporna			✓	X	✓	X	✓
SK Bubul II, Semporna	Hawk Protection Sdn. Bhd. KPM/12/2012/03/0140 (01.02.2012 - 31.01.2015)	B0149 27.04.2012 RM68,149.20	✓	✓	X	X	✓
SMK Kabogan II, Semporna	Bertam Security Services SMKM2 KEW/400/17/002/11(84) (01.01.2011 - 31.12.2012)	B0030 03.05.2012 RM7,440.00	✓	✓	X	✓	✓
SMK Limbanak, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKLBK/200-02/07/(2) (01.01.2011 - 31.12.2012)	B0024 27.04.2012 RM7,261.44	✓	✓	✓	X	✓
SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	B0347 10.05.2012 RM54,900.00	✓	✓	✓	X	✓
Asrama SK Togudon, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. JP(SB)/300/UBKP/2012/TDR/378 (01.02.2012 - 31.01.2015)		✓	✓	✓	X	✓
SMK Putatan, Penampang	Jayapadu Bersatu Kawalan Sdn. Bhd. SMKPTN/04(KF)/02/007 (01.01.2011 - 31.12.2012)	B0038 21.06.2012 RM7,027.20	✓	✓	X	X	✓
Asrama SMK Putatan, Penampang	Crystal Guard Securities Sdn. Bhd. SMKPTN/04(14)/02/011 (01.01.2011 - 31.12.2012)	B0036 11.06.2012 RM7,776.00	✓	✓	✓	X	✓
Perlis							
SMK Syed Alwi, Kangar	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/10/2010/03/0251 (01.02.2010 - 31.01.2013)	B3913 24.06.2012 RM76,486.68	✓	✓	✓	X	✓
SK Sanglang, Simpang Empat	Deriguour Security Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0019 (01.10.2009 - 30.09.2012)	B2672 24.04.2012 RM76,801.44	✓	✓	✓	X	✓
SK Behor Mali, Simpang Empat	CF Security Services Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0006 (01.10.2009 - 30.09.2012)	B3913 24.06.2012 RM76,486.68	✓	✓	✓	X	✓
SJK (C) Padang Besar (U), Padang Besar	Formgates Security Protection Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0005 (01.10.2009 - 30.09.2012)	B4011 05.06.2012 RM83,601.72	✓	✓	✓	X	✓
SK Felda Rimba Mas, Padang Besar			✓	✓	✓	X	✓
SMK Syed Hassan, Kangar	Intelligent Security Systems Sdn. Bhd. KPM/07/2009/03/0017 (01.10.2009 - 30.09.2012)	B3949 04.06.2012 RM79,714.80	✓	✓	✓	X	✓
SMK Putra, Kangar			✓	✓	✓	X	✓

Nota : ***(✓) - Disediakan/Dilengkapkan*** ***(X) - Tidak Disediakan/Dilengkapkan***

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian telah mengeluarkan Pekeliling Perolehan Bil. 1 Tahun 2011 yang menjelaskan tatacara tuntutan pembayaran yang perlu di patuhi oleh pihak pembayar dan PTJ. Teguran juga telah dibuat melalui surat bertarikh 20 Mac 2013 meminta agar borang pengesahan diisi dengan lengkap sebelum pembayaran dibuat.

Pada pendapat Audit, pihak sekolah perlu memastikan syarikat melengkapkan sepenuhnya Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan pada setiap bulan dan mengesahkan setiap butiran yang diisi oleh syarikat dengan teliti serta menilainya dengan teratur. Pihak JPN/PPD pula hendaklah memastikan setiap laporan berkenaan telah dilengkapkan oleh pihak syarikat dan pengesahan yang dibuat oleh pihak sekolah adalah sempurna sebelum kelulusan dibuat untuk tujuan pembayaran.

11.5.6. Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah Dan Murid

Sebanyak 105 borang soal selidik telah diedarkan kepada guru/pentadbir sekolah dan 350 murid bagi 35 sekolah yang dilawati untuk mengukur tahap kepuasan mereka terhadap PKK yang diswastakan. Soal selidik meliputi aspek pengurusan perolehan; etika pengawal; pelaksanaan perkhidmatan dan; pematuhan kepada peraturan PKK. Daripada jumlah itu, sebanyak 87 (83%) borang soal selidik guru/pentadbir sekolah dan 275 (78%) murid telah diterima dan analisis terhadap maklum balas tersebut adalah seperti berikut:

11.5.6.1. Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah

a. Seramai 74 (85%) guru/pentadbir berpuas hati terhadap pengurusan perolehan yang dilaksanakan sama ada di peringkat Kementerian/JPN/PPD/ sekolah iaitu daripada aspek kontrak dan spesifikasi dibekalkan dan guru maklum dengan kontrak berkenaan;

b. Seramai 80 (92%) guru/pentadbir berpuas hati terhadap etika pengawal yang bertugas iaitu dari segi pengawal beretika, kebersihan, bersikap profesional dan berkelayakan;

c. Seramai 63 (72%) guru/pentadbir berpuas hati terhadap pelaksanaan perkhidmatan dan pematuhan oleh syarikat yang dilantik iaitu kerja dilaksanakan mengikut arahan yang telah ditetapkan dan peralatan dibekalkan dengan mencukupi; dan

d. Seramai 63 (72%) guru/pentadbir berpuas hati terhadap pematuhan pengawal terhadap peraturan yang telah ditetapkan dalam terma dan syarat

kontrak iaitu memastikan kawasan sekolah/asrama adalah selamat daripada pencerobohan dan kecurian.

11.5.6.2. Maklum Balas Murid

a. Seramai 214 (78%) murid berpuas hati terhadap pelaksanaan perkhidmatan dan pematuhan oleh syarikat yang dilantik iaitu kerja dilaksanakan mengikut arahan yang telah ditetapkan dan peralatan dibekalkan dengan mencukupi; dan

b. Seramai 201 (73%) murid berpuas hati terhadap pematuhan pengawal terhadap peraturan yang telah ditetapkan dalam terma dan syarat kontrak iaitu memastikan kawasan sekolah/asrama adalah selamat daripada pencerobohan dan kecurian.

Secara keseluruhannya 89% guru/pentadbir dan 79% murid berpuas hati terhadap pengurusan PKK kerana telah memberikan manfaat kepada semua sekolah/asrama yang menerima perkhidmatan tersebut.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Kementerian mengambil maklum dan akan melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kualiti PKK di sekolah-sekolah khususnya dan seluruh Kementerian amnya.

Pada pendapat Audit, berdasarkan maklum balas daripada guru/pentadbir sekolah dan murid, pihak Kementerian perlu melaksanakan penambahbaikan dalam PKK kerana masih terdapat beberapa kelemahan terutamanya dari segi pengurusan perolehan; pelaksanaan perkhidmatan dan; bilangan dan kualiti pekerja PKK.

11.5.7. Pemantauan

Pemantauan bagi PKK perlu dilakukan secara berkala oleh Kementerian/JPN/PPD bagi memastikan PKK telah di laksana dengan sempurna serta pembayaran adalah mengikut perkhidmatan yang diberikan. Semakan Audit mendapati Kementerian melalui BPPA dan Unit Audit Dalam Kementerian telah melaksanakan pemantauan sepanjang tahun terhadap PKK bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna dan teratur. Pihak Audit juga mendapati JPN Perlis telah membuat pemantauan ke sekolah secara berjadual. Manakala di peringkat PPD pemantauan tidak dilaksanakan secara berjadual tetapi pemeriksaan akan dilakukan terhadap mutu PKK jika ada aduan atau cadangan pemotongan bayaran daripada sekolah yang terbabit.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Pada tahun 2011 hingga Mei 2013, Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset telah melaksanakan 27 lawatan yang meliputi 855 buah sekolah. Selain itu pada tahun 2011 dan 2012, Bahagian Audit Dalam juga turut mengadakan lawatan pemantauan bagi memeriksa prestasi kontraktor di 1,338 buah sekolah. Kementerian turut mengeluarkan Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor pada 8 Januari 2013 yang memerlukan setiap sekolah menghantar laporan prestasi perkhidmatan syarikat.

Pada pendapat Audit, pihak JPN/PPD perlu melaksanakan pemantauan secara berjadual dan mengejut bagi memastikan pihak syarikat melaksanakan perkhidmatan dengan baik dan memuaskan. Pemantauan ke sekolah-sekolah juga boleh menjelaskan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul dalam pentafsiran kontrak di peringkat sekolah.

11.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang berbangkit mengenai pengurusan dan pelaksanaan PKK diperbaiki/dipertingkatkan dengan cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perkhidmatan ini adalah disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti berikut:

11.6.1. Kementerian perlu melaksanakan proses perolehan PKK mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Tindakan amaran atau pembatalan tawaran kontrak hendaklah diambil terhadap syarikat yang gagal menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan;

11.6.2. Kementerian perlu menyemak semula syarat-syarat kontrak yang tidak munasabah, tidak jelas dan tidak memihak kepada Kerajaan serta memperincikannya supaya tidak timbul kekeliruan dan salah tafsir semasa pelaksanaan perkhidmatan kawalan keselamatan dan bekalan peralatannya. Kementerian di syor menyediakan dokumentasi dalam bentuk video bagi memberi pemahaman yang lebih berkesan kepada pihak PPD/sekolah tentang cara-cara PKK yang sepatutnya dilaksanakan oleh pihak syarikat;

11.6.3. Kementerian/JPN/PPD/sekolah perlu bertegas dan tidak bertolak ansur terhadap syarikat yang tidak mematuhi terma dan syarat kontrak, dengan mengenakan denda serta melaporkan perkhidmatan yang tidak berkualiti itu kepada pihak berkuasa. Kementerian sepatutnya menamat dan menyenaraihitamkan syarikat yang masih gagal mematuhi syarat kontrak serta memperbaiki prestasi perkhidmatannya;

11.6.4. pihak sekolah perlu memastikan syarikat melengkapkan sepenuhnya Laporan Pelaksanaan Perkhidmatan pada setiap bulan dan mengesahkan setiap butiran yang diisi oleh syarikat dengan teliti bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna serta menilainya dengan teratur. Pihak JPN/PPD pula hendaklah memastikan setiap laporan berkenaan telah dilengkapkan oleh pihak syarikat dan pengesahan yang dibuat oleh pihak sekolah adalah sempurna sebelum kelulusan dibuat untuk tujuan pembayaran; dan

11.6.5. Kementerian/JPN/PPD/sekolah perlu mempertingkatkan aspek pemantauan secara berjadual dan mengejut terutamanya pada waktu malam bagi memastikan pihak syarikat melaksanakan perkhidmatan dengan baik.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 99-112 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN KESIHATAN

12. PENGURUSAN KEMUDAHAN PAKAIAN SERAGAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Pakaian Seragam bermaksud keseluruhan komponen yang melengkapkan reka bentuk pakaian seragam meliputi pakaian, topi/songkok, kasut, tali pinggang dan tali leher seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990. Pakaian seragam yang dibekalkan kepada anggota Kementerian adalah bertujuan sebagai pengenalan diri kepada orang awam semasa menjalankan tugas rasmi. Selain itu, ia juga bertujuan sebagai pelindung dan menjaga keselamatan diri anggota daripada percikan bahan kimia dan kekotoran sewaktu menjalankan tugas.

12.1.2. Sebanyak 53 skim perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) layak mendapat pakaian seragam yang terdiri daripada 3 pasang kain untuk dijahit, 2 pasang kasut kulit dan tudung atau *cap* untuk profesion jururawat.

12.1.3. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011 Kementerian bersetuju bahawa kain akan dibekalkan kepada anggotanya yang berkelayakan. Manakala jahitan pakaian berkenaan diuruskan sendiri oleh anggota dan seterusnya mengemukakan tuntutan upah jahit yang disokong dengan resit tidak melebihi kadar maksimum RM230 sepasang. Selain itu Kementerian menetapkan mulai bulan Mac 2012, anggotanya boleh membeli kasut sendiri dan membuat tuntutan pembelian kasut yang disokong dengan resit tertakluk kepada kadar maksimum RM150 sepasang.

12.1.4. Sehubungan itu, Kementerian telah melantik 4 syarikat secara tender terbuka untuk membekalkan kain mulai bulan Oktober 2010 hingga Jun 2012 dan 4 syarikat lain mulai bulan Julai 2012 hingga Jun 2014 Kementerian juga telah melantik sebanyak 3 syarikat untuk membekalkan kasut bagi tempoh tahun 2010 hingga 2011. Manakala bagi bekalan *cap* atau tudung, urusan perolehan secara sebut harga diserahkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.1
NILAI KONTRAK BEKALAN KAIN DAN KASUT
UNTUK TAHUN 2010 HINGGA BULAN JUN 2014

JENIS BEKALAN/ NAMA SYARIKAT	PERIHAL BEKALAN	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)
BEKALAN KAIN – MULAI 01.10.2010 HINGGA 30.06.2012			
Jakel Trading	Membekal *Polyester* 100% (*Suiting & Bottom*) Bagi Zon Utara Dan Zon Tengah	01.10.2010 hingga 31.12.2011 (15 bulan)	17,640,424
Alamoda Silk House Sdn. Bhd.	Membekal Polyester 100% (*Suiting & Bottom*) Bagi Zon Selatan, Zon Timur Dan Zon Sarawak		18,775,208
Titan Loyal Sdn. Bhd.	Membekal *Polyester* 100% *(Top)* Bagi Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur Dan Zon Sarawak	01.01.2012 hingga 30.06.2012 (Pelanjutan 6 bulan)	2,643,656
Matts Holdings (M) Sdn. Bhd.	Membekal *Polyester Viscose Twill* Bagi Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur Dan Zon Sarawak		3,500,018
JUMLAH KECIL			**42,559,306**
BEKALAN KAIN – MULAI 01.07.2012 HINGGA 30.06.2014			
Mutiara Seribumi Sdn. Bhd.	Membekal Fabrik MOH 4938 *Polyester* 100% (*Suiting & Bottom*) Dan MOH 5540 *(Suiting & Top)* Bagi Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan Dan Zon Sarawak	01.07.2012 hingga 30.06.2014 (2 tahun)	28,149,066
Azka Aqeela (M) Sdn. Bhd.	Membekal Fabrik MOH 5528 *Polyester* 100% *(Top)* Bagi Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan Dan Zon Sarawak		580,521
Elemen Garisan Sdn. Bhd.	Membekal Fabrik MOH 2823 *Polyester Viscose Twill* Bagi Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan Dan Zon Sarawak		8,389,939
SUPB Industries Sdn. Bhd.	Membekal Fabrik MOH 4938 *Polyester* 100% *(Bottom)* Bagi Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah, Zon Selatan Dan Zon Sarawak		1,627,353
JUMLAH KECIL			**38,746,879**
BEKALAN KASUT			
TZ Leathers Sdn. Bhd.	Membekal *Slip On Type High Heel Ladies Leather Shoes With Flexible Supergrip Sole (Black)*	15.03.2010 hingga 14.03.2012 (2 tahun)	1,660,400
Amtek Shoes Sdn. Bhd.	Membekal *Slip On Type Ladies Leather Shoes With Flexible Supergrip Sole (Black Or White)*		14,804,960
HNW Shoe Sdn. Bhd.	Membekal *Slip On Type Men Leather Shoes With Flexible Supergrip Sole*		8,583,365
JUMLAH KECIL			**25,048,725**
JUMLAH KESELURUHAN			**106,354,910**

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kemudahan pakaian seragam adalah teratur, cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pemesanan, perolehan, penerimaan, penyimpanan, pengagihan, pemakaian serta tuntutan upah jahit/pembelian kasut bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 yang dilaksanakan di 15 PTJ merangkumi 4 negeri seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.2
SENARAI PTJ DILAWATI

BIL.	NEGERI	PTJ DILAWATI
1.	Selangor	Hospital Kajang
2,		Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat
3,		Biro Pengawalan Farmaseutikal
4.	Negeri Sembilan	Hospital Tuanku Ja'afar Seremban
5.		Pejabat Kesihatan Daerah Seremban
6.	Kelantan	Hospital Pasir Mas
7.		Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas
8.	Pulau Pinang	Hospital Bukit Mertajam
9.		Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara
10.	Ibu Pejabat Kementerian	• Bahagian Khidmat Pengurusan • Bahagian Kejururawatan • Bahagian Kesihatan Pergigian • Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga • Bahagian Perkembangan Perubatan Dan Bahagian Amalan Perubatan Di Bawah Program Perubatan • Bahagian Perolehan Dan Penswastaan

12.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen serta perbincangan dengan pegawai yang terlibat dalam pengurusan pakaian seragam. Bagi menentukan tahap kepuasan anggota terhadap pakaian seragam yang dibekalkan, sebanyak 498 borang soal selidik telah diedarkan dan dianalisis. Selain itu, pemeriksaan mengejut terhadap anggota telah dibuat bagi memastikan tatacara pemakaian dipatuhi. Di samping itu, kajian pasaran berhubung kadar upah jahit pakaian seragam dan harga kasut dijalankan terhadap kedai atau syarikat di sekitar daerah PTJ yang dilawati.

12.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pakaian seragam adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki oleh Kementerian seperti berikut:

i. kontrak bekalan tidak diuruskan dengan teratur;

ii. pesanan dibuat tidak mengikut syarat kontrak;

iii. pengagihan bekalan tidak teratur;

iv. amaun tuntutan upah jahit/pembelian kasut adalah meragukan; dan

v. tatacara pemakaian tidak dipatuhi.

Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui serta ulasan daripada Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

12.5.1. Prestasi Pengurusan Pakaian Seragam

Secara keseluruhan, pembekalan pakaian seragam kepada anggota telah menjadi satu identiti Kementerian serta secara asasnya, mampu membantu melindungi anggota daripada kecederaan dan percikan bahan kimia semasa menjalankan tugas rasmi.

Pada pendapat Audit prestasi pengurusan pakaian seragam telah mencapai objektif yang ditetapkan.

12.5.2. Prestasi Kewangan

Urusan perolehan bekalan kain dan kasut mengguna pakai peruntukan Objek Sebagai 27000. Manakala bayaran tuntutan upah jahit dan pembelian kasut (mulai tahun 2012) menggunakan peruntukan Objek Sebagai 15000. Semakan Audit mendapati Kementerian tidak menyediakan kompilasi kewangan secara khususnya dari segi jumlah amaun peruntukan dan perbelanjaan bagi kemudahan pakaian seragam di seluruh negara. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan prestasi kewangan sebenar pakaian seragam di seluruh negara. Dengan itu, pihak Audit telah membuat kompilasi status kewangan bagi tempoh tahun 2010 sehingga 2012 terhadap 15 PTJ yang dilawati. Perbelanjaan pakaian seragam yang merangkumi bekalan kain, tudung dan kasut bagi 15 PTJ dilawati untuk tempoh tahun 2010 sehingga 2012 adalah seperti berikut:

JADUAL 12.3
PERBELANJAAN KEMUDAHAN PAKAIAN SERAGAM

BIL.	PTJ	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)		
		2010	2011	2012
1.	Hospital Kajang	74,238	796,242	818,586
2.	Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat	TM	442,221	486,589
3.	Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	197,082	1,525,238	1,550,963
4.	Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	14,394	557,905	519,858
5.	*Bahagian Khidmat Pengurusan	292,878	883,772	379,938
6.	Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan	7,730	82,168	110,575
7.	Hospital Pasir Mas	-	240,501	227,003
8.	Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas	35,011	408,364	372,653
9.	Hospital Bukit Mertajam	56,123	549,903	675,074
10.	Pejabat kesihatan Daerah Seberang Perai Utara	18,083	589,916	335,070
JUMLAH KESELURUHAN		**695,539**	**6,076,230**	**5,476,309**

Nota : ***(TM) - Tiada Maklumat***
(-) - Tiada Bekalan Dan Tuntutan Pakaian Seragam Dibuat
(*) - Jumlah Perbelanjaan Bahagian Khidmat Pengurusan Termasuk 5 PTJ Lain Di Kementerian

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 April 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, tiada peruntukan khusus bagi bekalan kain, kasut, bayaran tuntutan upah jahit dan pembelian kasut di Kementerian kerana perbelanjaan pakaian seragam menggunakan peruntukan sedia ada di bawah OS27000 manakala bayaran upah jahit di bawah OS15000.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan pengurusan pakaian seragam hendaklah disediakan setiap tahun bagi memastikan perancangan pengurusan pakaian seragam lebih berkesan pada masa akan datang, bekalan mencukupi, perbelanjaan tidak melebihi anggaran yang ditetapkan serta meningkatkan tahap kawalan terhadap penggunaan pakaian seragam.

12.5.3. Pengurusan Perolehan

12.5.3.1. Kelewatan Penyediaan Kontrak Bekalan Kain

Pekeliling dalaman Kementerian (Ruj: KKM-57/T3/12 Jld.2) bertarikh 4 April 2011 menetapkan proses perolehan hendaklah dijalankan 6 bulan sebelum kontrak sedia ada tamat bagi memastikan pembekalan kain tidak terjejas. Semakan Audit mendapati kontrak bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 telah tamat pada 31 Disember 2009. Seterusnya, kontrak bagi tempoh 1 Oktober 2010 hingga 31 Disember 2011 hanya dimeterai antara 8 November 2010 hingga 18 Januari 2011 di mana kelewatan berlaku adalah selama 10 hingga 12 bulan daripada tarikh kontrak sedia ada tamat. Kelewatan ini berlaku kerana proses tender mengambil masa yang panjang. Justeru itu, tender hanya diiklankan pada 10 Mac 2010. Selain itu, penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal (JKPT) pada 23 Julai 2010 tidak tepat memandangkan terdapat petender yang gagal melepasi markah lulus bagi warna kain tertentu. Keadaan ini menyebabkan JKPT bersidang semula pada 20 September 2010. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.4
KRONOLOGI KONTRAK BEKALAN KAIN

BIL.	TEMPOH KONTRAK	CATATAN
1.	01.01.2007 - 31.12.2009	Kontrak bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 tamat pada 31 Disember 2009.
2.	01.10.2010 - 31.12.2011	Kontrak bagi tempoh tahun 2010 hingga 2011 berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010.
3.	01.01.2012 - 30.06.2012	Pelanjutan kontrak bagi tempoh tahun 2010 hingga 2011 dilanjutkan sehingga 30 Jun 2012 kerana terdapat lebihan stok disimpan oleh pembekal yang mana tidak sempat dibekalkan kepada kebanyakan PTJ pada tahun 2010.
4.	01.07.2012 - 30.06.2014	Kontrak bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 berkuat kuasa pada 1 Julai 2012.

Antara kesan daripada kelewatan kontrak ditandatangani adalah seperti berikut:

a. Sembilan PTJ yang dilawati tidak sempat membuat pesanan dan dengan itu anggota di PTJ terlibat tidak memperoleh bekalan kain pada tahun 2010 kecuali BKP dan 5 PTJ di Kementerian. Bagaimanapun, bekalan kain lewat diterima oleh BKP menyebabkan tuntutan upah jahit bernilai RM56,805 dibayar mengguna pakai peruntukan tahun 2011 yang mana tidak selaras dengan Pekeliling dalaman Kementerian (Ruj: KKM300-75/1/5/5 Jld.3(3)) bertarikh 18 Mei 2011 yang menghendaki bayaran upah jahit dibuat dalam tahun semasa.

b. Memandangkan kontrak bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 hanya berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010, maka semua PTJ kecuali BKP dan 5 PTJ di Kementerian tidak membuat perolehan bekalan kain pada tahun 2010 kerana tiada peruntukan serta penghantaran bekalan tidak dapat dilaksanakan sebelum 31 Disember 2010. Keadaan ini menyebabkan berlaku lebihan stok di pihak pembekal dan seterusnya tempoh kontrak sedia ada kepada 4 syarikat terpaksa dilanjutkan daripada 31 Disember 2011 kepada 30 Jun 2012.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, kelewatan menandatangani kontrak baru selama 10 hingga 12 bulan disebabkan faktor kekeliruan berhubung laporan analisis kimia yang menyebabkan tender telah dibatalkan. Pengiklanan semula telah dibuat pada 10 Mac 2010 dan pelantikan pembekal hanya dibuat pada 23 September 2010. Manakala tuntutan upah jahit bagi tahun 2010 yang dikemukakan pada tahun 2011 adalah disebabkan tarikh resit adalah tahun 2011, maka bayaran yang dibuat menggunakan peruntukan tahun 2011.

Pada pendapat Audit, urusan perolehan kain dan penyediaan kontrak yang lambat mengakibatkan anggota tidak dapat memperoleh bekalan tepat pada masanya. Justeru itu, Kementerian sepatutnya mematuhi pekeliling iaitu menguruskan perolehan 6 bulan sebelum kontrak tamat pada 31 Disember 2009 pada masa hadapan supaya objektif bekalan pakaian seragam tidak terjejas pada satu-satu masa serta sentiasa memastikan pencapaian objektif tersebut adalah berterusan.

12.5.3.2. Pemesanan Bekalan Tidak Mengikut Syarat Kontrak

Mengikut kontrak, setiap syarikat yang dilantik oleh Kementerian bertanggungjawab membekalkan jenis kain mengikut reka bentuk pakaian yang bersesuaian berdasarkan spesifikasi ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.5
PESANAN KAIN DIBUAT MENGIKUT SYARIKAT DILANTIK DI DALAM KONTRAK

BIL.	SYARIKAT DILANTIK	JENIS KAIN	REKA BENTUK PAKAIAN
1.	Matts Holdings (M) Sdn. Bhd.	*Polyester Viscose Twill*	*Overcoat*
2.	Titan Loyal Sdn. Bhd.	*Polyester* 100% *Top*	Baju lengan panjang atau pendek
3.	Jakel Trading	*Polyester* 100% *Suiting* Dan *Bottom*	*Suiting* (baju dan seluar) serta *Bottom* (seluar)

Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. HKJG, PKDHL, BPFK, PKDMAS, HBM dan PKDSPU telah membuat pesanan bekalan kain bernilai RM27,302 daripada syarikat yang tidak dilantik mengikut syarat kontrak. Ini menyebabkan lebihan bayaran sejumlah RM8,713 seperti di **Jadual 12.6**.

ii. BPFK tidak memesan kain jenis PVT untuk seramai 184 orang Pegawai Farmasi pada tahun 2011 dan 192 orang pada tahun 2012. Ini menyebabkan anggota berkenaan tidak mendapat kemudahan berkaitan. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai yang bertanggungjawab bahawa beliau tidak mengetahui bahawa jawatan berkenaan sepatutnya layak mendapat bekalan kain tersebut.

JADUAL 12.6
PESANAN KAIN TIDAK MENGIKUT SYARIKAT YANG DILANTIK

PTJ	NO. BAUCAR/ TARIKH	NAMA JAWATAN DAN BILANGAN	JENIS KAIN	SEPATUTNYA		SEBENARNYA		BEZA (RM) (C)=(A)-(B)
				SYARIKAT / KOS (RM) PER METER	AMAUN DIBAYAR (RM) (A)	SYARIKAT / KOS (RM) PER METER	PESANAN DIBAYAR (RM) (B)	
Hospital Kajang	B3825 / 27.10.2011	Pegawai Sains Kimia Hayat / 32	*Polyester Viscose Twill*	Matts Holdings (M) Sdn. Bhd. / RM8.87	1,703.04	Titan Loyal Sdn. Bhd. / RM7.56	1,451.52	251.52
		Penolong Pegawai Penyelidikan Makanan / 6			319.32		272.16	47.16
		Jurupulih Carakerja / 8			425.76		362.88	62.88
		Juru X-Ray / 16			851.52		725.76	125.76
JUMLAH KECIL					**3,299.64**		**2,812.32**	**487.32**
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat	B7947 / 22.11.2011	Jurupulih Anggota / 2	*Polyester Viscose Twill*	Matts Holdings (M) Sdn. Bhd. / RM8.87	35.48	Jakel Trading / RM13.60	54.40	(18.92)
	B7946 / 22.11.2011	Pegawai Zat Makanan / 1			17.74		27.20	(9.46)
	B4291 / 17.07.2011	Juruteknologi Makmal Perubatan / 16			567.68		870.40	(302.72)
	B4289 / 17.07.2011	Juru X-Ray / 5			177.40		272.00	(94.60)
	B4290 / 17.07.2011	Jurupulih Anggota / 2			70.96		108.80	(37.84)
JUMLAH KECIL					**869.26**		**1,332.80**	**(463.54)**

PTJ	NO. BAUCAR/ TARIKH	NAMA JAWATAN DAN BILANGAN	JENIS KAIN	SEPATUTNYA		SEBENARNYA		BEZA (RM) (C)=(A)-(B)
				SYARIKAT / KOS (RM) PER METER	AMAUN DIBAYAR (RM) (A)	SYARIKAT / KOS (RM) PER METER	PESANAN DIBAYAR (RM) (B)	
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan	B0548 / 10.07.2012	Pembantu Am Pejabat / 2	*Polyester* 100% *(Top)*	Titan Loyal Sdn. Bhd. / RM7.56	90.72	Jakel Trading / RM13.60	102.72	(12.00)
		Pemandu Kenderaan Bermotor / 4			181.44		205.44	(24.00)
JUMLAH KECIL					**272.16**		**308.16**	**(36.00)**
Hospital Bukit Mertajam	B0208 / 09.03.2011	Penolong Pegawai Perubatan / 23	*Polyester* 100% *(Top)*	Titan Loyal Sdn. Bhd. / RM7.56	1,043.28	Jakel Trading / RM13.60	1,876.80	(833.52)
	B2457 / 28.09.2011	Penolong Pegawai Perubatan / 5			226.80		408.00	(181.20)
	B1579 / 29.06.2012	Penolong Pegawai Perubatan / 27			816.48		1,468.80	(652.32)
	B0208 / 09.03.2011	Pegawai Dietetik / 1	*Polyester Viscose Twill*	Matts Holdings (M) Sdn. Bhd. / RM8.87	106.44		163.20	(56.76)
JUMLAH KECIL					**2,193.00**		**3,916.80**	**(1,723.80)**
Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas	B2384 / 16.08.2012	Pembantu Teknologi Makmal Perubatan / 2	*Polyester* 100% *(Top)*	Titan Loyal Sdn. Bhd. / RM7.56	30.24	Alamoda Silk House Sdn. Bhd. / RM13.60	54.40	(24.16)
JUMLAH KECIL					**30.24**		**54.40**	**(24.16)**
Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara	B0915 / 15.06.2011	Penolong Pegawai Perubatan / 19	*Polyester* 100% *(Top)*	Titan Loyal Sdn. Bhd. / RM7.56	861.84	Jakel Trading / RM13.60	1,550.40	(688.56)
	B2751 / 07.12.2011	Penolong Pegawai Perubatan / 17			771.12		1,387.20	(616.08)
	B1998 / 16.08.2012	Penolong Pegawai Perubatan / 20			604.8		1,088.00	(483.20)
	B0915 / 15.06.2011	Pegawai Perubatan / 27	*Polyester Viscose Twi*	Matts Holdings (M) Sdn. Bhd. / RM8.87	1,436.94		2,203.20	(766.26)
		Juru X-Ray / 7			372.54		571.20	(198.66)
		Juruteknologi Makmal Perubatan / 21			1,117.62		1,713.60	(595.98)
		Pegawai Farmasi / 9			478.98		734.40	(255.42)
	B2751 / 07.12.2011	Pegawai Perubatan / 28			1,490.16		2,284.80	(794.64)
		Juru X-Ray / 7			372.54		571.20	(198.66)
	B2751 / 07.12.2011	Juruteknologi Makmal Perubatan / 17			904.74		1,387.20	(482.46)
		Pegawai Farmasi / 10			532.20		816.00	(283.80)

PTJ	NO. BAUCAR/ TARIKH	NAMA JAWATAN DAN BILANGAN	JENIS KAIN	SEPATUTNYA		SEBENARNYA		BEZA (RM) (C)=(A)-(B)
				SYARIKAT / KOS (RM) PER METER	AMAUN DIBAYAR (RM) (A)	SYARIKAT / KOS (RM) PER METER	PESANAN DIBAYAR (RM) (B)	
	B1998 / 16.08.2012	Pegawai Perubatan / 44			1,561.12		2,393.60	(832.48)
		Pegawai Farmasi / 13			461.24		707.20	(245.96)
		Juruteknologi Makmal Perubatan / 18			638.64		979.20	(340.56)
		Juru X-Ray / 8			283.84		435.20	(151.36)
		Jurupulih Perubatan / 1			35.48		54.40	(18.92)
JUMLAH KECIL					11,923.80		18,876.80	(6,953.00)
JUMLAH KESELURUHAN					18,588.10		27,301.80	(8,713.18)

Nota : ***( ) – Lebihan Bayaran***

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, dokumen kontrak hanya diterima selepas pesanan dibuat dan kekeliruan anggota yang beranggapan bahawa pesanan bekalan kain boleh dibuat kepada mana-mana syarikat menyebabkan pesanan itu tidak dibuat mengikut syarat kontrak. Selain itu, BPFK tidak memesan kain PVT memandangkan keperluan memakai lab-coat hanya untuk pegawai farmasi bertugas di makmal dan menjalankan kerja klinikal sahaja.

Pada pendapat Audit, pemesanan bekalan perlu dibuat dengan teliti untuk mengelak lebihan bayaran berlaku. Dengan itu, PTJ perlu memastikan kontrak dipatuhi sepenuhnya. Apabila berlaku keadaan yang tidak dapat dielakkan, PTJ perlu memohon pengecualian sebelum pesanan dibuat kepada syarikat yang tidak dilantik mengikut kontrak. Polisi pemakaian *over-coat* perlu dipinda sekiranya pemakaiannya di kalangan anggota yang menjalankan tugas pentadbiran tidak diperlukan.

12.5.3.3. Penerimaan Bekalan

a. Pesanan Bekalan Kain Secara Berpusat

BP&P memberikan sampel kain yang dikemukakan oleh syarikat dilantik kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) setiap negeri untuk diagihkan kepada PTJ di bawahnya bagi membolehkan semua PTJ membuat pesanan terus kepada syarikat. Semakan Audit mendapati pesanan kain bagi semua PTJ di Negeri Sembilan termasuk HTJS dan PKDS dilaksanakan oleh JKN Negeri Sembilan. Kedua-dua PTJ tersebut akan menghantar senarai

pesanan kain mengikut pembekal kepada JKN Negeri Sembilan. Kemudiannya syarikat akan menghantar kain yang dipesan terus kepada PTJ tersebut dan seterusnya menghantar salinan nota hantaran kepada JKN Negeri Sembilan bagi membolehkan ia membuat perakuan penerimaan pada Pesanan Tempatan serta membuat bayaran. Proses pesanan ini menyebabkan HTJS dan PKDS terpaksa mengambil masa yang lama untuk menerima bekalan kain antara 66 hingga 213 hari dari tarikh permohonan pesanan seperti di **Jadual 12.7**. Butiran adalah seperti berikut:

JADUAL 12.7
PERAKUAN PENERIMAAN BEKALAN OLEH PTJ

PTJ	NAMA SYARIKAT	NILAI PESANAN (RM)	TARIKH PERMOHONAN PESANAN TEMPATAN DIHANTAR	TARIKH PERAKUAN PENERIMAAN BEKALAN	TEMPOH (HARI)
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Alamoda Silk House Sdn. Bhd.	262,670.40	12.01.2011	03.05.2011	112
	Titan Loyal Sdn. Bhd.	9,752.40	12.01.2011	10.07.2011	179
	Matts Holdings (M) Sdn. Bhd.	12,187.38	12.01.2011	17.03.2011	66
		*8,905.40	31.01.2012	-	-
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	Alamoda Silk House Sdn. Bhd.	78,172.80	14.12.2010	03.05.2011	140
	Titan Loyal Sdn. Bhd.	10,342.08	14.12.2010	10.07.2011	213
		7,287.84	30.01.2012	06.06.2012	78
	Matts Holdings (M) Sdn. Bhd.	7,770.12	14.12.2010	17.03.2011	94
		*6,847.64	30.01.2012	-	-
JUMLAH		**403,936.06**			

Nota : ***(*) - Tiada Tarikh Pengesahan Penerimaan Bekalan Pada Nota Hantaran***

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, pesanan kain bagi semua PTJ di Negeri Sembilan termasuk HTJS dan PKDS dilaksanakan oleh JKN Negeri Sembilan. Selepas teguran Audit, JKN Negeri Sembilan telah menyerahkan urusan perolehan pakaian seragam kepada semua PTJ di bawahnya mulai tahun 2013.

Pada pendapat Audit, karenah birokrasi perlu dikurangkan di samping memastikan terdapat garis panduan/proses kerja yang berkesan, praktikal serta mematuhi peraturan ditetapkan.

12.5.3.4. Pengagihan Bekalan

a. Bekalan Lewat Diagihkan

Selaras Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990, bekalan pakaian seragam hendaklah diagihkan sebelum akhir bulan April setiap tahun. Semakan Audit mendapati HKJG, PKDHL, HTJS, BKP, BKJ, BPFK, HMAS,

PKDMAS, HBM dan PKDSPU tidak dapat mengagihkan bekalan kain, kasut dan tudung bernilai RM1.47 juta sebelum akhir April pada tahun 2010, 2011 dan 2012 dengan kelewatan antara 7 hingga 397 hari seperti di **Jadual 12.8**. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan tarikh pengagihan bekalan di PKDS kerana senarai pengagihan bekalan kain, kasut dan tudung pada tahun 2010, 2011 dan 2012 tidak dikemukakan.

JADUAL 12.8
BEKALAN PAKAIAN SERAGAM LEWAT DIAGIHKAN KEPADA ANGGOTA

PTJ	JENIS BEKALAN	NILAI PESANAN (RM)	TARIKH PATUT DIAGIHKAN	TARIKH DIAGIHKAN	LEWAT (Hari)	SEBAB KELEWATAN
Hospital Kajang	Kain	54,951	30.04.2012	25.05.2012 - 22.06.2012	25 - 53	Pesanan lewat dibuat
	Kasut	35,176	30.04.2010	25.11.2010 - 04.02.2011	236 - 276	Kontrak baru ditandatangani
JUMLAH KECIL		**90,127**				
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat	Kain	26,765	30.04.2011	Tidak dapat disahkan	-	-
		2,209		20.06.2011 - 27.06.2011	51 - 58	Pesanan lewat dibuat
	Kasut	6,522		Tidak dapat disahkan	-	-
		7,055		20.06.2011 - 27.06.2011	51 - 58	Pesanan lewat dibuat
JUMLAH KECIL		**42,551**				
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Kain	284,610	30.04.2011	06.06.2011 - 04.08.2011	37 - 95	• Bekalan lewat dihantar oleh pembekal • Bekalan lewat diagihkan
		8,905	30.04.2012	10.09.2012	131	Pesanan lewat dibuat
	Tudung	39,498	30.04.2011	13.09.2011	134	Pesanan lewat dibuat
	Kasut	161,864	30.04.2011	04.08.2011 - 13.09.2011	95 - 134	
JUMLAH KECIL		**494,877**				
Bahagian Khidmat Pengurusan	Kain	107,732	30.04.2011	01.06.2011 - 23.11.2011	32 - 204	• Bekalan lewat diagihkan • Bekalan lewat dihantar oleh pembekal • Pesanan lewat dibuat
		41,938	30.04.2012	07.05.2012 - 11.07.2012	7 - 72	• Bekalan lewat dihantar oleh pembekal • Pesanan lewat dibuat
	Kasut	382,374	30.04.2011	06.05.2011 - 20.12.2011	7 - 231	Pesanan lewat dibuat
JUMLAH KECIL		**532,044**				
Bahagian Kejururawatan	Tudung	9,339	30.04.2011	04.07.2011	65	Pesanan lewat dibuat
JUMLAH KECIL		**9,339**				
Hospital Pasir Mas	Kain	6,896	30.04.2011	25.05.2011 - 03.10.2011	25 - 154	Pesanan lewat dibuat
		24,678	30.04.2012	14.05.2012 - 25.07.2012	14 - 86	
	Tudung	1,065	30.04.2012	11.06.2012	42	
JUMLAH KECIL		**32,639**				

PTJ	JENIS BEKALAN	NILAI PESANAN (RM)	TARIKH PATUT DIAGIHKAN	TARIKH DIAGIHKAN	LEWAT (Hari)	SEBAB KELEWATAN
Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas	Kain	66,181	30.04.2011	23.06.2011 - 22.08.2011	54 - 113	Pesanan lewat dibuat
	Kasut	31,100	30.04.2011	09.04.2012 - 05.06.2012	340 - 397	
JUMLAH KECIL		**97,281**				
Hospital Bukit Mertajam	Kain	3,081	30.04.2011	17.05.2011 - 15.09.2011	17 - 136	• Bekalan lewat dihantar oleh pembekal • Pesanan lewat dibuat
		15,436	30.04.2012	08.05.2012 - 06.07.2012	8 - 67	
	Tudung	5,079	30.04.2010	29.06.2010 - 08.12.2010	60 - 219	Pesanan lewat dibuat
Hospital Bukit Mertajam	Tudung	7,235	30.04.2011	06.06.2011 - 23.11.2011	37 - 204	Pesanan lewat dibuat
		8,500	30.04.2012	17.05.2012 - 11.07.2012	17-72	
	Kasut	28,617	30.04.2010	29.06.2010 - 24.08.2010	60 - 145	Kontrak baru ditandatangani
		41,673	30.04.2011	19.05.2011 - 13.10.2011	19 - 164	Bekalan lewat dihantar oleh pembekal.
JUMLAH KECIL		**109,621**				
Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara	Kain	35,081	30.04.2011	27.07.2011 - 01.08.2011	88 - 102	Pesanan lewat dibuat
		20,962	30.04.2012	22.06.2012	53	
	Tudung	6,334	30.04.2011	22.06.2012	53	
JUMLAH KECIL		**62,377**				
JUMLAH KESELURUHAN		**1,470,856**				

Nota : ***(-) - Tempoh Kelewatan Pengagihan Bekalan Tidak Dapat Disahkan***

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, faktor kelewatan pengagihan bekalan adalah kerana kontrak baru ditandatangani, pesanan bekalan lewat dibuat dan pembekal lewat menghantar bekalan. Selepas teguran Audit, semua PTJ terlibat telah mengambil tindakan untuk membuat pesanan lebih awal pada tahun 2013 bagi membolehkan pengagihan dibuat sebelum 30 April tahun terlibat.

Pada pendapat Audit, kelewatan pengagihan bekalan mengakibatkan anggota tidak dapat memakai pakaian seragam yang baru pada tahun tertentu. Justeru itu, PTJ perlu merancang perolehan dengan teratur bagi mengelakkan kelewatan pesanan dan bekalan lewat dihantar oleh pembekal.

b. Pengesahan Penerimaan Dan Pengagihan Bekalan Tidak Teratur

Bagi meningkatkan kawalan dalaman di peringkat proses penerimaan dan perekodan bekalan, PTJ boleh mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 - Tatacara Pengurusan Stor sebagai panduan utama. Selain itu, PTJ perlu menyediakan senarai agihan bekalan yang lengkap bagi memudahkan semakan semula terhadap agihan yang telah dibuat kepada anggota. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Pengesahan spesifikasi dan kualiti kain serta kasut sukar dilakukan oleh Pegawai Penerima semasa bekalan tersebut diterima kerana sampel tidak dibekalkan kepada semua PTJ.

ii. Semua PTJ tidak merekodkan kuantiti bekalan diterima dan diagihkan kepada anggota seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 - Tatacara Pengurusan Stor. Selain itu, HBM hanya merekodkan kuantiti bekalan diterima.

iii. Stor utama HKJG, PKDHL, HTJS, PKDS, BKP, BPFK, HMAS, PKDMAS, HBM dan PKDSPU serta beberapa stor unit/bahagian tidak mempunyai senarai pengagihan bekalan yang lengkap.

iv. Semua PTJ tidak menggunakan format senarai agihan yang seragam kerana terdapat beberapa maklumat tidak dikemaskinikan seperti nama, jawatan, kuantiti bekalan, tarikh agihan dilaksanakan dan tandatangan anggota yang mengambil pakaian seragam.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, sampel kain yang dikemukakan oleh pembekal berukuran 2 meter adalah tidak mencukupi untuk diagihkan kepada semua PTJ. Selain itu, semua PTJ tidak perlu menguji sampel di peringkat penerimaan bekalan kerana memadai pengesahan kualiti kain secara visual dan sentuhan dilaksanakan. Di samping itu, semua PTJ mengakui kuantiti bekalan tidak direkodkan dalam rekod tertentu. Semua PTJ juga mengakui senarai pengagihan bekalan tidak diselenggara dengan lengkap dan format senarai agihan yang diguna pakai oleh PTJ terlibat adalah tidak seragam.

Pada pendapat Audit, kesukaran untuk mengesahkan spesifikasi dan kualiti bekalan yang diterima mengakibatkan anggota menerima bekalan pakaian seragam yang berkualiti rendah dan Kerajaan menanggung kerugian kerana tidak mengutip denda daripada pembekal ke atas penghantaran bekalan yang tidak berkualiti. Maka Kementerian perlulah mengkaji semula kaedah pengagihan sampel kepada PTJ. Selain itu, PTJ perlu memastikan bekalan yang diterima direkodkan dan senarai agihan diselenggara dengan lengkap sebagai salah satu kawalan dalaman yang berkesan.

c. Pengagihan Bekalan Bagi Anggota Bertukar Masuk/Keluar Dan Bersara

Bagi memastikan bekalan diterima tidak melebihi kuantiti yang ditetapkan khususnya yang melibatkan anggota bertukar masuk atau keluar, Pekeliling Bahagian Kewangan Kementerian Bil. 1 Tahun 1981 menetapkan borang pengesahan pembekalan pakaian seragam dan elaun jahitan diisi dan disahkan oleh pihak pentadbiran serta dihantar ke pejabat di mana anggota itu akan bertukar. Selain itu, senarai anggota yang akan bersara juga perlu disediakan. Semakan Audit mendapati semua PTJ dilawati tidak menggunakan borang yang ditetapkan bagi anggota bertukar masuk/keluar pada tahun 2010 hingga 2012. Selain itu semua PTJ terlibat juga tidak menyediakan senarai anggota bertukar masuk/keluar kecuali HKJG, HTJS, BPP, BPFK, HMAS, PKDMAS dan PKDSPU. Keadaan ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan anggota yang bertukar masuk/keluar atau bersara dan sama ada seseorang layak untuk menerima kemudahan pakaian seragam di tempat barunya.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, semua PTJ tidak mengguna pakai borang pengesahan pembekalan pakaian seragam dan elaun jahitan berdasarkan pekeliling ditetapkan apabila berlaku pertukaran anggota. PTJ tersebut hanya membuat pengesahan pembekalan pakaian seragam melalui panggilan telefon, catatan rekod sementara dan memo pengesahan bekalan.

Pada pendapat Audit, pemantauan status bekalan pakaian seragam terhadap anggota yang bertukar masuk/keluar dan bersara yang longgar menyukarkan PTJ memastikan semua anggota terlibat memperoleh bekalan berdasarkan kuantiti ditetapkan. Maka pemantauan status bekalan terlibat hendaklah dipertingkatkan selaras dengan Pekeliling Bahagian Kewangan Kementerian Bil. 1 Tahun 1981.

12.5.3.5. Bayaran Tuntutan Upah Jahit Dan Pembelian Kasut

a. Tuntutan Upah Jahit Meragukan

Surat Pekeliling Kementerian bertarikh 18 Mei 2011 bernombor KKM300-75/1/5 Jld.3(3) menetapkan upah jahit yang melebihi kadar maksimum hendaklah ditanggung sendiri oleh penjawat awam. Setiap Ketua PTJ hendaklah mengingatkan semua anggota supaya memperoleh perkhidmatan jahitan pakaian seragam pada harga berpatutan dan munasabah serta berdasarkan kadar pasaran. Semakan Audit mendapati sebanyak 1,014 anggota di 10 PTJ yang dilawati mengemukakan salinan resit yang meragukan kerana melalui lawatan Audit ke premis berkaitan mendapati kedai yang dinyatakan pada resit tuntutan tidak wujud, tiada alamat lengkap

atau nombor telefon salah. Selain itu, semakan juga mendapati terdapat perbezaan yang ketara antara tuntutan yang dikemukakan oleh anggota dengan kadar upah jahit yang dikenakan oleh kedai jahit di kawasan berhampiran PTJ terlibat. Anggaran nilai perbezaan tuntutan bagi baju lengan panjang dan seluar panjang adalah antara RM344,325 hingga RM398,765, *overcoat* antara RM8,230 hingga RM9,235 dan baju kurung antara RM1,660 hingga RM2,866. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.9
TUNTUTAN UPAH JAHIT UNTUK PAKAIAN BAJU LENGAN PANJANG DAN SELUAR PANJANG BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2012

PTJ	BILANGAN ANGGOTA	TUNTUTAN DIBUAT (RM)	HARGA PASARAN (RM)	PERBEZAAN TUNTUTAN (RM)	CATATAN
Hospital Kajang	10	6,900	1,800 - 3,600	3,300 - 5,100	Alamat tidak lengkap
	42	28,980	-	28,980	Alamat kedai tidak wujud. Siasatan mendapati alamat ini adalah rumah anggota hospital.
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat	17	10,580	2,760 - 5,520	5,060 - 7,820	• Alamat tidak lengkap • Nombor telefon salah
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	39	26,450	5,780 - 17,030	9,420 - 20,670	Alamat tidak lengkap
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	15	10,350	5,250 - 5,850	4,500 - 5,100	-
Bahagian Khidmat Pengurusan	98	63,480	16,030 - 31,230	32,250 - 47,450	• Alamat kedai tidak wujud • Alamat tidak lengkap
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan	58	27,600	7,200 - 15,600	12,000 - 20,400	-
Hospital Pasir Mas	71	38,410	15,540 - 21,710	16,700 - 22,870	-
Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas	56	27,140	7,080 - 15,340	11,800 - 20,060	Alamat tidak lengkap
Hospital Bukit Mertajam	436	270,250	70,500	199,750	Alamat tidak lengkap
Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara	80	34,965	14,400	20,565	Alamat tidak lengkap
JUMLAH BESAR		**545,105**	**146,340 - 200,780**	**344,325 - 398,765**	

JADUAL 12.10
TUNTUTAN UPAH JAHIT UNTUK PAKAIAN OVERCOAT BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2012

PTJ	BILANGAN ANGGOTA	TUNTUTAN DIBUAT (RM)	HARGA PASARAN (RM)	PERBEZAAN TUNTUTAN (RM)	CATATAN
Hospital Kajang	2	600	240 - 360	240 - 360	Nombor telefon salah
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	5	1,500	525 - 1,350	150 - 975	-
Bahagian Khidmat Pengurusan	2	600	300 - 360	240 - 300	Alamat tidak lengkap
Hospital Bukit Mertajam	66	18,100	10,860	7,240	-
Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara	3	900	540	360	-
JUMLAH BESAR		**21,700**	**12,465 - 13,470**	**8,230 - 9,235**	

JADUAL 12.11
TUNTUTAN UPAH JAHIT UNTUK PAKAIAN BAJU KURUNG
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2012

PTJ	BILANGAN ANGGOTA	TUNTUTAN DIBUAT (RM)	HARGA PASARAN (RM)	PERBEZAAN TUNTUTAN (RM)	CATATAN
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat	1	230	50 - 60	170 - 80	Nombor telefon salah
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	1	360	114 - 240	120 - 246	-
Bahagian Khidmat Pengurusan	15	4,490	1,950 - 3,120	1,370 - 2,540	-
JUMLAH BESAR		**5,080**	**2,114 - 3,420**	**1,660 - 2,866**	

b. Tuntutan Pembelian Kasut

Surat Kementerian no. rujukan KKM100-75/1/5/6 bertarikh 19 Ogos 2011 menetapkan agar salinan asal resit yang dikemukakan perlu mengandungi maklumat nama dan alamat kedai lengkap berserta nombor telefon. Sekiranya terdapat resit meragukan, Ketua Jabatan boleh membuat semakan dengan anggota itu sendiri atau dengan syarikat di mana pembelian itu dibuat. Pengesahan daripada Bahagian Akaun Kementerian menyatakan bahawa dokumen kewangan seperti memo jualan, memo tunai dan *payment voucher* tidak boleh dikemukakan sebagai bukti pembelian. Semakan Audit mendapati seramai 721 anggota di 8 PTJ yang dilawati mengemukakan tuntutan bayaran balik pembelian kasut yang meragukan kerana tiada nombor telefon, tiada nombor siri resit atau bil, tiada kasut kulit dijual di kedai terlibat serta harga belian lebih mahal berbanding dengan pengesahan daripada kedai kasut berkenaan dan lain-lain kedai yang berhampiran dengan PTJ terlibat. Nilai keseluruhan tuntutan yang meragukan adalah antara RM206,723 hingga RM207,293 seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.12
TUNTUTAN PEMBELIAN KASUT BAGI TAHUN 2012

PTJ	KES YANG MERAGUKAN	BILANGAN ANGGOTA	TUNTUTAN DIBUAT (RM)	JUMLAH HARGA KASUT SEBENAR (RM)	PERBEZAAN TUNTUTAN (RM)
Hospital Kajang	Kasut kulit tidak dijual di kedai	4	620.00	-	620.00
	Harga kasut bukan harga sebenar	7	2,099.80	910.00 - 980.00	1,119.80 - 1,189.80
	Salinan memo tunai dikemukakan	2	600.00	-	600.00
	Salinan memo jualan dikemukakan	1	300.00	-	300.00
JUMLAH KECIL			**3,619.80**	**910.00 - 980.00**	**2,639.80 - 2,709.80**
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat	Salinan memo tunai dikemukakan	3	579.90	-	579.90
JUMLAH KECIL			**579.90**	**-**	**579.90**

PTJ	KES YANG MERAGUKAN	BILANGAN ANGGOTA	TUNTUTAN DIBUAT (RM)	JUMLAH HARGA KASUT SEBENAR (RM)	PERBEZAAN TUNTUTAN (RM)
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Salinan resit bukan sebenar	473	136,949.86	-	136,949.86
	Salinan memo tunai dikemukakan	4	1,200.00	-	1,200.00
JUMLAH KECIL			**138,149.86**	**-**	**138,149.86**
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	Salinan memo tunai dikemukakan	6	1,574.00	-	1,574.00
	Salinan resit bukan sebenar	56	16,800.00	-	16,800.00
JUMLAH KECIL			**18,374.00**	**-**	**18,374.00**
Bahagian Khidmat Pengurusan	Kasut kulit tidak dijual di kedai	1	79.20	-	79.20
	Salinan resit bukan sebenar	20	6,000.00	-	6,000.00
	Harga kasut bukan harga sebenar	25	7,500.00	1,800.00 - 2,300.00	5,200.00 - 5,700.00
JUMLAH KECIL			**13,579.20**	**1,800.00 - 2,300.00**	**11,279.20 - 11,779.20**
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan	Kasut kulit tidak dijual di kedai	9	2,700.00	-	2,700.00
	Salinan memo tunai dikemukakan	1	300.00	-	300.00
JUMLAH KECIL			**3,000.00**	**-**	**3,000.00**
Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas	Salinan resit bukan sebenar	29	8,700.00	-	8,700.00
	Salinan memo tunai dan memo jualan dikemukakan	5	1,500.00	-	1,500.00
	Salinan invois dikemukakan	13	3,900.00	-	3,900.00
	Resit tiada nombor telefon	4	1,200.00	-	1,200.00
	Resit tiada nombor siri	6	1,800.00	-	1,800.00
	Resit dikeluarkan oleh kedai pelbagai jenis dalam satu masa	10	3,000.00	-	3,000.00
JUMLAH KECIL			**20,100.00**	**-**	**20,100.00**
Hospital Bukit Mertajam	Salinan resit bukan sebenar	38	11,400.00	-	11,400.00
	Kasut kulit tidak dijual di kedai	4	1,200.00	-	1,200.00
JUMLAH KECIL			**12,600.00**	**-**	**12,600.00**
JUMLAH KESELURUHAN			**210,002.76**	**2,710.00 - 3,280.00**	**206,722.76 - 207,292.76**

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, semua PTJ memaklumkan bahawa berlaku kekeliruan mengenai kadar tuntutan maksimum yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011. Selain itu, semua PTJ tidak membuat pengesahan semula terhadap mana-mana tuntutan yang meragukan.

Pada pendapat Audit, semakan terhadap tuntutan upah jahit/pembelian kasut yang longgar serta tiada siasatan terperinci dibuat terhadap tuntutan berkaitan boleh membuka ruang kepada ramai anggota mengemukakan tuntutan yang meragukan. Sekiranya tuntutan yang dikemukakan melebihi harga sebenar atau meragukan, PTJ perlu menuntut balik jumlah perbezaan tersebut serta memastikan bayaran dibuat sewajarnya. Selain itu, Kementerian perlu mengkaji semula kaedah pembekalan pakaian seragam memandangkan terdapat kelemahan wujud terhadap kaedah yang diguna pakai pada masa ini.

c. Rekod Tuntutan Upah Jahit Kain Dan Pembelian Kasut

Setiap anggota hanya dibenarkan menuntut balik upah jahit bagi 3 pasang baju dan harga pembelian bagi 2 pasang kasut setahun. Bagi mengelakkan anggota membuat tuntutan melebihi kadar ditetapkan dan memudahkan semakan, satu daftar atau rekod lengkap mengandungi maklumat nama anggota, tarikh tuntutan, nombor baucar dan amaun perlu disediakan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. BKP, BPP, BPKK, BAP, BPFK, PKDHL, HTJS, PKDS dan HMAS tidak menyenggara rekod bagi tuntutan upah jahit pada tahun 2011 dan 2012 serta pembelian kasut pada tahun 2012.

ii. PKDMAS dan HBM ada merekodkan tuntutan upah jahit pada tahun 2011 dan 2012 serta pembelian kasut pada tahun 2012. Bagaimanapun, rekod berkenaan tidak mengandungi maklumat seperti nama anggota, tarikh tuntutan dan nilai tuntutan dikemukakan bagi memastikan tuntutan yang dibuat tidak melebihi kadar ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas, semua PTJ terlibat telah mengeluarkan arahan supaya daftar atau rekod mengenai tuntutan upah jahit dan pembelian kasut diselenggarakan dengan lengkap.

Pada pendapat Audit, Kementerian/PTJ juga perlu memastikan tuntutan upah jahit dan pembelian kasut direkodkan bagi menentukan anggota tidak membuat tuntutan melebihi kadar dan kuantiti yang ditetapkan.

12.5.4. Pemakaian

12.5.4.1. Pemakaian Pakaian Seragam

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990 menetapkan Ketua Jabatan perlu memastikan anggota yang dibekalkan pakaian seragam memakainya semasa bertugas rasmi. Selain itu Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011

menetapkan Ketua Agensi bertanggungjawab memastikan peraturan berhubung kelayakan, reka bentuk, kuantiti dan warna pakaian seragam dipatuhi sepenuhnya. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Spesifikasi reka bentuk pakaian *overcoat* tidak ditentukan oleh Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi Pakaian Seragam. Oleh itu, reka bentuk pakaian *overcoat* tidak seragam kerana spesifikasi pakaian ini tidak disediakan seperti di **Gambar 12.1** dan **12.2**. Ketidakseragaman pakaian yang dipakai menyebabkan identiti Kementerian terjejas kerana tiada penyelarasan dibuat untuk menyeragamkan tatacara pemakaian di kalangan anggota.


ii. Anggota HTJ, HPMAS, BKPG dan BPFK tidak memakai pakaian seragam mengikut reka bentuk dan warna seragam yang ditetapkan seperti di **Gambar 12.3** hingga **12.8**.

GAMBAR 12.1




Jabatan Patologi, Hospital Kajang
- Saiz Lengan Baju Overcoat Juruteknologi Makmal Perubatan Berbeza-beza
(26.06.2012)

GAMBAR 12.2



Jabatan X-Ray,
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban
- Saiz Poket Baju Overcoat Juru X-Ray Berbeza-beza
(10.07.2012)

GAMBAR 12.3



Hospital Tuanku Ja'afar Seremban
- Pakaian Mengikut Spesifikasi Ditetapkan Bagi Gred Jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan
(10.07.2012)

GAMBAR 12.4




Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian
- Pakaian Tidak mengikut Spesifikasi Kerana Warna Baju Dan Seluar Berbeza-beza, Memakai Tali Pinggang Serta Jenis Kain Bagi Baju Yang Dipakai Terlalu Nipis
(06.08.2012)

GAMBAR 12.5



Hospital Pasir Mas
- Pakaian Mengikut Spesifikasi Ditetapkan Bagi Jawatan Pemandu Kenderaan Bermotor
(11.09.2012)

GAMBAR 12.6



Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian
- Pakaian Tidak Mengikut Spesifikasi Kerana Warna Baju Dan Seluar Berbeza Daripada Warna Ditetapkan Serta Terdapat Logo Di Sebelah Kanan Baju Yang Dipakai
(06.08.2012)

GAMBAR 12.7



Hospital Pasir Mas
- Jahitan Butang Pakaian Mengikut Spesifikasi Ditetapkan Iaitu Dalam Keadaan Serong Ke Kanan Bagi Jawatan Penolong Pegawai Farmasi Anggota Wanita
(10.09.2012)

GAMBAR 12.8



Unit Kromatografi,
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
- Pakaian Tidak Mengikut Spesifikasi Kerana Jahitan Butang Pakaian Dalam Keadaan Lurus
(05.09.2012)

12.5.4.2. Pemakaian Kasut

Ketua Agensi bertanggungjawab memastikan anggota memakai kasut mengikut spesifikasi ditetapkan sepanjang waktu bertugas rasmi. Berdasarkan spesifikasi kasut ditetapkan oleh Jawatankuasa Spesifikasi, bahagian hadapan kasut anggota lelaki dan perempuan mempunyai reka bentuk *type B* tanpa sebarang jahitan tambahan atau aksesori dan tidak bertali. Semakan Audit mendapati semua anggota di PTJ dilawati tidak memakai kasut mengikut spesifikasi ditetapkan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 12.9



Unit Patologi, Hospital Kajang
- Memakai Kasut Bertali
(26.06.2012

GAMBAR 12.10



Wad 2, Hospital Kajang
- Bahagian Hadapan Kasut Ada Aksesori
(26.06.2012)

GAMBAR 12.11



KK Kajang, PKD Hulu Langat
- Bahagian Hadapan Kasut Ada Aksesori
(02.07.2012)

GAMBAR 12.12



KK Kajang, PKD Hulu Langat
- Memakai Kasut Bertali
(02.07.2012)

GAMBAR 12.13



Unit Kecemasan,
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban
- Memakai Kasut Bertali
(09.07.2012)

GAMBAR 12.14



Unit Kecemasan,
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban
- Bahagian Hadapan Kasut Ada Aksesori
(09.07.2012)

GAMBAR 12.15



Unit Kawalan Mutu Makanan, PKD Seremban
- Bahagian Hadapan Kasut Ada Aksesori
(13.07.2012)

GAMBAR 12.16



Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian
- Bahagian Hadapan Kasut Ada Aksesori
(06.08.2012)

GAMBAR 12.17



Pusat Kawalan Kualiti, BPFK
- Bahagian Hadapan Kasut Ada Aksesori
(05.09.2012)

GAMBAR 12.18



Wad Nilam, Hospital Pasir Mas
- Bahagian Hadapan Kasut Ada Aksesori
(10.09.2012)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, semua PTJ telah mengeluarkan surat peringatan berhubung tatacara pemakaian kepada semua anggota.

Pada pendapat Audit, Ketua atau Penyelia Unit perlu memastikan anggota memakai pakaian seragam mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi mematuhi objektif pakaian seragam iaitu dari segi keselamatan.

12.5.5. Kepuasan Anggota Terhadap Pemakaian Pakaian Seragam

Kajian kepuasan anggota telah diadakan di PTJ yang dilawati melibatkan 300 orang responden untuk menilai kepuasan mereka terhadap pembekalan kain manakala sebanyak 198 orang responden bagi menilai kepuasan mereka terhadap pembekalan tudung atau *cap.* Semakan Audit mendapati seperti berikut:


12.5.5.1. Bekalan Kain

Secara puratanya, sebanyak 138 responden (46%) berpuas hati (sangat memuaskan dan memuaskan) dengan kualiti kain yang dibekalkan manakala sebanyak 92 responden (30.7%) tidak berpuas hati (sangat tidak memuaskan dan tidak memuaskan). Antara maklum balas responden adalah kain terlalu nipis, lembut dan jarang. Tinjauan kajian juga melibatkan aspek warna bekalan kain dan didapati secara puratanya, sebanyak 175 responden (58.3%) berpuas hati dengan warna kain dibekalkan. Bagaimanapun, sebanyak 64 responden (21.3%) masih tidak berpuas hati. Sebanyak 232 responden (77.5%) berpuas hati dengan 3 pasang kain yang diterima setiap tahun manakala sebanyak 37 responden (12.3%) tidak berpuas hati kerana 3 pasang kain diterima tidak mencukupi untuk setahun. Antara maklum balas responden terlibat adalah warna kain cepat pudar serta luntur. Sebanyak 159 responden (53%) berpuas hati dengan kaedah pengagihan dilaksanakan manakala sebanyak 67 responden (22.3%) tidak berpuas hati kerana urusan kontrak dan pesanan lewat dibuat mengakibatkan bekalan lewat diagihkan. Di samping itu, sebanyak 205 responden (68.3%) berpuas hati dengan kadar upah jahit yang dibayar manakala 37 responden (12.3%) tidak berpuas hati kerana tuntutan upah jahit lewat dibayar. Butiran lanjut berhubung maklum balas responden adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 12.13
KAJIAN KEPUASAN ANGGOTA BERHUBUNG BEKALAN KAIN

PENANDA ARAS	KRITERIA									
	KUALITI		WARNA		KUANTITI		AGIHAN		TUNTUTAN UPAH JAHIT	
	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
Sangat Memuaskan	22	7.3	34	11.3	90	30.0	36	12.0	53	17.6
Memuaskan	116	38.7	141	47.0	142	47.3	123	41.0	152	50.7
Tidak Memuaskan	69	23.0	52	17.3	26	8.7	47	15.6	26	8.6
Sangat Tidak Memuaskan	23	7.7	12	4.0	11	3.7	20	6.7	11	3.7
Tidak Pasti	70	23.3	61	20.3	31	10.3	74	24.7	58	19.4
JUMLAH/PERATUS KESELURUHAN	**300**	**100**	**300**	**100**	**300**	**100**	**300**	**100**	**300**	**100**

CARTA 12.1
KEPUASAN ANGGOTA TERHADAP BEKALAN KAIN



12.5.5.2. Bekalan Tudung Atau *Cap*


Sebanyak 61 responden (30.8%) berpuas hati (sangat memuaskan dan memuaskan) dengan kualiti tudung/cap yang dibekalkan manakala sebanyak 28 responden (14.1%) tidak berpuas hati (sangat tidak memuaskan dan tidak memuaskan). Kebanyakan responden berpendapat jahitan tudung tidak kemas dan tidak dibekalkan mengikut saiz yang diperlukan oleh anggota. Tinjauan kajian juga mendapati sebanyak 67 responden (33.8%) berpuas hati dengan warna kain tudung kerana tidak mudah luntur selepas dicuci manakala sebanyak 10 responden (5.1%) tidak berpuas hati dengannya. Selain itu, sebanyak 45 responden (22.7%) berpuas hati dengan kuantiti tudung/cap yang dibekalkan untuk setahun manakala sebanyak 51 responden (25.8%) berpendapat bekalan

tersebut tidak mencukupi kerana ia perlu ditambah daripada 2 helai kepada 3 helai setahun. Sementara itu, sebanyak 58 responden (29.3%) berpuas hati dengan masa pengagihan manakala sebanyak 35 responden (17.6%) tidak berpuas hati dan berpendapat tudung perlu diagihkan pada awal tahun. Butiran lanjut berhubung maklum balas responden adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 12.14
KAJIAN KEPUASAN ANGGOTA BERHUBUNG BEKALAN TUDUNG DAN *CAP*

PENANDA ARAS	KRITERIA							
	KUALITI		WARNA		KUANTITI		AGIHAN	
	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
Sangat Memuaskan	9	4.5	11	5.5	3	1.5	6	3.0
Memuaskan	52	26.3	56	28.3	42	21.2	52	26.3
Tidak Memuaskan	21	10.6	10	5.1	38	19.2	26	13.1
Sangat Tidak Memuaskan	7	3.5	0	0	13	6.6	9	4.6
Tidak Pasti	109	55.1	121	61.1	102	51.5	105	53
JUMLAH/PERATUS KESELURUHAN	**198**	**100**	**198**	**100**	**198**	**100**	**198**	**100**

CARTA 12.2
KEPUASAN ANGGOTA TERHADAP BEKALAN TUDUNG DAN CAP



Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, Kementerian akan memastikan anggota memperoleh kemudahan pakaian seragam yang lebih baik.

Pada pendapat Audit secara keseluruhannya, tahap kepuasan anggota terhadap kemudahan pakaian seragam adalah memuaskan. Bagaimanapun bagi memperbaiki mutu bekalan pakaian seragam, Kementerian juga perlu mengambil kira pandangan atau cadangan pegawai terlibat.

12.5.6. Pemantauan Bekalan Kain Dan Kasut

Mengikut Lampiran A kepada kontrak, syarikat yang dilantik hendaklah mengemukakan laporan pembekalan kain dan kasut setiap 3 bulan kepada BP&P. Selain itu, syarikat tidak boleh menerima pesanan atau membuat pembekalan melebihi kuantiti yang ditetapkan. Syarikat juga hendaklah memaklumkan kepada BP&P jika kuantiti pesanan atau pembekalan menghampiri 70% daripada kuantiti kontrak. Semakan Audit mendapati BP&P tidak menguatkuasakan syarat kontrak dan tidak memantau serta menganalisis laporan yang dikemukakan oleh syarikat. Pihak Audit mendapati laporan yang dikemukakan oleh syarikat hanya disimpan di dalam fail perolehan pakaian seragam.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 15 Februari 2013

Berdasarkan maklum balas Kementerian, pemantauan dibuat ke atas laporan pembekalan yang dikemukakan oleh syarikat dilantik atau melalui Jabatan Kesihatan Negeri.

Pada pendapat Audit, ketiadaan pemantauan dibuat oleh BP&P berhubung laporan pembekalan kain dan kasut yang dikemukakan oleh syarikat menyukarkan penyediaan maklumat perbelanjaan bekalan bagi semua PTJ serta analisis dibuat untuk mengetahui sama ada kuantiti dibekalkan melebihi anggaran yang ditetapkan dalam kontrak. Justeru itu, Kementerian perlu mengkaji semula kaedah pemantauan laporan pembekalan yang dikemukakan oleh syarikat.

12.6. SYOR AUDIT

Secara umumnya, pihak Audit mendapati pengurusan pakaian seragam di PTJ dilawati adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dari aspek pelaksanaan pengurusan pakaian seragam. Oleh itu Kementerian disyorkan mempertimbangkan langkah seperti berikut:

12.6.1. memastikan semua anggota Kementerian memahami dasar dan objektif pakaian seragam supaya pemakaian pakaian seragam adalah lebih berkesan;

12.6.2. memastikan proses perolehan dan pesanan bekalan dilaksanakan lebih cepat bagi menentukan bekalan dapat diagihkan kepada anggota sebelum 30 April setiap tahun;

12.6.3. membuat siasatan terhadap kes pesanan bekalan yang dibuat kepada syarikat yang tiada ikatan kontrak;

12.6.4. mengkaji kaedah pengagihan sampel kepada semua PTJ bagi memastikan bekalan diterima mengikut spesifikasi ditetapkan dalam kontrak;

12.6.5. mengkaji kaedah perolehan bekalan kain dan kasut masa kini kerana ia membuka ruang kepada ramai anggota mengemukakan tuntutan upah jahit dan pembelian kasut yang meragukan seperti melantik kedai panel untuk menjahit pakaian seragam anggota; dan

12.6.6. mengkaji kaedah terbaik bagi memastikan tatacara pemakaian dipatuhi seperti penguatkuasaan denda terhadap kesalahan pemakaian pakaian seragam.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 113-126 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

13. PENGURUSAN PROGRAM BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) sejak tahun 1973 dalam usaha mencegah kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis, terutamanya di kawasan luar bandar. Kawasan operasi Program BAKAS adalah kawasan luar bandar yang meliputi kampung tradisi, kampung moden atau tersusun, kampung orang asli dan pecahan ladang. Juga termasuk kawasan-kawasan di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW), *Federal Land Development Authority* (FELDA), *Federal Land Consolidation And Rehabilitation Authority* (FELCRA), lombong, ladang, perumahan, rumah kedai dan lain-lain premis di luar bandar serta individu yang tidak menerima sebarang perkhidmatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

13.1.2. Objektif utama Program BAKAS adalah untuk mencegah serta mengawal kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis seperti taun, kepialu, cirit birit, disentri dan hepatitis A di kalangan penduduk luar bandar. Ia dilaksanakan dengan cara mempertingkatkan kebersihan alam sekeliling dan mutu bekalan air melalui penyediaan kemudahan asas bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang sempurna. Program BAKAS merangkumi 2 komponen projek iaitu Bekalan Air Masyarakat dan Sanitasi seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.1
KOMPONEN PROJEK DI BAWAH PROGRAM BAKAS

BEKALAN AIR MASYARAKAT	SANITASI
Sistem Bekalan Air Graviti [Gravity Feed System (GFS)]	Sistem Tandas Sanitasi
Sistem Telaga Terkawal Sambungan Ke Rumah (TTSR)	Sistem Pelupusan Air Limbah (SPAL)
Sistem Telaga Terkawal (TT)	Sistem Pelupusan Sisa Pepejal (SPSP)
Sistem Tadahan Air Hujan (STAH)	
Sambungan Paip Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN)	
Sistem Rawatan Air	

13.1.3. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPKJ) di peringkat Kementerian bertanggungjawab secara keseluruhan untuk memastikan program BAKAS dilaksanakan dengan efektif supaya masyarakat memperoleh bekalan air yang selamat untuk diminum/digunakan serta mengamalkan penjagaan kebersihan alam sekeliling. Manakala Jabatan Kesihatan Negeri (JKN); Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB), Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dipertanggungjawabkan untuk mengurus pelaksanaan projek yang dirancang.

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program BAKAS telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

13.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program BAKAS yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Penilaian yang dibuat antaranya meliputi aspek permohonan dan kelulusan projek, perolehan peralatan, proses pembayaran, pematuhan kepada terma perjanjian/kontrak dan pengurusan stor. Pengauditan dijalankan di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Baling dan Bandar Baharu, Kedah; Tumpat dan Bachok, Kelantan serta Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Tuaran, Sabah.

13.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Dokumen dan fail berkaitan disemak di BPKJ/PKD/PKK. Temu bual juga diadakan dengan pegawai yang berkaitan bagi memastikan prosedur/garis panduan yang digunakan dalam pengurusan BAKAS adalah mematuhi standard yang telah ditetapkan. Lawatan juga telah dijalankan ke tapak projek dan stor.

13.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga Februari 2013 mendapati pencapaian kewangan program adalah baik memandangkan perbelanjaannya telah mencapai sehingga 99%. Manakala pencapaian fizikal secara keseluruhannya juga baik kerana sasaran yang ditetapkan bagi setiap projek telah berjaya dicapai. Bagaimanapun, pengurusan projek di kesemua tempat yang dilawati masih terdapat kelemahan seperti berikut:

i. terdapat kelemahan dalam urusan permohonan dan kelulusan projek seperti format borang yang ditetapkan dalam Manual Program BAKAS tidak digunakan oleh PKD; tempoh kelulusan projek yang tidak munasabah iaitu antara 68 hingga 1,098 hari dari tarikh permohonan diterima dan daftar permohonan tidak diselenggarakan/tidak diselenggarakan dengan lengkap;

ii. peraturan perolehan tidak dipatuhi sepenuhnya di mana Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga bagi perolehan yang dilaksanakan pada tahun 2010 hingga 2012 di PKD Bandar Baharu tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan; perolehan paip *High Density Polyethylene* (HDPE) tidak dibekalkan oleh panel pembekal yang dilantik oleh Kementerian Kewangan dan kontrak formal tidak disediakan bagi perolehan yang bernilai melebihi RM50,000;

iii. terdapat kes di mana harga perolehan berbeza bagi item/peralatan/kerja yang sama;

iv. Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja atas nama Kerajaan bagi 15 projek bernilai RM1.65 juta tidak disediakan oleh kontraktor kerana keperluan tersebut tidak terkandung di dalam dokumen sebut harga atau surat tawaran kepada kontraktor;

v. berlaku kelewatan penyiapan projek di PKD Tumpat, PKD Baling, PKD Bandar Baharu dan PKK Tuaran dengan kelewatan antara 20 hingga 194 hari, namun denda tidak boleh dikenakan kerana syarat berkaitan denda tidak dinyatakan; dan

vi. stor BAKAS di PKD Tumpat dan PKD Bachok tidak diuruskan dengan teratur sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan terdapat 35 item stok bernilai RM24,046 tidak bergerak sejak tahun 2002.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

13.5.1. Prestasi Projek

13.5.1.1. Pencapaian Kewangan

Pada tahun 2010, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM7.46 juta untuk melaksanakan projek-projek di bawah Program BAKAS. Mulai tahun 2011 dan 2012, peruntukan untuk melaksanakan Program BAKAS telah diterima daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) masing-masingnya berjumlah RM40 juta dan RM36.30 juta. Ini berikutan keputusan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri supaya Program BAKAS dilaksanakan secara bersepadu dengan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah KKLW. Sehubungan itu, Kementerian merupakan salah satu agensi pelaksana bagi Program BALB mulai tahun 2011. Peruntukan dan perbelanjaan Program BAKAS bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2010	7.46	7.46	100.0
2011	40.00	39.91	99.8
2012	36.30	35.70	98.3
JUMLAH KESELURUHAN	**83.76**	**83.07**	**99.2**

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Program BAKAS adalah baik kerana pencapaian perbelanjaan telah melebihi 99% berbanding peruntukan.

13.5.1.2. Pencapaian Fizikal

a. Secara keseluruhannya, pencapaian fizikal bagi 7 projek yang dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2011 telah melebihi sasaran yang ditetapkan di mana pencapaian sebenar adalah antara 100% hingga 111.8%. Bagi tahun 2012, hanya 4 projek yang telah dilaksanakan iaitu GFS, sistem telaga, STAH dan sambungan paip PBAN. Manakala 3 projek lagi iaitu Sistem Tandas Sanitasi, SPSP dan SPAL tidak dilaksanakan kerana tiada peruntukan disediakan oleh KKLW. Secara keseluruhannya, pencapaian projek STAH dan sambungan paip PBAN telah mencapai 100% manakala projek TTSR/TT dan GFS hanya mencapai masing-masingnya 99.1% dan 99.4% berbanding sasaran yang ditetapkan pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.3
SASARAN DAN PENCAPAIAN PROJEK DI BAWAH PROGRAM BAKAS

NAMA PROJEK		*2010	2011	2012
Sistem Telaga Sambungan Ke Rumah (TTSR) Dan Sistem Telaga Terkawal (TT)	Sasaran	170	188	108
	Pencapaian	184	199	107
	(%)	**108.2**	**105.9**	**99.1**
Sistem Bekalan Air Graviti Atau *Gravity Feed System* (GFS)	Sasaran	60	150	161
	Pencapaian	63	150	160
	(%)	**105.0**	**100.0**	**99.4**
Sistem Tadahan Air Hujan (STAH)	Sasaran	199	61	99
	Pencapaian	207	61	99
	(%)	**104.0**	**100.0**	**100.0**
Sambungan Paip Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN)	Sasaran	1,769	486	370
	Pencapaian	1,967	486	370
	(%)	**111.2**	**100.0**	**100.0**
Sistem Tandas Sanitasi	Sasaran	2,663	1,186	Tidak Dilaksanakan
	Pencapaian	2,788	1,326	
	(%)	**104.7**	**111.8**	
Sistem Pelupusan Sisa Pepejal (SPSP)	Sasaran	553	131	Tidak Dilaksanakan
	Pencapaian	556	135	
	(%)	**100.5**	**103.0**	
Sistem Pelupusan Air Limbah (SPAL)	Sasaran	1,277	232	Tidak Dilaksanakan
	Pencapaian	1,367	232	
	(%)	**107.0**	**100.0**	

Nota: ***(*) - Berdasarkan Bilangan Rumah***

b. Bagi 7 projek yang dilaksanakan di 3 negeri yang dilawati, pihak Audit mendapati pencapaian projek bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 telah mencapai/melebihi sasaran yang ditetapkan, kecuali bagi TTSR/TT, sambungan paip PBAN dan SPSP yang tidak dapat mencapai 100% bagi tahun tertentu di Kedah dan Kelantan. Sasaran dan pencapaian projek 3 negeri yang dilawati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.4
SASARAN DAN PENCAPAIAN PROJEK DI NEGERI YANG DILAWATI

NAMA PROJEK		2010			2011			*2012		
		KEDAH	KELANTAN	SABAH	KEDAH	KELANTAN	SABAH	KEDAH	KELANTAN	SABAH
Sistem Telaga Sambungan ke Rumah (TTSR) dan Sistem Telaga Terkawal (TT)	Sasaran	22	94	27	17	121	12	33	523	115
	Pencapaian	12	116	27	26	121	12	33	507	115
	(%)	**54.6**	**123.4**	**100**	**152.9**	**100**	**100**	**100**	**96.9**	**100**
Sistem Bekalan Air Graviti atau *Gravity Feed System* (GFS)	Sasaran	1	5	15	4	10	24	1,071	317	1,284
	Pencapaian	1	6	15	4	10	24	1,071	317	1,284
	(%)	**100**	**120.0**	**100**	**100**	**100**	**100**	**100**	**100**	**100**
Sistem Tadahan Air Hujan (STAH)	Sasaran	-	-	153	-	-	23	-	-	1,292
	Pencapaian	-	-	153	-	-	23	-	-	1,292
	(%)	**-**	**-**	**100**	**-**	**-**	**100**	**-**	**-**	**100**
Sambungan Paip Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN)	Sasaran	466	467	30	28	158	-	748	4,240	65
	Pencapaian	533	526	30	28	158	-	748	4,144	65
	(%)	**114.4**	**112.6**	**100**	**100**	**100**	**-**	**100**	**97.7**	**100**
Sistem Tandas Sanitasi	Sasaran	394	421	979	48	29	152	-	-	-
	Pencapaian	394	460	979	48	29	152	-	-	-
	(%)	**100**	**109.3**	**100**	**100**	**100**	**100**	**-**	**-**	**-**
Sistem Pelupusan Sisa Pepejal (SPSP)	Sasaran	349	38	14	6	3	-	-	-	-
	Pencapaian	363	37	14	6	3	-	-	-	-
	(%)	**104.0**	**97.4**	**100**	**100**	**100**	**-**	**-**	**-**	**-**
Sistem Pelupusan Air Limbah (SPAL)	Sasaran	460	57	146	13	25	-	-	-	-
	Pencapaian	491	63	146	13	25	-	-	-	-
	(%)	**106.7**	**110.5**	**100**	**100**	**100**	-	-	-	-

Nota: ***(*) - Berdasarkan Bilangan Rumah***

Pencapaian Kurang Daripada 100% Berbanding Sasaran

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Pihak JKN terlibat telah mengambil tindakan untuk menyiapkan semua projek-projek yang tidak dapat disiapkan pada tahun berikutnya. Pihak JKN juga akan membuat kajian semula sasaran setengah tahun bagi memastikan semua projek dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek secara keseluruhannya adalah baik kerana sebahagian besar sasaran yang ditetapkan telah dapat dicapai.

13.5.1.3. Keberkesanan Projek

Objektif utama Program BAKAS adalah untuk membantu mengawal dan mengurangkan penyakit bawaan air dan makanan melalui penyediaan kemudahan asas bekalan air dan sanitasi kepada penduduk luar bandar. Antara penyakit bawaan air adalah tifoid, disenteri, keracunan makanan, *leptospirosis*, kolera, Hepatitis A dan C. Berdasarkan statistik di 5 PKD/PKK yang dilawati, didapati 3 penyakit iaitu tifoid, kolera dan *leptospirosis* menunjukkan peningkatan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Keadaan ini berbeza dengan kes yang dilaporkan pada tahun 2012 di mana didapati kecuali keracunan makanan dan Hepatitis C, penyakit-penyakit lain telah menunjukkan trend penurunan berbanding tahun 2011. Semakan lanjut mendapati keracunan makanan yang dilaporkan pada tahun 2012 sebahagian besarnya berlaku di Daerah Baling dan Bachok manakala daerah-daerah lain telah menunjukkan penurunan/tiada kes dilaporkan. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.5
STATISTIK PENYAKIT BAWAAN AIR DAN MAKANAN

PKD/PKK	PENYAKIT	BIL. KES/ORANG				
		2010 (A)	2011 (B)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (B) - (A)	2012 (C)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (C) - (B)
Tumpat	Tifoid	1	3	2	4	1
	Kolera	6	0	(6)	0	-
	Disenteri	1	0	(1)	0	-
	Keracunan Makanan	2	3	1	3	-
Bachok	Tifoid	8	8	-	5	(3)
	Keracunan Makanan	167	127	(40)	184	57
	Kolera	0	0	-	0	-
	Disenteri	1	0	(1)	0	-
	Hepatitis A	1	1	-	0	(1)
Bandar Baharu	Disenteri	0	2	2	0	(2)
	Keracunan Makanan	0	5	5	0	(5)
	Tifoid	0	1	1	0	(1)
	Leptospirosis	10	19	9	4	(15)
Baling	Keracunan Makanan	83	39	(44)	182	143
	Tifoid	0	0	-	1	1
Tuaran	Kolera	33	42	29	6	(36)
	Hepatitis A	0	0	-	1	1
	Hepatitis C	0	0	-	1	1
	Tifoid	0	1	1	0	(1)
	Keracunan Makanan	151	134	(17)	1	(133)
RINGKASAN ANALISIS PENYAKIT BAWAAN AIR MENGIKUT TAHUN						
JUMLAH KESELURUHAN (5 PKD/PKK)	Tifoid	9	13	4	10	(3)
	Kolera	39	42	3	6	(36)
	Disenteri	2	2	-	0	(2)
	Keracunan Makanan	403	308	(95)	370	62
	Hepatitis A	1	1	-	1	-
	Hepatitis C	0	0	-	1	1
	Leptospirosis	10	19	9	4	(15)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Peningkatan kes tifoid, kolera dan leptospirosis di 5 PKD/PKK yang dilawati pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah disebabkan pengendalian makanan; pekerja asing yang mempunyai penyakit dari negara asal; sejarah pekerjaan; kebersihan diri dan bekalan air tidak mencukupi. Manakala peningkatan kes keracunan makanan disebabkan makanan tercemar dan bukan berpunca dari bekalan air yang digunakan. Selain meningkatkan jumlah projek BAKAS, aktiviti pendidikan kesihatan juga telah dipertingkatkan di semua peringkat komuniti seperti di sekolah, kawasan-kawasan berisiko, pejabat-pejabat kerajaan, agensi swasta dan lain-lain. Pelbagai aktiviti promosi kesihatan dijalankan seperti ceramah, pameran, kempen cuci tangan untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap pencegahan penyakit bawaan air dan makanan.

Pada pendapat Audit, Program BAKAS secara umumnya telah membantu mengurangkan penyakit bawaan air dan makanan berdasarkan bilangan kes yang dilaporkan pada tahun 2012. Bagaimanapun, pelaksanaan projek sedia ada perlu dipertingkatkan bagi memastikan penyakit bawaan air dan makanan dapat dikurangkan secara berterusan selaras dengan objektif program iaitu mencegah dan mengawal penyakit bawaan air dan makanan.

13.5.2. Pengurusan Projek

13.5.2.1. Permohonan Dan Kelulusan Projek

a. Kementerian telah mengeluarkan Manual Program BAKAS untuk dijadikan rujukan di setiap peringkat yang terlibat. Manual ini antara lainnya telah menyediakan format borang permohonan dan borang siasatan bagi projek bekalan air masyarakat dan projek sanitasi. Berdasarkan sampel borang yang disemak, pihak Audit mendapati kecuali PKK Tuaran, kesemua PKD yang dilawati menggunakan borang permohonan dan siasatan yang berbeza daripada yang ditetapkan dalam Manual. Setiap PKD menyediakan borang mengikut format masing-masing. Bagaimanapun, borang yang digunakan didapati tidak lengkap kerana tiada ruangan disediakan untuk butiran penting seperti pendapatan pemohon; tarikh dan pengesahan Penghulu; tarikh, tandatangan dan cop Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan serta tarikh, tandatangan dan cop kelulusan Pegawai Kesihatan Daerah. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.6
BORANG PERMOHONAN DAN BORANG SIASATAN TIDAK LENGKAP

PKD	BORANG PERMOHONAN		BORANG SIASATAN		
	PENDAPATAN	TARIKH DAN PENGESAHAN PENGHULU	PENDAPATAN	TARIKH, TANDATANGAN DAN COP PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN KANAN	TARIKH, TANDATANGAN DAN COP KELULUSAN PEGAWAI KESIHATAN DAERAH
Baling	x	✓	x	x	x
Bandar Baharu	✓	✓	✓	x	-
Tumpat	✓	x	✓	x	x
Bachok	✓	x	✓	x	x

Nota: ***(✓) Ada Ruangan*** ***(x) - Tiada Ruangan***

b. Antara syarat yang ditetapkan untuk memohon bantuan di bawah Program BAKAS ialah pemohon mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Pejabat Tanah Dan Daerah. Semakan Audit mendapati PGK yang ditetapkan oleh UPEN di PKD Bandar Baharu ialah RM720. Bagaimanapun, seramai 13 pemohon yang telah diluluskan bantuan mempunyai pendapatan yang melebihi PGK antara RM80 hingga RM780. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.7
PENDAPATAN PEMOHON MELEBIHI PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN

PKD	PROJEK	BIL. PEMOHON YANG DILULUSKAN BANTUAN	PGK YANG DITETAPKAN (RM)	JULAT PENDAPATAN (RM)	JUMLAH MELEBIHI PGK (RM)
Bandar Baharu	Sambungan Paip	10	720	800 - 1,500	80 - 780
	Tandas	2		900 - 1,000	180 - 280
	Tandas Dan SPSP	1		800	80

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh kelulusan bagi projek BAKAS di PKK Tuaran; PKD Tumpat dan Baling adalah tidak munasabah iaitu antara 68 hingga 1,098 hari dari tarikh permohonan diterima. Keadaan ini berlaku antaranya disebabkan norma masa bagi meluluskan permohonan tidak ditetapkan dalam Manual Program BAKAS yang dikeluarkan oleh Kementerian. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.8
KELEWATAN MELULUSKAN PERMOHONAN

PKD/PKK	BIL. PEMOHON	JENIS PROJEK	TARIKH MOHON	TARIKH LULUS	TEMPOH KELULUSAN (Hari)
Tumpat	6	Tandas	16.02.2009 - 13.04.2009	07.02.2010 - 14.04.2010	339 - 383
	4	TM	08.02.2011 - 13.02.2011	20.05.2011 - 22.06.2012	97 - 291
	1	Tandas Dan Sambungan Paip	21.12.2009	14.04.2010	114
	8	Sambungan Paip	07.02.2011 - 17.02.2012	25.09.2011 - 22.06.2012	126 - 303
	1	Telaga Terkawal	10.09.2011	15.12.2011	68
Baling	12	Sambungan Paip	19.03.2009 - 20.10.2011	23.03.2010 - 23.03.2012	116 - 1,098
	10	Tandas	31.01.2009 - 08.10.2009	09.03.2010	152 - 402
	8	SPSP	20.07.2009 - 18.02.2010	03.05.2010	74 - 287
	1	TTSR	13.02.2011	02.06.2011	109
Tuaran (Kota Belud)	10	Tandas	28.05.2012	26.09.2012	116

Nota : ***TM*** ***- Tiada Maklumat***
SPSP ***- Sistem Pelupusan Sisa Pepejal***
TTSR ***- Sistem Telaga Sambungan Ke Rumah***

d. Daftar permohonan perlu diselenggara bagi merekodkan permohonan yang diterima. Setiap mukim/jajahan/kawasan dikehendaki menyelenggarakan daftar permohonan bagi memudahkan Pegawai Kesihatan Awam (PKA) yang bertanggungjawab memantau projek dengan berkesan. Antara maklumat yang perlu direkodkan dalam daftar tersebut ialah nama dan alamat pemohon, tarikh permohonan, tarikh siasatan dan status permohonan. Pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan daftar permohonan diselenggarakan di PKD Bachok dan PKK Tuaran kerana dokumen tidak dikemukakan untuk semakan. Di PKD Bandar Baharu, daftar permohonan bagi tahun 2010 tidak diselenggarakan manakala daftar permohonan bagi tahun 2011 hanya merekodkan permohonan untuk projek tandas curah. PKD Tumpat pula ada menyelenggarakan daftar permohonan, namun tidak lengkap kerana ruangan tarikh permohonan, tarikh siasatan dan kelulusan tidak disediakan. Selanjutnya di PKD Baling, daftar permohonan ada diselenggarakan mengikut mukim, namun ruangan tarikh siasatan tidak disediakan. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada 25 permohonan yang direkodkan dalam daftar berkenaan sejak tahun 2009 telah diluluskan atau ditolak kerana status permohonan tidak dicatatkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.9
STATUS PERMOHONAN TIDAK DAPAT DITENTUKAN DI PKD BALING

MUKIM	BIL. PEMOHON	TARIKH PERMOHONAN
Teloi Kanan	13	20.04.2009 - 02.12.2009
Kupang	5	12.01.2009 - 12.02.2009
Pulai	7	08.01.2011 - 16.01.2011

Pada pendapat Audit, masih terdapat kelemahan dalam proses permohonan dan kelulusan yang boleh menjejaskan pelaksanaan Program BAKAS. Sehubungan itu, Kementerian perlu mengambil tindakan segera dengan menetapkan norma masa meluluskan projek serta memastikan Manual Program BAKAS digunakan di setiap peringkat. Selain itu, PKD perlu memantau permohonan projek dan memastikan daftar permohonan dikemas kini supaya pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Pada tahun 2010 dan 2011, tiada borang yang seragam digunakan. Borang permohonan yang digunakan pula adalah berbeza mengikut pengurusan PKD masing-masing. Terdapat maklumat yang tidak terdapat dalam borang tersebut. Walau bagaimanapun, maklumat penting yang menjadi asas kelulusan masih perlu diisi dalam borang yang lama tersebut. UPEN pada tahun 2007 telah menyatakan bahawa, PGK perkapita adalah RM180. Walaupun pendapatan pemohon melebihi PGK iaitu RM720, pemohon mempunyai tanggungan yang ramai dan KKM berpendapat pemohon wajar diberi bantuan berdasarkan PGK perkapita di bawah RM180. Dua faktor utama yang diberi perhatian untuk mempertimbangkan sesuatu permohonan ialah dari segi kepentingan projek dan peruntukan yang sedia ada. Bagi projek-projek yang lewat diluluskan, kebanyakannya adalah disebabkan projek tidak begitu berkepentingan pada masa itu; projek merupakan projek tambahan dan keutamaan kepada projek di kawasan berlaku wabak atau berisiko. Bagi menyelaras dan memperkemaskan lagi pengurusan permohonan, Kementerian telah mengeluarkan arahan pada 10 Mei 2013 kepada semua JKN mengenai tatacara prosedur sepatutnya. Semua PTJ yang terlibat telah mengambil tindakan untuk menyediakan dan mengemas kini Buku Daftar Permohonan bagi tujuan pemantauan. KKM telah mengeluarkan arahan penggunaan format daftar permohonan yang seragam pada 10 Mei 2013 kepada semua negeri untuk dilaksanakan bermula Mei 2013.

13.5.2.2. Pengurusan Perolehan

a. Perolehan Secara Sebut Harga

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 telah menetapkan penilaian teknikal dan harga hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat dan pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal) dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/ Bahagian yang menguruskan sebut harga. Selain itu, laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa. Semakan Audit di PKD Bandar Baharu mendapati tiada bukti Jawatankuasa Penilaian Dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga bagi perolehan tahun 2010 hingga 2012 dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan. Manakala di PKD Tuaran, didapati tiada bukti keputusan Jawatankuasa Sebut Harga dan laporan penilaian disediakan bagi satu sebut harga yang berkaitan dengan bekalan peralatan BAKAS.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga bagi perolehan tahun 2010 hingga 2012 di PKD Bandar Baharu sebenarnya telah dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan. Namun begitu, surat lantikan tidak difailkan dengan betul semasa semakan Audit. Manakala keputusan Jawatankuasa Sebut Harga dan laporan penilaian berkaitan sebenarnya ada disediakan. PTJ terlibat akan memastikan dokumen berkaitan difailkan secara teratur dan dikemukakan kepada pihak Audit apabila diminta. Selain itu, pelantikan Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga bagi sebutharga akan datang dilaksanakan mengikut tatacara pengurusan perolehan yang sebenar.

b. Perolehan Melalui Sistem Panel

i. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) Bil. 8 Tahun 2010 mengenai Sistem Panel Bagi Perolehan Bekalan Dan Pengiriman *High Density Polyethylene (HDPE) Pipe* di Seluruh Malaysia menetapkan agensi Kerajaan hendaklah memperoleh paip HDPE hanya di kalangan panel pembekal yang dilantik. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan syarat berhubung keperluan kontraktor mendapatkan paip HDPE daripada panel pembekal yang dilantik dimasukkan dalam *Bill of Quantities* dan dokumen perjanjian. Bagi memastikan peraturan tersebut dipatuhi, kontraktor perlu mengemukakan salinan nota penghantaran semasa membuat tuntutan bayaran kemajuan. Semakan Audit

mendapati paip HDPE telah digunakan bagi 3 projek GFS dan 13 projek sambungan paip PBAN bernilai RM1.98 juta di PKD Baling, PKD Bandar Baharu, PKD Bachok dan PKD Tumpat. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan paip HDPE tersebut telah dibekalkan oleh panel pembekal yang dilantik oleh Kementerian Kewangan kerana tiada salinan nota penghantaran dikemukakan oleh kontraktor semasa tuntutan bayaran kemajuan dibuat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.10
PEROLEHAN PAIP HDPE DALAM PROJEK-PROJEK
DI BAWAH PROGRAM BAKAS

PKD	BAUCAR BAYARAN		JENIS PROJEK	JENIS PAIP YANG DIGUNAKAN	KOS PAIP (RM)	KOS PROJEK (RM)
	NO.	TARIKH				
Baling	B0756	27.06.2012	Sambungan Paip PBAN	HDPE PN: 12.5 saiz 25mm	*40,250	43,000
	B1618	04.10.2011	*Gravity Feeds System*	HDPE PN: 12.5 saiz 110mm	**25,700	136,800
				HDPE PN: 12.5 saiz 90mm	**18,500	
				HDPE PN: 12.5 saiz 50mm	**10,800	
				HDPE PN: 10 saiz ¾" dan ½"	**20,479	
	B0757	27.06.2012	*Gravity Feeds System*	HDPE PN: 12.5 saiz 6"	**143,100	180,000
				HDPE PN: 12.5 saiz 4"		
				HDPE PN: 12.5 saiz 3"		
				HDPE PN: 12.5 saiz 2"		
				HDPE PN: 12.5 saiz ½"		
	B1265	29.08.2012	Gravity Feeds System	HDPE PN: 12.5 saiz 6"	**157,438	196,700
				HDPE PN: 12.5 saiz 4"		
				HDPE PN: 12.5 saiz 3"		
				HDPE PN: 12.5 saiz 2"		
				HDPE PN: 12.5 saiz ½"		
Bandar Baharu	B1386	09.12.2012	Sambungan Paip PBAN	HDPE PN: 12.5 saiz ¾"	*35,200	59,370
Tumpat	B3012	19.11.2012	Sambungan Paip PBAN	HDPE pipe ¾"	TM	113,972
	B3539	24.12.2012				104,076
	B2379	24.10.2011		Poly pipe ¾" dan ½"	TM	141,181
	B2384	24.10.2011				134,763
	B2896	21.12.2011				134,763
	B2889	20.12.2011				145,200
	B2947	27.12.2011				159,598
	H0966	31.05.2010				29,850
Bachok	B3348	01.01.2012	Sambungan Paip PBAN	HDPE pipe ¾"	TM	176,000
	B3134	27.12.2012				74,621
	B3345	01.01.2012				148,830
JUMLAH						**1,978,724**

Nota : ***(*) - Kos Termasuk Kerja-kerja Penyambungan Dan Pemasangan Paip Dari Salur Utama***
(**) - Kos Termasuk Kerja-kerja Penyambungan
TM - Tiada Maklumat

ii. PKP Bil. 8 Tahun 2010 menetapkan kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000 selaras dengan Arahan Perbendaharaan 176.1. Semakan Audit mendapati tiada kontrak formal disediakan bagi 4 perolehan paip HDPE yang bernilai melebihi RM50,000 di PKK Tuaran seperti butiran di jadual berikut:

JADUAL 13.11
KONTRAK FORMAL TIDAK DIWUJUDKAN

NO. BAUCAR BAYARAN/TARIKH	KOS PROJEK (RM)	JENIS PROJEK
B1981 / 11.06.2012	83,374	Gravity Feeds System
B2606 / 27.06.2012	61,600	
B1978 / 11.06.2012	53,476	
B1436 / 09.06.2011	63,784	

Pada pendapat Audit, PKD perlu memasukkan syarat bahawa kontraktor mesti mendapatkan bekalan paip HDPE daripada pembekal yang disenaraikan sebagai panel pembekal yang sah bagi menjamin kualiti barang yang digunakan menepati standard yang ditetapkan. Selain itu, kontrak formal perlu diwujudkan sejajar dengan kehendak pekeliling berkaitan bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Kementerian telah mengeluarkan peringatan mengenai keperluan daripada panel pembekal ini pada 10 Mei 2013 kepada semua pelaksana program BAKAS bagi memastikan pembelian dibuat selaras dengan Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2010. Selain itu, pihak PKK akan menggunakan kontrak formal seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling yang berkuat kuasa. Kementerian juga telah mengeluarkan arahan pada 10 Mei 2013 kepada semua PTJ agar mematuhi Pekeliling yang berkuat kuasa semasa melaksanakan perolehan di atas.

c. Harga Perolehan Tidak Munasabah

Manual Program BAKAS mengenai *Gravity Feeds System* dan Sambungan Paip Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) menetapkan dokumentasi dalam bentuk gambar/video perlu disediakan sebelum, semasa dan selepas projek selesai sebagai rujukan dan bukti pelaksanaan. Semakan Audit di PKD Baling mendapati dokumentasi bergambar telah dimasukkan sebagai salah satu spesifikasi kerja dalam sebut harga bagi projek GFS dengan harga

seunit/set antara RM12.90 hingga RM21.41. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati harga yang ditetapkan dalam spesifikasi bagi dokumen bergambar yang menggunakan kertas A4 adalah tinggi berbanding harga pasaran dengan perbezaan antara RM11.90 hingga RM17.41 (antara 4.4 hingga 11.9 kali lebih tinggi). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.12
HARGA TIDAK MUNASABAH DI PKD BALING

NO. BAUCAR BAYARAN/ TARIKH	NO. SEBUT HARGA	JENIS PROJEK	HARGA PEROLEHAN	KOS SETIAP HELAI (RM)	HARGA PASARANS EHELAI (RM)	PERBEZAAN HARGA SEUNIT (RM)	HARGA PEROLEHAN BERBANDING HARGA PASARAN (Kali)
B0757/ 27.06.2012	03/2012	*Gravity Feeds System*	RM835 / 39 helai kertas A4	21.41	4.00	17.41	4.4
B1265/ 29.08.2012	04/2012		RM800 / 62 keping gambar 4R	12.90	1.00	11.90	11.9

Pada pendapat Audit, harga yang ditetapkan bagi dokumentasi bergambar adalah tidak munasabah kerana jauh lebih tinggi berbanding harga pasaran.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

KKM pada 10 Mei 2013 telah mengarahkan agar penyediaan gambar-gambar yang seterusnya bagi tujuan dokumentasi pelaksanaan projek kepada KKLW hendaklah diambil dan disediakan oleh anggota PKD sendiri menggunakan kemera Jabatan.

d. Harga Berbeza Bagi Bekalan/Kerja Yang Sama

i. Semakan Audit di PKD Bandar Baharu mendapati 3 projek tandas curah telah dilaksanakan oleh kontraktor yang sama iaitu Oman Enterprise secara pembelian terus. Projek berkenaan telah dibayar melalui 3 baucar bayaran iaitu C1580 (RM8,840), C0932 (RM5,700) dan C0578 (RM3,202). Semakan Audit selanjutnya mendapati 11 item dengan spesifikasi yang sama telah dibekalkan dengan harga yang berbeza. Perbezaan harga seunit mengikut jenis item berbanding harga terendah adalah antara 20.9% hingga 35.4%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.13
HARGA BERBEZA BAGI ITEM YANG SAMA DI PKD BANDAR BAHARU

ITEM	NO. BAUCAR BAYARAN/ TARIKH	NO. BAUCAR BAYARAN/ TARIKH	NO. BAUCAR BAYARAN/ TARIKH	PERBEZAAN HARGA (Nilai Tertinggi - Nilai Terendah)	
	C0578 / 25.05.2010	C0932 / 22.07.2010	C1580 / 15.11.2010		
	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	(%)
Tudung Kok 3'	19.50	19.50	26.00	**6.50**	**33.3**
UPVC Paip 4'	24.60	25.70	30.60	**6.00**	**24.4**
Simen	19.50	16.50	21.50	**5.00**	**30.3**
Kok 3'	34.50	40.00	46.67	**12.17**	**35.3**
S/P Trap	16.90	16.90	21.00	**4.10**	**24.3**
Mangkuk Tandas Seramik	31.20	35.00	40.00	**8.80**	**28.2**
Zink 6'	14.95	14.95	19.95	**5.00**	**33.4**
Frame Pintu Metal 30 x 84	52.00	65.00	65.00	**13.00**	**25.0**
Pasir Bag (1/2 Ela)	45.50	45.50	55.00	**9.50**	**20.9**
Pintu PVC	48.00	50.00	65.00	**17.00**	**35.4**
Bata (Satu Unit 400 Biji)	87.40	90.40	110.40	**23.00**	**26.3**

ii. Di PKK Tuaran, pembekalan peralatan projek GFS telah dilaksanakan oleh Weidasar Sdn. Bhd. melalui 17 baucar bayaran bagi tahun 2011 dan 2012. Semakan Audit mendapati 9 item dengan spesifikasi yang sama telah dibekalkan dengan harga yang berbeza. Perbezaan harga seunit mengikut jenis item berbanding harga terendah adalah antara 20% hingga 575%. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.14
HARGA BERBEZA BAGI ITEM YANG SAMA DI PKK TUARAN

NO. BAUCAR BAYARAN/TARIKH		HARGA SEUNIT (RM)								
		1	2	3	4	5	6	7	8	9
B1300 / 06.06.2011		850	235	540	125	8	15	8	3	3
B1436 / 09.06.2011		850	235	540	125	54	26	17	6	18
B4184 / 20.11.2011		TB	TB	TB	141					
B4102 / 14.12.2011		TB	TB	TB	141					
B4103 / 14.12.2011		913	TB	TB	141			TB		
B4104 / 14.12.2011		913	TB	TB	141					
B4105 / 14.12.2011		1,050	310	812	150					
PERBEZAAN (Nilai Tertinggi - Nilai Terendah)	**HARGA SEUNIT (RM)**	**200**	**75**	**272**	**25**	**46**	**11**	**9**	**3**	**15**
	(%)	**23.5**	**31.9**	**50.4**	**20.0**	**575.0**	**73.3**	**112.5**	**100.0**	**500.0**
B1981 / 11.06.2012		1,296	TB	TB	186					
B1980 / 11.06.2012		TB	TB	TB	192					
B1982 / 11.06.2012		1,372	TB	TB	196					
B1979 / 11.06.2012		1,296	TB	TB	186					
B2608 / 27.06.2012		892	TB	673	136					

PERBEZAAN (Nilai Tertinggi - Nilai Terendah)	HARGA SEUNIT (RM)	200	75	272	25	46	11	9	3	15
	(%)	23.5	31.9	50.4	20.0	575.0	73.3	112.5	100.0	500.0
B2606 / 27.06.2012		892	TB	TB	-					
B2660 / 28.06.2012		TB	TB	673	-					
B2659 / 28.06.2012		892	282	673	136					
B4035 / 12.09.2012		1,166	TB	TB	TB					
B4154 / 21.09.2012		TB	282	TB	136					
PERBEZAAN (Nilai Tertinggi - Nilai Terendah)	Harga Seunit (RM)	480	-	-	60					
	(%)	53.8	-	-	44.1					

Nota : ***TB - Tidak Berkenaan Kerana Tidak Dibekalkan***

1. *PN10, 2" X 100m*
2. *PN12.5, 1" X 100m*
3. *PN12.5, 1.5" X 100m*
4. *PN16, 0.5" X 100m*
5. *PVC Gate Valve 1" diameter*
6. *HDPE Reducing Socket 2" X 1.5" diameter*
7. *HDPE Reducing Socket 1.5" X 1" diameter*
8. *HDPE Reducing Socket 1" X 0.5" diameter*
9. *HDPE Tee/Tee Reducer 0.5" X 0.5" diameter*

iii. Di PKK Tuaran, peralatan bagi satu projek telaga terkawal telah dibekalkan oleh Syarikat Weidasar Sdn. Bhd. secara sebut harga melalui baucar bayaran B1300 berjumlah RM46,306. Manakala peralatan bagi 2 projek GFS telah dibekalkan oleh Syarikat AG Enterprise secara pembelian terus melalui baucar bayaran B3829 dan B3830 masing-masing berjumlah RM15,841 dan RM15,109. Semakan Audit mendapati 23 item dengan spesifikasi yang sama telah dibekalkan oleh 2 syarikat tersebut dengan harga yang berbeza. Perbezaan harga seunit mengikut jenis item berbanding harga terendah adalah antara 37.4% hingga 324.2% seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.15
HARGA BERBEZA BAGI ITEM YANG SAMA DARI PEMBEKAL BERLAINAN

KETERANGAN ITEM	NO. BAUCAR BAYARAN/TARIKH			PERBEZAAN (Nilai Tertinggi - Nilai Terendah)	
	WEIDASAR	AG ENTERPRISE			
	B1300 / 06.06.2011	B3829 / 06.12.2011	B3830 / 06.12.2012		
	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	(%)
HDPE Socket Union 2" diameter	15.70	32.00	32.00	**16.30**	**103.8**
HDPE Socket Union 1.5" diameter	10.10	19.00	19.00	**8.90**	**88.1**
HDPE Socket Union 1" diameter	4.00	10.00	10.00	**6.00**	**150.0**
HDPE Socket Union 0.5" diameter	2.00	6.00	6.00	**4.00**	**200.0**
HDPE Male Thread Adapter 2" diameter	8.50	28.00	28.00	**19.50**	**229.4**
HDPE Male Thread Adapter 1.5" diameter	6.20	19.00	19.00	**12.80**	**206.5**
HDPE Male Thread Adapter 1" diameter	2.20	8.00	8.00	**5.80**	**263.6**
HDPE Male Thread Adapter 0.5" diameter	1.20	5.00	5.00	**3.80**	**316.7**
HDPE Female Thread Adapter 0.5" diameter	1.40	5.00	5.00	**3.60**	**257.1**
Elbow 0.5" diameter	2.30	5.00	5.00	**2.70**	**117.4**
PVC Gate Valve 2" diameter	18.90	46.00	46.00	**27.10**	**143.4**
PVC Gate Valve 1.5" diameter	15.75	40.00	40.00	**24.25**	**154.0**
PVC Gate Valve 1" diameter	8.19	19.00	19.00	**10.81**	**132.0**
HDPE Reducing Socket 2" x 1.5" diameter	14.50	-	36.00	**21.50**	**148.3**

KETERANGAN ITEM	NO. BAUCAR BAYARAN/TARIKH			PERBEZAAN (Nilai Tertinggi - Nilai Terendah)	
	WEIDASAR	AG ENTERPRISE			
	B1300 / 06.06.2011	B3829 / 06.12.2011	B3830 / 06.12.2012		
	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	(%)
HDPE Reducing Socket 1.5" x 1" diameter	7.70	-	22.00	**14.30**	**185.7**
HDPE Reducing Socket 1" x 0.5" diameter	3.30	14.00	14.00	**10.70**	**324.2**
HDPE Tee/Tee Reducer 2" x 1.5" diameter	26.20	36.00	36.00	**9.80**	**37.4**
HDPE Tee/Tee Reducer 1" x 0.5" diameter	5.70	12.00	12.00	**6.30**	**110.5**
PVC Pipe Class "D" 3" diameter x 20'	75.60	180.00	180.00	**104.40**	**138.1**
Galvanized Iron Socket 2" diameter	10.33	40.00	40.00	**29.67**	**287.2**
Paku 3"	6.93	10.00	10.00	**3.07**	**44.3**
Paku 2"	6.93	10.00	10.00	**3.07**	**44.3**
White Lead Seal Tape 10mm	1.01	3.00	3.00	**1.99**	**197.0**

Nota: ***PVC - Polyvinyl Chloride***

iv. Semakan Audit telah dijalankan terhadap satu baucar bayaran di PKD Baling dan 3 baucar bayaran di PKD Bandar Baharu bagi kerja pembinaan tandas curah. Berdasarkan semakan, pihak Audit mendapati kontraktor terlibat telah menggunakan bahan binaan dari jenis yang berbeza. Bahan binaan yang digunakan untuk 3 projek tandas curah di bawah seliaan PKD Bandar Baharu didapati lebih berkualiti berbanding bahan binaan bagi satu projek di bawah seliaan PKD Baling. Namun begitu, harga seunit tandas bagi PKD Bandar Baharu didapati lebih rendah antara RM120 hingga RM266 berbanding harga di PKD Baling. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.16
PERBEZAAN HARGA BAGI KERJA PEMBINAAN TANDAS CURAH

PKD BALING		PKD BANDAR BAHARU	
BAHAN BINAAN	NO. BAUCAR/TARIKH (KOS SEUNIT TANDAS)	BAHAN BINAAN	NO. BAUCAR/TARIKH (KOS SEUNIT TANDAS)
Pintu Zink	F0847 / 10.05.2010 (RM800)	Pintu PVC	C1580 / 15.11.2010 (RM680)
Dinding Zink		Dinding Konkrit	C0932 / 22.07.2010 (RM570)
Mangkuk Tandas Plastik		Mangkuk Tandas Seramik	
Frame Pintu Kayu		*Frame* Pintu Metal	C0578 / 25.05.2010 (RM534)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Harga berbeza bagi bekalan/kerja yang sama di PKD Bandar Baharu disebabkan oleh faktor kos pengangkutan dan jarak, lokasi, kesukaran penghantaran peralatan serta bulan pelaksanaan yang berlainan. Selain itu, harga berbeza di PKK Tuaran disebabkan oleh faktor pembekal

berbeza, tempat dan masa/bulan penghantaran yang berlainan. Kajian pasaran telah dibuat dengan mendapat tiga sebut harga dari pembekal yang berlainan dan PKK Tuaran telah memilih secara lump sum harga terendah dari sebutharga tersebut. Untuk penambahbaikan, rekod perolehan terdahulu akan dijadikan rujukan perolehan agar kajian pasaran yang lebih berkesan dapat dibuat. Projek tandas curah di PKD Bandar Baharu dapat dilaksanakan dengan harga yang lebih rendah kerana melibatkan pembelian bahan binaan sahaja dan tiada kos upah kerana ianya dilaksanakan secara gotong-royong. Manakala projek tandas curah di PKD Baling melibatkan harga yang lebih tinggi kerana dilaksanakan secara outsource/kontrak dengan melantik kontraktor. Kos projek melibatkan kos bekalan bahan binaan dan upah pembinaan menjadikan kos lebih tinggi. Mulai tahun 2013, semua projek tandas akan dilaksanakan secara gotong royong.

Pihak Audit berpendapat, kos projek dapat dikurangkan sekiranya projek dilaksanakan secara bergotong-royong berbanding pelaksanaan secara *outsource*.

e. Penyediaan Insurans

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 mengenai Syarat-syarat Sebut Harga Untuk Kerja, kontraktor dikehendaki mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja atas nama Kerajaan bagi tempoh pelaksanaan kerja. Polisi insurans tersebut perlu dikemukakan sebelum kerja dimulakan. Semakan Audit mendapati PKD Baling telah mengambil kira keperluan penyediaan insurans oleh kontraktor di dalam spesifikasi kerja yang disediakan. PKD Baling telah menetapkan supaya kontraktor yang dilantik menyediakan polisi insurans pampasan kerja dan tanggungan awam bagi 3 sebut harga iaitu 3/2012, 4/2012 dan 6/2012 dengan bayaran premium masing-masing berjumlah RM3,750, RM3,000 dan RM500. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan Nota Liputan (Coverage Note) dan resit bayaran premium dikemukakan kepada pihak PKD sebelum projek dilaksanakan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada polisi insurans telah disediakan oleh kontraktor selaras dengan kehendak spesifikasi kerja tersebut. Bagi PKK Tuaran, PKD Bachok dan PKD Tumpat, pihak Audit mendapati syarat mengenai pengambilan insurans tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga atau surat tawaran kepada kontraktor bagi 15 projek bernilai RM1.65 juta yang dilaksanakan secara sebut harga. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.17
PROJEK YANG TIADA INSURANS

PKD/PKK	KONTRAKTOR	JENIS PROJEK	NO. BAUCAR BAYARAN	KOS PROJEK (RM)	KOS INSURANS (RM)
Baling	Berkat Alam Enterprise	Sambungan Paip PBAN	B0756	43,000	500
	Obi Usahajaya Enterprise	*Gravity Feeds System*	B0757	180,000	3,750
	Zulkifli bin Bakri	*Gravity Feeds System*	B1265	196,700	3,000
Tuaran	Syarikat Rajin Bina	Sistem Tadahan Air Hujan	B4747	55,601	-
Tumpat	Pantai Timur Enterprise	Sambungan Paip PBAN	B2947	159,598	-
	NZ Waja Enterprise	Sambungan Paip PBAN	H0966	29,850	-
	Zakaria bin Mamat	Tandas Curah	H1408	85,000	-
	Shaari Pulau Trading	Tandas Curah	H0986	25,050	-
	Patek Construction Sdn. Bhd.	Sambungan Paip PBAN	B2889	145,200	-
	Hamat bin Deris	Sambungan Paip PBAN	B2896	134,763	-
	ANR Trust Trading	Sambungan Paip PBAN	B2384	134,763	-
	ANR Trust Trading	Sambungan Paip PBAN	B2379	141,181	-
	ANR Trust Trading	Sambungan Paip PBAN	B3012	113,972	-
	NAJIY Construction & Trading	Sambungan Paip PBAN	B3539	104,076	-
Bachok	Tujuan Kesan Enterprise	Sambungan Paip PBAN	B3348	176,000	-
	Alif Construction & Trading		B3345	148,830	-
	D'ZAB Enterprise	Telaga Terkawal Sambungan Ke Rumah	B2065	109,480	-
	Tujuan Kesan Enterprise		B3275	81,840	-

Pada pendapat Audit, kegagalan PKD memastikan kontraktor menyediakan polisi insurans dengan sewajarnya boleh menyebabkan Kerajaan menanggung risiko sekiranya berlaku kemalangan di tapak projek.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Pihak PKD Baling telah mengambil kira keperluan penyediaan insurans oleh kontraktor di dalam spesifikasi kerja yang disediakan namun telah terlepas pandang untuk memantau Nota Liputan (Coverage Note) dan resit bayaran premium dikemukakan oleh kontraktor. Hasil semakan semula oleh PKD mendapati kontraktor telah menyediakan insurans seperti dikehendaki tetapi tidak mengemukakannya sebelum kerja tersebut dimulakan. Pihak PKK Tuaran, PKD Bachok dan PKD Tumpat mengakui akan kesilapan ini dan keperluan insurans akan dimasukkan dalam senarai semak dokumen sebutharga atau surat tawaran kepada kontraktor.

13.5.2.3. Pengurusan Pembayaran

a. Perakuan Siap Kerja

i. Arahan Perbendaharaan 99 (e) (ii) mengenai perakuan kesempurnaan bekalan, perkhidmatan atau kerja menetapkan bayaran kemajuan hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana ia telah dilaksanakan atau nilai sebenar bahan yang dibekalkan. Mengikut Manual Program BAKAS, sebaik sahaja projek bekalan air disiapkan, pegawai yang bertanggungjawab perlu mengesah dan memperakui kerja tersebut dengan melengkapkan Borang Pengesahan Penerimaan Sementara Projek (Borang BALB 2/2011). Tanggungjawab ini biasanya dilakukan oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29. Semakan Audit mendapati PKD Baling telah membayar sejumlah RM180,000 kepada kontraktor untuk projek GFS melalui baucar bayaran B0757 bertarikh 27 Jun 2012 dan perakuan siap kerja seperti dicatatkan dalam Pesanan Rasmi Kerajaan telah dibuat pada 16 Jun 2012. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Borang BALB 2/2011 hanya diperakukan pada 23 Julai 2012. Ini adalah bertentangan dengan peraturan kewangan di mana pembayaran tersebut telah dibuat 37 hari lebih awal berbanding tarikh sebenar projek berkenaan siap sepenuhnya.

ii. Semakan Audit di PKD Bandar Baharu dan PKK Tuaran mendapati tarikh bekalan/perakuan siap kerja tidak dicatatkan dalam Pesanan Rasmi Kerajaan melibatkan 21 baucar bayaran berjumlah RM228,379 seperti di **Jadual 13.18**. Bagi PKD Bandar Baharu, projek GFS dilaksanakan secara gotong royong dan Pesanan Rasmi Kerajaan dikeluarkan secara berasingan bagi perolehan bekalan/kerja yang diperlukan. Ketiadaan tarikh bekalan/perakuan siap kerja dalam Pesanan Rasmi Kerajaan menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada bekalan/perolehan telah disempurnakan sebelum bayaran dibuat. Bagi 5 projek GFS di PKK Tuaran, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh siap sebenar kerja kerana selain perakuan siap kerja yang tidak dicatatkan dalam Pesanan Rasmi Kerajaan, Borang BALB 2/2011 juga tidak diguna pakai.

JADUAL 13.18
PERAKUAN SIAP KERJA TIDAK DICATATKAN DALAM PESANAN RASMI KERAJAAN

NO. BAUCAR BAYARAN/TARIKH	NO. PESANAN RASMI KERAJAAN/TARIKH	JENIS PROJEK	JUMLAH (RM)	PKD/PKK
B0530 / 18.06.2012	LO251032301120349 / 13.05.2012	*Gravity Feeds System*	1,300	Bandar Baharu
B0529 / 18.06.2012	LO251032301120335 / 08.05.2012		625	
B0514 / 18.06.2012	LO251032301120436 / 29.05.2012		561	
B0464 / 28.05.2012	LO251032301120356 / 13.05.2012		1,794	
B0463 / 23.05.2012	LO251032301120360 / 13.05.2012		2,910	
B0452 / 23.05.2012	LO251032301120357 / 13.05.2012		2,005	

NO. BAUCAR BAYARAN/TARIKH	NO. PESANAN RASMI KERAJAAN/TARIKH	JENIS PROJEK	JUMLAH (RM)	PKD/PKK
B0461 / 23.05.2012	LO251032301120355 / 13.05.2012		632	
B0460 / 23.05.2012	LO251032301120358 / 13.05.2012		9,027	
B0459 / 23.05.2012	LO251032301120359 / 13.05.2012		3,683	
B0458 / 23.05.2012	LO251032301120321 / 25.04.2012		4,560	
B0445 / 28.05.2012	LO251032301120350 / 13.05.2012		750	
B0435 / 23.05.2012	LO251032301120344 / 13.05.2012		4,840	
B0434 / 23.05.2012	LO251032301120345 / 13.05.2012		9,238	
B0260 / 18.04.2012	LO251032301120153 / 13.03.2012		49,549	
C0844 / 05.07.2010	LO251032301100312 / 07.06.2010	Sistem Pelupusan Air Limbah	3,155	
C1580 / 15.11.2010	LO251032301100563 / 20.09.2010	Tandas Curah	8,840	
B5655 / 04.12.2012	LO251142501121857 / 22.10.2012	*Gravity Feeds System*	10,000	Tuaran
B4105 / 14.12.2012	LO251142501111735 / 10.11.2011		30,784	
B4104 / 14.12.2012	LO251142501111734 / 10.11.2011		30,659	
B4102 / 14.12.2012	LO251142501111725 / 10.11.2011		20,390	
B4184 / 20.12.2012	LO251142501111736 / 10.11.2011		33,079	
JUMLAH KESELURUHAN			**228,379**	

Pada pendapat Audit, PKD perlu memastikan pembayaran yang dibuat kepada kontraktor adalah setara dengan nilai kemajuan kerja yang dilaksanakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Pihak PKD Baling telah membayar sejumlah RM180,000 kepada kontraktor pada 27 Jun 2012 untuk projek GFS setelah projek berkenaan siap dan dibayar berdasarkan perincian kerja yang ditetapkan dan perakuan kerja siap telah dibuat di Pesanan Rasmi Kerajaan pada 16 Jun 2012. Walau bagaimanapun, pihak PKD telah memulangkan semula gambar-gambar yang dihantar oleh kontraktor kerana tidak berpuas hati dengan kualiti gambar yang telah dikemukakan berkenaan. Borang BALB 2/2011 hanya diperaku pada 23 Julai 2012 iaitu selepas gambar baru dikemukakan semula. PKD Bandar Baharu dan PKK Tuaran mengakui bahawa tarikh perakuan siap kerja tidak dicatatkan pada Pesanan Rasmi Kerajaan tersebut. Pembayaran dibuat berdasarkan kepada Delivery Order yang diterima daripada pihak pembekal.

13.5.2.4. Pelaksanaan Projek

a. Projek Lewat Siap

i. Pesanan Rasmi Kerajaan merupakan dokumen yang mengandungi maklumat penting perolehan dan digunakan sebagai arahan rasmi kepada kontraktor untuk melaksanakan pembekalan/kerja. Antara maklumat yang terkandung dalam Pesanan Rasmi Kerajaan ialah skop kerja; spesifikasi kerja; tempoh siap kerja; kuantiti item; harga/kos dan nama kontraktor. Semakan Audit mendapati 2 projek sambungan paip PBAN di PKD Tumpat telah lewat disiapkan antara 16 hingga 41 hari dari tarikh penyiapan yang ditetapkan dalam Pesanan Rasmi Kerajaan. PKD Tumpat didapati telah menetapkan syarat berhubung denda lewat yang boleh dikenakan kepada kontraktor dalam surat tawaran yang dikeluarkan iaitu pada kadar 0.066% atau bersamaan RM20.60 sehari. Bagaimanapun, pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan denda telah dikenakan dan dikutip daripada kontraktor atas kelewatan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.19
DENDA TIDAK DIKENAKAN TERHADAP PROJEK LEWAT

NO. BAUCAR BAYARAN/ TARIKH	KOS PROJEK (RM)	JENIS PROJEK	TARIKH SIAP PROJEK		KELEWATAN (Hari)	DENDA LEWAT YANG BOLEH DIKENAKAN (RM)
			SEPATUT	SEBENAR		
B3012 / 19.11.2012	113,972	Sambungan Paip PBAN	14.10.2012	30.10.2012	16	330
B3539 / 24.12.2012	104,076		14.10.2012	25.11.2012	41	845
JUMLAH KESELURUHAN						**1,175**

ii. Di PKD Baling, PKD Bandar Baharu dan PKK Tuaran, pihak Audit mendapati 1 projek GFS, sebanyak 5 projek sambungan paip PBAN dan satu projek STAH telah lewat disiapkan antara 20 hingga 194 hari dari tarikh yang ditetapkan. Bagaimanapun, tiada syarat/klausa berhubung denda dimasukkan di dalam dokumen sebut harga atau surat tawaran kepada kontraktor. Keadaan ini menyebabkan denda tidak dapat dikenakan kepada kontraktor atas kelewatan mereka menyiapkan projek. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.20
SENARAI PROJEK LEWAT

PKD/PKK	NO. BAUCAR BAYARAN/ TARIKH	KOS PROJEK (RM)	JENIS PROJEK	TARIKH SIAP PROJEK		KELEWATAN (Hari)
				SEPATUT	SEBENAR	
Baling	B1179 / 28.07.2011	15,000	Sambungan Paip PBAN	30.06.2011	24.07.2011	24
	B0756 / 27.06.2012	43,000		31.05.2012	20.06.2012	20
	B0757 / 27.06.2012	180,000	*Gravity Feeds System*	30.06.2012	23.07.2012	23

PKD/PKK	NO. BAUCAR BAYARAN/ TARIKH	KOS PROJEK (RM)	JENIS PROJEK	TARIKH SIAP PROJEK		KELEWATAN (Hari)
				SEPATUT	SEBENAR	
Bandar Baharu	B1097 / 19.10.2011	30,000	Sambungan Paip PBAN	08.06.2011	19.10.2011	133
	B1413 / 19.12.2011	24,000		08.06.2011	19.12.2011	194
	B1386 / 09.12.2012	59,370		08.06.2012	*22.11.2012	167
Tuaran	B4747 / 19.10.2012	55,156	Sistem Telaga Air Hujan	30.06.2012	19.10.2012	111

Nota: ***(*) - Berdasarkan Borang Pengesahan Siap Kerja***

Pada pendapat Audit, denda kelewatan perlu dikenakan sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan penyeragaman perlu diambil untuk memastikan setiap PKD/PKK memasukkan syarat/klausa denda ini di dalam spesifikasi/surat tawaran kepada kontraktor.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Kelewatan ini disebabkan masalah stok besi untuk tangki air yang kurang disebabkan oleh projek BAKAS yang dijalankan serentak di semua daerah di negeri Kelantan dan masalah permit tebuk jalan yang lewat diterima oleh kontraktor daripada Jabatan Kerja Raya. Kedua-dua kontraktor tersebut telah menghantar surat permohonan pelanjutan tempoh siap projek. Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga PKD Tumpat telah bersetuju untuk melanjut tempoh siapkerja memandangkan perkara tersebut di luar kawalan kontraktor. Perkara ini telah dimaklumkan kepada kontraktor melalui telefon. PKK Tuaran, PKD Bandar Baharu dan Baling tidak mengenakan denda di atas kelewatan kerana syarat denda tidak dinyatakan dalam surat tawaran. Merujuk kepada SPP Bil. 5/2009, tidak dinyatakan prosedur yang seragam dan tetap tentang denda kelewatan kepada kontraktor di atas kegagalan menyiapkan kerja dalam tempoh ditetapkan. Semua PKD/PKK akan menambahkan klausa denda dalam dokumen sebutharga/surat tawaran.

b. Kualiti Kerja

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya kemudahan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Jabatan Kesihatan Negeri telah membuat perolehan pam air elektrik PEDROLLO Model CP 158c/w 0.75kw (1HP) bernilai RM895 seunit melalui baucar bayaran B0883 bertarikh 26 April 2012 untuk kegunaan projek TTSR. Projek ini dibuat secara gotong-royong dan pihak PKD Baling hanya membekalkan bahan binaan bagi projek tersebut. Bagaimanapun, semakan lanjut terhadap 2 projek TTSR mendapati tiada bumbung/penutup khas dibina oleh pihak PKD Baling untuk melindungi pam air elektrik daripada terdedah kepada cuaca seperti di **Gambar 13.1** dan **13.2**. Pihak Audit dimaklumkan keperluan penyediaan bumbung/ penutup berkenaan tidak dimasukkan sebagai sebahagian daripada projek kerana penyediaan bumbung adalah tanggungjawab penerima bantuan. Bagaimanapun di PKD Bachok dan Tumpat, pihak Audit mendapati pam air elektrik yang dibeli telah dilengkapi dengan penutup seperti di **Gambar 13.3**. Selain itu, didapati air bertakung di apron tangki simpanan air (**Gambar 13.4**) di Kampung Teluk Sanau, Baling bagi projek GFS yang dilaksanakan;

GAMBAR 13.1



Kampung Parit Panjang, Baling
- Tiada Bumbung Penutup Khas Disediakan. Untuk Pam Air Elektrik (TTSR)
(10.12.2012)

GAMBAR 13.2



Kampung Sungai Tawar, Baling
- Tiada Bumbung Penutup Khas Disediakan Untuk Pam Air Elektrik (TTSR)
(10.12.2012)

GAMBAR 13.3



Kampung Kok Lintang, Bachok
- Pam Air Elektrik Berserta Penutup Khas (TTSR)
(28.01.2013)

GAMBAR 13.4



Kampung Teluk Sanau, Baling
- Air Bertakung Di Apron Tangki Simpanan Air (GFS)
(10.12.2012)

ii. Manual Program BAKAS mengenai Kemudahan Bekalan Air - Sambungan Paip menetapkan *stand meter slab* perlu dibina bagi memperkukuhkan kedudukan meter air dan saiz yang dicadangkan untuk

slab ialah 2' x 1'. Hasil pemeriksaan Audit di Kg. Bukit Tok Gula, Bandar Baharu mendapati *slab* meter air bagi projek sambungan paip tidak dibuat dengan sempurna menyebabkan meter air berkenaan condong (**Gambar 13.5**). Di PKD Bachok, terdapat 6 *stand meter* yang tidak disediakan *slab* atau tapak konkrit seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi kerja (**Gambar 13.6**). Manakala di PKD Tumpat, didapati *slab* tidak dimasukkan di dalam skop kerja sambungan paip bagi tahun 2010 dan 2011. **Gambar 13.7** menunjukkan contoh *slab* yang dipasang sempurna di Kg. Tebuk Bugis, Bandar Baharu. Selanjutnya di Kg. Sangkir, Kota Belud, Tuaran, pihak Audit mendapati *elbow* tidak dipasang pada saluran air bagi projek STAH (**Gambar 13.8**). Manakala di PKD Tumpat, didapati tangki simpanan air berkapasiti 150 gelen yang disediakan bagi projek TTSR di Kg. Raja Geting telah melendut (**Gambar 13.9**); dan

iii. Manual Program BAKAS mengenai pembinaan tandas curah menetapkan lubang tandas hendaklah digali dengan ukuran garis pusat 0.75 meter x 2.7 meter tinggi yang menggunakan gegelung konkrit berserta penutup. Lawatan Audit mendapati lubang najis/gegelung konkrit berserta penutup bagi projek tandas curah di Kg. Dudar Laut, Kota Belud (**Gambar 13.10**) tidak disediakan kerana item berkenaan tidak dimasukkan di dalam spesifikasi kerja.

GAMBAR 13.5



Kg. Bukit Tok Gula, Bandar Baharu
- Slab Tidak Sempurna
(Projek Pemasangan Paip PBAN)
(12.12.2012)

GAMBAR 13.6



Kg. Pulau Belongan, Bachok
- Slab Tidak Disediakan
(Projek Pemasangan Paip PBAN)
(28.01.2013)

GAMBAR 13.7



Kg. Tebuk Bugis, Bandar Baharu
- Contoh Pemasangan Slab
(12.12.2012)

GAMBAR 13.8



Kg. Sangkir, Kota Belud
- Elbow Tidak Disediakan (Projek STAH)
(18.12.2012)

GAMBAR 13.9



Kg. Raja Geting, Tumpat
- Tangki Melendut
(Projek TTSR)
(30.01.2013)

GAMBAR 13.10



Kg. Dudar Laut, Kota Belud
- Lubang Najis/Gegelung Konkrit Tidak Disediakan
(Projek Tandas Curah)
(18.12.2012)

Pada pendapat Audit, PKD/PKK perlu menjalankan pemantauan semasa pelaksanaan projek supaya kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor berkualiti. Selain itu, setiap PKD juga perlu memasukkan keperluan untuk membekalkan pam air elektrik yang dilengkapi bumbung khas/penutup pam air elektrik bagi memastikan jangka hayat pam yang lebih lama.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Bagi projek GFS Teluk Sanau, kewujudan air bertakung disebabkan hujan di sebelah malam sebelum lawatan audit. Lubang resapan bagi tujuan resapan air hujan juga telah dibina pada apron tangki simpanan air. Bagi projek telaga terkawal, kelulusan kos diberikan adalah RM1,500 untuk sebuah projek telaga melibatkan pam elektrik, stand pam, casing, apron, foot valve dan paip. Pembinaan rumah pam boleh menyebabkan kos melebihi norma yang ditetapkan. Pihak PKD juga telah menyarankan penerima telaga untuk membina rumah pam bagi melindungi pam. Meter air yang ditegur oleh pihak Audit condong disebabkan tidak terdapat spesifikasi kerja untuk membina slab atau tapak konkrit pada meter air pada tahun 2011, namun pada tahun 2012, skop kerja berkenaan telah dimasukkan ke dalam sebutharga. Kesemua projek yang dibangkitkan di PKD Bachok telah dilawat semula dan didapati kesemua 6 projek telah dipasang/dibina slab bagi stand meter air Projek Sambungan Paip PBAN [Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB)]. Bagi projek sebelum tahun 2012 yang telah dilawati oleh Audit sebelum ini, skop kerja membekal dan memasang pelapik kayu tidak dimasukkan ke dalam sebutharga kerana Manual BAKAS belum diedarkan. Ini menyebabkan tangki simpanan air berkapasiti 150 gelen yang disediakan bagi projek TTSR di Kg. Raja Geting telah melendut. Bagaimanapun bermula tahun 2012, kontraktor dikehendaki memasang pelapik kayu bagi kesemua projek sambungan paip AKSB. Pihak PKK Tuaran memaklumkan elbow bagi projek STAH dan penutup najis telah dipasang.

c. Sistem Simpanan Tangki Bawah

Pihak Berkuasa Air Negeri Kelantan iaitu Air Kelantan Sdn. Bhd. telah menasihatkan supaya sistem simpanan tangki bawah disediakan bagi mengelakkan masalah bekalan air terputus kepada penerima bantuan sambungan paip air. Sehubungan itu, JKN Kelantan telah meluluskan spesifikasi yang mengambil kira keperluan sistem simpanan tangki bawah yang berkapasiti 150 gelen. Lawatan fizikal terhadap projek sambungan paip seliaan PKD Bachok dan PKD Tumpat mendapati 7 gegelung konkrit yang ditutup dengan simen mortar telah digunakan untuk membina sistem simpanan tangki bawah bagi tahun 2010. Bagaimanapun bagi tahun 2011 dan 2012, kerangka sistem simpanan tangki bawah telah dibina dengan menggunakan *galvanized iron (G.I) pipe 1 ½" Class B* dan tapak konkrit. Pihak Audit mendapati *bolts, nuts*, tiang, pelapik tangki dan tapak kerangka sistem simpanan tangki bawah dari jenis *G.I pipe 1 ½" Class B* telah berkarat. Antara punca karat ialah lokasi rumah penerima bantuan yang berdekatan dengan laut. Butiran lanjut seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 13.21
KERANGKA TANGKI BERKARAT

PKD	NO. METER AIR	BIL. PENERIMA	LOKASI
Bachok	AKID12A0702232	2	Kg. Pulau Belongan
	AKID12A0702231		
Tumpat	AKMRP11A0716023	5	Kg. Gerong
	AKMRP11A0716028		
	AKMRP11A052749		Kg. Laut 2
	AKMRP11A052743		Kg. Laut
	AKID12A0701196		Kg. Bunohan

GAMBAR 13.11



Kg. Kok Lintang, Bachok
- Gegelung Konkrit Digunakan Bagi Projek Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2010
(28.01.2013)

GAMBAR 13.12



Kg. Pulau Belongan, Bachok
- Bolt, Nuts Dan Tapak Kerangka Dari Jenis G.I Pipe 1 ½" Class B Berkarat
(28.01.2013)

GAMBAR 13.13



Kg. Laut 2, Tumpat
- Tiang Dan Pelapik Tangki Kerangka Dari Jenis G.I Pipe 1 ½" Class B Berkarat (30.01.2013)

GAMBAR 13.14



Kg. Bunohan, Tumpat
- Tiang Dan Pelapik Tangki Kerangka Dari Jenis G.I Pipe 1 ½" Class B Berkarat (30.01.2013)

Pada pendapat Audit, penggunaan kerangka bagi sistem simpanan tangki bawah perlu mengambil kira faktor muka bumi di mana penggunaan besi tidak sesuai di tempat yang berdekatan dengan laut kerana ia akan menyebabkan besi cepat berkarat.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Bermula tahun 2012, pihak PKD telah menukar spesifikasi tiang tangki ke jenis Class B Galvanised Iron yang mana ianya tahan karat. Bagi kes di Kg. Pulau Belongan, tiang yang berkarat telah dicat semula dengan cat antikarat warna hitam di samping semburan minyak antikarat.

d. Ujian Kualiti Air

Manual Program BAKAS mengenai Senarai Semak Pelaksanaan Projek Telaga Terkawal (TT)/Telaga Terkawal Sambungan Ke Rumah (TTSR) menetapkan tinjauan awal perlu dilakukan dengan menjalankan penyiasatan di tapak mengenai jenis tanah, risiko pencemaran, cadangan lokasi perigi dan bekalan elektrik. Ujian kuantiti dan kualiti air perlu dibuat semasa projek dilaksanakan manakala persampelan air dibuat 2 kali setahun bagi memantau kualiti air yang digunakan. Selain itu, pihak Audit juga dimaklumkan bahawa ujian kualiti air dibuat selepas berlakunya banjir. Berdasarkan sampel yang disemak, pihak Audit mendapati ujian kualiti air tidak dijalankan sepertimana kehendak Manual Program BAKAS. Butirannya seperti berikut:

i. di PKD Bachok, ujian kualiti air bagi projek TTSR di Kg. Tepus telah dibuat pada 24 November 2011 iaitu setelah projek dilaksanakan. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan ujian kualiti air dijalankan terhadap sumber air yang digunakan oleh penerima sebelum projek dilaksanakan;

ii. tiada bukti menunjukkan ujian kualiti air dijalankan di PKD Tumpat dan PKD Baling masing-masing melibatkan 2 kampung, sebelum dan selepas projek TTSR dilaksanakan; dan

iii. tiada bukti ujian kualiti air selepas berlakunya kejadian banjir dilaksanakan di PKD Bachok, PKD Tumpat dan PKD Baling.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

Tiada ujian kualiti air dijalankan terhadap sumber air sebelum projek dilaksanakan kerana projek TTSR di Kg. Tepus ini melibatkan pembinaan telaga tiub yang merupakan satu punca air baru. Setelah telaga berkenaan siap barulah ujian kualiti air dapat dibuat daripada air telaga tersebut. Sekiranya ujian kualiti air dibuat sebelum projek dilaksanakan, sampel perlu diambil dari punca air yang lain yang tidak mewakili projek TTSR tersebut. Persampelan air di PKD Tumpat bagi telaga di Kg. Tujoh dan Kg. Raja Geting telah diambil pada 9 Mei 2013 dan dihantar ke MKA Perol untuk dianalisis. PKD Baling pula telah menetapkan lokasi telaga yang berlainan untuk diuji persampelan air telaga setiap tahun. Bagi ujian persampelan air selepas berlakunya banjir, ianya tidak dilaksanakan kerana kawasan telaga terkawal yang terdapat di daerah ini tidak pernah terlibat dengan kejadian banjir.

Pada pendapat Audit, ujian kualiti air perlu dibuat sebagai salah satu kaedah pengukuran risiko pencemaran. Ujian kualiti air perlu dibuat sebelum dan selepas projek dilaksanakan serta secara berkala khususnya selepas berlakunya banjir bagi menentukan objektif program BAKAS iaitu mencegah dan mengawal penyakit berjangkit bawaan air dapat dicapai. Maklumat mengenai ujian tersebut hendaklah direkodkan dengan sempurna untuk rujukan.

13.5.2.5. Pengurusan Stor

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menetapkan peraturan berhubung pengurusan stor. Antaranya ialah barangan yang mahal dan boleh dibeli di pasaran tempatan tidak perlu di stok (disimpan) kecuali jika terdesak; kad petak disimpan bersama stok; stor mempunyai susun atur yang sistematik dan praktik untuk membolehkan aktiviti pengurusan stor berjalan dengan lancar; ruang simpanan digunakan secara optimum dan stor disusun dengan teratur supaya tidak menghalang kerja pemunggahan oleh kakitangan. Mulai bulan Ogos 2012,

semua stor BAKAS telah dikelaskan sebagai Stor Utama. Semakan Audit terhadap pengurusan stor BAKAS mendapati perkara seperti berikut:

a. PKD Tumpat membuat perolehan 62 unit pam air elektrik Panasonic model A-125 berjumlah RM23,560. Bekalan telah diterima pada 14 Jun 2011 dan bayaran dibuat melalui baucar bayaran B1282 bertarikh 27 Jun 2011. Berdasarkan pemeriksaan fizikal pada 30 Januari 2013, didapati 20 unit pam air masih belum digunakan walaupun tempoh jaminan telah tamat pada 13 Jun 2012. Pihak Audit juga tidak menemui bukti yang menunjukkan pemeriksaan tahunan stor dilakukan dan Laporan Kedudukan Stok (KEW.PS-13) disediakan bagi tahun 2012 kerana tiada laporan dikemukakan untuk semakan Audit. Selain itu, didapati barang stor seperti *pipe fittings* tidak disimpan dengan sempurna dan tiada bukti ia direkodkan dalam KEW 314 atau KEW.PS-4 seperti di gambar berikut:

GAMBAR 13.15



Stor BAKAS, PKD Tumpat -Pipe Fittings Disimpan Dalam Guni Di Lantai (30.01.2013)

GAMBAR 13.16



Stor BAKAS, PKD Tumpat - Pipe Fittings Disimpan Dalam Guni Di Atas Rak (30.01.2013)



GAMBAR 13.17

Stor BAKAS, PKD Tumpat - Pipe Fittings Disimpan Dalam Guni Di Lantai (30.01.2013)

b. lawatan Audit pada 28 Februari 2013 di stor BAKAS PKD Bachok mendapati stor ini mempunyai 80 item pelbagai alat bernilai RM115,416. Pemeriksaan lanjut mendapati perkara seperti berikut:

   i. *poly tank 150 gallon* berserta penutup dan paip HDPE diletakkan di luar bilik stor dan tidak disimpan dengan teratur. Manakala baki *poly tank 150 gallon* berserta penutup di KEW.314 berbeza dengan baki fizikal masing-masing sebanyak 11 dan 23 unit. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 13.22
PERBEZAAN BAKI FIZIKAL DENGAN REKOD STOK

NAMA ITEM	BAKI DI KEW. 314	BAKI MENGIKUT PERKIRAAN AUDIT	PERBEZAAN (Unit)
Poly Tank 150 Gallon	102	113	11
Penutup *Poly Tank 150 Gallon*	*102	79	23

Nota: ***(*) - Berdasarkan Bilangan Tangki***

GAMBAR 13.18



Stor BAKAS, PKD Bachok
- Paip HDPE Diletak Di Luar Stor
(28.01.2013)

GAMBAR 13.19



Stor BAKAS, PKD Bachok
- Tangki Dan Penutup Diletak Di Luar Stor
(28.01.2013)

GAMBAR 13.20



Stor BAKAS, PKD Bachok
- Penutup Tangki Diletak Di Luar Stor
(28.01.2013)

GAMBAR 13.21



Stor BAKAS, PKD Bachok
- Tangki Diletak Di Luar Stor
(28.01.2013)

ii. keadaan bilik stor tersebut tidak kemas dan tidak teratur. Sebagai contoh, *pipe fittings* dibiarkan berselerak dan bertaburan. Selain itu, stor tersebut juga diserang anai-anai. **Gambar 13.22** hingga **13.26** menunjukkan keadaan stor yang tidak teratur; dan

GAMBAR 13.22



Stor BAKAS, PKD Bachok
-Pipe Fittings Disimpan
Dalam Kotak Terbuka Di Lantai
(28.01.2013)

GAMBAR 13.23



Stor BAKAS, PKD Bachok
- Pipe Fittings Disimpan Dalam Guni
(28.01.2013)

GAMBAR 13.24



Stor BAKAS, PKD Bachok
- Pipe Fittings Disimpan Dalam Kotak Koyak Di Lantai
(28.01.2013)

GAMBAR 13.25



Stor BAKAS, PKD Bachok
- Sarang Anai-anai Dalam Stor
(28.01.2013)



GAMBAR 13.26

Stor BAKAS, PKD Bachok
- Sarang Anai-anai Dalam Stor
(28.01.2013)

iii. verifikasi stok telah dilaksanakan pada 27 November 2012 dan didapati 35 item stok yang bernilai RM24,046 tidak bergerak sejak tahun 2002. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 13.23
SENARAI STOK TIDAK BERGERAK

ITEM	KEW. 314		HARGA SEUNIT (RM)	NILAI STOK (RM)
	TARIKH PENGELUARAN TERAKHIR	BAKI STOK		
Tank Connetor 1/2	05.10.2006	313	1.00	313
Check Valve 3/4	13.11.2006	150	6.50	975
Valve Soket 1 1/2	10.01.2007	214	1.00	214
Valve Soket 1/2"	10.10.2010	1895	0.50	948
Reducer 1" x 1/2"	01.04.2010	605	1.20	726
Reducer 3"x 2"	17.08.2006	213	3.00	639
Point Soket 1"	25.10.2006	156	1.50	234
Elbow 2"	21.04.2010	20	3.50	70
Equal Tee 3"	17.05.2006	30	6.50	195
Reducer Tee 3/4" x 1/2"	14.06.2011	1601	2.00	3,202
Reducer Tee 1" x 1/2"	19.05.2009	314	3.00	942
Reducer Tee 1" x 3/4"	01.04.2010	260	3.00	780
PVC Paip 6" *Class B*	03.11.2010	3	60.00	180
PVC Paip 3" *Class D* (Putih)	12.04.2011	12	20.00	240
PVC Paip 1 1/2" *Class D*	19.04.2011	40	15.00	600
PVC Paip 1 1/4" *Class D*	10.05.2007	60	14.00	840
Galvanized Iron Paip 3/4"	04.09.2008	117	18.00	2,106
Male Treaded Adaptor 1"	19.12.2002	62	8.00	496
Male Treaded Adaptor 1/2"	01.09.2003	67	4.50	302

ITEM	KEW. 314		HARGA SEUNIT (RM)	NILAI STOK (RM)
	TARIKH PENGELUARAN TERAKHIR	BAKI STOK		
Male Treaded Adaptor 3/4" x 1/2"	21.05.2003	192	5.50	1,056
Male Treaded Adaptor 1/2" x 3/4"	26.06.2005	57	5.00	285
Female Teaded Adaptor 1"	24.06.2004	127	5.00	635
Equal Tee 1"	09.07.2003	119	2.50	298
Reducing Tee 1" x 1/2"	12.06.2005	35	1.60	56
Reducing Coupler 3/4" x 1/2"	30.07.2003	5	1.00	5
Reducing Coupler 1" x 3/4"	08.10.2003	210	2.50	525
Reducing Coupler 1" x 1/2"	12.03.2005	2	6.00	12
Elbow 3/4" Coupling	30.11.2010	281	5.00	1,405
Straight Coupler Poly 32m x 32m	04.07.2004	89	8.00	712
FBA 32mm x 3/4"	29.06.2004	90	6.50	585
MBA 1"	29.06.2004	100	5.00	500
MBA 3/4"	17.04.2011	99	4.00	396
MBA 32mm x 3/4"	12.09.2004	60	6.00	360
Tee With Treaded Female 1/2"	21.10.2009	403	5.00	2,015
Female Tee Adaptor 25mm x 3/4"	21.10.2009	200	6.00	1,200
JUMLAH KESELURUHAN				24,047

Nota : ***PVC - Polyvinyl Chloride***

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan/Ketua Jabatan di setiap PKD perlu menjalankan pemeriksaan stor secara berkala bagi memastikan tatacara penyimpanan stok dipatuhi dan menjamin keselamatan stor. Bagi stok yang telah lama tidak bergerak, tindakan sewajarnya perlu diambil sama ada menggunakannya atau mengagihkannya kepada jabatan lain yang memerlukan atau melupuskannya.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 12 Jun 2013

PKD Tumpat telah membeli pam air elektrik untuk dijadikan stok sekiranya berlaku kes atau kejadian wabak yang berkaitan dengan air. Namun begitu, tiada projek TTSR yang dilaksanakan pada tahun 2012 dan baki enjin yang ada di Unit BAKAS ini akan digunakan untuk Projek TTSR pada tahun ini yang dirancang sebanyak 30 projek. Pihak PKD telah menghantar surat permohonan untuk melanjutkan tempoh jaminan kepada pembekal. Bagi pipe fittings yang tidak disimpan dengan sempurna dan berselerak, ianya telah dikira semula dan dialih ke bahagian lain. Baki poly tank 150 gallon yang berbeza dengan baki fizikal adalah disebabkan tangki-tangki yang diedarkan untuk kegunaan Klinik Kesihatan dan Klinik Desa seluruh Bachok semasa berlaku krisis air pada tahun 2011 dan awal tahun 2012 telah dipulangkan kembali serta diletakkan berasingan dengan tempat penyimpanan tangki utama. Kesemua tangki poly tank berkenaan akan digunakan dalam projek TTSR tahun 2013. Stok tidak bergerak berlaku

kerana pembelian stok baru 2009 tidak mengambil kira pertukaran penggunaan paip G.I. kepada penggunaan poly pipe atau HDPE di mana poly pipe atau HDPE telah digunakan dalam pembinaan projek tambahan tahun 2010, 2011 dan 2012. Ini menyebabkan stok paip dan fitting dari jenis G.I. yang dibeli langsung tidak digunakan. Pihak PKD Bachok juga akan membuat pengiraan semula serta penyusunan stok barang dalam stor dan mengenalpasti item yang tidak akan digunakan lagi untuk ditawarkan ke daerah lain yang memerlukan.

13.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak terlibat disyorkan mempertimbangkan langkah seperti berikut:

13.6.1. Kementerian perlu menetapkan norma masa meluluskan projek dan memastikan Manual Program BAKAS digunakan di setiap peringkat. Selain itu, PKD perlu memantau permohonan projek dan memastikan daftar permohonan dikemas kini supaya pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;

13.6.2. Kementerian perlu memastikan semua PKD/PKK mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Selain itu, kajian pasaran perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan sebelum perolehan dibuat agar perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan dapat diminimumkan;

13.6.3. PKD/PKK perlu memastikan pembayaran yang dibuat kepada kontraktor adalah setara dengan nilai kemajuan kerja yang dilaksanakan bagi menjamin kepentingan Kerajaan;

13.6.4. PKD/PKK perlu menjalankan pemantauan semasa pelaksanaan projek supaya kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor menepati spesifikasi dan berkualiti;

13.6.5. PKD/PKK perlu memastikan ujian kualiti air dilakukan sepertimana ketetapan dalam Manual Program BAKAS dan maklumat mengenainya perlu direkodkan dengan sempurna untuk rujukan; dan

13.6.6. pihak pengurusan/Ketua Jabatan di setiap PKD perlu menjalankan pemeriksaan stor secara berkala bagi memastikan tatacara penyimpanan stok dipatuhi dan menjamin keselamatan stor. Bagi stok yang telah lama tidak bergerak, tindakan sewajarnya perlu diambil dengan segera supaya tidak berlaku pembaziran.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 127-145 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

14. PENGURUSAN AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN

14.1. LATAR BELAKANG

Pendidikan kesihatan merupakan nadi kepada *sytematic early approach* kepada penjagaan kesihatan ke arah membina masyarakat Malaysia yang celik kesihatan dan membudayakan cara hidup sihat. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Pendidikan Kesihatan (BPK) bertanggungjawab melaksanakan fungsi ini dengan memberi perkhidmatan seperti perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian program, pengurusan kempen-kempen seperti Kempen Cara Hidup Sihat, sambutan hari-hari kesihatan selain penerbitan, pengedaran bahan-bahan pendidikan dan promosi kesihatan. Antara objektif pendidikan kesihatan ialah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai amalan cara hidup sihat dan menggalakkan perubahan sikap masyarakat. Penyebaran maklumat dibuat melalui media massa, penerbitan media pendidikan, media alternatif (Facebook/Twitter, Blog*)*, iklan televisyen, radio, majalah, *cinemaad spots* serta di *table top* restoran terpilih. Aktiviti pendidikan kesihatan diperluaskan dengan penganjuran program kesihatan selaras dengan sambutan di seluruh dunia seperti Hari Kesihatan Sedunia, Hari AIDS Sedunia dan Hari Diabetes Sedunia.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti pendidikan kesihatan telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

14.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dengan tumpuan kepada Kempen Anti Merokok ‘Tak Nak’, Denggi-*Communication For Behavioural Impact* (COMBI)*,* Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja (PROSTAR) dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (Non-Communicable Disease-NCD) melibatkan semakan terhadap rekod dan dokumen tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di BPK dan Bahagian Perolehan Dan Penswastaan KKM. Lawatan juga dilakukan di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor, Johor dan Kelantan. Liputan diperluaskan ke Hospital Sungai Buloh, Selangor, Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Johor Bahru dan PKD Kota Bharu. Selain itu, pengesahan mengenai status Badan

Bukan Kerajaan (NGO) yang menerima bantuan kewangan juga telah dibuat dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (JPPM).

14.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi aktiviti pendidikan kesihatan adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang ditemui dalam pengurusan aktiviti antaranya seperti berikut:

a. tiada kontrak formal dibuat bagi penerbitan bahan kempen;
b. kontrak perjanjian lewat ditandatangani;
c. dokumen perjanjian tidak lengkap;
d. pengesahan bon pelaksanaan tidak dibuat;
e. tiada pemantauan terhadap pemberian bantuan kepada NGO COMBI Denggi;
f. kos pembangunan laman sosial *Facebook/Twitter* bernilai RM0.32 juta tidak wajar; dan
g. pengurusan papan iklan kempen dan stor tidak teratur.

Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian adalah seperti dinyatakan di perenggan-perenggan berikut:

14.4.1. Prestasi Aktiviti

14.4.1.1. Prestasi Perbelanjaan

Peruntukan bagi melaksanakan aktiviti pendidikan kesihatan bagi tahun 2010 hingga 2012 berjumlah RM122.69 juta manakala perbelanjaan bagi tempoh yang sama ialah RM120.29 juta (98%). Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
2010	34,857,704	34,770,779	99.7
2011	40,352,517	38,781,374	96.1
2012	47,475,100	46,741,702	98.5
JUMLAH	**122,685,321**	**120,293,855**	**98.0**

Sumber: Penyata Kewangan KKM 2010, 2011 dan 2012

14.4.1.2. Pencapaian Sasaran Kerja

Pengukuran prestasi aktiviti pendidikan kesihatan ditentukan dengan membandingkan antara sasaran yang ditetapkan dengan pencapaian sebenar. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya sasaran kerja yang

ditetapkan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 telah dicapai. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.2
PENCAPAIAN BERBANDING SASARAN YANG DITETAPKAN

TAHUN	AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN	(%)	ULASAN
2012	**Kempen Media Promosi Kesihatan**				
	Kempen Pencegahan Denggi	1	1	100	TV (551 Spots), Radio (1,555 Spots), Akhbar (130 Insertions)
	Kempen Anti Merokok Tak Nak	1	1	100	TV (1,087 Spots), Radio (594 Spots), Akhbar (147 Insertions), Pawagam (79,037 Spots), Rapid KL Bus TV (1,250 Spots), Facebook (72,000 Likes)
	Kempen Pencegahan HIV/AIDS	1	1	100	TV (472 Spots), Radio (1,374 Spots), Akhbar (145 Insertions)
	Kempen NCD	1	1	100	TV (848 Spots), Radio (1,711 Spots), Akhbar (233 Insertions), Pawagam (75,273 Spots), Facebook (100,000 Likes)
2011	**Kempen Media Promosi Kesihatan**				
	Kempen Pencegahan Denggi	1	1	100	TV (551 Spots), Radio (1,555 Spots), Akhbar (130 Insertions)
	Kempen Anti Merokok Tak Nak	1	1	100	TV (1,087 Spots), Radio (594 Spots), Akhbar (147 Insertions), Pawagam (79,037 Spots), Rapid KL Bus TV (1,250 Spots), Facebook (72,000 Likes)
	Kempen Pencegahan HIV/AIDS	1	1	100	TV (472 Spots), Radio (1,374 Spots), Akhbar (145 Insertions)
	Kempen NCD	1	1	100	TV (848 Spots), Radio (1,711 Spots), Akhbar (233 Insertions), Pawagam (75,273 Spots), Facebook (100,000 Likes)
	Penerbitan Media				
	Media/Bahan Cetak Mengikut Tajuk	60	75	125	Risalah (32 Tajuk), Poster (28 Tajuk), Buku Kecil (10 Tajuk), *Sticker* (4 Tajuk) Carta Selak (1 Tajuk)
	Media Elektronik/ Bulan Cetak Mengikut Tajuk	12	16	133	Video (4 Tajuk), Iklan TV/TVC (4 Tajuk), Iklan Radio (3 Tajuk), *Games* (3 Tajuk), Papan Iklan (2 Tajuk)
	Media Sosial	8	10	125	Terdiri Dari Facebook (4), Twitter (3), Portal (2), Blog (1)
2010	**Kempen Khas Media Peringkat Nasional**				
	Kempen Media Denggi	1	1	100	TV (1,378), Radio (975), Akhbar (95)
	Kempen Media HIV/AIDS	1	1	100	TV (438), Radio (1,495), Akhbar (156), Luar (510)
	Kempen Media Tak Nak	1	1	100	TV (65), Radio (440), Akhbar (98)

14.4.1.3. Keberkesanan Aktiviti

a. Bagi memastikan keberkesanan program pendidikan kesihatan, pihak KKM atau melalui syarikat yang dilantik telah menjalankan kaji selidik terhadap golongan sasar. Daripada empat kempen kesedaran yang diaudit penilaian keberkesanan kempen telah dijalankan terhadap 2 kempen iaitu Anti Merokok dan Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja (PROSTAR). Selain bertanggungjawab menyediakan bahan **kempen media Tak Nak Merokok**, Syarikat Spencer Azizul Sdn. Bhd. yang dilantik secara rundingan terus juga bertanggungjawab membuat penilaian keberkesanan kempen tersebut. Borang soal selidik berkaitan telah diedarkan kepada seramai 1,926 golongan sasar yang terdiri daripada perokok dan bukan perokok. Mengikut laporan bertarikh 28 Mac 2011 yang dikeluarkan oleh syarikat berkenaan didapati objektif keseluruhan kempen telah dicapai berdasarkan sub-objektif yang ditentukan seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.3
KEMPEN TAK NAK MEROKOK-PENCAPAIAN BERBANDING SASARAN

BIL.	SUB-OBJEKTIF	SASARAN KKM (%)	PENCAPAIAN (%)
1.	Kumpulan Sasar Terdedah Kepada Mesej Kempen Sekurang-kurangnya Sekali	80	91
2.	Kumpulan Sasar Yang Terdedah Kepada Bahan Kempen Memahami Mesej	80	99
3.	Kumpulan Sasar Yang Terdedah Kepada Bahan Kempen Menyatakan Pernyataan Hak Terhadap Asap Rokok - Jangan Merokok Di Hadapan Saya	50	91
4.	Kumpulan Sasar Yang Terdedah Kepada Bahan Kempen Menyatakan Hasrat Berhenti Merokok	50	78
5.	Kumpulan Sasar Yang Terdedah Kepada Bahan Kempen Telah Menyuarakan Hak Secara Isyarat Tangan	30	35

b. Bagi Program PROSTAR, KKM pada tahun 2012 telah menjalankan tinjauan pengetahuan asas berkaitan AIDS/HIV kepada golongan remaja berumur antara 15 hingga 24 tahun. Berdasarkan hasil tinjauan tersebut didapati pencapaian pengetahuan asas golongan remaja melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 26.8% berbanding sasaran 24.6%.

c. Mengikut *Health Indicators* Pusat Informatik Kesihatan KKM, bilangan pesakit NCD discaj daripada hospital kerajaan menunjukkan pola yang meningkat iaitu daripada 189,740 pesakit pada tahun 2010 kepada 202,258 pesakit pada tahun 2011 atau 6.6%. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.4
BILANGAN DISCAJ PESAKIT HOSPITAL KERAJAAN

PENYAKIT	BILANGAN DISCAJ PESAKIT		
	2009	2010	2011*
Tekanan Darah Tinggi/Hypertensive Diseases	30,615	26,998	26,583
Diabetis/Diabetes Mellitus	41,272	37,530	37,673
Penyakit Berkaitan Jantung	117,228	119,435	132,205
Kanser Paru-Paru/Malignant Neoplasm Of Trachea, Bronchus And Lung	6,028	5,588	5,575
Obesiti	155	189	222
JUMLAH	**195,298**	**189,740**	**202,258**

Sumber : Health Indicators Pusat Informatik Kesihatan
Nota : (*) - Maklumat 2011 Tidak Termasuk Hospital Ampang, Hospital Bintulu Dan Hospital Umum Sarawak

Pada pendapat Audit, KKM perlu mengkaji semula keberkesanan program pendidikan kesihatan yang dijalankan kerana peningkatan yang berterusan pesakit NCD.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

KKM dalam maklum balas menyatakan kejadian penyakit NCD terus meningkat akibat pelbagai faktor. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kejadian penyakit ini ialah pengetahuan, kepercayaan, persekitaran, amalan gaya hidup, keturunan, sosio-ekonomi, pengaruh keluarga, budaya, norma masyarakat dan dasar-dasar yang berkaitan. Inisiatif mendidik masyarakat melalui aktiviti pendidikan kesihatan perlu diteruskan bagi mengurangkan kadar peningkatan NCD. Kadar peningkatan akan menjadi lebih besar jika tiada langsung usaha-usaha pendidikan kesihatan dilaksanakan. Bahagian Pendidikan Kesihatan telah membuat penambahbaikan terhadap kempen seperti menggunakan pendekatan yang boleh membangkitkan emosi yang seterusnya mencetuskan minat untuk bertindak; menggunakan gabungan media baru dan media konvensional; menyediakan infoline berhenti merokok, pusat membina kemahiran; penglibatan secara langsung kumpulan sasar melalui program outreach seperti carnival; dan portal interaktif dan media sosial dapat menembusi kumpulan sasar dengan cepat dan personal.

14.4.2. Perjawatan

Sehingga Disember 2012 sebanyak 234 jawatan Pegawai Penerangan (Pendidikan Kesihatan) telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut 179 telah diisi dan 55 jawatan (23.5%) masih kosong. Sementara itu daripada jumlah yang belum diisi, 51 jawatan adalah gred S41. Selain itu, daripada 105 PKD hanya 29 sahaja yang mempunyai Unit Pendidikan Kesihatan manakala daripada 136 hospital, 43 sahaja mempunyai

unit tersebut. Di peringkat JKN, PKD dan hospital yang dilawati didapati pegawai Gred U32, U29 dan U17 ditempatkan di Unit Promosi Kesihatan. Penempatan pegawai berkenaan adalah secara pentadbiran bagi membantu menjalankan aktiviti promosi/pendidikan kesihatan. Tiada perjawatan khusus seperti diluluskan dalam waran perjawatan bagi gred-gred jawatan berkenaan.

Pada pendapat Audit, bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pendidikan kesihatan, usaha untuk mengisi kekosongan jawatan khususnya gred S41 hendaklah dipergiatkan. Selain itu KKM hendaklah mengkaji keperluan mewujudkan unit pendidikan kesihatan di semua PKD dan hospital.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

KKM dalam maklum balas menyatakan Bahagian Sumber Manusia sedang mengusahakan untuk mengisi baki kekosongan jawatan. Ia dijangka akan diisi pada Julai 2013 setelah SPA selesai menguruskan proses pengambilan. Surat kepada Pengarah JKN bagi memohon pindah butiran bagi jawatan U32, U29 dan U17 ke Unit Pendidikan Kesihatan di JKN, PKD dan Hospital.

14.4.3. Kaedah Promosi Kesihatan

14.4.3.1. Promosi Melalui Media

a. Kontrak Formal Penerbitan Bahan Kempen

Penerbitan bahan kempen media TV dan radio melibatkan cadangan konsep, skrip, papan cerita (story board) dan *voice over* dan kerja-kerja *pre* dan *post production* seperti kesan khas animasi, grafik, muzik latar belakang, *music score* dan artis yang memerlukan kelulusan KKM, manakala pembuatan kempen melalui media cetak seperti akhbar dan majalah melibatkan idea, konsep, ilustrasi, gambar, *layout*/susun atur dan *copywriting*. Bahan kempen media dan *Finished Artwork* media cetak adalah menjadi hak milik harta intelek KKM. Semakan Audit mendapati tiada kontrak formal diikat bagi penerbitan bahan kempen media TV pencegahan Denggi berjudul 'Tindakan Masyarakat' dan 'Sikap Tidak Peduli Masyarakat', Kempen Pencegahan Penyakit Kardiovaskular, Diabetes dan Kanser Paru-paru, Intervensi Faktor Risiko Penyakit NCD dan Kempen HPV dengan kos penerbitan berjumlah RM1.92 juta. Ketiadaan kontrak formal menyebabkan klausa perlindungan hak milik harta intelek tidak dapat dinyatakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.5
PENERBITAN BAHAN KEMPEN MEDIA TV

BIL.	NAMA SYARIKAT/JUDUL KEMPEN	RUJUKAN SEBUT HARGA	NILAI (RM)
1.	Film Scape Sdn. Bhd. - Tindakan Masyarakat	JKA/SH/28/10	498,900
2.	Film Scape Sdn. Bhd. - Sikap Tidak Peduli Masyarakat	JKA/SH/29/10	498,780
3.	Sym World Innovation Sdn. Bhd. - Kardiovaskular, Diabetes Dan Kanser Paru-Paru	JKA/SH/65/10	260,000
4.	Sym World Innovation Sdn. Bhd. - Intervensi Faktor Risiko Penyakit NCD	JKA/SH/55/10	280,000
5.	Sym World Innovation Sdn. Bhd. - Kempen HPV	JKA/SH/06/10	385,000
JUMLAH			**1,922,680**

Pada pendapat Audit, kontrak formal bagi penghasilan/penerbitan bahan kempen hendaklah disediakan supaya klausa mengenai perlindungan hak milik harta intelek dapat dinyatakan.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

KKM dalam maklum balas menyatakan kontrak formal penerbitan bahan tidak disediakan pada tahun 2010 disebabkan pegawai beranggapan urusan penyediaan kontrak hanya melibatkan urusan perolehan secara Tender yang pernah diuruskan sebelum ini. Kontrak formal telah dibuat bermula pada tahun 2012 sebagai suatu mekanisme kawalan dalaman.

b. Kontrak Perjanjian Kempen Media

i. Kontrak Lewat Ditandatangani

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (SPP Bil. 5/2007) menghendaki kontrak ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak selewat-lewatnya dalam tempoh 4 bulan dari Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 6 kontrak perjanjian kempen media bernilai RM10.42 juta lewat ditandatangani melebihi 40 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.6
KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

BIL.	NAMA SYARIKAT	RUJUKAN KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	KELEWATAN (Hari)
1.	Utusan Airtime Sdn. Bhd.	KKM-21/ 2011(RT)	2,100,000	18.07.2011	28.12.2011	40
2.	Sistem Televisyen Malaysia Berhad	KKM-23/ 2011(RT)	4,226,750	18.07.2011	29.12.2011	41
3.	Synchrosound Studio Sdn. Bhd.	KKM-24/ 2011(RT)	640,500	18.07.2011	29.12.2011	41

BIL.	NAMA SYARIKAT	RUJUKAN KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	KELEWATAN (Hari)
4.	Max Airplay Sdn. Bhd.	KKM-25/ 2011(RT)	320,430	18.07.2011	29.12.2011	41
5.	One FM Radio Sdn. Bhd.	KKM-26/ 2011(RT)	130,075	18.07.2011	29.12.2011	41
6.	Measat Broadcast Network Systems Sdn. Bhd.	KKM-27/ 2011(RT)	3,000,000	18.07.2011	29.12.2011	41
JUMLAH			10,417,755			

ii. Dokumen Kontrak Perjanjian Tidak Lengkap

Mengikut perjanjian, kontraktor hendaklah menerbitkan bahan kempen pendidikan kesihatan berdasarkan spesifikasi yang diperincikan dalam Lampiran A kepada kontrak. Semakan Audit mendapati 9 kontrak perjanjian bernilai RM7.89 juta tidak disertakan dengan Lampiran A yang dimaksudkan. Kegagalan mendokumentasikan lampiran berkaitan boleh menjejaskan ikatan antara Kerajaan dan kontraktor sekiranya berlaku kemungkiran kontrak. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.7
KONTRAK PERJANJIAN TIDAK LENGKAP

BIL.	NAMA SYARIKAT	RUJUKAN KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)
1.	Utusan Airtime Sdn. Bhd.	KKM-21/2011(RT)	2,100,000
2.	Max Airplay Sdn. Bhd.	KKM-25/2011(RT)	320,430
3.	Airtime Management & Programming Sdn. Bhd.	KKM-33/2010(RT)	149,730
4.	The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad	KKM-32/2011(RT)	2,964,000
5.	Sin Chew Media Corporation Bhd.	KKM-33/2011(RT)	1,530,000
6.	Kwong Wah Yit Poh Press Berhad	KKM-43/2010(RT)	72,031
7.	Oriental Daily Sdn. Bhd.	KKM-36/2011(RT)	316,776
8.	D&C Marketing Sdn. Bhd.	KKM-39/2011(RT)	122,035
9.	Grup Majalah Karangkraf Sdn. Bhd.	KKM-41/2011(RT)	315,269
JUMLAH			7,890,271

iii. Bon Pelaksanaan Tiada Pengesahan Institusi Kewangan

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, agensi hendaklah menyemak dengan Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans yang berkenaan tentang kesahihan Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh kontraktor. Semakan terhadap sebahagian kontrak tahun 2010 dan 2011 mendapati tiada bukti menunjukkan pengesahan daripada bank atau institusi kewangan terhadap bon pelaksanaan bernilai RM1.06 juta telah dibuat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 14.8
BON PELAKSANAAN BAGI KONTRAK PERJANJIAN TIDAK DISAHKAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

BIL.	NAMA SYARIKAT	RUJUKAN KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)	NILAI BON (RM)
1.	Utusan Airtime Sdn. Bhd.	KKM-21/2011(RT)	2,100,000	105,000
2.	Utusan Media Sales Sdn. Bhd.	KKM-22/2011(RT)	1,802,000	90,100
3.	Sistem Televisyen Malaysia Berhad	KKM-23/2011(RT)	4,226,750	211,337
4.	Synchrosound Studio Sdn. Bhd.	KKM-24/2011(RT)	640,500	32,025
5.	Max Airplay Sdn. Bhd.	KKM-25/2011(RT)	320,430	8,010
6.	Measat Broadcast Network Systems Sdn. Bhd.	KKM-27/2011(RT)	3,000,000	150,000
7.	Airtime Management & Programming Sdn. Bhd.	KKM-33/2010(RT)	149,730	3,743
8.	Airtime Management & Programming Sdn. Bhd.	KKM-29/2011(RT)	359,930	8,998
9.	Star Publications (Malaysia) Berhad	KKM-31/2011(RT)	1,791,400	89,570
10.	The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad	KKM-32/2011(RT)	2,964,000	148,200
11.	Sin Chew Media Corporation Bhd.	KKM-44/2010(RT)	390,000	9,750
12.	Sin Chew Media Corporation Bhd.	KKM-33/2011(RT)	1,530,000	76,500
13.	The China Press Berhad	KKM-34/2011(RT)	1,004,944	50,247
14.	Kwong Wah Yit Poh Press Berhad	KKM-43/2010(RT)	72,031	1,800
15.	Kwong Wah Yit Poh Press Berhad	KKM-35/2011(RT)	366,166	9,154
16.	Oriental Daily Sdn. Bhd.	KKM-36/2011(RT)	316,776	7,919
17.	See Hua Marketing Sdn. Bhd.	KKM-37/2011(RT)	673,326	33,666
18.	Tamil Nesan (M) Sdn. Bhd.	KKM-38/2011(RT)	390,911	9,772
19.	Grup Majalah Karangkraf Sdn. Bhd.	KKM-41/2011(RT)	315,269	7,881
20.	Sun Media Corporation Sdn. Bhd.	KKM-43/2011(RT)	324,360	8,109
JUMLAH			**22,738,523**	**1,061,781**

iv. Bon Pelaksanaan Lewat Dikemukakan

Menurut Surat Setuju Terima (SST), syarikat yang dilantik bagi perolehan kempen pendidikan kesihatan hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan selewat-lewatnya dalam masa 14 hari selepas tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 8 kes bon pelaksanaan lewat dikemukakan antara 41 hingga 154 hari dari tarikh SST dikeluarkan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.9
BON PELAKSANAAN LEWAT DIKEMUKAKAN

BIL.	NO. KONTRAK	AMAUN KONTRAK (RM)	NAMA SYARIKAT	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA (SST)	NILAI BON (RM)	TARIKH BON PELAKSANAAN	LEWAT (Hari)
1.	KKM-21/2011(RT)	2,100,000.00	Utusan Airtime Sdn. Bhd.	18.07.2011	105,000	25.11.2011	115
2.	KKM-31/2011(RT)	1,791,400.80	Star Publlications (Malaysia) Berhad	18.07.2011	89,570	03.01.2012	154
3.	KKM-35/2011(RT)	366,166.40	Kwong Wah Yit Poh Press Bhd.	18.07.2011	9,154	12.09.2011	41
4.	KKM-38/2011(RT)	390,911.04	Tamil Nesan (M) Sdn. Bhd.	18.07.2011	9,772	07.09.2011	36

Pada pendapat Audit, KKM hendaklah memperkemas pengurusan dokumen kontrak selaras dengan kehendak SPP Bil. 5/2007 serta memastikan pematuhan terhadap klausa kontrak.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

KKM akan berusaha mematuhi kehendak SPP Bil. 5/2007 serta memastikan pematuhan terhadap klausa kontrak.

14.4.3.2. Pemberian Bantuan Kewangan Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation-NGO) Bagi Program *Communication for Behavioural Impact* (COMBI) Denggi

Pada tahun 2010 dan 2011 KKM telah mengagihkan bantuan kewangan sejumlah RM10,000 setiap NGO kepada 211 NGO bagi pelaksanaan program COMBI. Berdasarkan Garis Panduan Dasar Bantuan Kewangan Kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) bertarikh 1 Jun 2010 setiap NGO hendaklah berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan (JPPM) ataupun Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); tidak berasaskan keuntungan atau badan yang mendapat pelepasan cukai di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967; wang peruntukan hendaklah digunakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh peruntukan di terima; laporan Aktiviti/Program/*Post Mortem* Aktiviti dan perbelanjaan dikemukakan dalam masa satu (1) bulan setelah aktiviti/program selesai; dan NGO mesti membenarkan pegawai-pegawai KKM untuk menjalankan pemeriksaan ataupun pengauditan terhadap aktiviti/program yang dijalankan. Semakan Audit mendapati:

a. Daripada sebanyak 27 NGO di Selangor dan 33 NGO di Johor yang menerima bantuan hanya lima (5) dan empat (4) masing-masing mengemukakan laporan perbelanjaan manakala kesemua 14 NGO di Kelantan tidak mengemukakan laporan perbelanjaan. Laporan perbelanjaan 5 NGO di Selangor tidak disahkan oleh PKD dan 4 NGO di Johor yang mengemukakan laporan aktiviti/perbelanjaan, 2 tidak disahkan oleh PKD

yang berkaitan. Pihak Audit difahamkan PKD menghadapi kesukaran mengesan NGO yang telah menerima bantuan.

b. Daripada 211 NGO yang menerima bantuan kewangan 42 (19.9%) didapati tidak berdaftar dengan JPPM melibatkan bantuan berjumlah RM0.42 juta, manakala 7 NGO (RM0.07 juta) dan 5 (RM0.05 juta) masing-masing berdaftar dengan Pendaftar Belia dan Pesuruhjaya Sukan.

Pada pendapat Audit, satu mekanisme pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan pemberian bantuan kepada NGO mencapai matlamat yang ditetapkan. Bantuan sepatutnya hanya diberi kepada NGO yang memenuhi kriteria sahaja. NGO yang gagal mengemukakan maklum balas perlulah disusul dan tindakan sewajarnya diambil.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

KKM dalam maklum balas menyatakan tindakan susulan secara berterusan melalui surat-surat peringatan kepada NGO yang belum mengemukakan laporan perbelanjaan dan aktiviti supaya mengemukakan laporan perbelanjaan berkenaan serta memberi amaran tiada bantuan baru akan diberikan sehingga laporan perbelanjaan dikemukakan. Seterusnya KKM telah memohon kepada Perbendaharaan supaya NGO yang berdaftar dengan pihak berkuasa selain daripada JPPM untuk dimasukkan sebagai NGO yang layak menerima bantuan kewangan daripada KKM. Ini selaras dengan perkembangan semasa seperti Akta Pertubuhan Belia 2007 dan Akta Pembangunan Sukan 1997 yang mensyaratkan supaya semua Persatuan Belia dan Persatuan Sukan di Malaysia tidak lagi didaftarkan di bawah JPPM.

14.4.3.3. Hebahan Melalui Rangkaian Sosial (Social Networking)

Seiring dengan kemajuan teknologi terkini dalam penyebaran dan penyampaian maklumat melalui media alternatif, KKM telah melantik dua syarikat bagi melaksanakan Kempen Intervensi Penyakit Tidak Berjangkit dan Tak Nak Merokok dengan kos keseluruhan berjumlah RM0.32 juta.

a. Perbezaan Harga

Skop kerja Kempen Intervensi Penyakit Tidak Berjangkit dan Tak Nak Merokok antara lain ialah mencipta, mereka, *customise* dan membentuk akaun serta mengemas kini kandungan maklumat dalam akaun berkenaan sepanjang tempoh kontrak. Kos Kempen Tak Nak Merokok oleh syarikat Eficaz Media Sdn. Bhd. melibatkan akaun *Facebook* berjumlah RM199,068 manakala Kempen Intervensi Penyakit Tidak Berjangkit melalui akaun *Facebook* dan *Twitter* oleh Astonish View Sdn. Bhd. berjumlah RM120,500.

Semakan Audit mendapati skop kerja yang dilaksanakan oleh kedua-dua kontrak tersebut adalah hampir sama. Bagaimanapun harga yang ditawarkan iaitu RM120,500 dan RM199,068 adalah berbeza sebanyak RM78,568 (65%). Butirannya adalah seperti jadual di bawah.

JADUAL 14.10
KEMPEN MELALUI MEDIA SOSIAL

BIL.	NAMA SYARIKAT	NAMA KEMPEN MEDIA	RUJUKAN SEBUT HARGA/TEMPOH SIAP	JUMLAH (RM)
1.	Astonish View Sdn. Bhd.	Intervensi Penyakit Tidak Berjangkit/ *Facebook &Twitter*	JKA/SH/17/11 01.06.2011 - 30.05.2012	120,500
2.	Eficaz Media Sdn. Bhd.	Tak Nak Merokok/*Facebook*	JKA/SH/20/11 Julai - Disember 2011	199,068
JUMLAH				**319,586**

b. *Facebook* Tak Nak Merokok

Syarikat Eficaz Media Sdn. Bhd. telah dilantik bagi menyediakan perkhidmatan Intervensi Kempen Tak Nak Merokok melalui media sosial *Facebook* dengan kos berjumlah RM199,068 bagi tempoh Julai hingga Disember 2011. Bayaran penuh dibuat berdasarkan bilangan *like/fans* sebanyak 100,000 *like/fans*. Semakan Audit mendapati sehingga 30 Julai 2012 bilangan *like/fans* di *Facebook* telah menurun kepada 96,540 iaitu penurunan sebanyak 3,460 (3.58%). Selepas kontrak tamat didapati kandungan dalam laman sosial ini tidak dikemaskinikan oleh KKM. S*creen capture* laman *Facebook* pada 30 Julai 2012 adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.1



Pada pendapat Audit, KKM seharusnya menimbangkan kewajaran kedua-dua sebut harga bagi kempen melalui laman sosial *Facebook* dan *Twitter* kerana terdapat persamaan maklumat dalam sebut harga tersebut dan memastikan laman sosial berkenaan sentiasa relevan dan kemas kini.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

Melalui maklum balas yang dikemukakan, KKM akan mengemas kini spesifikasi kerja dalam sebut harga supaya lebih jelas dan spesifik dan akan melakukan langkah-langkah penambahbaikan iaitu update Laman Facebook yang sedia ada untuk memastikan Like terus meningkat.

14.4.3.4. Pemasangan Papan Iklan

a. Papan Iklan Ditanggalkan

JKN Johor telah menguruskan perolehan mencetak dan memasang papan iklan kempen Denggi berukuran 10 kaki lebar x 20 kaki panjang di 10 lokasi pekarangan premis di sekitar Johor Bahru bernilai RM30,000 oleh syarikat Retech Print Shoppe Sdn. Bhd.. Kerja percetakan dan pemasangan telah diperakukan siap pada 6 Jun 2011 dan pembayaran telah dibuat pada 15 Jun 2011. Semasa pemeriksaan fizikal dijalankan pada 13 September 2012 didapati semua papan iklan tersebut telah tiada walaupun tidak sampai setahun didirikan. Berdasarkan laporan JKN Negeri Johor semua papan iklan tersebut telah musnah akibat struktur binaan yang lemah dan tidak stabil. Pihak Audit juga dimaklumkan spesifikasi teknikal pemasangan papan iklan tidak dirujuk kepada Unit Teknikal, KKM. **Gambar 14.2** hingga **14.6** yang diambil daripada rekod JKN Johor berkaitan papan iklan tersebut. Manakala **Gambar 14.7** menunjukkan tapak papan iklan yang tinggal semasa lawatan Audit pada 13 September 2012.

GAMBAR 14.2



Tiang Patah Menyebabkan Keseluruhan Papan Iklan Tumbang Di Stesyen Bas Taman Universiti - Fail JKN (08.10.2011)

GAMBAR 14.3



Pandangan Belakang Papan Iklan, - Kerangka Yang Tidak Kukuh Di Klinik Kesihatan Majidee - Fail JKN Johor (08.10.2011)

GAMBAR 14.4



Tiang Papan Iklan Yang Tidak Berupaya Menyokong Struktur di A Mart Kempas - Fail JKN Johor (08.10.2011)

GAMBAR 14.5



Besi Sokongan Kepada Tiang Papan Iklan Di Taman Desa Rahmat - Fail JKN Johor (08.10.2011)

GAMBAR 14.6



Pandangan Hadapan Papan Iklan Di Klinik Kesihatan Majidee, Johor Bahru - Fail JKN Johor (08.10.2011)

GAMBAR 14.7



Semasa Lawatan, Hanya Tinggal Tapak Di Klinik Kesihatan Majidee, Johor Bahru (13.09.2012)

b. Kerangka Papan Iklan Reput Dan Lusuh


Lawatan telah dibuat di empat lokasi iaitu Kolej Kejururawatan Kubang Kerian, Klinik Kesihatan Wakaf Baru, Klinik Kesihatan Kubang Kerian dan Klinik Kesihatan Kedai Lalat. Hasil pemeriksaan mendapati besi kerangka papan iklan kempen HIV/AIDS yang dipasang sejak 10 tahun lalu telah mereput (**Gambar 14.8 dan 14.9**) dan keadaan seperti klip penyokong papan iklan kempen Denggi telah tertanggal dari tiang utama akibat reputan seperti di **Gambar 14.10** dan **14.11**. Manakala **Gambar 14.12** dan **14.13** menunjukkan paparan maklumat pada papan iklan (visual) yang lusuh dan usang di Klinik Kesihatan Kubang Kerian.

GAMBAR 14.8



Kerangka Papan Iklan Kempen HIV/AIDS Berkarat Di Klinik Kesihatan Kedai Lalat (24.09.2012)

GAMBAR 14.9



Besi Tiang Yang Mereput Di Klinik Kesihatan Kedai Lalat (24.09.2012)

GAMBAR 14.10



Kerangka Papan Iklan Kempen Denggi Berkarat Di Kolej Kejururawatan Kubang Kerian (24.09.2012)

GAMBAR 14.11



Klip Penyokong Papan Iklan Yang Mereput Di Kolej Kejururawatan Kubang Kerian (24.09.2012)

GAMBAR 14.12



Papan Iklan Kempen HIV/AIDS Lusuh Dan Usang Di Klinik Kesihatan Wakaf Baru (24.09.2012)

GAMBAR 14.13



Visual Pada Papan Iklan Kempen HIV/AIDS Yang Lusuh Di Klinik Kesihatan Kubang Kerian (24.09.2012)

c. Pemasangan Papan Iklan Tidak Mengikut Spesifikasi

Pemasangan 30 unit papan iklan kempen Denggi di lokaliti *Hot Spot* Denggi sekitar Lembah Kelang telah dibuat melalui sebut harga dengan nilai perolehan berjumlah RM494,000 oleh kontraktor Tunggal Bintang Sdn. Bhd.. Antara spesifikasi yang ditetapkan ialah dua batang *G.I Hollow* berukuran 1½" x 1½" sepanjang 8' yang mempunyai petak ruang mengikut ukuran hendaklah membentuk kerangka papan iklan. Pemeriksaan Audit di 16 lokasi di sekitar Kajang dan Ampang mendapati *G.I Hollow* berukuran 1½" x 1½" sepanjang 8' seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi sebut harga tidak dipasang. Ketiadaan kerangka (frame) menyebabkan papan iklan tersebut kurang kukuh dan mudah bengkok. **Gambar 14.14** hingga **14.19** adalah berkaitan.

GAMBAR 14.14



Papan Iklan Kempen Denggi di Taman Sepakat Indah, Kajang (25.07.2012)

GAMBAR 14.15



GI Hollow 1½" X 1½" Bagi Menyokong Kerangka Papan Iklan Tidak Dipasang Menyebabkan Mudah Bengkok Di Taman Sepakat Indah, Kajang (25.07.2012)

GAMBAR 14.16



GI Hollow 1½" X 1½" Tidak Dipasang Pada Kerangka Papan Iklan Di AU5 Taman Keramat (Zon A), Ampang (25.07.2012)

GAMBAR 14.17



GI Hollow 1½" X 1½" Tidak Dipasang Bagi Menyokong Kerangka Papan Iklan Di Pandan Jaya (Zon B), Ampang (25.07.2012)

GAMBAR 14.18



GI Hollow 1½" X 1½" Tidak Dipasang Pada Kerangka Papan Iklan Di Kampung Melayu Ampang (Zon C) (25.07.2012)

GAMBAR 14.19



GI Hollow 1½" X 1½" Tidak Dipasang Pada Kerangka Papan Iklan Di Pandan Jaya (Zon C) (25.07.2012)

d. Rekod Papan Iklan/*Billboard*

Papan iklan/Billboard merupakan struktur kekal yang ditempatkan di lokasi-lokasi dipilih yang mempunyai jangka hayat tertentu dan pembinaannya melibatkan kos yang tinggi. Penyampaian mesej/maklumat mengikut tema kempen hanya melibatkan penukaran paparan visual namun masih menggunakan papan iklan yang sama. Semakan Audit mendapati semua papan iklan yang dibina tidak direkodkan sebagai inventori atau tiada daftar khusus diselenggara mengenainya.

Pihak Audit berpendapat pemasangan papan iklan tanpa spesifikasi atau tidak mengikut spesifikasi adalah tidak wajar kerana ia menjejaskan ketahanannya selain boleh memudaratkan pihak awam dan menyebabkan kerugian kepada kerajaan. Pemeriksaan menyeluruh terhadap papan iklan sedia ada bagi mengenal pasti keadaannya perlu diambil dan KKM juga dicadangkan menyelenggara daftar papan iklan yang dimiliki.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

KKM dalam maklum balas menyatakan pemasangan papan iklan akan dirujuk kepada Unit Teknikal untuk mendapatkan spesifikasi kerja yang lebih bersesuaian dan mengambil kira faktor lokasi yang bersesuaian dengan cuaca seperti angin, ribut dan hujan. Pemasangan papan iklan

tidak mengikut spesifikasi disebabkan pemeriksaan untuk perakuan dibuat selepas pemasangan billboard hanya meliputi aspek visual, saiz dan lokasi pemasangan. KKM telah menyediakan garis panduan menyediakan papan iklan akan disediakan meliputi spesifikasi teknikal, reka bentuk visual, penyelenggaraan dan pelupusan.

14.4.3.5. Pengurusan Stor Barangan Promosi, Poster Dan Risalah


a. Stok Poster Dan Risalah

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menetapkan semua stok yang diterima hendaklah direkodkan dalam Kad Petak (KEW.PS-4) dan kad tersebut hendaklah ditempatkan bersama stok. Semakan Audit mendapati di stor PKD Johor Bahru, Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan. Keadaan stor juga didapati tidak terurus dan terdapat poster dan risalah yang telah lusuh, usang dan terbiar (**Gambar 14.20** dan **14.21**). Manakala di stor JKN Selangor Kad Petak juga tidak diselenggarakan dan contoh stok dimiliki seperti di **Gambar 14.22** dan **14.23**.

GAMBAR 14.20



GAMBAR 14.21



Pengurusan Stor Yang Tidak Memuaskan, Kad Petak Tidak Disediakan Dan Item Usang/Lusuh di Stor PKD Johor Bahru (13.09.2012)

GAMBAR 14.22



GAMBAR 14.23



Kad Petak Tidak Diselenggarakan Di Stor JKN Selangor (04.09.2012)

b. Perekodan Bahan Promosi

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menggariskan, aset dan inventori yang

diperoleh hendaklah direkodkan dan dikawal dengan sempurna. Pemeriksaan di stor Ibu Pejabat Bahagian Pendidikan Kesihatan mendapati pembelian 10 Set Pameran Remaja dan Rokok berjumlah RM19,000 dan 349 unit *Omron Pedometer* seperti di **Gambar 14.24** dan **14.25** tidak direkodkan sebagai harta modal atau inventori. Manakala di stor *Collateral*, Bahagian Pendidikan Kesihatan KKM bahan promosi dan cenderahati seperti beg galas, beg kertas, *non woven* bag, buku nota dan permainan tidak direkodkan dalam kad petak (KEW.PS-4) seperti di **Gambar 14.26** dan **14.27**.

GAMBAR 14.24



GAMBAR 14.25



Set Pameran Remaja dan Rokok Dan Omron Pedometer Tidak Direkodkan Sebagai Harta Modal/Inventori/Tiada Rekod Di Ibu Pejabat, Bahagian Promosi Kesihatan KKM (14.08.2012)

GAMBAR 14.26



GAMBAR 14.27



Bahan Promosi Dan Cenderahati Seperti Beg Galas, Beg Kertas, Non Woven Bag, Buku Nota Dan Permainan Tidak Direkodkan Dalam Kad Petak (KEW.PS-4) Di Stor Collateral, Bahagian Pendidikan Kesihatan KKM (14.08.2012)

Pada pendapat Audit, KKM hendaklah memperkemaskan pengurusan stor bahan promosi, poster dan risalah bagi mengelakkan pembaziran dan menjadi usang.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

Melalui maklum balas yang dikemukakan, KKM mengakui isu yang dibangkitkan dan telah mengambil tindakan serta merta untuk mengatasinya.

14.4.3.6. Penggunaan Bahasa Pada Bahan Promosi Risalah

a. Penggunaan Perkataan Yang Kurang Sesuai

Selain menyediakan bahan untuk promosi/pendidikan kesihatan dalam bentuk penerbitan seperti risalah, poster, bunting dan sebagainya, KKM juga memperluaskan kempen melalui pengagihan barangan dalam bentuk *gift* seperti beg galas dan penanda nota bermesej. Pemeriksaan Audit mendapati 300 unit beg galas bernilai RM19,500 dan 3,500 unit penanda nota bermesej berjumlah RM19,250 untuk Kempen Anti-Merokok tidak diagihkan kepada golongan sasar disebabkan penggunaan perkataan yang kurang sesuai. Beg galas dan pelekat penanda yang memaparkan slogan **'Smoking, A Stupid Habit For Stupid People'** tidak sesuai diagihkan kepada golongan sasar. **Gambar 14.28** dan **14.29** adalah berkaitan.

GAMBAR 14.28



GAMBAR 14.29



Beg Galas Dan Penanda Nota Bermesej Yang Tidak Diagihkan Kerana Slogan Kurang Sesuai (14.08.2012)

b. Penggunaan Laras Bahasa Dan Ejaan

Sesuai dengan peranan menyampaikan mesej pendidikan kesihatan kepada orang awam penggunaan laras bahasa dan ejaan yang betul hendaklah diutamakan selari dengan imej yang didokong oleh agensi kerajaan. Pihak Audit mendapati poster dan risalah di mana *finished artwork* disediakan secara dalaman dan cetakan dibuat oleh syarikat percetakan mengandungi beberapa kesalahan penggunaan laras bahasa dan ejaan. Sebagai contoh, poster cetakan dalaman oleh JKN Johor berjudul Tips Azam Tahun Baharu siri 1 hingga 6 tidak menggunakan perkataan yang tepat. Poster tersebut berjudul 'Tips Azam Tahun Baru', sepatutnya perkataan 'Baru' ditulis sebagai 'Baharu'. Begitu juga dengan risalah berjudul 'Hanya 10' Setiap Minggu' perkataan 'memutuskan' ditulis sebagai 'memutuska' yang mana sebanyak 25,000 keping telah dicetak. Bagi risalah berjudul 'Kemarau', 'Chikugunya' dan 'Cegah Denggi Di musim Kemarau' didapati nama khas tidak dicetak dengan huruf besar melibatkan 38,000 keping risalah. Kesilapan penggunaan laras bahasa dan ejaan ini melibatkan kos melebihi RM31,200 seperti di jadual di bawah. **Gambar 14.30** hingga **14.34** adalah berkaitan.

Manakala contoh kesalahan menulis nama khas adalah seperti di **Gambar 14.32** hingga **14.34**.

GAMBAR 14.30



Judul Risalah - Tips Azam Tahun Baharu, Penggunaan Tahun Baru (Sepatutnya Baharu) (10.09.2012)

GAMBAR 14.31



Judul Risalah - Hanya 10' Setiap Minggu, Ejaan Memutuska (Sepatutnya Memutuskan) (10.09.2012)

GAMBAR 14.32



Judul Risalah - Kemarau, Nama Khas Kesihatan (Ditulis 'kesihatan') (10.09.2012)

GAMBAR 14.33



Judul Risalah - Chikugunya,Ejaan 'chikugunya' (Sepatutnya Chikugunya, Nama Khas) (10.09.2012)



GAMBAR 14.34

Judul Risalah - Cegah Denggi Di musim Kemarau, Nama Khas Kesihatan (Ditulis 'kesihatan') (10.09.2012)

JADUAL 14.11
RISALAH YANG MENGANDUNGI KESALAHAN LARAS BAHASA DAN EJAAN

JUDUL RISALAH	BILANGAN CETAKAN (Keping)	KOS (RM)
Hanya 10' Setiap Minggu	25,000	16,500
Kemarau	13,000	10,200
Penyakit Chikugunya	10,000	TM
Cegah Denggi Di Musim Kemarau	15,000	4,500
JUMLAH	**63,000**	**31,200**

Nota : TM - Tiada Maklumat

c. Kesesuaian Ayat Yang Dipaparkan

Penggunaan Bahasa Melayu secara dinamik adalah salah satu usaha ke arah memartabatkan bahasa tersebut. Bagaimanapun penggunaan bait perkataan perlulah disesuaikan supaya mesej dapat disampaikan kepada golongan sasar. Pemeriksaan Audit di Klinik Kesihatan Kedai Lalat, Kelantan mendapati papan iklan kempen HIV/AIDS memaparkan mesej yang sukar difahami oleh penduduk setempat iaitu 'KE ARAH ELIMINASI TRANSMISI VERTIKAL', dan ini boleh menjejaskan tujuan mesej berkenaan dipaparkan. Butirannya adalah seperti di gambar di bawah.



GAMBAR 14.35

Mesej 'KE ARAH ELIMINASI TRANSMISI VERTIKAL' Sukar Difahami Di Klinik Kesihatan Kedai Lalat, Kelantan (10.09.2012)

Pada pendapat Audit, KKM hendaklah menekankan penggunaan laras bahasa, ejaan yang betul dan penyampaian mesej yang mudah difahami.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Yang Diterima Pada 20 Mei 2013

Dalam maklum balas yang dikemukakan, KKM telah mewujudkan pasukan editorial untuk semakan isi kandungan setiap bahan promosi yang akan dikeluarkan dan merujuk kepada pakar bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Penggunaan tema akan dirujuk kepada Institut Terjemahan Negara. KKM juga akan memastikan bahasa yang digunakan pada masa hadapan untuk sebarang bahan promosi akan lebih kepada kesantunan budaya timur.

14.5. SYOR AUDIT

Pengurusan aktiviti pendidikan kesihatan perlu dipertingkat dan tersusun supaya Kerajaan memperoleh *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat. Bagi mencapai tujuan tersebut KKM disyorkan melaksanakan perkara-perkara berikut:

14.5.1. meningkatkan pengurusan dokumen kontrak untuk menjamin kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara. Kegagalan mematuhi peraturan yang digariskan dalam pengurusan dokumen kontrak Kerajaan boleh menjejaskan hak dan kepentingan Kerajaan;

14.5.2. pengurusan laman sosial yang lebih dinamik, relevan dan kemas kini untuk memastikan keberhasilan kempen kesihatan yang dilaksanakan;

14.5.3. meningkatkan pengurusan dan penyenggaraan papan iklan supaya penyampaian mesej kesihatan dapat disebarkan kepada orang ramai dengan berkesan. Pengurusan stor juga perlu diperkemas bagi mengelak pembaziran dan bahan promosi menjadi usang;

14.5.4. mengambil perhatian sewajarnya terhadap penggunaan bahasa, ejaan dan kesesuaian mesej dalam risalah yang diedarkan; dan

14.5.5. mewujudkan mekanisme pemantauan yang berkesan kepada NGO yang terlibat dengan program COMBI Denggi.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 146-158 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

15. PROJEK LOJI INSINERATOR

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Pada 21 Ogos 2006, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal Dan Alam Sekitar Bil. 2 Tahun 2006 telah membincangkan masalah pengurusan sisa pepejal di pulau-pulau peranginan di Malaysia. Di antara cadangan jangka masa panjang yang dibuat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyelesaikan masalah tersebut adalah dengan membina loji insinerator yang menggunakan teknologi tempatan.

15.1.2. KPKT telah memutuskan teknologi pembakaran secara *autogenous* yang dicadangkan oleh Syarikat XCN Technology Sdn. Bhd. (XCNT) diguna pakai di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman pada 12 Jun 2007. Di samping itu, teknologi ini juga digunakan untuk projek penambahbaikan *Thermal Oxidation Plant* (TOP) di Wilayah Persekutuan Labuan. Kementerian Kewangan telah meluluskan pelaksanaan kelima-lima projek tersebut secara rundingan terus. Pada 22 Jun 2007, projek pembinaan loji insinerator di Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor telah ditawarkan kepada XCNT manakala pada 6 Ogos 2007 kelulusan rundingan terus diberikan kepada Syarikat Sumur Mutiara Sdn. Bhd. bagi projek loji insinerator di Pulau Tioman dan Cameron Highlands. Syarikat Sumur Mutiara Sdn. Bhd. bertanggungjawab terhadap projek serta melantik XCNT bagi pembinaan loji insinerator. Pada 3 Oktober 2008, XCNT telah dilantik bagi kerja penambahbaikan TOP di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan. Bagaimanapun projek ini terpaksa diberhentikan disebabkan masalah timbang tara dengan kontraktor asal projek pembinaan TOP. Bagi menggantikan projek tersebut, pada 30 Mac 2012, KPKT telah mengeluarkan surat niat kepada XCNT untuk melaksanakan pembinaan projek loji insinerator yang baru di Bukit Kalam, WP Labuan.

15.1.3. Pengarah Projek bagi kontrak projek pembinaan loji insinerator adalah Pengarah Cawangan Pelaksanaan Dan Penyenggaraan Projek (CPPP), KPKT. Pemilik bagi projek ini adalah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan JPSPN bertanggungjawab untuk mengurus dan mengendalikan operasi loji insinerator apabila siap nanti.

15.1.4. Secara ringkasnya, loji insinerator dibahagikan kepada beberapa bahagian utama iaitu *reception area* (tipping bay) iaitu tempat sisa pepejal dikumpulkan*, separation/pretreatment area* (trommel, shredder dan magnetic separator*)* iaitu tempat sisa pepejal diasingkan*, thermal treatment area* (rotary kiln dan secondary

chamber) iaitu tempat sisa pepejal dibakar dan *air pollution control system* (cyclone, reactor, baghouse filter dan chimney) untuk mengawal hasil pembakaran seperti debu (ash) dan pelepasan gas.

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek loji insinerator telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

15.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek loji insinerator. Pengauditan dijalankan di pejabat KPKT, JPSPN, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat. Pengauditan dijalankan terhadap 5 projek loji insinerator dan satu projek gantian. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.1
SENARAI PROJEK LOJI INSINERATOR YANG DIAUDIT

NEGERI	NAMA PROJEK	NO. KONTRAK	KAPASITI (Tan/ Sehari)	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Kedah	Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi	KPKT/CPPP/JPSPN/2/1/2008	100	68.40
Perak	Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor	KPKT/CPPP/JPSPN/4/1/2008	20	20.34
Pahang	Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman	KPKT/CPPP/JPSPN/10/1/2008	15	22.80
	Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands	KPKT/CPPP/JPSPN/10/2/2008	40	42.20
W.P. Labuan	Penambahbaikan *Thermal Oxidation Plant* (TOP) W.P. Labuan, Ranca-Ranca (Projek Telah Diberhentikan)	KPKT/CPPP/JPSPN/14/1/2008	50	34.00
	Pembinaan Loji Insinerator W.P. Labuan, Bukit Kalam. (Projek Gantian Kepada Projek Penambahbaikan TOP)*	-	100	-
JUMLAH				**187.74**

Nota : (*) - Belum Mula, Bagaimanapun Kelulusan Rundingan Terus Kepada XCNT Telah Dibatalkan Pada 25 Januari 2013

15.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan projek bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012. Lawatan ke tapak projek diadakan bagi menilai pengurusan dan pencapaian objektif yang ditetapkan. Temu bual dengan pegawai telah diadakan untuk mendapatkan maklum balas terhadap pelaksanaan dan keberkesanan projek. Selain itu, satu lawatan sambil belajar ke 2 loji insinerator dan 1 tapak pelupusan di Singapura telah diadakan.

15.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun 2012 hingga April 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek loji insinerator, KPKT berada pada tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan penambahbaikan adalah seperti berikut:

i. prestasi fizikal projek pembinaan loji insinerator adalah kurang memuaskan di mana kesemua 4 projek telah diberi lanjutan masa (EOT) antara 240 hari hingga 693 hari. Daripada 4 projek tersebut, hanya satu projek dapat disiapkan dalam tempoh EOT, 2 projek mengalami kelewatan antara 46 hari dan 104 hari, manakala satu projek masih belum disiapkan sehingga 6 Mei 2013, iaitu 330 hari selepas tarikh EOT. Selain itu, hanya satu loji insinerator yang beroperasi manakala 2 loji insinerator masih belum beroperasi walaupun telah siap pembinaannya dengan kelewatan antara 223 hari hingga 642 hari;

ii. prestasi operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor kurang memuaskan kerana tidak beroperasi secara *autogenous* dan julat suhu yang ditetapkan tidak dapat dicapai serta loji tidak dapat menghasilkan output pada kadar yang ditetapkan;

iii. kelemahan dalam pengurusan kontrak operasi dan penyenggaraan loji kerana dokumen kontrak operasi loji insinerator lewat dimuktamadkan serta manual operasi dan penyenggaraan loji belum disediakan;

iv. KPKT telah membelanjakan sejumlah RM7.23 juta terhadap projek penambahbaikan TOP W.P. Labuan walaupun masih dalam proses timbang tara dengan kontraktor asal pembinaan TOP di mana pada akhirnya projek penambahbaikan terpaksa ditamatkan;

v. kelemahan dalam reka bentuk loji menyebabkan penggunaan tidak optimum;

vi. syarat Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekeliling (EIA) tidak dipatuhi;

vii. Pengujian dan Pentauliahan (T&C) loji insinerator tidak dilaksanakan dengan teratur; dan

viii. ketidakpatuhan Terhadap Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan serta Akta Kilang Dan Jentera.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas daripada KPKT dan agensi seperti Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah seperti di perenggan berikut:

15.5.1. Prestasi Projek Pembinaan Loji Insinerator

15.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Berdasarkan Surat Setuju Terima (SST), kontraktor perlu menyiapkan kerja pembinaan dalam tempoh 18 atau 24 bulan dari tarikh milik tapak. SST telah menetapkan tarikh milik tapak projek masing-masing adalah pada 18 Mac

2008 bagi Loji Insinerator Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor serta 15 Ogos 2010 bagi Loji Insinerator Pulau Tioman dan Cameron Highlands. Manakala tarikh milik tapak bagi kerja-kerja penambahbaikan TOP di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan adalah pada 21 Oktober 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.2
TARIKH SIAP ASAL PEMBINAAN LOJI INSINERATOR

NAMA PROJEK	TARIKH MILIK TAPAK	TEMPOH PATUT SIAP (Bulan)	TARIKH SIAP ASAL
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah	18.03.2008	24	17.03.2010
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak	18.03.2008	18	17.09.2009
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman, Pahang	15.08.2008	24	14.08.2010
Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang	15.08.2008	18	14.02.2010
Penambahbaikan Thermal Oxidation Plant (TOP) Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan	21.10.2008	24	20.10.2010

b. Semakan Audit mendapati kerja-kerja penambahbaikan TOP di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan telah ditamatkan kerana masalah timbang tara yang belum selesai dengan kontraktor asal. Empat projek pembinaan loji insinerator yang lain telah diberi kelulusan lanjutan masa sebanyak 2 atau 3 kali daripada tarikh siap asal. Adalah didapati hanya Loji Insinerator Cameron Highlands yang dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa. Projek pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor masing-masing disiapkan 104 hari dan 46 hari selepas tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Akibat kelewatan ini pihak kontraktor telah dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (Liquidated and Ascertained Damages - LAD) berjumlah RM1.31 juta dan RM173,068 masing-masingnya. Sehingga 6 Mei 2013, Loji Insinerator Pulau Tioman masih belum disiapkan walaupun tempoh lanjutan masa yang diluluskan telah tamat pada 10 Jun 2012 iaitu kelewatan selama 330 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.3
KELEWATAN MENYIAPKAN PROJEK

NAMA PROJEK	TARIKH SIAP ASAL (a)	BIL. PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (b)	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari) (c)	TARIKH TAMAT PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (d)	TARIKH SIAP SEBENAR (e)	KELEWATAN (Hari) (f) (e) - (d)	JUMLAH LAD (RM) (g)
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah	17.03.2010	3	693	08.02.2012	22.05.2012	104	1,316,016
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak	17.09.2009	2	240	15.05.2010	30.06.2010	46	173,068

NAMA PROJEK	TARIKH SIAP ASAL (a)	BIL. PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (b)	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari) (c)	TARIKH TAMAT PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (d)	TARIKH SIAP SEBENAR (e)	KELEWATAN (Hari) (f) (e) - (d)	JUMLAH LAD (RM) (g)
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman, Pahang	14.08.2010	3	666	10.06.2012	Belum Siap	*330	**1,391,940
Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang	14.02.2010	3	533	01.08.2011	01.08.2011	-	-

Nota : ***(*) - Dikira Sehingga 6 Mei 2013***
(**) - KPKT Akan Mengenakan LAD Sejumlah RM1,391,940 Bagi Tempoh 11 Jun 2012 Hingga 6 Mei 2013

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Pihak KPKT telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) kepada kontraktor pada 18 Jun 2012 bagi projek Loji Insinerator Pulau Tioman dan mengenakan LAD berjumlah RM1.39 juta selama 330 hari bagi tempoh 11 Jun 2012 hingga 9 Mei 2013. Tempoh LAD masih berjalan sehingga kini.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati setakat 31 Disember 2012, sebanyak 3 loji insinerator yang telah disiapkan mengalami kelewatan beroperasi di antara **223** sehingga **642 hari**. Loji Insinerator Pulau Pangkor hanya mula beroperasi setelah 642 hari siap dibina. Manakala Loji Insinerator Pulau Langkawi dan Cameron Highlands masih belum beroperasi walaupun *Certificate of Practical Completion* (CPC) telah dikeluarkan dengan masing-masing mengalami tempoh kelewatan beroperasi selama **223** dan **518 hari** setakat 31 Disember 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 15.4
KELEWATAN LOJI INSINERATOR BEROPERASI

NAMA PROJEK	TARIKH SIAP SEBENAR	TARIKH BEROPERASI	KELEWATAN BEROPERASI (Hari)
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah	22.05.2012	-	223*
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak	30.06.2010	04.04.2012	642
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman, Pahang	-	-	-
Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang	01.08.2011	-	518*

Nota : ***(*) - Tempoh Sehingga 31 Disember 2012***

GAMBAR 15.1



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Loji Insinerator Telah Beroperasi
(18.07.2012)

GAMBAR 15.2



Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang
- Loji Insinerator Siap Pada 1 Ogos 2011
Masih Belum Beroperasi
(09.08.2012)

GAMBAR 15.3



Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah
- Loji Insinerator Siap Pada 22 Mei 2012
Masih Belum Beroperasi
(05.09.2012)

GAMBAR 15.4



Loji Insinerator Pulau Tioman, Pahang
- Loji Insinerator Belum Siap Pada Tarikh
Sepatut Siap Iaitu 10 Jun 2012
(13.09.2012)

d. Keputusan supaya pembinaan loji insinerator dibuat secara serentak di 4 lokasi iaitu Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan Cameron Highlands walaupun teknologi yang dibangunkan adalah baru dan belum dinilai keupayaannya telah mengakibatkan kelewatan dalam kemajuan kerja kontrak serta kelewatan loji beroperasi. Pemeriksaan Audit mendapati kelewatan loji insinerator beroperasi telah menyebabkan antaranya perkara seperti berikut:

   i. sisa pepejal masih dilupuskan di *landfill* sedia ada yang terhad dan masalah pengurusan sisa pepejal masih belum dapat diselesaikan di semua lokasi loji insinerator;

   ii. Pihak Berkuasa Tempatan perlu menanggung kos tambahan untuk menguruskan sisa pepejal. Antaranya seperti berikut:

      - Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), Pahang telah melantik kontraktor untuk melupuskan sisa pepejal ke tanah besar di Rompin dan setakat bulan September 2012, TDA telah membayar sejumlah RM475,000; dan
      - Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH), Pahang telah membelanjakan kos tambahan berjumlah RM436,000 untuk menguruskan sisa pepejal yang masih tidak dapat dilupuskan di loji insinerator.

iii. berlaku kecurian dan pencerobohan di tapak Loji Insinerator Cameron Highlands (**Gambar 15.5**); dan

iv. kualiti komponen dan kemudahan yang disediakan terjejas dan kos tambahan diperlukan untuk membaik pulih kecacatan dan kerosakan sebelum loji insinerator boleh beroperasi (**Gambar 15.7**).

GAMBAR 15.5



Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang - Tayar 'Spare' Lori Pengangkut Bottom Ash Telah Dicuri (09.08.2012)

GAMBAR 15.6



Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang - Tayar 'Spare' Lori Pengangkut Bottom Ash Yang Dicuri Telah Diganti (04.03.2013)

GAMBAR 15.7



Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang - Feeding Hooper Telah Berkarat (09.08.2012)

GAMBAR 15.8



Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang - Feeding Hooper Yang Berkarat Telah Dicat Semula (27.02.2013)

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Antara punca kelewatan projek siap adalah disebabkan oleh keadaan tapak bina merupakan tanah tebus guna dengan sisa pepejal, oleh yang demikian reka bentuk asal berdasarkan keadaan biasa terpaksa dipinda mengikut keadaan semasa. Kelewatan juga berlaku kerana keperluan untuk mematuhi peraturan teknikal oleh agensi berkaitan seperti JAS, PBT dan Tenaga Nasional Berhad. Bagi kerosakan yang berlaku, pembaikan telah dibuat oleh kontraktor berkaitan.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek adalah kurang memuaskan kerana projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan loji insinerator yang siap dibina tidak beroperasi dengan segera. Kelemahan pihak KPKT merancang pembinaan projek loji insinerator secara berperingkat telah mengakibatkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* dalam tempoh yang ditetapkan.

15.5.1.2. Prestasi Kewangan Projek

JPSPN telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM337.45 juta bagi melaksanakan projek pembinaan loji insinerator di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Cameron Highlands dan W.P. Labuan. Analisis lanjut mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012, JPSPN telah membelanjakan sejumlah RM199.09 juta (59%) daripada keseluruhan peruntukan yang diterima. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.5
PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK DI BAWAH RMKe-9 Dan RMKe-10

NAMA PROJEK	RMKe-9			RMKe-10			KESELURUHAN		
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi	97.78	62.67	64.1	12.47	6.22	49.9	110.25	68.89	62.5
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor	27.98	19.42	69.4	1.69	1.50	88.8	29.67	20.92	70.5
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman	21.00	11.78	56.1	9.74	9.64	99.0	30.74	21.42	69.7
Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands	48.43	39.00	80.5	5.16	3.16	61.2	53.59	42.16	78.7
Penambahbaikan *Thermal Oxidation Plant* (TOP) W.P. Labuan, Ranca-Ranca (Projek Telah Diberhentikan)	74.50	28.85	38.7	38.7	*16.85	43.5	113.20	45.70	40.4
Pembinaan Loji Insinerator W.P. Labuan, Bukit Kalam, (Projek Gantian Kepada Projek TOP) **	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**269.69**	**161.72**	**59.97**	**67.8**	**37.37**	**55.2**	**337.45**	**199.09**	**59.0**

***Nota:** Maklumat Dipetik Daripada Laporan SPP II, Pengesanan Perbelanjaan P.43 Mengikut Butiran Dan Projek*
(*) - Sejumlah RM21,993.54 Daripada Perbelanjaan RMKe-10 Adalah Bagi Perbelanjaan Kes Timbang Tara.
(**) - Rundingan Terus Kepada XCNT Telah Dibatalkan Oleh Kementerian Kewangan Pada 25 Januari 2013.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Antara punca peruntukan tidak dapat dibelanjakan pada tahun semasa adalah disebabkan berlaku kelewatan dalam pelaksanaan projek.

Pada pendapat Audit, kelewatan dalam pelaksanaan projek telah mengakibatkan peruntukan tidak dapat dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan.

15.5.1.3. Pencapaian Operasi Loji Insinerator

Berdasarkan teknologi yang digunakan, loji insinerator boleh beroperasi secara *autogenous* iaitu tanpa menggunakan bahan bakar (diesel) secara berterusan apabila suhu pembakaran pada 850°C serta kualiti sisa pepejal perlu memenuhi parameter purata *calorific value* (cv) 1,300kcal/kg dan 50% hingga 70% *moisture content*. Syarat *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan Kelulusan Bertulis daripada JAS pula menetapkan loji rawatan *thermal* sisa pepejal hendaklah beroperasi pada julat suhu 850°C hingga 1,000°C. Berdasarkan standard antarabangsa, insinerator berupaya untuk mengurangkan berat sisa pepejal perbandaran kepada 15% hingga 20% daripada berat asal. Bagaimanapun, berdasarkan teknologi insinerator yang dicadangkan oleh XCNT dan ditetapkan dalam spesifikasi kontrak, loji insinerator XCNT mampu mengurangkan berat sisa pepejal kepada 6%. Lawatan Audit ke Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati perkara berikut:

a. Loji Insinerator Tidak Dapat Beroperasi Secara *Autogenous*

Semakan Audit terhadap laporan T&C Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati loji insinerator tidak dapat beroperasi secara *autogenous* secara berterusan dan suhu *primary chamber* tidak dapat dikekalkan pada suhu operasi minimum 850°C walaupun kualiti sisa pepejal mematuhi parameter yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.6
KUALITI SISA PEPEJAL DAN JULAT SUHU SEMASA T&C
LOJI INSINERATOR PULAU PANGKOR

LINE	NILAI PURATA CV (kcal/kg)	NILAI *MOISTURE CONTENT* (%)	JULAT SUHU DI *PRIMARY CHAMBER* (°C)
A	1,607	62.2	528 - 1,305
B	1,575	63.3	648 - 1,160

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Berdasarkan reka bentuk dan keupayaan teknologi yang digunakan, CV hendaklah sekurang-kurangnya 1,300kcal/kg dan moisture content sampah tidak melebihi 60% untuk mencapai autogeneous seperti dinyatakan dalam kontrak. Dalam konteks sistem insinerator, pembakaran autogenous akan berlaku apabila semua parameter kualiti sampah dapat dipenuhi.

Pada pendapat Audit Loji Insinerator Pulau Pangkor seharusnya berupaya beroperasi secara *autogenous* kerana kualiti sisa pepejal mematuhi parameter yang ditetapkan semasa T&C dijalankan.

b. Loji Insinerator Tidak Mencapai Suhu Yang Ditetapkan

i. Semakan Audit terhadap laporan siasatan penguatkuasaan yang dijalankan pada 12 Julai 2012 oleh JAS Negeri Perak terhadap operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati ia telah gagal mematuhi syarat EIA untuk beroperasi pada julat suhu yang ditetapkan dan hanya beroperasi pada suhu 650°C.

ii. Analisis Audit terhadap laporan bulanan operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati purata suhu di *primary chamber* hanya di antara 806°C hingga 931°C. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 15.7
PURATA SUHU OPERASI LOJI INSINERATOR PULAU PANGKOR

BULAN (Tahun 2012)	PURATA SUHU (°C)	
	PRIMARY CHAMBER (Rotary Kiln)	SECONDARY CHAMBER
April	TM	TM
Mei	806	729
Jun	TM	TM
Julai	931	697
Ogos	TM	TM
September	833	746

Nota: ***(TM) - Tiada Maklumat***

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Perkara ini berlaku kerana kakitangan loji masih belum cekap mengendalikan operasi loji insinerator. Sekiranya kerja-kerja pengasingan sisa pepejal dibuat dengan lebih cekap dan prinsip-prinsip pembakaran difahami, maka suhu boleh dikekalkan pada tahap yang lebih tinggi.

Pada pendapat Audit, Loji Insinerator Pulau Pangkor tidak dapat beroperasi pada julat suhu operasi yang ditetapkan serta kakitangan loji masih belum mahir dalam mengendalikan operasi loji.

c. *Waste Characteristic Study* Tidak Disediakan Dengan Tepat

Waste Characteristic Study diperlukan untuk menentukan sifat serta penjenisan sisa pepejal di sesuatu lokasi untuk dijadikan asas dalam penentuan reka bentuk loji insinerator. Berdasarkan kepada Waste Technology Development Centre (WasTeC), Agensi Nuklear Malaysia, tempoh yang paling baik untuk melakukan *Waste Characteristic Study* adalah satu tahun. Manakala kajian di antara 3 hingga 6 bulan adalah memadai bagi memastikan ketepatan data.

i. Semakan Audit terhadap *Waste Characteristic Study* bagi 4 lokasi iaitu Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman mendapati tempoh kajian pengelasan sisa pepejal dibuat bagi tempoh 7 hari sahaja. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.8
TEMPOH PELAKSANAAN *WASTE CHARACTERISTIC STUDY*

NAMA PROJEK	TARIKH PELAKSANAAN *WASTE CHARACTERISTIC STUDY*	TEMPOH *WASTE CHARACTERISTIC STUDY* (Hari)
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi	26 April hingga 2 Mei 2008	7
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor	9 hingga 15 April 2008	7
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Tioman	18 hingga 24 Julai 2008	7
Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands	2 hingga 8 Julai 2008	7

ii. Analisis Audit mendapati terdapat perbezaan ketara terhadap nilai *calorific value* (cv) di antara *Waste Characteristic Study* dengan nilai *cv* yang dilaporkan semasa sesi T&C dijalankan bagi loji insinerator di Pulau Langkawi dan Cameron Highlands. Penyediaan *Waste Characteristic Study* yang tidak terperinci dan menyeluruh menyebabkan hasil kajian tidak dapat melambangkan ciri-ciri sisa pepejal sebenar di lokasi yang terlibat. Ia akan memberi kesan kepada operasi loji insinerator dan boleh mengakibatkan ia tidak dapat beroperasi seperti mana direka bentuk. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.9
PERBEZAAN NILAI PURATA *CALORIFIC VALUE* (CV)

NAMA PROJEK	NILAI PURATA *CV* DALAM *WASTE CHARACTERISTIC STUDY* (kcal/kg)	NILAI PURATA *CV* BERDASARKAN LAPORAN T&C BAGI LINE A (kcal/kg)
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi	2,630	1,094
Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands	2,831	1,130

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Bagi Projek yang akan datang, pihak KPKT akan memastikan bahawa waste characteristic study akan dibuat bagi tempoh satu tahun sebelum projek dimulakan. Tempoh tersebut dijangka akan dapat menunjukkan nilai cv dan waste pattern yang lebih tepat.

Pada pendapat Audit, tempoh masa yang diambil untuk membuat *Waste Characteristic Study* adalah singkat daripada amalan terbaik dan hasil kajian tidak melambangkan ciri-ciri sisa pepejal sebenar di lokasi yang

terlibat. Selain itu, nilai *cv* yang digunakan dalam reka bentuk loji insinerator iaitu 1,300kcal/kg tidak melambangkan nilai *cv* dalam *Waste Characteristic Study* dan kualiti sisa pepejal sebenar semasa T&C.

d. Loji Insinerator Tidak Menghasilkan Output Pada Kadar Yang Ditetapkan

Semakan Audit terhadap laporan bulanan operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati proses pembakaran tidak berjaya menghasilkan output (bottom ash) pada kadar 6% (mengurangkan berat sisa pepejal sehingga 94%) daripada nilai input (sisa pepejal). Sebaliknya proses pembakaran hanya dapat menghasilkan antara 19% hingga 33% output di mana melebihi 216.1% hingga 446.9% daripada sasaran asal. Penghasilan output yang tidak mencapai sasaran boleh menyebabkan kesan jangka panjang terhadap kapasiti ruang tapak pelupusan sanitari. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.10
ANALISIS PENGHASILAN *OUTPUT* (BOTTOM ASH)

BULAN (Tahun 2012)	BERAT SISA PEPEJAL DIBAKAR (kg)	*OUTPUT* (BERAT BOTTOM ASH)			LEBIHAN *OUTPUT*	
		SEPATUTNYA	SEBENAR			
		KG (a)	KG (b)	(%)	KG [(b) - (a)] (c)	(%) [(c/a) x 100%]
April	TM					
Mei	207,440	12,446	39,340	19	26,894	216.1
Jun	168,136	10,088	38,830	23	28,742	284.9
Julai	206,546	12,393	67,780	33	55,387	446.9
Ogos	TM					
September	312,610	18,757	73,000	23	54,243	289.2

Nota : (TM) – Tiada Maklumat (Laporan Operasi Harian Dan Bulanan Tidak Dikemukakan Kepada Pihak Audit Dengan Lengkap)

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Pihak kontraktor mengakui bahawa kadar penghasilan bottom ash sebanyak 6% tidak dapat dicapai. Bagaimanapun, penghasilan bottom ash daripada loji insinerator ini telah mematuhi standard antarabangsa semasa iaitu 15% hingga 25%.

Pada pendapat Audit, cadangan XCNT untuk menghasilkan *bottom ash* sebanyak 6% seperti dinyatakan dalam syarat kontrak tidak tercapai.

15.5.2. Pengurusan Kontrak

15.5.2.1. Kontrak Operasi Loji Insinerator

a. Dokumen Kontrak Operasi Loji Insinerator Lewat Dimuktamadkan

Semakan Audit mendapati operasi Loji Insinerator Pulau Pangkor telah diserahkan kepada XCNT dan mula beroperasi secara rasmi pada 4 April 2012. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 18 Julai 2012 mendapati dokumen kontrak operasi masih belum dimuktamadkan. Kelewatan menandatangani kontrak operasi boleh menyebabkan antaranya JPSPN berisiko untuk menanggung sebarang kerosakan yang berlaku terhadap komponen loji. JPSPN juga terdedah kepada tindakan perundangan sekiranya operator tidak mematuhi peraturan berkaitan alam sekitar serta peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Kontrak operasi dan penyenggaraan telah ditandatangani pada 19 Disember 2012. Kontrak ini lewat dimuktamadkan kerana dibuat berasingan daripada kontrak pembinaan serta ia merupakan kontrak pertama yang seumpamanya dan tiada kontrak lain yang boleh digunakan untuk rujukan.

b. Kelemahan Dalam Syarat Kontrak Operasi Dan Penyenggaraan

Semakan Audit terhadap Kontrak Operasi dan Penyenggaraan Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati perkara seperti berikut:

i. pembayaran kos operasi tidak berdasarkan kepada pencapaian *KPI* yang ditetapkan; dan

ii. perincian terhadap penentuan kos penyenggaraan tidak dinyatakan.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Pembayaran kos operasi sememangnya tidak berdasarkan kepada pencapaian KPI tetapi ia berdasarkan kepada komponen seperti kos gaji pekerja, spare parts dan penyelenggaraan, kos utiliti, kos penggunaan bahan kimia dan bahan pakai buang, kos pelupusan serta kos pematuhan kepada pihak ketiga. KPKT telah memohon kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan berkenaan kos penyelenggaraan loji melalui surat bertarikh 23 Mei 2013.

c. Manual Operasi Dan Penyenggaraan Loji Belum Disediakan

Manual Operasi dan Penyenggaraan Loji yang lengkap dan menyeluruh yang menunjukkan kaedah pengendalian operasi dan penyenggaraan bagi keseluruhan operasi loji insinerator masih belum disediakan oleh pihak JPSPN mahupun operator iaitu XCNT. Pemeriksaan Audit mendapati manual operasi dan penyenggaraan yang disediakan adalah secara berasingan mengikut komponen oleh syarikat pembekal komponen-komponen yang terlibat.

d. Bayaran Operasi Dan Penyenggaraan Loji Tidak Teratur

Semakan Audit mendapati pada 5 September 2012, JPSPN telah membuat bayaran berjumlah RM0.66 juta melalui baucar bayaran B5927 kepada XCNT dengan kelulusan khas Kementerian Kewangan kerana dokumen kontrak masih belum dimuktamadkan. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap butiran tuntutan baucar bayaran dan dokumen sokongan yang dikemukakan sebagai asas pembayaran mendapati berlaku lebihan bayaran bagi tuntutan bulan Mac 2012 sehingga Jun 2012 berjumlah RM31,714 berbanding dengan jadual pengiraan yang disediakan oleh JPSPN berjumlah RM0.63 juta.

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

JPSPN memperakui terdapat lebihan bayaran yang dibuat bagi tuntutan bulan Mac 2012 sehingga Jun 2012.

Pada pendapat Audit, pengurusan Kontrak Operasi dan Penyenggaraan Loji Insinerator adalah tidak memuaskan kerana kontrak lewat dimuktamadkan; terdapat kelemahan dalam syarat kontrak; Manual Operasi dan Penyenggaraan keseluruhan loji insinerator masih belum disediakan; dan berlaku pembayaran tidak teratur.

15.5.2.2. Projek Penambahbaikan TOP Wilayah Persekutuan Labuan

d. Projek *Thermal Oxidation Plant* (TOP) di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan oleh Chain Cycle Sdn. Bhd. (CCSB) mulai 16 April 2001 hingga 15 Julai 2002 melibatkan kos berjumlah RM21.90 juta. Sebanyak 22 Arahan Perubahan Kerja telah diluluskan berjumlah RM6.59 juta dan ini mengakibatkan sebanyak dua Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa telah dikeluarkan. Bagaimanapun kontrak ini telah ditamatkan pada 23 Februari 2005 selepas bayaran berjumlah RM25.77 juta dibuat kerana kontraktor tidak mematuhi spesifikasi kontrak.


Kes ini masih dalam proses timbang tara sejak bulan Ogos 2006 sehingga Mei 2013. Gambar berikut menunjukkan projek TOP yang telah dibina oleh CCSB:

GAMBAR 15.9



Thermal Oxidation Plant (TOP) Di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan - Bangunan Loji Yang Terbiar (30.11.2012)

GAMBAR 15.10



Thermal Oxidation Plant (TOP) Di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan - Antara Kelengkapan Loji Yang Terbiar (30.11.2012)

GAMBAR 15.11



Thermal Oxidation Plant (TOP) Di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan - Antara Kelengkapan Loji Yang Terbiar (30.11.2012)

GAMBAR 15.12



Thermal Oxidation Plant (TOP) Di Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan - Antara Kelengkapan Loji Yang Terbiar (30.11.2012)

e. Walaupun projek TOP masih dalam proses timbang tara, KPKT telah melantik XCNT untuk melaksanakan kerja penambahbaikan TOP secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM34 juta pada 3 Oktober 2008.

f. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Julai 2009, sebanyak 4 bayaran kemajuan berjumlah RM7.23 juta telah dibayar kepada XCNT. Pada 9 Jun 2009, KPKT telah membayar sejumlah RM5.17 juta bagi interim ketiga kepada XCNT namun tiada bukti pihak kontraktor ada mengemukakan resit atau dokumen sokongan kepada KPKT sebagai bukti pembayaran *material off-site* berjumlah RM5.07 juta yang telah dibuat kepada syarikat pembekal Clean Earth Technology Sdn. Bhd. Selain itu, tiada bukti pengesahan fizikal ke atas *material off-site* ada dilaksanakan sebelum bayaran dibuat. Semakan lanjut terhadap surat KPKT, (12)KPKT/CPPP/UB/640/10 Jld.5 bertarikh 4 Disember 2012, mendapati pengesahan fizikal terhadap *material off-site* tidak dibuat kerana ia baru di peringkat *purchase order* dan kerja-kerja pembuatan belum dimulakan oleh pembekal.

g. Pada 26 Mei 2010, KPKT telah mengeluarkan Arahan Penangguhan Kerja kepada XCNT kerana proses timbang tara dengan kontraktor asal masih belum selesai. Semasa Mesyuarat Penyediaan Bayaran Akhir dan Penamatan Secara Persetujuan Bersama Untuk Projek Penambahbaikan Thermal Oxidation Plant (TOP) Wilayah Persekutuan Labuan pada 17 Januari 2012, KPKT telah mencadangkan kontrak ditamatkan secara persetujuan bersama tanpa sebarang tuntutan selanjutnya dan dipersetujui oleh XCNT pada 20 Mac 2012.

h. Oleh kerana projek penambahbaikan TOP telah ditamatkan, pada 30 Mac 2012 KPKT telah mengeluarkan surat niat kepada XCNT untuk membina projek loji insinerator di lokasi baru iaitu di Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan Labuan dengan kapasiti 100 tan sehari dengan anggaran harga berjumlah RM90 juta selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 25 November 2011.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Pembayaran material off-site adalah berdasarkan Design Basis Calculation bagi Projek Penambahbaikan TOP, Wilayah Persekutuan Labuan daripada XCNT pada 27 Disember 2012. Tuntutan bayaran hanya memerlukan pengesahan purchase order mengikut Jadual Bayaran yang ditetapkan sebagaimana surat yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek bertarikh 10 Julai 2009. Kaedah bayaran ini adalah seragam bagi semua projek loji insinerator bermula dari Projek Loji Insinerator Pulau Langkawi setelah mengambil kira kemampuan kewangan kontraktor yang melaksanakan projek-projek ini secara serentak atau berturutan. Bagi projek pembinaan loji insinerator di Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan Labuan, Kementerian Kewangan telah membatalkan rundingan terus kepada XCNT pada 25 Januari 2013 dan mengarahkan perolehan dibuat secara tender terbuka. Bagaimanapun KPKT masih belum membuat tender terbuka kerana masih menunggu hasil rayuan daripada Kementerian Kewangan untuk meneruskan kaedah rundingan terus dengan pihak XCNT.

Pada pendapat Audit, pembinaan dan penambahbaikan projek TOP di Wilayah Persekutuan Labuan tidak dapat mencapai objektif yang ditetapkan dan sejumlah RM33 juta yang telah dibelanjakan tidak dapat dimanfaatkan oleh Kerajaan. Selain itu, pihak Audit berpendapat pembayaran yang dibuat ke atas *material off-site* adalah tidak teratur kerana asas bayaran yang digunakan tidak dinyatakan dalam dokumen kontrak selain jadual kaedah bayaran yang disediakan hanyalah selepas pembayaran interim dibuat. Pihak Audit berpendapat pembatalan rundingan terus oleh Kementerian Kewangan bagi projek baru di Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan Labuan kepada XCNT adalah wajar.

15.3. Kualiti Pembinaan Loji Insinerator

15.5.3.1. Kelemahan Dalam Pemilihan Reka Bentuk Loji Insinerator

a. KPKT dan kontraktor yang dilantik perlu memastikan reka bentuk loji insinerator adalah memenuhi kehendak Kerajaan/Jabatan serta bersesuaian dengan fungsi yang telah ditetapkan. Selain itu, reka bentuk loji insinerator juga perlu menepati keperluan atau kapasiti pembakaran. Kajian yang teliti perlu dibuat supaya pengiraan yang digunakan dalam reka bentuk adalah munasabah.

b. Semakan Audit mendapati loji insinerator di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan Cameron Highlands direka bentuk dan dibina menggunakan *double operation line.* Bagaimanapun, semasa beroperasi ia menggunakan satu *operation line* sahaja manakala satu *operation line* lagi dijadikan *standby*. Berdasarkan lawatan sambil belajar pasukan Audit dan wakil KPKT ke loji insinerator di Singapura mendapati semua *line* yang dibina dalam loji insinerator iaitu 6 *operation line* dan 2 *operation line* berupaya untuk beroperasi secara serentak dan setiap satu *line* hanya diberhentikan sekali setahun selama sebulan untuk tujuan penyenggaraan. Jurutera pengendali operasi 2 loji insinerator di Singapura berpendapat sekiranya teknologi dan reka bentuk insinerator adalah tepat serta bersesuaian, penggunaan *standby* line tidak diperlukan kerana tidak digunakan secara optimum. Butirannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 15.13



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Loji Menggunakan Double Operation Line
Dengan Kapasiti 20 Tan Setiap Satu
(18.07.2012)

GAMBAR 15.14




Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang
- Loji Menggunakan Double Operation Line
Dengan Kapasiti 40 Tan Setiap Satu
(09.08.2012)

GAMBAR 15.15



Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah
- Loji Menggunakan Double Operation Line
Dengan Kapasiti 100 Tan Setiap Satu
(05.09.2012)

GAMBAR 15.16



Loji Insinerator Pulau Tioman, Pahang
- Loji Menggunakan Double Operation Line
Dengan Kapasiti 15 Tan Setiap Satu
(13.09.2012)

GAMBAR 15.17



Loji Insinerator Di Singapura
- Loji Menggunakan 6 Operation Line Dengan Kapasiti 3,000 Tan Sehari
(20.12.2012)

GAMBAR 15.18



Loji Insinerator Di Singapura
- Sampah Terus Dimasukkan Ke Dalam Bunker
(20.12.2012)

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Insinerator di Singapura adalah dari jenis stoker serta telah terbukti teknologinya dan tidak memerlukan standby line. Manakala Insinerator rotary kiln rekaan XCNT merupakan teknologi tempatan yang baru walaupun secara teorinya mampu untuk melupuskan sisa pepejal tetapi masih belum terbukti secara fizikal. Kementerian memutuskan adalah wajar pendekatan membina double operation line diambil dengan satu line sebagai standby bagi menangani sebarang kemungkinan berlaku kegagalan pada line yang sedang beroperasi.

Pada pendapat Audit penggunaan *double operation line* secara gantian adalah tidak optimum. Sekiranya pembinaan loji insinerator dibuat secara berperingkat, kelemahan ini boleh diatasi bagi pembinaan loji insinerator yang berikutnya.

15.5.3.2. Syarat Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) Tidak Dipatuhi

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mensyaratkan supaya sebelum projek loji insinerator dibina, Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) perlu disediakan dan diluluskan oleh JAS terlebih dahulu. Berdasarkan hasil kajian DEIA, JAS akan mengeluarkan syarat EIA yang perlu dipatuhi serta langkah pencegahan yang boleh diambil. Semakan Audit mendapati syarat EIA yang telah ditetapkan tidak dipatuhi oleh XCNT. Penemuan Audit dan maklum balas Kementerian/JAS/kontraktor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.11
PEMATUHAN KEPADA SYARAT PENILAIAN KESAN ALAM SEKELILING (EIA)


SYARAT EIA	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS AUDITI
Pemasangan *Continous Emission Monitoring System* (CEMS) perlu dihubungkan secara terus dengan JAS Negeri bagi pemantauan terhadap pelepasan gas secara *real time.*	CEMS bagi 3 loji insinerator yang telah siap iaitu di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Cameron Highlands masih belum dapat disambungkan secara terus dengan JAS Negeri.	***Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 14 Jun 2013*** ***CEMS telah disambungkan ke JAS Perak dan melalui perbincangan bersama pihak XCNT pada 14 Jun 2013, CEMS telah berfungsi. Bagaimanapun, pihak XCNT telah memaklumkan bahawa terdapat masalah paparan data habuk/kumin pepejal disebabkan masalah teknikal iaitu 'probe' yang digunakan berkemungkinan tidak sesuai dengan operasi semasa loji tersebut. Pihak XCNT diminta untuk menyediakan jadual pelaksanaan bagi menyelesaikan masalah tersebut dan mengemukakan laporan status CEMS sepanjang bulan Jun 2013 selewat-lewatnya 5 Julai 2013.***
Sistem Kawalan Pengaliran *Leachate*	Berdasarkan laporan T&C, *leachate* melimpah keluar dan tidak disalurkan dengan sempurna ke dalam parit *waste water* sebelum diproses di *Waste Water Treatment System* di Loji Insinerator Pulau Langkawi. Lawatan Audit ke tapak loji mendapati sistem kawalan *leachate* di *waste bunker* adalah tidak sempurna kerana tiada *bund* serta lubang saluran *leachate* yang kecil. (**Gambar 15.19** dan **Gambar 15.21**).	***Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 4 Mac 2013*** ***Kontraktor telah membina bund untuk mengawal pengaliran leachate melimpah keluar daripada waste bunker. Parit waste water juga telah ditambah baik. (Gambar 20 dan Gambar 22)***
Seni Landskap Berciri Estetik Bagi Mengurangkan Impak Visual	• Sejumlah RM336,930 telah diperuntukkan dan dibayar bagi kerja landskap di projek Loji Insinerator Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Tioman. • Lawatan Audit mendapati tiada landskap berunsur estetik di 4 projek tersebut. Bagaimanapun *turfing* telah dibuat kerana butiran terperinci bagi skop kerja landskap tidak dinyatakan di dalam *Bill Of Quantity* seperti jenis dan bilangan tumbuhan yang perlu ditanam. (**Gambar 15.23** hingga **Gambar 15.26**). • Kerja landskap ini tidak mengambil kira syarat EIA yang menghendaki seni landskap berciri estetik bagi mengurangkan impak visual.	***Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013*** ***KPKT memaklumkan perkara ini berlaku kerana keperluan syarat EIA tidak selaras dengan kelulusan Pelan Landskap oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana projek dilaksanakan berdasarkan kepada skop kontrak sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun, kerja-kerja penanaman pokok bagi kerja landskap telah siap dilaksanakan oleh kontraktor.*** ***(Gambar 15.27 dan Gambar 15.28)***
Ujian *Toxicity Characteristic Leaching Procedure* (TCLP)	• Tiada bukti ujian TCLP bagi *bottom/fly* ash dibuat oleh operator bagi Loji Insinerator Pulau Pangkor. • *Bottom ash* yang terhasil dilupuskan di tapak pelupusan (landfill) bersebelahan Loji Insinerator Pulau Pangkor walaupun kandungan toksiknya belum diuji. • *Fly ash* pula dikumpulkan dalam *giant bag* dan disimpan sementara di ruang *baler station* sebelum dihantar ke pusat pelupusan berdaftar di Port Dickson. (**Gambar 15.29** hingga **Gambar 15.30**).	***Maklum Balas Jabatan Alam Sekitar Yang Diterima Pada 8 Mei 2013*** ***JAS memaklumkan, berdasarkan Laporan TCLP Loji Insinerator Pulau Pangkor yang dikemukakan oleh kontraktor mendapati buangan bottom ash dan fly ash oleh loji ini dikategorikan sebagai buangan terjadual dan kod SW104 di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Oleh itu, kedua-dua ash tersebut hendaklah dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS.***

GAMBAR 15.19




Loji Insinerator Pulau Langkawi
- Kawalan Terhadap Pengaliran Leachate Di Bahagian Waste Reception Tidak Sempurna
(05.09.2012)

GAMBAR 15.20



Loji Insinerator Pulau Langkawi
- Bund Untuk Mengawal Pengaliran Leachate Telah Dibuat Di Bahagian Pintu Bunker
(05.09.2012)

GAMBAR 15.21



Loji Insinerator Pulau Langkawi
- Lubang Saluran Leachate Terlalu Kecil Dan Mudah Tersumbat Dengan Longgokan Sisa Pepejal
(05.09.2012)

GAMBAR 15.22



Loji Insinerator Pulau Langkawi
- Grating Serta Penutup Telah Dipasang Di Bahagian Saluran Waste Water Untuk Mengelakkan Tersumbat Dengan Sisa Pepejal
(05.09.2012)

GAMBAR 15.23



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Tiada Landskap Berunsur Estetik Sebaliknya Hanya Rumput Ditanam Di Dalam Kawasan Loji. Pokok Di Luar Pagar Merupakan Pokok Yang Sedia Ada Sebelum Pembinaan Dibuat
(18.07.2012)

GAMBAR 15.24



Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang
- Tiada Landskap Berunsur Estetik Sebaliknya Hanya Rumput Ditanam
(09.08.2012)

GAMBAR 15.25



Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah
- Tiada Landskap Berunsur Estetik Dan Sebahagian Kawasan Tidak Ditanam Dengan Rumput
(05.09.2012)

GAMBAR 15.26



Loji Insinerator Pulau Tioman, Pahang
- Tiada Landskap Berunsur Estetik Dan Sebahagian Kawasan Tidak Ditanam Dengan Rumput
(13.09.2012)

GAMBAR 15.27



GAMBAR 15.28



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Kerja-kerja Penanaman Pokok Bagi Kerja Landskap Telah Siap Dilaksanakan Oleh Kontraktor
(06.06.2013)

GAMBAR 15.29



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Fly Ash Dikumpulkan Dalam Giant Bag Dan Disimpan Sementara Di Baler Station
(18.07.2012)

GAMBAR 15.30



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Bottom Ash Dilupuskan Di Landfill Bersebelahan Loji Insinerator
(18.07.2012)

Pada pendapat Audit, KPKT dan JPSPN tidak mematuhi syarat EIA yang telah ditetapkan oleh JAS kerana pemantauan terhadap pelepasan gas secara *real time* masih belum dapat dilaksanakan dengan sempurna; pelupusan *bottom ash* di tapak pelupusan bersebelahan tidak mematuhi peraturan kerana hasil ujian *TCLP* mendapati *bottom ash* dikategorikan sebagai buangan terjadual dan perlu dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS.

15.5.3.3. Pengujian Dan Pentauliahan (T&C) Tidak Diuruskan Dengan Teratur

Setiap loji insinerator yang telah siap dibina perlu menjalani sesi Pra T&C dan T&C terlebih dahulu. Loji insinerator hanya boleh diserahkan kepada JPSPN setelah semua pihak berpuas hati dengan hasil T&C yang dijalankan dan ia perlu mematuhi *method of statement/term of reference* yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam T&C yang dijalankan adalah seperti di perenggan berikut:

a. Tempoh Pelaksanaan Pengujian Dan Pentauliahan Tidak Mencukupi

Pada 21 April 2010, KPKT telah memaklumkan kepada pihak kontraktor bahawa pihak KPKT hanya akan menghadiri sesi T&C Loji Insinerator Pulau Pangkor selama 5 hari sahaja. Bagaimanapun, untuk menepati tempoh T&C tidak kurang 23 hari seperti dalam kontrak, tempoh selebihnya akan dilaksanakan sendiri oleh pihak kontraktor dan diperakui oleh perunding. Semakan Audit mendapati laporan T&C yang disediakan hanya untuk tempoh 5 hari sahaja yang dihadiri oleh pihak KPKT dan tiada bukti kontraktor telah menjalankan baki tempoh T&C seperti yang telah diarahkan.

b. Kelulusan Pengujian Dan Pentauliahan Tidak Teratur

Berdasarkan kepada klausa 47 kontrak, kontraktor perlu membuktikan peralatan telah dipasang dengan sempurna dan keseluruhan sistem mampu berfungsi seperti yang telah ditetapkan. Kontraktor harus membaiki atau mengganti kerosakan yang berlaku semasa T&C. Semakan Audit terhadap laporan T&C bagi 3 projek iaitu Loji Insinerator Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Cameron Highlands mendapati berlaku beberapa ketidakpatuhan namun T&C diluluskan dan tiada bukti menunjukkan T&C secara keseluruhan dilakukan sekali lagi bagi membuktikan keseluruhan sistem mampu berfungsi seperti yang ditetapkan sebelum CPC dikeluarkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 15.12
KETIDAKPATUHAN YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN T&C

NAMA PROJEK	KETIDAKPATUHAN SEMASA T&C DIJALANKAN
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Langkawi	• *Burner* di *primary chamber* terhenti atas sebab yang tidak diketahui. • Insinerator gagal membakar sisa pepejal secara *autogenous* dan menggunakan diesel sepanjang T&C dijalankan. • Jumlah sisa pepejal yang dapat dibakar kurang daripada jumlah dan tempoh yang ditetapkan. • Sistem *rotary kiln* terhenti sebanyak 2 kali disebabkan masalah *invertor*.

NAMA PROJEK	KETIDAKPATUHAN SEMASA T&C DIJALANKAN
Pembinaan Loji Insinerator Pulau Pangkor	• Pengurangan berat dan isi padu *bottom ash* tidak dapat dicapai. i. Pengurangan Berat (Sasaran : Pengurangan Sebanyak 94%) Line A : Hanya dapat mengurangkan berat sehingga 87.2% sahaja iaitu kurang 113.2% daripada sasaran. Line B : Hanya dapat mengurangkan berat sehingga 87% sahaja iaitu kurang 116.3% daripada sasaran. ii. Pengurangan isi padu (Sasaran : Pengurangan Sebanyak 98%) Line A : Hanya dapat mengurangkan isi padu sehingga 95.1% sahaja iaitu kurang 143% daripada sasaran. Line B : Hanya dapat mengurangkan isi padu sehingga 94.8% sahaja iaitu kurang 162% daripada sasaran. • Julat suhu pembakaran yang dibenarkan oleh JAS iaitu antara 850°C sehingga 1,000°C tidak dicapai. i. Suhu di *primary chamber* adalah antara 528°C hingga 1,305°C bagi *Line A* manakala bagi *Line B* adalah antara 648°C hingga 1,160°C. ii. Suhu bagi *secondary chamber* adalah antara 528°C hingga 1,186°C bagi *Line A* dan 728°C hingga 1,039°C bagi *Line B.*
Pembinaan Loji Insinerator Cameron Highlands	• Loji tidak dapat mencapai suhu yang dikehendaki iaitu 850°C. • Sistem pembakaran secara *autogenous* tidak stabil dan *burner* masih digunakan walaupun mencapai suhu operasi. • Tempoh penggunaan *burner* adalah terlalu lama. • *Burner* dilaporkan terhenti atas sebab yang tidak diketahui.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013


Antara perkara yang tidak dipatuhi adalah julat suhu, peratus bottom ash yang dihasilkan dan jumlah sisa pepejal yang sepatutnya dibakar dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi peratus bottom ash ia masih mematuhi standard yang diguna pakai di peringkat antarabangsa.

Pada pendapat Audit, T&C tidak diuruskan dengan teratur kerana tiada bukti tempoh pelaksanaan T&C dipatuhi sepenuhnya dan T&C diluluskan walaupun terdapat ketidakpatuhan yang ketara. Pihak Audit juga berpendapat objektif T&C untuk memastikan semua spesifikasi kerja dipatuhi dan keseluruhan sistem dapat berfungsi dengan sempurna tidak dicapai sepenuhnya.

15.5.3.4. Kualiti Pembinaan Kurang Memuaskan

Pembinaan yang dibuat dan kemudahan yang disediakan perlulah berkualiti seperti mana yang dinyatakan dalam spesifikasi kontrak. Pemeriksaan Audit di tapak projek Loji Insinerator Pulau Pangkor dan Loji Insinerator Cameron Highlands mendapati beberapa komponen, kemudahan dan struktur telah berkarat, rosak dan tidak berfungsi seperti mana yang sepatutnya. Keadaannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 15.31



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Bottom Ash Terkeluar Daripada Rotary Kiln Semasa Loji Beroperasi Dan Bertaburan Di Atas Lantai
(18.07.2012)

GAMBAR 15.32



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Collection Hopper Digunakan Sebagai Alternatif Untuk Menadah Bottom Ash Daripada Bertaburan Di Atas Lantai
(04.03.2013)

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Flexible seal di kedua-dua hujung rotary kiln memerlukan pergerakan bebas. Regangan berkenaan telah menyebabkan bottom ash terkeluar daripada rotary kiln. Kerja-kerja pembersihan perlu dilakukan dari masa ke semasa secara manual. Sebagai penambahbaikan, collection hopper digunakan.

GAMBAR 15.33



Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang
- Antara Komponen Berkarat
(09.08.2012)

GAMBAR 15.34



Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang
- Komponen Berkarat Telah Dicat Semula
(27.02.2013)

GAMBAR 15.35




Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Lelehan Dan Lembapan Pada Batang Paip Menunjukkan Berlaku Kebocoran Di Sepanjang Sistem Saluran Diesel
(18.07.2012)

GAMBAR 15.36




Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Kebocoran Di Sepanjang Sistem Saluran Diesel Telah Diperbaiki
(04.03.2013)

GAMBAR 15.37



GAMBAR 15.38



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Keretakan Yang Berlaku Di Rumah Pam
(18.07.2012)

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Kerosakan terhadap peralatan telah diperbaiki. Bagi isu keretakan, KPKT sedia maklum bahawa pemendapan akan berlaku disebabkan oleh tapak projek merupakan bekas tapak pelupusan yang mengandungi sisa pepejal sedalam 4 hingga 9 meter melebihi paras tanah. Bagi mengelakkan keadaan ini, kontraktor telah mencadangkan penggunaan cerucuk dengan anggaran kos RM1.98 juta. Namun Mesyuarat Penyelarasan Projek-projek Pembinaan Insinerator tidak bersetuju untuk menggunakan cerucuk kerana kos baik pulih struktur dijangka lebih murah.

Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan insinerator adalah kurang memuaskan kerana terdapat kerosakan pada struktur bangunan serta komponen loji yang baru dibina telah rosak dan berkarat walaupun hanya berusia antara 1 hingga 2 tahun. Sehubungan itu, pihak kontraktor seharusnya mereka bentuk projek dengan mengambil kira tapak projek yang merupakan bekas tapak pelupusan sisa pepejal.

15.5.4. Fasiliti/Peralatan Tidak Digunakan Di Loji Insinerator Yang Siap Dibina

15.5.4.1. Kontraktor perlu menyediakan dan membekalkan fasiliti/peralatan loji insinerator seperti yang telah dipersetujui dalam dokumen kontrak. Komponen dan fasiliti tersebut perlu berfungsi sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam dokumen kontrak.

15.5.4.2. Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.55 juta telah dibayar bagi *treatment and bagging facilities* untuk 4 loji insinerator. Lawatan Audit ke semua loji insinerator mendapati sebanyak 41 *ash storage bin* yang merupakan sebahagian daripada komponen *treatment and bagging facilities* telah dibekalkan. Semasa lawatan di Loji Insinerator Pulau Pangkor mendapati *ash*

storage bin tidak digunakan dan hanya disimpan serta telah berkarat. Kos sebenar *ash storage bin* tidak dapat ditentukan kerana kosnya dinyatakan secara *lump sum* di *treatment and bagging facilities* dalam kontrak. *Fly ash* yang terhasil terus dikumpulkan ke dalam *giant bag* dan pihak Audit dimaklumkan kaedah ini akan digunakan di semua loji. Butirannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 15.39



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- 10 Unit Ash Storage Bin Yang Tidak Digunakan
(18.07.2012)

GAMBAR 15.40



Loji Insinerator Pulau Pangkor, Perak
- Fly Ash Disalurkan Terus Ke Giant Bag
(18.07.2012)

GAMBAR 15.41



Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang
- 2 Daripada 8 Unit Ash Storage Bin Yang Diletakkan Di Bawah Rotary Kiln
(09.08.2012)

GAMBAR 15.42



Loji Insinerator Pulau Tioman
- 12 Unit Ash Storage Bin Yang Ditempatkan Di Bangunan Berasingan Di Tapak Loji Insinerator
(13.09.2012)

GAMBAR 15.43



Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah
- Satu Daripada 11 Unit Ash Storage Bin Yang Diletakkan Di Bahagian Luar Loji
(05.09.2012)

GAMBAR 15.44



Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah
- Salah Satu Ash Storage Bin Yang Telah Diubahsuai Bagi Memudahkan Pengendalian Pengumpulan Fly Ash
(11.06.2013)

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 11 Jun 2013

Pihak operator iaitu XCNT mendapati penggunaan ash storage bin adalah tidak praktikal kerana menyukarkan kerja pengendalian fly ash terutama semasa kerja mengangkat dan memunggah. Bagi memudahkan pengendalian pengumpulan fly ash, pihak XCNT telah membuat pengubahsuaian terhadap reka bentuk ash storage bin.

Pada pendapat Audit, reka bentuk asal *ash storage bin* adalah tidak praktikal untuk digunakan dan tindakan ubah suai yang dibuat oleh XCNT adalah wajar bagi memastikan tidak berlaku pembaziran terhadap perolehan *ash storage bin* tersebut.

15.5.5. Pematuhan Terhadap Undang-undang Yang Berkaitan

15.5.5.1. Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Tidak Dipatuhi

Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) menetapkan setiap tuan punya premis wajib untuk memastikan keselamatan di sekitar premis. JPSPN sebagai pemilik loji adalah bertanggungjawab untuk memastikan aspek keselamatan di dalam loji insinerator adalah terkawal sepanjang masa. Pemeriksaan Audit serta maklum balas yang diterima daripada laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada 31 Oktober 2012 mendapati masih ada beberapa kelemahan pengurusan dan penjagaan aspek keselamatan di loji insinerator. Antaranya adalah tiada dasar keselamatan pekerjaan dirangka oleh operator mahupun JPSPN; tiada kaedah yang praktikal diwujudkan oleh operator atau JPSPN untuk mengurangkan kesan suhu yang tinggi kepada pekerja; penaksiran risiko bahan kimia kepada kesihatan tidak dibuat; *Emergency Response Plan* tidak dibuat; pakaian dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai tidak disediakan kepada pekerja; tiada bukti latihan yang bersesuaian telah diberikan kepada pekerja; dan tiada bukti Prosedur Kerja Selamat ada disediakan.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Dasar keselamatan pekerjaan telah diwujudkan oleh operator dan telah dipaparkan dalam bangunan loji insinerator. Bagi mengurangkan kesan suhu yang tinggi kepada pekerja, kawasan zon panas telah ditandakan (buffer). Selain itu, pihak operator telah melantik perunding bagi menjalankan Hazard Identification Risk Assessment and Risk Control (HIRARC) dan Prosedur Kerja Selamat (SOP) juga telah disediakan.

15.5.5.2. Akta Kilang Dan Jentera 1967 (Akta 139) Tidak Dipatuhi

Akta Kilang Dan Jentera 1967 telah menetapkan tanggungjawab pemilik premis untuk menyediakan kawalan berhubung dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang di dalamnya serta memastikan pendaftaran dan pemeriksaan ke atas jentera dibuat oleh pihak JKKP. Pemeriksaan Audit serta maklum balas yang diterima daripada laporan yang dikeluarkan oleh JKKP pada 31 Oktober 2012 mendapati kebenaran pengendalian jentera serta sijil perakuan kelayakan bagi menggunakan jentera masih belum diperolehi bagi 3 daripada 4 loji iaitu loji insinerator di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Cameron Highlands.

Maklum Balas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Kebenaran pengendalian jentera serta sijil perakuan kelayakan bagi Loji Insinerator Pulau Pangkor telah diperolehi oleh operator daripada JKKP pada 25 Mac 2013. Bagaimanapun bagi lokasi yang lain, kebenaran akan diperolehi apabila loji beroperasi.

Pada pendapat Audit pihak kontraktor telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mematuhi peraturan berkaitan pengurusan keselamatan loji serta kesihatan pekerjaan walaupun tindakan yang diambil lewat daripada sepatutnya.

15.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif pembinaan loji insinerator tercapai dan Kerajaan memperoleh *best value for money* terhadap projek tersebut, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

15.6.1. KPKT perlu menyediakan dasar berkaitan pengurusan sisa pepejal yang efektif dari sumber (rumah/premis) serta meningkatkan kesedaran kepada rakyat tentang kepentingan pengasingan sisa pepejal dari rumah supaya kualiti sampah yang dihantar ke loji insinerator dapat ditingkatkan bagi mengatasi masalah *calorific value* (cv) dan kandungan kelembapan sisa pepejal;

15.6.2. KPKT/JPSPN/XCNT perlu menambah baik proses rawatan sisa pepejal untuk memastikan kualiti sisa pepejal (cv dan kelembapan) mematuhi standard yang diperlukan sebelum dibakar dalam loji insinerator supaya pembakaran secara *autogenous* dapat dicapai dan penggunaan diesel dapat diminimumkan;

15.6.3. KPKT perlu memastikan kakitangan operator loji insinerator mempunyai kemahiran mengikut standard yang diperlukan semasa mengendalikan sisa pepejal

supaya standard operasi serta peraturan alam sekitar serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dipatuhi. Latihan yang berkaitan perlu diberikan dari semasa ke semasa;

15.6.4. KPKT dan JPSPN perlu menjalankan pemantauan yang rapi terhadap pematuhan kepada syarat kontrak terutamanya dalam urusan T&C loji insinerator; pematuhan kepada syarat EIA yang dikeluarkan oleh JAS; kualiti pembinaan; pematuhan kepada undang-undang bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money*;

15.6.5. JPSPN perlu menyediakan satu garis panduan bagi menyelia dan memantau pengurusan operasi loji insinerator agar semua peraturan yang ditetapkan dipatuhi serta loji sentiasa dikendalikan dengan selamat;

15.6.6. JPSPN perlu mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan setiap syarat kontrak operasi dipatuhi sepenuhnya sebelum pembayaran dibuat kepada kontraktor; dan

15.6.7. JPSPN perlu mewujudkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada agensi yang terlibat secara langsung dalam pemantauan operasi loji insinerator antaranya JAS, JKKP serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA). Selain itu, jawatankuasa juga perlu membantu JPSPN untuk menyediakan syarat-syarat kontrak bagi operasi dan penyenggaraan loji insinerator serta membuat *benchmarking* dengan operator yang berjaya bagi memastikan loji insinerator diuruskan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 159-174 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

16. PENGURUSAN PROGRAM PEMBERIAN BANTUAN OLEH JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Jabatan Belia Dan Sukan Negara (JBSN) di bawah Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian) merupakan salah satu agensi yang perlu bergerak seiring dengan badan bukan Kerajaan (NGO) sebagai langkah mendekati golongan sasar yang terdiri daripada golongan belia dan warga muda. Selaras dengan itu, Program Pemberian Bantuan Oleh Jabatan Belia Dan Sukan Negara diwujudkan bagi memastikan Dasar Pembangunan Belia, Sukan dan Rakan Muda dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan kerjasama NGO/Persatuan/Pertubuhan. Pelaksanaan program ini telah dimulakan pada tahun 1997 dan permohonan untuk mengikuti program ini mula diterima pada tahun tersebut. Kumpulan sasar bagi program ini adalah NGO/Persatuan/Pertubuhan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia/Pesuruhjaya Sukan atau Sekretariat Rakan Muda.

16.1.2. Program Pemberian Bantuan ini telah dibiayai daripada peruntukan Kementerian berjumlah RM171.75 juta bagi tahun 2009 hingga 2012 dan juga peruntukan dari Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) berjumlah RM100 juta. Pemberian Bantuan dibahagikan kepada dua kategori seperti berikut:

16.1.2.1. Bantuan Pentadbiran bertujuan membantu membiayai sebahagian daripada kos pengurusan pejabat, elaun setiausaha kerja, utiliti dan sewaan pejabat.

16.1.2.2. Bantuan aktiviti bertujuan membiayai sebahagian daripada kos pelaksanaan program atau aktiviti yang dianjurkan bersama NGO/Persatuan/ Pertubuhan atau program yang dianjurkan oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan sendiri.

16.1.3. Garis Panduan Untuk Pertimbangan Pemberian Bantuan Kerajaan Kepada Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan telah dikeluarkan pada 5 November 1997 (GPPB 5 November 1997) oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan NGO/Persatuan/Pertubuhan yang diberi bantuan Kerajaan melaksanakan aktivitinya bersesuaian dengan dasar dan objektif sesebuah Kementerian/Jabatan. Selaras dengan ketetapan garis panduan tersebut, Garis Panduan Pemberian Bantuan (GPPB JBSN) telah dikeluarkan oleh JBSN pada 6 Disember 2008 bagi menyeragamkan dan memastikan pemberian bantuan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Berdasarkan GPPB JBSN tersebut, peringkat kelulusan Jawatankuasa Pemberian Bantuan dan had permohonan pemberian bantuan JBSN yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:


16.1.3.1. Peringkat Kementerian dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha/ Timbalan Ketua Setiausaha bagi permohonan melebihi RM30,000;

16.1.3.2. Peringkat Jabatan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JBSN bagi permohonan kurang dari RM30,000; dan

16.1.3.3. Peringkat Negeri dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Belia Dan Sukan Negeri bagi permohonan yang tidak melebihi dari RM10,000.

Proses Program Pemberian Bantuan secara ringkasnya adalah seperti di carta berikut:

CARTA 16.1
CARTA ALIR PROGRAM PEMBERIAN BANTUAN



16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Pemberian Bantuan telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

16.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Pemberian Bantuan bagi tempoh tahun 2009 [termasuk Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE)] hingga tahun 2012. Pengauditan telah dijalankan di:

i. Ibu Pejabat Jabatan Belia Dan Sukan meliputi Bahagian Pembangunan Sukan, Bahagian Pembangunan Belia dan Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Kementerian Belia Dan Sukan;

ii. Jabatan Belia Dan Sukan Cawangan Negeri (JBS Negeri) iaitu Johor; Sarawak dan Pahang; dan

iii. Tiga Belas (13) NGO/Persatuan/Pertubuhan bagi 3 negeri dan di peringkat Ibu Pejabat seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.1
NGO/PERSATUAN/PERTUBUHAN YANG TELAH DILAWATI

NGO/PERSATUAN/PERTUBUHAN	LOKASI
Majlis Belia Malaysia	Kuala Lumpur
Majlis Belia Felda Malaysia	Kuala Lumpur
Majlis Belia Negeri Johor	Ayer Hitam, Johor
Kelab Gym 1 Malaysia	Johor Bahru, Johor
Kelab Kecergasan Fizikal Dan Sukan Massa	Johor Bahru, Johor
Gerakan Belia 4B Cawangan Desa Rahmat	Johor Bahru, Johor
Kelab Sukan Komuniti Batu Kawa	Kuching, Sarawak
Kelab Sukan Komuniti Demak Laut	Kuching, Sarawak
Persatuan Rekreasi Dan Fotografi Kuching	Kuching, Sarawak
Kelab Rakan Muda Kota Samarahan	Kota Samarahan, Sarawak
Majlis Belia Negeri Kuantan	Kuantan, Pahang
Kelab Sukan Bermotor Redwing	Kuantan, Pahang
Persatuan Seni Silat Gayong Kuantan	Kuantan, Pahang

16.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan Program Pemberian Bantuan. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai dan NGO/Persatuan/Pertubuhan berkaitan juga telah dijalankan di lokasi yang terlibat.

16.5. PENEMUAN AUDIT

Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Ogos 2012 mendapati pelaksanaan Program Pemberian Bantuan adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. permohonan dan kelulusan program yang tidak teratur dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan;
ii. syarat perjanjian tidak dikuatkuasakan;
iii. kelemahan dalam proses penyaluran peruntukan dan pembayaran kepada pembekal; dan
iv. pemantauan program yang lemah.

Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui dan maklum balas JBSN adalah seperti di perenggan berikut:

16.5.1. Prestasi Program

16.5.1.1. Pencapaian *Output* Program

Bagi memastikan program ini dapat dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan setiap bahagian yang terlibat dikehendaki menyediakan sasaran output. Semakan Audit mendapati bahagian terlibat tidak menyediakan sasaran output tahunan. Bagaimanapun, berdasarkan rekod, Bahagian Pembangunan

Sukan menjalankan aktiviti paling banyak bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 iaitu sebanyak 1,865 aktiviti (49%). Ini diikuti oleh Bahagian Pembangunan Belia dengan aktiviti sebanyak 1,059 aktiviti (27.8%) dan Bahagian Pembangunan Rakan Muda dengan aktiviti sebanyak 813 aktiviti (21.5%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.2
PRESTASI FIZIKAL PROGRAM BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2012

PERINGKAT	BILANGAN PROGRAM/AKTIVITI MENGIKUT BAHAGIAN				JUMLAH KESELURUHAN	(%)
	IBU PEJABAT	JOHOR	SARAWAK	PAHANG		
Pembangunan Sukan	1,064	307	385	109	1,865	49.0
Pembangunan Belia	470	210	236	143	1,059	27.8
Pembangunan Rakan Muda	451	55	176	131	813	21.5
Perhubungan Strategik	-	17	25	24	66	1.7
JUMLAH KECIL	**1,985**	**589**	**822**	**407**	**3,803**	**100**

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 13 Mei 2013

Output tahunan tidak ditetapkan kerana kelulusan pemberian bantuan berdasarkan peruntukan tahunan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan kelayakan NGO yang memohon.

16.5.1.2. Pencapaian Kewangan Program

Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012, JBSN telah diperuntukkan sejumlah RM174.93 juta termasuk peruntukan di bawah PRE bagi melaksanakan Program Pemberian Bantuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM174.51 juta (99.8%) telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Adalah didapati jumlah peruntukan dan perbelanjaan terbesar adalah di bawah PRE iaitu masing-masingnya berjumlah RM50.86 juta. Butiran pencapaian kewangan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.3
PRESTASI PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN VOT MENGURUS JBSN DI BAWAH OS42000 BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2012

TAHUN	PROGRAM/ BAHAGIAN	PERUNTUKAN				PERBELANJAAN (RM)	(%)
		DITERIMA (RM)	TAMBAHAN/ (AGIHAN)/ (TARIK BALIK) (RM)	WARAN KE NEGERI (RM)	DIPINDA (RM)		
2009	Pembangunan Sukan	11,384,500	11,374,000	15,587,816	7,170,684	7,081,700	98.8
	Pembangunan Belia	3,280,000	7,716,100	2,003,300	8,992,800	8,992,300	100.0
	Pembangunan Rakan Muda	2,289,200	-	755,000	1,534,200	1,534,200	100.0
	Ekonomi Belia	125,000	-	120,000	5,000	5,000	100.0
JUMLAH		**17,078,700**	**19,090,100**	**18,466,116**	**17,702,684**	**17,613,200**	**99.5**

TAHUN	PROGRAM/ BAHAGIAN	PERUNTUKAN				PERBELANJAAN (RM)	(%)
		DITERIMA (RM)	TAMBAHAN/ (AGIHAN)/ (TARIK BALIK) (RM)	WARAN KE NEGERI (RM)	DIPINDA (RM)		
PRE	Pembangunan Sukan	-	-	-	-	-	-
	Pembangunan Belia	50,000,000	-	24,804,200	25,195,800	25,191,412	100.0
	Pembangunan Rakan Muda	50,000,000	-	24,332,840	25,667,160	25,667,160	100.0
	Ekonomi Belia	-	-	-	-	-	-
JUMLAH		**100,000,000**	**-**	**49,137,040**	**50,862,960**	**50,858,572**	**100.0**
2010	Pembangunan Sukan	5,000,000	-	1,941,600	3,058,400	3,051,084	99.8
	Pembangunan Belia	5,450,000	-	723,478	4,726,522	4,724,500	100.0
	Pembangunan Rakan Muda	5,366,700	820,000	1,602,572	4,584,128	4,337,970	94.6
	Ekonomi Belia	268,000	-	225,000	43,000	-	0.0
JUMLAH		**16,084,700**	**820,000**	**4,492,650**	**12,412,050**	**12,113,554**	**97.6**
2011	Pembangunan Sukan	23,000,000	2,046,700	4,657,730	20,388,970	20,386,189	100.0
	Pembangunan Belia	15,000,000	7,129,500	4,335,038	17,794,462	17,789,600	100.0
	Pembangunan Rakan Muda	6,000,000	3,866,500	106,400	9,760,100	9,757,550	100.0
	Ekonomi Belia	268,000	303,500	225,000	346,500	338,000	97.5
JUMLAH		**44,268,000**	**13,346,200**	**9,324,168**	**48,290,032**	**48,271,339**	**99.9**
2012	Pembangunan Sukan	11,500,000	5,485,000	12,658,150	4,326,850	4,321,850	99.9
	Pembangunan Belia	19,500,000	19,735,350	1,263,400	37,971,950	37,970,250	100.0
	Pembangunan Rakan Muda	3,020,000	1,819,300	1,474,500	3,364,800	3,364,100	100.0
	Ekonomi Belia	-	-	-	-	-	0.0
JUMLAH		**34,020,000**	**27,039,650**	**15,396,050**	**45,663,600**	**45,656,200**	**100.0**
JUMLAH KESELURUHAN		**211,451,400**	**60,295,950**	**96,816,024**	**174,931,326**	**174,512,865**	**99.8**

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan program pada umumnya adalah baik.

16.5.2. Pengurusan Program

16.5.2.1. Pejabat Operasi NGO/Persatuan/Pertubuhan

GPPB JBSN menetapkan bahawa pemberian bantuan adalah disasarkan kepada NGO/Persatuan/Pertubuhan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia/Pesuruhjaya Sukan atau Sekretariat Rakan Muda. Pejabat operasi NGO/Persatuan/Pertubuhan tersebut seharusnya disenggara dengan baik bagi memastikan pelaksanaan aktiviti dibuat selaras dengan objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke 12 pejabat operasi NGO/Persatuan/Pertubuhan mendapati kesemua pejabat tidak menyimpan dokumen Program Pemberian Bantuan secara teratur dan lengkap. Keadaan ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan perincian butiran

penerimaan dan pembayaran bagi aktiviti di bawah program tersebut. Selain itu didapati keadaan 10 daripadanya tidak kondusif/sesuai. Contoh lokasi pejabat operasi NGO/Persatuan/Pertubuhan yang didapati tidak kondusif/sesuai adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 16.1



GAMBAR 16.2



Pejabat Operasi Kelab Sukan Bermotor Red Wing, Panching, Kuantan - Bengkel Pembaikan Motor Yang Telah Dijadikan Pejabat Operasi (19.07.2012)

GAMBAR 16.3



Pejabat Operasi KSK Demak Laut, Taman Sepakat Jaya, Kuching - Rumah Flat Persendirian Yang Telah Dijadikan Pejabat Operasi (05.07.2012)

GAMBAR 16.4



Pejabat Operasi KSK Batu Kawa, Kampung Sinar Budi Baru, Kuching - Rumah Persendirian Yang Telah Dijadikan Pejabat Operasi (05.07.2012)

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013

JBSN telah mengarahkan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia; Pesuruhjaya Sukan dan Majlis Belia Malaysia untuk mengambil langkah sewajarnya ke atas pejabat operasi NGO yang berdaftar tersebut. Selain itu, JBSN turut menetapkan agar penerima bantuan memastikan dokumentasi berkaitan pemberian bantuan disimpan secara sistematik di dalam Prosedur Pengendalian Standard yang baru dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, keadaan pejabat operasi NGO/persatuan/pertubuhan perlulah kondusif/sesuai supaya NGO/Persatuan/Pertubuhan dapat merancang dan melaksanakan program/aktiviti dengan sempurna serta dapat menyimpan maklumat program dengan teratur dan selamat.

16.5.2.2. Permohonan Dan Kelulusan Program

a. Kelulusan Tidak Mematuhi Syarat Yang Ditetapkan

GPPB JBSN telah menetapkan had kuasa bagi kelulusan pemberian bantuan bagi peringkat Kementerian/Jabatan/Negeri berdasarkan anggaran peruntukan yang diperlukan bagi setiap permohonan. Hasil semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. Jawatankuasa Pemberian Bantuan di Peringkat Negeri telah diberikan mandat untuk meluluskan permohonan yang tidak melebihi RM10,000. Bagaimanapun, sebanyak 73 permohonan yang keseluruhannya bernilai RM2.12 juta telah diluluskan oleh Jawatankuasa Bantuan Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2011. Nilai permohonan bagi setiap program berkenaan adalah antara RM20,000 hingga RM29,000.

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Penurunan kuasa kepada Pengarah JBS Negeri Sarawak telah dibuat bagi had amaun tidak melebihi RM30,000.

ii. Semakan Audit selanjutnya di 3 negeri yang dilawati (Johor, Sarawak dan Pahang) mendapati 29 program yang nilai keseluruhan permohonannya berjumlah melebihi RM10,000 setiap satu telah diluluskan di Peringkat Negeri secara pecah kecil, di mana setiap program telah dipecah kecilkan antara 2 kali hingga 4 kali permohonan dengan nilai setiap transaksi pecah kecil antara RM1,500 hingga RM10,000. Pecah kecil ini berlaku bagi mengelakkan program tersebut dirujuk kepada Jawatankuasa Pelulus yang lebih tinggi iaitu di Peringkat Jabatan dan Kementerian.

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 13 Mei 2013

Surat Peringatan telah dikeluarkan kepada semua Pengarah JBS Negeri bagi mematuhi had kelulusan yang ditetapkan sebelum meluluskan sesuatu bantuan.

Pada pendapat Audit, kelulusan pemberian bantuan oleh Jawatankuasa Pemberian Bantuan perlu dilaksanakan selaras dengan had yang ditetapkan.

16.5.2.3. Perwujudan Cawangan Perhubungan Strategik dan Aktiviti Kendaliannya

Ketua Setiausaha Kementerian melalui surat rujukan KBS.(SM)05/668 Jld. 14(23) bertarikh 8 Oktober 2010 memaklumkan bahawa Kementerian memutuskan untuk membuat rombakan secara pentadbiran (*redeployment)* bagi menyusun semula struktur dan fungsi cawangan di bawah Bahagian Pembangunan Belia, Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS) berkuat kuasa pada 16 Oktober 2010. *Redeployment* tersebut melibatkan Cawangan Sosial dan Cawangan Ekonomi JBSN, di mana Cawangan Ekonomi yang akan dikenali sebagai Cawangan Sosioekonomi dikehendaki mengambil alih fungsi tugas Cawangan Sosial di samping menjalankan fungsi sedia ada. Cawangan Sosial pula akan dikenali sebagai Cawangan Perhubungan Strategik (CPS). Antara fungsi CPS adalah merancang pendekatan dan strategi dalam peningkatan perhubungan belia kepada dasar Kerajaan dan mempromosi program Kerajaan secara massa (besar-besaran) bagi meningkatkan sokongan golongan muda kepada dasar Kerajaan. *Redeployment* tersebut melibatkan penyusunan semula/pertukaran sebanyak 26 pegawai di peringkat Ibu Pejabat dan 26 pegawai di peringkat negeri. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, CPS telah membelanjakan sejumlah RM38.84 juta bagi melaksanakan aktivitinya. Semakan Audit terhadap perwujudan CPS dan pelaksanaan aktivitinya mendapati perkara berikut:

a. Arahan Perbendaharaan 48 (a) menyatakan tiada apa-apa perubahan tentang jawatan awam yang diperuntukkan di bawah sesuatu Maksud Perbelanjaan Anggaran Persekutuan boleh dibuat, sama ada dengan menambah atau mengurangkan bilangan atau mengubah tangga gaji gred jawatan yang ditunjukkan itu, melainkan kelulusan Perbendaharaan telah didapati terlebih dahulu. Selain itu, Panduan Tatacara Permohonan Perjawatan Di Luar Pemeriksaan Anggaran Belanjawan Tahunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pula menyatakan permohonan perjawatan termasuk penubuhan bahagian/cawangan/unit/ seksyen baru di sesebuah organisasi dan/atau pewujudan/pemansuhan/ agihan jawatan di bahagian/cawangan/unit sedia ada yang tidak melibatkan perubahan struktur organisasi perlu dimaklumkan kepada/disokong oleh JPA sebelum mendapat kelulusan Perbendaharaan. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan JBSN telah memaklumkan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan berhubung penyusunan semula cawangan.

b. GPPB JBSN menyatakan antara permohonan yang tidak dipertimbangkan adalah bagi tujuan menjalankan projek/program penyelidikan mengenai Belia/Sukan/Rakan Muda. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati program yang dijalankan oleh CPS tidak selaras dengan ketetapan tersebut seperti berikut:

i. Bilik Gerakan Transformasi Belia

Program Bilik Gerakan Transformasi Belia merupakan *'command centre'* yang bertindak merangka strategi dalam mendekati dan meningkatkan penglibatan generasi muda secara terus di peringkat akar umbi serta dalam usaha mengenal pasti trend dan pola penglibatan golongan belia masa kini melalui pengumpulan data tertentu. Peruntukan sejumlah RM80,000 telah diluluskan bagi tahun 2012 untuk projek tersebut. Butiran peruntukan dan keadaan bilik gerakan tersebut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 16.4
JUSTIFIKASI KEWANGAN BILIK GERAKAN TRANSFORMASI BELIA

BIL.	AKTIVITI	KEPERLUAN KEWANGAN (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Pengemaskinian Data & Profail Belia Seluruh Negara	RM2,000 x 15 Negeri	30,000
2.	Pengurusan Laporan Kajian Penggerak Muda Kebangsaan	RM1,200 x 15 Negeri	18,000
3.	Persembahan Digital Profail Transformasi Belia Kebangsaan	RM75.00 x 120 Helaian	9,000
4.	Belanja Pentadbiran Bilik Gerakan Transformasi Belia	RM2,875.00 x 8 Bulan	23,000
JUMLAH			**80,000**



GAMBAR 16.5

Kompleks Belia Dan Sukan, Kuantan - Bilik Gerakan Transformasi Belia (19.07.2012)

Lawatan Audit di Kompleks Belia Dan Sukan, Kuching, Sarawak mendapati Bilik Gerakan Transformasi Belia telah diwujudkan di Aras G kompleks tersebut. Berdasarkan maklum balas pegawai JBS Cawangan Kuching, perancangan asal bilik gerakan tersebut adalah bilik gimnasium untuk kegunaan umum. Kesannya, peralatan gimnasium terpaksa ditempatkan di ruang legar pintu masuk Aras G kompleks tersebut yang terdedah kepada risiko kehilangan dan kecurian seperti di gambar berikut:

GAMBAR 16.6



Kompleks Belia Dan Sukan, Sarawak
- Bilik Gimnasium Yang Dijadikan Bilik Gerakan Transformasi Pembangunan Belia
(06.07.2012)

GAMBAR 16.7



Kompleks Belia Dan Sukan, Sarawak
- Peralatan Gimnasium Ditempatkan Di Ruang Legar Pintu Masuk Pejabat
(04.07.2012)



GAMBAR 16.8

Kompleks Belia Dan Sukan, Sarawak
- Peralatan Gimnasium Telah Ditempatkan Di Bilik Gimnasium Yang Baru
(Sumber: Jabatan Belia Dan Sukan Negara)

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

JBSN telah mengambil tindakan menempatkan peralatan tersebut di Bilik Gimnasium yang pada asalnya merupakan Bilik Komputer yang tidak digunakan.

ii. Program Penggerak Rakan Muda

Program Penggerak Rakan Muda bertindak sebagai salah satu perkongsian maklumat daripada belia. Pelaksanaan program bermula dari bulan Januari hingga bulan Jun 2012 di keseluruhan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Seramai 10 orang Penggerak Muda dilantik sebagai pengumpul data belia setempat dan ia akan diproses oleh Pejabat Belia Dan Sukan Daerah dan diselaraskan oleh JBS Negeri sebelum dihantar ke Kementerian. Peruntukan bagi setiap DUN adalah berjumlah RM10,000 yang merupakan bayaran sagu hati bagi tempoh 5 bulan untuk 10 orang Penggerak Muda (RM200 setiap seorang). Sebagai contoh, semakan Audit di JBS Johor mendapati Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Peringkat Negeri Johor Bil. 1/2012 telah meluluskan sebanyak 30 permohonan bagi 3 NGO/Persatuan/ Pertubuhan yang melibatkan Gerakan Belia 4B Cawangan Desa Rahmat; Kelab Rekreasi Permata Pulai dan Persatuan Belia Tujuh Taman Perling dengan nilai keseluruhan berjumlah RM300,000.

Manakala 3 NGO/Persatuan/Pertubuhan di Sarawak iaitu Kelab Sukan Komuniti Asajaya; Kelab Rakan Muda Petra Jaya dan Kelab Rakan Muda Kota Samarahan telah diluluskan bantuan bagi program yang sama dengan nilai keseluruhan berjumlah RM60,000.

iii. *Task Force* Pembangunan Perhubungan Belia Fasa 1

Syarikat Starhill Channel (M) Sdn. Bhd. telah dilantik untuk menguruskan program ini. Bagi tujuan tersebut, 40 kumpulan *Task Force* telah dibentuk dengan kos berjumlah RM100,000 untuk membangunkan Rangkaian Kerja Kajian Sikap Belia serta analisis maklumat data belia.

iv. Sembang Mesra Belia (Bersama YB Timbalan Menteri I)

Berdasarkan kertas konsep, program ini bertujuan mengenal pasti trend dan pola penglibatan di kalangan generasi muda melalui pengumpulan data tertentu dengan melibatkan komitmen Pegawai Belia dan Sukan di peringkat negeri dan daerah. Kaedah pelaksanaan program berbentuk tidak formal dengan tentatif pengisian program seperti aktiviti barbeku, karaoke dan amanat pemimpin negara kepada belia. Bagi negeri Johor contohnya, sejumlah RM305,000 telah diluluskan untuk diagihkan kepada Kelab Gimnasium Rakyat (Kelab Gym 1 Malaysia) Johor Bahru; Persatuan J.Robik Daerah Johor Bahru dan Kelab Kecergasan Fizikal dan Sukan Massa Johor Bahru bagi melaksanakan program tersebut.

16.5.2.4. Skop Program/Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Para 6 GPPB JBSN menyatakan antara permohonan yang tidak akan dipertimbangkan ialah yang melibatkan program/aktiviti berbentuk lawatan; pembelian aset/harta kekal; aktiviti pembangunan seperti pengubahsuaian pejabat, serta baik pulih bangunan dan pembinaan pejabat. Semakan Audit bagaimanapun mendapati perkara berikut:

a. Lawatan

Adalah didapati Jawatankuasa Pemberian Bantuan JBSN telah meluluskan 4 program pemberian bantuan yang berunsurkan lawatan dengan kos RM0.59 juta. Butiran program terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.5
PROGRAM BERUNSURKAN LAWATAN

TAHUN	PROGRAM	JUMLAH BANTUAN DILULUSKAN (RM)	NGO YANG TERLIBAT
2009	Misi Lawatan Pemimpin-Pemimpin Belia Negeri Pulau Pinang Ke Negara Vietnam	30,000	Majlis Belia Negeri Pulau Pinang
2011	Program Integrasi Belia Serumpun Malaysia Dan Indonesia	50,000	Majlis Belia Malaysia
	Program Sembang-sembang Mesra Belia Luar Negara Di Rusia Dan Jepun	155,000	Majlis Belia Malaysia

TAHUN	PROGRAM	JUMLAH BANTUAN DILULUSKAN (RM)	NGO YANG TERLIBAT
2012	Program Pertukaran Malaysia China 2012	350,000	Majlis Belia Malaysia
JUMLAH		**585,000**	

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Program tersebut bukan program lawatan sebaliknya merupakan program pembangunan belia dan sukan. la bertujuan untuk menjalinkan hubungan antarabangsa dengan negara luar, memperkukuhkan jaringan hubungan antara keseluruhan belia Malaysia di luar negara dan membentuk serta menjalin hubungan dua hala di antara pelajar dan pemimpin. Selain itu, program tersebut turut mendedahkan para belia kepada idea baru yang sesuai untuk diterapkan dalam pelaksanaan program belia di Malaysia.

b. Pembelian Aset

Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemberian Bantuan di peringkat Kementerian telah meluluskan permohonan bantuan bagi tujuan pembelian aset. Pada tahun 2011, pembelian aset melibatkan Pembangunan Sistem Profil Belia (Malaysia Register Voters Information System - MARVIS) berjumlah RM400,000 yang disalurkan melalui Majlis Belia Felda Malaysia. Selain itu semakan Audit turut mendapati sebahagian bantuan aktiviti yang telah diluluskan digunakan bagi tujuan pembelian aset. Ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM2.34 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.6
PEMBERIAN BANTUAN YANG DIGUNAKAN UNTUK PEMBELIAN ASET

TAHUN	KETERANGAN ASET	JUMLAH BANTUAN DILULUSKAN (RM)	JUMLAH YANG DIGUNAKAN UNTUK PEMBELIAN ASET (RM)	NGO YANG TERLIBAT
2009	Peralatan Sukan	25,000	10,000	Kelab Belia Perdana Kg. Air Semporna
2009	Peralatan Muzik Seperti *Drum Set, Morrison Acc Gitar, Casio Keyboard, Microphone* Termasuk Caj Penghantaran	753,458	423,012	Majlis Muzik Malaysia
2009	Komputer Dan Pencetak	3,000	2,510	Persatuan Belia RPS Pos Iskandar
2009	Pelbagai Peralatan Persatuan	3,000	2,700	Pertubuhan Majlis Belia India, Triang
2009	Pembelian Peralatan Dan Bahan Mentah Bagi Pembinaan Tandas Awam Bagi Tujuan Penyediaan Kemudahan Asas Kejohanan Motosikal Lasak Pusingan Ke 2, Litar Kampung Bentong, Kluang	7,063	3,883	Kelab Peminat Motor Lasak Kluang
2011	Peralatan Sukan	700,000	115,600	Persatuan Belia Negeri Pahang
2012	Program *YCare Stop Center*	852,000	122,150	Majlis Belia Malaysia
JUMLAH KESELURUHAN		**2,343,521**	**679,855**	

c. Pembinaan/Pembaikan Bangunan/Pejabat

Adalah didapati peruntukan pemberian bantuan telah digunakan bagi tujuan pembinaan/pembaikan bangunan/pejabat berjumlah RM0.28 juta seperti berikut:

JADUAL 16.7
PEMBERIAN BANTUAN YANG DIGUNAKAN UNTUK PEMBINAAN/PEMBAIKAN BANGUNAN PEJABAT

TAHUN	BUTIRAN PEMBINAAN/PEMBAIKAN BANGUNAN/PEJABAT	JUMLAH BANTUAN DILULUSKAN (RM)	NGO YANG TERLIBAT
2009	Kerja Pembaikan Trek Motor Lasak	20,000	Persatuan Belia Harapan Baru Jengka Satu
2011	Pembinaan Bilik Urus Setia Bagi Program Karnival Kebudayaan Belia 1Malaysia Di Sarawak	260,000	Majlis Belia Malaysia
JUMLAH		**280,000**	

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

JBSN mengambil perhatian perkara ini dan surat peringatan berkaitan larangan pembelian aset menggunakan peruntukan pemberian bantuan telah dikeluarkan pada 22 Februari 2013 kepada NGO/Persatuan/ Pertubuhan.

d. Program Kendalian Kementerian/Jabatan

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 antaranya menetapkan agar setiap Kementerian/Jabatan menyediakan peruntukan tahunan bersamaan sekurang-kurangnya satu peratus (1%) daripada peruntukan emolumen bagi tujuan latihan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati peruntukan pemberian bantuan berjumlah RM18,000 turut digunakan untuk menampung sebahagian kos program latihan kepada pegawai Kementerian/Jabatan. Antaranya adalah seperti berikut:

JADUAL 16.8
PEMBAYARAN BAGI PROGRAM LATIHAN KEMENTERIAN/JABATAN

TAHUN	PROGRAM	JUMLAH (RM)	NGO YANG TERLIBAT
2011	Kursus Bantuan E-Laporan MKPI Peringkat Negeri Pahang	3,000	Kelab Gymnasium Rakyat Kuantan
	Bengkel E-Laporan MKPI	3,000	Kelab Sukan Komuniti Batu Kawan
2012	Kursus dan Latihan Pengurusan Sukan Untuk Semua (Pegawai Sukan) Siri 1/2012	10,000	Kelab Gymnasium Rakyat Kuantan
	Projek Bengkel E-Laporan Peringkat Zon Timur	2,000	Gading Bowling Academy
JUMLAH		**18,000**	

e. Perbelanjaan Pegawai

Hasil semakan Audit mendapati sejumlah RM43,495 telah digunakan bagi menampung kos penginapan urus setia yang merupakan pegawai JBSN/JBS Negeri dari Semenanjung Malaysia yang terlibat untuk Program Sembang-sembang Belia 1 Sarawak dan Karnival Mesra Belia 1 Sarawak bagi bulan Februari hingga April 2011. Selain itu, sejumlah RM105,700 dan RM29,000 telah digunakan bagi menampung kos sewaan kenderaan dan peralatan bagi kegunaan pegawai tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.9
JUMLAH PERBELANJAAN PEGAWAI YANG DILIBATKAN

JENIS PERBELANJAAN	AMAUN DIBAYAR (RM)
Penginapan Urusetia	43,494.79
Sewaan Kenderaan	105,700.00
Sewaan Peralatan	29,000.00
JUMLAH	**178,194.79**

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013 Dan 4 Mac 2013

Surat Pekeliling Ketua Pengarah JBSN Bil. 1 Tahun 2013 telah dikeluarkan sebagai peringatan agar peruntukan pemberian bantuan tidak digunakan bagi tujuan perbelanjaan pegawai. Bagi perbelanjaan di bawah program sembang-sembang Belia 1 Sarawak dan Karnival Mesra Belia 1 Sarawak, ianya dibuat atas faktor program dilaksanakan di 71 lokasi berbanding jumlah tenaga kerja, kenderaan serta peralatan yang terhad di JBS Sarawak.

Pada pendapat Audit, JBSN hendaklah menjalankan pemantauan terhadap perbelanjaan yang dibuat oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan bagi memastikan segala perbelanjaan yang dibuat selaras dengan objektif pemberian bantuan dan garis panduan yang dikeluarkan. Selain itu, penggunaan peruntukan di bawah program pemberian bantuan kepada NGO/Persatuan/Pertubuhan bagi program yang diadakan untuk pegawai Kementerian/Jabatan adalah tidak selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.

16.5.2.5. Pembayaran Projek

a. Pembayaran Atas Nama/Melalui Pegawai JBSN

Arahan Perbendaharaan 99(b) menyatakan bahawa nama seseorang pegawai Kerajaan tidak boleh dicatat sebagai penerima bayaran pada sesuatu baucar kecuali berkenaan dengan gaji, pendahuluan dan pinjaman

atau tuntutan persendirian yang lain. Hasil semakan Audit mendapati 29 pembayaran berjumlah RM1.26 juta yang dibuat atas nama/melalui 19 pegawai Kementerian/JBSN untuk pelaksanaan pelbagai aktiviti/program NGO/Persatuan/Pertubuhan. Setiap pembayaran tersebut adalah antara RM280 hingga RM332,473. Baucar bayaran yang disediakan oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan menunjukkan penerimaan oleh pegawai Kerajaan daripada JBSN dan JBS Negeri.

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 dan 13 Mei 2013

JBSN mengambil perhatian serius berkaitan perkara ini. Surat Peringatan daripada Pegawai Pengawal kepada pegawai yang terlibat telah dikeluarkan. Selain itu, penambahbaikan di dalam GPPB JBSN telah dibuat di mana ianya telah disediakan, disemak dan dipersetujui bersama pegawai dari Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).

Pada pendapat Audit, penyerahan/pengambilan wang pemberian bantuan kepada/oleh pegawai Kementerian/JBSN boleh mendedahkan kepada risiko penyelewengan terutamanya jika tiada kawalan dan pemantauan yang rapi dibuat. Sekiranya perlu, ia hendaklah dibuat selaras dengan Arahan Perbendaharaan 96.

b. Penyimpanan Wang Bantuan

GPPB 5 November 1997 menetapkan bahawa penyaluran wang bantuan kepada NGO/persatuan/pertubuhan perlu dibuat ke dalam akaun berasingan bagi tujuan kawalan. Selain itu, Surat Setuju Terima yang ditandatangani oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan antaranya menetapkan agar NGO/Persatuan/Pertubuhan menyimpan wang bantuan yang diterima di dalam akaun berasingan. Semakan Audit terhadap sampel yang dipilih mendapati kesemua NGO/Persatuan/Pertubuhan yang menerima bantuan tidak menyimpan wang bantuan di dalam akaun yang berasingan, sebaliknya di dalam akaun NGO/Persatuan/Pertubuhan tersebut. Perkara ini bagaimanapun tidak pernah dibangkitkan oleh JBSN sama ada di peringkat Ibu Pejabat mahupun JBS Negeri.

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013

JBSN akan menasihatkan NGO/Persatuan/Pertubuhan supaya menyimpan wang pemberian bantuan di dalam lejar yang berasingan bagi memudahkan kawalan dan pengurusan wang berkenaan selaras dengan GPPB JBSN/2012.

Pada pendapat Audit, penyimpanan wang pemberian bantuan perlu dibuat selaras dengan ketetapan. Ini kerana tindakan tersebut memudahkan NGO/ Persatuan/Pertubuhan bagi tujuan perekodan dan pengesanan memandangkan NGO/Persatuan/Pertubuhan turut menerima sumber kewangan daripada pelbagai punca.

c. Pengembalian Lebihan Peruntukan

GPPB JBSN tidak menyatakan dengan jelas tindakan yang perlu dibuat terhadap lebihan peruntukan setelah perbelanjaan dibuat oleh NGO/ Persatuan/Pertubuhan bagi sesuatu program/aktiviti. Isu lebihan peruntukan ini juga tidak pernah dibangkitkan di dalam mesyuarat jawatankuasa sama ada di peringkat Kementerian/JBSN/Negeri. Berdasarkan semakan yang dibuat, didapati lebihan peruntukan tidak pernah dikutip atau diserahkan kembali kepada JBSN. Sebagai contoh, lebihan peruntukan bagi 3 program yang disemak di MBM adalah berjumlah RM1.55 juta atau antara 31.2% hingga 97.8% seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.10
PROGRAM YANG MEMPUNYAI LEBIHAN PERUNTUKAN

PROGRAM	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN PERUNTUKAN (RM Juta)	(%)
Kayuhan Jutaan Belia	0.45	0.01	0.44	97.8
Sembang-Sembang Belia Luar Negara	0.16	0.11	0.05	31.2
Perbelanjaan Urus Setia Program Sembang-Sembang Mesra Belia 1 Sarawak	1.33	0.27	1.06	79.7
JUMLAH	**1.94**	**0.39**	**1.55**	

Pada pendapat Audit, proses susulan terhadap lebihan peruntukan perlu dijelaskan dengan terperinci dalam peraturan mengenai pengurusan pemberian bantuan JBSN bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap program yang dibiayainya.

d. Tuntutan Dan Bayaran Berulang

Semakan Audit terhadap pembayaran yang telah dibuat oleh Majlis Belia Malaysia mendapati 6 tuntutan pembayaran terhadap kerja yang sama dilakukan oleh kontraktor sebanyak 2 hingga 3 kali, di mana nilai setiap tuntutan adalah antara RM26,500 hingga RM41,000. Semakan Audit selanjutnya mendapati MBM telah membuat pembayaran terhadap setiap tuntutan tersebut menyebabkan pembayaran terhadap kerja yang sama dibuat berulang kali dan nilai keseluruhan adalah berjumlah RM0.43 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.11
SENARAI TUNTUTAN DAN BAYARAN BERULANG

KONTRAKTOR/ PEMBEKAL	BUTIRAN TUNTUTAN	TARIKH INVOIS	TARIKH PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)
M&S Event & Resources	Perkhidmatan Artis dan Juruacara Bagi Karnival Mesra Belia Parlimen Alor Setar	20.04.2012	04.05.2012	35,000
	Perkhidmatan Artis dan Juruacara Bagi Karnival Mesra Belia Parlimen Alor Setar	10.05.2012	21.06.2012	26,500
	Perkhidmatan Artis dan Juruacara Bagi Karnival Mesra Belia Parlimen Alor Setar	20.04.2012	02.06.2012	26,500
	Perkhidmatan Operasi Pengurusan Konsert Karnival Mesra Belia Parlimen Alor Setar	10.05.2012	21.06.2012	34,900
	Perkhidmatan Operasi Pengurusan Konsert Karnival Mesra Belia Parlimen Alor Setar	20.04.2012	02.06.2012	34,400
	Perkhidmatan Artis dan Juruacara Bagi Karnival Mesra Belia Parlimen Jelebu	20.04.2012	04.05.2012	29,900
	Perkhidmatan Artis dan Juruacara Bagi Karnival Mesra Belia Parlimen Jelebu	09.05.2012	21.06.2012	26,500
	Perkhidmatan Operasi Pengurusan Konsert Karnival Mesra Belia Parlimen Muar	03.05.2012	21.06.2012	32,400
	Perkhidmatan Operasi Pengurusan Konsert Karnival Mesra Belia Parlimen Muar	20.04.2012	02.06.2012	31,400
	Perkhidmatan Artis dan Juruacara Bagi Karnival Mesra Belia Parlimen Muar	03.05.2012	21.06.2012	41,000
	Perkhidmatan Artis dan Juruacara bagi karnival Mesra Belia Parlimen Muar	20.04.2012	02.06.2012	41,000
Khaliff Enteprise	Pembekalan Khemah Serta Platform Karnival Mesra Belia Parlimen Alor Setar	10.05.2012	21.06.2012	34,600
	Pembekalan Khemah Serta Platform Karnival Mesra Belia Parlimen Alor Setar	20.04.2012	02.06.2012	34,600
JUMLAH				**428,700**

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013 Dan 13 Mei 2013

JBSN telah menghantar surat kepada pihak MBM untuk mengutip lebihan bayaran berjumlah RM220,900 melibatkan Syarikat M&S Event & Resources dengan jumlah RM186,300 dan Syarikat Khaliff Enterprise dengan jumlah RM34,600 dan kutipan lebihan bayaran sedang dibuat oleh MBM. Surat Peringatan kepada MBM mengenai perkara ini juga telah dikeluarkan. Selain itu, Jawatankuasa Siasatan telah dibentuk untuk menyiasat perkara ini dan penambahbaikan telah dibuat ke atas GPPB JBSN.

Pada pendapat Audit, pembayaran terhadap kerja yang sama sebanyak 2 hingga 3 kali menunjukkan berlakunya *improper payment*. Jawatankuasa siasatan hendaklah ditubuhkan bagi menyiasat perkara tersebut dengan lebih lanjut.

e. Pembayaran Menggunakan Baucar Bayaran Jabatan

Semakan Audit terhadap pembayaran bagi Program Sembang-sembang Belia Sarawak 2011 mendapati pembayaran berjumlah RM1.53 juta tidak menggunakan baucar bayaran MBM. Berdasarkan temu bual bersama pegawai di MBM, beliau memaklumkan bahawa baucar bayaran tersebut merupakan baucar bayaran yang dikeluarkan oleh pihak JBSN. Bagaimanapun, baucar tersebut merupakan baucar cetakan komputer yang tidak mempunyai nombor siri berturutan dan bukan baucar bayaran rasmi Kerajaan (KEW. 304E - Pin. 1/09). Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan kesahihan bayaran tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.12
PERBELANJAAN YANG MENGGUNAKAN BAUCAR BAYARAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

TARIKH BAUCAR	PERIHAL BAYARAN	AMAUN (RM)	JUMLAH (RM)
23.02.2011	Pembinaan Bilik Urusetia	260,000	631,000
	Bayaran Ke-3 kepada Artis	300,000	
	Program Jelajah Negara HBN Johor, Melaka, Negeri Sembilan, W.P., Selangor (RM3,000 x 5)	15,000	
	Perbelanjaan Jelajah	29,000	
	Program MBM Di Merlimau Dan Kerdau	25,000	
	Petty Cash Sekretariat MBM	2,000	
12.04.2011	Bayaran Program MBM Belia 1 Sarawak Kepada Artis	100,000	250,000
	Bayaran Program Sembang Belia	150,000	
17.02.2011	Bayaran Ke-2 Program Mesra Belia Di Sarawak Kepada Artis	250,000	250,000
13.05.2011	Bayaran Bengkel Penulisan Buku Coffee Table Karnival MBM Belia 1 Sarawak	30,500	190,500
	Perbelanjaan Pelarasan HBN (KAS)	150,000	
	Perbelanjaan Pelarasan HBN (MBM)	10,000	
12.11.2011	Bayaran Bagi Sembang-Sembang Di Sarawak	150,000	150,000
15.06.2011	Perbelanjaan Siri Latihan Transformasi Pemimpin Perdana MBM	13,900	16,100
	Bayaran Membekalkan Baju T (WAY-MMD)	2,200	
22.06.2011	Perbelanjaan Siri Latihan Transformasi Pemimpin Muda Siri 3 Kuantan	15,500	43,000
	Sewa Company - *Clash Of The Band*	9,500	
	Siri Latihan Pemimpin Muda Asas Peringkat Negeri Kedah	10,000	
	Petty Cash	2,000	
	Perbatuan Pegawai Ke Melaka/Negeri Sembilan	3,000	
	Perbatuan	3,000	
JUMLAH			**1,530,600**

Pada pendapat Audit, perbelanjaan yang dilakukan menunjukkan berlakunya *improper payment*. Jawatankuasa siasatan hendaklah ditubuhkan bagi menyiasat perkara tersebut dengan lebih lanjut dan memastikan tiada unsur penyelewengan berlaku.

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 13 Mei 2013

Jawatankuasa siasatan telah ditubuhkan mulai 3 Mei 2013 dan perkara ini masih dalam proses siasatan.

f. Bayaran Bagi Menampung Perbelanjaan Hari Belia Negara

Hari Belia Negara (HBN) merupakan antara program terpenting di bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan. Semakan Audit mendapati peruntukan Program Pemberian Bantuan yang masing-masingnya berjumlah RM18.25 juta dan RM12.61 juta digunakan bagi menampung perbelanjaan Hari Belia Negara pada tahun 2011 dan 2012. Peruntukan tersebut disalurkan melalui beberapa NGO/Persatuan/Pertubuhan, di mana MBM merupakan penerima peruntukan terbesar. Pada tahun 2011 dan 2012, peruntukan Program Pemberian Bantuan bagi menampung perbelanjaan HBN melalui MBM adalah masing-masingnya berjumlah RM8.40 juta (46%) dan RM7.92 juta (62.8%) berbanding keseluruhan peruntukan. Peruntukan yang disalurkan melalui beberapa NGO/Persatuan/Pertubuhan bagi membiayai program tersebut menyebabkan jumlah perbelanjaan sebenar HBN yang dilaporkan oleh Kementerian terkurang nyata.

g. Perbelanjaan Tidak Berhemat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 menetapkan agar perjalanan dalam negeri dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai yang minimum dan cara perjalanan yang menjimatkan, tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Selain itu, penganjuran acara majlis keraian hendaklah dibuat secara sederhana dan dihadkan kepada perkara yang penting yang tidak melibatkan perbelanjaan besar seperti sambutan besar-besaran dan pertunjukan pentas. Manakala Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 turut menyatakan bahawa majlis dan upacara keraian seperti pembukaan pejabat/persidangan/mesyuarat, penyampaian hadiah, perasmian bengkel/ kursus hendaklah dihadkan. Sekiranya perlu diadakan, Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan ia dibuat pada tahap yang sederhana dan tidak melibatkan perbelanjaan besar dan membazir. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 17 Disember 2009 pula menyatakan kepentingan amalan perbelanjaan berhemat oleh Pegawai Pengawal dengan lebih tegas iaitu menghentikan amalan hidangan secara besar-besaran dan menghentikan pemberian *door gift* sebagai langkah penjimatan. Semakan Audit bagaimanapun mendapati terdapat perbelanjaan yang dilakukan secara tidak berhemat seperti berikut:

i. Program Rakan Muda Sekolah

JBSN telah mengadakan program Gerak Gempur Rakan Muda Sekolah pada tahun 2009. Pada peringkat awal, JBSN telah memperuntukkan sejumlah RM10.92 juta bagi tujuan pelaksanaan program ini di mana ia melibatkan sebanyak 2,183 buah sekolah dengan penyertaan seramai 419,116 orang pelajar. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sejumlah RM2.70 juta telah dibelanjakan bagi tujuan Majlis Pelancaran Program menyebabkan peruntukan keseluruhan program mencecah sejumlah RM13.62 juta (peningkatan sebanyak 24.7%). Butiran pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

JADUAL 16.13
PECAHAN PERBELANJAAN MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM RAKAN MUDA SEKOLAH

NEGERI	BIL. PESERTA (Orang)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Kedah	1,799	150,000
Perak	3,485	150,000
Pahang	2,150	150,000
Sabah	1,281	400,000
Kelantan	2,000	150,000
Johor	2,369	150,000
Sarawak	1,525	400,000
Terengganu	2,735	150,000
Kuala Lumpur	1,774	150,000
Perlis	1,684	150,000
Putrajaya	1,300	50,000
Negeri Sembilan	5,000	150,000
Labuan	1,002	50,000
Melaka	1,236	150,000
Pulau Pinang	1,965	150,000
Selangor	1,004	150,000
JUMLAH	**32,309**	**2,700,000**

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Kos pelancaran Program Rakan Muda Sekolah termasuk perbelanjaan penyediaan logistik, promosi, makan minum dan pengangkutan pelajar di samping membiayai aktiviti sampingan semasa pelancaran seperti pameran dan aktiviti sukan.

ii. Hari Belia Negara

Adalah didapati beberapa perbelanjaan bagi Hari Belia Negara yang menggunakan peruntukan Program Pemberian Bantuan tidak dibuat dengan berhemat seperti berikut:

- Sejumlah RM42,500 telah digunakan bagi tujuan pembekalan 17 unit papan tanda robot untuk pejalan kaki yang bernilai RM2,500 seunit.



GAMBAR 16.9

Hari Belia Malaysia, Putrajaya - Papan Tanda Robot Bernilai RM2,500 Seunit (Sumber: threeq-threeq.blogspot.com)

- Sejumlah RM2.94 juta didapati digunakan untuk perbelanjaan semasa Hari Belia Negara 2012 seperti berikut:

JADUAL 16.14
PERBELANJAAN HARI BELIA NEGARA 2012
YANG TIDAK DIBUAT SECARA BERHEMAT

PERKARA	JUMLAH (RM)	CATATAN
Bayaran Promosi Dan Publisiti Hari Belia Negara 2012	1,111,927	Perbelanjaan Tinggi
Penganjuran Majlis Makan Malam Hotel Singgahsana, Petaling Jaya - Promosi HBN 2012	33,500	Tidak Selaras Dengan Peraturan Perbelanjaan Berhemat
Penganjuran Majlis Hi-Tea Dan Penginapan Wartawan Di Hotel Marriot, Putrajaya - Promosi HBN 2012	42,466	Tidak Selaras Dengan Peraturan Perbelanjaan Berhemat
Bayaran 50 Bloggers Bagi Tujuan Promosi HBN 2012 - RM1,000 x 50 Bloggers & Pengurusan Syarikat - (Pakej B)	50,000	Perbelanjaan Tinggi
Bayaran 50 Bloggers Bagi Tujuan Promosi HBN 2012 - RM1,000 x 50 Bloggers Dan Pengurusan Syarikat - (Pakej B) Kali Kedua	50,000	Perbelanjaan Tinggi
Elaun Harian Bloggers 5 Hari x RM500 x 3 Bloggers	7,500	Perbelanjaan Tinggi
Lawatan Kerja Pegawai Kanan Dan Pegawai Sekretariat HBN 2012 Ke IKBN Jitra, Songkhla, Krabi Dan Phuket, Thailand 04 Hingga 07 Julai 2012 - Pakej 21 pax	48,300	Tidak Selaras Dengan Peraturan Perbelanjaan Berhemat
Bayaran Artis K-Pop Sempena Himpunan Jutaan Belia 2012	1,600,000	Perbelanjaan Tinggi/Tidak Selaras Dengan Peraturan Perbelanjaan Berhemat
JUMLAH	**2,943,693**	

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013

Papan tanda robot yang digunakan adalah mahal disebabkan faktor saiz dan ciri inovasi.

- Sejumlah RM179,080 didapati telah digunakan untuk perbelanjaan Majlis Makan Malam Petugas HBN 2012, di mana terdapat peningkatan perbelanjaan sebanyak 80.2% berbanding sejumlah RM99,365 yang telah dibelanjakan untuk majlis yang sama pada tahun sebelumnya.

iii. Kad Keahlian Rakan Muda

Program Kad Keahlian Rakan Muda bertujuan menggalakkan/ mempromosikan penglibatan belia dalam aktiviti/program Rakan Muda. Ia juga adalah sebagai satu mekanisme bagi mengukur tahap penglibatan belia remaja yang berusia 15 hingga 25 tahun dalam aktiviti dan program Rakan Muda. Pemegang kad boleh menggunakan kad ini dengan melariknya *(swipe)* di terminal dan mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus melalui pembelian di premis perniagaan yang mengambil bahagian dalam program tersebut. Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani antara JBSN dan Majlis Leisure Dan Rekreasi Malaysia (MAFIRMA) untuk menjayakan program ini bagi tempoh 3 tahun dari tarikh MOU ditandatangani iaitu pada 6 Disember 2007. Selanjutnya MAFIRMA telah melantik Idea Kiosk Sdn. Bhd. (IKSB) bagi tujuan pelaksanaan program secara pakej dengan jumlah perbelanjaan berjumlah RM3.32 juta. Sungguhpun demikian, JBSN didapati telah membelanjakan sejumlah RM4.45 juta bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, iaitu peningkatan sejumlah RM1.13 juta (34%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 16.15
BAYARAN PENGURUSAN PROGRAM KAD KEAHLIAN RAKAN MUDA
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

TAHUN	PERKARA	JUMLAH (RM)	TARIKH BAYARAN	RUJUKAN BAUCAR BAYARAN/NO. RESIT
2008	*Plastic Card With Magnetic*	500,000	11.01.2008	Invois 12001,12006,12011, 12017,12011E,12011
	Merchant Terminal Installation & Maintainance	400,000		
	Loyalty Programe Management Fee	450,000		
	Rakan Muda Membership Card Kit	1,600,000		
	Gaya Hidup Activities Tracking System Server Software	54,000		
	Terminal Software (120 unit x RM550)	66,000		
	Terminal Hardware (120 unit x RM400)	48,000		
	Thematic TVC	101,000		
	MARFIMA Activities Development Funds	100,000		
	JUMLAH	**3,319,000**		

TAHUN	PERKARA	JUMLAH (RM)	TARIKH BAYARAN	RUJUKAN BAUCAR BAYARAN/NO. RESIT
2009	*Loyalty Programe Management Fee*	450,000	13.10.2009	Invois 1012/0609, 1018/0909, 1013/0609 Baucar Bayaran P6829 06/10/2009
	Terminal Software (120 unit x RM550)	66,000		
	Terminal Hardware (120 unit x RM400)	48,000		
	JUMLAH	**564,000**		
2010	*Loyalty Programe Management Fee* - Januari hingga Jun 2010	225,000	13.08.2010 & 08.09.2010	Invois 1024/0110, 1022/0110, 1027/0410
	Loyalty Programe Management Fee - Julai hingga Disember 2010	225,000		
	Terminal Software (120 unit x RM550)	66,000		
	Terminal Hardware (120 unit x RM400)	48,000		
	JUMLAH	**564,000**		
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN		**4,447,000**		
JUMLAH KOS PAKEJ MOU		**3,319,000**		
PENINGKATAN PERBELANJAAN		**1,128,000**		

Sungguhpun pelaksanaan program telah melibatkan perbelanjaan yang besar, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program seperti berikut:

- Berdasarkan MOU, MAFIMA perlu membekalkan kepada JBSN 1,000,000 kad plastik bercetak jalur magnet yang terdiri daripada 750,000 Kad Klasik; 200,000 Kad Emas dan 50,000 Kad Platinum. MAFIMA juga dipertanggungjawabkan dalam urusan kemasukan data ahli ke dalam sistem berkomputer yang disimpan di dalam server pusat berdasarkan borang permohonan yang diterima. Bagaimanapun sehingga Ogos 2012, hanya 750,000 keping Kad Klasik telah diagihkan kepada belia. Daripada jumlah tersebut hanya seramai 270,505 (36.1%) belia telah didaftarkan sebagai pemegang Kad Rakan Muda dan boleh menggunakan kemudahan tersebut. Sementara itu, adalah didapati seramai 479,495 belia tidak dapat didaftarkan sebagai pemegang Kad Rakan Muda kerana seramai 390,138 (52%) belia tidak mengisi borang permohonan dengan lengkap dan seramai 89,357 (11.9%) belia tidak mengembalikan borang permohonan keahlian. Ini menyebabkan kemudahan kad tidak boleh digunakan.

- Berbanding keseluruhan ahli yang berdaftar, hanya seramai 27,823 orang (10.3%) yang dapat menggunakan kemudahan terminal tersebut. Berdasarkan maklum balas pegawai di Bahagian Pembangunan Rakan Muda, keadaan ini berlaku berikutan maklumat ahli pada pangkalan data tidak lengkap, mesin terminal yang diletakkan di kedai rakan niaga mengalami kerosakan dan mesin tidak diletakkan di kawasan terbuka menyebabkan sukar diakses oleh pemegang kad.

- Semakan selanjutnya mendapati, tiada Kad Emas dan Platinum diagihkan. Ini disebabkan tiada pemegang kad klasik yang mempunyai mata ganjaran yang mencukupi untuk melayakkannya mendapat kad emas atau platinum.

GAMBAR 16.10



Kad Keahlian Rakan Muda
Sumber: KBS
(29.08.2012)

GAMBAR 16.11



Pemegang Kad Keahlian Rakan Muda
Sumber: anugerahremajaperdana.blogspot.com
(29.08.2012)

Pada pendapat Audit program kad keahlian rakan muda ini amat merugikan Kerajaan. JBSN hendaklah menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang terlibat.

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013

Kad Platinum dan Kad Emas yang tidak diagihkan telah disimpan oleh IKSB kerana tiada ruang simpanan di JBSN dan IKSB telah mengenakan caj penyimpanan. Bagaimanapun program ini telah ditamatkan pada bulan Julai 2012 kerana tempoh kontrak telah berakhir dan terdapat masalah pelaksanaan. JBSN telah mengambil semula lebihan kad dan meletakkannya di stor Bahagian Rakan Muda.

h. Sumbangan Kepada Persatuan

GPPB JBSN tidak menyatakan dengan jelas sama ada sumbangan kepada persatuan sebagai caj pengurusan (*management fee)* bagi menjalankan aktiviti program Kementerian/Jabatan adalah dibenarkan atau sebaliknya. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012, semakan Audit mendapati terdapat sejumlah antara RM7,000 hingga RM20,000 pembayaran telah dibuat sebagai sumbangan kepada pengurusan bagi 4 persatuan kerana menjalankan program JBSN dengan jumlah keseluruhan RM47,000.

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 4 Mac 2013

Bayaran ini adalah bayaran pengurusan pelaksanaan program oleh NGO/ Persatuan/Pertubuhan.

i. Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan/Perincian Yang Lengkap

Arahan Perbendaharaan 99(a) menetapkan agar semua baucar atau baucar elektronik disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kuantiti dan kadar bagi membolehkan ia disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang disertakan. Bagaimanapun, semakan terhadap Laporan Pelaksanaan Program pada umumnya mendapati laporan yang disediakan tidak disertakan dengan bukti/dokumen pembayaran yang lengkap dan terperinci. Selain itu didapati juga baucar bayaran yang disediakan di kedua-dua peringkat pembayaran iaitu pembayaran oleh JBSN kepada NGO/Persatuan/Pertubuhan dan pembayaran oleh NGO/Persatuan/ Pertubuhan kepada pembekal pada umumnya tidak disertakan dokumen sokongan yang lengkap. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pembayaran telah dibuat dengan teratur kepada penerima dan bagi tujuan yang telah ditetapkan. Butirannya adalah seperti berikut:

i. Dokumen sokongan yang disertakan bersama Laporan Pelaksanaan Program didapati tidak disediakan/lengkap. Contohnya adalah seperti berikut:

- Laporan yang disediakan bagi Program Sembang-sembang Belia Peringkat Negeri Pahang yang pelaksanaannya meliputi beberapa lokasi tidak disertakan dengan resit pembayaran yang berkaitan. Selain itu, gambar yang dilampirkan bersama laporan tersebut bagi beberapa lokasi yang berbeza adalah sama.
- Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) yang menerima peruntukan berjumlah RM8.50 juta dan RM0.75 juta pada tahun 2011 dan 2012 (sehingga Julai 2012) didapati tidak menyediakan laporan kewangan bagi setiap programnya.
- Bagi Program Sembang-sembang Belia Sarawak, didapati senarai nama dan surat lantikan bagi pegawai yang terlibat iaitu Jawatankuasa Pemantau tidak disertakan.


ii. Baucar bayaran oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan yang disertakan tidak dilengkapkan dengan maklumat seperti tarikh pembayaran, butiran dan perincian perbelanjaan, pengesahan penerimaan, kaedah pembayaran (tunai/cek) serta nombor baucar atau rujukan pada baucar bayaran. Selain itu, terdapat juga baucar yang tidak mempunyai kepala surat rasmi pembayar. Sebagai contoh, nama penerima bayaran tidak dicatatkan di ruang yang disediakan di baucar bayaran bagi Program Karnival Kebudayaan Belia 1 Sarawak yang disalurkan kepada Majlis Belia Malaysia.

iii. Baucar bayaran tidak disertakan dengan dokumen sokongan. Sebagai contoh, tiada invois disertakan bagi pembayaran terhadap Program Karnival Mesra Belia 1Malaysia LTDL 2012 berjumlah RM383,800 oleh Majlis Belia Malaysia, sebaliknya pembayaran yang dibuat adalah berdasarkan kepada sebut harga yang telah dipinda dan surat tuntutan dari persatuan/pembekal.

iv. Sebahagian Surat Akuan Penerimaan yang disediakan didapati tidak dilengkapkan dengan butiran penerima seperti nama, nombor Kad Pengenalan dan jumlah penerimaan.


Antara contoh rekod pembayaran yang tidak lengkap adalah seperti di gambar-gambar berikut:

GAMBAR 16.12



Persatuan Bola Jaring Daerah Kuantan, Pahang
- Tiada Tarikh Dan Butiran Penerima Bayaran
(20.07.2012)

GAMBAR 16.13



Gerakan Belia 4B (M) Cawangan Desa Rahmat, Johor
- Butiran Penerima Tidak Lengkap Dan Tulisan Didapati Hampir Sama Bagi Penerima Yang Berbeza
(26.06.2012)

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013

JBSN telah membuat penambahbaikan berkaitan hal ini di dalam Prosedur Pengendalian Standard yang baru dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, penyediaan dokumen sokongan yang lengkap adalah penting bagi membolehkan proses pembayaran dilakukan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 99(a). Ketiadaan maklumat lengkap bagi perbelanjaan yang dibuat menunjukkan kawalan kewangan yang lemah dan boleh menyebabkan wang yang disalurkan terdedah kepada risiko salah guna dan penyelewengan.

16.5.3. Pemantauan

Bagi memastikan program pemberian bantuan dilaksanakan selaras dengan objektif yang ditetapkan dan penyaluran pemberian bantuan kewangan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan, beberapa langkah pemantauan telah digariskan seperti berikut:

16.5.3.1. Garis Panduan untuk Pertimbangan Pemberian Bantuan Kepada Kerajaan Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (GPPB 5 November 1997) menetapkan agar Pegawai Pengawal mengemukakan Laporan Tahunan kepada Perbendaharaan Malaysia pada setiap hujung tahun dan sebelum 31 Januari tahun berikutnya yang mengandungi senarai NGO/Persatuan/Pertubuhan yang telah diberi bantuan, jumlah bantuan serta kegiatannya. Hasil semakan dan temu bual dengan pegawai terlibat, pihak Audit dimaklumkan bahawa laporan ini tidak pernah disediakan dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia. Juga didapati perkara ini tidak pernah ditegur oleh Perbendaharaan Malaysia.

16.5.3.2. Perenggan 8.6 GPPB JBSN menetapkan setiap NGO/Persatuan/ Pertubuhan perlu mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program dalam tempoh 30 hari selepas tarikh pelaksanaan program/aktiviti. Surat Persetujuan Penerimaan Bantuan di Perenggan (ii) juga telah menetapkan bahawa Laporan Pelaksanaan Program perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari selepas dari tarikh pelaksanaan program/aktiviti. Kegagalan dalam mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program dalam tempoh yang telah ditetapkan akan menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan pada masa akan datang. Semakan Audit yang dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JBSN dan JBS Negeri mendapati secara umumnya kebanyakan Laporan Pelaksanaan Program/Aktiviti tidak dibuat/dihantar oleh NGO/persatuan/ pertubuhan yang terlibat. Bagaimanapun adalah didapati NGO/persatuan/ pertubuhan terlibat tidak disenaraihitamkan oleh JBSN dari terus menerima bantuan dan penyaluran bantuan masih lagi dibuat kepada NGO/Persatuan/ Pertubuhan tersebut. Pihak Audit turut mendapati perkara ini tidak pernah dibangkitkan/diberi perhatian yang serius oleh Jabatan.

Maklum Balas Jabatan Belia Dan Sukan Negara Yang Diterima Pada 9 Januari 2013

JBSN mengambil maklum dan akan memastikan perkara ini dilaksanakan di semua peringkat Jabatan. Selain itu, GPPB JBSN turut ditambah baik bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

Pada pendapat Audit, bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin pihak urus setia bantuan hendaklah memastikan Laporan Pelaksanaan Program/Aktiviti disediakan dan dihantar oleh NGO/Persatuan/Pertubuhan yang berkaitan. Laporan ini hendaklah disemak dan diteliti pelaksanaan dan perbelanjaannya agar selaras dengan objektif pemberian bantuan sebelum meluluskan permohonan seterusnya. Selain itu, tindakan tegas hendaklah diambil ke atas NGO/Persatuan/Pertubuhan yang tidak menghantar laporan tersebut mengikut ketetapan. Kementerian juga hendaklah memastikan Laporan Tahunan dihantar kepada Perbendaharaan seperti yang ditetapkan.

16.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan Program Pemberian Bantuan, adalah disyorkan supaya pihak yang berkaitan mempertimbangkan perkara berikut:

16.6.1. JBSN hendaklah memastikan kelulusan program hanya diberikan kepada program yang dibenarkan sahaja selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan;

16.6.2. JBSN hendaklah memastikan mekanisme pembayaran adalah teratur mengikut peraturan kewangan dan amalan tadbir urus kewangan yang baik bagi memastikan perbelanjaan dibuat dengan betul serta perbelanjaan berhemat diamalkan;

16.6.3. JBSN hendaklah memastikan pemantauan berkala dilakukan bagi program yang telah diluluskan dan laporan tahunan disediakan dan dihantar kepada Perbendaharaan; dan

16.6.4. Perbendaharaan Malaysia hendaklah memastikan Laporan Tahunan disediakan dan dihantar oleh JBSN dan semakan hendaklah dibuat bagi mengawal perbelanjaan di bawah kod ini.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 175-189 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

17. PROJEK *MALAYSIAN EMERGENCY RESPONSE SERVICES* (MERS) 999

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Projek MERS 999 telah dilaksanakan hasil daripada keputusan Mesyuarat Pemantauan Penambahbaikan Perkhidmatan Talian Kecemasan MERS 999 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada Mei 2007. MERS 999 bertujuan menjadikan perkhidmatan talian kecemasan yang komprehensif dan bersepadu menggunakan nombor 999 berkonsepkan Satu Malaysia Satu Nombor. Sebelum MERS 999 diwujudkan, terdapat 4 nombor kecemasan iaitu 999, 991, 994 dan 112 yang dikendalikan oleh pelbagai agensi. Matlamat projek adalah untuk menggabungkan empat rangkaian perkhidmatan kecemasan iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah menjadi agensi sokongan kepada sistem MERS 999 mulai tahun 2012. Projek ini dilaksanakan melalui 2 fasa iaitu Fasa 1 yang bermula pada Mei 2007 dan siap pada Jun 2010 serta Fasa 2 yang merupakan penambahbaikan dan perluasan projek bermula pada Januari 2011 dan tamat pada Disember 2012. Pada tahun 2007, Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi (KTAK) merupakan agensi pelaksana projek. Seterusnya, pada tahun 2009 fungsi komunikasi KTAK telah digabungkan di bawah Kementerian baru iaitu Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan (KPKK). Projek ini diteruskan di bawah KPKK dan dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Kemudahan, Sektor Komunikasi. Empat jawatankuasa telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan projek iaitu Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Kerja serta Jawatankuasa Pemantauan Dan Penilaian yang dipengerusikan oleh KPKK, manakala Jawatankuasa Naziran dan Kawal Selia dipengerusikan oleh Majlis Keselamatan Negara.

17.1.2. Sistem MERS 999 menyediakan butir-butir terperinci pemanggil untuk penyediaan perkhidmatan kecemasan kepada pihak Polis, Bomba Dan Penyelamat, hospital dan Jabatan Pertahanan Awam. Sistem ini dilengkapi dengan aplikasi *Computer Aided Dispatch* (CAD) bagi merekodkan maklumat kecemasan sesuatu kejadian, *Geographical Information System* (GIS) bagi menentukan lokasi pemanggil, kejadian dan jentera penyelamat berkaitan melalui GPS, *Computer Telephone Interface* (CTI) yang merekodkan maklumat pemanggil serta lokasi kejadian dengan tepat, Perakam Suara dan Sistem Protokol Perubatan (ProQA) untuk KKM yang merupakan soalan sistematik bagi memberi panduan kepada

pemanggil kecemasan mengenai tindakan bantuan kecemasan melalui talian sementara menunggu bantuan tiba di lokasi.

17.1.3. Operasi Sistem MERS 999 bermula apabila pemanggil menghubungi Pusat Panggilan MERS 999 (Response Centre - RC). Panggilan akan disaring, di rekod secara elektronik dan hanya panggilan kecemasan disalurkan ke Pusat Panggilan Agensi (Dispatch Centre - DC) seperti PDRM, JBPM, KKM, JPAM dan APMM. *Dispatch Centre* akan menghantar pasukan penyelamat ke lokasi kejadian dengan segera. Setiap panggilan kecemasan akan dijawab dalam masa 10 saat. Sistem ini juga dilengkapkan dengan aplikasi *Automatic Number Identification/ Automatic Location Identification* (ANI/ALI) yang dapat mengenal pasti nombor dan lokasi pemanggil secara automatik. Pengendalian panggilan MERS 999 adalah seperti dirajah berikut:

RAJAH 17.1
PENGENDALIAN PANGGILAN MERS 999



Sumber: Taklimat Projek MERS 999 Oleh KPKK

17.1.4. Telekom Malaysia Berhad (TM) telah dilantik secara rundingan terus bagi membangunkan projek ini dengan kos keseluruhan RM801.55 juta. Ini meliputi kos pembangunan (Capital Expenditure - CAPEX) berjumlah RM596.25 juta dan kos operasi (Operating Expenditure - OPEX) berjumlah RM205.3 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.1
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN OPERASI SISTEM MERS 999 SEHINGGA DISEMBER 2012

FASA	KONTRAK	TEMPOH KUATKUASA	STATUS KONTRAK	KOS (RM juta)
CAPEX				
Fasa 1	Pembangunan Sistem MERS 999	01.05.2007 - 15.12.2010	Siap Ikut Jadual	336.25
Fasa 2	Perluasan Dan Penambahan Sistem MERS 999	01.01.2011 - 31.12.2012		260.00
JUMLAH KOS CAPEX				**596.25**
OPEX				
Fasa 1	Operasi Dan Penyenggaraan Sistem MERS 999	07.03.2009 - 31.12.2010	Siap Ikut Jadual	85.30
	Operasi Dan Penyenggaraan Sistem MERS 999	01.01.2011 - 31.12.2012		120.00
JUMLAH KOS OPEX				**205.30**
JUMLAH KESELURUHAN				**801.55**

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada Projek MERS 999 telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

17.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi prestasi pelaksanaan Projek MERS 999 bagi tempoh 6 tahun iaitu tahun 2007 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Bahagian Kemudahan, Sektor Komunikasi KPKK, TM, Pusat Panggilan MERS 999 di Kuala Lumpur, Melaka dan Sarawak serta Pusat Panggilan Agensi iaitu PDRM, JBPM, KKM dan JPAM di Melaka, Pahang, Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Sarawak.

17.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan kontrak serta perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, lawatan fizikal, pemeriksaan dan soal selidik terhadap pengguna sistem dan orang awam di 6 buah negeri untuk mendapat maklum balas mengenai kepuasan pengguna.

17.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga November 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek adalah kurang memuaskan khususnya dari segi pematuhan syarat kontrak, pentadbiran kontrak dan pemantauan projek. Pengauditan terhadap prestasi dan pengurusan projek MERS 999 bagi 6 negeri yang dipilih mendapati kelemahan seperti berikut:

i. pembangunan dan pemasangan sistem MERS 999 di 16 tapak lewat dilaksanakan dan 34 tapak beroperasi lewat dari tempoh yang ditetapkan*;*

ii. jumlah panggilan bukan kecemasan meningkat dan masih berlaku kes panggilan yang tidak dijawab (drop calls);

iii. bayaran Interim pertama berjumlah RM26.4 juta dibuat sebelum Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani, manakala 2 kontrak lewat ditandatangani antara 8 hingga 10 bulan dari tarikh SST dikeluarkan;

iv. tempoh sah laku jaminan bon pelaksanaan tidak meliputi tempoh jaminan 12 bulan selepas kontrak berakhir;

v. pelantikan perunding tempatan dan asing tidak mematuhi peraturan kewangan manakala yuran perkhidmatan perunding berjumlah RM1.92 juta melebihi kadar yang ditetapkan. Bayaran yuran perkhidmatan perunding berjumlah RM25.88 juta dibuat secara *lump sum* tanpa butiran perkhidmatan yang diberi. Kos imbuhan balik bagi perkhidmatan perunding berjumlah RM480,000 pula dibayar secara *lump sum* tanpa disokong dengan resit. Manakala caj yuran pengurusan projek terlebih bayar berjumlah RM295,036;

vi. bayaran kos bengkel berjumlah RM3.43 juta, kursus berjumlah RM1.9 juta dan lawatan ke luar negara berjumlah RM3.34 juta dibuat tanpa disokong dengan dokumen lengkap. Kos bengkel berjumlah RM2.03 juta tidak mengikut kadar yang ditetapkan. Manakala kos bengkel dan kursus bagi kakitangan kontraktor berjumlah RM3.27 juta telah ditanggung oleh Kerajaan;

vii. sewa tempat latihan di Pusat Latihan TM, Taman Desa di caj 2 kali;

viii. kos lawatan ke luar negara berjumlah RM253,813 tidak munasabah dan tidak mengikut kadar yang ditetapkan. Program promosi dan publisiti yang dibatalkan telah dibayar sejumlah RM3.19 juta. Manakala bayaran kos program promosi dan publisiti berjumlah RM2.86 juta dibuat tanpa disokong dengan dokumen yang lengkap mengenai setiap satu perkhidmatan, bekalan dan kerja dilaksanakan;

ix. bayaran insentif kepada *Master Of Trainers* (MOT) berjumlah RM295,094 sepatutnya ditanggung oleh TM telah dibayar oleh Kerajaan. Manakala caj sewa ruang pejabat terlebih bayar kepada TM berjumlah RM373,312, begitu juga kos *recurring charge connectivity* ANI/ALI berjumlah RM0.9 juta telah terlebih dibayar. Perkakasan dan perisian yang tidak dibekalkan telah dibayar berjumlah RM1.03 juta; dan

x. jawatankuasa pemantauan yang ditubuhkan tidak berkesan dalam melindungi kepentingan Kerajaan dari segi peraturan dan syarat kontrak hingga menyebabkan berlaku *improper payment* berjumlah RM13.54 juta.

Penjelasan lanjut berhubung dengan penemuan Audit dan maklum balas Kementerian adalah seperti berikut:

17.5.1. Prestasi Projek

17.5.1.1. Pencapaian Kewangan

a. Peruntukan keseluruhan projek berjumlah RM801.55 juta telah diluluskan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2012. Ini meliputi peruntukan pembangunan sejumlah RM681.55 juta dan peruntukan mengurus sejumlah RM120 juta. Sehingga 31 Disember 2012, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM680.3 juta (99.8%) dan perbelanjaan mengurus berjumlah RM120 juta (100%). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.2
PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK MERS 999 SETAKAT 31 DISEMBER 2012

PROJEK	TEMPOH	PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	(%)
Pembangunan (CAPEX)	RMK-9 (2009 - 2010)	421.55	421.33	
	RMK-10 (2011 - 2012)	260.00	258.97	
JUMLAH CAPEX		681.55	680.30	99.8
Mengurus (OPEX)	2011	60.00	60.00	
	2012	60.00	60.00	
JUMLAH OPEX		120.00	120.00	100
JUMLAH KESELURUHAN		**801.55**	**800.30**	

Sumber : Bahagian Kewangan KPKK

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan pembangunan dan mengurus adalah sangat baik kerana Kementerian telah membelanjakan keseluruhan peruntukan bagi projek ini.

17.5.1.2. Prestasi Fizikal/Output

a. Tarikh siap projek CAPEX Fasa 1 yang melibatkan pembangunan 41 tapak ditetapkan pada 15 Disember 2010. Ia melibatkan pembangunan naik taraf 3 pusat panggilan kecemasan *Response Centre* (RC) Kuala Lumpur, RC Melaka dan RC Kuching serta 32 pusat panggilan agensi *Dispatch Centre* (DC) di Kawasan Tengah iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya. Pembangunan tapak adalah meliputi pembangunan sistem. Selain itu, pembangunan juga meliputi 6 Pusat Sokongan *Support Centre* (SC) iaitu 3 di Kuala Lumpur, 2 di Putrajaya dan satu di Cyberjaya. Projek CAPEX Fasa 1 telah siap dan beroperasi dalam tempoh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.3
BILANGAN TAPAK MENGIKUT NEGERI BAGI KONTRAK CAPEX FASA 1
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2010

FASA/ TEMPOH KONTRAK	SKOP KERJA	NEGERI/ LOKASI	BILANGAN TAPAK						JUMLAH TAPAK	TARIKH OPERASI
			AGENSI/*DC*				TELEKOM			
			PDRM	JBPM	KKM	JPAM	RC	SC		
1 (01.05.2007 hingga 15.12.2010)	i. Naik Taraf *RC*	Kuala Lumpur	-	-	-	-	1	-	1	05.02.2009*
		Melaka	-	-	-	-	1	-	1	05.02.2009*
		Kuching	-	-	-	-	1	-	1	19.03.2009*
	ii. Kerja Pembinaan Tapak *DC* Dan Pembangunan Sistem Pusat Panggilan	Kuala Lumpur	2	1	1	2	-	-	6	07.03.2010*
		Putrajaya	1	1	2	0	-	-	4	07.03.2010*
		Selangor	15	1	5	1	-	-	22	07.03.2010*
	iii. Kerja Pembinaan Tapak SC	Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	3	3	15.12.2010**
		Putrajaya	-	-	-	-	-	2	2	15.12.2010**
		Cyberjaya	-	-	-	-	-	1	1	15.12.2010**
JUMLAH			**18**	**3**	**8**	**3**	**3**	**6**	**41**	

Sumber : Laporan Kemajuan Kerja TM
Nota : (*) - Tarikh Operasi Yang Disahkan Oleh TM
(**) - Tarikh Operasi Adalah Berdasarkan Kepada Tarikh Certificate of Acceptance (COA)

b. Tarikh siap projek CAPEX Fasa 2 pula ditetapkan pada 31 Disember 2012. CAPEX Fasa 2 ini, melibatkan pembangunan tambahan sebanyak 426 tapak. Pelaksanaannya turut melibatkan pertambahan kuantiti peralatan *Mobile CAD* sebanyak 20 unit pada kenderaan PDRM di Johor dan Kuala Lumpur. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.4
BILANGAN TAPAK MENGIKUT SKOP KERJA DAN NEGERI
BAGI KONTRAK CAPEX FASA 2
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2012

FASA/ TEMPOH KONTRAK	SKOP KERJA	NEGERI	BILANGAN TAPAK							JUMLAH
			AGENSI					TELEKOM		
			PDRM	JBPM	KKM	JPAM	APMM	RC	STC	
2 (01.01.2011 hingga 31.12.2012)	i. Pembinaan *DC* Dan Pemasangan Sistem/Aplikasi *PABX, CTI, CAD, GIS, MIS* Dan *Lite CAD* ii. Pembinaan Dan Pemasangan Sistem/Aplikasi *PABX, CTI, CAD, GIS* Dan *MIS* Di Pusat Sokongan Telekom	Melaka	4	9	1	1	-	-	1	16
		Johor	14	25	1	1	1	-	-	42
		Kuala Lumpur	6	17	-	-	-	-	1	24
		W.P. Putrajaya	-	-	-	-	1	-	-	1
		Selangor	3	31	-	-	-	-	-	34
		Negeri Sembilan	8	16	1	1	-	-	-	26
		Pahang	11	22	1	1	1	-	-	36
		Pulau Pinang	6	18	1	1	-	-	-	26
		Kedah	-	-	-	-	1	-	-	1
		Sarawak	28	23	2	1	1	-	1	56
		Sabah	20	21	2	1	1	-	-	45
		W.P. Labuan	-	4	-	-	-	-	-	4
	JUMLAH		**100**	**186**	**9**	**7**	**6**	**-**	**3**	**311**

FASA/ TEMPOH KONTRAK	SKOP KERJA	NEGERI	BILANGAN TAPAK							JUMLAH
			AGENSI					TELEKOM		
			PDRM	JBPM	KKM	JPAM	APMM	RC	STC	
	iii. Kerja Integrasi Dan Naik Taraf Sistem *CAD* Di *DC*	Kuala Lumpur	-	1	1	1	-	-	-	3
		W.P. Putrajaya	-	1	1	-	-	-	-	2
		Selangor	-	1	5	1	-	-	-	7
	JUMLAH		**-**	**3**	**7**	**2**	**-**	**-**	**-**	**12**
	iv. Pemasangan Peralatan *Mobile CAD* Di Kenderaan Penyelamat v. Naik Taraf Peralatan *Voice Recording* Di *RC*	Melaka	-	-	-	14	-	1	-	15
		Johor	-	-	-	18	-	-	-	18
		Kuala Lumpur	-	-	-	10	-	1	-	11
		Selangor	-	-	-	10	-	-	-	10
		Negeri Sembilan	-	-	-	15	-	-	-	15
		Pahang	-	-	-	19	-	-	-	19
		Pulau Pinang	-	-	-	14	-	-	-	14
		Sarawak	-	-	-	-	-	1	-	**1**
	JUMLAH		**-**	**-**	**-**	**100**	**-**	**3**	**-**	**103**
JUMLAH ASAL			**100**	**189**	**16**	**109**	**6**	**3**	**3**	**426**
JUMLAH TAMBAHAN *Mobile CAD*			**20**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**446**

Sumber : Laporan Kemajuan Kerja TM

c. Laporan Kemajuan Kerja TM setakat bulan November 2012 melaporkan sebanyak 227 tapak (50.9%) telah disiapkan. Baki 219 tapak (49.1%) lagi masih di peringkat pembangunan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.5
BILANGAN TAPAK BAGI KONTRAK CAPEX FASA 2 YANG MASIH DI PERINGKAT PEMBANGUNAN SEHINGGA NOVEMBER 2012

SKOP KERJA	NEGERI	AGENSI				JUMLAH
		PDRM	JBPM	KKM	JPAM	
Pembinaan *DC* Dan Pemasangan Sistem/Aplikasi *PABX, CTI, CAD, GIS, MIS* Dan *Lite CAD*	Melaka	-	8	-	-	8
	Johor	-	24	-	-	24
	Kuala Lumpur	1	17	-	-	18
	Selangor	1	31	-	-	32
	Negeri Sembilan	-	15	-	-	15
	Pahang	-	21	-	-	21
	Pulau Pinang	-	17	-	-	17
	Sarawak	-	22	2	1	25
	Sabah	-	21	2	-	23
	W.P. Labuan	-	3	-	-	3
JUMLAH		**2***	**179**	**4**	**1**	**186**
Kerja Integrasi Dan Naik Taraf Sistem *CAD* Di *DC*	W.P. Putrajaya	-	-	1	-	1
	Selangor	-	-	4	-	4
JUMLAH		**-**	**-**	**5**	**-**	**5**

SKOP KERJA	NEGERI	AGENSI				JUMLAH
		PDRM	JBPM	KKM	JPAM	
Pemasangan Peralatan *Mobile CAD* Di Kenderaan Penyelamat	Johor	2	-	-	2	4
	Kuala Lumpur	18	-	-	1	19
	Selangor	-	-	-	1	1
	Negeri Sembilan	-	-	-	2	2
	Pahang	-	-	-	2	2
JUMLAH		**20****	**-**	**-**	**8**	**28**
JUMLAH KESELURUHAN		**22**	**179**	**9**	**9**	**219**

Sumber : ***Laporan Kemajuan Kerja TM***
Nota : ***(*) - 2 IPD Sentul dan Sungai Buloh yang ditunda pembinaan***
(**) - Tambahan kuantiti 20 unit Mobile CAD

d. Analisis Audit terhadap 219 tapak dalam pembangunan menunjukkan 16 tapak telah melebihi tempoh siap yang di tetapkan antara 2 hingga 6 bulan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.6
BILANGAN TAPAK MELEBIHI TEMPOH SIAP YANG DITETAPKAN
BAGI KONTRAK CAPEX FASA 2
SEHINGGA 30 NOVEMBER 2012

SKOP KERJA	NEGERI	TEMPOH OPERASI	AGENSI			JUMLAH	TEMPOH LEWAT (Bulan)
			PDRM	KKM	JPAM		
Pembinaan *DC* Dan Pemasangan Sistem/ Aplikasi *PABX, CTI, CAD, GIS, MIS* Dan *Lite CAD*	Kuala Lumpur	30.05.2012	1	-	-	1	6
	Selangor	30.05.2012	1	-	-	1	6
JUMLAH			**2**	**-**	**-**	**2**	
Kerja Integrasi Dan Naik Taraf Sistem *CAD* Di *DC*	W.P. Putrajaya	15.05.2012	-	1	-	1	6
	Selangor	15.05.2012	-	4	-	4	6
JUMLAH			**-**	**5**	**-**	**5**	
Pemasangan Peralatan *Mobile CAD* Di Kenderaan Penyelamat	Johor	30.09.2012	-	-	2	2	2
	Kuala Lumpur	30.09.2012	-	-	1	1	2
	Selangor	30.09.2012	-	-	1	1	2
	Negeri Sembilan	30.09.2012	-	-	2	2	2
	Pahang	30.09.2012	-	-	3	3	2
JUMLAH			**-**	**-**	**9**	**9**	
JUMLAH KESELURUHAN			**2**	**5**	**9**	**16**	

Sumber : ***Laporan Kemajuan Kerja TM***

e. Analisis Audit terhadap 227 tapak yang telah siap mendapati sebanyak 34 tapak lewat beroperasi. Tempoh kelewatan adalah antara 2 hingga 6 bulan. Lawatan Audit pada 18 hingga 20 September 2012 di Pusat Panggilan Kecemasan Agensi PDRM, JBPM, KKM dan JPAM Negeri Pahang mendapati 6 DC masih belum beroperasi sejak 30 Julai 2012 kerana kakitangan belum menjalani latihan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.7
BILANGAN TAPAK YANG LEWAT BEROPERASI

SKOP KERJA	NEGERI	TEMPOH OPERASI	AGENSI					TARIKH OPERASI	TEMPOH LEWAT (Bulan)
			PDRM	JBPM	KKM	JPAM	APMM		
Pembinaan *DC* Dan Pemasangan Sistem/ Aplikasi *PABX, CTI, CAD, GIS, MIS* Dan *Lite CAD*	Pahang	30.07.2012	11	1	-	1	1	08.10.2012	2
			-	-	1	-	-	16.11.2012	4
	Pulau Pinang	30.07.2012	-	-	1	-	-	16.11.2012	4
JUMLAH			**11**	**1**	**2**	**1**	**1**	**16**	
Kerja Integrasi Dan Naik Taraf Sistem *CAD* Di *DC*	Kuala Lumpur	15.05.2012	-	-	1	-	-	02.10.2012	5
	Selangor	15.05.2012	-	-	1	-	-	22.10.2012	6
JUMLAH			**-**	**-**	**2**	**-**	**-**	**2**	
Pemasangan Peralatan *Mobile CAD* Di Kenderaan Penyelamat	Pahang	30.09.2012	-	-	-	16	-	21.11.2012	2
JUMLAH			**-**	**-**	**-**	**16**	**-**	**16**	
JUMLAH KESELURUHAN			**11**	**1**	**4**	**17**	**1**	**34**	

Sumber : Laporan Kemajuan Kerja TM

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Bagi kelewatan pembinaan tapak, kontrak pelaksanaan bagi tahun 2011-2012 hanya bermula pada 30 September 2011 dan kelewatan selama 9 bulan bagi memulakan kerja disebabkan oleh kelewatan kelulusan diperolehi daripada Agensi Pusat. Maka perubahan tempoh siap tapak terpaksa dipinda berdasarkan tempoh permulaan kerja.

Bagi kelewatan tapak beroperasi, kelewatan memulakan operasi bergantung pada justifikasi sistem perlu menjalani User Acceptance Test (UAT) oleh Master Of Trainer (MOT) dan pegawai di agensi telah diberi latihan. Pada masa yang sama keputusan untuk penetapan tarikh operasi ditentukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MERS 999 bersama agensi terlibat. Oleh itu Kementerian tidak dapat menyeragamkan masa operasi kerana ia bergantung pada kesesuaian masa agensi.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan fizikal projek adalah tidak memuaskan kerana terdapat 16 tapak lewat disiapkan antara 2 hingga 6 bulan. Sebanyak 34 tapak telah siap tetapi lewat beroperasi antara 2 hingga 6 bulan dari tempoh yang ditetapkan. Kelewatan ini boleh menjejaskan objektif serta prestasi projek.

17.5.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

Salah satu matlamat MERS 999 adalah untuk mengurangkan panggilan palsu, menapis panggilan masuk dan menyalurkan hanya panggilan kecemasan kepada agensi kecemasan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan sistem MERS 999 mendapati perkara berikut:

a. Peringkat Pusat Panggilan Kecemasan (RC)

i. Kertas Cadangan Teknikal TM menyatakan sistem MERS 999 Fasa 1 berupaya menerima 3.33 juta panggilan sebulan atau 39.96 juta panggilan setahun. Bagi tempoh 2 tahun 8 bulan iaitu mulai Januari 2010 hingga Ogos 2012, keupayaan sistem MERS 999 sepatutnya mencapai sebanyak 106.56 juta panggilan. Bagaimanapun, statistik panggilan di 3 *RC* menunjukkan hanya 51.59 juta panggilan sahaja (48.4%) diterima dalam tempoh tersebut. Oleh itu, Prestasi Sistem MERS 999 bagi projek CAPEX Fasa 1 masih diparas rendah dan belum mencapai keupayaan maksima. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.8
PANGGILAN TALIAN MERS 999 YANG DITERIMA OLEH *RC*
BAGI TEMPOH BULAN JANUARI 2010 HINGGA OGOS 2012

RC	2010			2011			SEHINGGA OGOS 2012		
	KEUPAYAAN SISTEM (Juta)	SEBENAR (Juta)	(%)	KEUPAYAAN SISTEM (Juta)	SEBENAR (Juta)	(%)	KEUPAYAAN SISTEM (Juta)	SEBENAR (Juta)	(%)
KL	23.4	7.86	33.6	23.4	8.11	34.7	15.6	5.77	37.0
Melaka	8.28	6.12	73.9	8.28	7.06	85.3	5.52	7.12	129.0
Kuching	8.28	3.32	40.1	8.28	2.99	36.1	5.52	3.24	58.7
JUMLAH	**39.96**	**17.3**		**39.96**	**18.16**		**26.64**	**16.13**	
JUMLAH KEUPAYAAN SISTEM TERIMA PANGGILAN (JANUARI 2010 - OGOS 2012)								**106.56 Juta**	
JUMLAH SEBENAR PANGGILAN DITERIMA (JANUARI 2010 - OGOS 2012)								**51.59 Juta**	
PENCAPAIAN								**48.4 %**	

Sumber : Laporan Statistik Panggilan TM

ii. Statistik juga menunjukkan sebanyak 50.31 juta (97.5%) panggilan merupakan panggilan bukan kecemasan. Hanya 1.29 juta (2.5%) panggilan merupakan panggilan kecemasan yang disalurkan kepada agensi kecemasan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.9
STATISTIK PANGGILAN YANG DITERIMA OLEH *RC*
BAGI TEMPOH BULAN JANUARI 2010 HINGGA BULAN OGOS 2012

TAHUN	*RC*	PANGGILAN KECEMASAN (Juta)	(%)	BUKAN KECEMASAN (Juta)	(%)	JUMLAH PANGGILAN (Juta)
2010	KL	0.25	3.2	7.61	96.8	7.86
	Melaka	0.16	2.6	5.96	97.4	6.12
	Kuching	0.05	1.5	3.28	98.5	3.33
JUMLAH		**0.46**		**16.85**		**17.31**
2011	KL	0.26	3.2	7.85	96.8	8.11
	Melaka	0.18	2.5	6.88	97.5	7.06
	Kuching	0.05	1.7	2.95	98.3	3.0
JUMLAH		**0.49**		**17.68**		**18.17**

TAHUN	*RC*	PANGGILAN KECEMASAN (Juta)	(%)	BUKAN KECEMASAN (Juta)	(%)	JUMLAH PANGGILAN (Juta)
Sehingga Ogos 2012	KL	0.16	2.8	5.61	97.2	5.77
	Melaka	0.13	1.8	6.99	98.2	7.12
	Kuching	0.05	1.6	3.18	98.5	3.23
JUMLAH		**0.34**		**15.78**		**16.12**
JUMLAH KESELURUHAN		**1.29**	**2.5**	**50.31**	**97.5**	**51.60**

Sumber : Laporan Statistik Panggilan TM

iii. Panggilan palsu, panggilan yang diputuskan pemanggil, panggilan senyap dan panggilan tidak berkaitan kecemasan telah dikategorikan sebagai panggilan bukan kecemasan. Analisis Audit mendapati jumlah panggilan bukan kecemasan terus meningkat sebanyak 0.82 juta (4.9%) dari tahun 2010 hingga 2011 walaupun promosi dan kempen kesedaran kepada orang awam telah dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.10
STATISTIK PANGGILAN BUKAN KECEMASAN
BAGI TEMPOH BULAN JANUARI 2010 HINGGA BULAN OGOS 2012

TAHUN	*RC*	JUMLAH PANGGILAN PALSU (Juta)	JUMLAH PANGGILAN YANG DIPUTUSKAN PEMANGGIL (Juta)	JUMLAH PANGGILAN SENYAP (Juta)	JUMLAH PANGGILAN TIDAK BERKAITAN (Juta)	JUMLAH PANGGILAN BUKAN KECEMASAN (Juta)
2010	KL	4.89	2.48	-	0.24	7.61
	Melaka	4.16	1.66	-	0.15	5.97
	Kuching	2.00	1.16	-	0.11	3.27
JUMLAH		**11.05**	**5.3**	**-**	**0.5**	**16.85**
2011	KL	5.12	2.48	-	0.25	7.85
	Melaka	5.33	1.37	-	0.17	6.87
	Kuching	2.02	0.89	-	0.04	2.95
JUMLAH		**12.47**	**4.74**	**-**	**0.46**	**17.67**
Sehingga Ogos 2012	KL	3.94	1.54	-	0.14	5.62
	Melaka	0.26	1.20	5.42	0.11	6.99
	Kuching	1.05	0.61	1.48	0.04	3.18
JUMLAH		**5.25**	**3.35**	**6.9**	**0.29**	**15.79**
JUMLAH KESELURUHAN		**28.77**	**13.39**	**6.9**	**1.25**	**50.31**
(%)		**57.2**	**26.6**	**13.7**	**2.5**	

Sumber : Laporan Statistik Panggilan TM

b. Peringkat Pusat Panggilan Kecemasan Agensi (DC)

i. Pecahan panggilan kecemasan yang disalurkan kepada agensi kecemasan bagi tempoh bulan Januari 2010 hingga Ogos 2012 melibatkan 41.7% bagi KKM, 31.8% bagi PDRM, 14.7% bagi JBPM dan 11.6% bagi JPAM. Semakan Audit terhadap rekod dan temu bual dengan pegawai agensi kecemasan menyatakan tiada lagi panggilan palsu diterima di DC melalui sistem MERS 999.

ii. Setiap agensi telah menetapkan *Key Performance Index* (KPI) masing-masing untuk menangani kes kecemasan. KPI ditetapkan adalah mengikut tempoh masa bantuan kecemasan tiba ke lokasi kejadian bergantung kepada jarak dari DC. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.11
***KEY PERFORMANCE INDEX* BANTUAN KECEMASAN MENGIKUT AGENSI**

AGENSI	*STANDARD* MASA TINDAKAN (Minit)	*KEY PERFORMANCE INDEX* (KPI)
PDRM	8 hingga 10	Bantuan Kecemasan Akan Tiba Di Lokasi Dalam Tempoh 10 Minit Di Sekitar Lembah Klang
JBPM	8 hingga 10	Bantuan Kecemasan Akan Tiba Di Lokasi Dalam Tempoh 8.5 Minit Sekitar 5km Dari Balai Bomba
KKM	15 hingga 30	Bantuan Kecemasan Akan Tiba Di Lokasi Dalam Tempoh 30 Minit Sekitar 5km Dari Hospital
JPAM	10 hingga 15	Bantuan Kecemasan Akan Tiba Di Lokasi Dalam Tempoh 15 Minit Sekitar 10km Dari Pusat Pertahanan Awam

Sumber : Business Process MERS 999

iii. Hasil semakan terhadap 77 rekod panggilan kecemasan berkomputer (Call Card) yang diterima daripada agensi terlibat bagi tempoh bulan Januari hingga September 2012 mendapati kesemua kes kecemasan telah memenuhi tempoh KPI yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, objektif sistem MERS 999 untuk menapis panggilan palsu di agensi kecemasan telah tercapai. Ini dapat membantu agensi kecemasan mencapai KPI masing-masing dalam memberikan bantuan kecemasan kepada orang awam. Tindakan perlu diambil bagi menyelesaikan masalah panggilan bukan kecemasan.

17.5.1.4. Pencapaian Kualiti Perkhidmatan

a. Sistem MERS 999 menjamin semua panggilan akan dijawab dan tiada panggilan tertinggal (zero drop call) kerana mempunyai keupayaan *automatic routing system* (ARS). ARS membolehkan jika talian sibuk, maka panggilan akan dijawab oleh mana-mana Pusat Panggilan MERS 999. Statistik bagi tempoh Januari hingga Ogos 2012 menunjukkan terdapat sejumlah 23.6 juta panggilan masuk di 3 RC. Semakan Audit mendapati daripada jumlah tersebut, sebanyak 7.65 juta (32.4%) merupakan panggilan tidak dijawab (drop call) berbanding dengan 15.95 juta jumlah panggilan yang dijawab oleh Pegawai Eksekutif Panggilan (Professional Executive Officer - PEO). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.12
JUMLAH PANGGILAN MASUK DAN TIDAK DIJAWAB (DROP CALL) DI 3 *RC*
BAGI BULAN JANUARI HINGGA OGOS 2012

BULAN	*RC* KL			*RC* MELAKA			*RC* KUCHING		
	PANGILAN MASUK (Juta)	PANGGILAN DIJAWAB (Juta)	PERBEZAAN (Juta)	PANGGILAN MASUK (Juta)	PANGGILAN DIJAWAB (Juta)	PERBEZAAN (Juta)	PANGGILAN MASUK (Juta)	PANGGILAN DIJAWAB (Juta)	PERBEZAAN (Juta)
Januari hingga Ogos 2012	10.79	5.87	4.92	9.7	7.25	2.45	3.11	2.83	0.28
JUMLAH PANGGILAN MASUK								**23.6**	
JUMLAH PANGGILAN DIJAWAB								**15.95**	**67.6%**
PANGGILAN TIDAK DIJAWAB (DROP CALL)								**7.65**	**32.4%**

Sumber : Laporan Statistik Panggilan TM

Pada pendapat Audit, kualiti perkhidmatan menjawab panggilan kecemasan yang dikendalikan oleh TM tidak memuaskan kerana terdapat sebanyak 7.65 juta (32.4%) panggilan masuk yang tidak dijawab. Oleh yang demikian, objektif pelaksanaan Projek MERS 999 untuk mengatasi masalah *drop calls* masih belum tercapai.

17.5.2. Pengurusan Projek

17.5.2.1. Pengurusan Perolehan

a. Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor dalam tempoh satu hari selepas surat kelulusan Kementerian Kewangan. Seterusnya, Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 pula menghendaki kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST bagi 3 kontrak lewat dikeluarkan antara 12 hingga 54 hari dari tarikh kelulusan. Selain itu, 2 kontrak iaitu *CAPEX* Fasa 2 dan *OPEX* (2011-2012) hanya ditandatangani selepas 8 hingga 10 bulan dari tarikh SST. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.13
TEMPOH KELEWATAN PENGELUARAN KONTRAK DAN SST
SETAKAT DISEMBER 2012

KONTRAK	TARIKH			TEMPOH KELEWATAN SST (Hari)	TEMPOH KELEWATAN KONTRAK (Bulan)
	KELULUSAN	SST	KONTRAK		
Fasa 1 (OPEX)	31.05.2010	11.06.2010	**05.10.2010**	12	-
Fasa 1 (OPEX)	08.08.2011	30.09.2011	**11.09.2012**	54	**8**
Fasa 2 (CAPEX)	25.08.2011	30.09.2011	**12.12.2012**	37	**10**

b. Bagi projek *CAPEX* Fasa 1 sejumlah RM26.40 juta telah dibayar berdasarkan keputusan mesyuarat antara KTAK dengan TM bertarikh 28 Mei 2007 sebelum Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. SST merupakan satu dokumen perundangan sah yang mengesahkan penerimaan tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan. KTAK tidak mematuhi syarat SPP Bil. 10 Tahun 1995 yang menetapkan SST perlu dikeluarkan sebelum bayaran kemajuan boleh dibayar sekiranya kontrak belum ditandatangani. Semakan Audit juga mendapati TM menerima bayaran di antara 2 hingga 17 bulan selepas memulakan kerja. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.14
TARIKH PEMBAYARAN INTERIM KEPADA TM

KONTRAK	TARIKH			BAYARAN (RM Juta)	TEMPOH (Bulan)
	MULA KERJA	SST	INTERIM 1		
Fasa 1 (CAPEX) *	01.05.2007	14.01.2009	20.06.2007	26.4	2
Fasa 2 (CAPEX)	01.01.2011	30.09.2011	25.10.2011	13.0	10
Fasa 1 (OPEX)	07.03.2009	11.06.2010	26.08.2010	56.8	17
	01.01.2011	30.09.2011	31.05.2012	15.0	17

Nota : ***(*) - Pembayaran Sebelum SST Ditandatangani***

c. SPP Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan tempoh sah laku jaminan bon pelaksanaan hendaklah dari tarikh jaminan dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak. Semakan Audit mendapati tempoh sah laku jaminan bon pelaksanaan bagi 3 kontrak tidak meliputi tempoh jaminan 12 bulan selepas kontrak berakhir. Nilai bon pelaksanaan yang terlibat adalah berjumlah RM9.95 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.15
BON PELAKSANAAN TIDAK MELIPUTI TEMPOH JAMINAN

KONTRAK	TEMPOH		NILAI BON (RM Juta)
	KONTRAK DAN JAMINAN	SAH LAKU BON	
Fasa 1 (CAPEX)	01.05.2007 - 30.06.2011	01.05.2007 - 30.06.2010	5.57
Fasa 1 (CAPEX) (Tambahan)	01.07.2010 - 15.12.2011	04.11.2009 - 15.12.2010	0.11
Fasa 1 (OPEX)	07.03.2009 - 31.12.2011	07.03.2009 - 31.12.2010	4.27
JUMLAH			**9.95**

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Bagi pembayaran interim sebelum SST, Bahagian Kemudahan telah mengemukakan inbois daripada TM yang telah melaksanakan perkhidmatan dengan memuaskan kepada Bahagian Kewangan Kementerian untuk tindakan selanjutnya.

Bagi kelewatan kontrak ditandatangani, Kementerian memaklumkan draf perjanjian telah dikemukakan oleh Bahagian Kemudahan kepada Penasihat Undang-undang (PUU), Kementerian pada 30 Januari 2012 untuk semakan. Namun disebabkan beban tugas yang tinggi di pejabat PUU maka terdapat kelewatan dalam memuktamadkan kontrak tersebut. Perkara ini telah dibawa ke dalam beberapa siri mesyuarat bersama Ketua Setiausaha agar kontrak boleh dimuktamadkan segera.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan bagi projek ini tidak memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan kewangan berkaitan syarat pelaksanaan kontrak. Pembayaran dibuat tanpa dokumen perundangan yang sah sebelum ikatan kontrak rasmi dan kontrak lewat ditandatangani menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin.

17.5.2.2. Pentadbiran Perunding

a. Tatacara Pelantikan Perunding

i. Pelantikan perunding perlu mematuhi peraturan SPP Bil. 2 Tahun 2011 seperti berikut:

- perunding perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- mempunyai terma rujukan yang jelas dan bersesuaian dengan keperluan projek; dan
- mempunyai cadangan teknikal dan cadangan kewangan bagi kos perunding.

Bagi projek CAPEX Fasa 1, sejumlah RM44.29 juta telah dibayar kepada TM bagi perkhidmatan perunding. Ia meliputi perkhidmatan pengurusan projek (Project Management Consultancy - PMC) berjumlah RM21.74 juta dan perkhidmatan perunding kejuruteraan berjumlah RM22.55 juta. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan Kementerian telah mematuhi kesemua syarat yang ditetapkan kerana dokumen berkaitan seperti bilangan perunding, tempoh perkhidmatan, skop kerja yang dilaksanakan, gaji dan faktor perkalian (multiplying factor) serta kos imbuhan balik jika berkenaan tidak dapat dikemukakan.

ii. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi pelantikan perunding asing adalah seperti berikut:

- perkhidmatan perunding asing hanya boleh dilantik jika tiada kepakaran tempatan dan penetapan yuran perunding adalah berdasarkan kaedah bayaran input masa berasaskan *charge rate;*

- kelulusan pelantikan perunding asing adalah di peringkat Pihak Kuasa Melulus asal yang meluluskan projek;
- juru perunding asing hendaklah berdaftar secara sementara dengan Lembaga/Badan Profesional di Malaysia; dan
- juru perunding hendaklah melalui tapisan keselamatan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Bagi projek CAPEX Fasa 1, di bawah skop kerja *Program Management & Consultancy (PMC)* seramai 9 orang perunding asing dilantik dengan kos berjumlah RM6.08 juta selama 8 bulan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan Kementerian telah mematuhi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan bagi pelantikan perunding asing kerana dokumen sokongan tidak dapat dikemukakan.

b. Kos Perkhidmatan Perunding

i. SPP Bil. 2 Tahun 2011 menyatakan penetapan yuran perunding perlu mengikut kaedah bayaran input masa. Kementerian hendaklah merundingkan kadar tersebut ke tahap yang paling minimum. Bagi *CAPEX* Fasa 1, TM telah menggunakan perkhidmatan perunding tempatan dan perunding asing. Yuran perkhidmatan perunding tempatan berjumlah RM9.97 juta yang dikenakan kepada Kerajaan tidak mengikut input masa yang ditetapkan. Mengikut perkiraan Audit, jumlah yuran perkhidmatan maksima yang dibenarkan adalah berjumlah RM8.05 juta. Perbezaan kos yang tidak mengikut pekeliling adalah berjumlah RM1.92 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.16
PERBEZAAN BAYARAN YURAN PERKHIDMATAN PERUNDING TEMPATAN *CAPEX* FASA 1

JAWATAN	BIL. ORANG	SPP Bil.2 Tahun 2011				TUNTUTAN TM (RM)	PERBEZAAN HARGA (RM)
		GAJI POKOK MAKSIMA (RM)	FAKTOR PENGANDA	INPUT MASA (Bulan)	YURAN PERKHIDMATAN SEPATUTNYA (RM)		
Project Director	1	14,200	2.7	9	345,060	648,000	302,940
Project Manager	1	14,200	2.7	9	345,060	633,000	287,940
Project Manager (Site Prep)	7	14,200	2.7	12	3,220,560	3,830,400	609,840
Technical Specialist	8	14,200	2.7	6	1,840,320	2,880,000	1,039,680
Testing & Commissioning Team	2	14,200	2.7	30	2,300,400	1,980,000	(320,400)
JUMLAH					**8,051,400**	**9,971,400**	**1,920,000**

***Sumber :** Lampiran 5B dan 5D SPP Bil. 2/2011 dan Schedule 5A, Table H: Bill Of Quantity, Item (3) C 9 (9): Project Management & Consultancy, Supplementary Agreement to Principal Contract*

ii. Kaedah penetapan yuran perunding secara input masa menggunakan kaedah *mandays* hanya untuk projek yang tidak melebihi satu bulan. Kementerian telah meluluskan kaedah penetapan yuran perunding asing untuk tempoh 8 bulan secara *mandays* bagi yuran perkhidmatan berjumlah RM6.08 juta. Semasa rundingan harga, kelulusan dibuat tanpa merujuk kepada peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

iii. Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (MPPPE 2011) oleh Kementerian Kewangan Malaysia menyatakan yuran perkhidmatan perunding tidak dibenarkan dibuat secara *lump sum basis.* Semakan Audit mendapati bagi kontrak *CAPEX* Fasa 1, Kementerian telah meluluskan bayaran perkhidmatan perunding secara *lump sum* berjumlah RM25.88 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.17
PEMBAYARAN DIBUAT SECARA *LUMP SUM BASIS*

BIL.	BUTIRAN	KOS (RM Juta)
1.	Perkhidmatan perunding kejuruteraan di 3 RC, 2 SC, dan 4 agensi.	22.55
2.	*Project implementation consultant including implementation methodology, system and user monitoring for 3 month to ensure stability of system and usage after commissioning (local and foreign).*	2.98
3.	Perkhidmatan pengurusan projek - skop kerja *System Monitoring and Network Management System* (SMNMS).	0.35
JUMLAH		**25.88**

iv. MPPPE 2011 juga menetapkan kos selain yuran perunding hendaklah dibuat secara imbuhan balik. Ini termasuk kos pengangkutan/perjalanan yang meliputi tiket penerbangan, tuntutan perjalanan, tambang teksi, sewa kenderaan dan lain-lain yang berkaitan perjalanan. Semakan Audit mendapati Kementerian telah meluluskan caj berjumlah RM480,000 bagi perbelanjaan dokumentasi dan pengangkutan secara *lump sum basis.* Kos ini melibatkan 4 orang perunding di bawah skop kerja PMC selama 5 bulan. Maklumat terperinci seperti resit dan bil mengenai perbelanjaan berkenaan tidak dikemukakan untuk pengesahan Audit.

v. Skop kerja perkhidmatan perunding *Program Management* di bawah kontrak *CAPEX* Fasa 2 dimuktamadkan pada 19 Januari 2011. TM telah mengenakan yuran pengurusan projek sejumlah RM7.08 juta bermula 1 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2011. TM telah terlebih caj selama 19 hari bagi tempoh skop kerja belum dimuktamadkan mulai 1 hingga 19 Januari 2011. **Selepas perkara ini dibangkitkan oleh pihak Audit, TM telah bersetuju untuk memulangkan sejumlah RM295,036 bagi tempoh terlebih caj tersebut. Kementerian perlu mengambil tindakan untuk mengutip semula bayaran tersebut.**

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Bagi pelantikan perunding, Kementerian memaklumkan perkara ini adalah di luar kawalan Kementerian (KTAK) kerana semua ketetapan diputuskan oleh Jawatankuasa di peringkat MAMPU. Pelaksanaan projek MERS 999 Fasa 1 telah pun dimulakan pada Mei 2007 iaitu sebelum kontrak dimeterai pada April 2009 menyebabkan jumlah keseluruhan bilangan perunding tempatan dan asing tidak diperincikan dalam kontrak. Selain itu juga, tiada perincian bagi yuran perunding, tempoh masa perkhidmatan diberi, skop kerja yang dilaksanakan, gaji dan perkalian (multiplying factor) serta kos imbuhan balik.

Bagi caj perkhidmatan yuran perunding yang tidak mematuhi kadar yang ditetapkan Kementerian memaklumkan pihak TM menggunakan kadar Manday Rate yang dipersetujui dengan pembekal MTSB iaitu berdasarkan harga semasa pada masa tersebut. Yuran perkhidmatan di bawah skop PMC dibuat berdasarkan "percentage" sebanyak 2.11% daripada nilai perkakasan, perisian dan latihan serta berdasarkan harga pasaran semasa pada tempoh tersebut.

Pada pendapat Audit, pentadbiran perunding bagi projek ini tidak memuaskan kerana pelantikan perunding tidak mematuhi peraturan menyebabkan bayaran yang tidak munasabah berjumlah RM1.92 juta. Selain itu terdapat yuran pengurusan projek bagi CAPEX Fasa 2 berjumlah RM295,036 yang terlebih bayar. Terdapat juga bayaran secara *lump sum* berjumlah RM25.88 juta yang tidak dapat disahkan telah diluluskan oleh Kementerian.

17.5.2.3. Latihan, *Transfer Of Technology And Workshop*

Kontrak *CAPEX* Fasa 1 dan Fasa 2 menetapkan TM perlu memberi latihan kepada *Professional Executive Officer* (PEO), *Professional Executive Dispatcher* (PED) dan pasukan projek TM yang melaksanakan sistem MERS 999. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.18
SKOP LATIHAN MERS 999 BAGI KONTRAK FASA 1 DAN 2

KONTRAK	SKOP LATIHAN	KOS (RM Juta)
CAPEX FASA 1	a. Latihan/Kursus/Pemindahan Teknologi: • Kursus pengenalan (Softskill Training) • Latihan pelaksanaan sistem MERS 999 • Latihan teknikal termasuk melatih tenaga pengajar agensi • Seminar pengurusan • Lawatan sambil belajar • Persidangan *International Public Safety* b. Bengkel: • *Integrated Business Process Workshop* • *Individual Agency Workshop* • *MERS 999 Agency Workshop*	24.94
CAPEX FASA 2	a. Latihan/Pemindahan Teknologi: • Latihan teknikal dan *softskill* • Transformasi Cakna 999 dengan agensi kecemasan • Melatih tenaga pengajar agensi • Lawatan sambil belajar • *ITU Conference* • *Public Safety Conference* b. Bengkel: • *User Requirement Workshop, Business Process Workshop* dan *Inter-agency Business Process Workshop*	11.72
JUMLAH		**36.66**

a. Pengurusan Bengkel/Wokshop

i. Syarat kontrak *CAPEX* Fasa 1 dan Fasa 2 menetapkan TM hendaklah mengadakan 27 sesi bengkel/*workshop* dengan wakil agensi keselamatan. Semakan Audit mendapati kesemua bengkel di bawah Fasa 1 telah selesai dilaksanakan, manakala setakat Oktober 2012 masih terdapat 2 bengkel dalam *CAPEX* Fasa 2 yang belum dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.19
PRESTASI PELAKSANAAN BENGKEL/*WORKSHOP* SETAKAT OKTOBER 2012

FASA	PERANCANGAN BILANGAN BENGKEL	KOS KONTRAK (RM Juta)	PELAKSANAAN BILANGAN BENGKEL	KOS TUNTUTAN SEBENAR (RM Juta)	BENGKEL BELUM DILAKSANAKAN
1	21	4.96	21	4.96	-
2	6	1.22	4	0.82	2
JUMLAH	**27**	**6.18**	**25**	**5.78**	**2**

ii. Arahan Perbendaharaan 169 menghendaki pegawai yang menguruskan perolehan membuat kajian pasaran supaya perolehan yang dibuat adalah yang paling sesuai dan menguntungkan Kerajaan. Semakan Audit mendapati tiada bukti Kementerian telah membuat kajian pasaran sewajarnya sebelum meluluskan perbelanjaan bengkel yang dikendalikan oleh TM. Perkiraan Audit terhadap 15 sampel bengkel yang dilaksanakan menunjukkan sejumlah RM2.03 juta telah melebihi kadar

pasaran. Kajian harga pasaran yang dibuat adalah termasuk kos penginapan seorang satu bilik hotel, sewaan dewan latihan, makan dan minum, sewaan peralatan seminar dan komputer, nota seminar, elaun penceramah dan perbelanjaan pelbagai sebanyak 10% daripada kos bengkel. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.20
PERBEZAAN ANTARA HARGA PASARAN DENGAN HARGA KONTRAK *CAPEX* FASA 1

BIL.	BENGKEL	LOKASI	TEMPOH (Hari)	BILANGAN PESERTA	KOS TUNTUTAN (RM)	KAJIAN HARGA PASARAN (PERKIRAAN AUDIT) (RM)*	PERBEZAAN	
							(RM)	(%)
1.	Integrated Business Process 1	Hotel Bayview Melaka	1	35	265,861	47,600	218,261	82
2.	Integrated Business Process 2	Hotel Hilton Kuching	4	64	265,861	185,472	80,389	30
3.	Integrated Business Process 3	Corus Paradise Resort PD	3	50	265,861	127,190	138,671	52
4.	MERS 999 Agency 1	Meritus Pelangi Beach Resort Langkawi	4	64	255,005	265,384	(10,379)	(0.5)
5.	MERS 999 Agency 2	Hotel Mahkota Melaka	3	53	255,005	135,755	119,250	47
6.	Medical Protocol Business	Hotel Avillion P.Dickson	2	26	152,110	46,520	105,590	69
7.	Dashboard Intelligent Workshop	Hotel Holiday Inn, Melaka	3	45	138,000	115,050	22,950	17
8.	MSAFE Business Workshop	Hotel Marriot Putrajaya	2	25	51,750	53,500	(170)	(0.3)
9.	Individual Agency Workshop 1	A Famosa, Melaka	3	20	255,005	43,280	211,725	83
10.	Individual Agency Workshop 2	Selesa Beach Resort, PD	1	18	255,005	47,310	207,695	81
11.	Individual Agency Workshop 3	Aseania Resort, Langkawi	4	18	255,005	62,296	192,709	75
12.	Individual Agency Workshop 4	Avillion, PD	3	32	255,005	66,560	188,445	73
13.	Individual Agency Workshop 5	Holiday Inn, Melaka	3	45	255,005	115,050	139,955	54
14.	Individual Agency Workshop 6	Holiday Inn, Melaka	2	20	255,005	45,200	209,805	82
15.	Individual Agency Workshop 7	Holiday Inn, Melaka	2	20	255,005	45,200	209,805	82
JUMLAH					**3,434,488**	**1,401,367**	**2,034,701**	

Sumber : ***Schedule 5A, Table H: Bill Of Quantity, Phase 2(a) Item (4) 2- User Requirement Business Process Workshop; Phase 3 Item (1) 1.4. Protocol System - Requirement Business Process Workshop; Item (3) 3.4. Dashboard Requirement Business Process Workshop; Item (10) 10.12-Business Process Workshop for MSAFE, Supplementary Agreement to Principal Contract; dan Kajian Harga Pasaran Melalui Sebut Harga Hotel***

Nota : ***(*) - Anggaran Dibuat Berdasarkan Kadar Tertinggi Yang Boleh Dituntut Oleh Penjawat Awam***

iii. Arahan Perbendaharaan 99(a) menghendaki semua baucar disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap mengenai setiap perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kuantiti, kiraan jaraknya dan kadar untuk membolehkan ianya disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang dikembarkan padanya.

Analisis Audit mendapati tuntutan TM berjumlah RM3.43 juta (**Jadual 17.20**) dibayar secara *lump sum* tanpa dokumen sokongan. Maklumat mengenai kelayakan/kepakaran tenaga pengajar dan fasilitator kursus, kos penginapan, makan dan minum, sewaan bilik/dewan mesyuarat, nota/bahan pembelajaran dan laporan latihan tidak dilampirkan.

iv. SPP Bil.2 Tahun 2011 menetapkan kos pengendalian bengkel/seminar bagi kakitangan kontraktor tidak boleh dicajkan kepada Kerajaan. Analisis Audit mendapati daripada 1,180 peserta bengkel/seminar, 429 (36%) daripadanya adalah kakitangan kontraktor atau kakitangan subkontraktor yang melibatkan kos berjumlah RM3.04 juta dan telah dikenakan kepada Kerajaan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.21
BILANGAN PESERTA DAN KOS BENGKEL/SEMINAR YANG MELIBATKAN KAKITANGAN TM YANG DICAJ KEPADA KERAJAAN SETAKAT OKTOBER 2012

KONTRAK CAPEX	BILANGAN BENGKEL/ SEMINAR	BILANGAN PESERTA KERAJAAN	BILANGAN PESERTA TM (a)	KOS PURATA PESERTA (RM) (b)	KOS YANG DIBAYAR KERAJAAN (RM) (c)=(a)x(b)
BENGKEL					
FASA 1	17	306	295	7,061	2,082,995
FASA 2	4	72	49	6,701	328,349
JUMLAH	**21**	**378**	**344**	**13,762**	**2,411,344**
SEMINAR					
FASA 2	5*	373	85	7,383	627,555
JUMLAH BESAR	**26**	**751**	**429**	**21,145**	**3,038,899**

Nota : ***(*) - Program Transformasi Cakna Bersama Agensi Kecemasan***

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Bagi pengurusan bengkel, Kementerian akur dengan teguran pihak Audit. Kementerian telah mencuba untuk mendapatkan maklumat terperinci daripada pihak TM namun pihak TM berdasarkan polisi dalaman tidak boleh mendedahkan maklumat perincian berkenaan. Tidak semua pegawai TM yang menghadiri bengkel/ seminar dibiayai daripada peruntukan MERS 999. Ini kerana terdapat beberapa program disertai oleh kakitangan TM sebagai penyelaras dan pemudah cara di bengkel terlibat. Kementerian akan memastikan perkara seumpamanya tidak berulang dalam kontrak fasa seterusnya bagi tahun 2013-2014.

Pada pendapat Audit, pengurusan bengkel oleh Kementerian tidak memuaskan kerana Kerajaan telah menanggung caj bengkel yang tidak munasabah berjumlah RM2.03 juta berbanding dengan harga pasaran.

Selain itu terdapat perbelanjaan bengkel/seminar bagi kakitangan kontraktor yang tidak wajar ditanggung Kerajaan berjumlah RM3.04 juta. Kementerian perlu mengutip semula perbelanjaan tersebut dari kontraktor.

b. Pengurusan Kursus

i. Syarat kontrak *CAPEX* Fasa 1 dan Fasa 2 menghendaki TM memberikan 139 siri kursus kepada wakil agensi keselamatan iaitu PDRM, JBPM, KKM, dan JPAM dengan peruntukan berjumlah RM25.94 juta. Semakan Audit mendapati kesemua kursus yang dirancang di bawah *CAPEX* Fasa 1 telah selesai dilaksanakan, manakala setakat Oktober 2012 masih terdapat 55 siri latihan dalam *CAPEX* Fasa 2 yang belum dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.22
PRESTASI PELAKSANAAN KURSUS SETAKAT OKTOBER 2012

FASA	PERANCANGAN BILANGAN KURSUS	KOS KONTRAK (RM Juta)	PELAKSANAAN BILANGAN KURSUS	KOS TUNTUTAN (RM Juta)	KURSUS BELUM DILAKSANAKAN
FASA 1	65	18.13	65	18.13	-
FASA 2	74	7.81	19	2.85	55
JUMLAH	**139**	**25.94**	**84**	**20.98**	**55**

ii. SPP Bil. 2 Tahun 2011 menetapkan kos pengendalian bengkel/seminar bagi kakitangan kontraktor tidak boleh dicajkan kepada Kerajaan. Bagaimanapun Klausa *Schedule* 4, Perenggan 8 kontrak *CAPEX* Fasa 1 telah menetapkan kursus/latihan perlu diberikan antaranya kepada pasukan projek TM yang mengendalikan sistem MERS 999. Semakan Audit mendapati TM telah menghantar kakitangannya untuk menghadiri latihan perisian *Hewlett Packard* (HP) di bawah skop kerja *System Monitoring and Network Management System* (SMNMS) berjumlah RM228,000 yang telah dibayar oleh Kerajaan.

iii. Bagi 7 kursus kepada PED berjumlah RM1.9 juta yang dianjurkan oleh pihak TM telah diadakan di Pusat Latihan TM, Taman Desa. Kos sewaan Pusat Latihan TM telah diambil kira di dalam kontrak OPEX bagi tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, TM telah mengenakan caj sewaan terhadap premis yang sama di bawah kos pengendalian kursus tersebut secara pakej. Tuntutan telah dibayar sepenuhnya tanpa dokumen sokongan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.23
KURSUS YANG DIADAKAN DI PUSAT LATIHAN TM, TAMAN DESA, KUALA LUMPUR

BIL.	BUTIRAN	BIL. PESERTA	TEMPAT	BIL. HARI	KOS PURATA PESERTA SEHARI (RM)	KOS KONTRAK (RM)
KURSUS						
1.	*CAD Training - Call Taker, PED, Supervisor* (6 siri)	90	Pusat Latihan TM, Taman Desa, Kuala Lumpur	30	256	690,000
2.	*Dashboard Reporting Management Training*	46		4	2,313	425,500
3.	*Call Map Enhancement-MOT*	36		2	3,993	287,500
4.	*Implement Quality Assurance Training Program* (2 siri)	34		6	699	142,603
5.	*Local Support Training for ProQA and Aqua* (5 siri)	68		9	207	126,758
6.	*Call Card Alert*	36		2	1,597	115,000
7.	*IT Administration Training for ProQA and Aqua* (9 Siri)	214		45	12	114,082
JUMLAH		**524**		**98**		**1,901,443**

Sumber : Maklum Balas TM

iv. Klausa 15.4 kontrak *CAPEX* Fasa 1 menyatakan, TM perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan dengan menyediakan semua maklumat yang diperlukan yang berkaitan dengan sistem MERS 999. Bagaimanapun maklumat mengenai perincian perbelanjaan kursus yang dikendalikan oleh TM bagi projek MERS 999 ini tidak dikemukakan ke Kementerian.

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Bagi pengurusan kursus, Kementerian mengambil maklum akan teguran Audit namun berpandangan tiada keperluan untuk membuat tuntutan balik kerana kakitangan kontraktor yang menghadiri latihan terlibat di dalam pemantauan operasi rangkaian MERS 999. Kementerian telah cuba mendapatkan maklumat terperinci daripada pihak TM berkaitan bayaran sewa tempat kursus di caj 2 kali tetapi kerana polisi dalaman TM tidak boleh mendedahkan maklumat berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kursus bagi Projek MERS 999 tidak teratur kerana terdapat bayaran yang tidak mengikut peraturan. Kementerian perlu mengutip semula kos latihan System Monitoring And Networking Management System (SMNMS) kepada TM berjumlah RM228,000 dan sewaan tempat kursus di Pusat Latihan TM, Taman Desa yang di caj 2 kali.

c. Lawatan Ke Luar Negara

i. Syarat kontrak *CAPEX* Fasa 1 dan kontrak Fasa 2 menghendaki TM melaksanakan 10 seminar/lawatan ke luar negara dengan peruntukan kos berjumlah RM4.54 juta sepanjang tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati 9 seminar/lawatan ke luar negara telah dilaksanakan dengan perbelanjaan berjumlah RM3.34 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.24
PRESTASI PELAKSANAAN SEMINAR/LAWATAN KE LUAR NEGARA
SETAKAT OKTOBER 2012

FASA	PERANCANGAN BILANGAN LAWATAN/SEMINAR	KOS KONTRAK (RM Juta)	PELAKSANAAN BILANGAN LAWATAN/SEMINAR	KOS TUNTUTAN (RM Juta)	PERBEZAAN BILANGAN LAWATAN
FASA 1 (TOT)	4	1.85	4	1.85	selesai
FASA 1 (PS-ES)	1	Tiada maklumat	1	Tiada maklumat	selesai
FASA 2	5	2.69	4	1.49	1
JUMLAH	**10**	**4.54**	**9**	**3.34**	**1**

ii. Klausa 1.1 Kontrak CAPEX Fasa 1 menyatakan sebarang pindaan, perubahan dan penambahan terhadap perjanjian hendaklah dipersetujui secara bertulis antara kedua-dua pihak. Kontrak telah menetapkan satu *Navigator Conference 2010 In US* (IAED Conference) di bawah skop *Protocol System-Engineering Services* (PS-ES) hendaklah dilaksanakan. Lawatan ini tidak dilaksanakan dan digantikan dengan Bengkel Penambahbaikan dan Perluasan Projek MERS 999 di Kota Kinabalu, Sabah. Bagaimanapun surat persetujuan penggantian lawatan tersebut tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh seramai 43 orang peserta dari Kuala Lumpur, seorang dari Sarawak dan seorang lagi dari Sabah. Selanjutnya bengkel ini bertujuan untuk membincangkan pelan cadangan TM bagi projek penambahbaikan dan perluasan sistem MERS 999 di luar kawasan tengah yang sepatutnya ditanggung oleh kontraktor.

iii. Selain itu, bagi perbelanjaan lawatan ke luar negara terdapat tuntutan yang dibuat oleh TM pada kadar yang tidak munasabah. Pembayaran kos lawatan pembelajaran ke luar negara seorang pegawai kanan Kementerian selama 4 hari ke Geneva, Switzerland telah dikenakan caj sejumlah RM303,813. Perkiraan Audit terhadap perbelanjaan bagi lawatan tersebut dengan menggunakan kadar maksima bagi setiap item tuntutan adalah hanya RM50,000 sahaja. Anggaran ini termasuklah tiket penerbangan pergi dan balik kelas pertama, penginapan, makan dan minum, elaun pakaian panas dan perbelanjaan pelbagai.

iv. Klausa 9.1 kontrak Fasa 1 menetapkan "***TM shall submit the relevant invoices and all related documents to the Government for the purpose of payment"***. Tuntutan TM bagi kesemua perbelanjaan seminar/lawatan ke luar negara berjumlah RM3.34 juta telah dibuat secara *lump sum basis* tanpa perincian perbelanjaan dan dokumen sokongan tidak dikemukakan kepada pihak Kementerian. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tuntutan tersebut bagi perkhidmatan yang sebenar-benarnya telah dilaksanakan.

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Kementerian mengakui terdapat kelemahan dalam urusan pemantauan bayaran lawatan ke luar negara kerana bergantung sepenuhnya kepada maklum balas TM serta persetujuan Jawatankuasa Pemantauan Dan Penilaian Projek MERS 999. Kementerian akan memastikan perkara seumpamanya tidak akan berulang lagi dalam kontrak akan datang.

Pada pendapat Audit, pengurusan seminar/lawatan ke luar negara tidak sempurna kerana tidak mematuhi terma kontrak dan terdapat bayaran yang tidak munasabah. Pihak Kementerian perlu mengutip semula dari kontraktor bagi perbelanjaan yang berjumlah RM253,813 kerana tidak munasabah.

17.5.2.4. Pengurusan Promosi Dan Publisiti

a. Program promosi dan publisiti mengenai sistem MERS 999 bagi tempoh kontrak mulai Mei 2007 hingga Disember 2010 dengan peruntukan berjumlah RM6.7 juta di sekolah-sekolah telah dibatalkan oleh pihak Kementerian melalui suratnya bertarikh 22 Oktober 2008. Bagaimanapun pihak TM tetap mengenakan tuntutan kepada Kerajaan berjumlah RM3.19 juta bagi Program *School Children*/S*tudent Kit*s sejumlah RM2.97 juta dan *News Paper Coverage* sejumlah RM224,686 yang tidak dilaksanakan.

b. Selain itu, terdapat 4 program promosi dan publisiti CAPEX Fasa 1, berjumlah RM0.99 juta dibuat secara *lump sum basis*. Bagi kontrak *CAPEX* Fasa 2 pula, pihak Audit tidak dapat mengesahkan butiran perbelanjaan program promosi berjumlah RM1.87 juta kerana dibuat secara *lump sum basis* dan tiada dokumen sokongan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.25
BAYARAN PROGRAM PROMOSI YANG DIBUAT SECARA *LUMP SUM BASIS*

BIL.	PROGRAM	KOS PROMOSI (RM)
CAPEX FASA 1		
1.	*TVC: Production (60 sec) "Abuse Prevention"*	292,320
2.	*TVC: Production (60 sec) "Commercial Announcement"*	162,720
3.	*Awareness Program At Toll Damansara And Sungai Besi*	160,800
4.	*Portal*	374,184
JUMLAH		**990,024**
CAPEX FASA 2		
1.	*Exhibition in Occupational Safety, Health & Environment (OSHE)*	345,254
2.	*MERS 999 Open Day*	210,970
3.	Persidangan "*1st International Major Incident Response Exercise" (MIREX)*	344,585
4.	Karnival Jalur Lebar 1Malaysia	403,621
5.	*Web Portal Enhancement*	145,570
6.	Pameran Sempena Hari Terbuka Bomba	105,485
7.	Pameran Sempena Perasmian Kelab Pencegahan Jenayah	105,485
8.	Hari Bersama Pelanggan	105,485
9.	Pameran Sempena Kempen Keselamatan Kebakaran	105,485
JUMLAH		**1,871,940**
JUMLAH KESELURUHAN		**2,861,964**

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Kementerian mengambil maklum tentang kes improper payment melibatkan pembayaran yang telah dibuat terhadap kerja atau perkhidmatan yang tidak diberi berjumlah RM3.19 juta. Jumlah ini telah pun termasuk dalam persetujuan proses timbal balik antara Kementerian dengan TM bagi tuntutan gantian untuk Program School Children/Student Kits dan Newspaper Coverage.

Pada pendapat Audit, pengurusan promosi dan publisiti bagi Projek MERS 999 tidak memuaskan kerana terdapat bayaran sejumlah RM3.19 juta yang telah dibayar kepada TM merupakan *improper payment* dan hendaklah dikutip semula bagi perkhidmatan yang telah dibatalkan. Pegawai Kementerian dan pihak yang terbukti cuai dalam menjalankan kewajipan yang menyebabkan *improper payment* perlu diambil tindakan surcaj dan tatatertib mengikut peraturan kewangan. Kementerian perlu mendapatkan maklumat terperinci dan menyemak semula perbelanjaan program promosi berjumlah RM2.86 juta yang telah dibuat.

17.5.2.5. Pengurusan Operasi Dan Penyenggaraan (OPEX) Di Pusat Panggilan MERS 999

a. Klausa 7.9.2, kontrak *CAPEX* Fasa 1 menetapkan setiap agensi kecemasan melantik pegawai sebagai *Master Of Trainer* (MOT) untuk membantu pasukan projek TM memberi latihan kepada pegawai panggilan kecemasan agensi terlibat. Insentif hendaklah dibayar kepada MOT dan kosnya ditanggung oleh TM. Pihak Audit mendapati kos bayaran insentif ini telah dimasukkan dalam kontrak *OPEX* Fasa 1 di bawah skop perkhidmatan MERS 999 *Call Management Outsourcing* (CMO) item *Agencies Attachment Officer/Master Of Trainers* (MOT). Maklumat lanjut menunjukkan sejumlah RM295,094 telah dibayar bagi item tersebut. Kementerian perlu menuntut balik bayaran insentif MOT tersebut yang telah dibayar kepada TM.

b. Klausa 13.1, kontrak *CAPEX* Fasa 1 menyatakan kos operasi dan penyenggaraan sistem MERS 999 yang ditanggung oleh Kerajaan bermula 7 Mac 2009 hingga 31 Disember 2010 adalah termasuk sewa ruang pejabat di 3 *RC.* Bagaimanapun pihak TM telah mengenakan caj sewaan sejumlah RM2.24 juta bagi tempoh Januari 2009 hingga Disember 2009. Oleh yang demikian, Kerajaan telah terlebih bayar bagi sewaan bulan Januari dan Februari 2009 kerana arahan kontrak menyatakan caj sewaan hanya bermula pada 7 Mac 2009 yang telah diambil kira dalam kontrak *CAPEX* Fasa 1. Ini menyebabkan telah berlakunya terlebih caj oleh TM bagi 2 bulan tersebut sejumlah RM373,312. **Pihak Kementerian hendaklah mengutip semula caj sewa ruang pejabat yang telah terlebih bayar kepada TM.**

c. Kontrak *CAPEX* Fasa 1 yang melibatkan kerja-kerja pembangunan ANI/ALI telah siap pada Disember 2010 dengan kos berjumlah RM21.8 juta. Semakan Audit mendapati TM telah mengenakan caj *TELCO/CELCO connectivity* (ANI/ALI) sejumlah RM0.9 juta bagi tempoh Mac 2009 hingga Disember 2010 di bawah kontrak *OPEX* Fasa 1. Caj ini tidak sepatutnya dikenakan kepada Kerajaan kerana perbelanjaan tersebut telah termasuk dalam kontrak *CAPEX* Fasa 1. Pihak TM mengakui telah berlaku terlebih tuntut bagi *recurring charge* berjumlah RM0.9 juta.

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Kementerian mendakwa kos insentif dalam kontrak OPEX Fasa 1 tidak merujuk kepada Master of Trainers sebaliknya merujuk kepada Agencies Attachment Officers yang bertanggungjawab memantau pengurusan panggilan kecemasan di Pusat Panggilan melibatkan agensi masing-masing. Kementerian sedar akan kelemahan meletakkan tarikh mula beroperasi sebagai tarikh permulaan caj sewaan kerana tiada pengalaman

melaksanakan projek seumpama ini sebelumnya. Secara rasionalnya caj sewaan sepatutnya bermula dari tarikh penghantaran peralatan ke lokasi berkenaan. Kementerian telah bersetuju untuk caj sejumlah RM0.9 juta TELCO/CELCO connectivity (ANI/ALI) di masuk dalam cadangan timbal balik oleh TM kepada Kerajaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan operasi dan penyenggaraan sistem MERS 999 tidak memuaskan kerana terdapat pembayaran yang tidak wajar. Kementerian perlu menuntut semula daripada TM berjumlah RM1.57 juta. Ini melibatkan kos insentif MOT sejumlah RM295,094, bayaran sewa ruang pejabat bagi tempoh 2 bulan sejumlah RM373,312 dan kerja pembangunan ANI/ALI yang terlebih caj sejumlah RM0.9 juta kepada Kerajaan.

17.5.3. Pengurusan Peralatan Sistem MERS 999

17.5.3.1. Pembekalan Perkakasan Dan Perisian

a. Pihak TM perlu mendapat kelulusan Kementerian terlebih dahulu jika melantik sub-kontraktor bagi pihaknya. Kelulusan ini bagi memastikan syarikat yang dilantik adalah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan. Semakan Audit mendapati terdapat perkakasan dan perisian yang dibekalkan oleh sub-kontraktor dan pihak Kementerian tiada rekod dalam meluluskan sub-kontraktor berkenaan. Tiada maklumat mengenai semua sub-kontraktor lain yang dilantik di bawah projek ini dapat dikemukakan bagi maksud Audit. Bagaimanapun semakan lanjut terhadap inbois pembekalan perkakasan dan perisian mendapati Syarikat Mutiara Technology Sdn. Bhd. (MTSB) telah menjadi pembekal kepada perkakasan, perisian, perkhidmatan juru perunding dan juga perkhidmatan promosi.

b. Syarat kontrak menetapkan TM perlu membekalkan 130 unit perkakasan dan perisian di 3 *Response Centre* (RC) iaitu Kuala Lumpur, Melaka dan Kuching. Sijil Perakuan Penerimaan (COA) bertarikh 5 Mac 2009 menunjukkan Kementerian telah memperakui bahawa semua peralatan telah dibekalkan. Semakan Audit di 3 RC mendapati 74 unit perkakasan dan perisian berjumlah RM1.03 juta tidak dibekalkan dan tidak dapat disahkan lokasinya semasa lawatan tapak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.26
PERBEZAAN BILANGAN PERKAKASAN ANTARA *BILL OF QUANTITY* DAN FIZIKAL

BIL.	PERALATAN	BILANGAN DI *BILL OF QUANTITY*	BILANGAN DI LOKASI	PERBEZAAN	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
***RC* KL**						
1.	*HP LaserJet 4015 N*	5	4	1	6,445	6,445
2.	*Workstation PEO*	12	10	2	22,694	45,388
3.	*Hand Push Mobile Compactus*	28	17	11	26,337	289,707
***RC* MELAKA**						
1.	*Digital Wall*	12	9	3	62,904	188,712
2.	*Display Wall Controller*	4	2	2	45,015	90,030
3.	*Workstation PEO*	10	4	6	22,870	137,220
4.	*Workstation-Supervisor*	6	2	4	10,860	43,440
5.	*Workstation-Executive (1B)*	5	2	3	5,153	15,459
6.	*Workstation-Executive (2A)*	1	0	1	8,908	8,908
7.	*Workstation-Executive (2B)*	1	0	1	7,401	7,401
8.	*Workstation-Executive (4A)*	1	0	1	13,437	13,437
9.	*Locker 2 Tier*	23	0	23	300	6,900
10.	*Other Chair*	2	0	2	1,100	2,200
***RC* KUCHING**						
1	*HP LaserJet 4015 N*	3	2	1	6,445	6,445
2.	*Workstation PEO*	8	4	4	26,138	104,552
3.	*Workstation-Executive (1B)*	7	0	7	5,889	41,223
4.	*Workstation-Executive (4A)*	1	0	1	15,356	15,356
5.	*Workstation-Manager (1A)*	1	0	1	11,476	11,476
JUMLAH		**130**	**56**	**74**	**298,728**	**1,034,299**

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Kementerian akur dengan teguran Audit dan mengemukakan maklumat mengenai sub-kontraktor yang dilantik oleh TM. Kementerian telah pun bersetuju kos perkakasan dan perisian yang tidak dibekalkan dimasukkan dalam cadangan timbal balik oleh TM kepada Kerajaan. Kementerian dalam proses mendapat kelulusan khas Kementerian Kewangan berkaitan dengan persetujuan ini.

Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan sistem MERS 999 tidak memuaskan kerana terdapat bayaran berjumlah RM1.03 juta bagi peralatan yang tidak dibekalkan telah dibayar kepada TM. Ini merupakan *improper payment* dan hendaklah dikutip semula. Pegawai Kementerian dan pihak yang terbukti cuai dalam menjalankan tanggungjawab hendaklah diambil tindakan tatatertib. Manakala pegawai yang terlibat dengan *improper payment* perlu dikenakan tindakan surcaj mengikut peraturan kewangan.

17.5.4. Tanggungjawab Sosial Mempromosi Kesedaran Kepada Pelajar Sekolah

17.5.4.1. Pelaksanaan Program Kesedaran

a. SST *OPEX* Fasa 1 menetapkan TM hendaklah membelanjakan sejumlah RM1.0 juta bagi mempromosikan kesedaran mengenai panggilan palsu yang menggunakan talian kecemasan 999 di 23 buah sekolah. Bagaimanapun tiada apa-apa klausa dimasukkan di dalam kontrak *OPEX* Fasa 1 mengenai obligasi ini. Pihak TM mendakwa telah melaksanakan aktiviti promosi berkenaan kepada seramai 35,822 orang pelajar di 95 buah sekolah di seluruh Malaysia dalam tempoh Januari 2010 hingga Ogos 2012. Analisis Audit terhadap senarai 95 sekolah yang terlibat mengenai pemilihan sekolah menunjukkan aktiviti promosi dibuat di 38 buah sekolah di Sarawak, 23 buah sekolah di Melaka, 5 buah sekolah di Kuala Lumpur dan baki 29 buah sekolah di negeri-negeri lain. Secara keseluruhannya nisbah promosi melibatkan 54 buah sekolah rendah ialah 56.87% berbanding 41 buah sekolah menengah iaitu 43.27%. Butiran terperinci mengenai pengisian aktiviti promosi tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit. Pihak Audit berpendapat kelulusan mengenai pemilihan sekolah dan pengisian promosi perlu diperolehi daripada Kementerian sebelum melaksanakan promosi berkaitan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.27
AKTIVITI PROMOSI DI PERINGKAT SEKOLAH
BAGI TEMPOH JANUARI 2010 HINGGA OGOS 2012

TAHUN	NEGERI	BILANGAN SEKOLAH		ANGGARAN BILANGAN PELAJAR (Orang)
		RENDAH	MENENGAH	
2010	Kuala Lumpur	2	-	400
	Selangor	6	-	1,200
	Putrajaya	2	-	400
	Melaka	5	3	1,600
	Kelantan	1	-	200
	Sarawak	2	2	800
JUMLAH		**18**	**5**	**4,600**
2011	Selangor	-	11	4,418
	Putrajaya	-	1	450
	Melaka	5	5	3,590
	Sarawak	7	5	8,307
JUMLAH		**12**	**22**	**16,765**
2012	Selangor	4	4	3,595
	Kuala Lumpur	2	1	1,050
	Melaka	3	2	870
	Sarawak	15	7	8,942
JUMLAH		**24**	**14**	**14,457**
JUMLAH KESELURUHAN		**54**	**41**	**35,822**

Sumber : Maklum Balas TM

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Kementerian akur dengan teguran Audit bahawa tiada klausa berkaitan promosi ini di dalam kontrak OPEX Fasa 1. Kementerian berpandangan TM telah pun melaksanakan aktiviti promosi ini secara bertanggungjawab.

Pada pendapat Audit, tanggungjawab sosial TM mempromosi kesedaran kepada pelajar sekolah adalah memuaskan kerana telah melaksanakan promosi kesedaran di 95 buah sekolah bagi tahun 2010 hingga 2012.

17.5.5. Pemantauan Terhadap Projek

17.5.5.1. Pemantauan Oleh Kementerian

a. Kementerian telah menubuhkan 4 buah jawatankuasa pemantauan yang berperanan khusus untuk memantau pelaksanaan projek mengikut terma rujukan masing-masing. Analisis Audit mendapati Jawatankuasa Pemantauan Dan Penilaian Projek (JPPP) gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk mentadbir kontrak daripada aspek pelaksanaan kerja, pengesahan bayaran, pematuhan spesifikasi dan kuantiti seperti terma kontrak sehingga menyebabkan berlaku *improper payment.* Keahlian JPPP pula melibatkan wakil Unit Audit Dalam (UAD Kementerian) dan ini adalah bertentangan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang melarang UAD terlibat dalam aktiviti operasi Kementerian. Senarai jawatankuasa, keahlian dan peranannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.28
SENARAI JAWATANKUASA, KEAHLIAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL.	JAWATAN KUASA	KEAHLIAN		TANGGUNGJAWAB	KEKERAPAN MESYUARAT
1.	Jawatankuasa Pemandu Projek MERS 999	• KPKK (Pengerusi) • MKN • MAMPU • EPU • MOF • KDN	• PDRM • JBPM • KKM • JPAM • APMM • SKMM	1) Menetapkan dasar, polisi, hala tuju bagi pembangunan, pelaksanaan dan penambahbaikan projek. 2) Mempertimbang dan memperakukan daripada aspek kewangan selaras dengan kos dan skop kerja dan pertambahan skop projek.	Bergantung kepada keperluan.
2.	Jawatankuasa Kerja Projek MERS 999	• KPKK (Pengerusi) • MKN • MAMPU • EPU • SKMM	• PDRM • JBPM • KKM • JPAM • APMM	1) Melaporkan status fizikal dan kewangan projek kepada Jawatankuasa Pemandu. 2) Memantau urusan perancangan dan pelaksanaan latihan, promosi dan penyelarasan proses kerja peringkat agensi. 3) Menilai dan mengesahkan penambahbaikan spesifikasi teknikal bagi projek.	Bergantung kepada keperluan.
3.	Jawatankuasa Pemantauan Dan Penilaian Projek	• KPKK - Bahagian Kemudahan (Pengerusi) - Bahagian Pembangunan - Bahagian Kewangan - UAD	• MKN • MAMPU • EPU • SKMM	1) Mentadbir kontrak dari aspek pelaksanaan kerja, pengesahan pembayaran dan pematuhan spesifikasi dan kuantiti seperti di dalam terma kontrak.	Bergantung kepada keperluan dan tuntutan yang dikemukakan.

BIL.	JAWATAN KUASA	KEAHLIAN		TANGGUNGJAWAB	KEKERAPAN MESYUARAT
4.	Jawatankuasa Naziran dan Kawal Selia Projek	• MKN (Pengerusi) • KPKK • MAMPU • EPU • SKMM	• PDRM • JBPM • KKM • JPAM • APMM • TM	1) Meneliti dan menganalisis isu berbangkit berhubung operasi projek. 2) Menyelaras cadangan penambahbaikan yang dipersetujui dan memantau perlaksanaan di peringkat agensi.	Bergantung kepada keperluan.

b. Jawatankuasa Pemantauan Dan Penilaian Projek (JPPP) telah mengesahkan pembayaran sejumlah RM1.62 juta berbanding kos dalam *Bill of Quantity* sejumlah RM1.08 juta dan mengakibatkan terlebih bayar berjumlah RM0.54 juta. Selain itu, terdapat pembayaran tidak wajar bagi *Mobilization Fees* CAPEX Fasa 2 berjumlah RM13.0 juta yang dibayar tanpa pengesahan daripada jawatankuasa. Kelemahan jawatankuasa pemantauan projek dan kecuaian pegawai Kementerian telah mengakibatkan *improper payment* berjumlah RM13.54 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 17.29
PEMBAYARAN YANG DIBAYAR MELEBIHI NILAI DALAM *BILL OF QUANTITY*

LAPORAN PENGESAHAN / TARIKH	BUTIRAN YANG DISAHKAN OLEH JAWATANKUASA	KOS DALAM *BILL OF QUANTITY* (RM)	KOS TUNTUTAN (RM)	PERBEZAAN (RM)
Bil.1/2011 22.11.2011	*Kick-off Workshop*	203,907	900,329	288,608
	Business Process Enhancement Workshop	203,907		
	Review of Business Process Workshop	203,907		
JUMLAH		**611,721**		
Bil.1/2011 22.11.2011	*Exhibition in Occupational Safety, Health & Environment (OSHE)*	179,325	725,000	250,317
	MERS 999 Open Day	210,970		
	Awareness Program - National Crime Prevention Month	84,388		
JUMLAH		**474,683**		
Tidak Melalui JPPP	*Mobilization Fees*	-	13,000,000	13,000,000
JUMLAH KESELURUHAN				**13,538,925**

Sumber : Baucar bayaran bernombor 4397B,29/11/2011 dan 2792B,25/10/2011

Maklum Balas Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Yang Diterima Pada 26 April 2013

Kementerian berpandangan jawatankuasa yang ditubuhkan adalah memadai namun ia tidak digunakan sepenuhnya. Kementerian telah merancang agar jawatankuasa memainkan peranan yang lebih banyak bagi memastikan projek ini dilaksanakan dengan berkesan dan menjaga kepentingan Kerajaan.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan melalui penubuhan 4 jawatankuasa di pelbagai peringkat bagi memantau projek MERS 999 tidak berkesan dalam melaksanakan tanggungjawabnya dan cuai dalam menjaga kepentingan Kerajaan. Kementerian selaku agensi pelaksana, tidak memberi perhatian serius terhadap pengurusan dan pentadbiran kontrak MERS 999. Tindakan sebagaimana Arahan Perbendaharaan 167 perlu diambil terhadap semua ahli jawatankuasa yang gagal melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.

17.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perbelanjaan projek ini memberi nilai faedah terbaik (*best value for money*) kepada Kerajaan, pihak Kementerian disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

17.6.1. memastikan sistem MERS 999 beroperasi mengikut jadual yang ditetapkan agar objektif projek dapat dicapai;

17.6.2. memastikan masalah panggilan bukan kecemasan dapat ditangani melalui tindakan yang selaras dengan undang-undang;

17.6.3. memasukkan terma penalti sekiranya kontraktor gagal mencapai sasaran kualiti perkhidmatan yang ditetapkan;

17.6.4. memastikan perolehan secara rundingan terus mematuhi peraturan kewangan semasa dan perjanjian kontrak dapat disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan projek ini ditadbir dengan baik;

17.6.5. memastikan pelantikan perunding, pengurusan latihan, lawatan ke luar negara dan pengurusan promosi dan publisiti dilaksanakan secara telus dan mengikut peraturan kewangan;

17.6.6. menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan dan menyemak semula semua transaksi/tuntutan/bayaran yang telah dibuat di bawah Projek MERS 999 dan mendapatkan semula semua *improper payment* yang berlaku daripada TM dan seterusnya mengambil tindakan terhadap pegawai yang telah melakukan kesalahan;

17.6.7. mengambil tindakan perundangan selaras dengan syarat yang terdapat di dalam kontrak dan melaporkan kepada Perbendaharaan untuk tindakan sewajarnya terhadap kegagalan kontraktor mematuhi obligasi kontrak dan kegagalan mematuhi peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa;

17.6.8. menyediakan garis panduan proses perolehan dan dikuatkuasakan bagi memastikan pelaksanaan lebih teratur, telus serta memberi *best value for money* kepada Kerajaan; dan

17.6.9. menyemak semula semua bayaran yang dibangkitkan oleh pihak Audit berjumlah RM91.42 juta termasuk sejumlah RM27.59 juta bayaran yang tidak munasabah dan terlebih bayar. Jumlah ini perlu dikutip semula daripada TM oleh Kementerian setelah siasatan dibuat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 190-205 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

18. JABATAN PENYIARAN MALAYSIA
- **PENGURUSAN PEROLEHAN DAN PENGGANTIAN PERALATAN STUDIO RADIO DIGITAL**

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Jabatan Penyiaran Malaysia yang dahulu dikenali sebagai Radio Televisyen Malaysia (RTM) merupakan sebuah Jabatan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan (KPKK). RTM bertanggungjawab menyebarluaskan maklumat berkaitan dasar-dasar Kerajaan melalui siaran radio, TV dan media baru. Sebagai stesen penyiaran awam, RTM kini mengendalikan 36 stesen radio, dua saluran TV, Tvi melalui ASTRO dan Muzik Aktif melalui jalur lebar.

18.1.2. Perubahan teknologi analog ke digital tidak dapat dielakkan kerana seluruh dunia penyiaran telah menerima pakai teknologi digital ini yang berkeupayaan tinggi. Ekoran daripada itu, salah satu objektif perubahan ini adalah bagi membantu tugas penerbitan rancangan radio supaya lebih lancar serta memberi kualiti audio yang lebih baik kepada pendengar.

18.1.3. Studio Radio RTM di peringkat negeri/daerah masih menggunakan peralatan analog untuk maksud penerbitan dan siaran radio. Sebahagian besar peralatan di *Master Control Room* (MCR), Auditorium, Studio Rakaman dan *On-Air Studio* telah berusia melebihi 15 hingga 25 tahun dan melepasi usia ekonomik. Di samping itu peralatan ini merupakan alat berteknologi mono dan alat gantinya sukar diperolehi.

18.1.4. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), RTM telah menerima peruntukan berjumlah RM33 juta bagi melaksanakan projek pendigitalan sistem radio di bawah Projek Penggantian Alat-alat Studio Radio Negeri-negeri (Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak) dan Ibu Pejabat Fasa II. Selanjutnya, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula sehingga 31 Disember 2012 RTM telah menerima peruntukan sejumlah RM21.5 juta di bawah Projek Sistem Penerbitan Dan Siaran Radio di RTM Perak Dan Sabah. Sehingga Disember 2012, RTM telah membelanjakan sejumlah RM44.52 juta. Pelaksanaan selebihnya akan dibuat dalam tempoh RMKe-10 (2011 - 2015). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN DI BAWAH RMKe-9 DAN RMKe-10
BAGI PROJEK PENGGANTIAN PERALATAN STUDIO RTM

RMK / TAHUN	PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS BELANJA (%)
RMKe-9 (2006-2010)	Penggantian Alat-alat Studio Radio Negeri Dan Ibu Pejabat Fasa II	33.0	32.23	95.9
RMKe-10 (2011 - 2015) (Setakat 31 Disember 2012)	Sistem Penerbitan Dan Siaran Radio di RTM Perak Dan RTM Sabah	21.5	12.29	57.2
JUMLAH		**54.5**	**44.52**	**81.7**

Sumber : Bahagian Pembangunan, KPKK

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah bagi menilai sama ada pengurusan perolehan dan penggantian peralatan studio dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

18.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap peralatan studio radio digital merangkumi perolehan, penggunaan, penyenggaraan dan pembaikan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dilaksanakan di lokasi seperti berikut:

i. Bahagian Pembangunan Fasiliti, Jabatan Penyiaran Malaysia, Kuala Lumpur;
ii. Cawangan Pengurusan Perolehan (CPP), KPKK;
iii. Cawangan Pengurusan Kewangan (CPK), KPKK;
iv. Bahagian Program Radio, Jabatan Penyiaran Malaysia, Kuala Lumpur;
v. Jabatan Penyiaran Perak;
vi. Jabatan Penyiaran Kelantan;
vii. Jabatan Penyiaran Keningau, Sabah; dan
viii. Jabatan Penyiaran Bintulu, Sarawak.

18.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan analisis terhadap data-data. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan kajian pasaran berhubung kos peralatan juga dilaksanakan.

18.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 hingga bulan Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya perolehan peralatan studio radio di RTM Perak, Kelantan, Keningau dan Bintulu adalah memuaskan kerana sebahagian besar peralatan digital yang di bekal telah dapat digunakan bagi mencapai objektifnya. Bagaimanapun masih terdapat kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

i. spesifikasi kontrak tidak dipatuhi sepenuhnya;

ii. bayaran tidak teratur (improper payment) di RTM Kelantan, Keningau, Bintulu dan Kuala Lumpur kerana peralatan bernilai RM23,500 masih belum diterima tetapi bayaran penuh kepada kontraktor telah dibuat;

iii. perolehan peralatan *Master Clock System* berjumlah RM116,220 tidak lengkap menyebabkan peralatan tidak dapat digunakan. Selain itu, nilai peralatan berjumlah RM151,018 masih belum digunakan;

iv. penglibatan peserta latihan/tahap keselamatan premis kurang memuaskan; dan

v. maklumat kerosakan peralatan bernilai RM75,601 tidak direkodkan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

18.5.1. Prestasi Projek

18.5.1.1. Secara keseluruhannya pelaksanaan projek perolehan peralatan studio radio ini telah mencapai salah satu objektif di mana secara amnya kebanyakan peralatan telah *obsolete*, uzur dan berteknologi analog telah dapat diganti dengan yang berteknologi digital/baru di negeri-negeri yang ditetapkan. Pemeriksaan fizikal mendapati secara keseluruhannya peralatan ini telah diterima dan digunakan.

18.5.1.2. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) menetapkan supaya setiap stesen radio hendaklah memastikan rancangan siaran radio dapat ke udara setiap masa iaitu 99.95% tanpa gangguan. Dengan itu, perancangan perolehan peralatan studio hendaklah dibuat secara menyeluruh dengan mengambil kira elemen penting bagi satu-satu stesen agar perkhidmatan penyiarannya tidak terganggu. Selain itu, peralatan yang sedia ada hendaklah disenggarakan dengan baik supaya ia dapat berfungsi secara berterusan. Sebagai contoh, berlaku gangguan siaran radio KelantanFM pada 30 Mei 2012 selama 3 jam dan pada 15 Disember 2012 selama 10 jam 30 minit disebabkan jana kuasa yang berusia 15 tahun tidak berfungsi. Laporan mengenai gangguan siaran pada 15 Disember 2012 menyatakan jana kuasa adalah uzur, sentiasa berlaku kerosakan dan tidak

ekonomik dibaiki. Adalah didapati perolehan jana kuasa adalah salah satu item dalam kontrak perolehan peralatan studio digital di RTM Bintulu.

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Penilaian keperluan peralatan yang berisiko tinggi kepada gangguan siaran sentiasa diambil kira dalam perolehan semasa dan akan datang. RTM Bintulu memerlukan jana kuasa dan telah dibekalkan. Jana kuasa tunggu sedia Kelantan FM masih boleh beroperasi 15 tahun lagi (berdasarkan umur dan bacaan `running hour meter'), kerana itu masih boleh digunakan.

Pembaikan kerosakan jana kuasa Kelantan FM (Bateri, Electronic Board dan Solenoid Switch) telah dijalankan dan Kementerian akan menentukan penyenggaraan jana kuasa dilakukan mengikut jadual.

Kerja pembaikan telah diselesaikan pada 28 Mac 2013 dan semakan pada 29 Mac 2013 mengesahkan jana kuasa telah beroperasi dengan baik.

Pada pendapat Audit, kelancaran siaran radio secara berterusan adalah penting dan mematuhi KPI yang ditentukan. Perancangan perolehan peralatan yang teliti dan menyeluruh dapat memastikan tiada gangguan siaran. Dengan itu, pihak KPKK hendaklah menilai keperluan peralatan yang berisiko tinggi kepada gangguan siaran diambil kira dalam kontrak akan datang.

18.5.2. Prestasi Kewangan

18.5.2.1. Secara keseluruhannya sehingga 31 Disember 2012, KPKK telah membelanjakan sejumlah RM32.23 juta (95.9%) dalam RMKe-9 dan sejumlah RM12.29 juta (57.2%) di bawah RMKe-10 (tempoh tahun 2011-2015). Amaun yang diperuntukkan di bawah RMKe-9 (Projek Penggantian Alat-alat Studio Radio Negeri & Ibu Pejabat Fasa II) dan RMKe-10 (Sistem Penerbitan Dan Siaran Radio di RTM Perak dan RTM Sabah) adalah sejumlah RM54.50 juta.

18.5.2.2. Semakan Audit terhadap Penyata Perbelanjaan Pembangunan KPKK Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010 di bawah RMKe-9, mendapati sejumlah RM32.23 juta telah dibelanjakan. Manakala berdasarkan maklumat daripada Bahagian Pembangunan Fasiliti, RTM pula, amaun yang di belanja berdasarkan nilai kontrak adalah berjumlah RM31.85 juta. Dengan itu berlaku perbezaan sejumlah RM0.38 juta dalam pelaporan perbelanjaan di antara KPKK dan RTM bagi projek yang sama.

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Perbezaan di antara perbelanjaan yang dilaporkan oleh Kementerian iaitu RM32,188,332.48 (RM32.2 juta) berbanding nilai kontrak/perbelanjaan menurut maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Pembangunan Fasiliti, RTM berjumlah RM31,849,347.74 (RM31.85 juta) adalah seperti berikut:

a) ***Perbelanjaan berjumlah RM32.2 juta melibatkan semua pembayaran yang telah di caj kepada Vot Pembangunan (P47) di bawah kod projek 01000 sepanjang tempoh RMKe-9 (tahun 2006 hingga 2010). Manakala maklumat nilai kontrak/perbelanjaan yang di selenggara oleh pihak RTM hanya melibatkan maklumat pembayaran berdasarkan invois kontraktor serta bayaran bersih kepada syarikat MTO untuk tempoh yang sama.***

b) ***Terdapat beberapa pembayaran telah dibuat di bawah kod projek 01000 ini tetapi tidak diambil kira oleh pihak RTM sebagai sebahagian daripada nilai kontrak. Maklumat terperinci pembayaran tersebut adalah seperti berikut:***

BIL.	PERIHAL BAYARAN (PENERIMA BAYARAN)	AMAUN (RM)	NO. BAUCAR/ TARIKH
1.	Bayaran bagi kerja pemasangan letrik di Unit Sistem Maklumat (Reni Electrical & Amp; Services)	10,888.00	N6290 27.07.2009
2.	Pembelian alatan sistem rangkaian server Unit Berita (Caliber Interconnects Sdn. Bhd.)	47,000.00	N6291 27.07.2009
3.	Bayaran bagi kerja-kerja pengalihan sementara (Telekom Malaysia Bhd.)	141,000.00	U2179 23.12.2008
4.	Bayaran kenyataan iklan tender di akhbar (Bloomingdale Advertising Sdn. Bhd.)	756.00	U0837 27.11.2008
5.	Bayaran kenyataan iklan tender (Perkasa Nilam Sdn. Bhd.)	3,024.00	U0238 05.11.2008
6.	Bayaran kenyataan iklan tender di akhbar (The Admine Sdn. Bhd.)	3,748.50	M0489 05.12.2006
JUMLAH		**206,416.50**	

c) ***Bagi pembayaran kepada MTO, pecahan bagi nilai KWIBK yang di caj kepada akaun amanah 885501 juga tidak diambil kira oleh pihak RTM. Keseluruhan jumlah KWIBK yang tidak diambil kira adalah sebanyak RM132,568.24.***

Oleh itu, perbezaan perbelanjaan yang ditakrifkan sebagai lebihan perbelanjaan berbanding nilai kontrak berjumlah RM338,984.74 (RM206,416.50 + RM132,568.24) adalah merupakan bayaran yang sah dan telah diperakukan tetapi tidak direkodkan oleh RTM. Kementerian

berpandangan bahawa jumlah ini boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada nilai kontrak di bawah sub-projek/item Lain-lain Perbelanjaan.

Untuk menyeragamkan data/prestasi kewangan projek, Jabatan juga akan menyimpan data/rekod perbelanjaan yang sama dibuat oleh Bahagian Kewangan Kementerian bagi semua projek Jabatan.

Pada pendapat Audit, pelaporan kewangan hendaklah sentiasa tepat supaya keputusan pengurusan dan rumusan yang lebih berkesan dapat dibuat. Pihak Audit mendapati RM206,416.50 adalah perbelanjaan di luar kod projek 01000. Dengan itu, KPKK dan RTM hendaklah membuat pelarasan perbelanjaan ini bagi menunjukkan kedudukan sebenar prestasi kewangan.

18.5.3. Pengurusan Perolehan

18.5.3.1. Penilaian Harga Tender

a. Analisis Audit terhadap perbandingan harga antara anggaran Jabatan dengan penender berjaya bagi 8 daripada 13 peralatan yang disenaraikan sebagai item *miscellaneous* dalam kontrak Peralatan Studio Untuk RTM Kota Bharu, Bintulu dan Keningau tahun 2009 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.2
PERBANDINGAN HARGA ANTARA ANGGARAN JABATAN DENGAN PENENDER BERJAYA

BIL.	PERALATAN	KUANTITI	ANGGARAN JABATAN		PENENDER BERJAYA		PERATUS (%) PENINGKATAN/ (PENURUNAN)
			HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	
1.	*Laser Jet Printer*	15	1,200	18,000	550	8,250	**(54.2)**
2.	*Scanner for A3 size*	5	1,000	5,000	20,630	103,150	**1,963.0**
3.	*Scanner for A4 size*	3	200	600	14,670	44,010	**7,235.0**
4.	*Professional Digital Recording Microphone*	3	4,200	12,600	4,860	14,580	**15.7**
5.	*Building Acoustic Measuring System*	1	100,000	100,000	597,330	597,330	**497.3**
6.	*Branded Wall Clock*	20	100	2,000	3,810	76,200	**3,710.0**
7.	*PC Tool Kit*	4	16,500	66,000	2,000	8,000	**(87.9)**
8.	*Vacuum Cleaner For Computer Maintenance*	3	1,200	3,600	530	1,590	**(55.8)**
JUMLAH KECIL			**124,400**	**207,800**	**644,380**	**853,110**	**310.5**
HARGA KONTRAK YANG DITAWARKAN			**9,468,900**		**9,291,500**		

Sumber : Bahagian Pembangunan Fasiliti, RTM

b. Hasil analisis Audit mendapati:

   i. dari segi kos keseluruhan bagi 8 daripada 13 peralatan item *miscellaneous*, didapati harga anggaran Jabatan (RM207,800) adalah rendah berbanding dengan harga penender berjaya (RM853,110) iaitu perbezaan **310.5%**; dan

   ii. dari segi kos setiap item pula:

   - perbezaan harga penender berjaya adalah lebih/terlalu tinggi berbanding harga anggaran Jabatan iaitu antara 15.7% hingga 7,235%. Sebagai contoh, harga Jabatan bagi *Scanner for A4 size* adalah RM200 seunit berbanding harga penender berjaya adalah RM14,670 seunit iaitu perbezaan sebanyak **7,235%**; dan

   - perbezaan harga penender berjaya adalah lebih rendah berbanding harga anggaran Jabatan iaitu antara 54.2% hingga 87.9%. Sebagai contoh, harga Jabatan bagi *PC Tool Kits* adalah RM16,500 seunit berbanding harga penender berjaya RM2,000 seunit iaitu perbezaan sebanyak **87.9%**.

c. Semakan Audit mendapati nilai keseluruhan kontrak ini berjumlah RM9,291,500 adalah lebih rendah daripada jumlah anggaran harga Jabatan berjumlah RM9,468,900. Perolehan peralatan ini dilaksanakan melalui tender terbuka dan tawaran harga terendah telah dipilih namun terdapat beberapa item dalam kontrak mempunyai nilai kos yang tinggi dan tidak munasabah. Jika kos item ini dikaji semula, maka Kerajaan sememangnya akan memperolehi *value for money* bagi keseluruhan nilai kontrak tersebut. RTM hendaklah menyediakan spesifikasi peralatan yang lebih lengkap dan tepat dengan keperluan sebenar pengguna. Bagaimanapun spesifikasi bagi peralatan penyiaran telah disediakan secara spesifik.

d. Jawatankuasa Penilaian Harga (JKPH) perlu bertanggungjawab untuk menganalisis harga yang ditawarkan oleh penender berdasarkan harga terbaik yang munasabah berpandukan harga pasaran terbuka. Namun begitu, JKPH Kementerian hanya mengesyorkan harga keseluruhan yang paling rendah. Jawatankuasa ini sepatutnya juga membuat penilaian harga bagi setiap item. Selain itu, Jawatankuasa Perolehan sebagai jawatankuasa yang membuat keputusan pemilihan penender perlu juga memainkan peranan untuk menilai syor JKPH supaya keputusannya akan membolehkan Kerajaan melakukan perbelanjaan berhemat.

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Anggaran Jabatan pada ketika itu dibuat berdasarkan perbandingan harga beberapa kontrak yang telah dilaksanakan oleh RTM sebelum ini dan dikemas kini mengikut harga pasaran semasa yang mana perbandingan harga ini adalah salah satu mekanisme penetapan anggaran Jabatan.

Bagi projek ini, penilaian harga yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Harga dibuat berdasarkan kepada prinsip tawaran harga menyeluruh (total cost bid) di kalangan petender-petender yang menyertai tender ini dengan mengambil kira harga barangan, alat ganti, latihan, pentauliahan, pemasangan, jaminan dan penyelenggaraan.

Lembaga Perolehan KPKK melantik kontraktor berdasarkan tawaran keseluruhan yang mendapat markah penilaian teknikal tertinggi dan tawaran harga terendah yang menguntungkan Kerajaan (Best Value for Money).

Lembaga Perolehan Kementerian juga mengambil inisiatif sendiri bagi tujuan pertimbangan di mana Lembaga Perolehan akan menyemak melalui internet terhadap tawaran harga oleh syarikat tertentu dan dijadikan perbandingan bagi tawaran harga yang sedang dibincangkan sebelum membuat keputusan.

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 15 Julai 2013

Jika Agensi bercadang memilih lebih daripada satu petender, Agensi boleh menetapkan syarat "Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan juga berhak untuk memilih sebahagian tawaran daripada mana-mana petender. Petender juga dibenarkan menawarkan harga untuk semua item atau sebahagian item".

Pada pendapat Audit, Kerajaan perlulah memperolehi *best value for money* ke atas setiap perbelanjaan yang dibuat. Pengurusan perolehan perlulah diuruskan oleh pegawai yang mempunyai pengetahuan serta pengalaman dalam urusan perolehan peralatan studio radio. RTM perlu sentiasa melaksanakan kajian pasaran agar perbelanjaan berhemat dapat diterapkan dalam perolehan Kerajaan.

18.5.3.2. Pematuhan Kepada Syarat-syarat Kontrak


Bekalan atau kerja yang dijalankan hendaklah mengikut spesifikasi seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak.

a. Spesifikasi Pembinaan Dan Kos Tidak Mematuhi Kontrak/Tidak Munasabah

i. Berdasarkan spesifikasi kontrak dan lukisan lakarnya, COMS dikehendaki membekalkan 3 komponen iaitu jana kuasa 25 KVA, *skid tank* berisi padu 3' x 3' x 3' (berkapasiti 764 liter minyak diesel) dan pondok bata bersaiz 9' x 12' x 10' untuk menempatkan jana kuasa/*skid tank* dan *switch panel*. Jumlah kos yang terlibat bagi perolehan ketiga-tiga komponen ini adalah RM240,000 dan didapati tiada pecahan kos bagi setiap komponen tersebut disenaraikan dalam kontrak. Dengan itu, pihak Audit menggunakan asas perbandingan kos perolehan jana kuasa dengan tenaga yang sama iaitu 25 KVA yang dibeli untuk RTM Keningau iaitu berjumlah RM42,250. Selanjutnya, perkiraan Audit menunjukkan anggaran perbezaan kos sejumlah RM197,750 (RM240,000 - RM42,250) adalah sebenarnya kos yang terlibat bagi pembinaan pondok di RTM Bintulu. Kos anggaran pembinaan pondok bagi menempatkan jana kuasa berjumlah RM197,750 berbanding dengan kos jana kuasa yang merupakan komponen yang paling penting iaitu RM42,250 adalah satu pengurusan kos yang tidak seimbang. Walaupun pondok merupakan komponen yang penting untuk memastikan jana kuasa selamat dan dilindungi dari hujan dan panas namun spesifikasi dan kos pondok hendaklah munasabah dan lebih praktikal.


ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati, pondok yang sebenarnya dibina adalah berbeza daripada reka bentuk asal, menggunakan bahan binaan yang *down graded,* saiz lebih kecil iaitu 7' x 13' x 9' dan *skid tank* yang berkapasiti maksimum 276 liter minyak diesel walaupun bayaran masih berasaskan harga kontrak. Reka bentuk asal, reka bentuk binaan sebenar dan gambar pondok yang dibina adalah seperti berikut:

GAMBAR RAJAH 18.1



Lukisan Lakaran Pondok Jana Kuasa

GAMBAR RAJAH 18.2



Lukisan Lakaran Pondok Jana Kuasa



GAMBAR 18.1

RTM Bintulu
- Pondok Jana Kuasa
(29.12.2012)

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Mengikut kontrak, pihak kontraktor telah membekal pondok, jana kuasa dan tangki minyak seperti yang dikehendaki dalam kontrak. Bagaimanapun, tangki yang dibekalkan tidak menepati spesifikasi proposal dokumen kontrak iaitu berisi padu 796 liter. Tangki yang lebih kecil berkapasiti 276 liter dibekalkan adalah untuk mematuhi keperluan pihak berkuasa tempatan. Dengan kapasiti 276 liter, ianya mampu menampung operasi jana kuasa selama 34 jam tanpa henti.

Terdapat perbezaan harga yang ketara di antara jana kuasa RTM Keningau dan RTM Bintulu kerana jana kuasa yang dibeli untuk RTM Keningau berjenama lain, hanya 25KVA dan tanpa kos pemasangan dan tiada pondok jana kuasa. Sedangkan jana kuasa RTM Bintulu yang dibekalkan sebenarnya berkapasiti 33KVA, jenama lebih baik, termasuk pemasangan, pembinaan pondok jana kuasa, skid tank dan pengujian.

Pada pendapat Audit, kerja/pembekalan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Maklum balas KPKK tidak mengambil kira perbezaan kos pondok yang dibangkitkan. Jika berlaku keperluan mengurangkan spesifikasi di tapak projek, maka pelarasan harga hendaklah dibuat bagi mengurangkan kos perolehan supaya Kerajaan memperolehi *Value For Money*. Selain itu, spesifikasi kontrak hendaklah diperincikan dari segi kos berdasarkan setiap komponen yang terlibat.

18.5.4. Pengurusan Penerimaan Peralatan

18.5.4.1. Bayaran Tidak Teratur

a. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 99(e)(ii), bayaran hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan-bahan yang sebenarnya telah dibekalkan.

b. Semakan fizikal mendapati peralatan yang bernilai RM23,500 masih belum diterima tetapi bayaran penuh telah dibuat berdasarkan kepada perakuan penerimaan oleh pegawai tapak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.3
PERALATAN TIDAK DITERIMA TETAPI BAYARAN PENUH TELAH DIBUAT

RTM	NO. BAUCAR/ TARIKH	PERALATAN	UNIT	NILAI (RM)	LOKASI	TARIKH PERAKUAN PENERIMAAN
Kelantan	L3187 11.08.2010	*Cue Light Indicator*	1	670	*On Air Studio*	22.02.2010
		Cue Light Indicator	1	670	*Standby On Air Studio*	22.02.2010
		Workstation Table	2	9,340	*Edit Room*	12.05.2010
		Cue Light Indicator	2	800	*Ingest Room*	22.02.2010
Keningau	L3101 11.08.2010	*Workstation Table*	1	4,670	*Ingest Room*	08.06.2010
		Cue Light Indicator	1	670	*On Air Studio*	25.03.2010
		Cue Light Indicator	1	670	*Standby On Air Studio*	25.03.2010
Bintulu	L5578 23.09.2010	*Workstation Table*	1	4,670	*Ingest Room*	25.05.2010
		Cue Light Indicator	1	670	*On Air Studio*	24.02.2010
		Cue Light Indicator	1	670	*Standby On Air Studio*	24.02.2010
Kuala Lumpur	K7058 27.05.2010	*TV mount (*yang sepatutnya dibekal bersama *32" SONY Bravia S Series LCD TV)*	10	Harga *TV mount* tidak diperincikan	Wisma Radio, Angkasapuri	24.12.2009
JUMLAH			**12**	**23,500**		

c. Semakan Audit mendapati bayaran berjumlah RM23,500 telah dibuat oleh Kerajaan bagi peralatan yang tidak diterima.

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Berdasarkan Schedule Of Equipment, semua peralatan telah dibekalkan:

Cue Light Indicator
On Air Studio dan Standby On-Air Studio di RTM Bintulu, RTM Keningau dan RTM Kota Bharu.

Dokumen spesifikasi menetapkan 2 unit cue light dibekalkan bagi setiap studio. Sebenarnya, kontraktor perlu membekal masing-masing satu unit jenis A dan satu unit jenis B menjadikan jumlah cue light adalah 2 unit.

Diperakui masing-masing 2 unit jenis A dan 2 unit jenis B telah diterima dan dipasang di On-Air Studio dan Standby On-Air Studio seperti yang dikehendaki mengikut spesifikasi asal. Pemasangan cue light indicator bagi RTM Bintulu telah dibuat pada 24.02.2010, RTM Keningau pada 25.03.2010 dan RTM Kota Bharu pada 22.02.2010.

Ingest Room di RTM Kota Bharu.

Cue light telah dipasangkan dan berfungsi dengan baik. Pemasangan telah dibuat pada 22.02.2010 dan berfungsi sepenuhnya pada 16.05.2013.

Workstation Table
RTM Bintulu (1 unit) dan RTM Keningau (1 unit)

Meja ini telah diterima dan ditempatkan di Bilik Kawalan Pusat (MCR) untuk menempatkan peralatan Logging System dan Administration Workstation. Workstation table bagi RTM Bintulu telah dibekalkan pada 25.05.2012 dan RTM Keningau pada 08.06.2013.

RTM Kota Bharu (2 unit untuk Edit Room dan 2 unit untuk Ingest Room)

RTM Kota Bharu mengesahkan keempat-empat meja ini berada di stesen. Workstation ini telah dibekalkan pada 12.05.2010.

32' SONY Bravia S Series LCD TV c/w mounting

Spesifikasi hanya menyatakan c/w mounting tetapi tidak menyatakan samada ceiling mounting, wall mounting atau table mounting. Untuk penggunaaan di konti adalah sesuai menggunakan table mounting. Penggunaan wall mounting dan ceiling mounting boleh mengubah

parameter akustik konti tersebut. Semua set TV telah dibekalkan dengan table mounting.

Bahagian Operasi Penyiaran akan menentukan penyediaan spesifikasi dibuat dengan lebih jelas dan fokus kepada keperluan yang optima supaya tidak berlaku kekeliruan semasa pelaksanaan projek.

Pada pendapat Audit, bekalan peralatan hendaklah dibekalkan mengikut tempoh perjanjian dan menepati spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. KPKK perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang memperakukan penerimaan peralatan yang tidak dibekalkan. Ini menyebabkan *improper payment* kerana bayaran dibuat bagi peralatan tidak di bekal dan telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

18.5.5. Penggunaan Peralatan Studio Radio

18.5.5.1. Penggunaan Peralatan Tidak Menepati Kegunaan Asal

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 peralatan yang diterima perlulah digunakan seperti mana yang dirancang dan secara optimum bagi mendapatkan nilai *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat.

a. *Master Clock System* Tidak Berfungsi Sepenuhnya

Master Clock System terdiri dari 4 komponen iaitu *Master Clock System Driver, Distribution Driver, Digital/Slave Clock* dan *Global Positioning System* (GPS). Sistem ini perlu berfungsi secara bersepadu bagi tujuan memberi waktu yang tepat berasaskan putaran satelit bagi membantu dalam penyelarasan kerja-kerja penyiaran. Ketepatan masa *Slave Clock* adalah bergantung kepada *Master Clock System Driver* dan *Distribution Clock Driver*. Bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tender Bil. 7/2009 pada 11 Mac 2009 telah memutuskan agar *Master Clock System* dikeluarkan dari senarai peralatan namun 2 komponen iaitu *Digital/Slave Clock* dan GPS masih disenaraikan dalam kontrak bertarikh 30 November 2009. Semakan Audit di RTM Kelantan, Keningau dan Bintulu mendapati 2 komponen tersebut telah dibekalkan dengan kos berjumlah RM116,220. Butiran lanjut adalah di jadual berikut:

JADUAL 18.4
KOMPONEN *MASTER CLOCK SYSTEM* YANG DIBEKALKAN

RTM	PERALATAN					
	GPS RECEIVER			*SLAVE CLOCK*		
	BILANGAN DIAGIH (Unit)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	BILANGAN DIAGIH (Unit)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
Kelantan	2	6,670	13,340	8	3,810	30,480
Keningau	2	6,670	13,340	6	3,810	22,860
Bintulu	2	6,670	13,340	6	3,810	22,860
JUMLAH	6		**40,020**	20		**76,200**
JUMLAH BESAR						**116,220**

Ini mengakibatkan *Master Clock System* tidak dapat berfungsi seperti mana tujuan asalnya iaitu memberi waktu yang tepat berasaskan putaran satelit. Dengan itu, *Slave Clock* yang bernilai RM3,810 seunit dengan kos keseluruhan RM76,200 di mana 14 unit yang diperoleh hanya dapat digunakan seperti jam biasa dan 6 unit lagi di RTM Keningau langsung tidak digunakan. Dua komponen yang dibekalkan adalah seperti berikut:

GAMBAR 18.2



Master Control Room, RTM Keningau
- Slave Clock
(26.12.2012)

GAMBAR 18.3



Master Control Room, RTM Bintulu
- Global Positioning System
(28.12.2012)

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Master Clock System telah digugurkan selaras dengan keputusan Jawatankuasa Teknikal Tender. Tiada keperluan untuk membekalkan Slave Clock dalam kontrak ini, Jabatan hanya menyenaraikan Branded Wall Clock dengan anggaran kos asal RM100 sahaja. Bagaimanapun, kontraktor telah menawar dan membekalkan Branded Wall Clock yang mengandungi ciri-ciri Slave clock yang bernilai RM3,810.00 (harga pasaran yang telah disemak). Secara tidak langsung RTM mendapat bekalan jam dinding yang bermutu tinggi dan melebihi value for money.

Peralatan GPS receiver dalam kontrak ini tiada kaitan dengan Master Clock System. Malah perolehan GPS adalah dalam Radio Automation System sepertimana yang terdapat dalam Jadual Peralatan dan Jadual harga tender.

Peralatan GPS receiver yang dibekalkan akan diagihkan untuk kegunaan stesen RTM lain. Jabatan juga akan memastikan perolehan alat akan datang dibuat dengan lebih teliti mengikut keperluan sebenar. Pengagihan akan dibuat sebelum 30 Jun 2013.

Pada pendapat Audit, keputusan Jawatankuasa Teknikal Tender sepatutnya diambil kira dalam penyediaan senarai peralatan dalam kontrak. Kecuaian pegawai dalam mengambil tindakan menggugurkan *Master Clock System* dalam senarai perolehan seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Tender telah menyebabkan berlaku pembaziran dalam pembelian *GPS Receiver* dan *Slave Clock* kerana tidak dapat dimanfaatkan.

b. Peralatan Yang Masih Tidak Digunakan

Lawatan Audit pada bulan Disember 2012 mendapati, peralatan berjumlah RM151,018 masih belum digunakan. Antara peralatan yang tidak digunakan adalah 6 unit GPS yang bernilai RM40,020 tidak digunakan sejak 2 tahun lalu kerana tiada keperluan seperti mana tujuan asalnya, 2 unit *Laser Jet Printer* di RTM Keningau dan 1 unit *Scanner* A4 di RTM Kelantan seperti di **Gambar 18.4** hingga **18.6**. Peralatan ini tidak digunakan kerana Pegawai Aset tidak mengetahui akan kewujudannya dan juga tidak diberi latihan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 18.5
PERALATAN YANG MASIH TIDAK DIGUNAKAN

RTM	PERALATAN	JUMLAH		TARIKH PENERIMAAN	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
		UNIT	(RM)		
Perak	*Samsung 32" LCD TV*	10	22,750	26.04.2012	Dalam proses pengagihan
	Scanner for A3 Paper	1	2,488	26.04.2012	Dalam proses pengagihan
Kelantan	*GPS Receiver*	2	13,340	01.03.2010	Penerimaan peralatan tidak lengkap
	Scanner for A4 Size Paper	1	14,670	24.12.2009	Tidak tahu ada dalam simpanan
Keningau	*GPS Receiver*	2	13,340	TM*	Penerimaan peralatan tidak lengkap
	Branded Wall Clock	6	22,860	18.05.2010	Penerimaan peralatan tidak lengkap

RTM	PERALATAN	JUMLAH		TARIKH PENERIMAAN	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
		UNIT	(RM)		
	Portable Digital Codec	1	20,100	24.02.2010	Tiada Latihan (tidak tahu fungsi dan cara penggunaan)
	Hand Held Digital Audio Test and Measuring Instrument	1	27,030	24.02.2010	Tiada Latihan (tidak tahu fungsi dan cara penggunaan)
	LaserJet Printer	2	1,100	24.12.2009	Tidak tahu ada dalam simpanan
Bintulu	*GPS Receiver*	2	13,340	03.03.2010	Penerimaan peralatan tidak lengkap
JUMLAH		**28**	**151,018**		

Nota : ***(*) - Tiada Maklumat***

GAMBAR 18.4



Bilik Juruteknik Kanan, RTM Kelantan
- 1 Unit Scanner A4 Size Paper Tidak Digunakan
(17.12.2012)

GAMBAR 18.5



Master Control Room, RTM Keningau
- 2 Unit Laserjet Printer Tidak Digunakan
(26.12.2012)



GAMBAR 18.6

Master Control Room, RTM Keningau
- 2 Unit GPS Receiver Tidak Digunakan
(26.12.2012)

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Perjawatan tetap stesen ini hanyalah diluluskan pada 2011 selepas kelulusan kertas dasar perjawatan. Manakala penempatan petugas-petugas stesen secara rasmi hanya bermula daripada tarikh tersebut dan pelantikan pegawai aset hanya dicadangkan di akhir 2012. Pegawai aset telah dilantik pada 30 Januari 2013.

Bahagian Operasi Penyiaran akan menentukan semua pelaksanaan projek-projek di masa hadapan hendaklah mempunyai perancangan yang lebih teliti berdasarkan keperluan sebenar bagi mengelakkan pembaziran wang awam.

Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan seperti di bawah:

RTM Perak
Samsung 32" LCD TV

Perpindahan kakitangan ke kompleks baru masih belum selesai sepenuhnya semasa lawatan Audit. Atas alasan ini, LCD TV tidak dapat dipasang dan pemasangan TV ini telah siap pada Januari 2013.

Scanner for A3 Paper

Peralatan ini telah dipasang dan digunakan mulai Januari 2013.

RTM Kelantan
Scanner fo A4 Paper

Peralatan ini telah dipasang dan digunakan mulai Januari 2013.

GPS Receiver

Peralatan telah diagihkan untuk kegunaan stesen RTM lain pada 8 Julai 2013.

RTM Keningau
GPS Receiver

Peralatan telah diagihkan untuk kegunaan stesen RTM lain 8 Julai 2013.

Branded Wall Clock

Peralatan Branded Wall Clock telah dipasang dan digunakan di lokasi.

Portable Digital Codec dan Hand Held Digital Audio Test And Measuring Instrument

Peralatan akan digunakan dan latihan dalaman sepenuhnya akan dilaksanakan.

LaserJet Printer

Peralatan ini telah diagihkan dan dipasang pada 2 Januari 2013.

RTM Bintulu
GPS Receiver

Peralatan telah diagihkan untuk kegunaan stesen RTM lain 8 Julai 2013.

Jabatan akan mempertingkatkan kefahaman Pengurusan Aset oleh ketua-ketua stesen melalui kursus-kursus berkaitan Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

Pada pendapat Audit, perancangan yang lebih teliti berdasarkan keperluan sebenar bagi mencapai objektif projek hendaklah dititik beratkan dan mengelakkan pembaziran wang awam. Selain itu, sebagai contoh, tempoh kecacatan satu tahun bagi GPS yang tidak digunakan telah tamat pada 23 November 2011 mengakibatkan tiada jaminan ke atas tahap *functionality*.

18.5.5.2. Penyediaan Penggunaan Peralatan Dengan Berkesan

a. *Pre-Delivery Inspection* (PDI)

Mengikut Klausa C10 *Technical Specification* untuk pembekalan peralatan studio radio di RTM Kelantan, Keningau dan Bintulu hendaklah dilaksanakan oleh 3 orang jurutera RTM dan seorang wakil dari KPKK ke atas 3 peralatan utama dalam tender TV/PEM/3/2009 iaitu *Radio Automation System*, *Audio Routing System* dan *Digital Audio Mixers* dengan kos ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

Didapati PDI tersebut telah dilaksanakan di Jerman pada 25 hingga 29 Januari 2010 (5 hari) bagi satu peralatan utama sahaja iaitu *Radio Automation System* walaupun 2 lagi peralatan (Audio Routing System dan Digital Audio Mixers) masih belum disiapkan oleh kilang pengeluar. Kos yang ditanggung oleh KPKK untuk PDI ini adalah sejumlah RM66,670 yang kemudiannya diberi diskaun sejumlah RM20,000 oleh COMS (atas alasan 'sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan'). Bagaimanapun, diskaun ini tidak mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa Projek (KSU KPKK).

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Mengikut kontrak, terdapat tiga jenis peralatan perlu dibuat pemeriksaan. Bagaimanapun, pemeriksaan dua peralatan iaitu Audio Routing System dan Digital Audio Mixers jenis Klotz Digital yang dibekalkan diputuskan dibuat dalam negara memandangkan peralatan ini diguna pakai di stesen-stesen RTM lain berdasarkan cadangan dan perincian kos yang dikemukakan oleh kontraktor.

Oleh itu, pemeriksaan yang dibuat hanyalah untuk peralatan baharu iaitu Zenon Media selama 5 hari dan pihak kontraktor telah melaksanakan pemeriksaan mengikut tempoh yang dipersetujui dalam kontrak.

Pihak syarikat telah menawarkan pengurangan sebanyak RM20,000 oleh kerana kerja pemeriksaan tidak dapat dilaksanakan untuk peralatan Klotz Digital.

Pada pendapat Audit, syarat *Technical Specification* hendaklah dipatuhi di mana PDI perlu dilaksanakan bagi ketiga-tiga peralatan utama. Pihak KPKK menerima pengurangan RM20,000 daripada COMS tanpa justifikasi yang jelas sedangkan 2 daripada 3 pemeriksaan PDI tidak dilaksanakan. Pelarasan harga yang melibatkan RM20,000 hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa Projek seperti kehendak peraturan kewangan.

b. Modul Latihan Tidak Menyeluruh

Semakan Audit terhadap modul latihan yang dilaksanakan hanya terbatas kepada penggunaan *Mixer* dan Sistem Zenon bagi kegunaan pegawai teknikal dan penerbit rancangan. Modul latihan yang tidak menyeluruh, boleh mengakibatkan peralatan terutamanya peralatan berteknologi tinggi/baharu tidak dapat digunakan secara berkesan dan optimum atau tidak langsung digunakan kerana pegawai tidak mahir dalam mengendalikan peralatan tersebut. Sebagai contoh, di RTM Keningau peralatan *Hand-Held Digital Audio Test And Measuring Instrument* dan *Portable Digital Codec* masih tersimpan di dalam kotak dan tidak digunakan. Pihak Audit dimaklumkan peralatan tersebut tidak digunakan memandangkan tiada pegawai RTM Keningau yang boleh mengendalikan peralatan tersebut.

GAMBAR 18.7



Master Control Room, RTM Keningau
- Portable Digital Codec Tidak Digunakan Kerana Tiada Kepakaran
(26.12.2012)

GAMBAR 18.8



Master Control Room, RTM Keningau
- Hand-Held Digital Audio Test And Measuring Instrument Tidak Digunakan Kerana Tiada Kepakaran
(26.12.2012)

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Dalam kontrak, latihan hanya terhad bagi peralatan utama dalam sistem automasi radio. Latihan bagi peralatan lain seperti Hand-Held Digital Audio Test And Measuring Instrument dan Portable Digital Codec telah dibuat pada 16 Mei 2013 secara dalaman dengan kepakaran sedia ada.

Jabatan berpandangan bagi peralatan-peralatan yang telah sedia digunakan dan ada kepakaran dalaman, latihan penggunaan peralatan akan dibuat secara dalaman bagi mencapai maksud value for money. Bagaimanapun, Bahagian Operasi Penyiaran akan menentukan latihan ini dibuat dengan segera semasa pelaksanaan projek untuk mendapatkan nilai optima peralatan yang dibekalkan.

c. Pematuhan Pelaksanaan Latihan Mengikut Kontrak

Mengikut kontrak, pembekal peralatan studio radio hendaklah melatih kakitangan RTM secara *on site training* mengikut modul/sub modul dan telah menetapkan sasaran kehadiran bilangan peserta bagi setiap sub modul. Semakan Audit mendapati, *on site training* telah dilaksanakan mengikut jadual, modul dan bilangan hari yang ditetapkan. Namun begitu berdasarkan analisis yang dibuat terhadap senarai kehadiran peserta, pihak Audit mendapati ada beberapa sub modul di mana peratus bilangan peserta yang tidak hadir adalah tinggi iaitu antara 42.9% hingga 70%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 18.6
PENGLIBATAN PESERTA DALAM LATIHAN KURANG MEMUASKAN

NO. KONTRAK	MODUL	SUB MODUL	BIL. PESERTA		PERATUS KETIDAK CAPAIAN (%)	RTM
			SASARAN	PENCAPAIAN		
KPKK/TV/ PEM/3/ 2009	Modul 1 - *For Network And Radio Systems Administrator*	*Zenon Media Administrator*	10	3	70.0	Kelantan
		Zenon Media Server Architecture	10	3	70.0	Keningau
	Modul 2 - *For Programme Managers And Producers*	*Zenon Media Record/Production*	10	3	70.0	Kelantan
KPKK/RTM/ PEM/3/ 2011	Modul 1 - *For Technical Personnel Maintaining And Operating The System*	*Operation Edit - Ingest Studio (Technical)*	7	3	57.1	Perak
	Modul 2 - *For Network And Radio System Administrator*	*Operation Portable PA (Technical)*	7	4	42.9	

Pada pendapat Audit, penglibatan peserta secara sepenuhnya adalah penting bagi memastikan setiap pegawai yang terlibat didedahkan dengan teknik pengendalian peralatan yang betul. Ini adalah bagi memastikan

peralatan dapat digunakan secara optimum dan mengurangkan risiko kerosakan pada peralatan. Selain itu, kos latihan yang terlibat di RTM Perak yang berjumlah RM100,000 dapat dimanfaatkan sepenuhnya supaya tidak berlaku pembaziran wang awam.

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Diakui rekod kehadiran harian peserta tidak menepati keperluan kontrak. Ini adalah kerana terdapat peserta yang hadir tetapi tidak menandatangani daftar kehadiran. Mengambil kira peserta-peserta di stesen bertugas secara giliran, pelaksanaan sesuatu modul dibuat secara bersiri. Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seperti berikut:

Kontrak TV/PEM/3/2009 Part I
RTM Kota Bharu

Modul 1 (5 hari/10 peserta): Seramai 12 orang telah dilatih
Modul 2 (3 hari/10 peserta): Seramai 20 orang telah dilatih

RTM Keningau

Modul 1 (5 hari/10 peserta): Seramai 7 orang telah dilatih
Modul 2 (3 hari/10 peserta): Seramai 13 orang telah dilatih

Kontrak KPKK/RTM/PEM/3/2011
RTM Perak

Modul 1 (5 hari/7 peserta): Seramai 47 orang telah dilatih
Modul 2 (3 hari/7 peserta): Seramai 29 orang telah dilatih
Modul 3 (3 hari/7 peserta): Seramai 31 orang telah dilatih

Pihak kontraktor telah memberi komitmen untuk mengadakan latihan tambahan tanpa kos bagi menampung kekurangan yang terdapat dalam modul di atas.

Jabatan akan meningkatkan pemantauan pengurusan latihan pengguna dalam kontrak bagi pelaksanaan projek-projek di masa akan datang. Jabatan juga akan menentukan spesifikasi teknikal berkenaan latihan dibuat sesuai dengan bilangan kakitangan yang terdapat di stesen terbabit.

Pada pendapat Audit, bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai, RTM perlu memastikan penglibatan secara langsung bilangan pegawai yang secukupnya dalam semua modul sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak. Bagi mereka yang telah menghadiri latihan, adalah juga penting supaya diaturkan sesi *knowledge sharing* secara berterusan kepada lain-lain pegawai yang tidak berpeluang menghadiri


modul latihan berkenaan supaya perkhidmatan yang lebih berkesan dapat diberikan.

18.5.6. Tahap Keselamatan RTM Bintulu

18.5.6.1. Premis RTM merupakan satu kawasan yang perlu memiliki kawalan keselamatan yang ketat yang perlu diberi perlindungan sepenuhnya dan di warta mengikut Seksyen 5 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Berdasarkan Arahan Keselamatan mengenai keselamatan bangunan Kerajaan, antara langkah-langkah bagi mengelakkan pencerobohan premis tersebut adalah dengan menghadkan jalan keluar masuk, mengadakan kaunter, memperkukuhkan tingkap-tingkap dan pintu-pintu yang dilengkapkan dengan kunci keselamatan dan mewujudkan perkhidmatan kawalan keselamatan. Didapati, kawalan keselamatan di RTM Bintulu adalah kurang memuaskan kerana terletak di bangunan komersial. Selain itu, tiada sebarang papan tanda yang mengisytiharkan RTM Bintulu adalah kawasan terperingkat atau larangan.

18.5.6.2. Semasa lawatan Audit pada 28 Disember 2012 mendapati, lokasi RTM Bintulu terletak di kawasan lot kedai terbuka berdekatan dengan bank, kedai dan sebagainya. RTM Bintulu menggunakan khidmat pegawai keselamatan hanya selama 12 jam sehari iaitu dari jam 7 malam hingga 7 pagi dan bukannya 24 jam. Di samping itu, pintu masuk seperti di **Gambar 18.12** tidak menggunakan *Time Management System* (TMS) seperti yang dipraktikkan di RTM Perak, Kelantan dan Keningau. Pihak Audit mendapati kawasan ini terdedah kepada risiko pencerobohan/kecurian jika langkah-langkah keselamatan tidak diambil dengan sewajarnya terutama sekali ketika tiada pegawai keselamatan.

GAMBAR 18.9



Pintu Masuk Utama RTM Bintulu - Kurang Kawalan Keselamatan (28.12.2012)

GAMBAR 18.10



Contoh Papan Tanda Yang Menunjukkan Kawasan Dan Tempat Larangan (11.04.2013)

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Jabatan bersetuju aspek keselamatan di RTM Bintulu perlu dipertingkatkan. Kementerian maklum perkara ini dan telah memaklumkan

Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Penyiaran untuk segera melaksanakan permohonan pengisytiharan tempat larangan bagi Stesen RTM Bintulu dan juga RTM Keningau.

RTM Sarawak telah menempatkan seorang pengawal keselamatan tambahan ke stesen RTM Bintulu. Permohonan tambahan jawatan untuk pengawal keselamatan juga telah dimasukkan dalam penstrukturan semula Jabatan. Selain dari itu, roller shutter telah dipasangkan di pintu utama stesen. Kementerian juga telah mempercepatkan kerja-kerja pemasangan Sistem Pemantauan Keselamatan Bersepadu (SPKB) di RTM Bintulu. Sistem SPKB dijangka siap pada 30 Jun 2013.

Pada pendapat Audit, memandangkan RTM Bintulu menempatkan pelbagai peralatan penyiaran yang bernilai tinggi, aspek keselamatan perlu di pertingkatkan. Langkah mengisytiharkan RTM Bintulu sebagai tempat larangan hendaklah dilakukan segera selaras dengan peruntukan seksyen 5 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan, Akta 298, Tahun 1959 supaya tahap keselamatan yang sewajarnya dapat dilaksanakan.

18.5.7. Kerosakan/Pembaikan Peralatan Tidak Direkodkan Dalam KEW.PA-9

Semakan Audit mendapati RTM Perak, Kelantan, Keningau dan Bintulu tidak menyelenggara rekod KEW.PA-9 bagi merekodkan kerosakan/pembaikan peralatan. Peralatan yang diperolehi dalam projek ini yang telah mengalami kerosakan tetapi tidak di rekod dalam KEW.PA-9 adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 18.7
PERALATAN YANG ROSAK DAN TIDAK DIREKODKAN KE DALAM KEW-PA 9

RTM	PERALATAN/ UNIT	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	STATUS KEROSAKAN
Perak	*String Clip Microphone*	782	782	Dipulangkan kepada pembekal
	Studio DVD Player/Recorded	7,939	7,939	Dipulangkan kepada pembekal
Kelantan	*Telephone Hybrid* (2 unit)	18,480	36,960	Telah dihantar bagi tujuan pembaikan pada 30 April 2012
	Swivel Chair (2 unit)	450	900	Di dalam stor bagi tujuan pelupusan
Keningau	*Intercommunication System*	27,710	27,710	Masih belum dilaporkan kerana pengguna tidak mengetahui tahap kerosakan alat tersebut
	Headset	1,310	1,310	Rosak
JUMLAH			**75,601**	



GAMBAR 18.11

MCR, RTM Keningau
- Intercommunication System Yang Rosak
(26.12.2012)

Berdasarkan semakan Audit sejumlah RM75,601 peralatan studio radio yang telah rosak tidak direkodkan ke dalam KEW.PA 9. Bagi peralatan yang tiada rekod kerosakannya, Ketua Jabatan dan Pegawai Aset sukar mengetahui status peralatan yang rosak dan yang masih berfungsi. Selain itu, rekod ini adalah juga penting bagi meningkatkan pengurusan aset yang lebih berkesan dengan cara mengambil tindakan yang sewajarnya supaya peralatan tersebut dapat digunakan dengan kadar segera.

Maklum Balas KPKK Yang Diterima Pada 5 Jun 2013

Borang Kew.PA-9 telah di selenggara. Jabatan akan mempertingkatkan kefahaman Pengurusan Aset oleh ketua-ketua stesen melalui kursus-kursus berkaitan Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan juga semasa mesyuarat JKPAK yang diadakan empat kali setahun.

Pada pendapat Audit, setiap elemen dalam pengurusan aset hendaklah dititik beratkan bagi meningkatkan tahap kebolehgunaan (usability). Dengan itu, peralatan yang rosak perlu direkodkan dengan segera dalam KEW.PA-9 bagi memudahkan pihak pengurusan mengambil tindakan yang sewajarnya.

18.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan peralatan studio radio dilaksanakan secara teratur dan berkesan, adalah disyorkan supaya pihak yang berkaitan mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

18.6.1. KPKK dan RTM hendaklah memastikan perolehan peralatan dirancang dengan teliti serta berdasar keperluan sebenar bagi mengelakkan pembaziran wang awam;

18.6.2. RTM hendaklah memastikan peralatan yang dibekalkan hendaklah digunakan secara optimum bagi mencapai maksud *best value for money*;

18.6.3. Kementerian Kewangan mengeluarkan peraturan dan arahan kewangan bagi memasukkan klausa dalam dokumen tender bagi membolehkan Kerajaan mengeluarkan item-item yang terlalu mahal daripada harga pasaran dan dibuat perolehan melalui kaedah berasingan;

18.6.4. JKPH hendaklah membuat analisis harga yang ditawarkan oleh penender berdasarkan harga pasaran terbuka supaya setiap perolehan memberi pulangan terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan (best value for money);

18.6.5. RTM hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat pegawai yang memperakukan kerja bagi peralatan yang tidak dibekalkan kerana menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan mengambil tindakan sewajar terhadap pegawai terlibat;

18.6.6. RTM hendaklah menyelenggara rekod peralatan dengan sempurna dan teratur seperti merekodkan kerosakan peralatan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 bagi memudahkan pihak pengurusan mengambil tindakan sewajarnya; dan

18.6.7. RTM hendaklah meningkatkan tahap keselamatan premis bagi mengelakkan pencerobohan antaranya mengehadkan jalan keluar masuk dan memperkukuhkan tingkap dan pintu yang dilengkapkan dengan kunci keselamatan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 206-221 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

19. BALAI SENI VISUAL NEGARA (BSVN)
- PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN DAN PROJEK PENGGANTIAN BUMBUNG

19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. Bangunan tambahan pentadbiran Balai Seni Visual Negara (BSVN) telah dibina di No. 2, Jalan Temerloh Off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur dengan tapak pembinaan seluas 1.93 ekar. Matlamat projek adalah untuk menyediakan ruang pejabat pentadbiran, bilik persatuan, bilik sekuriti, surau, stor, gimnasium dan kemudahan 216 petak tempat letak kereta bagi 150 orang pegawai.

19.1.2. SPAZ Sdn. Bhd. telah dilantik secara tender terbuka untuk melaksanakan projek ini melalui kaedah reka dan bina. Projek pembinaan bangunan tambahan ini ditetapkan siap dalam tempoh 78 minggu iaitu dari 20 November 2008 hingga 19 Mei 2010 dengan kos asal berjumlah RM23.45 juta. Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana dan Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA), JKR selaku Pegawai Penguasa Projek. Projek telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan kepada BSVN pada 22 November 2011.

19.1.3. Projek penggantian bumbung di Bangunan Utama BSVN telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah kebocoran bumbung, mengurangkan kos penyenggaraan dengan menggunakan bahan berkualiti dan ekonomi. Bangunan utama BSVN yang dibina pada tahun 1998 telah mengalami kebocoran serius di ruangan galeri seni. Jika kebocoran bumbung tidak diatasi, ia akan menjejaskan dan menyebabkan kerosakan kepada karya seni dan bahan pameran yang tersimpan di galeri seni BSVN.

19.1.4. Twinity Enterprise telah dilantik secara tender terbuka konvensional bagi melaksanakan projek ini dalam tempoh 44 minggu dari 15 November 2011 sehingga 18 September 2012. Kos asal projek adalah berjumlah RM2.74 juta dengan skop kerja penggantian bahan asas bumbung daripada *metal composite panel* kepada *aluminium composite roofing panel*. Agensi pelaksana adalah Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKR WPKL) dan Pegawai Penguasa ialah Pengarah JKR WPKL. Projek ini telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan kepada BSVN pada 30 Januari 2013.

GAMBAR 19.1



- Bangunan Tambahan BSVN Yang Telah Siap

GAMBAR 19.2



- Penggantian Bumbung Yang Baru

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek Pembinaan Bangunan Tambahan dan projek Penggantian Bumbung BSVN telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

19.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Pembinaan Bangunan Tambahan dan Projek Penggantian Bumbung BSVN bagi tempoh tahun 2008 hingga 2013. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan (KPKK), Cawangan Pembangunan BSVN, Cawangan Kerja Dan Bangunan Am (CKBA) JKR dan Pejabat JKR WPKL.

19.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek. Lawatan fizikal, pemeriksaan tapak dan temu bual dengan pegawai terlibat telah diadakan, selain itu borang soal selidik juga telah diedarkan kepada pegawai BSVN untuk mendapatkan maklum balas kepuasan pengguna.

19.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 sehingga Januari 2013 mendapati prestasi pembinaan bagi kedua-dua projek ini memuaskan kerana mencapai objektif pembinaannya. Bagaimanapun berlaku kelemahan dalam pelaksanaan seperti berikut:

a. Projek Bangunan Tambahan

i. Projek tidak dapat disiapkan mengikut tarikh siap asal pada 19 Mei 2010 dan diberi 2 lanjutan masa selama 240 hari.

ii. Projek disiapkan pada 22 November 2011 iaitu kelewatan selama 10 bulan selepas tamat tarikh lanjutan masa kedua.

iii. Jawatankuasa Penilaian Teknikal JKR tidak dapat menyelesaikan penilaian tender dalam tempoh 6 bulan.

iv. SST lewat dikeluarkan selepas sebulan dari tarikh kelulusan peruntukan tambahan oleh KPKK.

v. Dokumen kontrak lewat ditandatangani selama 5 bulan dari tarikh yang ditetapkan.

vi. Terdapat 2 Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM0.52 juta telah diluluskan selepas tamat tarikh siap kerja selepas lanjutan masa kedua.

vii. Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM0.59 juta (50%) masih belum dibayar kepada kontraktor walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan.

viii. Terdapat 6 bayaran interim berjumlah RM7.48 juta lewat dibayar antara 6 hingga 155 hari selepas 45 hari penilaian dibuat.

ix. BSVN telah mendahulukan bayaran bil elektrik berjumlah RM152,105 yang masih belum dikutip semula daripada kontraktor walaupun tempoh kontrak telah tamat.

x. Pemasangan dinding sesekat yang tidak mengikut spesifikasi menyebabkan projek lewat diserahkan kepada BSVN.

b. Projek Penggantian Bumbung

i. Projek disiapkan setelah mendapat tempoh lanjutan masa selama 48 hari; dan

ii. Terdapat 2 Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM0.57 juta dan 5 Pelarasan Harga Kontrak berjumlah RM0.72 juta telah diluluskan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas BSVN adalah seperti di perenggan berikut:

19.5.1. Prestasi Projek

19.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Projek Bangunan Tambahan

Syarat kontrak menetapkan tarikh milik tapak projek adalah pada 20 November 2008 dan tarikh siap asal pada 19 Mei 2010. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. Pegawai Penguasa Projek telah meluluskan 2 lanjutan masa selama 240 hari iaitu sehingga 14 Januari 2011. Butiran dan alasan mengenai lanjutan masa adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.1
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN BAGI PROJEK BANGUNAN TAMBAHAN

LANJUTAN MASA	TARIKH SIAP YANG DITETAPKAN	TARIKH SIAP YANG DILANJUTKAN	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
1	19.05.2010	07.09.2010	111	Kelewatan mendapat kelulusan Perintah Pembangunan (D.O) daripada DBKL.
2	07.09.2010	14.01.2011	129	Terdapat perbezaan lukisan yang dipersetujui pihak Telekom dengan lukisan yang dipersetujui di dalam kontrak berkenaan kedudukan *tapping point* atas permintaan Telekom.
JUMLAH HARI			**240**	

ii. Syarat kontrak reka dan bina menyatakan kontraktor bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan perintah pembangunan atau *Development Order* (D.O) daripada pihak berkuasa tempatan sebelum memulakan kerja pembinaan. Permohonan D.O kepada DBKL oleh kontraktor sepatutnya dibuat pada 20 November 2008 tetapi telah dikemukakan pada 15 Disember 2008 iaitu telah lewat 14 hari. Mengikut jadual pelaksanaan, D.O akan diluluskan oleh DBKL pada 19 Februari 2009 tetapi sebaliknya diluluskan pada 2 Jun 2009. Kelewatan kelulusan D.O adalah disebabkan kontraktor terpaksa menghantar semula lukisan pelan pembangunan setelah lukisan asal tidak memenuhi syarat kelulusan DBKL. Kontraktor telah memohon lanjutan masa selama 175 hari bagi kelewatan ini tetapi diluluskan selama 111 hari sahaja.

iii. Kelulusan Telekom perlu diperolehi untuk melaksanakan kerja-kerja pemasangan sistem telefon luaran. Lukisan pemasangan sistem telefon luaran yang diluluskan oleh Telekom pada 8 Disember 2009 menghendaki *tapping point* dalam kontrak dipinda sejauh 0.5km dari lokasi asal. Permohonan lanjutan masa ke-2 selama 161 hari bagi perubahan kerja ini hanya diluluskan 129 hari sahaja.

iv. Permohonan kontraktor pada 4 Januari 2011 bagi pelanjutan tempoh kali ke-3 tidak diluluskan kerana Pegawai Penguasa berpendapat 2 lanjutan masa yang diluluskan sebelumnya adalah memadai. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 22 November 2011 lewat selama 10 bulan selepas tamat tarikh lanjutan masa kedua.

v. BSVN mula menggunakan bangunan tambahan secara rasmi pada 12 Januari 2012. Tempoh tanggungan kecacatan bagi bangunan tambahan adalah selama 24 bulan mulai 22 November 2011 hingga 23 November 2013.

b. Projek Penggantian Bumbung

i. Syarat kontrak menetapkan tarikh siap asal projek pada 18 September 2012. Semakan Audit mendapati Pegawai Penguasa telah meluluskan satu lanjutan masa selama 48 hari sehingga 5 November 2012. Ini kerana terdapat penambahan kuantiti *aluminium composite panel* bumbung sebanyak 53% daripada kuantiti asal di dalam kontrak.

ii. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa pada 5 November 2012. Projek telah diserahkan secara rasmi kepada BSVN pada 30 Januari 2013. Tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan telah bermula pada 6 November 2012 hingga 5 November 2013.

Maklum Balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013

BSVN bersetuju dengan penemuan Audit berhubung isu kelewatan siap Projek Bangunan Tambahan. Permohonan lanjutan tempoh ke-3 oleh kontraktor tidak diluluskan kerana pihak CKBA JKR berpendapat permohonan pengecualian denda LAD tidak boleh dipertimbangkan di peringkat JKR selaras dengan ketetapan dan penguatkuasaan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 18 Mac 2001 berkaitan Pembatalan Pengecualian Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (Liquidated Ascertained Damages - LAD).

BSVN juga bersetuju dengan penemuan Audit mengenai Projek Penggantian Bumbung dan semua teguran akan diambil tindakan segera. Pihak JKR telah meluluskan APK iaitu kerja-kerja tambahan membekal dan memasang panel baru yang menyebabkan EOT diberi selama 48 hari bermula 19 September 2012 hingga 5 November 2012.

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek secara keseluruhannya tidak memuaskan. Projek Bangunan Tambahan lewat disiapkan selepas 10 bulan dari tamat tarikh lanjutan masa kedua, manakala Projek Penggantian Bumbung telah disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan.

19.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

a. Projek Bangunan Tambahan

Peruntukan pembangunan berjumlah RM25.8 juta telah diluluskan bagi projek ini. Peruntukan meliputi kos asal, arahan perubahan kerja, pelarasan harga kontrak, pembayaran kepada pihak berkuasa tempatan dan utiliti serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012, KPKK telah menyalurkan peruntukan melalui geran pembangunan kepada BSVN sejumlah RM25.04 juta seterusnya menyalurkan semula kepada pihak JKR berjumlah RM23.8 juta. Ini menjadikan baki geran pembangunan berjumlah RM1.24 juta masih berada dalam simpanan BSVN; dan

ii. JKR telah membuat perbelanjaan yang berkaitan dengan projek berjumlah RM22.29 juta (93.7%). Baki dalam simpanan di JKR adalah berjumlah RM1.51 juta. Butiran lanjut mengenai penerimaan dan penyaluran semula geran oleh BSVN ke JKR adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.2
PENERIMAAN DAN PENYALURAN GERAN PROJEK BANGUNAN TAMBAHAN OLEH BSVN BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2012

TAHUN	JUMLAH GERAN DITERIMA (RM Juta)	JUMLAH GERAN DISALURKAN (RM Juta)	(%)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)
	BSVN			JKR	
2009	13.0	10.0		9.78	
2010	12.04	11.5		8.31	
2011	-	3.3		3.83	
2012	-	(1.0)*		0.37	
JUMLAH	**25.04**	**23.8**	**95.0**	**22.29**	**93.7**
JUMLAH BAKI	**RM1.24**			**1.51**	

Nota : ***(*) - JKR Pulangkan Semula Peruntukan Kepada BSVN***

b. Projek Penggantian Bumbung

Geran pembangunan berjumlah RM5.5 juta telah diluluskan bagi projek ini. Peruntukan ini meliputi kos asal, arahan perubahan kerja dan pelarasan harga kontrak serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. KPKK telah menyalurkan geran berjumlah RM5.5 juta pada tahun 2011 hingga 2012. BSVN pula seterusnya menyalurkan semula kepada pihak JKR berjumlah RM4.44 juta (80.7%). Ini menjadikan jumlah baki geran yang masih ada dalam simpanan BSVN berjumlah RM1.06 juta (19.3%); dan

ii. JKR WPKL telah membelanjakan sejumlah RM4.23 juta (95.3%) dari geran yang diterima bagi projek ini pada tahun 2012. Jumlah baki peruntukan yang masih dalam simpanan JKR WPKL adalah berjumlah RM213,263. Butiran mengenai penerimaan dan penyaluran semula geran oleh BSVN ke JKR adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.3
PENERIMAAN DAN PENYALURAN GERAN PROJEK
PENGGANTIAN BUMBUNG BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2012

TAHUN	BSVN		(%)	JKR	(%)
	JUMLAH GERAN DITERIMA (RM Juta)	JUMLAH GERAN DISALURKAN (RM Juta)		JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	
2011	3.2	-		-	-
2012	2.3	4.44		4.23	-
JUMLAH	**5.5**	**4.44**		**4.23**	
JUMLAH BAKI	**1.06**		**80.7**	**0.21**	**95.3**

c. Rekod Kewangan Projek

BSVN sepatutnya menyimpan rekod khusus secara terperinci mengenai projek pembangunan bagi memantau prestasi perbelanjaan. Selain itu, di peringkat JKR, laporan terperinci secara berkala sepatutnya dikemukakan oleh CKBA JKR dan JKR WPKL kepada BSVN bagi memastikan kedudukan baki peruntukan kewangan sentiasa mencukupi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Tiada akaun khusus dibuka dan penyata bulanan juga tidak disediakan oleh BSVN mengenai kedudukan baki perbelanjaan kedua-dua projek tersebut. Oleh itu, BSVN tidak dapat mengenal pasti baki perbelanjaan di JKR. Mengikut perkiraan Audit, jumlah baki yang terkumpul bagi kedua-dua projek ini berjumlah RM4.02 juta. Ini meliputi baki dalam simpanan di BSVN sejumlah RM2.3 juta dan di JKR pula sejumlah RM1.72 juta;

ii. Laporan terperinci secara berkala tidak dikemukakan oleh CKBA JKR dan JKR WPKL kepada BSVN. Berdasarkan minit mesyuarat tapak, prestasi kewangan projek telah dilaporkan secara berkala. Bagaimanapun, laporan kewangan tersebut adalah tidak terperinci; dan

iii. Kesan ketiadaan rekod khusus dan laporan terperinci daripada JKR, pihak BSVN tidak dapat menentukan nilai kerja sebenar dalam pembinaan projek. Isu ini juga telah dibangkitkan oleh pihak Audit semasa membuat pengesahan terhadap penyata kewangan BSVN bagi tahun 2010.

Maklum Balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 Dan 2 Julai 2013

Pihak CKBA JKR mengesahkan mempunyai baki simpanan berjumlah RM1.5 juta daripada peruntukan Projek Bangunan Tambahan. Baki ini dijangkakan untuk bayaran muktamad.

Pejabat JKR Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA) Ibu Pejabat, JKR selaku pengurus program mengesahkan telah menerima peruntukan daripada BSVN berjumlah RM4.44 juta bagi Projek Penggantian Bumbung dan telah membelanjakan sejumlah RM4.23 juta daripada peruntukan tersebut. Baki dalam simpanan berjumlah RM213,263 akan dipulangkan kepada BSVN.

Pihak BSVN memaklumkan bahawa tiada akaun khusus dibuka untuk kedudukan rekod kewangan projek pembangunan kerana difahamkan sektor Kerajaan tidak digalakkan membuka terlalu banyak akaun bank bagi satu-satu agensi. Selain itu, laporan terperinci kewangan projek ada dinyatakan di dalam Sistem Kawal dan Lapor (SKALA) JKR. Laporan berkenaan akan dikemukakan oleh JKR untuk rekod BSVN pada masa akan datang.

Maklum balas lanjut menyatakan BSVN telah membuka fail khas bagi Projek Penggantian Bumbung pada 14 Januari 2013. Usaha membuka fail ini adalah bagi memastikan agar semua rekod berkenaan prestasi kewangan dan prestasi fizikal projek dapat disimpan dengan terperinci agar membolehkan prestasi projek dipantau dengan lebih efektif.


Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan bagi Projek Bangunan Tambahan 93.7% dan Projek Penggantian Bumbung 95.3% adalah baik. Namun penyelenggaraan rekod dan laporan perbelanjaan projek oleh BSVN adalah tidak memuaskan kerana menjejaskan pengesahan penyata kewangan BSVN.

19.5.1.3. Pencapaian Impak Projek

a. Projek Bangunan Tambahan

Pihak Audit telah mengedar borang soal selidik kepada seramai 35 kakitangan bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap bangunan baru. Hasil analisis terhadap soal selidik mendapati 71% pengguna berpuas hati terhadap pembinaan bangunan tersebut. Manakala 29% pengguna tidak berpuas hati dengan alasan tiada kemudahan sukan dan riadah, tiada kesinambungan reka bentuk bangunan tambahan dengan bangunan utama serta kemudahan lif kurang memuaskan. Hasil soal selidik adalah diringkaskan seperti di carta berikut:

CARTA 19.1
TAHAP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP BANGUNAN TAMBAHAN BSVN



Kategori:

1. Reka Bentuk Bangunan
2. Mutu Kerja, Kemasan, Nilai Estetika, Dan Kebolehgunaan
3. Peralatan, Kemudahan Dan Kelengkapan Bangunan
4.Tahap Perkhidmatan Kontraktor Dan Aduan Kecacatan
5. Prestasi Keseluruhan

b. Projek Penggantian Bumbung

Kajian kepuasan pengguna tidak dapat dibuat kerana projek baru diserahkan kepada pelanggan pada 30 Januari 2013. Pihak BSVN telah diminta untuk membuat kajian tahap kepuasan pengguna bagi menentukan impak bagi projek ini.

Maklum Balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013

BSVN mengambil maklum penemuan Audit berhubung isu pencapaian impak Projek Bangunan Tambahan. Manakala bagi isu pencapaian impak untuk Projek Penggantian Bumbung, kaji selidik tahap kepuasan pelanggan telah dijalankan di peringkat dalaman terhadap 10 orang pegawai dengan keputusan kesemuanya adalah baik.

Pada pendapat Audit, pembinaan bangunan baru telah mencapai objektif iaitu untuk memberi keselesaan kepada kakitangan BSVN. Hasil soal selidik mendapati tahap kepuasan pengguna sebanyak 71.4% adalah memuaskan.

19.5.2. Pengurusan Pembinaan

19.5.2.1. Pelantikan Kontraktor

a. Projek Bangunan Tambahan

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil.5 Tahun 2007 menyatakan tender hendaklah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan

diputuskan oleh Lembaga Perolehan dalam tempoh sah laku tender. Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dikeluarkan dalam tempoh sah laku tender secepat mungkin selepas keputusan Lembaga Perolehan diperolehi. Selanjutnya, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. bagi projek ini, tempoh sah laku tender ialah 6 bulan bermula pada 21 Januari 2008 dan berakhir pada 28 Julai 2008. Adalah didapati Jawatankuasa Penilaian Teknikal JKR tidak dapat menyelesaikan penilaian dalam tempoh 6 bulan. Ini menyebabkan Lembaga Perolehan JKR meluluskan lanjutan tempoh sah laku tender yang pertama sehingga 26 September 2008. Tender ini telah diputuskan pada 29 Julai 2008 dengan menawarkan projek kepada penender ke-4 terendah;

ii. penender yang berjaya telah menawarkan harga berjumlah RM23.45 juta, iaitu melebihi siling peruntukan berjumlah RM17 juta. JKR telah mendapatkan peruntukan tambahan berjumlah RM25.8 juta yang diluluskan pada 5 September 2008 daripada KPKK. Bagaimanapun, SST yang sepatutnya dikeluarkan setelah mendapat kelulusan peruntukan tambahan hanya dikeluarkan pada 8 Oktober 2008. Ini menyebabkan pelanjutan tempoh sah laku tender kedua dari 27 September 2008 sehingga 26 Disember 2008 diluluskan; dan

iii. SST telah dikeluarkan pada 8 Oktober 2008 dan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya sebelum 8 Februari 2009. Bagaimanapun, kontrak hanya ditandatangani pada 14 Julai 2009 iaitu lewat selama 5 bulan. Kelewatan ini berpunca daripada draf perjanjian yang disediakan oleh kontraktor tidak lengkap dan perlu diperbetulkan sebanyak 3 kali sepanjang tempoh dari bulan Januari hingga Jun 2009 sebelum ditandatangani. Kronologi pelantikan kontraktor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.4
KRONOLOGI PELANTIKAN KONTRAKTOR BAGI
PROJEK BANGUNAN TAMBAHAN

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	21.01.2008	Tender ditutup.
2.	28.07.2008	Tamat tempoh sah laku tender.
3.	29.07.2008	Lembaga Perolehan A ,JKR meluluskan penilaian tender.
4.	05.09.2008	KPKK bersetuju menambah peruntukan berjumlah RM25.8 juta.
5.	26.09.2008	Tamat lanjutan tempoh sah laku tender pertama.
6.	08.10.2008	Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.
7.	26.12.2008	Tamat lanjutan tempoh sah laku tender kedua.
8.	14.07.2009	Kontrak ditandatangani.

b. Projek Penggantian Bumbung

Semakan Audit mendapati proses pelantikan kontraktor sehingga kontrak ditandatangani adalah teratur dan mematuhi peraturan kewangan.

Maklum Balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013

BSVN memaklumkan kelewatan pelantikan kontraktor untuk Projek Bangunan Tambahan adalah disebabkan oleh 2 perkara berikut yang nyata iaitu:

1. ***JKR perlu membuat Penilaian Teknikal peringkat pertama dan kedua kerana maklumat petender-petender yang mengambil bahagian didapati tidak lengkap untuk tujuan penilaian tender.***
2. ***Pengesahan siling peruntukan daripada pihak pelanggan diperlukan untuk tujuan pengeluaran SST.***

Di masa yang akan datang, JKR akan mengeluarkan SST sepertimana kehendak peraturan yang telah ditetapkan.

Bagi isu kelewatan tandatangan kontrak, JKR bersetuju dengan penemuan Audit dan memaklumkan pemantauan ada dilaksanakan terhadap perkara tersebut. Manakala bagi pelantikan kontraktor untuk Projek Penggantian Bumbung, JKR bersetuju dengan kenyataan penemuan Audit ini.

Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor bagi Projek Bangunan Tambahan tidak diurus dengan cekap kerana melampaui masa yang ditetapkan. Manakala bagi Projek Penggantian Bumbung didapati pelantikan kontraktor adalah cekap dan teratur.

19.5.2.2. Pentadbiran Kontrak

a. Projek Bangunan Tambahan

i. Syarat kontrak membenarkan Pegawai Penguasa mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja (APK) yang melibatkan perubahan atau pengubahsuaian ke atas reka bentuk, kualiti atau kuantiti kerja yang memberi kesan kepada nilai kontrak. APK hendaklah dikeluarkan dalam tempoh kontrak untuk mengikat kontraktor kepada terma dan syarat kontrak sedia ada. Pihak Telekom menghendaki kontraktor memindahkan *tapping point* sejauh 0.5km dari lokasi asal bagi kerja-kerja pemasangan sistem telefon luaran. Pihak kontraktor pula telah mengemukakan 3 permohonan APK berkaitan kerja tersebut selepas tamat tarikh siap kerja pada 14 Januari 2011. Hanya 2 APK berjumlah RM0.52 juta diluluskan pada 18 November 2012 iaitu 22 bulan selepas

tamat tarikh siap kerja. Permohonan APK ke-3 berjumlah RM87,290 masih belum diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja. Butiran mengenai 3 permohonan APK adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.5
KELULUSAN APK SELEPAS TARIKH SIAP KERJA

APK	SKOP KERJA	AMAUN (RM)	TARIKH SIAP KERJA	TARIKH PERMOHONAN KONTRAKTOR	TARIKH KELULUSAN
1	Tambahan untuk kerja infra TELEKOM akibat perubahan lokasi *tapping point.*	494,867	14.01.2011	13.04.2012	18.11.2012
2	Kerja tambahan untuk *separate meter* dan *floor standing* bagi keperluan TELEKOM.	28,380			
JUMLAH APK TELAH LULUS		**523,247***			
3	Kerja tambahan untuk *link for* TELEKOM *and IT to existing building.*	87,290	14.01.2011	13.04.2012	Belum Lulus
JUMLAH BESAR		**610,537**			

Nota : ***(*) - APK Yang Telah Lulus Tetapi Masih Belum Dibayar***

ii. Garis Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi ke-3 menetapkan kontraktor hendaklah dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam kontrak, perubahan kerja wajar diukur dan dinilai serta dibuat pelarasan jumlah harga kontrak secepat mungkin. Semakan Audit mendapati 2 APK yang telah siap diperakui oleh Pegawai Penguasa melalui pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja pada 22 November 2011 masih belum dibayar oleh JKR.

iii. Peruntukan yang telah diluluskan bagi projek bangunan tambahan adalah berjumlah RM25.8 juta. Semasa pelaksanaan projek, nilai asal kontrak ialah RM23.45 juta telah meningkat kepada RM23.74 juta (1.22%). Peningkatan ini melibatkan 2 APK yang berjumlah RM0.52 juta telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja JKR pada 18 November 2012. Selain itu, terdapat pengurangan kos yang melibatkan 2 PHK anggaran JKR berjumlah RM323,210 dan APK ke-3 berjumlah RM87,290 yang masih belum diluluskan walaupun tarikh siap kerja telah tamat pada 14 Januari 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.6
KENAIKAN NILAI KONTRAK SEMASA SELEPAS APK DAN PHK

BUTIRAN	BANGUNAN TAMBAHAN (RM)	STATUS	TARIKH LULUS
Kontrak Asal	23,456,789	-	-
APK No.1	494,867	Lulus	18.11.2012

BUTIRAN	BANGUNAN TAMBAHAN (RM)	STATUS	TARIKH LULUS
APK No.2	28,380	Lulus	18.11.2012
APK No.3	87,290	Belum Lulus	-
PHK No.1	(236,900)*	Belum Lulus	-
PHK No.2	(86,310)*	Belum Lulus	-
Kontrak semasa	**23,744,116**		**-**
Peningkatan (RM)	**287,327**		**-**
Peningkatan (%)	**1.22**		**-**

Nota : (*) - Berdasarkan Nilai Anggaran Oleh JKR

iv. SPP Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) boleh dipulangkan kepada kontraktor sebanyak 50% daripada nilai WJP yang ditahan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Nilai WJP yang ditahan daripada kontraktor adalah berjumlah RM1.17 juta. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 22 November 2011 dan kontraktor telah mengemukakan permohonan untuk pelepasan 50% daripada nilai WJP sejumlah RM0.59 juta pada 14 Mei 2012. Bayaran berkenaan masih belum dibuat oleh JKR.

v. Syarat kontrak Kerajaan telah menetapkan kadar ganti rugi atau *Liquadated And Ascertained Damages* (LAD) sejumlah RM3,800 sehari kepada kontraktor bagi kelewatan menyiapkan projek selepas 17 Januari 2011. Pihak JKR telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap bertarikh 17 Januari 2011 dan mengenakan denda LAD bagi tempoh 15 Januari 2011 sehingga 22 November 2011 yang bersamaan dengan 312 hari berjumlah RM1.19 juta. Denda ini telah diselesaikan melalui bayaran interim kepada kontraktor. Kontraktor telah mengemukakan rayuan pengecualian bayaran LAD tersebut pada 19 April 2012 dan keputusan mengenainya masih belum dibuat.

vi. Syarat kontrak menghendaki bayaran terhadap tuntutan kemajuan kerja oleh kontraktor hendaklah dibuat dalam tempoh 45 hari dari tarikh penilaian kerja dilaksanakan. Pembayaran bagi projek ini melibatkan 33 baucar bayaran yang berjumlah RM21.75 juta. Adalah didapati 6 baucar bayaran (18.2%) berjumlah RM7.48 juta (34.4%) telah lewat dibayar antara 6 hingga 155 hari. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.7
PEMBAYARAN INTERIM MELEBIHI TEMPOH YANG DITETAPKAN

INTERIM	TARIKH PENILAIAN	TARIKH BAUCAR	NOMBOR BAUCAR	AMAUN (RM)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Bayaran Pendahuluan	12.12.2008	29.06.2009	F1848	5,856,697	155
1	07.04.2009	16.07.2009	F2115	274,000	56
10	19.01.2010	14.04.2010	F2057	336,992	41

INTERIM	TARIKH PENILAIAN	TARIKH BAUCAR	NOMBOR BAUCAR	AMAUN (RM)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
11	23.02.2010	14.04.2010	F2058	826,500	6
32	08.04.2011	03.10.2011	B1829	51,400	134
33	25.07.2011	10.01.2012	B0007	136,300	125
JUMLAH				**7,481,889**	

vii. Terma dan syarat kontrak menyatakan semua bayaran bil utiliti yang berkaitan dengan projek hendaklah ditanggung oleh kontraktor sehingga Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor terlibat tidak membayar bil elektrik berjumlah RM152,105 bagi tempoh 8 bulan walaupun telah diberikan surat peringatan oleh Pegawai Penguasa. Bagi mengelakkan masalah gangguan elektrik, BSVN telah mendahulukan pembayaran tersebut tetapi belum dikutip semula daripada kontraktor.

b. Projek Penggantian Bumbung

i. Peruntukan pembangunan bagi projek ini berjumlah RM5.5 juta. Semasa pelaksanaan projek, kontrak asal berjumlah RM2.74 juta telah meningkat kepada RM4.04 juta (47.04%). Peningkatan sejumlah RM1.29 juta adalah disebabkan oleh 2 APK berjumlah RM0.57 juta dan 5 PHK berjumlah RM0.72 juta yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja JKR WPKL di antara bulan Mac 2012 hingga bulan November 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.8
KENAIKAN NILAI KONTRAK SEMASA SELEPAS APK DAN PHK

BUTIRAN	PENGGANTIAN BUMBUNG (RM)	TARIKH LULUS	PIHAK MEMBERI KELULUSAN
Kontrak Asal	2,744,450	-	-
APK No.1	44,979	01.03.2012	Pegawai Penguasa
APK No.2	529,267	21.05.2012	Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
PHK No.1	823,200	10.07.2012	Pegawai Penguasa
PHK No.2	(19,248)	18.07.2012	
PHK No.3	(74,488)	30.10.2012	
PHK No.4	(9,110)	30.10.2012	
PHK No.5	(3,662)	28.11.2012	
Kontrak semasa	**4,035,388**		
Peningkatan (RM)	**1,290,938**		
Peningkatan (%)	**47.04**		

Maklum Balas BSVN Yang Diterima Pada 26 April 2013

JKR memaklumkan lewat mempertimbangkan kelulusan permohonan APK bagi Projek Bangunan Tambahan kerana:

i. ***Proses rayuan pengecualian kerja tambahan luaran bagi Telekom oleh kontraktor.***
ii. ***Kelulusan perubahan kerja KPK No.2 (tambahan kerja-kerja dalaman bagi Telekom) yang diminta semasa tempoh lanjutan masa (EOT No.2).***
iii. ***Kontraktor lewat mengemukakan dokumen kelulusan perubahan kerja KPK No.1 dan 2***

JKR memaklumkan 2 PHK yang belum diluluskan adalah melibatkan pengurangan sebanyak RM323,210. Mengenai kelulusan PHK 1 dan 2 pihak JKR telah mengemukakan pengesyoran melalui beberapa siri surat susulan untuk persetujuan kontraktor. Memandangkan kerja yang dilaksanakan kontraktor tidak mematuhi spesifikasi, pengesyoran bayaran adalah untuk sebahagian kerja sahaja. Bagaimanapun, kontraktor tidak bersetuju dengan pengesyoran JKR dan telah membuat rayuan pada 26 Februari 2013. Tuntutan ini dijangka diselesaikan pada bulan Jun 2013 sekiranya mendapat maklum balas daripada kontraktor.

JKR memaklumkan wang jaminan pelaksanaan masih ditahan kerana pihak kontraktor belum mengemukakan dokumen As Built Drawing bagi kerja berkaitan sivil, elektrik dan mekanikal serta belum mengemukakan laporan lengkap kerja pembaikan kecacatan.

Bagi isu LAD yang belum selesai, JKR berpendirian rayuan daripada kontraktor tidak dapat dipertimbangkan atas alasan bukan bidang kuasa JKR seperti Arahan Perbendaharaan dalam Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 18 Mac 2011. Selain itu, rayuan ini dikemukakan setelah tempoh kontrak tamat.

BSVN bersetuju mengenai isu kelewatan bayaran interim. Kelewatan berpunca akibat proses pengesahan dokumen mengambil masa, peruntukan kewangan belum diterima dan keengganan pihak kontraktor membaiki kecacatan yang dikesan dalam NCR. Manakala bagi pembayaran bil utiliti, JKR memaklumkan bayaran bil elektrik sebanyak RM110,000 akan ditolak daripada kontraktor apabila bayaran akhir semasa penyediaan perakuan muktamad.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak terhadap Projek Bangunan Tambahan adalah tidak memuaskan kerana terdapat peraturan kewangan serta syarat kontrak tidak dipatuhi oleh pihak JKR dan kontraktor. Bagaimanapun, pentadbiran kontrak Projek Penggantian Bumbung didapati memuaskan.

19.5.3. Kualiti Pembinaan

19.5.3.1. Pematuhan Kepada Spesifikasi Kontrak

Kontraktor hendaklah memastikan spesifikasi kontrak dipatuhi semasa kerja-kerja dilaksanakan agar kualiti pembinaan menepati syarat yang ditetapkan dalam kontrak.

a. Projek Bangunan Tambahan

Semakan Audit terhadap rekod Projek Bangunan Tambahan BSVN mendapati perkara seperti berikut:

i. Berdasarkan syarat kontrak klausa 6.2.2 (ii), spesifikasi bagi *Gypsum Plaster Board Partition* yang merupakan dinding sesekat bagi bangunan berkenaan adalah seperti berikut:

"Gypsum plaster board partition shall be of 100mm thick of 12mm thick gypsum board dry system complete with galvanized steel framing studs. Gypsum partition shall be constructed to 1 hour fire rating with 100mm rockwool insulation sandwitched between two 12mm thick gypsum panels. The gypsum board must have water absorption of average 37.2%."

ii. Kontraktor telah memasang dinding sesekat yang tidak mengikut spesifikasi kontrak di mana ketebalannya hanya 75mm sahaja atas alasan tiada bekalan dinding dengan ketebalan 100mm di pasaran. Pegawai Penguasa telah mengeluarkan *Non Compliance Report* (NCR) ke-7 bertarikh 29 September 2010. Antara perkara-perkara yang ditegur dalam NCR dan gambar-gambar spesifikasi dinding sesekat adalah seperti berikut:

- kontraktor tidak mendapatkan kelulusan *Method Statement* daripada Cawangan Arkitek, JKR sebelum pemasangan dinding sesekat dibuat;
- kontraktor tidak mengemukakan lukisan pembinaan (Shop Drawing) kepada JKR semasa kerja-kerja pemasangan dinding sesekat dibuat; dan
- kontraktor tidak mendapat kelulusan bahan bagi penggunaan *Frame Metal Studs* bagi kerangka dinding sesekat.

GAMBAR 19.3




- Bahan Frame Metal Studs Bagi Kerangka Dinding Sesekat

GAMBAR 19.4



- Dinding Sesekat Yang Siap Dipasang



GAMBAR 19.5

- Ketebalan Dinding Sesekat Yang Tidak Mengikut Spesifikasi 100mm

iii. JKR telah mengarahkan kontraktor untuk mematuhi spesifikasi dinding sesekat yang ditetapkan dalam kontrak. Kontraktor tidak sanggup untuk membuka dan memasang semula dinding sesekat tersebut dan sebaliknya membuat penambahbaikan terhadap dinding sesekat berkenaan. Pegawai Penguasa tidak menerima kerja penambahbaikan oleh kontraktor kerana tidak menyediakan Sijil Ketahanan Rintangan Api selama 1 jam, Laporan Serapan Air purata 37.2% dan Laporan Kestabilan Dan Kekukuhan bagi struktur dinding sesekat tersebut. Ini menyebabkan *NCR* berkaitan tidak dapat ditutup;

iv. bagaimanapun, pihak KPKK dan BSVN selaku pelanggan telah bersetuju untuk menerima pembaikan tersebut dengan syarat pihak kontraktor memberi jaminan keselamatan sehingga 10 tahun selepas tarikh *CPC* dan tempoh tanggungan kecacatan dilanjutkan daripada satu tahun kepada 2 tahun. JKR telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja bagi sebahagian besar daripada kerja pembinaan bangunan tambahan pada 22 November 2011 dan tidak akan mengambil sebarang risiko sekiranya sesuatu musibah berlaku disebabkan oleh pembaikan kepada dinding sesekat yang tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Perakuan jaminan 10 tahun telah dikeluarkan oleh kontraktor dalam surat bertarikh 11 Februari 2011. Bagi tempoh tanggungan kecacatan sehingga 2 tahun dari tarikh CPC dikeluarkan telah dinyatakan dalam sijil tersebut;

v. pihak kontraktor telah membuat tuntutan sejumlah RM0.52 juta bagi kos dinding sesekat berkenaan. Pelarasan harga kontrak akan dibuat oleh JKR kerana penggunaan dinding sesekat yang tidak mengikut spesifikasi tetapi masih belum dimuktamadkan; dan

vi. selain itu, akibat kelewatan penyiapan kerja pembinaan bangunan tambahan ini, kontraktor telah dikenakan LAD berjumlah RM1.19 juta.

b. Projek Penggantian Bumbung

Semakan Audit terhadap rekod Projek Penggantian Bumbung BSVN mendapati perkara-perkara seperti berikut:

i. Cawangan Arkitek, Ibu Pejabat JKR selaku Ketua Pasukan Reka Bentuk (HODT) bagi projek ini, telah membuat teguran terhadap kontraktor kerana tidak mematuhi spesifikasi dan prosedur kerja yang boleh memberi kesan terhadap keteguhan bahan binaan. Butiran lanjut mengenai teguran oleh HODT adalah seperti berikut:

- Dokumen kontrak menyatakan spesifikasi ketebalan minima bagi *'Aluminium Composite Panel'* adalah 6mm tebal. Pegawai Penguasa telah memutuskan untuk menukar kepada 4mm tebal kerana bahan berukuran 6mm tebal tiada dalam pasaran dan tempahan boleh meningkatkan kos serta melewatkan projek.
- Spesifikasi saiz panel 1.2m x 1.2m seperti di dalam lukisan telah ditukarkan dan dipasang kepada 1.8m x 1.2m. Pihak kontraktor tidak mengemukakan permohonan penukaran reka bentuk untuk kelulusan.
- *Method of Statement* yang telah diluluskan tidak termasuk sistem panel pada bumbung. Sistem panel pada bumbung iaitu *Cem Board, Fiber Rock Wool* dan *Plywood* masih belum mendapat kelulusan.
- Lukisan pemasangan sistem panel bumbung yang dikemukakan oleh pihak kontraktor juga tidak dipatuhi semasa pembinaan.

ii. Pegawai Penguasa telah meluluskan pemasangan tersebut kerana ketiadaan bahan mengikut spesifikasi di pasaran dan bagi mengelakkan kos projek meningkat. Bagaimanapun, Cawangan Arkitek, Ibu Pejabat JKR tidak akan bertanggungjawab di atas semua kelulusan bahan yang telah diluluskan oleh Pegawai Penguasa. Gambar bahan *aluminium composite panel* adalah seperti berikut:

GAMBAR 19.6



GAMBAR 19.7



- Aluminium Composite Panel Yang Dipasang Dengan Ketebalan 4mm

iii. Bagi mengatasi kerugian di pihak Kerajaan maka kontraktor bersetuju untuk membuat pelarasan harga. Pelarasan harga kontrak terhadap pengurangan ketebalan *aluminium composite panel* berjumlah RM86,388 telah selesai dikurangkan oleh pihak JKR.

Maklum Balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 Dan 2 Julai 2013

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui surat bertarikh 24 Mei 2011, telah mengeluarkan SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI ke atas Bangunan Pentadbiran BSVN sebagai mengiktiraf keselamatan bangunan berkenaan.

Pihak CKBA JKR telah mengambil maklum tentang permohonan pelarasan harga kontrak terhadap pengurangan ketebalan dinding sesekat berjumlah RM0.52 juta yang masih dalam tindakan Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (CKUB) JKR:

i. Jumlah yang dituntut oleh kontraktor: RM143,850

ii. Penilaian semula tuntutan dan syor CKUB: RM57,540

Baki RM86,000 tidak akan dibayar kepada kontraktor kerana telah melanggar syarat kontrak.

Bagi isu kualiti pembinaan untuk Projek Penggantian Bumbung, wakil JKR WPKL dan wakil Cawangan Arkitek Ibu Pejabat JKR telah bersetuju bahawa adalah di bawah bidang kuasa Pegawai Penguasa (SO) untuk menerima perbezaan spesifikasi dan seterusnya bertanggungjawab terhadap keseluruhan projek. Pihak SO berpendapat perbezaan spesifikasi ketebalan (2mm) tidak akan memberi kesan terhadap keteguhan bahan binaan. Pihak pembekal memaklumkan ketebalan bahan bumbung yang biasa digunakan ialah 4mm dan 5mm dan sekiranya ketebalan 6mm diperlukan maka special order hendaklah dibuat. Proses tempahan bagi spesifikasi 6mm memerlukan jangka masa yang lama iaitu 4 bulan berbanding sebulan bagi spesifikasi ketebalan 4mm dan akan mengganggu perjalanan projek.

Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan bagi bangunan baru adalah memuaskan kecuali dinding sesekat yang tidak mematuhi spesifikasi. Manakala bagi Projek Penggantian Bumbung pula didapati kualiti pembinaan adalah memuaskan.

19.5.3.2. Jaminan Kualiti

Syarat kontrak menetapkan supaya kontraktor mematuhi segala spesifikasi, tatacara, proses dan prosedur yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan bangunan dan penggantian bumbung mencapai tahap kualiti yang ditetapkan. Pelaksanaan tindakan dalam menjamin kualiti bagi kedua-dua projek adalah seperti berikut:

a. Projek Bangunan Tambahan

i. Kontraktor adalah dikehendaki melantik juru perundingnya sendiri mengikut skop kerja yang khusus setelah mendapat kelulusan JKR atau Pegawai Penguasa. Pihak Audit mendapati kontraktor telah melantik juru perunding yang bertauliah dengan menandatangani dokumen perjanjian persefahaman dan mendapatkan kelulusan Pegawai Penguasa. Butiran juru perunding yang dilantik adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.9
SENARAI PERUNDING BAGI PROJEK BANGUNAN TAMBAHAN BSVN

NAMA PERUNDING	BIDANG	TUGAS
RMA Design Team	Arkitek	Mendapatkan kelulusan kebenaran merancang, penyediaan pelan bangunan, reka bentuk dan lain-lain berkaitan.
Zaidun-Leeng Sdn. Bhd.	Sivil Dan Struktur	Penyediaan pelan kerja-kerja tanah, lukisan, cerucuk, perparitan, jalan keluar-masuk, pelan pembetungan dan bekalan air.
Perunding IRMZ	Mekanikal dan Elektrikal	Penyediaan spesifikasi sistem lampu bangunan, pelan pemasangan sanitary, bekalan elektrik dan telefon serta pemasangan sistem paip air dalaman.
ARH Jurukur Bahan	Juru Ukur Bahan	Menyediakan senarai kuantiti bahan bagi tujuan penetapan harga kontrak.
PAA Landscape	Arkitek Landskap	Menyediakan pelan-pelan landskap dan permohonan penebangan pokok.
Arup Jururunding Sdn. Bhd.	Pemeriksa Bebas	Semakan semula terhadap lukisan yang disediakan oleh semua juru perunding.

ii. Mekanisme jaminan kualiti seterusnya merupakan Laporan Ketidakpatuhan (NCR) yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa. NCR akan dikeluarkan bagi kerja yang tidak memenuhi spesifikasi kontrak atau tidak mematuhi prosedur dan tatacara pembinaan seperti dinyatakan dalam kontrak. NCR ini akan ditutup selepas kerja pembaikan selesai dilaksanakan dan disahkan oleh Pegawai Penguasa. Analisis Audit terhadap Laporan Bulanan Kemajuan Kerja setakat tarikh pengauditan, mendapati 34 (42.5%) daripada 80 NCR yang direkodkan masih berstatus belum ditutup. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :

JADUAL 19.10
REKOD NCR YANG DIKELUARKAN OLEH JKR

CAWANGAN	BILANGAN NCR DIKELUARKAN	BILANGAN NCR TUTUP	BAKI NCR BELUM SELESAI
(A) Projek Bangunan Tambahan*			
i. Arkitek	9	4	5
ii. Sivil & Struktur	25	24	1
iii. Mekanikal	35	9	26
iv. Elektrikal	11	9	2
JUMLAH	**80**	**46**	**34**

Nota : ***(*) - Merujuk Kepada Laporan Bulanan Kemajuan Kerja No.26 Bertarikh 4 Januari 2011***

Maklum Balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013

JKR bersetuju dengan penemuan Audit bagi isu rekod NCR untuk Projek Bangunan Tambahan dan memaklumkan bahawa semua NCR telah ditutup kecuali NCR dinding sesekat.

Pada pendapat Audit, jaminan kualiti bagi projek yang dilaksanakan oleh JKR adalah memuaskan. Bagaimanapun, kelemahan rekod yang tidak kemas kini semasa melaksanakan projek ini perlu diambil tindakan bagi memastikan status kemajuan projek sentiasa kemas kini.


19.5.3.3. Tempoh Tanggungan Kecacatan

a. Projek Bangunan Tambahan

Tempoh tanggungan kecacatan bagi Projek Bangunan Tambahan adalah selama 2 tahun dari tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor bertanggungjawab untuk melaksanakan pembaikan bagi aduan kerosakan dalam tempoh tersebut. Semakan Audit terhadap rekod kerja-kerja pembaikan mendapati perkara seperti berikut:

i. Statistik mengikut jenis kerosakan bagi tahun 2012 menunjukkan sebanyak 130 aduan kerosakan telah diadukan kepada Cawangan Pembangunan BSVN oleh pengguna. Aduan paling tinggi melibatkan kerosakan pada dinding seperti berlubang, retak dan lain-lain sebanyak 61 aduan (46.9%). Seterusnya kerosakan peralatan dan kelengkapan sebanyak 49 aduan (37.7%), diikuti oleh 8 aduan (6.2%) bagi kerosakan siling manakala 6 aduan (4.6%) bagi kerosakan pada cat dan 6 aduan (4.6%) lagi bagi kemasan soket. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 19.2
ADUAN KEROSAKAN BANGUNAN TAMBAHAN MENGIKUT BILANGAN




Nota:

1. Kerosakan Dinding
2. Kerosakan Peralatan Dan Kelengkapan
3. Kerosakan Siling
4. Kerosakan Pada Cat
5. Kemasan Soket

ii. BSVN bertanggungjawab menyelenggara rekod aduan kerosakan dan pembaikan bagi semua bangunannya. Adalah didapati tiada rekod khusus yang disediakan oleh BSVN untuk memantau kerja-kerja pembaikan. Pihak Audit mendapati 2 jenis rekod aduan kerosakan iaitu borang aduan kerosakan dan senarai kecacatan telah digunakan oleh Cawangan Pembangunan BSVN. Bagaimanapun, rekod tersebut tidak lengkap dan tidak kemas kini kerana maklumat mengenai butiran tandatangan pemeriksa dan cop pengesahan pembaikan pada borang aduan kerosakan tidak diisi. Analisis Audit terhadap minit-minit mesyuarat mendapati 19 pembaikan (14.6%) daripada 130 aduan telah dibuat oleh kontraktor manakala baki 111 aduan tidak dapat disahkan pembaikannya kerana rekod berkaitan tidak kemas kini. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 19.3
REKOD ADUAN MEMPERBAIKI KEROSAKAN OLEH KONTRAKTOR



Jenis Kerosakan:

1. Kerosakan dinding
2. Kerosakan peralatan dan kelengkapan
3. Kerosakan siling
4. Kerosakan pada cat
5. Kemasan soket

iii. Semakan fizikal terhadap aduan kerosakan bangunan tambahan BSVN bagi bulan November 2012 mendapati pihak kontraktor telah mengambil tindakan terhadap aduan tersebut. Bagaimanapun, rekod BSVN masih menunjukkan status belum selesai walaupun tindakan pembaikan telah dibuat seperti mana syarat kontrak.

Maklum Balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013

Pihak BSVN bersetuju dengan penemuan Audit berhubung isu pembaikan dalam tempoh kecacatan. Baki 111 aduan telah pun dilaksanakan oleh pihak kontraktor SPAZ dan telah disahkan oleh pihak BSVN. Bagi bulan November 2012, rekod BSVN mendapati 19 aduan telah dilaporkan, 18 aduan telah diambil tindakan dan hanya 1 aduan sahaja yang masih belum dilaksanakan pada cermin tingkap di bilik mesyuarat utama. Pembaikan dijangka selesai pada hujung April 2013.

Pada pendapat Audit, kerja pembaikan dalam tempoh tanggungan kecacatan yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah memuaskan. Bagaimanapun, kelemahan penyelenggaraan rekod oleh BSVN perlu diambil tindakan.

19.5.4. Pemantauan Projek

19.5.4.1. Pemantauan Peringkat Agensi Pelaksana

a. Projek Bangunan Tambahan

i. Pelan Kualiti Pembinaan (C-Plan) JKR bagi memantau pelaksanaan projek pembangunan menetapkan 5 jawatankuasa perlu ditubuhkan di sepanjang tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati CKBA JKR telah mematuhi peraturan pemantauan dengan menubuhkan kesemua jawatankuasa berkaitan.

ii. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat mengikut kekerapan ditetapkan. Semakan Audit mendapati 3 daripada 5 jawatankuasa pemantauan yang ditubuhkan di peringkat agensi pelaksana tidak memenuhi kekerapan mesyuarat mengikut ketetapan JKR iaitu mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal dan mesyuarat audit pembinaan. Butiran kekerapan mesyuarat jawatankuasa pemantauan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.11
MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN DI PERINGKAT AGENSI PELAKSANA

BIL.	MESYUARAT	KEKERAPAN MESYUARAT (PROJEK BANGUNAN TAMBAHAN)		PERBEZAAN
		KONTRAK	LAKSANA	
1.	Pra-Pembinaan	1 kali	1 kali	-
2.	Tapak	36 kali	28 kali	8
3.	Teknikal	36 kali	21 kali	15
4.	Penyelarasan / Koordinasi	Jika Perlu	6 kali	-
5.	Audit Pembinaan	36 kali	33 kali	3

19.5.4.2. Pemantauan Peringkat Agensi Pengguna

a. Projek Bangunan Tambahan

i. Cawangan Pembangunan BSVN ditubuhkan untuk memantau projek pembangunan, menyelaras isu berbangkit antara pihak agensi pelaksana dengan Kementerian, memantau rekod dan kerja penyelenggaraan bangunan. Cawangan ini dianggotai oleh 3 orang pegawai teknikal dan 2 orang pegawai bukan teknikal. Terdapat kekosongan jawatan teknikal kanan Gred J36 yang penting dan perlu diisi dengan segera. Cawangan Pembangunan BSVN melaksanakan pemantauan projek dengan menghadiri mesyuarat tapak, teknikal dan audit pembinaan.

Maklum Balas BSVN Yang Diterima Pada 29 April 2013 Dan 2 Julai 2013

Pihak JKR memaklumkan walaupun tempoh kontrak dilanjutkan, pemantauan terhadap projek tetap dilaksanakan sehingga tamat tempoh CPC dikeluarkan. Bilangan mesyuarat yang telah dilaksanakan adalah sekali sebulan berdasarkan kepada prosedur pembinaan dan penyeliaan tapak bina (C-Pelan). Semua mesyuarat adalah memenuhi kriteria yang diperlukan. Bilangan mesyuarat berdasarkan tarikh mula dan siap projek asal iaitu 18 bulan bersamaan 18 kali mesyuarat.

Pihak BSVN bersetuju dengan penemuan Audit dan telah membuat pengisian jawatan terhadap kekosongan tersebut pada 27 Mei 2013.

Pada pendapat Audit, pemantauan projek di peringkat agensi pelaksana adalah memuaskan tetapi kekosongan jawatan di peringkat agensi pengguna perlu di isi dengan segera.

19.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya BSVN Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan serta pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

19.6.1. pihak BSVN perlu memastikan agensi pelaksana projek mematuhi jadual pelaksanaan agar projek dapat disiapkan mengikut jadual;

19.6.2. pihak BSVN disyorkan mempunyai rekod kewangan terperinci mengenai prestasi projek pembangunan bagi memantau perbelanjaan dengan lebih berkesan;

19.6.3. pihak BSVN perlu memastikan agensi pelaksana mematuhi syarat dan terma kontrak semasa melaksanakan projek kerana pelanggaran syarat kontrak boleh menyebabkan berlakunya kelewatan projek; dan

19.6.4. pihak BSVN perlu mengisi perjawatan teknikal yang kosong dengan kadar segera bagi memastikan pemantauan terhadap kualiti bangunan dilakukan secara berterusan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 222-237 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

20. JABATAN PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI
- **PENGURUSAN MENAIK TARAF KOLEJ KOMUNITI**

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Konsep Kolej Komuniti telah diperkenalkan melalui ucapan Bajet 2000 oleh Menteri Kewangan pada 29 Oktober 2000 yang telah membentangkan cadangan penubuhan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen. Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia akan menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Pada Mac 2004, tanggungjawab tersebut telah diambil alih oleh Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (Kementerian). Sehingga bulan Disember 2012, sebanyak 80 buah Kolej Komuniti (termasuk kolej cawangan) telah beroperasi di seluruh Negara yang merupakan 36% daripada 222 kawasan Parlimen. Kolej Komuniti menawarkan pelbagai kursus jangka pendek seperti jahitan asas, kulinari dan servis kenderaan untuk semua golongan masyarakat.

20.1.2. Objektif Kolej Komuniti ialah menyediakan pendidikan yang berkualiti, berteknologi tinggi dan holistik antaranya dengan menyediakan laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah dan pelajar yang tercicir daripada pendidikan formal untuk mengikuti latihan dan pengajian dalam bidang teknikal dan vokasional termasuk perdagangan, pertanian dan kesihatan; menyediakan pendidikan seumur hidup kepada individu dan masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat; membolehkan syarikat swasta menggunakan khidmat Kolej Komuniti untuk memberi latihan kepada pekerja mereka; dan memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Kolej Komuniti.

20.1.3. Di bawah RMKe-9, sejumlah RM74.17 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf 15 Kolej Komuniti dengan kos harga kontrak berjumlah RM50.17 juta. Kerja menaik taraf melibatkan pembinaan asrama, surau dan gelanggang permainan serta pemasangan perabot dan sistem kamera litar tertutup. Kolej Komuniti yang terlibat dalam projek menaik taraf adalah seperti di **Jadual 20.1**. Projek menaik taraf Kolej Komuniti adalah di bawah penyeliaan Kementerian dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi merupakan Pegawai Penguasa projek menaik taraf. Kementerian telah melantik perunding bagi 4 bidang iaitu

Arkitek; Kejuruteraan Awam/Kejuruteraan Struktur; Kejuruteraan Elektrik/Mekanikal; dan Ukur Bahan bagi melaksanakan setiap projek menaik taraf.

JADUAL 20.1
SENARAI KOLEJ KOMUNITI YANG TERLIBAT DALAM PROJEK MENAIK TARAF

BIL.	KOLEJ KOMUNITI (KK)	KERJA NAIK TARAF	TEMPOH KONTRAK	HARGA KONTRAK (RM Juta)
1.	KK Ledang, Johor	Dewan	07.05.2008 - 06.11.2008	0.82
2.	KK Segamat 2, Johor	Asrama dan CCTV	02.02.2009 - 06.06.2010	6.35
3.	KK Bandar Penawar, Johor	Dewan	24.11.2008 - 02.08.2009	1.72
4.	KK Masjid Tanah, Melaka	Dewan dan CCTV	04.08.2008 - 15.03.2009	1.47
5.	KK Jasin, Melaka	Dewan	07.05.2008 - 06.01.2009	1.33
6.	KK Selandar, Melaka	Dewan dan CCTV	07.05.2008 - 06.01.2009	1.28
7.	KK Jelebu, Negeri Sembilan	Asrama dan Dewan	10.09.2008 - 08.09.2009	7.11
8.	KK Bentong, Pahang	Dewan	05.08.2008 - 04.08.2009	1.10
9.	KK Mentakab, Pahang	Dewan	05.08.2008 - 04.08.2009	1.41
10.	KK Paya Besar, Pahang	Asrama dan Dewan	05.09.2008 - 04.03.2010	6.08
11.	KK Rompin, Pahang	Asrama, Dewan dan Surau	29.05.2008 - 22.07.2009	7.57
12.	KK Pasir Salak, Perak	Dewan	05.09.2008 - 04.06.2009	2.19
13.	KK Gerik, Perak	Asrama dan CCTV	22.04.2009 - 21.10.2010	8.23
14.	KK Sungai Siput, Perak	Dewan	12.09.2008 - 11.06.2009	1.61
15.	KK Kuala Langat, Selangor	Dewan	16.09.2008 - 14.03.2009	1.90
JUMLAH				**50.17**

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan menaik taraf Kolej Komuniti telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

20.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini memberi tumpuan kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan menaik taraf Kolej Komuniti bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan di Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi serta 6 Kolej Komuniti iaitu di Kolej Komuniti Gerik, Perak; Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan; Kolej Komuniti Rompin, Pahang; Kolej Komuniti Segamat 2, Johor; Kolej Komuniti Masjid Tanah dan Kolej Komuniti Selandar, Melaka seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.2
SENARAI PROJEK YANG DIPILIH

PROJEK	KONTRAKTOR	PERUNDING	TEMPOH KONTRAK (Minggu)	NILAI ASAL KONTRAK (RM Juta)	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI
Cadangan Kerja-kerja Menaik Taraf Kolej Komuniti Gerik Yang Terdiri Daripada 2 Blok Asrama 3 Tingkat Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Atas Lot 7408, Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak, Perak	Hajima Corporation Sdn. Bhd.	AHS Architects Sdn. Bhd.	72	8.23	08.02.2010
Cadangan Kerja-kerja Naik Taraf Kolej Komuniti Jelebu Di Atas Lot 7088 Mukim Gelami Lemi, Daerah Jelebu, Negeri Sembilan	KACD Resources Sdn. Bhd.	Khasnor Architect	52	7.11	22.04.2009
Cadangan Membina Bangunan Asrama, Stadium Tertutup Dan Surau Serta Kerja-kerja Menaik Taraf Kolej Komuniti Rompin, Pahang	Cekal Teknorat Sdn. Bhd.	Arkitek Sudin A. Ghaffar	60	7.57	TT
Cadangan Menaik Taraf Kolej Komuniti Bandar Segamat 2, Segamat, Johor	Pembinaan MLA	Marzuki Mahadi Architects	70	6.35	01.09.2009
Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Dewan Tertutup Untuk Kerja-kerja Menaik Taraf Kolej Komuniti Alor Gajah Di Atas Lot 2915, Mukim Masjid Tanah, Melaka	Lotus Park Sdn. Bhd.	Mustapha Arkitek	32	1.47	10.12.2008
Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Dewan Tertutup Untuk Kerja-kerja Menaik Taraf Kolej Komuniti Selandar Di Atas Lot 2029, Mukim Selandar, Daerah Jasin, Melaka	Insisbina Services Sdn. Bhd.	Mustapha Arkitek	32	1.28	07.08.2008
JUMLAH				**32.01**	

Nota : ***TT - Tiada Tarikh Dicatat Di Dalam Dokumen Kontrak***

20.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan menaik taraf Kolej Komuniti. Selain itu, lawatan ke lokasi projek bagi meninjau pelaksanaan kerja dan temu bual dengan pegawai berkaitan telah diadakan. Borang soal selidik untuk mendapat maklum balas kepuasan pengguna juga diedarkan kepada kakitangan dan pelajar Kolej Komuniti.

20.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara amnya prestasi projek menaik taraf adalah memuaskan. Namun begitu, terdapat kelemahan dalam pengurusan kerja menaik taraf ini seperti berikut:

i. sebanyak 5 projek mengalami *time overrun* antara 176 hari (25 minggu) hingga 491 hari (70 minggu) melibatkan 3 *Extension of Time* (EOT) lewat diluluskan antara 83 hingga 320 hari daripada tarikh siap asal/tamat EOT terdahulu dan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) dikeluarkan antara 67 hingga 567 hari daripada tarikh tamat EOT berkaitan;

ii. Arahan Perubahan Kerja (APK) bagi kerja menaik taraf 5 projek lewat diluluskan antara 43 hingga 903 hari selepas tamat tempoh kontrak dan terdapat APK tidak dikeluarkan bagi perubahan kerja yang telah dibuat;

iii. pentadbiran kontrak yang tidak teratur antaranya 4 kontrak lewat ditandatangani antara 29 hingga 176 hari; Sijil Perakuan Siap Kerja diluluskan antara 70 hingga 326 hari dari tarikh siap sebenar sehingga menyebabkan tempoh tanggungan kecacatan menjadi lebih singkat; dan tempoh sah insurans kerja bagi 5 projek tidak diperbaharui mengikut tarikh siap sebenar projek di mana tempoh yang tidak dilindungi insurans adalah antara 180 hingga 490 hari;

iv. perolehan sistem kamera litar tertutup (CCTV) mempunyai perbezaan harga yang ketara serta pemasangan/penyenggaraan CCTV tidak memuaskan;

v. terdapat kerja yang dilaksanakan adalah tidak berkualiti/tidak sesuai dan tidak mengikut skop/spesifikasi kerja; dan

vi. pemantauan oleh Kementerian dan perunding adalah kurang memuaskan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti berikut:

20.5.1. Prestasi Projek

20.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Berdasarkan kontrak, tempoh penyiapan bagi 6 projek adalah antara 32 hingga 72 minggu. Semakan Audit terhadap 6 projek tersebut mendapati hanya satu (17%) projek disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan manakala 5 (83%) projek naik taraf mengalami *time overrun* antara 176 hari (25 minggu) hingga 491 hari (70 minggu). Manakala LAD antara RM29,980 hingga RM360,556 telah dikenakan terhadap 3 projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.3
PRESTASI PROJEK MENAIK TARAF KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI (KK)	KOS ASAL (RM Juta)	TARIKH PATUT SIAP (Kontrak) (a)	TEMPOH EOT (Hari)	TEMPOH LAD (Hari)	TARIKH SIAP SEBENAR (CPC) (b)	LAD DIKENAKAN (RM)	**TEMPOH *TIME OVERRUN* (Hari) (b)-(a)	DISIAPKAN DALAM TEMPOH DITETAPKAN [Ya (✓)/ Tidak(X)]
KK Gerik, Perak	8.23	21.10.2010	290	-	07.08.2011	-	290	X
KK Jelebu, Negeri Sembilan	7.11	09.09.2009	176	-	04.03.2010	-	176	X
KK Rompin, Pahang	7.57	22.07.2009	467	24	25.11.2010	29,980	491	X

KOLEJ KOMUNITI (KK)	KOS ASAL (RM Juta)	TARIKH PATUT SIAP (Kontrak) (a)	TEMPOH EOT (Hari)	TEMPOH LAD (Hari)	TARIKH SIAP SEBENAR (CPC) (b)	LAD DIKENAKAN (RM)	**TEMPOH *TIME OVERRUN* (Hari) (b)-(a)	DISIAPKAN DALAM TEMPOH DITETAPKAN [Ya (✓)/ Tidak(X)]
KK Segamat 2, Johor	6.35	06.06.2010	54	306	01.06.2011	360,556	360	X
KK Selandar, Melaka	1.28	06.01.2009	112	322	16.03.2010	76,452	434	X
KK Masjid Tanah, Melaka	1.47	15.03.2009	-	-	15.03.2009	-	-	✓

Nota : EOT - Extension of Time
LAD - Liquidated And Ascertained Damages
CPC - Certificate of Practical Completion
(**) - Tempoh Time Overrun Termasuk EOT Dan LAD

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 31 Mei 2013

Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat perkara ini.

a. Sijil Lanjutan Masa Lewat Dikeluarkan

Syarat kontrak antaranya menyatakan sekiranya kontraktor menjangkakan akan berlaku kelewatan dalam penyiapan projek atas faktor di luar kawalannya, kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa notis permohonan Lanjutan Masa (EOT) secara bertulis. Permohonan EOT perlu diluluskan sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam kontrak. Semakan Audit mendapati terdapat 3 EOT untuk KK Gerik (EOT 2), KK Jelebu dan KK Rompin telah lewat dimohon antara 65 hingga 195 hari dari tarikh tamat tempoh kontrak. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat EOT yang lewat diluluskan oleh Kementerian antara 83 hingga 320 hari. Jadual berikut menunjukkan kelewatan permohonan dan kelulusan EOT tersebut:

JADUAL 20.4
KELEWATAN PERMOHONAN KELULUSAN EOT

KOLEJ KOMUNITI (KK)	TARIKH SIAP ASAL/BARU KONTRAK (a)	TARIKH MOHON EOT (b)	TEMPOH EOT		TARIKH EOT DILULUSKAN (c)	KELEWATAN PERMOHONAN EOT (Hari) (b) - (a)	KELEWATAN KELULUSAN EOT (Hari) (c) - (a)	TARIKH SIAP SEBENAR
			MULA	TAMAT				
KK Gerik, Perak (EOT 1)	21.10.2010	21.08.2010	21.10.2010	05.03.2011	19.10.2010	-	-	TB
KK Gerik, Perak (EOT 2)	05.03.2011	15.09.2011	05.03.2011	07.08.2011	19.01.2012	195	320	07.08.2011
KK Jelebu, Negeri Sembilan	09.09.2009	13.11.2009	09.09.2009	04.03.2010	15.03.2010	65	186	04.03.2010
KK Rompin, Pahang (EOT 1)	22.07.2009	28.05.2009	22.07.2009	14.12.2009	13.10.2009	-	83	TB

KOLEJ KOMUNITI (KK)	TARIKH SIAP ASAL/BARU KONTRAK (a)	TARIKH MOHON EOT (b)	TEMPOH EOT		TARIKH EOT DILULUSKAN (c)	KELEWATAN PERMOHONAN EOT (Hari) (b) - (a)	KELEWATAN KELULUSAN EOT (Hari) (c) - (a)	TARIKH SIAP SEBENAR
			MULA	TAMAT				
KK Rompin, Pahang (EOT 2)	14.12.2009	01.03.2010	14.12.2009	01.11.2010	17.10.2010	78	307	25.11.2010

Nota : ***TB - Tidak Berkenaan***

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013

Kelewatan kelulusan EOT disebabkan masalah pengumpulan dokumentasi sokongan tidak dapat dikumpulkan dalam tempoh ditetapkan. Kelewatan permohonan daripada kontraktor disebabkan masalah kerja di tapak.

b. Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap Lewat Dikeluarkan

Mengikut klausa 40 Syarat-syarat Kontrak, pihak kontraktor boleh dikenakan sejumlah wang yang akan dikira atas kadar yang dinyatakan dalam syarat-syarat Kontrak sebagai *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) bagi sepanjang tempoh yang kerja tidak disiapkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Bagi menguatkuasakan LAD, Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) hendaklah dikeluarkan sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati CNC telah lewat dikeluarkan antara 67 hingga 567 hari daripada tarikh tamat EOT berkaitan. Butiran kelewatan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.5
KELEWATAN CNC DIKELUARKAN

BIL.	KOLEJ KOMUNITI (KK)	TARIKH SIAP SEBENAR	TARIKH TAMAT EOT (a)	TARIKH CNC (b)	KELEWATAN CNC DIKELUARKAN (Hari) (b) - (a)
1.	KK Rompin, Pahang	25.11.2010	01.11.2010	17.10.2011	350
2.	KK Segamat 2, Johor	01.06.2011	30.07.2010	05.10.2010	67
3.	KK Selandar, Melaka	16.03.2010	28.04.2009	16.11.2010	567

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013

Bahagian Pembangunan Kementerian akan memastikan pemantauan dibuat dengan teliti.

c. Arahan Perubahan Kerja

i. Perubahan kerja hendaklah dimohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak. Semakan Audit terhadap projek menaik taraf Kolej Komuniti mendapati 5 APK telah lewat diluluskan antara 43 hingga 903 hari. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 20.6
KELEWATAN KELULUSAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA

KOLEJ KOMUNITI (KK)	ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)	TARIKH SIAP SEBENAR (a)	TARIKH LULUS APK (b)	KELEWATAN KELULUSAN APK (Hari) (b) - (a)
KK Jelebu, Negeri Sembilan	APK No.1 – APK No.6	04.03.2010	13.02.2012	711
KK Masjid Tanah, Melaka	APK No. 1	15.03.2009	TT	TDD
KK Rompin, Pahang	APK No. 1 dan APK No. 2	25.11.2010	06.01.2011	43
KK Segamat 2, Johor	APK No. 1 (tambahan)	01.06.2011	20.04.2013	689
KK Selandar, Melaka	APK No. 1	16.03.2010	04.09.2012	903

Nota : ***TT - Tiada Tarikh Dicatatkan Di Dalam Dokumen Sokongan***
TDD - Tidak Dapat Ditentukan

ii. Semakan seterusnya mendapati tiada APK yang dimohon bagi perubahan kerja yang dilaksanakan bagi KK Segamat 2 dan KK Gerik. Perubahan kerja tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.7
PERUBAHAN KERJA TIDAK MENDAPAT KELULUSAN

BIL.	KOLEJ KOMUNITI (KK)	PERUBAHAN KERJA
1.	KK Segamat 2, Johor	Penggunaan *Steel Roof Trust* asrama dan rumah pam.
		Penukaran *Sub soil drainage pipe* kepada *Rib Loc.*
		Penukaran rumput jenis "Bermuda" kepada "Zoy Sia".
2.	KK Gerik, Perak	Pengurangan 3 unit Monitor SVGA kepada 1 unit.
		Pengurangan 1 unit Pencetak Berwarna kepada tiada.

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013

Kelewatan kertas kerja pertimbangan APK adalah disebabkan masalah rundingan kadar harga APK tersebut serta kelewatan dokumen dikemukakan oleh kontraktor dan perunding.

20.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Kementerian telah diperuntukan sejumlah RM74.17 juta untuk menaik taraf 15 Kolej Komuniti dan sejumlah RM41.97 juta daripada jumlah tersebut telah diperuntukkan untuk 6 Kolej Komuniti yang diaudit. Semakan Audit mendapati sejumlah RM37.75 juta (89.9%) daripada peruntukan yang diluluskan bagi 6

Kolej Komuniti tersebut telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.8
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK MENAIK TARAF

KOLEJ KOMUNITI (KK)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
KK Gerik, Perak	7.53	6.73	89.4
KK Jelebu, Negeri Sembilan	13.71	13.24	96.6
KK Masjid Tanah, Melaka	4.14	3.37	81.4
KK Rompin, Pahang	6.84	6.39	93.4
KK Segamat 2, Johor	7.22	6.14	85.0
KK Selandar, Melaka	2.53	1.88	74.3
JUMLAH	**41.97**	**37.75**	**89.9**


Sumber : Bahagian Pembangunan KPT

20.5.1.3. Pencapaian *Outcome*

Maklum Balas Terhadap Tahap Kepuasan Pengguna

Bagi mendapatkan maklum balas terhadap tahap kepuasan pengguna bangunan pembinaan, borang soal selidik telah diedarkan kepada 180 kakitangan dan 300 pelajar Kolej Komuniti yang berkaitan. Berdasarkan maklum balas 480 borang soal selidik yang diterima, pihak Audit mendapati secara keseluruhannya pengguna berasa selesa dan berpuas hati dengan kemudahan naik taraf. Hasil maklum balas terhadap soal selidik yang dijalankan adalah seperti carta berikut:

CARTA 20.1
KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP KEMUDAHAN NAIK TARAF



Nota : Pengguna ialah kakitangan dan pelajar Kolej Komuniti

Pada pendapat Audit, prestasi menaik taraf Kolej Komuniti adalah memuaskan. Bagaimanapun, kelewatan EOT diluluskan serta kegagalan CNC dikeluarkan pada masa yang ditetapkan boleh menyebabkan berlakunya *time at large*. Dalam keadaan ini Kerajaan tidak boleh mengenakan LAD kerana tiada tempoh sah kontrak untuk membenarkan EOT. Selain itu, perubahan kerja tanpa APK boleh memberi implikasi terhadap kos dan kualiti projek. Kementerian perlu menyiasat sekiranya terdapat unsur kecuaian dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

20.5.2. Pentadbiran Kontrak

20.5.2.1. Perjanjian Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 4 kontrak lewat ditandatangani antara 29 hingga 176 hari melibatkan projek menaik taraf di KK Gerik, KK Jelebu, KK Masjid Tanah dan KK Segamat 2. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.9
KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK

BIL.	KOLEJ KOMUNITI (KK)	TARIKH			JUMLAH KELEWATAN (Hari)
		SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN	TARIKH AKHIR KONTRAK SEPATUTNYA DITANDATANGANI (a)	KONTRAK SEBENAR DITANDATANGANI (b)	(b) - (a)
1.	KK Gerik, Perak	17.04.2009	16.08.2009	08.02.2010	176
2.	KK Jelebu, Negeri Sembilan	30.09.2008	29.01.2009	22.04.2009	83
3.	KK Masjid Tanah, Melaka	12.07.2008*	11.11.2008	10.12.2008	29
4.	KK Segamat 2, Johor	01.01.2009	30.04.2009	01.09.2009	124

Nota : ***(*) - Tarikh Diperoleh Daripada Maklum Balas***

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013

Kontraktor lewat mengemukakan dokumen kontrak yang lengkap kepada Kementerian. Perunding Ukur Bahan sukar mendapat persetujuan kontraktor berkenaan Pelarasan Kadar Harga dalam Bill of Quantities. Surat peringatan dikeluarkan oleh Perunding Ukur Bahan kepada kontraktor bagi KK Gerik.

20.5.2.2. Perakuan Siap Kerja

Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan oleh Kementerian kepada kontraktor apabila kerja telah siap sepenuhnya dan bangunan boleh digunakan dan

memenuhi kriteria sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam kontrak. Selaras dengan syarat kontrak, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis yang menyatakan bahawa kerja di tapak telah disiapkan dengan sempurna kepada Pegawai Penguasa. Pegawai Penguasa hendaklah dalam tempoh 14 hari mengadakan pemeriksaan bersama kontraktor sebelum memperakukannya. Semakan Audit mendapati Kementerian telah mengambil masa tidak munasabah antara 70 hingga 326 hari untuk mengeluarkan Perakuan Siap Kerja kepada kontraktor. Ini menyebabkan tempoh tanggungan kecacatan menjadi lebih singkat antara 39 hingga 295 hari berbanding tempoh setahun dari tarikh siap sebenar seperti ditetapkan dalam kontrak. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.10
KELEWATAN MENGELUARKAN SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA

KOLEJ KOMUNITI (KK)	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP SEBENAR (a)	TARIKH SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA DIKELUARKAN (b)	TEMPOH SIJIL DIKELUARKAN BERBANDING TARIKH SIAP SEBENAR (Hari) (b-a)	TARIKH TAMAT TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (c)	BAKI TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN SELEPAS SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA DIKELUARKAN (Hari) (c-b)
KK Gerik, Perak	22.04.2009	21.10.2010	07.08.2011	19.01.2012	165	06.08.2012	200
KK Jelebu, Negeri Sembilan	10.09.2008	09.09.2009	04.03.2010	30.07.2010	148	03.03.2011	217
KK Rompin, Pahang	29.05.2008	22.07.2009	25.11.2010	17.10.2011	326	24.11.2011	39
KK Segamat 2, Johor	02.02.2009	06.06.2010	01.06.2011	09.08.2011	70	31.05.2012	295
KK Masjid Tanah, Melaka	04.08.2008	15.03.2009	15.03.2009	TT	-	14.03.2010	TTD
KK Selandar, Melaka	07.05.2008	22.07.2009	16.03.2010	16.11.2010	245	15.03.2011	120

Nota : ***TT - Tiada Tarikh Dinyatakan Di CPC Yang Dikemukakan***
TTD - Tidak Dapat Ditentukan

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013

Pengemukaan dokumentasi oleh kontraktor dan surat sokongan daripada perunding lewat diterima oleh Kementerian. Perunding dan kontraktor telah mengambil maklum Tarikh Siap Kerja. Permohonan EOT No. 2 bagi KK Rompin masih dalam tempoh perbincangan. Bagi KK Masjid Tanah, tarikh akan diletakkan selepas Superintendant Officer menandatangani CPC. Bahagian Pembangunan Kementerian akan memastikan tarikh diisi bagi projek akan datang.

20.5.2.3. Laporan Kerja Membaiki Kecacatan

a. Kontraktor bertanggungjawab untuk memastikan kecacatan yang dikenal pasti dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan diperbaiki tanpa melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan. Kecacatan tersebut perlu direkodkan tarikh dan jenis kerosakan serta dilaporkan kepada pihak kontraktor bagi tujuan pembaikan. Perunding hendaklah menyemak laporan dan status pembaikan kecacatan, penyenggaraan dan aduan pelanggan serta mengesahkan tindakan pembaikan telah dilaksanakan dengan sempurna sebelum Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati terdapat kecacatan telah dilaporkan sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kerja pembaikan telah dibuat oleh kontraktor terhadap kecacatan yang dilaporkan sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi 6 kolej yang dilawati memandangkan tiada Laporan Dan Status Pembaikan Kecacatan, penyenggaraan dan aduan pelanggan disediakan dan disahkan oleh perunding.

b. Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati terdapat kerosakan/kecacatan yang dilaporkan dalam Laporan Kecacatan tidak dibaiki dalam tempoh yang ditetapkan. Jadual berikut menunjukkan kerosakan/kecacatan yang tidak diambil tindakan oleh kontraktor untuk pembaikan.

JADUAL 20.11
KEROSAKAN/KECACATAN YANG TIDAK DIAMBIL TINDAKAN PEMBAIKAN

KOLEJ KOMUNITI (KK)	LOKASI	KEROSAKAN/KECACATAN
KK Masjid Tanah, Melaka	Dewan	• Lampu tanda keluar tidak menyala. **(Gambar 20.1)** • Tiada *schematic diagram*. **(Gambar 20.2)** • *Drypowder* tidak dibekalkan. • *Concrete ramp* pada pintu masuk pecah.
KK Gerik, Perak	Asrama	• Pintu bilik mandi tidak sesuai. Saiz pintu lebih kecil dari saiz bingkai (Tandas lelaki tingkat 3). **(Gambar 20.3)**

GAMBAR 20.1



Dewan Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka
- Lampu Tanda Keluar Tidak Menyala
(19.12.2012)


GAMBAR 20.2



Dewan Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka
- Tiada Schematic Diagram Dilekatkan
(19.12.2012)

SEBELUM

GAMBAR 20.3



Tandas Asrama Lelaki Kolej Komuniti Gerik, Perak - Pintu Bilik Mandi Yang Tidak Sesuai, Terdapat Ruang Kosong Antara Pintu Dan Bingkai (27.11.2012)

SELEPAS

GAMBAR 20.4



Tandas Asrama Lelaki Kolej Komuniti Gerik, Perak - Pintu Bilik Mandi Telah Dibaiki (Sumber: Kolej Komuniti Gerik, Perak)

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013

Tindakan pembaikan sedang dijalankan oleh pihak Kolej Komuniti.

20.5.2.4. Lukisan Siap Bina

Lukisan Siap Bina hendaklah dikemas kini semasa pelaksanaan projek dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa secara berperingkat menurut aturan kerja. Lukisan Siap Bina yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam tempoh sebulan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Semakan Audit mendapati Lukisan Siap Bina bagi projek menaik taraf di KK Jelebu telah diterima. Manakala Lukisan Siap Bina bagi KK Gerik, KK Masjid Tanah, KK Segamat 2, KK Rompin dan KK Selandar masih belum dikemukakan/tiada dalam simpanan kolej. Semakan selanjutnya mendapati Lukisan Siap Bina KK Jelebu lewat dikemukakan selama 86 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.12
KELEWATAN MENGEMUKAKAN LUKISAN SIAP BINA

KOLEJ KOMUNITI (KK)	TARIKH SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA DIKELUARKAN (a)	TARIKH LUKISAN SIAP BINA DIKEMUKAKAN (b)	KELEWATAN LUKISAN SIAP BINA DIKEMUKAKAN (Hari) (b) - (a) - (1 bulan)
KK Gerik, Perak	19.01.2012	TM	TM
KK Jelebu, Negeri Sembilan	30.07.2010	25.11.2010	86
KK Rompin, Pahang	17.10.2011	TM	TM
KK Segamat 2, Johor	09.08.2011	TM	TM
KK Masjid Tanah, Melaka	TT	TM	TM
KK Selandar, Melaka	16.11.2010	TM	TM

Nota : TM - Tiada Maklumat
TT - Tiada Tarikh Di Dokumen

Pada pendapat Audit, ketiadaan Lukisan Siap Bina boleh menyukarkan Kolej Komuniti yang terlibat bagi menjalankan kerja penyenggaraan.

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan 31 Mei 2013

Lukisan Siap Bina yang lengkap sedang dalam tindakan kontraktor memproses penjilidan bersama dokumen penyerahan lain yang memerlukan perakuan pihak ketiga bagi KK Gerik. Kelewatan kontraktor menyerahkan dokumen kerana semakan perunding mendapati lukisan perlu dibetulkan bagi KK Jelebu. Kementerian telah melaksanakan tindakan untuk mendapatkan Lukisan Siap Bina Kolej berkaitan.

20.5.2.5. Polisi Insurans Kontrak

Polisi insurans hendaklah sentiasa sah dalam tempoh kontrak termasuk dalam tempoh tanggungan kecacatan. Sekiranya terdapat lanjutan masa kontrak, maka polisi insurans perlulah dilanjutkan. Semakan Audit mendapati tempoh sah insurans kerja bagi projek naik taraf di 5 Kolej Komuniti tidak diperbaharui mengikut tarikh siap sebenar projek di mana tempoh yang tidak dilindungi insurans adalah antara 180 hingga 490 hari seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.13
POLISI INSURANS YANG TIDAK DIPERBAHARUI

KOLEJ KOMUNITI (KK)	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH INSURANS		TEMPOH INSURANS TAMAT SEBENAR (Tarikh Siap Sebenar + 1 Tahun +3 Bulan +14 Hari) (b)	TEMPOH POLISI INSURANS YANG TIDAK DIPERBAHARUI (b-a)
			MULA	TAMAT (Tarikh Siap Asal + 1 Tahun + 3 Bulan + 14 Hari) (a)		
KK Gerik, Perak	21.10.2010	07.08.2011	22.04.2009	02.02.2012	21.11.2012	292
KK Jelebu, Negeri Sembilan	09.09.2009	04.03.2010	22.04.2009	21.12.2010	18.06.2011	180
KK Rompin, Pahang	22.07.2009	25.11.2010	29.05.2008	04.11.2010	08.03.2012	490
KK Segamat 2, Johor	06.06.2010	01.06.2011	02.02.2009	18.09.2011	12.09.2012	367
KK Selandar, Melaka	06.01.2009	16.03.2010	07.05.2008	18.04.2010	30.06.2011	439

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan pentadbiran kontrak dalam projek naik taraf boleh dipertingkatkan lagi. Pentadbiran kontrak yang teratur boleh memudahkan penyeliaan, menjimatkan kos serta menjamin kepentingan Kerajaan. Kementerian perlu mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab sekiranya terdapat unsur kecuaian.

20.5.3. Pengurusan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV)

20.5.3.1. Perbezaan Harga Perolehan CCTV

Daripada 6 Kolej Komuniti yang telah diaudit, sebanyak 4 Kolej Komuniti (KK Segamat 2, KK Selandar, KK Masjid Tanah dan KK Gerik) adalah terlibat dalam perolehan dan pemasangan CCTV dengan kos antara RM35,350 hingga RM281,249. Kesemua 4 Kolej Komuniti tersebut telah menyediakan *Bill of Quantities* (BQ) bagi perolehan CCTV tersebut. Semakan Audit mendapati ketidakseragaman untuk 4 Kolej Komuniti tersebut kerana BQ ada diperincikan di KK Masjid Tanah dan KK Gerik manakala di KK Segamat 2 dan KK Selandar, BQ dijumlahkan (lump sum). Perbandingan antara BQ yang tidak dijumlahkan (lump sum) iaitu KK Masjid Tanah dan KK Gerik mendapati perbezaan harga yang ketara. Semakan selanjutnya mendapati kos perolehan bagi seunit DVR 16 *channel* di KK Masjid Tanah adalah RM10,249 berbanding RM85,500 di KK Gerik. Butiran kos perolehan CCTV adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.14
PEROLEHAN SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV)

BIL.	KOLEJ KOMUNITI (KK)	KELENGKAPAN CCTV (Unit)	KOS (RM)
1.	KK Segamat 2, Johor	22	35,350
2.	KK Selandar, Melaka	84	139,200
3.	KK Masjid Tanah, Melaka	145	281,249
4.	KK Gerik, Perak	20	144,900
JUMLAH BESAR			**600,699**

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan 31 Mei 2013

Perbezaan harga yang ketara disebabkan oleh projek tersebut ditender kepada pelaksana berbeza. Spesifikasi, reka bentuk, faktor pembekal, lokasi dan kaedah pemasangan adalah berbeza. Kemunasabahan harga telah dinilai semasa proses penilaian tender dan secara keseluruhan kos projek. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat perkara ini.

20.5.3.2. Pemasangan Dan Penyenggaraan CCTV

Tujuan CCTV adalah untuk menghalang aktiviti yang tidak diingini serta melindungi keselamatan dan harta Kolej Komuniti melalui pengimejan pengawasan yang berkesan. Bagi mencapai tujuan tersebut, CCTV hendaklah dipasang di lokasi yang sesuai dan strategik; sentiasa berfungsi dengan sepenuhnya; dan disenggara secara berkala. Lawatan fizikal Audit ke Kolej Komuniti mendapati antaranya lokasi pemasangan CCTV tidak sesuai dan tidak disenggara seperti berikut:

a. Lokasi kamera CCTV yang tidak mempunyai fungsi *zoom* diletakkan di atas tingkat kedua dan jauh dari sasaran rakaman menyebabkan imej yang dirakam tidak jelas di KK Selandar **(Gambar 20.5 dan 20.6)**.

b. Kamera CCTV dengan pusingan 360° tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya kerana dipasang pada dinding di KK Segamat 2 **(Gambar 20.7)**.


c. Kamera CCTV tidak disenggara kerana terdapat najis burung menyebabkan imej yang dirakam tidak jelas di KK Selandar **(Gambar 20.8 dan 20.9)**.

d. Sistem CCTV tidak dapat merakam kerana tidak disenggara (*disk* penuh) dan terdapat kerosakan sistem di KK Selandar **(Gambar 20.10 dan 20.11)**.

GAMBAR 20.5



GAMBAR 20.6




Blok Pentadbiran Kolej Komuniti Selandar, Melaka
- Lokasi CCTV (Kamera Tidak Mempunyai Fungsi Zoom) Diletakkan Di Atas Tingkat Kedua Dan Jauh Dari Sasaran Rakaman Menyebabkan Imej Yang Dirakam Tidak Jelas
(17.12.2012)



GAMBAR 20.7

Asrama Kolej Komuniti Segamat 2, Johor
- Kamera CCTV Dengan Pusingan 360° Tidak Dapat Berfungsi Dengan Sepenuhnya Kerana Dipasang Pada Dinding
(07.11.2012)

GAMBAR 20.8



GAMBAR 20.9



Blok Akademik Kolej Komuniti Selandar, Melaka
- Kamera Litar Tertutup Tidak Disenggarakan Menyebabkan Imej Yang Dirakam Tidak Jelas
(17.12.2012)

GAMBAR 20.10



Blok Akademik Kolej Komuniti Selandar, Melaka - Sistem Kamera Litar Tertutup Tidak Disenggarakan Menyebabkan Disk Penuh (17.12.2012)

GAMBAR 20.11



Blok Bengkel Aircond Dan Refrigerator Kolej Komuniti Selandar, Melaka - Sistem Kamera Litar Tertutup Tidak Digunakan Kerana Mengalami Kerosakan (17.12.2012)

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan perbelanjaan berhemat sentiasa diterapkan dalam perolehan Kerajaan dan keutamaan perolehan dikaji dari segi keberkesanannya kepada pengguna secara keseluruhan. Selain itu, penyenggaraan CCTV perlu dipertingkatkan supaya perbelanjaan yang dilakukan adalah *value for money*.

20.5.4. Kualiti Kerja Menaik Taraf

20.5.4.1. Kerja Tidak Berkualiti/Sempurna/Kemas

Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Apabila projek diserahkan, pihak kontraktor dan perunding perlulah memastikan bangunan yang diserahkan tersebut adalah menepati spesifikasi dan kualiti kerja pembinaan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati 29 kerja yang dilaksanakan di 5 Kolej Komuniti yang dilawati adalah tidak berkualiti atau tidak sempurna dan tidak kemas. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.15
KERJA TIDAK BERKUALITI/SEMPURNA/MEMUASKAN SEMASA LAWATAN AUDIT

KOLEJ KOMUNITI (KK)	LOKASI	KETERANGAN
KK Gerik, Perak	Asrama Perempuan	• Perangkap pasir yang tidak ditutupkan dengan penutup besi bagi longkang asrama perempuan. **(Gambar 20.12)** • Air bertakung di dalam bilik air tingkat 1 akibat daripada saluran tersumbat. **(Gambar 20.13)** • Kemasan sinki yang tidak sempurna di bilik basuhan. **(Gambar 20.14 dan 20.15)** • Kerja lepaan simen tidak sempurna di atas dinding bilik air asrama perempuan di tingkat 3. **(Gambar 20.16)** • *Wire connector box* tidak ditutup.
	Rumah Warden Perempuan	• Jubin (tile) tidak dipasang pada bendul pintu gelongsor (sliding door) rumah Warden Perempuan di tingkat 1 setelah kerja pembaikan dijalankan. **(Gambar 20.17)**

KOLEJ KOMUNITI (KK)	LOKASI	KETERANGAN
	Asrama Lelaki	• Penutup parit tidak dipasang bagi tujuan kemudahan OKU melintas. **(Gambar 20.19)** • Penutup longkang tidak dipasang boleh membahayakan pengguna. • Kerja lepaan yang kurang memuaskan di dalam ruang *Switch Board* tingkat 1. **(Gambar 20.21)** • Tingkap *sliding* dipasang tidak selari dengan permukaan dinding menyebabkan bucu tajam tingkap terkeluar yang boleh membahayakan pengguna. **(Gambar 20.22)**
KK Jelebu, Negeri Sembilan	Dewan	• Kedudukan sinki yang tinggi dari lantai iaitu 939mm berbanding lukisan 850mm di tandas. **(Gambar 20.23)** • Saluran paip limpahan air dari tangki yang tergantung dan tidak terus masuk ke longkang. **(Gambar 20.24)**
	Asrama Lelaki	• Saluran paip limpahan air di dalam tandas asrama lelaki dari tangki tergantung. • Sisa binaan di lokasi tangki tidak dibersihkan.
KK Masjid Tanah, Melaka	Dewan	• Saluran air paip limpahan yang tergantung bagi tandas lelaki. **(Gambar 20.25)**
KK Rompin, Pahang	Surau	• Surau dibina di atas laluan kabel utama elektrik menyebabkan perubahan kerja terpaksa dilakukan untuk menaik aras lantai surau. Kabel bawah tanah adalah terdedah. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan keselamatan penggunaan surau. Laluan masuk dan ketinggian antara aras tanah dengan aras lantai yang rendah menyebabkan kerja penyenggaraan kabel tersebut sukar dilaksanakan. **(Gambar 20.26 dan 20.27)** • Penghujung longkang tidak ditutup. **(Gambar 20.28)** • Siling dipasang lebih tinggi daripada *beam* serta menutupi bahagian atas tingkap. **(Gambar 20.29)** • Pelindung kilat tidak bersambung dan boleh dicapai oleh pengguna. **(Gambar 20.30 dan 20.31)**
	Dewan	• Longkang pecah yang boleh mengakibatkan tanah mendap. **(Gambar 20.32 dan 20.33)**
	Asrama	• Tombol pintu tanggal/rosak. • Cat berbalam.
KK Selandar, Melaka	Dewan	• Lantai di tengah dewan melengkung dan tidak boleh digunakan untuk kegiatan sukan. **(Gambar 20.34)** • Cat berbalam. • Paip air melalui atas longkang dan terdedah meningkatkan risiko patah/putus. **(Gambar 20.35)** • Lampu taman terlalu tinggi menyebabkan sukar untuk menukar mentol dan cahaya tidak dapat menerangi kawasan sekeliling dengan jelas. • Jalan tidak diturap dengan memuaskan selepas pembinaan *mainhole*. • *Wire Connector Box* tidak ditutup. **(Gambar 20.36)** • Paip limpahan tangki air tergantung di atas siling. **(Gambar 20.37)**

GAMBAR 20.12



Asrama Perempuan
Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Perangkap Pasir Yang Tidak Ditutup Dengan Penutup Besi
(28.11.2012)

GAMBAR 20.13




Asrama Perempuan
Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Air Bertakung Di Dalam Bilik Air Tingkat 1
(28.11.2012)

GAMBAR 20.14



GAMBAR 20.15



Tandas Asrama Perempuan Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Kemasan Sinki Yang Tidak Sempurna Di Bilik Basuhan
(28.11.2012)



GAMBAR 20.16

Bilik Air Asrama Perempuan
Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Kerja Lepaan Simen Yang Tidak
Disiapkan Oleh Kontraktor
(28.11.2012)

SEBELUM

GAMBAR 20.17



Rumah Warden Perempuan
Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Jubin (Tile) Tidak Dipasang Pada Bendul
Pintu Gelongsor (Sliding Door) Rumah
Warden Perempuan Di Tingkat 1 Setelah
Kerja Pembaikan Dijalankan
(28.11.2012)

SELEPAS


GAMBAR 20.18



Rumah Warden Perempuan
Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Jubin (Tile) Telah Dipasang Semula Pada
Bendul Pintu Gelongsor (Sliding Door)
Rumah Warden Perempuan Di Tingkat 1
(Sumber: Kolej Komuniti Gerik, Perak)

SEBELUM


GAMBAR 20.19



Asrama Lelaki Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Penutup Parit Tidak Dipasang Bagi
Tujuan Kemudahan OKU Melintas
(27.11.2012)

SELEPAS

GAMBAR 20.20



Asrama Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Penutup Parit Telah Dipasang Di
Asrama Lelaki Dan Perempuan
(Sumber: Kolej Komuniti Gerik, Perak)

GAMBAR 20.21



Asrama Lelaki Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Kerja Lepaan Yang Kurang Memuaskan
Di Dalam Ruang Switch Board Tingkat 1
(27.11.2012)

GAMBAR 20.22



Asrama Lelaki Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Tingkap Sliding Dipasang Tidak Selari
Dengan Permukaan Dinding Menyebabkan
Bucu Tajam Tingkap Terkeluar Yang
Boleh Membahayakan Pengguna
(27.11.2012)

GAMBAR 20.23




Tandas Lelaki Dewan
Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan
- Kedudukan Sinki Yang Tinggi Dari Lantai
Iaitu 939mm Berbanding Lukisan 850mm
(11.12.2012)

GAMBAR 20.24



Tandas Lelaki Dewan
Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan
- Saluran Paip Limpahan Air Dari Tangki
Yang Tergantung Menyebabkan Air Tidak
Dapat Disalurkan Ke Dalam Lubang Saluran
(11.12.2012)



GAMBAR 20.25

Tandas Lelaki Dewan
Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka
- Saluran Air Paip Limpahan Yang Tergantung
Bagi Kedua-dua Tandas Menyebabkan Air Tidak
Dapat Disalurkan Ke Dalam Lubang Saluran
(18.12.2012)

GAMBAR 20.26



GAMBAR 20.27




Surau Kolej Komuniti Rompin, Pahang
- Laluan Kabel Utama Elektrik Yang Terdedah. Laluan Masuk Dan Ketinggian Antara Aras Tanah Dengan
Aras Lantai Yang Rendah Menyebabkan Kerja Penyenggaraan Kabel Tersebut Sukar Dilaksanakan
(17.10.2012)

GAMBAR 20.28



Surau Kolej Komuniti Rompin, Pahang
- Penghujung Longkang Tidak Ditutup
(16.10.2012)

GAMBAR 20.29




Surau Kolej Komuniti Rompin, Pahang
- Siling Dipasang Lebih Tinggi Daripada Beam Serta Menutupi Bahagian Atas Tingkap
(17.10.2012)

GAMBAR 20.30



GAMBAR 20.31



Surau Kolej Komuniti Rompin, Pahang
- Pelindung Kilat Tidak Bersambung Dan Boleh Dicapai Oleh Pengguna
(16.10.2012)

GAMBAR 20.32



GAMBAR 20.33




Dewan Kolej Komuniti Rompin, Pahang
- Longkang Pecah Yang Boleh Mengakibatkan Tanah Mendap
(17.10.2012)

GAMBAR 20.34



Dewan Kolej Komuniti Selandar, Melaka
- Lantai Di Tengah Dewan Melengkung Dan Tidak Boleh Digunakan Untuk Kegiatan Sukan
(17.12.2012)

GAMBAR 20.35




Dewan Kolej Komuniti Selandar, Melaka
- Paip Air Melalui Atas Longkang Dan Terdedah Meningkatkan Risiko Patah/Putus
(17.12.2012)

GAMBAR 20.36



Tandas Dewan Kolej Komuniti Selandar, Melaka - Wire Connector Box Tidak Ditutup (17.12.2012)

GAMBAR 20.37



Tandas Dewan Kolej Komuniti Selandar, Melaka - Paip Limpahan Tangki Air Tergantung Di Atas Siling (17.12.2012)

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan 31 Mei 2013

Kerja pembaikan yang berkaitan sedang/telah diambil tindakan oleh kontraktor. Manakala bagi Surau KK Rompin, di dalam As Built Drawing Electrial Works asal, laluan kabel elektrik bawah tanah berada di luar kawasan tapak surau. Keputusan menaikkan aras surau setinggi 1.2m dibuat setelah mengambil kira tempoh masa kerja dan lokasi surau selain faktor keselamatan serta kepentingan Kerajaan dari segi kos tambahan jika dibandingkan dengan cadangan laluan baru kabel elektrik. Ketinggian 1.2m memadai bagi menyenggara kabel. Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) telah diperoleh pada 17 Oktober 2011. Bagi KK Gerik, air bertakung di dalam bilik air tingkat 1 akibat daripada saluran tersumbat telah diperbaiki.

20.5.4.2. Kerja Tidak Sesuai/Tidak Praktikal

Adalah didapati 8 kerja tidak sesuai di 4 Kolej Komuniti yang boleh menyebabkan kerja pembaikan terpaksa dijalankan; peralatan yang digunakan rosak; dan kerja tambahan terpaksa dilakukan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 20.16
KERJA PEMBINAAN TIDAK SESUAI/TIDAK PRAKTIKAL

KOLEJ KOMUNITI (KK)	LOKASI	KETERANGAN
KK Gerik, Perak	Asrama	• Lampu dipasang terlalu dekat dengan *beam* menyebabkan kurang pencahayaan di dalam tandas perempuan. **(Gambar 20.38 dan 20.39)** • Kipas yang dipasang terlalu dekat dengan *beam* di dalam bilik *lounge* asrama. **(Gambar 20.40 dan 20.41)** • Sistem pendawaian telefon di dalam bangunan tidak berfungsi kerana tidak bersambung dengan talian utama.
KK Jelebu, Negeri Sembilan	Dewan	• Kipas penyedut udara (Exhaust Fan) yang dipasang terus ke pemegang cermin tingkap menyebabkan kipas penyedut udara tidak berfungsi dengan sempurna serta menghasilkan gegaran dan bunyi bising. **(Gambar 20.42)**

KOLEJ KOMUNITI (KK)	LOKASI	KETERANGAN
	Asrama	• Bilik mandi asrama perempuan yang tidak sempurna kerana dilindungi paip air buangan dari tingkat atas serta paip pancuran tidak dipasang. **(Gambar 20.43)**
KK Segamat 2, Johor	Bilik Asrama	• Kipas siling telah digantikan dengan kipas *auto* kerana berisiko mencederakan pelajar**. (Gambar 20.44 dan 20.45)**
	Kawasan Kolej	• Pagar dibina tidak mengelilingi kolej menyebabkan pelajar boleh keluar masuk tanpa pengawasan dan meningkatkan risiko ancaman luar. **(Gambar 20.46)**
KK Rompin, Pahang	Dewan	• Tembok tiang yang dibina tidak ditutup di ruang atas. **(Gambar 20.47 dan 20.48)**

GAMBAR 20.38




GAMBAR 20.39




Tandas Perempuan Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Lampu Dipasang Terlalu Dekat Dengan Beam Menyebabkan Kurang Pencahayaan Di Dalam Tandas
(28.11.2012)

GAMBAR 20.40



GAMBAR 20.41



Asrama Perempuan Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Kipas Yang Dipasang Terlalu Rapat Dengan Beam Hanya Dengan Jarak 4cm
Di Dalam Bilik Lounge Asrama Perempuan
(28.11.2012)

GAMBAR 20.42



Dewan Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan
- Kipas Penyedut Udara (Exhaust Fan) Dipasang Terus Ke Pemegang Cermin Tingkap Menyebabkan Ianya Tidak Berfungsi Dengan Sempurna Serta Menghasilkan Gegaran Dan Bunyi Bising
(11.12.2012)

GAMBAR 20.43



Asrama Perempuan
Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan
- Paip Pancuran Tidak Dipasang Kerana Dilindungi Paip Air Buangan Dari Tingkat Atas
(12.12.2012)


GAMBAR 20.44



GAMBAR 20.45



Asrama Kolej Komuniti Segamat 2, Johor
- Kipas Siling Telah Digantikan Dengan Kipas Auto Kerana Berisiko Mencederakan Pelajar
(07.11.2012)



GAMBAR 20.46

Kolej Komuniti Segamat 2, Johor
- Pagar Dibina Tidak Mengelilingi Kolej Menyebabkan Pelajar Boleh Keluar Masuk Tanpa Pengawasan Dan Meningkatkan Risiko Ancaman Luar
(07.11.2012)

GAMBAR 20.47



GAMBAR 20.48



Dewan Kolej Komuniti Rompin, Pahang
- Tembok Tiang Yang Dibina Tidak Ditutup Di Ruang Atas
(17.10.2012)

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan 31 Mei 2013

Bagi KK Gerik, kontraktor dan perunding mengambil maklum dan sedang mengatasi masalah lampu dipasang terlalu dekat dengan beam. Skop kontrak bagi Sistem Pendawaian Telefon meliputi sistem pendawaian dalaman dan tidak termasuk sambungan luar. Bagi KK Segamat 2, reka bentuk asal berdasarkan 2 orang sebilik dengan mengambil kira kegunaan ruang bagi katil satu tingkat. Pihak Kolej merancang untuk meningkatkan pengambilan pelajar dan membuat perolehan katil 2 tingkat bagi menyesuaikan kapasiti pelajar yang bertambah. Kipas siling telah diganti dengan kipas auto atas faktor keselamatan. Manakala pembinaan pagar tidak termasuk dalam skop asal projek kerana kekurangan peruntukan. Bagi KK Rompin, tembok tiang tidak ditutup adalah berdasarkan lukisan/reka bentuk perunding.

20.5.4.3. Kerja Tidak Mengikut Skop/Spesifikasi Kerja

a. Skop dan spesifikasi kerja yang ditetapkan dalam kontrak pada asasnya adalah muktamad. Ini adalah kerana sebelum menyediakan suatu skop kerja, semua perkara yang berkaitan perlu diambil kira dan seterusnya bagi mendapatkan anggaran kos pembinaan yang tepat. Bagaimanapun, jika sesuatu kerja perlu diubah berbanding skop kerja yang telah disediakan, kelulusan perlu diperolehi daripada Pegawai Penguasa berkenaan dan pengiraan semula kos kerja dibuat supaya tiada pihak yang mengalami kerugian termasuk Kerajaan.

b. Semakan Audit mendapati 5 kerja naik taraf yang dilaksanakan di 3 Kolej Komuniti yang dilawati tidak mengikut skop/spesifikasi kerja. Kerja naik taraf yang tidak mengikut skop/spesifikasi kerja adalah seperti berikut:

   i. berdasarkan kontrak, jubin perlu dipasang di setiap bilik warden asrama. Bagaimanapun pemeriksaan fizikal Audit mendapati jubin tidak dipasang di semua 6 bilik warden di asrama KK Gerik **(Gambar 20.49)**;

   ii. mengikut lukisan asal, paip air sepatutnya dipasang di rumah sampah asrama KK Gerik tetapi tiada paip dipasang serta tangki HDPE tidak dibekal dan tidak dipasang **(Gambar 20.51)**; dan

   iii. pemasangan siling di KK Rompin dan KK Jelebu tidak mengikut spesifikasi pemasangan yang ditetapkan seperti di dalam kontrak menyebabkan siling melendut dan berisiko untuk runtuh **(Gambar 20.52 hingga 20.55)**.

SEBELUM

GAMBAR 20.49




Asrama Lelaki Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Jubin Tidak Dipasang Di Bilik Warden
(28.11.2012)

SELEPAS

GAMBAR 20.50




Asrama Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Jubin Telah Dipasang Di Semua Bilik Warden
(Sumber: Kolej Komuniti Gerik)



GAMBAR 20.51

Asrama Kolej Komuniti Gerik, Perak
- Paip Air Tidak Dan Tangki HDPE Tidak Dibekal
Dan Tidak Dipasang
(28.12.2012)

GAMBAR 20.52



GAMBAR 20.53



Dewan Kolej Komuniti Rompin, Pahang
- Siling Melendut Disebabkan Tidak Mengikut Spesifikasi Pemasangan Yang Ditetapkan
(17.10.2012)

GAMBAR 20.54



GAMBAR 20.55



Dewan Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan
- Siling Melendut Disebabkan Tidak Mengikut Spesifikasi Pemasangan Yang Ditetapkan
(12.12.2012)

Maklum Balas Kementerian Pengajian Tinggi Yang Diterima Pada 19 April 2013 Dan 31 Mei 2013

Bagi KK Gerik, jubin telah dipasang oleh kontraktor pada 10 Mei 2013 (Gambar 20.50). Manakala untuk rumah sampah, berdasarkan lukisan pembinaan yang dikemukakan menunjukkan beberapa item M&E dikeluarkan dari kontrak, saiz dan lokasi rumah sampah diubah menjadi lebih kecil. Pemasangan standing pipe sedang dalam tindakan kontraktor. Bagi KK Rompin, tindakan pembaikan siling melendut telah diambil. Manakala bagi KK Jelebu, perkara berkenaan siling telah diambil maklum dan kerja pembaikan dalam tindakan kontraktor dan perunding.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti dan segala kecacatan diperbaiki dengan segera supaya kemudahan disediakan dapat dimanfaatkan secara optimum. Pandangan dan perakuan Bahagian Pembangunan di Kolej Komuniti perlu diambil kira bagi membantu memastikan kerja yang dilaksanakan lebih berkualiti.

20.5.5. Pemantauan Terhadap Kerja Menaik Taraf Kolej Komuniti

Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Bahagian Pembangunan adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek menaik taraf Kolej Komuniti secara keseluruhan. Manakala perunding telah diberi kuasa sebagai wakil SO di tapak. Berdasarkan surat pelantikan tugas perunding adalah untuk memberi khidmat perunding dalam bidang Arkitek. Skop perkhidmatan meliputi reka bentuk terperinci; dokumentasi tender dan penilaian; pengurusan kontrak; dan penyeliaan kerja pembinaan sehingga projek siap. Perunding juga bertanggungjawab mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan sebelum Bahagian Pembangunan meluluskan bayaran kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya pemantauan kerja menaik taraf Kolej Komuniti adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan antaranya isu yang timbul dari segi pentadbiran kontrak, kualiti kerja yang tidak berkualiti dan Arahan Perubahan Kerja diluluskan selepas kontrak tamat. Perunding juga telah gagal untuk memastikan kontraktor menyediakan laporan pembaikan kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan terdapat juga kerja yang perlu dibaiki oleh kontraktor tetapi tiada tindakan.

Pada pendapat Audit, Kementerian dan perunding telah menyediakan mekanisme pemantauan terhadap projek menaik taraf. Bagaimanapun tahap pemantauan adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kerosakan dan kecacatan yang tidak diperbaiki/diambil tindakan sebelum penyerahan projek menaik taraf.

20.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

20.6.1. Kementerian perlu tegas dan mengambil tindakan segera terutama terhadap sebarang permasalahan yang wujud dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan projek. Ini bertujuan memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar dan objektifnya dapat direalisasikan mengikut perancangan;

20.6.2. Kementerian hendaklah memastikan pentadbiran kontrak diuruskan dengan teratur demi menjaga kepentingan Kerajaan antaranya kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan; Sijil Perakuan Siap Kerja diluluskan dalam tempoh yang sepatutnya; dan Arahan Perubahan Kerja diluluskan dalam tempoh kontrak;

20.6.3. Kementerian hendaklah memastikan peraturan perolehan yang berkuat kuasa dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Sehubungan itu, Kementerian perlu melaksanakan kajian pasaran dan merasional/melaras semula harga setiap item dalam kontrak supaya harga adalah munasabah, berpatutan dan mendapat *best value for money* bagi penambahbaikan pentadbiran kontrak pada masa hadapan;

20.6.4. Kementerian dan juga perunding yang telah dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa hendaklah memantau dan menyelia kemajuan kerja kontraktor dan memastikan kerja yang dilakukan oleh kontraktor sesuai/lengkap, mengikut spesifikasi dan berkualiti. Kerja yang tidak mematuhi spesifikasi, tidak sesuai dan tidak berkualiti perlu diambil tindakan pembaikan dengan segera; dan

20.6.5. Kementerian dan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti hendaklah memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini diambil perhatian dalam perancangan dan pelaksanaan projek yang akan datang.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 238-248 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN PERTAHANAN

21. PROJEK PEMBINAAN KOLEJ TENTERA DARAT ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Kontrak pembinaan Kolej Tentera Darat (KTD) telah ditawarkan kepada Syarikat Sri Tinggi Sdn. Bhd. (STSB) secara rundingan terus melalui kaedah konvensional. Tempoh kontrak bermula dari 16 Jun 2008 hingga 15 Jun 2011 (36 bulan) dengan keluasan lantai yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) 62,859 meter persegi. Mesyuarat Rundingan Harga Kementerian Pertahanan memutuskan kos projek KTD adalah berjumlah RM175.30 juta dan kelulusan Kementerian Kewangan telah diperolehi pada bulan Mei 2008. Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani pada bulan Jun 2008. Bagaimanapun kontrak hanya ditandatangani pada bulan April 2009. Komponen projek pembinaan KTD antaranya meliputi Kompleks Pentadbiran; Bangunan Akademik; Auditorium; Dewan Serbaguna; Kompleks Sukan; Wisma Perwira; Wisma Bintara; Dewan Makan; Rumah Masak dan Kafetaria. Pemandangan KTD dari udara adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 21.1



GAMBAR 21.2



Pemandangan KTD, Port Dickson Negeri Sembilan

21.1.2. Penubuhan KTD adalah bertujuan untuk melatih Pegawai Kadet sebelum ditauliahkan sebagai Pegawai Muda untuk diserapkan ke pelbagai Kor Tentera Darat. KTD mula beroperasi pada 4 Januari 2012 dan sehingga bulan Disember 2012 sebanyak 12 siri kursus Pegawai Kadet dan 12 siri kursus Pegawai Graduan telah diadakan yang masing-masing melibatkan seramai 1,584 pelatih dan 645 pegawai.

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan Kolej Tentera Darat telah dirancang dengan teliti, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif pembinaannya.

21.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan KTD. Pengauditan telah dijalankan di Markas Tentera Darat, Cawangan Perancangan Dan Pembangunan; Unit Projek Darat dan Unit Pengurusan Kewangan di Bahagian Pembangunan; Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) serta KTD.

21.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 berkaitan projek pembinaan KTD. Perbincangan dengan pegawai berkenaan serta Pegawai Kadet yang mengikuti latihan di KTD telah diadakan untuk mendapat maklumat lanjut. Di samping itu, borang soal selidik diedarkan kepada kakitangan KTD dan Pegawai Kadet yang sedang mengikuti latihan untuk mendapat maklum balas berkaitan kemudahan KTD. Pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan terhadap komponen pembinaan KTD.

21.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2012 mendapati pembinaan projek KTD adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan yang menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* atas perbelanjaannya. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. kos semasa projek selepas kelulusan 3 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) adalah berjumlah RM190.90 juta iaitu berlaku peningkatan sejumlah RM15.60 juta (8.2%) berbanding dengan kos kontrak asal berjumlah RM175.30 juta;

ii. kerja tambahan di luar skop kontrak tanpa kelulusan Agensi Pelaksana (BPKP) dan Perunding Projek yang dituntut oleh STSB berjumlah RM7.29 juta iaitu bagi pembekalan *loose furniture* dan kerja pemasangan *ICT* meliputi *infrastructure and networking system* yang dibuat secara *deferred payment;*

iii. kualiti kemasan pembinaan yang kurang memuaskan dan reka bentuk yang kurang sesuai menimbulkan kesulitan kepada pengguna; dan

iv. lukisan *as built drawing* bagi keseluruhan projek ini lewat dikemukakan kepada Kementerian oleh STSB walaupun Perakuan Siap Kerja [Certificate of Practical Completion (CPC)] telah dikeluarkan pada 14 November 2011.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan serta ulasan Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian) adalah seperti di perenggan berikut:

21.5.1. Prestasi Projek Pembinaan

21.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Mengikut kontrak, projek KTD perlu disiapkan dalam tempoh 36 bulan iaitu dari 16 Jun 2008 hingga 15 Jun 2011 dengan kos berjumlah RM175.30 juta. Projek pembinaan KTD ini meliputi Kompleks Pentadbiran, Bangunan Akademik, Auditorium, Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan, Wisma Perwira, Wisma Bintara, Dewan Makan, Rumah Masak, Kafeteria dan lain-lain lagi. Semakan Audit mendapati 2 EOT meliputi 150 hari dan CPC dikeluarkan pada 14 November 2011. Pemeriksaan Pra-Ambil Alih diadakan mulai 14 November sehingga 18 November 2011 serta laporan senarai kecacatan kerja bangunan, infrastruktur, elektrik dan mekanikal telah dikeluarkan pada 16 Disember 2011 dengan jumlah kecacatan sebanyak 1,460 kes. Lembaga Ambil Alih telah bersidang pada 30 November 2011 dan Sijil Penyerahan/Ambil Alih projek pembinaan KTD telah dikeluarkan secara rasmi pada 29 Disember 2011. Pihak KTD tidak dapat mengesahkan bahawa semua kecacatan tersebut telah diambil tindakan pembaikan. Tempoh Membaiki Kecacatan [Defect Liability Period (DLP)] telah ditetapkan selama 18 bulan iaitu sehingga 14 Mei 2013. KTD mula beroperasi pada bulan Januari 2012. Semasa lawatan Audit pada bulan November 2012, didapati pihak kontraktor ada membaiki beberapa kes kecacatan yang disenaraikan tetapi rekodnya tidak dikemas kini.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013

Tempoh tanggungan kecacatan telah berakhir pada 14 Mei 2013 dan pihak BPKP telah mengeluarkan senarai akhir kecacatan projek kepada kontraktor pada 27 Mei 2013. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyelesaikan pembaikan kecacatan dalam masa 3 bulan.

Pada pendapat Audit, pemantauan rapi perlu dijalankan oleh pihak Kementerian bagi memastikan pihak kontraktor mengambil tindakan terhadap senarai akhir kecacatan projek yang dikeluarkan oleh BPKP. Rekod berkaitan hendaklah dikemas kini supaya tindakan sewajarnya boleh diambil sekiranya pembaikan tidak disempurnakan dan mengakibatkan kos tambahan kepada Kerajaan.

21.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

a. Pada tahun 2003 Kementerian Kewangan telah membatalkan projek ini kerana kekurangan siling di bawah RMKe-8, bagaimanapun telah diluluskan semula dalam RMKe-9 menerusi peruntukan *Private Financing Initiative*

(PFI) dengan siling peruntukan sejumlah RM150 juta. Pada bulan Julai 2007, Kementerian telah mendapat kelulusan kos projek berjumlah RM139.50 juta daripada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos (JKPK), UPE. Mesyuarat Rundingan Harga Kementerian dan Kementerian Kewangan telah meluluskan kos projek KTD berjumlah RM175.30 juta.

b. Sebanyak 3 Pelarasan Harga Kerja (PHK) berjumlah RM15.60 juta telah diluluskan dan mengikut rekod Unit Pengurusan Kewangan di Bahagian Pembangunan, kos projek KTD sehingga bulan Disember 2012 berjumlah RM190.90 juta.

c. Semakan Audit terhadap rekod bayaran interim mendapati perbelanjaan projek KTD sehingga bulan Disember 2012 berjumlah RM175.79 juta yang dibayar melalui 36 bayaran interim. Berdasarkan maklum balas daripada Unit Pengurusan Kewangan di Bahagian Pembangunan, baki peruntukan bagi projek KTD seperti pada 21 Januari 2013 hanya berjumlah **RM83.94 sahaja**.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 11 November 2011 telah bersetuju meluluskan tambahan siling PFI sejumlah RM43 juta menjadikan siling baru berjumlah RM193 juta bagi membiayai projek KTD. Kelulusan ini adalah disebabkan baki siling projek ini tidak mencukupi untuk menampung pembayaran projek KTD. Sehingga 20 Mei 2013, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM192.99 juta daripada peruntukan yang diterima. Baki peruntukan bagi projek KTD sehingga bulan Mei 2013 hanya berjumlah RM83.94 sahaja.

Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya menguruskan peruntukan bagi projek PFI dengan mengawal kos bagi setiap projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

21.5.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek - Kepuasan Pengguna

a. Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 50 borang soal selidik melibatkan pihak KTD yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran bertujuan untuk mendapatkan ulasan pengguna terhadap aspek ruang, kemasan serta tahap operasi/fungsi kesemua 22 komponen pembinaan KTD. Sebanyak 50 borang soal selidik lagi melibatkan Pegawai Kadet pula bertujuan untuk mendapatkan ulasan mereka terhadap kemudahan asrama, dewan makan, kelas dan alat bantu mengajar serta kemudahan latihan fizikal yang disediakan.

b. Berdasarkan 50 borang soal selidik yang telah dikembalikan oleh setiap kakitangan pentadbiran dan Pegawai Kadet mendapati perkara seperti berikut:

i. Sebanyak 14% kakitangan pentadbiran berpendapat aspek ruang, kemasan dan operasi/fungsi adalah baik dan 86% adalah memuaskan; dan

ii. Sebanyak 76% Pegawai Kadet berpendapat kemudahan asrama adalah baik dan 24% pada tahap memuaskan. Manakala 26% berpendapat tahap kemudahan KTD meliputi dewan makan, kelas dan alat bantuan mengajar serta kemudahan latihan fizikal yang disediakan adalah baik dan 54% pada tahap memuaskan. Manakala hanya 20% tidak berpuas hati terhadap tahap kemudahan KTD. Ini disebabkan oleh masalah gangguan bekalan air, penghawa dingin yang sentiasa rosak serta keadaan dewan makan yang kotor dan gangguan lalat.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013

Masalah gangguan bekalan air adalah berpunca daripada tekanan air daripada paip utama Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) yang rendah. Selain itu, tekanan air yang rendah juga disebabkan pembangunan di sepanjang jalan utama yang turut mendapatkan bekalan air dari punca yang sama. Pihak SAINS perlu melaksanakan kerja peningkatan bekalan air di kawasan tersebut agar masalah gangguan bekalan air dapat diselesaikan.

Pada pendapat Audit, berdasarkan ulasan responden, kemudahan KTD perlu ditambah baik dengan membaiki segera kerosakan, menjalankan penyenggaraan berkala serta memastikan dewan makan sentiasa bersih.

21.5.2. Pengurusan Pembinaan

21.5.2.1. Rundingan Harga

Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan bahawa rundingan harga perolehan yang diluluskan secara rundingan terus perlu dilaksanakan melalui satu Jawatankuasa Rundingan Harga. Kementerian telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga pada bulan Mac 2008 bagi membincangkan cadangan harga yang dikemukakan oleh STSB berjumlah RM238.81 juta dan penilaian yang dibuat oleh Jurukur Bahan, Jabatanarah Perumahan Dan Pembinaan berjumlah RM173.78 juta. Mesyuarat memutuskan kos projek tersebut berjumlah RM175.30 juta dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Pada bulan Mei 2008, Kementerian Kewangan telah meluluskan kos projek berjumlah RM175.30 juta.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013

Kementerian bersetuju bahawa kos projek asal berjumlah RM175.30 juta adalah melebihi siling peruntukan PFI yang diluluskan dalam RMKe-9 oleh UPE berjumlah RM150 juta. Satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman Kementerian telah ditubuhkan pada 4 Mei 2011 dan laporan hasil siasatan jawatankuasa ini telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Antara faktor berlakunya perbelanjaan projek melebihi peruntukan adalah disebabkan tiadanya garis panduan yang dikeluarkan bagi menjelaskan kaedah PFI. Berdasarkan amalan ketika itu, tambahan siling boleh dimohon melalui Kajian Separuh Penggal atau Rancangan Malaysia yang berikutnya sekiranya disambung. Ketiadaan garis panduan yang jelas menyebabkan kekeliruan di pihak pelaksana. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 11 November 2011 telah bersetuju meluluskan tambahan siling PFI sejumlah RM43 juta menjadikan siling baru berjumlah RM193 juta bagi membiayai projek KTD.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu merancang keperluan kewangan dengan teliti terutama penentuan kos projek berbanding dengan peruntukan yang telah diluluskan supaya tidak menimbulkan masalah semasa dalam proses pelaksanaannya.

21.5.2.2. Perjanjian Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah ditandatangani pada 4 Jun 2008. Bagaimanapun dokumen kontrak diterima di Bahagian Pembangunan pada 16 Februari 2009 dan dokumen tersebut hanya ditandatangani pada 2 April 2009 iaitu lewat 6 bulan selepas tamat tempoh SST. Kelewatan menandatangani kontrak menyebabkan bayaran interim ke-3 dan ke-4 tertangguh selama 103 hari.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013

Kelewatan menandatangani dokumen kontrak berpunca daripada pihak kontraktor kerana pada ketika surat tawaran dikeluarkan, berlaku kenaikan harga bahan binaan yang mendadak dan indeks kenaikan harga bahan ketika itu tidak dapat menampung kos bahan binaan sebenar. Justeru kontraktor menunggu pekeliling baru iaitu SPP Bil. 3 Tahun 2008 bertarikh 6 Ogos 2008 dikeluarkan berkaitan dengan 'variation of price' bagi memastikan pihaknya tidak mengalami kerugian.

Pada pendapat Audit, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam masa yang ditetapkan bagi memastikan suatu kontrak formal diwujudkan dan syarat kontrak dapat dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan serta pelaksanaan projek berjalan dengan lancar.

21.5.2.3. Kerja Tambahan Di Luar Skop Kontrak

Pembekalan *loose furniture* dan kerja ICT meliputi *infrastructure and networking system* telah dilaksanakan sebagai kerja tambahan di luar skop kontrak. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Pada tahap kemajuan kerja projek KTD mencapai 60%, pihak Markas Latihan Tentera Darat (MK Latihan TD) telah mengemukakan keperluan kerja-kerja ICT dan pembekalan *loose furniture* kepada Markas Tentera Darat (MK TD) dengan anggaran keperluan kewangan asal seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.1
ANGGARAN KEPERLUAN KEWANGAN BAGI KERJA ICT DAN PEMBEKALAN *LOOSE FURNITURE* PROJEK KTD

PERIHAL KEPERLUAN	AMAUN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Perkakasan *ICT*	2.37	
Perkakasan *Switching* Bangunan	2.11	
Perkakasan *IP Video Surveillance*	0.47	
Perisian *Campus Management System*	1.29	
Infrastruktur Bilik *Server*	0.43	
Jumlah Kerja *ICT*		**6.67**
Jumlah Pembekalan *Loose Furniture*		**5.78**
JUMLAH KESELURUHAN		**12.45**

Sumber : Markas Latihan Tentera Darat

b. Semakan selanjutnya mendapati permohonan ini tidak diluluskan oleh MK TD berikutan peruntukan sedia ada untuk projek pembinaan KTD tidak mencukupi. Bagaimanapun MK Latihan TD meneruskan rundingan dengan STSB bagi membolehkan keperluan ini disediakan. STSB telah mengemukakan permohonan kepada Menteri Pertahanan dan menyatakan tiada halangan sekiranya menguntungkan Kerajaan. Seterusnya Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) juga menyatakan tiada halangan tertakluk kepada peruntukan kewangan serta tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.

c. STSB diarah untuk berhubung dengan MK TD serta BPKP. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan pihak STSB ada berhubung dengan Markas TD dan BPKP. Merujuk kepada minit Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Kementerian kepada KSU bertarikh 13 Disember 2011 menjelaskan bahawa Kementerian secara prinsipnya tiada halangan dengan cadangan pihak STSB untuk melaksanakan kerja pembekalan *loose*

furniture dan kerja-kerja ICT secara *deffered payment* memandangkan keperluan item berkenaan di KTD. Bagaimanapun, pihak Kementerian tidak mengemukakan sebarang peraturan yang membenarkan pelaksanaan kerja secara *deffered payment* dilaksanakan.

d. Pada bulan Jun 2012, Bahagian Pembangunan telah memohon kelulusan khas serta peruntukan tambahan berjumlah RM7.52 juta daripada Kementerian Kewangan bagi kerja yang selesai dilaksanakan oleh STSB merangkumi pemasangan ICT dan pembekalan *loose furniture*. Pada bulan Ogos 2012, Kementerian Kewangan telah mempertimbangkan permohonan Kementerian dan mendapati skop tambahan tersebut tidak teratur kerana tidak mendapat kelulusannya terlebih dahulu. Kementerian sepatutnya menolak pelaksanaan kerja tersebut di peringkat awal memandangkan tiada peruntukan disediakan untuk membiayai skop kerja tambahan tersebut.

e. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan bersetuju meluluskan permohonan Kementerian untuk melantik STSB bagi pembekalan *loose furniture* dan pemasangan ICT bagi projek ini berikutan kerja telah pun dilaksanakan oleh syarikat tersebut dan Kementerian telah pun mengambil alih dan memulakan operasi KTD. Tiada bukti surat pelantikan bagi tujuan pembekalan *loose furniture* dan pemasangan ICT tersebut dikeluarkan oleh Kementerian. Sehingga bulan Disember 2012, kerja pemasangan ICT telah selesai dilaksanakan dan disahkan oleh MK Latihan TD. STSB telah membuat tuntutan terhadap kerja yang dilaksanakan seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.2
KOS YANG DITUNTUT OLEH KONTRAKTOR BAGI KERJA-KERJA ICT

PERIHAL	KOS (RM Juta)
Total For ICT Patch Panel	0.67
Total for ICT Fibre Panel	0.19
Total Additional Fiber Optic Cable for Army Net and Internet Connection	0.46
Total For Network Switching Infrastructure	2.11
Total for Server Room Infrastructure	0.43
Preliminaries & Design Elements	0.92
JUMLAH DITUNTUT OLEH STSB	**4.78**

Sumber: BPKP

f. Kementerian Kewangan telah mengarahkan Kementerian Pertahanan menyemak semula harga pembekalan *loose furniture* berikutan hanya 44 daripada 75 item, boleh diterima pakai. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Harga yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan untuk membuat rundingan harga bagi *loose furniture* yang dibekalkan oleh STSB. Semasa lawatan Audit, sebahagian *loose furniture* yang dibekalkan oleh STSB telah ditempatkan di KTD sebelum diserahkan kepada pihak KTD dan selebihnya ditempatkan di Kuarter Master tanpa penerimaan rasmi. Kuantiti sebenar pembekalan

perabot tersebut tidak dapat disahkan kerana tiada rekod berkaitannya. Pihak Audit mendapati Kementerian telah mengarahkan STSB supaya mengeluarkan sebahagian perabot tersebut tetapi tidak dipatuhi menyebabkan Kuarter Master dipenuhi dengan perabot termasuk perabot yang rosak. Pihak KTD tidak dapat menggunakan perabot tersebut kerana status perabot masih belum dimuktamadkan. Butiran lanjut seperti di jadual dan di **Gambar 21.3** hingga **21.6** berikut:

JADUAL 21.3
KOS PEMBEKALAN *LOOSE FURNITURE*

LOKASI PENEMPATAN *LOOSE FURNITURE*	KOS ASAL *LOOSE FURNITURE* (RM Juta)	KOS *LOOSE FURNITURE* YANG DITOLAK OLEH KEMENTERIAN (RM Juta)	BAKI KOS *LOOSE FURNITURE* YANG DITERIMA (RM Juta)
Bilik Diraja Wisma Perwira	0.09	0.09	-
Bilik *VVIP* Wisma Perwira	0.28	-	0.28
Bilik *Lounge* Wisma Perwira	0.05	0.01	0.04
Blok Penginapan, Pejabat dan Lain-Lain	4.40	2.21	2.19
JUMLAH	**4.82**	**2.31**	**2.51**

Sumber : Senarai Loose Furniture Oleh STSB Kepada Cawangan Perancangan Dan Pembangunan Markas TD

GAMBAR 21.3



Kuarter Master
- Side Table Yang Dibekalkan Tanpa Penerimaan Rasmi Oleh Pihak KTD
(23.11.2012)

GAMBAR 21.4



Kuarter Master
- Kerusi Yang Dibekalkan Tanpa Penerimaan Rasmi Oleh Pihak KTD
(23.11.2012)

GAMBAR 21.5



Kuarter Master
- Kerusi Dan Sofa Yang Dibekalkan Tanpa Penerimaan Rasmi Oleh Pihak KTD
(23.11.2012)

GAMBAR 21.6



Rumah VVIP
- Set Bilik Tidur Yang Telah Diterima Oleh Pihak KTD Dan Ditempatkan Di Bilik VVIP
(23.11.2012)

g. Kementerian Kewangan telah mengarahkan Kementerian Pertahanan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat pelaksanaan skop kerja tambahan yang tidak teratur dan tidak mendapat kelulusannya.

Kementerian juga hendaklah mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dan mengenakan tindakan sewajarnya. Selain itu, Kementerian Kewangan menyatakan bahawa pembiayaan skop kerja tambahan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada. Semakan Audit mendapati tiada bukti Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan dan sehingga bulan Disember 2012, Kementerian masih belum membayar kos skop kerja tambahan tersebut yang berjumlah RM2.51 juta.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013

Pada 10 Ogos 2012, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan kelulusan khas Kementerian bagi pembekalan loose furniture dan pemasangan ICT Infrastructure & Networking System. Pada 2 November 2012, Bahagian Pembangunan telah membuat permohonan bagi kelulusan rundingan harga pembekalan loose furniture berjumlah RM0.84 juta daripada Kementerian Kewangan. Selepas kelulusan Kementerian Kewangan diperolehi pada 28 November 2012 pembayaran berjumlah RM0.84 juta telah dibuat kepada STSB menggunakan peruntukan belanja mengurus MK TD pada 9 Januari 2013. Manakala permohonan kelulusan rundingan harga pemasangan ICT berjumlah RM3.18 juta telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 21 Disember 2012 dan kelulusan diperolehi pada 29 Januari 2013. Bahagian Pembangunan melalui memo bertarikh 4 Mac 2013 telah memajukan permohonan peruntukan tambahan kepada Bahagian Kewangan, Kementerian bagi menampung kos pemasangan ICT tersebut namun sehingga kini tiada maklum balas diterima mengenainya.

Pada pendapat Audit, selaras dengan arahan Kementerian Kewangan satu Jawatankuasa Siasatan perlu ditubuhkan dan laporan hasil siasatan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Manakala tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pihak yang tidak mematuhi peraturan kewangan.

21.5.3. Pengurusan Pentadbiran Kontrak

21.5.3.1. Syarat Kontrak Tidak Menjamin Kepentingan Kerajaan

Berdasarkan *Bill Of Quantities* (BQ) di dalam dokumen kontrak, sejumlah RM2.40 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembekalan dan pemasangan penghawa dingin di 22 komponen pembinaan KTD. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap senarai terperinci penyediaan dan pemasangan penghawa dingin mendapati hanya Kompleks Pentadbiran dan Auditorium sahaja telah disenaraikan untuk disenggara dalam DLP. Semasa lawatan fizikal Audit,

keadaan penghawa dingin yang baru dibekalkan kelihatan lama dan pemasangannya juga didapati kurang sempurna serta tidak sesuai. Butirannya adalah seperti di **Gambar 21.7** hingga **21.9** berikut:

GAMBAR 21.7




Wisma Perwira
- Penghawa Dingin Di Bilik Penyelia Kelihatan Lama
(23.11.2012)

GAMBAR 21.8



Balai Pengawal
- Penghawa Dingin Kelihatan Lama Dan Telah Rosak
(23.11.2012)



GAMBAR 21.9

Kompleks Pentadbiran
- Tiada Pelapik Getah Dipasang Pada Pemasangan Condensing Unit
(23.11.2012)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013

Skop kerja senggaraan penghawa dingin untuk kebanyakan bangunan tidak termaktub di dalam kontrak disebabkan Perunding Mekanikal dan Elektrik telah terlepas pandang dengan elemen berkenaan semasa penyediaan dokumen kontrak. Kecacatan dan kerosakan yang dibangkitkan oleh pihak Audit telah diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menjaga kepentingan Kerajaan dengan memastikan kerja penyenggaraan bagi semua penghawa dingin dimasukkan di dalam klausa kontrak.

21.5.3.2. Arahan Perubahan Kerja

Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan sekiranya terdapat sebarang perubahan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti. Projek pembinaan KTD melibatkan 24 APK dengan peningkatan kos berjumlah RM8.53 juta. Berdasarkan semakan Audit terhadap rekod kelulusan APK mendapati sehingga bulan Disember 2012 hanya 3 APK telah diluluskan dengan kos berjumlah RM1.19 juta. Manakala baki 21 APK masih

dalam semakan pihak Kementerian dan belum diluluskan walaupun kerja telah selesai dilaksanakan oleh STSB.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013

Berdasarkan semakan semula dan pecahan perincian 24 APK yang dilaporkan sebelum ini, bilangan APK sebenar ialah sebanyak 65 APK melibatkan kos sejumlah RM8.53 juta. Pihak kontraktor telah mengemukakan tuntutan terperinci item tersebut selepas kontrak siap bersekali dengan pengukuran semula kuantiti sementara. Kelewatan meluluskan APK disebabkan majoriti item dikenal pasti di peringkat akhir tempoh kontrak dan pengiraan terperinci tuntutan telah dibuat oleh kontraktor selepas kontrak siap. Pihak Perunding memerlukan masa untuk menyemak kuantiti dan kadar harga yang dituntut berdasarkan lukisan dan lain-lain dokumen berkaitan. Kesemua APK telah dibentangkan kepada Jawatankuasa APK, BPKP pada 29 April 2013 dan 20 Mei 2013.

Pada pendapat Audit, APK perlu diperakukan dengan segera bagi memuktamadkan kos sebenar projek KTD selaras dengan Arahan Perbendaharaan 202 dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 30 November 2011.

21.5.3.3. Bayaran Kemajuan Kerja Kontrak - Pengesahan Dan Tempoh Masa Bayaran

Arahan Perbendaharaan 103(a) menghendaki Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat memastikan semua tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh perakuan bayaran yang lengkap dan sempurna diperakukan. Semakan Audit terhadap 36 baucar bayaran interim mendapati 8 pembayaran telah dilakukan melebihi 14 hari iaitu 30 hingga 109 hari dari tarikh diperakukan dengan sempurna dalam Perakuan Bayaran [JKR 66(Pin. 3/1999)]. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.4
KELEWATAN BAYARAN INTERIM KEPADA KONTRAKTOR

BAYARAN INTERIM PEMBINAAN KOLEJ TENTERA DARAT (KTD)						
BAYARAN INTERIM NO.	TARIKH PENILAIAN (a)	TARIKH PERAKUAN BAYARAN [JKR 66(PIN. 3/1999)] (b)	NO. BAUCAR/ TARIKH (c)	AMAUN (RM Juta) (d)	TEMPOH MASA BAYARAN (Hari) (e) = (c) - (b)	KELEWATAN (Hari) (e) - 14 HARI
3	17.11.2008	05.12.2008	M5107 / 07.04.2009	1.32	123	109
4	18.12.2008	24.12.2008	M5108 / 07.04.2009	0.62	104	90
5	16.01.2009	23.01.2009	M5109 / 07.04.2009	2.04	74	60
9	19.05.2009	04.08.2009	M5196 / 23.06.2009	3.31	80	66

BAYARAN INTERIM PEMBINAAN KOLEJ TENTERA DARAT (KTD)						
BAYARAN INTERIM NO.	TARIKH PENILAIAN (a)	TARIKH PERAKUAN BAYARAN [JKR 66(PIN. 3/1999)] (b)	NO. BAUCAR/ TARIKH (c)	AMAUN (RM Juta) (d)	TEMPOH MASA BAYARAN (Hari) (e) = (c) - (b)	KELEWATAN (Hari) (e) - 14 HARI
17	22.02.2010	09.03.2010	B1751 / 30.04.2010	4.57	52	38
18	23.03.2010	29.03.2010	B1947 / 17.05.2010	4.22	47	33
26	30.11.2010	15.12.2010	B0081 / 28.01.2011	4.62	44	30
33	12.08.2011	07.09.2011	B2114 / 08.12.2011	6.08	92	78

Sumber : Unit Pengurusan Kewangan, Bahagian Pembangunan, Kementerian

Semakan Audit berdasarkan memo dari Unit Pengurusan Kewangan, Bahagian Pembangunan kepada BPKP mendapati antara punca kelewatan bayaran adalah disebabkan baki peruntukan projek tidak mencukupi. STSB juga telah memberhentikan sementara kerja di tapak kerana tidak dapat membuat pembayaran kepada sub kontraktor, pembekal dan pekerja kontrak.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013

Kementerian mengambil maklum teguran ini serta pekeliling yang berkaitan dan akan memastikan bayaran interim diproses serta dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh perakuan interim dikeluarkan menurut peruntukan kontrak.

Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya memastikan pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari selaras dengan AP 103(a).

21.5.3.4. Bayaran Kos Pasukan Perunding Projek

a. Pasukan perunding telah dilantik semasa cadangan asal pelaksanaan projek pembinaan KTD dan peruntukannya diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah RMKe-8. Pada bulan Mei 2002, Kementerian telah melantik pasukan perunding yang diketuai oleh Arkitek (Arcadia Architect Sdn. Bhd.), Jurutera Awam dan Struktur (Uniti Consultants Sdn. Bhd.), Jurutera Mekanikal dan Elektrikal (Jurutera Sinarunding Aidil Sdn. Bhd.) serta Juruukur Bahan (HAH Associates) dengan kelulusan Kementerian Kewangan.

b. Berdasarkan Laporan Pembayaran Kos Perunding dari Unit Pengurusan Kewangan Bahagian Pembangunan, sejumlah RM7.94 juta (54.2%) daripada kos keseluruhan RM14.64 juta telah dibayar. Bakinya masih belum dibayar kerana perunding belum mengemukakan dokumen tuntutan yang lengkap.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013

Sehingga bulan Disember 2012 sejumlah RM7.94 juta telah dibayar daripada jumlah kos RM14.64 juta. Amaun pengawasan tapak sejumlah RM3.12 juta tidak dapat dituntut sebagaimana diperuntukkan berikutan bilangan dan tangga gaji kakitangan tapak yang diluluskan oleh Kementerian adalah kurang daripada kakitangan sebenar di tapak. Selain itu amaun kos imbuhan balik juga hanya boleh dituntut mengikut kos sebenar.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mengehadkan tempoh tuntutan yang boleh dibuat oleh perunding supaya tidak menimbulkan masalah pembayaran sekiranya tuntutan dibuat selepas akaun dimuktamadkan.

21.5.3.5. Lukisan Siap Bina

Lukisan Siap Bina (as built drawing) hendaklah sentiasa dikemas kini semasa projek pembinaan dilaksanakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa (SO) secara berperingkat mengikut proses kerja. Mengikut buku Panduan Pentadbiran Kontrak yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, satu set lukisan siap bina hendaklah diserahkan kepada SO dalam masa satu bulan dari tarikh pengeluaran CPC untuk rekod dan penyenggaraan kerja tersebut. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2012, kontraktor gagal untuk mengemukakan Lukisan Siap Bina yang muktamad menyebabkan Kementerian tidak dapat memastikan sama ada komponen pembinaan KTD menepati lukisan kontrak.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013

Lukisan siap bina dan manual operasi telah pun siap disemak serta dipersetujui oleh BPKP dan seterusnya akan diagihkan.

Pada pendapat Audit, Lukisan Siap Bina perlu dimuktamadkan dan diagihkan dengan segera bagi memudahkan Kementerian untuk merancang kerja penyenggaraan KTD.

21.5.4. Kualiti Pembinaan

Mengikut Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2004, pelaksanaan projek pembangunan antaranya adalah untuk menyediakan kemudahan yang berkualiti tinggi. Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima.

21.5.4.1. Laporan Kerosakan Dan Pembaikan

Klausa 45 syarat kontrak menetapkan DLP bermula 18 bulan dari tarikh siap kerja praktikal yang dinyatakan dalam CPC. Sekiranya berlaku kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau kerosakan, SO hendaklah mengarahkan kontraktor untuk membaiki tanpa melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati laporan kecacatan ada disediakan oleh pihak KTD setiap bulan iaitu mulai bulan Januari 2012 hingga Disember 2012. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.5
PENYATA LAPORAN KEROSAKAN DAN PEMBAIKAN TAHUN 2012

BULAN	ADUAN KEROSAKAN	JUMLAH ADUAN KEROSAKAN TERKUMPUL	PEMBAIKAN	BAKI BELUM DIBAIKI
Januari	8	8	-	8
Februari	40	48	-	48
Mac	4	52	7	45
April	30	82	8	67
Mei	20	102	20	67
Jun	18	120	36	49
Julai	83	203	45	87
Ogos	4	207	40	51
September	4	211	39	16
Oktober	8	219	8	16
November	8	227	-	24
Disember	62	289	-	86
	289	**289**	**203**	**86**

Sumber: Nota Taklimat Kepada Audit Daripada Pihak KTD

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kerja pembaikan terhadap aduan kerosakan tersebut telah diambil tindakan oleh kontraktor memandangkan rekod kerosakan yang diselenggara oleh pihak KTD tidak lengkap dan kemas kini kerana tiada pengesahan sama ada kerja pembaikan telah dibuat dengan sempurna. Semakan Audit terhadap penyata laporan kerosakan sehingga bulan Disember 2012 mendapati, 203 (70.2%) daripada 289 aduan dilaporkan telah dibaiki manakala selebihnya masih belum diambil tindakan. Kebanyakan kes melibatkan kerosakan pada tombol pintu, paip dan penghawa dingin.

21.5.4.2. Kecacatan Dan Kerosakan Pembinaan

Lawatan Audit dari 19 hingga 23 November 2012 ke tapak projek mendapati kerja yang dilaksanakan terhadap beberapa komponen pembinaan KTD adalah kurang sempurna, kurang sesuai, kurang selamat dan tidak menyeluruh. Sehingga ke tarikh lawatan Audit, terdapat kecacatan pembinaan yang masih belum diambil tindakan pembaikan disebabkan tiada rekod lengkap mengenai

kesemua kecacatan pembinaan. Kesannya pihak KTD terpaksa beroperasi dalam keadaan kurang selesa dan telah menjejaskan imej KTD yang diiktiraf sebagai pusat latihan berprestij tinggi Tentera Darat Malaysia. Butiran lanjut adalah seperti perenggan berikut:

a. Kerja Kurang Sempurna

Didapati kerja yang dilaksanakan adalah kurang sempurna dan perlu dibaiki segera seperti di **Gambar 21.10** hingga **21.23** berikut:

GAMBAR 21.10



Wisma Kadet
Dewan Makan Pegawai Kadet
- Kesan Resapan Air Pada Permukaan Siling Luar
(19.11.2012)

GAMBAR 21.11



Wisma Kadet
Dewan Makan Pegawai Kadet
- Keretakan Pada Permukaan Lantai Apron
(19.11.2012)

GAMBAR 21.12



Kompleks Pentadbiran
Aras 1, Teres
- Air Bertakung Dan Tidak Dapat Dialir Keluar.
Teres Outlet Ditutup
(20.11.2012)

GAMBAR 21.13



Kompleks Pentadbiran
Aras 1, Bilik Mesyuarat
- Siling Melendut
(20.11.2012)

GAMBAR 21.14



Kompleks Pentadbiran
Courtyard
- Kesan Lelehan Air Pada Permukaan Dinding
(20.11.2012)

GAMBAR 21.15



Kompleks Pentadbiran
Aras Bawah, Bilik Pam
- Saluran Paip Air Digantung Dengan Hanya Menggunakan Dawai
(20.11.2012)

GAMBAR 21.16



Kompleks Pentadbiran, Aras Bawah, Laluan
- Kesan Resapan Air Pada Permukaan Siling
(20.11.2012)

GAMBAR 21.17



Wisma Perwira, Dewan Makan
- Kesan Lelehan Air Pada Permukaan Lantai
(20.11.2012)

GAMBAR 21.18




Wisma Perwira
Kediaman Pegawai, Kp1-1-9
- Kesan Resapan Air Dan Pertumbuhan Kulat Pada Permukaan Dinding
(20.11.2012)

GAMBAR 21.19




Wisma Bintara
Aras 1, Bilik Wb1-2-7
- Lelehan Air Pada Permukaan Dinding
(20.11.2012)

GAMBAR 21.20



Surau, Ruang Mihrab
- Kesan Resapan Air Dan Pertumbuhan Kulat Pada Permukaan Dinding
(20.11.2012)

GAMBAR 21.21



Surau, Tempat Wuduk Wanita
- Siling Tertanggal Akibat Tiupan Angin
(20.11.2012)

GAMBAR 21.22



Wisma Kadet
- Kerosakan Tombol Pintu
(21.11.2012)

GAMBAR 21.23



Cawangan Jasmani
- Kemasan Pemasangan Kunci Pintu Kurang Sempurna
(21.11.2012)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013

Secara keseluruhannya terdapat 69 buah bangunan dalam projek ini di mana pemantauan dan pelbagai usaha telah diambil untuk memastikan setiap komponen berada di dalam keadaan yang sempurna dan tanpa kecacatan. Kecacatan yang dilaporkan adalah pada tahap minimum jika dibandingkan dengan jumlah bangunan yang terdapat di dalam projek KTD. Kes pembaikan kebocoran atau ketirisan telah pun diambil tindakan dan baki beberapa kecacatan masih dalam tindakan pihak kontraktor. Bagaimanapun, Kementerian akan memastikan semua kecacatan yang dikenal pasti diselesaikan sebelum CMGD dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kerja pembaikan oleh kontraktor perlu dibuat oleh pihak Kementerian bagi memastikan baki beberapa kecacatan yang masih dalam tindakan pihak kontraktor dibaiki dengan sempurna.

b. Kerja Yang Dilaksanakan Kurang Selamat

Kerja-kerja elektrikal dan mekanikal perlu dilaksanakan oleh kontraktor selaras dengan ketetapan kontrak serta mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan bagi memastikan tahap keselamatannya. Pemeriksaan Audit mendapati kerja elektrikal dan mekanikal yang dilaksanakan adalah kurang selamat dan boleh menjejaskan keselamatan pihak KTD. Tiada pembaikan dilaksanakan sehingga tarikh lawatan Audit. Butirannya adalah seperti di **Gambar 21.24** hingga **21.31** berikut:

GAMBAR 21.24



Wisma Kadet
Aras Bawah, Blok 5, Ruang Sesalur ICT
- Berbahaya Sekiranya Terdapat Air Memasuki Peralatan ICT Dan Boleh Merosakkan Peralatan Tersebut
(21.11.2012)

GAMBAR 21.25



Wisma Kadet
Aras Bawah, Blok 5, Ruang Sesalur ICT
- Kesan Resapan Air Pada Permukaan Bawah Lantai Konkrit Dalam Ruang Sesalur ICT
(21.11.2012)

GAMBAR 21.26



Loji Rawatan Najis
Blower Room
- Kabel Motor Putus
(21.11.2012)

GAMBAR 21.27



Loji Rawatan Najis
- Soket Alur Keluar Perlu Diganti Kerana Telah Rosak
(21.11.2012)

GAMBAR 21.28



Kompleks Pentadbiran
- Bilik Server Tidak Menggunakan Copper Bush Sebagai Penyambung Di Antara Conduit Ke Back Box Dan Back Box Tidak Ditutup
(20.11.2012)

GAMBAR 21.29




Kompleks Pentadbiran (Bilik Server)
- Tiada Rubber Seal Pada Bukaan Masukan Kabel Ke Papan Suis Sepertimana Kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Peraturan 15(3)
(20.11.2012)

GAMBAR 21.30



Kompleks Pentadbiran
Lobi Pejabat
- Tiada Penandaan Kod Warna Oren Pada Hot Dipped Galvanised Trunking
(20.11.2012)

GAMBAR 21.31



Kompleks Pentadbiran
Bilik M&E, Hadapan Bilik Server
- Lukisan Skematik Tidak Dilekatkan Pada Bahagian Dalam Pintu Papan Agihan
(20.11.2012)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Jun 2013

Sebahagian besar kecacatan dan kerosakan yang dibangkitkan adalah kerja yang akan diperbaiki oleh kontraktor sebelum tamat tempoh kecacatan dan selepas teguran Audit, kerja pembaikan telah pun dilaksanakan terus oleh pihak kontraktor. Bagaimanapun kecacatan melibatkan air memasuki konduit atau sesalur elektrik dan ICT tidak dilaporkan sebelum ini. Tindakan telah diambil dengan mengarahkan

kontraktor membuat pembaikan segera kerana berkemungkinan boleh membahayakan pihak KTD.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja elektrikal dan mekanikal perlu dipantau dengan teliti bagi memastikan kesempurnaan dan keselamatan pemasangannya. Kerja yang kurang sempurna serta kurang selamat boleh menyebabkan pihak pengguna KTD terdedah kepada bahaya. Kementerian perlu memastikan kecacatan ini telah dibaiki dengan sempurna oleh pihak Kontraktor.

c. Reka Bentuk Yang Kurang Sesuai

Lawatan Audit pada 19 November 2012 di Pejabat Komandan KTD mendapati, hujan lebat telah menyebabkan sebahagian besar bilik tersebut dimasuki air. **Gambar 21.32** adalah berkaitan. Selain itu, didapati juga reka bentuk pembinaan lain di beberapa lokasi seperti di Markas Kolej, Wisma Bintara, Cawangan Jasmani dan lain-lain kurang sesuai walaupun pembinaan ini dibuat mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan boleh menjejaskan keselesaan pihak KTD. Contohnya adalah seperti di **Gambar 21.33**.

GAMBAR 21.32



Pejabat Komandan
- Dimasuki Air
(19.11.2012)

GAMBAR 21.33



Markas Kolej
- Air Bertakung Di Atas Permukaan Lantai Laluan Utama Di Aras 1 Markas Kolej
(20.11.2012)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013

Masalah di Pejabat Komandan berpunca dari ketinggian pintu yang sepatutnya dipasang di bawah paras lantai pejabat. Sebaliknya pihak kontraktor telah memasangnya secara tergantung. Arahan dibuat kepada kontraktor supaya memasang 'plate' atau 'rubber stopper' di bawah pintu berkenaan dan kerja telah selesai dijalankan. Perkara ini tidak diambil tindakan pada peringkat awal kerana ia tidak dilaporkan oleh pihak KTD di dalam senarai kecacatan. Selain itu, bagi lain-lain kecacatan pembinaan, kontraktor telah diarahkan untuk menambah 'spout pipes' untuk mengalirkan tempias air hujan ke bahagian luar.

Pada pendapat Audit, pihak KTD perlu mengenal pasti masalah sama seperti di atas yang masih berlaku di lain-lain komponen pembinaan untuk tindakan segera kontraktor.

d. Kerja Tidak Dilaksanakan Secara Menyeluruh

Lawatan Audit ke tapak projek mendapati, kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak menyeluruh. Butirannya seperti di **Gambar 21.34** dan **21.35** berikut:

GAMBAR 21.34



Wisma Kadet
Dewan Makan Pegawai Kadet
- Penutup Perabung Tidak Dipasang Sepenuhnya
(19.11.2012)

GAMBAR 21.35



Kompleks Pentadbiran
- Jubin Pada Dinding Tidak Dipasang Sepenuhnya. Penemuan Ini Juga Ditemui Di Semua Lokasi Ruang Hose Reel
(19.11.2012)

21.5.4.3. Rumah Masak Dan Peralatan

Berdasarkan Spesifikasi Kerja Binaan Bangunan dan *BQ,* sejumlah RM1.30 juta telah ditetapkan di dalam kontrak untuk tujuan penyediaan kemudahan peralatan rumah masak di 6 komponen pembinaan KTD. Daripada jumlah ini, kos bagi membekalkan peralatan rumah masak di Wisma Perwira berjumlah RM259,644 dan Wisma Bintara berjumlah RM191,265. Butiran lanjut seperti berikut:

a. Lawatan Audit ke Rumah Masak di Wisma Perwira dan Bintara pada bulan November 2012 mendapati keadaan dapur kotor dan tidak terurus seperti di jadual berikut:

JADUAL 21.6
KEADAAN FIZIKAL RUMAH MASAK DI WISMA PERWIRA DAN BINTARA


PERIHAL	KEADAAN FIZIKAL
Singki Utama	Singki tersumbat dengan air kotoran yang melimpah dan paip yang tidak dipasang sempurna menyebabkan air kotor mengalir tanpa kawalan. Ini menyebabkan kawasan dapur kotor, licin dan basah. **(Gambar 21.36)**
Singki	Kepala paip telah longgar dan diikat dengan getah tetapi air masih mengalir. **(Gambar 21.37)**
Longkang Di Dalam Kawasan Dapur	Longkang terbuka berdekatan dengan dapur dipenuhi dengan sisa makanan menyebabkan air longkang kotor dan berbau busuk. **(Gambar 21.38)**
Grease Trap	*Grease Trap* yang dipasang di dalam dapur tidak sesuai kerana tidak dapat mengalirkan air kotoran keluar menyebabkan pihak KTD terpaksa mencedok sisa kotoran di kawasan yang tersumbat. **(Gambar 21.39 hingga 21.43)**

GAMBAR 21.36




Rumah Masak Di Wisma Perwira
- Singki Tersumbat Dengan Air Kotoran Yang Melimpah Dan Paip Yang Tidak Dipasang Dengan Sempurna
(19.11.2012)

GAMBAR 21.37



Rumah Masak Di Wisma Perwira
- Kepala Paip Telah Rosak Dan Diikat Dengan Getah
(19.11.2012)



GAMBAR 21.38

Rumah Masak Di Wisma Perwira
- Longkang Terbuka Tidak Ditutup Dengan MS Grating Berdekatan Dengan Dapur Dan Dipenuhi Dengan Sisa Makanan Dan Air Longkang Yang Kotor
(19.11.2012)

GAMBAR 21.39



GAMBAR 21.40



Rumah Masak Di Wisma Perwira
- Oil Grease Trap Yang Dipasang Di Dalam Dapur Tidak Sesuai Kerana Tidak Dapat Mengalirkan Air Kotoran Keluar Untuk Membersihkan Sisa Kotoran Yang Tersumbat. Plate Grease Trap Terpaksa Dipotong
(19.11.2012)



GAMBAR 21.41

Rumah Masak Di Wisma Bintara
- Keadaan Grease Trap Yang Tidak Dapat Mengalirkan Air Kotoran Keluar Kerana Tiada Saluran Outlet
(21.11.2012)

GAMBAR 21.42



GAMBAR 21.43



Rumah Masak Di Wisma Bintara
- Tiada Saluran Outlet Air Buangan Dari Dapur Ke Mainhole.
Kesannya Pengguna Membuang Sisa Kotoran Ke Kawasan Terbuka
(21.11.2012)

b. Pemeriksaan fizikal di Rumah Masak Wisma Perwira dan Wisma Bintara terhadap jenis, keadaan dan status kemudahan peralatan yang dibekalkan mendapati beberapa peralatan seperti peti sejuk; oven; mesin pencuci pinggan; *chiller* dan *kitchen hood* rosak, berkulat, tidak berfungsi dengan baik dan dibiarkan tanpa pembaikan atau penggantian. Keadaan ini menyebabkan stok bahan makanan tidak dapat disimpan dan tidak segar. Butirannya seperti di **Gambar 21.44** hingga **21.49** berikut:

GAMBAR 21.44



Rumah Masak Di Wisma Perwira
Stor Am 2
- Peti Sejuk Rosak
(19.11.2012)

GAMBAR 21.45



Rumah Masak Di Wisma Perwira
- Mesin Mencuci Pinggan Rosak, Bocor Dan Menyebabkan Air Bertakung Di Lantai
(19.11.2012)

GAMBAR 21.46



Rumah Masak Di Wisma Perwira
- Peti Sejuk Yang Dibekalkan Bagi Menyimpan Stok Bahan Makanan Tidak Berfungsi Menyebabkan Makanan Berkulat
(19.11.2012)

GAMBAR 21.47



Rumah Masak Di Wisma Bintara
- Oven Yang Rosak Dan Dibiarkan Tanpa Penggantian Walaupun Masih Dalam Tempoh Jaminan
(21.11.2012)

GAMBAR 21.48



Wisma Bintara
Aras Bawah, Dapur
- Alat Perangkap Lalat Tidak Dipasang Dengan Sempurna
(21.11.2012)

GAMBAR 21.49



Wisma Bintara
Aras Bawah, Dapur
- Kitchen Hood Tidak Boleh Dibuka Semasa Memasak. Operation And Maintenance Manual Tidak Dikemukakan Bagi Tujuan Operasi Peralatan Dapur
(21.11.2012)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 11 April 2013

Hampir keseluruhan kecacatan pembinaan dan kerosakan yang dibangkitkan, kerja pembaikannya telah pun dilaksanakan di tapak dan bakinya seperti pembuka paip yang rosak, kitchen hood yang tidak boleh dibuka dan saluran outlet tersumbat masih dalam tindakan pihak kontraktor. Manakala peralatan dapur yang rosak telah pun dibawa keluar oleh pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, aspek kebersihan, keselamatan serta kemudahan peralatan perlu dikekalkan pada tahap yang baik. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, Kementerian perlu mengarahkan kontraktor menggantikan peralatan dapur yang rosak serta membuat pembaikan dengan segera.

21.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan KTD beroperasi dengan cekap, berkesan serta Kerajaan mendapat *best value for money*, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil langkah seperti berikut:

21.6.1. Kementerian hendaklah memastikan perbelanjaan berhemat sentiasa diterapkan dalam pelaksanaan projek dan memastikan pengurusan kewangan dibuat secara teratur;

21.6.2. Kementerian hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan selaras dengan arahan Kementerian Kewangan untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan kerja tambahan di luar skop kontrak yang tidak mematuhi peraturan;

21.6.3. Kementerian perlu mengarahkan pihak KTD menyenaraikan, menyelia dan memantau secara berkala ke atas kerja tidak berkualiti, tidak sempurna dan tidak menyeluruh. Kontraktor perlu diarah untuk membaiki semua kecacatan dan kerosakan yang disenaraikan sebelum Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan [Certificate Of Completion Of Making Good Defects (CMGD)] dikeluarkan;

21.6.4. pihak KTD perlu menyelenggarakan Rekod Aduan Kerosakan dengan lengkap dan kemas kini untuk memantau keberkesanan pelaksanaan kerja pembaikan kecacatan dan kerosakan oleh pihak kontraktor; dan

21.6.5. Kementerian hendaklah memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini diambil perhatian dalam perancangan dan pelaksanaan projek akan datang.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 249-261 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN PERTAHANAN

22. TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM)
- **SENGGARAAN PANGKALAN UDARA LABUAN, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

22.1. LATAR BELAKANG

22.1.1. Pangkalan Udara Labuan (PUL) mula beroperasi pada tahun 1966. Pangkalan ini meliputi kawasan anggaran keluasan 847.59 ekar termasuk Lapangan Terbang Labuan yang diletakkan di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). PUL adalah di bawah kawalan Markas 2 Divisyen berfungsi untuk menjaga keselamatan, menjalankan operasi udara di Sabah dan Sarawak serta memastikan kesiapsiagaan pesawat C130. PUL terdiri daripada 5 skuadron iaitu Skuadron Operasi, Skuadron Material, Skuadron Bantuan, Skuadron Pentadbiran dan Skuadron Provos.

22.1.2. Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bab 13 Seksyen 7 mengenai Senggaraan Kem, Bangunan dan Kemudahan Angkatan Tentera Malaysia telah menetapkan beberapa peraturan antaranya ialah kerja senggaraan besar dilaksanakan 5 tahun sekali; kerja senggaraan bagi kerosakan yang sering berlaku dilaksanakan secara tahunan; kerja senggaraan kecemasan adalah untuk kerja senggaraan kerosakan yang perlu tindakan segera; dan kerja senggaraan tidak diduga adalah senggaraan kerosakan yang perlu dilaksanakan akibat ribut, banjir dan bencana alam.

22.1.3. Jabatan Kerja Raya (JKR) bertanggungjawab menyenggara 151 bangunan/fasiliti yang dibinanya dengan menjalankan pemeriksaan terhadap aduan kerosakan; menyediakan anggaran perbelanjaan yang berkaitan dan memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik. Manakala Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) pula bertanggungjawab untuk menyenggara 413 buah bangunan/fasiliti yang dibina oleh Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian) dengan memantau kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor melalui kontrak bermasa bagi tempoh yang ditetapkan. Mulai tahun 2012, Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pangkalan TUDM Labuan telah diluluskan peruntukan berjumlah RM1.05 juta untuk kerja senggaraan bangunan dan fasiliti yang dilaksanakan oleh pihak PUL sendiri.

22.1.4. Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM13.16 juta bagi kerja senggaraan di PUL untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012 berbanding jumlah peruntukan yang diluluskan iaitu berjumlah RM13.23 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.1
PRESTASI PERBELANJAAN KERJA SENGGARAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	PRESTASI (%)
2012	6.79	6.78	99.95
2011	3.35	3.29	98.15
2010	3.09	3.09	99.96
JUMLAH KESELURUHAN	**13.23**	**13.16**	**99.35**

22.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada senggaraan telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

22.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap kerja senggaraan di bangunan pejabat PUL; *hangar* dan fasiliti di No.14 Skuadron serta Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Semakan juga dijalankan di BPKP; JKR Labuan (Cawangan Senggaraan Fasiliti); Markas Operasi Udara; Unit Perumahan Kementerian; Unit Tanah Kementerian; Bahagian Perancangan Pembangunan dan Operasi Markas Tentera Udara; Bahagian Perancangan Pembangunan dan Operasi-Infra Bina.

22.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan dijalankan terhadap fail dan rekod, analisis terhadap data yang diperoleh, pemeriksaan/pemerhatian fizikal terhadap aset yang di senggara dan temu bual dengan pegawai/anggota yang terlibat.

22.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga April 2013 mendapati pengurusan kerja senggaraan di PUL adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian adalah seperti berikut:

i. PUL tidak menyediakan perancangan kerja senggaraan 5 tahun dan tiada bukti mesyuarat penyelarasan kerja antara BPKP dan JKR diadakan seperti yang ditetapkan;

ii. pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tindakan pembaikan telah diambil terhadap 4,485 laporan kerosakan kerana tiada maklumat mengenainya dikemukakan;

iii. sebanyak 11 kerosakan melibatkan 4 pintu utama *hangar* yang dilaporkan masih belum dibaiki;

iv. perolehan kerja bernilai RM1.28 juta sepatutnya melalui proses tender di pecah kecil melalui 4 sebut harga;

v. *Ground Run Up Encloser Bay* masih belum digunakan walaupun kerja menaik taraf dan pengubahsuaian telah selesai dijalankan pada bulan Disember 2012;

vi. siling di 30 lokasi di No.14 Skuadron bocor, pecah, rosak, terbuka dan berkulat. Bagaimanapun, tiada bukti tindakan pembaikan dilaksanakan; dan

vii. sebanyak 151 unit RKAT Membedai tidak diduduki kerana mengalami kerosakan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

22.5.1. Prestasi Penyenggaraan

22.5.1.1. Prestasi Kewangan

Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bab 13 Seksyen 7 mengenai Senggaraan Kem, Bangunan dan Kemudahan Angkatan Tentera, menetapkan anggaran perbelanjaan bagi kerja senggaraan hendaklah dikategorikan mengikut senggaraan 5 tahun, senggaraan tahunan, senggaraan kecemasan dan senggaraan tidak diduga. Semakan Audit terhadap permohonan peruntukan penyenggaraan di PUL mendapati perkara berikut:

a. PUL telah memohon peruntukan berjumlah RM30.16 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, hanya RM13.23 juta bersamaan 43.9% diluluskan oleh Bahagian Belanjawan Markas Tentera Udara dan sejumlah RM13.16 juta (99.9%) daripada peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada jumlah peruntukan yang diluluskan mencukupi untuk menampung perbelanjaan bagi kerja senggaraan di PUL kerana tiada dokumen berkaitan seperti senarai kerja senggaraan yang selesai dan tertunggak dikemukakan untuk semakan. Butiran terperinci seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.2
PERMOHONAN, PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	AGENSI PELAKSANA	PERMOHONAN (RM Juta)	KELULUSAN		PERBELANJAAN	
			JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)	JUMLAH (RM Juta)	PRESTASI (%)
		(a)	(b)	(c) = (b) / (a)	(d)	(e) = (d) / (b)
2012	JKR	9.90	4.08	41.16	4.07	100.00
	BPKP	1.85	1.66	89.73	1.66	99.80
	PTJ Pangkalan TUDM Labuan	1.10	1.05	95.45	1.05	99.97
	Jumlah	**12.85**	**6.79**	**52.80**	**6.78**	**99.95**

TAHUN	AGENSI PELAKSANA	PERMOHONAN (RM Juta)	KELULUSAN		PERBELANJAAN	
			JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)	JUMLAH (RM Juta)	PRESTASI (%)
		(a)	(b)	(c) = (b) / (a)	(d)	(e) = (d) / (b)
2011	JKR	6.06	1.74	28.71	1.68	96.53
	BPKP	2.62	1.61	61.45	1.61	99.91
	Jumlah	**8.68**	**3.35**	**38.59**	**3.29**	**98.15**
2010	JKR	6.01	2.64	43.91	2.64	99.97
	BPKP	2.62	0.45	17.18	0.45	99.87
	Jumlah	**8.63**	**3.09**	**35.79**	**3.09**	**99.96**
JUMLAH KESELURUHAN		**30.16**	**13.23**	**43.85**	**13.16**	**99.35**

Sumber : Bahagian Perancangan Pembangunan - Infra Bina

b. Semakan Audit mendapati Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) yang dikemukakan kepada Bahagian Perancangan Pembangunan Dan Operasi, Infra Bina tidak dikategorikan mengikut kerja senggaraan 5 tahun seperti yang ditetapkan dalam PMAT berkaitan. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada kerja senggaraan/pembaikan yang di rancang dalam ABM bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 dilaksanakan kerana daftar aduan kerosakan tidak lengkap dan kemas kini di mana ruangan tarikh siap kerja dan agensi pelaksana tidak diisi.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan bagi penyenggaraan di PUL adalah memuaskan kerana pencapaian perbelanjaan telah melebihi 99% berbanding peruntukan. Bagaimanapun, rekod dan dokumen senggaraan hendaklah di selenggara dengan lebih sempurna bagi memastikan anggaran belanjawan yang dimohon lebih realistik dan pemantauan terhadap kerja senggaraan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

22.5.1.2. Prestasi Pelaksanaan Penyenggaraan

Bagi tujuan pemantauan, PUL telah menyelenggara borang aduan kerosakan iaitu BPKP 4, JKR 4, Senggara 4 (untuk kegunaan PUL sahaja) dan daftar aduan kerosakan. Daftar berkenaan mengandungi maklumat seperti nombor kawalan, tarikh aduan, keterangan aduan, agensi pelaksana dan tarikh siap kerja. Semakan Audit mendapati, aduan kerosakan di rekod dalam buku daftar bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, daftar berkenaan tidak lengkap dan kemas kini kerana ruangan tarikh siap kerja dan agensi pelaksana tidak diisi. Pihak Audit dimaklumkan rekod aduan kerosakan yang lengkap telah dibuat secara digital tetapi telah musnah akibat kebakaran yang berlaku pada bulan Oktober 2012. Laporan kerosakan yang dikemukakan kepada Unit Senggara Kompleks melalui borang BPKP 4, JKR 4 dan Senggara 4 bagi tempoh berkenaan masing-masing berjumlah 1,200, 3,071 dan 214 aduan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tindakan pembaikan telah diambil terhadap laporan tersebut kerana tiada maklumat

mengenainya dikemukakan untuk pengauditan. Butiran lanjut seperti di jadual di bawah:

JADUAL 22.3
SENARAI LAPORAN KEROSAKAN MENGIKUT AGENSI PELAKSANA DI PANGKALAN UDARA LABUAN

LAPORAN KEROSAKAN	2010	2011	2012	JUMLAH
- Borang BPKP 4				
Sivil	193	151	157	**501**
Elektrik	184	103	262	**549**
Mekanikal	38	39	73	**150**
JUMLAH	**415**	**293**	**492**	**1,200**
- Borang JKR 4				
Sivil	905	817	94	**1,816**
Elektrik	391	461	25	**877**
Mekanikal	157	209	12	**378**
JUMLAH	**1,453**	**1,487**	**131**	**3,071**
- Borang SENGGARA 4				
Sivil	-	-	201	**201**
Elektrik	-	-	-	**0**
Mekanikal	-	-	13	**13**
JUMLAH	**-**	**-**	**214**	**214**
JUMLAH BESAR	**1,868**	**1,780**	**837**	**4,485**

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Walaupun rekod penyenggaraan telah musnah akibat kebakaran, semakan oleh Markas Tentera Udara (MTU) ke atas dokumen fizikal mendapati pembaikan telah dilaksanakan terhadap laporan kerosakan yang dikemukakan kepada Unit Senggara Kompleks seperti laporan BPKP 4 sebanyak 857 berbanding 1,200 dilaporkan; laporan JKR 4 sebanyak 2,987 berbanding 3,071 dilaporkan dan 214 laporan Senggara 4 telah dilaksanakan. Manakala baki kerosakan yang melibatkan kos pembaikan yang besar MTU dalam usaha mendapatkan peruntukan bagi tujuan pembaikan. Pihak TUDM akan meningkatkan pemantauan ke atas proses pembaikan dan mengenal pasti laporan kerosakan yang didapati berulang.

Bagaimanapun, tiada dokumen sokongan dikemukakan sebagai bukti laporan kerosakan telah diambil tindakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod aduan dan senggaraan adalah kurang memuaskan dan rekod berkenaan perlu di selenggara dengan lebih sempurna bagi mengelakkan berlakunya pertindihan skop kerja senggaraan antara agensi pelaksana.

22.5.1.3. Perancangan Kerja Senggaraan

Bab 13 Seksyen 7 kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) menetapkan, Pangkalan Udara Labuan perlu merancang kerja senggaraan berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu senggaraan 5 tahun seperti mengganti bumbung, mengecat semula, membaiki longkang besar, landasan lapangan terbang dan pagar; senggaraan setahun seperti kipas rosak, lantai retak; senggaraan kecemasan merupakan senggaraan kerosakan yang perlu diambil tindakan segera dan senggaraan tidak diduga seperti senggaraan akibat bencana alam. Selain itu, wakil BPKP dan JKR perlu menghadiri mesyuarat senggaraan pasukan sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun untuk pelarasan kerja. Mulai tahun 2012, PUL telah melaksanakan sendiri kerja senggaraan kecemasan melalui Unit Senggara Kompleks (UPS). Antara fungsi UPS ialah merancang, menyelia dan menyediakan program senggaraan; mengurus, merekod dan memantau semua kerja senggaraan dalam pangkalan/ unit; memberi taklimat semasa dan mendapatkan kelulusan kepada Ketua Cawangan Tadbir serta Komander Pangkalan/Pegawai Memerintah; berkomunikasi dengan Agensi Pelaksana (JKR dan BPKP), kontraktor dan pengguna. Semakan Audit terhadap perancangan kerja senggaraan di PUL mendapati perkara berikut:

a. PUL tidak menyediakan perancangan kerja senggaraan 5 tahun seperti yang ditetapkan dalam Bab 13 Seksyen 7 kepada PMAT. Oleh itu, peruntukan yang dimohon oleh PUL hanya mengikut keperluan senggaraan atau pembaikan tahunan serta kecemasan.

b. Tiada bukti UPS mengadakan mesyuarat penyelarasan kerja antara BPKP dan JKR seperti yang ditetapkan. Penyelarasan kerja hanya dibuat antara UPS dan JKR melalui Mesyuarat Senggara TUDM yang diadakan 3 kali pada tahun 2012.

Pada pendapat Audit, pengurusan kerja senggaraan di PUL adalah kurang memuaskan kerana perancangan kerja senggaraan 5 tahun tidak disediakan bagi memastikan kerja senggaraan dilaksanakan dengan sewajarnya. Selain itu, pihak UPS perlu memastikan penyelarasan kerja dibuat sejajar dengan kehendak peraturan yang berkuat kuasa.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Pada 20 Jun 2013 MTU telah mengarahkan semua pangkalan menyediakan program senggaraan tahunan termasuk perancangan program 5 tahun dan memajukan kepada MTU untuk permohonan peruntukan. MTU mengakui mesyuarat koordinasi senggaraan tidak dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan dan hanya pada tahun 2013, pihak PU Labuan mengadakan Mesyuarat Koordinasi Senggaraan Pangkalan iaitu pada 21 Mac 2013.

22.5.1.4. Kerja Senggaraan Di No.14 Skuadron

Hangar di PUL siap dibina pada tahun 2003 dengan kos keseluruhan bernilai RM116.5 juta. Pembinaan tersebut termasuk *Ground Run Up Enclosure* (GRE), *BIRD RINSe Logic Automated System* (BeLAS) dan pejabat pentadbiran di No.14 Skuadron. Bagaimanapun, tiada bukti bangunan serta salinan *as-built drawing hangar* tersebut diterima oleh pihak JKR menyebabkan kerja senggaraan tidak dapat dirancang dan dilaksanakan. Semakan Audit selanjutnya terhadap kerja senggaraan di No.14 Skuadron mendapati perkara berikut:

a. *Hangar*

Hangar No.14 Skuadron dibina untuk menyimpan, menyenggara serta membaiki 4 pesawat C130, JKR menyenggara keseluruhan bangunan termasuk kerja elektrikal dan mekanikal. Semakan Audit mendapati, semua pintu utama *hangar* tidak beroperasi secara mekanikal kerana *hangar door motor* tidak berfungsi dan terpaksa beroperasi secara manual sejak tahun 2008. Pada tahun 2009, JKR telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan kerja menaik taraf salah satu *hangar door motor* berkenaan. Bagaimanapun, kerja menaik taraf tersebut telah menyebabkan berlaku kerosakan terhadap *PVC flat cable* dan *busbar* yang tidak termasuk dalam skop asal. Sehingga bulan Disember 2012 sebanyak 11 kerosakan melibatkan 4 pintu utama *hangar* dilaporkan masih belum dibaiki. Butiran terperinci seperti di jadual serta **Gambar 22.1** dan **22.2** berikut:

JADUAL 22.4
LAPORAN KEROSAKAN DI *HANGAR* NO. 14 SKUADRON
SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

LOKASI	KEROSAKAN	TARIKH LAPORAN
Hangar No. 1	- Pintu utama *hangar* tidak beroperasi secara mekanikal - Kerosakan pada *PVC Falt Cable* dan *Busbar*	11.02.2008 22.11.2010
Hangar No. 2	- Pintu utama *hangar* tidak beroperasi secara mekanikal - *Roller shutter switch* tidak berfungsi - *Power hangar* tidak berfungsi	11.02.2008 11.02.2008 11.02.2008
Hangar No.3	- Pintu utama *hangar* tidak beroperasi secara mekanikal - *Roller shutter switch* tidak berfungsi - *Power hangar* tidak berfungsi	11.02.2008 11.02.2008 11.02.2008
Hangar No.4	- Pintu utama *hangar* tidak beroperasi secara mekanikal - *Roller shutter switch* tidak berfungsi - *Power hangar* tidak berfungsi	11.02.2008 11.02.2008 11.02.2008

GAMBAR 22.1



Hangar No.14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan - Hangar Door Motor Tidak Berfungsi (20.12.2012)

GAMBAR 22.2



Hangar No. 14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan - Pintu Utama Hangar Dibuka Secara Manual (20.12.2012)

Pada pendapat Audit, kegagalan menyerahkan bangunan dan salinan *as-built drawing* bagi *hangar* kepada JKR menyebabkan kerja senggaraan tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, Kementerian juga tidak mendapat *value for money* bagi kerja menaik taraf *hangar door motor* kerana ia masih tidak dapat berfungsi dan menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian.


Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Pemeriksaan terperinci terhadap kerosakan pintu hangar tersebut telah dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, ibu pejabat JKR dan laporan berkenaan cadangan pembaikannya telah dikeluarkan pada 9 Mei 2013 yang melibatkan kos pembaikan keseluruhan bagi 4 buah pintu hangar berjumlah RM800,000. Pihak TUDM juga bersetuju agar pembaikan dilaksanakan terhadap 1 pintu dahulu sebagai percubaan serta telah memajukan salinan as-built drawing kepada pihak JKR Labuan pada 21 Jun 2013.

b. *Ground Run Up Encloser Bay* (GRE)

Pembinaan GRE termasuk *BeLAS* yang bernilai RM3.5 juta bertujuan untuk pelaksanaan kerja senggaraan pesawat C130 berjadual dan tidak berjadual terutama untuk menguji tahap kuasa tertinggi enjin dan *propelle*r. Semakan Audit terhadap senggaraan di GRE mendapati perkara berikut:

i. Berdasarkan kajian Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Aerospace (PUSPEKA), binaan tambahan perlu dibuat terhadap GRE bagi melindungi pesawat dari tiupan *tail wind* dan *side wind* serta dapat memberi perlindungan pencemaran bunyi akibat daripada aktiviti *GRE* di kawasan berkenaan. Bagaimanapun, PUSPEKA berpendapat kedudukan GRE sedia ada adalah tidak sesuai dan tidak selamat kerana tidak menepati jarak selamat antara ketiga-tiga binaan iaitu GRE, BeLAS dan laluan longkang. Sehubungan itu, pada bulan Julai 2009 PUL telah memohon kerja menaik taraf dan pengubahsuaian GRE kepada Markas Tentera Udara berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh PUSPEKA tersebut. JKR telah diberi tanggungjawab oleh PUL untuk menjalankan kerja menaik taraf dan pengubahsuaian ke atas sistem GRE dengan melaksanakan kerja seperti meroboh 3 unit bangunan utiliti di GRE, pengalihan laluan longkang *Weather Flow Precast Drain* dan penambakan tanah melalui 3 sebut harga yang bernilai RM1.02 juta. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, GRE tersebut masih belum digunakan walaupun kerja menaik taraf dan pengubahsuaian telah selesai serta bayaran sepenuhnya telah dibuat pada bulan Disember 2012. Butiran lanjut seperti di gambar berikut:



GAMBAR 22.3

Gambar Asal Menunjukkan Kedudukan Asal Ground Run Enclosure Dan BeLAS Control System (Sumber : Pangkalan Udara Labuan)

ii. Arahan Perbendaharaan 181 (a) menyatakan kerja bernilai melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender dan Kementerian adalah dilarang memecah kecil nilai kerja bagi mengelakkan pelawaan tender. Semakan Audit terhadap kerja menaik taraf di GRE mendapati surat tawaran kepada 4 kontraktor yang dilantik untuk kerja menaik taraf GRE telah dikeluarkan dengan nilai kerja berjumlah RM1.28 juta. Ini adalah bertentangan dengan peraturan kewangan di mana perolehan kerja melebihi RM500,000 setahun hendaklah dilaksanakan melalui proses tender. Butiran terperinci seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.5
SENARAI SEBUTHARGA BAGI KERJA MENAIK TARAF DAN PENGUBAHSUAIAN GRE

SYARIKAT	NOMBOR SEBUT HARGA	TARIKH SURAT TAWARAN	PERKARA	JUMLAH (RM Juta)
Kaka Engineering	JKR/WPL/SENG (2)2011/12	05.10.2011	Kerja Menaik Taraf Meroboh 3 Unit Bangunan Utiliti Di GRE 14 Skuadron TUDM Membedai Serta Lain-Lain	0.11
Fais Tech	JKR/WPL/SENG (2)2011/15	05.10.2011	Kerja-Kerja Pengalihan Laluan Longkang *Weather Flow Precast Drain* 1,200mm X 1,200mm Dan Kerja Penambakan Tanah	0.44
Amil Enterprise	JKR/WPL/SENG (2)2011/21	08.10.2011	Kerja-kerja Penambakan Tapak Untuk GRE Serta Lain-Lain Yang Berkaitan Di TUDM Membedai W.P. Labuan	0.47
Zurah Enterprise	JKR/WPL/SENG (2)2011/16	12.12.2012	Kerja-Kerja Menurap Permukaan GRE serta Lain-Lain Yang Berkaitan	0.26
JUMLAH KESELURUHAN				**1.28**

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Naik taraf GRE bay melibatkan kesemua 4 skop kerja utama iaitu kerja mengalihkan longkang, meroboh rumah pam dan tangki simpanan (keperluan jarak selamat di depan GRE), penambakan tanah dan pemanjangan dinding bangunan GRE. Hanya 3 skop telah disiapkan dengan kos RM1.02 juta. Skop pemanjangan dinding EGR akan dilaksanakan pada tahun 2013 dengan peruntukan berjumlah RM500,000 telah disalurkan kepada JKR dan dalam proses penyediaan dokumen tender. Pihak JKR menyatakan bahawa pembahagian kerja-kerja kepada 4 kontraktor adalah mengikut kepakaran masing-masing berdasarkan sub-kepala yang disyaratkan dan tidak sepatutnya dianggap sebagai pecah kecil.

Pada pendapat Audit, TUDM perlu menyediakan perancangan rapi supaya pelaksanaan aktiviti pembangunan bersesuaian dan memperolehi *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dilakukan.

c. Bangunan Dan Peralatan *BeLAS*

BeLAS merupakan sistem pembersihan pesawat secara automatik. Kawasan Labuan memerlukan sistem tersebut kerana pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) terbang dengan ketinggian rendah dan ini boleh memberi kesan pengaratan kepada badan pesawat tersebut. Setiap pesawat yang selesai menjalani latihan atau operasi perlu dibasuh bagi mengelakkan pengaratan berlaku untuk memanjangkan jangka hayat badan pesawat. Semakan Audit mendapati, bangunan *BeLAS* telah dirobohkan bagi tujuan penambakan tanah untuk kerja menaik taraf/pengubahsuaian GRE dan pengalihan laluan longkang *Weather Flow Precast Drain*. Ini menyebabkan semua peralatan sistem *BeLAS* dibuka dan disimpan di dalam stor No.14 Skuadron dan kawasan sekitarnya. Selain itu, semakan fizikal Audit mendapati komponen *BeLAS* iaitu *water boiler* dan tangki telah berkarat. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada *BeLAS* masih berfungsi atau sebaliknya kerana sistem berkenaan tidak lagi digunakan sejak operasi GRE dihentikan pada bulan Februari 2008.



GAMBAR 22.4

Pangkalan Udara Labuan
- Water Boiler Berkarat Akibat Penggunaan Detergent Yang Tidak Sesuai
(Sumber: Pangkalan Udara Labuan)

GAMBAR 22.5



GAMBAR 22.6



Pangkalan Udara Labuan
- Tangki Yang Dibiarkan Berkarat
(20.12.2012)

GAMBAR 22.7



GAMBAR 22.8



Pangkalan Udara Labuan
- Peralatan BeLAS Control System Yang Tidak Digunakan
(20.12.2012)

Pada pendapat Audit, peralatan sistem *BeLAS* tidak digunakan secara optimum dan mengakibatkan berlakunya pembaziran.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Bangunan pam Sistem BeLAS dirobohkan bagi memenuhi keperluan ICAO dan keperluan pemanjangan dinding GRE serta tiada ruang lain yang sesuai dan lebih menjimatkan. Sistem BeLAS sedia ada masih boleh digunakan tetapi memerlukan penggantian paip yang sesuai agar tidak berkarat dengan penggunaan detergen selaras dengan pembinaan rumah pam baru dan tangki air yang berisi padu lebih besar bersesuaian dengan saiz pesawat. Anggaran kos pembaikan semula adalah berjumlah RM1.5 juta dan dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2014.

d. Pejabat Pentadbiran

Pejabat pentadbiran di No.14 Skuadron menempatkan anggaran 90 bilik yang dilengkapi dengan sistem penghawa dingin berpusat untuk keselesaan pegawai/anggota yang bertugas. Selain itu, No.14 Skuadron telah menyediakan rancangan senggaraan bangunan pejabat mengikut jenis senggaraan seperti struktur dan binaan; sistem penghawa dingin dan cat dinding yang perlu dilaksanakan antara 6 bulan hingga 3 tahun sekali. Semakan Audit di pejabat pentadbiran mendapati perkara berikut:

i. Terdapat 16 bilik mengalami kerosakan sistem penghawa dingin sejak tahun 2006. Sebanyak 8 surat peringatan dikeluarkan oleh No.14 Skuadron sejak tahun 2011 hingga 2012 kepada UPS bagi membaiki kerosakan tersebut, namun tiada bukti tindakan pembaikan dilaksanakan.

ii. Adalah didapati siling di 30 lokasi di No.14 Skuadron bocor, pecah, rosak, terbuka dan berkulat. Antara punca kerosakan tersebut adalah disebabkan berlaku resapan air akibat sistem penghawa dingin yang

tidak berfungsi dengan sempurna. Mengikut rekod yang dikemukakan oleh UPS, sebanyak 18 aduan kerosakan telah dikemukakan sejak tahun 2009. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan tindakan pembaikan dilaksanakan. Butiran berkaitan seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 22.6
LOKASI KEROSAKAN SILING DI NO.14 SKUADRON

LOKASI	KEROSAKAN/(Tahun)				
	KULAT	PECAH	BOCOR	ROSAK	TERBUKA
Bilik Makan *Senior Non-Commissioning Officer Club*	✓ / (TM)	-	-	-	-
Bilik Pegawai Kejuruteraan	✓ / (2009)	-	-	-	-
Bilik Pegawai Memerintah	✓ / (2009)	-	-	-	-
Main *Entrance Dispersal*	-	✓ / (TM)	-	-	-
Lobi (transparent roof)	-	-	✓ / (TM)	-	-
Koridor (depan Bilik CO)	-	✓ / (2011)	-	-	-
Bilik Mesyuarat	-	-	-	✓ / (TM)	-
Senior Non-Commissioning Officer Club Changing Room	-	-	-	✓ / (2011)	-
Ladies Changing Room	-	-	-	✓ / (TM)	-
Aman *Club*	✓ / (2011)	-	-	-	-
Aman *Lounge*	✓ / (2009)	-	-	-	-
Bilik Ajutan	-	✓ / (TM)	-	-	-
Bilik Taklimat	-	✓ / (2010)	-	-	-
Bilik *Loadmaster*	✓ / (2011)	-	-	-	-
Observer Gallery	-	-	-	✓ / (2009)	-
Bilik Operasi	✓ / (2011)	-	-	-	-
Tangga Kecemasan *Hangar* No.2	-	✓ / (TM)	-	-	-
Safety Office	✓ / (TM)	-	-	-	-
Pejabat Tadbir	✓ / (TM)	-	-	-	-
Tandas Antara Hangar 1 dan 2	-	-	-	-	✓ / (TM)
Entrance Dispersal Hangar 1 dan 2	-	✓ / (TM)	-	-	
Tandas antara *Hangar* 1 dan 2	-	-	-	-	✓ / (2009)
Tangga Kecemasan	-	✓ / (TM)	-	-	-
Kenari *Club*	✓ / (TM)	-	-	-	-
Bilik 25 & 26	✓ / (TM)	-	-	-	-
Bilik CO Pilot	✓ / (TM)	-	-	-	-
Bilik Kuliah An-Nur	✓ / (TM)	-	-	-	-
Dispersal Entrance Hangar 3 dan 4	-	✓ / (TM)	-	-	-
Tandas	✓ / (TM)	-	-	-	-
Parking Bay No.1 hingga No.4	-	-	✓ / (TM)	-	-

Nota: ***(TM) - Tiada Maklumat*** ***(✓) - Ada Berlaku Kerosakan***

GAMBAR 22.9



GAMBAR 22.10



Bilik Rehat No.14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan
- Siling Rosak Kerana Resapan Air Akibat Sistem Penghawa Dingin Tidak Berfungsi Dengan Sempurna
(20.12.2012)



GAMBAR 22.11

Ruang Legar No.14 Skuadron,
Pangkalan Udara Labuan
- Siling Rosak Kerana Resapan Air Akibat Sistem Penghawa Dingin Tidak Berfungsi Dengan Sempurna
(20.12.2012)

iii. Dinding di aras atas bangunan retak dan pecah serta hampir keseluruhan dinding di tangga kecemasan yang dilawati mengalami kerosakan akibat daripada tempias air hujan yang masuk ke dalam tingkat atas bangunan. Bagaimanapun, tiada laporan mengenai kerosakan dinding tersebut dibuat. Butiran lanjut seperti di gambar berikut:

GAMBAR 22.12



GAMBAR 22.13



No. 14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan
- Dinding Retak
(20.12.2012)

GAMBAR 22.14



No. 14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan
- Dinding Rosak Akibat Tempias Hujan
(20.12.2012)

GAMBAR 22.15



No. 14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan
- Dinding Retak
(20.12.2012)

iv. Terdapat binaan tiang *support* bangunan berada di bilik *Comanding Officer* dan bilik rehat No. 14 Skuadron. Tiang berkenaan kurang sesuai kerana tingkap dan langsir sukar untuk dibuka/ditutup serta menyebabkan ketidakselesaan kepada pengguna. Butiran terperinci seperti di gambar berikut:

GAMBAR 22.16



Bilik Comanding Officer, No. 14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan
- Binaan Tiang Support Di Dalam Bangunan
(20.12.2012)

GAMBAR 22.17



Bilik Rehat, No. 14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan
- Binaan Tiang Support Di Dalam Bangunan Dan Lampu Tidak Berfungsi Kerana Rosak
(20.12.2012)

v. Berdasarkan laporan kerosakan sehingga bulan September 2012 tiada bukti pembaikan dilaksanakan terhadap laporan kebocoran bumbung *transparent* di ruang legar. Lawatan fizikal Audit pula mendapati kebocoran tersebut menyebabkan air bertakung dan mengalir ke dinding bangunan sehingga mengakibatkan dinding berkenaan berkulat seperti di gambar berikut:

GAMBAR 22.18



Ruang Legar No. 14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan
- Bumbung Bocor
(20.12.2012)

GAMBAR 22.19



Ruang Legar No. 14 Skuadron, Pangkalan Udara Labuan
- Dinding Berkulat Kerana Bumbung Transparent Bocor
(20.12.2012)

Pada pendapat Audit, tindakan segera perlu diambil terhadap kerosakan yang dilaporkan bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Memandangkan kos pembaikan sistem penghawa dingin sedia ada yang tinggi sehingga mencecah RM1.3 juta, pihak PU Labuan tidak bercadang untuk membaikinya dan pemasangan alat hawa dingin jenis unit pisah

(split) telah dilaksanakan pada Disember 2012 seperti yang dicadangkan oleh pihak BPKP. Manakala kerosakan siling di 30 lokasi di No.14 Skuadron dirancang untuk dilaksanakan dalam Plan anggaran belanja mengurus 2013 dan beberapa kerosakan telah dibaiki dan selebihnya masih dalam proses sebut harga. Pihak TUDM mengambil maklum teguran Audit berkenaan binaan tiang support yang berada di dalam bilik dan memastikan perkara sebegini tidak berulang lagi.

22.5.2. Pembinaan Pagar Perimeter Di Pangkalan Udara Labuan

22.5.2.1. Hasil perbincangan antara Asistan Ketua Staf Bahagian Perancangan Pembangunan dan Operasi (BPPO) dengan Pegawai Infra Bina pada 4 Mei 2009, BPPO Infra Bina, Markas Tentera Udara, Pangkalan Udara Kuala Lumpur telah mengeluarkan garis panduan mengenai lukisan dan reka bentuk standard empat jenis pagar untuk kegunaan pangkalan/unit TUDM. Jenis pagar berkenaan ialah pagar *anti cut and anti climb*, pagar hias, pagar tembok batu bata dan pagar *chain link*. Secara amnya, pagar *anti cut and anti climb* perlu dibina di perimeter sekeliling pangkalan/unit TUDM, kawasan larangan atau yang berada di bawah kawalan rapi dalam pangkalan/unit TUDM seperti stor senjata, terminal peluru, *Bulk Fuel Installation* dan yang seumpamanya.

22.5.2.2. JKR telah diberi tanggungjawab sebagai pelaksana bagi projek pembinaan pagar perimeter sekeliling Pangkalan Udara Labuan. JKR telah melantik VH General Contruction dengan kontrak bernilai RM1.63 juta, tarikh milik tapak pada bulan Oktober 2011 dan telah siap pada bulan Julai 2012. Catatan Taklimat Kuarter (Q Brief) daripada Markas Tentera Udara (BPPO - Infra Bina) menjelaskan antaranya bangunan pagar terdiri daripada struktur pagar *anti cut and anti climb* dan sistem saliran yang baik bagi melancarkan aliran air di persekitarannya.

22.5.2.3. Pada bulan Julai 2012 JKR telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja (CPC) bagi kontrak pembinaan pagar tersebut. Tempoh tanggungan kecacatan selama setahun dan akan berakhir pada bulan Julai 2013. Pada bulan Oktober 2012 JKR juga telah menghantar surat kepada Komander Pangkalan Udara Labuan bagi serahan projek tersebut. Bagaimanapun, sehingga kini Pangkalan Udara Labuan belum memberi sebarang maklum balas kerana beberapa kelemahan pembinaan yang belum diselesaikan. Semasa lawatan fizikal Audit antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

a. Pagar perimeter di keliling Pangkalan Udara Labuan yang dipasang merupakan pagar *chain link.* Ia bertentangan dengan garis panduan Reka Bentuk Standard Jenis Pagar Untuk Pangkalan Dan Unit-Unit TUDM yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Infra Bina, Markas Tentera Udara yang menghendaki pagar *anti cut and anti climb* dibina di kawasan tersebut. Infra Bina telah mengeluarkan surat teguran

mengenainya pada bulan Mei 2012. **Gambar 22.20** hingga **22.23** adalah berkaitan;

b. Pemasangan *beam* kurang sempurna menyebabkan tiang pagar condong terutama di penjuru kerana *beam concrete* yang memegang tiang pagar berkaitan tidak cukup kuat dan sisa pembinaan tidak dibersihkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 22.20



GAMBAR 22.21



GAMBAR 22.22




GAMBAR 22.23



Pangkalan Udara Labuan
- Binaan Beam Pagar Tidak Sempurna Dan Tidak Menjamin Keselamatan
(20.12.2012)

c. Pintu pagar yang dipasang oleh kontraktor tidak boleh ditutup dengan sempurna dan dikunci sebaliknya terpaksa menggunakan rantai dan mangga untuk menguncinya seperti di gambar berikut:



GAMBAR 22.24

Pangkalan Udara Labuan
- Binaan Pintu Pagar Tidak Sempurna
Dan Tidak Menjamin Keselamatan
(20.12.2012)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Pihak TUDM telah memajukan teguran Audit dan tidak akan menerima infra tersebut selagi pembaikan tidak dibuat menepati spesifikasi dalam kontrak. Manakala pihak JKR telah memberi maklum balas bahawa kerja-

kerja pembinaan pagar di PU Labuan dibuat berdasarkan piawaian dan kos yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi untuk semua kawasan yang diwartakan sebagai kawasan keselamatan. Spesifikasi yang ditetapkan adalah pagar 4 meter tinggi, kawat berduri jenis Y.

Pada pendapat Audit, pembinaan pagar perimeter tersebut tidak menepati garis panduan dan reka bentuk standard yang ditetapkan serta tidak menjamin keselamatan serta tidak menjamin keselamatan Pangkalan Udara Labuan.

22.5.3. Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT)

22.5.3.1. Kementerian telah menyediakan kemudahan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) mengikut kelas dan kelayakan yang telah ditetapkan bagi anggota yang telah berkeluarga. Anggota bujang pula akan ditempatkan di *mess*/berek bujang. Bagi tujuan tersebut PUL telah diperuntukkan RKAT berjumlah 929 unit iaitu sebanyak 453 unit di RKAT Membedai; (69 unit bagi pegawai dan 384 untuk lain-lain pangkat (LLP)), 175 unit di RKAT Sungai Bedaun; (43 unit untuk pegawai dan 132 unit bagi anggota LLP), 101 di RKAT Ganggarak, (33 unit untuk pegawai dan 68 unit untuk anggota LLP), 96 unit di RKAT Taman Fulliwa dan 104 unit di RKAT Batu Arang kesemua untuk anggota LLP. Bilangan unit RKAT diduduki, kosong dan rosak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.7
BILANGAN RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA DAN KELAS DI PANGKALAN UDARA LABUAN

LOKASI RKAT/PERKARA/ KELAS RKAT	UNIT RKAT									
	KELAS RKAT PEGAWAI					KELAS RKAT ANGGOTA LLP				
	B	C+	C MOD	C FLAT	JUMLAH	E	F	G	JUMLAH	JUMLAH BESAR
MEMBEDAI	**1**	**2**	**0**	**66**	**69**	**28**	**92**	**264**	**384**	**453**
Diduduki	1	1	0	44	46	18	66	142	226	272
Kosong	0	1	0	16	17	9	4	0	13	30
Rosak	0	0	0	6	6	1	22	122	145	151
SUNGAI BEDAUN	**1**	**2**	**6**	**34**	**43**	**6**	**54**	**72**	**132**	**175**
Diduduki	1	2	3	26	32	2	48	72	122	154
Kosong	0	0	3	7	10	4	2	0	6	16
Rosak	0	0	0	1	1	0	4	0	4	5
GANGGARAK	**2**	**1**	**12**	**18**	**33**	**8**	**60**	**0**	**68**	**101**
Diduduki	2	1	10	14	27	5	55	0	60	87
Kosong	0	0	2	3	5	1	0	0	1	6
Rosak	0	0	0	1	1	2	5	0	7	8

LOKASI RKAT/PERKARA/ KELAS RKAT	UNIT RKAT									
	KELAS RKAT PEGAWAI					KELAS RKAT ANGGOTA LLP				
	B	C+	C MOD	C FLAT	JUMLAH	E	F	G	JUMLAH	JUMLAH BESAR
TAMAN FULLIWA	0	0	0	0	**0**	0	96	0	**96**	**96**
Diduduki	0	0	0	0	0	0	95	0	95	95
Kosong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Rosak	0	0	0	0	0	0	1	0	1	1
BATU ARANG BPKP	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**0**	**104**	**104**	**104**
Diduduki	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kosong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Rosak	0	0	0	0	0	0	0	104	104	104
JUMLAH BESAR	**4**	**5**	**18**	**118**	**145**	**42**	**302**	**440**	**784**	**929**

22.5.3.2. Lawatan Audit ke RKAT di PUL mendapati perkara berikut:

a. Sebanyak 151 unit RKAT Membedai tidak diduduki kerana mengalami kerosakan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kerosakan mengenainya kerana tiada laporan kerosakan lengkap dikemukakan.

b. JKR telah memaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri pada bulan Februari 2010 mengenai RKAT TUDM Batu Arang yang mengalami rekahan yang semakin serius, besi tetulang berkarat serta dinding pecah dan runtuh. JKR juga telah memohon khidmat nasihat teknikal daripada Bahagian Forensik, Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan serta mengadakan lawatan tapak dan kajian pada bulan Januari 2010. Bahagian tersebut berpendapat bangunan rumah Kerajaan tersebut tidak selamat diduduki dan tidak ekonomik untuk dibaiki. Bagaimanapun, RKAT berkenaan masih lagi digunakan kerana kekurangan kuarters pada masa tersebut dan pihak Audit dimaklumkan pada bulan Januari 2012 RKAT berkenaan telah dikosongkan sepenuhnya. Semakan lanjut mendapati tiada keputusan muktamad daripada Kementerian mengenai tindakan perlu diambil mengenainya menyebabkan kuarters berkenaan tidak terurus serta ditumbuhi semak samun seperti di gambar berikut:

GAMBAR 22.25



GAMBAR 22.26



GAMBAR 22.27



GAMBAR 22.28



Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Batu Arang
- Daun Pintu Dan Tingkap Tiada Serta Dipenuhi Semak Samun
Sejak Pengosongannya Mulai Bulan Januari 2012
(20.12.2012)

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Sebanyak 24 Unit RKAT Membedai telah diperbaiki dan telah digunakan sebagai penempatan transit anggota serta baki sebanyak 127 unit akan dinaiktaraf dengan kos pembaikan berjumlah RM6 juta yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2014. Kementerian memutuskan untuk tidak membaik pulih RKAT TUDM Batu Arang memandangkan ianya tidak ekonomik untuk dibaiki. Justeru, Kementerian sedang dalam pertimbangan untuk memajukan kawasan tersebut secara penswastaan (landswap).

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memantau RKAT yang telah dikosongkan dan mengambil tindakan sepatutnya dengan segera bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

22.5.4. Pembinaan Parkir Berbumbung

Mengubahsuai atau membina sesuatu yang bukan sedia ada dikategorikan sebagai perkhidmatan *'work service'* manakala pengubahsuaian kecil merupakan sebahagian dari kerja senggaraan. Selain itu, Agensi Pelaksana perlu melaksanakan kerja berdasarkan butiran kerja yang dinyatakan dalam borang senggara yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati PUL telah mengeluarkan 3 Pesanan Rasmi Kerajaan berjumlah RM51,737 bagi kerja senggaraan parkir di RKAT dan Skuadron 340. Semakan lanjut mendapati, kerja senggaraan tersebut merupakan pembinaan parkir kenderaan/motor berbumbung dan bukannya senggaraan parkir kenderaan. Perbelanjaan tersebut telah dibuat dengan menggunakan kod objek sebagai (OS) 28101 oleh PTJ Pangkalan TUDM Labuan walaupun perbelanjaan pembinaan sepatutnya di caj bawah OS 32199 sehingga menyebabkan perbelanjaan senggaraan terlebih caj berjumlah RM51,737. Maklumat lanjut mengenainya seperti di jadual berikut:

JADUAL 22.8
SENARAI KERJA SENGGARAAN MELIBATKAN PEMBINAAN

NO. BAUCAR/ TARIKH	LOKASI	AMAUN (RM)	NAMA KONTRAKTOR	KETERANGAN KERJA BORANG SENGGARA 4	KERJA SEBENAR
B2639/ 04.12.2012	Blok E, RKAT Sungai Bedaun	16,495	Tanjung Jaya Contractor	Kerja Penyenggaraan parkir kenderaan berbumbung	Pembinaan parkir motor berbumbung
B2640/ 04.12.2012	Blok E, RKAT Ganggarak	19,398	Satura Jaya Enterprise	Kerja Penyenggaraan parkir kenderaan berbumbung	Pembinaan parkir kereta berbumbung
B2641/ 04.12.2012	Skuadron 340	15,844	Pentas Jaya Enterprise	Kerja Penyenggaraan tempat parkir motor di Skuadron 340	Pembinaan parkir berbumbung
JUMLAH		**51,737**			

Pada pendapat Audit, kesilapan koding ini akan menyebabkan prestasi perbelanjaan bagi kerja senggaraan tidak menggambarkan keadaan sebenar.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Pihak TUDM akan memastikan PU Labuan menggunakan kod peruntukan yang sesuai di masa akan datang untuk semua kerja peningkatan dan ubah suai. Peringatan berterusan akan terus diberikan.

22.5.5. Perjawatan Di Unit Senggara Kompleks Dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan

22.5.5.1. Unit Senggara Kompleks yang bertanggungjawab sebagai unit yang memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor/pelaksana. Semakan Audit mendapati, hanya seorang pegawai; 5 anggota lain-lain pangkat (LLP) dan 9 penjawat awam telah diluluskan untuk memenuhi keperluan di unit tersebut. Bagaimanapun, 2 perjawatan bagi LLP dan 2 jawatan bagi kakitangan awam tidak diisi. Bilangan perjawatan ini tidak memadai bagi memantau kerja senggaraan ke atas 564 bangunan dan fasiliti di Pangkalan Udara Labuan yang dilaksanakan sama ada oleh BPKP, JKR atau pihak Pangkalan sendiri.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

TUDM bersetuju dengan teguran Audit dan akan memastikan perjawatan di PU Labuan mengikut perjawatan yang diluluskan apabila terdapat calon yang bersesuaian kelak.

22.5.5.2. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) bertanggungjawab sebagai Agensi Pelaksana bagi projek yang telah ditetapkan di dalam skop kontrak dan projek kecemasan. BPKP telah melantik Kamiru Enterprise melalui kontrak bermasa untuk pelaksanaan kerja awam di Pangkalan Udara Labuan yang bertanggungjawab melaksanakan kerja

senggaraan secara berkala dan pencegahan. Semakan Audit mendapati, carta organisasi perjawatan unit BPKP tidak menyatakan bilangan anggota yang perlu ditempatkan di Pangkalan Udara Labuan tetapi semasa pengauditan dijalankan didapati hanya seorang anggota berpangkat Sarjan telah ditempatkan di Pangkalan Udara Labuan bagi memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan dipantau oleh seorang pegawai berpangkat Mejar yang berkhidmat secara hakiki di BPKP Sabah. Penempatan Sarjan tersebut adalah berdasarkan kelulusan dalaman unit bagi tujuan memantau kerja yang telah diamanahkan. Memandangkan beban kerja yang dicatatkan adalah tinggi antara 293 hingga 492 aduan kerosakan (bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012), keupayaan seorang anggota untuk mengendalikan tugas tersebut adalah terhad kerana anggota tersebut juga perlu melaksanakan tugas lain yang diarahkan, berkursus atau bercuti. Keadaan berkaitan boleh menjejaskan tugas pemantauan terhadap kerja senggaraan.

Pada pendapat Audit, memandangkan bebanan tugas senggaraan bangunan dan fasiliti yang banyak, Unit Senggara Kompleks perlu di struktur semula dengan menambah perjawatan menggunakan perjawatan daripada unit yang telah terlebih diisi.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Melalui perancangan jangka pendek pihak BPKP akan menambah seorang anggota LLP di PU Labuan bagi membantu staf sedia ada. Perancangan jangka panjang pula BPKP akan menambah perjawatan Tim Labuan dengan menempatkan seorang Pegawai berpangkat Kapten dan 10 anggota LLP. Kertas cadangan penstrukturan semula BPKP kini masih dalam peringkat perbincangan dengan Markas Angkatan Tentera Malaysia, Bahagian Perancangan Pertahanan.

22.5.6. Latihan

Penempatan Pegawai dan Anggota LLP Angkatan Tentera Malaysia berdasarkan kepada bidang/kepakaran yang diperolehi semasa latihan. Setiap Pegawai dan Anggota LLP perlu menghadiri latihan yang bersesuaian mengikut jawatan dan bidang kerja yang dipertanggungjawabkan semasa dalam perkhidmatan bagi memastikan mereka berpengetahuan dan berkemahiran dengan tugas yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati, Pegawai Senggara Kompleks tidak mendapat latihan dan kursus mengenai senggaraan bangunan, elektrik dan mekanikal dan hanya menghadiri Kursus Membaca Lukisan Binaan di Infra Bina selama 5 hari sahaja. Bagi anggota LLP pula hanya menghadiri kursus yang melibatkan kerja kerani/pentadbiran sahaja tetapi tidak pernah menjalani kursus yang berkaitan dengan kontrak dan senggaraan.

Pada pendapat Audit, pegawai/anggota yang diberi tanggungjawab menyelia/memantau kerja senggaraan perlu mempunyai latihan yang mencukupi bagi memudahkan mereka memantau kerja penyenggaraan yang dilaksanakan.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Pegawai Senggara Kompleks berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (UPNM) dan seorang anggota berpangkat Fsjn telah dihantar untuk menghadiri kursus di UTM SPACE pada tahun ini bermula Mac 13 - Sept 13 dan bakal menerima sijil kompetensi manakala anggota-anggota lain akan dihantar pada masa akan datang.

22.5.7. Status Hak Milik Tanah Dan Persempadanan Lapangan Terbang Labuan

Pihak Audit dimaklumkan, kawasan Lapangan Terbang Labuan (LTL) yang digunakan untuk penerbangan awam berada dalam kawasan PUL. Bangunan Kawalan Udara LTL dan peralatannya adalah hak milik TUDM malah pegawai yang melaksanakan tugas kawalan udara dan *aviation* adalah terdiri daripada Pegawai TUDM. Manakala bangunan terminal LTL milik Jabatan Penerbangan Awam (DCA) serta penyenggaraan *runway* diuruskan oleh Malaysia Airport Berhad (MAB). Semakan lanjut mendapati, tiada dokumen rasmi berkaitan penyerahan lapangan terbang tersebut kepada MOT/DCA. Selain itu, tiada dokumen mengenai keluasan, persempadanan dan status tanah lapangan terbang tersebut dikemukakan untuk semakan.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Mesyuarat di antara PU Labuan dan MAB telah diadakan pada bulan April 2013 bagi menentukan sempadanan kawasan tanggungjawab. Pihak Markas Tentera Udara mengesahkan bahawa Lapangan Terbang Labuan tidak terletak di dalam kawasan PU Labuan seperti yang dinyatakan oleh pihak Audit. Lapangan Terbang Labuan adalah terletak di atas tanah kerajaan Negeri Sabah yang telah diwartakan sebagai 'Aerodrome Reserve' melalui warta Kerajaan Negeri No. S91-52 dan bukan di atas tanah milik persekutuan.

Pada pendapat Audit, penentuan hak milik tanah dan persempadanan adalah penting bagi menentukan tanggungjawab penyenggaraan bangunan/fasiliti yang terlibat.

22.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan prestasi kerja senggaraan bangunan Pangkalan Udara Labuan mencapai tahap yang lebih baik dan tidak menjejaskan keadaan luaran serta struktur bangunan, adalah disyorkan supaya Kementerian dan pihak lain yang berkaitan mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

22.6.1. merancang dengan teliti senggaraan yang perlu ke atas semua aset dengan memperuntukkan sumber kewangan sewajarnya bagi memulihara aset Kerajaan;

22.6.2. memantau dan memperbaiki kerosakan yang dilaporkan dengan segera bagi memastikan keselesaan pengguna serta menyelenggara rekod penyenggaraan dengan lebih sempurna;

22.6.3. memastikan pembinaan berkaitan pada masa akan datang dirancang dengan lebih teliti bagi mengelakkan pembaziran;

22.6.4. mengambil tindakan sepatutnya terhadap kuarters yang rosak dan dikosongkan; dan

22.6.5. memastikan pegawai/anggota LLP yang ditempatkan di Unit Senggara Kompleks diberikan kursus/latihan serta mahir mengenai kerja senggaraan untuk pemantauan pelaksanaan penyenggaraan yang lebih berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 262-273 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

23. PROGRAM ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN


23.1. LATAR BELAKANG

23.1.1. Pemerdagangan orang membawa maksud segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud tersebut. Penyeludupan migran bererti mengatur, memudahkan atau merancang secara langsung atau tidak langsung kemasukan atau pengeluaran seseorang ke dalam atau melalui atau dari mana-mana negara secara tidak sah yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap.

23.1.2. Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (AAO) (Akta 670) yang berkuat kuasa pada bulan Februari 2008 dan Pelan Tindakan Kebangsaan yang dirangka bagi tempoh tahun 2010 hingga 2015, diwujudkan sebagai instrumen bagi menangani jenayah tersebut terutamanya yang menyentuh mengenai pencegahan, pemulihan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang termasuk pendakwaan. Akta ini telah dipinda bagi memasukkan bahagian baru khusus untuk menangani jenayah penyeludupan migran dan berkuat kuasa mulai 15 November 2010. Akta ini kemudiannya dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta AOAM 2007).

23.1.3. Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO) telah ditubuhkan selaras dengan penguatkuasaan AAO pada 28 Februari 2008. Berikutan berkuat kuasa pindaan Akta sedia ada, maka MAPO kini dikenali sebagai Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. MAPO dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh KSU/Ketua Jabatan dari beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan; serta wakil daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau organisasi lain yang diperuntukkan oleh Akta. Menteri Kementerian Dalam Negeri memberikan MAPO arahan berkaitan fungsi serta kuasa yang tidak berlawanan dengan Akta dan MAPO hendaklah melaksanakan arahan itu. Carta organisasi/keanggotaan dan Jawatankuasa MAPO adalah seperti di **Carta 23.1**.

CARTA 23.1
CARTA ORGANISASI/KEANGGOTAAN SERTA JAWATANKUASA
MAJLIS ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN



23.1.4. Tanggungjawab utama MAPO adalah seperti mana yang ditetapkan di bawah Seksyen 7, Akta AOAM 2007 antara lain:

23.1.4.1. menyelaras pelaksanaan Akta AOAM 2007;

23.1.4.2. merumus dasar dan program bagi mencegah, melindungi serta memerangi jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran;

23.1.4.3. memulakan program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam;

23.1.4.4. menasihati Kerajaan berhubung dengan isu ini termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;

23.1.4.5. memantau corak imigrasi dan emigrasi di Malaysia dan mendapatkan respons segera mengenai agensi kerajaan yang berkaitan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO);

23.1.4.6. bekerjasama dan menyelaraskan dengan organisasi antarabangsa; dan

23.1.4.7. membuat syor kepada Menteri Kementerian Dalam Negeri tentang segala aspek pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

23.1.5. Pada tahun 2012, Malaysia disenaraikan di Tahap 2 Senarai Pemerhatian mengikut pencapaian Laporan Pemerdagangan Manusia/*Trafficking In Persons Report* (Laporan TIP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS). Pencapaian Laporan TIP diukur berdasarkan pematuhan standard minimum Akta Perlindungan Pemerdagangan Dan Keganasan/Trafficking Victims Protection Act (TVPA) oleh negara dunia dalam memerangi dan menangani isu pemerdagangan manusia. Ia ditunjukkan dalam tahap/ranking seperti berikut:

23.1.5.1. Tahap 1 (Tier 1) – negara yang melakukan pematuhan sepenuhnya terhadap TVPA;

23.1.5.2. Tahap 2 (Tier 2) – negara yang tidak melakukan pematuhan sepenuhnya tetapi ada usaha yang signifikan untuk mematuhi TVPA;

23.1.5.3. Tahap 2 Senarai Pemerhatian (Tier 2 Watchlist) – negara yang tidak melakukan pematuhan sepenuhnya tetapi ada usaha yang signifikan untuk mematuhi TVPA. Namun, jumlah/bilangan kes mangsa pemerdagangan adalah membimbangkan dan gagal untuk mengemukakan bukti terhadap peningkatan dalam usaha memerangi pemerdagangan manusia berbanding tahun lepas. Bagaimanapun, ada usaha untuk mematuhi TVPA dengan mengambil langkah tertentu pada tahun berikutnya; dan

23.1.5.4. Tahap 3 (Tier 3) – negara yang tiada usaha untuk mematuhi standard minimum TVPA.

23.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, pengauditan ini juga bagi menilai keberhasilan program dan seterusnya untuk mencadangkan penambahbaikan pengurusan program supaya kedudukan tahap pencapaian negara dalam laporan penilaian pemerdagangan manusia oleh JNAS dapat ditingkatkan.

23.3. SKOP PENGAUDITAN

23.3.1. Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pemeriksaan telah dilakukan di pejabat Sekretariat Majlis Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran, Kementerian Dalam Negeri dan 5 Jawatankuasa serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Antara Agensi dalam Jawatankuasa

Penguatkuasaan yang diaudit terdiri daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di peringkat Ibu Pejabat. Manakala di peringkat pejabat negeri adalah Selangor dan Sabah (kecuali PDRM dan JKDM), Sarawak, Negeri Sembilan serta Kelantan.

23.3.2. Pengauditan turut dijalankan di Rumah Perlindungan (RP) Wanita Jalan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur (RP 1/5); RP Kanak-Kanak Bukit Ledang, Kuala Lumpur (RP 2); RP Wanita Likas, Sabah (RP 3) dan RP Lelaki Tanjung Kling, Melaka (RP 4) yang terletak di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Perlindungan Dan Pemulihan Mangsa.

23.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen termasuk fail siasatan; testimoni melalui temu bual/perbincangan dengan pegawai dan kakitangan yang berkenaan serta mangsa pemerdagangan orang; lawatan dan pemeriksaan fizikal di Rumah Perlindungan serta pemerhatian terhadap aktiviti bagi program yang dijalankan oleh National Council Of Women's Organisation (NCWO). Selain itu, pihak Audit juga mengedarkan borang soal selidik kepada pegawai penguat kuasa dan orang awam serta membuat analisis terhadap data yang dikumpul.

23.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga November 2012 mendapati pencapaian pelaksanaan Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Antara perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. perancangan kewangan program tidak disediakan dengan teliti dan peruntukan tidak dibelanjakan mengikut tujuan ia disediakan;
ii. kelemahan dalam penyelarasan program dan tindakan bersepadu antara Jawatankuasa; dan
iii. kelemahan dalam penyelarasan dan pemantauan program oleh MAPO.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian Dalam Negeri adalah seperti di perenggan berikut:

23.5.1. Prestasi Program

23.5.1.1. Prestasi Pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan Akta AOAM 2007

a. Mengikut minit mesyuarat MAPO, prestasi pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap Akta AOAM 2007 bagi tempoh

28 Februari 2008 hingga 17 Disember 2012 menunjukkan perkara seperti berikut:

i. sebanyak 659 kes telah disiasat di bawah Akta AOAM 2007 melibatkan seramai 3,363 orang mangsa yang diselamatkan dan disiasat di bawah Perintah Perlindungan Sementara/*Interim Protection Order* (IPO) serta seramai 886 orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta tersebut telah ditangkap;

ii. daripada jumlah mangsa yang diselamatkan dan disiasat di bawah IPO, seramai 1,235 orang (36.7%) selanjutnya disiasat di bawah Perintah Perlindungan/*Protection Order* (PO);

iii. sebanyak 503 (76.3%) daripada 659 kes yang disiasat telah didaftarkan di mahkamah untuk tindakan pendakwaan dengan kes yang sedang dibicarakan sebanyak 277 kes (55.1%). Bagi 226 kes (44.9%) yang telah dibicarakan dan diambil tindakan oleh mahkamah, 112 kes (49.6%) disabitkan; 88 kes (38.9%) dilepaskan dan dibebaskan/*acquitted and discharged* (DNA); 26 kes (11.5%) dilepaskan tanpa dibebaskan/*discharged not amounting to acquittal* (DNAA) dan bilangan orang kena tuduh seramai 330 orang; dan

iv. bilangan dan peratusan mangsa telah disiasat di bawah IPO dan didapati tiada kes sebelum dibawa ke PO adalah 2,128 (63.3%) daripada 3,363 orang mangsa.

b. Maklumat terperinci berkenaan prestasi pencapaian pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan Akta AOAM 2007 bagi tempoh 28 Februari 2008 hingga 17 Disember 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.1
PRESTASI PENCAPAIAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN AKTA AOAM 2007 BAGI TEMPOH 28 FEBRUARI 2008 HINGGA 17 DISEMBER 2012

MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG DISELAMATKAN DAN DISIASAT				JUMLAH PESA-LAH DI BAWAH AKTA AOAM (Orang)	MAKLUMAT SIASATAN DI BAWAH AOAM					PENDAKWAAN DI BAWAH AOAM				
IPO (Orang)	PO (Orang)	DISIASAT DAN DIDAPATI TIADA KES SEBELUM KE PO (Orang)	TIDAK DIPAN-JANGKAN KE PO (%)		AGENSI	BIL. KES	JUM-LAH KES	JUMLAH KES DIDAFTAR-KAN UNTUK TINDAKAN MAHKAMAH	KES DIDAF-TARKAN (%)	JUMLAH KES SEDANG DIBICA-RAKAN	JUMLAH KES SELESAI			KES DISABIT BERBANDING YANG TELAH DIBICARA (%)
											DNA	DNAA	SABIT	
3,363	1,235	2,128	63.3	886	PDRM	481	659	503	76.3	277	88	26	112	49.6
					JIM	143								
					APMM	23								
					JKDM	2								
					JTK	10								
												226 (44.9%)		

Sumber : Minit Mesyuarat Majlis Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran
Nota : IPO - Interim Protection Order PO - Protection Order
DNA - Dilepaskan Dan Dibebaskan DNAA- Kes Dilepaskan Tanpa Dibebaskan

c. Semakan Audit selanjutnya terhadap statistik melibatkan satu daerah masing-masing di 5 negeri bagi 5 Agensi Penguatkuasaan menunjukkan

sebanyak 12, 17 dan 22 fail kertas siasatan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing telah dibuka untuk disiasat di bawah Akta AOAM 2007. Daripada jumlah kertas siasatan yang dibuka tersebut, sebanyak 8, 6 dan 14 kes masing-masing selanjutnya disiasat di bawah Perintah Perlindungan Sementara/*Interim Protection Order* (IPO) manakala sebanyak 3 dan 4 kes disiasat di bawah Perintah Perlindungan/*Protection Order* (PO) bagi tahun 2011 dan 2012. Tiada kes disiasat di bawah PO pada tahun 2010. Seterusnya, masing-masing sebanyak satu, 6 dan 3 kes telah didakwa/dituduh pada tahun 2010, 2011 dan 2012 dengan 6 dan 2 kes telah disabitkan kesalahan pada tahun 2011 dan 2012. Tiada kes telah disabitkan kesalahan pada tahun 2010. Prestasi pencapaian pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan Akta AOAM 2007 oleh 5 Agensi Penguatkuasaan bagi 5 negeri masing-masing melibatkan satu daerah yang diperiksa adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.2
PRESTASI PENCAPAIAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA AOAM 2007 OLEH 5 AGENSI PENGUATKUASAAN BAGI 5 NEGERI MASING-MASING MELIBATKAN SATU DAERAH

AGENSI PENGUAT-KUASAAN	JENIS KESA-LAHAN	2010					2011					2012				
		BIL KS	IPO (Bil. Kes)	PO (Bil. Kes)	TUDUH (Bil. Kes)	SABIT (Bil. Kes)	BIL KS	IPO (Bil. Kes)	PO (Bil. Kes)	TUDUH (Bil. Kes)	SABIT (Bil. Kes)	BIL KS	IPO (Bil. Kes)	PO (Bil. Kes)	TUDUH (Bil. Kes)	SABIT (Bil. Kes)
PDRM	AO	7	5	0	0	0	7	3	2	0	0	5	5	0	0	0
	AM	0	TB	TB	0	0	0	TB	TB	0	0	0	TB	TB	0	0
JIM	AO	0	0	0	0	0	3	3	1	1	1	5	5	2	2	1
	AM	0	TB	TB	0	0	7	TB	TB	5	5	2	TB	TB	1	1
APMM	AO	3	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	AM	2	TB	TB	1	0	0	TB	TB	0	0	0	TB	TB	0	0
JKDM	AO	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	AM	0	TB	TB	0	0	0	TB	TB	0	0	0	TB	TB	0	0
JTK	AO	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	10	4	2	0	0
	AM	0	TB	TB	0	0	0	TB	TB	0	0	0	TB	TB	0	0
JUMLAH		12	8	0	1	0	17	6	3	6	6	22	14	4	3	2

Nota : KS - Kertas Siasatan IPO - Interim Protection Order PO - Protection Order
AO - Antipemerdagangan Orang AM - Antipenyeludupan Migran TB - Tidak Berkaitan

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 10 Jun 2013


Arahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara pada tahun 2010 bahawa semua kes yang melibatkan warga asing hendaklah diberi keutamaan untuk disiasat di bawah Akta AOAM 2007 terlebih dahulu kecuali kes bunuh, rompakan dan dadah. Seterusnya, peruntukan Perintah Perlindungan Sementara (IPO) selama tempoh 14 hari adalah untuk menentukan sama ada orang itu adalah orang yang diperdagangkan di bawah Akta AOAM 2007. Perintah Perlindungan Tetap (PO) akan dikeluarkan selepas pihak Majistret berpuas hati bahawa orang yang dibawa ke hadapannya adalah orang yang diperdagangkan dan

memerlukan jagaan serta perlindungan lanjut. PO yang dikeluarkan adalah untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun bagi warga Malaysia dan tempoh tidak melebihi 3 bulan bagi warganegara asing. Oleh yang demikian, inilah yang menjelaskan perbezaan jumlah bilangan IPO dan PO. Bagi kes yang tidak dapat dituduh di bawah Akta AOAM 2007, orang yang disyaki akan dibebaskan atau dituduh melakukan kesalahan di bawah akta lain seperti Akta Kanun Keseksaan (Penal Code), Akta Imigresen 1959/63, Akta Paspot 1966, Akta Kerja 1955 dan sebagainya. Antara cabaran yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan dan pendakwaan adalah dari segi memastikan sabitan kes ialah kesukaran untuk mendapatkan kerjasama mangsa pemerdagangan orang sebagai saksi, maklumat tidak sahih dan tidak mempunyai unsur kesalahan di bawah Akta AOAM 2007.

23.5.1.2. Laporan Pemerdagangan Manusia Oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat Terhadap Malaysia

a. Kegiatan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran merupakan masalah yang kian meningkat bagi rantau Asia Tenggara. Ini kerana negara di rantau tersebut merupakan jalan perantaraan yang paling mudah ditembusi untuk tiba ke negara seperti Australia, Amerika Syarikat dan Eropah. Kesukaran memantau persempadanan negara yang panjang dan kurang berpenghuni telah menyumbang kepada pilihan negara ini sebagai negara transit yang strategik oleh sindiket haram. Walaupun Malaysia lazimnya bukan negara destinasi tetapi kekerapan penggunaan Malaysia sebagai negara transit oleh sindiket pemerdagangan orang dan penyeludupan migran telah mencemarkan nama baik Malaysia. Semakan Audit terhadap Laporan TIP yang disediakan oleh JNAS menunjukkan Malaysia pernah mendapat penilaian Tahap 3 pada tahun 2007 dan 2009 serta hanya menduduki Tahap 2 Senarai Pemerhatian pada tahun 2006 dan 2008. Bagi tempoh 3 tahun berturut-turut dari tahun 2010 hingga 2012, Malaysia terus kekal dinilai pada Tahap 2 Senarai Pemerhatian walaupun Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah diwujudkan dan berkuat kuasa pada bulan Februari 2008 bagi menangani masalah pemerdagangan orang di Malaysia. Kedudukan Malaysia mengikut Laporan TIP oleh JNAS bagi tempoh tahun 2005 hingga 2012 adalah seperti di carta berikut:

CARTA 23.2
KEDUDUKAN MALAYSIA MENGIKUT LAPORAN PEMERDAGANGAN ORANG JABATAN NEGARA AMERIKA SYARIKAT BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2012



Sumber : Laporan TIP
Nota : 2WL - Tahap 2 Senarai Pemerhatian (Tier 2 Watchlist)

b. Laporan TIP terkini oleh JNAS pada bulan Jun 2012 melaporkan Kerajaan Malaysia tidak mematuhi sepenuhnya standard minimum untuk membanteras jenayah pemerdagangan manusia. Kerajaan juga dilaporkan tidak menunjukkan peningkatan keseluruhan usaha untuk menangani pemerdagangan manusia berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, pengecualian telah diberi daripada turun ke kedudukan Tahap 3 kerana Kerajaan mempunyai pelan bertulis yang jika dilaksanakan menunjukkan kesungguhan untuk memenuhi standard minimum membanteras pemerdagangan manusia. Kerajaan Malaysia juga didapati telah memperuntukkan sumber yang mencukupi untuk melaksanakan rancangan itu.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 10 Jun 2013

Laporan Tahunan Pemerdagangan Orang yang disediakan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat hanya melibatkan penilaian bagi aspek pemerdagangan orang dan tidak menyentuh isu penyeludupan migran. Berdasarkan kepada trend semasa, Malaysia dikategorikan sebagai negara penerima bagi isu jenayah pemerdagangan orang manakala dikategorikan sebagai negara transit bagi jenayah penyeludupan migran. Standard minimum yang diguna pakai oleh JNAS dalam laporan penilaian tahunan pemerdagangan orang adalah berdasarkan kepada Trafficking Victim Protection Act 2000 (TVPA). Walaupun Malaysia mempunyai perundangan yang khusus mengenai jenayah ini, namun ia digubal dengan mengambil kira faktor seperti keselamatan dan ketenteraman awam, persekitaran,

kesesuaian budaya termasuk untuk memelihara integriti dan kedaulatan negara. Dalam usaha berterusan untuk mempertingkat inisiatif negara bagi menangani isu ini secara holistif dan kolektif, Malaysia berusaha untuk mencapai tahap amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Ini adalah seiring dengan saranan JNAS.

23.5.1.3. Prestasi Kewangan Program

a. Peruntukan dan perbelanjaan bagi program membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan migran bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PROGRAM ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN

KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI/NGO	TAHUN								
	2010			2011			2012		
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)
Jabatan Imigresen Malaysia	0.00	TM	TM	8.89	8.57	92.2	4.00	2.09	52.3
Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	0.00	TM	TM	0.41	TM	TM			
Kastam Diraja Malaysia (KDRM)	0.00	TM	TM	0.27	0.06	22.2	0.00	TM	TM
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	0.00	0.20	0	0.29	0.30	103.4	0.00	0.50	0
Kementerian Sumber Manusia (KSM)	0.00	TM	TM	0.40	0.40	100	0.00	0.11	0
Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan Dan Masyarakat (KPWKM)	0.00	2.30	0	2.30	1.25	54.3	2.30	1.36	59.1
Jabatan Peguam Negara (JPN/AGC)	0.00	0.01	0	0.06	0.03	50	0.00	TM	TM
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan (KPKK)	0.00	TM	TM	1.65	1.65	100	0.00	TM	TM
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	0.00	0.20	0	1.10	0.11	10	0.99	0.58	58.6
JUMLAH KESELURUHAN	**0.00**	**2.71**	**0**	**15.37**	**12.37**	**80.5**	**7.29**	**4.64**	**63.6**

Sumber : ***Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2010 Hingga 2012; Sekretariat MAPO; Bahagian Kewangan KDN; Serta Kementerian/Jabatan/Agensi Dan NGO Yang Berkenaan***
Nota : ***TM – Tiada Maklumat***

b. Walaupun program ini telah mula dilaksanakan dengan berkuatkuasanya Akta AOAM 2007 pada awal tahun 2008, semakan Audit mendapati peruntukan kewangan khusus berjumlah RM15.37 juta untuk program hanya diluluskan mulai tahun 2011. Ia diperuntukkan berdasarkan permohonan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi dan NGO yang terlibat. Daripada jumlah itu, sejumlah RM12.37 juta (80.5%) telah dibelanjakan sepanjang tahun 2011. Adalah juga didapati bagi tahun 2011, sejumlah RM8.89 juta diperuntukkan kepada JIM manakala PDRM sejumlah RM0.41 juta. JIM telah

membelanjakan sejumlah RM8.57 juta (92.2%) daripada yang diperuntukkan manakala tiada maklumat perbelanjaan diperoleh daripada PDRM. Daripada sejumlah RM8.57 juta yang dibelanjakan oleh JIM, hanya sejumlah RM14,400 (0.2%) dibelanjakan untuk program AOAM. Perbelanjaan selebihnya berjumlah RM8.56 juta (99.9%) telah dilakukan oleh JIM untuk aktiviti/program sedia ada seperti kerja pembaikan di Depot Tahanan Imigresen dan pembekalan makanan PATI di Depot. Manakala JKDM hanya membelanjakan sejumlah RM57,780 (22.2%) daripada yang diperuntukkan berjumlah RM0.27 juta. Bagi tahun 2010 pula, tiada peruntukan khusus disediakan untuk program AOAM dan sebaliknya agensi berkenaan menggunakan peruntukan sedia ada di bawah aktiviti masing-masing. Maklumat perbelanjaan bagi tempoh tersebut juga tidak dapat ditunjukkan oleh semua Kementerian/Jabatan/Agensi kecuali APMM, KPWKM, JPN dan NGO yang masing-masing melaporkan telah membelanjakan sejumlah RM200,000, RM2.30 juta, RM12,000 dan RM201,201 untuk program AOAM pada tahun 2010.

c. Bagi tahun 2012, Sekretariat MAPO melalui KDN hanya memohon peruntukan program bagi Jabatan dan Agensi di bawah kawalannya seperti PDRM dan JIM, manakala NGO masih menggunakan baki peruntukan tahun 2011. Kementerian/Jabatan/Agensi lain yang terlibat secara langsung dengan program AOAM seperti KPWKM; KSM; Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan; JPN, JKDM dan APMM perlu memohon peruntukan untuk program ini melalui Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing. KPWKM telah mengemukakan permohonan peruntukan dan telah diluluskan. Manakala APMM dan KSM telah membelanjakan sejumlah peruntukan untuk aktiviti program AOAM dengan menggunakan peruntukan sedia ada di bawah agensi masing-masing.

Pada pendapat Audit, prestasi program mengenai aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan serta perancangan dan penggunaan peruntukan program adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Selain itu, peruntukan yang diluluskan untuk tujuan membanteras pemerdagangan orang perlu dibelanjakan hanya untuk tujuan tersebut oleh Kementerian/Agensi di bawah Jawatankuasa terlibat yang diluluskan oleh Akta AOAM 2007.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013

Pada 1 September 2010, Kementerian Kewangan telah menyatakan bahawa setiap Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menangani jenayah pemerdagangan orang hendaklah mendapatkan peruntukan bagi membiayai aktiviti mereka daripada Kementerian/Agensi masing-masing. Oleh itu, Sekretariat MAPO telah mengeluarkan surat bertarikh 6

September 2010 kepada semua jawatankuasa di bawah MAPO bagi memaklumkan perkara tersebut. Setakat ini, hanya KDN dan KPWKM yang diluluskan peruntukan khusus bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang. Pada tahun 2011, Kementerian Kewangan telah menyalurkan peruntukan secara one-off kepada semua agensi penguatkuasaan termasuk kepada KPKK dan Jabatan Peguam Negara (AGC). Bagi tahun 2012 dan berikutnya, agensi penguatkuasaan yang bukan di bawah naungan KDN seperti KDRM, APMM, JTK telah memohon peruntukan di bawah aktiviti penguatkuasaan yang turut merangkumi aktiviti membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan migran daripada Perbendaharaan tetapi tidak mendapat kelulusan. Ini menyebabkan kekangan kepada agensi tersebut untuk melaksanakan tugasan secara efektif kerana hanya menggunakan peruntukan sedia ada jabatan. KPKK dan AGC juga menghadapi masalah yang sama kerana terpaksa menggunakan peruntukan sedia ada kementerian/jabatan bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Ekoran keadaan tersebut juga, KPKK dan agensi di bawahnya terpaksa menggunakan saluran media yang ada seperti melalui siaran televisyen dan radio RTM dan BERNAMA bagi tujuan kempen kesedaran.

23.5.2. Pelaksanaan Mekanisme Perundangan

23.5.2.1. Keberkesanan pelaksanaan undang-undang yang telah dikuatkuasakan boleh dicapai dengan membuat kajian semula dan memperbaiki undang-undang terutamanya yang berkaitan dengan penyiasatan dan pendakwaan. Prosedur operasi sedia ada boleh dikaji semula sekiranya perlu untuk mempertingkatkan tahap siasatan, perlindungan dan pendakwaan selaras dengan kehendak semasa. MAPO telah menubuhkan Jawatankuasa Perundangan yang diterajui oleh Jabatan Peguam Negara (JPN) dengan tujuan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan Akta AOAM 2007 dan mengkaji semula prosedur operasi sedia ada bagi tujuan penambahbaikan.

23.5.2.2. Semakan Audit terhadap Laporan TIP tahun 2012 mendapati perkara seperti berikut:

a. Walaupun Kerajaan Malaysia ada mendakwa dan menghukum pesalah pemerdagangan seks namun ia tidak menunjukkan kemajuan dalam usaha untuk menghukum mereka yang mengeksploitasi orang lain sebagai buruh paksa.

b. Banyak kes pendakwaan yang tertangguh dengan proses pendakwaan sehingga membawa kepada pelepasan dan pembebasan terus kekal tinggi. Rujukan kepada Minit Mesyuarat MAPO mendapati sehingga bulan Disember 2012, sebanyak 277 kes (55.1%) masih di peringkat perbicaraan

daripada 503 kes yang didaftarkan untuk pendakwaan/pertuduhan manakala daripada 226 kes yang telah dibicarakan di mahkamah, sebanyak 114 kes (50.4%) telah dilepas dan dibebaskan atau dilepas tanpa dibebaskan (DNA atau DNAA). Perkara ini dikaitkan dengan banyaknya kes untuk disebut dan dibicarakan di mahkamah menyebabkan banyak kes tertangguh sepertimana yang dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perundangan. Semakan Audit terhadap 423 fail maklumat mangsa di semua Rumah Perlindungan (RP) mendapati terdapat mangsa ditempatkan di RP sehingga selama 665 hari. Manakala melalui surat daripada Jabatan Peguam Negara kepada pihak mahkamah menyebut pihak pendakwaan kadangkala berhadapan dengan kesukaran untuk meneruskan kes di bawah Akta AOAM 2007 kerana berlaku kelemahan di pihak hakim mahkamah/majistret dalam memahami dan mematuhi peruntukan Akta. Ekoran itu, Jawatankuasa Perundangan telah memutuskan supaya mengadakan kursus khas kepada Majistret sebagai satu pendedahan terhadap Akta AOAM untuk mengelak Majistret membuat keputusan yang kurang tepat. Selain itu, dalam mesyuarat Jawatankuasa Perundangan juga memaklumkan tiada *platform* disediakan untuk tujuan perbincangan atau membuat *post mortem* berkenaan kes pemerdagangan orang yang gagal disabitkan di mahkamah.

c. Kurangnya insentif bagi mangsa untuk mengambil bahagian dalam penyiasatan dan pendakwaan juga menyumbang kepada banyak kes tidak dapat disiasat dengan sempurna seterusnya tidak dapat dibawa untuk pertuduhan. Adalah didapati JPN akan memberi arahan untuk membuat pertuduhan sekiranya Agensi Penguatkuasaan memajukan kertas siasatan bersama keterangan. Oleh yang demikian, siasatan kes perlu dibuat dengan mendalam, sempurna dan lengkap bagi memastikan keterangan yang menyeluruh dapat disediakan, dibawa untuk pertuduhan dan pada akhirnya kes disabitkan dan pesalah dihukum.

d. Kerajaan telah dikritik kerana masih gagal mengambil tindakan pendakwaan jenayah terhadap 42 syarikat *outsourcing* yang mana lesen mereka hanya digantung kerana terlibat dalam aktiviti pemalsuan dokumen dan menyenaraikan majikan palsu.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan mekanisme perundangan perlu dipertingkatkan khususnya berhubung kefahaman dan persefahaman di kalangan pegawai penguat kuasa, pegawai penyiasat, pihak pendakwa raya dan pihak mahkamah dalam menguatkuasakan Akta AOAM 2007.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013

Sejak Akta Antipemerdagangan Orang 2007 mula berkuat kuasa pada 28 Februari 2008, Sekretariat MAPO telah menganjurkan sesi bina upaya seperti kursus, bengkel, sesi dialog, forum di peringkat domestik dan

antarabangsa untuk meningkatkan kefahaman dan persefahaman di kalangan pegawai penguat kuasa, pegawai penyiasat, pihak pendakwa raya dan pihak mahkamah. Sebagai contoh, Sekretariat MAPO merancang untuk mengadakan sesi dialog di setiap negeri pada tahun 2013. Satu sesi dialog telah diadakan di Kuantan, Pahang pada 20 Januari 2013.

Pihak Sekretariat dengan kerjasama pihak Jabatan Peguam Negara juga telah menganjurkan Bengkel Penambahbaikkan Akta AOAM 2007 pada 4 hingga 6 Februari 2013 di Melaka bagi tujuan memperkasakan Akta tersebut dalam menghadapi cabaran/ancaman pada masa kini dan akan datang oleh jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Antara perkara yang telah diberikan perhatian ialah mengenai peluang pekerjaan kepada mangsa pemerdagangan buruh yang tidak memerlukan perlindungan dan penjagaan secara lebih lanjut. Dalam hal ini, mangsa tidak akan ditempatkan di Rumah Perlindungan. Namun begitu, beberapa syarat akan dikenakan. Cadangan mengenai perkara ini sedang diteliti daripada aspek perundangan oleh Jabatan Peguam Negara. Aspek bayaran pampasan kepada mangsa juga akan dilaksanakan di mana ianya boleh diselaraskan dengan Seksyen 426 Kanun Keseksaan.

Seterusnya, bagi memantapkan aspek penguatkuasaan dan perlindungan, Manual Prosedur Kerja bagi semua agensi penguatkuasaan telah diluluskan oleh Mesyuarat MAPO pada 28 Februari 2013 manakala KPWKM pula akan menganjurkan satu bengkel khas pada bulan Julai 2013 untuk memuktamadkan Peraturan Rumah Perlindungan. Malahan, KPWKM juga telah bekerjasama dengan pihak NGO mengenai pengurusan kes termasuk penyediaan khidmat penterjemahan kepada mangsa warga asing.

Polisi di Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara bagi kes berkaitan dengan Akta AOAM 2007 adalah supaya ianya sentiasa dipantau bagi dipercepatkan prosiding di mahkamah tanpa menjejaskan Orang Kena Tuduh/orang yang diperdagangkan (mangsa). Pihak Pendakwaan tidak dibenarkan untuk memohon penangguhan tanpa alasan yang munasabah. Kebanyakan penangguhan yang berlaku adalah disebabkan oleh pihak peguambela OKT dan ketiadaan jurubahasa selain menunggu tarikh perbicaraan yang ditetapkan oleh pihak mahkamah. Melalui keputusan Mesyuarat MAPO Bil. 10/2011, Mahkamah Khas bagi kes pemerdagangan orang telah diwujudkan. Manakala melalui Mesyuarat MAPO Bil. 12/2011, pihak mahkamah juga telah memperkenalkan kod khas bagi kes AOAM iaitu 61AT dan 62AT supaya perbicaraan kes dapat dipercepatkan. Bagi kes yang melibatkan jumlah mangsa yang ramai pula, hanya beberapa orang mangsa sahaja yang perlu dipanggil untuk dirakam keterangannya di bawah Seksyen 52 Akta AOAM 2007. Ianya bertujuan supaya mangsa

tidak perlu berada di Malaysia untuk tempoh masa yang lama sebelum dihantar pulang ke negara asal mereka.

Jabatan Peguam Negara turut terlibat untuk memberikan ceramah berkaitan Akta AOAM 2007 kepada pihak mahkamah dalam usaha berterusan supaya kes berkaitan AOAM dapat difahami secara lebih mendalam dan jelas. Pada 27 September 2011, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan telah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat MAPO Bil. 9/2012 bagi menunjukkan komitmen pihak mahkamah untuk bekerjasama dengan pihak MAPO dalam pengendalian kes yang membabitkan Akta AOAM 2007. Pada 20 September 2012, pihak Jabatan Peguam Negara dan MAPO telah membuat pertemuan dengan pihak mahkamah untuk mengemukakan kesemua masalah yang dihadapi dengan pihak mahkamah. Secara dasarnya, melalui mesyuarat tersebut, adalah dipersetujui bahawa kursus khas kepada pihak mahkamah berkaitan dengan Akta AOAM 2007 akan dilaksanakan pada tahun 2013.

MAPO juga menyedari mengenai keperluan memberikan lebih insentif kepada mangsa bagi memberikan keterangan/saksi di Mahkamah dan seterusnya dapat meningkatkan sabitan kes. Antara cadangan insentif ialah dengan cara memberi peluang pekerjaan kepada mangsa pemerdagangan buruh serta bayaran pampasan kepada mangsa.

Pihak Jabatan Peguam Negara juga seterusnya mengambil maklum mengenai keperluan menyediakan platform untuk tujuan perbincangan atau post mortem dan akan mempertimbangkan cadangan ini untuk kes di bawah Akta AOAM 2007 yang gagal disabitkan di masa akan datang. Bagi kegagalan mengambil pendakwaan jenayah terhadap 42 syarikat outsourcing, dimaklumkan sekiranya kes tersebut dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, pihak pendakwaan akan membuat kajian terhadap kes tersebut. Sekiranya terdapat cukup keterangan dan bukti untuk mendakwa syarikat outsourcing berkenaan, tindakan sewajarnya akan diambil. Pada masa ini, permohonan untuk pelantikan syarikat outsourcing yang baru telah dibekukan dan syarikat outsourcing sedia ada tidak lagi dikategorikan sebagai majikan. Manakala Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses membuat pindaan kepada Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (APS 1981) bagi membolehkan syarikat outsourcing diletakkan di bawah APS 1981. Ini adalah bagi membolehkan pemantauan dan kawal selia dilaksanakan ke atas syarikat outsourcing.

23.5.3. Tindakan Bersepadu Agensi Penguatkuasaan

23.5.3.1. Tindakan bersepadu di kalangan Agensi Penguatkuasaan terutamanya yang melibatkan pertukaran maklumat, kawalan di pintu masuk negara, pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan adalah perlu bagi memastikan mangsa pemerdagangan orang diberikan perlindungan yang sewajarnya; mereka yang melakukan jenayah ini diberi hukuman setimpal; dan memberi fokus kepada koordinasi semasa melakukan operasi dan aktiviti serbuan rambang. Agensi Penguatkuasaan juga perlu menyediakan sistem yang mudah bagi membolehkan orang ramai membuat laporan tentang jenayah ini dengan cepat. Sistem laporan dan perkhidmatan talian *hotline* perlu bersifat mesra pelanggan dan efisien. Selain itu, data/maklumat yang bersepadu termasuk statistik dan laporan perlu dikemukakan kepada MAPO oleh Agensi Penguatkuasaan. Beberapa perkara yang disemak dan ditemui berhubung Agensi Penguatkuasaan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Penguatkuasaan telah ditubuhkan dan diterajui oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dengan ahlinya terdiri daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Semua agensi ini adalah Agensi Penguatkuasaan yang dilantik oleh MAPO melalui mandat dalam Akta AOAM 2007. Jawatankuasa perlu bermesyuarat 2 kali sebulan antara lain sebagai forum untuk membincang dan menyelesaikan permasalahan berbangkit berhubung penguatkuasaan terhadap Akta ini. Mesyuarat ini memberi ruang dan peluang untuk Agensi Penguatkuasaan menyelaraskan aktivitinya; mengemaskini statistik dan perkembangan semasa; mengenal pasti isu dan strategi bagi memperkasakan aktiviti penguatkuasaan; dan berkongsi maklumat, pembelajaran, pengalaman dan permasalahan berhubung penguatkuasaan Akta serta mengusahakan inisiatif penambahbaikan.

b. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penguatkuasaan telah bermesyuarat sebanyak 6 dan 4 kali masing-masing bagi tahun 2010 dan 2011 serta sebanyak 2 kali dalam tahun 2012 iaitu pada 8 Februari dan 24 Disember 2012.

c. Statistik penguatkuasaan dan siasatan kes AOAM oleh JTK setakat tarikh pengauditan menunjukkan sebanyak 10 kes sahaja disiasat. Manakala sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2012, JKDM pula hanya menyiasat 2 kes AOAM dan tiada pendakwaan terhadap kes yang disiasat.

d. Kes buruh tidak banyak dilaporkan walaupun pihak kedutaan Amerika Syarikat banyak menerima aduan mengenai kes eksploitasi perkhidmatan dan kerja paksa. Dikatakan kebanyakan kes tersebut tidak dibawa ke mahkamah dan ini tidak menggambarkan perkara yang sebenar berlaku.

23.5.3.2. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menjejaskan pencapaian prestasi pelaksanaan penguatkuasaan Akta AOAM adalah seperti berikut:

a. Berlaku pertambahan tugas hakiki pegawai penguat kuasa di Agensi Penguatkuasaan dengan berkuatkuasanya Akta AOAM 2007. Pegawai penguat kuasa berkenaan sedia ada dengan tugas hakiki untuk menguatkuasakan Akta di bawah Agensi masing-masing yang perlu dilaksanakan mengikut *key performance indicator* (KPI) yang ditetapkan. Namun, tiada pertambahan perjawatan diluluskan bagi maksud tersebut. Semakan Audit terhadap pencapaian prestasi pelaksanaan aktiviti oleh 5 Agensi Penguatkuasaan bagi 5 negeri yang dilawati mengikut bidang dan di bawah Akta masing-masing adalah jauh lebih tinggi berbanding aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta AOAM 2007 seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.4
PRESTASI PENCAPAIAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN OLEH AGENSI PENGUATKUASAAN BAGI 5 NEGERI YANG DILAWATI MENGIKUT BIDANG DAN DI BAWAH AKTA MASING-MASING BERBANDING DENGAN AKTA AOAM 2007


AGENSI PENGUAT-KUASAAN	TAHUN								
	2010			2011			2012		
	BIL. KES YANG DISIASAT DI BAWAH AKTA MASING-MASING	BIL. KES YANG DISIASAT DI BAWAH AKTA AOAM	KES DISIASAT DI BAWAH AKTA AOAM BERBANDING AKTA MASING-MASING (%)	BIL. KES YANG DISIASAT DI BAWAH AKTA MASING-MASING	BIL. KES YANG DISIASAT DI BAWAH AKTA AOAM	KES DISIASAT DI BAWAH AKTA AOAM BERBANDING AKTA MASING-MASING (%)	BIL. KES YANG DISIASAT DI BAWAH AKTA MASING-MASING	BIL. KES YANG DISIASAT DI BAWAH AKTA AOAM	KES DISIASAT DI BAWAH AKTA AOAM BERBANDING AKTA MASING-MASING (%)
Polis DiRaja Malaysia	5,180	69	1.3	5,052	49	1	4,323	49	1.1
Jabatan Imigresen Malaysia	8,978	6	0.1	6,781	10	0.1	9,083	23	0.3
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	906	6	0.7	571	0	0	542	2	0.4
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM
Jabatan Tenaga Kerja	188	TB	TB	179	2	1.1	332	27	8.1

Sumber: ***Polis DiRaja Malaysia; Jabatan Imigresen Malaysia; Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia; dan Jabatan Tenaga Kerja***
Nota : ***TM - Tiada Maklumat*** ***TB - Tidak Berkaitan***


b. Bengkel, seminar dan kursus berkaitan AOAM ada dianjurkan oleh Agensi Penguatkuasaan untuk memberi pendedahan serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada pegawainya. Pemahaman yang mendalam serta pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam menguatkuasakan Akta boleh membawa kepada penemuan kes pemerdagangan orang dan mangsa sebenar dapat dilindungi. Berdasarkan maklum balas soal selidik yang diterima daripada 679 orang pegawai penguat kuasa dari 5 Agensi Penguatkuasaan melibatkan satu daerah yang

dilawati menunjukkan seramai 497 orang (73.2%) faham dan jelas dengan tanggungjawab menguatkuasakan Akta AOAM 2007 seperti di **Carta 23.3**. Analisis Audit selanjutnya menunjukkan pegawai penguat kuasa di PDRM mempunyai tahap kefahaman yang tinggi iaitu sebanyak 82.4% diikuti dengan JTK sebanyak 79.1%; JIM sebanyak 74.6%; APMM sebanyak 65.9%; dan JKDM sebanyak 62%. Maklumat adalah seperti di **Carta 23.4**. Namun, temu bual pihak Audit dengan pegawai penguat kuasa 5 Agensi Penguatkuasaan yang dilawati tersebut menyatakan mereka masih kurang diberi pendedahan berkaitan AOAM dan masalah ini juga kerap dibangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa berkaitan. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa berkenaan ada disentuh mengenai pegawai penguat kuasa tidak membuat saringan yang teliti terhadap mangsa semasa operasi penguatkuasaan Akta serta tidak menjalankan siasatan dengan teratur dan lengkap semasa proses penyiasatan. Seterusnya didapati banyak kes digugurkan sama ada di peringkat siasatan mahupun di peringkat pendakwaan. Daripada 3,363 mangsa yang diselamatkan, seramai 2,128 (63.3%) mangsa dibebaskan manakala sebanyak 114 daripada 226 kes (50.4%) yang dibicarakan, telah dilepas dan dibebaskan (DNA) atau dilepas tanpa dibebaskan (DNAA). Manakala daripada sebanyak 255 kes PO yang disiasat, sebanyak 159 kes (62.4%) tidak mendapat izin Timbalan Pendakwa Raya untuk pendakwaan/pertuduhan kerana bukti kes tidak mencukupi.

CARTA 23.3
TAHAP PEMAHAMAN PEGAWAI 5 AGENSI PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTA AOAM 2007



CARTA 23.4
TAHAP PEMAHAMAN PEGAWAI 5 AGENSI PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTA AOAM 2007



c. Kekangan peruntukan untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta AOAM 2007 di mana agensi menggunakan peruntukan masing-masing bagi aktiviti sedia ada untuk melaksanakan program AOAM.

d. Kekurangan Rumah Perlindungan (RP) dan kedudukan RP di lokasi yang tidak strategik untuk menempatkan dan melindungi mangsa kes pemerdagangan orang.

e. Pemahaman yang mendalam dan jelas perlu ada untuk mengendali dan membicarakan kes pemerdagangan orang dan penyeludupan migran supaya mangsa yang sebenar dilindungi manakala penjenayah dapat didakwa dan dihukum sewajarnya.

23.5.3.3. Berdasarkan Laporan TIP bulan Jun 2012 yang dikeluarkan oleh JNAS, Kerajaan Malaysia telah disarankan untuk meningkatkan tindakan penguatkuasaan Akta AOAM 2007 dengan usaha seperti berikut:

a. membangun dan melaksanakan prosedur untuk mengenal pasti mangsa pemerdagangan buruh;

b. meningkatkan latihan untuk pegawai berkenaan pengendalian yang berkesan dalam kes pemerdagangan seks dan buruh;

c. meningkatkan latihan untuk mengenal pasti mangsa/*victim identification* pemerdagangan buruh;

d. memperbaiki usaha mengenal pasti mangsa pemerdagangan manusia tidak diugut atau dihukum bagi jenayah yang dilakukan akibat diperdagangkan; dan

Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan khususnya berkenaan tindakan bersepadu di kalangan Agensi Penguatkuasaan; aspek kekerapan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa, pertambahan tugas hakiki pegawai penguat kuasa dengan berkuatkuasanya Akta AOAM 2007 dengan tiada pertambahan perjawatan diluluskan; pendedahan pengetahuan dan kemahiran terhadap pelaksanaan Akta; serta kekangan peruntukan Kementerian/Jabatan/ Agensi berkaitan. Selain itu, pendedahan pengetahuan dan kemahiran terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta perlu diberikan kepada semua pegawai penguat kuasa di semua agensi penguatkuasaan.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013

Jawatankuasa Penguatkuasaan di bawah MAPO sentiasa berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan jenayah eksploitasi seks ini dapat dibendung. Ini dapat dibuktikan daripada statistik Jawatankuasa Penguatkuasaan bertarikh sehingga 31 Januari 2013 di mana terdapatnya peningkatan penguatkuasaan untuk kes eksploitasi seks sebanyak 102 kes berbanding dengan 52 kes bagi tahun 2011. Pada masa yang sama, KDN juga telah mengadakan kerjasama di peringkat antarabangsa dengan negara antaranya Republik Rakyat Cina dengan memuktamadkan Perjanjian Dalam Membanteras Jenayah Rentas Sempadan. Elemen kerjasama merangkumi pemerdagangan orang di mana ramai warga Cina yang menyalahgunakan pas lawatan sosial/pas pelajar semasa berada di Malaysia dengan melibatkan diri dalam aktiviti maksiat termasuk pelacuran. PDRM pula yang mengetuai Jawatankuasa Penguatkuasaan telah melaksanakan satu tindakan proaktif dengan menganjurkan Persidangan Agensi Penguatkuasaan bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2012 yang melibatkan 5 agensi penguatkuasaan; Unit Pencegah Penyeludupan; Pasukan Polis Marin dan pegawai perhubungan di bawah program AOAM daripada setiap Kontinjen. Ini adalah satu platform untuk berkongsi maklumat dan mewujudkan contact person dalam usaha untuk menjalankan tindakan bersepadu khususnya di kawasan sempadan.

Jawatankuasa Penguatkuasaan mengambil maklum akan teguran pihak Audit mengenai Mesyuarat Jawatankuasa yang perlu diadakan mengikut

ketetapan dan akan mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali setahun bagi membincang dan menyelesaikan sebarang perkara atau permasalahan berbangkit oleh Agensi Penguatkuasaan iaitu pada Mac, Jun, Ogos dan Oktober. Selain itu, PDRM telah melantik 14 orang pegawai pakar mengenai Akta AOAM 2007 pada bulan November 2012 untuk menjadi focal person di peringkat negeri manakala JTK pula telah melantik 57 orang pegawai tenaga kerja mulai bulan Disember 2012 bagi menjadi pakar rujuk bagi kes pemerdagangan buruh di Semenanjung Malaysia. Agensi penguatkuasaan lain di bawah MAPO dicadangkan untuk mengambil langkah yang sama.

Selain itu, Sekretariat MAPO juga telah menganjurkan sesi bina upaya seperti kursus, bengkel, sesi dialog, forum di peringkat domestik dan antarabangsa untuk meningkatkan kefahaman dan persefahaman di kalangan pegawai penguat kuasa namuan ianya tidak melibatkan semua pegawai penguatkuasa di bawah sesuatu agensi dan hanya tertumpu kepada pegawai penguatkuasa yang terlibat dengan tugas penyiasatan dan pendakwaan serta pegawai khas yang menjalankan tugas AOAM di peringkat negeri.

23.5.4. Kesedaran Awam Melalui Usaha Pencegahan

23.5.4.1. Salah satu strategi utama untuk mencegah dan membanteras jenayah dalam pemerdagangan orang ialah dengan mengadakan program kesedaran awam bagi mewujudkan masyarakat yang maklum, bertanggungjawab dan responsif terhadap jenayah ini. Program kesedaran awam secara besar-besaran perlu dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai medium komunikasi untuk memberi kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai bahaya jenayah pemerdagangan orang termasuk implikasinya kepada hak asasi manusia dan keselamatan negara. Kempen kesedaran awam perlu menyentuh mengenai hak asasi manusia serta perlindungan kepada mangsa dan hukuman kepada penjenayah. Adalah penting program kesedaran dan pencegahan dikoordinasikan bagi memastikan pelaksanaan yang lebih baik dan berkesan.

23.5.4.2. Sehubungan itu, Kerajaan melalui MAPO telah menubuhkan Jawatankuasa Media Dan Publisiti yang diterajui oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan. Jawatankuasa ini berfungsi untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan golongan sasaran tentang isu pemerdagangan orang; meningkatkan penyertaan, sokongan dan kerjasama agensi, persatuan, badan-badan bukan Kerajaan dan rakyat Malaysia pada semua peringkat dalam usaha membanteras pemerdagangan orang; serta mencegah dan membanteras penglibatan rakyat dalam aktiviti jenayah pemerdagangan orang. Kaedah

komunikasi yang dilaksanakan adalah melalui komunikasi media elektronik, bersemuka, media cetak, visual dan komunikasi media baru. Antara pelaksanaan program/aktiviti di bawah jawatankuasa ini bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:


JADUAL 23.5
PELAKSANAAN PROGRAM/AKTIVITI DI BAWAH JAWATANKUASA MEDIA DAN PUBLISITI BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

PROGRAM/AKTIVITI	TAHUN		
	2010	2011	2012
Komunikasi Media Elektronik (Televisyen dan Radio)			
Program Televisyen (temu bual/wawancara/*talkshow*	3 kali	4 kali	2 kali
Program Radio (temu bual/hebahan pengacara)	6 kali	6 kali	18 kali
Program Khidmat Awam (TV dan Radio)	Berterusan	Berterusan	7,268 kali
Treler/Kapsul	TM	464 kali	TM
Crawler	TM	164 kali	TM
Jingles	TM	4 kali	TM
Komunikasi Media Cetak			
Advertorial	241 kali	36 kali	TM
Poster	TM	50,000 cetakan	6,000 cetakan
Risalah	TM	30,000 cetakan	500 cetakan
Buku Informasi	TM	50,000 cetakan	1,000 cetakan
Risalah Kecil	TM	30,000 cetakan	TM
Komunikasi Visual			
Billboard/Papan Elektronik	TM	45,684 kali	TM
Komunikasi Media Baru			
Portal Khusus Mengenai MAPO (Bernama)	TM	218,128 *hits*	TM
Pesanan Khidmat Ringkas (SMS)	TM	TM	187 kali


Sumber : Jawatankuasa Media Dan Publisiti
Nota : TM - Tiada Maklumat

23.5.4.3. Adalah didapati Kerajaan memperoleh sokongan kuat daripada NGO yang dilantik oleh MAPO terutamanya daripada National Council Of Women's Organization (NCWO) yang banyak menganjurkan kempen kesedaran kepada orang awam dan Agensi Penguatkuasaan. Analisis Audit terhadap borang soal selidik yang diterima daripada 556 orang awam dalam kempen kesedaran anjuran NCWO di Pahang dan Pulau Pinang menunjukkan seramai 457 orang (82.2%) tahu mengenai isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Bagaimanapun, hanya seramai 106 orang (19.1%) mempunyai pengetahuan berhubung dengan penguatkuasaan Akta AOAM 2007. Maklumat lanjut adalah seperti di **Carta 23.5**. Analisis Audit selanjutnya menunjukkan medium komunikasi paling berkesan dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap isu ini adalah melalui televisyen [447 orang (80.4%)], pengiklanan di surat khabar [160 orang (28.8%)] dan poster awam [138 orang (24.8%)] seperti yang ditunjukkan di **Carta 23.6**. Selain itu, seramai 472 (84.9%) daripada 556 orang menyatakan kempen kesedaran dan publisiti yang dijalankan telah memberi informasi yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran awam berhubung isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

CARTA 23.5
TAHAP PENGETAHUAN ORANG AWAM TERHADAP ISU PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN SERTA PENGUATKUASAAN AKTA AOAM 2007



CARTA 23.6
MEDIUM KOMUNIKASI DALAM MENINGKATKAN KESEDARAN AWAM TERHADAP ISU PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN



23.5.4.4. Institut Kajian Malaysia Dan Antarabangsa (IKMAS-UKM) turut terlibat dalam meningkatkan kesedaran para pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Program ini dilaksanakan melalui kempen dan kajian penyelidikan terhadap tahap kesedaran golongan tersebut melalui pengedaran borang soal selidik. Penyertaan dan penglibatan lain-lain NGO seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia (MKKM) dan Coalition To Abolish Modern-Day Slavery In Asia (CAMSA) dalam isu/masalah pemerdagangan orang dan pembentangan kertas kerja oleh pihak berkenaan menunjukkan jalinan kerjasama yang baik antara Kerajaan dan NGO. Selain itu, penglibatan NGO yang tidak dilantik oleh MAPO seperti TENAGANITA dalam mesyuarat Jawatankuasa Perundangan serta

Jawatankuasa Perlindungan Dan Pemulihan Mangsa Pemerdagangan Orang juga telah menunjukkan keterbukaan dan kesungguhan Kerajaan Malaysia dalam usaha menangani masalah/isu ini sekaligus menyangkal dakwaan sekatan terhadap NGO yang bukan ahli MAPO untuk turut serta dalam usaha tersebut.

23.5.4.5. Sebagai langkah mengawal selia pengambilan tenaga kerja asing yang boleh menjurus kepada masalah buruh paksa, Kerajaan telah mengadakan Memorandum of Understanding (MoU) dengan beberapa buah negara sumber iaitu Cambodia, Thailand, Laos, Vietnam, Myanmar, India, China termasuk satu MoU spesifik mengenai pengambilan dan penempatan pembantu rumah dengan Kerajaan Indonesia. Terkini, Kerajaan telah menandatangani MoU dengan Kerajaan Bangladesh. Selain itu, Kerajaan juga telah meminda Akta Kerja 1955 yang mengambil kira kepentingan pekerja di mana bayaran gaji hendaklah dibayar melalui bank yang dibuka atas nama pekerja berkenaan.

23.5.4.6. Seterusnya, semakan Audit terhadap maklumat pendakwaan dan sabitan berhubung bentuk hukuman untuk 102 kes yang telah disabitkan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 menunjukkan tiada kes telah dikenakan hukuman maksimum seperti yang diperuntukkan di dalam Akta. Sebagai contoh, bagi kesalahan di bawah Seksyen 12, Akta AOAM 2007, hukuman maksimum yang boleh dikenakan adalah penjara selama 15 tahun dan didenda. Adalah didapati sebanyak 22 daripada 31 kes (71%) yang disemak, telah dikenakan hukuman antara 3 hingga 5 tahun penjara iaitu hanya antara 20% hingga 33.3% daripada tempoh hukuman maksimum dan tiada denda dikenakan.

Pada pendapat Audit, Kerajaan melalui Jawatankuasa Media Dan Publisiti dan juga NGO telah berusaha dengan baik untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang melalui usaha-usaha pencegahan dengan mengadakan program kesedaran awam. Namun, Jawatankuasa Perundangan boleh mempertimbangkan untuk meminda Akta AOAM 2007 supaya pengenaan hukuman mandatory terhadap kesalahan memperdagangkan orang dapat diadakan, juga sebagai satu usaha pencegahan.

Maklum Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 10 Jun 2013

Kempen kesedaran dan promosi yang berkesan akan memberi impak yang positif terhadap usaha Kerajaan untuk membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Susulan Memorandum of Understanding yang telah ditandatangani dengan Kerajaan Bangladesh, 3 peringkat kemasukan pekerja asing warga Bangladesh menerusi G to G telah dilaksanakan pada bulan April 2013. Manakala keputusan pihak mahkamah adalah budi bicara hakim/majistret mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

23.5.5. Pengurusan Perlindungan Dan Pemulihan Mangsa

23.5.5.1. Menyediakan tempat dan kemudahan asas lain adalah perlu bagi mematuhi standard minimum antarabangsa untuk melindungi mangsa jenayah pemerdagangan orang supaya mereka merasa selamat dan terkawal. Penyediaan pusat pemulihan yang mempunyai perkhidmatan yang berdasarkan amalan terbaik adalah signifikan untuk membantu mental dan emosi mangsa tersebut supaya berada di dalam keadaan yang tenang semasa proses pemulihan dan bersedia untuk membantu dari aspek siasatan dan pendakwaan. Semua keperluan ini menyokong matlamat strategik dalam Pelan Tindakan Kebangsaan untuk membanteras gejala pemerdagangan manusia dan juga ditetapkan oleh Undang-Undang dalam Akta AOAM 2007 (Seksyen 42).

23.5.5.2. Kerajaan melalui MAPO telah menubuhkan Jawatankuasa Perlindungan Dan Pemulihan Mangsa Pemerdagangan Orang (JPPMPO) yang diterajui oleh KPWKM. Antara lainnya jawatankuasa ini berfungsi untuk merumus dan menyelia pelaksanaan pelan tindakan mengenai bantuan dan perlindungan orang yang diperdagangkan; membuat syor kepada MAPO tentang segala aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang; dan mengumpul, merekod serta menganalisis data dan maklumat berhubung dengan perlindungan mangsa pemerdagangan orang.

23.5.5.3. Semakan Audit mendapati setakat ini Malaysia hanya mempunyai 4 Rumah Perlindungan (RP) yang diwartakan dengan kapasiti yang agak terhad dan terletak di lokasi yang tidak strategik bagi menempatkan dan melindungi mangsa pemerdagangan yang diselamatkan di seluruh Malaysia. Tiga daripada RP tersebut terletak di bawah tanggungjawab KPWKM manakala satu di bawah KDN. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 23.6** dan **Gambar 23.1** hingga **23.4**. **Jadual 23.7** pula menunjukkan ciri-ciri dan maklumat RP yang dilawati/diperiksa.

JADUAL 23.6
RUMAH PERLINDUNGAN BAGI MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG

RUMAH PERLINDUNGAN (RP) / TARIKH WARTA	SELIAAN	KAPASITI BILANGAN MANGSA BOLEH DITEMPATKAN (Orang)	BILANGAN MANGSA YANG DITEMPATKAN PADA TARIKH AUDIT (Orang)	BILANGAN LEBIH/ (KURANG) (Orang)	TEMPOH TINGGAL MANGSA DI RP PADA TARIKH LAWATAN AUDIT (Hari)	BILANGAN MANGSA YANG DITEMPAT-KAN PADA 31.12.2012 (Orang)
RP 1/5 (RP Wanita Jalan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur)/ 22.10.2009	JPW, KPWKM	60	113	80	11 - 249	161
RP 2 (RP Kanak-Kanak Bukit Ledang, Kuala Lumpur) - telah berpindah ke Asrama Akhlak Lelaki, Bukit Senyum, Johor Bahru/28.02.2008	JKM, KPWKM	20	22	2	8 - 665	18

RUMAH PERLINDUNGAN (RP) / TARIKH WARTA	SELIAAN	KAPASITI BILANGAN MANGSA BOLEH DITEMPATKAN (Orang)	BILANGAN MANGSA YANG DITEMPATKAN PADA TARIKH AUDIT (Orang)	BILANGAN LEBIH/ (KURANG) (Orang)	TEMPOH TINGGAL MANGSA DI RP PADA TARIKH LAWATAN AUDIT (Hari)	BILANGAN MANGSA YANG DITEMPAT-KAN PADA 31.12.2012 (Orang)
RP 3 (RP Wanita Likas, Kota Kinabalu, Sabah)/ 13.11.2008	JPW, KPWKM	30	44	14	13 - 267	43
RP 4 (RP Lelaki Tanjung Kling, Melaka)/ 22.10.2009	KDN	150	5	(145)	7 - 571	12

Nota : ***JPW - Jabatan Pembangunan Wanita*** ***JKM - Jabatan Kebajikan Masyarakat***

GAMBAR 23.1



Rumah Perlindungan Wanita, Jalan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur (RP 1/5)
- Sebahagian Mangsa Di Rumah Perlindungan Semasa Lawatan Audit
(29.08.2012)

GAMBAR 23.2



Rumah Perlindungan Wanita, Likas, Sabah (RP 3)
- Sebahagian Mangsa Di Rumah Perlindungan Semasa Lawatan Audit
(11.09.2012)

GAMBAR 23.3



GAMBAR 23.4



Rumah Perlindungan Wanita, Jalan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur (RP 1/5)
- Keadaan Rumah Perlindungan Yang Sempit Dan Sesak Ketika Mangsa Diselamatkan
(03.12.2012)

JADUAL 23.7
CIRI-CIRI/MAKLUMAT RUMAH PERLINDUNGAN YANG DILAWATI/DIPERIKSA

RUMAH PERLINDUNGAN (RP)	CIRI-CIRI/MAKLUMAT RUMAH PERLINDUNGAN YANG DILAWATI																				
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n			o			p		
														2010	2011	2012	2010	2011	2012	2010	2011	2012
RP 1/5	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	12	8	28	4	3	4	33.3	37.5	14.3
RP 2	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	8	13	12	1	5	4	12.5	38.5	33.3
RP 3	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	10	9	24	0	4	2	0.0	44.4	8.3
RP 4	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	56	70	5	42	27	0	75.0	38.6	0.0

Nota : ***✓ - Mematuhi*** ***X - Tidak Mematuhi*** ***TB - Tidak Berkaitan***

a. Keperluan Asas Seperti Bilik Air/Tandas/Katil/ Almari/Pakaian/Makan Dan Minum Disediakan
b. Kawasan RP Berpagar
c. Kawasan RP Berpagar/Berkawat Duri/Diletakkan Serpihan Kaca
d. Kawasan RP Berpagar Elektrik
e. Disediakan CCTV Di Kawasan RP
f. Disediakan Lampu Limpah Di Kawasan RP
g. Pintu Pagar Yang Besar
h. Pintu Pagar Dikawal Oleh Pengawal 24 Jam
i. Mangsa Yang Dilindungi Tidak Dibenarkan Keluar Ke Kawasan Sekitar RP Tanpa Pengawasan
j. RP Disediakan Dengan Kaunselor
k. Pihak RP Terus Membawa Mangsa Untuk Pemeriksaan Kesihatan Setibanya Di RP
l. Terdapat Jurubahasa Disediakan Di RP
m. Semua Mangsa Yang Diselamatkan Adalah Mangsa Sebenar/Genuine Case
n. Bilangan Kes Mangsa Diberikan PO (Bagi Tahun 2010 - 2012)
o. Bilangan Kes PO Yang Dibawa Kepada TRP Untuk Pertuduhan (Bagi Kes Tahun 2010 - 2012)
p. Peratusan Kes PO Dibawa Untuk Pertuduhan (Bagi Kes Tahun 2010 - 2012)

23.5.5.4. Pemeriksaan Audit di empat RP [RP Wanita Jalan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur (RP 1/5); RP Kanak-Kanak Bukit Ledang, Kuala Lumpur (RP 2); RP Wanita Likas, Sabah (RP 3) dan RP Lelaki Tanjung Kling, Melaka (RP 4)] mendapati perkara seperti berikut:

a. Semua RP telah disediakan dengan segala keperluan asas dan telah mematuhi standard minimum antarabangsa bagi menjamin keselesaan mangsa.

b. Semua RP telah dipagar di mana satu RP dipasang dengan pagar elektrik, dua RP dipasang kawat berduri manakala satu RP lagi dipasang kawat berduri dan diletakkan serpihan kaca di tembok pagar seperti ditunjukkan di **Gambar 23.5** hingga **23.8**.

GAMBAR 23.5



Rumah Perlindungan Lelaki, Tanjung Kling, Melaka (RP 4) - Dipasang Pagar Elektrik (18.06.2012)

GAMBAR 23.6



Rumah Perlindungan Kanak-Kanak, Bukit Ledang, Kuala Lumpur (RP 2) - Dipasang Pagar Kawat Berduri (28.08.2012)

GAMBAR 23.7



Rumah Perlindungan Wanita, Jalan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur (RP 1/5) - Dipasang Pagar Kawat Berduri (29.08.2012)

GAMBAR 23.8



Rumah Perlindungan Wanita, Likas, Sabah (RP 3) - Dipasang Pagar Kawat Berduri Dan Diletakkan Serpihan Kaca Di Tembok Pagar (10.09.2012)

c. Semua RP dipasang dengan lampu limpah untuk tujuan keselamatan di beberapa kawasan sekeliling RP (**Gambar 23.9** hingga **23.11**).

GAMBAR 23.9



Rumah Perlindungan Wanita, Jalan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur (RP 1/5)
- Dipasang Lampu Limpah
(29.08.2012)

GAMBAR 23.10



Rumah Perlindungan Kanak-Kanak, Bukit Ledang, Kuala Lumpur (RP 2)
- Dipasang Lampu Limpah
(28.08.2012)



GAMBAR 23.11

Rumah Perlindungan Wanita, Likas, Sabah (RP 3)
- Dipasang Lampu Limpah
(10.09.2012)

d. Semua RP dipasang dengan pintu pagar besar dan dikawal oleh pengawal 24 jam (**Gambar 23.12** hingga **23.15**).

GAMBAR 23.12



Rumah Perlindungan Wanita, Jalan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur (RP 1/5)
- Dipasang Pintu Pagar Besar Dan Dikawal Oleh Pengawal 24 Jam
(29.08.2012)

GAMBAR 23.13



Rumah Perlindungan Kanak-Kanak, Bukit Ledang, Kuala Lumpur (RP 2)
- Dipasang Pintu Pagar Besar Dan Dikawal Oleh Pengawal 24 Jam
(28.08.2012)

GAMBAR 23.14



Rumah Perlindungan Wanita, Likas, Sabah (RP 3)
- Dipasang Pintu Pagar Besar Dan Dikawal Oleh Pengawal 24 Jam (10.09.2012)

GAMBAR 23.15



Rumah Perlindungan Lelaki, Tanjung Kling, Melaka (RP 4)
- Dipasang Pintu Pagar Besar Dan Dikawal Oleh Pengawal 24 Jam (18.06.2012)

e. Mangsa di RP tidak dibenarkan keluar ke kawasan persekitaran tanpa pengawasan dan pengawalan pegawai/kakitangan RP. Semasa lawatan Audit ke RP Lelaki Tanjung Kling, Melaka (RP 4), seramai 5 orang mangsa yang dilindungi ditempatkan dalam satu unit rumah yang berkunci dan dikawal oleh 2 orang pengawal di luar rumah tersebut seperti gambar berikut.

GAMBAR 23.16



Rumah Perlindungan Lelaki, Tanjung Kling, Melaka (RP 4) - Satu Daripada Unit Rumah Perlindungan (18.06.2012)

GAMBAR 23.17



Rumah Perlindungan Lelaki, Tanjung Kling, Melaka (RP 4) - Mangsa Ditempatkan Di Dalam Satu Unit Rumah Yang Berkunci (18.06.2012)



GAMBAR 23.18

Rumah Perlindungan Lelaki, Tanjung Kling, Melaka (RP 4) - Dua Orang Anggota RELA Bertugas Mengawal Mangsa Di Luar Unit Rumah Yang Menempatkan Mangsa (18.06.2012)

f. Tempoh perlindungan mangsa di semua RP semasa diaudit adalah antara 7 hingga 665 hari.

g. Hanya dua daripada tiga RP mendapat sesi perkhidmatan kaunseling daripada kaunselor berkelayakan di bawah JPW walaupun tidak mematuhi jadual yang ditetapkan. Kaunselor di bawah JKM yang ditugaskan untuk memberikan perkhidmatan kaunseling di RP 2 tidak pernah mengadakan sesi kaunseling di RP berkenaan. Manakala tiada kaunselor ditugaskan di RP 4. Maklumat perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan kaunseling yang telah diadakan di dua RP adalah seperti di **Jadual 23.8**.

h. Perkhidmatan kaunseling adalah penting bagi memulihkan emosi mangsa yang mampu meningkatkan kerjasama mangsa dalam proses penyiasatan dan pendakwaan. Semakan Audit terhadap rekod mangsa yang berstatus PO di empat RP mendapati 39 daripada 86 kes (45.3%); 61 daripada 100 kes (61%); dan 59 daripada 69 kes (85.5%) masing-masing bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 tidak dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya. Ini

kerana siasatan terhadap kes berkenaan tidak dapat diteruskan disebabkan oleh ketiadaan/kekurangan bukti untuk mensabitkan pesalah kerana mangsa enggan untuk bekerjasama dalam proses siasatan. Temu bual dengan mangsa di RP Wanita Likas, Sabah juga mendapati mangsa tidak faham mengenai proses perundangan yang dikenakan terhadap mereka dan telah menjadi penghalang kepada mereka untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa.

JADUAL 23.8
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DI RUMAH PERLINDUNGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

RUMAH PERLINDUNGAN (RP)	PERKHIDMATAN KAUNSELING DISEDIAKAN OLEH	JUMLAH TENAGA KAUNSELOR DITUGASKAN	PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KAUNSELING					
			2010		2011		2012	
			R	L	R	L	R	L
RP 1/5	Jabatan Pembangunan Wanita	2	12	8	12	7	36	17
RP 3	Jabatan Pembangunan Wanita & NGO – Sri Murni Crisis Centre	1 & 1	10	1	24	1	24	3

Nota : ***R – Rancang*** ***L – Laksana*** ***Sumber : Maklumat Dari Rumah Perlindungan***

i. Mangsa yang diselamatkan dan ditempatkan di RP perlu diperiksa tahap kesihatannya. Semakan Audit di semua RP menunjukkan mangsa tidak dibuat pemeriksaan awal kesihatan kecuali apabila diperlukan. Ini kerana kekangan pegawai perubatan yang perlu disediakan di RP oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pihak RP pula menghadapi masalah untuk membawa mangsa ke pusat kesihatan setiap kali mangsa dimasukkan ke RP kerana kekurangan pegawai pelindung dan kenderaan serta sukar mendapat khidmat polis pengiring. Selain itu, pihaknya juga sukar mendapatkan kerjasama daripada pihak hospital/klinik bagi menyediakan *fastlane* untuk pemeriksaan kesihatan mangsa.

j. Semua RP menyediakan jurubahasa/penterjemah mengikut keperluan. Bagaimanapun, RP menghadapi masalah untuk mendapatkan jurubahasa. Bagi mengatasi masalah ini RP telah mendapatkan jurubahasa/penterjemah melalui kerjasama dengan NGO dan juga pihak kedutaan mangsa.

23.5.5.5. Berdasarkan kepada penemuan Audit di atas, beberapa isu adalah selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak JNAS dalam Laporan TIP terhadap Kerajaan Malaysia berhubung pengurusan perlindungan dan pemulihan mangsa yang meletakkan Malaysia pada Tahap 2 Senarai Pemerhatian bagi tempoh 3 tahun berturut-turut dari tahun 2010 hingga 2012.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013

Kerajaan sedang dalam usaha untuk melaksanakan Projek Rintis (Pilot Project) bagi rumah perlindungan (RP) yang diuruskan sepenuhnya oleh NGO. Perbincangan awal telah diadakan dan ia dijangka dapat dilaksanakan pada bulan Julai 2013. Kerajaan telah mewartakan satu RP baru di Bukit Senyum, Johor Bahru pada 2 Januari 2013 dan dalam proses untuk pewartaan satu lagi RP di Johor.

Ciri-ciri keselamatan seperti tembok yang tinggi, kawat berduri dan pagar elektrik yang terdapat di RP merupakan langkah keselamatan yang diambil untuk tujuan melindungi mangsa pemerdagangan orang terutamanya daripada gangguan sindiket jenayah termasuk keselamatan mangsa dan kakitangan RP. KPWKM turut mengambil maklum akan pandangan pihak Audit dan telah mengambil langkah untuk menghijaukan kawasan RP terutamanya di bahagian pagar/tempok tinggi supaya dilihat lebih seperti tempat kediaman dari dalam dan luar kawasan. Berdasarkan peruntukan Akta AOAM 2007, mangsa yang ditempatkan di RP memerlukan penjagaan dan perlindungan dengan lebih lanjut. Justeru, segala tindakan yang diambil tidak boleh bercanggah dengan peruntukan seperti yang termaktub di dalam Akta tersebut. Malahan, kebanyakan daripada mangsa pemerdagangan orang adalah warga asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Oleh yang demikian, pergerakan mereka adalah terhad. Susulan daripada Bengkel Penambahbaikkan Akta AOAM 2007 pada 4 hingga 6 Februari 2013 di Melaka, ada cadangan untuk membenarkan mangsa pemerdagangan buruh yang tidak memerlukan perlindungan dan penjagaan secara lebih lanjut untuk bekerja. Dalam hal ini, mangsa tidak akan ditempatkan di RP namun beberapa syarat akan dikenakan. Cadangan mengenai perkara ini sedang diteliti dari aspek perundangan oleh Jabatan Peguam Negara.

Kaunselor yang ditugaskan untuk memberi perkhidmatan di RP pula merupakan kaunselor daripada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang turut mempunyai tugas kaunseling di ibu pejabat. Kekangan kekurangan kaunselor menyebabkan kadangkala perkhidmatan kaunseling di RP tidak mengikut jadual. Perkara ini telah diambil maklum dan bantuan daripada kaunselor NGO turut diperoleh untuk mengatasi masalah ini. Selain itu, KPWKM sedang mengenal pasti kaunselor daripada NGO, universiti dan institusi berkaitan untuk bekerjasama memberikan perkhidmatan kaunseling di RP.

Selain itu, KPWKM mengambil maklum akan kepentingan membuat saringan kesihatan awal bagi mangsa yang baru diterima di RP. Bagaimanapun, perkara ini memerlukan kerjasama agensi lain untuk

memastikan pemeriksaan ini lebih kerap dilaksanakan memandangkan kekangan pegawai perubatan untuk menjalankan pemeriksaan di RP. Cadangan supaya pihak Kementerian Kesihatan Malaysia memanjangkan penyediaan fastlane bagi tujuan pelaksanan pemeriksaan awal mangsa pemerdagangan orang dan penyeludupan migran adalah sebagai penambahbaikan ke atas usaha memastikan kesejahteraan mangsa sentiasa diberi perhatian. Selain itu, penyelarasan mengenai keperluan mendapatkan pemeriksaan kesihatan berkala ke atas mangsa di RP dengan klinik kesihatan berdekatan telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan . Seterusnya, KPWKM akan melaksanakan satu bengkel pada bulan Julai 2013 bagi memuktamadkan Peraturan RP yang akan turut merangkumi aspek kesihatan mangsa. Saringan mangsa di RP 1/5 telah bermula pada bulan Januari 2013. Saringan kesihatan (HIV/AIDS) akan diteruskan dengan kerjasama Malaysian AIDS Council dan pertubuhan tersebut sedang merencanakan jadual khusus di RP tersebut.

Dimaklumkan juga JPW mendapatkan khidmat penterjemah daripada NGO seperti CAMSA serta IOM dan juga daripada kakitangan jabatan sendiri. JPW akan mengeluarkan satu emel kepada NGO dan kakitangan yang berminat untuk menjadi penterjemah. Mulai bulan Januari 2013, pihak CAMSA membantu menyediakan khidmat penterjemah bagi warganegara Cambodia dan Vietnam. Bagaimanapun, usaha terus dijalankan bagi mendapatkan khidmat penterjemah bagi lain-lain bahasa selain Cambodia dan Vietnam.

Pada pendapat Audit, Kerajaan melalui Jawatankuasa Perlindungan Dan Pemulihan Mangsa Pemerdagangan Orang telah berusaha untuk menyediakan pelaksanaan pelan tindakan mengenai bantuan dan perlindungan orang yang diperdagangkan. Bagaimanapun, kekangan kewangan untuk menyediakan tempat perlindungan mangsa; kekurangan pegawai dan kakitangan serta terikat dengan dasar dan peraturan tertentu dalam pengurusan perlindungan dan pemulihan mangsa telah menjejaskan keberkesanan pencapaian pelaksanaannya.

23.5.6. Isu Pemerdagangan Buruh

23.5.6.1. Keamanan, kemakmuran dan pertumbuhan pesat pembangunan ekonomi negara telah menarik minat ramai warga asing mencari peluang pekerjaan di Malaysia. Pada masa yang sama, Malaysia memerlukan tenaga kerja warga asing di sektor tertentu seperti perkhidmatan, perladangan, perindustrian, pembinaan dan pembuatan. Kebanjiran mereka ke negara ini menyumbang kepada berlakunya jenayah pemerdagangan orang.

23.5.6.2. Sehubungan itu, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Pemerdagangan Buruh (JKMPB) di bawah MAPO telah ditubuhkan pada bulan Mei 2009. Antara fungsi JKMPB adalah untuk mengatasi masalah serta kes yang melibatkan isu perburuhan dan bertanggungjawab dalam menangani isu yang melibatkan pemerdagangan buruh. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM).

23.5.6.3. Bagi memastikan isu perburuhan dapat diatasi, undang-undang tertentu telah digubal dan diluluskan untuk dikuatkuasakan di bawah tanggungjawab KSM dan agensi di bawahnya iaitu Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Oleh itu, JTK di bawah KSM adalah lebih relevan dan signifikan untuk memastikan isu pemerdagangan buruh di bawah Akta AOAM 2007 dapat ditangani. Ini kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan penggajian pekerja dan tempat pekerjaan serta mudah untuk mengenal pasti kes buruh sebenar melalui penguatkuasaan terhadap Akta-Akta di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab KSM. Bagi mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan Akta AOAM 2007, pegawai di JTK iaitu Pegawai Tenaga Kerja telah diwartakan untuk membuat pemeriksaan di tempat pekerjaan.

23.5.6.4. Semakan Audit mendapati JKMPB telah bermesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun 2010, 2 kali pada tahun 2011 dan 3 kali pada tahun 2012. Antara perkara yang kerap dibincangkan adalah berkaitan dengan *Standard Operating Procedure* untuk menguatkuasakan Akta berkaitan pemerdagangan buruh; permasalahan dalam kes pemerdagangan buruh; dan keperluan logistik, personel serta latihan untuk pelaksanaan penguatkuasaan Akta.

23.5.6.5. Berdasarkan Laporan TIP, beberapa perkara telah menyentuh bidang tanggungjawab JKMPB dan perlu diberi perhatian seperti berikut:

a. Malaysia sebagai negara destinasi dan negara transit bagi wanita, lelaki dan kanak-kanak untuk kegiatan pemerdagangan manusia, terutamanya untuk tujuan pelacuran paksa dan eksploitasi perkhidmatan atau kerja paksa;

b. majoriti mangsa pemerdagangan manusia adalah pekerja asing yang berhijrah ke Malaysia secara sukarela. Sesetengah mereka kemudian bekerja secara paksa atau bekerja kerana terikat dengan hutang kepada majikan, agen pekerjaan atau perekrut pekerja bukan formal. Adalah dilaporkan kebanyakan pekerja asing di ladang, tapak pembinaan, kilang tekstil dan mereka yang bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia disekat pergerakan mereka, ditipu tidak diberi gaji, pasport dirampas atau dipaksa bekerja kerana terikat dengan hutang. Semua isu ini adalah ciri-ciri pemerdagangan manusia. **Sesetengah majikan di Malaysia dilaporkan tidak membayar gaji kepada pembantu rumah selama 3 hingga 6 bulan sebagai ganti kepada kos yang dibayar kepada agensi pengambilan pekerja asing**. Ini menjadikan pekerja asing mudah terdedah kepada risiko

aktiviti pemerdagangan. Setakat bulan September 2012, semakan Audit terhadap data pekerja asing yang diperolehi daripada JIM menunjukkan terdapat sekitar 1.58 juta orang pekerja asing dari semua sektor pekerjaan yang berdaftar di Malaysia dengan anggaran 1.9 juta orang lagi pekerja asing tidak mempunyai dokumen; dan

c. ramai pesalah pemerdagangan manusia di Malaysia adalah individu yang terdiri daripada ahli perniagaan dengan beberapa pemerdagangan warga asing di Malaysia didalangi oleh sindiket jenayah terancang yang besar.

23.5.6.6. Bagi menunjukkan inisiatif Kerajaan Malaysia memerangi jenayah pemerdagangan buruh dan untuk menambahbaik tahap/*ranking* dalam Laporan TIP, maka beberapa kenyataan oleh Kerajaan Malaysia telah dikeluarkan seperti berikut:

a. Malaysia sememangnya memandang serius dengan gejala pemerdagangan buruh dan telah menyertai *The International Labour Organizations* (ILO) serta mematuhi konvensyen ILO No. 29 berhubung buruh paksa;

b. Artikel 6 dalam Perlembagaan Persekutuan juga sedia ada memperuntukkan perkara yang menyebut mengenai sebarang unsur keabdian dan kerja paksa adalah dilarang;

c. menggubal Akta AOAM 2007 dan dikuatkuasakan bagi tujuan mengadakan satu undang-undang spesifik dan menyeluruh berkenaan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang boleh membawa kepada penemuan unsur-unsur/ciri-ciri kesalahan di bawah eksploitasi perkhidmatan dan kerja paksa;

d. Malaysia menggubal beberapa undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan di bawah bidang dan tanggungjawab KSM/JTK dalam menjaga kebajikan pekerja sama ada pekerja tempatan atau pekerja asing yang boleh mengesan atau memberi petunjuk kepada amalan/perlakuan di bawah eksploitasi perkhidmatan dan kerja paksa; dan

e. Kerajaan melalui banyak pihak iaitu agensi Kerajaan dan NGO memainkan peranan dalam usaha meningkatkan kesedaran di kalangan pekerja terutamanya pekerja asing berhubung dengan perlakuan/kesalahan buruh paksa melalui beberapa pendekatan seperti berikut:

    i. kempen kesedaran melalui media cetak dan elektronik seperti *trailers, jingles* dan *billboards*;

    ii. bekerjasama dengan *outsourcing company* yang memberi penekanan kepada pemerdagangan orang dan eksploitasi perkhidmatan dan kerja paksa;

    iii. mempamerkan poster-poster mengenai isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di pintu masuk negara; dan

iv. mengedarkan risalah kepada pekerja asing dalam Bahasa Inggeris dan dalam bahasa ibunda mereka seperti bahasa Indonesia dan Vietnam.

f. majikan terutamanya dalam sektor perladangan sawit digalakkan menyediakan kemudahan tambahan kepada pekerja selain keperluan asas sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan. Ini bertujuan membolehkan pekerja memperolehi suasana dan persekitaran bekerja yang selesa;

g. Program 6P yang diperkenalkan oleh Kerajaan yang menyediakan satu mekanisme penyelesaian terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang menyumbang kepada berleluasanya kes buruh paksa melibatkan PATI. Program 6P ini mengandungi 6 peringkat tindakan iaitu pendaftaran, pemutihan, pemantauan, penguatkuasaan dan pengusiran. Program ini mampu menyelesaikan masalah ketidakcukupan pekerja dalam sesetengah sektor pekerjaan dengan menukar pekerja yang berstatus PATI kepada pekerja yang sah yang bekerja sebagai pekerja yang berdaftar. Melalui program ini juga Kerajaan berharap mempunyai pangkalan data pekerja asing yang lengkap dan komprehensif untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan hak-hak pekerja terjamin;

h. mempertingkatkan lagi fungsi pemeriksaan buruh/*labour inspection* dengan membuat pindaan terhadap Akta Kerja 1955 yang telah memberi impak positif kepada pekerja asing di negara ini, dengan beberapa penekanan dilakukan seperti pembayaran gaji melalui akaun bank dan persetujuan melalui MoU dengan negara sumber; dan

i. keputusan Kerajaan supaya mangsa di bawah Akta AOAM 2007 dibenarkan untuk bekerja di negara ini bagi tempoh 3 tahun setelah mengambil kira beberapa faktor yang ditetapkan antaranya seperti mendapat persetujuan daripada mangsa, mendapat persetujuan daripada pihak Kedutaan dan masuk ke Malaysia dengan cara yang sah.

23.5.6.7. Berdasarkan penelitian Audit terhadap semua maklumat/fakta menunjukkan kesungguhan Kerajaan Malaysia dalam usaha mengatasi masalah yang melibatkan isu perburuhan dan bertanggungjawab dalam menangani isu pemerdagangan buruh. Bagaimanapun, bagi meningkatkan lagi keberkesanan untuk mengatasi dan menangani masalah/isu pemerdagangan buruh ini, perkara berikut perlu diberi perhatian oleh JKMPB, JTK dan JIM:

a. pihak JTK dalam menguatkuasakan Akta sedia ada di bawah tanggungjawabnya adalah lebih signifikan dan relevan untuk menguatkuasakan Akta AOAM 2007 yang boleh memberi tumpuan kepada isu eksploitasi perkhidmatan dan kerja paksa. Kaedah pelaksanaan penguatkuasaan/pemeriksaan hendaklah diperjelaskan bagi memastikan kewajaran liputan tindakan penguatkuasaan/pemeriksaan ke lokasi yang

disasarkan iaitu ke tempat pekerjaan yang boleh membawa kepada penemuan atau petunjuk terhadap sesuatu amalan/perlakuan kesalahan eksploitasi perkhidmatan dan kerja paksa. Selain itu, ia juga boleh dijadikan asas kepada *key performance indicator* (KPI).

Semakan Audit menunjukkan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTK Sabah) dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak) telah menetapkan sasaran pencapaian pelaksanaan pencegahan pemerdagangan buruh bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Pencapaian sebenar pencegahan pemerdagangan buruh berbanding penetapan sasaran bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.9
PENCAPAIAN SEBENAR PENCEGAHAN PEMERDAGANGAN BURUH BERBANDING PENETAPAN SASARAN JABATAN TENAGA KERJA BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

AGENSI/ TAHUN	PENETAPAN SASARAN MENGIKUT TAHUN			PENCAPAIAN SEBENAR PENCEGAHAN PEMERDAGANGAN BURUH MENGIKUT TAHUN					
	2010	2011	2012	2010	(%)	2011	(%)	2012	(%)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	59,051	54,543	40,247	55,529	94.0	51,887	95.1	38,270	95.1
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	5,940	6,480	5,700	5,017	84.5	6,480	100.0	4,790	84.0
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	*3,423	**2,900	**5,000	2,886	84.3	2,954	101.9	3,753	75.1

Nota : ***Penetapan Sasaran Pencegahan Pemerdagangan Buruh Merujuk Kepada Bilangan/Jumlah Pemeriksaan Berkanun Yang Akan Dijalankan Ke Tempat-Tempat Pekerjaan***
* ***Perancangan Strategik JTK Menetapkan KPI Bagi Tempoh Tahun 2007 - 2010 Sebanyak 13,692. Pencapaian Pada Tahun 2010 Adalah Sebanyak 3,423 (13,692/4)***
** ***Penetapan Sasaran/KPI Dikaitkan Dengan Pencapaian Strategik Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2015 Sebanyak 25,000***

Berdasarkan maklumat lanjut yang diperoleh daripada pihak JTKSM, JTK Sabah dan JTK Sarawak pula menunjukkan bilangan/jumlah tempat pekerjaan dan jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dijalankan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 23.10
BILANGAN/JUMLAH TEMPAT PEKERJAAN DAN BILANGAN/JUMLAH PEMERIKSAAN BERKANUN BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

AGENSI/ TAHUN	BILANGAN / JUMLAH TEMPAT PEKERJAAN MENGIKUT TAHUN			BILANGAN / JUMLAH PEMERIKSAAN BERKANUN MENGIKUT TAHUN					
	2010	2011	2012	2010	(%)	2011	(%)	2012	(%)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	TM	TM	686,422	55,529	TM	51,887	TM	38,270	5.6
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	54,207	59,930	64,827	5,017	9.3	6,480	10.8	4,790	7.4
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	52,266	54,787	57,984	2,886	5.5	2,954	5.4	3,753	6.5

Sumber : ***Jabatan Tenaga Kerja***
Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

Adalah didapati JTK telah menetapkan sasaran pencapaian pelaksanaan pencegahan pemerdagangan buruh dan telah atau hampir mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2010 hingga 2012. Namun, pihak Audit tidak dapat menentukan asas penetapan sasaran tersebut sama ada pemeriksaan berkanun yang dijalankan telah meliputi lokasi sasaran/tempat pekerjaan mengikut kewajaran tertentu. Ini menyebabkan tahap pencapaian objektif JTK bagi mencegah pemerdagangan buruh tidak dapat ditentukan; dan

b. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) antara Agensi Penguatkuasaan yang menguatkuasakan Akta AOAM 2007 selain daripada menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/1963 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. JIM mempunyai data/rekod mengenai pekerja asing yang bekerja sebagai Pembantu Rumah. Oleh yang demikian, JIM adalah lebih signifikan dan relevan untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap Akta AOAM 2007 yang menjurus kepada kesalahan pemerdagangan/eksploitasi terhadap Pembantu Rumah Asing (PRA). Semakan Audit terhadap rekod JIM pada tahun 2012 mendapati seramai 184,925 orang PRA telah berdaftar dengan JIM. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 23.11**. Memandangkan sebilangan besar PRA berada di negara ini dan mereka ini merupakan kumpulan berisiko tinggi yang terdedah kepada kegiatan pemerdagangan orang, maka Kerajaan Malaysia melalui JIM seharusnya tidak memandang ringan akan kemungkinan golongan ini untuk diperdagangkan/dieksploitasi. Maklum balas yang diterima daripada pihak JIM menyatakan bahawa setakat ini, tiada satu pendekatan khusus disediakan untuk mengesan PRA yang diperdagangkan/dieksploitasi. Bagaimanapun, aduan yang diterima berhubung PRA yang diperdagangkan/dieksploitasi telah dan akan diambil tindakan oleh JIM.

JADUAL 23.11
BILANGAN PEMBANTU RUMAH ASING YANG BERDAFTAR DI MALAYSIA BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

WARGANEGARA	BILANGAN PEMBANTU RUMAH ASING (TAHUN)		
	2010	2011	2012
Indonesia	189,391	164,673	131,100
Nepal	63	87	88
Myanmar	114	152	94
India	497	623	671
Vietnam	1,268	1,375	1,117
Bangladesh	64	55	41
Pakistan	16	46	32
Filipina	14,868	19,979	30,387
Kemboja	39,115	37,664	19,228
China	38	37	28
Thailand	378	392	333
Sri Lanka	1,224	1,497	1,688
Laos	8	12	58
Lain-Lain	25	34	60
JUMLAH	**247,069**	**226,626**	**184,925**

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Pemerdagangan Buruh perlu meningkatkan lagi peranannya untuk mengatasi masalah serta kes yang melibatkan isu perburuhan dan pemerdagangan buruh. Manakala JTK perlu memastikan asas penetapan KPInya lebih realistik dengan mengambil kira bilangan/jumlah lokasi sasaran/tempat pekerjaan yang sewajarnya diliputi. JIM pula perlu merangka dan menyediakan secara jelas pendekatan atau mekanisme untuk melakukan pemeriksaan/semakan terhadap majikan yang mendaftarkan pembantu rumah asing.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013 Dan 10 Jun 2013

Semua pekerja asing termasuk domestic (pembantu rumah) yang masuk ke Malaysia untuk bekerja secara sah adalah dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Kerja 1955 berhubung dengan syarat potongan gaji. Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 24(8) Akta Kerja 1955 mana-mana majikan adalah tidak dibenarkan membuat potongan gaji yang melebihi 50% daripada gaji yang diperoleh setiap pekerja bagi setiap bulan. Sehubungan itu, mana-mana aduan yang dirujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berhubung pendahuluan dan potongan gaji akan disiasat berdasarkan peruntukan Akta Kerja 1955.

Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu Enforcement Team (ET) di Ibu Pejabat JTK Putrajaya pada bulan Disember 2012. ET ini akan turut diwujudkan di semua negeri bermula 1 Januari 2013. ET bertanggungjawab dalam mengendalikan kes buruh serta turut menjalankan inspection di premis pekerjaan berdasarkan aduan daripada orang awam/pihak NGO. Bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2012, sebanyak 39 kes telah disiasat dan seramai 80 mangsa telah diselamatkan. Bagi memastikan kelancaran pengambilan pekerja asing serta pada masa yang sama tiada elemen eksploitasi, maka satu Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Bangladesh mengenai pengambilan pekerja daripada Negara Bangladesh secara G to G telah ditandatangani pada bulan November 2012. Aspek penting MoU ini adalah tiada penyertaan pihak ketiga (agensi pekerjaan) di dalam proses pengambilan yang kerap mengeksploitasi pekerja asing termasuk menyebabkan kos pengambilan pekerja yang tinggi. Mekanisme ini akan diperluaskan bagi pengambilan pekerja dengan negara sumber yang lain. Pada masa yang sama, Malaysia dan Bangladesh turut menandatangani MoU untuk membanteras jenayah rentas sempadan termasuk pemerdagangan orang. Selain itu, taklimat untuk para majikan dan pekerja asing turut dijalankan bagi menerangkan kepada mereka tentang hak mereka sebagai pekerja dan majikan.

Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil kira faktor isu semasa, kekerapan lokasi aduan yang diterima dan kadar risiko dalam menentukan sasaran pencapaian pelaksanaan pencegahan pemerdagangan orang. Setiap pegawai tenags kerja yang bertugas telah diberikan sasaran kes yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang tertentu. Bagaimanapun, aktiviti penyiasatan yang dijalankan oleh JTK adalah bersifat proactive/ preemptive iaitu secara rambang melalui pemeriksaan berkanun seperti mana diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955. Selain itu, ia juga dilakukan secara reactive iaitu berdasarkan aduan yang diterima daripada mangsa atau NGO. KSM/JTK mengambil maklum akan cadangan Audit untuk penetapan KPI yang lebih realistik.

23.5.7. Pemantauan Program Oleh MAPO

23.5.7.1. Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007 memperuntukkan penubuhan sebuah majlis bagi pelaksanaan program antipemerdagangan orang dan antipenyeludupan migran yang dikenali sebagai MAPO dan telah menggariskan peranan dan fungsi MAPO. Selaras dengan peruntukan dalam Akta juga, ahli-ahli MAPO telah dilantik daripada pelbagai agensi Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) supaya tindak balas secara kolektif dan positif dapat diperolehi dalam menangani isu pemerdagangan orang. MAPO juga menubuhkan beberapa Jawatankuasa tertentu di bawahnya untuk membantunya melaksanakan fungsi dan tanggungjawab. Selain itu, penglibatan pihak berkaitan dari pelbagai sektor seperti NGO selain yang dilantik menganggotai MAPO, pihak swasta dan orang awam dalam kerjasama pintar diwujudkan untuk menangani jenayah pemerdagangan orang. Kerjasama dua hala dengan pelbagai pihak di peringkat serantau dan antarabangsa di antara Kerajaan Malaysia dengan rakan-rakan strategik termasuk pertubuhan-pertubuhan antarabangsa juga telah diadakan.

23.5.7.2. Dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan peranan dan tanggungjawabnya, MAPO perlu mengadakan mesyuarat setiap bulan. Mesyuarat ini boleh dijadikan forum/platform untuk MAPO menangani isu polisi dan operasi serta membolehkan koordinasi dan interaksi antara Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah MAPO. Semakan Audit mendapati mesyuarat MAPO telah diadakan masing-masing sebanyak 9, 12 dan 12 kali pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Antara perkara yang dibentangkan dalam mesyuarat MAPO adalah mengenai program/aktiviti yang dilaksanakan oleh Sekretariat MAPO; statistik pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta oleh semua Jawatankuasa yang dilantik; pelaksanaan aktiviti oleh semua Jawatankuasa dan NGO; kerjasama pintar di peringkat nasional dan antarabangsa; serta perbincangan berhubung isu berbangkit berkaitan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

23.5.7.3. Bagi meningkatkan lagi kredibiliti dan integriti Negara serta dengan harapan dapat menaikkan *ranking*/tahap negara Malaysia kepada yang lebih baik, antara tindakan yang perlu dilaksanakan oleh MAPO adalah seperti berikut:

a. terus mengkaji dan menambah baik dasar dan polisi serta peraturan Kerajaan yang telah dan boleh mengekang keberkesanan pelaksanaan program dengan mempelajari amalan terbaik oleh negara lain yang berada pada *ranking*/tahap 1 dalam Laporan TIP oleh JNAS. Sebagai contohnya, program pencegahan yang diusahakan oleh Kerajaan Taiwan dalam menangani masalah pemerdagangan orang seperti mewujudkan pusat perkhidmatan pekerja asing di lapangan terbang. Pekerja asing yang tiba akan diberi program kesedaran dan edaran brosur, diberitahu hak-hak mereka di bawah Akta Kerja dan sekiranya mereka menghadapi masalah, mereka boleh menyalurkan aduan ke talian bebas tol yang disediakan dan beroperasi selama 24 jam. Operator talian adalah terdiri daripada rakyat asing dari pelbagai negara sumber yang diambil bekerja oleh Kerajaan Taiwan sebagai jurubahasa yang boleh berkomunikasi dalam bahasa ibunda pekerja berkenaan;

b. keberkesanan mesyuarat MAPO perlu dipertingkatkan lagi bukan sahaja melapor dan mengambil maklum tentang semua aktiviti sekretariat dan jawatankuasanya tetapi juga perlu menyedia, melapor dan membincangkan rumusan berhubung trend pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Mesyuarat juga perlu menyedia dan membincangkan rumusan terhadap corak imigrasi dan emigrasi di Malaysia bagi bukti pemerdagangan; serta penambahbaikan yang perlu terhadap pelaksanaan program berkaitan segala aspek pencegahan serta pembanterasan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran; dan

c. pengurusan maklumat secara sistematik dan berkesan berkaitan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran perlu diwujudkan bagi memastikan semua agensi berkenaan dapat bertindak secara bersepadu dan holistik. Ia juga bagi membantu negara memantau, membuat rumusan dan seterusnya merangka polisi tertentu bagi mencapai keberkesanan pelaksanaan program. Maklumat yang berkaitan juga dapat disalurkan kepada orang ramai bagi tujuan kesedaran. Oleh itu, MAPO perlu mempertimbangkan untuk menubuhkan Unit Pengumpulan Data Dan Analisis Malaysia bagi tujuan tersebut.

Pada pendapat Audit, penyelarasan dan pemantauan MAPO terhadap program adalah memuaskan. Bagaimanapun, MAPO perlu mempertingkatkan peranannya dalam usaha untuk menyelaras dan merumus semua aktiviti pelaksanaan program oleh jawatankuasa dan menubuhkan Unit Pengumpulan Data Dan Analisis Malaysia bagi tujuan pengurusan maklumat secara sistematik dan berkesan berkaitan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 20 Mac 2013

Sekretariat MAPO mengambil maklum dan mengalu-alukan cadangan Audit tersebut. Kertas Cadangan Penstrukturan Semula Sekretariat MAPO telah dihantar kepada Bahagian Sumber Manusia KDN bagi mempertimbangkan cadangan pengwujudan Unit Pengumpulan Data dan Analisis Malaysia. KDN juga telah bekerjasama dengan Negara-negara strategik bagi membandingkan trend pemerdagangan orang dan penyeludupan migran termasuk trend migrasi. Dalam hal ini, Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Kumpulan Kerja dengan Australia mengenai pemerdagangan orang dan penyeludupan migran sejak bulan Ogos 2012 di mana mesyuarat ke 5 telah diadakan di Kota Kinabalu pada bulan November 2012. Malaysia juga telah mengadakan bengkel dengan kerjasama pihak United Kingdom mengenai cabaran pemerdagangan orang pada 29 Ogos 2012 di Putrajaya. Dari aspek migrasi, KDN telah mengadakan Mesyuarat Kumpulan Kerja mengenai Imigrasi dengan Australia sejak tahun 2007 lagi dan dengan pihak United Kingdom sejak tahun 2011 di mana trend migrasi serta cabaran telah dibincangkan. Pada 5 hingga 6 Januari 2013, Sekretariat MAPO telah mengadakan bengkel bagi menilai pelaksanaan program/aktiviti Pelan Tindakan 2012/2013 yang merangkumi semua bidang program yang disenaraikan dalam Pelan Tindakan Kebangsaan 2010-2015 dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang. Susulan daripada itu, Sekretariat MAPO juga telah menyediakan Pelan Tindakan 2013/2014 menerusi bengkel yang diadakan pada 13 Mac 2013 di Putrajaya.

23.6. SYOR AUDIT

Memandangkan negara Malaysia masih berada di Tahap 2 Senarai Pemerhatian dalam Laporan TIP oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat bagi tempoh 3 tahun berturut-turut, antara perkara yang perlu diberikan penekanan oleh Kerajaan Malaysia melalui MAPO adalah seperti berikut:

23.6.1. semua Kementerian/Jabatan/Agensi dan NGO yang terlibat secara langsung dengan program AOAM perlu merancang peruntukan kewangan dengan teliti dan membelanjakannya mengikut tujuan ia diperuntukkan. Ini supaya perancangan dan pelaksanaan terhadap aktiviti penguatkuasaan Akta AOAM 2007 tidak terjejas dan bagi memastikan hasrat program dapat dicapai dengan lebih berkesan;

23.6.2. Jabatan Peguam Negara pula perlu terus berusaha untuk merangka dan memperbaiki perundangan yang melibatkan peraturan yang memberi kesan kepada kelancaran pelaksanaan penguatkuasaan Akta. Antaranya yang berkaitan dengan peraturan dalam menguatkuasakan Akta oleh Agensi Penguatkuasaan serta peraturan dan pengurusan RP khususnya peruntukan berhubung pewartaan RP

NGO dan kakitangan NGO sebagai pegawai pelindung. Khidmat NGO dalam penjagaan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang yang akan diwarta dan diperluaskan dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan;

23.6.3. bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam membanteras jenayah ini melalui usaha pencegahan, Jawatankuasa Perundangan juga boleh mempertimbangkan untuk meminda Akta AOAM 2007 supaya pengenaan hukuman yang *mandotory* terhadap kesalahan memperdagangkan orang dapat diadakan. Hukuman sedemikian boleh memberi kesedaran dan ketakutan kepada pesalah untuk tidak mengulangi kesalahan tersebut;

23.6.4. Kerajaan Malaysia perlu peka dan mengambil tindakan proaktif terhadap semua saranan oleh JNAS berhubung pelaksanaan Program Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran. Ini termasuklah dalam memastikan tindakan bersepadu di kalangan Agensi Penguatkuasaan dipertingkatkan. Kerajaan melalui MAPO perlu memastikan mesyuarat Jawatankuasa Penguatkuasaan diadakan mengikut ketetapan supaya sebarang perkara/permasalahan berbangkit oleh Agensi Penguatkuasaan berhubung penguatkuasaan Akta dibincang dan diselesaikan;

23.6.5. Kerajaan boleh mempertimbangkan penubuhan sebuah Badan/Unit Khas dengan perjawatan khusus untuk menangani masalah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran melalui penguatkuasaan Akta AOAM 2007. Ini kerana antara faktor yang menjejaskan pencapaian prestasi pelaksanaan dalam menguatkuasakan Akta AOAM 2007 adalah pertambahan tugas hakiki penguatkuasaan Akta di bawah Agensi masing-masing dengan Akta AOAM 2007;

23.6.6. Kerajaan perlu mempertimbangkan untuk meningkatkan infrastruktur dan menambah bilangan rumah perlindungan di lokasi yang lebih strategik bagi keselesaan dan kemudahan pengurusan mangsa; dan

23.6.7. Kerajaan perlu meningkatkan usaha untuk memastikan permintaan terhadap kegiatan pelacuran dapat dibendung dengan menguatkuasakan Akta Kanun Keseksaan/Penal Code sekaligus dapat membendung gejala yang menjurus kepada pemerdagangan orang. Kerajaan juga hendaklah mengenal pasti punca mengapa aktiviti berkenaan masih berleluasa.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 274-295 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

24. POLIS DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN KEHILANGAN ASET

24.1. LATAR BELAKANG


24.1.1. Aset Kerajaan atau barang-barang awam ialah harta benda kepunyaan atau milikan di bawah kawalan Kerajaan yang diklasifikasikan seperti Aset Alih, Aset Tak Alih, Aset Hidup dan Aset Intelek. Kerajaan komited untuk memberikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat melalui penyediaan aset yang mencukupi dan sempurna yang merupakan asas dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan pertumbuhan ekonomi negara. Aset Kerajaan merupakan pelaburan negara dan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Oleh yang demikian, pengurusan aset wajar diberi keutamaan oleh semua Kementerian/Jabatan.

24.1.2. Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pengurusan aset Kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan yang meliputi aspek penerimaan; pendaftaran; penggunaan, penyimpanan; pemeriksaan; penyenggaraan; pelupusan; kehilangan dan hapus kira. Antara aset yang diuruskan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah seperti senjata api, gari, *walkie talkie* dan kenderaan. Pengurusan aset yang tidak teratur dan bersistematik boleh menyebabkan berlakunya kehilangan aset terutamanya senjata api dan gari yang boleh mengancam keselamatan awam. Kehilangan aset bermaksud aset yang tiada lagi dalam simpanan disebabkan oleh kejadian rompakan, kecurian, kemalangan, kebakaran, bencana alam, kesusutan, penipuan atau kecuaian pegawai awam. Kehilangan aset sering dilaporkan dan telah membebankan kewangan dan menjejaskan reputasi Kerajaan.


24.1.3. PDRM berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, untuk menguruskan kehilangan asetnya. Selain itu, PDRM antaranya menguna pakai Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) Bahagian C854 – Peraturan Mengurus Kes-Kes Kehilangan Dan Menghapuskira Harta Benda Kerajaan dan PTKPN A122 – Jawatankuasa Penyiasat dan Arahan Jabatan Logistik Bil. 62 – Laporan Awal Kehilangan Aset Kerajaan dalam menguruskan kehilangan aset. Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik dan Unit Jawatankuasa Siasatan/*Commission Of Enquiry* (CE), Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman adalah bertanggungjawab dalam pengurusan kehilangan aset PDRM. Manakala Ketua Polis Negara/Timbalan Ketua Polis Negara telah diberi kuasa untuk menghapuskira nilai aset yang hilang melalui P.U. (B) 285 bertarikh 6 Ogos 2009.

24.1.4. Berdasarkan laporan statistik kehilangan aset yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik, PDRM bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 309 unit aset bernilai RM1.33 juta telah dilaporkan hilang. Jenis kehilangan aset yang tertinggi adalah gari sebanyak 156 unit dan diikuti dengan senjata api dan kenderaan, masing-masing sebanyak 44 dan 29 unit. Maklumat lanjut mengenai kehilangan aset di PDRM mengikut jenis dan bilangan serta mengikut Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK)/Briged/Formasi bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 24.1** dan **Carta 24.2**.

CARTA 24.1
STATISTIK KEHILANGAN ASET POLIS DIRAJA MALAYSIA MENGIKUT JENIS DAN BILANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012



CARTA 24.2
STATISTIK BILANGAN KES KEHILANGAN ASET POLIS DIRAJA MALAYSIA BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012



24.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kehilangan aset PDRM telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

24.3. SKOP PENGAUDITAN

24.3.1. Skop pengauditan meliputi aspek pengurusan kehilangan aset PDRM bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 seperti berikut:

24.3.1.1. peranan dan tanggungjawab Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira melibatkan Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik dan Unit Jawatankuasa Siasatan (CE), Jabatan Pengurusan di Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman;

24.3.1.2. pengurusan proses kerja hapus kira aset;

24.3.1.3. tindakan Ketua Jabatan yang berkenaan selepas kelulusan hapus kira aset oleh Kuasa Melulus;

24.3.1.4. tindakan Suruhanjaya Pasukan Polis bagi tindakan surcaj; dan

24.3.1.5. tindakan pencegahan yang diambil oleh pihak pengurusan untuk mengelak berulangnya kejadian kehilangan.

24.3.2. Pengauditan ini telah dijalankan di Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman dan 3 Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Johor serta 10 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan 9 Balai Polis di bawah tanggungjawab 3 IPK yang dipilih.

24.3. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan dengan membuat semakan terhadap fail, rekod dan dokumen; penganalisisan data yang berkaitan; testimoni melalui temu bual dan pemeriksaan fizikal terhadap aset dan stor/bilik penyimpanan aset yang berkenaan.

24.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 hingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kehilangan aset di Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia dan 3 IPK yang diperiksa adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. kehilangan aset lewat dikesan;

ii. kelewatan melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dan Polis;

iii. Ketua Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal kehilangan aset;

iv. Jawatankuasa Penyiasat kes kehilangan aset lewat ditubuhkan;

v. Jawatankuasa Penyiasat lewat menyediakan Laporan Akhir kehilangan aset;

vi. Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira lewat mengambil tindakan susulan berhubung laporan kes kehilangan aset;

vii. kelewatan mengambil tindakan di peringkat Kontinjen setelah kelulusan hapus kira oleh Kuasa Melulus;

viii. kelewatan mengambil tindakan proses surcaj;

ix. tempat penyimpanan selamat aset tidak disediakan; dan

x. ruang penyimpanan aset adalah terhad/sempit.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas PDRM adalah seperti di perenggan berikut:

24.5.1. Prestasi Penyelesaian Siasatan Terhadap Kes Kehilangan Aset

24.5.1.1. Apabila berlaku sesuatu kehilangan aset Kerajaan, maka satu penyiasatan perlu dilaksanakan dan satu laporan kehilangan pula perlu disediakan. Penyiasatan dan laporan yang disediakan bertujuan untuk mengenal pasti punca berlakunya kehilangan serta tindakan susulan yang perlu diambil berikutan kehilangan tersebut selain menyediakan mekanisme pencegahan bagi mengelak daripada berulangnya kejadian kehilangan aset. Seterusnya penyiasatan dan laporan yang disediakan juga adalah bagi mengenal pasti nilai yang perlu dihapus kira dan menyelaraskan rekod aset.

24.5.1.2. Semakan Audit terhadap laporan statistik kehilangan aset PDRM bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 yang dikemukakan oleh Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK)/Briged/Formasi mendapati sebanyak 32 (43.8%) daripada 73 kes kehilangan aset bagi tahun 2010 dan 8 (17.8%) daripada 45 kes bagi tahun 2011 telah selesai disiasat dan mendapat kelulusan hapus kira oleh Ketua Polis Negara/Timbalan Ketua Polis Negara selaku Kuasa Melulus. Manakala bagi 95 kes kehilangan aset pada tahun 2012, tiada kes yang selesai disiasat kecuali 2 kes yang telah digugurkan kerana aset yang hilang telah dijumpai semula. Nilai perolehan semua aset yang dilaporkan hilang adalah berjumlah RM1.33 juta bagi tempoh 3 tahun berkenaan. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.1
STATISTIK LAPORAN KES KEHILANGAN ASET YANG SELESAI DISIASAT DAN MENDAPAT KELULUSAN HAPUS KIRA BAGI POLIS DIRAJA MALAYSIA UNTUK TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

IBU PEJABAT PDRM/ IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN/ BRIGED/FORMASI	TAHUN								
	2010			2011			2012		
	KES KEHILANGAN			KES KEHILANGAN			KES KEHILANGAN		
	BIL. KES	NILAI PEROLEHAN ASET YANG HILANG (RM)	BIL. KES SELESAI	BIL. KES	NILAI PEROLEHAN ASET YANG HILANG (RM)	BIL. KES SELESAI	BIL. KES	NILAI PEROLEHAN ASET YANG HILANG (RM)	BIL. KES SELESAI
Bukit Aman	3	10,835	2	3	34,287	3	4	12,824	0
Kuala Lumpur	11	68,669*	6	4	15,499	0	8	56,635	0
Selangor	6	42,850	2	12	59,906	0	14	70,018	0
Negeri Sembilan	3	3,207	1	0	0	-	2	343	0
Melaka	1	343	1	0	0	-	1	TM	0
Johor	15	42,098	4	2	11,424	2	7	70,589	0
Perak	4	21,244	2	2	19,697	0	6	26,131	0
Kedah	3	10,417	1	5	20,758	0	6	19,660	0
Pulau Pinang	2	20,200	2	1	2,807	0	16	265,420	0
Perlis	1	343	0	0	0	0	2	12,567	0
Terengganu	3	13,858	2	5	398	1	9	23,894	1
Kelantan	0	0	0	1	200	0	2	46,263	0
Pahang	5	11,656	3	3	12,699	1	3	9,397	0
Sarawak	5	23,627	1	4	49,180	0	5	81,367	1
Sabah	7	47,101	2	2	975	0	6	42,607	0
Briged Tengah PGA	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Briged Utara PGA	3	31,910	2	0	0	0	0	0	0
Briged Tenggara PGA	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Briged Sarawak	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Briged Sabah PGA	0	0	0	1	384	1	1	494	0
PULAPOL Kuala Lumpur	1	4,050	1	0	0	0	0	0	0
PLPGA Ulu Kinta	0	0	0	0	0	0	2	4,113	0
Komando 69 Ulu Kinta	0	0	0	0	0	o	1	10,100	0
JUMLAH	**73**	**352,408**	**32**	**45**	**228,214**	**8**	**95**	**752,422**	**2**

Nota : ***(*) - Pada Tahun 2010, Di Kuala Lumpur Satu Kes Kehilangan Aset Tiada Nilai Perolehan***
TM - Tiada Maklumat Dikemukakan Oleh Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka

24.5.1.3. Bagaimanapun, statistik yang diperoleh di **Jadual 24.1** tidak dapat disahkan kesahihannya kerana terdapat percanggahan dengan maklumat laporan kehilangan aset yang disemak oleh pihak Audit bagi Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK. Sebagai contoh, bilangan kes kehilangan dan bilangan kes selesai disiasat dan mendapat kelulusan hapus kira bagi IPK Kuala Lumpur untuk tahun 2010 hingga 2012 masing-masing berjumlah 11 dan 6; 4 dan 0; serta 8 dan 0 mengikut statistik oleh PDRM. Namun, semakan Audit di IPK Kuala Lumpur menunjukkan bilangan kes kehilangan dan bilangan kes selesai disiasat masing-

masing berjumlah 12 dan 5; 4 dan 1; serta 7 dan 0. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.2
STATISTIK LAPORAN KES KEHILANGAN YANG SELESAI DISIASAT DAN MENDAPAT KELULUSAN HAPUS KIRA BAGI IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA DAN 3 IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN UNTUK TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

IBU PEJABAT PDRM/ IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	TAHUN								
	2010			2011			2012		
	KES KEHILANGAN			KES KEHILANGAN			KES KEHILANGAN		
	BIL. KES	NILAI PEROLEHAN ASET YANG HILANG	BIL. KES SELESAI	BIL. KES	NILAI PEROLEHAN ASET YANG HILANG	BIL. KES SELESAI	BIL. KES	NILAI PEROLEHAN ASET YANG HILANG	BIL. KES SELESAI
Bukit Aman	2	7,336	1	4	43,409	2	4	21,869	0
Kuala Lumpur	12	78,795	5	4	20,360	1	7	46,535	0
Selangor	6	42,850	2	13	71,477	0	16	55,522	0
Johor	12	31,036	1	2	8,080	0	6	66,967	0
JUMLAH	**32**	**160,017**	**9**	**23**	**143,326**	**3**	**33**	**190,893**	**0**

24.5.1.4. Laporan statistik kes yang dikenakan tindakan surcaj untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012 yang dikemukakan oleh Jabatan Logistik, Bukit Aman menunjukkan sebanyak 30 kes kehilangan telah diputuskan supaya surcaj berjumlah RM63,346 dikenakan yang melibatkan Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK yang dilawati. Daripada surcaj berjumlah RM63,346 yang boleh dikutip, hanya RM6,879 (10.9%) telah dikutip sehingga akhir tahun 2012. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.3
STATISTIK KES YANG DIKENAKAN TINDAKAN SURCAJ BAGI IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA DAN 3 IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN UNTUK TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

IBU PEJABAT PDRM/ IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	BILANGAN KES DIKENAKAN TINDAKAN SURCAJ			BOLEH DIKUTIP (RM)			TELAH DIKUTIP (RM)		
	2010	2011	2012	2010	2011	2012	2010	2011	2012
Bukit Aman	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kuala Lumpur	9	3	3	23,540	5,296	5,277	6,179	0	0
Selangor	2	3	3	2,090	2,886	11,028	700	0	0
Johor	6	0	1	7,229	0	5,000	0	0	0
JUMLAH	**17**	**6**	**7**	**32,859**	**8,182**	**21,305**	**6,879**	**0**	**0**

Pada pendapat Audit, pengurusan kehilangan aset PDRM adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat banyak kes kehilangan pada tahun 2010 dan 2011 yang masih belum diselesaikan serta surcaj yang dikenakan belum dikutip. Di samping itu, maklumat berkenaan kehilangan aset dan status penyiasatan antara rekod di Ibu Pejabat Bukit Aman, Kuala Lumpur dengan rekod di IPK negeri perlu diselaraskan.

Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 Dan 27 Jun 2013

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan mewujudkan satu sistem yang membolehkan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengetahui berlakunya kehilangan aset Kerajaan selepas laporan polis dibuat di kontinjen/formasi. Sistem ini akan dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Logistik dengan tujuan untuk pemantauan dari segi mengesan kelewatan dalam menyediakan Laporan Awal dan Laporan Akhir. PDRM juga akan mewujudkan satu Jawatankuasa Khas bagi mengenal pasti kelemahan dan memberi cadangan penambahbaikan proses menyiasat kehilangan aset serta hapus kira dilaksanakan mengikut peraturan dan masa yang ditetapkan; mengambil tindakan disiplin/tatatertib terhadap mereka yang gagal mematuhi/melaksanakan arahan dan peraturan yang ditetapkan; dan memastikan semua pegawai polis dan pegawai awam diberi pengetahuan berkenaan tindakan yang perlu dilaksanakan apabila berlaku kehilangan aset Kerajaan dengan kaedah dihantar berkursus secara berkala.

Terdapat percanggahan statistik kehilangan aset disebabkan tiada urus setia bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kes berkenaan kehilangan dan hapus kira kehilangan aset serta tiada pemantauan di peringkat kontinjen. Pihak yang bertindak sebagai urus setia Jawatankuasa Penyiasat di kontinjen tidak mengemaskinikan maklumat kes kehilangan yang dilaporkan ke Unit Jawatankuasa Siasatan (CE) dari semasa ke semasa. Selain itu, tiada pelarasan pendaftaran kes kehilangan di Unit Jawatankuasa Siasatan (CE), Bukit Aman dan Bahagian Pengurusan Aset, Bukit Aman. Sehubungan itu, arahan melalui surat bertarikh 5 Jun 2013 dikeluarkan kepada Ketua Jabatan Pengurusan Kontinjen Selangor dan Johor untuk mengemaskini rekod kes Jawatankuasa Penyiasat bagi tahun 2010 hingga 2012 manakala semboyan bertarikh 6 Jun 2013 telah dikeluarkan kepada semua kontinjen dan formasi untuk mengemukakan statistik kes Jawatankuasa Penyiasat untuk penyelarasan bagi tahun 2010 hingga 2012. Seterusnya, Mesyuarat Penyelarasan Pendaftaran Bagi Kes CE Dan Kes Kehilangan Aset Alih Kerajaan pada 16 Mei 2013 telah memutuskan supaya penyediaan Standard Operating Procedure (SOP) perlu dibuat bagi menggariskan panduan dan mengurus kes kehilangan aset untuk mengelakkan sebarang kekeliruan antara jabatan/kontinjen. Draf SOP berkaitan sedang dirangka dan tindakan dijangka selesai pada akhir bulan Disember 2013.

24.5.2. Kehilangan Aset Lewat Dikesan

24.5.2.1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 antaranya menetapkan pergerakan aset bagi tujuan pinjaman atau penempatan sementara hendaklah direkod di Buku Daftar Pergerakan Aset. Selain itu, pemeriksaan fizikal, rekod dan penempatan terhadap aset hendaklah dilakukan oleh pegawai pemeriksa yang dilantik. Tujuannya adalah untuk mengetahui keadaan dan prestasinya; memastikan setiap aset mempunyai daftar/rekod yang lengkap, tepat dan kemas kini; dan memastikan setiap aset berada di lokasi sama seperti yang tercatat dalam daftar. Pemeriksaan berkala hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan/arahan.

24.5.2.2. Semakan Audit terhadap 88 laporan kes kehilangan aset di Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK mendapati tarikh sebenar kehilangan bagi 14 laporan kes tidak diketahui melibatkan kehilangan 92 unit gari, seunit *Mobile Card Reader* dan seunit *Walkie Talkie*. Nilai perolehan semua aset berkenaan adalah berjumlah RM30,986. Semakan Audit selanjutnya mendapati kehilangan aset berkenaan hanya dikesan semasa pemeriksaan berkala oleh pegawai pemeriksa yang hanya dijalankan bermula pada tahun 2010. Laporan penyiasatan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasat menyatakan terdapat aset yang hilang tidak dikemaskinikan di Buku Daftar Pergerakan Aset sejak tahun 1998 lagi iaitu pada tarikh terakhir aset tersebut dikeluarkan daripada simpanan di stor.

24.5.2.3. Buku Daftar Pergerakan Aset yang tidak dikemaskinikan dan pemeriksaan berkala yang tidak dijalankan mengikut ketetapan menyebabkan kehilangan aset lewat dikesan. Akibatnya, pihak polis lewat mengambil tindakan menyiasat kes kehilangan aset serta lewat mengambil tindakan terhadap pegawai/anggota polis yang bertanggungjawab. Sebagai contoh, kes kehilangan 36 unit gari bernilai RM6,739 yang diberi kelulusan hapus kira tanpa dikenakan tindakan surcaj terhadap 2 anggota polis yang bertanggungjawab. Kes telah digugurkan kerana seorang anggota polis telah meninggal dunia pada tahun 2009 manakala seorang lagi telah bersara pada tahun 2008. Rekod terakhir di Buku Daftar Pergerakan Aset menunjukkan gari telah diserahkan ke stor antara 22 Mac 2007 hingga 14 Februari 2008 manakala pemeriksaan berkala hanya dijalankan pada bulan Ogos 2010. Maklumat lanjut mengenai 14 kes kehilangan aset lewat dikesan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.4
MAKLUMAT KEHILANGAN ASET YANG LEWAT DIKESAN
DI 3 IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN

IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	NOMBOR RUJUKAN KES KEHILANGAN	TARIKH SEBENAR KEHILANGAN ASET	TARIKH KEHILANGAN DIKESAN	TARIKH TERAKHIR DIKEMASKINI DALAM BUKU DAFTAR PERGERAKAN ASET	PERIHAL ASET	BILANGAN ASET YANG HILANG (Unit)	NILAI PEROLEHAN ASET YANG HILANG (RM)	NILAI SEMASA ASET YANG HILANG (RM)
Kuala Lumpur	CE 73/2010	TM	21.05.2010	TM	*Mobile Card Reader*	1	4,500	TM
	CE 69/2010	TM	14.04.2010	11.08.2009	*Walkie Talkie*	1	11,904	6,095
JUMLAH						**2**	**16,404**	**6,095**
Johor	CE 96/2010	TM	21.09.2010	Antara 25.07.2010 Hingga 21.09.2010	Gari Republic ARM Model 65	1	91	TM
	CE 93/2012	TM	18.11.2011	13.10.2010	Gari SAF 10K	1	343	TM
JUMLAH						**2**	**434**	**TM**
Selangor	CE 93/2010	TM	04.08.2010	Antara 22.03.2007 Hingga 14.02.2008	Gari Pelbagai Jenis	36	6,739	TM
	CE 64/2011	TM	21.09.2011	1998 - 1999	Gari Pelbagai Jenis	9	3,087	TM
	CE 74/2011	TM	27.10.2011	Ogos 2011	Gari KRISS MOD K165	1	93	TM
	CE 73/2011	TM	23.09.2011	17.08.2011	Gari KRISS MOD K165	1	93	TM
	CE 63/2011	TM	21.06.2011	01.12.2007 Dan 31.12.2007	Gari KRISS MOD K165	3	280	TM
	CE 69/2011	TM	07.10.2011	27.11.2009, 02.03.2010, 23.02.2010, 02.06.2010 Dan 27.05.2011	Gari KRISS MOD K165	6	561	TM
	CE 66/2011	TM	04.01.2011	Antara 09.05.2005 Hingga 2006	Gari KRISS	12	1,250	625
	CE 65/2011	TM	09.12.2010	2006	Gari KRISS Bersama Kunci	16	1,440	720
	CE 23/2012	TM	10.02.2012	12.08.2004	Gari KRISS MOD K165	1	93	TM
	CE 26/2012	TM	14.02.2012	TM	Gari KRISS MOD K165	5	512	TM
JUMLAH						**90**	**14,148**	**1,345**
JUMLAH KESELURUHAN						**94**	**30,986**	**7,440**

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pendapat Audit, sekiranya pemeriksaan berkala dilaksanakan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia mengikut peraturan ianya dapat mengelakkan kes kehilangan aset lewat dikesan.

Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 Dan 27 Jun 2013

Arahan menjalankan pemeriksaan berkala telah sedia ada dan arahan tambahan telah dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pemeriksaaan berkala ada dijalankan dan kebanyakan kehilangan berlaku selepas pemeriksaan diadakan. Minit Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan Maklum Balas bertarikh 15 Mei 2013 menyebut Timbalan Pengarah II Jabatan Logistik telah mengeluarkan arahan kepada semua pegawai terlibat supaya melaksanakan pemeriksaan berkala mengikut Perintah Tetap Ketua Polis Negara dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan tindakan adalah berterusan. Pemeriksaan aset termasuk dokumentasi berkaitan juga akan dilaksanakan dengan lebih kerap oleh pegawai PDRM dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Berlaku kehilangan aset lewat dikesan antaranya disebabkan oleh perkara seperti berikut:

- ***kurangnya pengetahuan dan kesedaran pegawai/anggota PDRM mengenai tindakan yang perlu dilakukan apabila berlaku sesuatu kehilangan aset alih Kerajaan;***
- ***kurangnya pemantauan/pemeriksaan oleh pegawai bertanggungjawab dari semasa ke semasa;***
- ***usaha mencari dan mengesan kehilangan aset dahulu sebelum laporan polis dibuat;***
- ***tiada pemeriksaan yang kerap dilaksanakan oleh pegawai. Tiada perjawatan Unit Aset di Kontinjen/Formasi (kekurangan sumber manusia untuk menguruskan pemeriksaan aset Kerajaan); dan***
- ***kekangan tugas hakiki juga melibatkan penugasan luar jangka.***

Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik; Maktab PDRM Kuala Kubu Baru, Selangor dan Jabatan Pengurusan, Bukit Aman telah menganjurkan kursus berkenaan pengurusan aset untuk mewujudkan kesedaran dan pengetahuan kepada pegawai terlibat khususnya dalam pengendalian kes kehilangan aset. Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan akan diadakan dengan lebih banyak lagi bagi memberi pengetahuan kepada semua pegawai kanan, anggota pangkat rendah dan pegawai awam.

24.5.3. Pengurusan Proses Kerja Hapus Kira Kehilangan Aset

Apabila berlaku kehilangan aset Kerajaan, tindakan tertentu perlu dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan/arahan. Pihak yang berkuasa melulus hapus kira; Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira; Ketua Jabatan yang

berkenaan; Suruhanjaya Perkhidmatan Polis; dan pegawai/anggota yang terlibat dengan kehilangan adalah bertanggungjawab dalam tindakan menguruskan setiap peringkat tertentu proses kerja hapus kira kehilangan aset. Semakan Audit terhadap 88 laporan kes kehilangan aset bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 di Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK menunjukkan beberapa ketidakpatuhan dalam tindakan menguruskan proses kerja hapus kira aset seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.5
KETIDAKPATUHAN PADA NORMA MASA YANG DITETAPKAN DALAM TINDAKAN MENGURUSKAN PROSES KERJA HAPUS KIRA ASET YANG HILANG BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

IBU PEJABAT PDRM/ IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	TAHUN	KELEWATAN MEMBUAT LAPORAN KEHILANGAN ASET KEPADA KETUA JABATAN		KELEWATAN MEMBUAT LAPORAN KEHILANGAN ASET KEPADA POLIS		KELEWATAN KETUA JABATAN MENYEDIAKAN LAPORAN AWAL KEW. PA 28		KELEWATAN MELANTIK JAWATANKUASA PENYIASAT		KELEWATAN MENYEDIAKAN LAPORAN AKHIR KEW. PA 30	
		BIL . KES	TEMPOH LEWAT (Hari)	BIL . KES	TEMPOH LEWAT (Hari)	BIL . KES	TEMPOH LEWAT (Hari)	BIL . KES	TEMPOH LEWAT (Hari)	BIL . KES	TEMPOH LEWAT (Hari)
Bukit Aman	2010	1	27	2	2 - 26	2	3 - 42	1	18	0	0
	2011	0	0	0	0	1	21	2	10 - 204	1	248
	2012	1	20	2	68 - 75	2	133 - 141	1	101	0	0
JUMLAH		**2**	**20 - 27**	**4**	**2 - 75**	**5**	**3 - 141**	**4**	**10 - 204**	**1**	**248**
Kuala Lumpur	2010	1	53	2	11 - 52	10	5 - 265	11	23 - 80	2	93 - 833
	2011	0	0	0	0	3	10 - 20	4	2 - 53	4	57 - 161
	2012	0	0	1	22	3	31 - 542	7	8 - 54	2	16 - 38
JUMLAH		**1**	**53**	**3**	**11 - 52**	**16**	**5 - 542**	**22**	**2 - 80**	**8**	**16 - 833**
Selangor	2010	2	3 - 4	1	2	3	6 - 539	2	36 - 51	2	3 - 32
	2011	2	2 - 33	2	35 - 91	9	5 - 702	10	205 - 462	3	268 - 541
	2012	1	84	3	31 - 83	10	2 - 176	6	92 - 419	3	151 - 476
JUMLAH		**5**	**2 - 84**	**6**	**2 - 91**	**22**	**2 - 702**	**18**	**36 - 462**	**8**	**3 - 541**
Johor	2010	1	13	1	14	9	2 - 11,154	8	33 - 220	4	2 - 65
	2011	0	0	0	0	0	0	2	39 - 62	2	27 - 74
	2012	0	0	5	5 - 241	4	27 - 262	4	19 - 47	1	11
JUMLAH		**1**	**13**	**6**	**5 - 241**	**13**	**2 - 11,154**	**14**	**19 - 220**	**7**	**2 - 74**
JUMLAH KESELURUHAN		**9**	**2 - 84**	**19**	**2 - 241**	**56**	**2 - 11,154**	**58**	**2 - 462**	**24**	**2 - 833**

24.5.3.1. Kehilangan Aset Lewat Dilaporkan Kepada Ketua Jabatan

Pegawai yang mengetahui kehilangan hendaklah melaporkannya kepada Ketua Jabatan dengan serta merta. Semakan Audit mendapati terdapat kelewatan dalam membuat laporan kehilangan aset kepada Ketua Jabatan antara 2 hingga 84 hari bagi 9 kes (10.2%) mengambil kira tarikh kehilangan dan tarikh laporan kehilangan dibuat kepada Ketua Jabatan. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 34 kes (38.7%) kerana ketiadaan maklumat tarikh kehilangan atau tarikh laporan kehilangan dibuat kepada Ketua Jabatan. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 24.5**.

24.5.3.2. Ketua Jabatan/Pegawai Yang Berkenaan Lewat Membuat Laporan Kehilangan Aset Kepada Polis

Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab ke atas kehilangan atau yang menjaga aset atau yang mengetahui kehilangan berlaku, hendaklah melaporkan kepada Polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan diketahui. Semakan Audit mendapati terdapat kelewatan dalam membuat laporan kehilangan aset kepada Polis oleh Ketua Jabatan/pegawai yang berkenaan antara 2 hingga 241 hari bagi 19 kes (21.6%) mengambil kira tarikh kehilangan dan tarikh laporan Polis dibuat. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 6 kes (6.8%) kerana ketiadaan maklumat tarikh kehilangan atau tarikh laporan polis dibuat. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 24.5**.

24.5.3.3. Ketua Jabatan Lewat Menyediakan Laporan Awal KEW.PA-28

a. Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Laporan Awal KEW.PA-28. Bagi kes kehilangan yang melibatkan seseorang Ketua Jabatan, Laporan Awal hendaklah disediakan oleh pegawai atasannya di peringkat Kementerian/Ibu Pejabat. Ketua Jabatan di mana kehilangan berlaku hendaklah dengan segera, dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh kehilangan, menghantar Laporan Awal dan salinan Laporan Polis kepada Pegawai Pengawal bagi Jabatan di mana kehilangan berlaku dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Salinan Laporan Awal hendaklah dihantar kepada Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan, Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara.

b. Semakan Audit mendapati Ketua Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal KEW.PA-28 iaitu antara 2 hingga 11,154 hari (melebihi 3 tahun) bagi 56 kes (63.6%) mengambil kira tarikh kehilangan dan tarikh laporan Polis dibandingkan dengan tarikh Laporan Awal disediakan oleh Ketua Jabatan. Pihak Audit juga tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 16 kes (18.2%) kerana ketiadaan maklumat sama ada tarikh kehilangan, tarikh laporan polis atau tarikh Laporan Awal disediakan oleh Ketua Jabatan. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 24.5**. Sebagai contoh adalah bagi kes kehilangan yang berlaku pada 23 Mac 1980 berdasarkan laporan polis melibatkan kehilangan satu unit senjata api berserta 15 butir peluru di IPK Johor membabitkan seorang pegawai polis berpangkat ASP. Laporan Awal hanya disediakan oleh Ketua Jabatan pada 9 Oktober 2010. Berdasarkan dokumen dan maklumat yang disemak oleh pihak Audit, kes ini telah ditutup dan Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan supaya kehilangan dihapus kira dan dilupuskan dengan memberi amaran kepada PDRM supaya menguruskan kes kehilangan aset dengan lebih cepat. Satu

kes lagi melibatkan kehilangan satu unit senjata api berserta 5 butir peluru juga di IPK Johor membabitkan seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal. Kehilangan berlaku pada 12 Disember 2002 berdasarkan Laporan Polis manakala Laporan Awal hanya disediakan oleh Ketua Jabatan pada 9 Oktober 2010. Kes ini belum mendapat kelulusan hapus kira dari Kuasa Melulus kerana tiada maklumat/rekod kelulusan ditemui dalam fail kes. Jawatankuasa Penyiasat telah mengesyorkan supaya anggota dikenakan tindakan surcaj kerana tidak bertanggungjawab dan berhati-hati dalam menjaga keselamatan harta Kerajaan.

24.5.3.4. Jawatankuasa Penyiasat Lewat Dilantik

a. Jawatankuasa Penyiasat hendaklah dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal menggunakan KEW.PA-29 dengan segera dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Keanggotaan Jawatankuasa Penyiasat adalah terdiri daripada pegawai yang tidak terlibat dengan kehilangan itu dan bukan dari bahagian/unit yang sama; pegawai berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang terlibat; dan sekurang-kurangnya 2 orang ahli di mana pegawai yang lebih kanan sebagai pengerusi. Di PDRM, Kuasa Melulus melalui Unit Jawatankuasa Siasatan (CE), Jabatan Pengurusan, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman sebagai Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira mengeluarkan arahan kepada Kontinjen/Briged berkenaan untuk melantik Jawatankuasa Penyiasat.

~~b.~~ Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penyiasat lewat dilantik antara 2 hingga 462 hari bagi 58 kes kehilangan aset (65.9%) mengambil kira tarikh Laporan Awal disediakan dan tarikh pelantikan Jawatankuasa Penyiasat seperti maklumat yang ditunjukkan dalam **Jadual 24.5**. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 19 kes kehilangan (21.6%) kerana ketiadaan maklumat tarikh Laporan Awal disediakan atau tarikh pelantikan Jawatankuasa Penyiasat. Manakala Jawatankuasa Penyiasat bagi 11 kes kehilangan (12.5%) langsung belum dilantik pada tarikh pengauditan di mana Laporan Awal kehilangan telah disediakan antara 59 hingga 442 hari iaitu melebihi tempoh 2 minggu yang ditetapkan untuk melantik Jawatankuasa Penyiasat dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.6
STATUS LAPORAN KES KEHILANGAN BAGI IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA DAN 3 IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN UNTUK TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

IBU PEJABAT PDRM/ IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	TAHUN	BIL. KES	KES SELESAI		KES BELUM SELESAI				
					LAPORAN AKHIR BELUM DISEDIAKAN				
					KES BELUM DISIASAT KERANA J/K PENYIASAT BELUM DITUBUHKAN		KES MASIH DALAM SIASATAN J/K PENYIASAT		
			SEHINGGA KELULUSAN HAPUS KIRA OLEH KUASA MELULUS	DITUTUP/ DIGUGURKAN KERANA ASET DIJUMPAI SEMULA /PROSES HAPUS KIRA TIDAK DILAKSANA	BIL. KES	TEMPOH MASA MENGAMBIL KIRA TARIKH LAPORAN AWAL DISEDIAKAN HINGGA J/K PENYIASAT DILANTIK	BIL. KES	TEMPOH MASA MENGAMBIL KIRA TARIKH J/K PENYIASAT DILANTIK HINGGA TARIKH AUDIT	*LAPORAN AKHIR TELAH DISEDIAKAN TETAPI BELUM MENDAPAT KELULUSAN KUASA MELULUS
Bukit Aman	2010	2	1	0	0	0	0	0	1
	2011	4	2	0	0	0	0	0	2
	2012	4	0	0	2	236 - 348	1	167	1
JUMLAH		**10**	**3**	**0**	**2**	**236 - 348**	**1**	**167**	**4**
Kuala Lumpur	2010	12	5	0	0	0	0	0	7
	2011	4	1	0	0	0	0	0	3
	2012	7	0	0	0	0	3	344 - 402	4
JUMLAH		**23**	**6**	**0**	**0**	**0**	**3**	**344 - 402**	**14**
Selangor	2010	6	2	0	0	0	2	275 - 801	2
	2011	13	0	0	1	396	9	172 - 466	3
	2012	16	0	0	8	59 - 442	5	42 - 220	3
JUMLAH		**35**	**2**	**0**	**9**	**59 - 442**	**16**	**42 - 801**	**8**
Johor	2010	12	1	2	0	0	0	0	9
	2011	2	0	0	0	0	0	0	2
	2012	6	0	0	0	0	1	203	5
JUMLAH		**20**	**1**	**2**	**0**	**0**	**1**	**203**	**16**
JUMLAH KESELURUHAN		**88**	**12**	**2**	**11**	**59 - 442**	**21**	**42 - 801**	**42**

Nota : (*) - Sama Ada Dalam Tindakan Pengesahan Oleh Ketua Polis Negeri; Dalam Tindakan Unit Jawatankuasa Siasatan (CE), Jabatan Pengurusan Untuk Penilaian Atau Tindakan Cawangan Pengurusan Aset, Jabatan Logistik Untuk Proses Hapus Kira

24.5.3.5. Laporan Akhir KEW.PA-30 Lewat Dikemukakan Kepada Kuasa Melulus

Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dan kemukakan kepada Unit Jawatankuasa Siasatan (CE) selaku Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira. Laporan Akhir seterusnya hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik juga selaku Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira untuk syor dan ulasan. Laporan Akhir yang lengkap dengan syor dan ulasan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Kuasa Melulus. Mengikut peraturan/arahan, Laporan Akhir hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan dalam mengemukakan Laporan Akhir KEW.PA-30 kepada Kuasa Melulus antara 2 hingga 833 hari melibatkan 24 kes kehilangan aset (27.3%) mengambil kira

tarikh Laporan Awal disediakan dan tarikh Laporan Akhir dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 24.5**. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tempoh kelewatan bagi 35 kes kehilangan aset (39.8%) kerana ketiadaan maklumat tarikh Laporan Awal disediakan atau tarikh Laporan Akhir dikemukakan kepada Kuasa Melulus.

24.5.3.6. Penyelesaian Tindakan Menghapus Kira Aset Yang Hilang Kurang Memuaskan

a. Jawatankuasa Penyiasat hendaklah menyediakan Laporan Akhir KEW.PA-30 dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan Jawatankuasa Penyiasat dengan ulasan serta syor dan kemukakan kepada Ketua Polis Negeri/ Pegawai Pemerintah sebelum dikemukakan ke Unit Jawatankuasa Siasatan (CE). Unit ini menilai Laporan Akhir sebelum kemukakan ke Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman untuk proses hapus kira. Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik kemudiannya kemukakan Laporan Akhir berserta ulasan dan syor kepada Kuasa Melulus untuk kelulusan hapus kira. Kuasa Melulus setelah berpuas hati dengan hasil siasatan di Laporan Akhir adalah bertanggungjawab untuk mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang dengan surcaj atau tatatertib atau kedua-duanya sekali; atau mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang tanpa surcaj atau tatatertib; dan menandatangani sendiri syor dan ulasan tersebut. Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Logistik seterusnya hendaklah mengemukakan kelulusan hapus kira kepada kontinjen untuk pengeluaran Sijil Hapus Kira – KEW.PA-31 manakala Unit Jawatankuasa Siasatan (CE) mengambil tindakan untuk mengemukakan kelulusan hapus kira kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Polis (SPP) bagi proses surcaj. Ketua Jabatan yang berkenaan pula hendaklah mengambil tindakan mengemas kini daftar aset apabila dimaklumkan mengenai kelulusan hapus kira.

b. Semakan Audit terhadap 88 laporan kes kehilangan aset bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 di Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK menunjukkan sebanyak 2 laporan kes kehilangan digugurkan kerana aset yang hilang dijumpai semula dan tidak tertakluk kepada proses hapus kira. Selanjutnya hanya 12 (13.9%) daripada 86 laporan kes kehilangan telah mendapat kelulusan hapus kira oleh Kuasa Melulus. Daripada 12 laporan kes kehilangan tersebut, sebanyak 9 kes telah diselesaikan sehingga ke peringkat pengeluaran Sijil Hapus Kira dan penyelarasan rekod di Daftar Aset manakala bagi 3 kes lagi, Sijil Hapus Kira belum dikeluarkan. Ianya sama ada berada dalam tindakan Jabatan Logistik untuk mengemukakan kelulusan hapus kira ke Kontinjen atau Kontinjen belum mengambil tindakan mengeluarkan Sijil Hapus Kira walaupun telah mendapat maklumat kelulusan hapus kira. Seterusnya, Laporan Akhir bagi 42 laporan kes kehilangan telah disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasat, namun belum

mendapat kelulusan Kuasa Melulus. Ianya sama ada berada dalam tindakan pengesahan oleh Ketua Polis Negeri; dalam tindakan Unit Jawatankuasa Siasatan (CE), Jabatan Pengurusan untuk penilaian; atau dalam tindakan Cawangan Pengurusan Aset, Jabatan Logistik untuk proses kelulusan hapus kira. Laporan Akhir bagi 32 kes kehilangan pula belum disediakan. Ini kerana 21 kes kehilangan masih lagi dalam peringkat siasatan oleh Jawatankuasa Penyiasat yang telah mengambil masa antara 42 hingga 801 hari. Ini menunjukkan tempoh masa satu bulan yang ditetapkan untuk menyediakan Laporan Akhir telah dilewati. Manakala bagi 11 laporan kes kehilangan, Jawatankuasa Penyiasat belum ditubuhkan bagi menyiasat dan menyediakan Laporan Akhir tersebut. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 24.6**.

c. Bagi 12 laporan kes kehilangan yang telah mendapat kelulusan hapus kira, semakan Audit juga mendapati sebanyak 7 kes dikaitkan dengan kecuaian pegawai/anggota dan disyorkan untuk dikenakan tindakan tatatertib dan surcaj berjumlah RM11,484. Tindakan surcaj telah diambil bagi 4 kes dan sejumlah RM4,996 telah dikutip. Bagi 3 kes lagi, tindakan surcaj belum diambil walaupun kelulusan hapus kira telah diperoleh daripada Kuasa Melulus, masing-masing pada 11 Jun 2011; 29 Jun 2011 dan 27 Januari 2012. Adalah didapati Suruhanjaya Perkhidmatan Polis hanya memberi kelulusan tindakan surcaj masing-masing pada 26 Disember 2012; 2 Januari 2013; dan 27 Disember 2012 yang mengambil masa antara 11 hingga 19 bulan. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.7
LAPORAN KES KEHILANGAN YANG DISEMAK DAN TELAH MENDAPAT KELULUSAN HAPUS KIRA OLEH KUASA MELULUS BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

IBU PEJABAT PDRM/ IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	RUJUKAN FAIL	TARIKH KELULUSAN HAPUS KIRA	TARIKH SIJIL HAPUS KIRA	SYOR DAN ULASAN JAWATANKUASA (J/K) PENYIASAT	SYOR DAN ULASAN KUASA MELULUS	CATATAN
Bukit Aman	CE 35/2010	02.06.2010	29.05.2012	Kehilangan Dihapus Kira	Kes Ditutup Kerana Tiada Unsur Cuai	Kes Tutup
	CE 20/2011	24.09.2012	TM	Tidak Dikena Tindakan Kerana Hilang Semasa Operasi	Dilulus Untuk Kelulusan Hapus Kira	Kes Tutup
	CE 34/2011	24.09.2012	TM	Kes Ditutup Kerana Syarikat Telah Membuat Penggantian	Bersetuju Dengan Syor J/K Penyiasat Kerana Bukan Berpunca Kecuaian	Kes Tutup
Kuala Lumpur	CE 3/2010	17.08.2010	17.08.2010	Surcaj RM960.15 dan Surat Teguran	Setuju Dengan J/K Penyiasat	Selesai Dikutip
	CE 4/2010	17.08.2010	13.09.2010	Subjek 1:Surcaj RM960.15 dan Tatatertib Subjek 2:Surat Teguran	Setuju Dengan J/K Penyiasat	Selesai Dikutip
	CE 46/2010	11.06.2011	20.07.2011	Surcaj RM523.80 Tatatertib	Setuju Dengan J/K Penyiasat	Tindakan Kontinjen Untuk Mengutip Surcaj (Kelulusan SPP Pada 26.12.2012)

IBU PEJABAT PDRM/ IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN	RUJUKAN FAIL	TARIKH KELULUSAN HAPUS KIRA	TARIKH SIJIL HAPUS KIRA	SYOR DAN ULASAN JAWATANKUASA (J/K) PENYIASAT	SYOR DAN ULASAN KUASA MELULUS	CATATAN
	CE 51/2010	29.06.2011	20.07.2011	Surcaj RM4,574	Setuju Dengan J/K Penyiasat	Tindakan Kontinjen Untuk Mengutip Surcaj (Kelulusan SPP Pada 02.01.2013)
	CE 73/2010	28.06.2011	29.01.2012	Kehilangan Dihapus Kira	Kes Ditutup Kerana Anggota/Subjek Meninggal Dunia	Kes Tutup
	CE 29/2011	24.09.2012	24.09.2012	Surcaj 20% Daripada Harga Semasa dan Surat Teguran	Surcaj RM2,376 Dan Surat Teguran	Selesai Dikutip
Selangor	CE 29/2010	29.06.2011	TM	Ganti Rugi Sebanyak RM700 @ 20% Daripada Nilai Semasa	Surcaj RM700	Selesai Dikutip
	CE 34/2010	27.01.2012	16.02.2012	Surcaj RM1,390	Surcaj RM1,390 Dan Tatatertib	Tindakan Kontinjen Untuk Mengutip Surcaj (Kelulusan SPP Pada 27.12.2012)
Johor	CE 56/2010	13.07.2011	19.08.2011	Tiada Unsur Cuai	Bersetuju Dengan Syor J/K Penyiasat	Kes Tutup

Nota: ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada penetapan norma masa proses kerja hapus kira kehilangan aset adalah penting supaya punca berlaku kehilangan aset dapat dikenal pasti dengan segera dan langkah yang perlu untuk mencegah berulangnya kejadian kehilangan aset dapat diambil terutamanya bagi kehilangan yang melibatkan aset dalam kategori keselamatan seperti senjata api kerana ia boleh mengancam keselamatan awam. Ini juga membolehkan kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan akibat kehilangan aset yang berpunca daripada kecurian, penipuan atau kecuaian pegawai dapat dikawal selain membolehkan tindakan surcaj atau tatatertib dikenakan ke atas pegawai/anggota yang bertanggungjawab ke atas kehilangan.

Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013 Dan 27 Jun 2013

PDRM memaklumkan ketidakpatuhan kepada penetapan norma masa proses kerja hapus kira kehilangan aset antaranya disebabkan oleh perkara seperti berikut:

- ***kurangnya pengetahuan dan kesedaran pegawai/anggota PDRM mengenai tindakan yang perlu dilakukan apabila berlaku sesuatu kehilangan aset alih Kerajaan;***

- ***usaha mencari dan mengesan kehilangan aset alih kerajaan terlebih dahulu dilakukan sebelum laporan polis dibuat;***
- ***kontinjen/formasi tiada perjawatan sebenar yang menguruskan berkenaan kehilangan dan hapus kira aset kerajaan;***
- ***pegawai yang dilantik untuk menjalankan siasatan bagi sesuatu kes kehilangan aset alih Kerajaan mempunyai tugas dan tanggungjawab hakiki yang lain; dan***
- ***dengan kekuatan perjawatan sedia ada di Unit Jawatankuasa Siasatan (CE) tidak dapat menampung beban kerja menguruskan proses bermula daripada pendaftaran hinggalah proses kutipan surcaj dan ganti rugi.***

Bagi mengatasi masalah ini, PDRM telah mengambil tindakan antaranya seperti berikut:

- ***bagi menambah pengetahuan dan kesedaran pegawai/anggota PDRM dan pegawai awam mengenai tindakan yang perlu dilakukan apabila berlaku sesuatu kehilangan aset, latihan dan kursus secara berkala telah dirancang dan diadakan oleh PDRM dari semasa ke semasa;***
- ***arahan tindakan yang perlu dilaksanakan apabila berlaku kehilangan aset alih Kerajaan telah dikeluarkan melalui surat dan boleh dimuat naik melalui portal PDRM e-Siar;***
- ***pihak Jawatankuasa Siasatan (CE) telah mengeluarkan surat peringatan kepada Jawatankuasa Penyiasat terbabit yang lewat mengemukakan laporan siasatan;***
- ***mewujudkan satu sistem yang membolehkan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengetahui berlakunya kehilangan aset Kerajaan selepas laporan polis dibuat di kontinjen/formasi;***
- ***mewujudkan satu Jawatankuasa Khas bagi mengenal pasti kelemahan dan memberi cadangan penambahbaikan proses menyiasat kehilangan aset serta hapus kira dilaksanakan mengikut peraturan dan masa yang ditetapkan; dan***
- ***memastikan tindakan disiplin/tatatertib bagi mereka yang gagal melaksanakan arahan dan peraturan yang ditetapkan.***

24.5.4. Langkah Yang Diambil Untuk Mencegah Berulangnya Kejadian Kehilangan

24.5.4.1. Semakan Audit terhadap 88 Laporan Kehilangan Aset yang disediakan bagi 3 IPK menunjukkan berlaku kehilangan aset antaranya melibatkan 101 unit gari, 13 unit motosikal, 11 unit senjata api, 6 unit *walkie*

talkie dan satu unit kereta. Berdasarkan semakan Audit terhadap syor dan ulasan Jawatankuasa Penyiasat bagi 48 kes kehilangan yang selesai disiasat menunjukkan 38 kes kehilangan (79.2%) adalah berpunca daripada kecuaian pegawai/anggota dan disyorkan tindakan surcaj dengan tatatertib atau tindakan surcaj tanpa tatatertib. Dalam laporan siasatan juga menyatakan langkah yang perlu diambil untuk mencegah berulangnya kejadian kehilangan seperti berikut:

a. pemeriksaan berkala dibuat ke atas Buku Daftar Pergerakan Aset/Daftar Keluar Dan Masuk Senjata (POL 74C); KEW.PA-6/Buku Daftar Pergerakan *Walkie Talkie* (POL 299); KEW.PA-6/Buku Daftar Pergerakan Gari (POL 298); dan Buku Log Kenderaan bagi memastikan rekod penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;

b. pemeriksaan fizikal kerap dilakukan ke atas semua aset dan sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan semua aset tersebut dalam keadaan baik dan boleh digunakan;

c. memastikan kenderaan disimpan di tempat letak kenderaan yang bersesuaian dan selamat serta yang dibenarkan sahaja. Jika untuk tugas rasmi di luar pejabat, memastikan kenderaan dikunci dengan kunci tambahan dan mudah diawasi;

d. tempat meletak kenderaan tertentu dipasang dengan CCTV; dan

e. mematuhi semua peraturan/arahan berkaitan pengurusan aset.

24.5.4.2. Bagi memastikan sama ada langkah pencegahan telah diambil untuk mengelak berulangnya kejadian kehilangan aset, pemeriksaan Audit telah dijalankan di 3 IPK, 9 IPD dan 10 Balai Polis yang terbabit dengan kes kehilangan aset yang dilaporkan. Antara perkara yang diperiksa adalah rekod di Buku Daftar Pergerakan Aset bagi senjata api, *walkie talkie*, gari dan kenderaan serta pemeriksaan fizikal ke atas aset dan tempat penempatan/penyimpanan aset. Hasil pemeriksaan Audit yang dibuat secara rambang mendapati perkara seperti berikut:

a. Kelemahan Dalam Penyelenggaraan Buku Daftar Pergerakan Aset Di 2 IPD dan 6 Balai Polis

i. Semakan Audit terhadap rekod Senarai Senjata-Senjata Dan Peluru (POL. 74D) serta POL. 74C di IPD Ampang Jaya pada 16 Januari 2013 menunjukkan satu unit senjata api jenis Revolver 0.38 S&W SPL 2 inch sepatutnya ada dalam simpanan di stor tetapi tidak dapat dikesan. Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku kesilapan merekod nombor siri senjata api berkenaan di POL. 74C yang dikeluarkan kepada seorang anggota.

ii. PTKPN BHG. C116 menyatakan pegawai/anggota polis perlu mengambil dan menyerahkan semula senjata api mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan dalam Jadual Penugasan (POL. 69A). Tindakan segera perlu diambil oleh anggota yang menjaga stor senjata api terhadap sebarang ketidakpatuhan dengan memastikan status kelewatan memulangkan senjata api di rekod. Namun, semakan Audit terhadap POL. 74C di Balai Polis Johor Jaya, Johor pada 16 Disember 2012 mendapati 2 unit senjata api yang dikeluarkan kepada 2 anggota telah lewat diserah pada waktu yang ditetapkan. Bagaimanapun, tiada sebarang penjelasan terhadap kelewatan tersebut. *Mengikut maklum balas PDRM, perkara ini bukan disengajakan dan bukan perkara luar biasa kerana Balai Polis Johor Jaya mempunyai sektor yang luas dan anggota sering mengadakan perjumpaan dengan penduduk taman. Perkara ini dalam pengetahuan Ketua Polis Balai (KPB) Johor Jaya. Sebarang kelewatan akan dimaklumkan kepada KPB.*

iii. Semakan Audit terhadap rekod POL. 299 di Balai Polis Taman Pelangi, Johor pada 20 Disember 2012 mendapati tiada maklumat penyerahan semula bagi pengeluaran *walkie talkie* kepada 5 anggota pada 17 dan 18 Disember 2012. Semakan Audit juga mendapati anggota yang menjaga stor tidak berusaha untuk menghubungi 5 anggota berkenaan untuk menyerahkan *walkie talkie* tersebut pada masa yang ditetapkan atau mendapatkan penjelasan berhubung kelewatan itu.

iv. Pemeriksaan Audit di stor senjata Balai Polis Banting, Selangor pada 17 Januari 2013 mendapati 2 unit gari yang dikeluarkan pada 13 November 2010 dan 23 Disember 2010 belum dipulangkan. Satu unit gari lagi telah dipulangkan pada 5 Oktober 2012 tetapi tiada dalam simpanan stor. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan Buku Daftar Pergerakan Aset berkenaan telah disemak. Pihak Balai Polis Banting telah membuat laporan polis pada 7 Februari 2013 berkenaan kehilangan 3 unit gari ini selepas penemuan Audit.

v. Semakan Audit terhadap rekod di POL 74D di Balai Polis Bukit Puchong, Selangor pada 17 Januari 2013 menunjukkan satu unit gari No. Siri K8752 telah dilaporkan hilang pada tahun 2006. Namun, pemeriksaan Audit mendapati gari tersebut berada dalam simpanan stor manakala mengikut rekod di Buku Daftar pula, satu unit gari No. Siri K8748 yang sepatutnya dalam simpanan stor tidak dapat dikesan. Laporan polis telah dibuat pada 18 Januari 2013 untuk melaporkan gari yang sebenarnya hilang bernombor siri K8748 dan bukannya K8752.

vi. Semakan Audit di IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur; Balai Polis Johor Jaya dan Senai Jaya, Johor serta Sri Petaling, Selangor mendapati 19 buah Buku Log Kenderaan yang disemak tidak dikemaskinikan seperti ruang nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa; nama dan

tandatangan pegawai yang menggunakan kenderaan serta kiraan kilometer atau perbatuan. Maklumat Buku Log Kenderaan yang disemak adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 24.8
SENARAI BUKU LOG KENDERAAN YANG TIDAK DISELENGGARA DENGAN LENGKAP

BIL.	IPD/BALAI POLIS	JENIS KENDERAAN	CATATAN
1.	Balai Polis Johor Jaya	1. Kawasaki Balius (WTP 4349) 2. Van Rusa (WHY 9675) 3. Kancil (WGG 9520) 4. Toyota (WTP 5479)	Butiran Buku Log Tidak Diisi dengan lengkap dan ditandatangani.
2.	Balai Polis Senai	1. Proton Waja (WPP 1317) 2. Produa Kancil (WGG 9579)	Butiran Buku Log Tidak Diisi dengan lengkap dan ditandatangani.
3.	IPD Dang Wangi	1. HICOM Perkasa (WQV 3709) 2. Land Rover (WQT 7114) 3. Land Rover (WCD 9275) 4. Isuzu (WCV 1334) 5. Proton Waja (WMJ 8265) 6. Ford Transit (WJS 4374) 7. Produa Kancil (WGG9464) 8. Proton Waja (WJT 8265) 9. Produa Rusa (WHR 9176) 10. Proton Wira (WJN 6400)	Buku Log tidak ada pengesahan dari pegawai penyemak/pemantau.
4.	Balai Polis Sri Petaling	1. Kancil (WGG 9537) 2. Land Rover (WCT 2428) 3. Proton Wira (WGD 6306)	Butiran Buku Log Tidak Diisi dengan lengkap dan ditandatangani.

Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013

Bagi Kelemahan Dalam Penyelenggaraan Buku Daftar Pergerakan Aset (Buku Log Kenderaan POL 303) di 2 Ibu Pejabat Polis Daerah dan 6 Balai Polis, Ketua Bahagian Logistik Daerah (KBLD) terbabit telah dimaklumkan dan penambahbaikan/tindakan selanjutnya telah diambil oleh KBLD.


b. Tempat Simpanan Aset Yang Selamat Tidak Disediakan

Antara mekanisme pencegahan yang perlu difikirkan oleh pihak pengurusan adalah penyediaan tempat simpanan aset yang selamat dan sesuai serta sentiasa berada di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Arahan keselamatan Kerajaan hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengelak berlakunya kerosakan atau kehilangan aset. Aset yang sangat menarik atau bernilai tinggi akan terdedah kepada risiko kehilangan, maka hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Di Balai Polis Taman Pelangi, Johor, stor senjata api tidak mempunyai dinding sesekat daripada besi bagi memisahkan kaunter penerimaan dan penyerahan senjata. Oleh itu, pegawai/anggota polis yang hendak mengambil atau menyerahkan senjata api perlu memasuki bilik stor

senjata api berkenaan. Pemeriksaan Audit juga mendapati senjata api berserta peluru hanya disusun di atas meja di dalam bilik stor. Oleh kerana senjata api adalah aset yang bersifat amat menarik dan terdedah kepada risiko kehilangan serta mengancam keselamatan awam, maka tempat simpanan senjata api hendaklah sentiasa berada di bawah kawalan yang maksimum seperti mempunyai dinding sesekat daripada besi. Ini dapat mengelakkan semua pegawai/anggota memasuki bilik stor bagi mengambil atau menyerah senjata dan terdedah kepada senjata api tersebut. Keadaan stor senjata api dan penyimpanannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 24.1



Stor Senjata,
Balai Polis Taman Pelangi, Johor
-Bilik Stor Tidak Mempunyai Dinding Sesekat Daripada Besi Bagi Memisahkan Kaunter Penerimaan/Penyerahan Senjata
(20.12.2012)

GAMBAR 24.2



Stor Senjata,
Balai Polis Taman Pelangi, Johor
- Senjata Api Serta Peluru Di Letak Di Atas Meja Di Dalam Bilik Stor
(20.12.2012)

Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013

Sebuah bilik pejabat di Balai Polis Taman Pelangi telah dikenal pasti untuk dijadikan bilik simpanan senjata api. Bilik tersebut akan diubah suai dengan memasang jeriji besi/mendirikan tembok batu mengikut spesifikasi cawangan persenjataan dengan anggaran kos pengubahsuaian berjumlah RM10,000 yang dicadangkan oleh KBLD Johor Bahru Selatan. Selain itu, KBLD Johor Bahru Selatan juga memohon peruntukan kewangan daripada IPK Johor untuk pembelian almari besi simpanan senjata api 2 pintu dengan anggaran kos RM3,500 seunit kerana mengikut prosedur keselamatan senjata tidak boleh disimpan di dalam kabinet 4 laci dan mesti disimpan di dalam almari senjata berkunci dan dirantai.

ii. Di Balai Polis Senai, Johor, sebanyak 4 unit *walkie talkie* diletakkan di ruang terbuka dalam kawasan pejabat pentadbiran Balai Polis bersebelahan mesin fotostat dan berhampiran dengan kaunter pertanyaan orang awam. Dimaklumkan *walkie talkie* diletakkan di situ untuk memudahkan pegawai/anggota mengecas bateri alat tersebut seperti di gambar berikut:

GAMBAR 24.3



GAMBAR 24.4



Balai Polis Senai
- Walkie Talkie Diletakkan Di Ruang Terbuka Dalam Kawasan Pejabat Balai Polis, Berhampiran Dengan Kaunter Pertanyaan Orang Awam
(21.12.2012)

Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013

Lawatan telah dibuat dan didapati walkie talkie telah ditempatkan di dalam bilik taklimat. Teguran dan nasihat telah diberikan kepada Ketua Polis Balai Senai agar menjaga keselamatan peralatan dan aset PDRM.

iii. Lawatan Audit juga mendapati stor senjata api di IPK Kuala Lumpur dan Selangor, IPD Ampang Jaya dan Balai Polis Trafik Jalan Tun H.S. Lee mempunyai ruang yang begitu terhad/sempit. Terdapat senjata api dari jenis yang sama tetapi terpaksa diletakkan di beberapa tempat penyimpanan kerana rak senjata api yang disediakan tidak mencukupi. Sebagai contoh di IPD Ampang Jaya, semakan Audit terhadap rekod senjata api jenis Revolver 0.38 S&W SPL 2 inch menunjukkan sebanyak 6 unit telah dikeluarkan untuk kegunaan pegawai/anggota dengan baki 48 unit masih ada dalam stor. Semakan Audit juga mendapati senjata api tersebut disimpan di beberapa tempat dalam stor dan melambatkan proses mengumpul dan mengira senjata api. Selain itu, terdapat juga senjata api yang hanya dilonggokkan di atas lantai di laluan anggota yang bertugas di stor. Keadaan stor adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 24.5



Stor Senjata, IPK Selangor
- Tempat Penyimpanan Senjata Yang Terhad/Sempit. Terdapat Senjata Dilonggokkan Di Atas Lantai
(15.01.2013)

GAMBAR 24.6



Stor Senjata, IPD Ampang Jaya
- Tempat Penyimpanan Senjata Yang Terhad/Sempit. Terdapat Senjata Yang Terpaksa Disimpan Atas Almari
(16.01.2013)

GAMBAR 24.7



GAMBAR 24.8



Stor Senjata, IPD Ampang Jaya
- Tempat Penyimpanan Senjata Yang Terhad/Sempit
(16.01.2013)

Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013

Ruang tempat menyimpan senjata api adalah amat terhad. IPD Ampang Jaya bercadang mengubahsuai stor senjata api untuk mendapatkan satu ruangan yang luas bagi meletak rak penyimpanan senjata api. Senjata rifle dan SMG telah disusun di rak berkunci dan dirantai. Manakala senjata pistol dan revolver telah disimpan dalam kabinet berkunci.

iv. Lawatan Audit pada 20 Disember 2012 di Balai Polis Taman Pelangi, Johor mendapati Balai Polis tersebut tidak mempunyai tempat yang berpagar bagi meletak 14 unit motosikal dan 2 unit kereta di bawah tanggungjawabnya. Balai Polis itu terletak di kawasan deretan kedai dan tidak mempunyai CCTV. Berlaku kes kehilangan motosikal di Balai Polis itu pada 1 Ogos 2012 melibatkan sebuah motosikal dengan nilai perolehan berjumlah RM10,100. Kehilangan motosikal berlaku semasa diletakkan di depan Balai Polis dalam keadaan berkunci. Tempat meletak kenderaan Balai Polis Taman Pelangi, Johor adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 24.9



GAMBAR 24.10



Balai Polis Taman Pelangi,Johor
- Tempat Meletak Kenderaan Polis Di Kawasan Deretan Kedai Yang Tidak Berpagar. Tiada CCTV Disediakan
(20.12.2012)



GAMBAR 24.11

Balai Polis Taman Pelangi, Johor - Balai Polis Yang Terletak Di Kawasan Deretan Kedai (20.12.2012)

Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013

Pihak PDRM Kontinjen Johor memohon untuk mendapatkan bangunan baru bersendirian. Keluasan Balai Polis Taman Pelangi tidak dapat menampung kekuatan pegawai/anggota pangkat rendah yang sedia ada. Ruang dan kawasan yang terhad menimbulkan kurang keselesaan kepada pegawai/anggota pangkat rendah yang bertugas. Pihak kami mencadangkan agar pembinaan balai polis baru dapat diwujudkan bagi mengatasi permasalahan yang timbul. Dengan menyediakan ruang yang secukupnya untuk menempatkan aset PDRM seperti kenderaan, stor senjata api dan peralatan komunikasi, stor bekalan dan kemudahan lain bagi menjamin keselamatan aset Kerajaan. Bagi mengatasi masalah parkir dan menggelakkan kecurian berulang pihak kami mencadangkan semua kenderaan pasukan ditempatkan di Cawangan Pengangkutan IPD Johor Bahru Selatan yang terletak di Balai Polis Larkin.

Pada pendapat Audit, penyimpanan aset yang tidak teratur dan tiada tempat penyimpanan aset yang selamat dan sesuai boleh menyebabkan berlakunya kehilangan aset. Seterusnya, pematuhan kepada prosedur dan peraturan/arahan yang disediakan berhubung pengurusan aset dapat memastikan keselamatan aset serta sebagai pencegahan supaya kes kehilangan aset dapat dikawal.

Maklum Balas Polis DiRaja Malaysia Yang Diterima Pada 23 Mei 2013

Bagi memastikan arahan yang telah dikeluarkan dipatuhi, satu Standard Operating Procedures sedang dirangka bersama antara Jabatan Pengurusan (Unit Jawatankuasa Penyiasat) dengan Jabatan Logistik [Urus Setia Jabatan Logistik (Pematuhan) dan Unit Pelupusan Bahagian Pengurusan Aset PDRM)]. Peranan Urus Setia Ketua Polis Negara (Tatatertib) akan dimasukkan sebagai ahli jawatankuasa penyediaan SOP supaya mereka juga memainkan peranan kepada mencegah ketidakpatuhan dari berlaku di masa hadapan.

24.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kehilangan aset dilaksanakan dengan teratur dan cekap serta meningkatkan keselamatan aset Polis DiRaja Malaysia (PDRM), adalah disyorkan PDRM mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

24.6.1. memastikan pemeriksaan berkala dilaksanakan mengikut ketetapannya supaya dapat mengesan kes kehilangan aset;

24.6.2. memastikan pematuhan kepada penetapan norma masa proses kerja hapus kira aset supaya punca berlaku kehilangan aset dapat dikenal pasti dengan segera. Langkah untuk mencegah berulangnya kejadian kehilangan aset juga dapat diambil terutamanya kehilangan yang melibatkan aset dalam kategori keselamatan seperti senjata api dan gari kerana ia boleh mengancam keselamatan awam;

24.6.3. memastikan kehilangan aset yang berpunca daripada kecurian, penipuan atau kecuaian pegawai/anggota dikenakan tindakan surcaj atau tatatertib supaya menjadi satu usaha pencegahan bagi mengawal kes kehilangan;

24.6.4. memastikan pelantikan Jawatankuasa Penyiasat dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) mengikut arahan sedia ada dan bukan di peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) bagi memastikan ketelusan penyiasatan kes kehilangan aset. Amalan di IPK Selangor menunjukkan pelantikan Jawatankuasa Penyiasat dibuat di peringkat IPD;

24.6.5. memastikan tempat penyimpanan aset yang selamat dan sesuai disediakan bagi mengawal berlakunya kehilangan aset;

24.6.6. memastikan pematuhan kepada prosedur dan peraturan/arahan berhubung pengurusan aset yang boleh dijadikan mekanisme pencegahan supaya kes kehilangan aset dapat dikawal;

24.6.7. menyimpan/menyelenggarakan fail kes/dokumen berkaitan kehilangan aset dengan teratur dan sistematik bagi memudahkan rujukan;

24.6.8. meningkatkan bilangan kursus yang spesifik mengenai pengurusan kes kehilangan aset bagi memastikan latihan mencukupi seterusnya meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai/anggota; dan

24.6.9. memastikan pegawai/anggota mencukupi dan kompeten untuk menguruskan kes kehilangan aset.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 296-309 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

25. JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA
- PENGURUSAN KAD PINTAR PELBAGAI GUNA MyKad

25.1. LATAR BELAKANG

25.1.1. Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPN) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri. Objektif JPN adalah untuk mengumpul dan menyelenggara rekod kelahiran; kematian; anak angkat; kad pengenalan; perkahwinan/penceraian dan kewarganegaraan bagi semua penduduk Malaysia. Mandat utama JPN bagi melaksanakan fungsinya adalah melalui Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78); Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2010); Arahan Jabatan Pendaftaran Negara; Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 dan Arahan Pentadbiran Jabatan.

25.1.2. MyKad telah mengalami beberapa evolusi iaitu dari awal diperkenalkan sehinggalah MyKad struktur baharu yang dilancarkan pada 3 Januari 2012. Tujuan penggantian MyKad struktur baharu daripada MyKad versi lama adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan, peningkatan kualiti dan juga pemilikan *Operating System* (OS) dan *plate* pencetak. Evolusi MyKad bermula dengan Kad Pengenalan Kertas sehingga tahun 1960, diikuti dengan Kad Pengenalan Plastik, Kad Pengenalan Bermutu Tinggi, Kad Pintar dan MyKad struktur baharu.

25.1.3. Bahagian utama yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan kad pintar pelbagai guna MyKad ialah Bahagian Kad Pengenalan (BKP) dan Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna. BKP bertanggungjawab bagi memastikan pengeluaran kad pengenalan adalah cekap, bermutu dan teratur bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara. Manakala Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna pula bertanggungjawab untuk merancang, memantau, mengawal selia dan mengurus pelaksanaan projek MyKad ke seluruh negara mengikut spesifikasi dan keperluan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Di samping itu, Bahagian ini bertanggungjawab mengurus pembangunan dan pelaksanaan sistem maklumat kad pintar pelbagai guna selaras dengan perancangan e-Government melalui integrasi penyelesaian yang selamat dengan membangunkan pelbagai aplikasi di dalam cip untuk menyimpan maklumat asas pemegang kad, lesen memandu, maklumat imigresen, maklumat kesihatan, baki E-tunai dan Prasarana Kekunci Awam (PKI).

25.1.4. Dalam melaksanakan aktiviti pengeluaran MyKad terdapat 3 komponen utama yang dilaksanakan iaitu ‘initialisasi’ kad, pencetakan kad dan penghantaran kad. Oleh yang demikian, bagi memastikan pengurusan pengeluaran MyKad berjalan dengan lancar, JPN telah menggunakan sistem *Intergrated* Jabatan

Pendaftaran Negara (i-JPN) dalam operasi pengeluaran MyKad. Selain daripada itu, *Card Lifecycle Management System* (CLMS) iaitu sistem yang terletak di bawah Sistem i-JPN turut diguna untuk menguruskan rekod mengenai pergerakan kad mulai proses penerimaan kad mentah, 'initialisasi', cetakan, serahan dan kemas kini kad sehingga kad dilupuskan.

25.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kad pintar pelbagai guna MyKad telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

25.3. SKOP PENGAUDITAN

25.3.1. Skop pengauditan ini ditumpukan kepada pengurusan MyKad meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan merangkumi aktiviti perolehan, pengeluaran, penggunaan, keselamatan, pelupusan dan penguatkuasaan MyKad bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Selain itu, skop pengauditan juga meliputi aspek penggunaan dan penyenggaraan peralatan pencetak MyKad dan alat pembaca MyKad.

25.3.2. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat JPN Putrajaya; JPN Cawangan Ayer Keroh, Melaka; JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru dan JPN Cawangan Kuching, Sarawak.

25.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Temu bual dengan pegawai dan anggota yang terlibat dengan pengurusan aktiviti MyKad telah diadakan serta borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang awam. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga dilaksanakan ke atas bilik kebal, bilik percetakan dan bilik serahan MyKad.

25.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kad pintar pelbagai guna MyKad adalah memuaskan. Prestasi pengeluaran MyKad telah meningkat daripada 92% pada tahun 2010 kepada 97.4% pada tahun 2011 dan menurun kepada 95.9% pada tahun 2012. Didapati juga prestasi perbelanjaan bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah baik. Manakala hasil yang dikutip oleh JPN telah meningkat iaitu daripada RM53.91 juta pada tahun 2010 kepada RM66.84 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti antaranya adalah seperti berikut:

i. prosedur kualiti tidak dipatuhi;

ii. kelewatan penyiapan MyKad;

iii. bayaran bagi penyewaan mesin pencetak yang tidak diguna;

iv. kelemahan pengurusan pelupusan MyKad rosak; dan

v. kelemahan pengurusan alat pembaca MyKad.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas Jabatan Pendaftaran Negara adalah seperti di perenggan berikut:

25.5.1. Prestasi Pengurusan MyKad

25.5.1.1. Prestasi Permohonan Dan Pengeluaran MyKad

a. MyKad struktur baharu telah dilancarkan mulai 3 Januari 2012. Bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2012, JPN telah mengeluarkan sebanyak 3,736,562 MyKad struktur baharu kepada orang ramai. Maklumat terperinci bilangan permohonan dan pengeluaran MyKad bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.1
PERMOHONAN DAN PENGELUARAN MyKad MENGIKUT NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

JPN NEGERI	PERMOHONAN MyKad			PENGELUARAN MyKad					
	2010 (a)	2011 (b)	2012 (c)	2010 (d)	(%) (d/a)	2011 (e)	(%) (e/b)	2012 (f)	(%) (f/c)
Johor	340,135	341,486	488,916	294,656	86.6	334,640	98.0	459,826	94.1
Kedah	178,430	185,052	259,687	163,001	91.4	178,405	96.4	252,383	97.2
Kelantan	136,859	143,751	216,199	120,470	88.0	140,673	97.9	206,326	95.4
Melaka	102,967	101,977	144,110	101,385	98.5	100,510	98.6	142,084	98.6
Negeri Sembilan	103,580	101,280	139,819	96,231	92.9	97,650	96.4	129,143	92.4
Pahang	137,949	134,817	205,324	122,325	88.7	132,235	98.1	195,314	95.1
Perak	255,762	240,049	336,336	246,743	96.5	230,149	95.9	325,338	96.7
Perlis	22,650	23,826	32,297	21,866	96.5	23,632	99.2	32,288	99.9
Pulau Pinang	151,964	152,087	189,744	178,053*	117.2	147,517	97.0	180,376	95.1
Selangor	440,664	438,274	557,761	312,825	71.0	423,248	96.6	545,303	97.8
Sabah	209,985	206,592	338,104	268,837*	128.0	205,383	99.4	319,032	94.4
Sarawak	240,791	241,585	338,032	151,475	62.9	246,941	102.2*	325,277	96.2
Terengganu	100,812	106,141	153,483	145,498*	144.3	102,810	96.9	150,878	98.3
W.P. Kuala Lumpur	228,921	213,543	252,376	224,954	98.3	205,699	96.3	246,618	97.7
W.P. Labuan	9,007	8,401	13,621	7,912	87.8	8,046	95.8	13,703*	100.6
W.P. Putrajaya	144,596	150,532	229,121	123,836	85.6	140,589	93.4	212,673	92.8
JUMLAH	**2,805,072**	**2,789,393**	**3,894,930**	**2,580,067**	**92.0**	**2,718,127**	**97.4**	**3,736,562**	**95.9**

Sumber : Pangkalan Data JPN Putrajaya
Nota: (*) – MyKad Versi Lama - Termasuk Permohonan MyKad Bagi Tahun Sebelumnya

b. Analisis Audit mendapati permohonan dan pengeluaran MyKad yang tertinggi adalah JPN Negeri Selangor yang masing-masing berjumlah 557,761 dan 545,303 pada tahun 2012. Bagi JPN Cawangan yang dilawati, secara keseluruhan prestasi permohonan telah meningkat sebanyak 363,760 (172.3%) iaitu daripada 211,070 permohonan pada tahun 2010 kepada 574,830 permohonan pada tahun 2012. Manakala terdapat Cawangan JPN menunjukkan pencapaian sehingga 99.9% bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.2
STATISTIK PERMOHONAN DAN PENGELUARAN MyKad MENGIKUT JPN CAWANGAN YANG DILAWATI BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

JPN CAWANGAN	PERMOHONAN					PENGELUARAN					
	2010 (a)	2011 (b)	(%) (b-a/ a)	2012 (c)	(%) (c-b/ b)	2010 (d)	(%) (d/a)	2011 (e)	(%) (e/b)	2012 (f)	(%) (f/c)
Ibu Pejabat, Putrajaya	144,596	150,532	4.1	232,996	54.8	123,836	85.6	140,441	93.3	197,158	84.6
Setia Tropika, Johor Bahru	TB	12,037	100	166,844	1,286.1	TB	TB	12,033	99.9	133,969	80.3
Ayer Keroh, Melaka	59,053	65,629	11.1	88,412	34.7	58,975	99.9	65,553	99.9	72,422	81.9
Kuching, Sarawak	7,421*	56,241	657.9	86,578	53.9	7,412	99.9	56,211	99.9	74,204	85.7
JUMLAH	**211,070**	**284,439**	**34.8**	**574,830**	**102.1**	**190,223**	**90.1**	**274,238**	**96.4**	**477,753**	**83.1**

Nota : ***(*) - MyKad Mula Dicetak Pada 17 Oktober 2010***
TB - Tidak Berkaitan (Cawangan Setia Tropika Mula Beroperasi Pada Tahun 2011)

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Pengeluaran MyKad struktur baharu yang diperkenalkan pada 3 Januari 2012 telah meningkat secara mendadak kerana permintaan yang tinggi berbanding dengan permintaan MyKad lama disebabkan terdapatnya penambahbaikan ciri-ciri keselamatan, reka bentuk dan kualiti MyKad yang dikeluarkan.

25.5.1.2. Prestasi Kewangan

Bagi memastikan pengurusan MyKad berjalan lancar, JPN telah memperuntukan sejumlah RM83.67 juta, RM67.31 juta dan RM66.14 juta bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing untuk perbelanjaan mengurus. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM83.66 juta (99.9%), RM67.31 juta (100%) dan RM66.14 juta (100%) telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Bagi perbelanjaan pembangunan, sejumlah RM0.54 juta, RM17.68 juta dan RM9.38 juta diperuntukkan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM0.54 juta (100%), RM17.68 juta (100%) dan RM8.58 juta (91.5%) telah dibelanjakan untuk perolehan alat pembaca MyKad, Pencetak Teragih dan *Incoming Quality Check*. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS SERTA PEMBANGUNAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

PERKARA	2010			2011			2012		
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)
Mengurus	83.67	83.66	99.9	67.31	67.31	100.0	66.14	66.14	100.0
Pembangunan	0.54	0.54	100.0	17.68	17.68	100.0	9.38	8.58	91.5
JUMLAH	**84.21**	**84.20**		**84.99**	**84.99**		**75.52**	**74.72**	

Sumber : Bahagian Kewangan JPN Putrajaya

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan JPN bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah baik.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

JPN sentiasa memastikan aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan dan mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

25.5.1.3. Kutipan Hasil

Kutipan hasil daripada bayaran proses dan denda kepada pemohon MyKad berjumlah RM142.75 juta (82.2%) merupakan hasil utama daripada kutipan keseluruhan JPN yang berjumlah RM173.74 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Analisis Audit mendapati kutipan hasil Bahagian Kad Pengenalan menurun sejumlah RM0.4 juta (0.9%) pada tahun 2011 berbanding tahun 2010, sebaliknya meningkat sejumlah RM9.81 juta (22.2%) kepada RM53.99 juta pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.4
KUTIPAN HASIL JABATAN PENDAFTARAN NEGARA DAN BAHAGIAN KAD PENGENALAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

JPN NEGERI	2010		2011		2012		JUMLAH	
	JPN (RM Juta)	BKP (RM Juta)	JPN (RM Juta)	BKP (RM Juta)	JPN (RM Juta)	BKP (RM Juta)	JPN (RM Juta)	BKP (RM Juta)
Johor	7.29	6.42	7.23	6.39	8.98	8.04	23.50	20.85
Kedah	2.59	2.25	2.61	2.26	3.46	3.08	8.66	7.59
Kelantan	2.00	1.71	2.02	1.77	2.72	2.47	6.74	5.95
Melaka	1.72	1.46	1.77	1.55	2.26	2.05	5.75	5.06
Negeri Sembilan	1.97	1.66	1.94	1.66	2.35	2.05	6.26	5.37
Pahang	2.36	2.06	2.41	2.13	2.95	2.69	7.72	6.88
Perak	3.95	3.35	3.88	3.33	4.94	4.26	12.77	10.94
Perlis	0.39	0.34	0.40	0.36	0.50	0.45	1.29	1.15
Pulau Pinang	2.65	2.29	2.48	2.13	2.68	2.32	7.81	6.74
Selangor	7.93	7.07	7.52	6.69	7.97	7.05	23.42	20.81

JPN NEGERI	2010		2011		2012		JUMLAH	
	JPN (RM Juta)	BKP (RM Juta)	JPN (RM Juta)	BKP (RM Juta)	JPN (RM Juta)	BKP (RM Juta)	JPN (RM Juta)	BKP (RM Juta)
Sabah	5.08	3.98	5.57	4.21	6.31	5.26	16.96	13.45
Sarawak	4.41	3.86	4.32	3.79	5.32	4.81	14.05	12.46
Terengganu	1.54	1.41	1.57	1.44	1.96	1.83	5.07	4.68
W.P. Kuala Lumpur	5.03	4.31	4.35	3.69	4.18	3.54	13.56	11.54
W.P. Labuan	0.19	0.17	0.21	0.18	0.28	0.25	0.68	0.6
W.P. Putrajaya	4.81	2.24	4.71	2.60	9.98	3.84	19.5	8.68
JUMLAH	**53.91**	**44.58**	**52.99**	**44.18**	**66.84**	**53.99**	**173.74**	**142.75**

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Kutipan hasil Bahagian Kad Pengenalan pada tahun 2011 menurun kerana jumlah permohonan MyKad struktur lama berkurangan sebanyak 15,679 (0.6%) iaitu sebanyak 2,789,393 permohonan MyKad struktur baharu pada tahun 2011 berbanding sebanyak 2,805,072 pada tahun 2010.

25.5.2. Pengurusan Aktiviti Pengeluaran MyKad

25.5.2.1. Permohonan MyKad

a. JPN melaksanakan penambahbaikan perkhidmatan selaras program transformasi penyampaian awam yang lebih cepat, cekap dan berkesan dengan menyediakan kemudahan permohonan gantian MyKad melalui portal, MyEG dan panggilan telefon (My Phone-In). Di samping itu, semakan status permohonan MyKad boleh dibuat melalui portal dan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS).

b. Sehingga akhir tahun 2012, seramai 7,812,376 pengguna telah menggunakan perkhidmatan atas talian yang disediakan oleh JPN. Semakan Audit mendapati seramai 6,633,156 (84.9%) pelanggan menggunakan perkhidmatan semakan status permohonan MyKad melalui portal JPN. Manakala seramai 1,163,778 (14.9%) pula membuat semakan status permohonan melalui perkhidmatan MySMS. Bagi perkhidmatan permohonan gantian MyKad melalui telefon (MyPhone-In) yang telah dilancarkan pada bulan Ogos 2012, jumlah pengguna adalah seramai 713 orang. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.5
PENGGUNAAN PERKHIDMATAN ATAS TALIAN BAGI TAHUN 2012

PERKHIDMATAN ATAS TALIAN	BIL. PENGGUNA	(%)
Sistem Semakan Status Permohonan Melalui Portal – MyKad	6,633,156	84.9
Sistem Semakan Status Permohonan Melalui SMS – MySMS	1,163,778	14.9
Permohonan Gantian MyKad Melalui Portal	6,998	0.1

PERKHIDMATAN ATAS TALIAN	BIL. PENGGUNA	(%)
Permohonan Gantian MyKad - MyEG	7,731	0.1
Permohonan Gantian MyKad Melalui Telefon - *MyPhone-In*	713	0.0*
JUMLAH	**7,812,376**	**100.0**

Sumber : Portal Rasmi JPN- Statistik Transaksi Perkhidmatan Atas Talian JPN
Nota: (*) - Peratusan Sebenar lalah 0.009

Pada pendapat Audit, penambahbaikan perkhidmatan kepada pelanggan melalui kepelbagaian medium perkhidmatan seperti kemudahan portal atau atas talian adalah amat baik dan dapat mengurangkan kesesakan di kaunter dan memberi keselesaan kepada pemohon.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

JPN sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan dan melakukan penambahbaikan secara berterusan. Inisiatif yang diambil oleh JPN pada masa kini ialah sedang merancang untuk mewujudkan perkhidmatan melalui kiosk layan diri untuk urusniaga gantian kad pengenalan. Perkhidmatan ini akan dimulakan di Ibu Pejabat sebagai projek perintis dan dijangka dapat dilaksanakan sebelum akhir tahun 2013. Di samping itu, satu kajian juga sedang dijalankan untuk memperluaskan perkhidmatan My Phone In ke peringkat Ibu Pejabat Negeri di seluruh negara yang mana pada masa ini hanya dilaksanakan di Ibu Pejabat Putrajaya. Kajian ini mengambil masa 3 bulan dan dijangka selesai pada bulan September 2013.

25.5.2.2. Tempoh Pengeluaran MyKad Melebihi 24 Jam

a. Piagam Pelanggan JPN menetapkan MyKad yang tidak mempunyai masalah boleh diproses dan disiapkan dalam tempoh 24 jam di semua Pusat Cetakan Teragih JPN Negeri, manakala selama 10 hari bekerja bagi JPN Cawangan di Semenanjung dan 30 hari bekerja bagi JPN Cawangan di Sabah dan Sarawak yang bukan Pusat Cetakan Teragih. Namun demikian, MyKad yang mempunyai masalah dan memerlukan siasatan lanjut akan mengambil masa sehingga 4 bulan.

b. Semakan Audit di JPN Cawangan Ayer Keroh, Melaka; Setia Tropika, Johor Bahru; Kuching, Sarawak dan Ibu Pejabat, Putrajaya mendapati 162,694 (28.3%) MyKad daripada 574,830 permohonan mengambil masa melebihi 24 jam untuk diproses. Kelewatan ini berlaku antara bulan Januari hingga Disember 2012. Bagaimanapun selain Ibu Pejabat, Putrajaya didapati ketiga-tiga cawangan berkenaan mencatatkan peratus kelewatan tertinggi antara 73.2% hingga 86.8% bagi bulan April hingga Jun 2012. Ini disebabkan

pembekal gagal membekalkan bilangan kad mentah seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak. Selain daripada itu, peningkatan pemohon untuk menukar MyKad versi lama kepada MyKad struktur baharu juga menyebabkan MyKad lewat diproses. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.6
PEMPROSESAN MyKad MELEBIHI 24 JAM
BAGI TEMPOH BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2012

JPN CAWANGAN												
BULAN	AYER KEROH, MELAKA			SETIA TROPIKA, JOHOR BAHRU			KUCHING, SARAWAK			IBU PEJABAT, PUTRAJAYA		
	BIL. PERMOHONAN	KELEWATAN MEMPROSES		BIL. PERMOHONAN	KELEWATAN MEMPROSES		BIL. PERMOHONAN	KELEWATAN MEMPROSES		BIL. PERMOHONAN	KELEWATAN MEMPROSES	
		BIL.	(%)		BIL.	(%)		BIL.	(%)		BIL.	(%)
Januari	8,617	264	3.0	12,444	2,844	22.9	7,378	2,132	28.9	26,382	687	2.6
Februari	10,658	40	0.4	12,951	1,325	10.2	8,807	3,235	36.7	18,790	578	3.1
Mac	10,422	4,782	45.9	16,986	13,787	81.2	9,103	5,320	58.4	21,285	912	4.3
April	7,015	5,394	76.9	13,635	11,829	86.8	6,077	4,714	77.6	18,590	1,788	9.6
Mei	6,497	4,759	73.2	12,728	11,043	86.8	5,515	4,438	80.5	18,875	530	2.8
Jun	5,561	4,256	76.5	12,281	10,662	86.8	5,160	4,190	81.2	18,829	929	4.9
Julai	5,099	1,160	22.7	12,470	10,790	86.5	5,713	3,669	64.2	19,776	1,678	8.5
Ogos	5,457	224	4.1	10,744	2,481	23.1	5,412	104	1.9	16,297	867	5.3
September	5,741	11	0.2	12,759	49	0.4	6,506	90	1.4	16,761	275	1.6
Oktober	6,706	12	0.2	15,677	5,503	35.1	8,552	66	0.8	17,680	372	2.1
November	7,546	39	0.5	15,469	7,986	51.6	9,244	265	2.9	17,933	373	2.1
Disember	9,093	1,518	16.7	18,700	16,623	88.9	9,111	6,729	73.9	21,798	1,372	6.3
JUMLAH	**88,412**	**22,459**	**25.4**	**166,844**	**94,922**	**56.9**	**86,578**	**34,952**	**40.4**	**232,996**	**10,361**	**4.4**

Pada pendapat Audit, pihak JPN perlu sentiasa memastikan pihak kontraktor membekalkan kad mentah seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak serta menimbang penamatan kontrak pada bila-bila masa sekiranya perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Kontraktor telah gagal memenuhi jadual penghantaran disebabkan beberapa isu teknikal seperti berikut:

i. Kontraktor adalah pembekal baharu yang pertama kali dilantik melalui tender terbuka;

ii. MyKad struktur baharu yang diperkenalkan adalah melibatkan ciri-ciri keselamatan berteknologi tinggi dan terkini seperti turisan laser, cetakan retransfer dan cetakan nombor siri kad yang agak unik;

iii. Sistem pengeluaran MyKad struktur baharu ini merupakan sistem yang pertama kali diperkenalkan di negara ini. Penggunaan sistem ini memerlukan satu tempoh tidak kurang dari 4 bulan untuk mencapai kestabilan bagi pengeluaran MyKad berdasarkan piawaian kualiti yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

iv. Mulai bulan April 2012, didapati prestasi kontraktor telah meningkat dan telah dapat memenuhi kuota bekalan serta mencapai piawaian kualiti yang ditetapkan.

Pembekalan MyKad struktur baharu yang berteknologi tinggi memerlukan kontraktor yang berkeupayaan dan mempunyai kepakaran dalam pengeluaran kad pintar bercip. Sehingga kini tidak banyak syarikat yang mempunyai keupayaan sedemikian dan memerlukan modal yang tinggi. Tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun adalah diperlukan untuk urusan pelantikan kontraktor baharu melalui tender terbuka. Tempoh yang panjang ini meliputi masa panggilan tender yang akan melibatkan proses seperti penilaian, pengujian, pembangunan dan integrasi sistem-sistem di JPN. Berdasarkan faktor yang dinyatakan di atas, adalah diyakini tidak menguntungkan bagi Kerajaan untuk menamatkan kontrak sedia ada. Lebih jauh dari itu, JPN dijangka akan menghadapi risiko kegagalan untuk mengeluarkan MyKad struktur baharu kepada orang ramai secara berterusan. Kegagalan pengeluaran MyKad struktur baharu ini akan menggugat imej Kerajaan.

25.5.2.3. Pengurangan Dan Pengecualian Denda Akibat Kehilangan Kad Pengenalan

Arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil. 10 Tahun 2007 memberikan kebenaran kepada pegawai cawangan JPN untuk meluluskan pengurangan dan pengecualian denda akibat kehilangan kad pengenalan mengikut budi bicara. Borang pengurangan dan pengecualian denda akibat kehilangan kad pengenalan akan diberikan kepada pelanggan yang memohon untuk mendapatkan pengecualian dan pengurangan denda. Borang ini hendaklah disemak dan disokong oleh pegawai penyelia yang bertugas di kaunter JPN sebelum dikemukakan kepada pegawai pelulus yang dilantik untuk tujuan kelulusan. Pegawai pelulus akan menandatangani borang tersebut serta merekodkan tarikh kelulusan diberikan kepada setiap permohonan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Borang Pengecualian/Pengurangan Denda Tidak Ditandatangani Pegawai Pelulus

Semakan Audit terhadap 1,200 sampel di Ibu Pejabat JPN dan Cawangan Ayer Keroh, Melaka; Setia Tropika, Johor Bahru dan Kuching, Sarawak

mendapati 248 (20.7%) kes kelulusan permohonan tidak ditandatangani oleh pegawai pelulus di JPN Cawangan, manakala tiada kes bagi Ibu Pejabat JPN, Putrajaya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.7
BORANG PENGECUALIAN/PENGURANGAN DENDA
TIDAK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI PELULUS

JPN CAWANGAN	JUMLAH KES BAGI BULAN YANG DIPILIH	BIL. KES YANG DI SEMAK	BIL. KES TIDAK DITANDATANGANI	
			BIL.	(%)
Ibu Pejabat JPN, Putrajaya	3,074	300	0	0
Ayer Keroh, Melaka	982	300	51	17.0
Setia Tropika, Johor Bahru	1,194	300	192	64.0
Kuching, Sarawak	419	300	5	1.7
JUMLAH	**5,669**	**1,200**	**248**	**20.7**

Pada pendapat Audit, JPN perlu mempertimbangkan untuk menetapkan had minima bagi setiap kes pengecualian dan pengurangan. Di samping itu setiap pengecualian dan pengurangan yang diberikan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pegawai yang diberi kuasa. Ini bertujuan mengelakkan berlakunya salah guna kuasa.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 10 April 2013 kepada Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri dan Ketua Pejabat/Penyelia Daerah mengarahkan semua pegawai/kakitangan yang bertanggungjawab untuk memastikan borang pengecualian perlu mendapat kelulusan dan ditandatangani terlebih dahulu oleh pegawai yang diberi kuasa sebelum pengurangan fi dan pengecualian denda. JPN telah mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

i. ***Sedang menyediakan satu garis panduan penetapan had minima bagi pengurangan bayaran fi kehilangan MyKad yang akan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2013;***

ii. ***Unit ISO telah mengeluarkan surat peringatan pada 15 April 2013 bertujuan untuk memberi peringatan supaya semua Pengarah Bahagian/Negeri dan Ketua Pejabat/Penyelia Daerah mematuhi semua Prosedur Kualiti dan Arahan Jabatan Bil. 10 Tahun 2007. Manakala Pasukan Audit Kualiti Dalaman JPN telah membuat semakan audit ke atas pengurusan MyKad semasa menjalankan Audit Kualiti Dalaman di semua pejabat JPN; dan***

iii. ***Pada tahun 2014, Audit Kualiti Dalaman dijadualkan akan dilaksanakan di Ibu Pejabat JPN Putrajaya serta 6 buah pejabat JPN***

Negeri yang terpilih iaitu Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Sabah, Kedah dan Perlis termasuk pejabat JPN Daerah/Cawangan di negeri berkenaan.

b. Penurunan Kuasa Kepada Pembantu Pendaftaran (Gred KP26 Ke Bawah)

Mesyuarat Pengurusan Ibu Pejabat pada 10 Mac 2011 telah memutuskan supaya kuasa mempertimbangkan pengurangan atau pengecualian fi bagi kes kehilangan kad pengenalan diberikan kepada semua Ketua Pejabat di peringkat Daerah/Daerah Kecil/Cawangan tanpa mengira gred jawatan Ketua Pejabat berkenaan. Semakan Audit di JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru mendapati bahawa surat penurunan kuasa telah diberikan oleh pengarah negeri kepada pegawai Gred KP26 ke bawah yang bukan ketua pejabat peringkat Daerah/Daerah Kecil/Cawangan.

Pada pendapat Audit, penurunan kuasa yang diberikan ini adalah bercanggah dengan Arahan Jabatan.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat bertarikh 20 Mac 2013 kepada Pengarah Bahagian dan Negeri bagi membatalkan penurunan kuasa yang dikeluarkan oleh Pengarah Negeri untuk mempertimbangkan rayuan bagi pengurangan dan pengecualian fi kes kehilangan kad pengenalan kepada semua pegawai Gred KP26 ke bawah kecuali Ketua Pejabat Peringkat Daerah/Daerah Kecil/Cawangan.

25.5.2.4. Prosedur Memasuki Bilik Percetakan/Penyerahan

a. Kuasa Memasuki Bilik Percetakan/Penyerahan

Bilik percetakan dan serahan MyKad merupakan kawasan larangan dan hanya kakitangan JPN dan individu yang mendapat kebenaran dibenarkan berada di dalam bilik tersebut seperti yang dinyatakan di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) JPN. Pemeriksaan Audit mendapati pegawai yang tidak diberi kuasa telah memasuki bilik percetakan/penyerahan di JPN Cawangan Ayer Keroh, Melaka untuk membantu kerja penyediaan MyKad akibat kekurangan kakitangan dan beban tugas yang bertambah.

Pada pendapat Audit, bilik percetakan dan serahan merupakan kawasan larangan yang memerlukan tahap keselamatan yang ketat seperti kehendak Arahan Keselamatan. Oleh yang demikian, pihak JPN Cawangan perlu memastikan pegawai yang dibenarkan sahaja boleh memasuki bilik cetakan dan serahan tersebut. Jika terdapat bebanan tugas yang tinggi dan wujud keperluan kakitangan tambahan, pihak JPN perlu mengeluarkan

surat kuasa untuk membenarkan seseorang pegawai bertugas di bilik tersebut. Di samping itu, pemantauan yang lebih kerap perlu dijalankan bagi memastikan peraturan yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 10 April 2013 mengarahkan semua pegawai/kakitangan yang bertanggungjawab memastikan hanya pegawai yang diberi kebenaran secara bertulis oleh Pengarah Bahagian Kad Pengenalan Ibu Pejabat dan Pengarah Negeri sahaja dibenarkan memasuki Bilik Cetak/Serahan MyKad. Manakala surat peringatan bertarikh 15 April 2013 telah dikeluarkan mengenai arahan supaya semua Pengarah Bahagian/Negeri dan Ketua Pejabat/Penyelia Daerah mematuhi semua Prosedur Kualiti dan Arahan Jabatan Bil. 10 Tahun 2007 dan senarai nama kakitangan yang dibenarkan masuk ke bilik cetak dan serahan dipamerkan di pintu masuk.

b. Etika Berpakaian Di Bilik Percetakan

Perenggan 2, Peraturan dan Tanggungjawab SOP yang dikeluarkan pada 14 Mei 2012 menetapkan pegawai yang bertugas di bilik percetakan diwajibkan memakai pakaian makmal yang dibekalkan ketika mengendalikan proses cetakan. Pemeriksaan Audit di bilik cetakan JPN Cawangan yang dilawati mendapati pakaian makmal tersebut masih belum diterima oleh semua JPN cawangan negeri sehingga tarikh pengauditan dijalankan pada bulan September 2012. Pihak Audit juga telah membuat analisis berhubung dengan jumlah kad *reject* disebabkan oleh faktor kekotoran. Didapati sebanyak 51,689 (28.0%) daripada 184,789 kes kerosakan MyKad struktur baharu adalah disebabkan oleh faktor kekotoran. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.8
STATISTIK MyKad STRUKTUR BAHARU *REJECT* TAHUN 2012

JPN CAWANGAN	BIL. KAD *REJECT*	BIL. KAD *REJECT* DISEBABKAN KEKOTORAN	PERATUSAN (%)
Ibu Pejabat, Putrajaya	163,030	43,117	26.4
Setia Tropika, Johor Bahru	13,425	5,991	44.6
Ayer Keroh, Melaka	4,569	831	18.2
Kuching, Sarawak	3,765	1,750	46.5
JUMLAH	**184,789**	**51,689**	**28.0**

Pada pendapat Audit, pihak JPN perlu mengambil tindakan proaktif untuk memastikan SOP yang disediakan oleh pihak JPN dipatuhi oleh semua JPN Cawangan dan pakaian makmal dibekalkan pada masa yang tepat.

Dengan adanya pakaian makmal tersebut ia dapat mengurangkan risiko masalah kad *reject* disebabkan habuk, rambut dan kekotoran pada persekitaran bilik cetakan.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Ketiga-tiga pejabat berkaitan belum menerima pakaian makmal sewaktu pemeriksaan Audit dijalankan. Pada masa ini pakaian makmal telah pun dibekalkan kepada semua pejabat cawangan. Di samping itu, arahan pemakaian pakaian makmal telah dikeluarkan oleh Pengarah Bahagian Kad Pengenalan pada 7 September 2012. JPN telah mengambil langkah penambahbaikan di mana Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 10 April 2013 supaya semua pegawai di peringkat negeri mematuhi arahan pemakaian pakaian makmal dan perkara pematuhan etika berpakaian makmal semasa berada di Bilik Cetak MyKad.

25.5.2.5. Keselamatan Penyimpanan Kelengkapan/Kemudahan/Peralatan MyKad


a. Mengikut Perenggan 85, Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan (TPS) barangan berharga dan menarik hendaklah disimpan di tempat yang selamat di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab atau pegawai yang diberi kuasa. Pihak JPN perlu mematuhi arahan tersebut bagi mengelak daripada berlakunya kehilangan atau kerosakan peralatan. Pemeriksaan Audit mendapati kad mentah, bahan habis guna dan MyKad siap telah disimpan di tempat yang sesuai dan teratur di JPN cawangan yang dilawati kecuali JPN Cawangan Johor Bahru dan Kuching, Sarawak yang tidak mempunyai bilik kebal dan tingkap bilik di beberapa lokasi tidak berjeriji seperti di gambar berikut:

GAMBAR 25.1



Bilik Vault 1, Unit Perso JPN Putrajaya - Kad Mentah Disimpan Dengan Teratur (17.10.2012)

GAMBAR 25.2



Bilik Vault 1, Unit Perso JPN Putrajaya - Bahan Habis Guna Disimpan Dengan Teratur (17.10.2012)

GAMBAR 25.3



Bilik Vault 1, Unit Perso JPN Putrajaya
-MyKad Siap Disimpan Dengan Teratur Sebelum Diagihkan Kepada Pejabat Pemohon
(17.10.2012)

GAMBAR 25.4



Bilik Vault 1, Unit Perso JPN Putrajaya
-MyKad Siap Disimpan Dengan Teratur Sebelum Diagihkan Kepada Pejabat Pemohon
(17.10.2012)


b. Pemeriksaan Audit juga mendapati tingkap bilik percetakan MyKad di Unit PC, Ibu Pejabat JPN, Putrajaya dan bilik serahan JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru tidak dikunci dan boleh dibuka dari dalam. Contohnya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 25.5



Bilik Serahan, JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru
- Tingkap Tidak Dikunci
(05.09.2012)

GAMBAR 25.6



Bilik Serahan, JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru
- Tingkap Tidak Dikunci
(05.09.2012)

GAMBAR 25.7



Bilik Cetak Mx5, Unit Perso JPN Putrajaya
- Tingkap Tidak Dikunci Dan Boleh Dibuka Dari Dalam
(17.10.2012)

GAMBAR 25.8



Bilik Cetak Mx5, Unit Perso JPN Putrajaya
- Tingkap Tidak Dikunci Dan Boleh Dibuka Dari Dalam
(17.10.2012)

Pada pendapat Audit, penyimpanan kelengkapan/kemudahan/peralatan MyKad adalah baik. Bagaimanapun, JPN disarankan untuk mempertingkatkan keselamatan bilik percetakan/penyerahan.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Perkara ini telah diambil perhatian serius bagi memastikan semua Unit Personalisation Centre (PC) dan bilik serahan di negeri mematuhi garis panduan yang ditetapkan di dalam surat Arahan Pegawai Keselamatan Kerajaan. Bagi cawangan yang tidak mempunyai bilik kebal, kad mentah dan bahan habis guna disimpan di dalam kabinet besi berpalang dan berkunci di bilik cetak. Kaedah ini adalah selaras dengan salah satu daripada kaedah keselamatan pejabat yang diperakukan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia iaitu sama ada mengguna pakai dinding batu atau grill yang diapit dengan gipsum board. Manakala pejabat yang tidak mempunyai bilik kebal, MyKad siap disimpan di dalam kabinet besi berkunci yang terletak di dalam bilik berjeriji yang mematuhi ciri-ciri keselamatan. Tindakan mengunci tingkap bilik cetakan MyKad di Unit PC, Ibu Pejabat JPN, Putrajaya telah diambil pada 18 April 2013 dan bilik serahan JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru dikunci pada 22 April 2013.

c. Penyimpanan Stok Kad Mentah Versi Lama

Pemeriksaan Audit di Bilik *Vault* 1, Unit PC mendapati sebanyak 128,322 baki kad mentah versi lama masih tersimpan di dalam bilik kebal seperti ditunjukkan dalam **Gambar 25.9** dan **25.10**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kad mentah versi lama ini tidak boleh digunakan untuk pengeluaran MyKad untuk kategori lain. Kos perolehan untuk sekeping kad mentah versi lama adalah berharga RM18. Ini telah menyebabkan JPN terpaksa menanggung kos perolehan kad mentah bernilai RM2.31 juta.

GAMBAR 25.9



Bilik Vault 1, Unit Perso JPN Putrajaya - Stok Kad Mentah Versi Lama Dalam Simpanan (17.10.2012)

GAMBAR 25.10



Bilik Vault 1, Unit Perso JPN Putrajaya - Stok Kad Mentah Versi Lama Dalam Simpanan (17.10.2012)

Pada pendapat Audit, JPN perlu memutuskan tindakan yang perlu diambil berhubung dengan lebihan kad mentah versi lama yang masih berada dalam simpanan bagi mengelakkan penyalahgunaan.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Peralihan sistem daripada MyKad versi lama kepada MyKad struktur baharu memerlukan stok simpanan kad versi lama sebagai langkah kontingensi sekiranya berlaku kelewatan/kegagalan dalam masa peralihan sistem versi lama ke MyKad struktur baharu. Keadaan ini tidak membenarkan JPN menangguh atau memberhentikan perkhidmatan pengeluaran kad pengenalan kepada orang awam atas dasar kad pengenalan adalah merupakan dokumen pengenalan diri yang sangat penting dan sangat diperlukan dalam urusan harian. Justeru itu, stok simpanan kad versi lama adalah diperlukan bagi mengelakkan ketiadaan kad mentah versi baharu sekiranya berlaku sebarang masalah dengan pengeluaran MyKad struktur baharu yang mana JPN perlu memastikan semua sistem pengeluaran MyKad struktur baharu berada dalam keadaan stabil supaya perkhidmatan JPN kepada orang awam tidak terjejas. JPN sedang dalam proses mengambil tindakan untuk melupuskan stok kad versi lama tidak lewat dari 31 Julai 2013.

25.5.2.6. Penggantian Kad *Reject*/Kad Rosak

a. Penggantian Kad *Reject*

i. Mengikut syarat kontrak, Kerajaan berhak mendapat gantian secara 1:1 bagi kad *reject* kerana tidak menepati spesifikasi dan kualiti kad serta kerosakan semasa proses 'initialisasi' cip yang bukan berpunca daripada kesilapan kendalian. Kerajaan juga boleh mendapat gantian 1:1 bagi kad *reject* di pusat pengeluaran kad yang juga bukan kesilapan kendalian. Had kadar penolakan sebelum syarikat pembekal membuat penggantian kad rosak yang dibenarkan ialah 1% daripada jumlah keseluruhan kad yang perlu dibekalkan.

ii. Pemeriksaan Audit di Bilik *Vault 1* (bilik kebal), Unit *Personalization*, JPN Putrajaya (Unit PC) mendapati MyKad struktur baharu *reject* daripada Pusat Cetakan Teragih seluruh negara berjumlah 11,203 kad masih belum dikembalikan kepada Datasonic Technologies Sdn. Bhd. untuk penggantian mengikut syarat kontrak seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 25.11



GAMBAR 25.12



Bilik Vault 1, Unit PC
- MyKad Reject Belum Dikembalikan Kepada Pembekal
(17.10.2012)

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Ibu Pejabat JPN telah membuat 5 kali tuntutan gantian kad reject sejak 31 Mei 2012 sehingga 6 Jun 2012 bagi 20,963 kad reject di Unit PC Ibu Pejabat. Pihak kontraktor telah bersetuju untuk penggantian kad pada Jun 2013. Seterusnya JPN telah mengeluarkan surat kepada kontraktor pada 15 April 2013 bagi mendapatkan gantian sebanyak 11,203 kad. Dalam perbincangan yang telah dibuat sebelum ini, pihak kontraktor telah menyatakan persetujuannya untuk menggantikan kad reject.

JPN telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan mengadakan Mesyuarat Kualiti secara berkala bersama kontraktor sekurang-kurangnya sebulan sekali dan menghantar kad-kad reject untuk dianalisis oleh makmal semi konduktor bagi mengenalpasti punca kerosakan supaya tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan oleh kontraktor. Penggantian kad reject akan diterima mulai bulan Jun 2013 dan gantian seterusnya akan dituntut sebelum tamat kontrak pada 31 Disember 2013.

b. Penggantian MyKad Rosak

i. Syarikat Iris Technologies Sdn. Bhd. telah membekalkan 6 juta kad untuk pengeluaran MyKad versi lama yang telah diberhentikan pengeluarannya pada Disember 2011. Semakan Audit mendapati 230,602 kad dikembalikan kepada syarikat pembekal untuk tujuan penggantian. Bagaimanapun MyKad rosak yang diganti oleh pihak Iris Technologies (M) Sdn. Bhd. hanya 188,634 (81.8%). Baki 41,968 kad masih belum dibuat penggantian sedangkan kontrak telah tamat.

ii. Pihak Audit mendapati MyKad struktur baharu yang rosak sebanyak 20,963 telah dikembalikan kepada Syarikat Datasonic Technologies Sdn. Bhd. Bagaimanapun sehingga kini pembekal masih belum membuat sebarang penggantian kerana jumlah MyKad struktur baharu yang rosak masih belum mencapai 1% daripada jumlah kad yang dibekalkan.

Semakan Audit selanjutnya mendapati syarat kontrak tidak menetapkan had masa atau tempoh bekalan kad yang di ambil kira bagi membuat pengiraan 1% tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.9
PENGEMBALIAN DAN PENGGANTIAN MyKad ROSAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	MyKad VERSI LAMA			MyKad STRUKTUR BAHARU		
	IRIS TECHNOLOGIES (M) SDN BHD (BEKALAN 6 JUTA)			DATASONIC TECHNOLOGIES SDN BHD (BEKALAN 3.93 JUTA)		
	DIKEMBALIKAN (BIL.)	DIGANTI (BIL.)	PERATUS (%)	DIKEMBALIKAN (BIL.)	DIGANTI (BIL.)	(%)
2010	137,581	114,076	82.9	TB	TB	TB
2011	93,021	74,558	80.2	TB	TB	TB
2012	0	0	0	20,963	0	0.0
JUMLAH	**230,602**	**188,634**	**81.8**	**20,963**	**0**	**0.0**

Sumber : Unit PC, Bahagian Kad Pengenalan, JPN Putrajaya
Nota: -- TB – Tidak Berkenaan

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Penggantian MyKad oleh Syarikat Iris Technologies sebanyak 188,634 keping adalah bagi kes reject yang sahih berpunca daripada kesilapan pihak kontraktor manakala bagi sejumlah 41,968 keping kad, tidak dapat ditentukan punca sebenar kad reject pada masa itu. JPN telah membuat semakan semula dengan melibatkan pihak kontraktor dan mendapati hanya 5,330 kad daripada sejumlah 41,968 yang perlu diganti oleh kontraktor. Ini berikutan kad tersebut di reject disebabkan oleh debu yang terdapat di dalam bilik cetakan yang sukar dilihat oleh mata kasar. Bagi mengatasi masalah persekitaran yang menyumbang kepada kerosakan kad, JPN telah mengambil langkah untuk mengurangkan masalah debu seperti pemakaian labcoat, fingercoat dan akan melantik syarikat profesional yang akan menjalankan kerja pembersihan bilik percetakan mulai Julai 2013 secara berkala.

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh Januari hingga Disember 2012, sebanyak 26,265 MyKad struktur baharu (5.5%) daripada pengeluaran 477,753 di JPN cawangan yang dilawati dilaporkan mengalami kerosakan cip dan fizikal. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.10
MyKad STRUKTUR BAHARU ROSAK DIKEMBALIKAN KE IBU PEJABAT MENGIKUT JPN CAWANGAN BAGI TAHUN 2012

JPN CAWANGAN	BILANGAN MyKad STRUKTUR BAHARU ROSAK MENGIKUT JENIS KEROSAKAN		
	CIP	FIZIKAL	JUMLAH
Ibu Pejabat, Putrajaya	840	0	840
Setia Tropika, Johor Bahru	1,492	11,933	13,425
Ayer Keroh, Melaka	2,400	0	2,400
Kuching, Sarawak	9,600	0	9,600
JUMLAH	**14,332**	**11,933**	**26,265**

Sumber : Bahagian Kad Pengenalan, JPN Putrajaya

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

JPN telah mengambil langkah penambahbaikan dengan mengumpul MyKad rosak daripada semua cawangan teragih dan Ibu Pejabat bagi menentukan bilangan yang perlu dituntut daripada pihak kontraktor (sekiranya melebihi 1%) sebelum tamat kontrak pada 31 Disember 2013.

Pada pendapat Audit, JPN hendaklah memastikan setiap tuntutan penggantian kad hendaklah disempurnakan oleh kontraktor sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak.

25.5.2.7. Pelupusan MyKad

a. MyKad Versi Lama Yang Telah Dibuat Gantian Tidak Dilupuskan

Pihak Audit mendapati Bahagian Kad Pengenalan, Putrajaya telah melupuskan sebanyak 1.04 juta MyKad versi lama dengan cara pembakaran pada 20 April 2012 di Bukit Pelandok melibatkan kos berjumlah RM40,760. Pemeriksaan Audit selanjutnya di Bilik *Vault* 2, Unit PC mendapati 500,011 keping MyKad versi lama yang telah dibuat gantian dan tidak boleh digunakan lagi masih belum dilupuskan seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 25.13



Bilik Vault 2, Unit PC JPN Putrajaya - MyKad Rosak Belum Dilupuskan (17.10.2012)

GAMBAR 25.14



Bilik Vault 2, Unit PC JPN Putrajaya - MyKad Rosak Belum Dilupuskan (17.10.2012)

Pada pendapat Audit, JPN perlu memastikan semua MyKad versi lama yang telah dibuat gantian diambil tindakan pelupusan dengan segera.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Surat arahan bertarikh 3 Mei 2013 telah dihantar kepada JPN Negeri supaya negeri yang mempunyai kad yang hendak dilupuskan perlu dihantar ke Ibu Pejabat selewat-lewatnya pada 26 Jun 2013. Di samping itu, negeri dan cawangan juga dikehendaki menyerahkan kad yang hendak dilupuskan pada setiap 10 haribulan bulan berikutnya kepada Ibu Pejabat. Inisiatif juga telah diambil oleh JPN Ibu Pejabat dan Negeri dengan mengeluarkan surat peringatan kepada pemilik supaya mengutip MyKad yang belum dituntut.

b. MyKad Rosak Yang Diserah Balik Pemohon Tidak Ditebuk/Dipotong Dan Dihantar Ke Unit PC, Putrajaya

i. Arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil. 9 Tahun 2008 mengenai Prosedur Pemulangan Kad Untuk Pelupusan Ke Ibu Pejabat menetapkan MyKad yang diserah balik kepada JPN Cawangan kerana rosak semasa permohonan gantian atau penukaran hendaklah ditebuk atau dipotong di hadapan pemohon sebelum diasingkan dan dikumpul mengikut kategori kerosakan dan seterusnya dihantar ke Unit PC, Bahagian Kad Pengenalan, Putrajaya untuk dilupuskan bersama laporan sekurang-kurangnya sebulan sekali.

ii. Pemeriksaan Audit mendapati JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru tidak menebuk atau memotong MyKad rosak yang telah diserahkan oleh pemohon. Pihak Audit juga mendapati bahawa MyKad yang telah diserahkan kepada JPN oleh pengguna tidak dihantar ke Unit PC untuk dilupuskan serta masih disimpan di Bilik Serahan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 25.15



Bilik Serahan JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru
- MyKad Rosak Untuk Dilupuskan Belum Dihantar Ke Unit PC, Bahagian Kad Pengenalan Ibu Pejabat (03.09.2012)

GAMBAR 25.16



Bilik Serahan JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru
- MyKad Rosak Untuk Dilupuskan Belum Ditebuk/Dipotong (03.09.2012)

Pada pendapat Audit, JPN perlu memastikan Arahan Jabatan yang dikeluarkan dipatuhi oleh semua JPN Cawangan dan tindakan menebuk/memotong MyKad yang rosak/penggantian hendaklah dilakukan bagi mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Pada tarikh pengauditan dibuat, purata serahan kad pengenalan di JPN Johor adalah sebanyak 1,000 keping kad sehari dan hanya 2 orang kakitangan kaunter yang bertugas di Unit Serahan menyebabkan Arahan JPN Bil. 9 Tahun 2008 tidak dapat dipatuhi sepenuhnya. Ketua Pengarah Pendaftaran Negara telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 10 April 2013 supaya peraturan dan garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan dipatuhi.

25.5.3. Pengurusan Kontrak

25.5.3.1. Kontrak Lewat Ditandatangani

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Pihak Audit mendapati 5 kontrak lewat ditandatangani antara 72 hingga 116 hari seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.11
KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

NO. KONTRAK	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN	TARIKH KONTRAK SEPATUTNYA DITANDATANGANI	TARIKH SEBENAR KONTRAK DITANDATANGANI	TEMPOH LEWAT (Hari)
KDN/PL/JPN/4/2010	09.06.2010	09.10.2010	05.01.2011	88
KDN/PL/JPN/5/2010	09.06.2010	09.10.2010	20.12.2010	72
KDN/PL/JPN/1/2011	07.01.2011	07.05.2011	18.07.2011	72
KDN/PL/JPN/3/2011	27.04.2011	27.08.2011	09.12.2011	104
JPN/K/04/2011	04.05.2011	04.09.2011	29.12.2011	116

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Kelewatan menandatangani kontrak berkenaan adalah disebabkan keperluan meneliti isu berkaitan dengan terma dan syarat kontrak dirunding dan dipersetujui antara kedua-dua pihak demi kepentingan Kerajaan. Kontrak berkaitan merangkumi pelbagai aspek yang kompleks dan rumit meliputi bukan sahaja bekalan kad mentah tetapi juga perubahan sistem dan prasarana yang berkaitan dengan kad pintar dan sistem lain di JPN serta agensi-agensi lain yang berkaitan. Penelitian ke atas sistem,

teknologi dan perkakasan termasuk skop dan syarat perkhidmatan kontrak perlu disemak dengan sepenuhnya. Oleh itu, semakan kontrak tersebut perlu mengambil masa yang panjang untuk memenuhi kepentingan semua pihak yang terlibat. JPN sedang mengambil tindakan penambahbaikan dengan membangunkan satu sistem pemantauan pengurusan kontrak JPN secara menyeluruh yang dijangka akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2013.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

25.5.3.2. Bon Pelaksanaan Lewat Dikemukakan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan pembekal hendaklah mengemukakan SST yang ditandatangani serta bon pelaksanaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keluarnya surat berkenaan. Semakan Audit mendapati bon pelaksanaan bagi 2 kontrak telah lewat dikemukakan oleh pembekal antara 35 hingga 92 hari seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.12
BON PELAKSANAAN LEWAT DIKEMUKAKAN

BIL.	NO. KONTRAK	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN	TARIKH AKHIR BON PELAKSANAAN PATUT DIKEMUKAKAN	TARIKH SEBENAR BON PELAKSANAAN DIKEMUKAKAN	TEMPOH LEWAT (Hari)	NILAI BON PELAKSANAAN (RM)
1.	KDN/PL/JPN/1/2011	07.01.2011	21.01.2011	25.02.2011	35	253,721.68
2.	KDN/PL/JPN/6/2011	01.08.2011	15.08.2011	15.11.2011	92	1,828,000

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Pembekal telah lewat mengemukakan Bon Pelaksanaan kerana terdapat perubahan prosedur bank dalam pengeluaran bon tersebut. Surat peringatan kepada kontraktor akan dikeluarkan sekiranya berlaku kelewatan menyerahkan bon pelaksanaan.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memastikan kontraktor menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan untuk menjamin kepentingan Kerajaan.

25.5.3.3. Penyewaan Mesin Pencetak CTP 57

a. JPN telah memperoleh secara sewa beli 2 unit mesin pencetak CTP 57 melalui kontrak yang ditandatangani dengan sebuah syarikat bermula pada 1 Oktober 2010 dan masih berkuat kuasa sehingga 30 September 2013.

Kedua-dua mesin pencetak tersebut telah ditempatkan di JPN Cawangan Kuching, Sarawak. Oleh kerana atas faktor pertukaran MyKad versi lama kepada MyKad struktur baharu, kedua-dua unit mesin tersebut telah diserahkan kepada pihak Ibu Pejabat JPN pada 24 September 2012 kerana ianya tidak boleh digunakan untuk mencetak MyKad struktur baharu.

b. Semakan Audit mendapati bahawa mulai 1 Januari 2012 kedua-dua mesin pencetak tersebut tidak digunakan oleh pihak JPN Cawangan Kuching, Sarawak. Namun demikian, adalah didapati pembayaran sewaan berjumlah RM31,600 sebulan masih diteruskan sehingga hari ini bagi penyewaan mesin tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat klausa yang membenarkan pihak Kerajaan untuk membatalkan kontrak tersebut dengan syarat pihak Kerajaan hendaklah memberikan notis dalam tempoh satu bulan sebelum penamatan. Bagi tempoh bulan Januari 2012 hingga April 2013 (16 bulan), sejumlah RM505,600 telah dibayar bagi penyewaan 2 mesin pencetak yang tidak digunakan. Dua mesin pencetak CTP 57 yang tidak digunakan tersebut adalah seperti di tunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 25.17



Bilik Penyenggaraan, Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna, Ibu Pejabat Putrajaya - Mesin Pencetak CTP 57 Yang Tidak Digunakan Lagi (17.10.2012)

GAMBAR 25.18



Bilik Penyenggaraan, Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna, Ibu Pejabat Putrajaya - Mesin Pencetak CTP 57 Yang Tidak Digunakan Lagi (17.10.2012)

Pada pendapat Audit, pembayaran penyewaan mesin pencetak yang tidak diguna merupakan satu pembaziran. JPN hendaklah mengambil tindakan segera dengan memberikan notis penamatan kontrak kepada syarikat pembekal bagi mengelakkan pembayaran berterusan dilakukan.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Mesin pencetak CTP 57 sebanyak 3 unit pada asalnya telah digunakan untuk mencetak MyKad versi lama di JPN Melaka dan Sarawak sebagai projek perintis untuk pengeluaran MyKad dalam tempoh 24 jam. Ekoran daripada pelaksanaan MyKad struktur baharu yang melibatkan cetakan laser berkuat kuasa mulai bulan Januari 2012, mesin pencetak tersebut terpaksa digantikan dengan mesin pencetak baru jenis LCP9000 bagi memenuhi keperluan cetakan MyKad struktur baharu.

JPN tidak menamatkan kontrak bagi kedua-dua mesin tersebut kerana ia adalah kontrak sewa beli, di mana mesin tersebut akan menjadi milik Kerajaan setelah tamat sewaan pada bulan September 2013. JPN sedang mengambil tindakan untuk mengubah suai sistem bagi membolehkan mesin tersebut digunakan untuk cetakan MyKid di JPN Cawangan mulai bulan Julai 2013. Pelaksanaan cetakan MyKid ini terpaksa ditangguh pada peringkat awal kerana Jabatan pada ketika itu memberi fokus kepada usaha-usaha pemantapan migrasi sistem kepada MyKad struktur baharu dan roll-out projek percetakan teragih ke seluruh negara.

25.5.3.4. Pembekalan Kad Mentah Struktur Baharu Tidak Mengikut Kontrak Yang Ditetapkan

a. Berdasarkan kontrak perjanjian, pihak pembekal iaitu Syarikat Datasonic Technologies Sdn. Bhd. perlu membekalkan kad mentah struktur baharu bermula dari bulan Disember 2011 sehingga bulan Julai 2013.

b. Semakan Audit mendapati pembekal gagal membekalkan kad mentah seperti yang dinyatakan di dalam kontrak dan kesan daripada kekurangan pembekalan kad mentah telah menyebabkan berlakunya *backlog* yang tinggi ke atas permohonan MyKad struktur baharu seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.13
PEMBEKALAN KAD MENTAH STRUKTUR BAHARU TIDAK MENGIKUT KONTRAK YANG DITETAPKAN

BIL.	*DELIVERY CODE*	BULAN	KUANTITI SEPATUTNYA DIBEKALKAN (KEPING)	KUANTITI YANG DIBEKAL (KEPING)	PERBEZAAN (KEPING)
1.	MKNS-01	Disember 2011	250,000	32,000	(218,000)
2.	MKNS-02	Januari 2012	250,000	169,000	(81,000)
3.	MKNS-03	Februari 2012	300,000	160,000	(140,000)
4.	MKNS-04	Mac 2012	250,000	138,000	(112,000)
5.	MKNS-05	Apr 2012	200,000	300,000	100,000
6.	MKNS-06	Mei 2012	200,000	526,000	326,000
7.	MKNS-07	Jun 2012	200,000	762,000	562,000
8.	MKNS-08	Jul 2012	190,000	480,000	290,000
JUMLAH			**1,840,000**	**2,567,000**	**727,000**

Pada pendapat Audit, pihak JPN perlu memastikan pihak kontraktor sentiasa membekalkan kad mentah mengikut syarat kontrak serta mengambil tindakan dengan menamatkan kontrak pada bila-bila masa sekiranya perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Kontraktor telah gagal memenuhi jadual penghantaran disebabkan beberapa isu teknikal. Pembekalan MyKad struktur baharu yang berteknologi tinggi memerlukan kontraktor yang berkeupayaan dan mempunyai kepakaran dalam pengeluaran kad pintar bercip. Sehingga kini tidak banyak syarikat yang mempunyai keupayaan sedemikian dan memerlukan modal yang tinggi. Tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun adalah diperlukan untuk urusan pelantikan kontraktor baharu melalui tender terbuka. Tempoh yang panjang ini meliputi masa panggilan tender yang akan melibatkan proses seperti penilaian, pengujian, pembangunan dan integrasi sistem di JPN. Berdasarkan faktor tersebut, adalah diyakini tidak menguntungkan bagi Kerajaan untuk menamatkan kontrak sedia ada. Kegagalan pengeluaran MyKad struktur baharu ini akan menggugat imej Kerajaan.

25.5.4. Aplikasi MyKad Kurang Digunakan

25.5.4.1. Kemudahan aplikasi yang disediakan pada cip MyKad semenjak dilancarkan pada 5 September 2001 mengandungi aplikasi kad pengenalan; lesen memandu; *Touch n Go*; maklumat imigresen; maklumat kesihatan; dokumen perjalanan dan prasarana kekunci awam.

25.5.4.2. Semakan Audit mendapati hanya 4 daripada 7 aplikasi utama dimanfaatkan pemegang MyKad iaitu kad pengenalan, lesen memandu, kad transit *Touch n Go* dan maklumat imigresen bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 berbanding penggunaan 3 aplikasi yang lain seperti maklumat kesihatan, dokumen perjalanan dan prasarana kekunci awam yang hanya digunakan pada tahun 2010. Namun demikian, berlaku sedikit peningkatan ke atas penggunaan aplikasi prasarana kekunci awam pada tahun 2012 berbanding pada tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.14
PENGGUNA KEMUDAHAN APLIKASI UTAMA MyKad
SELURUH NEGARA BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	PENGGUNA KEMUDAHAN APLIKASI UTAMA MyKad SELURUH NEGARA						
	KAD PENGENALAN (BIL.)	LESEN MEMANDU (BIL.)	*Touch n Go* (BIL.)	MAKLUMAT IMIGRESEN (BIL.)	MAKLUMAT KESIHATAN (BIL.)	DOKUMEN PERJALANAN (BIL.)	PRASARANA KEKUNCI AWAM (BIL.)
2010	2,782,052	774,974	2,833,428	116,369	4,352	364	7,809
2011	2,704,665	856,282	2,776,149	143,684	0	0	0
2012	3,821,624	1,271,040	195,425	235,108	0	0	500
JUMLAH	**9,308,341**	**2,902,296**	**5,805,002**	**495,161**	**4,352**	**364**	**8,309**

Sumber : Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna, JPN Putrajaya

25.5.4.3. Semakan Audit juga mendapati penggunaan aplikasi *on card* oleh agensi awam lain juga menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2012 berbanding penggunaannya pada tahun 2010 seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.15
PENGGUNA KEMUDAHAN APLIKASI ON-CARD MyKad
SELURUH NEGARA OLEH AGENSI AWAM BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	JUMLAH PENGGUNA KEMUDAHAN APLIKASI LAIN MyKad SELURUH NEGARA				
	MyPesara (JABATAN PERKHIDMATAN AWAM) (BIL.)	KOMPETEN (JAB. KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN) (BIL.)	*e-Nelayan* (JABATAN PERIKANAN MALAYSIA) (BIL.)	e-Pasar Tani (FAMA (BIL.))	*e-Consumer* (BIL.)
2010	1,639	564	555	7,620	15
2011	0	0	0	1	0
2012	0	39	582	0	0
JUMLAH	**1,639**	**603**	**1,137**	**7,621**	**15**

Sumber : Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna, JPN Putrajaya

Pada pendapat Audit, JPN perlu mengadakan aktiviti promosi bagi menggalakkan orang awam menggunakan aplikasi yang disediakan dalam MyKad.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

JPN hanya menyediakan platform dalam cip MyKad untuk menempatkan pelbagai aplikasi. Bagaimanapun, penggunaan aplikasi tersebut bergantung kepada kesediaan agensi yang berkaitan menggunakan aplikasi tersebut. JPN telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan mengadakan pelbagai promosi sejak tahun 2002 melalui Portal JPN, pameran /program turun padang, cetakan promosi di resit urusniaga kad pengenalan, poster/bunting di cawangan-cawangan JPN dan perbincangan serta kerjasama dengan agensi yang berminat untuk menggunapakai MyKad dalam sistem mereka. Salah satu usaha bagi meningkatkan penggunaan aplikasi Touch 'n Go dalam MyKad, projek perintis Kaunter Touch 'n Go telah dibuka di JPN Putrajaya pada 23 Mac 2013.

25.5.5. Penggunaan Aset Di Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan (BSPK)

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah digunakan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran; menjimatkan kos; mencapai jangka hayat; mencegah penyalahgunaan; dan mengelakkan kehilangan.

25.5.5.1. Pembekalan Peralatan Melebihi Keperluan

BSPK Putrajaya dan BSPK JPN negeri telah dibekalkan sejumlah 95 alat pembaca MyKad Axia Phone pada tahun 2007. Bagaimanapun pihak Audit mendapati hanya 42 daripada 65 perjawatan diluluskan telah diisi. Keadaan ini menunjukkan lebihan peralatan yang dibekalkan berbanding perjawatan yang diisi menyebabkan 53 peralatan tidak digunakan seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 25.16
BEKALAN ALAT PEMBACA MyKad AXIA PHONE BERBANDING PERJAWATAN DI BSPK JPN

BAHAGIAN SIASATAN DAN PENGUATKUASAAN	BIL. AXIA PHONE DIBEKAL	BILANGAN PERJAWATAN DILULUS	BILANGAN PEGAWAI OPERASI/SIASATAN (ORANG)
Ibu Pejabat, Putrajaya	60	47	26
Setia Tropika, Johor Bahru	10	7	7
Ayer Keroh, Melaka	10	5	3
Kuching, Sarawak	15	6	6
JUMLAH	**95**	**65**	**42**

GAMBAR 25.19



Stor Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan, Putrajaya
- Alat Pembaca MyKad Axia Phone Tidak Digunakan Dalam Simpanan (17.10.2012)

GAMBAR 25.20



JPN Cawangan Kuching, Sarawak
- Alat Pembaca MyKad Axia Phone Yang Tidak Digunakan (25.09.2012)

Pihak Audit berpendapat JPN perlu merancang setiap perolehan dan pembelian sesuatu aset bagi memastikan setiap perolehan yang dibuat dapat digunakan dengan cekap untuk mendapatkan *best value for money* di atas apa yang dibelanjakan. Selain itu, JPN perlu membuat perancangan yang teratur dari segi pengagihan peralatan Axia Phone bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

MyKad Axia Phone adalah alat penting yang digunapakai semasa operasi bagi tujuan membuat pengesahan identiti individu dan ketulenan kad pengenalan, Kad Pengenalan Pemastautin Tetap, Kad Pengenalan

Pemastautin Sementara dan sijil lahir secara access online dengan sistem data JPN melalui talian Celcom. Bilangan MyKad Axia Phone dan taliannya adalah perlu dikekalkan bagi menentukan operasi tangkapan dijalankan dengan lancar. Jumlah peralatan adalah mencukupi bagi tujuan penggantian jika berlaku kerosakan peralatan semasa perjalanan operasi.

Bilangan MyKad Axia Phone sebanyak 94 unit yang disimpan di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan (BSK) Putrajaya juga digunakan sebagai gantian kepada Axia Phone di JPN Negeri sekiranya mengalami kerosakan dan tambahan untuk operasi jika ada permintaan oleh 224 pejabat JPN untuk memenuhi keperluan operasinya.

25.5.5.2. Langganan Talian Celcom Tidak Digunakan Secara Optimum

a. JPN telah dibekalkan sebanyak 218 peralatan pembaca MyKad mudah alih Axia PDA Phone (Axia Phone) model A108 bernilai RM1.20 juta pada tahun 2007 yang turut dilengkapkan dengan kemudahan talian Celcom bagi membolehkan Axia Phone tersebut berinteraksi dengan pangkalan data JPN.

b. Pihak Audit mendapati kebanyakan Axia Phone ini tidak digunakan secara optimum dan JPN hanya membuat bayaran asas di bawah pakej M2M10 bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak JPN telah membuat bayaran berjumlah RM1,390 sebulan atau RM16,680 setahun bagi perkhidmatan ini, walaupun peralatan Axia Phone tersebut tidak digunakan kerana kekurangan operasi dijalankan dan peralatan melebihi keperluan seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 25.17
KEMUDAHAN AXIA PHONE DAN CELCOM

PENGGUNA	BIL. AXIA PHONE DIBEKAL	TALIAN CELCOM AKTIF			BAYARAN TALIAN DISEWA	
		JUMLAH PAKEJ	PAKEJ RM13	PAKEJ RM10	JUMLAH BULANAN (RM)	JUMLAH SETAHUN (RM)
Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna, Ibu Pejabat	23	24	2	22	246	2,952
Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat	60	62	41	21	743	8,916
Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan, JPN Setia Tropika, Johor Bahru	10	10	1	9	103	1,236
Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan, JPN Ayer Keroh, Melaka	10	10	1	9	103	1,236
Bahagian Siasatan Dan Penguatkuasaan, JPN Kuching, Sarawak	15	15	15	0	195	2,340
JUMLAH	**118**	**121**	**60**	**61**	**1,390**	**16,680**

Sumber : Bahagian Kad Pintar Pelbagaiguna, JPN Putrajaya

Pada pendapat Audit, JPN perlu merancang dan mengenal pasti keperluan penggunaan kemudahan talian Celcom. Jika tiada keperluan atau berlakunya lebihan, pihak JPN perlu menamatkan perkhidmatan talian tersebut bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

JPN telah mengambil tindakan untuk menamatkan 62 talian Celcom dan mengekalkan 38 talian Celcom untuk kegunaan semasa. Tindakan pengurangan talian telah diambil dengan mengekalkan hanya 38 talian sahaja daripada 100 talian. Surat permohonan penamatan penggunaan talian kepada Celcom telah dibuat pada 20 Mei 2013 dan penamatan talian Celcom telah berkuat kuasa pada 31 Mei 2013.

25.5.6. Penilaian Tahap Kepuasan Pelanggan

25.5.6.1. Bahagian Perhubungan Awam, JPN berperanan untuk memantau semua aduan yang diterima daripada pelanggan. Aduan yang diterima adalah melalui pelbagai saluran seperti Biro Pengaduan Awam, akhbar, surat, bersemuka, Sistem Pengurusan Aduan Awam (i-SPAA), SUHAKAM serta melalui panggilan telefon. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, borang maklum balas pelanggan disediakan di kaunter khidmat pelanggan. Aduan yang diterima oleh JPN berkenaan Bahagian Kad Pengenalan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 25.18
ADUAN YANG DITERIMA OLEH BAHAGIAN KAD PENGENALAN, BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	JENIS ADUAN						
	BIRO PENGADUAN AWAM	AKHBAR	SURAT	BERSEMUKA	SISTEM i-SPAA	SUHAKAM	TELEFON
2010	82	140	1	17	908	-	10
2011	37	68	-	16	108	1	10
2012	49	70	-	4	253	9	5

25.5.6.2. Semakan Audit terhadap Laporan Pemantauan Aduan Awam serta daftar aduan terhadap kepuasan pelanggan yang diselenggara oleh Ibu Pejabat JPN mendapati semua aduan yang diterima oleh JPN telah selesai dan diambil tindakan dengan segera. Semua tindakan yang diambil oleh JPN telah dimaklumkan kepada pengadu sama ada menerusi panggilan telefon atau secara bertulis.


25.5.6.3. Berdasarkan borang maklum balas kepuasan pelanggan yang diedarkan oleh Pejabat Perkhidmatan Pelanggan/Tetamu, Ibu Pejabat JPN

kepada Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat dan negeri mendapati sebanyak 71,068 borang telah diterima pada tahun 2010 dan 85,408 borang telah diterima pada tahun 2011. Analisis Audit terhadap maklum balas borang aduan tersebut menunjukkan kadar kepuasan pelanggan secara keseluruhannya telah meningkat seperti ditunjukkan dalam jadual dan carta berikut:

JADUAL 25.19
KADAR KEPUASAN PELANGGAN

KATEGORI	KADAR KEPUASAN PELANGGAN (%)		KADAR PENINGKATAN (%)
	2010	2011	
Layanan Kakitangan	62.6	73.6	11.0
Masa Menunggu	52.1	64.6	12.5
Borang Memuaskan	56.6	67.7	11.1
Panduan/Penerangan Jelas	59.4	70.9	11.5
Persekitaran Pejabat	57.2	67.3	10.1

CARTA 25.1
KADAR KEPUASAN PELANGGAN



25.5.6.4. Jabatan Audit Negara juga telah mengedarkan sebanyak 200 borang soal selidik kepada orang awam di kaunter Bahagian Kad Pengenalan Ibu Pejabat JPN, Cawangan Ayer Keroh, Melaka; Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru; dan Cawangan Kuching, Sarawak untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan, layanan kakitangan, persekitaran dan masa berurusan. Analisis Audit terhadap 200 (100%) maklum balas yang diterima diringkaskan seperti berikut:

a. Secara keseluruhannya, 84.7% pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan dan layanan yang diberikan antaranya berkaitan dengan layanan yang menggunakan bahasa yang sopan, berusaha untuk memudahkan pelanggan, memberi layanan yang sama rata kepada semua pelanggan serta kemudahan untuk OKU dan warga emas.


b. Seramai 161 (80.5%) daripada 200 respondan telah memberikan penarafan sekadar memuaskan berhubung dengan keadaan ruang menunggu yang sempit dan terhad (**Gambar 25.21** hingga **25.24**). Keadaan ini telah menyebabkan rasa kurang selesa di kalangan pelanggan yang sedang berurusan dengan pihak JPN. Pihak Audit dimaklumkan secara purata, permohonan MyKad di negeri yang dilawati dianggarkan berjumlah 400 hingga 700 pelanggan sehari. Keadaan ini berlaku kerana disebabkan minat orang ramai untuk menukar MyKad versi lama kepada MyKad struktur baharu.

GAMBAR 25.21



JPN Cawangan Ayer Keroh, Melaka - Kesesakan Di Kaunter Kad Pengenalan (09.08.2012)

GAMBAR 25.22



JPN Cawangan Ayer Keroh, Melaka - Kesesakan Di Kaunter Kad Pengenalan (09.08.2012)

GAMBAR 25.23



JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru - Kesesakan Di Kaunter Kad Pengenalan (03.09.2012)

GAMBAR 25.24



JPN Cawangan Setia Tropika, Johor Bahru - Kesesakan Di Kaunter Kad Pengenalan (03.09.2012)

c. Sebanyak 82 (41%) daripada 200 responden telah memberikan maklum balas berbentuk aduan dan penambahbaikan untuk perhatian dan tindakan pihak JPN. Antara aduan dan cadangan penambahbaikan adalah seperti ruang menunggu terlalu sempit, menyediakan kaunter OKU dan warga emas untuk serahan kad serta mutu MyKad dan cip perlu dipertingkatkan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan tahap kepuasan pelanggan adalah memuaskan. Bagaimanapun, adalah disarankan supaya JPN mempertimbangkan cadangan penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan yang diterima daripada orang awam.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

JPN sebagai salah sebuah agensi barisan hadapan adalah memberi fokus utama kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sehubungan itu, pendekatan yang diambil oleh JPN ialah sentiasa berusaha menambahbaik perkhidmatan dan kemudahan kepada orang awam selaras dengan konsep Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan. JPN telah diberi penarafan 5 Bintang Sistem Star Rating bagi agensi barisan hadapan pada tahun 2012 dan JPN akan terus berusaha untuk mengekalkan penarafan 5 bintang.

JPN menyedari bahawa kepuasan dan keselesaan pelanggan wajar diberi keutamaan. Bagaimanapun, disebabkan kekangan yang ada seperti keluasan pejabat sedia ada adalah terhad dan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi maka peluasan ruang pejabat tidak dapat dilakukan.

Usaha Kerajaan mewujudkan Urban Transformation Centre (UTC) dan Rural Transformation Centre dilihat mampu mengurangkan tumpuan orang ramai di satu-satu pejabat JPN yang sedia ada. Menyedari pentingnya pelanggan kepada JPN, Jabatan ini telah menjalankan soal selidik bagi mendapatkan komen dan pandangan orang awam terhadap perkhidmatan JPN pada tahun 2012 untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan JPN. Secara keseluruhannya daripada 4,607 responden mencatatkan 89.7% pelanggan berpuas hati dengan penyampaian yang disediakan JPN di seluruh negara.

25.5.7. Pemantauan Terhadap Pelaksanaan Percetakan Teragih Dan MyKad Struktur Baharu

25.5.7.1. Pemantauan dan perancangan yang teratur dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan percetakan teragih dan MyKad Struktur Baharu. Di peringkat Ibu Pejabat beberapa mesyuarat diadakan untuk memantau aktiviti pengurusan percetakan teragih dan MyKad struktur baharu di seluruh JPN Negeri. Antara mesyuarat yang diadakan oleh Bahagian Kad Pengenalan ialah Mesyuarat Pengurusan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Kad Pengenalan serta diadakan pada setiap bulan. Mesyuarat ini membincangkan pemasalahan berkaitan MyKad untuk diambil tindakan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat pengurusan mendapati semua isu yang dibangkitkan telah diambil tindakan.

25.5.7.2. Selain daripada itu, terdapat juga mesyuarat yang diadakan di Ibu Pejabat JPN yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendaftaran Negara serta dihadiri oleh pengarah JPN negeri. Mesyuarat tersebut adalah Mesyuarat

Penyelarasan Urusniaga Utama JPN Peringkat Pengarah serta Mesyuarat Pengarah JPNM. Mesyuarat tersebut diwakili oleh setiap pengarah negeri bertujuan untuk memaklumkan sebarang perkembangan dan permasalahan yang berbangkit di peringkat negeri.

25.5.7.3. Semakan Audit juga mendapati Ibu Pejabat JPN telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi tujuan memantau projek percetakan mesin teragih. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada *Project Management Committee* (PMC), *Project Implementation Team* (PIT), *Work Group Site Preparation* (WG1), *Work Group Printers & Implementation* (WG2), *Work Group System & Application Integration* (WG3) dan *Work Group Project Management Office* (PMO) (WG4). Setiap ahli jawatankuasa mempunyai peranan tertentu yang ditetapkan. Mesyuarat jawatankuasa tersebut diadakan dari masa ke semasa mengikut kesesuaian untuk membincangkan sebarang isu dan permasalahan serta status pelaksanaan percetakan teragih dan MyKad struktur baharu.

25.5.7.4. Bagi 3 negeri yang dilawati, mesyuarat pengurusan telah diadakan di Bahagian Kad Pengenalan yang dipengerusikan oleh Pengarah JPN Negeri dan dihadiri oleh wakil bagi setiap daerah. Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan isu dan masalah yang berlaku di JPN negeri serta daerah. Selain itu, pihak Audit mendapati satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan antaranya untuk memantau masalah *backlog* yang berlaku disebabkan masalah kekurangan bekalan kad mentah serta memastikan tidak berlaku lambakan MyKad tidak dituntut melebihi 3 bulan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap aktiviti pengurusan MyKad di peringkat Ibu Pejabat dan JPN Negeri telah dilaksanakan dengan baik.

Maklum Balas Jabatan Pendaftaran Negara Yang Diterima Pada 7 Jun 2013

Ibu Pejabat JPN sentiasa memantau pelaksanaan percetakan MyKad teragih. Percetakan MyKad teragih telah dijadikan sebagai KPI Menteri Dalam Negeri bagi tahun 2013. Bagi 5 buah UTC, KPI yang ditetapkan ialah 100% percetakan MyKad teragih dalam tempoh 24 jam (1 hari). Bagi Ibu Pejabat JPN Negeri pula, KPI yang ditetapkan ialah 80% percetakan teragih dalam tempoh 24 jam (1 hari). Sehingga 26 Mei 2013, pencapaian KPI bagi UTC adalah 100% dan 99.9% bagi Ibu Pejabat JPN Negeri. Ini menunjukkan bahawa pejabat JPN yang berkenaan telah berjaya melepasi sasaran KPI yang ditetapkan. Pencapaian ini adalah hasil kerjasama semua pihak serta pemantauan yang bersungguh-sungguh oleh pihak pengurusan atasan. Ibu Pejabat JPN sentiasa memantau pelaksanaannya dan dijadikan agenda tetap dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi setiap minggu.

JPN turut mengambil tindakan penambahbaikan iaitu bagi pejabat yang mencapai sasaran asal, pihak pengurusan mengeluarkan surat penghargaan di atas kejayaan yang dicapai. Bagi JPN Negeri yang tidak menepati KPI pada minggu berkaitan, satu surat tunjuk sebab dikeluarkan kepada Pengarah Negeri bagi menyatakan sebab sebenar ketidakcapaian KPI. Pengarah Negeri juga perlu menyatakan tindakan penyelesaian bagi mengelakkan perkara yang sama berlaku di masa hadapan.

Kontraktor juga diminta menyediakan jurutera mesin pencetak di semua cawangan teragih untuk melakukan kerja pembaikan segera untuk memastikan proses cetakan MyKad dalam tempoh 24 jam tidak terjejas. Masalah kerosakan mesin perlu diselesaikan pada hari yang sama, sekiranya kontraktor gagal membaiki kerosakan, maka mesin gantian perlu disediakan. Penalti akan dikenakan kepada kontraktor jika mesin gantian tidak dapat disediakan sebagaimana termaktub di dalam kontrak. Mesyuarat Pemantauan Projek secara berkala setiap dua minggu turut diadakan untuk memastikan isu-isu pelaksanaan projek dapat ditangani segera.

25.6. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi sistem pengurusan kad pintar pelbagai guna MyKad, adalah disyorkan pihak JPN mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

25.6.1. memastikan dasar, peraturan dan piagam pelanggan yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya;

25.6.2. memastikan kad mentah dan MyKad yang telah siap dicetak disimpan di tempat penyimpanan yang lebih sesuai dan selamat memandangkan bahan-bahan tersebut bernilai tinggi;

25.6.3. memastikan kadar kerosakan MyKad dapat dikurangkan dengan mematuhi segala prosedur yang telah ditetapkan;

25.6.4. memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan syarat-syarat kontrak dipatuhi oleh pembekal;

25.6.5. mengambil tindakan segera dengan memberi notis penamatan kepada syarikat pembekal mesin pencetak bagi mengelak pembayaran berterusan dilakukan; dan

25.6.6. mempertimbangkan cadangan penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan daripada orang awam.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 310-330 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

26. PENDAHULUAN

26.1. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan melalui perintah yang dikeluarkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 yang diwartakan pada 17 Disember 2009 membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut.

26.2. Setakat tarikh pengauditan pada bulan Februari 2013, sejumlah RM30.744 bilion telah dilaburkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam 60 syarikat di mana Kerajaan Persekutuan memegang lebih daripada 50% modal saham berbayar. Butirannya adalah seperti di **Jadual 26.1** dan **26.2**.

JADUAL 26.1
SYARIKAT YANG KERAJAAN MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA 50% MODAL SAHAM BERBAYAR MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR	BIL. SYARIKAT	MODAL SAHAM BERBAYAR	
		(RM Juta)	(%)
Ekonomi	25	14,022.38	50 – 100
Sosial	12	2,437.29	90 – 100
Teknologi	14	8,331.66	56 – 100
Infrastruktur	9	5,952.96	100
JUMLAH	**60**	**30,744.29**	

JADUAL 26.2
SENARAI SYARIKAT YANG KERAJAAN MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA 50% MODAL SAHAM BERBAYAR MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR EKONOMI	SEKTOR SOSIAL
1Malaysia Development Berhad	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
Bank Pertanian Malaysia Berhad	IJN Holdings Sdn. Bhd.
Amanah Raya Berhad	Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	JKP Sdn. Bhd.
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	Pembinaan BLT Sdn. Bhd.
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	Pengurusan Aset Air Berhad
FELCRA Berhad	Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	Sarawak Hidro Sdn. Bhd.
Malaysia Debt Ventures Berhad	Syarikat Perumahan Negara Berhad
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	Sepang International Circuit Sdn. Bhd.
Perbadanan Nasional Berhad	Phyrotechnical Managers Holdings Sdn. Bhd.

SEKTOR EKONOMI	SEKTOR SOSIAL
Petroliam Nasional Berhad	
Prokhas Sdn. Bhd.	
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	
Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad	
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Berhad	
UDA Holdings Berhad	
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	
Aset Tanah Nasional Berhad	
1Malaysia Sukuk Global Berhad	
Danajamin Nasional Berhad	
Malaysia Development Holdings Sdn. Bhd.	
Wakala Global Sukuk Berhad	
SEKTOR TEKNOLOGI	**SEKTOR INFRASTRUKTUR**
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	Penang Port Sdn. Bhd.
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	Keretapi Tanah Melayu Berhad
Cyberview Sdn. Bhd.	Syarikat Prasarana Negara Berhad
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.
Jaring Communication Sdn. Bhd.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
Khazanah Nasional Berhad	DanaInfra Nasional Berhad
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	K.L. International Airport Berhad
MIMOS Berhad	Assets Global Network Sdn. Bhd.
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	Pembinaan PFI Sdn. Bhd.
SIRIM Berhad	
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	
GovCo Holdings Berhad	
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	

27. PENGURUSAN TERHADAP PRESTASI KEWANGAN DAN PENGAWASAN SYARIKAT KERAJAAN

27.1. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai tahap prestasi kewangan syarikat dan menentukan sama ada pelaburan Kerajaan dalam syarikat tersebut telah diuruskan dengan teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Pengauditan ini juga untuk menilai sama ada pemantauan pengurusan syarikat oleh Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD), Kementerian Kewangan adalah cekap dan berkesan.

27.2. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan di 60 syarikat bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2011 berdasarkan data yang diperoleh daripada penyata kewangan yang diaudit. Selain itu, ianya juga meliputi pengawasan Kementerian

Kewangan terhadap syarikat Kerajaan (syarikat). Analisis kewangan telah dijalankan terhadap 57 syarikat manakala 2 syarikat tidak mempunyai maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pihak Audit membuat analisis dan 1 syarikat lagi penyata kewangannya bermula bulan Mac 2011 hingga Jun 2012.

27.3. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail bagi 60 syarikat Kerajaan serta menjalankan analisis kewangan berkaitan kedudukan kewangan dan pelaburan Kerajaan terhadap 57 syarikat di Bahagian MKD, Kementerian Kewangan.

27.4. PENEMUAN AUDIT

Analisis Audit terhadap penyata kewangan yang diaudit untuk 57 syarikat tersebut mendapati tahap prestasi kewangan adalah seperti berikut:

27.4.1. Pendapatan Syarikat

27.4.1.1. Secara keseluruhannya pendapatan syarikat bagi tahun 2011 meningkat sejumlah RM5.947 bilion (2.3%) berbanding tahun 2010. Manakala jumlah pendapatan syarikat bagi tahun 2010 menurun sejumlah RM41.431 bilion (13.9%) berbanding tahun 2009. Jumlah pendapatan syarikat bagi tahun 2009 hingga 2011 mengikut sektor dan perbandingan peningkatan/penurunan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.1
KEDUDUKAN PENDAPATAN SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SEKTOR	PENDAPATAN			PENINGKATAN/(PENURUNAN)			
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2010 BERBANDING 2009		2011 BERBANDING 2010	
				(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Ekonomi	269,535.51	222,339.21*	229,582.62	(47,196.30)	(17.5)	7,243.41	3.3
Sosial	2,098.37	4,152.23	4,458.35	2,053.86	97.9	306.12	7.4
Teknologi	26,331.05	29,783.89	28,149.38	3,452.84	13.1	(1,634.51)	(5.5)
Infrastruktur	1,020.08	1,279.13	1,311.47	259.05	25.4	32.34	2.5
JUMLAH	**298,985.01**	**257,554.46**	**263,501.82**	**(41,430.55)**	**(13.9)**	**5,947.36**	**2.3**

Nota : ***(*) - Restated***

27.4.1.2. Analisis Audit selanjutnya mendapati pendapatan 20 syarikat (35.1%) daripada 57 syarikat meningkat bagi 3 tahun berturut-turut. Jumlah pendapatan yang diperoleh oleh syarikat ini adalah RM4.303 bilion pada tahun 2009 dan ianya meningkat kepada RM6.835 bilion pada tahun 2010 dan RM7.971 bilion pada tahun 2011. Manakala pendapatan bagi 6 syarikat (10.5%) pula mengalami penurunan bagi 3 tahun berturut-turut di mana jumlah pendapatannya adalah RM0.486 bilion pada tahun 2009, menurun kepada sejumlah RM0.353 bilion

pada tahun 2010 dan sejumlah RM0.296 bilion pada tahun 2011. Kedudukan pendapatan bagi syarikat berkenaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.2
SYARIKAT YANG MEMPEROLEH PENINGKATAN/PENURUNAN PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011


SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI PENINGKATAN PENDAPATAN			
SEKTOR EKONOMI			
UDA Holdings Berhad	319.20	488.59	540.65
Amanah Raya Berhad	306.26	380.56**	456.01
Malaysia Debt Ventures Berhad	74.69	73.91	86.40
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	225.33	275.20**	303.93
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	0.07	0.22	0.33
Danajamin Nasional Berhad	14.13	29.77	65.99
FELCRA Berhad	1,377.94	1,405.08	1,751.20
Perbadanan Nasional Berhad	31.47	32.70	34.28
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	11.34	19.99**	28.93
Prokhas Sdn. Bhd.	45.16	67.07	85.56
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	321.89	1,902.29	2,296.85
Pengurusan Aset Air Berhad	168.93	420.56	481.44
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	11.89	12.06	17.69
IJN Holdings Sdn. Bhd.	305.09	370.67	419.07
SEKTOR TEKNOLOGI			
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	107.09	108.51	116.43
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	44.56	45.41	49.28
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	1.26	2.39	2.96
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	269.41	463.60	464.46
Keretapi Tanah Melayu Berhad	398.76	424.05	440.96
Penang Port Sdn. Bhd.	268.53	312.07	328.08
JUMLAH	**4,303.00**	**6,834.70**	**7,970.50**
SYARIKAT YANG MENGALAMI PENURUNAN PENDAPATAN			
SEKTOR EKONOMI			
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	0.0218	0.0214	0.002
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Berhad	145.66	95.33	95.01
SEKTOR SOSIAL			
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	73.45	71.54	70.28
Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad	16.41	12.57	8.79
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	245.47	169.30**	118.54*
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
K.L. International Airport Berhad	5.23	4.37	2.92
JUMLAH	**486.24**	**353.13**	**295.54**

Nota: ***(*) - Tempoh Pelaporan Hanya Meliputi 9 Bulan Akibat Pertukaran Tarikh Kewangan***
(**) - Restated

27.4.2. Keuntungan Sebelum Cukai

27.4.2.1. Pada tahun 2011, sebanyak 37 syarikat (65%) daripada 57 syarikat telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM102.355 bilion manakala 20 syarikat (35.1%) yang lain mengalami kerugian berjumlah RM2.154 bilion seperti di **Carta 27.1**. Secara keseluruhannya, jumlah keuntungan sebelum cukai adalah berjumlah RM100.201 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM24.499 bilion (32.4%) berbanding keuntungan sebelum cukai sejumlah RM75.702 bilion pada tahun 2010.

CARTA 27.1
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI
SYARIKAT KERAJAAN BAGI TAHUN 2011



27.4.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sektor ekonomi dan sektor teknologi telah mencatat keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Manakala sektor infrastruktur telah mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.3
KEUNTUNGAN/KERUGIAN SEBELUM CUKAI SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SEKTOR	BILANGAN SYARIKAT/TAHUN					
	BIL.	2009 (RM Juta)	BIL.	2010 (RM Juta)	BIL.	2011 (RM Juta)
Ekonomi	21	89,855.03	24	68,665.45*	24	84,207.00
Sosial	11	(33.15)	11	492.06	11	733.55
Teknologi	13	3,215.80	13	7,613.27	14	16,194.79
Infrastruktur	8	(490.10)	8	(1,068.29)	8	(934.47)
JUMLAH	**53**	**92,547.58**	**56**	**75,702.49**	**57**	**100,200.87**

Nota : ***(*) - Restated***

27.4.2.3. Adalah didapati 27 syarikat (47.4%) daripada 57 syarikat telah memperoleh keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM270.034 bilion. Manakala 12 syarikat (21.1%) mengalami kerugian bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM3.133 bilion. Syarikat yang memperoleh keuntungan atau mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.4
SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI/MENGALAMI KERUGIAN 3 TAHUN BERTURUT-TURUT BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	89,139.00	67,300.00	82,687.00*
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	339.46	549.09	618.96
FELCRA Berhad	53.19	126.90	216.84
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	44.27	98.92	93.91
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	64.12	39.49	45.78
UDA Holdings Berhad	4.30	37.72	549.43
Prokhas Sdn. Bhd.	14.50	15.87	30.43
Bank Pertanian Malaysia Berhad	182.02	376.78	385.24
Danajamin Nasional Berhad	8.75	10.62	42.16
Perbadanan Nasional Berhad	28.67	11.42	10.53
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd.	0.49	2.64	2.30
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	1.30	450.65	540.49
Pengurusan Aset Air Berhad	46.17	70.78	89.08
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	2.27	20.41	7.30
Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad	8.82	7.16	2.31
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.55	3.65	4.82
Percetakan Nasional Malaysia Bhd.	54.62	39.89**	22.58*
SEKTOR TEKNOLOGI			
SIRIM Berhad	11.74	20.81	16.12
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	42.42	20.12	18.11
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	10.81	9.47	11.90
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	1.78	6.26	103.57
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	21.47	11.57	11.58
Khazanah Nasional Berhad	1,297.34	7,509.45**	16,341.37
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	10.65	7.91	9.91
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Penang Port Sdn. Bhd.	6.36	11.11	0.18
K.L. International Airport Berhad	5.10	4.25	2.78
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	3.08	1.78	1.53
JUMLAH	**91,403.25**	**76,764.72**	**101,866.21**
JUMLAH BESAR			**270,034.18**

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENGALAMI KERUGIAN SEBELUM CUKAI			
SEKTOR EKONOMI			
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	(21.07)	(25.16)**	(55.73)
Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd.	(14.57)	(20.50)	(18.45)
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(14.99)	(5.41)	(5.25)
Malaysia Development Holdings Sdn. Bhd.	(0.01)	(0.01)	(0.01)
Aset Tanah Nasional Berhad	(0.0022)	(0.0019)	(0.0086)
SEKTOR SOSIAL			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(33.35)	(168.57)	(98.15)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Jaring Communications Sdn. Bhd.	(9.38)	(8.97)	(32.17)
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	(17.63)	(35.15)	(35.48)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	(3.88)	(9.41)	(42.94)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(41.05)	(13.13)	(12.02)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(92.59)	(372.01)	(103.66)
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(367.12)	(690.90)	(763. 94)
JUMLAH	**(615.64)**	**(1,349.22)**	**(1,167.81)**
JUMLAH BESAR			**(3,132.67)**

Nota : ***(*) - Tempoh Pelaporan Hanya Meliputi 9 Bulan Akibat Pertukaran Tarikh Kewangan***
(**) - Restated

27.4.3. Pegangan Aset

27.4.3.1. Aset yang dipegang oleh syarikat merupakan aset tetap dan aset semasa yang terdiri daripada hartanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, inventori, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan pegangan aset bagi 3 tahun berturut-turut dari tahun 2009 yang berjumlah RM650.610 bilion kepada RM699.770 bilion pada tahun 2010 dan RM776.849 bilion pada tahun 2011. Sejumlah RM559.834 bilion (72.1%) daripada jumlah aset RM776.849 bilion tersebut adalah dimiliki oleh syarikat di bawah sektor ekonomi. Petroliam Nasional Berhad adalah merupakan syarikat Kerajaan yang mempunyai aset terbesar iaitu berjumlah RM477.612 bilion. Pegangan aset syarikat mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.5
PEGANGAN ASET SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SEKTOR	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Ekonomi	453,594.93	487,719.01	559,833.84
Sosial	25,381.46	28,105.37	37,185.75

SEKTOR	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Teknologi	130,187.37	141,673.48	132,519.95
Infrastruktur	41,446.28	42,271.66	47,309.48
JUMLAH	**650,610.04**	**699,769.52**	**776,849.02**

27.4.3.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati 17 syarikat (29.8%) daripada 57 syarikat telah menunjukkan peningkatan pegangan aset untuk 3 tahun berturut-turut manakala 12 syarikat (21.1%) mengalami penurunan secara berterusan bagi tempoh yang sama. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.6
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN PEGANGAN ASET BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN ASET			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	389,787.00**	410,885.00**	477,612.00**
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	27,488.00	30,030.92	30,311.00
Bank Pertanian Malaysia Berhad	9,077.51	10,569.91**	12,058.95
FELCRA Berhad	3,738.21	4,136.41	5,493.95
UDA Holdings Berhad	1,702.38	1,798.85	2,081.14
Danajamin Nasional Berhad	1,010.22	1,037.80	1,397.90
Prokhas Sdn. Bhd.	126.13	133.78	153.94
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	101.65	104.55	107.36
SEKTOR SOSIAL			
Pengurusan Aset Air Berhad	7,178.45	7,616.52	15,428.99
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	5,891.71	6,569.86	7,837.21
JKP Sdn. Bhd.	444.21	476.71	480.38
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	227.75	233.83	281.18*
SEKTOR TEKNOLOGI			
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	620.81	642.78	733.58
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	26.55	30.50	63.38
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	13,265.06	16,983.25	19,958.65
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	1,006.29	1,949.29	3,453.32
Penang Port Sdn. Bhd.	1,542.66	1,830.37	1,883.48
JUMLAH	**463,234.59**	**495,030.33**	**579,336.41**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN PEGANGAN ASET			
SEKTOR EKONOMI			
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	183.79	158.85	146.28
Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd.	57.62	40.50	25.59
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	0.08	0.07	0.07
Malaysia Development Holding Sdn. Bhd.	0.0106	0.0028	0.0016

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SEKTOR SOSIAL			
IJN Holdings Sdn. Bhd.	914.55	858.28	856.44
SEKTOR TEKNOLOGI			
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	742.65	736.60	729.07
MIMOS Berhad	412.90	337.80	285.57
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	224.71	201.50	166.47
Jaring Communications Sdn. Bhd.	130.31	100.28	71.53
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
K.L. International Airport Berhad	10,559.43	7,420.68	6,804.51
Assets Global Network Sdn. Bhd.	846.88	839.23	832.65
Keretapi Tanah Melayu Berhad	983.04	717.97	605.97
JUMLAH	**15,055.97**	**11,411.76**	**10,524.15**

Nota : ***(*) - Tempoh Pelaporan Hanya Meliputi 9 Bulan Akibat Pertukaran Tarikh Kewangan***
(**) - Restated

27.4.4. Liabiliti Syarikat

27.4.4.1. Liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang syarikat Kerajaan antaranya terdiri daripada overdraf, pemiutang, deposit, pendahuluan dan pinjaman. Adalah didapati liabiliti bagi syarikat Kerajaan secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan sejumlah RM14.701 bilion (4%) menjadi RM379.702 bilion pada tahun 2011 berbanding RM365.002 bilion pada tahun 2010. Pada tahun 2011, syarikat Kerajaan di bawah sektor ekonomi mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM218.212 bilion dan diikuti syarikat di bawah sektor teknologi yang berjumlah RM82.378 bilion. Liabiliti syarikat mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.7
LIABILITI SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SEKTOR	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Ekonomi	176,570.15	199,801.39*	218,211.59
Sosial	23,085.21	25,175.00	33,495.46
Teknologi	93,197.13	100,142.57	82,377.67
Infrastruktur	38,024.17	39,882.82	45,617.71
JUMLAH	**330,876.66**	**365,001.78**	**379,702.43**

Nota : ***(*) - Restated***

27.4.4.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati liabiliti bagi 21 syarikat (36.8%) telah meningkat 3 tahun berturut-turut. Sebaliknya 11 syarikat (19.3%) menunjukkan penurunan liabiliti. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.8
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN LIABILITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN LIABILITI			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	132,698.00**	143,011.00	156,433.00*
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	19,912.96	22,784.71	22,879.41
FELCRA Berhad	2,746.74	3,064.39	4,292.35
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	2,838.83	3,015.85	3,515.50
Bank Pertanian Malaysia Berhad	7,628.97	8,540.99**	9,808.18
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	5,477.91	5,827.75**	7,124.02
Danajamin Nasional Berhad	1.48	17.22	333.42
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	1.21	76.11	113.61
Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd.	0.44	3.81	7.35
Aset Tanah Nasional Berhad	0.057	0.059	0.070
Malaysia Development Holdings Sdn. Bhd.	0.0111	0.0113	0.0189
SEKTOR SOSIAL			
Pengurusan Aset Air Berhad	6,719.91	7,103.25	14,837.25
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	5,787.14	6,013.02	6,740.79
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,856.49	1,972.67	2,124.28
JKP Sdn. Bhd.	59.11	84.66	85.37
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	35.11	35.16	50.02*
SEKTOR TEKNOLOGI			
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	58.41	67.85	37.81
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	13,216.69	16,963.10	19,936.97
Penang Port Sdn. Bhd.	1,097.17	1,379.46	1,412.24
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,032.95	1,038.38	1,043.82
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	961.34	1,852.34	3,140.01
JUMLAH	**202,130.93**	**222,851.79**	**253,915.49**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN LIABILITI			
SEKTOR EKONOMI			
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	207.85	197.75	187.82
Prokhas Sdn. Bhd.	18.72	18.21	18.11
SEKTOR SOSIAL			
IJN Holdings Sdn. Bhd.	315.86	229.30	199.37
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	34.38	22.41	21.69
SEKTOR TEKNOLOGI			
Cyberview Sdn. Bhd.	2,682.25	2,946.78**	2,398.75
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	639.10	619.92	608.51
MIMOS Berhad	393.07	257.34	209.74
Malaysia Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	332.15	296.27	241.31
Jaring Communications Sdn. Bhd.	108.00	71.94	69.37
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	3,533.18	3,484.03	3,387.46

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
K.L. International Airport Berhad	10,176.97	7,033.13	6,464.17
JUMLAH	**18,441.53**	**15,177.08**	**13,806.30**

Nota : ***(*) - Tempoh Pelaporan Hanya Meliputi 9 Bulan Akibat Pertukaran Tarikh Kewangan***
(**) - Restated

27.4.4.3. Sejumlah besar daripada liabiliti jangka panjang syarikat adalah merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Analisis Audit mendapati dalam tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 18 syarikat (31.6%) mempunyai pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Baki pinjaman yang melibatkan 18 syarikat itu pada akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM13.378 bilion berbanding baki pada akhir tahun 2010 berjumlah RM13.659 bilion iaitu penurunan sejumlah RM0.281 bilion (2.1%).

Selain itu, didapati 2 syarikat menunjukkan peningkatan baki pinjaman belum selesai pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Manakala 10 syarikat menunjukkan penurunan baki pinjaman belum selesai pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Baki pinjaman belum selesai bagi 6 syarikat tidak berubah dari tahun 2010 hingga 2011. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. mempunyai baki pinjaman belum selesai tertinggi pada tahun 2011 iaitu RM3.379 bilion dan diikuti dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. yang berjumlah RM1.865 bilion. Kedudukan baki pinjaman syarikat yang belum selesai bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.9
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN SYARIKAT YANG BELUM SELESAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SEKTOR EKONOMI			
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	-	1,249.86	1,246.68
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	1,172.52	1,154.07	1,140.73
Malaysia Debt Ventures Berhad	1,225.54	1,027.08	690.63
FELCRA Berhad	603.54	666.12	1,102.09
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	524.00	614.52	535.43
UDA Holdings Berhad	285.42	285.42	285.42
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	237.50	197.50	187.50
SEKTOR SOSIAL			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,686.07	1,799.36	1,865.54
Syarikat Perumahan Negara Berhad	223.40	223.40	223.40
JKP Sdn. Bhd.	22.69	22.69	21.35

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	3,529.48	3,479.48	3,379.48
Cyberview Sdn. Bhd.	624.34	644.35	644.35
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	460.00	460.00	460.00
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	392.10	392.10	176.20
MIMOS Berhad	76.00	36.50	16.50
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	31.43	30.00	30.00
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Keretapi Tanah Melayu Berhad	880.50	880.50	880.50
Syarikat Prasarana Negara Berhad	-	496.45	491.82
JUMLAH	**11,974.53**	**13,659.40 ***	**13,377.62**

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
Nota : (*) - Jumlah Tahun 2010 Termasuk Jumlah Pinjaman Syarikat Prasarana Negara Berhad Sejumlah RM496.45 Juta (Jumlah Ini Tidak Diambil Kira Dalam LKAN 2011)

27.4.5. Dana Pemegang Saham

27.4.5.1. Dana Pemegang Saham merupakan modal yang dilaburkan oleh pemegang saham dan keuntungan/kerugian terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Berdasarkan analisis, 31 syarikat (54.4%) daripada 57 syarikat menunjukkan peningkatan dana pemegang saham bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 manakala 9 syarikat (15.8%) mengalami penurunan dana secara berterusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.10
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN DANA PEMEGANG SAHAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DANA			
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	232,083.00	242,902.00	288,310.00
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	1,848.58	1,947.50	2,041.40
Bank Pertanian Malaysia Berhad	1,323.73	2,028.92*	2,250.77
Perbadanan Nasional Berhad	1,395.91	1,406.64	1,409.67
FELCRA Berhad	979.86	1,057.14	1,184.87
UDA Holdings Berhad	746.60	793.55	1,304.85
Danajamin Nasional Berhad	1,008.75	1,020.58	1,064.48
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Bhd.	232.45	249.82	269.04
Prokhas Sdn. Bhd.	107.41	115.57	135.84
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	100.44	103.08	104.68

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SEKTOR SOSIAL			
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	1,177.37	1,197.78	1,212.46
JKP Sdn. Bhd.	240.19	240.55	243.42
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	104.57	556.84	1,096.43
Pengurusan Aset Air Berhad	458.55	513.27	591.75
IJN Holdings Sdn. Bhd.	598.66	628.98	657.07
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	192.64	198.67	231.15
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	131.83	140.81	150.22
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(161.06)	43.04	163.63
Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad	44.38	50.34	51.76
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	(15.55)	(13.02)	0.12
SEKTOR TEKNOLOGI			
Khazanah Nasional Berhad	31,708.06	37,307.22	42,933.05
SIRIM Berhad	271.92	279.39	283.69
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	96.11	267.04	287.66
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	120.58	147.19	174.37
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	103.55	116.68	120.56
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	68.91	72.95	75.79
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	13.57	22.08	44.30
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	(723.31)	(717.38)	(709.96)
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	(3,173.51)	(3,168.10)	(3,067.93)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Penang Port Sdn. Bhd.	447.01	470.60	480.73
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	44.95	96.95	313.31
JUMLAH	**271,576.15**	**290,076.68**	**343,409.18**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN DANA			
SEKTOR EKONOMI			
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	160.60	136.84*	82.25
Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd.	57.18	36.68	18.24
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(24.05)	(38.90)	(41.54)
Malaysia Development Holdings Sdn. Bhd.	(0.00)	(0.01)	(0.02)
SEKTOR SOSIAL			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(620.25)	(788.82)	(886.97)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	166.30	131.14	128.66
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	3,222.22	2,526.71	1,750.54
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(535.37)	(894.35)	(977.84)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(186.07)	(199.16)	(211.17)
JUMLAH	**2,240.56**	**910.13**	**(137.85)**

Nota : ***(*) - Restated***

27.4.5.2. Analisis Audit selanjutnya mendapati 7 syarikat (12.3%) telah mengalami ketidakcukupan dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Jumlah ketidakcukupan dana bagi syarikat yang terlibat telah meningkat daripada RM5.263 bilion pada tahun 2009 kepada RM5.807 bilion pada tahun 2010 dan RM5.895 bilion pada tahun 2011. Syarikat yang terlibat adalah Piramid Pertama Sdn. Bhd., Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., Malaysia Development Holdings Berhad, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Assets Global Network Sdn. Bhd.

27.4.6. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

27.4.6.1. Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Adalah didapati 25 syarikat (43.9%) menunjukkan nisbah pulangan ke atas ekuiti yang positif 3 tahun berturut-turut, manakala 13 (22.8%) lagi menunjukkan nisbah pulangan ke atas ekuiti yang negatif 3 tahun berturut-turut.

27.4.6.2. Bagi tahun 2011, adalah didapati syarikat Sepang International Circuit Sdn. Bhd. menunjukkan nisbah pulangan ke atas ekuiti yang tertinggi iaitu sebanyak 11,406.8%, seterusnya syarikat Amanah Raya Berhad iaitu sebanyak 158.3%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.11
KEDUDUKAN NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)
SEKTOR EKONOMI			
Petroliam Nasional Berhad	25.5	18.7	19.3
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	20.1	11.7	12.3
Prokhas Sdn. Bhd.	11.3	9.0	16.9
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	(6.8)	(7.6)*	12.5
FELCRA Berhad	3.2	7.9	11.8
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	4.4	6.0	6.3
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	2.4	5.1	4.6
Danajamin Nasional Berhad	0.9	1.0	4.1
UDA Holdings Berhad	(0.9)	3.9	38.0
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	0.5	2.6	1.5
Perbadanan Nasional Berhad	2.1	0.8	0.5
Amanah Raya Berhad	7.8	(1.9)	158.3
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	0.9	(11.6)	6.4
Bank Pertanian Malaysia Berhad	13.5	18.6*	18.2
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	24.6	19.6	(12.6)

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(62.5)	(13.9)	(12.5)
Malaysia Debt Ventures Berhad	(20.9)	(36.2)	(43.0)
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	(13.2)	(18.4)*	(67.8)
Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd.	(25.5)	(55.9)	(101.1)
Malaysia Development Holdings Sdn. Bhd.	(1,616.3)	(95.0)	(51.0)
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	0.9	81.2	49.2
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(50.5)	56.0	61.5
Pengurusan Aset Air Berhad	10.3	13.8	13.3
Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad	19.6	13.6	4.1
IJN Holdings Sdn. Bhd.	(4.3)	4.7	4.9
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	21.3	6.8	5.6
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.1	1.9	2.7
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	0.1	1.7	1.2
JKP Sdn. Bhd.	(4.1)	0.1	1.1
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	(62.2)	(19.4)	11,406.8
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(5.3)	(21.4)	(11.1)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	(80.3)	38.6	18.6
MIMOS Berhad	(8.3)	33.0	(6.1)
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	9.2	6.9	8.9
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	19.5	6.7	6.0
Khazanah Nasional Berhad	4.7	17.2*	36.0
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	35.0	4.9	3.8
SIRIM Berhad	2.9	3.1	1.9
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	6.2	5.6	(0.6)
Cyberview Sdn. Bhd.	8.3	3.3*	(20.7)
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	(56.1)	(0.2)	(3.3)
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	(1.1)	(0.8)	(1.1)
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	(10.8)	(26.8)	(27.6)
Jaring Communications Sdn. Bhd.	(49.1)*	(31.7)	(1,489.3)
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	6.4	8.8	7.0
Assets Global Network Sdn. Bhd.	22.1	6.6	5.7
Penang Port Sdn. Bhd.	17.2	6.1	3.3
K.L. International Airport Berhad	1.3	1.1	0.8
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	(8.6)	(9.7)	(13.7)
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(11.4)	(27.4)	(44.3)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(18.0)	(41.9)	(10.6)

Nota : ***(*) - Restated***

27.4.7. Nisbah Hutang Ke Atas Ekuiti

Nisbah Hutang Ke Atas Ekuiti adalah perbandingan di antara hutang iaitu liabiliti jangka panjang dengan pegangan ekuiti syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi kebergantungan kepada hutang bagi menampung perbelanjaan syarikat. Adalah didapati pada tahun 2011, Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan Pengurusan Aset Air Berhad mempunyai nisbah hutang yang paling tinggi iaitu 91,978% dan 2,495.1%. Ini menunjukkan kebergantungan syarikat kepada hutang bagi menanggung operasinya adalah tinggi. Manakala 5 syarikat (8.8%) iaitu Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd., Malaysia Debt Ventures Berhad, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Assets Global Network Sdn. Bhd. mempunyai nisbah hutang ke atas ekuiti yang negatif dalam tempoh 3 tahun berturut-turut. Ini menunjukkan syarikat tidak mempunyai dana pemegang saham yang mencukupi dan bergantung kepada hutang untuk menanggung keseluruhan perbelanjaan operasi/am/pentadbiran syarikat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.12
KEDUDUKAN NISBAH HUTANG KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)
SEKTOR EKONOMI			
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	310.5	209.7*	336.0
Bank Pertanian Malaysia Berhad	107.2	222.9*	221.8
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	123.2	141.9**	151.0
Amanah Raya Berhad	112.0	123.4	(55.3)
FELCRA Berhad	124.0	120.6	183.8
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	93.3	93.8	70.4
UDA Holdings Berhad	80.4	74.6	14.0
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	62.6	72.4	105.7
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	30.8	43.7*	37.3
Petroliam Nasional Berhad	26.6	32.5	24.1
Prokhas Sdn. Bhd.	4.2	3.7	1.0
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	4.2	3.3	3.4
Perbadanan Nasional Berhad	0.0	3.0	3.0
Syarikat Tanah Dan Harta Sdn. Bhd.	36.6	0.0	0.0
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(821.2)	(482.0)	(403.2)
Malaysia Debt Ventures Berhad	(1,755.7)	(1,003.3)	(6,316.0)
SEKTOR SOSIAL			
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(1,666.6)	4,406.8	1,456.4
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	5,244.3	1,025.8	199.9
Pengurusan Aset Air Berhad	1,078.0	964.0	2,495.1
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	373.7	480.1	391.8
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	5.5	3.8*	2.9

SYARIKAT	TAHUN		
	2009 (%)	2010 (%)	2011 (%)
IJN Holdings Sdn. Bhd.	26.0	15.7	9.7
JKP Sdn. Bhd.	7.6	13.9	12.9
Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad	33.2	3.9	9.4
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	3.1	3.1	3.3
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	(1.1)	0.0	0.0
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(273.1)	(208.5)	(181.0)
SEKTOR TEKNOLOGI			
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	593.0	509.6	469.3
MIMOS Berhad	536.7	294.0	213.8
Cyberview Sdn. Bhd.	242.8	291.3*	183.2
SIRIM Berhad	257.6	245.9	223.0
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	365.6	205.7	169.7
Khazanah Nasional Berhad	151.6	145.8*	86.1
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	226 .5	79.8	20.5
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	91.0	76.7	15.4
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	20.6	20.3	26.9
Jaring Communications Sdn. Bhd.	15.1	4.3	32.6
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	0.0	0.0	13.3
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	0.0	0.0	0.0
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	0.0	0.0	0.0
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	27,325.8	84,185.0	91,978.0
K.L. International Airport Berhad	2,376.3	1,663.7	1,727.7
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	576.8	1,550.9	908.6
Syarikat Prasarana Berhad	298.3	293.4	662.0
Penang Port Sdn. Bhd.	179.6	230.5	241.0
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(196.8)	(124.0)*	(102.0)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(543.7)	(508.0)	(479.0)

Nota : ***(*) - Restated***

27.4.8. Pembayaran Cukai Kepada Kerajaan

27.4.8.1. Pada tahun 2011, sebanyak 28 syarikat (49.1%) telah membayar cukai berjumlah RM25.439 bilion kepada Kerajaan. Syarikat daripada sektor ekonomi membayar sejumlah RM24.726 bilion (97.2%) daripada jumlah cukai tersebut. Cukai yang dibayar pada tahun 2011 menurun sejumlah RM3.425 bilion (11.7%) berbanding RM28.863 bilion pada tahun 2010. Adalah didapati Petroliam Nasional Berhad membayar jumlah cukai terbesar iaitu berjumlah RM80.186 bilion bagi tahun 2009 hingga 2011. Jumlah cukai yang dibayar kepada Kerajaan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.13
CUKAI YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN
MENGIKUT SEKTOR PADA TAHUN 2009, 2010 DAN 2011

SEKTOR	TAHUN		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Ekonomi	30,164.66	25,868.47	24,726.01
Sosial	20.66	13.01	5.66
Teknologi	215.92	2,975.46	704.36
Infrastruktur	2.48	6.98	2.75
JUMLAH	**30,403.72**	**28,863.92**	**25,438.78**

27.4.8.2. Analisis seterusnya mendapati hanya 23 syarikat telah membayar cukai 3 tahun berturut-turut kepada Kerajaan. Jumlah cukai yang dibayar bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM84.684 bilion bagi 3 tahun berturut-turut seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.14
SYARIKAT YANG MEMBAYAR CUKAI 3 TAHUN BERTURUT-TURUT
BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
SEKTOR EKONOMI				
Petroliam Nasional Berhad	30,015.00	25,672.00	24,499.00	80,186.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	42.78	124.66	99.76	267.20
FELCRA Berhad	12.69	34.63	68.31	115.63
UDA Holdings Berhad	14.71	7.03	16.04	37.78
Export-Import Bank Of Malaysia Berhad	25.87	4.60	11.25	41.72
Prokhas Sdn. Bhd.	7.64	2.99	8.71	19.34
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	21.05	14.04	8.31	43.40
Amanah Raya Berhad	15.44	7.71	4.74	27.89
Perbadanan Nasional Berhad	0.76	0.47	3.60	4.83
SEKTOR SOSIAL				
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	12.32	10.71	0.36	23.39
IJN Holdings Sdn. Bhd.	5.73	2.49	2.12	10.34
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	1.27	1.98	1.12	4.37
JKP Sdn. Bhd.	1.06	0.81	0.99	2.86
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.17	0.49	0.85	1.51
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	0.11	0.04	0.22	0.37
SEKTOR TEKNOLOGI				
Khazanah Nasional Berhad	188.81	2,949.14	678.23	3,816.18
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	13.52	8.17	4.26	25.95
SIRIM Berhad	10.04	10.65	10.66	31.35
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	1.26	1.69	1.16	4.11
MIMOS Berhad	1.38	1.12	1.17	3.67
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	0.86	0.83	3.08	4.77

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
SEKTOR INFRASTRUKTUR				
Keretapi Tanah Melayu Berhad	1.25	4.87	0.88	7.00
Syarikat Prasarana Negara Berhad	0.95	1.71	1.87	4.53
JUMLAH	**30,394.67**	**28,862.83**	**25,426.69**	**84,684.19**

27.4.9. Pembayaran Dividen Kepada Kerajaan

27.4.9.1. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menyatakan bahawa dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan Februari 2013, didapati 21 syarikat (36.8%) telah membayar dividen bagi tahun kewangan 2011 yang berjumlah RM29.454 bilion. Daripada jumlah tersebut 11 syarikat memperoleh keuntungan dan membayar dividen selama 3 tahun berturut-turut berjumlah RM109.272 bilion. Syarikat yang telah membayar dividen kepada Kerajaan selama 3 tahun berturut-turut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.15
BAYARAN DIVIDEN 3 TAHUN BERTURUT-TURUT KEPADA KERAJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010 DAN 2011

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
SEKTOR EKONOMI				
Petroliam Nasional Berhad	30,000.00	49,000.00	26,260.31	105,260.31
FELCRA Berhad	2.25	7.50	15.00	24.75
Perbadanan Nasional Berhad	12.59	6.39	6.39	25.37
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Berhad	4.29	5.85	6.24	16.38
Prokhas Sdn. Bhd.	2.25	2.62	3.00	7.87
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	100.00	100.00	100.00	300.00
SEKTOR SOSIAL				
Institut Terjemahan Negara Dan Buku Malaysia Berhad	0.87	0.68	0.21	1.76
SEKTOR TEKNOLOGI				
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	4.48	4.48	6.72	15.68
SIRIM Berhad	1.00	1.05	1.05	3.10
Khazanah Nasional Berhad	300.00	300.00	3,000.00	3,600.00
SEKTOR INFRASTRUKTUR				
Penang Port Sdn. Bhd.	5.51	5.51	5.51	16.53
JUMLAH	**30,433.24***	**49,434.08***	**29,404.43**	**109,271.75**

Nota : (*) - Jumlah Tahun 2009 Dan 2010 Termasuk Dividen Daripada Khazanah Nasional Berhad (RM300 Juta) Dan Penang Port Sdn. Bhd. (RM5.51 Juta) Di mana Jumlah Ini Tidak Diambil Kira Dalam LKAN 2011. Manakala Dividen Daripada Amanah Raya Berjumlah RM0.45 Juta Tidak Diambil Kira Dalam LKAN 2012 Kerana Pada Tahun 2011 Amanah Raya Tidak Membayar Dividen Kepada Kerajaan

27.4.9.2. Semakan lanjut mendapati sebanyak 10 syarikat yang telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 3 tahun berturut-turut, namun tidak mengisytiharkan/mencadangkan dividen. Bagaimanapun tiada bukti menunjukkan syarikat tersebut telah memberikan justifikasi untuk tidak mengisytiharkan/mencadangkan dividen kepada MKD. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.16
SENARAI SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN BAGI TEMPOH 3 TAHUN BERTURUT-TURUT TETAPI TIDAK MENGISYTIHAR/MENCADANGKAN DIVIDEN

SYARIKAT	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
SEKTOR EKONOMI			
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd.	0.49	2.64	1.60
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	44.27	98.92	93.91
Danajamin Nasional Berhad	8.75	10.62	43.64
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	3.08	1.78	1.53
SEKTOR SOSIAL			
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	0.98	452.27	539.59
Pengurusan Aset Air Berhad	47.41	70.78	78.48
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	1.63	20.41	14.68
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.11	2.71	3.98
SEKTOR TEKNOLOGI			
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	75.93	12.94	10.93
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	23.53	9.80	10.38
JUMLAH	**206.18**	**682.87**	**798.72**

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

BMKD mengambil maklum akan teguran Jabatan Audit Negara berhubung pembayaran dividen oleh syarikat-syarikat MKD. Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Pembinaan PFI Sdn. Bhd. merupakan syarikat Special Purpose Vehicle (SPV) ditubuhkan bagi tujuan mendapatkan pembiayaan untuk melaksanakan projek Kerajaan tertentu. Syarikat SPV tersebut merupakan 100% milik MKD dan dana syarikat SPV ini dikawal selia sepenuhnya oleh MKD tanpa melibatkan mana-mana pihak. Bagi membiayai projek-projek Kerajaan tersebut, syarikat-syarikat berkenaan (kecuali Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.) telah membuat pinjaman dengan jaminan Kerajaan. Ini bermakna sekiranya syarikat berkenaan tidak berupaya membayar hutang berkenaan, pihak Kerajaan perlu menanggung hutang tersebut.

Sesetengah syarikat MKD pula mencatat keuntungan tetapi tidak mengisytiharkan dividen adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

i. ***Syarikat memerlukan dana dalaman syarikat (retain profit) bagi menampung perbelanjaan operasi syarikat untuk tahun berikutnya;***

ii. ***Syarikat tidak mendapat kebenaran daripada 'financier' untuk mengisytiharkan dividen;***

iii. ***Kebanyakan keuntungan syarikat MKD adalah bukan daripada operasi syarikat tetapi melalui penggunaan geran, penstrukturan semula aset dan liabiliti; dan***

iv. ***Syarikat perlu menyediakan dana untuk membayar balik hutang kepada 'financier'.***

Pada pendapat Audit, pihak MKD hendaklah memastikan syarikat yang memperoleh keuntungan mengemukakan justifikasi yang kukuh untuk tidak mengisytiharkan/mencadangkan dividen.

27.4.10. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Semakan Audit terhadap fail bagi 58 syarikat mendapati 29 syarikat (50%) telah memohon dan diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk membayar bonus/imbuhan/ *ex-gratia* bagi tahun 2011. Adalah didapati 7 daripada 29 syarikat yang diluluskan tersebut mengalami kerugian. Daripada jumlah tersebut, 5 daripadanya telah membuat pembayaran bonus manakala 2 syarikat lagi telah membayar imbuhan/ *ex-gratia*. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada garis panduan/polisi bertulis mengenai pemberian kelulusan pembayaran *ex-gratia*. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 27.17
BILANGAN SYARIKAT YANG MEMBUAT PEMBAYARAN BONUS WALAUPUN MENGALAMI KERUGIAN PADA TAHUN 2011

SYARIKAT	KERUGIAN SEBELUM CUKAI BAGI TAHUN KEWANGAN 2011 (RM Juta)	BONUS/EX-GRATIA BAGI SETIAP KAKITANGAN
SEKTOR EKONOMI		
Amanah Raya Bhd.	(707.30)	RM1,000
SEKTOR INFRASTRUKTUR		
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(103.66)	0.5 Bulan Gaji, Minima RM500
Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	(42.94)	1 Bulan Gaji
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(763.94)	Pool 1.5 Maksima 2 Bulan Gaji
SEKTOR SOSIAL		
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(98.15)	Pool 1.6 Maksima 2 Bulan Gaji

SYARIKAT	KERUGIAN SEBELUM CUKAI BAGI TAHUN KEWANGAN 2011 (RM Juta)	BONUS/EX-GRATIA BAGI SETIAP KAKITANGAN
SEKTOR TEKNOLOGI		
Cyberview Sdn. Bhd.	(254.88)	Pool 2.5 Bulan Gaji
MIMOS Bhd.	(4.60)	Pool 2 Maksima 3 Bulan Gaji

Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Cadangan dasar baru pembayaran bonus menetapkan pembayaran bonus kepada syarikat MKD dibuat berdasarkan pencapaian prestasi KPI tahunan syarikat yang ditetapkan. Setiap syarikat perlu menetapkan KPI setiap tahun yang merangkumi di antaranya parameter kewangan, obligasi sosial, pembangunan negara dan lain-lain parameter yang wajar mengikut objektif penubuhan syarikat.

Di samping itu, kebanyakan syarikat-syarikat MKD ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial kepada rakyat serta untuk pembangunan negara, dan bukannya bertujuan untuk mengaut keuntungan. Lanjutan itu, pencapaian kewangan syarikat sama ada mencatat keuntungan atau kerugian merupakan salah satu daripada KPI tahunan yang ditetapkan untuk syarikat MKD.

Oleh itu, memandangkan pembayaran bonus dibuat kepada syarikat yang mengalami kerugian berdasarkan parameter KPI lain yang dicapai oleh syarikat tersebut, BMKD berpandangan supaya garis panduan bonus tidak perlu meliputi bayaran untuk ex-gratia.

27.5. Semakan Audit terhadap tahap pengawasan syarikat kerajaan oleh Kementerian Kewangan mendapati perkara berikut:

27.5.1. Pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif

Dasar dan Garis Panduan Pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat-syarikat Menteri Kewangan yang terkini telah diluluskan pada 24 November 2011. Dasar dan Garis Panduan tersebut yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 telah diedarkan ke semua syarikat di bawah MKD pada 5 Januari 2012. Antara perkara penting yang terkandung di dalam garis panduan tersebut ialah kriteria pelantikan, gaji minimum Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat, terma dan syarat pelantikan serta elaun Ahli Lembaga Pengarah di dalam subsidiari. Selain daripada itu terdapat juga garis panduan berkenaan kelayakan pendidikan, pengalaman, kepakaran dan juga tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Semakan Audit mendapati proses pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik pada tahun 2012 telah dibuat mengikut Dasar dan Garis Panduan yang terkini.

27.5.2. Peranan Wakil Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah

27.5.2.1. Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010, MKD memaklumkan bahawa ia sedang memuktamadkan garis panduan baru yang perlu dipatuhi oleh semua wakil Kerajaan dalam syarikat. Namun semakan Audit sehingga 31 Disember 2012 mendapati draf garis panduan tersebut masih lagi dalam pertimbangan pengurusan tertinggi MKD.

27.5.2.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap fail Laporan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah mendapati ada wakil MKD yang telah menyediakan laporan mesyuarat bagi syarikat yang diwakilinya. Laporan tersebut mempunyai format yang ditetapkan seperti tarikh mesyuarat, isu-isu penting yang dibincangkan, isu berkaitan dengan agensi lain dan perkara/isu yang perlu disampaikan untuk perhatian/pertimbangan YB Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati hanya 11 wakil Kerajaan yang telah menyediakan Laporan Mesyuarat Lembaga Pengarah. Berdasarkan maklum balas pegawai MKD secara lisan, wakil Kerajaan hanya menyediakan laporan mengikut keperluan sesuatu kes. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati terdapat laporan yang telah disediakan bukan berdasarkan keperluan sesuatu kes.

Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Garis panduan berkaitan wakil Kerajaan dan Prosedur Pencalonan dan Pelanjutan Pegawai Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat MKD sedang dikemas kini. Garis panduan ini akan dihimpunkan menjadi handbook untuk diedarkan kepada wakil Kerajaan yang dilantik sebagai ALP sebagai panduan.

Mekanisme bagi menilai prestasi wakil Kerajaan dalam syarikat MKD telah pun dijelaskan dalam Prosedur Pencalonan dan Pelanjutan Pegawai Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat MKD di mana ALP akan dinilai melalui peer rating dan perlu mendapatkan perakuan daripada Lembaga Pengarah syarikat.

Pada pendapat Audit, kewujudan polisi serta peraturan yang jelas mengenai peranan dan tanggungjawab wakil kerajaan akan memudahkan MKD memantau prestasi wakil tersebut secara berkesan.

27.5.3. Laporan Portfolio Pelaburan Bahagian MKD

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 melaporkan MKD telah menyediakan draf rangka kerja pelaporan portfolio pelaburannya namun begitu ianya masih dalam peringkat perbincangan. Semakan Audit pada tahun 2012 mendapati MKD telah menyediakan laporan interim bagi portfolio pelaburan ini berdasarkan akaun

pengurusan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Laporan interim ini mengandungi analisis pencapaian syarikat MKD secara keseluruhan dari segi kewangan. Selain itu, MKD juga telah menyediakan laporan portfolio pelaburan berdasarkan Laporan Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Laporan portfolio ini merangkumi syarikat yang berasaskan komersil, syarikat berorientasikan sosial, Institusi Pembangunan Kewangan dan juga syarikat yang ditubuhkan untuk pelbagai objektif. Laporan tersebut juga telah dikemukakan kepada Penasihat Kementerian Kewangan pada 2 November 2012.

Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Laporan Portfolio MKD dihasilkan berdasarkan maklumat dari Akaun/ Laporan Kewangan yang telah diaudit. Oleh itu, Laporan Portfolio hanya dapat dihasilkan setahun sekali.

Namun begitu, untuk tujuan laporan kepada Menteri Kewangan, pihak BMKD melaporkan secara berkala, pencapaian kewangan syarikat dan pencapaian KPI syarikat setiap suku tahun. Pencapaian kewangan syarikat yang dilaporkan secara berkala ini adalah berdasarkan akaun pengurusan yang belum diaudit dan untuk tahun semasa, berbeza dengan Laporan Portfolio yang melaporkan status pencapaian pelaburan MKD berdasarkan laporan kewangan yang telah diaudit berakhir pada tahun kewangan sebelumnya.

Pada pendapat Audit, penyediaan Laporan Portfolio Tahunan serta Laporan Pencapaian Kewangan Syarikat secara berkala adalah satu langkah penting untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan ketelusan bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD).

27.5.4. Pemakaian Pekeliling/Arahan Mengenai Syarikat Kerajaan

27.5.4.1. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2010 telah melaporkan tentang kesedaran dan pemakaian pekeliling/arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Pada tahun 2011, pihak Audit mendapati MKD sedang meneliti Dasar dan Garis Panduan Bayaran Bonus Syarikat MKD. Manakala semakan Audit bagi tahun 2012 mendapati Dasar dan Garis Panduan Bayaran Bonus Syarikat MKD dan Garis Panduan baru yang perlu dipatuhi oleh semua wakil Kerajaan masih dalam pertimbangan pengurusan tertinggi MKD.

Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Dasar dan Garis Panduan pembayaran Bonus, Dividen, Peranan dan Tanggung jawab Wakil Kerajaan dalam Lembaga Pengarah Syarikat MKD,

dan Prosedur Pemilihan dan Pelanjutan Wakil Kerajaan sebagai ALP Syarikat MKD sedang dikemas kini. Dasar-dasar garis panduan ini akan dihimpunkan menjadi handbook untuk diedarkan kepada wakil Kerajaan yang dilantik sebagai ALP sebagai panduan.

Pada pendapat Audit, langkah memuktamadkan garis panduan tersebut dengan segera adalah penting agar pemantauan terhadap urusan berkaitan syarikat dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, teratur dan berkesan.

27.5.4.2. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 telah membangkitkan tentang isu ketiadaan peruntukan dalam Memorandum Dan Artikel (M&A) syarikat mengenai kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan/peraturan. Pada 24 April 2012, MKD telah mengeluarkan surat kepada syarikat milik Kerajaan bagi mendapatkan maklumat awal tentang kewujudan klausa berkenaan di dalam M&A syarikat. Semakan Audit mendapati MKD belum lagi mengeluarkan arahan kepada syarikat MKD untuk meminda M&A syarikat memandangkan kajian mengenainya belum lagi diselesaikan.

Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Di bawah Akta Syarikat (Pindaan 2007) Pengarah syarikat perlu melaksanakan fiduciary duties di mana setiap Pengarah perlu bertindak demi kepentingan syarikat dan sebarang campur tangan dari pihak ketiga termasuk pemegang saham dalam proses pembuatan keputusan Lembaga Syarikat adalah tidak selaras dengan amalan tadbir urus baik. Oleh itu, sebarang garis panduan baru yang dikeluarkan pada masa hadapan akan diedarkan kepada wakil MKD supaya dapat dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat sebelum diguna pakai.

Pada pendapat Audit, setiap urusan syarikat sepatutnya selari dengan dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan terutamanya melalui pekeliling/garis panduan yang dikeluarkan oleh MKD. Untuk itu, sekiranya pengedaran pekeliling/garis panduan dibuat melalui wakil Kerajaan, kepentingan untuk memantau peranan wakil Kerajaan adalah lebih tinggi.

27.5.5. Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Syarikat Dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)

27.5.5.1. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan kepada syarikat MKD terpilih untuk mengemukakan KPI syarikat bagi tempoh tahun 2010, 2011 dan 2012. Pada bulan Mac 2011 syarikat yang terpilih diarahkan agar memastikan pencapaian KPI masing-masing bagi tahun 2011 adalah sekurang-

kurangnya 80% dan 85% bagi tahun 2012. Hanya 5 syarikat terpilih yang telah ditetapkan sasaran pencapaian KPInya 50% sahaja kerana MKD mendapati syarikat ini agak sukar mencapai KPInya berbanding dengan syarikat lain. Berdasarkan perkiraan Audit, pencapaian keseluruhan KPI syarikat MKD yang terpilih bagi tahun 2012 menunjukkan peningkatan iaitu 92.5% berbanding 82% pada tahun sebelumnya.

27.5.5.2. Semakan selanjutnya terhadap senarai pencapaian KPI syarikat bagi tahun 2012 mendapati 2 syarikat yang tidak mencapai sasaran KPInya iaitu Amanah Raya Berhad (75.47%) dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (69.68%). Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada sebarang justifikasi diberikan oleh syarikat berkenaan ketidakcapaian KPI tersebut.

Maklum Balas MKD Yang Diterima Pada 4 Julai 2013

Untuk kedua-dua syarikat yang gagal mencapai 85% daripada KPI yang ditetapkan, surat memohon penjelasan ketidakcapaian sasaran KPI tersebut telah dikeluarkan pada 7 Jun 2013.

Pada amnya, KPI syarikat adalah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing, yang mana KPI yang ditetapkan adalah selaras dengan objektif penubuhan syarikat dan sasaran setiap KPI yang ditetapkan oleh syarikat adalah lebih tinggi daripada sasaran pada tahun-tahun sebelumnya. Kedua-dua syarikat telah mengemukakan justifikasi ketidakcapaian KPI pada tahun 2012 dan dalam pada masa yang sama, mengenal pasti kelemahan-kelemahan syarikat bagi mencapai KPI berkenaan. MKD telah mengeluarkan surat mengarahkan kedua-dua syarikat mengemukakan pelan tindakan masing-masing dalam menangani kelemahan-kelemahan ini.

Pada pendapat Audit, adalah penting setiap ketidakcapaian KPI diberi justifikasi yang jelas dan pelan tindakan untuk meningkatkan pencapaiannya.

27.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peranan MKD sebagai badan pelaburan utama Kerajaan mencapai matlamat penubuhannya dan berjalan dengan lebih berkesan adalah disyorkan supaya pihak MKD mempertimbangkan perkara berikut:

27.6.1. memuktamadkan segera dasar dan Garis Panduan pembayaran bonus, dividen, peranan dan tanggungjawab wakil Kerajaan serta prosedur pemilihan dan pelanjutan wakil Kerajaan dalam Ahli Lembaga Pengarah agar pemantauan

terhadap urusan berkaitan syarikat Kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, teratur dan berkesan; dan

27.6.2. memastikan syarikat yang tidak mencapai KPI memberikan justifikasi yang jelas serta pelan tindakan mereka bagi meningkatkan pencapaian. Selain itu, MKD juga perlu memastikan KPI yang ditetapkan adalah bersesuaian dengan tahap prestasi syarikat supaya dapat menilai syarikat tersebut dengan lebih tepat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 333-345 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN KEWANGAN

28. PENGURUSAN KHAZANAH NASIONAL BERHAD

28.1. LATAR BELAKANG

28.1.1. Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) diperbadankan pada 3 September 1993 sebagai sebuah syarikat awam berhad di bawah Akta Syarikat 1965. Khazanah mempunyai modal berbayar berjumlah RM8.443 bilion. Ekuiti Khazanah dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan sejumlah RM5.443 bilion, GovCo Holding Bhd. sejumlah RM3.000 bilion (*Redeemable Cumulative Convertible Preference Share* - RCCPS) dan satu saham dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. GovCo Holding Bhd. merupakan syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

28.1.2. Khazanah adalah syarikat pemegang pelaburan Kerajaan Persekutuan yang diberi kuasa sebagai pelabur strategik Kerajaan. Pada masa ini, pelaburan Khazanah tertumpu kepada industri kewangan; media dan komunikasi; utiliti; teknologi maklumat; dan pengangkutan. Khazanah juga menjadi daya penggerak dalam pelaburan di sektor strategik dan geografi terpilih di dalam dan luar Malaysia. Khazanah memiliki pelaburan dalam lebih 50 syarikat besar daripada pelbagai industri, baik di Malaysia mahupun di luar negara. Setakat 31 Disember 2011, Khazanah mempunyai pegangan langsung dalam 86 syarikat subsidiari (termasuk SPV) dan pelaburan di 13 syarikat bersekutu yang masing-masing berjumlah RM25.048 bilion dan RM22.189 bilion.

28.1.3. Selain dari melaksanakan pelaburan strategik bagi pihak Kerajaan, Khazanah juga menerima peruntukan/geran daripada Kerajaan untuk melaksanakan program/aktiviti/projek yang diluluskan. Sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2012, sebanyak 9 geran berjumlah RM984 juta telah diluluskan oleh Kerajaan kepada Khazanah.

28.1.4. Khazanah mempunyai 9 Ahli Lembaga Pengarah yang mewakili sektor awam dan swasta. Pengurusan Khazanah diketuai oleh seorang Pengarah Urusan dan mempunyai 461 kakitangan yang ditempatkan di Ibu Pejabatnya di KLCC, dan pejabat operasi di KL Sentral, Pulau Pinang, Beijing (China) dan Mumbai (India).

28.1.5. Sebagai sebuah syarikat dimiliki penuh oleh Kerajaan, Khazanah perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang berkaitan dengan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

28.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

28.2.1. prestasi kewangan Khazanah adalah baik atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

28.2.2. pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan; dan

28.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

28.3. SKOP PENGAUDITAN

28.3.1. Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, tadbir urus korporat dan aktiviti utama Khazanah bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan Khazanah tahun 2009, 2010, 2011 dan 2012 yang diaudit.

28.3.2. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan telah dibuat di ibu pejabat Khazanah, pejabat operasi Pulau Pinang, pejabat subsidiari terpilih dan Kementerian Kewangan. Bagi prestasi aktiviti Khazanah, 2 aktiviti utama telah disemak iaitu pengurusan dan pemantauan pelaburan dan pengurusan geran daripada Kerajaan. Untuk memastikan pengurusan geran telah dilaksanakan dengan baik, 4 syarikat subsidiari telah dilawati.

28.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pengurusan Khazanah kepada pihak Audit. Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap sampel dokumen, fail serta rekod; analisis terhadap data syarikat; testimoni melalui temu bual; dan pemeriksaan fizikal terhadap sampel kerja naik taraf, kerja kapital dan aset.

28.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Khazanah adalah baik di mana syarikat berjaya mencatat keuntungan bersih 4 tahun berturut-turut berjumlah antara RM640.70 juta hingga RM5.148 bilion. Setakat 31 Disember 2012, pendapatan tertahan Khazanah adalah berjumlah RM12.639 bilion. Aktiviti pengurusan dan pemantauan pelaburan juga telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam aktiviti pengurusan geran, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan seperti berikut:

i. *Grant Management Guidance Document* yang lengkap hanya disediakan pada bulan Julai 2011 selepas semua geran diterima oleh Khazanah yang sepatutnya disediakan sebelum geran diterima;

ii. tiada terma dan syarat yang jelas ditetapkan bagi geran yang diterima;

iii. sebanyak 2 daripada 3 komponen projek yang telah siap bagi geran iSHARP masih belum diserahkan kepada agensi Kerajaan yang sepatutnya;

iv. komponen *Sea Water Intake System* bagi projek iSHARP di Setiu, Terengganu gagal disiapkan oleh kontraktor yang dilantik;

v. Arahan Perubahan Kerja belum dikeluarkan;

vi. keahlian Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Khazanah tidak selaras dengan amalan terbaik yang dicadangkan dalam *Malaysia Code Of Corporate Governance*;

vii. tiada kriteria dalam menentukan kaedah perolehan oleh Khazanah;

viii. pendahuluan diri lewat diisytiharkan oleh peminjam;

ix. baki kad kredit AMEX tertunggak melebihi 1 bulan berjumlah RM1.26 juta; dan

x. 55 lukisan bernilai RM3.05 juta yang ada di antaranya dibeli sejak tahun 2005 masih disimpan di dalam bilik tanpa kaedah penyimpanan yang bersesuaian.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang dibangkitkan dan maklum balas Khazanah adalah seperti di perenggan berikut:

28.5.1. Prestasi Kewangan


28.5.1.1. Bagi tahun kewangan 2009, 2010, 2011 dan 2012, prestasi kewangan Khazanah adalah baik di mana syarikat telah mencatatkan pendapatan komprehensif tahunan berjumlah RM640.70 juta, RM1.215 bilion, RM5.692 bilion dan RM1.562 bilion masing-masing. Pendapatan utama Khazanah adalah hasil dividen dari pelaburan di dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia (quoted shares). Di samping itu, Khazanah turut menjana pendapatan dari aktiviti penjualan (divestment) kepentingan di dalam syarikat miliknya, faedah atas pinjaman, bon, pasaran wang (money market) dan simpanan tetap. Kesan daripada prestasi kewangan yang baik, Khazanah telah membuat bayaran dividen kepada pemegang sahamnya pada setiap tahun. Sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2012, sejumlah RM4.600 bilion telah dibayar kepada pemegang saham. Kedudukan kewangan Khazanah bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 28.1** dan **Carta 28.1**.

JADUAL 28.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI KHAZANAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2012

BUTIRAN	2009 (RM Juta)	2010 *Restated* (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	3,401.13	4,953.48	8,320.11	4,739.13
Perbelanjaan Operasi	(1,386.25)	(2,290.38)	(1,563.88)	(1,756.73)
Untung Kasar	**2,014.88**	**2,663.10**	**6,756.23**	**2,982.40**
Perbelanjaan Faedah	(1,401.86)	(1,582.39)	(1,543.27)	(1,163.62)
Untung Sebelum Cukai	**613.02**	**1,080.71**	**5,212.96**	**1,818.78**
Pelarasan Cukai	27.68	(26.15)	(64.85)	(173.18)
Untung Bersih Semasa	**640.70**	**1,054.56**	**5,148.11**	**1,645.60**
Pendapatan Komprehensif Lain	-	160.39	543.53	(83.31)
Jumlah Pendapatan Komprehensif Tahunan	**640.70**	**1,214.95**	**5,691.64**	**1,562.29**
Pendapatan Tertahan	**9,390.25**	**10,044.81**	**11,992.92**	**12,638.52**


Sumber : Analisis Dan Penyata Kewangan Khazanah Tahun 2009, 2010, 2011 Dan 2012 Yang Diaudit

CARTA 28.1
ANALISIS TREND PENDAPATAN KHAZANAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2012



28.5.1.2. Antara perbelanjaan utama Khazanah adalah emolumen, perbelanjaan faedah dan peruntukan kerugian rosot nilai pelaburan. Perbelanjaan faedah adalah antara 39.9% hingga 50.3% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Ini adalah kerana jumlah pinjaman yang besar di mana setakat 31 Disember 2012, pinjaman Khazanah adalah berjumlah RM29.338 bilion. Selain itu, peruntukan untuk kerugian rosot nilai pelaburan juga didapati tinggi iaitu antara 31.1% hingga 63.4% daripada jumlah perbelanjaan. Butirannya adalah seperti di carta berikut:

CARTA 28.2
ANALISIS TREND PERBELANJAAN
KHAZANAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2012



Perbelanjaan/Tahun	2009	2010	2011	2012
Emolumen	120.63	216.73	321.95	213.32
Perbelanjaan faedah	1,401.86	1,582.39	1,543.27	1,163.62
Peruntukan untuk kerugian rosotnilai dalam pelaburan	866.27	2,096.27	1,970.87	1,491.32
(Untung)/Rugi Penilaian Semula Derivatif	-	502.37	(894.91)	(207.54)
Kerugian/(Keuntungan) Pertukaran Asing	96.52	(882.12)	(8.70)	(10.97)
Perbelanjaan operasi lain	495.87	357.13	174.67	270.60

28.5.1.3. Bagi menentukan prestasi kewangan Khazanah, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pulangan ke atas ekuiti serta *time interest earned* telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009, 2010, 2011 dan 2012. Berikut adalah hasil analisis nisbah yang telah dijalankan:

JADUAL 28.2
ANALISIS NISBAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2012

	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2009	11,500.30	9,392.11	1.22 : 1
	2010	11,639.29	8,877.70	1.31 : 1
	2011	12,295.84	15,202.18	0.81 : 1
	2012	8,467.72	11,065.91	0.77 : 1
Kecairan Khazanah menurun pada tahun 2012 akibat peningkatan jumlah dividen belum bayar dan peruntukan liabiliti berkaitan cadangan novasi ke atas syarikat subsidiari.				
	TAHUN	**UNTUNG SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)**	**MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)**
MARGIN KEUNTUNGAN	2009	640.70	3,401.13	0.19
	2010	1,054.56	4,953.48	0.21
	2011	5,148.11	8,320.11	0.62
	2012	1,645.60	4,739.13	0.35
Margin keuntungan Khazanah bagi tahun 2009 hingga 2011 didapati meningkat yang menunjukkan kecekapan syarikat dalam menguruskan pendapatan di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Bagaimanapun berlaku penurunan dalam tahun 2012 diakibatkan oleh penurunan yang ketara dalam jumlah pendapatan.				

	TAHUN	UNTUNG SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	2009	640.70	55,664.93	1.2
	2010	1,054.56	57,564.27	1.8
	2011	5,148.11	62,730.94	8.2
	2012	1,645.60	61,773.40	2.7
Berdasarkan perkiraan, Khazanah mencatatkan keuntungan sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2012, bagi setiap ringgit aset yang digunakan, Khazanah mencatatkan pulangan hasil antara 1.2% hingga 8.2%.				
	TAHUN	**UNTUNG SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)**	**JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)**	**NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)**
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	2009	640.70	18,690.85	3.4
	2010	1,054.56	19,887.65	5.3
	2011	5,148.11	25,379.28	20.3
	2012	1,645.60	25,941.58	6.3
Sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2012, Khazanah mencatat pulangan antara 3.4% hingga 20.3% bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan.				
	TAHUN	**PENDAPATAN SEBELUM FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)**	**BELANJA FAEDAH (RM Juta) (b)**	***TIMES INTEREST EARNED* (a/b)**
TIMES INTEREST EARNED	2009	2,014.88	1,401.86	1.4
	2010	2,663.10	1,582.39	1.7
	2011	6,756.23	1,543.27	4.4
	2012	2,982.40	1,163.62	2.6
Daripada nisbah di atas, adalah didapati keupayaan Khazanah memenuhi pembayaran faedah semakin meningkat dari tahun 2009 hingga 2011. Pada tahun 2012, nisbah ini didapati menurun kepada 2.6 akibat penurunan dalam jumlah pendapatan.				

28.5.1.4. Prestasi Aliran Tunai

a. Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai Khazanah bagi tahun kewangan 2009, 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.3
PENYATA ALIRAN TUNAI KHAZANAH
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2012

BUTIRAN/TAHUN	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi				
Untung bersih sebelum cukai	613.02	1,080.71	5,212.96	1,818.78
Pelarasan	(915.15)	(1,467.86)	(5,753.04)	(2,289.64)
Penurunan/(Peningkatan) penghutang	(69.81)	(718.36)	66.31	75.67
Peningkatan/(Penurunan) pemiutang	(2,335.86)	(240.55)	176.80	(152.98)
Belanja faedah	(817.10)	(405.89)	(799.05)	-
Dividen diterima	1,717.19	2,089.76	3,887.01	-
Cukai pendapatan	243.75	211.67	277.15	50.58
Pampasan kepada pekerja *associate*	(39.14)	-	-	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi	**(1,603.10)**	**549.48**	**3,068.14**	**(497.59)**

BUTIRAN/TAHUN	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan				
Aliran Masuk Tunai	2,237.44	3,292.65	3,110.08	3,940.99
Aliran Keluar Tunai	(3,873.08)	(5,859.04)	(3,721.05)	(7,432.52)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**(1,635.64)**	**(2,566.39)**	**(610.97)**	**(3,491.53)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan				
Aliran Masuk Tunai	8,325.25	7,466.54	4,248.64	10,016.32
Aliran Keluar Tunai	(2,900.00)	(7,265.10)	(4,661.46)	(4,665.87)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**5,425.25**	**201.44**	**(412.82)**	**5,350.45**
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**2,186.51**	**(1,815.47)**	**2,044.35**	**1,361.33**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**1,518.02**	**3,704.53**	**1,889.06**	**3,933.41**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**3,704.53**	**1,889.06**	**3,933.41**	**5,294.74**

b. Secara keseluruhannya, didapati aliran tunai Khazanah adalah stabil bagi tempoh 4 tahun berturut-turut. Pada tahun 2009, berlaku defisit dalam aktiviti operasi berjumlah RM1.603 bilion. Manakala defisit pada tahun 2012 berjumlah RM497.59 juta adalah disebabkan pengelasan semula dividen diterima yang dilaporkan di bawah aktiviti pelaburan. Kedua-dua defisit ini ditampung oleh aktiviti pembiayaan iaitu melalui penjualan bon, sukuk dan pengambilan pinjaman berjangka. Pada tahun 2010 dan 2011 pula, Khazanah berupaya menjana aliran tunai dari aktiviti operasi. Pada akhir tahun kewangan 2012, Khazanah mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM5.294 bilion terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank berjumlah RM0.464 bilion dan simpanan tetap berjumlah RM4.830 bilion.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan Khazanah bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 adalah baik.

28.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

28.5.2.1. Objektif utama Khazanah adalah untuk memegang dan menguruskan pelaburan yang diamanahkan kepadanya oleh Kerajaan Malaysia; dan untuk menjalankan pelaburan baru dalam sektor dan geografi yang strategik demi kepentingan negara. Setakat 31 Disember 2011, Khazanah mempunyai pelaburan dalam 86 syarikat subsidiari dan 13 syarikat bersekutu yang masing-masing berjumlah RM31.792 bilion dan RM23.735 bilion (kos pelaburan). Selain itu, Khazanah juga membuat pelaburan lain di 5 syarikat dengan nilai pelaburan berjumlah RM708.93 juta. Pelaburan Khazanah didapati meningkat setiap tahun sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2011. Butiran lengkap portfolio pelaburan Khazanah bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.4
PELABURAN KHAZANAH SETAKAT 31 DISEMBER 2009, 2010 DAN 2011

JENIS PELABURAN/ TAHUN	2009		2010		2011	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
Subsidiari						
• *Listed*	3	3,982.08	3	4,258.91	2	5,231.89
• *Unlisted*	63	18,219.66	63	21,261.76	84	26,560.00
Bersekutu						
• *Listed*	7	23,748.21	6	23,238.22	6	23,053.59
• *Unlisted*	8	684.26	8	694.56	7	681.36
Lain-lain						
• *Listed*	3	605.23	2	418.22	1	100.00
• *Unlisted*	7	674.54	5	575.59	4	608.93
JUMLAH	**91**	**47,913.98**	**87**	**50,447.26**	**104**	**56,235.77**

28.5.2.2. Daripada jumlah keseluruhan pelaburan, didapati antara 15 hingga 23 syarikat membuat pembayaran dividen kepada Khazanah pada setiap tahun dengan jumlah antara RM1.944 bilion hingga RM8.066 bilion. Sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM12.470 bilion pendapatan dividen direkodkan. Selain itu, Khazanah juga membuat penjualan terhadap 23 pelaburan yang menjana keuntungan berjumlah RM3.540 bilion. Butiran lengkap pendapatan dividen dan keuntungan penjualan saham adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.5
PENDAPATAN DIVIDEN DAN PENDAPATAN PENJUALAN SAHAM
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	PENDAPATAN DIVIDEN		UNTUNG PENJUALAN SAHAM	
	BIL. SYARIKAT YANG MEMBAYAR	RM (Juta)	BIL. PELABURAN DIJUAL	RM (Juta)
2009	23	1,944.39	8	1,233.99
2010	21	2,460.28	7	2,230.37
2011	15	8,065.53	8	75.86
JUMLAH		**12,470.20**	**23**	**3,540.22**

Sumber : Penyata Kewangan Khazanah Tahun 2009, 2010 Dan 2011 Yang Diaudit


28.5.2.3. Selain daripada melaksanakan pelaburan strategik bagi pihak Kerajaan, Khazanah juga menerima geran daripada Kerajaan untuk melaksanakan program/aktiviti/projek yang diluluskan. Sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2012, sebanyak 9 geran berjumlah RM984 juta telah diluluskan oleh Kerajaan kepada Khazanah.

28.5.2.4. Prestasi Aktiviti

a. Prestasi Pelaburan

i. Prestasi pelaburan Khazanah adalah baik di mana setakat 31 Disember 2012, Nilai Aset Direalisasikan (Realised Assets Value - RAV) syarikat adalah berjumlah RM121.372 bilion. Jumlah ini didapati meningkat sejumlah RM13.177 bilion (12.2%) berbanding RM108.194 bilion yang dicatatkan pada tahun 2011. Bagaimanapun, RAV syarikat didapati mengalami penurunan sejumlah RM4.430 bilion (3.9%) pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 yang mencatatkan RAV berjumlah RM112.624 bilion. Butiran lanjut RAV pelaburan Khazanah adalah seperti di carta berikut:


CARTA 28.3
NILAI ASET DIREALISASIKAN PORTFOLIO PELABURAN KHAZANAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2012



Sumber : Analisis Khazanah


ii. Portfolio pelaburan Khazanah terdiri daripada pelbagai sektor seperti media dan komunikasi, hartanah, penjagaan kesihatan, infrastruktur dan lain-lain. Selain daripada pelaburan dalam Malaysia, sebanyak 10.5% portfolio adalah pelaburan di luar negara seperti di India, China, Singapura, Timur Tengah dan lain-lain. Pecahan portfolio pelaburan Khazanah mengikut sektor dan geografi adalah seperti di carta berikut:

CARTA 28.4
PORTFOLIO PELABURAN KHAZANAH MENGIKUT SEKTOR
SETAKAT 31 DISEMBER 2012



Sumber : Analisis Khazanah, Dinyatakan Dalam Nilai Aset Direalisasikan

CARTA 28.5
PORTFOLIO PELABURAN KHAZANAH MENGIKUT GEOGRAFI
SETAKAT 31 DISEMBER 2012



Sumber : Analisis Khazanah, Dinyatakan Dalam Nilai Aset Direalisasikan

iii. Pencapaian Sebenar Pelaburan Berbanding Sasaran

Semakan Audit terhadap prestasi pelaburan Khazanah berbanding sasaran yang ditetapkan mendapati Khazanah berjaya mencapai sasaran bagi aliran masuk penjualan di mana pada tahun 2009 sejumlah RM3.100 bilion aliran masuk penjualan direkodkan berbanding RM1.600 bilion yang disasarkan. Manakala bagi tahun 2010 sejumlah RM4.000 bilion (133.3%) direkodkan berbanding RM3.000 bilion yang disasarkan.

Bagi Nilai Aset Direalisasikan (RAV) pula, Khazanah berjaya mencapai sasaran RAV yang ditetapkan pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2011 pencapaian RAV adalah RM108.200 bilion (92.7%) berbanding RM116.700 bilion yang disasarkan. Khazanah tidak mencapai sasaran pelaburan baru yang ditetapkan bagi tahun 2009 hingga 2011 iaitu hanyalah di antara 49% hingga 65% sahaja. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.6
PENCAPAIAN PELABURAN KHAZANAH
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2011

BUTIRAN	2009			2010			2011		
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	CAPAI (%)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	CAPAI (%)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	CAPAI (%)
Pelaburan Baru	10,000	4,900	49.0	10,000	6,500	65.0	10,000	5,800	58.0
Aliran Masuk Penjualan	1,600	3,100	193.8	3,000	4,000	133.3	5,100	1,400	27.5
Nilai Aset Direalisasikan (RAV)	77,357	91,220	117.9	108,200	112,620	104.1	116,700	108,200	92.7

Sumber : Kertas Bajet Tahunan Khazanah
Nota : Sasaran Merupakan Data Di Dalam Bajet Tahunan Yang Telah Disemak Semula

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 26 Jun 2013

RAV pada tahun 2011 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana dalam tahun 2011, prestasi Kuala Lumpur Composite Index (KLCI) agak lembap, menyebabkan sebahagian besar portfolio pelaburan Khazanah tidak mencapai nilai pasaran yang disasarkan. Bagi pencapaian sasaran pelaburan baru, corak pelaburan Khazanah memerlukannya melabur apabila peluang muncul dan peluang berkenaan hendaklah memenuhi kedua-dua objektif strategik dan kewangan Khazanah. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, jumlah peluang yang akhirnya diluluskan selepas proses penyaringan yang amat ketat adalah rendah. Ini bagi memastikan pelaburan baru adalah berkualiti tinggi.

b. Peruntukan Kerugian Rosot Nilai Pelaburan

Semakan Audit terhadap penyata kewangan Khazanah mendapati Khazanah membuat peruntukan kerugian rosot nilai terhadap pelaburan yang dimilikinya. Antara sebab peruntukan pengurangan dibuat adalah akibat penurunan dalam nilai pasaran berbanding nilai dibawa, kemerosotan prestasi kewangan pelaburan dan perubahan ketara yang membawa kesan buruk ke atas pelaburan. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan, adalah didapati peruntukan pengurangan meningkat bagi tempoh 3 tahun berturut-

turut. Pada tahun 2011, sejumlah RM11.356 bilion telah diperuntukkan di mana berlaku peningkatan sejumlah RM1.528 bilion (15.6%) berbanding tahun 2010. Pada tahun 2009, peruntukan kerugian rosot nilai telah dibuat terhadap 20 pelaburan dan bilangan ini didapati menurun kepada 18 pelaburan pada tahun 2011.

28.5.2.5. Pencapaian KPI

Pengurusan Khazanah telah mewujudkan 4 kategori utama KPI sebagai mekanisme pengukuran produktiviti syarikat selaras dengan objektif strategiknya. Kategori utama adalah berkenaan kewangan, strategik dan *stakeholder*, proses perniagaan dalaman dan pembelajaran serta pertumbuhan yang masing-masing mengandungi beberapa elemen penilaian. Secara keseluruhan, pencapaian KPI syarikat adalah baik di mana ia telah memenuhi pencapaian minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan iaitu syarikat Kerajaan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 75.0% daripada sasaran KPI. Daripada analisis keputusan KPI, dapat dilihat pencapaian KPI Khazanah adalah baik di mana pada setiap tahun hanya satu (1) elemen yang memperoleh skor kurang dari 3.0. Antara contoh elemen KPI yang dinilai adalah nisbah kewangan, kos pembiayaan, pelaburan ekonomi baru, pembangunan modal insan, pengurusan *stakeholders* dan lain-lain. Butiran pencapaian KPI untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.7
PENCAPAIAN KPI BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	PENCAPAIAN KPI (Skor)*	PENCAPAIAN KPI (%)	JUMLAH ELEMEN KPI	JUMLAH ELEMEN DENGAN SKOR >3	JUMLAH ELEMEN DENGAN SKOR <2.99
2009	3.51	87.8	16	15	1
2010	3.57	89.3	18	17	1
2011	3.00	75.8	14	13	1

Nota: (*) -
Skor 0 = Poor
Skor 1 = Below Target
Skor 2 = On Target
Skor 3 = Good
Skor 4 = Strecth

28.5.2.6. Pendapatan Berbanding Sasaran

Khazanah menetapkan sasaran hasil dan perbelanjaan syarikat semasa penyediaan bajet tahunan syarikat. Bajet tahunan ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan akan disemak semula pada setiap pertengahan tahun. Analisis Audit mendapati pendapatan sebenar yang direkodkan pada tahun 2009 dan 2010 adalah melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun bagi tahun 2011, pendapatan sebenar berjumlah RM8.442 bilion hanya mencapai 72.6% daripada anggaran pendapatan yang ditetapkan berjumlah RM11.625 bilion. Walaupun pendapatan yang diperoleh tidak dapat mencapai anggaran yang ditetapkan, namun didapati pendapatan Khazanah telah meningkat dari setahun ke setahun.

Bagi perbelanjaan operasi pula, Khazanah didapati berbelanja melebihi bajet yang diluluskan pada tahun 2009 dan 2010. Sejumlah RM425.68 juta telah dibelanjakan pada tahun 2009 berbanding RM405 juta bajet yang diluluskan. Manakala pada tahun 2010, sejumlah RM590.65 juta dibelanjakan berbanding RM449 juta bajet yang diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.8
PENCAPAIAN KEWANGAN KHAZANAH
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2011

BUTIRAN/ TAHUN	2009			2010			2011		
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	CAPAI (%)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (Restated) (RM Juta)	CAPAI (%)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	CAPAI (%)
Pendapatan	3,026.00	3,593.99	118.8	4,388.00	6,237.23	142.1	11,625.00	8,442.10	**72.6**
Perbelanjaan Operasi	(405.00)	(425.68)	**105.1**	(449.00)	(590.65)	**131.5**	(593.00)	(565.20)	95.3
Untung Kasar	**2,621.00**	**3,168.31**	**113.6**	**3,939.00**	**5,646.58**	**143.3**	**11,032.00**	**7,876.90**	**71.0**
Lain-Lain Pendapatan	-	28.47	100	28.00	170.53	609.0	290.00	1,031.67	355.7
Perbelanjaan Faedah	(1,573.00)	(1,515.01)	96.3	(1,425.00)	(1,639.96)	**115.1**	(1,170.00)	(1,595.59)	**136.4**
Peruntukan Rosot Nilai Dalam Pelaburan	(500.00)	(890.66)	**178.1**	(500.00)	(2,096.27)	**419.3**	(4,331.00)	(1,970.87)	45.5
Untung Sebelum Cukai	**548.00**	**791.11**	**144.4**	**2,042.00**	**2,080.88**	**101.9**	**5,821.00**	**5,342.11**	**91.8**
Pelarasan Cukai	(132.00)	24.71	(18.7)	(82.00)	(27.59)	(689.8)	(333.00)	(65.71)	19.7
Untung Bersih Semasa	**416.00**	**815.82**	**196.1**	**1,960.00**	**2,053.29**	**104.8**	**5,488.00**	**5,276.40**	**96.1**

Nota : ***Sasaran Merupakan Data Di Dalam Bajet Tahunan Yang Telah Disemak Semula Data Merupakan Maklumat Bagi Kumpulan Proforma Yang Meliputi Semua Anak Syarikat Serta Special Purpose Vehicle***

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013


Termasuk di dalam perbelanjaan operasi adalah perbelanjaan Management Equity Scheme yang dikategorikan sebagai pengurangan pendapatan semasa penyediaan sasaran. Bagi tahun kewangan 2010 dan 2011, lebihan perbelanjaan faedah adalah disebabkan oleh accelarated amortised costs dan fair value ke atas bon boleh ubah dan embedded derivative berdasarkan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, FRS 139. Peningkatan rosot nilai dalam pelaburan adalah disebabkan oleh pegangan saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang berdasarkan pada harga pasaran pelaburan yang sukar untuk dianggarkan.

28.5.2.7. Pengurusan Aktiviti

a. Pelaburan Dan Penjualan


i. Proses pelaburan dan penjualan digariskan di dalam *Khazanah Policies, Processes and Procedures* (K-3P) dan *Investment & Divestment Reference Guide* (IDRG). IDRG memberikan panduan menyeluruh mengenai proses generik pelaburan dan penjualan di Khazanah. IDRG menetapkan 7 langkah utama (gate) untuk pelaburan dan 5 langkah utama (gate) penjualan. IDRG menggariskan proses pelaburan dan penjualan seperti di **Carta 28.6** dan **Carta 28.7**.

CARTA 28.6
PROSES PELABURAN DI KHAZANAH



***Sumber : Investment & Divestment Reference Guide* (IDRG)**

CARTA 28.7
PROSES PENJUALAN PELABURAN DI KHAZANAH



Sumber : Investment & Divestment Reference Guide (IDRG)

ii. Selain itu, Khazanah juga menubuhkan *Transaction Review Committee* (TRC) yang bertindak sebagai jawatankuasa yang mengawal dan memantau proses pelaburan. TRC dibantu oleh *Reviewing Director* dan *Investment Transaction Structuring Unit* (ITSU). Tugas dan peranan ketiga-tiganya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.9
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

JAWATANKUASA	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
TRC	• Menilai kerasionalan, kes perniagaan, struktur urus niaga yang dicadangkan, analisis kewangan, *exit strategy* dan potensi semua transaksi pelaburan dan penjualan yang dicadangkan. • Memantau proses transaksi, sumber peruntukan dan *due diligence*.
Reviewing Director	• Bertanggungjawab untuk memastikan komen dari TRC telah diambil tindakan dan dilaporkan di dalam Kertas EXCO dan Kertas Lembaga Pengarah.
ITSU	• Berfungsi sebagai badan perundingan dan *touch point* di dalam setiap proses pelaburan dan penjualan. • Sekretariat kepada TRC dan membantu proses penilaian oleh TRC dengan memberikan input berkaitan kewangan korporat, komersial dan isu pematuhan berkaitan proses pelaburan dan penjualan.

iii. Untuk memastikan Khazanah mematuhi semua proses pelaburan dan penjualan yang ditetapkan, pihak Audit telah membuat semakan terhadap 6 fail pelaburan dan 5 fail penjualan. Nilai pelaburan dan penjualan yang disemak adalah RM5.288 bilion dan RM2.147 bilion masing-masing. Hasil semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, proses pelaburan dan penjualan telah dilaksanakan dengan teratur. Semua pelaburan dan penjualan telah mendapat kelulusan mengikut had kuasa yang ditetapkan. Butiran semakan Audit bagi setiap proses adalah seperti berikut:

JADUAL 28.10
SEMAKAN TERHADAP PROSES PELABURAN/PENJUALAN

GATE	KRITERIA	PENEMUAN AUDIT
Proposal Identified	Semua cadangan pelaburan yang diterima dari mana-mana sumber hendaklah mendapat kelulusan dari Pengarah atau Pengarah Eksekutif, Bahagian Pelaburan untuk ke proses seterusnya.	Proses ini telah dilaksanakan bersama dengan proses *pre-screening*.
Pre-Screening	Perkara 6.1.7.1, Seksyen IV - *Processes & Procedures 4.0, Investments K-3P* menetapkan proses pra-skrin akan dilaksanakan oleh Bahagian Pelaburan bagi semua cadangan pelaburan yang diterima untuk menentukan sama ada peluang yang positif wujud dan sama ada pelaburan yang dicadangkan selaras dengan strategi yang telah ditetapkan. Kelulusan oleh Pengarah atau Pengarah Eksekutif, Bahagian Pelaburan diperlukan untuk ke proses seterusnya.	Semua cadangan pelaburan adalah selaras dengan pelan strategik Khazanah dan telah diluluskan dengan teratur.
Screening	Penilaian ringkas awal untuk menilai sama ada untuk menumpukan perhatian selanjutnya kepada peluang pelaburan yang dicadangkan. Pelaburan perlu dinilai berdasarkan asas kewangan, perancangan strategik, teknikal dan reputasi. Penilaian ini hendaklah dilaksanakan menggunakan sumber dalaman sahaja. Pelantikan perunding tidak dibenarkan pada peringkat ini. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Urusan untuk kelulusan.	Pasukan pelaburan telah menyediakan laporan penilaian untuk dikemukakan kepada Pengarah Urusan. Sesi perbincangan telah diadakan dan kelulusan telah diperoleh dari Pengarah Urusan.

GATE	KRITERIA	PENEMUAN AUDIT
Preliminary Review	Perkara 6.1.7.3, Seksyen IV - *Processes & Procedures 4.0, Investments K-3P* menetapkan kajian awal perlu dilakukan untuk menilai terma urus niaga, tesis pelaburan, pulangan dijangka dan risiko utama. Satu kajian awal hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Urusan. Kelulusan daripada Pengarah Urusan diperlukan untuk memproses pelaburan peringkat seterusnya. Perunding luar tidak harus terlibat dalam peringkat ini sebaliknya pasukan pelaburan hendaklah menggunakan kepakaran kakitangan Khazanah dari bahagian lain.	Kelulusan Pengarah Urusan telah diperoleh untuk ke peringkat seterusnya.
Detailed Review	Satu penilaian pelaburan yang teliti akan dijalankan pada peringkat ini. Jika perlu perunding luar boleh dilantik untuk membantu kajian yang akan dijalankan. Kajian terperinci perlu mengambil kira faktor rasional pelaburan, risiko, prospek industri, tadbir urus dan terma-terma perjanjian. Satu laporan penuh penilaian menggabungkan unjuran kewangan, analisis senario dan penemuan *due diligence* termasuk penemuan oleh penasihat luar dan kesan ke atas profil risiko pelaburan Khazanah hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Urusan. Pengarah Urusan boleh meluluskan urus niaga, tertakluk kepada Had Kuasa (LOA). Jika tidak, transaksi perlu dikemukakan untuk kelulusan EXCO.	4 daripada 11 projek penjualan dan pelaburan yang disemak melibatkan pelantikan perunding luar. Kos yang terlibat adalah antara RM3.14 juta hingga RM19.63 juta. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati laporan lengkap pelaburan telah disediakan. Laporan berkenaan telah disemak oleh Ketua Pasukan, dipersetujui oleh *Reviewing Director* dan diluluskan oleh Pengarah Urusan sebelum dikemukakan kepada EXCO.
Kelulusan Jawatankuasa Eksekutif	Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah untuk mempercepatkan proses membuat keputusan. Dalam proses pelaburan dan penjualan, EXCO bertanggungjawab untuk menilai cadangan yang dikemukakan oleh pihak pengurusan dan memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah. Keahlian EXCO adalah tidak kurang dari 3 orang yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Pengerusi EXCO hendaklah dilantik di kalangan Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Khazanah dan Pengarah Urusan Khazanah mestilah menjadi ahli EXCO.	Semua cadangan telah dibawa kepada EXCO untuk penilaian dan cadangan. EXCO telah bermesyuarat dan membuat penilaian terhadap cadangan berkenaan dan memberikan pendapatnya untuk dibawa kepada perhatian Ahli Lembaga Pengarah.
Kelulusan Lembaga Pengarah	Kertas Lembaga Pengarah perlu disediakan bersama-sama dengan semua dokumen sokongan. Semua komen dan pandangan TRC serta *Reviewing Director* hendaklah disertakan di dalam kertas berkenaan.	Semua cadangan pelaburan dan penjualan telah dibawa kepada perhatian Lembaga Pengarah. Cadangan berkenaan telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan diluluskan. Semakan Audit juga mendapati bagi penjualan pelaburan yang mempunyai kepentingan strategik negara, kelulusan juga telah diperoleh dari Menteri Kewangan.
Pelaksanaan Syarat Pelaburan/Penjualan	Pelaburan dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat yang diluluskan.	Semua syarat pelaburan dan penjualan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah telah dipatuhi. Sebagai contoh, bagi penjualan POS Malaysia Berhad proses tender telah dilaksanakan untuk mendapatkan tawaran harga terbaik. Jawatankuasa Penilaian telah dilantik untuk menilai dan memberi cadangan pembida terbaik dari aspek harga dan prospek masa hadapan POS Malaysia Berhad. Jawatankuasa Penilaian yang dilantik terdiri daripada individu berpengalaman dalam industri pos dari dalam dan luar negara.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti pelaburan dan penjualan adalah teratur kerana telah mematuhi semua prosedur yang ditetapkan.

b. Pengurusan Dan Pemantauan Pelaburan

i. Sebagai sebuah syarikat pemegang pelaburan, Khazanah perlu mengurus dan memantau semua pelaburan yang dibuat. Untuk tujuan berkenaan, Khazanah menggunakan pendekatan *Five Point Engagement Framework Assessment* (5 PEF). 5 PEF yang dimaksudkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.11
FIVE POINT ENGAGEMENT FRAMEWORK ASSESSMENT

5 PEF	KETERANGAN
Kepimpinan	• Memastikan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan Pasukan Pengurusan Tertinggi yang berwibawa, berpengalaman, profesional dan bersesuaian.
Strategi	• Memberi panduan kepada Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat, strategi perniagaan yang berkualiti tinggi.
Sistem Dan Kawalan	• Mewujudkan sistem dan kawalan utama untuk menjamin pertumbuhan serta pewujudan nilai.
Struktur Industri	• Beri input berkenaan perkembangan struktur industri, persaingan yang optimum dan peraturan. Memanfaatkan sinergi antara syarikat.
Pemantauan Dan *Empower*	• Selepas semua perkara di atas dicapai, *micro-manager* tidak lagi diperlukan. • Pemantauan berterusan. • Memberi kuasa kepada pengurusan untuk menjalankan tanggungjawab.

ii. Selain itu, satu pasukan *Management and Monitoring* (M&M) diwujudkan untuk memantau semua pelaburan Khazanah. Pasukan ini akan menyediakan laporan pemantauan bulanan (M&M Dashboard of Issues) bagi semua pelaburan Khazanah yang kemudiannya dibentangkan di dalam *Investment and Finance Working Team* (IFWT) pada setiap bulan. Semakan Audit terhadap sampel laporan pemantauan bulanan mendapati ia telah disediakan pada setiap bulan. Laporan ini juga telah dibincangkan di dalam mesyuarat IFWT secara bulanan.

iii. *Asset Liability Management* (ALM)

Khazanah telah membangunkan polisi Pengurusan Aset dan Liabiliti (ALM) untuk memberi panduan dan menetapkan parameter pemantauan dan pengurusan risiko terhadap kedudukan aset dan liabiliti Khazanah. ALM merangkumi 2 aspek iaitu memastikan bahawa aset Khazanah dan kedudukan liabiliti kekal dalam toleransi risiko dan kekangan tertentu, serta menyediakan garis panduan untuk segmentasi aset yang bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan. Perkara 5.3, Polisi ALM memperuntukkan portfolio pelaburan Khazanah kepada 3 segmen utama iaitu strategik sub-komersial, teras dan kewangan. Perkara 4.2.3, Prosedur ALM pula menetapkan bahawa kedudukan portfolio Khazanah ditentukan mengikut keperluan pertumbuhan modal, penjanaan pendapatan, obligasi hutang dan jangkaan pulangan pendapatan

mengikut pemberat yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2012, segmentasi pelaburan Khazanah adalah dalam lingkungan pemberat yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan dan pemantauan pelaburan adalah teratur dan telah mencapai objektif yang ditetapkan.

c. Pengurusan Geran Yang Diterima Daripada Kerajaan

Selain dari menguruskan pelaburan Kerajaan, Khazanah juga menerima geran daripada Kementerian Kewangan bagi melengkapkan lagi peranan dan objektif penubuhannya. Butiran lengkap geran yang diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.12
GERAN YANG DILULUSKAN OLEH KERAJAAN SETAKAT 30 JUN 2012

NAMA GERAN	AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	PROJEK/AKTIVITI	JUMLAH (RM Juta)
MINDA	Malaysian Directors Academy	Menyediakan Latihan Kepada Lembaga Pengarah Syarikat Berkaitan Kerajaan	10
Sejahtera	Yayasan Sejahtera	Membantu Golongan Miskin	10
Iskandar Malaysia	Iskandar Investment Berhad	Pembangunan Iskandar Malaysia	600
KKU-Heritage	Think City Sdn. Bhd.	Pemuliharaan Tapak Warisan Dunia Di Pulau Pinang	20
KKU-Nursing	Layang-layang Ventures Sdn. Bhd.	Mewujudkan Pusat Latihan Jururawat Tidak Bermotifkan Keuntungan Di Koridor Utara	30
PINTAR	Pintar Foundation	Membantu Sekolah Yang Berprestasi Rendah Dan Berkeperluan Tinggi	20
GEMS	GEMS Sdn. Bhd.	Program Untuk Meningkatkan Peluang Pekerjaan Bagi Graduan	200
Mudharabah Innovation Fund	Xeraya Capital Sdn. Bhd.	Menyediakan Modal Berisiko Kepada Syarikat Modal Teroka Kerajaan	40
i-SHARP	Blue Archipelago Berhad	Pembangunan *Aquaculture Shrimp Park* Di Setiu, Terengganu	54
JUMLAH			**984**

Setakat 31 Disember 2012, sejumlah RM514 juta dari geran yang diluluskan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, RM426.65 juta (83.0%) telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan bagi kesemua geran yang diterima adalah antara 19.6% hingga 100% kecuali bagi geran *Mudharabah Innovation Fund*. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.13
PRESTASI PERBELANJAAN GERAN SETAKAT 31 DISEMBER 2012

NAMA GERAN	TAHUN GERAN DITERIMA	JUMLAH		PERBELANJAAN (%)
		TERIMA (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	
MINDA	2007	10.00	10.00	100.0
Sejahtera	2009	10.00	3.39	33.9
Iskandar Malaysia	2008 – 2010	200.00	200.00	100.0
KKU-Heritage	2009	20.00	12.27	61.4
KKU-Nursing	2009	30.00	5.89	19.6
PINTAR	2009	20.00	11.10	55.5
GEMS	2009 dan 2011	130.00	130.00	100.0
Mudharabah Innovation Fund	2011	40.00	0	0.0
i-SHARP	2010	54.00	54.00	100.0
JUMLAH		**514.00**	**426.65**	**83.0**

Untuk memastikan pengurusan geran telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat, 4 sampel geran telah dipilih iaitu KKU-Heritage, KKU-Nursing, PINTAR dan i-SHARP untuk diaudit. Hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Panduan Pengurusan Geran

Bagi memastikan geran yang diterima dari Kementerian Kewangan diuruskan dengan teratur dan sistematik, garis panduan yang lengkap hendaklah disediakan. Garis panduan berkenaan perlu untuk dijadikan panduan kepada semua pihak yang mengurus, memantau dan melaksanakan projek seperti ditetapkan dalam objektif geran. Khazanah telah menyediakan *The Accounting and Monitoring of Government Grants Guidelines* pada 3 April 2009 untuk memastikan akauntabiliti dan pemilikan geran serta memantau penggunaan geran. Semakan Audit mendapati panduan ini adalah tidak menyeluruh dan hanya memberi tumpuan kepada perakaunan dan pemantauan geran. Kemudian pada tahun 2011 Khazanah telah menyediakan *Grant Management Guidance Document* sebagai panduan dalam pengurusan geran. Kandungan Garis Panduan berkenaan didapati lengkap dan komprehensif meliputi aspek permohonan geran hinggalah ke peringkat pembayaran geran kepada pelaksana geran. Semakan Audit selanjutnya mendapati, selepas dokumen berkenaan berkuat kuasa, tiada geran baru diterima oleh Khazanah. Adalah didapati aspek pembayaran geran telah dilaksanakan mengikut panduan yang terdapat dalam *Grant Management Guidance Document*. **Namun begitu, aspek lain seperti perbincangan dengan pihak Kerajaan (Engagement with Awarding Government Agency) dan Persetujuan Terma dan Syarat (Formalisation of Terms and Condition) tidak dilaksanakan.**

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013

Khazanah telah mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan untuk geran KKU-Heritage pada bulan Februari 2010. Manakala bagi geran PINTAR perbincangan dibuat pada bulan Julai 2012.

ii. Surat Pemberian Geran

Geran sepatutnya diserahkan berserta dengan Surat Pemberian (Letter of Award) serta salinan baucar bayaran dari pihak Akauntan Negara Malaysia. Surat Pemberian sepatutnya menyatakan dengan jelas tujuan pemberian geran, tempoh pelaksanaan geran, pemantauan dan keperluan pelaporan kepada Kementerian atau agensi yang berkenaan. Namun begitu semakan Audit terhadap 4 sampel geran yang dipilih mendapati **pemberian geran bagi program PINTAR berjumlah RM20 juta tidak disertakan dengan sebarang dokumen daripada Kementerian Kewangan**. Pihak Pintar Foundation (agensi pelaksana program PINTAR) dan Khazanah memaklumkan mereka menerima geran berkenaan tanpa sebarang Surat Pemberian. Tanpa surat/ dokumen sokongan dari Kementerian Kewangan, pihak Audit tidak dapat mengenal pasti dan mengesahkan tujuan geran dan juga syarat dan terma kepada geran berkenaan. Di samping itu keperluan pemantauan dan pelaporan juga tidak dapat kenal pasti.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013

Pada 13 Ogos 2012, Pintar Foundation telah menulis surat kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan surat pemberian geran. Surat makluman penyaluran peruntukan bagi dana pelancaran kepada Pintar Foundation telah diterima pada 15 April 2013. Pihak Khazanah akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan Surat Pemberian Geran diserahkan bagi setiap geran yang diterima.

Kementerian Kewangan hendaklah memastikan setiap geran yang diterima disertakan bersama surat pemberian bagi memudahkan pengurusan dan pemantauan geran.

iii. Terma Dan Syarat Geran

Pemberian geran hendaklah disokong dengan terma dan syarat geran yang menjelaskan objektif geran, penggunaan geran dan kaedah pemantauan geran. Semakan Audit mendapati 3 daripada 4 geran yang disemak tidak mempunyai terma dan syarat yang jelas dari Kementerian Kewangan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.14
PENERIMAAN GERAN TANPA TERMA DAN SYARAT YANG JELAS

NAMA GERAN	JUMLAH (RM Juta)	RUJUKAN SURAT DARI KEM. KEWANGAN	PERIHAL GERAN	TERMA DAN SYARAT GERAN
KKU-Heritage	20	KK/BP/KEW10/18/31/2-29Jld.9[SK1/2009](52)	Membiayai pemulihan tapak warisan dunia di Pulau Pinang	Tidak Dinyatakan
KKU-Nursing	30	KK/BP/KEW10/18/31/2-29Jld.9[SK1/2009](52)	Mewujudkan pusat latihan jururawat tidak bermotifkan keuntungan di Koridor Utara	Tidak Dinyatakan
PINTAR	20	Tiada	Tidak Dinyatakan	Tidak Dinyatakan
i-SHARP	54	B(3.00)202/5-38 sk.5( )	Membiayai komponen Projek *Integrated Aquaculture Shrimp Park*	Dinyatakan di dalam surat pemberian geran

Akibat ketiadaan terma dan syarat geran yang jelas, beberapa kelemahan berikut telah dikenal pasti:

- **Tiada Penetapan Had Dan Jenis Perbelanjaan**

  Bagi pelaksanaan geran, Khazanah telah menubuhkan anak syarikat yang bertanggungjawab melaksana dan memastikan objektif geran tercapai. Analisis telah dijalankan terhadap perbelanjaan geran sejak penerimaannya sehingga 31 Disember 2011. Hasil analisis Audit mendapati perbelanjaan geran terbahagi kepada 2 kategori iaitu perbelanjaan pentadbiran yang melibatkan kos operasi seperti gaji, elaun, sewa pejabat, yuran audit dan lain-lain. Manakala perbelanjaan program adalah perbelanjaan khusus untuk pelaksanaan program selaras dengan objektif geran seperti kos kursus, kos projek, dan belanja lain yang khusus bagi tujuan program. Hasil analisis menunjukkan 2 geran mempunyai peratus perbelanjaan pentadbiran yang tinggi iaitu antara 50% hingga 75.2% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.15
ANALISIS PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM SETAKAT 31 DISEMBER 2011

NAMA GERAN	PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2011				
	PENTADBIRAN		PROGRAM		JUMLAH
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)
KKU-Heritage	2.25	31.2	4.97	68.8	7.22
KKU-Nursing	1.18	75.2	0.39	24.8	1.57*
PINTAR	3.58	50.0	3.59	50.0	7.18
i-SHARP	-	-	54.00	100.0	54.00

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Yang Diaudit
Nota : (*) - Tidak Termasuk Pembelian Aset

Perbelanjaan pentadbiran bagi geran KKU-Nursing didapati berjumlah RM1.18 juta yang merangkumi 75.2% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Manakala bagi geran PINTAR, perbelanjaan pentadbiran adalah berjumlah RM3.58 juta (50%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Antara perbelanjaan yang menyumbangkan kepada perbelanjaan pentadbiran yang tinggi adalah perbelanjaan ubah suai ruang pejabat di Tower A, Menara UOA Bangsar berjumlah RM440,498 dan sewa ruang pejabat Pintar Foundation berjumlah RM11,032. Jumlah sewa yang telah dibayar sepanjang tempoh tahun 2011 dan 2012 berjumlah RM240,272. Semakan lanjut terhadap butiran perbelanjaan pentadbiran mendapati jenis perbelanjaan lain yang dilibatkan adalah pembayaran gaji dan elaun, yuran profesional, perjalanan dalam dan luar negeri serta belanja am pejabat. Peratus perbelanjaan pentadbiran yang terlalu tinggi boleh memberi kesan kepada pelaksanaan program utama geran.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013

Operasi Pintar Foundation ditadbir oleh Memorandum Persatuan Pintar Foundation. Perancangan dan belanjawan PINTAR diluluskan oleh Pemegang Amanah (Board of Trustee). PINTAR juga dipantau oleh Khazanah dengan mengemukakan laporan kewangan bulanan kepada Khazanah. Pihak Lembaga Pengarah AHCoE telah dimaklumkan mengenai perkara ini dan akan sentiasa memantau kos operasi dan kos program.

Pada pendapat Audit, proses kelulusan rancangan dan belanjawan yang dilaksanakan oleh Pintar Foundation adalah baik. Kementerian Kewangan perlu memastikan Khazanah menyediakan polisi/garis panduan yang jelas berhubung perbelanjaan untuk setiap geran sebelum diserahkan kepada agensi pelaksana. Garis panduan ini digunakan sebagai penanda aras oleh agensi pelaksana dalam penyediaan rancangan dan belanjawan tahunan. Polisi mengenai jenis/had perbelanjaan hendaklah ditentukan dengan jelas untuk mengawal perbelanjaan dan memastikan agar pelaksanaan program utama geran tidak terjejas akibat perbelanjaan pentadbiran yang terlalu tinggi.

- **Tiada Jangkaan Tempoh Penggunaan Geran**

  Geran yang diberikan mempunyai objektifnya tersendiri dan bagi mencapai objektif tersebut tempoh pelaksanaannya perlu ditetapkan. Semakan Audit mendapati semua 4 sampel geran yang disemak

tidak mempunyai tempoh pelaksanaan. Ini mengakibatkan geran KKU-Nursing yang diuruskan oleh Allied Healthcare Centre of Excellence (AHCoE) lewat digunakan. Walaupun peruntukan geran telah diterima pada bulan Februari 2009, AHCoE hanya membelanjakan RM5.89 juta (19.6%) daripada RM30 juta yang diperuntukkan pada 31 Disember 2012. Jika dilihat dari aspek pelaksanaan program, AHCoE ditubuhkan setahun selepas penerimaan geran iaitu pada bulan Mac 2010, dan hanya 3 program berjaya dilaksanakan pada tahun berkenaan. Salah satu sebab kelewatan membelanjakan peruntukan geran adalah kerana tiada penetapan tempoh geran dan pihak Kerajaan sendiri tidak menetapkan tempoh masa sebenar bila dana geran berkenaan perlu digunakan sepenuhnya.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013

Penggunaan geran ini adalah sejajar dengan pelan perniagaan yang dicadangkan dan belanjawan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah AHCOE.

Pada pendapat Audit, walaupun pelan perniagaan dan belanjawan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah agensi pelaksana, tempoh penggunaan geran hendaklah selari dengan keputusan Kementerian Kewangan selaku pemberi geran.

- **Tiada Penetapan Impak Selepas Pelaksanaan Geran**

  Pemberian geran adalah bagi menyokong sesuatu inisiatif yang selari dengan rancangan Kerajaan untuk membangunkan negara dan juga pelan strategik Khazanah. Sehubungan itu, pemberian geran sepatutnya memberi impak kepada negara dan rakyat. Semakan Audit mendapati, impak daripada pelaksanaan geran tidak ditetapkan. Tanpa penetapan impak, adalah sukar untuk menilai prestasi dan keberkesanan geran berkenaan. Sebagai contoh, pemberian geran KKU-Nursing adalah bagi mewujudkan pusat latihan jururawat tidak bermotifkan keuntungan di Koridor Utara. Bagaimanapun, tiada penetapan impak seperti sejauh mana pusat latihan ini sepatutnya memberi manfaat kepada industri penjagaan kesihatan di Malaysia. Bagi geran PINTAR pula, geran adalah untuk mempromosi kebijaksanaan, memupuk bakat dan pembinaan sahsiah. PINTAR merupakan program sekolah angkat yang diterajui oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di Malaysia untuk mengukuhkan kecemerlangan akademik di kalangan kanak-kanak

luar bandar di seluruh negara. Pintar Foundation ada menyediakan KPI dalam pemantauan pencapaian akademik sekolah angkat PINTAR melalui pencapaian UPSR, PMR dan SPM; rekod kedatangan ke sekolah; dan kadar kelulusan LINUS. Bagaimanapun, KPI ini tidak menilai impak program PINTAR secara khusus yang mana indikator yang digunakan hanya merujuk kepada hasil pencapaian akademik sahaja. Terdapat faktor/usaha pihak lain yang menyumbang kepada pencapaian KPI berkenaan.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013

Khazanah berpandangan semua geran yang diberikan kepada Khazanah adalah dengan mandat dan objektif tertentu. Impak yang diperoleh dari geran kepada masyarakat dan negara perlu dinilai oleh agensi pemberi geran tersebut. Khazanah mengambil maklum atas syor Audit dan bersedia menjalankan perbincangan dan penilaian impak selepas pelaksanaan geran, jika diminta oleh Kementerian Kewangan.

Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 21 Mei 2013

Kementerian Kewangan mengambil maklum teguran yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara dan akan mengambil tindakan seperti yang dicadangkan bagi tujuan pemantauan dari segi prestasi pengurusan dana, perbelanjaan dan impak pelaksanaan program yang telah dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan geran di peringkat perancangan dan pemantauan adalah kurang memuaskan. Kelemahan dalam perancangan geran mengakibatkan geran diurus mengikut budi bicara pelaksana tanpa panduan yang jelas.

iv. Pemeriksaan Fizikal Aktiviti Geran

Untuk memastikan aktiviti geran telah dilaksanakan dengan teratur, pihak Audit telah membuat lawatan di pejabat agensi pelaksana geran. Di samping semakan dokumen di pejabat agensi berkenaan, lawatan ke tapak projek juga telah dilakukan untuk memastikan projek telah dilaksanakan selaras dengan kehendak geran serta mencapai objektif pemberiannya. Penemuan Audit bagi setiap geran yang disemak adalah seperti di perenggan berikut:

- **KKU-Heritage**

  Kementerian Kewangan telah menyalurkan geran berjumlah RM20 juta kepada Khazanah untuk membiayai pemulihan tapak warisan dunia di Pulau Pinang. Pelaksanaan program geran telah

dilaksanakan oleh Khazanah melalui anak syarikatnya Think City Sdn. Bhd. (TCSB) yang bertindak sebagai agensi pelaksana. Setakat 5 Disember 2012, sebanyak 175 projek pemuliharaan telah diluluskan untuk pelaksanaan yang melibatkan kos berjumlah RM14.96 juta. Di samping itu, 35 aktiviti promosi (Stakeholders Briefing) telah dilaksanakan bagi memperkenalkan geran ini dan menjelaskan proses permohonan dan kelulusan geran. Bagi memastikan proses permohonan dan pembayaran geran berjalan dengan lancar, TCSB telah menyediakan beberapa garis panduan yang merangkumi peringkat permohonan, penilaian, pemantauan dan pembayaran. Semakan Audit terhadap 20 sampel fail projek mendapati semua prosedur dari kelulusan permohonan sehingga pembayaran kepada pemohon adalah teratur.

- **KKU-Nursing**

  Geran KKU-Nursing berjumlah RM30 juta dilaksanakan oleh *Allied Health Centre of Excellence* (AHCoE). AHCoE merupakan sebuah organisasi bukan bermotifkan keuntungan dan diperbadankan sebagai sebuah Syarikat Berhad Dengan Jaminan pada 10 Mac 2010. Antara objektif penubuhan AHCoE adalah sebagai penganjur latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi di dalam industri penjagaan kesihatan. Setakat 20 Disember 2012, AHCoE telah menganjurkan 83 program yang dihadiri oleh 3,334 peserta sekitar Pulau Pinang. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program AHCoE adalah teratur. Bagaimanapun, AHCoE didapati tidak menjana pulangan modal dari program yang dianjurkannya. AHCoE mengenakan bayaran bagi semua kursus yang dikendalikannya. Bayaran yang dikenakan adalah berdasarkan kepada jenis dan tempoh kursus yang ditawarkan. Penyertaan dari hospital dan klinik Kerajaan adalah secara percuma. Semakan Audit terhadap Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan setiap program mendapati daripada 43 program yang disemak, hanya 9 program mencatatkan keuntungan atau memberikan pulangan modal. Baki 34 program mencatatkan kerugian antara RM863 hingga RM20,814 bagi setiap program.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013

Pada awal penubuhan AHCoE, organisasi ini perlu menarik minat Komuniti Kesihatan Bersekutu dan pertubuhan berkaitannya. Geran yang digunakan pada tahun 2010 hingga 2013 adalah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih besar dan mengukur keperluan untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu program. Program pada masa hadapan akan

berdasarkan pendekatan cost plus, bila mana peserta akan dikenakan bayaran yang sewajarnya untuk memastikan kelangsungan AHCoE.

Pada pendapat Audit, pengurusan geran KKU-Nursing telah dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun, pihak AHCoE perlu memberi perhatian kepada pendapatan dari program untuk memastikan kelangsungan AHCoE. Jika setiap program yang dilaksanakan tidak membawa pulangan modal, AHCoE mungkin tidak berjaya meneruskan aktivitinya dan menampung kos operasinya pada masa hadapan.

- **PINTAR**

  Pintar Foundation ditubuhkan pada 5 Ogos 2008 dengan aktiviti utamanya adalah untuk mempromosi kebijaksanaan, memupuk bakat dan membina sahsiah (Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating Responsibility-PINTAR). PINTAR merupakan program sekolah angkat yang diterajui oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di Malaysia untuk mengukuhkan kecemerlangan akademik di kalangan kanak-kanak luar bandar di seluruh Negara. Sejak penubuhannya, Pintar Foundation yang menerima peruntukan geran berjumlah RM20 juta telah melaksanakan 1,161 program di 309 sekolah angkat seluruh Malaysia. Jenis program yang dilaksanakan oleh PINTAR adalah Unit Bergerak PINTAR, Cabaran BattleBOT, Persediaan Menghadapi Bencana Untuk Sekolah PINTAR, Latihan Asas Bantuan Hidup PINTAR, PINTAR *Go Green School Programme,* dan Alumni PINTAR. Program yang dilaksanakan oleh Pintar Foundation disertai oleh guru dan murid. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program PINTAR mendapati Pintar Foundation telah melakukan beberapa perbelanjaan besar yang menyebabkan perbelanjaan pentadbiran tinggi berbanding dengan perbelanjaan program iaitu berjumlah RM3.59 juta. Sebagai sebuah yayasan yang tidak bermotifkan keuntungan dan bergantung kepada geran Kerajaan, Pintar Foundation sepatutnya berbelanja dengan lebih berhemat bagi memastikan sebahagian besar geran yang diterima digunakan untuk program tujuan geran berkenaan.

- **i-SHARP**

  Pada tahun 2009, geran berjumlah RM54 juta untuk komponen projek *Integrated Aquaculture Shrimp Park* (i-SHARP) telah diluluskan untuk pelaksanaan oleh Blue Archipelago Berhad secara *built, transfer and operate*. Projek ini adalah bagi pembinaan infrastruktur baru di ladang ternakan udang Setiu, Terengganu.

Komponen projek berserta kos setiap komponen yang diluluskan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.16
KOMPONEN PROJEK i-SHARP BERSERTA KOS YANG DILULUSKAN

KOMPONEN	KOS (RM Juta)
Pembinaan infrastruktur kritikal (Sea Water Intake System)	38.50
Pembinaan infrastruktur yang melibatkan menaik taraf keupayaan elektrik dan bekalan air	15.50
JUMLAH	**54.00**

Sebagai agensi pelaksana, Blue Archipelago Berhad telah memulakan proses tender untuk kesemua komponen projek yang diluluskan. Projek ini telah dipecahkan kepada 4 pakej dan 4 kontraktor telah dilantik bagi menyiapkan projek ini. Butiran lengkap mengenai kos projek, kontraktor dan status projek setakat bulan Disember 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.17
STATUS PROJEK SETAKAT DISEMBER 2012

KONTRAKTOR	PAKEJ	KOS (RM Juta)	TARIKH			CATATAN
			MULA	SIAP ASAL	SIAP SEBENAR	
Perunding	Kerja Awalan	3.29	-	-	-	-
Ranhill Engineers And Constructors Sdn. Bhd.	*Water Intake System*	46.00	24.12.2009	30.10.2010	Belum siap	EOT 1 sehingga 03.12.2010 Kontrak telah ditamatkan pada 12.08.2012
Warga Sanjung Sdn. Bhd.	Jalan Masuk Utama Dan Infrastruktur Utiliti	7.87	03.12.2009	02.10.2010	02.12.2010	EOT 1 sehingga 02.12.2010
Ramlah Abdul Rahman Sdn. Bhd.	Sub Stesen 33KV Dan Tangki Air	3.69	15.07.2010	16.01.2011	27.06.2011	EOT 1 sehingga 10.02.2011
Nadi Cergas Sdn. Bhd.	Peralatan Elektrik dan Sub Stesen 11KV	4.40	22.11.2010	22.05.2011	Belum siap	EOT 2 sehingga 17.09.2012 EOT 3 masih belum diluluskan
JUMLAH		**65.25**				

Untuk memastikan pelaksanaan projek adalah teratur dan memberi manfaat kepada pengguna, pemeriksaan fizikal telah dijalankan pada 27 Disember 2012 dan mendapati perkara seperti berikut:

- **Projek Belum Diserahkan Kepada Agensi Kerajaan**

  Surat Pemberian Geran dari Kementerian Kewangan bertarikh 21 Julai 2009 menetapkan komponen projek yang dibiayai oleh Kerajaan hendaklah diserah milik kepada Kerajaan/pihak Kerajaan apabila siap. Pada 29 Jun 2011, satu mesyuarat bagi membincangkan penyerahan semula projek i-SHARP kepada pihak Kerajaan telah diadakan antara wakil Kementerian Kewangan, Jabatan Perikanan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Majlis Daerah Setiu dan Blue Archipelago Berhad. Mesyuarat berkenaan telah memutuskan agar komponen projek diserahkan kepada agensi seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.18
PENYERAHAN KOMPONEN PROJEK KEPADA AGENSI KERAJAAN

KOMPONEN	AGENSI KERAJAAN
Sea Water Intake System	Jabatan Perikanan
Jalan Masuk Utama	Jabatan Kerja Raya
Tangki Air	Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU)
Sub Stesen 33KV	Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Semakan Audit pada bulan Disember 2012 mendapati, komponen jalan masuk utama, tangki air dan sub stesen 33KV telah siap. Komponen sub stesen 33KV telah diserahkan kepada TNB pada bulan Oktober 2011. Manakala bagi komponen tangki air, surat penyerahan telah dihantar kepada Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. pada 18 Disember 2012 selepas Blue Archipelago Berhad mengambil tindakan terhadap semua ulasan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. semasa pemeriksaan bersama pada 21 Mei 2012. **Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk mengambil alih tangki air berkenaan.** Semakan Audit selanjutnya mendapati **komponen jalan masuk utama yang siap pada 2 Disember 2010 masih belum diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR).** Tempoh tanggungan kecacatan (Defect Liability Period-DLP) projek telah tamat pada 2 Disember 2011. Semakan terhadap fail projek mendapati tiada usaha diambil oleh Blue Archipelago Berhad untuk menyerahkan komponen ini kepada JKR. Sehubungan dengan itu, sebab projek ini masih belum diserahkan walaupun telah siap dan digunakan selama hampir 2 tahun tidak dapat ditentukan.

Kegagalan Blue Archipelago Berhad menyerahkan projek ini kepada JKR telah menyebabkan Blue Archipelago Berhad terpaksa menanggung semua kos penyenggaraan dan pembaikan jalan berkenaan. Semasa banjir melanda Daerah Setiu pada bulan Disember 2012, jalan berkenaan telah ditenggelami air dan mengalami kerosakan yang teruk. Jalan ini telah putus dan menyebabkan ladang ternakan udang tidak dapat diakses menggunakan jalan darat seperti di gambar berikut:

GAMBAR 28.1



Jalan Akses Ke Ladang Ternakan Udang i-SHARP, Penarek, Setiu, Terengganu
- Jalan Ditenggelami Air Dan Terputus Menyebabkan Ladang Ternakan Udang Tidak Dapat Diakses Menggunakan Jalan Raya
(27.12.2012)

GAMBAR 28.2



Jalan Akses Ke Ladang Ternakan Udang i-SHARP, Penarek, Setiu, Terengganu
- Jalan Rosak Akibat Banjir
(27.12.2012)

GAMBAR 28.3



Jalan Akses Ke Ladang Ternakan Udang i-SHARP, Penarek, Setiu, Terengganu
- Jalan Yang Terputus Menyebabkan Ladang Ternakan Udang Tidak Dapat Diakses Menggunakan Jalan Raya
(27.12.2012)

GAMBAR 28.4



Jalan Akses Ke Ladang Ternakan Udang i-SHARP, Penarek, Setiu, Terengganu
- Infrastruktur Jalan Yang Rosak Akibat Banjir
(27.12.2012)

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013

Pemeriksaan muktamad telah diadakan pada bulan Mac 2013 di mana pihak Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) telah bersetuju menerima serah milik tangki air. Pada 24 April 2013 pihak SATU menyatakan tiada apa-apa halangan untuk menerima komponen bangunan tersebut secara fizikal. Pihak Blue Archipelago Berhad juga telah berhubung dengan Jabatan Bekalan Air Terengganu dan sedang dalam proses penyediaan Pre Computation Plan untuk sempadan tapak dan mendapatkan persetujuan

dari pihak Lembaga Tabung Warisan Anak Negeri Terengganu selaku tuan tanah bagi kelulusan penyerahan. Tindakan penyerahan tangki air adalah pada akhir Jun 2013. Pihak JKR masih belum menerima penyerahan dan mentauliahkan jalan tersebut kerana sebahagian jalan telah rosak disebabkan banjir pada bulan Disember 2011, ini adalah sebelum pemeriksaan akhir bersama JKR dapat dilaksanakan. Kini, pihak Blue Archipelago Berhad sedang dalam proses perbincangan bagi mendapatkan kelulusan dan persetujuan pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran bagi reka bentuk yang memenuhi keperluan semasa. Kerja naik taraf tersebut dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2014.

- **Projek Gagal Disiapkan**

  Komponen *Sea Water Intake System* merupakan komponen terbesar yang bernilai RM46 juta. Kontrak pembinaan telah ditawarkan kepada Ranhill Engineers and Constructors Sdn. Bhd. (Ranhill). Semakan Audit mendapati projek ini gagal disiapkan oleh kontraktor dan Notis Bagi Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 16 Ogos 2012. Manakala Notis Penamatan Kontrak telah dikeluarkan pada 3 Disember 2012 dan berkuat kuasa mengikut tarikh notis dikeluarkan. Mengikut tuntutan Ranhill pada 15 November 2011, kemajuan kerja adalah 97.5%. Bagaimanapun, Blue Archipelago Berhad mengesahkan kemajuan kerja setakat 3 Disember 2012 adalah 92.1%. Bayaran interim kepada kontraktor utama setakat tarikh penamatan kontrak adalah berjumlah RM42.21 juta dan Nilai Baki Kerja Yang Belum Disiapkan kontraktor utama berjumlah RM2.19 juta. Berdasarkan penjelasan Blue Archipelago Berhad, kegagalan kontraktor utama menyiapkan kerja adalah disebabkan kekurangan peralatan; kontraktor menghadapi masalah kewangan; kontraktor utama tidak membayar subkontraktor; dan skop kerja memerlukan *specialist sub-contractor*. Pada 8 September 2011, *functional test* yang dijalankan mendapati saluran paip di dasar laut telah pecah. Sehubungan itu, Blue Archipelago Berhad telah memasang struktur sementara bagi pengambilan air laut dapat di pam ke ladang udang untuk ia beroperasi. Sehingga ke tarikh pengauditan ia masih menggunakan struktur sementara tersebut. Semakan Audit juga mendapati, akibat kelewatan menyiapkan projek dan tapak projek ditinggalkan tanpa kawalan keselamatan yang secukupnya telah menyebabkan berlaku kes kecurian kabel di rumah pam dan membahayakan orang awam (**Gambar 28.6** hingga **28.8**).

Komponen yang belum disiapkan oleh kontraktor asal adalah seperti di **Jadual 28.19** dan **Gambar 28.5**.

JADUAL 28.19
KOMPONEN PROJEK YANG GAGAL DISIAPKAN

KOMPONEN	SIAP (%) Pada 30.09.2012
Manhole & Penstock – Building Works	5.0
Manhole & Penstock – Fencing & Gates	0.0
Manhole & Penstock – Access Road & Drains	0.0
Manhole & Penstock – Hand Railing	70.0
Manhole & Penstock – M&E Work Related	0.0
Manhole & Penstock – Repairing Leak at Manhole	5.0
Airvent Manhole - Handrail	70.0
Airvent Manhole – S.S Coverplate At Access Manhole	70.0
Airvent Manhole – Ladder s/s	70.0

GAMBAR 28.5



Ladang Ternakan Udang i-SHARP
- Komponen Manhole & Penstock Building
Yang Masih Belum Siap
(27.12.2012)

GAMBAR 28.6



Ladang Ternakan Udang i-SHARP
- Komponen Kabel Yang Perlu Diganti
Setelah Kabel Asal Dicuri
(27.12.2012)

GAMBAR 28.7



GAMBAR 28.8



Tapak Manhole Building & Penstock, Penarek, Setiu, Terengganu
- Pagar Yang Telah Rosak Dan Runtuh Menyebabkan Tapak Projek
Boleh Dimasuki Dan Membahayakan Orang Awam
(27.12.2012)

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013

Blue Archipelago Berhad telah melaksanakan hak ke atas Performance Bond pada Disember 2012 berjumlah RM2.3 juta. Tindakan undang-undang terhadap Ranhill bagi breach of contract serta tuntutan Liquidated Ascertained Damages setelah Final Account selesai sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada 30 Jun 2013. Pihak Blue Archipelago Berhad telah melantik subkontraktor Ranhill untuk menyiapkan baki kerja, pagar keselamatan di sekeliling projek dan Nearshore Manhole. Projek dijangka selesai pada 30 Ogos 2013. Blue Archiepelago Berhad juga telah menempatkan pengawal keselamatan sepenuh masa dan menambah barbed wire di sekeliling pagar bahagian luar dan dalam pump house dan juga perimeter fencing bagi mengelakkan kecurian.

- **Arahan Pegawai Penguasa (SOI) Dan Arahan Perubahan Kerja (VO) Belum Dikeluarkan**

  Pemeriksaan fizikal di rumah pam bagi projek *Sea Water Intake System* mendapati beberapa item dalam *Bill Of Quantity* (BQ) berjumlah RM83,966 tidak dilaksanakan oleh kontraktor. Perunding yang turut serta semasa pemeriksaan Audit menerangkan bahawa item tersebut merupakan Arahan Perubahan Kerja Kurangan (VO omission). Namun begitu semakan Audit terhadap fail projek, tiada bukti Arahan Perubahan Kerja ataupun SOI telah dikeluarkan kepada kontraktor. Semakan terhadap Sijil Bayaran Kemajuan No.24 yang terakhir dikeluarkan pada 4 November 2011 kepada Ranhill mendapati tiada sebarang VO diambil kira dalam bayaran kemajuan berkenaan. Antara item BQ yang dikenal pasti tidak dilaksanakan oleh kontraktor semasa pemeriksaan fizikal pada 27 Disember 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.20
ITEM BQ YANG TIDAK DILAKSANAKAN OLEH KONTRAKTOR

RUJUKAN BQ	ITEM	UNIT	KUANTITI	KADAR/UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
BQ4-12 (Addendum No.2)	*Supply and install 1200x600x15mm thick "ÄRMSTRONG RH 90" fissured mineral fibre board ceiling, suspended on "CONSMAT RIGIDLOCK"ceiling suspension system or approved equavalent, all to manufacturer's specifications to all areas specified.*	meter persegi	255	133.20	33,966

RUJUKAN BQ	ITEM	UNIT	KUANTITI	KADAR/UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
BQ7-4 (Addendum No.2)	*Electric motor driven portable submersible seawater dewatering pumpset rated at 15 litre/sec @20 m head c/w electrical power cables, pump power cables (suitable length with no cable joint shall be allowed from pumpset to the power supply connection), head socket, flexible hoses & coupling and all other required and necessary accessories and works for a complete system.*	set	2	25,000	50,000
JUMLAH					**83,966**

Kegagalan mengeluarkan SOI dan VO terhadap komponen yang tidak dibuat boleh membawa risiko ketinggalan dalam membuat pelarasan terhadap harga kontrak dan Blue Archipelago Berhad terlebih bayar kepada kontraktor bagi komponen kerja berkenaan. Tambahan pula Lampiran B kepada senarai baki kerja yang belum siap telah menyatakan komponen rumah pam telah disiapkan 100 peratus.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013

Pihak Blue Archipelago Berhad dan Ranhill telah memulakan proses untuk menetapkan Final Accounts di mana pemeriksaan bersama di tapak telah diadakan pada 13 Mac 2013 untuk menentukan kuantiti dan amaun akhir kontrak tersebut. Bagi kerja yang belum dilaksanakan oleh Ranhill, Arahan Pegawai Penguasa dan Arahan Perubahan Kerja akan dikeluarkan kepada Ranhill untuk menentukan Final Termination Costs. Final Accounts dijangka selesai pada 30 Jun 2013.

Pada pendapat Audit, objektif pemberian geran iSHARP masih belum tercapai sepenuhnya disebabkan kegagalan menyiapkan komponen *Sea Water Intake System* yang merupakan komponen utama geran.

28.5.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan pengurusan risiko yang berkesan serta wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, Khazanah telah mengguna pakai Rangka Kerja Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko (Governance and Risk Management Framework).

28.5.3.1. Tadbir Urus Korporat

Pihak Audit mendapati pada umumnya Khazanah telah mematuhi peraturan yang ditetapkan berkenaan tadbir urus korporat iaitu bagi pelantikan Ahli Lembaga Pengarah, kekerapan mesyuarat lembaga pengarah dan pelaksanaan Unit Audit Dalam. Bagaimanapun, keahlian Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah tidak selaras dengan pekeliling berkuat kuasa. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Semakan Audit mendapati Khazanah telah menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Risiko pada 12 Ogos 1994 sebagai *Sub-Committee* di bawah Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah telah melantik 2 orang Pengarah Bukan Eksekutif Khazanah untuk menganggotai Jawatankuasa Audit Dan Risiko seperti yang ditetapkan di dalam *The Audit and Risk Committee Charter* yang dikeluarkan oleh Khazanah pada 1 April 2008. Bagaimanapun, keahlian jawatankuasa adalah tidak selari dengan amalan terbaik yang dicadangkan dalam *Malaysia Code Of Corporate Governance* iaitu Jawatankuasa Audit hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurang 3 ahli yang majoritinya adalah bebas.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013

Berikutan peletakan jawatan salah seorang Ahli Jawatankuasa Audit Dan Risiko pada tahun 2006, bilangan keahlian telah dikurangkan kepada 2 orang dengan kelulusan Lembaga Pengarah pada tahun 2006.

Pada pendapat Audit, Khazanah boleh meminda *The Audit and Risk Committee Charter* yang dikeluarkan olehnya dan melantik seorang individu untuk menganggotai Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan.

28.5.3.2. Pengurusan Kewangan Syarikat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat perlu mengawal dengan rapi kos operasi dan memperkemaskan peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Perbandingan kos operasi perlu dibuat dengan syarikat swasta yang terlibat dalam aktiviti yang sama. Bagi syarikat yang terlibat dalam tanggungjawab sosial, pencapaian objektif dan implikasi kewangannya perlu diperjelaskan. Ini adalah perlu bagi mengimbangi pencapaian objektif. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berlaku dalam pengurusan kewangan Khazanah seperti berikut:

a. Pengurusan Perolehan

Proses perolehan di Khazanah terbahagi kepada perolehan *Centralised* yang diuruskan oleh Bahagian *Corporate Support Service* (CSS) dan *Non-centralised* yang diuruskan oleh setiap bahagian di Khazanah. Berdasarkan kepada Manual Prosedur Perolehan bertarikh 1 Oktober 2011, terdapat 3 kaedah perolehan bagi item *centralised* dan *Non-centralised*, iaitu perolehan secara langsung (Direct Procurement), permohonan melalui sebut harga (Request For Quotation) dan permohonan melalui cadangan (Request For Proposal). Objektif setiap kaedah perolehan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.21
OBJEKTIF KAEDAH PEROLEHAN

KAEDAH PEROLEHAN	OBJEKTIF
Direct Procurement	Untuk menyediakan satu proses berstruktur bagi memenuhi keperluan perolehan Unit Perolehan dan bahagian lain apabila berurusan dengan pembekal (vendor) pilihan Khazanah.
Request For Quotation	Untuk menyediakan satu proses berstruktur bagi mendapatkan sebut harga yang kompetitif (termasuk pembekal alternatif di dalam pasaran) dan pemilihan pembekal yang berkelayakan.
Request For Proposal	Untuk menyediakan satu proses berstruktur bagi mengenal pasti dan menilai pembekal yang ada di dalam pasaran untuk mencapai hasil yang paling baik berdasarkan perspektif kewangan, teknikal dan komersial.

Semakan Audit terhadap perolehan yang dilakukan oleh Bahagian CSS bagi item *centralised* mendapati perkara berikut:

i. Tiada Kriteria Di Dalam Menentukan Kaedah Perolehan, Penekanan Hanya Pada Kelulusan Perolehan Berdasarkan Kepada LOA

Semakan Audit terhadap Manual Prosedur Perolehan Khazanah mendapati tiada kriteria yang ditetapkan bagi menentukan kaedah perolehan yang perlu digunakan. Berdasarkan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab, kaedah perolehan yang digunakan oleh Bahagian CSS adalah secara *Direct Procurement* dan *Request for Quotation* sahaja untuk semua perolehan sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2012. Analisis terhadap *Internal Purchase Record CSS* mendapati perolehan sejumlah RM33.39 juta telah dilaksanakan dengan kaedah *Direct Procurement* atau *Request For Quotation.* Lingkungan harga perolehan antara RM4.80 hingga RM4.11 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.22
RINGKASAN PEROLEHAN ITEM *CENTRALISED* BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2012

TAHUN	JUMLAH PEROLEHAN (RM Juta)	LINGKUNGAN (RANGE) HARGA SETIAP SATU PEROLEHAN	KAEDAH PEROLEHAN YANG DIGUNAKAN
2009	11.00	RM4.80 hingga RM4,112,833	*Direct Procurement atau Request For Quotation*
2010	5.18	RM23.00 hingga RM524,359	*Direct Procurement* atau *Request For Quotation*
2011	12.93	RM10.40 hingga RM3,175,621	*Direct Procurement* atau *Request For Quotation*
2012	4.28	RM 5.50 hingga RM825,317	*Direct Procurement atau Request For Quotation*
JUMLAH	**33.39**		

Nota : ***(*) - Amaun Yang Diambil Kira Di Dalam Perkiraan Di Atas Tidak Termasuk Transaksi Yang Melibatkan Mata Wang Selain Ringgit Malaysia (Contohnya USD dan SGD)***

Tanpa penentuan kriteria yang jelas, bermakna perolehan boleh dilaksanakan secara terus tanpa mengambil kira nilai perolehan. Walaupun Khazanah telah menetapkan penggunaan kaedah perolehan yang digariskan di dalam *Exhibit 3.2.1, The Red Book: Procurement Guidelines & Best Practices,* namun kaedah *Request For Proposal* yang membolehkan Khazanah mengenal pasti dan menilai pembekal terbaik yang ada di dalam pasaran berdasarkan perspektif kewangan, teknikal dan komersial tidak pernah digunakan sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2012. Semakan Audit selanjutnya terhadap sampel 31 PR bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2011 mendapati semua perolehan telah mendapat kelulusan seperti yang ditetapkan di dalam LOA. Dokumen sokongan seperti borang PR, *quotation* dan kertas kerja kelulusan ada dikembarkan pada dokumen perolehan.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013

Khazanah telah mengemas kini Garis Panduan Perolehan yang menggariskan dengan lebih terperinci mengenai kaedah perolehan. Garis panduan baru ini telah diguna pakai oleh Bahagian CSS. Selanjutnya Manual Prosedur Perolehan juga akan dikemas kini setelah disemak oleh Unit Risiko dan pengurusan pada suku ke-3 tahun 2013.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan Khazanah masih boleh dipertingkatkan dengan meluaskan penggunaan Garis Panduan Perolehan yang baru kepada semua bahagian di Khazanah.

b. Pengurusan Perbelanjaan

Untuk menentukan sama ada semua perbelanjaan telah di lulus dan dilakukan mengikut maksud yang ditentukan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini, semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek utama Kawalan Perbelanjaan, iaitu Had Kuasa Belanja dan Pengurusan Bayaran. Hasil semakan Audit adalah seperti berikut:

i. Pengurusan Pendahuluan Tunai

- Berdasarkan kepada nota komunikasi kewangan terbitan ke-4 pada bulan Mac 2010 dan dikemas kini melalui keluaran ke-4 pada bulan Januari 2012, permohonan pendahuluan tunai boleh dibuat bagi elaun perjalanan harian, penginapan dan perolehan item berpusat. Kakitangan Khazanah adalah dikehendaki untuk mengisytiharkan pendahuluan tunai dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap kakitangan yang gagal untuk mengisytiharkan lebihan daripada pendahuluan berkenaan.** Lebihan daripada pendahuluan tunai berkenaan hendaklah dikembalikan kepada Bahagian Kewangan Khazanah dalam tempoh satu bulan daripada tarikh pengisytiharan *Cash Advance Declaration Form.*

- Semakan Audit terhadap 372 sampel pendahuluan diri mendapati 133 (35.8%) pendahuluan diri berjumlah RM271,366 tidak dibuat pengisytiharan dalam tempoh satu bulan. Tempoh kelewatan adalah di antara 5 hingga 239 hari.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013

Di antara sebab kelewatan membuat pengisytiharan adalah pengisytiharan memerlukan koordinasi di mana kakitangan tersebut perlu mengumpul dokumen sokongan dan tujuan pendahuluan tidak dapat dipenuhi dengan segera. Tindakan pemantauan yang dilakukan adalah melalui jadual berkala pemantauan permohonan pendahuluan tunai dan pengisytiharan serta tindakan susulan melalui telefon, e-mel kepada kakitangan berkenaan dan pegawai atasannya. Khazanah akan mengadakan taklimat berkala bagi menjelaskan tatacara pendahuluan tunai.

Pada pendapat Audit, pengurusan pendahuluan diri masih boleh dipertingkatkan terutama dalam aspek pemantauan. Kegagalan memastikan pendahuluan diri diisytihar dalam tempoh ditetapkan menunjukkan kelemahan kawalan dalaman syarikat dan mewujudkan peluang penyalahgunaan kemudahan pendahuluan tunai.

ii. Pengurusan Kad Kredit Korporat

Berdasarkan kepada nota komunikasi kewangan bertarikh 1 Jun 2006 yang disampaikan kepada kakitangan Khazanah melalui portal MyKhazanah, kad kredit korporat *American Express* (AMEX) diperuntukkan kepada semua Pengarah dan Pegawai Eksekutif Khazanah (lain-lain gred jawatan) yang mana bidang kerjanya memerlukan penggunaan kad kredit AMEX. Setakat 4 Disember 2012, sebanyak 106 kad Kredit AMEX tanpa had penggunaan telah diperuntukkan kepada kakitangan Khazanah yang layak. Para 2 nota komunikasi kewangan (1 Jun 2006) menetapkan semua pemegang kad AMEX diwajibkan menyediakan analisis perbelanjaan bulanan di mana mereka perlu mengesahkan segala perbelanjaan dengan menyertakan resit asal dan mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan (bagi peringkat Pengarah dan ke bawah) atau Ketua Pegawai Kewangan (bagi peringkat Pengarah Eksekutif). Sekiranya perbelanjaan tidak diluluskan, bayaran akan dituntut daripada pemegang kad melalui pembayaran cek atau potongan gaji. Semua pemegang kad kredit AMEX dikehendaki menyediakan analisis tersebut dalam tempoh **satu bulan** dari tarikh penyata AMEX dikeluarkan. Kegagalan menyediakan analisis dan mengisytiharkan perbelanjaan kad kredit sebanyak 3 kali boleh menyebabkan kemudahan kad kredit kepada individu berkenaan dibatalkan.

Semakan Audit terhadap pengurusan kad kredit korporat mendapati perkara berikut:

- Terdapat kakitangan yang gagal menghantar/mengisytiharkan perbelanjaan menggunakan kad kredit secara bulanan. Semakan terhadap senarai baki AMEX setakat 31 Disember setiap tahun mendapati terdapat tunggakan baki AMEX yang melebihi satu bulan yang mana setakat 31 Disember 2012 baki tertunggak adalah berjumlah RM1.26 juta. Berdasarkan penjelasan oleh pegawai bertanggungjawab, baki berkenaan merupakan amaun kad kredit yang telah dijelaskan bayarannya oleh Khazanah kepada AMEX tetapi belum diisytiharkan oleh kakitangan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 28.23
BAKI AMEX TERTUNGGAK SETAKAT 31 DISEMBER 2009, 2010, 2011 DAN 2012

BAKI SETAKAT 31 DISEMBER	BAKI TERTUNGGAK				
	1 BULAN (RM)	2 BULAN (RM)	MELEBIHI 2 BULAN (RM)	MELEBIHI 6 BULAN (RM)	JUMLAH (RM)
2009	251,467	358,943	492	-	610,902
2010	269,992	-	338	-	270,330
2011	451,347	103,547	162,585	8,983	726,462
2012	487,317	291,400	485,187	-	1,263,904

- Semakan terhadap amaun tertunggak individu mendapati kakitangan masih boleh menggunakan kad kredit korporat walaupun didapati gagal mengisytihar perbelanjaan kad kredit bagi bulan sebelumnya. Perkara ini menyebabkan ada di antara kakitangan yang mempunyai tunggakan AMEX berjumlah RM206,402 (baki tertunggak selama 4 bulan) setakat 31 Disember 2012.

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013

Khazanah telah menjalankan audit dalaman ke atas tuntutan perbelanjaan pekerja pada tahun 2011 dan 2013, isu kegagalan menghantar perbelanjaan menggunakan kad kredit selama sebulan juga telah dibincangkan. Kakitangan masih boleh menggunakan kad kredit korporat walaupun gagal mengisytiharkan perbelanjaan bagi bulan sebelumnya, risiko ini dapat dikurangkan kerana Khazanah mempunyai hak untuk memotong gaji kakitangan untuk mendapatkan balik jumlah yang tertunggak itu. Khazanah akan mengambil tindakan untuk menyekat penggunaan kad kredit korporat bagi kakitangan yang belum mengisytiharkan perbelanjaan selepas tempoh yang dibenarkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran kad kredit korporat berkenaan pengisytiharan perbelanjaan bulanan dan kutipan balik jumlah tertunggak adalah kurang teratur.

c. Pengurusan Aset

Prosedur Pengurusan Aset dan Inventori menggariskan prosedur yang perlu dilaksanakan oleh Bahagian *Corporate Support & Services* (CSS) – *Admin* di dalam memastikan semua aset dan inventori kepunyaan Khazanah diakaunkan dan penyesuaian dibuat dengan sewajarnya. Ini adalah untuk memastikan aset khazanah terutamanya yang ditakrifkan sebagai aset tetap diurus dan digunakan dengan sewajarnya. Semakan Audit terhadap pengurusan aset Khazanah mendapati rekod dan daftar yang berkaitan

diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan fizikal ke atas 20 sampel aset dan lukisan pada 7 Januari 2013 mendapati aset telah dilabel dengan teratur dan berada di lokasi yang sepatutnya seperti di dalam *Asset & Inventory Listing*. Bagaimanapun terdapat kelemahan seperti berikut:

i. Lukisan Yang Dibeli Tidak Disimpan Dengan Teratur


Semakan Audit terhadap senarai *KNB Artwork* setakat 15 Februari 2013 dan *Asset Inventory Listing* setakat 31 Disember 2012 mendapati Khazanah mempunyai 93 lukisan bernilai RM6.40 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 55 lukisan bernilai RM3.05 juta yang ada di antaranya dibeli sejak tahun 2005 tidak dipamerkan dan tidak disimpan dengan teratur. Lukisan ini masih disimpan di dalam bilik tanpa kaedah penyimpanan lukisan yang bersesuaian seperti dalam gambar berikut:

GAMBAR 28.9



Bilik Lukisan, Tingkat 33, Tower 2, KLCC - Lukisan Yang Tidak Dipamerkan (08.04.2013)

GAMBAR 28.10



Bilik Lukisan, Tingkat 32, Tower 2, KLCC - Lukisan Yang Tidak Dipamerkan (08.04.2013)

Maklum Balas Khazanah Yang Diterima Pada 3 Mei 2013 Dan 10 Jun 2013

Khazanah sedang dalam perancangan untuk meletakkan lukisan yang terdapat di dalam bilik tersebut di tingkat 32 dan di pejabat baru Khazanah yang bertempat di luar negara. Khazanah juga sedang dalam perancangan untuk menukar lokasi sesetengah lukisan sedia ada untuk menambah dan mengemas kini hiasan dalaman di semua pejabat. Untuk membolehkan semua lukisan diletakkan di satu tempat dengan lebih teratur, projek pembesaran ruang simpanan lukisan telah diluluskan untuk tahun 2013. Pengubahsuaian dijangka siap pada bulan September 2013.

Pada pendapat Audit, semua aset yang dibeli oleh syarikat perlu digunakan seperti mana justifikasi perolehannya dan disimpan dengan kaedah yang bersesuaian.

28.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

28.6.1. Pengurusan Khazanah hendaklah memastikan pengurusan dan pemantauan geran dipertingkatkan dengan memastikan semua geran yang diterima disediakan terma dan syarat yang jelas. Pengurusan geran hendaklah diseragamkan bagi memudahkan pemantauan dan penilaian ke atas pencapaian objektif geran. Aspek perbincangan dengan pihak Kerajaan (Engagement with awarding Government Agency) dan Persetujuan Terma dan Syarat (Formalisation of Terms and Condition) dilaksanakan bagi geran-geran yang masih belum dibelanjakan dan yang masih mempunyai baki yang banyak. Di samping itu, dokumen perjanjian atau surat persefahaman (Letter of Understanding) wajar disediakan walaupun geran berkenaan telah diterima sebelum *Grant Management Guidance Document* berkuat kuasa;

28.6.2. Pengurusan Khazanah dan Kementerian Kewangan yang memberi geran perlu menetapkan impak selepas pelaksanaan geran supaya setiap ringgit yang dibelanjakan memberi manfaat kepada Khazanah dan kumpulan sasaran. Penilaian ini juga penting bagi pemberi geran membuat keputusan sama ada untuk meneruskan pemberian geran atau memberhentikannya;

28.6.3. Pengurusan agensi pelaksana yang menerima geran daripada pemberi geran perlu menguruskannya dengan cekap supaya ia digunakan sebagai modal permulaan (start up) dan kelangsungan agensi berkenaan perlulah bergantung kepada aktivitinya;

28.6.4. Pengurusan Khazanah memastikan agensi pelaksana mematuhi terma dan syarat pemberian geran. Bagi komponen projek iSHARP yang telah siap hendaklah diserahkan kepada agensi Kerajaan. Manakala komponen projek yang belum siap hendaklah disiapkan dengan segera supaya projek dapat dimanfaatkan sepenuhnya;

28.6.5. Lembaga Pengarah Khazanah boleh meminda *The Audit and Risk Committee Charter* yang dikeluarkan olehnya dan melantik seorang lagi ahli jawatankuasa seperti amalan terbaik yang dicadangkan dalam *Malaysia Code Of Corporate Governance*;

28.6.6. Pengurusan Khazanah perlu memastikan setiap kakitangan yang layak menerima kemudahan kad kredit dan pendahuluan tunai membuat pengisytiharan perbelanjaan dalam tempoh yang ditetapkan. Kawalan dalaman yang mencukupi hendaklah diwujudkan bagi memastikan kakitangan yang gagal mengisytiharkan perbelanjaan disekat dari terus menggunakan kad kredit korporat sehingga

pengisytiharan dibuat. Perkara ini penting bagi memastikan proses bayaran kad kredit korporat yang teratur dan mengelakkan penyalahgunaan kemudahan kad kredit korporat; dan

28.6.7. Pengurusan Khazanah perlu memastikan semua aset yang dibeli oleh syarikat digunakan seperti mana justifikasi perolehannya. Bagi aset yang belum digunakan hendaklah disimpan dengan sewajarnya bagi memastikan nilai dan kualiti aset terpelihara. Khazanah boleh mendapatkan pandangan dari Balai Seni Visual Negara mengenai kaedah penyimpanan lukisan yang bersesuaian.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 346-360
Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

KEMENTERIAN KEWANGAN

29. PENGURUSAN MALAYSIA DEBT VENTURES BERHAD (MDV)

29.1. LATAR BELAKANG

29.1.1. Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah ditubuhkan pada 23 April 2002 dengan modal berbayar berjumlah RM100 juta. Pada tahun 2010, MKD telah meluluskan untuk menambah modal berbayar MDV berjumlah RM150 juta yang menjadikan modal berbayar MDV kini berjumlah RM250 juta. Syarikat yang dimiliki 99% sahamnya oleh MKD dan baki 1% oleh Pesuruhjaya Tanah Dan Galian Persekutuan telah diberi mandat sebagai pembiaya inovatif perdana dan fasilitator pembangunan ICT, *Biotechnology* (Biotech) dan Teknologi Hijau di Malaysia. Selain kemudahan pembiayaan, MDV juga menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat sebagai nilai tambah terhadap pelanggannya sebagai panduan dari segi amalan terbaik industri.

29.1.2. MDV menyediakan kemudahan pembiayaan dengan syarat yang menarik dan perkhidmatan sokongan kepada syarikat yang tidak dapat atau sukar memenuhi kriteria pembiayaan institusi kewangan lain. Misi MDV ialah untuk mewujudkan satu pelan induk dan membuktikan bahawa pembiayaan industri ICT adalah perniagaan yang menguntungkan, menyediakan satu kaedah sesuai dan mewujudkan pemahaman mendalam tentang teknologi dan industri. Dalam tempoh jangka panjang MDV akan dapat menggalakkan institusi kewangan lain menawarkan lebih perkhidmatan mereka kepada syarikat ICT yang mempunyai keupayaan dan potensi berjaya, tetapi tidak mampu memenuhi syarat pinjaman, terutama dalam soal cagaran yang dikehendaki oleh pihak bank.

29.1.3. MDV mempunyai 7 Ahli Lembaga Pengarah di mana 2 daripadanya merupakan wakil daripada Kementerian Kewangan dan Malaysia Industry Government Group For High Technology (MIGHT). Manakala 5 yang lain terdiri dari Ketua Pegawai Eksekutif dan wakil dari sektor swasta. Pengurusan syarikat MDV diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 92 pegawai dan kakitangan.

29.1.4. Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki penuh oleh Kerajaan, MDV perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan Akta Syarikat 1965 dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) dari masa ke semasa. Bagaimanapun MDV tidak tertakluk kepada Banking And Financial Institutions Act 1989 (BAFIA) dan Development Financial Institutions Act (DAFIA). Namun begitu MDV menerima pakai *best practices* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

29.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

29.2.1. prestasi kewangan MDV adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

29.2.2. pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan; dan

29.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

29.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, urus tadbir korporat dan aktiviti utama MDV bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan berakhir 31 Mac tahun 2010, 2011 dan 2012 yang diaudit.

29.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi:

29.4.1. semakan terhadap dokumen, fail serta rekod;

29.4.2. testimoni melalui temu bual;

29.4.3. analisis terhadap data syarikat; dan

29.4.4. lawatan fizikal ke syarikat yang memperolehi pinjaman/pembiayaan.

29.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya MDV telah berjaya di dalam memberi pinjaman dan pembiayaan seperti mandat yang diberikan. Prestasi kewangan MDV adalah semakin baik. Ini adalah kerana MDV telah mencatat peningkatan keuntungan sejumlah RM13.91 juta pada tahun 2010, RM15.66 juta pada tahun 2011 dan RM22.46 juta pada tahun 2012 sungguhpun mengalami kerugian RM58.21 juta pada tahun 2009. Aliran tunai adalah positif bagi tempoh 4 tahun berturut-turut. Prestasi aktiviti MDV adalah memuaskan kerana pencapaian tahunan semakin meningkat dalam jumlah pengeluaran pinjaman (disbursement) dan terimaan bayaran balik pinjaman (repayment). Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek pengurusan pinjaman yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

i. pengurusan aktiviti secara keseluruhannya daripada permohonan pinjaman sehingga kutipan bayaran balik adalah memuaskan. Namun terdapat beberapa

kelemahan yang melibatkan proses pemberian pinjaman/pembiayaan, pengurusan *Non Performing Loans* (NPL) dan pemantauan pinjaman/ pembiayaan; dan

ii. Projek Sistem Maklumat Berkomputer (ICFS) masih belum digunakan walaupun sistem ini telah dilancarkan pada Jun 2011.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan MDV dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia adalah seperti di perenggan berikut:

29.5.1. Prestasi Kewangan

29.5.1.1. Analisis Pendapatan Dan Perbelanjaan

a. Prestasi kewangan MDV secara keseluruhannya adalah baik di mana syarikat mencatatkan peningkatan keuntungan bersih pada tahun 2010, 2011 dan 2012 masing-masing berjumlah RM13.91 juta, RM15.66 juta dan RM22.46 juta sungguhpun mengalami kerugian pada tahun 2009 berjumlah RM58.21 juta. Kerugian ini antara lainnya disebabkan oleh peningkatan hutang lapuk dihapus kira (allowance for loan and financing loss) berjumlah RM82.17 juta. Peningkatan dalam keuntungan bersih yang diperoleh pada tempoh 3 tahun ini adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan faedah dari instrumen pasaran wang secara Islam, pemberian geran Kerajaan, keuntungan pendapatan yang diterima daripada pembiayaan yang dikeluarkan dan kutipan balik hutang lapuk. Selain itu MDV berjaya mengurangkan hutang lapuk dihapus kira berjumlah RM61 juta (74%) pada tahun 2010 dan RM12 juta (57%) pada tahun 2011 dan RM7.09 juta (77.68%) pada tahun 2012. Bermula tempoh kewangan 2010, MDV telah menukar polisi perakaunannya berkaitan hutang lapuk dihapus kira (allowance for loan and financing loss) berdasarkan *Financial Reporting Standard 139* (FRS 139).

b. Hasil pendapatan faedah MDV diperoleh daripada pinjaman konvensional, pembiayaan Islam dan faedah dari instrumen pasaran wang konvensional dan Islam. Perbelanjaan operasi pula terdiri daripada belanja kewangan bagi Nota Jangka Sederhana Islam (Islamic Medium Term Notes (IMTN)). Manakala perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada perbelanjaan pemasaran, kos staf, perbelanjaan pentadbiran, yuran perundangan, yuran konsultan dan perbelanjaan pentadbiran lain.

   Analisis Audit mendapati pendapatan melalui faedah pinjaman konvensional telah menurun sejumlah RM6.9 juta (16.1%) pada tahun 2010, RM10.8 juta (30%) pada tahun 2011 dan RM8.26 juta (32.66%) pada tahun 2012. Kos pembiayaan IMTN telah meningkat sejumlah RM12 juta (49.4%) dan RM8.4 juta (22.5%) bagi tempoh 2010 dan 2011. Bagi tempoh 3 tahun,

Jumlah Dana Pemegang Saham (Total Shareholder Funds) MDV menunjukkan defisit. MDV masih berkeupayaan meneruskan aktiviti syarikat kerana MOF sebagai pemegang saham utama syarikat akan terus menyediakan bantuan sokongan kewangan kepada MDV. Pada tahun 2012, Jumlah Dana Pemegang Saham MDV telah menunjukkan kedudukan yang positif. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi syarikat bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.1
KEDUDUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI MDV BERHAD BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010, 2011 DAN 2012

BUTIRAN	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	*2012 (RM Juta)
Pendapatan Faedah	73.91	86.39	74.52	71.65
Perbelanjaan Faedah	(47.44)	(55.37)	(60.37)	(54.54)
Pendapatan Faedah Bersih	**26.47**	**31.02**	**14.15**	**17.11**
Pendapatan Bukan Faedah	12.61	23.55	30.70	32.01
Allowance For Loan And Financing Loss	(82.17)	(21.17)	(9.12)	2.04
Pendapatan Bersih	**(43.09)**	**33.40**	**35.73**	**47.08**
Perbelanjaan Operasi	(2.21)	(3.86)	(3.24)	(4.22)
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	(12.91)	(15.63)	(16.83)	(19.15)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**(58.21)**	**13.91**	**15.66**	**23.71**
Cukai	-	-	-	(1.25)
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**(58.21)**	**13.91**	**15.66**	**22.46**
Total Shareholder Funds	**(160.8)**	**(32.34)**	**(16.69)**	**5.76**

Sumber : Penyata Kewangan Tahun 2009, 2010 Dan 2011 Yang Diaudit
Nota: (*) - Penyata Kewangan Tahun 2012 Yang Belum Beraudit

29.5.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan MDV, analisis nisbah semasa, margin keuntungan kasar dan margin keuntungan bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009, 2010, 2011 dan 2012. Hasil analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.2
ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010, 2011 DAN 2012

	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
NISBAH SEMASA	2009	1,023.93	163.76	6.25 : 1
	2010	1,366.02	238.79	5.72 : 1
	2011	1,395.25	179.05	7.79 : 1
	2012	1,032.23	175.38	5.88 : 1

Tahap kecairan MDV bagi tempoh 3 tahun adalah memuaskan di mana nisbah semasa meningkat dari 6.25 pada tahun 2009 kepada 7.79 pada tahun 2011. Peningkatan nisbah pada tahun 2011 adalah disebabkan peningkatan tunai dan bank pada aset semasa dan pengurangan pada lain-lain liabiliti dalam liabiliti semasa. Bagaimanapun nisbah semasa bagi tahun 2012 adalah menurun kepada 5.88 berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan penurunan di dalam pembayaran balik pinjaman (repayment).

	TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	2009	(58.21)	86.52	(0.67)
	2010	13.91	109.94	0.13
	2011	15.66	105.22	0.15
	2012	22.46	103.66	0.22
Mengikut perkiraan Audit, setiap ringgit hasil pendapatan pada tahun 2009, MDV telah mengalami kerugian RM0.67. Bagi tahun 2010 hingga 2012 masing-masing mencatatkan peningkatan keuntungan RM0.13, RM0.15 dan RM0.22. Ini adalah kerana dari tahun 2010 hingga 2012, MDV berkeupayaan mengurangkan jumlah hutang lapuk dihapus kira berjumlah RM80.09 juta. Berdasarkan margin keuntungan ini dapat di rumuskan bahawa tahap kecekapan operasi MDV telah meningkat pada tahun 2010 hingga 2012.				
	TAHUN	UNTUNG/(RUGI) BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	2009	(58.21)	1,529.94	(3.8)
	2010	13.91	2,096.42	0.7
	2011	15.66	1,653.95	0.9
	2012	22.46	1681.66	1.33
Berdasarkan pengiraan Audit, adalah di dapati tahap kecekapan syarikat dan produktiviti untuk menguruskan aset adalah bertambah baik dari tahun 2010 hingga 2012. Ini kerana peningkatan keuntungan bersih MDV pada tahun 2010, 2011 dan 2012.				
	TAHUN	UNTUNG/(RUGI) BERSIH SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	2009	(58.21)	(160.87)	(36.2)
	2010	13.91	(32.35)	(43.0)
	2011	15.66	(16.70)	(93.8)
	2012	22.46	5.76	390
Sepanjang tahun 2009 hingga 2011, MDV tidak mencatat pulangan bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham. Ini kerana bagi tempoh 3 tahun, Jumlah Dana Pemegang Saham (Total Shareholder Funds) MDV menunjukkan defisit. Pada tahun 2010, MOF telah menambah modal saham biasa MDV dari RM100 juta kepada RM250 juta. Bagaimanapun jumlah dana ini masih defisit kerana nilai defisit yang tinggi bagi tahun sebelumnya. Namun begitu pada tahun 2012, MDV telah menunjukkan tahap kecekapan menguruskan modal dengan baik dengan perubahan positif nisbah pulangan bersih yang diperolehi disebabkan peningkatan Jumlah Dana Pemegang Saham.				

29.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai MDV bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.3
PENYATA ALIRAN TUNAI MDV BAGI TAHUN KEWANGAN 2009, 2010, 2011 DAN 2012

BUTIRAN/TAHUN	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	*2012 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian				
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Sebelum Cukai	(58.21)	13.91	15.65	22.46
Pelarasan	69.11	22.32	10.86	3.68
Perubahan Modal Kerja	(165.99)	112.90	86.93	(34.25)
Pendapatan Faedah	15.24	-	-	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	**(139.85)**	**149.13**	**113.44**	**(8.11)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan				
Aliran Masuk Tunai	0.002	-	-	-

BUTIRAN/TAHUN	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	*2012 (RM Juta)
Aliran Keluar Tunai	(0.178)	(3.49)	(1.29)	(1.33)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	**(0.176)**	**(3.49)**	**(1.29)**	**(1.33)**
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan				
Aliran Masuk Tunai	25.00	650.00	10.00	30.00
Aliran Keluar Tunai	(198.45)	(150.00)	(396.91)	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	**(173.45)**	**500.00**	**(386.91)**	**30.00**
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	**(313.48)**	**645.64**	**(274.76)**	**20.54**
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	**823.12**	**509.64**	**1,155.28**	**880.53**
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	**509.64**	**1,155.28**	**880.52**	**901.07**

Sumber: (*) - Penyata Kewangan Tahun 2012 Yang Belum Beraudit

a. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2009 hingga 2012 kedudukan keseluruhan aliran tunai MDV Berhad masing-masingnya adalah positif iaitu RM509.64 juta, RM1,155.28 juta, RM880.52 juta dan RM901.07 juta. Aliran tunai dari aktiviti pengoperasian pada tahun 2009 adalah defisit sejumlah RM139.85 juta berbanding tahun 2010 dan 2011 yang telah mencatatkan *surplus.* Bagaimanapun pada tahun 2012 aliran tunai ini telah merekodkan defisit dengan menurun sejumlah RM121.55 juta (107.15%) berbanding pada tahun sebelumnya.

b. Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan telah meningkat menjadi RM500 juta pada tahun 2010 berbanding defisit sejumlah RM173.45 juta pada tahun 2009. Analisis Audit menunjukkan pada bulan Ogos 2010, MDV telah melancarkan program penerbitan sukuk kali ke-2 berjumlah RM500 juta pada nilai nominal selaras dengan program Islamic Medium Term Loan (IMTN) di bawah prinsip syariah Murabahah. Pelaksanaan program sukuk ini bertujuan untuk memperluaskan pembiayaan MDV kepada sektor Bio Teknologi dan Teknologi Hijau. Pada bulan September 2010, MDV telah menerima modal tambahan dari MOF yang menjadikan modal saham diterbitkan meningkat kepada RM250 juta dari RM100 juta. Pada akhir tahun kewangan 31 Mac 2013, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM901.07 juta yang terdiri dari deposit bersih berjumlah RM865.91 juta dan tunai di tangan dan bank berjumlah RM35.16 juta.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan MDV adalah semakin baik kerana menunjukkan peningkatan jumlah keuntungan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 selepas rugi pada tahun 2009. Pengurusan MDV sentiasa meneruskan usaha dengan mengambil langkah sewajarnya bagi meningkatkan lagi prestasi kewangan terutamanya bagi Jumlah Dana Pemegang Saham yang telah mencatatkan nilai positif pada tahun 2012 dan mengurangkan jumlah hutang lapuk dihapus kira.

29.5.1.4. Pengurusan Pinjaman / Geran

Semakan Audit mendapati MDV telah menguruskan pinjaman/geran yang diterimanya dengan baik dan teratur kecuali perbezaan amaun bayaran pinjaman JBIC oleh MDV kepada Kementerian Kewangan seperti berikut:

a. JBIC telah menyalurkan pinjaman kepada Kerajaan Malaysia dalam bentuk Japanese Yen sebanyak 15 Tranche berjumlah ¥68 juta bagi tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2002 sehingga 2006. MDV telah menerima dana JBIC berjumlah RM1.587 bilion di mana Tranche 1 diterima pada bulan April 2002 dan terakhir pada bulan Oktober 2006.

b. Perjanjian di antara MOF dan MDV menyatakan tempoh bayaran adalah selama 12 tahun di mana 4 tahun diberi sebagai *grace period* dan bayaran akan bermula pada tahun ke-5 hingga ke-12 iaitu dari tahun 2007 hingga 2014. Jumlah bayaran prinsipal tahunan yang perlu dibayar oleh MDV adalah berjumlah RM198 juta.

c. Sehingga bulan Februari 2012, MDV telah membuat bayaran kepada MOF berjumlah RM1,107.48 juta. Bilangan bayaran sebanyak 6 kali termasuklah satu bayaran berjumlah RM150 juta yang diberi pelupusan hutang (debt waiver) oleh MOF pada tahun 2010. **Semakan Audit mendapati wujud perbezaan berjumlah RM83.26 juta di antara amaun yang sepatutnya dibayar {Jadual 4 (a)} dan amaun yang dibayar oleh MDV {Jadual 4 (c)} kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku perbezaan pada amaun tuntutan bayaran balik pinjaman oleh JANM {Jadual 4 (b)} dan amaun yang dibayar oleh MDV {Jadual 4 (c)}.** Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.4
JUMLAH BAYARAN BALIK PINJAMAN JBIC OLEH MDV

TAHUN	# AMAUN SEPATUTNYA DI BAYAR OLEH MDV BERDASARKAN PERJANJIAN (RM) (a)	TUNTUTAN BAYARAN BALIK OLEH JANM (b)	BAYARAN MDV KEPADA JANM (RM) (c)	PERBEZAAN (RM) (a)-(c)	CATATAN
2007	198,455,943	178,369,027	178,369,027	20,086,916	Pembayaran MDV berdasarkan amaun tuntutan oleh JANM
2008	198,455,943	183,738,752	183,738,752	14,717,191	Pembayaran MDV berdasarkan amaun tuntutan oleh JANM
2009	198,455,943	232,359,831	198,455,943	0.00	Pembayaran MDV berdasarkan perjanjian
2010	198,455,943	233,093,734	*150,000,000	48,455,943	Tiada bayaran kerana penukaran pinjaman kepada ekuiti

TAHUN	# AMAUN SEPATUTNYA DI BAYAR OLEH MDV BERDASARKAN PERJANJIAN (RM) (a)	TUNTUTAN BAYARAN BALIK OLEH JANM (b)	BAYARAN MDV KEPADA JANM (RM) (c)	PERBEZAAN (RM) (a)-(c)	CATATAN
2011	198,455,943	230,867,561	198,455,943	0.00	Pembayaran MDV berdasarkan perjanjian
2012	198,455,943	231,362,345	198,455,943	0.00	Pembayaran MDV berdasarkan perjanjian
JUMLAH	**1,190,735,658**	**1,289,791,250**	**1,107,475,608**	**83,260,050**	

Nota : (*) - Tiada Bayaran Kepada JANM Kerana Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti
(#) - Amaun Berdasarkan Jumlah Pinjaman Yang Diterima Dari JBIC / Tempoh Bayaran

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

Perbezaan dalam ruang (a)-(c) adalah disebabkan oleh penukaran wang asing di antara Ringgit Malaysia dan Yen Jepun. Ini kerana perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan JBIC adalah dalam mata wang Yen manakala perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan MDV adalah dalam mata wang Ringgit Malaysia. Oleh kerana MDV hanya menerima pinjaman sejumlah RM1,587,647,544 dari Kerajaan Malaysia, maka pembayaran balik (lapan tahun) kepada Kerajaan Malaysia setiap tahun secara ansuran adalah RM198,455,943. Penjelasan ini telah dibuat kepada Pihak Kementerian Kewangan.

Jumlah bayaran balik pada tahun 2007 dan 2008 adalah berdasarkan jumlah sebenar yang dituntut oleh pihak Jabatan Akauntan Negara. Pelupusan hutang sebanyak RM150 juta pula sepatutnya di selaraskan pada akhir tempoh pinjaman tersebut iaitu pada tahun 2014.

Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Pada 9 Mei 2013

Kerajaan Persekutuan memberikan pinjaman secara "relending" di mana pihak MDV perlu membuat bayaran balik atas segala pembayaran yang dibuat oleh pihak Kerajaan kepada JBIC. Sehubungan dengan itu Jadual Bayaran Balik kepada JBIC dibuat dalam mata wang Yen, tuntutan bayaran balik dikemukakan kepada MDV berdasarkan Ringgit Malaysia (RM) yang dibayar kepada MDV berdasarkan kadar tukaran Yen kepada RM semasa tarikh bayaran balik matang.

JANM mengambil maklum berhubung perbezaan kaedah penetapan jumlah bayaran balik oleh MDV dan perkara ini telah dirujuk kepada pihak Perbendaharaan untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, MDV perlu segera berbincang dengan Kementerian Kewangan bagi mengenal pasti tindakan yang perlu di ambil bagi perbezaan bayaran balik pinjaman.

29.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

29.5.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama

MDV telah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi dijadikan asas penilaian terhadap pencapaian prestasi tahunan. Semakan Audit mendapati, pengurusan MDV telah mewujudkan KPI bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 berdasarkan kepada 3 elemen iaitu keuntungan, kecekapan dan produktiviti serta pemudahcara pembangunan (development facilitator).

Pada umumnya MDV telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2009 sehingga 2011 bagi 2 dari 3 elemen KPI iaitu Kecekapan dan Produktiviti serta Pemudahcara Pembangunan. Bagaimanapun bagi elemen KPI Keuntungan di bawah kriteria Pertumbuhan Pinjaman tidak mencapai sasaran yang ditetapkan untuk tempoh 3 tahun di mana peratusan pencapaian bagi tahun 2010 dan 2011 adalah negatif. Pencapaian bagi kriteria Keuntungan Bersih tahun 2009 juga tidak mencapai sasaran dengan kerugian berjumlah RM58.21 juta. Butiran prestasi KPI berbanding sasarannya adalah seperti di jadual berikut.

JADUAL 29.5
PRESTASI KPI BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2009, 2010 DAN 2011

ELEMEN KPI	KRITERIA KPI	2009		2010		2011	
		SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
Keuntungan	Keuntungan Bersih (RM Juta)	3 - 5	(58.21)	1 - 5	13.91	1 - 5	15.66
	Pertumbuhan Pinjaman (%)	17 - 23	13	20 - 30	(0.6)	20 - 30	(7)
Kecekapan Dan Produktiviti	Nisbah Kos-pendapatan (%)	< 30 - 35	17	< 30 - 35	16	< 30 - 35	22
Pemudahcara Pembangunan	Kelulusan permohonan pinjaman baru (Bil. syarikat)	45 - 50	69	46 - 50	55	46 - 50	47

Semakan Audit selanjutnya mendapati dalam Strategi Perniagaan Tahun 2010/2011, MDV Berhad merancang untuk menstruktur semula KPI dengan memfokuskan kepada pendapatan dan *Non Performing Loans* (NPL). **Bagaimanapun, didapati tiada elemen NPL yang dimasukkan dalam KPI MDV pada tahun tersebut dan tahun 2011/2012.**

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

Dalam Strategi Perniagaan Tahun 2010/2011, MDV telah membuat penstrukturan semula KPI melibatkan semua bahagian di mana pencapaian NPL telah dipertanggungjawabkan kepada bahagian Pemasaran Kredit. Perubahan tersebut tidak dapat dilihat di dalam KPI MDV pada peringkat Syarikat kerana elemen NPL telah diambil kira pada peringkat bahagian serta di dalam elemen KPI Keuntungan pada tahap syarikat.

Seperti yang disarankan oleh Jabatan Audit Negara, bermula dengan Strategi Perniagaan Tahun 2013, Pengurusan MDV telah menilai dan menstruktur semula KPI Syarikat di mana selain daripada Keuntungan Bersih, Kecekapan dan produktiviti serta Pemudahcara Pembangunan, pada tahun 2013 MDV akan memasukkan NPL sebagai satu KPI baru dan juga menggantikan KPI Pertumbuhan Pinjaman dengan KPI Pinjaman bagi Pembiayaan baru yang diluluskan. Perubahan tersebut dibuat untuk memberi lebih fokus kepada NPL dan untuk mencerminkan peranan MDV sebagai pembekal kemudahan pembiayaan kepada syarikat-syarikat teknologi muda yang kurang diberi perhatian oleh bank-bank komersil.

Pada pendapat Audit, penilaian semula sasaran KPI yang telah ditetapkan membolehkan MDV merancang strategi terbaik bagi mencapai visi dan misi syarikat.

b. Kelulusan Pinjaman/Pembiayaan

Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011, MDV telah menerima sebanyak 244 permohonan pinjaman berjumlah RM1.862 bilion. Bagi tempoh yang sama MDV telah meluluskan pinjaman sejumlah RM1.349 bilion (72.4%) kepada 207 (84.8%) peminjam manakala 37 permohonan pinjaman berjumlah RM513.19 juta telah ditolak. **Analisis Audit menunjukkan penurunan jumlah pinjaman yang diluluskan dan bilangan peminjam bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Semakan Audit selanjutnya mendapati bilangan permohonan pinjaman juga berkurangan dari 120 kepada 43 dari tahun 2009 hingga 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:**

JADUAL 29.6
PRESTASI PINJAMAN MDV BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

PINJAMAN/ PEMBIAYAAN	2009		2010		2011		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
PERMOHONAN	120	1,064.13	81	465.85	43	332.09	244	1,862.07
KELULUSAN	98	694.55	68	330.76	41	323.57	207	1,348.88
TOLAK	22	369.58	13	135.09	2	8.52	37	513.19

Sumber: Credit Management Report Masterlist Business Division

c. Pengeluaran Pinjaman/Pembiayaan (Disbursement)

Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011, MDV telah membuat pengeluaran pinjaman/pembiayaan kepada peminjam berjumlah RM2.303 bilion. Jumlah pengeluaran pinjaman/pembiayaan telah menurun sejumlah RM34.33 juta (4.47%) pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 masing-masing berjumlah RM767.63 juta dan RM733.39 juta. Pada tahun 2011 jumlah ini telah meningkat sejumlah RM68.94 juta (9.4%) kepada RM802.24 juta berbanding tahun sebelumnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.7
PENGELUARAN KEWANGAN/PEMBIAYAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	JUMLAH PENGELUARAN (DISBURSEMENT)		
	(RM Juta)	PERBEZAAN TAMBAH / (KURANG) (RM Juta)	TAMBAH/(KURANG) (%)
2009	767.63	-	-
2010	733.30	(34.33)	(4.5)
2011	802.24	68.94	9.4
JUMLAH	**2,303.17**		

Sumber: Bahagian Kewangan MDV

d. Terimaan Bayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan (Repayment)

Bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2011, terimaan bayaran balik pinjaman daripada syarikat yang mendapat kemudahan pinjaman/ pembiayaan telah meningkat. Pada tahun 2011, bayaran balik yang diterima berjumlah RM982.97 juta (8.6%) berbanding RM904.98 juta (45.4%) dan RM622.37 juta yang diterima pada tahun 2010 dan 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.8
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN/PEMBIAYAAN
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2011

TAHUN	JUMLAH TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN (REPAYMENT)		
	(RM Juta)	PERBEZAAN TAMBAH/(KURANG) (RM Juta)	TAMBAH/(KURANG) (%)
2009	622.37	-	-
2010	904.98	282.61	45.4
2011	982.97	77.99	8.6
JUMLAH	**2,510.32**	**360.60**	**54.0**

Sumber: Bahagian Kewangan MDV

e. Prestasi Penerimaan Pinjaman/Geran

MDV menerima dana pinjaman RMKe-10 berjumlah RM12 juta dari Kementerian Kewangan pada tahun 2011. Dana ini dikenali sebagai *Mudharabah Technology Commercialisation Fund* yang diberi tempoh pinjaman selama 10 tahun. Dana ini bertujuan untuk memberi pembiayaan kepada syarikat tempatan yang terlibat dalam bidang *Information Communications Of Technology* (ICT), *Biotechnology and Green Technology*.

Semakan Audit mendapati kesemua status pembiayaan masih aktif dan berada di dalam tempoh *grace period* sebelum pembayaran balik pinjaman.

- ***Biotech and Bio-Industry Development Fund* (B3DF)**

  Pada bulan Disember 2008, MOSTI telah menyalurkan geran berjumlah RM20 juta yang dikenali sebagai *Biotech and Bio-Industry Development Fund* (B3DF). Geran ini bertujuan membantu syarikat Bumiputera berkelayakan yang terlibat dalam sektor pertanian (Agriculture BioTechnology), perindustrian *Industrial BioTechnology* dan Kesihatan (Healthcare Biotechnology) yang masih di peringkat pengkomersialan bagi membiayai keperluan projek seperti infrastruktur, peralatan serta modal kerja. Keutamaan pemberian pinjaman adalah kepada syarikat Bumiputera yang telah memperoleh status BioNexus dan mempunyai modal berbayar minima berjumlah RM100,000.

Sehingga bulan Oktober 2012, sejumlah RM17.7 juta (88.5%) dari geran yang diterima telah diluluskan bagi membiayai 7 pinjaman dan sejumlah RM6.7 juta (33%) telah dibayar *(*disbursement). Semakan Audit mendapati 4 daripada 7 pinjaman berjumlah RM7.2 juta telah dikategorikan sebagai NPL kerana mempunyai tunggakan bayaran balik melebihi 6 bulan iaitu di antara 184 hingga 274 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.9
PRESTASI PEMBIAYAAN MELALUI B3DF SEHINGGA 31 OKTOBER 2012

SYARIKAT	KELULUSAN		PEMBAYARAN (DISBURSEMENT) (RM Juta)	STATUS PINJAMAN
	TAHUN	JUMLAH (RM Juta)		
A-Mavcap -396	2010	1.80	1.10	NPL
A-Mavcap -403	2010	4.70	2.54	NPL
A-Mavcap -414 (PL2)	2010	1.20	0.21	NPL
A-Mavcap -419 (PL1)	2010	3.35	0.10	NPL
A-Mavcap -428 (PL1)	2010	4.50	1.02	AKTIF
A-Mavcap -431(PL2)	2010	0.50	1.18	AKTIF
A-Mavcap -447	2011	1.65	0.55	AKTIF
JUMLAH		**17.70**	**6.70**	

f. Pengurusan *Non Performing Loans* (NPL)

Bagi bayaran pinjaman yang tertangguh melebihi dari 6 bulan, pinjaman tersebut akan diklasifikasikan sebagai NPL. Selanjutnya akan diikuti dengan tindakan Pemulihan Akaun (Rehabilitation) dan Pendakwaan (Litigation). Bagi akaun NPL yang tidak mempunyai peluang untuk dibuat pemulihan, maka akaun ini akan di hapus kira (written-off).

Semakan Audit mendapati, sehingga Jun 2012, dari 82 akaun berstatus NPL yang berjumlah RM582.57 juta, sebanyak 9 (11%) akaun berjaya di selesaikan. Manakala 31 (37.8%) akaun berjumlah RM284.2 juta dalam proses penjadualan semula (reschedule), 18 (22%) akaun yang berjumlah RM29.22 juta dalam proses undang-undang, sementara 24 (29.3%) akaun yang berjumlah RM269.0 juta telah dihapus kira (written-off).

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

Melalui keputusan yang dibuat oleh pihak Lembaga Pengarah MDV pada mesyuarat bertarikh 24 Mei 2012, satu Jabatan baru yang dikenali sebagai Jabatan Pemantauan Portfolio (PMD) telah ditubuhkan. Penubuhan PMD adalah bertujuan untuk meningkatkan aktiviti pemantauan dan penyeliaan portfolio yang masih aktif dan berstatus bukan NPL/NPF ("Non-NPL/NPF"). Merujuk kepada semakan Audit bagi portfolio MDV setakat Jun 2012, akaun-akaun yang tersenarai telah diklasifikasikan sebagai NPL/NPF sebelum penubuhan PMD. Akaun-akaun ini adalah di bawah pemulihan oleh Bahagian Pengurusan Aset (AMD).

Penubuhan PMD telah membolehkan aktiviti semakan susulan terhadap pembayaran pinjaman/pembiayaan dapat dilakukan secara berterusan dan

konsisten ke atas peminjam/pelanggan. Selain itu, PMD turut membantu mengesan sebarang amaran awal (Early Warning Signal) ataupun sebarang "Red Flag" dan melaporkan secara terus kepada pihak Pengurusan dan Bahagian Perniagaan untuk tindakan lanjut.

Pada pendapat Audit, penubuhan Jabatan Pemantauan Portfolio (PMD) dapat meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap prestasi pinjaman dan kutipan bayaran balik seterusnya mengurangkan risiko pinjaman/pembiayaan menjadi NPL.

29.5.2.2. Pengurusan Aktiviti

Semakan Audit mendapati pada umumnya, pengurusan aktiviti pinjaman/ pembiayaan oleh MDV Berhad adalah baik. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian lanjut terutama berhubung dengan urusan kelulusan dan pemantauan terhadap prestasi peminjam seperti berikut:

a. Pinjaman/Pembiayaan Tidak Mengikut Kriteria Yang Di Tetapkan

i. Polisi kredit MDV menetapkan beberapa kriteria berhubung kelulusan pinjaman/pembiayaan. Antara kriterianya adalah peminjam perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh iaitu mencatatkan keuntungan sekurang-kurangnya bagi 2 daripada 3 tahun kewangan yang dinilai, mempunyai tahap kecairan yang memuaskan sekurang-kurangnya bagi 2 daripada 3 tahun kewangan yang dinilai, *credit history* yang baik di mana tiada tindakan kebankrapan atau undang-undang serta syarikat mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun rekod operasi.

ii. Semakan Audit mendapati **24 (60%) daripada 40** pinjaman/pembiayaan berjumlah RM110.92 juta telah diluluskan kepada syarikat yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam polisi kredit. Antaranya peminjam tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh seperti **mencatatkan keuntungan bagi 2 atau 3 tahun kewangan yang dinilai, tidak mempunyai rekod operasi selama 3 tahun, pengarah syarikat yang mempunyai tindakan undang-undang serta tahap kecairan syarikat yang kurang memuaskan.** Daripada 24 pinjaman yang diluluskan, 5 (20.8%) peminjam merupakan syarikat yang baru ditubuhkan iaitu kurang dari 2 tahun dan peminjam mencatatkan kerugian pada tahun pertama operasi. Oleh demikian *credit history* peminjam tidak dapat ditentukan memandangkan peminjam merupakan syarikat yang baru. Manakala baki 13 (54.1%) peminjam mengalami kerugian 2 atau 3 tahun berturut-turut dari tahun kewangan yang dinilai. Bagaimanapun 6 daripada 13 peminjam yang mengalami kerugian

mempunyai tahap kecairan yang memuaskan. Manakala selebihnya sebanyak 7 peminjam yang rugi mempunyai tahap kecairan yang kurang memuaskan. Semakan Audit selanjutnya pada tahap kecairan (liquidity ratio) di dalam penilaian kewangan mendapati *ratio* yang diperoleh untuk 7 peminjam ini adalah di bawah *ratio* yang ditetapkan oleh MDV.

iii. Berdasarkan maklum balas daripada MDV, walaupun peminjam tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, kelulusan telah diberi berasaskan kepada justifikasi tertentu. Antaranya ialah untuk melaksanakan mandat yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu membantu syarikat tempatan yang baru memulakan perniagaan, syarikat kecil atau sederhana tetapi mempunyai potensi projek, membantu syarikat yang tidak berupaya mendapatkan pembiayaan dari bank komersial lain serta jangkaan positif terhadap pemulihan kedudukan kewangan peminjam melalui pinjaman/ pembiayaan yang diluluskan. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Oktober 2012, sebanyak 10 (25%) peminjam dengan baki pinjaman berjumlah RM41.43 juta pinjaman tersebut telah dikategorikan sebagai NPL. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.10
PINJAMAN YANG DILULUSKAN TIDAK MEMATUHI KRITERIA DAN TELAH DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPL

BILANGAN SAMPEL PINJAMAN/PEMBIAYAAN	BILANGAN PINJAMAN TIDAK MEMENUHI KRITERIA	PINJAMAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPL	BAKI PINJAMAN (RM Juta)
40	26	10	41.43

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Pelulus perlu menetapkan syarat tambahan sekiranya permohonan pinjaman tidak menepati kriteria asas untuk kelulusan pinjaman. Ini adalah untuk menjaga kepentingan MDV pada masa hadapan.

b. Pengecualian Pinjaman/Pembiayaan Polisi Kredit MDV Disandarkan Dengan Sekuriti Mudah Cair/Jaminan Bank

i. Mengikut polisi kredit MDV, pinjaman/pembiayaan yang diberi akan disandarkan kepada sekuriti bagi menjamin kepentingan MDV sekiranya pinjaman mengalami kegagalan (default) dan mengurangkan risiko kredit. Oleh demikian, peminjam akan menyediakan jaminan bagi pinjaman yang diberikan oleh MDV. Semakan Audit ke atas 40 sampel syarikat mendapati pinjaman/pembiayaan yang diluluskan telah disandarkan dengan sekuriti. Sebanyak 5 daripada 40 syarikat peminjam didapati baru beroperasi kurang dari 3 tahun.

ii. Bagaimanapun, sekuriti yang disandarkan bagi 40 pinjaman/jaminan tersebut bukan merupakan sekuriti mudah cair seperti tunai, deposit tetap, bon, saham atau jaminan bank. Sebaliknya sekuriti yang disandarkan adalah seperti jaminan peribadi, jaminan korporat, debentur, dan pulangan daripada projek yang akan di terima. Ini disebabkan polisi kredit MDV tidak menetapkan secara khusus mengenai keperluan menyediakan sekuriti mudah cair bagi pinjaman/pembiayaan yang diluluskan. Sebaliknya polisi tersebut hanya menyenaraikan jenis-jenis sekuriti yang boleh disandarkan kepada pinjaman/pembiayaan. MDV menerima *single* atau kombinasi sekuriti bergantung kepada penilaian risiko terhadap peminjam.

iii. Mengikut maklum balas MDV, peminjam tidak diminta mengemukakan sekuriti mudah cair kerana sebahagian daripada mereka baru memulakan perniagaan dan sememangnya tidak mempunyai keupayaan untuk mengemukakan sekuriti tersebut. Selain itu juga, mandat yang diberikan kepada MDV untuk membantu golongan usahawan baru di dalam bidang ICT, Bio Teknologi dan Teknologi Hijau.

    Semakan Audit mendapati 10 (25%) daripada 40 pinjaman dengan baki pinjaman tertunggak berjumlah RM41.43 juta yang diluluskan dan tidak diminta mengemukakan sekuriti mudah cair telah diklasifikasikan sebagai NPL.

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

Sebahagian besar daripada syarikat-syarikat yang memohon pinjaman daripada MDV adalah syarikat yang tidak mempunyai keupayaan dari segi kecairan kewangan dan syarikat yang baru ditubuhkan. Syarikat-syarikat ini walaupun pengurusannya mempunyai kepakaran dan pengalaman tetapi tidak berjaya untuk mendapatkan pinjaman dari bank-bank komersil. Polisi kredit MDV seperti yang disebutkan di atas adalah polisi yang "ideal" untuk pemberian pinjaman kepada syarikat-syarikat yang memerlukan pinjaman dan berlandaskan kepada polisi yang perlu dipatuhi apabila syarikat ingin membuat pinjaman di bank komersil.

Pemprosesan MDV juga sebenarnya berlunaskan kepada polisi kredit yang ditetapkan tetapi telah mengambil kira asas penubuhan MDV yang berlandaskan kepada keupayaan sebenar pemegang-pemegang saham syarikat dan pengurusan syarikat peminjam. Di dalam pemprosesan yang dilakukan dan di dalam kertas penilaian, MDV menghuraikan mengenai bahawasanya sesetengah syarikat-syarikat ini tidak menepati kredit polisi MDV. Disebabkan ini, penilaian juga terjurus kepada penilaian yang

mementingkan kepada penilaian pengurusan dan teknikal. Sebuah syarikat mungkin baru ditubuhkan kurang dari 2 tahun, tetapi jika penilaian menunjukkan bahawa pengalaman pengurusan adalah bersesuaian dengan kontrak yang diperoleh maka syarikat ini berupaya untuk melaksanakan kontrak yang ditandatangani.

Syarikat yang telah beroperasi melebihi 3 tahun tidak semestinya mempunyai sekuriti cair yang dapat diberikan kepada MDV. Tetapi, di dalam pemprosesan, MDV juga akan meminta syarikat-syarikat memberi sekuriti yang cair jika didapati bahawa projek yang akan dilaksanakan adalah berisiko tinggi. Langkah-langkah yang telah diambil oleh MDV dengan memperketatkan dan penambahan pengambilan sekuriti cair, memastikan syarikat peminjam memberi komitmen mereka dengan penambahan kewangan dari syarikat itu sendiri dan Jabatan Pengurusan Risiko Kawalan MDV akan membantu Jabatan Kredit dalam menjalankan penilaian bebas ke atas peminjam-peminjam.

Pada pendapat Audit, dengan memperketatkan dan menambah pengambilan sekuriti cair, akan membolehkan MDV mendapatkan pinjaman yang tertunggak sekiranya peminjam gagal membayar pinjaman mengikut jadual.

c. Tiada Penilaian Kos Projek Oleh MDV

Berdasarkan kriteria kelulusan margin pinjaman/pembiayaan yang ditetapkan oleh MDV adalah sebanyak 85% dari kontrak/projek atau keseluruhan kos projek, mana-mana yang terendah. Maklumat kos yang dikemukakan oleh peminjam adalah seperti perbelanjaan modal (capital expenditure) bagi perolehan mesin, peralatan, *hardware, software*, pembinaan bangunan dan kos perbelanjaan operasi serta kos lain yang terlibat bagi projek yang berkaitan.

i. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti kajian/penilaian dilaksanakan terlebih dahulu oleh MDV terhadap kos yang dikemukakan oleh peminjam. Kelulusan margin pinjaman dibuat berdasarkan maklumat kos yang di kemukakan oleh peminjam. Skop *due deligence* yang dibuat juga tidak melibatkan kajian/penilaian mengenai kos sesuatu projek atau perolehan peralatan/aset. **Kesan daripada ketiadaan kajian dan penilaian kos projek menyebabkan pengurusan MDV tidak dapat menentukan sejauh mana pinjaman yang diluluskan merupakan kos yang relevan dan praktikal dengan projek yang akan dilaksanakan.**

ii. Pemeriksaan Audit pada 3 transaksi berjumlah RM11.17 juta mendapati tiada kajian/penilaian kos di laksanakan bagi perolehan peralatan dan pembinaan bangunan yang melibatkan syarikat subsidiari dan pengarah syarikat yang mempunyai kepentingan di dalam syarikat pembekal juga.

Risiko ke atas maklumat kos perbelanjaan yang dikemukakan oleh peminjam adalah tidak tepat.

iii. Perbandingan yang telah dilakukan di antara pinjaman yang ditawarkan oleh bank komersial dan MDV bagi perolehan peralatan *Steam Boiler Systems* dan *Fully Automatic Boiler System* mendapati kos perolehan peralatan tersebut adalah lebih tinggi berbanding bank komersial sejumlah RM1.34 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.11
PERBEZAAN KOS PEROLEHAN *BOILER SYSTEMS*
DI ANTARA BANK DAN MDV

KETERANGAN ASET	KOS (RM Juta)		PERBEZAAN HARGA (RM Juta)
	BANK (a)	MDV (b)	(a-b)
Steam Boiler System c/w Fully Welded Membrane Wall	6.2	7.5	1.3
Fully Automatic Boiler System	0.26	0.3	0.04
JUMLAH	**6.46**	**7.8**	**1.34**

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

Di dalam penilaian pemprosesan kami, MDV akan mengkaji keseluruhan kos untuk melaksanakan satu-satu projek termasuk perbelanjaan modal bagi perolehan mesin, peralatan, hardware, software, pembinaan bangunan dan kos perbelanjaan operasi serta kos lain yang terlibat bagi projek yang berkaitan. MDV tidak akan memberi pinjaman 100% kepada peminjam. MDV akan sentiasa meminta komitmen dari peminjam di dalam melaksanakan projek.

Kajian pada setiap kos dijalankan dan MDV akan menetapkan pembahagian kos yang akan diberi oleh peminjam serta komitmen dari peminjam. Pihak Divisyen Business Technology and Advisory telah pun melaksanakan satu prosedur bermula bulan September 2012 di mana segala kos-kos projek akan dianalisis untuk memastikan bahawa kos pinjaman adalah berpatutan.

Pada pendapat Audit, analisis kos yang dijalankan secara menyeluruh terhadap kos projek yang dikemukakan oleh peminjam, dapat memastikan kos projek adalah berpatutan. Oleh demikian, pengurusan MDV perlu

mengkaji semula prosedur penilaian pinjaman dengan mengambil kira elemen penilaian kos projek.

d. Pengeluaran (Disbursement) Pinjaman/Pembiayaan Pada Dokumen Yang Tidak Lengkap Dan Tempoh Invois Yang Lama

i. Mengikut *Comprehensive Operations Manual* (COMP) para *4.2.1 Financing Drawdown* menyatakan Portfolio Manager (PM) hendaklah memastikan semua dokumen berkaitan adalah lengkap sebelum pengeluaran pinjaman/pembiayaan. Para 3.2 COMP juga menghendaki CMD memastikan semua syarat-syarat berkaitan dipatuhi dan dokumen sokongan adalah lengkap.

ii. Semakan Audit ke atas 30 sampel dokumen *disbursement* mendapati 1 tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan 2 mengemukakan invois pembekal yang lama bagi tujuan *reimbursement* iaitu salinan invois yang melebihi tempoh 12 bulan sebelum tarikh *reimbursement*. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.12
***DISBURSEMENT* YANG TIDAK DISOKONG DENGAN DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP DAN TEMPOH INVOIS YANG LAMA**

NAMA PEMINJAM	NAMA PEMBEKAL	JUMLAH (RM Juta)	TARIKH DISBURSEMENT	KETERANGAN BAYARAN
A-Mavcap -428	DV586/PB/OE/ BC04/C05	0.67	28.09.2011	Bayaran *reimbursement* oleh MDV kepada peminjam ke atas tempoh invois yang lama dari syarikat pembekal bertarikh Oktober 2010.
A-Mavcap -218	22031	0.005	01 .06.2010	Bayaran *reimbursement* oleh MDV kepada peminjam ke atas tempoh invois yang lama dari syarikat pembekal bertarikh Mac 2009.
	A-Mavcap -218	0.075	12.01.2009	Bayaran *reimbursement* oleh MDV kepada peminjam tanpa dikemukakan invois/resit sebagai bukti pembelian 2 unit Highend Development Server.

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

MDV mengambil perhatian ke atas perkara yang telah dibangkitkan. Adakalanya terdapat situasi di mana jarak masa di antara permohonan pembiayaan sehingga ianya dapat memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan dalam Surat Tawaran mengambil masa yang agak lama. Ini menyebabkan pelanggan terpaksa menggunakan sumber kewangan yang lain untuk memastikan projek mereka tidak tergendala. Oleh yang demikian situasi reimbursement tidak dapat dielakkan sama sekali.

Walau bagaimanapun, MDV perlu menilai kes tersebut secara berasingan untuk memastikan tiada penyelewengan dan salah guna pembiayaan. Pada dasarnya, semenjak tahun 2011 MDV telah mengetatkan proses pemberian "reimbursement" iaitu pembiayaan kos yang telah dibayar oleh peminjam tidak boleh melebihi tiga (3) bulan kecuali dalam kes tertentu yang disokong dengan sebab-sebab yang kukuh.

Pada pendapat Audit, pengurusan MDV perlu menyiasat perkara ini dan meningkatkan semakan dokumen *disbursement* sebelum diluluskan untuk pembayaran. Ini bagi memastikan kawalan dalaman pembayaran dilaksanakan dan mengesahkan kewajaran pembayaran dibuat.

e. Pengiraan Pembayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan

i. Surat tawaran MDV kepada peminjam menyatakan tempoh bayaran balik pinjaman. Bayaran akan dibuat pada penghujung bulan selepas tamat tempoh *grace period.* Semakan Audit mendapati pengiraan tarikh bayaran balik adalah kurang tepat. Tarikh bayaran pinjaman yang sepatutnya matang sebelum akhir bulan, akan dikira pada hari terakhir di dalam bulan tersebut. Berlaku perbezaan jumlah hari dari 5 hingga 29 hari di antara tarikh bayaran matang yang sebenar dan tarikh pengiraan bayaran oleh bahagian terlibat.

ii. Berdasarkan maklum balas MDV, pengiraan kaedah tersebut adalah bagi memudahkan pengiraan *profit*/*interest,* penentuan dan pemantauan tarikh bayaran pinjaman. Ini disebabkan sistem perekodan dan pengiraan maklumat pinjaman masih dilaksanakan secara manual dengan menggunakan aplikasi *excel.* Sebagai contoh, tempoh bayaran pinjaman adalah selepas 90 hari dari tarikh *disbursement* iaitu pada 10 Januari 2012. Bagaimanapun pengiraan tempoh bayaran pinjaman yang ditetapkan ialah 30 April 2011 berbanding 10 April 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.13
KELEWATAN PENGIRAAN TARIKH BAYARAN BALIK PINJAMAN

NAMA PEMINJAM	TARIKH			LEBIHAN HARI
	DISBURSEMENT	BAYARAN SEBENAR TAMAT (a)	BAYARAN TAMAT (b)	(a-b)
A-Mavcap -276	04.03.2009	04.09.2009	30.09.2009	26
	23.03.2009	23.09.2009	30.09.2009	7
	14.04.2009	14.10.2009	31.10.2009	17
A-Mavcap -452	16.07.2012	16.04.2013	30.04.2013	14
	03.08.2012	03.05.2013	31.05.2013	27
	23.10.2012	23.07.2013	31.07.2013	8
A-Mavcap -328	13.10.2009	13.04.2010	30.04.2010	17
	24.02.2010	24.08.2010	31.08.2010	7

NAMA PEMINJAM	TARIKH			LEBIHAN HARI
	DISBURSEMENT	BAYARAN SEBENAR TAMAT (a)	BAYARAN TAMAT (b)	(a-b)
A-Mavcap -399	25.10.2010	25.07.2011	31.07.2011	6
	14.12.2010	14.09.2011	30.09.2011	16
A-Mavcap -351	19.03.2010	19.05.2010	31.01.2010	12
A-Mavcap -396	11.10.2010	11.11.2011	30.11.2011	19
A-Mavcap -447	10.07.2012	10.07.2013	31.07.2013	21
A-Mavcap -428	15.09.2011	15.03.2012	31.03.2012	16
	01.11.2011	01.04.2012	30.04.2012	29
	06.12.2011	06.06.2012	30.06.2012	24
A-Mavcap -410	03.12.2010	03.06.2011	30.06.2011	27

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

MDV mengambil perhatian ke atas pandangan yang diberikan. Walau bagaimanapun, cara pengiraan tersebut memberikan kelebihan dari segi kelonggaran kepada peminjam yang seterusnya dapat memudahkan aliran tunai mereka, di samping menjana pendapatan yang lebih kepada MDV, hasil daripada pinjaman pokok yang dijelaskan pada hari terakhir setiap bulan berbanding sekiranya pinjaman tersebut dijelaskan lebih awal. Seperti yang telah dinyatakan oleh pihak Jabatan Audit Negara, pendekatan di atas dapat ditukar dengan penggunaan sistem "ICFS" yang kini telah berada di tahap akhir untuk disiapkan.

Pada pendapat Audit, kelewatan pengiraan tarikh bayaran balik pinjaman boleh memberi gambaran yang tidak tepat berkaitan status akaun peminjam.

f. Pemantauan Terhadap Prestasi Peminjam

i. Berdasarkan polisi kredit, pengurusan MDV bertanggungjawab menjalankan kajian semula tahunan (annual review) terhadap kedudukan kewangan, pematuhan *condition precedent* yang di tetapkan serta membuat pemantauan sekiranya terdapat perubahan pada profil risiko pinjaman. *Annual review* dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali dalam tempoh 12 bulan. Bagaimanapun *annual review* akan dilaksanakan sebanyak 2 kali dalam tempoh 12 bulan (semi-annual) sekiranya akaun pinjaman perlu dibuat pemantauan yang lebih.

ii. Berdasarkan pemeriksaan Audit terhadap 34 sampel pinjaman yang dipilih mendapati *annual review* bagi 19 peminjam tidak dijalankan secara *regular* dalam tempoh 12 bulan. Manakala bagi 10 peminjam yang lain, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada *annual review*

pernah dilaksanakan kerana tiada bukti mengenainya. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.14
PINJAMAN YANG TIDAK DI LAKSANAKAN *ANNUAL REVIEW* DENGAN TERATUR DAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPL SEHINGGA 31 OKTOBER 2012

PEMINJAM	TARIKH PINJAMAN DI LULUSKAN	TARIKH TERAKHIR *ANNUAL REVIEW*	TARIKH MENJADI NPL	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)
A-Mavcap -403	16.03.2010	09.11.2011	31.07.2012	2.54
A-Mavcap -396	26.04.2010	26.04.2010	31.08.2012	1.07
A-Mavcap -259	11.09.2008	24.06.2010	31.07.2011	3.54
A-Mavcap -276	26.11.2009	TM	31.05.2011	4.55
A-Mavcap -094	10.03.2006	10.12.2007	30.09.2007	2.73
A-Mavcap -232	15.05.2008	TM	30.09.2010	0.54
A-Mavcap -218	17.12.2007	TM	29.02.2011	1.02
A-Mavcap -312	12.02.2009	17.01.2011	31.04.2012	7.94
A-Mavcap -372	11.02.2010	TM	30.06.2011	0.69
A-Mavcap -410	27.05.2010	TM	31.12.2011	0.12
A-Mavcap -290	10.12.2008	TM	31.04.2010	3.24
A-Mavcap -224	29.05.2008	02.03.2010	31.01.2012	1.44
A-Mavcap -328	21.08.2009	12.10.2010	29.02.2011	1.05
A-Mavcap -187	29.08.2007	TM	29.02.2010	12.2
JUMLAH				**42.67**

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

MDV mengambil maklum pandangan Jabatan Audit Negara. Untuk melaksanakan annual review sama ada sekali atau dua kali dalam tempoh 12 bulan, syarikat peminjam dikehendaki untuk memberi dokumen seperti akaun yang beraudit dan pengurusan kewangan bulanan dan status projek yang dibiayai oleh MDV. Penyebab utama annual review tidak dapat dijalankan pada masa yang ditetapkan adalah kerana maklumat-maklumat serta dokumen yang dikehendaki tidak diberikan kepada MDV oleh para peminjam dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pemantauan prestasi sentiasa dijalankan seperti pemantauan bulanan untuk pembayaran, pemantauan cagaran, insurans polisi dan sebagainya.

Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi perkara di atas dengan meletakkan annual review sebagai petunjuk prestasi utama kepada pekerja yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan annual review serta memastikan maklumat dan dokumen yang diperlukan diperolehi sebelum tarikh untuk annual review.

Pada pendapat Audit, *annual review* perlu dilaksanakan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan di dalam Polisi Kredit MDV sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 12 bulan. Kegagalan melaksanakan *annual review* mengikut tempoh yang ditetapkan boleh mengakibatkan pihak pengurusan MDV dan Lembaga Pengarah tidak dapat mengesan status atau prestasi setiap peminjam dengan sewajarnya dan tindakan susulan yang lebih awal tidak dapat diputuskan.

g. Polisi Insurans Bagi Pinjaman/Pembiayaan Oleh MDV

Polisi MDV menetapkan setiap peminjam dikehendaki mempunyai pelindungan insurans yang mencukupi di mana peminjam akan menginsurankan aset dan peralatan terhadap semua risiko (all risk). Berdasarkan minit mesyuarat *Board Risk Management Committee* (BRMC) Bil. 13 bertarikh 23 Disember 2010 peminjam perlu mengambil perlindungan insurans yang mencukupi terhadap semua aset dan peralatan yang dibiayai oleh MDV. Sekiranya peminjam gagal untuk mengambil insurans di dalam tempoh yang ditetapkan, pengurusan MDV akan mengambil insurans terlebih dahulu dan kemudian kos insurans akan ditanggung oleh peminjam. Peminjam diberi pilihan sama ada untuk mengambil polisi insurans sendiri atau melalui panel insurans MDV. Semakan Audit terhadap sampel pinjaman/pembiayaan yang diluluskan mendapati perkara berikut:

i. Peminjam Yang Tidak Menamakan MDV Sebagai Benefisiari

Semakan Audit ke atas senarai insurans MDV sehingga 31 Disember 2012 mendapati polisi insurans bagi 8 peminjam berjumlah RM104.85 juta tidak menamakan MDV sebagai benefisiari; hanya nama peminjam dicatatkan di dalam polisi insurans. Ini boleh menyebabkan risiko MDV tidak mempunyai hak tuntutan ganjaran sepenuhnya ke atas aset dan peralatan yang dibiayai sekiranya berlaku sebarang kehilangan/ kerosakan. Pegawai bertanggungjawab hendaklah memastikan nama MDV dicatatkan sebagai benefisiari di dalam polisi insurans. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.15
PEMINJAM YANG TIDAK MENAMAKAN MDV SEBAGAI BENEFISIARI

PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN/PEMBIAYAAN (RM Juta)
A-Mavcap -428	5.00
A-Mavcap -236	15.00
A-Mavcap -442 & 443	3.00
A-Mavcap -327	35.00
A-Mavcap -096	15.00
A-Mavcap -446	15.40

PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN/PEMBIAYAAN (RM Juta)
A-Mavcap -299	10.80
A-Mavcap -372	1.65
A-Mavcap -273 & 326	4.00
JUMLAH KESELURUHAN	**104.85**

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

MDV mengambil maklum pandangan ini. Dalam semua keadaan MDV akan memastikan insurans yang diambil perlu menamakan MDV sebagai benefisiari. Namun begitu terdapat juga situasi yang menyukarkan pihak MDV untuk dinamakan sebagai benefisiari seperti apabila terdapat lebih daripada satu institusi kewangan yang terlibat dalam membiayai projek peminjam.

h. *Non Performing Loans* (NPL)

Mengikut perenggan 5.0, *Comprehensive Operations Manual and Process* (COMP) MDV, sesuatu akaun pinjaman akan diklasifikasikan sebagai NPL apabila bayaran balik pinjaman tertangguh melebihi tempoh 6 bulan dari tarikh sepatutnya pinjaman dibayar atau pengurusan MDV menentukan bahawa pinjaman/pembiayaan yang telah diberikan tidak dapat dikutip. Surat tawaran yang dikemukakan kepada peminjam juga menyatakan tempoh bayaran balik pinjaman yang perlu dibayar oleh peminjam. Tempoh maksimum bayaran pinjaman/pembiayaan yang ditetapkan adalah sehingga 120 bulan (10 tahun) berdasarkan penilaian pinjaman/pembiayaan oleh MDV.

i. Prestasi NPL MDV

Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 55 pinjaman telah dikategorikan sebagai NPL dengan jumlah RM307.80 juta. Semakan Audit mendapati bilangan ini meningkat dari tahun ke tahun di mana sebanyak 30 pinjaman telah dikategorikan sebagai NPL pada tahun 2011 berbanding 11 dan 14 pinjaman pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun nilai NPL adalah berkurangan setiap tahun dari RM182.4 juta pada tahun 2009 kepada RM61.8 juta pada tahun 2011.

Punca utama pertambahan bilangan NPL berlaku kerana masalah dalaman syarikat peminjam seperti masalah aliran tunai, kontrak ditamatkan, projek di tangguhkan, kelewatan pembayaran dari *sponsor*, penipuan projek dan masalah pada pengurusan syarikat. Selain itu,

kesan kemelesetan ekonomi dunia juga menyebabkan pinjaman menjadi NPL. Kesan peningkatan bilangan akaun NPL ini menyebabkan MDV perlu menyediakan peruntukan hutang lapuk dan ini boleh menjejaskan kedudukan kewangan MDV. Kedudukan NPL sehingga 31 Mac 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 29.16
PINJAMAN MENJADI NPL BAGI 3
TAHUN KEWANGAN SEHINGGA 31 MAC 2012

TAHUN	BIL. PINJAMAN MENJADI NPL	NILAI PINJAMAN MENJADI NPL (RM Juta)
2009/2010	11	182.40
2010/2011	14	63.60
2011/2012	30	61.80
JUMLAH	**55**	**307.80**

Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi 17 sampel akaun NPL yang dipilih berjumlah RM174.31 juta, 3 akaun (17.7%) NPL telah di hapus kira berjumlah RM127.1 juta, 8 akaun (47.1%) berjumlah RM17.94 juta diambil tindakan undang-undang dan 6 akaun (35.3%) berjumlah RM29.27 juta masih dalam proses perundingan bagi menjadualkan semula bayaran balik hutang kepada MDV. Daripada 17 akaun NPL, 4 (35.3%) daripadanya melibatkan pinjaman MDV dengan syarikat-syarikat tempatan yang membuat pelaburan di luar negara dengan baki hutang berjumlah RM138.71 juta.

Tempoh proses pemulihan dan penyelesaian akaun NPL mengambil masa kerana rundingan yang panjang dengan peminjam yang mengemukakan pelbagai pelan perancangan untuk menyelesaikan hutang tertunggak, masalah perundangan yang berbeza bagi projek yang dilaksanakan di luar negara dan proses perundangan yang mengambil masa yang panjang.

Pada pendapat Audit, pengurusan MDV perlu menyediakan prosedur spesifik bagi kelulusan pinjaman bagi projek yang dilaksanakan di luar negara kerana risiko pinjaman adalah berbeza dan lebih tinggi berbanding di dalam negara.

ii. Pinjaman/Pembiayaan Yang Mempunyai Lebih Daripada Satu Akaun NPL

Polisi Kredit MDV membenarkan kelulusan pinjaman/pembiayaan baru kepada peminjam sedia ada dengan syarat pinjaman/pembiayaan sedia ada adalah aktif dan tidak diklasifikasikan sebagai NPL. Bagaimanapun perenggan 19.0 (d) memberi pengecualian terhadap polisi kredit di atas seperti keadaan berikut:

- Pengarah Sedia Ada (Common Director) mempunyai pegangan saham yang kecil di dalam syarikat-syarikat berkaitan (related parties);
- syarikat yang dikategorikan sebagai NPL tidak mempunyai kuasa untuk menentukan polisi dan operasi perniagaan bagi pihak-pihak tertentu; dan
- kedudukan kewangan *related parties* adalah di dalam keadaan yang baik.

Semakan Audit mendapati sehingga 31 Oktober 2012, sebanyak 31 peminjam mempunyai lebih daripada 1 akaun pinjaman di antara 2 atau 3 *project line* berjumlah RM301.61 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak 11 (35.5%) peminjam berjumlah RM63.47 juta telah dikelaskan sebagai NPL. Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati pada setiap *project line* untuk 10 peminjam telah diklasifikasikan sebagai NPL pada tahun yang sama walaupun setiap *project line* ini diluluskan pada tahun yang berbeza.

Semakan lanjut terhadap 11 peminjam NPL di atas, pengurusan MDV telah meluluskan pinjaman baru ketika pinjaman sedia ada masih berstatus aktif. Daripada jumlah bilangan ini, 5 peminjam melaksanakan kontrak/projek daripada *sponsor* yang sama dan baki 6 peminjam lagi daripada *sponsor* yang berbeza.

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

Syarikat yang mempunyai lebih dari satu akaun pinjaman berlaku kerana syarikat ini mempunyai lebih dari satu kontrak atau projek yang sama dari segi skop perlu dilaksanakan. Untuk syarikat yang mempunyai lebih dari satu akaun pinjaman, pihak MDV akan menganalisis setiap pinjaman. Jika kegagalan syarikat kerana tidak dapat melaksanakan projek dilihat kegagalan teknikal atau kerana pengambilan wang terus dan tidak dibayar kepada MDV, maka MDV akan mengklasifikasikan kesemua pinjaman sebagai NPL. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

(a) mesyuarat tentang pengajaran (post-mortem) dari apa yang berlaku terhadap NPL telah dan akan sentiasa disalurkan kepada pekerja-pekerja bahagian kredit dan keseluruhan pekerja yang dipertanggungjawabkan; dan

(b) Jabatan Pemantauan Portfolio (PMD) telah ditubuhkan. Penubuhan PMD adalah bertujuan untuk meningkatkan aktiviti pemantauan

dan penyeliaan portfolio yang masih aktif dan berstatus bukan NPL/NPF ("Non-NPL/NPF").

Pada pendapat Audit, pengurusan MDV perlu mewujudkan mekanisme kawalan tambahan kepada syarikat yang mempunyai lebih dari satu pinjaman untuk memastikan pinjaman/pembiayaan dipantau dengan rapi.

iii. Tindakan Litigasi Selepas Pinjaman Dihapus Kira

Mengikut Polisi Kredit MDV, kelulusan hapus kira adalah untuk peminjam berstatus NPL yang tidak dapat membuat bayaran balik selepas segala tindakan pemulihan (recovery) telah dilaksanakan atau hutang peminjam tidak lagi mempunyai sebarang nilai di dalam tempoh terdekat. *Practise Note* MDV NO. 03/2010 – *Guidelines For Write-Off* menyatakan kriteria hapus kira adalah seperti berikut:

- semua tindakan undang-undang terhadap peminjam dan penjamin untuk mendapatkan baki tertunggak telah di laksanakan atau;
- peminjam dan penjamin tidak memiliki lagi apa-apa aset yang boleh di ambil dan telah diisytiharkan bankrap atau operasi syarikat telah tutup atau;
- jumlah tunggakan adalah terlalu kecil dan tidak ekonomik untuk di teruskan dengan tindakan undang-undang; atau
- peruntukan penuh hutang lapuk telah dibuat dan tiada bayaran diterima di dalam tempoh 12 bulan.

Di dalam *Practise Note* MDV NO. 03/2010 menetapkan tindakan hapus kira bagi pinjaman melebihi RM500,000 hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah manakala di bawah RM500,000 diluluskan oleh *Board Financing Committee. Asset Management Department* bertanggungjawab untuk meneruskan tindakan litigasi terhadap peminjam yang telah dihapus kira sehingga selesai. Semakan Audit mendapati kelulusan untuk menghapus kira 24 pinjaman tidak berbayar berjumlah RM269 juta telah diperoleh melalui mesyuarat Lembaga Pengarah.

Bagaimanapun semakan Audit selanjutnya mendapati tindakan litigasi terhadap 3 daripada 24 pinjaman yang telah dihapus kira berjumlah RM7.49 juta masih dalam tindakan penguatkuasaan penghakiman. Status terkini tindakan litigasi yang diambil pengurusan MDV adalah di dalam proses melaksanakan penggulungan dan kebankrapan terhadap syarikat dan penjamin. Di samping itu di dapati MDV masih meneruskan usaha-

usaha untuk mendapatkan semula hutang tertunggak walaupun pinjaman telah dihapus kira.

Semakan Audit di Jabatan Insolvensi Malaysia sehingga 31 Disember 2012 mendapati 5 daripada 24 peminjam yang telah dihapus kira pinjamannya masih belum diisytiharkan bankrap.

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

MDV mengambil maklum pandangan yang diberikan oleh Audit. Walaupun pinjaman-pinjaman yang telah dihapus kira, pihak MDV ingin menyatakan bahawa tindakan undang-undang masih berjalan. MDV bersetuju dengan pendapat Audit untuk memberi lebih perhatian dan mempercepatkan tindakan litigasi terhadap penjamin-penjamin yang masih belum diisytiharkan bankrap tetapi ini juga adalah tertakluk kepada jangka masa pihak mahkamah yang menetapkan tarikh kes-kes ini untuk dibicarakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan MDV perlu mempercepatkan tindakan litigasi terhadap semua pinjaman yang telah dihapus kira bagi memastikan peminjam dikenakan tindakan sewajarnya seperti yang ditetapkan oleh mahkamah.

iv. Pinjaman Menjadi NPL Kurang Dari 1 Tahun Dari Tarikh *Disbursement* Pertama

Semakan Audit mendapati sehingga 31 Oktober 2012 sebanyak 9 pinjaman berjumlah RM22.82 juta telah diklasifikasikan menjadi NPL kurang 12 bulan dari tarikh *disbursement* pertama. Bagi tahun 2008, 1 pinjaman berjumlah RM0.7 juta telah menjadi NPL dalam tempoh 8 bulan dari tarikh *disbursement* pertama. Ini merupakan tempoh paling singkat pinjaman diklasifikasikan sebagai NPL. Seterusnya bagi tahun 2009 dan 2010, masing-masing mempunyai sebanyak 3 dan 4 akaun pinjaman yang menjadi NPL dengan jumlah RM18.96 juta dan RM3.03 juta serta 1 akaun pinjaman berjumlah RM0.13 juta pada tahun 2011. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, tempoh akaun pinjaman menjadi NPL adalah di antara 10 hingga 12 bulan dari tarikh *disbursement* pertama. Berdasarkan maklum balas MDV, NPL yang berlaku dalam tempoh kurang dari 12 bulan adalah disebabkan hasil kontrak tidak dibayar terus kepada MDV tetapi telah diguna pakai oleh peminjam, Kontrak yang tidak dapat dilaksanakan kerana perubahan pada spesifikasi oleh penaja projek dan Syarikat peminjam tidak dapat memberi komitmen mereka untuk menampung kenaikan kos yang tinggi.

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

MDV sentiasa mengadakan mesyuarat bagi mengkaji sebab-sebab berlakunya NPL dalam tempoh 12 bulan dan akan memastikan pengajaran yang dapat dipelajari tidak diulangi. Pemantauan prestasi yang berterusan dijalankan oleh bahagian pemantauan projek untuk melihat dan menganalisis status projek.

Pada pendapat Audit, sebaik sahaja pinjaman ini menjadi NPL, pengurusan MDV hendaklah memberi keutamaan untuk mengkaji sebab pinjaman dikelaskan menjadi NPL di dalam masa yang singkat iaitu dalam tempoh 12 bulan dari tarikh *disbursement* pertama. Perkara ini membolehkan pengurusan MDV mengambil tindakan sewajarnya dengan lebih awal dan boleh mengurangkan risiko kerugian kepada MDV pada masa akan datang.

i. Penubuhan Jawatankuasa Syariah MDV

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 19/2010 telah meminta pengurusan MDV untuk melantik Penasihat Syariah bagi memastikan pematuhan kepada aspek Syariah dalam setiap pembiayaan yang diluluskan. Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 21/2010 telah bersetuju dengan cadangan pengurusan MDV untuk bekerjasama dengan panel Syariah di Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) di mana kerjasama ini memerlukan pengurusan MDV untuk melantik seorang pegawai Syariah sebagai penyelaras di antara MDV dengan panel syariah BPMB.

Semakan Audit mendapati panel syariah BPMB telah menerima cadangan di atas. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, tiada langkah susulan di ambil oleh MDV untuk melantik pegawai Syariah sepertimana kelulusan Jawatankuasa Audit pada 23 November 2010. Berdasarkan maklum balas, pengurusan MDV telah menggunakan perkhidmatan daripada *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM) sebagai konsultan bagi memantau dan memberi nasihat pembiayaan serta membuat penyemakan dokumen-dokumen pembiayaan. Bagaimanapun kekerapan semakan dokumen-dokumen dibuat sekali dalam tempoh 1 tahun.

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

MDV sentiasa mengikuti prinsip-prinsip dalam Garis Panduan Bank Negara Malaysia sebagai amalan "best practice". Rangka kerja tadbir urus Syariah yang diamalkan oleh MDV adalah untuk menggunakan perkhidmatan

daripada Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) sebagai konsultan bagi memantau dan memberi nasihat pembiayaan berasaskan prinsip Syariah serta membuat penyemakan dokumen-dokumen pembiayaan.

MDV telah menggunakan penasihat Syariah yang berpengalaman dan terkenal di dalam pasaran. Mesyuarat Rancangan Tahunan MDV 2011/2012, MDV telah memutuskan untuk menangguhkan cadangan pelantikan pegawai Syariah dan justeru itu kerjasama dengan BPMB kerana pada masa itu rangka kerja sedia ada merupakan lebih Value For Money.

Pada pendapat Audit, penubuhan panel Syariah akan dapat mewujudkan tadbir urus Syariah yang lebih kukuh dan pematuhan Syariah dalam operasi organisasi.

j. Sistem Maklumat Berkomputer - *Integrated Core Financing Solution* (ICFS)

i. Objektif sistem maklumat berkomputer *Integrated Core Financing Solution* (ICFS) diperkenalkan adalah bagi menggantikan sistem operasi kerja secara manual. Penggunaan sistem berkomputer akan dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja. Pada bulan Ogos tahun 2010, MDV telah melantik syarikat yang dipilih dengan nilai kontrak RM3.45 juta bagi tempoh 8 bulan mulai September 2010 hingga April 2011.

ii. Mengikut perjanjian, tarikh projek sepatutnya disiapkan pada April 2011. Bagaimanapun, terpaksa ditangguhkan kepada bulan Julai 2011. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2012, sistem ICFS masih belum digunakan oleh MDV. Berdasarkan maklum balas MDV, kelewatan ini disebabkan oleh terdapat permintaan pindaan (Change Request) pada program pengiraan *interest in-suspense* oleh pihak MDV untuk mengambil kira jumlah *interest/profit* bagi akaun-akaun yang telah *non performing* berdasarkan FRS 139 yang baru diguna pakai dan masalah teknikal di dalam proses pemindahan data.

iii. Semakan Audit terhadap bayaran kemajuan mendapati sehingga 31 Disember 2012, MDV telah membayar sejumlah RM3.11 juta (90.9%) daripada keseluruhan kos projek bernilai RM3.42 juta. Baki bayaran projek berjumlah RM0.31 juta (0.9%) bagi item *'Systems Administrator & Technical Manual, Project Closure Reports and Other Documentation'* masih di tahan memandangkan sistem ICFS belum dapat digunakan sepenuhnya.

iv. Pada bulan Mac 2012, MDV telah menandatangani satu perjanjian baru dengan pihak vendor berjumlah RM0.3 juta bagi tempoh 2 tahun. Perjanjian ini di namakan sebagai *Provision of Application Management Services* (AMS) *for MDV's ICFS.* Perjanjian ini adalah bagi menyediakan latihan ICFS kepada pegawai/kakitangan MDV selama 100 hari setahun, penambahan sub-modul baru dan kerja penyenggaraan terhadap modul-modul yang terdapat di dalam sistem ICFS. Tempoh kontrak bermula pada tarikh perjanjian di tandatangani dan akan diperbaharui selepas tempoh 2 tahun sekiranya perkhidmatan vendor masih diperlukan.

Semakan Audit mendapati perjanjian tersebut tidak menyatakan dengan jelas klausa tindakan yang boleh diambil oleh MDV sekiranya tempoh latihan pegawai/kakitangan tidak dapat digunakan sepenuhnya selama 100 hari setahun. Selain itu, tempoh latihan dan kerja penyelenggaraan bagi tempoh setahun telah bermula pada tarikh perjanjian di tandatangani dan akan tamat pada bulan Mac 2013 walaupun sistem ini masih belum digunakan.

Maklum Balas Malaysia Debt Ventures Berhad Yang Diterima Pada 31 Mei Dan 27 Jun 2013

Pihak MDV telah mengenal pasti faktor utama sistem ICFS tidak dapat digunakan lagi kerana pemindahan data atau "data migration" dari sistem legasi belum lagi siap dijalankan. Proses pemindahan data ini telah mengambil masa yang agak lama kerana kerumitan dari segi kuantiti data transaksi yang banyak, dahulunya dari Excel spreadsheet. Ini menyebabkan proses pemindahan yang terpaksa dilakukan secara manual.

Walau bagaimanapun, dengan pemantauan yang lebih dekat oleh pihak pengurusan MDV, proses pemindahan data ini telah dapat dipercepatkan dengan proses re-migration baru (berciri balances uploading) yang kini sudah lebih 50% siap sejak dimulakan pada 13 Mei 2013. Proses ini dijangka 100% siap pada akhir Jun 2013. Berkenaan perjanjian AMS, vendor bersetuju untuk membawa peruntukan man-days yang tertakluk di dalam kontrak AMS yang mana tidak digunakan pada tahun 2012 kepada tahun 2013. Peruntukan di bawah perjanjian AMS bagi tahun 2011/2012 masih lagi boleh diguna pakai dan tiada kerugian kerana pihak MDV masih lagi tidak membuat apa-apa bayaran di bawah perjanjian tersebut.

Pada pendapat Audit, penggunaan ICFS dapat meningkatkan kecekapan pengurusan pinjaman. Oleh itu, pengurusan MDV perlu memantau rapi proses *re-migration* untuk memastikan sistem dapat digunakan secara optimum dalam masa terdekat. Bagi latihan di bawah AMS dilaksanakan sepenuhnya, pengurusan MDV perlu mengadakan klausa melalui satu

perjanjian tentang tindakan yang boleh di ambil sekiranya latihan tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya akibat kegagalan sistem ICFS berfungsi.

29.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peranan MDV sebagai institusi kewangan yang menyediakan kemudahan pinjaman/pembiayaan yang lebih cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan MDV mempertimbangkan perkara berikut:

29.6.1. pihak pengurusan MDV perlu menetapkan syarat tambahan sekiranya permohonan pinjaman tidak menepati kriteria asas untuk kelulusan pinjaman bagi menjaga kepentingan MDV pada masa hadapan;

29.6.2. pihak pengurusan MDV perlu meningkatkan pemantauan dan penyeliaan untuk memastikan *annual review* dilaksanakan terhadap semua pinjaman/ pembiayaan selaras dengan polisi kredit MDV;

29.6.3. bagi memastikan sistem ICFS dapat digunakan secara optimum di dalam masa terdekat, pengurusan MDV perlu memantau rapi proses *re-migration* data. Di samping itu, pengurusan MDV perlu mengadakan klausa melalui satu perjanjian tambahan berkenaan latihan di bawah AMS sekiranya ia tidak dilaksanakan sepenuhnya di dalam tempoh kontrak;

29.6.4. pengurusan MDV perlu mewujudkan mekanisme kawalan tambahan kepada syarikat yang mempunyai lebih dari satu pinjaman serta memberi keutamaan untuk mengkaji sebab pinjaman dikelaskan menjadi NPL di dalam masa yang singkat. Ini untuk memastikan pinjaman/pembiayaan dipantau dengan rapi dan mengambil tindakan sewajarnya dengan lebih awal;

29.6.5. bagi memastikan kepentingan MDV terjamin di dalam tuntutan ganjaran ke atas aset dan peralatan yang dibiayai sekiranya berlaku sebarang kehilangan/ kerosakan, nama MDV di catatkan sebagai benefisiari di dalam polisi insurans;

29.6.6. pengurusan MDV menyediakan prosedur spesifik untuk kelulusan pinjaman bagi projek yang dilaksanakan di luar negara; dan

29.6.7. pengurusan MDV perlu mengkaji semula prosedur pinjaman untuk mengambil kira elemen penilaian kos projek.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 361-379 Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 2

30. RUMUSAN TERHADAP PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN SECARA MENYELURUH

Berdasarkan kepada analisis terhadap prestasi kewangan syarikat Kerajaan secara menyeluruh, didapati sebilangan syarikat telah menunjukkan prestasi yang baik dan mencatat keuntungan secara berterusan. Bagaimanapun, masih ada sebilangan syarikat yang tidak menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan di mana ada yang rugi berterusan setiap tahun ataupun memperolehi keuntungan yang tidak konsisten. Ini mengakibatkan sebilangan besar syarikat tidak dapat memberi pulangan yang dijangkakan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan syarikat Kerajaan bagi memastikan matlamat Kerajaan mewujudkan syarikat tersebut dapat dicapai. Selain itu, wakil Kementerian Kewangan dalam semua Lembaga Pengarah syarikat perlu mengemukakan Laporan Prestasi Pengurusan ke Bahagian Menteri Kewangan Diperbadankan untuk dianalisis. Bagi membolehkan wakil Kerajaan menjalankan tugasnya dengan berkesan, keahlian mereka dalam Lembaga Pengarah syarikat dihadkan selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985. Pemilihan wakil Kerajaan juga perlu berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran mereka berkaitan dengan urusan syarikat.



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih terdapat kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan di dalam Laporan ini daripada berulang:

a. memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/ aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan;

b. berdasarkan pengauditan yang dijalankan, adalah didapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek yang berpunca daripada kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos program/aktiviti/projek meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai kaedah terbaik (best value for money) bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya:

    i. pelaksanaan projek Kerajaan secara *design and build* dikaji semula memandangkan pelaksanaan projek seumpama ini melibatkan kos yang lebih tinggi berbanding dengan projek secara konvensional. Sehubungan ini, adalah dicadangkan supaya hanya projek yang kompleks dan memerlukan kepakaran tertentu sahaja dibenar menggunakan kaedah ini. Perbendaharaan Malaysia dikehendaki mengeluarkan garis panduan pelaksanaan projek secara *design and build.* Selain itu, bagi menjamin

kepentingan Kerajaan, perunding bagi projek secara *design and build* perlu dilantik oleh Kerajaan. Di samping itu, Kementerian Kewangan perlu mengeluarkan peraturan dan arahan Kewangan bagi memasukkan klausa dalam dokumen tender bagi membolehkan Kerajaan mengeluarkan item-item yang terlalu mahal daripada harga pasaran dan dibuat perolehan melalui kaedah berasingan;

ii. kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknik. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat nilai kaedah terbaik (best value for money);

iii. *integrated planning* antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran serta Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas;

iv. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina mematuhi standard dan kos yang telah ditetapkan;

v. bagi membendung masalah program/aktiviti/projek Kerajaan gagal dilaksanakan akibat daripada ketidakupayaan kontraktor sama ada dari segi kewangan atau kepakaran, adalah disyorkan supaya syarikat yang ingin menyertai sesuatu perolehan Kerajaan diminta mengemukakan maklumat mengenai modal berbayar dan kedudukan kewangannya untuk tempoh 3 tahun serta senarai kontrak Kerajaan dan swasta yang sedang dan akan dilaksanakannya. Syarikat juga diminta untuk memaklumkan pengalamannya dalam bidang yang ingin ditawarkannya. Semua maklumat yang dikemukakan ini hendaklah disokong dengan perakuan bersumpah oleh syarikat berkenaan. Maklumat ini perlu dipertimbangkan semasa membuat pemilihan kontraktor;

vi. berhubung dengan masalah peralatan yang diperolehi tidak digunakan sama ada kerana bangunan belum disiapkan/peralatan tidak sesuai/peralatan dibeli berlebihan/tidak diperlukan, adalah disyorkan perkara berikut:

- pandangan pengguna hendaklah diambil kira semasa menyediakan spesifikasi kontrak berhubung dengan perolehan peralatan; dan

- perolehan peralatan hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan. Bagi tujuan ini, jadual bekalan peralatan perlu disediakan bagi mengelakkan peralatan yang tidak dapat digunakan terdedah kepada kerosakan dan kecurian serta tempoh waranti tamat sebelum digunakan.

vii. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius terhadap tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyeliaan. Rekod mengenai aset perlulah sentiasa dikemaskini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan *accrual accounting* menjelang tahun 2015;

viii. tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian; dan

ix. tindakan yang tegas juga patut diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk memantau/menyelia sesuatu program/aktiviti/projek seperti mengenakan penalti/menyenaraihitamkan perunding tersebut daripada terlibat dengan projek Kerajaan yang lain. Sehubungan ini, perjanjian dengan perunding hendaklah memasukkan peruntukan berhubung dengan tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.


c. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah**.

Jabatan Audit Negara
Putrajaya

25 Julai 2013



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2013
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773
WJD001420



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

www.audit.gov.my